Mukadimah

KHALDUN

مقدمة ابن خلدون

Mukadimah

مقدمة ابن خلدون

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2002

Buku ini *Mukadimah Ibn Khaldun* ialah terjemahan yang sah daripada buku Arab *Muqaddimah Ibnu Khaldun*.

Cetakan Pertama 1993
Cetakan Kedua 1995
Cetakan Ketiga 2000
Cetakan Keempat 2002

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ibn Khaldun, 1332-1406
[Kitab al-'ibar. Muqaddimah. Malay]
Mukadimah Ibn Khaldun
Mengandungi indeks
ISBN 983-62-3952-9
1. Political science--Early works to 1800. 2. Civilization.
3. History--Philosophy. 4. World history--Early works to 1800.
I. Judul.
909.3

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan

Mukadimah

Ibn KHALDUN

مقدمة ابن خلدون

KANDUNGAN

*DENGAN NAMA ALLAH, YANG MAHA PENGASIH, LAGI MAHA PENYAYANG

***SEORANG** hamba yang mengharap rahmat Allah Yang Kaya bernama Abd-ar-Rahman bin Muhammad Khaldun al-Hadrami – semoga Allah Taala memberinya taufik berkata:

> Segala puji bagi Allah! Yang Maha Berkuasa dan Maha Besar. Ditangan-Nya, Dia menggenggam kekuasaan bumi dan kerajaan malakut. Dia mempunyai nama-nama yang indah-indah dan sifat-sifat yang bagus-bagus. Dia Yang Maha Mengetahui. Sehinggakan, tiada sesuatu apa pun sama ada yang terungkapkan oleh bisikan rahsia, atau yang terselip tak dikatakan yang tersembunyi daripada pengetahuan-Nya. Dia Yang Maha Kuasa sehinggakan tiada sesuatu pun yang ada di langit dan di bumi, akan terlepas daripada kekuasaan-Nya.
>
> Dia menciptakan kita daripada tanah, makhluk yang bernafas. Dia menempatkan kita di muka bumi ini berlainan keturunan dan berbangsa-bangsa. Dari bumi itu, Dia telah memberi rezeki, dan khazanah. Rahim ibu-ibu kita, dan rumah-rumah menjadi kediaman kita. Rezeki dan makanan membenarkan kita terus hidup. Hari dan waktu yang berlalu itu menguji kita. Batas-batas kematian yang telah ditulis untuk kita di dalam Buku Takdir, dengan setia membayangi kita. Namun Dia Kekal dan Abadi. Dialah Tuhan yang tidak akan mati.
>
> Selawat dan salam ke atas junjungan kita, Muhammad s.a.w. nabi berbangsa Arab. Yang namanya disebut dan

---

* Terjemahan berpandukan teks edisi bahasa Inggeris. Suntingan didasarkan pada teks edisi bahasa Indonesia iaitu terjemahan daripada edisi Arab/Inggeris.

[*] Teks 'gugur' edisi bahasa Indonesia/Inggeris dikekalkan – Editor.

dituliskan di dalam Taurat dan Injil. Yang untuk melahirkannya dunia telah berasakan begitu sakit, sebelum hari-hari Ahad dan hari-hari Sabtu silih berganti, dan sebelum Saturn atau Zuhal dan Yahamut[1] saling menjauh.

Burung merpati dan labah-labah bersaksi akan kebenarannya.

Selawat dan salam juga tercurah kepada keluarga dan sahabat-sahabatnya yang dengan menjadi sahabat dan pengikut-pengikutnya, memperoleh banyak pengaruh dan kemasyhuran. Dengan menyokongnya, mereka beroleh perpaduan, sementara musuh-musuh mereka mengalami perpecahan.

Semoga Allah mencucuri rahmat ke atasnya, dan kepada para sahabat, selagi agama Islam diterima umum. Mereka yang ingkar akan merasai padahnya. Rahmat Allah yang berganda-ganda ke atas mereka itu!*

---

1 Pada *hamisy* teks *Muqaddimah* disebutkan: *Yahamut* bererti ikan paus atau *Nun*. Sedangkan di dalam *Al-Mazhar* dan *Ruh al-Bayaan*, Yehemoth juga bererti *lotia*. Kita kenal bahawa Yehemoth dengan Saturn atau Zuhal sangat jauh jaraknya. Zuhal berada di dalam falak yang ketujuh. Asy-Syihab al-Khafaji menyebutkan pada catatan kaki *Tafsir al-Baidhawi*, pada awal Surat Nun: Yehemoth yang kadang ditulis dengan Behemoth, salah. Yang benar adalah Yehemoth. Demikian pula disebutkan di dalam *Ruh al-Bayaan*. Namun F. Rosenthal menyebutkan *Behemoth*, lihat *The Muqaddimah*, New York, 1967.

AMMA BA‘DU

SEJARAH adalah disiplin ilmu yang dipelajari secara luas oleh banyak bangsa dan kaum. Masyarakat umum mempunyai semangat yang tinggi untuk mengetahuinya. Para Raja dan pemimpin-pemimpin pula berlumba-lumba untuk memahaminya.

Tidak dapat dinafikan ramai orang terpelajar dan yang kurang cerdik dapat memahaminya. Sebab, pada permulaannya sejarah tidak lebih daripada sekadar keterangan tentang peristiwa-peristiwa politik, negara-negara, dan kejadian-kejadian masa lampau yang ditampilkan dengan pelbagai bentuk ungkapan dan perumpamaan. Ia berusaha untuk memuaskan ramai orang, berasak-asak dan berkumpul untuk memahami hal ehwal kemanusiaan. Ia membuktikan bagaimana keadaan membentuk perubahan (hal ehwal manusia), bagaimana dinasti-dinasti tertentu memperluas wilayahnya, dan bagaimana mereka memakmurkan bumi sehingga waktu mereka telah tiba untuk melakukan suatu perjalanan yang jauh.

Pada hakikatnya sejarah, dalam kata lainnya, mengandungi penelitian dan usaha mencari kebenaran (*tahqiq*), penjelasan yang halus tentang sebab dan asal benda; pengertian dan pengetahuan tentang substansi, esensi, dan pengetahuan tentang bagaimana dan sebab terjadinya peristiwa-peristiwa. Dengan demikian, sejarah benar-benar berakar tunjang dalam falsafah. Ia patut dianggap sebagai salah satu cabangnya.

---

* Terjemahan berpandukan teks disi bahasa Inggeris. Suntingan didasarkan pada teks edisi bahasa Indonesia iaitu terjemahan daripada edisi bahasa Arab/ Inggeris.

[*] Teks ‘gugur’ edisi bahasa Indonesia dikekalkan – Editor.

Para sejarawan Islam yang terkemuka telah membuat pengumpulan yang bersungguh-sungguh tentang peristiwa sejarah dan menuliskannya ke dalam buku. Malangnya, mereka yang sepatutnya tidak berhak mencampuri sejarah telah memasukkan perkara-perkara tidak benar, yang sengaja direka-rekakan dan yang palsu, laporan yang tidak sahih sebagai menyedapkan kisah. Pewaris mereka mengikuti tingkah laku itu dan menyampaikan maklumat itu kepada kita sebagaimana mereka telah mendengarnya. Mereka tidak pula berusaha untuk melihat, atau memerhatikan sebab kejadian-kejadian dan keadaan-keadaan itu berlaku atau membuang atau menolak cerita-cerita yang tidak masuk akal itu. Kajian yang dilakukan kurang sedikit, sedangkan ulasan yang adapun lemah dan dangkal. Kekeliruan dan andaian yang tidak berdasar menjadi akrab dan menjadi elemen-elemen yang biasa di dalam maklumat sejarah. Taklid buta mengikuti tradisi merupakan sifat warisan anak-anak Adam. Mencampuri disiplin ilmu yang bukan bidangnya terus berkembang luas.

Tak seorang pun akan mampu menentang kembali kekuasaan kebenaran, dan ancaman kebatilan perlu dilawani dengan agakan yang bijaksana. Seorang penukil hanya mampu menyatakan dan menyampaikan bahan. Dia memerlukan pandangan yang kritis untuk menyingkap kebenaran yang tersembunyi itu. Ia menghendaki pengetahuan demi menjernihkan serta memperbaiki agar wawasan yang kritis boleh digunakan.

Para sarjana telah membukukan – dan memperbanyak – secara sistematis peristiwa-peristiwa sejarah. Mereka juga telah mengumpulkan dan menuliskan sejarah sesuatu bangsa-bangsa dan negara-negara. Tetapi begitu sedikit sejarawan yang diakui telah menuliskan kembali hasil yang dicapai para pendahulu mereka di dalam karya mereka sendiri. Tetapi jumlah mereka sedikit sekali, hampir dapat dihitung dengan jari. Misalnya Ibn Ishaq;[1] at-Thabari;[2] Ibn al-Kalbi;[3] Muhammad bin 'Umar al-Waqidi;[4] Sayf

1 Muhammad bin Ishaq, penulis riwayat hidup terkenal, *Sirah Muhammad.* Wafat tahun 150 atau 151 (767/68 M).

2 Muhammad bin Jarir at-Thabari, penulis *Taariikh al-Umam wal Muluk*, hidup 224/25–310 (839–923).

3 Hisyam bin Muhammad, wafat 204 atau 206 (819/20 atau 821/22).

4 Penulis *Al-Maghazi*, 130–207 (747–823).

ibn Umar al-Asadi;[5] al-Mas'udi;[6] dan sejarawan lainnya yang lebih menonjol daripada golongan umumnya.

Hanya mereka yang arif dan pakar yang dapat dipertanggungjawabkan sahaja yang mengetahui bahawa karya al-Mas'udi dan al-Waqidi diragukan dan tidak disetujui pada beberapa hal sahaja. Sungguhpun begitu, penghasilan kaedah penulisan dan penyajian bahan-bahan mereka diterima umum. Kritik yang tajam merupakan hakim bagi diri pengkritik terhadap bahagian-bahagian bahan yang dia lihat mereka palsukan dan yang dipercayai. Peradaban dalam pelbagai keadaan, mengandungi elemen-elemen yang berbeza-beza yang mana maklumat-maklumat sejarah dapat dihubungkan dengannya dan riwayat-riwayat serta bahan sejarah dapat diteliti.

Sebahagian besar sejarah yang ditulis oleh pengarang-pengarang itu mencakupi pernyataan luas kerana luasnya daerah geografis yang universal dua dinasti Islam dahulu[7] dan kerana banyaknya pemilihan sumber-sumber, baik yang mereka gunakan mahupun yang tidak mereka gunakan. Di antara sejarawan tersebut, misalnya al-Mas'udi dan sejarawan sepertinya, melakukan penyelidikan mendalam terhadap kerajaan dan bangsa sebelum Islam, dan terhadap hal-hal lain secara umum. Ada pula sejarawan terkemudian, dalam kata lainnya yang lebih cenderung kepada membataskan, ragu-ragu pada yang bersifat umum dan komprehensif. Mereka mencatat peristiwa-peristiwa yang terjadi di masa mereka, dan memberikan laporan terperinci mengenai sejarah dunia mereka. Penulis membatasi penulisan itu mengenai kerajaan-kerajaan dan bandar-bandar negara itu. Demikianlah dilakukan oleh Abu Hayyan, sejarawan Sepanyol tentang Bani Umaiyah di Andalus, dan oleh Ibn ar-Rafiq, sejarawan Ifri-

---

5 Wafat tahun 180 (796 atau 957).

6 Ali ibn al-Husain al-Mas'udi, wafat 345 atau 346 (956 atau 957). Nama Al-Mas'udi tidak disebutkan di dalam *al-Muqaddimah* terbitan Dar el Kutub al-Kairo, tapi disebutkan di dalam *Muqaddimah*, terbitan Daar el Kutub al-Lubnani, Libanon dan di dalam *The Muqaddimah*, terjemahan Franz Rosenthal, New York. Tambahan-tambahan kata atau kalimat yang dari kami, yang tidak kami dapatkan dalam teks bahasa Arabnya, sengaja kami masukkan dalam dua tanda kurung, pembuka dan penutup = (.....).

7 Maksudnya: Bani Umaiyah dan Bani Abbas.

qiyah[8] dan kerajaan di Kairouan (Qayrawan).[9]

Sejarawan sesudah mereka itu adalah *muqallid* (pengikut tradisi), dan tak mengenal sesuatu yang asli serta tumpul akal, atau tidak berusaha menghindari ketumpulan itu. Mereka hanya menciplak penghasilan orang terdahulu dan mengikuti contoh yang mereka berikan. Mereka tidak mempedulikan terhadap perubahan keadaan dan adat resam bangsa-bangsa itu dan kaum-kaum yang sudah berubah oleh peredaran waktu.

Hasilnya, mereka menyajikan sejarah tentang kerajaan-kerajaan dan kejadian-kejadian dalam bentuk seadanya tanpa bentuk yang substantif, bagai pisau yang tidak bersarung. Sebagai pengetahuan yang seharusnya dianggap jahil, kerana tidak mengetahui apa yang tidak tepat dan apa pula yang asli.

Ia lebih menegaskan peristiwa-peristiwa yang mana keasliannya belum diketahui. Ia lebih menumpukan kepada penggolongan yang mana perbezaan-perbezaan khasnya belum jelas. Mereka mengabaikan betapa pentingnya perubahan daripada satu generasi ke satu generasi semasa meneliti bahan sejarah itu, kerana tidak ada sesiapa yang dapat membantu menginterpretasikan untuk mereka.

Kesannya, hasil mereka tidak cukup menerangkan. Dan bila mereka berusaha memberikan ulasan deskriptif terhadap kerajaan tertentu, mereka hanya menyusun dan menukilkan berita-berita itu sebagaimana yang mereka terima, baik dalam bentuk rabaan (*wham*), mahupun sebenarnya.

Mereka tidak berbicara tentang permulaan kerajaan itu. Penulis tidak menyebutkan sebab-musabab mengapa dikibarkan bendera itu dan berjaya menampakkan tanda-tanda kebesarannya. Penulis juga tidak menyebutkan apa yang menyebabkannya berakhir ketika sampai tempohnya. Sehingga si pelajar itu terpaksa mencari permulaan keadaan dan tingkatan-tingkatan-

---

8 Di dalam *The Muqaddimah* terjemahan F. Rosenthal, ditulis *Ibn* Hayyan dan bukannya *Abu Hayyan*. Terjemahan kami mengikuti teks Arabnya: Abu Hayyan, yang bererti *ayahnya* Hayyan. Dan Ibn Hayyan, bererti anaknya Hayyan. Abu Hayyan 377–469 (987/88–1067).

9 Nama yang diberikan orang-orang Arab terhadap negeri Barbar bahagian Timur. Sedangkan Barbar bahagian Barat disebut Maghribi. Sejarawan Arab berbeza pendapat tentang batas-batas geografinya. Ada yang menyatakan Magribi Tengah dan Libya, yang luasnya lebih kurang lebih negeri Tunisia sekarang. Istilah ini (Ifriqiyah) sering dipergunakan Ibn Khaldun.

nya. Dia harus berusaha menyingkap dan bertanya mengapa kerajaan-kerajaan itu saling bertelagah dan menguasai. Dia harus mencari keterangan yang meyakinkan, menciptakan pemisahan yang *mutual*, atau terus mengadakan perhubungan antara beberapa kerajaan. Semuanya itu akan disebutkan di dalam pendahuluan (*muqaddimah*) buku ini.

Para sejarawan lain telah membuat penyajian bahan yang ternyata singkat. Mereka berasa puas hati sekadar menyenaraikan nama raja-raja dan kota-kota,[10] tanpa membicarakan salasilah dan[11] maklumat sejarah. Hal semacam ini dilakukan oleh Ibn Rasyiq di dalam *Mizaan al-Amal*, dan diteruskan pula oleh orang yang kesasar mengikuti kaedahnya. Apa yang dinyatakan tidak harus diterima sebagai sesuatu yang sewajarnya. Mereka itu tidak berupaya meyakinkan, dan bahan yang dihasilkan tidak patut diperkembangkan kerana mereka melenyapkan banyak bahan yang sangat bererti, dan telah merosakkan kebiasaan yang dianggap dipraktikkan di kalangan sejarawan.

Ketika saya membaca karya para sarjana itu, dan menyelidiki pengerjaan bahan hari-hari kelmarin dan kini, saya berusaha menyedarkan diri daripada berasa berpuas hati dan bersikap alpa. Meskipun tidak banyak menulis, saya berusaha setakat yang terdaya dan kemudian saya menghasilkan sebuah buku tentang sejarah. Melalui buku ini saya berusaha menyingkap keadaan yang wujud di pelbagai generasi. Saya menyusunnya dengan teratur mengikut bab-bab berhubung dengan fakta sejarah dan gambaran-gambarannya. Di dalamnya saya jelaskan bagaimana dan mengapa kerajaan-kerajaan dan peradaban (*umran* Ar.) tumbuh. Buku itu saya tulis berdasarkan fakta-fakta sejarah tentang dua bangsa yang menjadi penduduk kota Mahgribi pada masa itu dan mereka yang tinggal di pelbagai daerah dan bandar. Juga tentang kerajaan-kerajaan yang memerintah bertahan lama atau yang singkat zamannya termasuk raja-raja dan sekutu-sekutu yang digauli pada masa dahulu. Mereka itu adalah dua bangsa, iaitu orang-orang *Arab*, dan orang-orang *Barbar*. Mereka adalah dua bangsa (*jail*) yang diketahui telah bermastautin di Maghribi dalam jangka

10 Di dalam terjemahan F. Rosenthal, kata *amshaar* (jamak dari *mishra*) yang ertinya kota-kota), tidak dicantumkan, lihat *The Muqaddimah* hlm. 7.

11 Dalam *The Muqaddimah*, kata *wa* diterjemahkan dengan *or*, yang ertinya semula: *dan*.

waktu yang agak lama sehingga hampir membuatkan kita tidak terfikirkan bahawa mereka pernah menetap di suatu tempat yang lain. Dan penduduknya bagaikan tidak mengenal akan wujudnya bangsa-bangsa yang lain.

Saya memperbaiki isi buku tersebut dengan teliti dan menyerahkannya untuk ditatapi oleh para sarjana dan golongan elit. Sewaktu menyusun dan membahaginya ke dalam bab, saya mempergunakan kaedah yang berlainan daripada kebiasaan. Dari pelbagai kemungkinan itu, saya menggunakan kaedah yang luar biasa dan asli. Dalam karya itu, saya terangkan tentang peradaban (*umran* Ar., *civilization* Ing.), urbanisasi (*tamadun*), dan ciri hakiki organisasi sosial manusia. Ia dilakukan dalam satu usaha untuk menerangkan kepada pembaca bagaimana dan mengapa sesuatu itu sebagaimana adanya, dan menjelaskan bagaimana manusia itu membina kerajaan dan memasuki lembaran sejarah. Kesannya, pembaca akan membebaskan dirinya daripada mempercayai tradisi secara semberono (*taqlid*). Pembaca sudah tentunya akan mengetahui keadaan pada sesuatu zaman itu dan bangsa-bangsa yang wujud sebelum ini dan apa yang ada sesudah itu.

Usaha saya itu dibahagikan ke dalam sebuah Pengantar (*mukadimah*) dan tiga buah buku:

Mukadimah menghuraikan manfaat besar historiografi (ilmu sejarah), mengemukakan pengertian (*tahqiiq*) segala bentuk kaedah historiografi, dan menyebutkan kesilapan para sejarawan.

Buku Pertama menghuraikan tentang peradaban dan ciri-cirinya yang hakiki. Yakni kekuasaan, pemerintahan, mata pencarian (*kasab*), penghidupan (*ma'asy*), keahlian-keahlian, dan ilmu pengetahuan, dengan segala sebab dan alasannya.

Buku Kedua menghuraikan sejarah, bangsa, dan kerajaan orang-orang Arab, sejak terciptanya alam hingga kini. Buku ini juga mengandung rujukan tentang bangsa-bangsa yang terkenal dan kerajaan-kerajaan yang sezaman dengan mereka, seperti bangsa Nabti, Siryani, Parsi, Israel, Qibti, Yunani, Romawi, Turki, dan Eropah.[12]

Buku Ketiga menghuraikan sejarah bangsa Barbar dan Zenatah, yang merupakan sebahagian dari mereka, dari segi keturunan dan bangsa keluarga bangsawan dan kerajaan-kerajaan Maghribi.

---

12 *Afranjah*, yang bererti Franka atau orang-orang Eropah tidak disebutkan dalam terjemahan F. Rosenthal, lihat hlm. 8.

Akhirnya, perjalanan ke Timur saya lakukan kerana telah terpesona oleh banyak keindahan. Demi menunaikan kewajipan agama (ibadah haji) dan tawaf mengelilingi Kaabah serta mengunjung Madinah, dan berusaha mempelajari karya-karya sejarah yang sistematis. Hasilnya, saya dapat mengisi maklumat yang cetek tentang sejarah raja-raja bukan keturunan Arab (orang-orang Parsi) yang berkerajaan di tempat itu, dan perihal kerajaan-kerajaan Turki di daerah yang mereka kuasai. Saya menambah maklumat itu kepada bahan yang dituliskan. Saya mengisi kepada perluasan tentang bangsa di pelbagai daerah dan raja-raja di pelbagai bandar dan rantau yang sezaman dengan bangsa tersebut. Dalam hubungan itu saya meringkaskannya dan cuba menepati dan memilih cara mudah daripada sketsa yang sukar. Saya meneruskan daripada jadual-jadual salasilah ke maklumat pensejarahan yang terperinci.

Dengan demikian, buku ini berisi sejarah dunia yang lengkap. Ia memaksa apa yang seharusnya dinyatakan secara jujur tetapi diketepikan supaya berada pada tempatnya yang sebenarnya. Ia memberi sebab dan alasan mengapa ianya berlaku di dalam pelbagai kerajaan atau bangsa. Ternyata ia menjadi bejana bagi falsafah, dan wadah bagi pengetahuan sejarah.

Buku ini mencakup sejarah bangsa Arab dan bangsa Barbar, iaitu golongan yang menetap dan yang hidup berpindah-randah. Ia juga memuatkan ulasan-ulasan tentang wangsa yang agung yang sezaman dengan mereka, dan lebih dari itu, ia memuatkan pengajaran yang boleh dijadikan iktibar daripada masa awalnya dan sejarah sesudah itu. Kerana itu, saya berpendapat karya tersebut *Kitaab al-'Ibar, wa Diiwaan-al Mubtada' wal Khabar, Fii ayyaa-mil Arab wal Ajam wal Barbar wa man Aaa-sharahum min Dzawis-Sulthaan al-Akbar* (Buku Pengajaran dan Arkib Sejarah Zaman Permulaan dan Sejarah Berikutan, Mencakup Peristiwa Politik mengenai Orang-orang Arab, Bukan Arab, dan bangsa Barbar, serta Raja-raja Agong yang sezaman dengan mereka).

Saya tidak mengetepikan sesuatu pun yang berkenaan dengan asal usul sesuatu bangsa dan wangsanya, sinkronisme bangsa-bangsa pada abad permulaan, sebab-sebab perubahan dan variasi di abad-abad lampau dan dalam perkumpulan-perkumpulan keagamaan (*millah*). Juga yang berkenaan dengan wangsa dan *millah*, kota dan desa, kekuatan dan kelemahan banyak dan sedikit, ilmu pengetahuan dan keahlian, mata pencarian (*kasab*) dan

kerugian, keadaan umum yang berubah-ubah, hidup berpindah-randah dan menetap, peristiwa sebenar dan yang akan datang – yang mana semuanya itu terjadi di dalam peradaban (*umran*). Semuanya itu saya bicarakan secara mudah dan terperinci dan mengemukakan perbahasan dan sebab mengapa ianya terjadi.

Dengan demikian, buku ini menjadi unik kerana ia berisi pengetahuan yang luar biasa, dan hikmah yang selama ini terlindung. Meskipun begitu, saya menyedari kelemahan-kelemahannya apabila saya meneliti hasil usaha para sarjana yang terdahulu dan masa kini.

Saya mengakui kelemahan untuk menerobos bidang yang sukar itu. Saya amat berharap para sarjana yang berkeupayaan dan mempunyai pengetahuan luas akan melihat buku tersebut secara yang lebih kritis, dan tidak menerima seada-adanya sahaja, dan secara senyap-senyap akan memperbaiki dan tidak terganggu oleh kesalahan yang mereka temukan. Modal ilmu yang dimiliki oleh seseorang sarjana itu adalah terhad. Dan mengakui (kekurangan seseorang itu) akan menyelamatkan dia daripada dikecam.

Kebaikan teman-teman selalu diharapkan. Hanya kepada Allah s.w.t. saya memohon, untuk menjadikan segala usaha ini dipandang mulia. Allah s.w.t. adalah sebaik-baik Pelindung.

Setelah[13] saya sempurnakan pemeliharaannya, saya terangi lubangnya yang tidak tembus[14] bagi orang yang mahu memerhatikan, saya jelaskan kaedah dan sistematiknya di antara disiplin ilmu pengetahuan lain, saya perluas wilayahnya di tengah keluasan ilmu pengetahuan, buku ini saya persembahkan kepada perpustakaan junjungan kita, sultan, imam, mujahid, penakluk yang berani. Yang sejak dilepasnya azimat-azimat mengenakan baju *zahid*, yang menghias diri dengan *manakib* dan puji-pujian indah, dengan budi tinggi dan hiasan gemerlapan. Yang punya cita-cita tinggi, semangat teguh, kemuliaan tersendiri, yang punya kekuasaan kukuh, mulia, agung. Pengumpul pelbagai cabang ilmu, yang membaca seluruh perbendaharaan ilmu, penerang tanda-tanda kebesaran *Rabbi*, mengenai keutamaan pengetahuan manusia,

---

13 Sejak kata ini hingga kata terakhir *Amma Ba'du* ini tidak kami temukan terjemahannya dalam buku *The Muqaddimah* terjemahan F. Rosenthal.

14 Yang dimaksud dengan "lubang yang tidak tembus" (*misykat*), ialah suatu lubang di dinding rumah yang tidak tembus sampai ke sebelahnya, biasanya digunakan untuk tempat lampau, atau barang-barang lain.

dengan fikirannya yang tajam menembus dan kritis, dengan pendapatnya yang benar. Pembawa kedamaian, yang mampu menjelaskan mazhab dan kepercayaan, cahaya Allah yang terang benderang dan merupakan nikmat-Nya yang jernih sumbernya, merupakan kasih sayang-Nya yang menyembunyikan kesukaran-kesukaran; merupakan rahmat-Nya yang dapat memperluas kebaikan terhadap keadaan yang bobrok, dapat meluruskan hal-ehwal dan kebiasaan-kebiasaan yang bengkok, membawa perubahan-perubahan dan menarik kecerahan masa muda dari perputaran zaman, serta merupakan hujah-Nya yang tidak dapat ditentang oleh orang yang ingkar mahupun oleh keragu-raguan orang yang biadab.

Beliau (yang mempunyai gelar tersebut) adalah Amirul Mukminin Abu Faris Abdul Aziz, putera (Maulana Sultan Agung, Terkenal Syahid), Abu Salim Ibrahim, putera (Maulana Sultan Muqaddas Amirul Mukminin) Abul Hasan, putera Raja-raja Bani Marin, yang membawa pembaruan dalam agama, melapangkan jalan bagi semua orang untuk memperoleh petunjuk, dan menghapus jejak-jejak kaki pemberontak pembawa kerosakan.

Semoga Allah s.w.t. melebarkan naungan-Nya kepada umat-Nya dan yang lemah berjaya mencapai cita-cita mereka.

Buku tersebut saya kirimkan ke perpustakaan mereka yang diwakafkan kepada para mahasiswa yang memburu ilmu di masjid *al-Qarawiyyin* yang terletak di kota Fez, ibu kota kerajaan dan tempat berdirinya kerusi kekuasaan (Bani Marin). Kota itu adalah tempat memperoleh petunjuk, taman ilmu pengetahuan, lapangan luas pusat rahsia ketuhanan yang terpendam. Dengan pengawasan dan keutamaan Imamat Mulia Farisiyah, insya-Allah buku tersebut akan banyak mendapat perhatian, diterima dengan tangan terbuka, dengan harapan hujah-hujahnya terbukti kukuh. Di kedai-kedai buku, karya-karya para penulis diperdagangkan, dan di atas jalannya gerobak-gerobak ilmu pengetahuan dan kesusasteraan dijalankan, dan berasal dari tinta mata hatinya yang cemerlang, muncullah karya para sarjana.

Semoga Allah s.w.t. menyebarluaskan kurnia agar kita mensyukuri nikmat-Nya, memperbanyak kurnia rahmat-Nya kepada kita, membantu kita melaksanakan kewajipan berkhidmat demi kurnia itu, serta menjadikan kita orang-orang yang lebih dulu menerjuninya, yang bergelut di dalamnya, serta memberikan baju

mempertahankannya dan menghormatinya (nikmat-nikmat tersebut) kepada orang-orang yang berada di dalam wilayah kurnia itu, dan yang berada di dalam wilayah kerja usaha yang tidak boleh diganggu, menurut Islam.

Maha Suci Allah tempat meminta. Semoga Dia menjadikan amal perbuatan kita tulus ikhlas, lepas daripada sebarang celaan kerana kelalaian, dan melakukan perbuatan yang meragukan. Cukuplah Allah s.w.t. menjadi penolong bagi kita, dan Allah s.w.t. adalah sebaik-baik Pelindung].

* Terjemahan berpandukan teks edisi bahasa Inggeris. Suntingan didasarkan pada teks edisi bahasa Indonesia iaitu terjemahan daripada edisi Arab/Inggeris.

*[ ] Teks 'gugur' edisi bahasa Indonesia/Inggeris dikekalkan – Editor.

PENDAHULUAN

Kelebihan ilmu sejarah – Analisis terhadap mazhab-mazhabnya. Ulasan sepintas lalu tentang pelbagai kesalahan yang dilakukan oleh para sejarawan. Sebab kesalahan-kesalahan itu terjadi.

*SUATU yang harus diketahui ialah bahawa sejarah itu adalah disiplin ilmu yang memiliki pelbagai pendekatan. Aspek penggunaannya adalah sangat banyak. Tujuannya pula dapat dibeza-bezakan.

Sejarah membuat kita faham akan hal-ehwal sesuatu bangsa yang terdahulu kerana ia tercermin melalui perilaku mereka. Melalui sejarah kita dapat mengetahui biografi para nabi, sesebuah kerajaan dan dasar-dasar raja-rajanya. Ia membolehkan sesiapa yang berminat menteladani contoh-contoh sejarah sebagaimana dalam bidang agama dan perkara-perkara duniawi.

Untuk menulis sesuatu sejarah menghendaki sumber yang banyak dan pengetahuan yang bermacam-macam. Ia memerlukan agakan yang tepat dan ketekunan yang membolehkan para sejarawan itu menemui kebenaran dan menjauhkannya daripada melakukan pelbagai ketersasulan dan kesalahan. Sekiranya seseorang sejarawan itu menerima catatan sejarah dalam bentuk yang dinukilkan dan tidak mempunyai pengetahuan yang jelas tentang prinsip-prinsip yang didasarkan oleh kebiasaan, tentang

---

* Terjemahan berpandukan teks edisi bahasa Inggeris. Suntingan didasarkan pada teks edisi bahasa Indonesia iaitu terjemahan daripada edisi Arab/Inggeris.

*[ ] Teks 'gugur' edisi bahasa Indonesia/Inggeris dikekalkan – Editor.

fakta-fakta politik yang asas, tentang watak peradaban, atau keadaan-keadaan yang mempengaruhi organisasi sosial manusia, dan sekiranya lanjutan daripada itu, dia menilai antara bahan yang terpencil atau yang lama, melalui perbandingan di antara yang baru atau semasa, maka pastinya dia tidak akan dapat mengelak daripada tergelincir dan menyimpang daripada jalan yang benar.

Ramai ahli sejarah tafsir dan ulama terkenal telah melakukan kesalahan ketika menyampaikan hikayat-hikayat dan peristiwa-peristiwa. Hal itu terjadi kerana mereka mengambil dengan begitu sahaja tanpa memikirkan nilainya. Mereka tidak memeriksa prinsip-prinsip yang berlaku pada situasi historis, juga tidak memperbandingkannya dengan bahan-bahan yang serupa. Mereka juga tidak menyelidikinya menurut ukuran falsafah, dengan bantuan pengetahuan tentang watak alam semesta atau perenungan, dan dengan pengetahuan yang mendalam tentang peristiwa-peristiwa sejarah. Oleh itu, mereka menyimpang daripada kebenaran dan mendapati diri mereka sesat di tengah kewahaman suatu kesalahan yang melulu.

Hal ini, khususnya, terjadi di waktu menghitung jumlah harta dan tentera sebagaimana yang dikemukakan di dalam cerita-cerita hikayat. Melalui cerita-cerita itu dimasukkan maklumat yang tidak tepat dan dijadikan wadah untuk memasukkan keterangan yang bukan-bukan. Oleh demikian ia harus dikawal dan diteliti melalui pengetahuan tentang fakta-fakta yang *fundamental.*

Sebagai contoh ialah al-Mas'udi dan beberapa sejarawan yang melaporkan bahawa Nabi Musa a.s. telah menghitung tentera Israel di Padang Pasir Tiih.[1] Dia memasukkan ke dalam hitungannya mereka yang berupaya membawa senjata, khususnya yang

1 *Tiih*, adalah nama padang pasir yang amat luas, terletak di perbatasan Mesir dan Palestin, di tengah anak-Sina. Geologi Arab menamakannya Padang Bani Israel, kerana lama didiami oleh orang Israel. Tiih di sini diertikan dengan lama waktu Bani Israel tinggal di Padang Tiih. Dalam istilah al-Quran: *Taaihiin*, yang ertinya *berputar-putar kebingungan*. Mereka tinggal di sana – menurut hitungan al-Quran – selama 40 tahun, sejak keluar dari Mesir hingga dapat menguasai Kanaan. Al-Quran menyebutkan kisah itu, setelah Musa berdialog dengan kaumnya yang takut memasuki Tanah Suci, lihat ayat-ayat 20 – 25 surah al-Maidah = ("Allah berfirman: 'Jika demikian, maka sesungguhnya negeri itu diharamkan atas mereka selama 40 tahun, (selama itu) mereka akan berputar-putar kebingungan di bumi padang Tiih) itu" (QS. al-Maidah, ayat 26).

berumur 20 tahun ke atas. Kekuatan anggota yang dihitung ialah 600 000 orang atau lebih daripada jumlah tersebut.[2] Dalam hal ini dia lupa untuk memastikan apakah Mesir dan Syria berupaya mempunyai kekuatan tentera sebanyak itu. Tiap-tiap kerajaan akan mempunyai jumlah tentera yang setara dengan wilayah yang dapat dipertahankan dan disokongnya, tak lebih daripada itu. Fakta ini terbukti oleh kebiasaan yang berlaku, dan keadaan yang sudah dikenal.

Suatu yang harus disedari ialah jumlah tentera sebanyak itu akan menyulitkan pergerakan atau membuat serangan sebagai satu ketumbukan. Sebabnya ialah luas sesuatu kawasan itu akan menyulitkan pergerakan. Jika berada dalam kedudukan tempur, ia akan meluas menjadi dua, tiga atau lebih daripada apa yang boleh dipandang. Berada dalam situasi yang sedemikian, bagaimana mungkin kedua-dua pasukan itu dapat bertempur atau pasukan tempur medan dapat menguasai kedudukan lawan sekiranya salah satu sayap tempur itu tidak mengetahui apa yang terjadi di rusuk yang lain. Situasi pada hari ini membuktikan kesahihan kenyataan tersebut. Masa silam itu adalah menyerupai masa hadapan melebihi daripada setitik air dan seterusnya.

Tambahan pula Kerajaan Parsi adalah jauh lebih besar daripada kerajaan Bani Israel. Fakta tersebut dibuktikan melalui kemenangan Nebukadnezzar mengalahkan tentera Israel. Dia berjaya menawan seluruh daerah mereka dan menguasainya. Dia menghancurkan Baitulmaqdis, pusat agama dan ibu negaranya. Dan Nebukadnezzar adalah salah seorang pegawai di daerah Fars. Diriwayatkan bahawa dia merupakan gabenor bahagian sempadan sebelah barat. Wilayah Parsi yang meliputi dua kerajaan Iraq, Khurasan, Transoxania, dan kawasan Derbend di Laut Kaspian adalah jauh lebih luas daripada jajahan Bani Israel.

Anehnya jumlah tentera Parsi tidak sampai sebanyak itu atau tak pula mencapai jumlah tersebut. Jumlah tentera Parsi yang bertempur di medan al-Qadisiyah adalah 120 000 anggota, semuanya mempunyai pembantu. Hal ini disebutkan oleh Saif, yang menyatakan bahawa tentera tersebut termasuk tukang masak dan lain-lain menjadikan lebih daripada 200 000. Sebagaimana

---

2 Mungkin al-Mas'udi menukilkannya dari Pembetulan 12 Kitab Perjalanan Keluar, alenea 37. Disebutkan jumlah mereka yang keluar 600 000, selain anak-anak di bawah umur.

yang dikisahkan oleh Aisyah dan az-Zuhri, jumlah tentera Rustum yang menjadi satu pasukan menyerang Sa'ad di al-Qadisiyah hanya lebih 60 000 orang dan semuanya mempunyai pembantu.

Oleh itu, sekiranya Bani Israel mencapai jumlah sebesar itu, pastinya daerah di bawah pemerintahan mereka akan menjadi lebih luas kerana saiz unit pentadbiran dan jajahan takluk di bawah sesuatu kerajaan adalah sebanding dengan kekuatan tenteranya dan kabilah-kabilah yang mendukung kerajaan-kerajaan tersebut. Hal ini kami terangkan di dalam *Buku Pertama* mengenai Kerajaan-kerajaan. Sebagaimana kita ketahui, wilayah kerajaan Bani Israel tidak lebih luas dari wilayah Jordan dan Palestin di Syria, dan wilayah Madinah dan Khaibar di Hijaz,

Dan juga, sebagaimana dinyatakan oleh ahli-ahli *tahqiq* (best *informed scholars*) bahawa jarak waktu yang merenggang antara Musa dan Bani Israel adalah empat keturunan.[3] Musa putera Amran, putera Jitsehar, putera Kehath, putera Levi, putera Yaakub, dia yang kita kenal dengan Israel-Allah. Demikian disebutkan di dalam Taurat sebagai salasilah Musa. Sedangkan jarak waktu antara keduanya (Musa dan Israel) adalah sebagaimana disebutkan oleh al-Mas'udi yang mengatakan bahawa Israel memasuki Mesir bersama cucu-cucu dan putera-puteranya, yang ketika menghadap Yusuf berjumlah 70 orang.[4] Mereka bertempat tinggal di Mesir, hingga waktu keluar – menuju padang Tiih – selama 220 tahun.[5] Selama waktu tersebut raja-raja Kapta,

---

3 Disebutkan di dalam Taurat bahawa Musa adalah putera Amram. Amram putera Kehath, Kehath putera Levi. Dan Levi putera Ya'qub. Jadi, Musa dengan Ya'qub dibatasi tiga keturunan, bukannya empat. Di antara saudaranya, tidak ada yang bernama Jitsehar, seperti disebutkan oleh Ibn Khaldun, (lihat Pembetulan 9, Kitab Keluaran, alenea 16, 18, 20). Jetsehar adalah putera Amram, bukan bapanya. Diterangkan pula di dalam Taurat bahawa Levi hidup selama 137 tahun, Kehath 133 tahun, dan Amram 137 tahun.

Terjemahan F. Rosenthal, sudah merupakan pembetulan langsung, iaitu menyebutkan tiga keturunan (generasi).

4 Hal ini sesuai dengan yang disebutkan di dalam Taurat (lihat Kitab Kejadian, pembetulan 6, alenea 27).

5 Yang tersebut di dalam Taurat ialah bahawa mereka tinggal di Mesir 430 tahun (lihat alenea 40, Pembetulan 12, kitab Keluaran). Tidak hairan kalau mereka tinggal di Mesir dalam waktu yang demikian lama, hanya dengan tiga generasi, sebab dua di antara ketiga saudara itu, masing-masing berumur 137 dan 133 tahun, seperti disebutkan di dalam Taurat.

Firaun, menjadikan mereka sebagai rakyat jelatanya, daripada satu kepada yang lainnya. Adalah suatu yang mustahil bahawa keturunan daripada seorang sahaja akan bercambah menjadikan jumlah yang sedemikian banyaknya, dengan hanya melalui empat generasi.[6]

Sejarawan beranggapan bahawa jumlah tentera itu adalah yang hidup di masa Nabi Sulaiman dan para pengganti sesudahnya. Sekali lagi, ia tak mungkin dapat diterima. Sebab antara Sulaiman dan Israel hanya dibatasi oleh 11 generasi, iaitu: Sulaiman, putera Daud, putera Isayya, putera Ufeidza – ada yang mengatakan Ufidza – putera Ba'aza – ada yang mengatakan Bu'aza – putera Salamon, putera Nahsyun, putera Amyunudzab – ada yang mengatakan Hamminadzab – putera Ramma, putera Hashrun – ada yang berpendapat Hasrun – putera Baras – ada yang menyebutnya Bairas – putera Yahudza, putera Yaakub. Melalui seorang dan 11 generasi itu dirasakan tidak mungkin mencapai jumlah yang sebegitu banyak sebagaimana yang dianggap oleh al-Mas'udi. Adalah suatu yang mungkin ialah, mencapai ratusan atau

---

6 Pernyataan Ibn Khaldun yang terakhir ini, merupakan sebuah teori tentang pertambahan bilangan penduduk yang empat abad sesudah dia, disistemastiskan oleh Malthus (1766–1843).

Di dalam buku *Increase of Population* disebutkan oleh Malthus bahawa setiap 35 tahun, penduduk bertambah menurut hitungan matematis = 1, 2, 4, 8, 16, 32, ... dan seterusnya), dengan syarat pertambahan tersebut tidak terbentuk pada suatu gangguan. Berdasar teori ini, jumlah Bani Israel, baik laki-laki mahupun perempuan serta anak-anaknya yang turun-temurun selama 220 tahun, adalah 35 840 orang, dengan syarat bahawa mereka tidak mendapat bencana dan gangguan.

Ternyata, bahawa pada masa-masa terakhir ketika mereka tinggal di Mesir, mereka mendapat perlakuan yang sewenang-wenang. Disebutkan di dalam al-Quran dan Perjanjian Lama, mereka mendapat seksa yang amat pedih. Mereka membunuh anak-anak mereka, dan memperlakukan wanita sebagai tiang keturunan dengan biadab. Kita memang boleh bertanya, dari mana al-Mas'udi memperoleh data bahawa tentera Bani Israel sahaja berjumlah 600,000 orang? Jadi berapa jumlah mereka seluruhnya?

Menurut riwayat Perjanjian Keluaran/Taurat (Pembetulan 12, ayat 40), Bani Israel tinggal di Mesir hingga keluar bersama Musa ke padang Tiih, adalah 430 tahun. Dengan lama ini, terhitung bahawa – menurut teori Malthus – jumlah mereka 3 975 040 orang. Dan mungkin jumlah tenteranya 600 000 orang sebagaimana dinyatakan oleh al-Mas'udi. Namun al-Mas'udi menyatakan bahawa mereka tinggal di Mesir selama 220 tahun. Di sini letak keraguan itu!

ribuan orang sahaja. Hal sedemikian kerap terjadi. Tetapi peningkatan melebihi jumlah itu ke angka yang tertinggi adalah tidak mungkin sama sekali. Perbandingan dengan apa yang dapat disaksikan pada hari ini dan fakta yang boleh dipercayai membuktikan bahawa andaian dan laporan itu sebagai suatu yang tidak benar. Suatu pernyataan pasti di dalam Israeliyyat menyebutkan bahawa tentera Sulaiman hanya berjumlah 12 000 orang, dan kudanya berjumlah 1 400 ekor sebagaimana yang ditambatkan di istananya. Maklumat tersebut boleh diterima sebagai benar. Maklumat daripada sumber yang tidak harus dipercayai sebagaimana yang berlaku di kalangan umum tidak wajar diberikan perhatian. Di masa pemerintahan dan kerajaan Sulaiman, negara Bani Israel menunjukkan kemajuannya dan kerajaan mereka bertambah luas.

Apabila seseorang pembicara pada sesuatu zaman ingin menggambarkan tentang jumlah tentera sesuatu kerajaan itu atau semasanya dan apabila mereka bercakap fasal tentera Islam atau Kristian, atau ketika hendak menggambarkan hasil-mahsul dan jumlah wang yang dibelanjakan, apa yang dilakukan oleh orang yang berada dan kaya, semuanya itu didapati bagai sengaja dilebih-lebihkan, sesuatu yang melampaui apa yang sepatutnya, dan sesuatu yang hanya untuk membangkitkan perhatian umum semata. Apabila seseorang pegawai yang bertanggungjawab disoal tentang jumlah tenteranya, apabila barang-barang dan harta benda itu ditaksirkan, dan apa yang dibelanjai oleh si kaya-raya dilihat mengikut keadaan biasa, ternyata jumlah itu hanya mencapai 1/10 daripada apa yang telah dinyatakan tadi. Sebabnya mudah sekali. Ia sengaja direka-reka untuk menarik perhatian.

Adalah mudah sekali mengucapkan sesuatu yang berlebih-lebihan dan mengetepikan orang-orang yang berupaya menyelidiki dan mengkritiknya. Ia membawa kepada kegagalan untuk tidak mencuba mengamalkan kritikan peribadi akan kesilapan sendiri dan kesan dorongan kecenderungan, yang menghendaki seseorang itu bersederhana dan adil sewaktu membuat laporan, yang menghendaki seseorang itu menggunakan pengajian dan penyelidikan. Sejarawan sedemikian membenarkan diri mereka dikuasai oleh angan-angannya sendiri. Mereka mengusahakan cerita-cerita yang menyebabkan orang lain menjadi sesat. Mereka menggunakan firman Allah s.w.t. sebagai suatu yang olok-olok. Mereka menggunakan perkataan-perkataan kosong semata-mata untuk

menyesatkan manusia dari jalan Allah.[7] Sesungguhnya, ia ada suatu usaha yang amat keji.

*[Adalah suatu yang boleh dikatakan bahawa pertumbuhan keturunan kepada jumlah yang besar itu adalah dibatasi dalam keadaan biasanya di mana, sungguhpun begitu, tidak digunakan terhadap Bani Israel. Pertambahan bilangan dalam hal mereka adalah suatu keajaiban sehubungan dengan apa yang dinyatakan di dalam hadis yang telah dinyatakan kepada mereka yang terdahulu, Nabi Ibrahim, Isa dan Yaakub a.s. Sehinggakan bilangan mereka amat banyak melebihi bintang-bintang di langit dan kerikil-kerikil di bumi. Allah s.w.t. menunaikan janji-Nya terhadap mereka sebagai satu kemuliaan yang dianugerahi pada mereka dan sebagai suatu keajaiban yang berpihak kepada mereka. Maka, keadaan-keadaan yang lazim tidak dapat menghalangnya dan tidak seorang pun yang dapat membantahnya.

Tentu ada pihak yang menyanggah hadis itu dengan pemulangan bahawa ianya hanya terdapat (dinyatakan) di dalam kitab Taurat yang mana, sebagaimana dimaklumi, telah diubah-ubah oleh orang Yahudi. Sebagai bidasan terhadap hujah tadi mengenai pindaan Taurat oleh orang-orang Yahudi adalah tidak dapat diterima oleh para sarjana yang serba tahu dan sukar dimengertikan dalam maknanya yang biasa, kerana adat kebiasaan menghalang orang yang menerima agama Allah berbuat sesuatu terhadap kitab Allah. Maka, pertumbuhan umat yang banyak sebagaimana halnya dengan Bani Israil suatu yang sangat luar biasa. Adat kebiasaan, dalam perkataannya yang sebenar, akan menghalang kejadian sedemikian terhadap orang lainnya.

Adalah benar bahawa pergerakan (kumpulan sedemikian) adalah suatu yang munasabah, tetapi tidak satu pun berlaku, dan tiada diperlukan ianya berlaku. Adalah benar juga bahawa tiap-tiap kerajaan mempunyai pasukan tenteranya yang tertentu. Tetapi Bani Israel pada mulanya bukanlah pejuang-pejuang dan tiada berkerajaan. Bilangan mereka meningkat sekian banyak, supaya mereka berkuasa di bumi sebagaimana Allah s.w.t. telah menjanjikan dan wilayah di mana Allah telah tetapkan kepada mereka. Semuanya itu adalah keajaiban. Allah s.w.t. memandu kepada apa yang benar.]

---

7 Al-Quran surah 31 Luqman, ayat 6.

Sejarah[8] tentang at-Tababi'ah,[9] raja-raja Yaman dan jazirah Arab, sepertimana yang dikisahkan secara umum itu, adalah sebahagian daripada contoh betapa tidak benarnya apa yang disampaikan oleh para sejarawan itu. Dikatakan, daripada kediaman mereka di Yaman, orang-orang at-Tababi'ah telah menyerang Ifriqiyah dan masyarakat Barbar di negeri Maghribi. Dikatakan Afriqus ibn Qais ibn Shaifiy adalah di antara raja-iraja mereka yang awal – yang hidup di zaman Nabi Musa a.s. atau tak lama sesudahnya – dikatakan telah menyerang Ifriqiyah. Dia menyebabkan berlakunya pembunuhan beramai-ramai ke atas bangsa

---

8 Sebelum paragraf ini, dalam terjemahan F. Rosenthal, terdapat tambahan yang lengkapnya kami nukilkan di sini:

"It may be said that the increase of descendant to such number would be prevented under ordinary conditions which, however, do not apply to the Israelites. The increase in their case would be a miracle in accordance with the tradition which said that one of the things revealed to their forefathers, that prophets Abraham, Isaac, and Jacob, was that God would cause their descendants to increase until they were more numerous than the stars of heaven and the pebbles of the earth. God fulfilled this promise to them as an act of divine grace bestowed upon them and as an extraordinary miracle in their favour. Thus, ordinary conditions could not hinder it and nobody should speak against it.

Someone might come out against this tradition with the argument that is occurs only in the Torah which, as is will known, was altered by the Jews. The reply to this argument would be that the statement concerning the alteration of the Torah by the Jews in unacceptable to through scholars and cannot be understood in its plain meaning, since custom prevents people who have a revealed religion from dealing with their divine scriptures in such a manner. Thus, the great increase in numbers in the case of the Israelites would be an extraordinary miracle. Custom, in the proper meaning of the world, would prevent anything of the sort from happening to other peoples.

It is true that a movement of (such a large group) would hardly be possible, but none took place, and there was no need for one. It is also true that each realm has only its particular number of militia. Their power over the land of Canaan which God had promised them and the territory of which He had purified for them. All these things are miracles. God guides to the truth.

9 at-Tababi'ah adalah Daulat Arabia yang berdiri di Yaman, setelah Daulat Homerian. Rajanya yang pertama adalah al-Harts ar-Raisy, yang sekaligus merupakan salah seorang di antara raja-raja Saba' Homerious yang terakhir. Mereka hidup bermegah-megahan, sehingga keadaan menjadi kucar-kacir, hingga kemudian kerajaan mereka jatuh ke tangan al-Harts. Dia berusaha untuk menguatkan kembali kedudukan kerajaan, oleh sebab itu disebut at-tababi'ah. Dikatakan bahawa jumlah raja-rajanya 16 orang, yang terakhir bernama Dzu Nu-an, raja Najran, abad ke-6.

Barbar. Dialah yang menggelar mereka itu bangsa Barbar ketika dia mendengar mereka berbicara sesuatu yang dia tidak mengerti, lalu bertanya apa yang dimaksudkan dengan perkataan *barbarah*. Daripada perkataan itu, wujudlah nama Barbar, terus kekal disebut Barbar sejak masa itu.

Ketika dia meninggalkan Maghribi, dia memerintahkan agar beberapa kabilah Himyar ditempatkan di sana. Bangsa itu tinggal di daerah tersebut dan bercampur gaul dengan penduduk aslinya. Keturunan mereka adalah Sanhajah dan Kutamah. Ini menyebabkan al-Thabari, al-Jurjani, al-Mas'udi, Ibn al-Kalbi dan al-Billy berpendapat Sanhajah dan Kutamah adalah berasal daripada bangsa Himyar.

Pengkaji asal usul Barbar secara terus terang telah menolak pendapat tersebut. Dan tiada dapat disangkalkan lagi, mereka memang benar. Al-Mas'udi juga menyebutkan salah seorang Raja Himyar selepas Afriqus, yakni Dzul al-Idz'ar yang hidup di masa Sulaiman – telah memerangi Maghribi dan memaksanya berada di bawah naungannya. Cerita yang serupa telah dinyatakan oleh al-Mas'udi tentang Yasir, putera dan pengganti Dzual-Idz'ar. Dia dikatakan telah berjalan hingga sampai ke lembah Pasir (Wadi al-Raml) di negeri Maghribi. Disebabkan lembah itu terlalu luas dia tidak dapat menemukan jalan untuk ke sana. Dengan demikian, dia terpaksa pulang sahaja.

Demikian juga, pernyataan para sejarawan tentang Tubba yang terakhir, As'ad Abu Karab, yang hidup di masa Yastasib – raja Persia Kayyanid. Dikatakan bahawa dia menguasai Mosul dan Azerbaijan. Adalah didakwa bahawa dia telah bertembung dengan orang-orang Turki dan menyimpangkan mereka ke arah yang lainnya dan akhir sekali membunuh mereka itu secara beramai-ramai. Kemudian, dia menyerang mereka untuk kali yang kedua dan ketiganya. Selepas itu, dia telah mengirimkan ketiga-tiga puteranya untuk menyerang serta menaklukkan negeri Fars, seorang ke Soghdian, seorang lain ke wilayah Turki di Transoksania, dan seorang lagi ke negeri Rom (Byzantinum).

Puteranya yang sulong menguasai Samarkand dan melintasi padang pasir ke negeri China. Di sana dia bertemu saudaranya yang kedua, yang telah menyerang Soghdian dan telah berada di negeri China sebelum saudaranya tiba. Kedua-dua saudara itu telah melakukan banyak pembunuhan dan pulang dengan

membawa banyak harta rampasan perang. Di China,[10] mereka tinggalkan beberapa kabilah Himyar. Mereka telah menetap di negeri itu hingga ke hari ini. Manakala saudara mereka yang ketiga telah sampai di Konstantinopel. Dia telah mengepung dan memaksa negeri Rom tunduk di bawah kekuasaannya. Kemudian dia pun pulang.

Kesemua maklumat ini, adalah jauh daripada kebenarannya. Ia berakar tunjang pada andaian yang tidak beralasan dan banyak silapnya. Ia lebih kepada perkisahan seorang tukang cerita sahaja. Kerajaan at-Tababi'ah adalah terhad kepada Semenanjung Arab. Pusat dan pentadbiran raja-rajanya adalah San'a di Yaman. Jazirah Arab itu dikelilingi oleh lautan dari tiga arah yakni: Lautan Hindi di bahagian selatan, Teluk Parsi yang membujur dari Lautan Hindi ke Basrah di arah timur, dan Laut Merah yang membujur dari Lautan Hindi ke Suez di Mesir di sebelah barat. Keadaan tersebut dapat dilihat di dalam peta. Tidak ada jalan lain dari Yaman ke Maghribi melainkan melalui Suez. Jarak di antara Laut Suez (Laut Merah) dengan Laut Syam (Laut Tengah) adalah dua hari perjalanan atau kurang daripada itu. Dan jarak yang demikian jauhnya itu tidak mungkin dapat dilalui oleh seorang raja yang agung dengan jumlah tenteranya yang ramai kecuali dia telah menguasai wilayah tersebut.

Hal tersebut, sebagai suatu peraturan adalah suatu yang tidak mungkin terjadi. Sebabnya, di wilayah tersebut terdapat bangsa Amalika dan Kanaan di Syria, serta bangsa Kopta di Mesir. Kemudiannya bangsa Amaliqah telah menguasai Mesir dan Bani Israel telah menguasai Syria. Namun begitu, tidak pula ada laporan yang mengatakan bahawa orang-orang at-Tababi'ah pernah memerangi salah satu dari bangsa tersebut, atau menguasai sebahagian daripada wilayah tersebut.

Tambahan pula jarak dari Yaman ke Maghribi adalah sangat jauh dan tentunya pasukan perang itu memerlukan perbekalan dan rumput yang banyak. Dan apabila pasukan perang itu bergerak melalui daerah yang bukan berada di bawah kekuasaan mereka, mereka terpaksa merampas tanam-tanaman dan binatang ternakan dan merosakan negeri-negeri yang mereka lalui itu. Sebagaimana lazimnya, tindakan sebegitu tidak mendatangkan makanan

---

10 Di dalam *The Muqaddimah* terjemahan F. Rosenthal, disebut *Tibet*, bukan China. Lihat hlm. 15.

dan rumput yang mencukupi. Sebaliknya, sekiranya mereka mahu membawa perbekalan yang secukup-cukupnya dari negeri mereka, sudah tentu sekali mereka tidak mempunyai binatang yang cukup untuk mengangkutnya. Oleh yang demikian, pergerakan itu harus melewati daerah-daerah yang harus dikuasai dan memaksa mereka akur bagi memastikan perolehan perbekalan yang dikehendaki.

Sekali lagi ia adalah suatu yang mustahil dan andaian yang tidak benar bahawa sekiranya tentera-tentera itu dapat melintasi tanpa mengganggu-gugat masyarakat tempatan dan mengambil keperluan-keperluannya dengan jalan damai. Hal sedemikian membuktikan bahawa laporan sebegitu adalah tidak masuk akal dan rekaan semata.

Lembah Pasir yang dianggap tidak mungkin boleh dilalui itu tidak pernah disebut-sebut di Maghribi. Padahal, Maghribi banyak dilalui orang. Jalan-jalannya sudah dijelajahi oleh para pengembara dan penjahat di sepanjang masa dan dari setiap arahnya. Disebabkan ianya suatu yang luar biasa maka hal itu amat cenderung untuk diceritakan.

Dalam hal serangan yang dilakukan oleh Tubba ke atas negeri-negeri Timur dan tanah Turki, ia harus diakui bahawa barisan pergerakan dalam pengertian ini haruslah lebih luas dari jalan-jalan yang sempit di Suez. Jaraknya pula, sesungguhnya adalah lebih jauh dan bangsa Parsi dan Rom akan menghalang mereka daripada sampai ke bumi Turki. Dan tiada laporan yang menyebut bangsa Tubba'ah itu menguasai negeri Parsi dan Bizantium. Apa yang disebutkan ialah serangan yang mereka lakukan ke atas bangsa Parsi di sempadan Iraq dan wilayah Arab di antara Bahrain, dan Al-Hirah dan, yang mana ia adalah perbatasan yang umum kepada dua bangsa itu.*

Dan hal itu terjadi antara Dzul al-Idz'ar – yang masih termasuk golongan mereka (bangsa Tubba'ah), Kikawus – salah seorang raja Kiyaniah – dan antara Tubba' Yang Bongsu, Abu Kariba dan Yastasif yang termasuk bangsa Tubba'ah pula, serta dengan

---

* Al-Hirah di Euphrat adalah ibu negara Lakhnaid, negeri naungan di bawah kekuasaan Parsi. Al-Bahraya (Bahrair) termasuk negeri di bahagian pantai Barat Daya. Teluk Parri, dan tidak hanya kepulauan itu pada hari ini dikenali dengan nama tersebut.

raja-raja Tawaif[11] setelah Kiyaniah dan Sasaniah setelah mereka.[12]

Jelaslah, adalah suatu yang mustahil boleh berlaku peperangan kerana bangsa Tubba'ah terpaksa melalui daerah Parsi untuk menyerang negeri Turki dan Tibet. Tentunya peperangan semacam itu tidak mungkin dapat dilakukan oleh bangsa Tubba'ah kerana bangsa-bangsa lain akan menghalangi mereka daripada menembusi jalan ke Turki untuk meneruskan perjalanan itu. Mereka tentu sekali memerlukan perbekalan dan makanan binatang, di samping jauhnya jarak yang harus ditempuh, sebagaimana telah disebutkan sebelum ini. Dan semua perkisahan mengenai peperangan ke Timur dan ke tanah Turki adalah suatu yang lucu dan tidak berasas.

Kalaupun maklumat itu diterima sebagai benar, bahagian-bahagiannya yang tertentu tetap akan diragukan. Selanjutnya maklumat itu akan dirasa suatu yang meragukan kerana cara penyampaiannya itu dirasakan tidak tepat. Dalam hubungannya dengan Yathrib (Madinah), Aus dan Khazraj, Ibn Ishaq menyatakan bahawa Tubba' yang terakhir berjalan ke arah Timur menuju Iraq dan negeri Fars (Parsi). Namun, serangan bangsa Tubba'ah ke negeri Turki dan Tibet, tidak dapat diterima apabila dihadapkan kepada fakta yang mapan atau *established.* Penegasan fakta-fakta seperti itu tidak harus dipercayai; semua maklumat harus diselidiki dan diperiksa dengan norma-norma yang wajar. Kesannya ialah, apa yang kelihatan sangat indah itu akan dimusnahkan. Suatu yang tidak mungkin, dan berakar umbi dalam andaian yang tidak berasas ialah tafsiran *Surah al-Fajr*:

> "Tidakkah engkau memperhatikan, bagaimana Tuhanmu berbuat terhadap kaum Aad? (iaitu) penduduk Iram – terhadap tiang-tiangnya."[13]

Ahli tafsir beranggapan bahawa perkataan Iram adalah nama sebuah kota[14] yang digambarkan mempunyai tiang-tiang bangun-

11 Raja-raja Thawaif, adalah nama yang diberikan orang Arab kepada dua kelompok raja, yang satu menghancurkan Daulat Irsyaqiyah, abad ke-3 SM, dan yang kedua menghancurkan Daulah Umaiyah di Andalusia pada abad ke-11.

12 Sejak dari kata *Cuma disebutkan ... hingga ... setelah mereka,* tidak ada dalam terjemahan F. Rosenthal.

13 Al-Quran, surah 89 (al-Fajr) ayat 5–6.

14 Demikian pula disebutkan pada catatan kaki *al-Quran dan Terjemahannya,* milik Departmen Agama RI, lihat catatan kaki nombor 1574, hlm. 1057.

an-bangunan, iaitu ruang-ruang. Mereka menukilkan, Aad ibn Ush ibn Iram mempunyai dua orang putera iaitu, Syadid dan Syaddad, yang menjadi raja menggantikan Aad. Syadid mati, maka Syaddad menjadi peneraju kerajaan yang tunggal, dan raja-raja di situ terpaksa tunduk kepada kekuasaannya. Apabila Syaddad mendengar gambaran tentang syurga, lalu dia berkata. Katanya:

> "Saya akan bina seperti itu."

Dan dia kemudian membangunkan Kota Iram di tengah Padang Pasir Aden, yang memakan waktu selama 300 tahun. Dan dia hidup selama 900 tahun. Dikatakan Iram adalah sebuah kota yang amat besar. Istananya diperbuat daripada emas dan perak dan tiang-tiangnya daripada batu zamrud dan tumbuh-tumbuhan yang wangi baunya. Di dalam kota itu tumbuh pelbagai jenis tanaman dan terdapat sungai-sungai yang bebas mengalir.

Sebaik sahaja kota itu siap dibina, Syaddad dan rakyatnya pun berpindah ke sana. Malangnya, setelah berjalan selama sehari semalam, secara tiba-tiba Allah s.w.t. telah menurunkan bala dan kesemuanya pun mati. Kejadian ini dinukilkan oleh al-Thabari, ats-Tsal'labiy, az-Zamakhsyari dan oleh pentafsir al-Quran lainnya.

Mereka dasarkan cerita itu daripada salah seorang sahabat Muhammad iaitu Abdullah ibn Qilabah. Diceritakan, ketika itu dia keluar mencari untanya, dia pun sampai di kota itu dan pulang membawa apa yang dapat dibawanya dari kota itu. Kisahnya itu sampai kepengetahuan Muawiyah, lalu dia memanggilnya datang menghadap. Abdullah telah menceritakan segalanya itu kepada beliau. Lalu Muawiyah memanggil Ka'ab al-Akhbar[15] dan bertanya tentang kota itu. Menurut Ka'ab:

> "Kota itu adalah Iram, yang bertiang-tiang. Iram akan menjadi pusat pada masa tuan kelak oleh seorang laki-laki Muslim yang berkulit kemerah-merahan, dan bertubuh rendah, pada keningnya pula ada tahi lalat, dan sebiji pada tengkuknya. Dia keluar mencari unta-untanya."

---

15 Abu Ishaq Ka'ab ibn Mati (wafat 32 H/652 M). Perawi hadis terdahulu. Yahudi dari Yaman. Beliau kemudian memeluk Islam dan datang ke Madinah di masa Umar. Lalu beliau ke Syam (Syria), dan dijadikan penasihat oleh Muawiyah. Wafat di Humesh.

Lalu dia pun menoleh dan pandangan matanya tertumpu pada Ibn Qilabah, lantas dia pun berkata:

"Ya, sesungguhnya dialah orangnya!"

Tiada apa-apa maklumat tentang kota itu pernah diketahui di mana-mana muka bumi ini. Kota tersebut dijangka yang mana telah didirikan di tengah Padang Pasir Aden adalah berada di tengah-tengah Negeri Yaman. Ia telah dijelajahi oleh para pengembara dan penunjuk arah dari segenap sudut. Namun, tidak ada laporan tentang penemuan kota itu.

Tidak ada seorang pengagum barang-barang antik atau satu bangsa pun pernah menyebutkannya. Jika pengulas al-Quran berpendapat kota itu telah lenyap sebagaimana hilangnya barang purba lainnya, ada kemungkinan cerita itu benar. Akan tetapi mereka tetap mengatakan kota itu masih wujud. Sebahagian daripada mereka itu beranggapan bahawa kota itu berada di Damaskus. Alasannya ialah kaum 'Aad masih menguasainya. Sementara yang lain pula beranggapan bahawa kota itu lenyap daripada pandangan inderawi, ia hanya boleh dilihat oleh ahli silap mata dan tukang-tukang sihir. Semua andaian-andaian itu lebih tepat kalau dikatakan sebagai perkara yang tidak masuk akal.

Apa yang disarankan oleh para pengulas al-Quran adalah hasil daripada pertimbangan-pertimbangan daripada segi nahu, kerana tatabahasa Arab menghendaki pernyataan "Tiang-tiang bangunan," sebagai suatu yang dikaitkan dengan Kota Iram. Perkataan "tiang-tiang" itu diertikan sebagai ruang-ruang. Dengan demikian, mereka berpendapat bahawa Iram mestilah sebuah bangunan.

Pentafsir al-Quran sebenarnya telah dipengaruhi oleh tulisan ibn az-Zubair yang telah membaca kontruksi genitif: *Aadi Irama.* Mereka kemudiannya mengambil cerita tersebut, yang lebih baiknya disebutkan sebagai suatu kisah yang direka-reka.

Yang sebenarnya, 'tiang-tiang' itu tidak lain daripada tiang-tiang khemah. Sekiranya "ruang-ruang" itu yang dimaksudkan daripada perkataannya, ia sudah tentunya suatu yang diperbesar-besarkan. Hal sedemikian itu kerana kemampuan kaum Azad sudah dimaklumi, dan mereka itu dapat disebut sebagai kaum dengan bangunan-bangunan dan tiang-tiang tinggi secara yang lebih umumnya. Dan adalah suatu yang dilebih-lebihkan sekiranya dikatakan bahawa satu bangunan khusus atau di sebuah kota

khusus (sebagaimana yang dimaksudkan). Dan sekiranya ia adalah pembentukan genetif (*idlafah*, dalam Ilmu Nahu), sebagaimana dimaksud dalam pengertian Ibn az-Zubair, maka ia akan menjadi pembentukan genetif yang dipergunakan untuk mengungkapkan hubungan kesukuan, sebagai contohnya, Quraisyhnya Kinanah, Ilyas di Mudhar, dan Rabi'ahnya Nizar. Tidak ada perlunya tafsiran yang tidak masuk akal sebagai usaha awal cerita-cerita yang lucu ini. Ia tidak harus dikaitkan dengan al-Quran kerana ianya tidak dapat diterima akal.

Satu lagi cerita yang direka oleh para sejarawan, sebagaimana yang dikisahkan ialah tentang kerosakan yang dilakukan oleh ar-Rasyid kepada keluarga Barmak (Barmecides).[16] Ia adalah cerita tentang al-Abbas, saudara perempuan ar-Rasyid, dan Ja'far ibn Yahya ibn Khalid, menterinya. Dikatakan, ar-Rasyid berasa gusar tentang di mana hendak meletakkan mereka itu ketika mereka sedang minum *khamr*. Dia inginkan mereka itu berada di dalam kumpulannya. Oleh itu, dia mengizinkan mereka diijabkabulkan dalam suatu majlis perkahwinan yang tidak diraikan. Dikatakan bahawa al-Abbasah membuat helah untuk mengajak Ja'far bersama-samanya. Sebenarnya dia telah jatuh hati padanya. Akhirnya Ja'far menyetubuhinya – dikatakan ketika dia dalam keadaan mabuk. Hasilnya, al-Abbasah jadi hamil. Kejadian itu dilaporkan kepada ar-Rasyid dan mengetahui hal tersebut dia jadi sangat marah.

Kisah itu adalah suatu yang tidak benar sama sekali. Hal sedemikian adalah berdasarkan kepada al-Abbasah, agama yang dianutinya, keturunannya dan kedudukannya yang disegani. Dia adalah daripada keturunan Abdullah ibn Abbas dan dipisahkan oleh empat generasi dan mereka itu adalah pemuka agama dan pembesar Islam selepasnya. Al-Abbasah adalah puteri Muhammad

---

16 *Al-Baramikah* atau Keluarga Barmak: sebuah keluarga berkebangsaan Parsi (Farsi) dari Balkh. Terkenal sebagai keluarga mulia, yang berasal daripada saudaranya Barmak Sadin binti an-Naar, di Balkh. Asalnya beragama Majusi, lalu menganut Islam. Putera-puteranya turun-temurun menjadi menteri di masa Bani Abbas 750–803. Di antara mereka yang terkenal: *Khalid ibn Barmak*, wafat 163 H/782 M, yang di masa As-Saffah menduduki jabatan mengurusi tentera dan cukai, *Yahya ibn Khalid*, wafat 190 H/805 M, menteri ar-Rasyid; *al-Fadil bin Yahya*, wafat 198H/808M, saudara sesusu ar-Rasyid, wafat di penjara di Riqa, dan *Ja'far ibn Yahya*, wafat di masa terjadi malapetaka yang terkenal, 198 H/803 M.

al-Mahdi, putera Abdullah, Abu Ja'far al-Manshur,[17] putera Muhammad as-Sajjad, anak kepada Khalifah Ali.

Khalifah Ali pula adalah putera Abdullah, pentafsir al-Quran, putera al-Abbas iaitu bapa saudara Nabi Muhammad s.a.w. Al-Abbasah adalah puteri khalifah dan saudara perempuan khalifah. Dia dilahirkan di kalangan keluarga bangsawan, ke dalam keturunan khalifah nabawiyah, dan adalah daripada keturunan Nabi Muhammad s.a.w. dan bapa saudaranya.

Dia mempunyai hubungan darah dengan pemimpin Islam, dengan nur-wahyu, dan dengan tempat di mana malaikat turun membawa wahyu. Dia dilahirkan menyerupai sikap sebenar orang-orang Arab di padang pasir yang hidup bersederhana dan jauh daripada menikmati hidup mewah dan kehidupan yang bergelumang dosa dan noda

Oleh itu, di manakah seseorang itu dapat mencari kesucian dan kesopanan, sekiranya ia tidak dimiliki oleh al-Abbasah? Di manakah kebersihan dan kemurnian dapat ditemui sekiranya ia tidak ditemui di rumahnya? Bagaimana mungkin dia sanggup mengaitkan keturunannya dengan Ja'far ibn Yahya dan mengotori darah kebangsawanan Arabnya dengan seorang nasabah Parsi?

Nenek moyang Ja'far adalah berasal dari Parsi dan dijadikan hamba abdi atau dijadikan sebagai pesuruh, oleh salah seorang nenek moyang al-Abbasah, bapa saudara Nabi dan bangsawan Quraisy. Dan apa yang berlaku ialah Ja'far dan bapanya menumpang bernaung di bawah kegemilangan kerajaan Abbasiyah dan dengan demikian bersedia untuk diangkat menjadi orang yang berdarjat. Dan soal yang timbul ialah bagaimana boleh terjadi pada ar-Rasyid dengan ketinggian akal bicaranya dan disegani akan merelakan dirinya beripar-duai dengan seorang yang berasal daripada kalangan bukan Arab (*ajam*)! Sekiranya seseorang yang berfikiran kritis menghayati cerita tersebut dengan pandangan yang saksama dan membandingkan kedudukan al-Abbasah sebagai puteri seorang raja yang disegani pada masa itu, nescaya seseorang itu akan memandang hina dan tidak dapat mempercayai bagaimana dia sanggup melakukan perkara semacam itu dengan salah seorang hamba-sahayanya, sedangkan keluarganya berada di tahap kedudukan yang tinggi. Dia tentunya akan membantah dan

---

17 Di dalam terjemahan F. Rosenthal disebutkan: Abu Ja'far Abdullah al-Mansur hlm. 18.

berpendapat bahawa cerita itu adalah suatu yang palsu. Dan siapakah yang akan membandingkan martabat al-Abbasah dan ar-Rasyid?

Keluarga Barmakiyah dibinasakan kerana mereka cuba menerajui kerajaan dan menyimpan hasil cukai negara. Keadaan menjadi lebih buruk lagi apabila ar-Rasyid gagal mendapatkan walaupun sedikit hasil perbendaharaan itu di saat dia memerlukannya. Mereka mengurusi apa yang seharusnya al-Rasyid sendiri lakukan, dan berkongsi kuasa dengan sewenang-wenangnya. Dia tidak berkuasa untuk mentadbir negara. Pengaruh mereka menjadi semakin kuat dan kemasyhuran mereka semakin meluas. Mereka melantik ahli keluarga dan orang-orang tertentu memegang pelbagai jawatan dalam pemerintahan negara. Dengan demikian menghalang orang lain daripada menjawat jawatan wazir, setiausaha, panglima angkatan perang, penjaga pintu dan daripada jabatan pentadbiran tentera dan awam. Dikatakan, di istana ar-Rasyid terdapat 25 pegawai tinggi – tentera dan awam, yang mana kesemuanya adalah putera Yahya ibn Khalid. Melalui kedudukan itu mereka mengambil tempat pembesar-pembesar negara dan menjatuhkan mereka daripada kedudukan itu secara kekerasan.

Mereka berupaya melakukan hal sedemikian kerana kedudukan ayah mereka. Ayah mereka Yahya adalah penasihat kepada Harun yang menjadi putera mahkota dan khalifah. Harun dengan demikian diasuh mengikut pembentukannya dan memperolehi segala macam pendidikan sebagaimana yang dia kehendaki.

Berada di bawah naungannya menyebabkan Harun membiarkan segalanya berjalan menurut kemahuannya, malah memanggilnya ayah.[18] Akibatnya, keluarga Barmakiyah dan bukan kerajaan yang berkuasa sebagaimana yang diandaikan. Pengaruh mereka menjadi semakin nyata. Kedudukan mereka menjadi semakin teguh. Mereka menjadi pusat perhatian rakyat jelata.

Orang semakin akur kepada arahan mereka. Kesemua masalah dirujuk kepada mereka. Banyak hadiah daripada pembesar negara dan para amir mereka terima, kebanyakannya dari daerah-daerah perbatasan yang jauh. Hasil cukai mengalir ke

---

18 Harun ar-Rasyid adalah saudara sesusu al-Fadl, putera Yahya bin Barmak. Al-Fadl yang lahir beberapa hari sebelum ar-Rasyid, disusui oleh Khairuzan, ibu ar-Rasyid. Demikian pula dengan ar-Rasyid, disusui oleh ibu al-Fadl. Kerana itu ar-Rasyid menyebut *ayah* kepada Yahya, ayah al-Fadl.

dalam perbendaharaan mereka. Kekayaan itu dijadikan hak mereka dan sebagai hadiah kepada orang yang mentaati mereka.

Mereka memberi pelbagai hadiah kepada para pembesar Syi'ah dan kaum kerabat nabi. Mereka menyara keturunan nabi yang miskin. Mereka membebaskan para tawanan. Kesannya, mereka memperolehi sanjungan yang tak pernah diberikan kepada khalifah mereka. Mereka memberikan keistimewaan dan hadiah kepada orang-orang yang meminta kebaikan mereka. Dan mereka berjaya menguasai banyak desa-desa dan pekebunan-pekebunan dan kawasan yang berhampiran dengan bandar di setiap wilayah.

Akhirnya, keluarga Barmakiyah mula bertindak menyakiti hati mereka di dalam golongan bangsawan. Ini menyebabkan golongan terpelajar berasa tidak puas hati dan tidak selesa di kalangan pegawai-pegawai tinggi. Perasaan cemburu dan iri hati dan sebagainya mula bertunas dan perasaan berpuak-puak mula meresap ke dalam pentadbiran kerajaan. Keluarga Qahthabah, iaitu bapa saudara Ja'far di sebelah ibunya telah bertindak mengetuai puak yang menentang mereka.

Kesedaran tentang hubungan darah dan tali persaudaraan tidak berupaya menghindarkan keluarga Qahthabah daripada menentang mereka. Keadaan menjadi lebih buruk apabila menyedari perasaan kurang senang hati yang ditunjukkan oleh tuan-tuan mereka itu, di samping pelbagai halangan yang tidak digemari, dan sikap bertindak ikut sesuka hati serta perasaan marah yang terpendam akibat daripada tingkah laku oleh beberapa ahli keluarga Barmakiyah. Apabila mereka yang menentang itu menjadi semakin berpengaruh seperti mana yang dijangkakan mereka bertindak semakin berani untuk menentang.*

[*Hal ini nampak[19] dalam cerita mereka dengan Yahya ibn Abdillah ibn al-Hasan ibn Ali ibn Abi Thalib, saudara Muhammad al-Mahdi, yang diberi gelar 'Jiwa yang Suci', yang muncul hendak membunuh al-Mansur. Yahya inilah yang dimintakan kepada ar-Rasyid – dengan perintah tertulis – oleh al-Fadl ibn Yahya agar di-datangkan dari Negeri Dailami, supaya tinggal bersamanya. Disebutkan oleh at-Thabari bahawa untuk maksud ini, ar-Rasyid mengeluarkan biaya sejuta dirham.

19 Paragraf ini, yang dimulai dari kata: *Hal ini nampak ... hingga dan merahsiakan sesuatu dalam dirinya*, tidak tercantumkan dalam terjemahan F. Rosenthal, lihat *The Muwaddimah*, hlm. 20.

Wang ini diserahkan kepada Ja'far, ditetapkan bahawa Yahya ibn Abdillah ditahan di rumahnya, dan Ja'far diberi tugas mengawasinya. Ja'far memang menahannya, tapi cuma sebentar. Dia dibawa lari keluar oleh seorang wanita yang menjadi petunjuk jalan, dan bersikap keras melepaskannya sebagai penghormatan terhadap darah keluarga rasul – seperti dia katakan – dan sebagai bukti hukumnya kepada sultan.

Ja'far berbohong, ketika ar-Rasyid menanyakan perihal Yahya ibn Abdillah. Ja'far mencari alasan dan mengatakan: "Saya telah melepaskannya." Ar-Rasyid tetap menampakkan muka baik dan merahsiakan sesuatu di dalam dirinya.]

Ja'farlah yang bertanggungjawab merintis jalannya sendiri dan yang dilakukan oleh ahli keluarganya. Akibatnya mereka mengalami kesulitan dan terlucut daripada kedudukan yang disandang. Mereka menerima balasan yang setimpal dengan perbuatan mereka. Keindahan masa lalu menjadi kenang-kenangan, dan contoh teladan kepada keturunan akan datang.

Melihat apa yang dinukilkan oleh Ibn Abdi Rabihi[20] mengenai bencana yang dilakukan oleh keluarga Barmakiyah, oleh ar-Rasyid kepada bapa saudara ibunya, Daud ibn Ali. Dan melihat keterangannya perbualan di antara al-Ashma'ie dengan ar-Rasyid dan al-Fadl ibn Yahya dalam pembicaraan malam hari, yang disebutkan oleh Ibn Abdi Rabihi dalam kitab "Al-Iqd"[21] bab Para Penyair.[22] Dikatakan mereka semua terbunuh kerana berebut kuasa. Faktor lainnya ialah usaha-usaha musuh-musuh keluarga Barmakiyah, melalui syair-syair yang didendangkan oleh penyanyi istana. Mereka mendedahkan perlakuan buruk musuh-musuh itu. Dilakukan sedemikian dengan harapan agar khalifah mendengar dan dia mencetuskan rasa permusuhannya di kalangan mereka. Antara syair-syair itu ialah:

Semoga Hindun menepati janjinya kepada kami. Dan melepaskan kami dari kesulitan yang kami alami, Dan sekali bertindak

---

20 Ahmad ibn Muhammad (860–940), lahir di Corrdova. Sasterawan Andalusia. Al-Mutanabbi memanggilnya: *Malih Andalus.*

21 *Al-Iqd al-Farrid,* karya Ibn Abdi Rabbihi, berisi ucapan para ahli falsafah, ulama, pidato syair, tentang peradaban dan masyarakat.

22 Paragraf sebelum kata-kata ini tak tercantumkan dalam terjemahan F. Rosenthal.

berdasar kehendaknya sendiri. Orang yang bacul adalah dia yang tidak bertindak berdasar kehendaknya sendiri.[23]

Mendengar syair ini ar-Rasyid pun bertitah:

"Ya! Sesungguhnya akulah orang yang bacul itu."

Dengan cara sedemikian dan cara lainnya, musuh-musuh keluarga Barmakiyah berhasil membangkitkan perasaan kurang senang hati ar-Rasyid. Dengan cara demikian mereka berhasil membangkitkan dendam kesumatnya. Allah s.w.t. tempat kami berlindung daripada hasrat manusia yang mahu berkuasa dan daripada segala bencana.

Cerita tentang ar-Rasyid yang kaki arak dan selalu mabuk apabila berada dengan teman-temannya tentulah menjijikkan. Ia tentunya tidak wajar dilakukan sementelah pula dia seorang yang beragama Islam dan harus memenuhi tanggungjawabnya sebagai seorang khalifah.

Baginda telah berdamping dengan para ulama dan para wali. Dia selalu berbincang-bincang dengan al-Fudlail ibn Iyadl, Ibn as-Sammak, dan al-Umari. Dia kerap berutus surat dengan Sufyan ats-Tsauri. Mendengar nasihat-nasihat mereka, dia pun menangis. Dan di Makkah dia berdoa. Dia menjadi seorang yang warak, menunaikan sembahyang apabila tiba waktunya dan mengerjakan solat subuh pada waktunya yang paling awal.

At-Thabari dan sejarawan lain menceritakan bahawa ar-Rasyid mengerjakan solat *nafilah* (sunat) sebanyak 100 rakaat pada setiap hari.[24] Selama setahun dia berperang melawan orang-orang yang tidak beriman, dan setahun lagi melakukan ibadah haji. Dia pernah mengherdik tukang lawaknya iaitu Ibn Abi Maryam yang melakukan sesuatu yang tidak seharusnya dilakukan ketika dia sedang melakukan ibadat sembahyang.

Ketika itu Ibn Abi Maryam mendengar ar-Rasyid berkata:

---

23 Syair-syair Umar ibn Abi Rabi'ah (644–711), penyair jenaka yang berasal daripada keluarga suku Quraisy. Gaya bahasanya indah dan halus rasanya. Di akhir hayatnya dia bertaubat dan menjadi zahid. Punya "kumpulan puisi" (*Diwaan*).

24 Kalimat ini tidak tercantum dalam terjemahan F. Rosenthal.

"Mengapa aku tidak akan menyembah Dia yang menjadikan aku?"[25]
Ibn Abi Maryam menjawab, "Sungguh aku tidak tahu mengapa?"
"Bersenda gurau walaupun sedang bersembahyang?"
Ujarnya. "Awas, jangan persendakan al-Quran dan agama Islam. Selain daripada itu, terserahlah kepada kehendakmu!"

Di samping itu, ar-Rasyid mempunyai kemampuan untuk belajar dan bersikap sederhana. Sebabnya ialah kehidupannya menyerupai kehidupan nenek moyangnya yang juga mempunyai ciri-ciri itu. Jarak waktu di antara ar-Rasyid dan datuknya, al-Mansur tidaklah begitu jauh berselang. Dia ketika itu dalam usia remaja apabila datuknya meninggal dunia. Dan al-Mansur mempunyai pendidikan yang baik dan berpengetahuan agama, baik sebelum mahupun sesudah menjadi khalifah.[26]

Ketika dia menasihati, menyuruh, dan memberi petunjuk kepada Malik[27] agar mengarang *al-Muotha'*, dia mengatakan kepadanya:

"Abu Abdillah di atas permukaan bumi ini tidak ada orang yang lebih pandai dari saya dan dari anda. Saya sendiri sudah disibukkan oleh urusan pemerintahan, maka tinggal engkau. Karanglah sebuah buku yang bermanfaat bagi manusia. Hindari keringanan-keringanan Ibn Abbas, dan kekerasan-kekerasan Ibn Umar. Jadikan ia dimengerti sekali oleh orang yang membacanya."
Seketika Malik menjawab: "Demi Allah. Anda sudah mengajari saya mengarang."[28]

Puteranya al-Mahdi iaitu ayah ar-Rasyid mengambil contoh jimat cermat Abu Ja'far. Baginda tidak menggunakan wang baitulmal untuk membeli sepasang baju baru untuk keluarganya. Pada suatu hari al-Mahdi menemuinya ketika dia sedang duduk di pejabat dan berbual-bual dengan tukang jahitnya. Dia ketika itu

---

25 Al-Quran, surah 36 (Yasin), ayat 22.

26 Kata keterangan: Baik sebelum, mahupun sesudah menjadi khalifah, ini tidak tercantumkan dalam terjemahan F. Rosenthal.

27 Abu 'Abdillah Malik ibn Anas al-Ashbahie (93–179 H).

28 Paragraf ini, sejak dari kata; *Ketika dia menasihati ... hingga ... saya mengarang*: tidak terdapat dalam terjemahan F. Rosenthal.

sedang berbincang untuk menampal baju keluarganya yang telah koyak. Al-Mahdi yang tidak bersetuju itu berkata:

> "Wahai Amirul Mukminin tahun ini saya akan membelikan baju untuk keluargaku daripada pendapatan aku sendiri." Jawab al-Mansur ialah, "Buatlah semahumu."

Dan baginda tidak menghalang asalkan tidak menggunakan wang awam untuk kepentingan peribadi.

Jarak waktu antara ar-Rasyid dengan khalifah Abu Ja'far adalah berdekatan. Dia dibesarkan di bawah pengaruh dan tingkah laku semacam ini oleh keluarganya dan kesemuanya itu telah membentuk keperibadiannya. Soalnya ialah bagaimanakah orang seperti ar-Rasyid boleh dianggap gemar meminum *khamr* dan melakukan perbuatan itu secara terbuka? Adalah diketahui bahawa golongan bangsawan Arab pada zaman awal Islam menjauhkan diri daripada meminum *khamr*. Malah, anggur itu bukannya tanaman yang mereka usahakan. Mereka beranggapan bahawa meminum *khamr* adalah suatu perbuatan yang harus dipandang hina. Ar-Rasyid dan mereka sebelumnya dipercayai berupaya menjauhkan diri daripada melakukan perbuatan yang dipandang cela oleh agama atau kehidupan duniawi. Mereka sebaliknya telah berhasil memiliki akhlak dan peribadi yang terpuji juga apa yang dicipta-ciptakan oleh orang-orang Arab, suatu yang mulia, sebagai peribadi mereka sendiri ....

[*Sebagaimana yang diceritakan oleh at-Thabari dan al-Mas'udi tentang Jibril ibn Bakhtaisyu'a, Si Tabib, ketika dihidangkan ikan di meja makannya. Dia tidak memakannya, tapi menyuruh pemilik meja makan membawa pulang ikan tersebut. Memperhatikan hal itu, ar-Rasyid curiga. Ia menyuruh pelayannya memperhatikan gelagatnya. Si pelayan menemukan Ibn Bakhtaisyu'a sedang menyiapkan tiga potong ikan pada tiga piring. Potongan yang satu di campur dengan daging yang sudah dimasak dengan rempah dan sayuran, dilengkapi dengan air dingin dan gula. Sedangkan pada potongan kedua dicampurkan ais, dan potongan ketiga dicampur dengan *Khamr*, "Ini makanan Amirul Mukminin," kata Bakhtaisyu'a memegang piring yang pertama dan yang kedua, "Dan ini makanan Bakhtaisyu'a," katanya memegang piring ketiga, yang diserahkannya kepada pemilik meja makan.

Ketika ar-Rasyid menyedari hal itu, dia naik marah. Dia

menyuruhnya mengambil ketiga-tiga piring tersebut. Tiba-tiba dia melihat bahawa piring yang pertama sudah bercampur isinya. Sedangkan kedua piring lainnya sudah busuk baunya. Dalam hal ini ar-Rasyid mempunyai wewenang memberi maaf. Dari peristiwa ini jelas bahawa ar-Rasyid sudah dikenal di kalangan pembantu dan pelayannya sebagai orang yang menjauhi *khamr*. Suatu hal yang sangat pasti ialah ar-Rasyid pernah mengizinkan supaya Abu Nawas dipenjarakan sehingga dia bertaubat dan tidak mengulangi perbuatannya. Sebabnya ialah baginda mendapat aduan bahawa Abu Nawas sering mabuk disebabkan terlalu banyak minum arak.

Suatu yang jelas ialah ar-Rasyid memang minum air kurma. Dan menurut beberapa pendapat ulama-ulama Iraq ianya boleh diminum. Dan adalah suatu yang tidak berapa tepat untuk menuduh ar-Rasyid sebagai kaki arak. Laporan yang tidak berasas itu tentunya berita palsu dan tidak harus diperaku sebagai benar.

Tentu sekali ar-Rasyid bukan orang yang akan sesuka hati melakukan apa yang dilarang oleh agama dan suatu dosa yang besar. Tidak seorang pun di antara mereka daripada (Bani Abbasiyah) yang melakukan sesuatu yang melampaui batas (*israf.* Ar.) atau bermewah di dalam soal berpakaian, perhiasan dan makanan yang mereka makan. Mereka tetap bersederhana dan bersyukur dengan apa yang ada. Soalnya ialah apakah mungkin seseorang itu akan hidup daripada seorang yang patuh mengerjakan apa yang disuruh kepada melakukan keingkaran atau menghalalkan sesuatu yang tentunya diharamkan?

Para sejarawan seperti at-Thabari, al-Mas'udi dan beberapa lagi bagaikan sepakat dalam menyatakan bagaimana seluruh khalifah Bani Umaiyah dan Bani Abbasiyah telah menggunakan perhiasan dari perak yang ringan pada ikat pinggang, pedang, kekang kuda dan pelana. Dan khalifah pertama yang menggunakan perhiasan emas ialah al-Mu'tazz bin al-Mutawakkil, khalifah ke-8 setelah ar-Rasyid. Begitu juga dalam soal pakaian. Dan dapatkah diduga tentang minuman yang mereka minum? Ia akan menjadi lebih jelas apabila kita dapat mengetahui keadaan sebenar tentang kehidupan mereka di tengah-tengah padang pasir dan adab sopan itu dapat dimengertikan. Hal ini akan menjadi jelas apabila keadaan di permulaan kerajaan dalam kehidupan di padang pasir dan bersederhana itu dapat dimengertikan ....

*Sebuah cerita yang terbaharu ialah sebagaimana yang

dinukilkan pada sejarawan tentang Yahya ibn Aktsam, kadi (hakim) dan sahabat al-Makmun. Dikatakan, dia minum *khamr* sehingga mabuk. Pada suatu malam dia telah mabuk, lalu dipendam di dalam (gundukan) bunga-bunga yang harum baunya sehinggalah dia tersedar. Para sejarawan tersebut mendendangkan puisi yang pernah didendangkan Yahya ibn Aktsam ketika sedang mabuk:

Ya sayyidi, tuan dan amir manusia, seluruhnya
Orang yang memberiku minum telah berlalu menurut hukumnya
Aku lupa pada pemberi minum itu, hingga tuan lihat aku begini
hilang akal hilang agama.

Mengenai hal ini, Aktsam dan al-Makmun terasa tidak berbeza dengan ar-Rasyid. Minuman mereka hanyalah perahan kurma. Dan minuman itu tidak ditegah oleh agama. Adalah suatu yang tidak benar mereka telah menuduh mabuk. Suatu yang nyata ialah persahabatan antara Aktsam dan al-Makmun adalah rasa persahabatan orang yang seagama. Dan pada malam itu Aktsam telah tidur di rumah al-Makmun. Esok paginya Aktsam menemui teman-temannya di tempat yang ditetapkan.

Berhubung tentang rasa hormat dan kebaikan tingkah laku al-Makmun itu, disebutkan bahawa pada suatu malam dia terbangun kerana kehausan. Dia telah berjalan dengan begitu perlahan menuju ke tempat minuman. Dia berhati-hati kerana takut Yahya bin Aktsam akan tersedar. Terbukti lagi bahawa mereka sembahyang subuh secara bersama-sama. Dengan semuanya ini, mana boleh dia kecanduan mabuk-mabukan?

Di samping itu, Yahya ibn Aktsam adalah seorang ahli hadis (*muhaddits*)* terkenal. Imam Ahmad ibn Hambal dan Kadi Ismail, sama-sama memujinya. Dari Aksamlah At-Turmidzi menerbitkan bukunya *al-Jami'*. Kesalahan yang terdapat dalam buku itu, bererti kesalahan mereka semua.

Desas-desus yang dilontarkan para pelawak terhadap Aktsam, bahawa dia cenderung kepada sikap keanak-anakan, adalah sebuah kesengajaan bohong terhadap Allah dan para ulama. Lontaran itu mereka dasarkan kepada kisah fiktif para tukang cerita, yang mungkin disengaja oleh musuh-musuhnya.

Cerita semacam ini adalah suatu hasutan terhadap kesempurnaan sifat dan persahabatannya dengan sultan. Kedudukannya sebagai seorang ulama sangat tak memungkinkannya berlaku

demikian. Pernah ucapan seperti itu didengar oleh Ibn Hambal. Dan tanggapannya:

> "Subhanallah! Subhanallah! Siapa yang menyatakan demikian?"

Beliau sama sekali menolak cerita itu. Pernah Kadi Ismail memujinya. Lalu dikatakan padanya cerita tersebut. Serentak dia menjawab:

> "Masya-Allah. Aku berlindung kepada Allah! Bahawa keadilan akan lenyap kerana desas-desus orang yang zalim dan hasut."
>
> Dan katanya pula:
>
> "Yahya ibn Aktsam akan lebih dekat diselamatkan Allah daripada terjerumus ke dalam cerita semacam itu. Saya sudah tahu persis selok-belok dirinya. Saya temukan dia sangat takut kepada Allah. Dia memang senang bermain-main, dan punya sifat yang baik." Di dalam *ats-Tsiqaat* Ibn Hibban menyebutkan: "Jangan disibukkan oleh cerita tentang dirinya, sebab sebahagian besar tak ada benarnya!"[29]

Cerita palsu lain adalah tentang keranjang yang berhubungan dengan sebab-sebab al-Makmun meminang puteri al-Hasan ibn Sahl yang bernama Buran. Cerita ini dituturkan Ibn Abdi Rabbihi, pengarang *al-Iqd* di dalam bukunya.

Pada suatu malam, ketika berkeliling menyusuri lorong Kota Baghdad, al-Makmun menemukan keranjang yang terjulur keluar dari anjung rumah. Ia diturunkan dengan menggunakan takal dan talinya daripada benang sutera. Kemudian, beliau pun duduk di dalam keranjang itu, dan dia pun terangkat ke atas oleh tali yang mulai ditarik. Dia sampai di sebuah bilik dengan tempat tidur terhias indah.

Tiba-tiba seorang wanita muncul daripada balik tirai. Wajahnya sangat cantik dan memukaukan perasaan. Perempuan itu memberinya salam serta mengajaknya bermesra-mesraan pada malam itu. Demikianlah al-Makmun mabuk sampai pagi. Lalu dia

---

29 Cerita tentang Jibril ibn Baktaisyu'a dan Aktsam ini tidak tercantum dalam terjemahan F. Rosenthal.

pulang menuju tempat rakan-rakannya yang sedang menunggunya. Al-Makmun tergoda oleh kecantikan wanita tersebut. Akhirnya dia mengirim utusan untuk meminang.

Bagaimana mungkin ianya boleh terjadi dengan mengambil kira kedudukan al-Makmun dan ehwalnya? Dia mempunyai kedudukan yang sudah dikenal, baik dalam bidang agama mahupun ilmu pengetahuan. Dia mengikuti dan meniru langkah Khalifah al-Rasyidin. Dia menghayati dasar-dasar agama, khalifah yang pertama daripada yang empat.

Bagaimana mungkin semua itu terjadi melihat pembicaraannya dengan para ulama, dan benar-benar menjaga ketentuan-ketentuan Allah dalam hal solat dan hukum-hukum-Nya. Bagaimana mungkin tindakannya itu menyerupai perlakuan kaum fasik yang menyenangi segala perbuatan yang terlarang itu berkeliling malam hari, menyusuri lorong-lorong yang gelap, janji dengan sang kekasih untuk bercumbu rayu di tempat yang gelap sebagaimana yang dilakukan oleh orang-orang Arab lainnya? Bagaimana mungkin semuanya itu terjadi dengan mengambil kira kedudukan dan kemuliaan puteri al-Hasan ibn Sahl, moral yang ketat dan kesucian yang selalu diperhatikan di dalam rumah ayahnya?

Cerita-cerita semacam ini banyak sekali. Ia laksana cendawan tumbuh di dalam buku yang ditulis oleh para sejarawan. Dorongan untuk mereka-rekakan dan melaporkannya adalah suatu kecenderungan untuk tenggelam dalam keasyikan dan menjatuhkan martabat orang lain. Mereka berasa puas menceritakan apa yang orang lain lakukan. Dengan demikian, mereka gemar kepada hal-hal semacam itu dan memasang telinga apabila mendengarnya. Kerana itu sebahagian besar sejarawan terus menulis cerita semacam ini. Cerita asyik maksyuk semacam itulah yang mereka cari sewaktu membacanya.

Pada suatu hari saya pernah mencela sebahagian amir yang masih ada hubungan keluarga dengan raja-raja, atas keghairahan mereka hendak belajar menyanyi dan kecintaan mereka bermain gitar. Saya katakan kepadanya:

> "Hal ini tidak sesuai dengan kedudukan tuan!"
>
> Katanya menempelak: "Tidakkah tuan melihat bagaimana Ibrahim ibn al-Mahdi jadi pemuka dalam bidang ini? Bagaimana dia jadi pemimpin para penyanyi pada waktu itu?"
>
> "Wahai, Subhanallah!" Kata saya menanggapi. "Mengapa tuan tidak mencontohi ayah dan saudara tuan? Atau,

tidakkah tuan melihat bagaimana Ibrahim terhalang mencapai kedudukan mereka kerana mengejar ilmu tersebut?"

Namun, sang amir itu tidak sudi mendengar kritik saya, dan memusingkan badannya. [*Maklumat yang tidak masuk akal telah diterima oleh para sejarawan. Mereka tidak mengambil hirau sama ada ianya hakikat dan maklumat terperinci yang menghendaki kita menyelidiki bahawa yang sebaliknya itu adalah suatu yang benar ....]

Cerita palsu lainnya adalah tentang kaum Ubaydiyyin, khalifah-khalifah Syi'ah di Qairawan dan Kairo, yang keturunannya dianggap tidak bersambung dengan keluarga Nabi Muhammad s.a.w. dan menganggapnya bersambung keturunan dengan Ismail al-imam ibn Ja'far as-Shadiq. Cerita itu ditulis oleh para sejarawan dan ulama terpercaya (*tsabat*) berdasar cerita yang dipalsukan untuk khalifah-khalifah Bani Abbas (Abbasiyah) yang lemah, sebagai dukungan atas hinaan bagi orang yang memusuhi mereka dan sebagai taktik mencaci musuh mereka.

Para sejarawan yang demikian tidak berusaha memahami bukti-bukti faktual dan dalil-dalil alam yang, apabila bertentangan, dapat balik menyalahkan anggapan serta menolak pendapat mereka.

Dalam pembicaraan mengenai permulaan berdirinya daulat Syi'ah, mereka berpendapat bahawa ketika Abu Abdillah al-Muhtasib berada di tengah Bani Kutamah,[30] dia diminta menerima keluarga Muhammad. Khabar beritanya tersebar ke mana-mana, dan permusuhannya terhadap Ubaidillah al-Mahdi dan puteranya Abu al-Qasim sudah dikenal orang. Keduanya takut, lalu lari meninggalkan Masyriq, pusat pemerintahan khalifah, melintasi Mesir, dan keluar melalui Iskandariyah dengan mempergunakan baju pedagang.

Kemudian terdengar beritanya oleh Isa an-Nausyari, Gabenor Mesir dan Iskandariyah. Dia mengutus pasukan berkuda untuk mengesan jejaknya. Ketika mereka diketahui, pengenalan mereka sudah tidak dikenal lagi oleh pasukan berkuda itu, kerana pengenalan dan pakaian mereka sudah berubah. Dari Iskandariyah mereka berangkat menuju Maghribi.

---

30 Bani Kutamah, adalah kabilah Barbar, yang membantu keluarga Fatimi menaklukkan al-Aghalibah di Maghribi pada abad ke-10. Mereka menganut mazhab Syiah yang disebarkan Abu Abdillah asy-Syi'i di kalangan mereka.

Al-Mu'tadlid mengirimkan perintah ke al-Aghalibah, para amir Afrika di Qairawan, dan kepada Bani Midrar, amir-amir Sijilmasah, agar supaya mengirimkan utusan serta menyebarluaskan mata-mata ke segenap penjuru mencari kedua orang tersebut. Daripada Bani Midrar, Al-Yisya', penguasa Sijilmasah, mendapat maklumat mengenai tempat persembunyian mereka di daerahnya. Dia lalu memenjarakan mereka untuk menyenangkan hati khalifah.

Peristiwa ini terjadi sebelum Syiah muncul di kalangan Aghalibah di Qairawan. Setelah itu, seruan para pengikut Syi'ah muncul di Magribi, Ifriqiyah, Yaman, Iskandariyah, lalu di Mesir, Syam, mereka pecah belah bersuku-suku. Bahkan hampir saja mereka menghancurkan kota-kota yang banyak didiami Bani Abbas, dan melenyapkan mereka dari permukaan bumi. Di Baghdad, seruan mereka direalisasi oleh al-Amir al-Basasiri, Gabenor Dailami yang dapat mengalahkan Bani Abbas dalam permusuhan dengan para amir bukan Arab. Selama setahun dia berkhutbah untuk kepentingan Syi'ah di Baghdad. Bani Abbas selalu merasa dipersempit ruang lingkup daerah dan daulat mereka. Sedangkan raja-raja Bani Umayyah selalu mengancam dan mengajak mereka berperang dari seberang laut.

Bagaimana semuanya ini boleh terjadi atas orang yang mengubah nasab keturunan, yang berbohong? Ambillah pelajaran daripada ehwal al-Qarmathi, ketika dia mengaku bersaudara dengan orang yang sebenarnya bukan keluarganya. Bagaimana seruannya lumpuh dan pengikut-pengikutnya kucar-kacir. Dengan cepat kebusukan dan tipu muslihat mereka tampak. Dan begitu buruknya akibat yang diterimanya, mereka pun merasakan akibat pekerjaannya. Jika Ubaydyyin bertindak demikian, pasti usahanya akan bocor atau diketahui, meskipun secara perlahan-lahan.

> Meski seseorang memiliki budi pekerti,
> Walau dia menganggapnya tak diketahui orang, pasti diketahui.

Negara mereka berdiri selama 270 tahun. Mereka (kaum Syiah) telah menguasai makam dan mushalla Ibrahim a.s, menguasai tempat kediaman, dan makam Rasul, serta menguasai tempat melakukan ibadah haji, dan tempat malaikat turun membawa wahyu. Kemudian, kekuasaan dan persatuan mereka hancur terpecah-pecah, sesempurna ketaatan, kecintaan serta

keyakinan mereka sebagai keturunan Ismail al-imam ibn Ja'far as-Shadiq.

Setelah lenyap dan terhapus jejak negara, berkali-kali mereka menyerukan bidaah, menyebut nama anak-anak pewaris mereka, yang mereka katakan berhak menjadi khalifah. Penentuan itu mereka lakukan melalui wasiat dari imam-imam terdahulu. Jika mereka meragukan asal keturunan mereka, pastilah mereka tidak terjun ke dalam mara bahaya dalam usaha mencari kemenangan bagi diri mereka dan anak cucu semua. Orang yang berbuat bidaah tidak menampakkan aib bidaahnya, tidak membuat keragu-raguan dalam bidaahnya, dan tidak menampakkan dusta dalam seruannya.

Dan yang aneh adalah al-Qahdi Abu Bakar al-Baqilani – syeikh ulama mutakallimin; bagaimana dia cenderung (membenarkan) cerita yang meragukan dan mengemukakan pendapat yang lemah ini? Jika tindakan demikian dilakukan kerana mereka ateis dan terjerumus ke dalam *Rafidlah*, maka mereka tidak akan mendapat dukungan di awal munculnya seruan mereka. Dalam kekufuran mereka tidak ada penetapan orang yang dianggap keturunan mereka dengan sesuatu yang tidak dapat melepaskan mereka dari (takdir) Allah.

Allah telah berfirman kepada Nuh a.s. perihal puteranya:

> "Dia bukan termasuk keluargamu. Dia telah melakukan amal yang tidak salih. Maka janganlah sekali-kali engkau tanyakan pada-Ku tentang sesuatu yang tidak engkau ketahui."

Nabi s.a.w. pun pernah bersabda kepada Fatimah:

> "Bekerjalah, sedikit pun aku tidak dapat melepaskanmu daripada (takdir) Allah."

Jika seseorang sudah mengetahui sesuatu masalah atau meyakini kebenaran suatu persoalan, dia wajib menyatakannya terang-terangan. Sebab Allah mengatakan yang hak, dan memberi petunjuk ke jalan yang benar.

Rakyat tersebut di atas berada dalam kekhuatiran atas kekuasaan negara terhadap mereka, dan berada di bawah pengawasan orang-orang yang zalim kerana banyaknya golongan mereka. Mereka sendiri bertaburan di daerah-daerah yang jauh menyatakan seruan, serta kerana berulang-ulang mereka keluar.

Tokoh-tokoh mereka bersembunyi, dan hampir tidak lebih seperti dikatakan oleh penyair:

Jika anda tanya pada hari-hari: siapa namaku,
Ia tidak tahu.
Mana tempatku?
Tak tahu juga.

Sehingga Muhammad ibn Ismail, sang imam, saudara Ubaidillah al-Mahdi, disebut dengan *al-maktum* (orang yang tersembunyi). Golongannya memberi nama demikian kerana dia bersembunyi, takut menghadapi mereka yang hendak memeranginya. Ketika mereka muncul mencela nasab-keturunan mereka, para pengikut Bani Abbas melanjutkan hal itu dan mengemukakan pendapat yang ditujukan kepada khalifah-khalifah mereka yang lemah. Pendapat itu memukau para gabenor, dan amir yang memimpin peperangan menyerang musuh.

Dengan demikian mereka membela diri dan sultan mereka, malu akan kelemahan mereka untuk menghadapi dan mempertahankan diri daripada orang Barbar dan kaum Katamiyyin, pendukung Abdiyyin dan penyebar dakwahnya, yang menguasai Syam, Mesir, dan Hijaz. Sehingga hakim-hakim di Baghdad melenyapkan namanya daripada daftar keturunan mereka, disaksikan oleh para tokoh masyarakat, di antaranya as-Syarif ar-Radli, al-Murtadla saudara ar-Radli, Ibn al-Bathhawi, dan beberapa orang ulama, di antaranya Abu Hamid al-Isfirayini, al-Qaduri, as-Shaimari, Ibn al-Akfani, al-Abiywardi, dan Abu Abdillah ibn Nu'man – fakih Syi'ah, serta tokoh-tokoh Baghdad masa itu, iaitu pada tahun 460 di masa pemerintah al-Qadir.

Kesaksian mereka berlangsung secara auditif, kerana persoalannya sudah dikenal di kalangan orang banyak di Baghdad, khususnya para pengikut Bani Abbas yang mencela keturunan ini. Demikianlah dinukilkan para tukang cerita dari mulut ke mulut, sebagaimana yang mereka dengarkan, menurut kecenderungan-kecenderungan mereka. Padahal cerita sebenarnya sama sekali berbeza dengan dongeng-dongeng tersebut.

Di dalam surat al-Mu'tadlid yang dikirim kepada Ibn al-Aghlab di Qairawan, dan kepada Ibn Midrar di Sijilmasah, mengenai Ubaidillah, terdapat keterangan yang jelas dan perincian yang lengkap tentang kebenaran salasilah keturunan mereka. Sebab al-Mu'tadlid lebih wajar duduk dalam urutan atau salasilah

keturunan nabi (*ahlul-bait*) daripada masing-masing mereka.]

Negara dan pemerintahan merupakan pasar dunia, tempat karya-karya ilmiah dan ketrampilan ditarik ke dalamnya. Kata hikmah yang bernada menentang dan adat yang terlupakan dihadirkan di dalamnya. Di dalam pasar ini cerita dituturkan dan pokok-pokok berita sejarah diungkapkan. Apa yang laku di pasar ini akan laku bagi semua orang di mana saja.

Dan apabila negara yang mapan itu menjauhi ketidakadilan, prasangka, kekurangan, dan bermuka-muka, dengan ketentuan menjaga sistem yang benar dan tidak membelokkannya, maka pelbagai barangan di pasarnya itu akan setulen barang-barang daripada jenis perak dan emas. Dan apabila negara dipengaruhi oleh kepentingan peribadi, dan persaingan, atau dipenuhi oleh kezaliman, tirani dan ketidakjujuran, maka barang-barang di pasarnya akan menjadi barang-barang yang tidak berharga dan benda-benda logam yang tidak bernilai. Kritikus yang berpandangan tajam harus membuat pertimbangan dalam dirinya sebagaimana dia melihat di sekitarnya, menguji yang ini, dan kemudiannya memilih yang lainnya. ...

[Satu cerita lain seperti itu, yang malah lebih mungkin tidak objektif lagi, ialah cerita yang sering menjadi perbincangan di kalangan tertentu oleh orang-orang yang suka menyerang keturunan Alawiyah (dari garis keturunan) Idris ibn Idris ibn Abdullah ibn Hasan ibn al-Hasan ibn 'Ali ibn Abi Talib – semoga ridlallah tercurah kepada mereka – yang menjadi imam al-Maghribi jauh menggantikan ayahnya. Mereka mencari alasan seolah-olah telah terjadi perzinaan. Mereka menyatakan bahawa anak kandungan yang belum lagi lahir (dari rahim ibunya) sewaktu Idris tua meninggal dunia tidak lain adalah anak (zina) dari Rasyid, pohon keturunan (*mawla.* Arab) kaum Idrisiyah tersebut. Allah membenci mereka. Alangkah toloknya mereka itu!

Mereka seharusnya mengetahui, isteri Idris tua adalah wanita yang berasal daripada suku bangsa Barbar. Sejak tiba di Maghribi, hingga wafat, beliau telah sedarah-sedaging dengan penghidupan padang pasir itu. Dan di padang pasir, tindakan semacam itu tidak mungkin dapat dirahsiakan. Di sana tidak mungkin seorang dapat melakukan sesuatu yang sifatnya rahsia. Tak ada tempat bersembunyi untuk itu.

Para tetangga wanita akan selalu dapat melihat, dan tetangga lelaki akan selalu mendengar segala sesuatu yang telah dilakukan

para wanita mereka. Kerana rumah di sana rendah-rendah, juga jendelanya, dan satu dengan lainnya tidak berjarak.

Rasyid tersebut – atas anjuran para sahabat dan pengikut Idrisiyah sendiri – dipercaya untuk menjaga para wanita (*hareem*, Ar.) yang ditinggal mati oleh mawlanya. Selanjutnya, suku-suku bangsa Barbar di Maghribi umumnya sepakat untuk membaiat Idris Muda (putera Idris tua) sebagai pengganti ayahnya yang telah wafat.

Dengan sukarela mereka mentaati segala perintahnya. Mereka bersumpah, bersedia mati untuknya, dan mereka telah menghadapi pelbagai bahaya maut dalam usaha melindunginya dalam peperangan dan pertempuran. Andaikata salah seorang di antara mereka yang menceritakan riwayat kotor seperti tersebut di atas, atau mendengar dari orang lain – musuh atau bukan – paling tidak mereka akan menolaknya. Tidak! Demi Allah s.w.t. cerita kotor itu sungguh berasal daripada lawan-lawan atau musuh-musuh bani Idris, yang terdiri daripada kalangan Banu Abbas dan Banu Aghlab, yang menjadi gabenor-gabenor dan pegawai-pegawai tinggi Abbasiyah di Ifriqiyah.

Ceritanya begini:

Ketika Idris Tua melarikan diri ke Maghribi sewaktu terjadi peristiwa *Fakh*, al-Hadi mengirimkan perintah kepada Bani Aghlab supaya bersiap-siap dan mengawasi segala tindak-tanduk Idris Tua di daerah mereka. Namun mereka tidak berhasil menangkapnya. Idris lolos, dan lari ke Maghribi.

Dia memperkuat kedudukannya di sana, dan berhasil mempropagandakan dirinya. Kelak ar-Rasyid mengetahui bahawa Wadlih – *mawla* dan gabenor Bani Abbas di Iskandariyah – telah memihak (Bani) Alawiyah dan membantu Idris lari ke Maghribi. Dengan demikian ar-Rasyid membunuh Wadlih.

Sesudah itu, asy-Syammakh – salah seorang di antara mawla al-Mahdi, ayah ar-Rasyid – menyatakan kesanggupannya membunuh Idris. Asy-Syammakh datang ke Maghribi, menampakkan diri seakan-akan sudah lepas ikatan dengan Bani Abbas, dengan maksud mendekatinya. Idris melindunginya, dan membolehkannya bergaul seharian dengannya.

Pada suatu kesempatan, ketika Idris sedang sendirian, asy-Syammakh memberikan racun kepada Idris, dan Idris pun mati oleh racun itu. Berita kematiannya diterima Bani Abbas dengan gembira, kerana dengan itu mereka mengharap akar propaganda

Alawiyah di Maghribi tercabut. Berita tentang kelahiran anak Idris yang ditinggalkannya semasa dalam kandungan ibunya belum lagi sampai pada mereka,

Tidak lama setelah kelahiran anak itu, propaganda Alawiyah di Maghribi muncul kembali. Kejadian ini merupakan pukulan yang berat bagi daulah Abbasiyah, yang kala itu sudah mulai lemah dan tampak lesu. Daulah Abbasiyah tidak lagi mampu mengawasi daerah kekuasaannya yang jauh dan terpencil.

Kerana Idris Tua memerintah begitu jauhnya di Maghribi, di bawah sokongan bangsa Barbar, maka kekuasaan ar-Rasyid di sana tidak begitu terasa, cukup hanya mampu meracuninya sahaja melalui satu muslihat licik, tidak lebih. Dengan demikian kini Bani Abbasiyah lari kepada wali-wali mereka di Ifriqiyah, iaitu Bani Aghlab. Mereka meminta bantuan Bani Aghlab untuk memulihkan kembali keretakan berbahaya yang diakibatkan propaganda kaum Idrisiyah itu, mengambil langkah positif untuk menghadapi ancaman kaum Idrisiyah, dan sekaligus berusaha menghancurkan kaum Idrisiyah sebelum propagandanya meluas.

Al-Makmun dan khalifah-khalifah penggantinya sama menyerukan agar Bani Aghalibah terus mengambil tindakan menghancurkan kaum Idris. Namun kaum Aghalibah juga sudah terlalu lemah untuk dapat menguasai suku Barbar di Maghribi itu. Bahkan, sebaliknya, kaum Idris dapat mengancam mereka, kerana kekuasaan khalifah kini telah dikuasai oleh kerajaan-kerajaan asing. Raja-rajanya telah mengambil alih seluruh pengawasan dan kekuasaan khalifah, cukai dan para pegawainya, untuk kepentingan mereka sendiri. Keadaan waktu itu tidak berbeza dengan tamsil yang didendangkan seorang penyair Abbasiyah:

Seorang khalifah dalam sangkar[31]
Di antara Washif dan Bugha
Mengatakan apa saja yang mereka ucapkan padanya seperti burung kakaktua.

Dengan demikian, para amir kaum Aghalibah khuatir terhadap kemungkinan persekongkolan musuh yang dapat meng-

---

31 Syair ini ditujukan kepada Khalifah al-Musta'in, khalifah dari kalangan Bani Abbas yang dipengaruhi dan dikuasai oleh dua jeneral Turki yang bernama Washif dan Bugha.

hancurkan mereka. Maka untuk menolak permintaan para khalifah Bani Abbas itu, mereka pun mencari pelbagai alasan. Misalnya dengan mencela dan memburuk-burukkan Maghribi serta rakyatnya, atau menimbulkan rasa takut terhadap kekuasaan Idris dan keturunannya, yang telah menggantikan mereka di sana.

Mereka menulis surat kepada Bani Abbas bahawa mereka telah dapat melintasi (menguasai) batas-batas kekuasaan Bani Idris. Di dalam bungkusan hadiah dan cukai – yang disampaikan kepada khalifah di pusat daulah Abbasiyah – mereka sertakan mata wang yang dikeluarkan Bani Idris, untuk menunjukkan bahawa kaum Aghalibah telah dapat mempengaruhi mereka, untuk menolak bahaya yang boleh timbul apabila terpaksa menyerang atau menghalang propaganda kaum Idris.

Kadang-kadang mereka menyampaikan berita bohong kepada para khalifah Bani Abbas, yang mereka anggap bodoh dan lemah otaknya. Mereka tidak peduli apakah berita itu benar atau tidak. Bani Abbas pasti akan menerima segala berita yang disampaikan. Demikianlah yang mereka lakukan hingga Idrisiyah hancur.

Tuduhan kotor terhadap keturunan Idris itu kemudian diketahui orang banyak. Setiap kali pertentangan muncul, selalu kata-kata kotor dipergunakan oleh musuh Bani Idris. Upaya, dan menjauhnya, mereka dari garis syariat agama, sehingga tidak dapat membezakan yang benar dan yang meragukan, membuat Allah s.w.t. benci pada mereka.

Idris lahir di tempat tidur ayahnya. Dan seorang anak apakah dia anak si anu atau si polan, ditentukan oleh tempat dia dilahirkan.

Kemudian, menghindarkan keturunan nabi daripada berdusta seperti tersebut adalah termasuk ke dalam akidah orang beriman. Allah s.w.t. menjauhkan dan menyucikan mereka dari setiap kejahatan. Menurut hukum al-Quran, tempat tidur Idris suci daripada segala kekotoran dan kejahatan. Bila seseorang meyakini yang sebaliknya, maka dia harus mengakui kesalahannya, dan berada di pintu dosa.

Panjang lebar saya telah menolak tuduhan yang ditujukan kepada Idris, dengan maksud menutup pintu keraguan dan menolak pendapat orang dengki yang langsung saya dengar dengan kedua telinga saya. Orang memusuhi kaum Idris dan

menolak kebenaran salasilah keturunan itu dengan merangkai berita bohong. Sambil menipu diri sendiri, pendusta itu meminjam kemasyhuran nama-nama besar dari para sejarawan Maghribi yang telah keluar dari keturunan keluarga nabi, dan goncang imannya terhadap nenek moyangnya. Idris suci daripada tuduhan semacam itu.

Sebaliknya, janganlah kita memberi peluang kepada orang yang ingin membentangkan tuduhan semacam itu. Menolak suatu cela yang sebenarnya sudah tidak mungkin ada, adalah suatu cela pula. Namun, saya akan tetap membela mereka di dunia, dan saya harap di hari kiamat mereka akan membela saya.

Hendaknya kita ketahui orang-orang yang mengemukakan tuduhan terhadap keturunan Alawiyah daripada Idris itu kebanyakan terdiri dari orang-orang yang sebenarnya keturunan nabi, atau seolah-olah erat hubungannya dengan keturunan nabi. Mereka iri pada keturunan Idris, yang berasal daripada Ali, dan Ali daripada nabi. Mereka menuntut untuk dianggap sebagai keturunan nabi, kerana keturunan nabi merupakan kunci untuk memperoleh pangkat kebangsawanan di antara bangsa-bangsa di dunia.

Maka sekarang, baik di tanah air mereka di Fez, mahupun di daerah lain di Maghribi, keturunan Idris begitu terkenal sehingga hampir tak seorang pun mampu menuliskan atau menerangkan salasilah keturunan yang lebih lengkap dari itu. Salasilah itu diturunkan terus-menerus, daripada generasi ke generasi.

Rumah saudara Bani Idris – pendiri dan pembina kota Fez – adalah bakal rumah Bani Idris. Masjidnya berdekatan dengan rumah-rumah dan gedung-gedung mereka. Pedangnya panjang terhunus di atas menara azan agung di pusat kota.

Peninggalan mereka menjadi saksi keberadaan mereka di sepanjang zaman. Seakan dengan melihat harta peninggalan itu seseorang sudah menyaksikan sendiri tradisi Bani Idris. Itulah bukti yang sukar dibantah kebenarannya.

Para keturunan Nabi lainnya dapat melihat atau menyaksikan tanda kebesaran yang telah dikurniakan Allah s.w.t. kepada Bani Idris, iaitu kebesaran kekuasaan di Maghribi. Mereka akan melihat, dan mengakui, mereka tidak pernah memiliki kebesaran seperti itu – bahkan tidak boleh sampai separuhnya. Mereka pun akan melihat bahawa mereka yang mengaku keturunan nabi, dan tidak mempunyai tanda-tanda yang memperkuat kebenaran peng-

akuannya seperti dimiliki Bani Idris, baiklah bergembira dan puas dengan seolah-olah membenarkan pengakuan mereka itu. Orang lain mestinya diberi bukti-bukti yang jelas mengenai kebenaran salasilah keturunan yang diakui itu. Sebab antara yang benar-benar diketahui dengan sangkaan saja berbeza, begitu pula antara kebenaran yang diyakini dan yang masih merupakan kemungkinan.

Jika kenyataan ini mereka ketahui, tentu mereka akan sesak nafas menelan ludah kecemburuannya. Rasa hasad dan dengki, yang bercokol dalam hati mereka, menyebabkan tidak sedikit di antara mereka yang berusaha menjatuhkan kedudukan empuk Bani Idris. Kerana itulah mereka mendendam, dan membuat akal jahat, serta tuduhan palsu yang bukan-bukan. Mereka membenarkan diri sendiri dengan pendirian bahawa tidak ada keraguan di dunia ini. Sebaliknyalah mereka membuktikan segalanya itu!

Kita tak pernah mengetahui salasilah keturunan nabi yang lebih lengkap, daripada salasilah keturunan Idris, yang bertitik tolak daripada al-Hasan. Kaum Idris yang terkenal sekarang ini adalah Bani Imran di Fez. Mereka itu keturunan Yahya al-Huthiyy ibn Muhammad ibn Yahya al-Awwam ibn al-Qasim ibn Idris. Mereka adalah *naqib-naqib ahlul-bait* di sana. Mereka tinggal di rumah nenek moyang mereka, iaitu Idris.

Merekalah yang memegang tumpuk pimpinan atas seluruh Maghribi. Insya-Allah, dalam pembicaraan yang berhubungan dengan Idrisiyah itu tentu nanti kita akan menyebut juga nama mereka. (Mereka adalah keturunan Imran ibn Muhammad ibn al-Hasan ibn Yahya ibn Abdallah ibn Muhammad ibn Ali ibn Muhammad ibn Yahya ibn Ibrahim ibn Yahya al-Huthy. Kepala bait mereka sekarang ini ialah Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammad ibn Imran.[32]

Keterangan-keterangan yang salah, dan kepercayaan-kepercayaan yang tidak benar lainnya adalah tentang Imam al-Mahdi, pemimpin utama Daulah Muwahhidun. Para ahli fiqah Maghribi yang lemah pendirian melemparkan tuduhan kepada imam tersebut. Dia dituduh penipu dan tidak jujur atas tindakannya memegang teguh pendirian tauhidnya yang benar, menyayangkan tindakan-tindakan tidak adil yang dilakukan para pemuka Daulah

32 Bahagian kalimat dalam tanda kurung ini hanya kami dapatkan dalam buku "*Ibnu Khaldun tentang Masyarakat dan Negara*" karangan Osman Raliby, Bulan Bintang, Jakarta, cet. keempat, 1978, hlm. 111.

Muwahidun sebelumnya. Segala propaganda Imam al-Mahdi dinyatakan bohong oleh mereka, dan bahkan tali keturunannya, yang berhubungan dengan keluarga nabi yang selama ini, dan diterima kebenarannya oleh para pengikutnya orang-orang Muwahidun, dinyatakan tidak benar pula oleh para *fuqaha*.

Sebenarnya, iri hati terhadap kemajuan yang telah dicapai oleh al-Mahdi itulah yang membuat para *fuqaha* menuduhnya penipu. Sambil menipu terhadap diri sendiri mereka mengira, mereka dapat menandingi al-Mahdi dalam bidang ilmu pengetahuan, fatwa, dan agama. Namun ternyata mereka tak lebih besar daripada dia. Pendapat-pendapatnya selalu diterima orang, apa yang dikatakannya selalu dituruti, dan dia pun mempunyai banyak pengikut. Mereka iri terhadap kemajuan yang dicapai al-Mahdi, dan mencuba mengurangi pengaruhnya itu dengan menyerang pendirian-pendiriannya, dan menyebarluaskan berita bahawa apa yang dinyatakannya tidak benar.

Di samping itu, mereka juga sering menerima penghargaan dan penghormatan dari raja-raja Lamtunah – musuh-musuh al-Mahdi – yang tidak pernah mereka terima dari raja-raja lain, disebabkan kerana kesederhanaan mereka dalam beragama. Di bawah kekuasaan daulah Lamtunah, para ilmuwan menduduki tempat-tempat penting, dan diangkat menjadi anggota Majlis Permusyawaratan sesuai dengan kemampuan mereka untuk mempengaruhi rakyat. Dengan demikian, kaum ilmuwan menjadi pendukung raja-raja al-Murabithun dan orang-orang yang memerangi musuh-musuh mereka. Mereka berusaha membalas dendam terhadap al-Mahdi atas penentangannya terhadap mereka, dan kerana kecamannya terhadap mereka. Mereka adalah pendukung raja-raja Lamtunah dan sangat fanatik. Sikap demikian sangat menguntungkan daulah Lamtunah.

Al-Mahdi berbeza dengan mereka. Dia tidak menyetujui keyakinan mereka. Apakah kiranya yang akan terjadi pada seorang lelaki, yang pernah mengecam dan mencela dinasti yang berkuasa, dan yang dalam tindakannya telah ditentang oleh para fuqaha daripada dinasti tersebut? Dia sendiri telah mengajak kaumnya untuk berjihad memerangi mereka. Dan lelaki itu pun dapat berhasil menghancurkan dinasti itu sampai ke akar-akarnya, dan sekaligus menjungkirbalikkannya meskipun dinasti itu kukuh kekuatannya, besar kekuasaannya, dan kuat tenaga sekutu dan tenteranya.

Pengikut-pengikutnya yang tewas dalam pertempuran itu

tidak terkira banyaknya. Mereka telah bersumpah setia padanya untuk berjuang sampai mati. Mereka telah melindunginya daripada maut dengan nyawa mereka sendiri. Mereka telah ber*taqarrub* kepada Allah, dengan mengorbankan jiwa mereka guna kemenangan cita-cita (dakwah) al-Mahdi. Sebagai fanatik-fanatik penegak Kalimah Allah, yang kelak mencapai kemenangan, dan menggantikan daulah yang terdapat di kedua pesisir itu.

Al-Mahdi sendiri tetap hidup sederhana, suka menyendiri, sabar menghadapi segala cubaan dan tidak mengendahkan soal-soal duniawi hingga akhir hayatnya. Beliau wafat tanpa meninggalkan kekayaan duniawi. Malah anak pun dia tidak punya. Tidak seperti biasa semua orang berusaha memilikinya, tetapi kerapkali tertipu dalam menuruti keinginan itu. Apalah kiranya yang diharapkan lelaki itu dengan gaya hidup demikian, kalau bukan hasrat melihat wajah Allah? Kerana itulah dia tidak hendak berusaha mengumpul kekayaan duniawi selama hidupnya. Tambahan lagi, jika maksudnya itu tidak baik, tentulah dia tidak akan berhasil, dan dakwahnya tidak akan meluas.

> "Demikianlah sunnah Allah yang sudah berlaku terhadap hamba-hambaNya."[33]

Tuduhan para fuqaha terhadap kenyataan, bahawa keturunan al-Mahdi bersambung dengan keturunan Nabi tidak berdasar hujahan apa pun. Seandainya dia sendiri yang menyatakan demikian, maka pernyataannya itu tidaklah tidak dapat dibenarkan, sebab seseorang harus meyakinkan tentang keturunan yang dia nyatakan bagi dirinya sendiri. Kiranya baik dinyatakan, kepemimpinan tidak dapat dilakukan kecuali atas kaum yang sedarah. Pernyataan ini memang benar, sebagaimana akan diterangkan kelak dalam Bahagian (Fasal) Pertama buku ini.

Namun, al-Mahdi adalah seorang pemimpin yang membawahi seluruh Bani Masmudah. Mereka sama-sama sepakat untuk jadi pengikutnya, dan berada di bawah pimpinannya dan di bawah pimpinan golongannya yang bernama Harghat, sehingga Allah s.w.t. memberi kemenangan yang penuh dalam seluruh dakwahnya itu.

Dalam hubungan ini haruslah diketahui, kekuasaan al-Mahdi itu tidak semata-mata bergantung kepada keturunan al-Fathi-

---

33 Al-Quran 40 surah (al-Mu'min), ayat 85.

miyah. Orang-orang mengikutinya bukan kerana dia punya keturunan demikian. Akan tetapi mereka mengikutinya kerana kesatuan *Harghanah-Masmudah*, dan kerana kedudukannya yang sudah sebati dengan kesatuan itu.

Keturunan Fathimiyah al-Mahdi itu telah memudar, dan kalangan rakyat sudah banyak yang tidak mengetahuinya, meskipun nyatanya dia masih berada di tengah tradisi keturunannya itu. Fathimiyahnya telah terkelupas, dan *Harghanah-Masmudah*nya lebih menonjol, sehingga dia lebih dikenal dengan kulit baju yang terakhir ini. Meskipun dia berasal dari keturunan Fathimiyah, namun kenyataan itu tidak jelas lagi sehingga mudah baginya hidup dengan kesatuan *Harghanah-Masmudah*. Anggota-anggota· kesatuannya tidak banyak yang tahu bahawa dia dari keluarga Fathimiyah. Jarang terjadi keturunan seseorang boleh samar demikian.

Dalam hal ini ingatlah kisah Arfajah dan Jarir, mengenai siapa yang berhak memimpin suku Bajilah. Sebenarnya Arfajah berasal daripada suku Azd. Namun, dia telah berkulitkan suku Bajilah dengan baik, sehingga dapat memenangkan perbalahan dengan Jarir (mengenai siapa yang berhak memimpin Bajilah di hadapan Sayyidina Ali. Peristiwa itu terkenal dalam sejarah, dan darinya, seseorang dapat mengetahui hakikat yang sebenarnya. Allah s.w.t. memberi petunjuk kepada yang benar].

* * *

Pembicaraan panjang lebar tentang kesalahan-kesalahan itu telah membawa kita menyimpang jauh daripada tujuan penghasilan buku ·ini. Sungguhpun begitu ramai orang yang berkemampuan dan pakar-pakar sejarawan-sejarawan telah tersilap ketika membicarakannya dan dakwaan-dakwaan semacam ini. Mereka membekukan persoalan itu di dalam kepala mereka sahaja. Ramai yang berfikiran lemah dan tidak kritis telah mempelajari daripada mereka, malah ahli sejarawan yang kompeten pun menerima segalanya itu tanpa membuat suatu penyelidikan yang kritis dan dengan demikian cerita-cerita pelik itu pun meresap ke dalam bahan tulisan sejarah yang mereka hasilkan. Akibatnya, historiografi itu menjadi tidak bererti, membingungkan dan penuh dengan kesalahan. Para pelajar pula teraba-raba ketika mempelajarinya. Historiografi telah dianggap sebagai bidang yang dipelajari oleh masyarakat umum.

Oleh itu, pada hari ini, para sarjana yang terlibat di dalam

lapangan ini harus mempunyai pengetahuan tentang prinsip-prinsip politik, sifat semula jadi segala sesuatu itu, dan perbezaan-perbezaan di antara bangsa-bangsa, tempat-tempat, dan zaman-zaman dalam hubungannya dengan cara kehidupan, nilai-nilai akhlak, kebiasaan, kelompok-kelompok, fahaman-fahaman dan segala sesuatu yang lainnya. Selanjutnya, dia memerlukan pengetahuan komprehensif tentang keadaan semasa dalam semua aspek ini.

Dia harus juga berupaya membandingkan antara persamaan-persamaan, atau membezakan di antara masa, kini dan keadaan lalu. Dia harus mengetahui sebab berlakunya persamaan dalam beberapa kes situasi dan sebab adanya perbezaan dalam kes yang lainnya. Dia harus menyedari perbezaan asal sumber dan awal timbulnya sesebuah kerajaan dan kelompok-kelompok agama, sebagaimana juga sebab dan dorongan yang mewujudkan timbulnya sesuatu itu dan keadaan serta sejarah orang-orang yang mendukungnya. Sasarannya tidak lain adalah untuk melengkapi pengetahuan tentang sebab terjadinya sesuatu peristiwa dan untuk saling biasa akan asal sesuatu peristiwa. Selanjutnya, dia harus memeriksa berita yang disampaikan dengan prinsip-prinsip dasar yang telah dia ketahui. Apabila ia memenuhi syarat-syaratnya, maka ia diterima sebagai benar. Sebaliknya, seseorang ahli sejarah itu boleh menganggapnya sebagai tidak berasas dan menolaknya.

Hanya kerana alasan ini sahaja maka historiografi dianggap tinggi nilainya oleh orang-orang terdahulu, sehingga at-Thabari, al-Bukhari, dan sebelumnya Ibn Ishaq serta para sarjana Muslim lainnya, memilih untuk menceburi bidang ini. Kebanyakan para sarjana, sungguhpun begitu, melupakan hal ini, rahsia historiografi; dengan akibatnya ia menjadi suatu kerjaya yang sungguh membebalkan. Masyarakat umum dan para sarjana yang tidak mempunyai pengetahuan yang kukuh telah menganggapnya suatu bahan yang mudah dipelajari dan mengetahui sejarah itu, untuk menyelidikinya dan melupakannya. Yang tidak seharusnya terlibat dilibatkan, kulit telah dicampurkan dengan isi, yang benar berbaur dengan yang dusta.

> "Segala kesudahan sesuatu itu hanya Allah sahaja yang menentukannya."[34]

---

34 Al-Quran surah 31 (Luqman) ayat 22.

Suatu kelemahan yang kedapatan dalam hidang bistoriografi ialah sikap mengabaikan fakta bahawa keadaan-keadaan pada sesuatu negara dan bangsa dengan perubahan zaman dan berlangsungnya waktu. Ianya memang menjengkelkan dan sangat tersembunyi dan menjadi ketara hanya setelah waktu yang panjang, dan jarang-jarangnya ramai daripada segelintir sahaja yang menyedarinya.

Ia adalah sebagaimana berikutnya. Keadaan dunia dan bangsa-bangsa dengan segala macam kebiasaan mereka dan kelompoknya, yang mana mereka tidaklah terus-menerus kekal dalam suatu bentuk yang sama atau dalam cara yang tetap. Ada terdapat perbezaan-perbezaan menurut hari-hari dan zaman-zaman, dan perubahan-perubahan daripada satu keadaan kepada keadaan yang lainnya. Begitulah halnya dengan individu-individu, waktu-waktu dan kota-kotanya dan demikian juga yang berlaku dalam hubungannya dengan daerah-daerah dan jajahan-jajahan, zaman-zaman dan kerajaan-kerajaan.

Bangsa Parsi tua,[35] bangsa Syria, bangsa Nabatea,[36] kerajaan Tubba'ah, bangsa Israel dan bangsa (Kopta) Mesir kesemuanya pernah wujud. Masing-masing memiliki institusi khusus dalam hal kerajaan dan penetapan perbatasan, ragam politik yang tersendiri, pertukangan, bahasa, terminologi teknikal dan juga cara tersendiri dalam urusan berhubung dengan mereka yang sebangsa dan dalam soal pengendalian lembaga adat. Peninggalan sejarah mereka membuktikan semuanya itu. Kemudian datang bangsa Parsi yang lain,[37] bangsa (Byzantium) Romawi dan bangsa Arab.[38] Institusi atau lembaga tua berubah dan amal adat yang lapuk digantikan, sama ada kepada sesuatu yang kelihatan seakan-akan, atau kepada sesuatu yang sangat berbeza dan seluruhnya lain sama sekali. Kemudian, datanglah agama Islam. Sekali lagi, kesemua adat lembaga itu mengalami suatu perubahan yang lainnya, dan dalam banyak bentuknya telah memiliki bentuk yang dapat dilihat

35 Kerajaan Akhaemenia.

36 Bangsa Babylonia.

37 Kerajaan Sassani.

38 Tak jelas maksud bangsa Arab di sini. Mungkin Kerajaan Yaman Terakhir, atau Kerajaan Ghassan atau Kerajaan Hira. Setelah kata *bangsa Arab*, dalam *An Arab Philosophy of History*, Charles Issawi, terj. Dr. A. Mukti Ali, terdapat tambahan = dan *bangsa Eropah* (Filsafat Islam tentang Sejarah, hlm. 41).

sekarang ini akibat daripada peralihan daripada satu generasi kepada yang lainnya.

Kemudian, zaman kegemilangan bangsa Arab pun berakhir. Generasi-generasi terdahulu yang telah berjaya menjadikan bangsa Arab itu berkuasa dan mengasaskan kerajaan Arab telah meninggal dunia. Kekuasaan kemudiannya berpindah ke tangan bangsa yang lainnya, oleh bangsa bukan Arab (*ajam*) seperti orang Turki di Timur, bangsa Barbar di Barat dan bangsa Kristian Eropah di Utara. Dengan ketiadaan mereka seluruh bangsa itu turut musnah dan adat lembaga serta kebiasaan pun berubah. Kemasyhuran mereka dilupakan, dan kekuatan mereka tidak lagi diendahkan orang.

Sebab-musabab yang diterima secara meluas mengenai perubahan dalam lembaga dan adat kebiasaan ialah suatu hakikat bahawa adat kebiasaan sesuatu bangsa itu adalah menurut adat kebiasaan raja-rajanya. Sebagaimana dinyatakan oleh peribahasa:

> "Rakyat jelata mengikuti agama yang dianuti oleh raja-nya."[39]

Apabila orang-orang yang ghairah mahu berkuasa mengambil alih teraju pemerintahan negara, dan merampas kuasa, suatu yang tidak dapat dielakkan ialah mereka pasti akan berpegang kepada amalan orang-orang terdahulu dan mengamalkan kebanyakan kebiasaan-kebiasaan itu. Pada masa yang mereka tidak melupakan adat resam bangsa mereka sendiri. Ini menyebabkan terjadinya semacam perselisihan di antara adat resam kerajaan yang baru dan adat-adat generasi yang terdahulunya.

Kuasa yang baru, sebaliknya pula diambil alih oleh kerajaan yang lainnya, dan kebiasaan-kebiasaan yang ada akan bercampur-baur dengan kebiasaan kerajaan yang baru. Banyak ketidak-seragaman diperkenalkan, supaya perbezaan kebiasaan kerajaan yang baru dan yang pertama itu akan menjadi lebih ketara daripada adat kebiasaan di antara yang kedua dengan yang pertamanya. Pertambahan perubahan yang berbeza-beza, yang diperkenalkan sedikit demi sedikit itu akhirnya menyebabkan suatu perbezaan yang sama sekali berbeza (adat kebiasaan dan lembaga).

---

39 *Din* 'agama' di sini dipergunakan dalam rasa umum daripada "cara untuk melakukan sesuatu pekerjaan".

Dan selagi adanya pengganti daripada pelbagai bangsa kepada kekuasaan dan kerajaan, selama itu pula akan terus ada perubahan dalam adat kebiasaan dan lembaga mereka.

Pemikiran analogi dan perbandingan adalah diketahui dengan baik sebagai sifat semula jadi manusia. Ianya tidak dapat bebas daripada melakukan kesalahan. Bersama dengan sikap pelupa dan tidak teliti, ia mempengaruhi si penyelidik daripada tujuannya dan menyimpangnya jauh daripada matlamatnya. Lazimnya, seseorang yang telah banyak mempelajari tentang sejarah silam masih tidak peka pada perubahan-perubahan di mana keadaan-keadaan itu telah terjadi. Tanpa ada perasaan ragu-ragu lagi, dia secara langsung telah menggunakan pengetahuannya (yang semasa) terhadap bahan sejarah dan mengukur bahan tersebut sebagaimana yang dilihat menurut kaca matanya, meskipun perbezaan antara keduanya adalah sangat besar. Akibatnya, sang penyelidik itu jatuh ke jurang yang penuh dengan kesalahan.

Keadaan tersebut dapat digambarkan oleh catatan sejarawan tentang al-Hajjaj.[40] Disebutkan, ayahnya adalah seorang guru sekolah. Pada masa itu pekerjaan mengajar dianggap sebagai kerjaya kemahiran dan hanya untuk mencari nafkah hidup sahaja. Kerjaya perguruan tidak dibanggakan oleh masyarakatnya. Menjadi seorang guru adalah dianggap sesuai dengan orang yang lemah, miskin dan merempat. Maka itu banyaklah golongan profesional yang lemah dan ahli pertukangan tangan yang bekerja semata-mata untuk sumber pendapatan yang mana mereka itu tidak layak menceburi bidang tersebut tetapi mempercayai bahawa itu sahaja yang dapat dilakukan. Mereka itu disesatkan oleh kemahuan sendiri, bagaikan seutas tali yang sering terlepas daripada pegangan dan menyebabkan diri itu terjatuh ke jurang kehancuran. Mereka tidak menyedari bahawa apa yang diharapkan itu adalah sesuatu tidak mungkin dapat dicapai oleh orang seperti

---

40 Al-Hajjaj ibn Yusuf as-Tsaqafi (wafat 95 H/714 M); panglima perang, dan khatib daripada Arab. Lahir di Thaif, terkenal sebagai gabenor daripada Bani Umaiyah. Abdul Malik ibn Marwan mengirimkan tentera di bawah pimpinannya. Beliau dapat menaklukkan Ibn az-Zubair dan Ibn al-Asy'ats, jadi gabenor di Makkah, Madinah, Taif dan Iraq. Di Iraq dia mendirikan kota Wasith, tempatnya wafat. Dia dapat meluaskan daerah kekuasaan Arabia hingga Asia Tengah. Menaklukkan Khawarij. Memperhatikan masalah pengairan dan perbaikan moneter. Terkenal dalam kemampuannya mengatur negara, kekerasannya, dan kelancaran berpidato.

mereka. Mereka seperti tidak menyedari bahawa mereka itu adalah golongan profesional dan ahli pertukangan tangan yang bertungkus-lumus demi untuk terus dapat hidup dan bernafas.

Dan mereka tidak mengetahui di masa permulaan Islam dan di bawah pemerintahan kerajaan Islam yang pertama (Umaiyah dan Abbasiyah), pekerjaan mengajar adalah suatu yang sangat berlainan. Secara umumnya, ilmu pengetahuan bukanlah suatu bidang ketukangan pada masa itu. Ia lebih merupakan penampilan nukilan daripada apa yang disyorkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Ia adalah menyampaikan ajaran-ajaran agama yang belum diketahui orang dengan cara *tabligh*. Hanya mereka yang berada dalam golongan mulia dan yang berkongsi kepentingan kelompok bertanggungjawab untuk mengajarkan Kitab Allah sahaja yang mengajar al-Quran dan sunnah Nabi (sebagaimana dilakukan) sebagai melanjutkan tradisi dan bukan sebagai pekerjaan yang profesional.

Kitab al-Quran itu adalah Kitab Suci mereka yang diwahyukan kepada seorang Nabi yang terpilih dari kalangan mereka sendiri. Ia dijadikan penunjuk jalan dan Islam adalah agama mereka. Oleh itu mereka harus berjuang mempertahankannya dan rela mati kerana kesuciannya. Ia membezakan diri mereka dengan bangsa-bangsa lain dan menjadikan bangsa itu bangsa yang agung.

Mereka itu didorong oleh kemahuan untuk menyampaikan dan menerangkan agama itu kepada setiap manusia Islam. Mereka didorong oleh perasaan yang tidak gentar apabila dicela oleh mereka yang megah dan tidak mudah ditundukkan oleh penghinaan daripada mereka yang angkuh. Hal itu dibuktikan oleh kenyataan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. pernah mengirimkan para sahabatnya dan duta-dutanya kepada orang-orang Arab, di mana disarankan supaya diajarkan norma dan syariat agama Islam. Baginda telah mengutuskan 10 orang sahabatnya dan yang lain sesudah mereka bagi melaksanakan misi tersebut.

Kemudian agama Islam berdiri tegak dan kukuh akarnya. Bangsa-bangsa yang jauh dapat mempelajari ajaran Islam daripada orang-orang Islam. Kemudian, dengan berlalunya waktu, keadaan Islam telah berubah. Banyak hukum syariat baru digubal hasil daripada panduan teks-teks dasar, sesuai dengan pelbagai ragam dan perkembangan yang tidak putus-putus. Suatu norma atau hukum yang tetap diperlukan bagi menjaganya daripada pentafsiran yang salah. Mengetahui hukum-hukum itu menjadi suatu

kebiasaan. Untuk mendapatkannya, ia memerlukan pengajian. Maka, mempelajarinya berkembang menjadi suatu kemestian untuk kemahiran dan kerjaya. (Sebagaimana nanti akan diterangkan dalam bab *Ilmu dan Mengajar*).

Orang-orang yang menguasai kepentingan kelompok kini menumpukan perhatian dalam hal-ehwal kerajaan dan kekuasaan pemerintah. Perihal pendidikan diserahkan kepada orang lain. Dengan demikian sesi mengajar menjadi suatu kerjaya yang berfungsi untuk mencari nafkah hidup. Mereka yang hidup mewah dan berpengaruh dalam pemerintahan berasa tidak perlu untuk melakukan tugas pendidikan. Kini, mengajar menjadi suatu pekerjaan yang layak disandang oleh orang-orang yang lemah. Akibatnya, para pengajar itu dilihat sebagai orang-orang yang lemah dan tugas mendidik tidak dipandang suatu pekerjaan yang mulia oleh orang-orang yang terkemuka dan mereka yang berpengaruh dalam kerajaan.

Sekarang ini, Yusof, iaitu bapa kepada al-Hajjaj merupakan salah seorang daripada orang terkemuka dan bangsawan di Tsaqif. Mereka dikenali sebagai lebih memperjuangkan kepentingan kelompok mereka dan penentangan dengan pihak bangsawan Quraisy. Pembelajaran al-Quran oleh al-Hajjaj sebagaimana yang diketahui adalah tidak sama dengan pembelajarannya pada masa ini, khususnya, ia menjadi suatu tugas semata-mata untuk mata pencarian hidup sahaja. Pengajaran adalah jenis yang diamalkan pada permulaan Islam, dan sebagaimana yang kami telah nyatakan.

Contoh lain yang menggambarkan kenyataan serupa ini (yang salah) adalah kecaman tidak berasas daripada para peminat sejarah yang kritis terhadap karya-karya sejarah ketika mereka mendengar tentang kedudukan para kadi (hakim), pemimpin dalam peperangan dan pemerintahan tentera yang dipertanggungjawabkan kepada para kadi. Pemikiran yang salah itu menyebabkan mereka mengimpikan kedudukan seperti itu. Mereka beranggapan bahawa jawatan kadi di masa kini adalah sama hebatnya dengan yang wujud sebelum itu. Sewaktu mengetahui tentang Ibn Abi Amir, yang berupaya berkuasa penuh terhadap Hisyam, mendengarkan bahawa ayah Ibn Abbad, menguasai salah seorang raja Sevilla, dan mereka adalah para kadi. Mereka dengan demikian berpendapat bahawa para kadi terdahulu itu sama seperti kadi yang ada di masa kini. Mereka tidak peka kepada perubahan

yang telah terjadi dalam jabatan kadi itu. Sebagaimana akan diterangkan dalam bab kehakiman dalam Buku yang Pertama.

Ibn Abi Amir dan Ibn Abbad merupakan sebahagian daripada kabilah Arab yang menyokong kerajaan Umaiyah di Andalus dan mewakili *ashabiyah*[41] Bani Umaiyah. Sudah diketahui betapa pentingnya kedudukan mereka itu di sana. Kepemimpinan dan pengaruh terhadap kerajaan yang ada pada mereka tidak diperoleh dari jabatan kadi yang ada pada waktu itu. Dalam organisasi pentadbiran kuno, jabatan kadi diberikan oleh pihak kerajaan dan orang yang berkuasa kepada mereka yang berpihak kepada mereka (kerajaan itu), sebagaimana yang berlaku pada zaman pemerintahan seorang wazir di Maghribi. Suatu hal yang harus diambil perhatian ialah kadi pada zaman itu menyertai pasukan tentera dalam penyerangan-penyerangan serentak dan dipertanggungjawabkan dengan beberapa persoalan penting, sepertimana yang dipertanggungjawabkan kepada orang-orang yang berupaya mengatur kehendak kelompok mereka dan mencapai apa yang dihajati. Mendengar hal sedemikian itu, ada kalangan yang salah anggap dan akan menimbulkan pendapat yang salah tentang pelbagai keadaan.

Ketika itu, mereka yang berfikiran lemah ialah penduduk Andalus. Perasaan satu kelompok telah hilang dari negara itu beberapa tahun disebabkan oleh lenyapnya kerajaan Arab di Sepanyol dan bebasnya orang-orang Andalus dari kekuasaan kelompok sosial orang-orang Barbar.

Keturunan Arab itu masih utuh tetapi usaha untuk mengangkat darjat kekuasaan dan kerjasama telah luput. Bahkan mereka (Sepanyol) itu menjadi sejumlah rakyat biasa yang tidak bererti. Mereka boleh diperbudakkan dengan kekerasan dan dapat menerima penghinaan itu. Itulah sebabnya, di antara mereka terdapat orang-orang yang profesional dan tukang-tukang yang

---

41 *Ashabiyah* adalah keketatan hubungan seseorang dengan golongan atau kumpulannya dan berusaha sekuat tenaga untuk menolongnya, serta berlaku *taassub* terhadap prinsip-prinsipnya (Al-Munjid, hlm. 805).

F. Gabrieli menterjemahkannya dengan *sprito di carpo* atau *spirito di parte.* Sedangkan T. Kemiri menerangkan bahawa "ashabiyah" itu nasionalisme dalam erti yang lebih luas."

Kami mengertikannya dengan solidaritas sosial, mengikuti terjemahan A. Mukti 'Ali.

berusaha keras untuk mendapatkan kuasa dan memperoleh kekuasaan.

Sebaliknya, orang-orang yang berpengalaman tentang hal ehwal kabilah, perasaan kelompok dan kerajaan-kerajaan yang terdapat di pesisir barat dan mereka yang mengetahui bagaimana keagungan itu dicapai di antara bangsa-bangsa dan golongan-golongan suku bangsa, jarang sekali berbuat kesalahan ataupun memberi pengertian-pengertian yang sudah salah dalam hal ini.

Gambaran lain yang dapat menunjukkan kesalahan yang serupa yang diulangi oleh para sejarawan ialah ketika menyebutkan pelbagai kerajaan dan raja-raja yang menerajui pemerintahan itu. Mereka menyebutkan nama setiap raja, keturunannya, ibu dan ayahnya, isteri-isterinya, nama keluarga khadamnya, kadinya, *hajib*nya dan wazirnya. Dalam hal ini mereka telah mengikut secara taklid sepertimana yang dilakukan oleh para sejarawan yang hidup pada zaman Umaiyah dan Abbasiyah tanpa cukup menyedari kedudukan sebenar sejarawan di masa tersebut.

Nenek moyang mereka telah menulis sejarah untuk ahli keluarga bangsawan, yang mana pewaris mereka mahu mengetahui riwayat hidup dan keadaan mereka itu. Dengan demikian, mereka boleh mengikut jejak langkah dan apa yang dilakukan, sehingga perkara-perkara kecil seperti mendapatkan petugas istana (pesuruh) daripada orang yang ada di dalam kerajaan terdahulu dan pemberian pangkat dan kedudukan bagi keturunan para pelayan itu dan orang-orang gaji yang lainnya. Para hakim juga turut berkongsi peranan dalam kelompok seperti itu dan menikmati kebesaran sepertimana yang dinikmati oleh para wazir, yakni sebagaimana yang disebutkan di atas. Berdasarkan itulah, maka para sejarawan yang hidup di masa itu harus menyebutkan segala sesuatu tentang mereka itu secara terperinci.

Tetapi kemudiannya, muncul pelbagai kerajaan baru. Masa pemerintahan itu menjadi makin berpanjangan. Perhatian sejarah kini ditujukan khusus kepada seseorang raja itu sendiri dan perhubungan antara kerajaan di sesebuah negara dalam hubungan kekuatan dan kekuasaannya. Persoalan yang timbul ialah kerajaan mana yang sanggup menentang sesebuah kerajaan lain yang sedang berkuasa ketika itu dan mana yang lemah untuk berbuat demikian. Oleh itu, terasa tidak ada faedahnya bagi para pengarang ketika itu untuk menyebutkan nama-nama anak dan isteri, ukiran *khatam*, gelar, kadi, wazir dan *hajib* dari sebuah negara kuno, jika sang

pengarang itu tidak mengetahui asal usul, keturunan, atau keadaan mereka. Dan para pengarang hari ini hanya mengambil semuanya itu secara semberono tidak lain hanya meniru secara taklid apa yang dicatat oleh pengarang-pengarang yang terdahulu. Mereka mengetepikan maksud sebenarnya pengarang terdahulu itu dan lupa pula untuk memerhatikan tujuan sebenarnya penulisan sesebuah karya sejarah.

Suatu kekecualian ialah para wazir yang mana pengaruhnya adalah sungguh luar biasa dan kepentingan pensejarahannya melebihi para raja. Wazir-wazir itu, sebagai contoh ialah, al-Hajjaj, Bani al-Muhallab, al-Baramikah, Bani Sahl ibn Nawbakht, Kafur al-Aikhsyidi, Ibn Abi Amir dan beberapa lagi yang boleh disentuh. Tidak perlu dibantah mengenai kehidupan mereka atau membicarakan hal-ehwal mereka kerana apa yang utama ialah mereka termasuk hitungan, kepentingan mereka adalah sama dengan para raja itu.

Suatu keterangan tambahan sebagai penutup pembicaraan ini ialah:

Sejarah merujuk kepada peristiwa-peristiwa khusus mengenai suatu zaman dan bangsa. Pembicaraan umum tentang keadaan sesuatu daerah, bangsa dan zaman itu merupakan dasar bagi para ahli sejarah. Kebanyakan permasalahan sejarah dibangun di atas dasar tersebut dan maklumat sejarah itu menjadi jelas oleh dasar tersebut.

Ia menjadi judul kepada penghasilan tertentu, khususnya, seperti karya al-Mas'udi, *Muruj adh-Dhahab.* Di dalam karya tersebut, al-Mas'udi mengulas mengenai perkembangan bangsa-bangsa di Barat dan daerah di Timur pada zamannya iaitu di tahun 330-an (940-an).

Di dalamnya, dia menyebut puak-puak dan adat istiadat mereka. Dia juga menerangkan pelbagai negeri, gunung, samudera, daerah-daerah dan kerajaan-kerajaan. Dibezakan juga di antara suku Arab dengan suku bukan-Arab. Dengan demikian, bukunya menjadi petunjuk dasar bagi para sejarawan, bahkan sumber mereka paling utama untuk menguji kebenaran sejarah.

Kemudian sesudahnya muncul pula al-Bakri. Beliau menulis sejarah sebagaimana yang telah dilakukan oleh al-Mas'udi, khususnya mengenai jalan-jalan dan daerah-daerah dan tidak menghuraikan persoalan lain kerana di masa itu tidak banyak berlaku perubahan kepada negara dan bangsa itu. Namun, di masa

ini, yakni di akhir abad ke-18 (1400) – keadaan di Maghribi, sebagaimana yang dapat diduga, sudah mengambil arah dan berubah secara menyeluruh. Orang-orang Barbar iaitu penduduk asli Maghribi telah digantikan oleh orang-orang Arab yang datang sejak abad ke-5 (1100). Bilangan orang-orang Arab telah melebihi penduduk Barbar. Mereka telah mengambil alih hak ke atas sebahagian besar tanah, malah memperoleh bahagian ke atas apa yang dimiliki.

Demikianlah keadaan pada waktu itu sehinggalah pada pertengahan abad ke-8 (1400) kemudiannya peradaban di Timur dan di Barat itu dihinggapi suatu wabak yang menghancurkan bangsa-bangsa dan menyebabkan ramai penduduknya mati. Bencana itu telah melenyapkan banyak peradaban-peradaban yang baik dan menghapusnya sama sekali. Ia berlaku ketika negara-negara itu berada pada puncaknya, apabila ia berada pada tahap terakhir zamannya. Bencana itu telah melumpuhkan kekuatan dan menyekat pengaruh mereka. Ia melemahkan kekuasaan mereka. Keadaan itu menemukan mereka kepada titik kehancuran dan kemusnahan. Peradaban itu mulai luput bersama kurangnya bilangan manusia. Kota dan bangunan-bangunan terbiar begitu sahaja, jalan raya dan penunjuk arahnya jadi musnah. Tempat kediaman dan rumah-rumah yang tersergam indah kini tidak lagi dihuni. Negara dan kabilah menjadi lemah. Kesemuanya itu sudah berubah. Keadaan itu berlaku juga di Timur. Ia seakan-akan serupa dan lebih kurang. Sama sahaja sebagaimana yang berlaku terhadap peradabannya. Seolah-olah begitulah kehendak alam semesta yang akan bertemu kehancuran dan kemusnahan akibat kelalaian penghuninya. Alam telah menyahut apa yang telah ditetapkan kepadanya.

Allah s.w.t. yang memiliki bumi ini dan segala sesuatu yang ada di atasnya.

Apabila terjadi perubahan secara umumnya menyeluruh, ia seolah-olah menjadikan seluruh makhluk itu telah berubah dan seluruh dunia ini dengan segala isinya telah bertukar. Terasa seakan-akan ianya suatu ciptaan baru dan suatu kejadian semula. Alam dan isinya yang serba baru. Oleh itu terasa diperlukan ketika ini orang-orang yang secara sistematisnya menetapkan keadaan-keadaan di dunia yang mempunyai pelbagai daerah dan bangsa, serta adat resam dan puak-puak yang mempunyai pelbagai anutan yang berubah-ubah untuk pewarisnya. Pendeknya melakukan apa

yang telah dilakukan oleh al-Mas'udi untuk bangsanya. Ia seharusnya dapat dijadikan contoh kepada para sejarawan yang akan datang.

Dalam buku ini, saya akan membicarakan segala persoalan sedapat mungkin ketika saya berada di Maghribi. Saya akan menuliskan, baik secara explisit ataupun secara implisit segala yang berhubungan dengan sejarah Maghribi, sesuai dengan tujuan saya untuk menulis secara khusus tentang Maghribi. Juga, tentang keadaan bangsanya dan negaranya dan tentang rakyat jelata dan kerajaan-kerajaan, tanpa menyinggung hal-hal di daerah lain.* Pembatasan ini adalah disebabkan oleh kurangnya pengetahuan saya tentang apa yang berlaku di Timur dan di antara bangsa-bangsa itu. Tambahan pula maklumat dari sumber yang tidak sahih tidak akan dapat memberikan maklumat mustahak sebagaimana yang saya kehendaki.

Al-Mas'udi – hasil daripada ruang perjalanannya yang luas telah mengupayakannya memberikan suatu gambaran yang lengkap. Sebagaimana yang telah ditulis dalam bukunya itu. Namun begitu pembicaraannya tentang Maghribi terasa kurang lengkap.

Dan di atas setiap ahli ilmu, Dialah yang lebih mengetahui. Manusia itu lemah, dan tidak sempurna. Dan mengakui kekurangan diri adalah suatu kewajipan orang yang beragama. Barang siapa yang mendapat pertolongan daripada Allah s.w.t. mendapati usahanya itu mudah dan usahanya itu berjaya. Kami mencari pertolongan-Nya untuk mencapai apa yang dicita-citakan.

Allah s.w.t. memberikan panduan dan pertolongan. Sesungguhnya, Dia seharusnya dipercayai.

Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk menjelaskan metode untuk mentranskripsi sebutan bukan bahasa Arab sebagaimana yang dinyatakan di dalam buku kami ini:

Ketahuilah bahawa huruf (bunyi)* pengucapan adalah ubahsuai bunyi yang datang daripada kotak suara. Ubahsuai itu adalah disebabkan oleh bunyi suara yang terpecah apabila

---

* Ternyata Ibn Khaldum mengubah fikiran dan memadankan sejarah tentang Timur ke dalam hasil kerjanya yang sedang diusahakan pada peringkat awalnya.

* Simbol yang tertulis dianggap sebagai menyamai dengan bunyi yang dinyatakan olehnya.

bersentuhan dengan anak lidah dan tepi lidah di kerongkong, pada langit-langit atau gigi dan juga ketika 'bertemu' dengan kedua bibir. Bunyi suara itu diubah suai menurut pelbagai cara di mana sentuhan itu terjadi. Akibatnya, huruf-huruf itu pun berbunyi dengan cara tertentu. Penggabungan itu menjadi sebutan sebagaimana yang terbetik di dalam arus fikiran seseorang itu.

Suatu yang harus disedari ialah tidak semua bangsa mempunyai bunyi suara yang sama. Lazimnya sesuatu bangsa itu mempunyai sebutan huruf yang berbeza dengan bangsa yang lain. Sebagaimana yang diketahui, sebutan huruf bangsa Arab ialah sebanyak 28 huruf. Bangsa Hebrew mempunyai sebutan yang sama sekali tidak sama dengan sebutan bangsa kita. Bangsa kita pula, sebagaimana sebaliknya, mempunyai sebutan yang tidak sama dengan sebutan mereka. Begitu juga tentang bahasa Kristian Eropah, Turki, Barbar dan bahasa bukan Arab.

Untuk lebih mudah melafazkan sebutan, para ilmuwan Arab telah memilih huruf yang konvensyional seperti "a" (*alif*), "b" (*ba*), "c" (*jim*), (*ra*), dan 't' (*tha*) dan sebagainya hingga genap 28 huruf. Dan apabila mereka berdepan dengan huruf yang tidak mempunyai persamaan sebutan dalam bahasa mereka, ia tidak digambarkan dalam bentuk tulisan dan tidak disuarakan secara jelas. Penulis kadang-kadang akan menggambarkan tekanan suara itu dengan huruf yang mempunyai persamaan paling hampir dengan bahasa kita, sama ada yang mendahului atau yang akan menyusulnya. Tetapi hal ini bukanlah sesuatu yang betul untuk menandai tanda bunyi tetapi suatu gantian yang menyeluruh.

Buku kita ini mengandungi sejarah bangsa Barbar dan bangsa bukan keturunan Arab. Nama-nama mereka dan beberapa perkataan lainnya, kita temui (bunyi/sebutan) yang tidak mempunyai persamaannya dengan bahasa tulisan kita dan sistem ejaan yang konvensyional. Dengan demikian, kita harus menandakan sebutan itu dengan tanda-tanda tertentu. Sebagaimana yang dikatakan, kita tidak berasa puas hati untuk menggunakan huruf-huruf yang menghampirinya. Sebabnya ialah, pada pendapat kami ianya bukan suatu penandaan yang memuaskan. Dalam buku saya ini, dengan demikian, saya telah memilih untuk merujuk sebutan bukan Arab itu dengan cara menetapkan keduanya (huruf sebutan) yang paling hampir. Melaluinya diharapkan para pembaca dapat menyebutnya di antara bunyi-bunyi yang dihasilkan oleh dua perkataan dan meluahkannya dengan tepat.

Gagasan ini didasarkan daripada cara-cara ahli al-Quran menulis huruf-huruf yang tidak begitu tajam bunyinya, seperti misalnya perkataan *ash-shirath* menurut cara bacaan *Khalaf.* Di sini huruf "s" (*shad*) dibunyikan dengan gabungan antara "s" (*shad*), dengan "z" (*zai*). Dalam hal ini mereka menyebut perkataan itu dengan "s" (*shad*) dan menuliskannya dalam bentuk "z" (*zai*). Dengan cara demikian mereka ingin menunjukkan pengucapan di tengah-tengah di antara dua huruf. Maka kita gambarkan huruf "*g*" keras dari bangsa Barbar yang berada di antara *kaf* dan *jim* kita (kita gambarkan) dengan huruf *kaf* sambil memberi titik di bawah huruf itu untuk menggambarkan *jim* untuk menunjukkan bahawa huruf itu berada di antara suara *kaf* dengan *jim* ataupun *qaf.* Bunyi suara ini paling banyak terpakai pada bahasa Barbar.

Dalam hal yang sama, saya telah menuliskan setiap huruf yang hendak disebutkan di tengah-tengah di antara dua huruf. Sebagai contoh perkataan Barbar *k*, yang disebut di tengah-tengah di antara *k* yang jelas dan *g* atau *q*, sebagai contoh, seperti mana sebutan *Buluggin*, saya mengejanya dengan huruf *k*, dengan satu titik tambahan – daripada *g* – di bawah, atau satu titik atau dua daripada *q* di atasnya. Dengan demikian ia menetapkan, bahawa bunyi itu harus disebut pada satu suara pertengahan di antara *k*, dan *g* atau *q*. Bunyi itu kerap berlaku dalam bahasa Barbar. Dalam suatu kes yang lain pula, saya telah mengeja setiap bunyi yang akan disebut di tengah-tengah di antara bunyi bahasa kita dengan dua ikatan huruf yang serupa. Para pembaca akan dapat mengetahui bahawa ia adalah bunyi perantara dan menyebutnya selaras dengannya. Dengan cara ini, kita telah menyatakannya sebaik yang mungkin.

Semoga Allah s.w.t. memberikan suatu kejayaan.

---

* Terjemahan berpandukan teks edisi bahasa Inggeris. Suntingan didasarkan pada teks edisi bahasa Indonesia iaitu terjemahan daripada edisi bahasa Arab/ Inggeris.

[*] Teks 'gugur' edisi bahasa Indonesia/Inggeris dikekalkan – Editor.

BUKU SATU
DARI
KITAB AL-'IBAR

Peradaban manusia pada umumnya. Peradaban masyarakat pengembara (Badwi), suku yang berpindah-randah dan golongan manusia liar. Negara secara umum, raja, khalifah dan tingkatan-tingkatan kesultanan. Negara-negara, kota-kota dan seluruh peradaban. Penghidupan dengan segala seginya, Ilmu Pengetahuan dengan segala macamnya.

***SUATU** hal yang harus diketahui ialah bahawa sejarah, suatu hakikatnya, adalah maklumat tentang organisasi sosial manusia. Ia adalah suatu yang serupa dengan peradaban dunia. Ia menyentuh tentang keadaan yang berkait rapat dengan sifat semula jadi peradaban, sebagai contoh, keganasan dan keramah-tamahan, perasaan dalam satu golongan (*asabiyah*) dan pelbagai cara di mana sesuatu golongan itu berjaya menundukkan yang lainnya. Ia menyentuh tentang kekuasaan seseorang raja dan pemerintahan-pemerintahan yang terhasil daripadanya dan pelbagai macam tingkatannya dan tentang bermacam-macam kegiatan yang wujud di dalamnya. Juga pelbagai kegiatan untuk mencapai taraf hidup dan cara-cara untuk mencari nafkah hidup itu sendiri, dengan ilmu pengetahuan dan pertukangan yang pada umumnya setiap manusia itu lakukan sebagai sebahagian daripada kegiatan dan usaha serta dengan pelbagai institusi lainnya yang wujud dalam tamadun itu, sebagaimana adanya.

---

* Terjemahan berpandukan teks edisi bahasa Inggeris. Suntingan didasarkan pada teks edisi bahasa Indonesia iaitu terjemahan daripada edisi Arab/Inggeris.

[*] Teks 'gugur' edisi bahasa Indonesia/Inggeris dikekalkan – Editor.

Suatu yang tidak benar lazimnya akan mempengaruhi keterangan sejarah. Terdapat banyak faktor yang menyebabkan ianya sukar dielakkan.

Salah satu daripada sebabnya ialah pendirian tidak mahu turut terlibat (*tasyayyu* Ar., *partisanship*, Ing.) menyebelahi mana-mana pendapat dan fahaman. Jika sekiranya seseorang itu berfikiran tidak memihak sewaktu menerima sesuatu maklumat, ia akan menyumbangkan kepada suatu penyelidikan yang kritis yang wajar diterima oleh maklumat itu. Dengan demikian benar atau tidak benar akan menjadi suatu yang jelas. Malangnya, jika seseorang itu berpihak kepada suatu pendapat atau kelompok, maka dia akan dengan serta-merta menerima setiap maklumat yang sealiran dengan pendapat sesuatu kelompoknya. Sikap buruk sangka dan berpihak itu akan menghalang seseorang daripada berfikir secara kritis dan menghalang penyelidikan yang wajar. Akibatnya ialah sesuatu yang tidak sahih itu diterima dan disampaikan.

Sebab kedua yang menyebabkan kepalsuan itu tidak dapat dielakkan ialah kerana terlalu bergantung kepada maklumat yang diceritakan oleh seseorang tukang cerita. Penyelidikan perkara ini adalah tugas (bidang) seseorang yang mempunyai peribadi yang kritis (*Ta'dil wa Tariih* Ar. *Personality Criticism.* Ing.).[1]

Sebab ketiga ialah kerana tidak menyedari tujuan sesuatu kejadian. Kebanyakan tukang cerita tidak menyedari betapa dia harus lebih teliti sesuatu yang dia teliti atau tentang segala sesuatu yang dia pelajari melalui penceritaan itu. Dia mengaturkan maklumat itu, menyatakan peri pentingnya sebagaimana yang dia andaikan atau membayangkan ianya ada. Hasilnya ialah suatu kepalsuan semata.

Sebab yang keempat ialah andaian yang tidak berasas tentang kebenaran sesuatu hal. Hal sebegini sering kali terjadi. Ia berlaku disebabkan terlalu mempercayai apa yang disampaikan oleh si tukang cerita.

Sebab yang kelima ialah ketidaktahuannya tentang bagaimana keadaan-keadaan itu sesuai dengan realiti. Keadaan-keadaan

---

1 *at-Ta'diil wat Tarjiih* (personality criticism), secara luas digunakan oleh sarjana-sarjana Muslim untuk penelitian hadis atau ucapan-ucapan Nabi Muhammad s.a.w. Dengan proses penelitian yang demikian, kita banyak mengenal hadis-hadis yang palsu.

itu sering dipengaruhi oleh kekaburan dan tokok tambah yang palsu. Seseorang informan itu akan melaporkan seperti apa yang dilihatnya, tetapi mengenai tokok tambah yang palsu itu dia sendiri tidak berupaya untuk memberikan suatu gambaran yang benar mengenainya.

Sebab yang keenam ialah pada hakikatnya kebanyakan cenderung menemu bual orang-orang yang berkuasa dan berkedudukan tinggi dengan puji-pujian dan sanjungan. Mereka juga menggembar-gemburkan sikap baik mereka dan menghebohkan kemasyhuran mereka. Maklumat yang dihebahkan itu adalah tidak dibuat secara jujur. Manusia sememangnya berasa senang apabila dipuji, dan manusia itu memberikan banyak tumpuan untuk mendapatkan kesenangan di dunia ini dan sentiasa berusaha mendapatkan kedudukan serta kekayaan yang boleh dicapai. Lazimnya, mereka tidak suka melakukan perbuatan yang mulia dan tidak menyukai orang-orang yang berbuat amal kebaikan.

Sebab ketujuh yang membenarkan kepalsuan itu tidak dapat dihindarkan – dan ianya adalah terpenting daripada sebab-sebab yang telah disebutkan – ialah ketidaktahuan tentang sifat semula jadi keadaan yang wujud dalam peradaban (*umran*. Ar). Setiap peristiwa (atau fenomena), baik yang berhubungan dengan bahagian intipati mahupun yang (disebabkan oleh) perbuatan, tidak dapat tidak pasti mempunyai hal semula jadi yang khas untuk intipatinya, dan juga untuk keadaan-keadaan yang akibat dikaitkan dengannya. Sekiranya seseorang pelajar itu mengetahui sifat semula jadi sesuatu peristiwa itu dan keadaan serta syarat-syarat di dalam dunia eksistensi, pengetahuan itu akan membantunya untuk membezakan yang benar daripada yang tidak benar sewaktu memeriksa maklumat sejarah itu secara kritisnya. Ia adalah jauh lebih berkesan dalam memeriksa maklumat yang kritis daripada aspek lain yang berbangkit dalam hubungannya dengan hal tersebut.

Seringkali terjadi ialah para pelajar itu menerima ·dan menyampaikan semula maklumat tentang *absurd* itu, dipercayai kerana pengaruh yang mereka depani. Al-Mas'udi misalnya, yang telah menceritakan pengalaman Iskandar Yang Agung. Dikatakan bahawa Iskandar Yang Agung telah dihalang oleh binatang-binatang laut (*dawaabul-bahr*. Ar., *sea monsters*. Ing.) sewaktu hendak mendirikan Kota Pelabuhan Iskandariah. Baginda dikatakan telah masuk ke dalam sebuah peti kayu yang di dalamnya

terdapat sebuah peti kaca, dan diturunkan ke dasar laut. Sewaktu di dasar laut itulah dia bertemu dengan binatang laut yang sangat mengerikan itu. Berdasarkan apa yang disaksikan itu, dia mengarahkan tukang patung membentuk binatang tersebut yang diperbuat daripada logam, dan meletakkannya bersetentang dengan bangunan yang sedang didirikan. Apabila binatang-binatang itu muncul ke permukaan laut dan melihat patung-patung itu, mereka lari tunggang-langgang. Dengan demikian Iskandar Yang Agung dapat menyelesaikan pembangunan kota Iskandariah.

Ia adalah suatu kisah yang panjang, yang mengandung perkara-perkara tidak benar dalam banyak hal dan sesuatu yang *absurd.* Dengan demikian, dikatakan Iskandar telah memasukkan dirinya ke dalam peti kaca dan dengan beraninya berada di dalam laut dan menempuh segala cabaran itu seorang diri. Suatu yang jelas ialah, seseorang raja tentunya tidak mahu melakukan kerja berbahaya itu. Sesiapa yang bercita-cita sedemikian akan membatalkan hasratnya itu, berkeberatan dan akan menggantikannya dengan orang lain. Itu merupakan suatu pekerjaan yang sengaja menempuh maut. Dan pasti sekali tiada sesiapa pun yang akan tinggal untuk menyaksikan dan menunggu kepulangannya.

Tambahan pula makhluk jin itu tidak mempunyai bentuk dan susuk tubuh yang khas. Jin-jin itu boleh menjelma ke dalam berbagai-bagai bentuk. Cerita bahawa jin-jin itu mempunyai banyak kepala hanya untuk menunjukkan betapa rupanya yang buruk dan amat menakutkan. Ianya bukan bertujuan untuk diterima dengan erti kata yang sebenar-benarnya.

Semuanya ini menimbulkan kecurigaan di dalam hikayat-hikayat tersebut. Malangnya, segala perkara yang terdapat dalam cerita dongeng itu dan dari alasan-alasan berdasarkan fakta-fakta kewujudannya menjadikan ianya lebih diterima daripada hujah-hujah lainnya. Sekiranya seseorang itu mahu berada di dalam air yang dalam, meskipun mempergunakan sebuah kotak yang tertutup, pastinya dia akan menghadapi kekurangan udara untuk bernafas secara semula jadinya. Sebabnya udara yang sedikit itu akan menyebabkan rohnya* cepat menjadi panas. Orang berkenaan akan menghadapi kekurangan udara dingin yang diperlukan

---

* 'ROH Yang Penting', yang mana menurut Galenia dan Perubatan Islam, dipercayai berasal di sebelah kiri bahagian jantung.

untuk menjaga keseimbangan paru-paru dan rohnya yang mustahak itu (*ar-ruuh al-qalbi.* Ar.). Tentunya, dia akan mati secara serta-merta.

Itulah sebabnya mengapa orang akan mati ketika mandi di kamar mandi air panas jika tidak dapat menyedut udara dingin. Itulah sebabnya mengapa orang yang berada di dalam perigi yang dalam dan di dalam bilik gelap bawah tanah akan mati kerana udara yang terdapat di dalamnya menjadi panas oleh pembusukan (*putrefaction*), dan tidak ada angin yang masuk ke dalamnya untuk membolehkan berlakunya peredaran udara busuk itu. Sesiapa yang berada dalam keadaan berkenaan akan mati dengan serta-merta. Ini juga menjadi sebab mengapa ikan akan mati apabila ia tidak berada di dalam air kerana udara itu tidak cukup untuk menyeimbangkan paru-parunya (*ri-atun.* Ar.). Udara di mana ikan itu berada terasa sangat panas, dan air yang mengimbangi keperluannya adalah sejuk. Udara yang ia bernafas adalah panas. Bahang panas itu, dengan demikian, menguasai haiwaninya, maka ia pun mati. Hal ini adalah sebab mengapa seseorang itu tiba-tiba sahaja meninggal dunia dan banyak contoh-contoh lain selain daripada itu.

Cerita yang tidak masuk akal lainnya sebagaimana yang diceritakan al-Mas'udi, ialah tentang Patung Burung Jalak yang terdapat di Kota Rom. Pada suatu hari tertentu dalam setahun, burung-burung jalak datang berkumpul di sekelilingnya membawa buah zaitun. Dan dari buah zaitun itulah orang-orang Rom membuat minyak. Perhatikanlah, alangkah tidak masuk akalnya untuk menyatakan bahawa proses pembuatan minyak adalah seperti ini!

Di samping itu, cerita karut lain adalah sebagaimana yang diceritakan oleh al-Bakri. Ia adalah mengenai pembinaan Kota Gerbang (*dzal el abwab.* Ar. *gate city.* Ing.). Luas kawasan kota itu ialah perjalanan lebih 30 hari dan ia memiliki 10 000 pintu. Kota-kota dibina sebagai benteng dan tempat perlindungan. Kota seperti itu, sudah tentunya, tidak akan dapat dikawal dan tidak berupaya memberikan keselamatan atau perlindungan.

Selanjutnya, ada sebuah cerita lainnya sebagaimana yang diceritakan oleh al-Mas'udi iaitu 'Kota Tembaga' (*Madinah an-Nuhas.* Ar. *copper city.* Ing.). Dikatakan, kota itu dibangun seluruhnya daripada tembaga di padang pasir Sijilmasah, yang dikuasai oleh Musa ibn Nushair ketika menyerang Maghribi.

Dikatakan bahawa pintu-pintunya itu ditutup. Apabila ada seseorang yang hendak memasukinya dengan cara memanjat dinding tembok itu, kemudian dia bertepuk-tepuk tangan dan orang itu terlempar ke bawah dan tidak akan mencubanya lagi. Semuanya ini adalah cerita yang tidak munasabah. Ia adalah dongengan tukang-tukang cerita yang sengaja suka bercerita.

Padang pasir Sijilmasah sudah dilintasi oleh para pengembara dan para penunjuk jalan. Namun mereka sama sekali tidak pernah mendengarkan berita tentang kewujudan kota tersebut. Semua yang dinyatakan itu adalah suatu yang tidak masuk akal. Ia bertentangan dengan fakta-fakta alami mengenai pembinaan kota-kota dan perancangan bandar-bandar. Dan benda-benda tambang lebih bererti apabila digunakan untuk dibuat peralatan dan perabot-perabot. Adalah suatu yang mustahil dan tidak mungkin bahawa barang-barang tambang itu akan cukup untuk menutupi sebuah kota.

Banyak lagi perkara-perkara lain yang sama. Hanya pengetahuan tentang alam semula jadi tentang tamadun akan membolehkan suatu penyelidikan yang kritikal berupaya dilakukan. Itulah cara yang paling baik dan paling meyakinkan untuk menyelidiki maklumat sejarah secara kritis dan untuk membezakan yang benar dengan suatu yang palsu. Ia adalah lebih berasas daripada usaha penyelidikan yang bergantung kepada kritik-kritik yang dibuat oleh tukang-tukang cerita. Orang-orang yang dianggap berwibawa dalam memberikan pandangan yang kritis itu tidak harus ditanyakan sehingga dipercayai sama ada maklumat yang terkandung di dalamnya adalah munasabah, atau tidak. Sekiranya ia tidak munasabah, maka tiada gunanya menanyakan kepada orang yang dianggap berwibawa untuk mendapatkan pandangan yang kritis (*ta'diil wa tajriih* Ar. *personality criticism*, Ing.).

Para sarjana yang kritis beranggapan bahawa apa yang dianggap munasabah itu adalah sebahagian maklumat sejarah dalam erti kata yang sebenar-benarnya. Atau interpretasi yang tidak dapat diterima akal oleh golongan cendekiawan itu adalah sesuatu yang akan membuatkan maklumat itu diragui kesahihannya. Kritikan terhadap personaliti akan diambil perhatian dalam hal yang berhubungan dengan kewajarannya (atau yang dilihat kurang wajar) dalam hal agama Islam. Sebabnya, maklumat yang berhubungan dengan Islam adalah yang menyentuh hukum-hakam sebagaimana yang ditetapkan oleh "Yang Menetapkan Hukum"

(*syar-ri*, Nabi Muhammad s.a.w). Ia adalah suatu perintah dan larangan yang menghendaki setiap orang Islam mematuhinya. Sebagaimana yang dijangkakan, undang-undang itu adalah asli. Cara untuk mempastikan ianya sebagai benar adalah dengan memastikan ianya datang daripada seorang yang berkelakuan jujur (*adalah, Ar. probitv*, Ing.) dan penyampai-penyampai yang dapat diterima sebagai dapat dipertanggungjawabkan.

Sebaliknya, untuk memastikan benar dan munsabahnya sesuatu maklumat itu atau tentang fakta kejadian-kejadiannya, suatu syarat yang harus difikirkan ialah sama ada ianya sesuai atau tidak sesuai sebagaimana yang dilaporkan dengan syarat-syarat umum. Oleh itu, adalah perlu untuk kemungkinan bahawa peristiwa-peristiwa yang dilaporkan itu harus telah berlaku. Hal ini adalah lebih penting dan lebih diutamakan daripada meneliti kritikan-kritikan terhadap peribadi-peribadi itu. Suatu pendapat yang dapat diterima sebagai benar tentang sesuatu yang seharusnya demikian dapat dicapai melalui kritikan-kritikan peribadi, sementara anggapan tentang sesuatu yang dianggap benar sebagaimana adanya dapat diusahakan melalui kritikan-kritikan peribadi dan (bukti) yang luar dengan cara (menyelidik) kesejajarannya dengan laporan sejarah dengan syarat-syarat umum.

Apabila demikian halnya, maka metode normatif untuk membezakan apa yang benar daripada yang salah dalam maklumat persejarahan di atas dasar-dasar kemungkinan yang wujud di dalamnya atau ketidakmungkinan adalah melalui cara mempelajari organisasi masyarakat manusia (*ijtima basyari.* Ar. *human social organization*, Ing.), yang mana ianya adalah sama dengan tamadun.

Kita harus membezakan gejala yang ada hubungannya dengan intipati ketemadunan sebagaimana yang harus ada padanya. Perkara-perkara yang terjadi secara tidak sengaja dan yang tidak penting, serta perkara-perkara yang tidak boleh dikaitkan dengannya. Apabila kita telah melakukan hal demikian, kita telah memiliki metode normatif yang dapat kita pergunakan untuk membezakan di antara yang benar dengan yang salah, dan yang tulen daripada yang palsu sebagaimana yang terdapat di dalam maklumat sejarah, dengan cara demonstrasi yang logik dan yang tidak dapat diragukan. Selanjutnya, apabila kita berhadapan dengan sesuatu perkara yang terjadi dalam peradaban, itu kita sudah mengetahui apa yang patut kita terima dan apa yang

perlu kita buang. Kini kita sudah memiliki kayu pengukur yang munasabah dengan dibantu oleh para sejarawan itu akan menemukan jalan yang benar dan ketepatan dalam sesuatu laporan itu.

Dan inilah tujuan *Buku Pertama* yang kita usahakan ini. Hanya pengetahuan ini dalam suatu caranya adalah bidang sains yang berdiri sendiri dan memiliki objeknya yang tersendiri – yakni peradaban manusia dan organisasi sosialnya. Ia juga memiliki permasalahan-permasalahannya yang tersendiri – yakni, menerangkan secara tersusun akan gejala-gejala yang ada hubungannya dengan hakikat peradaban. Dengan demikian, keadaan itu adalah sama dengan sains itu sebagaimana sains lainnya, sama ada ianya berbentuk konvensyional ataupun intelektual.

Suatu yang harus disedari ialah pembicaraan tentang persoalan ini adalah perkara baru, luar biasa, dan sangat berguna. Penyelidikan yang mendalam telah menemukan ilmu tersebut. Ilmu pengetahuan ini tidak ada hubungannya sama sekali dengan retorika (ilmu *al-Khithabah*. Ar.), salah satu disiplin logika (dipersembahkan dalam Aristotle melalui *Organon*), yang menitikberatkan penggunaan perkataan, perkataan yang dapat meyakini orang ramai di mana mereka akan menyokong atau menolak sesuatu pendapat. Juga ia tidak ada hubungannya dengan ilmu politik, sebab ilmu politik itu menitikberatkan tentang cara mengatur rumahtangga atau kota, sesuai dengan tuntutan-tuntutan etika dan hikmah kebijaksanaan, supaya masyarakat mahu mengikuti jalan menuju ke arah pemeliharaan dan pengekalan sesuatu keturunan.

Ilmu pengetahuan ini adalah tidak sama dengan dua disiplin ilmu tadi, walaupun demikian, selalunya hampir serupa dengannya. Dalam satu segi, ia adalah suatu bidang sains yang amat tulen. Malah, saya belum lagi bertemu dengan suatu perbahasan tentangnya oleh sesiapa jua pun. Saya tidak pasti sama ada ianya tidak disedari oleh mereka yang tidak memahami betapa pentingnya, tetapi tidak ada sebab untuk menyatakan bahawa mereka telah tidak menyedarinya. Mungkin mereka telah banyak menulis tentangnya, dan hasil karya mereka itu tidak sampai kepada pengetahuan kita. Cabang ilmu pengetahuan itu terlalu banyak. Dan ahli-ahli yang bijaksana daripada pelbagai bangsa adalah ramai bilangannya. Ilmu pengetahuan yang tidak kita ketahui adalah lebih banyak daripada cabang-cabang ilmu yang kita kuasai.

Ke manakah ilmu pengetahuan bangsa Parsi yang telah diperintahkan oleh Umar r.a.[2] supaya dihancurkan sewaktu bangsa Arab menaklukkan negeri itu?[3] Dan di manakah ilmu pengetahuan bangsa Khaldaea, bangsa Syria, dan bangsa Babylonia, dan hasil peninggalan cendekiawan dan hasil yang ternyata adalah hak mereka? Dan di manakah ilmu pengetahuan Mesir, bangsa-bangsa yang mendahului mereka? Kita hanya mewarisi ilmu pengetahuan satu bangsa sahaja, iaitu Yunani, dan itu adalah usaha terjemahan yang dibuat oleh Khalifah al-Makmun.[4] Beliau berhasil dalam hal ini kerana dibantu oleh ramai penerjemah yang boleh digunakan khidmat bakti mereka dan telah membelanjakan banyak wang yang bukan sedikit jumlahnya untuk menterjemahkan buku-buku Yunani itu ke dalam bahasa Arab. Tentang ilmu pengetahuan lainnya, tidak ada yang telah menarik perhatian kita.

Tiap-tiap sesuatu yang terjadi itu yang melibatkan banyak hubungan dan kepakaran haruslah dipelajari. Setiap tajuk yang boleh difahami dan benar menghendaki kajiannya yang tersendiri. Sehubungan dengannya, para cendekiawan hanya tertarik kepada hasil sesuatu bidang ilmu. Hasilnya, sebagaimana yang telah kita lihat, hanyalah maklumat sejarah sahaja. Walaupun permasalahan yang dibangkitkan itu adalah penting, sama ada intisari mahupun soal tertentunya, mengenai, (perhatian ekslusif) telah mengarah kepada satu hasil sahaja: hanya kepastian terhadap maklumat sejarah. Ia tidaklah banyak. Disebabkan itu, para sarjana telah banyak mengelak daripada menyelidiki ilmu ini.

Allah lebih mengetahui.

"Dan kamu telah diberikan tetapi dengan ilmu yang sedikit."[5]

Dalam bidang yang kita teliti di sini, kita ditemukan dengan

2 Umar r.a. adalah khalifah ar-Rasyidin yang kedua, yang sempat menaklukkan Iraq, Syria, dan Mesir. Di daerah-daerah tersebut dia dirikan berbagai-bagai lembaga sosial, politik dan pentadbiran Islam.

3 Dongengan ini sebenarnya tidak ada dasar fakta sejarahnya. 'Umar tidak pernah memerintahkan demikian, baca *The Arab Conquest of Egypt*, A.J. Butler.

4 Al-Makmun (786–833) putera Harun ar-Rasyid, pengganti saudaranya al-Amin, TH. 813. Pencinta ilmu, kesusasteraan dan pernah mendirikan pengamatan bintang.

5 Al-Quran surah 17 (al-Isra'), ayat 85.

beberapa persoalan. Ia dibicarakan secara iringan oleh para sarjana sebagai argumentasi yang sesuai dengan bidang ilmu mereka. Namun, dilihat dari segi objek dan pendekatannya, ianya sama jenisnya dengan persoalan-persoalan yang sedang kita bicarakan.

Dalam hubungan dengan soal yang membincangkan tentang kenabian, misalnya, para sarjana menyatakan bahawa manusia itu saling bantu membantu demi untuk terus hidup dan dengan itu, memerlukan seseorang yang boleh sewenang-wenangnya dan berwibawa untuk mengawal mereka. Atau, seperti dalam masalah *ushulul fiqh*, dalam bab pembicaraan berkenaan peri pentingnya bahasa, apa yang disebutkan ialah bahawa pada hakikatnya manusia itu memerlukan cara-cara untuk membuat pengungkapan tentang maksud-maksud sebab dengan sebab semula jadinya, saling membantu dan hidup bermasyarakat adalah dipermudahkan melalui pernyataan yang betul. Atau, yang sehubungan dengan penjelasan bahawa hukum syariat itu diciptakan dengan tujuannya yang tertentu.

Para *fuqaha* menegaskan bahawa perzinaan itu akan mengacaubilaukan keturunan dan boleh merosakkan zuriat manusia. Bahawa pembunuhan juga akan membuat rumpun manusia itu rosak, dan kezaliman akan menyebabkan hancurnya peradaban yang mana akibatnya yang pasti akan menyebabkan kemusnahan dirinya juga.

Pelbagai contoh lainnya telah dinyatakan dalam hubungan dengan matlamat yang telah ditetapkan dalam hukum syariat. Semua itu diciptakan sebagai dasar usaha menjaga kelangsungan peradaban. Semuanya berlaku untuk segala sesuatu yang bersangkutan dengan soal peradaban. Hal sedemikian adalah jelas daripada rujukan berhubung dengan persoalan yang telah dinyatakan sebagai mewakili situasi umumnya.

Kita juga telah menemui beberapa daripada permasalahan itu yang menjadi pokok persoalan dalam keterangan-keterangan yang bertalian oleh manusia-manusia yang bijaksana. Malangnya, penelitian mereka itu tidak secara mendalam. Misalnya, Mobedhan[6] sewaktu di hadapan Bahram bin Bahram, di dalam cerita burung hantu sebagaimana yang dinukilkan oleh al-Mas'udi.

---

6 Mobedh (< *magupat*) adalah nama pendeta Zoroaster.

> Katanya: "Wahai tuanku, sesungguhnya kekuasaan itu tidak akan mencapai puncak kemuliaannya kecuali dengan adanya syariat agama, taat kepada Tuhan dan akur dengan perintah-Nya dan menghindari larangan-Nya. Syariat tidak akan tegak kecuali dengan kekuasaan seorang raja. Kemuliaan seseorang raja itu akan tercapai hanya melalui rakyat jelatanya. Dan mereka itu akan dapat melanjutkan kehidupan ini hanya dengan bantuan harta benda. Cara untuk mendapatkan harta ialah melalui usaha. Satu cara ke arah usaha itu ialah melalui keadilan. Keadilan adalah timbangan yang wujud di tengah-tengah manusia. Tuhan mewujudkannya dan melantik seorang penyelia untuk menjaganya, dan penyelia itu ialah seorang raja."

Terdapat suatu pernyataan oleh Anusyirwan[7] yang menyokong hal tersebut.

> "Kekuasaan seseorang raja itu diwujudkan melalui pasukan tentera, ketenteraan melalui wang. Wang itu ialah melalui pencukaian, hasil cukai adalah melalui hasil-mahsul, adalah kerana adanya keadilan, keadilan melalui kesempurnaan para karyawannya, kesempurnaan para karyawannya melalui kejujuran para wazir, dan berada di atas semua itu adalah penyeliaan raja terhadap rakyat jelatanya dan kemampuannya untuk bertindak sebaik-baiknya dalam mendidik mereka, supaya baginda dapat menguasai mereka dan bukan mereka yang menguasainya."

Di dalam *Book on Politics – Buku tentang Ilmu Politik* yang dikaitkan dengan Aristotles, dan yang sudah luas peredarannya di kalangan umum, kita telah menemukan banyak tentang perkara yang penting itu. Namun, pembicaraannya tidak luas, topik persoalannya tidak pula disokong oleh pembahasan-pembahasan yang seharusnya terdapat padanya, bahkan, ia bercampur-baur dengan perkara-perkara yang lainnya.

Di dalam buku itu, pengarangnya telah mengulangi pendapat-pendapat yang umum sebagaimana yang kami nukilkan mengenai kekuasaan Mobedhan dan Anusyirwan. Pengarangnya telah mengaturkan pembicaraannya menjadi suatu lingkaran luar biasa yang dibincangkan agak panjang lebar sekali. Ia adalah sebagaimana berikutnya.

---

7 Anusyirwan (531–579), Raja Sasan, terkenal akan keadilannya.

"Dunia adalah kebun yang mana pagarnya adalah kerajaan. Sesebuah kerajaan itu adalah kekuasaan yang mana hidup ini dikawali oleh tingkah laku yang sopan (*sunnah*. Ar.). Tingkah laku yang baik adalah suatu dasar yang diatur oleh seorang raja. Raja adalah sebuah institusi yang diperkuatkan oleh sokongan tentera. Tentera adalah pembantu-pembantu yang diselenggarakan dengan wang. Wang adalah kekuatan yang dikumpulkan oleh rakyat. Rakyat adalah hamba yang dilindungi oleh keadilan. Keadilan adalah sesuatu yang akrab (*ma'luuf*. Ar.)[8] dan melahirnya, dunia ini dapat ditegakkan. Dunia adalah sebuah kebun ...."

Dan selepas itu dia mengulangi kembali daripada awalnya. Inilah lapan baris ayat tentang kebijaksanaan politik. Ia saling kait-mengait antara satu dengan yang lainnya, yang akhir disambungkan kepada yang awal bahagian teks itu. Ianya dalam satu bulatan tanpa awalan atau hujungan yang pasti. Pengarangnya ternyata begitu bangga dengan apa yang dinyatakan dan telah menjadikan ayat-ayatnya itu begitu penting sekali.

Setelah perbincangan kita di dalam bab berhubung dengan kekuasaan raja dan pemerintahannya telah dikaji dan diberikan perhatian yang kritis, kita akan mendapati ianya suatu usaha yang memenatkan, jelas, diikuti oleh interpretasi yang terperinci dan pendedahan ayat-ayat yang cukup menerangkan soalan-soalannya. Semuanya, sebagaimana yang kita sedari adalah di atas pertolongan Allah, tanpa adanya arahan Aristotles dan tanpa diajar oleh Mobedhan.

Kenyataan-kenyataan oleh Ibn al-Muqaffa[9] dan lanjutan-lanjutan tentang persoalan politik yang kita bicarakan panjang lebar juga menyentuh banyak masalah dalam pekerjaan kita. Sungguhpun begitu, dia tidak membezakan antara kenyataannya dengan pembicaraan-pembicaraan yang kami lakukan. Dia hanya membicarakannya secara sepintas lalu dalam bentuk prosa yang jelas dan kemahiran berbahasa seorang pemidato.

Kadi Abu Bakar at-Thartusyi[10] juga mempunyai idea yang sama sepertimana yang tercatat di dalam kitab *Siraj al-Muluk*. Dia

---

8 Sesuatu yang akrab (ma'luf), lebih sesuai jika diertikan dengan harmonis. Bahasa Arab *ta'lif* adalah terjemahan dari bahasa Yunani: *apuovia.*

9 Abdullah ibn al-Muqaffa, wafat 142 (759/60).

10 Muhammad ibn al-Walid, wafat 520 (1126).

membahagi buku itu ke dalam bab-bab yang hampir menyamai bab-bab dan persoalan-persoalan yang terdapat di dalam buku ini. Namun, dia tidak menyudahi matlamatnya atau mencapai apa yang menjadi tujuannya. Dia tidak membicarakan masalah itu secara mendalam dan memberikan bukti-buktinya yang jelas. Dia menyediakan suatu bab khusus untuk persoalan yang tertentu, kemudian dia bercakap tentang banyak cerita dan tradisi-tradisi dan melaporkan pelbagai catatan yang bertaburan tentang bijak pandai Parsi, seperti Bazrajamhara dan Mobedhan, dan bijak pandai India, dan juga bahan-bahan yang dikutip daripada ucapan Daniel, Hermes, dan beberapa pembesar lainnya. Dia tidak pula mengesahkan keterangan-keterangan atau menjelaskannya dengan bantuan hujah-hujah yang alamiah. Penghasilan itu tidak lebih daripada kerja pengumpulan bahan yang seakan-akan sama dengan syarahan-syarahan yang bertujuan memberangsangkan perasaan. Dalam satu segi, at-Tharthusyi berjaya menegasi suatu arus pemikiran, tetapi tidak mengenainya. Dia tidak menyedari tujuannya dan membicarakan permasalahan itu sedalam-dalamnya.

Kita, dalam kata lainnya, diilhamkan oleh Allah s.w.t. Dia telah tunjukkan ilmu di mana kebenarannya adalah sesuatu yang amat sukar untuk dilalui. Jika saya berhasil menyajikan permasalahan-permasalahan ilmu ini secara mendalam dan berupaya menunjukkan bagaimana ilmu tersebut berbeza dalam pelbagai aspek dan sifatnya daripada kemahiran lainnya. Semuanya itu diperolehi melalui taufik dan hidayah Allah s.w.t. Jika, sebaliknya pula, saya telah mengabaikan beberapa hal tertentu atau persoalannya menjadi kacau oleh beberapa hal lainnya, maka tugas memperbaiki apa selebihnya adalah tertanggung kepada para pengkritik yang berkemampuan, tetapi keuntungan itu menjadi hak saya kerana telah merintis jalan dan menandakan laluan itu.

Allah s.w.t. membimbing dengan cahaya-Nya siapa sahaja yang Dia kehendaki.

Dalam buku ini, sekarang, kita akan mula menerangkan segala aspek yang menyentuh tentang peradaban yang telah mempengaruhi umat manusia dalam hubungannya dengan organisasi sosialnya (*ijtima*. Ar.), seperti kekuasaan seorang raja, ikhtiar hidup, ilmu pengetahuan, dan keahlian (*shinaa'ah*. Ar.). Semuanya berada di bawah sinar pelbagai hujah yang akan menunjukkan watak yang benar dari pelbagai macam pengetahuan yang dimiliki

oleh kaum elit dan masyarakat awam, menolak perasaan waswas, dan menghilangkan keraguan.

Kita sering menyebutkan bahawa manusia itu berbeza dengan makhluk hidup yang lain kerana ia mempunyai ciri-ciri tersendiri. Iaitu:

(1) Ilmu pengetahuan dan keahlian yang merupakan hasil fikiran yang membezakannya daripada binatang dan mengangkatnya sebagai makhluk yang berfikir;

(2) Perlu kepada pengaruh yang sanggup mengendalikan dan kekuasaan yang ampuh, kerana manusia, sendirian dibandingkan dengan binatang-binatang lain tidak boleh hidup tanpanya. Adalah benar, ada sesuatu yang telah dikatakan dalam hubungan ini mengenai lebah dan belalang. Akan tetapi, sekiranya mereka memiliki sesuatu yang seakan-akan, ia datang kepadanya melalui inspirasi bukan melalui fikiran atau pertimbangan;

(3) Usaha manusia untuk hidup dan perhatiannya dengan pelbagai cara untuk mendapatkan dan mencapai hidup yang lebih bermakna. Itulah sebabnya mengapa manusia memerlukan makanan untuk terus hidup dan mendapatkan nafkah, sebagaimana yang Allah adakan di dalam dirinya, membantunya untuk berkemahuan dan berusaha untuk suatu penghidupan. Sebagaimana firman-Nya:

> "Dia yang telah memberikan segala-galanya sifat-sifat semula jadinya, kemudian memberinya petunjuk."[11]

(4) Peradaban (*umran*). Maksudnya ialah manusia harus menghuni di suatu tempat yang umum dan sama-sama tinggal di kota-kota dan di perkampungan untuk keselesaan beramah-tamah serta memenuhi keperluan kepuasan manusia, sesuai dengan sifat semula jadi manusia yang perlu bantu-membantu demi mencapai suatu taraf hidup, sebagaimana akan diterangkan. Peradaban ini sama ada yang di padang pasir (Badwi) sepertimana yang terdapat di luar sesuatu daerah dan di gunung-gunung, di tempat terpencil (dekat) padang

11 Surah Thaha, ayat 50.

rumput di kawasan terbiar dan di pinggiran-pinggiran padang pasir; atau peradaban yang berbentuk tinggal menetap sebagaimana terdapat di kota-kota, di desa-desa, bandar-bandar, dan masyarakat kecil yang mengisi keperluan sebagai tempat berlindung dan pertahanan dengan cara membina tembok-tembok. Dalam semua keadaan yang berbeza-beza ini, terdapat sesuatu yang mempengaruhi peradaban khususnya dalam erti kata suatu organisasi sosial (*ijtima.* Ar.).

Selanjutnya, pembicaraan tentang penyelidikan ini secara semula jadinya dibahagikan kepada enam bab utama:

(1) Tentang peradaban manusia secara umum, dengan kepelbagaian jenis, dan bahagian bumi yang disifatkan berperadaban.
(2) Tentang peradaban di padang pasir, termasuklah laporan tentang masyarakat pengembara, dan bangsa-bangsa yang tidak bertamadun.
(3) Tentang kerajaan-kerajaan, khalifah dan kuasa raja, termasuk suatu perbincangan tentang tingkatan dalam kerajaan.
(4) Tentang peradaban mereka yang tinggal menetap, negara-negara dan bandar-bandar besarnya.
(5) Tentang keahlian, cara mendapatkan pencarian hidup, usaha hidup (*kasab*) dengan pelbagai aspeknya. Dan
(6) Tentang ilmu pengetahuan, cara memperolehi dan mempelajarinya.

Saya telah membincangkan tentang peradaban di padang pasir terlebih dahulu, sebab ianya adalah peradaban yang mendahului yang lainnya, yang akan menjadi lebih jelas kelak. Pembicaraan mengenai kuasa seseorang raja dibicarakan sebelum sesebuah negara dan kota-kota besarnya di atas sebab yang serupa. Pembicaraan mengenai usaha hidup didahulukan sebelum memperkatakan mengenai ilmu pengetahuan, sebab usaha hidup adalah suatu kemestian dan semula jadi, sedangkan mempelajari ilmu pengetahuan itu adalah suatu bentuk kemewahan atau keselesaan. Segala sesuatu yang sifatnya alami harus didahulukan daripada soal-soal kesenangan. Saya memasukkan kerja tangan bersama dengan kegiatan mencari penghidupan yang menguntungkan,

sebab ia tergolong ke dalam kumpulan yang akhir dari beberapa segi tertentu sebagaimana halnya dengan peradaban, sepertimana yang akan menjadi jelas nanti.

Allah s.w.t. memberi kejayaan dan pertolongan.

---

* Terjemahan berpandukan teks edisi bahasa Inggeris. Suntingan didasarkan pada teks edisi bahasa Indonesia iaitu terjemahan daripada edisi Arab/Inggeris.

[*] Teks 'gugur' edisi bahasa Indonesia/Inggeris dikekalkan – Editor.

BAB SATU

PERADABAN MANUSIA SECARA UMUM

PEMBICARAAN PENDAHULUAN YANG PERTAMA

ORGANISASI sosial (*ijtima insani.* Ar.) manusia itu adalah suatu yang harus. Ahli-ahli falsafah (*al-hukama.* Ar.) menyatakan hakikat ini dengan berkata:

> "Manusia itu politikal secara semula jadinya" (*al-insanu madaniyyun biath-thab'i.* Ar.).

Iaitu, manusia itu tidak boleh hidup tanpa organisasi sosial yang mana menurut ahli falsafah diistilahkan "kota" (*al-madinah.* Ar. *politis.* L).

Itulah yang dimaksud dengan peradaban (*umran.* Ar.). (Sifat yang harus ada tentang organisasi sosial manusia atau peradaban) telah diterangkan oleh kenyataan bahawa Allah s.w.t. telah menciptakan dan menetapkan bahawa manusia itu wujud dalam satu bentuk yang dapat hidup dan bertahan hanya dengan bantuan makanan. Dia memberi petunjuk kepada manusia itu kepada keperluan semula jadi memerlukan makanan dan memberikannya kesanggupan untuk mendapatkannya.

Tetapi, kesanggupan manusia itu tidak cukup menggerakkannya untuk mendapatkan (makanan) yang diperlukan, dan tidak memberinya secukup makanan sebagaimana yang dia perlukan untuk hidup. Walaupun kita andaikan makanan paling minimum yang mutlak – iaitu makanan yang cukup untuk sehari (sedikit sahaja) sedikit gandum, sebagai contoh – jumlah makanan itu

---

* Terjemahan berpandukan teks edisi bahasa Inggeris. Suntingan didasarkan pada teks edisi bahasa Indonesia iaitu terjemahan daripada edisi Arab/Inggeris.

[*] Teks 'gugur' edisi bahasa Indonesia/Inggeris dikekalkan – Editor.

boleh didapatkan hanya setelah melakukan persediaan seperti menggiling, menguli dan membakar. Bagi ketiga-tiga peringkat itu memerlukan beberapa perkakas dan alatan yang boleh diadakan hanya dengan bantuan beberapa tukang, seperti kepandaian seorang tukang besi, tukang kayu, dan tukang buat tembikar. Katakanlah bahawa seseorang manusia itu boleh memakan biji-bijian yang tidak dikupas, malahan beberapa peringkat lagi adalah perlu demi mendapatkan biji-bijian itu: menyemai dan menuai dan menumbuk untuk memisahkan kulitnya. Setiap peringkat itu memerlukan beberapa alat perkakas dan banyak keahlian lagi daripada apa yang sempat dinyatakan tadi. Adalah di luar kemampuan seseorang manusia itu secara sendiriannya, untuk melakukan seluruhnya, ataupun sebahagian daripadanya, olehnya sendiri. Dengan demikian, dia tidak berupaya melakukannya tanpa adanya kombinasi tenaga daripada teman-temannya yang lain, sekiranya dia mahu mendapatkan makanan untuk dirinya dan untuk mereka juga. Dengan cara bekerjasama, (*ta'awun.* Ar.) maka keperluan kepada bantuan beberapa orang, beberapa kali lebih banyak daripada jumlah mereka telah dapat dipenuhi.

Begitu juga halnya, setiap individu itu memerlukan pertolongan orang lain untuk menjamin keselamatan dirinya. Ketika Tuhan mengatur segala sifat semula jadi setiap makhluk yang bernyawa,[1] dan membahagi-bahagikan pelbagai kemampuan di kalangan mereka, banyaklah haiwan bisu[2] telah dianugerahi kemampuan lebih baik daripada yang dikurniakan kepada manusia. Tenaga seekor kuda, sebagai contohnya, adalah lebih ampuh daripada kudrat yang ada pada diri manusia dan begitu juga dengan tenaga seekor keldai atau seekor lembu. Tenaga seekor singa atau seekor gajah adalah lebih berganda daripada tenaga yang terdapat pada diri seorang manusia.

Sikap ganas[3] adalah suatu tabiat yang semula jadi pada diri setiap makhluk bernyawa. Oleh itu, Tuhan memberinya anggota tertentu untuk mempertahankan dirinya daripada serangan. Kepada manusia pula diberi oleh-Nya kemampuan untuk

1 *Al-hyawaanaat*, binatang-binatang. Termasuk juga manusia dan semua makhluk yang bernyawa.

2 Haiwan *bisu*, istilah Ibn Khaldun untuk binatang-binatang selain manusia.

3 *Al-udwaan*, bererti bermusuhan. Namun kata ini lebih tepat kiranya diertikan dengan *suka serang* (agressiveness).

berfikir, dan tangan. Dengan bantuan kebolehan berfikir, tangan itu dapat digunakan untuk mencipta pelbagai keahlian. Alat pertukangan tangan ini, pada gilirannya, digunakan oleh manusia sebagai alat-alat yang menolongnya menggantikan anggotanya yang dimiliki oleh haiwan untuk mempertahankan dirinya. Lembing, misalnya, menggantikan tanduk yang berguna untuk menanduk, pedang menggantikan kuku untuk melukai, perisai menggantikan kulit yang tebal, dan begitulah seterusnya. Banyak lagi yang serupa dengannya. Kesemua itu telah dinyatakan oleh Galenus di dalam bukunya *De usu partium*.[4]

Tenaga yang dimiliki oleh manusia itu tidak akan dapat menandingi tenaga seekor binatang apa pun terutamanya binatang buas. Pada umumnya, tenaganya itu tidak mencukupi untuk mempertahankan dirinya. Tidak juga keupayaannya yang tidak dibantu itu cukup untuk menjadikan peralatan yang ada sebagai alat pertahanan, sebab ianya begitu banyak dan memerlukan banyak keahlian dan sebagainya. Adalah suatu yang mesti bagi manusia itu mendapatkan pertolongan daripada orang lain. Sekiranya tiada bantu-membantu dia tidak akan mendapat sebarang makanan atau khasiat dan kehidupan itu tidak akan dipenuhinya. Sebabnya ialah, Allah s.w.t. telah menciptakannya supaya memerlukan makanan sekiranya dia hendak terus hidup.

Begitu juga halnya, tanpa senjata yang cukup itu dia tidak dapat mempertahan dirinya. Maka, dia boleh menjadi mangsa kepada binatang-binatang dan mati banyak kali sebelum kematiannya yang sebenar-benarnya. Di bawah keadaan-keadaan itu, manusia (*naw'ul basyhar.* Ar.) itu akan lenyap. Sebaliknya, jika dia bekerjasama antara satu sama lainnya, manusia itu akan memperoleh makanan untuk keperluannya dan alat persenjataan untuk mempertahankan dirinya daripada serangan. Dengan demikian, terpenuhlah kebijaksanaan Allah s.w.t. untuk memastikan agar manusia itu dapat hidup dan spesies manusia supaya dikekalkan atau dapat terus terpelihara.

Oleh sebab itu, organisasi sosial adalah suatu keharusan bagi manusia. (*al-ijtimaa' dharuuriyyun li an-naw'i al-insaani.* Ar.). Tanpanya, kewujudan manusia tidak akan sempurna. Allah s.w.t. mahu memakmurkan dunia ini dengan makhluk manusia dan

---

4 Claudius Galenus, tabib masyhur sebelum Nabi Isa. Ahli anatomi dan fisiologi Romawi. *De usu partium* = Faedah-faedah anggota badan.

menjadikan mereka itu sebagai khalifah di permukaan bumi ini tentulah tidak akan terhasil. Inilah ertinya suatu peradaban (*umran*. Ar.), objek ilmu yang diperbincangkan itu.

Pembicaraan terdahulu adalah berhasrat untuk memastikan kewujudan objek dalam bidang yang berkenaan. Seseorang sarjana itu tidak diharuskan melakukannya kerana pada segi logiknya diterima bahawa seseorang sarjana dalam ilmu tertentu seharusnya menentukan kewujudan objek pembicaraannya di dalam bidang ilmu* tersebut. Sebaliknya, para ahli logika tidak pula melarang daripada melakukannya. Maka, ianya adalah suatu sumbangan secara sukarela.

Allah, dengan kemudian-Nya, memberi jalan bagi mencapai kejayaan itu (*taufik*).

Apabila manusia itu telah mencapai organisasi kemasyarakatan, sepertimana yang kita sebutkan itu, dan ketika peradaban dunia telah menjadi kenyataan, manusia itu memerlukan seseorang yang akan melaksanakan kewibawaan dan menguasai mereka, kerana permusuhan dan ketidakadilan adalah watak haiwani yang dimiliki oleh manusia. Senjata yang dibuat oleh manusia untuk mempertahankan dirinya daripada serangan binatang tidaklah mencukupi bagi pertahanan terhadap serangan sesama manusia kerana kesemua mereka itu memiliki senjata tersebut. Oleh itu sesuatu yang lainnya diperlukan untuk mempertahankan dirinya daripada keganasan seseorang insan terhadap yang lainnya. Ia tidak mungkin datang dari luar, sebab binatang-binatang lainnya itu adalah tidak berkemampuan daripada segi persepsi dan inspirasi sebagaimana yang manusia miliki. Maka dengan sendirinya orang yang akan melaksanakan kewibawaan itu haruslah salah seorang di antara mereka sendiri. Dia haruslah menguasai mereka, dan mempunyai kekuatan dan wibawa melebihi mereka, sehingga tidak seorang pun di antara mereka akan menyerang yang lainnya. Dan inilah yang dimaksudkan kekuasaan (*mulk*. Ar.), atau kedaulatan.

Dengan demikian ianya adalah nyata bahawa kekuasaan wibawa (*mulk*) itu merupakan watak (tabiat) khusus manusia yang

---

* 'Objek' (*maudu*) sesuatu ilmu adalah elemen utama pada dasarnya, seperti kuantiti (sukatan) dalam geometri, penomboran dalam ilmu hisab, bahan dalam fizik, dan sebagainya. Objek menurut Ibn Khaldun menerapi ilmu ialah organisasi sosial manusia, atau tamadun.

secara mutlaknya adalah perlu ada. Beberapa ahli falsafah berpendapat bahawa watak itu juga dimiliki oleh beberapa jenis binatang seperti lebah dan belalang. Dapat kita saksikan bagaimana di kalangan sekumpulan lebah dan belalang itu terdapat kekuasaan dan kepatuhan kepada ketua. Mereka mematuhi yang dianggap sebagai pemimpin melalui ciri-ciri semula jadi dan bentuk tubuhnya. Namun demikian makhluk selain daripada manusia semuanya terjadi berkat *fitrah* dan hidayah Tuhan, dan bukan sebagai *fikrah* (kemampuan berfikir) atau mentadbir.

> "Dialah yang telah memberikan kepada tiap sesuatu kejadian masing-masing kemudian Ia beri petunjuk."[5]

Ahli-ahli falsafah memberikan sesuatu yang lebih lagi. Mereka berusaha memberikan dalil logis tentang *nubuwwah*, dan bahawa *nubuwwah* (prophecy) itu merupakan suatu watak yang khas dalam diri manusia. Dalam hubungan ini, mereka memperpanjangkan hujah itu sampai ke hujungnya dan mengatakan bahawa manusia secara mutlaknya memerlukan kekuasaan untuk melaksanakan pengaruh mencegah. Mereka menambah, bahawa kuasa menghalang seperti itu hanya terdapat pada syariat Islam yang diwajibkan oleh Allah s.w.t. dan telah disampaikan kepada manusia-manusia oleh seorang manusia. Dia sungguh berbeza dengan seluruh manusia lainnya oleh keistimewaan hidayah yang dikurniakan oleh Allah, sehingga dapat menyaksikan manusia lainnya akur kepadanya dan bersedia untuk menerima segala sesuatu yang diperkatakannya. Akhirnya, kewujudan suatu pengaruh di kalangan mereka dan ke atas mereka menjadi suatu hakikat yang diterima tanpa ada sedikit pun bantahan atau perselisihan.

Saranan ahli falsafah ini nampaknya tidak logis, sepertimana yang dapat kita lihat. Kewujudan dan kehidupan manusia itu dapat terlaksana tanpa adanya (*nubuwwah* Ar. *prophet.* Ing.) iaitu melalui peraturan-peraturan yang dibuat oleh seorang yang berkuasa dengan kemahuannya atau dengan pertolongan. Perasaan sekumpulan yang memungkinkannya untuk memaksa orang lain agar mengikutinya ke mana saja arah yang hendak ditujuinya. Mereka yang memiliki Kitab Suci dan yang mengikuti nabi-nabi adalah

5 Al-Quran surah 20 (Thahah ayat 50).

kecil jumlahnya jika dibandingkan dengan kaum Majusi[6] yang tidak memiliki Kitab Suci. Yang tersebut ini merupakan bahagian terbesar penduduk dunia. Malah, mereka juga mempunyai kerajaan-kerajaan dan monumen-monumen, tidak disebutkan kehidupan itu sendiri. Hingga sekarang mereka masih memiliki segalanya itu di daerah-daerah yang tidak terlalu sejuk di utara dan di selatan. Ini adalah suatu yang bertentangan dengan penghidupan manusia yang berada dalam keadaan kacau-bilau, di mana tidak seorang pun yang akan melaksanakan kewibawaan itu sama sekali. Hal seperti ini adalah suatu yang tidak mungkin.

Keadaan sedemikian membuktikan bahawa ahli falsafah itu telah melakukan kesalahan ketika mereka mengatakan, bahawa *nubuwwah* itu wujud sebagai suatu keperluan. Kewujudan *nubuwwah* itu tidak diperlukan menurut logiknya. Hal ini sifat-sifat yang harus, itu ditandai oleh hukum syariat, seperti yang dipercayai oleh orang-orang Islam terdahulu (Mazhab Salaf).

Allah pemberi taufiq dan hidayah.

---

6 Majusi di sini dimaksudkan dengan kaum Zarathustra atau Zoroaster. Sebelum Islam, mereka merupakan segolongan umat yang mengikuti nabi, namun tidak memiliki Kitab Suci.

PEMBICARAAN PENDAHULUAN YANG KEDUA

BAHAGIAN-BAHAGIAN DUNIA DI MANA TERDAPATNYA PERADABAN BEBERAPA MAKLUMAT TENTANG LAUTAN, SUNGAI DAN DAERAH

DI DALAM buku-buku ahli falsafah (*al-hukama*) mereka telah membuat agakan tentang keadaan dunia, telah diterangkan bahawa bumi adalah bulat dan dikelilingi oleh air. Perbandingannya ialah ia diumpamakan sebiji buah anggur yang terapung-apung di atas permukaan air.

Air itu mengosongi beberapa bahagian bumi, sebabnya ialah bahawa Allah s.w.t. hendak menciptakan pelbagai makhluk yang hidup di atas muka bumi itu dengan manusia-manusia yang menghuninya sebagai khalifah Allah s.w.t. di atas kehidupan yang lainnya. Seseorang itu akan beranggapan bahawa air itu berada di sebelah bawah bumi, sebenarnya ia adalah suatu kesilapan. Apa yang dianggap di sebelah bawah permukaan bumi adalah di terasnya dan di tengah-tengah sfera, di bahagian tengah di mana segalanya ditarik oleh tarikan graviti. Semua bahagian sudut bumi yang selebihnya, dan air yang menggelilingi dunia adalah pada sebelah atasnya. Apabila sebahagian permukaan bumi dikatakan di 'sebelah bawah', ia dikatakan sedemikian dengan merujuk beberapa daerah yang lainnya.

Bahagian bumi di mana air mengosonginya adalah separuh daripada permukaan sfera bumi. Ia berbentuk bulat dan dikelilingi pada semua sudutnya oleh unsur air yang menjadi lautan yang disebut dengan "Laut yang Mengitar" (*al-bahru al-muhiith*. Ar.).

Bahagian bumi yang tidak menakungi air (dengan demikian sesuai) untuk peradaban manusia lebih banyak tandus dan tanah kosong (daripada daerah yang ditempati orang). Daerah kosong di bahagian selatan bumi ini adalah lebih luas daripada daerah kosong di bahagian utara. Bahagian-bahagian yang diusahakan

orang menganjur lebih ke sebelah utara. Berbentuk bulatan ia menganjur lebih ke khatulistiwa dan di utara ke suatu lingkaran, di belakangnya pula adalah deretan gunung-ganang yang memisahkan bahagian (yang diusahakan) daripada unsur-unsur air.

Bahagian bumi yang tidak menakungi air dikatakan meliputi setengah atau kurang daripada sfera bumi ini. Bahagian yang diusahakan manusia adalah kira-kira seperempat daripadanya. Bahagian itu adalah dibahagikan kepada tujuh daerah.*

Khatulistiwa membahagikan dunia ini kepada dua daripada barat ke timur. Ia mewakili ukuran panjang dunia ini. Ia adalah garisan terpanjang sfera bumi, sebagaimana juga garis-garis Ekliptik itu dan Ekuinoks adalah garis-garis membujur yang paling panjang di bumi ini.

Ekliptik itu dibahagikan kepada 360 darjah. Tiap darjah adalah 25 *farsakh* panjang. Satu *farsakh* adalah 12 000 hasta (atau tiga batu, sebab setiap satu batu itu adalah 4 000 hasta). Satu hasta adalah 24 jari, dan setiap panjang jari adalah enam biji buah *gerst* (semacam gandum yang digunakan untuk membuat bir) yang diletakkan berbaris pada satu jajaran. Jarak di antara Ekuinoks, yang selari dengan Equator (khatulistiwa) dunia dan membahagikan cakerawala kepada dua bahagian, adalah 90 darjah dari kedua-dua kutub. Namun bahagian bumi yang diusahakan oleh manusia pada bahagian utara khatulistiwa adalah 64 darjah. Sementara yang lainnya adalah kosong dan tidak diusahakan kerana terlalu dingin dan beku, sebagaimana juga bahagian-bahagian di sebelah selatan khatulistiwa yang tidak didiami kerana terlalu panas. Kita akan menjelaskannya nanti, jika Allah s.w.t. mengizinkannya.

Maklumat tentang bahagian bumi yang diusahakan dan batas-batasnya serta tentang kota-kota besar, bandar-bandar, gunung-ganang, sungai, daerah yang terbiar dan padang pasir yang ada, telah disebutkan oleh Ptolemy di dalam bukunya *Ilmu Bumi* dan sesudahnya, oleh penulis *Buku tentang Roger**[1] (*Book of Roger*). Mereka telah membahagikan daerah-daerah ini kepada tujuh bahagian yang mana dipanggil sebagai tujuh zon. Perbatasan ketujuh-tujuh daerah itu adalah satu khayalan sahaja. Ia

---

* Iklim, Greek, κλιμα 'climate'.

*[1] Oleh Muhammad al-Idris, *ca* 1099–1162 S.M., yang telah menulis karya geografi yang penting untuk Roger II of Sicily (1129–1154).

terbentang dari Timur ke Barat. Dalam perjuangan garis lintang ianya adalah seakan-akan, sedangkan garisan bujur pula adalah berbeza. Daerah yang pertama adalah lebih panjang daripada yang kedua. Hal yang sama pada yang kedua dan begitulah seterusnya. Daerah yang ketujuh adalah yang terpendek. Ianya terjadi oleh bentuknya yang membulat yang terjadi akibat daripada pengaliran air dari sfera bumi.

Menurut pandangan ahli-ahli falsafah ini, setiap tujuh daerah itu dibahagikan dari barat ke timur kepada 10 seksyen secara beruntun. Maklumat tentang keadaan umum dan peradaban adalah diberikan untuk setiap seksyen itu.

(Para ahli ilmu bumi) menyebutkan bahawa Laut Tengah (Mediterranean) sebagaimana yang kita ketahui itu adalah meranting daripada lautan yang mengitarnya di sebelah barat daerah yang keempat. Ia dimulai dari selat-selat yang sempit kira-kira selebar 12 batu di sekitar Tangier dan Tarifa, yang disebut 'The Street' [of Gibraltar]. Kemudian ia memanjang dan meluas selebar 600 batu. Ia berakhir di bahagian hujung seksyen keempat daerah yang keempat, suatu jarak sebanyak 1 160 *farsakh* dari tempat permulaannya. Di sana ia dibatasi oleh pantai Syria. Di sebelah selatan, ia dibatasi oleh pantai Maghribi, yang dimulai oleh Tangier di selatnya, kemudian Afriqia, Barqah dan Iskandariyah. Di sebelah utara, ia dibatasi oleh pantai Konstantinopel, kemudian Venice, Roma, Perancis dan Sepanyol, kemudian balik ke Tarifa di 'Street' (of Gibraltar), berhadapan dengan Tangier. Laut (Mediterranean) Tengah juga dikenali sebagai Laut Roma, atau Laut Syria. Ia mempunyai banyak pulau yang berpenghuni. Ada yang besar, seperti Creta, Cyprus, Majorca dan Sardinia.

Di utara, sebagaimana yang mereka kata, ada dua laut lain yang meranting dari Laut Tengah melewati dua selat. Satu daripadanya ialah bersetentang dengan Konstantinopel. Ia dimulai dari Laut Tengah di teluk-teluk yang sempit, hanya selebar satu panahan. Alirannya adalah tiga hari berlari dan sampai di Konstantinopel. Kemudian, ia mempunyai luas selebar empat batu. Ia mengalir di terusan ini sekitar 60 batu, dan ia dikenali sebagai Selat Konstantinopel. Melalui muaranya yang selebar enam batu, ia kemudian mengalir ke Laut Hitam, dan menjadi laut di mana dari sana cenderung ke arah timur. Ia melalui tanah Herakliyah, dan berakhir di negeri Khazariyah, 1 300 batu dari muaranya. Sepanjang dua pesisirnya adalah penghuni Roma, Turki, Burjan, dan Rusia.

Laut yang kedua yang meranting dari dua selat itu adalah Teluk Venice. Ia muncul dari kawasan di puncak utaranya kemudian, dari Sant Angelo (de Lombardi). Perbatasan baratnya menganjur dari negeri Venice ke daerah Aquileia, 1 100 batu jaraknya dari tempat ia bermula. Di kedua-dua pantai itu adalah bangsa Venice, Byzantine/Romawi, dan bangsa-bangsa lainnya. Laut itu dikenali sebagai Selat Venice (Laut Adriatik).

Daripada Lautan yang Melingkar, menurut mereka, suatu lautan yang besar dan luas mengalir dari sebelah timur pada 13 darjah di sebelah utara *Equator*. Ia kemudiannya mengalir ke sebelah timur, memasuki daerah yang pertama. Kemudian mengalir ke arah barat dalam zon yang pertama sehingga bertemu negeri Abesinia, Negroes, dan Batel-Mandeb di dalam seksyen kelima zon yang pertama, 4 500 *farsakh* dari tempat ianya bermula. Laut ini disebut Laut China. Laut India, atau Laut Abesinia (Lautan Hindi). Ia dibatasi di sebelah selatannya oleh negeri orang-orang Negro dan negeri Barbara sebagaimana yang disebut oleh Umrul-ul Qasy di dalam puisinya. Dan "bangsa Barbar" itu adalah tidak sama dengan Barbar yang menjadi masyarakat di Maghribi. Lautan itu kemudian disempadani oleh daerah Mogadisyu, Sufalah, dan tanah al-Waqwaq dan oleh bangsa-bangsa lain yang kemudiannya oleh daerah-daerah yang tandus dan kosong. Di utara, tempat di mana ia bermula, ia disempadani oleh China, kemudian oleh India Timur dan Barat dan selanjutnya oleh pantai Yaman – iaitu, al-Ahqaf, Zabid dan kota-kota lainnya. Di mana ia berakhir, ia disempadani oleh negara orang-orang Negro, dan setelah itu, bangsa Beja.

Dua laut yang lainnya, menurut mereka, meranting dari Laut India (*al-bahr al-habasyi.* Ar.). Satu di antaranya bercabang dari tempat Laut India berakhir, di Bab el-Mandeb. Laut ini pada mulanya sempit, kemudian mengalir melebar ke arah utara, dan sedikit ke barat hingga berakhir di bandar al-Qulzum di belahan kelima daerah yang kedua, 1 400 batu jaraknya dari bahagian permulaannya. Laut ini disebut Laut al-Qulzum atau Laut Suez (Laut Merah). Dari Laut Suez (Laut Merah) di Suez ke Fustat[1]

---

1 Fustat, kota pertama yang dibangun oleh orang-orang Arab di Mesir, dekat Babaliyun, tanggul timur Nil. Didirikan oleh Amru ibnul-As, sekitar 643, dan di sana beliau dirikan masjid. Menjadi pusat khilafah (Abbasiyah, kemudian Thouluniyah, dan Fathimiyah).

adalah sejauh tiga hari perjalanan. Laut Merah dibatasi di sebelah timur oleh pantai Yaman, Hijaz dan Jeddah, dan kemudiannya, di tempat di mana ia berakhir, oleh Midyan, Aila dan Faran. Di sebelah barat, ia dibatasi oleh pantai Egypt Utara, Aidzab, Suakin, dan Zayla, dan kemudian, di tempat ia bermula, oleh negeri Beja. Ia tamat di al-Qulzum. Ia akan sampai Laut Tengah di al-Arisy. Jarak antara Laut Merah dengan Laut Tengah adalah enam hari perjalanan. Ramai raja-raja, baik zaman Islam mahupun sebelum Islam, berhasrat untuk melintasi kawasan yang menjadi pengantar bagi kedua-dua daerah tersebut[2] tetapi ianya tidak berhasil.

Laut kedua yang bercabang dari Laut India dan disebut dengan Teluk Parsi (Teluk Hijau) adalah mengalir di daerah antara pantai barat India dan al-Ahqaf di Yaman. Laut itu mengalir ke arah utara dan membelok sedikit ke barat hingga sampai di al-Ubullah di pantai al-Basrah di belahan keenam dari daerah yang kedua, 440 *farsakh* dari mana ianya bermula. Laut ini disebut Teluk Parsi (Laut Parsi). Ia dibatasi pada sebelah timur oleh pantai India Barat, Mukran, Kirman, Fars, dan al-Ubullah tempat di mana ia berakhir. Di sebelah barat, ia dibatasi oleh pantai al-Bahrain, Yamamah, Oman, asy-Syihr, dan al-Ahqaf tempat ianya bermula. Di antara Teluk Parsi dan al-Qulzum terhampar Jazirah Arab, menonjol keluar dari tanah besar ke laut. Jazirah itu dikelilingi oleh Laut India di selatan, Laut al-Qulzum (merah) di barat, dan Teluk Parsi di timur. Jazirah ini terhampar ke Iraq di antara Syria dan Basrah, di mana antara Syria ke Iraq ialah 1 500 batu. Di Iraq ialah al-Kufah, al-Qadisiyah, Baghdad, Balai Resepsi Khosraw (di Ctesiphon), dan al-Hirah. Selepas itu terdapat bangsa-bangsa bukan Arab, misalnya bangsa Turki, Khazar, dan lain-lainnya. Jazirah Arab itu mencakupi Hijaz di barat; Yamamah, al-Bahrayn, dan Oman di sebelah timur, dan di selatannya Yaman sepanjang pantai Laut India.

Di kawasan yang diusahakan, menurut mereka, terdapat laut lainnya ke arah utara di tanah Daylam. Laut ini tidak ada hubungannya dengan laut-laut yang lainnya. Ia dikenali sebagai Laut Jurjan dan Tabaristan (Laut Kaspian). Panjangnya ialah 1 000 batu, dan lebarnya ialah 600 batu. Ke sebelah baratnya pula

---

2 Yakni menghubungkan antara Laut Merah dengan Laut Tengah di daerah tempat digalinya terusan Suez beberapa waktu kemudian (1859–1869) oleh Ferdinant De Lesseps, atas perintah al-Khudaiwi Sa'id Pasha.

terbentang Azerbaijan dan daerah Daylam; ke sebelah timurnya ialah tanah bangsa Turki dan Khuwarizmi ke sebelah selatannya adalah Tabaristan; dan ke sebelah utaranya pula ialah tanah Khazar dan Alans.

Kesemuanya itu adalah laut-laut termasyhur sebagaimana yang disebutkan oleh ahli-ahli ilmu bumi.

Selanjutnya mereka mengatakan bahawa di bumi yang telah diusahakan itu terdapat banyak sungai. Yang paling besar di antaranya ada empat 'yakni'. Nil, Euphrat, Tigris, dan Sungai Balkh yang disebut Oxus (Jayhun).

Sungai Nil berhulu di sebuah gunung yang besar, 16 darjah melampaui dari *Equator* di sempadan belahan keempat dari daerah yang pertama. Gunung itu disebut Gunung Qumr. Tidak ada gunung yang tertinggi diketahui di bumi. Dari gunung-ganang itu mengalir mata air, dan ada yang mengalir ke dalam tasik yang ada di sana, dan sebahagian lagi ke tasik yang lain. Dari kedua tasik tersebut, mengalir pula beberapa sungai, dan kesemuanya mengalir ke satu danau yang terdapat di *Equator* yang jaraknya dari gunung itu adalah 10 hari perjalanan. Dari tasik itu, mengalir pula dua buah sungai. Satu di antaranya mengalir ke arah utara, melintasi tanah Nubah dan kemudian melewati Egypt. Setelah merentasi Egypt, ia berpecah menjadi anak-anak sungai yang mengalir berdekatan. Setiap anak sungai itu disebut "saluran" (*khalij.* Ar.). Kesemuanya mengalir ke Laut Tengah di Iskandariyah. Sungai itu disebut Nil Mesir. Ia dibatasi oleh Dataran Tinggi Mesir di sebelah timurnya dan *oasis* di bahagian barat. Sungai yang lain mengalir ke arah barat, mengalir terus ke barat hingga ke "Laut yang Melingkar". Sungai ini adalah Sungai Nil Sudan. Semua bangsa Negro tinggal di sepanjang perbatasannya.

Sungai Euphrat berhulu di Armenia di belahan keenam daerah iklim yang kelima. Sungai itu mengalir ke selatan di atas tanah Rumawi (Anatolia), melewati Malatya menuju Manbij, lalu melintasi Siffin, ar-Raqqah, dan al-Kufah hingga sampai di Marsh (al-Batha') antara al-Basrah dan Wasit. Dari sana ia mengalir ke Lautan Hindi. Dalam perjalanannya itu, banyak sungai yang mengalir seiring dengan laluannya. Beberapa sungai yang lainnya bercabang darinya dan mengalir ke dalam Sungai Tigris.

Sungai Tigris itu bermula daripada beberapa mata air yang terdapat di negeri Khilath, yang mana ia juga di Armenia. Ia mengalir ke selatan melalui Mosul, Azerbaijan, dan Baghdad ke

Wasit. Di sana sungai-sungai itu berpecah ke beberapa terusan, kesemuanya itu mengalir ke Tasik al-Basrah dan terus ke Laut Parsi. Sungai Tigris pula mengalir di sebelah timur Sungai Euphrat. Banyak sungai yang besar mengalir ke dalamnya dari semua sudut. Daerah di antara Euphrat dan Tigris, tempat di mana ia mula terbentuk, adalah Jazirah Mosul, berhadapan dengan Syria di kedua-dua tebing Sungai Euphrat, dan berhadapan Azerbaijan di kedua-dua tebing Tigris.

Sungai Oxsus (Jayhun) adalah berhulu di Balkh, yang terletak di belahan ke delapan daerah iklim yang ketiga, dari mata air yang banyak sekali terdapat di sana. Banyak sungai besar mengalir ke dalamnya, tatkala ia mengalir dari selatan ke utara. Ia melewati negeri Khurasan, kemudian melintasi negeri Khurazan ke Khuwarizm yang terletak di belahan ke delapan daerah iklim yang kelima. Ia mengalir ke Tasik Aral (Tasik Danau Gurganj) yang terletak di kaki bandar Gurganj. Ukuran panjang sebagaimana lebarnya, ia sama dengan jarak perjalanan selama sebulan. Sungai Farghanah dan Tasykent (asy-Syasy) yang bermula dari daerah Turki, mengalir ke sungai tersebut. Di sebelah barat Oxsus adalah Khurasan dan Khuwarizm. Di sebelah timurnya terhampar kota-kota Bukhara, at-Tirmidz, dan Samarkand. Dan selanjutnya adalah negeri-negeri Turki, Farghanah, al-Kharlukh, dan bangsa-bangsa bukan Arab lainnya.

Kesemuanya itu telah disebutkan oleh Ptolemy di dalam bukunya, dan oleh asy-Syarif 'al-Idrisi di dalam *Buku tentang Roger* (*Book of Roger*). Semua gunung-ganangnya, lautan dan sungai-sungainya, yang boleh ditemui di kawasan yang diusahakan telah diperinci di dalam peta-peta dan secara telitinya dibicarakan di dalam buku-buku Ilmu alam. Kami tidak perlu lagi memperpanjang pembicaraan tentang hal itu. Ianya suatu perkara yang terlalu panjang, dan perhatian utama kita ialah Maghribi, tanah air bangsa Barbar, dan kampung halaman orang-orang Arab di Timur.

Allah s.w.t. memberi petunjuk kejayaan.

CATATAN PELENGKAP UNTUK PEMBICARAAN PENDAHULUAN YANG KEDUA

PELOSOK UTARA BUMI MEMPUNYAI BANYAK PERADABANNYA BERBANDING DENGAN PELOSOK SELATAN. SEBAB-SEBAB: DARIPADA ITU

KITA mengetahui melalui pengamatan dan daripada tradisi yang berkesinambungan bahawa yang pertama dan yang kedua dari daerah-daerah yang dimakmurkan (diolah dan dibangun oleh manusia) mempunyai peradaban yang sedikit jika dibandingkan dengan daerah lainnya. Daerah yang dimakmurkan di bahagian yang pertama dan yang kedua adalah di selang-selikan oleh kawasan yang tandus, berpadang pasir, serta di sebelah timurnya pula ialah Lautan Hindi. Bangsa-bangsa dan penduduk-penduduk di daerah iklim yang pertama dan yang kedua ini adalah tidak seberapa banyak. Hal yang sama juga mengenai kota-kota besar dan bandar-bandarnya.

Daerah iklim yang ketiga, yang keempat, serta selanjutnya adalah suatu yang sebaliknya. Kawasan terbiar di situ adalah begitu sedikit. Kawasan berpadang pasir juga sedikit atau tidak ada sama sekali. Bangsa dan penduduknya adalah lebih banyak. Kota-kota besar dan bandar-bandar adalah ibarat cendawan tumbuh selepas hujan. Peradaban berakar umbi di daerah iklim yang ketiga dan keenam. Bahagian selatan pula kosong.

Ramai ahli falsafah telah menyatakan bahawa ia adalah disebabkan oleh cuaca panas yang keterlaluan dan sedikitnya peralihan matahari dari *zenith* di selatan. Marilah kita jelaskan dan buktikan kenyataan ini. Keputusannya akan menjelaskan sebab mengapa peradaban di daerah-daerah iklim ketiga dan keempat berkembang pesat dan merebak ke daerah iklim kelima, keenam dan ketujuh.

Kami katakan: Apabila kutub cakerawala selatan dan utara berada di horizon, maka terbentuklah satu lingkaran besar yang

membahagi cakerawala menjadi dua bahagian. Lingkaran ini adalah yang paling besar dan melintas dari barat ke timur. Ia disebut garisan ekuinoks (*equinoctial line*. Ing.). Di dalam astronomi, ia telah diterangkan dengan baik bahawa falak (sfera) yang paling tinggi (bola bumi) bergerak dari timur ke barat dalam gerak harian (*daily motion*. Ing.). Dengan itu, falak-falak lain yang ada dalam lingkungannya dipaksa supaya bergerak juga. Gerakan tersebut dapat diamati oleh indera. Juga telah dijelaskan bahawa bintang-bintang di sferanya mempunyai gerak yang bertentangan dengan gerak tersebut dan adalah, dengan itu, suatu pergerakan dari barat ke timur. Masa pergerakan itu adalah berbeza-beza menurut perbezaan kelajuan pergerakan bintang-bintang.

Sejajar dengan arah perjalanan kesemua bintang-bintang di dalam sferanya di sana suatu lingkaran besar yang dipunyai oleh cakerawala yang paling tinggi dan membahagikannya kepada dua belahan. Inilah yang disebut ekliptik (zodiak). Ia dibahagi kepada dua belas "tanda". Sebagaimana yang telah diterangkan menurut kesesuaiannya, garis ekuinoks memintas ekliptik di dua titik yang bertentangan, yakni, di permulaan Aries, dan pada permulaan Libra. Garis ekuinoks membahagi zodiak kepada dua belahan. Satu daripadanya bergerak ke arah utara daripada garis ekuinoks dan mencakup tanda-tanda bermula dari Aries hingga ke hujung Virgo. Sebahagian lagi melampaui ke arah selatan daripada garis ekuinoks dan mencakup tanda-tanda yang dimulai dari Libra hingga berakhir dengan Pisces.

Apabila kedua khutub itu jatuh di atas horizon di antara kesemua daerah bumi, suatu garisan terbentuk di atas permukaan bumi yang berhadapan dengan garis ekuinoks dan bergerak dari barat ke timur. Garis ini disebut *Equator*. Menurut pemerhatian ahli astronomi garis ini dipercayai telah berlaku serentak dengan permulaan daerah iklim yang pertama daripada daerah-daerah yang berjumlah tujuh itu. Semua peradaban adalah di sebelah utaranya.

Khutub utara meninggi secara perlahan-lahan ke horizon di mana tanahnya dimakmurkan itu mencapai ketinggian 64 darjah. Di sini, semua peradaban berakhir. Ini adalah akhir daerah iklim yang ketujuh. Apabila ketinggiannya mencapai 90 darjah di atas horizon – yakni jarak antara khutub dengan garis ekuinoks – maka ia berada di mercunya, dan garis ekuinoks berada di horizon. Enam

tanda-tanda mengenai zodiak, yang utara itu adalah berada di atas horizon, dan enam, yang di bahagian selatan, adalah berada di bawahnya.

Peradaban adalah tidak mungkin terjadi di daerah yang terletak antara 64 hingga 90 darjah, kerana tiadanya campuran panas dan dingin di sana disebabkan oleh waktu reda di antara keduanya yang sangat lama. Generasi, dengan demikian tidak berlaku di tempat tersebut.

Matahari berada di kemuncaknya di atas khatulistiwa atau *Equator* pada permulaan Aries dan Libra. Ia kemudiannya menurun dari kemuncaknya ke bawah ke permulaan Cancer dan Capricorn. Penurunannya yang paling besar dari garis ekuinok itu ialah 24 darjah.

Sekarang, apabila kutub utara mendaki di horizon, garis ekuinoks menurun dari kemuncaknya sesuai dengan ketinggian khutub utara, dan khutub selatan menurun sesuai dengannya, berhubung dengan ketiga-tiganya (jarak-jarak yang merupakan garis lintang geografi). Para sarjana yang menetapkan waktu solat menamakannya sebagai garis lintang sesuatu tempat. Apabila garis ekuinok menurun daripada kemuncaknya, tanda-tanda zodiak yang terdapat di belahan utara akan naik perlahan-perlahan, sesuai dengan kecepatannya naik, hinggalah permulaan Cancer itu dicapai. Dalam pada itu, tanda-tanda zodiak di belahan selatan akan turun dari bawah horizon hingga mencapai permulaan Capricorn, sebab kecenderungan kedua-duanya (kedua-dua belah zodiak) meninggi atau menurun dari horizon khatulistiwa, sebagaimana yang kami dinyatakan.

Horizon utara terus meninggi, hingga mencapai puncak paling utara yang menjadi permulaan Cancer, adalah berada di puncaknya. Di sini garis lintangnya ialah 24 darjah di Hijaz dan kawasan yang berdekatan dengannya. Ini adalah kemerosotan daripada ekuinoktikal di horizon khatulistiwa di permulaan Cancer. Dengan ketinggian khutub utara Cancer akan naik, sehingga ia mencapai kemuncaknya.

Apabila khutub meningkat lebih daripada 24 darjah, matahari akan turun dari kemuncaknya, dan terus turun berkeadaan sedemikian hinggalah ketinggian khutub mencapai 64 darjah dan matahari menurun dari kemuncaknya, sama juga dengan kerendahan khutub selatan di bawah horizon, adalah jarak yang sama. Kemudian, generasi terhenti disebabkan oleh kedinginan yang tidak

terbatas dan pembekuan dan terlalu lama tanpa apa-apa haba.

Di dan dekat kemuncaknya, matahari mengalirkan sinarnya ke bumi pada sudut tegak lurus. Di lain kedudukan, matahari mengalirkan sinarannya ke bawah dengan sudut-sudut yang tidak terik atau pada sudut yang tajam. Apabila ia adalah sinaran cahaya dari sudut-sudut sinar tegak lurus, cahayanya terasa perit dan terpancar ke merata tempat, berbeza dengan ketika di mana ia terpancar dari sudut-sudut sinar matahari yang tidak terik dan sudut tajam. Oleh itu, di dan dekat kemuncaknya, panasnya adalah lebih terasa daripada kedudukan-kedudukannya yang lain, kerana cahaya (matahari) adalah penyebab terasanya bahang panas dan pembahangan (*taskhiin.* Ar. *calefaction.* Ing.). Matahari mencapai kemuncaknya di khatulistiwa sebanyak dua kali dalam setiap tahun di dua titik Aries dan Libra. Tidak berlaku kelemahan (matahari) menjadi begitu. Bahang panasnya jarang menjadi tidak berapa panas, apabila matahari sudah mencapai had kemerosotannya di permulaan Cancer atau Capricorn dan mendaki semula ke mercunya. Sinar-sinar dari sudut tegak kemudian jatuh pada horizonnya dan bertahan hingga beberapa waktu, kalau tidak suatu yang berkekalan. Udaranya menjadi terlalu panas, malah terlalu sangat. Hal yang sama juga benar apabila matahari mencapai kemuncaknya di dalam satu kawasan di antara khatulistiwa dan garis lintang 24 darjah, sebagaimana yang terjadi dua kali setahun. Sinaran matahari terasa bertenaga ke atas horizon di sana sepertimana yang dilakukannya di khatulistiwa. Panasnya yang berlebih-lebih itu menyebabkan udara menjadi terlalu kering dan menghalang generasi. Apabila panasnya menjadi begitu kuat, air dan pelbagai benda yang lembap akan menjadi kering, dan kekuatan untuk generasi akan musnah di dalam galian, tumbuhan, dan haiwan. Sebabnya ialah, proses generasi itu adalah bergantung kepada kelembapan.

Kemudian, apabila permulaan Cancer menurun dari kemuncaknya pada paras garis lintang 25 darjah dan selanjutnya, matahari juga akan menurun dari kemuncaknyaa. Bahang matahari menjadi lebih atau kurang panas. Maka proses penciptaan (generation) pun dapat berlangsung. Hal ini berlangsung hingga dingin menjadi begitu mencengkam disebabkan kekurangan cahaya dan sudut sinar matahari yang tidak terasa lagi. Sekali lagi proses generasi berkurangan dan rosak. Namun kerosakan akibat haba panas adalah lebih besar daripada disebabkan oleh hawa dingin,

sebab bahang panas mempercepatkan pengeringan lebih cepat daripada sejuk yang mengakibatkan pembekuan.

Oleh yang demikian, peradaban terlalu sedikit di daerah beriklim sepertimana yang pertama dan yang kedua. Daerah peradaban yang sederhana di daerah iklim yang ketiga, keempat dan kelima, kerana bahang di sana adalah sederhana kerana berkurangnya sinaran matahari. Dan peradaban yang pesat di daerah iklim keenam dan ketujuh kerana kurangnya kadar panas di situ. Pada mulanya, cuaca dingin tidak mendatangkan kesan kerosakan yang sama terhadap proses penciptaan sebagaimana haba panasnya. Ia menyebabkan berlakunya pengeringan hanya apabila sudah keterlaluan dan seterusnya mendapat tambahan pengeringan. Hal ini terjadi di daerah-daerah yang melampaui daerah iklim yang ketujuh. Semuanya ini, dengan demikian, merupakan sebab mengapa peradaban itu lebih kukuh dan banyak di pelosok utara.

Dan Allah s.w.t. itu lebih mengetahui!

Ahli falsafah membuat kesimpulan daripada fakta-fakta itu bahawa daerah yang terletak di khatulistiwa dan lebih jauh lagi adalah kosong. Berdasarkan kekuatan pengamatan dan tradisi yang berlangsung, pendapat mereka itu disanggah dengan pandangan bahawa daerah tersebut telah dibangun (dimakmurkan). Bagaimanakah cara-cara yang munasabah untuk membuktikan hal itu? Adalah suatu yang jelas bahawa para ahli falsafah tidak bermaksud menolak sama sekali adanya peradaban di sana. Akan tetapi, hujah-hujah itu memaksa mereka mengandaikan bahawa tenaga generasi (penciptaan) itu telah ke peringkat yang sangat luas, dirosakkan kerana adanya haba panas yang berlebih-lebihan. Akibatnya, peradaban di sana akan menjadi sama ada suatu yang tidak mungkin, atau boleh jadi secara minimumnya suatu yang mungkin, ia adalah sedemikian. Daerah yang di khatulistiwa atau Equator dan daerah-daerah yang jauh daripada itu, walaupun peradabannya sebagaimana yang dilaporkan, hanya ada sangat sedikit sekali.

Averroes* mengandaikan bahawa khatulistiwa itu berada dalam kedudukan yang simetris dan apa yang berada selepas khatulistiwa ke selatannya adalah sama dengan apa yang terdapat

---

* Averroes – Muhammad bin Ahmad bin Rush, 520–595 (1126–1198).

di kejauhan sana di daerah-daerah utara. Dengan demikian, banyak daerah-daerah di bahagian selatan akan diusahakan sebagaimana yang di bahagian utaranya. Andaiannya itu bukanlah suatu yang tidak mustahil, sejauh mana hujahan tentang kerosakan terhadap proses generasi itu sendiri. Walaupun demikian, berhubung dengan daerah-daerah di selatan khatulistiwa, ia menjadi suatu yang mustahil oleh fakta bahawa elemen air yang menutupi permukaan bumi di selatan, di mana kawasan yang bersesuaian di sebelah utara memungkinkan berlakunya proses penciptaan. Mengambil kira tentang jumlah air yang banyak di selatan, pandangan Ibn Rusyd (Averroes) tentang (kedudukan) simetris (khatulistiwa) yang ternyata menjadi sesuatu yang mustahil. Kesemua selepas itu adalah mengikuti, kerana peradaban itu berkembang sedikit demi sedikit dan memulakan pertumbuhan secara beransur-ansur di mana ia wujud, bukan di mana ia tidak boleh wujud.

Andaian bahawa peradaban itu tidak boleh wujud di khatulistiwa itu adalah suatu yang bertentangan dengan tradisi yang selanjutnya (nukilan yang dapat dipertanggungjawabkan). Dan Allah s.w.t. itu adalah lebih mengetahui!.

Setelah pembicaraan ini, kita berharapkan dapat melakarkan peta tentang dunia ini, sebagaimana yang dilakukan oleh penulis *Buku tentang Roger...*[1]

---

1 Sesudah ini Ibn Khaldun menuliskan secara terperinci sekali bentuk bumi (dalam edisi ini tidak diusahakan sebagaimananya).

PEMBICARAAN PENDAHULUAN YANG KETIGA

DAERAH-DAERAH SEDERHANA DAN TIDAK SEDERHANA. PENGARUH UDARA TERHADAP WARNA KULIT MANUSIA DAN TERHADAP PELBAGAI ASPEK KEADAAN MEREKA

KAMI telah menerangkan bahawa daerah yang dimakmurkan (diolah, dibangun, didiami manusia) dari bahagian bumi yang tidak dilapisi air (kering) mempunyai pusat di bahagian utara, kerana daerah-daerah utara terlalu dingin dan daerah-daerah selatan pula terlalu panas untuk didiami orang. Bahagian utara dan bahagian selatan merupakan dua puncak yang berlawanan dingin dan panasnya. Dengan demikian sudah pastinya daerah yang terletak di antara dua tempat itu makin kurang dingin atau makin kurang panasnya, sehingga daerah yang ada di tengah antara dua hujung itu adalah sedang hawanya. Daerah keempat adalah bahagian bumi yang sedang hawanya. Daerah yang bersempadan ketiga dan kelima adalah hampir-hampir menjadi kawasan yang sederhana panasnya. Daerah keenam dan kedua yang berdekatan adalah makin kurang daripada berkeadaan sederhana, dan selanjutnya tentulah makin kurang lagi di daerah pertama dan ketujuh.

Dengan demikian, ilmu pengetahuan, pertukangan, bangunan-bangunan, pakaian, makanan, dan buah-buahan, bahkan binatang-binatang dan segala apa yang hidup di tiga daerah tengah itu mempunyai ciri-ciri sedang dan sederhana. Manusia yang mendiami daerah tersebut adalah sederhana susuk tubuhnya, warna kulitnya, sikapnya dan keadaan keseluruhannya. Mereka didapati bersikap sederhana sama ada terhadap tempat tinggalnya, pakaian, makanan dan pertukangan tangan. Mereka memiliki rumah yang dibina daripada batu dan dihiasi perhiasan pertukangan tangan. Mereka bersaing sesama sendiri untuk menghasilkan peralatan terbaik dan alat perkakas. Di antara mereka itu, seorang daripadanya menjumpai galian asli, seperti emas, perak, besi, tembaga, plum-

bum dan timah. Dalam urusan berjual beli mereka menggunakan dua logam yang berharga (emas dan perak). Mereka mengelak daripada bersikap melampaui dalam banyak hal secara umumnya.

Sebahagian besar wahyu suci turun di daerah-daerah tengah itu. Kita tidak pernah mendengar ada wahyu diturunkan di daerah-daerah utara dan selatan. Ini disebabkan, Nabi-nabi dan Rasul-rasul Allah hanya diutus kepada umat yang paling sempurna, baik tubuh mahupun fikiran, iaitu umat yang lebih boleh menerima ajaran yang dibawa oleh Nabi-nabi dan Rasul-rasul itu. Allah s.w.t. telah bersabda:

> "Kamu adalah sebaik-baik umat yang telah diciptakan untuk segenap umat manusia."[1]

*Mereka ini ialah penduduk Maghribi, Syria, Hijaz, Yaman, dua bahagian Iraq, India Barat, China dan juga Sepanyol dan orang-orang Franka (Eropah) yang dekat dengan orang-orang Galisia, Romawi dan Yunani, serta orang-orang yang tinggal bersama atau berdekatan dengan mereka di daerah-daerah iklim yang sedang ini. Syria dan Iraq adalah daerah-daerah yang paling sedang hawanya kerana berada dalam kedudukan yang paling tengah dari segala jurusan.[2]

---

1 Al-Quran surah 3 (Ali Imran) ayat 110.
Dr. Ali Abdul Wahid Wafi mengulasnya: "Ayat ini tidak cocok untuk dijadikan dalil dari pernyataannya, sebab ayat tersebut tidak ditujukan kepada semua bangsa tempat diturunkannya para nabi. Ayat itu khusus untuk orang-orang Arab Muslim." Kalimat-kalimat dan perkataan-perkataan yang ada di antara dua kurung lempang tidak terdapat dalam penerbitan Quatremere dan tidak terdapat pula dalam penerbitan F. Rosenthal.

2 Tentang pengetahuan Ibn Khaldun mengenai ilmu bumi, Charles Issawi mengulasnya dalam catatan kaki "An Arab Philosophy of History":
"Pengetahuan Ibn Khaldun tentang ilmu bumi tidaklah lebih dari pengetahuan sarjana-sarjana yang sezaman dengan dia. Khususnya penempatan tujuh daerah iklim teranglah salah. Sebab, apabila daerah-daerah itu sama panjangnya, maka tiap daerah harus meliputi kira-kira 13 darjah garis lintang. Maka daerah pertama dan kedua akan meliputi daerah-daerah sebelah selatan Mesir Hulu, termasuk Yaman, India Selatan, Indo-China dan hujung selatan Tiongkok. Daerah ketiga akan berada di antara 26 darjah utara dan 39 darjah, jadi termasuk Sepanyol, Sisilia Selatan, Yunani, Syria dan Iraq, juga Parsi, sebahagian besar Tiongkok dan Jepun. Daerah keempat akan berada di antara 39 darjah utara dan 52 darjah utara, jadi termasuk Inggeris Selatan, Perancis, Itali, sebahagian besar Jerman dan Rusia Selatan. Daerah kelima akan sampai ke-64 darjah utara dan meliputi sebahagian besar Inggeris, Jerman

Para penduduk yang mendiami di daerah-daerah yang tidak beriklim sederhana di dalam daerah iklim pertama, kedua, keenam, dan ketujuh – adalah jauh daripada sederhana dalam segala hal. Kediaman mereka diperbuat daripada tanah liat atau dari sejenis rumpun buluh. Makanan mereka ialah *durra* dan herba. Pakaian mereka adalah daripada daun-daunan yang mereka ikat untuk menutupi anggota mereka, atau daripada kulit binatang. Kebanyakan mereka masih bertelanjang bulat. Buah-buahan dan perasa makanan mereka adalah aneh dan kurang sedap rasanya. Dalam urusan berjual beli, mereka tidak menggunakan dua logam yang berharga tetapi tembaga, besi, atau kulit, di mana mereka meletakkan sesuatu nilai untuk memudahkan urusan berjual beli. Nilai sikap mereka adalah sanga menyerupai watak binatang buas. Dilaporkan bahawa sebahagian besar orang-orang Negro yang mendiami di daerah iklim yang pertama masih menghuni di dalam gua-gua dan kawasan hutan, memakan daun-daunan, hidup terasing dan tidak bercampur gaul dan memakan satu sama lain. Hal yang sama juga berlaku kepada golongan Slav.

Apa yang menyebabkan keadaan, terjadinya kejadian ini ialah kerana mereka itu tidak menikmati keadaan sederhana dan ianya melahirkan suatu pembawaan dan sikap yang menyamai perilaku binatang-binatang, dan mereka itu ternyatanya tidak berperi kemanusiaan. Hal yang sama juga berlaku dalam keagamaan. Mereka tidak mengetahui tentang kenabian dan tidak mempunyai hukum-hukum agama, kecuali sekumpulan kecil yang hidup berhampiran dengan daerah-daerah yang beriklim sederhana: sebagai contohnya, bangsa Abesinia, yang berjiran dengan masyarakat Yaman, dan menganut agama Kristian sejak sebelum zaman Islam dan zaman Islam sehinggalah ke hari ini, penduduk Mali,[3] Koko

---

Utara, Denmark, bahagian-bahagian selatan dari Norwegia dan Swedia, negeri-negeri Baltik dan sebahagian besar dari Polandia dan Rusia. Apabila perubahan-perubahan yang semestinya ini dilakukan, maka mungkin sekali keterangan Ibn Khaldun dapat diterima, iaitu bahawa peradaban berkembang sebahagian besar hanya di tiga daerah yang ada di tengah-tengah.

3 Republik di Afrika Barat. Ia adalah Sudan, Perancis dahulu. Ibu kotanya Bamako. Membujur dari utara dataran padang pasir, ke selatan hingga lembah Sinegal dan Nigeria. Mali juga sebuah kota dekat Nigeria yang sekarang sudah tidak ada lagi. Dahulu merupakan pusat ibu kota kerajaan Mandingo yang ditaklukkan pada abad ke-17.

(Gawgaw), dan Takrur[4] yang tinggal berdekatan dengan Maghribi pada masa ini, mereka dikatakan menganut agama Islam dalam abad ketujuh (13). Atau, di bahagian utara, bangsa-bangsa Slav, Franka (Kristian Eropah) dan orang Turki yang menganut agama Krisitian.

Para penduduk yang tinggal di kawasan yang beriklim tidak sederhana di selatan dan di utara adalah sama sekali tidak mengetahui apa-apa agama. (Pengetahuan tentang agama) kesarjanaan itu mereka tidak miliki sama sekali. Keadaan mereka sama sekali berbeza dengan manusia biasa dan menghampiri perilaku binatang-binatang buas.

> Dan Dia Tuhan menciptakan apa-apa yang tidak kamu ketahui.[5]

Kenyataan terdahulu bukanlah sesuatu yang bertentangan dengan kewujudan Yaman, Hadramaut, al-Ahqaf, Hijaz, Yamamah dan daerah-daerah yang hampir dengan Jazirah Arab di daerah iklim yang pertama dan kedua. Sebagaimana yang telah kami terangkan, Jazirah Arab itu dikitari oleh laut dari tiga penjurunya. Kelembapan udara laut itu mempengaruhi kelembapan udaranya. Ini menghapuskan pengeringan dan panas yang amat terasa yang disebabkan oleh sinaran matahari itu. Disebabkan kelembapan udara daripada arah laut, tanah Arab pada suhu tertentunya adalah beriklim sederhana.

Ahli-ahli genealogi yang tidak mempunyai pengetahuan sebenar-benarnya tentang keadaan semula jadi sesuatu benda (*kaainaat.* Ar.) berpendapat bahawa orang-orang Negro adalah daripada keturunan Ham, anak Nabi Noh a.s. dan kulit mereka itu menjadi hitam adalah diakibatkan oleh sumpahan Nabi Noh kepada Ham, mengakibatkan warna kulit itu menjadi seperti Ham dan keturunan-keturunannya pula menjadi hamba abdi. Sebagaimana dinyatakan di dalam kitab Taurat* bahawa Nabi Noh telah menyumpahkan anaknya Ham. Namun tiada pula disebutkan tentang kulit yang berwarna hitam itu. Dia cuma mendoakan agar

---

4 Takrur, bangsa Negro di Senegal dan Kenya.

5 Al-Quran surah 16 (an-Nahl) ayat 8. Ayat ini tidak tercantumkan dalam terjemahan F. Rosenthal.

* Cf. Gen. 9: 25.

keturunan anak-anaknya itu akan menjadi hamba abdi kepada pewaris abang-abangnya.

Menyentuh tentang kulit bangsa Negro yang berwarna hitam itu dan mengaitkannya dengan Ham, menunjukkan betapa ia tidak mengaitkannya dengan bahana panas dan dingin dan kesan yang terjadi terhadap cuaca dan makhluk-makhluk yang hidup di situ. Kulit berwarna hitam itu sebagaimana yang lazim dimiliki oleh penduduk di daerah iklim pertama dan kedua adalah disebabkan campuran udara panas di sekitar di mana mereka berada, ada yang diakibatkan oleh kesan panas yang bertambah di bahagian selatannya. Matahari berada di kemuncaknya sebanyak dua kali dalam setahun dan dalam masa yang singkat sekali. Dalam setiap musim, matahari itu beredar dalam keadaannya yang tertinggi pada suatu masa yang sangat panjang. Cahaya matahari, dengan demikian, adalah begitu terik. Masyarakat di kawasan itu terpaksa mengalami musim panas yang sangat terasa sekali, dan kulit-kulit mereka menjadi gelap disebabkan oleh bahang panas yang kuat. Suatu yang serupa berlaku pada zon-zon yang bersempadan ke utara, zon ketujuh dan keenam. Di sana, kulit yang cerah adalah suatu yang lazim di kalangan penduduknya, begitu juga sebagai hasil daripada komposisi udara di mana mereka tinggal, dan yang berada di bawah pengaruh cuaca terlalu sejuk di utara. Matahari selalu berada di horizon dalam lapangan yang boleh dilihat, atau berhampiran dengannya. Ia jarang sekali mendekati puncaknya ataupun mendekatinya. Dengan demikian, bahang adalah terlalu sedikit di daerah ini, dan hawa udara yang terlalu dingin itu melewati sepanjang tahun. Sebagai akibatnya, warna kulit penduduknya adalah putih, dan mereka didapati mempunyai paling sedikit bulu roma. Sebagai akibat selanjutnya daripada cuaca dingin yang amat sangat itu ialah mata mereka biru warnanya, berambut keperang-perangan dan kulit yang berbintik-bintik. Daerah kelima, keempat, dan ketiga adalah menguasai kedudukan yang pertengahan. Mereka mendapat bahagian hawa udara sedang yang melimpah-limpah, yang merupakan suatu keberuntungan yang besar sebagai hasil daripada kedua-duanya.

Daerah yang keempat, suatu kawasan yang paling dekat dengan bahagian tengah, adalah suatu kawasan yang sederhana iklimnya. Hal ini telah kami nyatakan dahulunya. Orang-orang yang berada di daerah itu memiliki fizikal dan tingkah laku yang sederhana, sesuai dengan diperlukan oleh komposisi udara tempat

mereka hidup. Daerah ketiga dan kelima berada di sisi daerah keempat, tetapi tidak pula berada pada bahagian pusatnya. Ia adalah lebih dekat kepada bahagian selatan yang panas melampaui daerah yang ketiga dan bahagian kelima lebih ke utara yang dingin. Meskipun begitu, keduanya tidak pula sampai menjadi kawasan beriklim tidak sederhana. Tempat daerah yang lahirnya adalah kawasan yang tidak berhawa sederhana, dan perbezaan itu dapat dilihat daripada segi fizik dan tingkah laku masyarakatnya. Daerah yang pertama dan kedua adalah terlalu panas dan hitam dan daerah keenam dan ketujuh adalah dingin dan putih. Penduduk yang mendiami zon pertama dan kedua di selatan disebut bangsa Abesinia, Zanj, dan Sudan. Ia adalah sinonim yang digunakan untuk menyatakan bangsa-bangsa tertentu yang berkulit hitam-legam. Nama Abesinia, walau bagaimanapun, adalah khusus digunakan untuk merujuk orang-orang Negro yang tinggal berhadapan dengan Makkah dan Yaman, dan nama Zanj adalah terkhusus diperuntukkan kepada orang-orang Negro yang tinggl berhadapan dengan Lautan Hindi. Sebutan tersebut tidak diberikan kepada mereka kerana mereka itu dikatakan daripada keturunan orang-orang yang berkulit hitam-legam, sama ada Ham ataupun lain-lainnya.

Orang-orang Negro dari kawasan selatan yang tinggal di daerah keempat yang sedang atau di daerah ketujuh lebih kepada keputihan, mereka didapati melahirkan pewaris yang kulitnya berwarna keputih-putihan secara beransur-ansur mengikuti perjalanan waktu. Sebaliknya, orang yang menghuni kawasan di bahagian utara, atau dari daerah keempat di selatan telah menghasilkan anak-anak cucu mereka yang mana warna kulit mereka itu adalah hitam-legam. Ini menunjukkan bahawa warna kulit itu adalah ditentukan oleh komposisi udaranya.

Ibn Sina bermadah di dalam kumpulan puisinya tentang kedoktoran.[6]

Panas menerpa Zanj yang merubah warna tubuh,
hingga kulitnya berselimutkan hitam.
Orang Shiklib menerima warna putih,
hingga kulitnya berselimutkan putih.

6 Bait-bait puisi ini, tidak terdapat dalam terjemahan F. Rosenthal.

Sedangkan para penduduk di wilayah utara itu tidak dipanggil menurut warna kulit mereka, sebab penduduk yang memberikan pengertian yang konvensional itu adalah daripada kalangan berkulit putih. Dengan demikian, putih itu adalah sesuatu yang biasa dan umum di kalangan mereka, dan mereka tidak melihat ianya suatu hal yang luar biasa yang boleh menyebabkan mereka menjadikannya suatu istilah yang khusus.

Dan kita dapati penduduk-penduduknya yang terdiri daripada orang-orang Turki, Slav, Thghurghur, Khazar, al-Lan, dan banyak orang-orang Franka serta Yajuj wa Majuj. Mereka mempunyai nama yang bermacam-macam serta generasi yang beragam, yang juga mempunyai nama yang bermacam-macam pula.

Sedangkan para penduduk di daerah-daerah tengah adalah sederhana dari segi fizik dan perwatakan serta cara hidup mereka. Mereka memiliki seluruh keadaan diperlukan untuk suatu kehidupan yang beradab, seperti cara mencari penghidupan, membuat tempat kediaman, keahlian, ilmu pengetahuan, kepemimpinan serta wibawa kekuasaan. Mereka mempunyai *nubuat-nubuat*, wibawa kekuasaan, negara, syariat agama, ilmu pengetahuan, negeri, kota besar, bangunan-bangunan, hortikultur, keahlian yang tinggi, serta seluruh keadaan yang sederhananya sahaja.

Selanjutnya, di antara para penduduk di daerah-daerah yang kami ada maklumat sejarahnya adalah, misalnya, orang-orang Arab, orang-orang Romawi, Persia, Bani Israel, Yunani, orang-orang Shinde, India dan Cina. Melihat bahawa tiap-tiap golongan manusia (bangsa-bangsa) tersebut mempunyai sifat fizikal yang berbeza-beza, maka para ahli genealogi telah mengambil kesimpulan bahawa hal ini disebabkan oleh perbezaan keturunan. Mereka pun menyimpulkan bahawa kesemua masyarakat Negro di selatan adalah daripada keturunan Ham. Mereka telah berprasangka salah terhadap warna kulit dan dengan itu telah menukilkan cerita-cerita sebagaimana telah dinyatakan terdahulu suatu yang tidak masuk akal.[7] Mereka telah mengisytiharkan kesemuanya atau seluruh penduduk di bahagian utara sebagai keturunan Japheth, dan mengisytiharkan seluruh bangsa-bangsa yang berada di kawasan beriklim sederhana, yang menetap di daerah-daerah bahagian

7 Cerita bahawa bangsa Negro keturunan Ham, yang disebabkan oleh doa Nabi Noh.

tengah, yang mengamalkan ilmu pengetahuan dan keahlian, dan yang menguasai agama dan kelompok syariatnya termasuk juga kepemimpinan politiknya serta wibawa pemerintahan – sebagai daripada keturunan Ham.

Meskipun dalam menisbahkan keturunan itu adalah suatu yang benar, ianya merupakan hasil daripada suatu agakan sahaja, bukan suatu yang meyakinkan, suatu hujahan yang logik. Ia hanyalah suatu pernyataan fakta sahaja. Adalah suatu yang tidak tepat bahawa penduduk yang tinggal di selatan itu disebut bangsa "Abesinia" dan bangsa "Negro" sebab mereka adalah daripada keturunan Ham, yang 'berkulit hitam'. Kesalahan ini disebabkan oleh anggapan bahawa perbezaan antara bangsa-bangsa itu boleh timbul hanya kerana perbezaan keturunan sahaja. Ia adalah suatu anggapan yang sebenarnya tidak betul. Bangsa tertentu berbeza dari lainnya kerana keturunan seperti bangsa Arab, Bani Israel dan Parsi. Atau dalam hal lainnya, adalah lokasi kerana geografi dan tanda-tanda fizikal seperti bangsa Zanj, Abesinia, Slav, dan Negro dan Sudan. Sekali lagi, dalam hal yang lainnya, ia disebabkan oleh adat dan sifat-sifat yang jelas, dan juga keturunan, seperti mana orang-orang Arab, atau ia boleh disebab-kan oleh apa-apa sahaja di kalangan keadaan sifat-sifat dan rupa yang khusus kepada pelbagai bangsa itu. Tetapi untuk merumuskan dan menyatakan bahawa para penghuni di satu-satu lokasi geografi di selatan atau di utara adalah daripada keturunan sekian-sekian orang yang ternama disebabkan mereka mempunyai warna yang sama, tingkah laku, atau tanda fizikal yang dimiliki oleh pendahuluannya adalah satu daripada kesalahan-kesalahan yang timbul oleh kecuaian, oleh suatu yang semula jadinya diciptakan pada makhluk dan oleh fakta geografinya. (Juga suatu pengabaian fakta bahawa keadaan fizikal dan suasana) adalah suatu yang boleh berubah-ubah yang mengaitkan generasi kemudiannya.

> Sunah Allah berlaku pada hamba-hamba-Nya. Sekali-sekali kamu tidak akan mendapatkan Sunah Allah itu berubah. Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui dan lebih bijak terhadap yang ghaib. Allah s.w.t. adalah Tuhan Maha Mengurus, mencurahkan nikmat, Yang Belas Kasih, dan Maha Penyayang!

PEMBICARAAN PENDAHULUAN YANG KEEMPAT

PENGARUH IKLIM TERHADAP KEPERIBADIAN MANUSIA

KITA telah melihat secara umumnya bahawa orang-orang Negro mempunyai sikap kurang berhati-hati (*khiffah*. Ar.), mudah gempar (*excitability*. Ing.) dan terlalu emosional. Mereka didapati mudah menari apabila mendengar alunan melodi. Di mana-mana sahaja mereka dianggap sebagai orang-orang yang dungu. Alasan sebenar terhadap pendapat-pendapat ini ialah sebagaimana telah dinyatakan oleh para ahli falsafah pada tempat-tempat tertentunya, bahawa perasaan sukacita dan sukaria merupakan watak yang ditimbulkan oleh pengembangan dan resapan roh kebinatangan. Perasaan sedih adalah yang sebaliknya, iaitu 'contraction' dan 'concentration' roh kebinatangan

Telah dinyatakan bahawa bahang panas itu menyebabkan pengembangan dan menjadikan udara itu berkurangan serta mengwapkan dan memperbesar kuantitinya. Orang yang mabuk akan mengalami perasaan girang yang sukar hendak dinyatakan dan berasa suka kerana wap roh yang terdapat di dalam hatinya itu diresapi oleh panas semula jadi – sesuatu yang ditimbulkan oleh kekuatan *khamr* di dalam rohnya. Akibatnya, roh itu mengembang dan berlakulah perasaan sukacita. Hal yang serupa terjadi kepada orang-orang yang mandi wap. Ketika menghirup udara panas itu sampai ke roh mereka, dan akibatnya, mereka pun merasa sukacita dan berasa riang gembira. Apa yang sering terjadi ialah mereka mula bernyanyi-nyanyi, sebab menyanyi mempunyai asal usul daripada perasaan sukacita.

Sekarang, orang-orang Negro itu tinggal di daerah yang beriklim panas. Cuaca panas itu menguasai resmi dan pembentuk-

an mereka. Dengan demikian, mereka memiliki roh yang mempunyai kadar kepanasan yang sesuai dengan apa yang ada di dalam tubuh dan dengan yang wujud di daerah di tempat di mana mereka tinggal. Dibanding dengan roh para penduduk yang tinggal di daerah iklim yang keempat, mereka berasa lebih panas dan ianya lebih kembang. Akibatnya, mereka lebih mudah untuk berasa gembira dan bersukacita, dan mereka lebih periang. Mudah dirangsangi (*excitability*. Ing.) adalah akibatnya yang langsung.

Dalam hal yang serupa, para penduduk yang tinggal di kawasan pantai adalah menyerupai dengan mereka yang tinggal di kawasan selatan. Udara di tempat mereka tinggal itu sangat panas disebabkan oleh pancaran sinar dan cahaya matahari dari permukaan laut. Dengan demikian, pengalaman daripada nilai-nilai yang disebabkan oleh panas, iaitu, sukacita dan bersikap sambil lewa terhadap sesuatu, sememangnya lebih serius daripada para penduduk di kawasan iklim bercuaca sejuk dan berbukit-bukau atau negeri-negeri yang bergunung-ganang. Pada suatu peringkat, hal ini dapat kita saksikan terhadap penduduk Jarid yang tinggal di daerah iklim yang ketiga. Di sana panasnya lebih terasa, kerana ia berada di selatan kawasan pantai dan bukit-bukau. Contoh yang lainnya adalah dengan menyaksikan para penduduk Mesir. Mesir berada di garis lintang yang sama seperti Jarid. Orang-orang Mesir itu ternyata lebih gembira, bersikap ambil mudah dan kurang mengambil berat terhadap masa depan. Mereka tidak menyediakan simpanan bekalan makanan sama ada selama sebulan atau setahun lebih awal tetapi mendapatkannya di pasar.

Fez di Maghribi, sebaliknya, berada lebih jauh dari pantai dan dikelilingi oleh perbukitan yang bercuaca dingin. Para penduduknya didapati lebih bersedih dan muram serta memikirkan secara bersungguh-sungguh akan masa hadapan mereka. Sungguhpun orang lelakinya masih memiliki simpanan gandum yang boleh tahan dimakan selama beberapa tahun, mereka sering pada pagi-pagi lagi ke pasar untuk membeli bahan makanan untuk hari itu. Sebabnya, dia berasa khuatir akan termakan apa yang tersimpan.

Jika diteliti segala-galanya itu dipelbagai daerah dan negeri, ternyata cuaca yang pelbagai itu mempengaruhi tingkah laku penduduk-penduduknya akan menjadi sangat nyata.

Al-Mas'udi telah mengambil usaha untuk menyiasat sebab yang menjadikan orang-orang Negro bersikap ambil mudah,

mudah terusik dan terlalu mengikut perasaan serta berusaha untuk menerangkan semuanya itu. Malangnya, usahanya itu tidak lebih daripada hanya melaporkan apa yang menjadi pendapat Galen, dan Ya'qub bin Ishaq al-Kindi – bahawa kelemahan itu adalah disebabkan oleh otak yang lemah yang diakibatkan oleh daya intelektual yang rendah. Pernyataan ini adalah suatu yang tidak pasti dan tidak dapat dibuktikan.

Allah s.w.t. memberi petunjuk ke jalan yang lurus kepada siapa yang dikehendaki-Nya.

PEMBICARAAN PENDAHULUAN YANG KELIMA

PERBEZAAN-PERBEZAAN BERHUBUNG DENGAN MELIMPAH-RUAH DAN KEKURANGAN MAKANAN DI PELBAGAI DAERAH YANG DIDIAMI OLEH MANUSIA SERTA BAGAIMANA IA MEMPENGARUHI TUBUH DAN PERIBADI MANUSIA ITU

SUATU yang harus disedari ialah tidak semua daerah-daerah yang bercuaca sederhana mempunyai bahan makanan yang banyak, tidak juga mereka itu menikmati hidup yang selesa. Di beberapa tempat, para penduduknya menikmati hasil biji-bijian yang sangat banyak, bahan perasa, gandum dan buah-buahan. Ini disebabkan tanahnya yang diseimbangkan dengan baik dan sesuai kepada tumbuh-tumbuhan dan membolehkan terdapat dengan banyaknya peradaban.

Manakala di bahagian yang lain, keadaan tanahnya adalah berbatu-batan dan tidak ada biji-bijian ataupun tidak ada tumbuh-tumbuhan yang boleh hidup. Di situ, para penduduknya mengalami suatu kehidupan yang serba sulit. Keadaan-keadaan itu adalah seperti masyarakat yang menjadi penduduk Hijaz dan Yaman atau orang-orang berkerudung keturunan Sanhajah yang hidup di pinggir padang pasir dekat Maghribi dan yang didiami oleh kaum Barbar dan Negro Sudan. Kesemua mereka itu tidak mempunyai bekalan biji-bijian dan bahan perasa yang cukup. Makanan mereka adalah susu dan daging.

Orang-orang yang seperti mereka juga adalah masyarakat Arab yang hidup berpindah-randah di kawasan-kawasan yang terbiar. Mereka boleh mendapatkan biji-bijian dan perasa makanan di kawasan dataran tinggi, tetapi ianya mungkin pada masa-masa tertentu sahaja dan boleh diperolehi oleh mereka yang menguasai sesuatu tempat itu. Apa yang mereka dapat hanyalah terlalu sedikit kerana mereka tidak mempunyai wang. Apa yang mereka dapat adalah tidak lebih daripada suatu keperluan sahaja,

dan kadangkalanya kurang dan sudah pasti sekali tidak cukup untuk membolehkan mereka itu menikmati suatu kehidupan yang selesa atau hidup yang serba mewah.

Pada keseluruhannya mereka itu lebih bergantung kepada susu, yang mana pada mereka adalah pengganti yang baik kepada gandum. Sungguhpun begitu, penduduk di padang pasir yang kekurangan biji-bijian dan pelazat makanan didapati bertubuh badan sihat dan berperibadi lebih baik daripada mereka yang menetapi di bukit-bukau yang boleh menikmati segala-galanya dengan banyak. Kulit mereka adalah lebih cerah, badan mereka lebih bersih, bentuk tubuh mereka lebih seimbang dan bagus, sikap mereka kurang melampau, otak mereka lebih tajam dalam hal mencari ilmu pengetahuan dan membuat persepsi.

Hal itu dapat dibuktikan daripada pengalaman yang dialami oleh kumpulan-kumpulan itu. Terdapatnya begitu banyak perbezaan di antara orang Arab dan Barbar (di satu segi yang lainnya), dan orang berkerudung (dari suku Sanhajah) dan penduduk dataran tinggi (yang lain). Fakta-fakta itu diketahui oleh mereka yang menyelidiki perkara itu.

Berhubung dengan sebabnya, boleh dibuat suatu saranan yang tidak muktamad bahawa makanan yang berlebih-lebihan dan kelembapan yang tinggi akan menghasilkan sesuatu yang memudaratkan kepada bahan-bahan yang berlebihan di dalam tubuh, yang mana, ia sebaliknya, mengakibatkan pertumbuhan tubuh yang tidak seimbang, juga menghasilkan sesuatu yang merosakkan, suatu yang amat tidak menyenangkan. Akibatnya ialah kulit yang pucat dan tubuh badan yang hodoh, sebabnya orang yang berkenaan mempunyai banyak daging, sebagaimana yang telah dinyatakan. Apabila kelembapan itu dengan baunya yang kurang menyenangkan naik ke kepala, ke otak maka kebolehan berfikir menjadi tumpul. Ia mengakibatkan kedunguan, tidak berhati-hati dan secara amnya adalah tidak ada kesabaran.

Hal ini dapat diperbandingkan dengan binatang-binatang yang hidup di kawasan terbiar dan padang tandus – seperti rusa, lembu liar, burung unta, zirafah, keldai, dan kerbau hutan, dengan binatang-binatang yang sejenisnya yang hidup di kawasan bukit-bukau, pesisir pantai dan padang ragut yang subur. Terdapat begitu banyak perbezaan di antara mereka berhubung soal bulunya yang lebih berkilat, susuk badannya dan rupanya, bandingan kakinya, dan pancainderanya yang lebih tajam. Rusa adalah jenis

yang dapat diperbandingkan dengan kambing, zirafah adalah jenis yang boleh disamakan dengan unta, keldai dan kerbau hutan adalah seakan-akan serupa dengan keldai dan kerbau yang sudah dijinakkan. Ternyata, terdengar suatu perbezaan yang ketara di antara binatang-binatang itu. Satu sebabnya yang nyata ialah makanan yang berlebih-lebihan di kawasan bukit-bukau itu akan menghasilkan bahan lebihan yang memudaratkan dan mengganggu keadaan tubuh badan binatang-binatang yang dijinakkan, yang mana kesan-kesan itu dapat dilihat pada mereka. Sebaliknya, kelaparan pula, boleh memperbaiki susuk tubuh dan bentuk binatang-binatang di kawasan terbiar.

Hal yang sama berlaku pada manusia. Secara umum, penduduk negeri-negeri yang subur tanahnya di mana terdapat banyak hasil pertanian dan binatang ternakan dan juga bahan perasa dan buah-buahan yang banyak, adalah sebagaimana yang terjadi didapati kasar tubuhnya dan tumpul fikirannya. Inilah yang terjadi kepada orang Barbar yang memiliki banyak rempahratus dan gandum jika dibandingkan dengan mereka yang menikmati hidup yang terpaksa berjimat cermat dan hanya dapat makan "beras belanda" atau *jawawut*, sebagaimana di Mashamadah Barbar dan penduduk Ghimarah dan Sus. Golongan yang akhir itu adalah lebih intelektual dan bertubuh lebih tegap. Hal yang serupa berlaku terhadap orang-orang Maghribi yang mempunyai bahan makanan berempah-ratus yang banyak dan gandum yang baik dengan orang-orang Sepanyol yang tidak menikmati mentega dan makanan utamanya ialah *jawawut* sahaja. Orang-orang Sepanyol itu didapati mempunyai ketajaman fikiran, tubuh yang segak, dan patuh kepada arahan bagaikan orang lainnya tidak memilikinya. Hal yang sama berlaku terhadap mereka yang menghuni di kawasan pinggiran Maghribi sekiranya dibandingkan dengan mereka yang tinggal di kawasan penempatan tetap dan kota. Mereka sama-sama menggunakan perasa makanan dan hidup serba ada tetapi penghuni kota menggunakan pelazat makanan setelah dimasak dan setelah dibumbui dan dilembutkan oleh campuran. Dengan demikian makanan itu kehilangan banyak lemak dan tidak begitu banyak. Makanan utama mereka ialah daging kambing dan ayam. Mereka tidak menggunakan dengan mentega kerana rasanya yang tidak sedap. Dengan demikian kadar kelembapan dalam makanan mereka adalah rendah, dan ianya mengurangkan benda-benda yang memudaratkan tubuh badan. Akibatnya, tubuh orang-orang

di kota itu adalah lebih halus jika dibandingkan dengan tubuh mereka yang tinggal di padang pasir yang mengalami hidup yang lebih mencabar. Begitulah, mereka yang hidup di padang pasir dan biasa berlapar didapati mempunyai tubuh yang tidak mempunyai bahan yang memudaratkan, sama ada tebal atau nipis.

Suatu yang harus diketahui ialah pengaruh berlebih-lebihan terhadap tubuh badan dan segala aspeknya dan adalah sangat jelas dalam soal agama dan ibadah. Kesempitan hidup oleh mereka yang tinggal di padang pasir, dan mereka yang menetap di kawasan yang biasa dengan hidup berlapar-lapar serta tidak menikmati keselesaan didapati lebih beriman dan bersedia untuk melaksanakan amal ibadah berbanding dengan orang-orang yang hidup dalam kemewahan dan berlebih-lebihan. Bahkan, kita dapat menyaksikan bahawa tidak ramai orang yang beriman di kota-kota dan bandar-bandar besar sehinggakan kebanyakan mereka itu begitu ingkar dan leka yang mana ianya ada hubungannya dengan makanan daging yang berlebih-lebihan, pelazat makanan, dan gandum yang terbaik. Kewujudan mereka yang bertakwa dan beramal adalah, dengan jelasnya, mereka yang hidup di padang pasir, yang hidup sedapat yang ada sahaja. Sebaliknya, keadaan hidup para penduduk di dalam sesuatu negeri dapat dilihat berbeza bergantung kepada perbezaan taburan kemewahan dan kekayaan.

Suatu dapat kita simpulkan bahawa mereka yang tinggal di padang pasir atau di kawasan penempatan dan di kota, yang hidup berlebihan dan memakan makanan yang enak-enak, lebih cepat mati daripada mereka yang ditimpa kemarau atau kebuluran. Inilah halnya, misalnya, pada orang-orang Barbar Maghribi dan pada penduduk Kota Fez, sebagaimana yang kita dengar, di Kaherah. Ia tidaklah sebagaimana orang-orang Arab yang menetap di kawasan terbiar dan di padang pasir, atau penghuni di daerah yang ditumbuhi oleh pohon kurma dan makanan utama mereka ialah kurma, atau tidak seperti penduduk Ifriqiyah masa kini yang menjadikan makanan utama mereka 'beras belanda' dan minyak zaitun. Atau seperti mana penduduk Sepanyol yang menjadikan makanan utama mereka ialah *jawwawut* dan minyak zaiton. Apabila mereka ditimpa kemarau atau kebuluran ianya tidak membunuh mereka beramai-ramai sebagaimana manusia yang lainnya, dan hanya sebilangan kecil sahaja, sekiranya ada, yang mati kebuluran.

Sebagai sebab kepada semuanya itu, suatu yang tidak dapat diputuskan ia atau tidaknya bahawa perut orang-orang memakan

makanan dengan banyaknya dan yang biasa dengan pelazat makanan dan, khususnya, mentega – memerlukan kelembapan tambahan di samping kelembapan yang sedia ada, dan kelembapan yang didapati itu akhirnya menjadi berlebih-lebihan. Apabila pula, perut itu tidak mendapat makanan yang secukupnya, mengalami kekurangan pelazat makanan, dan oleh makanan yang kasar yang tidak biasa dimakan, maka perut itu, yang merupakan anggota tubuh yang paling lemah, dan berasaskan sebab itu dianggap alat yang *vital*, akhirnya kekeringan dan mengecut. Tiba-tiba jatuh sakit dan kematian mengejut merupakan akibat utama mereka yang memiliki perut seperti itu. Mereka yang mati kerana kebuluran adalah mangsa kepada sikapnya yang terlalu tamak, kerana kebuluran yang menimpa mereka buat pertama kalinya.

Sedangkan mereka yang telah biasa dengan kehausan dan tidak memakan makanan yang berempah dan mentega, kelembapan asas, yang baik dalam semua makanan semula jadi, tetap berada dalam hadnya dan tidak bertambah. Dengan demikian, perut mereka itu tidak diganggu oleh kekeringan dan tidak terganggu oleh perubahan pemakanan. Sebagaimana terjadi, mereka terselamat daripada kejadian menimpa mereka yang biasa makan berlebihan dan mengambil banyak makan makanan berperisa.

Perkara asas yang wajar diketahui ialah makanan, dan sama ada mahu menggunakannya atau tidak, adalah suatu kebiasaan. Barang siapa yang membiasakan diri dengan jenis makanan yang sesuai dengan seleranya akan menjadi suatu yang biasa kepadanya. Dia mendapati amat payah untuk meninggalkan kebiasaan itu atau membuat sebarang perubahan dengan syarat (makanan itu) bukan hanya berperanan sebagai bahan makanan, seperti racun atau alkali atau apa sahaja yang sama sekali tidak sesuai di makan. Apa sahaja makanan yang boleh dimakan dan dipersetujui boleh dijadikan sebagai makanan yang menjadi kebiasaan. Jadi seseorang itu sudah membiasakan dirinya meminum susu dan memakan sayur-sayuran sebagai ganti gandum, maka susu dan sayuran itu menjadi makanan kelaziman baginya dan dia tidak lagi memerlukan gandum dan makanan biji-bijian lainnya.

Hal yang sama dengan mereka yang sudah biasa menahan lapar dan tidak menikmati makanan. Perihal itu adalah biasa bagi orang-orang yang melakukan pertapaan (*riyadlah*). Kita telah banyak mendengar cerita-cerita aneh tentang mereka. Mereka yang tidak mempunyai pengetahuan sedemikian akan berasa sukar

untuk mempercayai maklumat semacam itu. Penjelasan itu terbit daripada suatu yang telah menjadi kebiasaan apabila jiwa seseorang menjadi biasa dengan sesuatu hal, ia menjadi sebahagian daripada pembentukan jiwa dan menjadi tabiatnya. Sebabnya, jiwa itu boleh dibentuk-bentuk mengikut kemahuan seseorang. Dengan secara latihan perlahan-lahan seseorang itu sudah tentu akan biasa dengan kelaparan maka (lapar itu) akhirnya, menjadi suatu kebiasaan pada roh.

Andaian para doktor kesihatan bahawa lapar akan mengakibatkan kematian adalah tidak benar, kecuali apabila seseorang tiba-tiba terdedah kepada kelaparan dan tidak mendapat makanan sama sekali. Dengan demikian, perut itu tidak diisi dan dihinggapi penyakit yang boleh membahayakan. Apabila secara sedikit-sedikit melalui latihan, kadar makanan itu dikurangkan sudah pasti seseorang itu tidak akan menghadapi ancaman maut. Sebagaimana yang mampu dibuat oleh ahli sufi adalah melalui latihan – yang beransur-ansur menahan dirinya.

Mengambil semula makanan secara beransur-ansur adalah sangat perlu apabila seseorang itu tidak lagi mahu melakukan *riyadlah* ini. Jika sekiranya seseorang itu mahu memakan makanannya seperti semulanya, dia akan terdedah kepada bahaya maut. Oleh itu, dia harus mengakhiri *riyadhlah* sepertimana dia memulakannya iaitu – secara beransur-ansur.

Kami telah menyaksikan sendiri bagaimana seseorang itu berlapar selama 40 hari berturut-turut. Syeikh kami pernah hadir di majlis Sultan Abu al-Hasan* bilamana dua orang wanita dari Algesira dan Ronda juga telah menghadap baginda. Kedua-dua wanita itu telah selama bertahun-tahunnya tidak memakan apa-apa makanan pun. Pengalaman mereka itu diketahui umum. Mereka telah diperiksa dan apa yang didakwa itu adalah benar. Kedua-dua wanita itu meneruskan niat mahu berlapar sampailah mereka meninggal dunia. Dan kebanyakan orang yang kami kenali cuma meminum air susu kambing. Mereka meminumnya dari tetek kambing pada sebelah siang harinya atau sewaktu bersarapan pagi. Itulah makanan mereka selama 15 tahun lamanya.

Sesuatu yang harus diketahui ilahah barang siapa yang sanggup berlapar atau mengambil hanya sedikit makanan adalah

* 'Merinid di Fez yang memerintah dari 1331 hingga 1351 dan adalah nenek moyang kepada Abu Inan, semasanya Ibn Khaldun datang ke Faz.

berkesihatan lebih baik daripada mereka yang terus berlapar atau mengambil makanan yang berlebih-lebihan. Berlapar itu mempunyai kesan yang sangat baik terhadap kesihatan dan kebaikan pada tubuh badan dan akal fikiran – sebagaimana yang telah kami nyatakan. Ini dapat diselidiki daripada pelbagai kesan hasil daripada berjenis-jenis makanan terhadap tubuh badan. Kita dapat melihat bagaimana orang-orang yang memakan daging binatang yang bertubuh kuat dan besar itu akan menjadi sasa seperti binatang yang kuat dan bertubuh besar itu. Perbandingan di antara penghuni padang pasir dengan mereka yang hidup menetap di suatu kawasan menunjukkan penyataan ini. Hal yang sama pula dengan orang-orang yang meminum susu dan memakan daging unta. Kesemuanya itu mempengaruhi peribadi mereka, yang menjadikan mereka bersikap lebih sabar, tahan lasak dan berupaya memikul beban sebagaimana yang termampu dipukul oleh unta. Perut mereka pula menjadi seperti perut unta yang sihat dan tegar. Mereka tidak boleh dialahkan dengan kelemahan atau ketidakupayaan, tidak juga dialahkan oleh makanan yang sedikit. Mereka boleh mengambil makanan (mengandung alkaloid yang tinggi) yang tidak mudah hadam/ tidak rosak untuk membersihkan perut mereka, seperti sebagai contohnya, sebiji peria, buah *diryas* dan *gerbayun*, – (*unripe colocynth, desly carrot and Euphorbio*). Namun, perut mereka tidak berasa sakit sedikit pun. Dan sekiranya, penduduk yang telah tinggal tetap di sesuatu kawasan – yang perutnya memang tipis dan telah biasa dengan makanan yang lembut-lembut, mahu meninggalkan tabiat pemakanan itu, mereka tentunya akan menghadapi bahaya maut dengan sertamerta. Sebabnya ialah makanan katartik itu mengandung racun.

Suatu tanda yang menunjukkan pengaruh makanan terhadap tubuh ialah sebagaimana yang disebutkan oleh para sarjana pertanian dan disaksikan oleh orang-orang yang berpengalaman, bahawa apabila telur ayam yang diberi makan biji-bijian dan dibiarkan berlumuran dengan tahi unta dan dibiarkan menetas, maka anak ayam yang dilahirkan itu akan lebih besar daripada apa yang dapat kita bayangkan. Seseorang itu tidak perlu memasak biji-bijian tersebut untuk memberinya makan, apa yang perlu ialah melumurkan tahi unta tersebut kepada telur yang akan ditetaskan dan anak ayam yang menetas itu juga akan lebih besar. Banyak lagi contoh-contoh yang lainnya yang serupa.

Apabila kita telah memerhatikan pelbagai cara di mana

pemakanan itu mempengaruhi tubuh, tidak dapat disangkalkan lagi bahawa lapar juga mempengaruh tubuh, sebabnya ialah kedua-dua hal itu mengikut pola yang sama. Lapar itu mempengaruhi tubuh di dalam membebaskannya daripada sesuatu yang memudaratkan serta yang mengandungi cairan campuran yang boleh merosakkan tubuh dan daya akal, sebagaimana makanan itu juga mempengaruhi keaslian kewujudan sesuatu tubuh itu.

Allah sahaja yang mengetahui akan segala-galanya.

PEMBICARAAN PENDAHULUAN YANG KEENAM

PELBAGAI JENIS MANUSIA YANG MEMILIKI TANGGAPAN YANG DI LUAR KEMAMPUAN SAMA ADA MELALUI PENDEDAHAN SEMULA JADINYA ATAU MELALUI LATIHAN, YANG DIDAHULUI OLEH PEMBICARAAN TENTANG WAHYU DAN ALAMAT DARIPADA MIMPI

SESUATU yang harus diketahui ialah bahawa Allah s.w.t. itu telah memilih beberapa orang daripada kalangan umatnya. Allah mengangkat darjat mereka itu melalui firman-Nya. Dia telah menjadikan manusia itu supaya dapat mengenali-Nya. Dia telah menjadikan insan terpilih sebagai perantara antara Allah s.w.t. dengan hamba-Nya. Manusia-manusia pilihan-Nya itu haruslah memperkenalkan kepada umatnya apa yang paling baik bagi mereka, serta menggerakkan mereka untuk mencari sendiri petunjuk yang benar. Mereka berusaha untuk menyelamatkan umat manusia itu daripada seksaan api neraka, serta memberi petunjuk ke jalan yang selamat.

Pengetahuan yang diberikan Allah s.w.t. kepada manusia-manusia yang menjadi pilihan-Nya, serta keajaiban-keajaiban yang Dia manifestasikan melalui perkataan manusia-manusia pilihan-Nya, menunjukkan bahawa ada perkara-perkara ghaib yang tidak berupaya diketahui oleh akal manusia dan yang boleh diketahui daripada Allah s.w.t. dan hanya melalui perantara manusia-manusia pilihan-Nya, dan manusia-manusia pilihan itu pun tidak mengetahuinya kecuali apabila diajarkan oleh Allah sahaja. Nabi Muhammad s.a.w. bersabda:

> "Malah, aku hanya mengetahui apa yang diajarkan oleh Allah s.w.t. sahaja."

Suatu yang perlu diketahui bahawa maklumat yang mereka disampaikan adalah begitu dalam dan pastinya benar, ia akan menjadi semakin jelas apabila hak:kat kenabian itu diperjelaskan.

Tanda di mana golongan manusia pilihan ini dapat diketahui ialah, ketika menerima wahyu, mereka kelihatan sangat aneh pada pandangan mereka yang hadir. Ia diikuti oleh perasaan seperti dicekik yang kelihatannya seperti orang yang hilang ingatan buat seketikanya atau seperti orang yang sedang pengsan tetapi ia tidak ada kaitannya dengan kedua-dua keadaan itu. Apa yang sebenarnya, ia ada suatu perasaan di mana dia tenggelam dan berhadapan dengan kekuasaan spiritual, disebabkan oleh persepsi-persepsi yang secocok dengan mereka tetapi sama sekali luar biasa untuk ditanggapi oleh manusia umumnya. Persepsi luar biasa ini dibawa kepada tingkat tanggapan manusia dalam bentuk suara kepada orang yang menerimanya dan berupaya memahami atau muncul dalam bentuk seorang manusia yang menyampaikan wahyu daripada Allah kepadanya. Keadaan itu kemudiannya berakhir, tetapi dia dapat mengingati isi kandungannya. Ketika ditanya tentang wahyu, Nabi Muhammad s.a.w. bersabda:

> "Pada masa tertentu, ia datang kepadaku bergemerincing seperti bunyi loceng. Ianya sungguh menyakitkan. Apabila ia meninggalkan aku, aku dapat mengingati apa yang telah diajarkan. Pada ketika yang lain pula malaikat mendatangi diriku sebagai seorang lelaki. Dia bercakap-cakap denganku, dan aku dapat mengingati apa yang dikatakan olehnya."

Selama proses itu, orang yang menerima wahyu akan kelihatan berkeadaan sesuatu yang sukar hendak diterangkan yakni seperti dalam kepayahan dan kelemasan.

Menurut Aisyah:

> "Wahyu itu diturunkan kepadanya pada hari-hari yang terlalu dingin. Namun begitu, apabila malaikat meninggalkannya, di dahinya terdapat peluh."

Sebagaimana firman Allah s.w.t. di dalam al-Quran:

> "Kami akan turunkan kepadamu sesuatu pesan (tugas) yang amat berat."[1]

Disebabkan nabi berkeadaan sedemikian sewaktu sedang menerima wahyu, kaum musyrikin telah bertindak menuduh

---

1 Al-Quran, surah 73 (Muzammil), ayat 5.

bahawa nabi sedang dikuasai oleh suatu kuasa yang aneh. Apa yang mereka saksikan itu menyebabkan mereka membuat anggapan yang salah.

> "Barang siapa disesatkan oleh Allah s.w.t., maka tidak ada orang yang sanggup memberinya petunjuk."[2]

Tanda-tanda lainnya yang dimiliki oleh insan yang menerima wahyu ialah bahawa sebelum mereka itu menerima wahyu – mereka mempunyai akhlak yang baik, terpelihara daripada berbuat dosa, dijauhi segala sifat tercela atau melakukan perbuatan-perbuatan keji. Inilah yang dimaksudkan dengan "maksum" (*ishmah.* Ar. *infallibility.* Ing.). Ia kelihatan seolah-olah, secara semula jadinya, dia memang diciptakan dalam fitrah yang suci dan terhindar daripada noda. Dan seolah-olah semasa perbuatan keji itu memang suatu yang tidak dimilikinya sama sekali sebagai tabiatnya yang semula jadi ....

[*Di dalam hadis sahih disebutkan bahawa ketika masih muda belia, baginda telah mengangkat batu bersama bapa saudaranya untuk membina Kaabah. Batu itu baginda letakkan di dalam pakaiannya, sehingga tubuhnya (auratnya) kelihatan terbuka. Namun tiba-tiba baginda jatuh pengsan, sehingga (auratnya) tertutup oleh pakaiannya.

Pernah baginda diundang ke suatu majlis perkahwinan yang dimeriahkan oleh persandingan pengantin serta hiburan. Apa yang berlaku ialah baginda telah tertidur sehingga terbitnya matahari, dan dengan demikian baginda tidak menyaksikan apa yang berlaku sepanjang berlangsungnya majlis itu. Allah s.w.t. telah menghindarkan daripada baginda kesemuanya itu, sehinggakan baginda dihindarkan daripada makan makanan yang haram. Nabi Muhammad s.a.w. tidak pernah memakan bawang. Ketika ditanya, baginda menjawab:

> "Aku berbicara (bermunajat) dengan siapa yang tidak kamu semua berbicara."

Cubalah perhatikan riwayat ini; ketika datangnya wahyu secara tiba-tiba, Nabi memberitahunya kepada Khadijah. Khadijah ingin menguji:

---

2 Al-Quran, surah 39 (Az-Zumar), ayat 36.

"Cubalah aku letakkan di antara dirimu dengan bajumu" (tinggal bersama dalam satu selimut).

Nabi melakukan sebagaimana yang dipinta oleh isterinya. Anehnya, secara tiba-tiba beliau tidak lagi berada di dalam selimut itu. Khadijah pun berkata:

"Dia sesungguhnya adalah malaikat dan bukan syaitan."

Hal ini bererti bahawa beliau tidak boleh mendekati wanita. Dan ketika Khadijah menanyakan tentang warna pakaian yang paling disenangi, yang diperlukan oleh nabi, beliau memberitahu: "putih dan hijau".

Khadijah segera mengerti.

"Dia adalah malaikat."

Maksudnya, bahawa warna putih dan hijau merupakan lambang kebaikan dan malaikat; sedangkan hitam merupakan lambang kejahatan dan syaitan. Dan banyak lagi contoh-contoh lainnya.

Di antara tanda-tanda kenabian itu ialah mereka selalu menyerukan syiar agama dan mengerjakan solat, bersedekah, dan berhemah tinggi (*chastity*. Ing.). Khadijah, dan begitu juga dengan Abu Bakar, telah bersependapat bahawa perilaku itu adalah sikap terpuji Nabi Muhammad s.a.w. Mereka tidak menghendaki bukti-bukti yang lainnya yang melampaui tingkah laku dan peribadinya. Dikatakan bahawa ketika Heraklius menerima surah yang dikirim oleh Nabi Muhammad s.a.w. di mana baginda telah mengajaknya menjadi orang Islam, dia telah memanggil orang-orang Quraisy yang ada di negerinya, di antaranya termasuklah Abu Sufyan, untuk bertanyakan siapakah manusia Muhammad itu. Di antara pertanyaan yang diajukannya ialah tentang perkara-perkara yang disuruh oleh Muhammad supaya dilakukan. "Abu Sufyan memberitahu:

"Disuruh supaya melakukan solat, zakat, bersedekah dan berperibadi mulia."

Jawapan yang serupa diberikan terhadap soalan-soalan yang lainnya. Heraklius mengulang:

"Jika benar sebagaimana apa yang kamu katakan, sahlah dia adalah seorang nabi. Dia akan menguasai bumi tempatku berdiri ini."

"Bersih diri" sebagaimana yang dirujuk oleh Heraklius itu ialah *ishmah.* Suatu yang wajar dicatatkan bahawa Heraklius menanggap *ishmah,* dan menyeru supaya beragama dan beriman adalah suatu bukti ketulenan tugas sebagai seorang nabi, dan tidak perlu lagi dibuktikan oleh mukjizat. Cerita ini, dengan demikian, adalah bukti bahawa kesemuanya itu merupakan tanda-tanda kenabiannya.

Di antara tanda-tanda yang lainnya ialah bahawa mereka itu dihormati oleh kaumnya. Di dalam hadis sahih disebutkan:

"Allah tidak mengutus seorang nabi kecuali dia berada dalam tentangan kaumnya."

Dan dalam riwayat lain yang diketahui oleh al-Hakim, hanya disebutkan di dalam Sahih Bukhari dan Sahih Muslim:

"Berada dalam (tentangan) kekayaan kaumnya."

Dikatakan, bahawa ketika ditanya tentang kedudukan Muhammad di tengah-tengah kaum Quraisy, Abu Sufyan menjawab:

"Dia disegani di kalangan mereka."

Selanjutnya Heraklius mengatakan:

"Apabila para rasul itu diutus, dia mestilah disegani oleh kaumnya."

Maksudnya bahawa (rasul itu) mempunyai rasa kesatuan (*ushbah.* Ar. *group feeling.* Ing.) serta pengaruh yang dapat menghindarnya daripada diganggu oleh orang-orang kafir, sehingga dia dapat menyampaikan ajaran Tuhannya dan mencapai tahap kesempurnaan beragama dalam hubungan agamanya dan *millah*-nya (organisasi keagamaan) sebagaimana yang diharapkan untuknya.

Di antara tanda-tanda orang itu nabi ialah mereka berupaya melakukan sesuatu yang luar biasa, yang membuktikan kebenaran mereka. "Hal-hal aneh" adalah tingkah laku yang tidak mungkin

dapat dilakukan oleh orang lain. Dengan demikian, ianya dikenali sebagai *mukjizat*. Semuanya itu adalah bukan di dalam kemampuan manusia, bahkan sesuatu yang di luar kemampuan mereka. Terdapat perbezaan pendapat tentang bagaimana mukjizat itu terjadi dan bagaimana mukjizat itu membuktikan kebenaran para nabi.

Beberapa ahli ulama mutakallimin – superlative theologions – berpendapat bahawa ia adalah disebabkan oleh "berlaku menurut kemahuan" (*voluntary agent.* Ing.) dan berpendapat bahawa mukjizat-mukjizat itu terjadi atas kekuasaan Allah dan bukan atas tindakan Nabi. Golongan Mu'tazilah* menegaskan bahawa tindakan-tindakan seseorang manusia itu adalah berpunca daripada dirinya sendiri. Jelaslah, mukjizat itu bukanlah suatu tindakan yang boleh dilakukan oleh manusia. Menurut kesemua mazhab, kemampuan para nabi melakukan mukjizat adalah dibatasi oleh adanya cabaran yang timbul dan dilakukannya dengan izin daripada Allah. Dengan demikian, seorang nabi itu memperlihatkan mukjizat yang ada padanya sebelum mereka menjadikannya sebagai bukti di atas kebenaran tuntutan-tuntutannya. Dengan mukjizat itu – ia dapat dijadikan pernyataan yang eksplisit daripada Allah bahawa nabi tersebut adalah benar, dan mukjizat-mukjizat itu menjadi bukti kepada kebenarannya. Mukjizat yang dibuktikan adalah kombinasi sesuatu hal yang sangat mengagumkan dan cabaran yang dihadapkan kepadanya. Dengan demikian, yang terakhir itu merupakan sebahagian daripada mukjizat.

[Sedangkan apa yang dikatakan oleh ulama mutakallimin bahawa tentangan adalah sifat dari mukjizat itu. Tentangan adalah satu, sebab bagi mereka, tentangan adalah makna yang sebenarnya. "Tentangan", merupakan pembeza antara mukjizat dengan *karamah* dan *sihir*. dalam karamah dan sihir tidak diperlukan adanya pembenaran (*tashdiq*. Ar.). Tentangan hanya ada bila kebetulan diketemukan ada.

Pada pandangan mereka yang menyangkut adanya *karamah*, (*divine grace* Ing.) sekiranya tentangan lebih awal itu terjadi dalam hubungannya dengan *karamah*, dan ia menjadi bukti bagi mereka karamah itu, adalah bukti tentang kesucian menjadi wilayah (*sainthness*. Ing.) yang mana ia adalah berbeza dengan kenabian.

---

* Mu'tazillah ialah fahaman agama dari mana muncul pula pandangan spekulatif dogmatik dalam Islam.

Itulah sebabnya mengapa Profesor Abu Ishaq dan yang lain-lainnya tidak menerima terjadinya hal-hal yang menakjubkan itu sebagai *karamah*. Mereka ingin menghindarkan terjadinya kekeliruan di antara tentangan yang dihadapkan kepada para wali dan nabi. Apa yang telah kita lakukan ialah – sudah memperlihatkan perbezaan di antara kedua-duanya itu. Tentangan awal yang dihadapi oleh wali adalah sesuatu yang lain daripada apa yang dihadapi oleh nabi. Dengan demikian tak ada kekacauan antara keduanya. Tidak dapat diragukan bahawa pandangan Profesor Abu Ishaq itu tidak jelas dan sering mendorong untuk menolak pendapat bahawa hal-hal aneh yang dialami oleh nabi itu dialami juga oleh para wali – berdasarkan bahawa kedua-dua kumpulan itu memiliki kebolehan melakukan hal-hal yang anehnya menurut cara masing-masing.

Adalah suatu yang tidak munasabah bahawa mukjizat itu boleh dilakukan oleh seorang manusia yang pembohong. Menurut Asy-ariyah, ianya adalah suatu yang mustahil kerana apa yang menjadi bahagian penting pada mukjizat itu ialah ia didefinisikan sebagaimana kepastian *tashdiq* dan *hidayah*. Sekiranya mukjizat itu boleh terjadi mengikut suatu keadaan yang bertentangan – ketulenan akan diragukan, hidayah menyesatkan dan ingin ditambah bahawa tashdiq menjadi palsu. Kebenaran akan menjadi mustahil, dan sifat-sifat yang perlu ada akan songsang terbalik. Sesuatu, kejadian yang boleh dianggap sebagai mustahil, tidak boleh menjadi yang mungkin.

Kerana dalil itu meragukan dan hidayah itu menyesatkan, maka – menurut Muktazilah – sesuatu yang keji itu tidak mungkin berasal daripada Allah s.w.t.].

Ahli falsafah tetap dengan pendapat bahawa hal-hal yang menakjubkan itu adalah sesuatu yang boleh dilakukan oleh nabi, meskipun kesemuanya itu tidak berupaya dilakukan dengan kemampuannya sendiri. Pendapat itu didasarkan pada doktrin yang harus dan penting (sebab akibat) (*al-iijaab adz-dzaati.* Ar.) dan daripada peristiwa-peristiwa yang terjadi secara timbal baliknya menurut keadaan dan sebab (lazimnya) menjadi sesuatu yang baru, dan akhirnya, berbalik kepada harus secara *per se* dan tidak boleh dipilih.

Pada pendapat mereka, jiwa seseorang nabi itu mempunyai ciri-ciri paling perlu yang menimbulkan banyak ketakjuban dengan bantuan kekuasaan (yang harus secara *per se*) dan kepatuhan

elemen-elemen kepada-Nya untuk tujuan penciptaan (*takwiin.* Ar.). Pada pendapat mereka peranan kenabian (dalam proses ini) ialah melalui nilai-nilai tersebut yang Allah s.w.t. berikan kepadanya, dia menurut kejadian semula jadinya layak untuk bertindak lebih giat di kalangan apa yang diciptakan, bila sahaja dia menyeru mereka dan menumpukan perhatian terhadap mereka. Mereka tetap mengatakan bahawa ketakjuban adalah dibuat oleh nabi itu sendiri, sama ada terdapat cabaran yang bakal dihadapinya ataupun tidak. Terdapat banyak bukti akan kebenaran seseorang nabi, oleh sebab – sebagai yang mereka buktikan bahawa – dirinya adalah lebih giat di antara benda-benda yang diciptakan, kegiatan tersebut merupakan suatu ciri khas kenabian, bukan kerana ianya mengambil tempat dalam memastikan kebenarannya yang sangat jelas. Pada pendapat mereka, dengan demikian peristiwa-peristiwa yang membangkitkan rasa takjub itu bukanlah bukti yang pasti (terhadap kebenaran seseorang nabi), sebagaimana yang menjadi pendapat ulama-ulama mutakallimin. Terlebih dahulu, pada mereka, tidak dikira sebahagian daripada mukjizat. Ia tidak dapat dikira sebagai perkara-perkara yang membezakan di antara 'mukjizat', dengan *karamah.*

Mereka tetap dengan pendapat bahawa (mukjizat) adalah berbeza dengan sihir atas alasan bahawa seseorang nabi itu dilantik oleh suatu yang semula jadinya dilengkapkan dengan peribadi mulia dan dihindarkan dari melakukan kejahatan. Dengan demikian seseorang nabi itu tidak berupaya melakukan kejahatan melalui ketakjuban yang boleh dilakukan. Sesuatu yang sebaliknya adalah tentang ahli sihir. Semua yang dilakukannya adalah untuk tujuan jahat. Tambahan pula (mukjizat) adalah berbeza daripada karamah oleh hakikat bahawa apa yang menakjubkan sepertimana yang boleh dilakukan oleh nabi adalah suatu sifatnya yang luar biasa – seperti naik ke langit, menembusi benda-benda yang padu, menghidupkan orang yang sudah mati, berbicara dengan para malaikat dan terbang di udara. Sedangkan ketakjuban yang boleh dilakukan oleh para wali suatu yang sebaliknya, adalah suatu yang kurang hebat seperti memperbanyakkan apa yang sedikit sahaja, berbicara tentang sesuatu yang akan terjadi di masa mendatang, dan hal-hal lainnya yang ternyata tidak sehebat dengan apa yang termampu dilakukan oleh para nabi.

Seseorang nabi pula berupaya melakukan hal-hal aneh sepertimana yang dapat dilakukan oleh para wali. Sebaliknya

pula, para wali itu tidak mampu melakukan sesuatu yang menakjubkan yang dilakukan oleh para nabi. Kesemuanya ini lebih disahkan oleh ahli-ahli sufi di dalam tulisan mereka tentang tarekat mistik serta dinukilkan pengalaman-pengalaman mereka yang ekstatik itu.

Sekarang semuanya telah disebutkan, suatu yang perlu diketahui ialah bukti yang terdapat di dalam al-Quran, yang telah disampaikan kepada nabi kita, adalah yang terhebat, terbagus dan mukjizat yang paling nyata. Pada galibnya, peristiwa-peristiwa aneh yang dilakukan oleh nabi junjungan secara terpisah, dan selain daripada wahyu yang diterima oleh baginda. Peristiwa-peristiwa aneh – mukjizat itu adalah untuk membuktikan kebenaran baginda.

Di suatu sisi lainnya, al-Quran itu dengan sendirinya merupakan wahyu yang dituntut. Ia dengan sendirinya sudah merupakan suatu mukjizat. Ia dengan sendirinya membuktikan. Ia tidak menghendaki bukti yang lainnya, seperti mukjizat yang lain-lainnya yang didakwa ada hubungannya dengan wahyu.

Ia adalah bukti yang paling nyata, sebab ia telah menyatakan ke dalamnya apa yang terbukti dan apa yang perlu dibuktikan. Inilah yang dimaksud dengan sabda Nabi Muhammad s.a.w.:

> "Setiap nabi itu diberi kebesaran yang dapat menjaminkan keyakinan semua umatnya. Namun apa yang diturunkan kepadaku adalah wahyu yang diwahyukan kepadaku. Dengan demikian, aku berharap akan mendapat lebih ramai umat pada hari kiamat nanti."

Baginda merujuk kepada hakikat bahawa mukjizat yang seakan-akan sama dengan wahyu (yang disahkan) yang begitu jelas dan bukti yang kuat bahawa ia akan terbukti benar – disebabkan kejelasannya, dengan jumlah pengikutnya yang ramai. Dengan demikian bilangan yang ramai yang mempercayai nabi itu sebagai benar dan mempercayainya. Mereka adalah 'pengikutnya', disebut sebagai "umat Islam."[3]

---

3 Setelah ini, kami dapatkan tiga paragraf tambahan dalam terjemahan *The Muqaddimah* oleh F. Rosenthal. Selengkapnya kami cantumkan berikut ini:

All this indicates that the Quran is alone among the divine books, in that our Prophet received it directly in the words and phrases in which it appears, in

Kesemuanya itu membuktikan bahawa al-Quran sahaja di antara kitab Allah, yang mana nabi junjungan telah menerimanya secara langsung dalam perkataan dan frasa sebagaimana ianya disampaikan. Dalam hal ini, ia adalah berbeza dengan kitab Taurat, Injil dan kitab-kitab suci lainnya. Nabi menerimanya dalam bentuk ilham semasa dalam keadaan menerima wahyu. Setelah malaikat-malaikat itu meninggalkannya baginda kembali kepada keadaan sebagaimana sebelumnya, mereka mengatakan ilham-ilham itu dalam bahasa mereka sendiri. Dengan demikian, kitab-kitab itu tidak dikaitkan dengan "sesuatu yang ditiru". Al-Quran itu sangat sukar untuk ditiru. Nabi-nabi yang lainnya telah menerima kitab-kitab mereka dalam keadaan yang serupa sebagaimana Nabi Muhammad s.a.w. menerima ilhamnya daripada Allah s.w.t., sebagaimana yang dinyatakan oleh hadis-hadis. Hakikat bahawa baginda menerima al-Quran itu secara langsungnya, adalah dalam bentuk hurufiahnya – adalah dibuktikan oleh kenyataan berikutnya tentang Nabi Muhammad s.a.w. sebagai pesuruh-Nya telah berkata:

> "Jangan gerakkan lidah kamu itu terlalu cepat untuk menghafaz wahyu ini. Kami sendiri akan menyaksikan pengumpulannya dan pengucapannya.*[1]

this respect, it differs from the Torah, the Gospel, and other heavenly books. The prophets received them in the form of ideas during the state of revelation. After their return to a human state, they expressed those books do not have the attribute of 'inimitability'. Inimitability is restricted to the Quran. The other prophet received ideas that he attributed to God, such as are found in many traditions. The fact that he received the Quran directly, in its literal form, is attested by the following statement of Muhammad on the authority of his Lord who said: "Do not move your tongue too fast to con this revelation. We ourself shall see to its collection and recital/ (QS. 75/al-Qiyamah/ayat 16).

Many verses of the Quran show that He directly and literally revealed the Quran, of which every *surah* is inimitable. Our Prophet wrought no greater miracle. "He had you given away all the riches of the earth, you could not have so united them. But God has united them" (QS. Surah 8 (al-Anfal'/verses; 63 or 64).

This should be known. It should be pondered. It will be found to be correct, exactly as I have stated. One should also consider the evidence that lies in the superiority of Muhammad's rank over that of the other prophets and in the exaltedness of his position.

The Muqaddimah, P. 74.

*[1] Al-Quran 75.

Banyak surah di dalam al-Quran menunjukkan bahawa Allah (Dia) yang secara langsungnya dan secara hurufiahnya telah mewahyukan al-Quran, yang mana setiap surah itu adalah terlalu sukar untuk ditiru. Nabi junjungan kita telah menunjukkan tidak ada mukjizat yang paling besar daripada al-Quran dan suatu hakikat bahawa baginda telah menyatupadukan orang-orang Arab dalam melaksanakan tugasnya itu.

> "Sekiranya kamu berikan kesemua kekayaan yang terdapat di muka bumi ini, kamu tidak akan dapat menyatupadukan mereka. Tetapi Allah s.w.t. telah mempersatukan mereka.*[2]

Ini haruslah diketahui. Ia haruslah difikirkan. Ia kemudiannya akan didapati benar, tepat sebagaimana yang saya katakan. Seseorang itu harus mengambil kira bukti yang terdapat pada diri Nabi Muhammad s.a.w. sebagai yang berdarjat lebih tinggi berbanding dengan nabi-nabi yang lainnya dan dalam martabat yang diangkatkan sebegitu tinggi.

Kami akan terangkan erti sebenarnya tentang kenabian menurut penjelasan beberapa sarjana yang sungguh peneliti. Kemudian kami akan dengan ini menyebutkan erti sebenar menujumkan (*kahanah* Ar.), ilham mimpi telahan serta pelbagai cara yang sakti dalam membuat tanggapan. Kami katakan:

(PENGERTIAN YANG SEBENAR-BENARNYA TENTANG KENABIAN)

Dunia ini dengan segala-galanya yang diciptakan mengandung di dalamnya beberapa peraturan tertentu dan pembinaannya yang berasas. Ia menunjukkan pertalian di antara sebab-sebabnya dan benda-benda yang mengakibatkan gabungan beberapa bahagian penciptaan dengan yang lainnya, dan transformasi beberapa benda yang wujud itu menjadi yang lainnya, ke dalam satu bentuk yang sungguh menakjubkan dan tidak putus-putus. Bermula dengan dunia yang berjasad dan persepsi sensual, dan dengan itu pertamanya dengan dunia yang mengandung unsur-unsur yang kelihatan, seseorang itu akan mendapati bagaimana elemen-elemen itu disusun secara beransur-ansur dan berterusan di dalam suatu bentuk yang bertingkat-tingkat. Dari bumi kepada air, kepada

*[2] al-Quran 8.63 (64).

udara dan kepada api. Tiap-tiap anasir itu adalah bersedia untuk diubahkan menjadi suatu yang lebih tinggi atau rendah dan kadang-kadang, adalah ditransformasikan. Yang tinggi itu selalunya lebih halus daripada yang mendahuluinya. Akhirnya ia sampai kepada alam angkasa (*alam al-aflak.* Ar. *the world of the spheres.* Ing.). Alam angkasa itu adalah lebih murni daripada apa jua pun. Ia adalah lapisan-lapisan yang kait-mengait antara satu sama lainnya dalam satu bentuk di mana pancaindera itu dapat menanggapinya hanya melalui geraknya yang wujud sahaja. Gerakan-gerakan ini membantu sebilangan orang dengan pengetahuan sukat-menyukat dan kedudukan sfera-sfera, dan juga pengetahuan mengenai esensi yang ada pada yang selebihnya, suatu pengaruh yang mana adalah dapat dilihat di dalam sfera-sfera melalui hakikat bahawa kesemuanya itu mempunyai pergerakan.

Seseorang itu haruslah melihat kepada dunia yang dijadikan ini (*alam at-takwiin.* Ar. *the world of creation.* Ing.). Ia dimulai daripada bahan-bahan galian dan melalui kemajuan, menurut prosesnya yang sangat mahir, secara beransur-ansur kepada tumbuh-tumbuhan dan binatang-binatang. Tahap yang paling tinggi daripada barang-barang galian mempunyai hubungannya dengan tingkat pertama tumbuh-tumbuhan yang tidak berbiji. Tumbuh-tumbuhan yang berada pada tingkat yang paling akhir umpamanya pohon palma dan pohon-pohon yang batang menjalar atau memanjat, dihubungkan dengan tingkat yang pertama daripada binatang-binatang – seperti siput dan yang berkulit keras yang hanya mempunyai kekuatan melakukan sentuhan. Perkataan "perhubungan" dalam hubungannya dengan benda-benda yang diciptakan itu bermaksud bahawa tingkat yang paling tinggi daripada setiap kumpulan itu sudah cukup bersedia untuk mengubah dirinya kepada tahap yang pertama daripada kumpulan yang berikutnya.

Dunia haiwan kemudiannya meluas, dengan pelbagai spesies yang menjadi semakin banyak, dan melalui proses kejadian yang secara beransur-ansur, ia berakhir dengan manusia – yang berkeupayaan untuk berfikir dan melakukan renungan. Peringkat tertinggi yang dicapai oleh manusia ialah perubahannya daripada tidak bertamadun. Yang mana kebijaksanaan dan membuat persepsi adalah ditemui tetapi belum mencapai tahap membuat pertimbangan yang sebenar-benarnya dan berfikir. Pada peringkat

ini kita berbalik semula pada tahap yang pertama manusia itu. Apa yang dapat dibuat setakat ini ialah pemerhatian secara (fizikalnya) sahaja.

Sekarang di dalam alam yang pelbagai itu kita akan temui banyak pengaruh-pengaruhnya. Dalam dunia persepsi yang sensual terdapatnya pengaruh-pengaruh tertentu terus menyentuh pergerakan sfera-sferanya dan unsur-unsurnya. Dalam dunia yang diciptakan itu terdapat pula pengaruh-pengaruh tertentu tentang pergerakan yang menyangkuti pertumbuhan dan pengertian. Kesemuanya itu merupakan bukti daripada hakikat bahawa adanya suatu yang mengenakan pengaruhnya dan adalah berlainan daripada benda-benda yang berjasad. Ia adalah suatu yang sifatnya adalah rohaniah. Ia dihubungkaitkan dengan dunia, penuh dengan benda-benda yang diciptakan sebab pelbagai dunia itu harus ada hubungannya dengan kewujudannya. Apa yang spiritual itu adalah roh, yang mempunyai persepsi dan yang menyebabkan terjadinya pergerakan. Pada tingkat atas jiwa/roh itu harus ada sesuatu yang lainnya yang memberikan jiwa itu kekuatan melakukan usaha pengertiannya dan pergerakan, dan ia juga adalah mempunyai kaitan dengannya. Saripatinya haruslah persepsi yang tulen dan pengertian yang mutlak. Ia adalah dunia malaikat. Jiwa itu, akhirnya, haruslah bersedia menukarkan peribadinya sebagai seorang manusia kepada malaikat sekiranya mahu sebenar-benarnya menjiwa. Sebahagiannya adalah malaikat pada masanya yang tertentu dalam waktu yang paling singkat sekali. Ianya terjadi setelah esensi spiritual roh berkenaan telah menjadi sebenar-benarnya sempurna. Sebagaimana yang akan kami jelaskan kemudian nanti.

Jiwa itu adalah dikaitkan dengan tahap yang selanjutnya, sebagaimana hal dengan susunan tentang *existentia* sebagaimana yang kami sudah terangkan. Ia dihubungkan oleh satu yang di bawahnya dan satu lagi yang di atas. Dari bawah jiwa itu dihubungkan dengan tubuh yang daripadanya ia mendapatkan daya rasa persepsinya yang mana ianya bersedia untuk mencapai kesanggupan berfikir yang sebenar-benarnya. Dari atas jiwa itu dihubungkan dengan dunia kemalaikatan. Di sana ia memperolehi pengetahuan, saintifik yang tidak boleh dicapai oleh pancaindera (*al-ghaibiyyah*. Ar. *supernatural perceptions*. Ing.). Sebabnya ialah pengetahuan tentang benda-benda yang maujud ini lebih wujud pada pengetahuan malaikat sejak dahulu kalanya lagi. Inilah akibat

daripada susunan yang dibuat dengan sesempurnanya yang dinyatakan di atas, yang menghendaki bahawa kewujudan dan kekuatan (tentang dunia yang maujud/fana ini) saling kait-mengait antara satu dengan yang lainnya.

Syahdan, roh manusia itu tidaklah dapat dilihat, tetapi pengaruh-pengaruhnya ada jelas pada tubuh sekiranya kesemua bahagian-bahagiannya dicantumkan atau dipisah-pisahkan adalah merupakan organ-organ roh dan kekuatan-kekuatannya. Kekuatan-kekuatan melakukan gerak (*al-fa'illiyah* Ar. *power of Action*, Ing.) itu ialah menyentuh dengan tangan, berjalan dengan menggunakan kaki, bicara dengan menggunakan lidah, atau pergerakan seluruhnya dengan badan. Kekuatan membuat persepsi sensual (*al-mudrikah.* Ar.) adalah dinilai dan meningkat kepada kekuatan yang tertinggi, yakni – kekuatan melakukan kerja berfikir, yang mana terdapat suatu yang diistilahkan – 'kekuatan merasionalkan' yang meliputi pelbagai kecekapan yang (*al-mufakkirah.* Ar. *rational power.* Ing.) maka, kekuatan-kekuatan membuat persepsi yang lahiriah, dengan organ-organ yang berupa penglihatan, pendengaran, dan kesemua (organ) yang lainnya, telah menuju kepada persepsi yang batiniah.

Yang pertama daripada rasa-rasa batiniah ini ialah 'Rasa Umum' (*al-hiss al musytarak.* Ar. *common sense*, Ing.) yakni – kekuatan yang secara berlanjutannya dapat memahami barang-barang yang boleh ditangkap oleh rasa – baik yang boleh dilihat, atau yang boleh didengar, atau dapat dipegang atau apa sahaja yang lainnya. Dalam hubungan ini, ia adalah lain daripada kekuatan tanggapan lahiriah, sebagaimana barang-barang yang boleh ditangkap oleh rasa lahiriah ia tidak berkumpul pada tanggap luaran pada satu dan dalam waktu yang sama.[4]

Rasa umum itu memindahkan (persepsi itu) kepada khayalan. Yang menjadi kuasa yang menggambarkan sesuatu objek yang dapat ditanggap oleh yang kelihatan di dalam jiwanya – ia adalah barang itu disimpulkan daripada anasir yang ada di luar. Dan organ untuk kegiatan kepada aktiviti kedua kekuatan ini (iaitu

---

4 Dalam teori *Sensus Communis* Aristotle terdapat kesamaan dengan teori Ibn Khaldun ini, iaitu bahawa barang-barang yang dapat ditangkap oleh rasa, dihubungkan satu sama lain yang dapat dikatakan suatu "kesatuan kefahaman yang sintesis" (Mengutip catatan kaki *An Arab Philosophy of History*, Charles Issawi).

Rasa Umum dan Khayalan) adalah mempergunakan rongga pertama otak. Bahagian hadapan kaviti otak itu adalah untuk Rasa Umum dan bahagian di belakangnya untuk khayalan.

Kemudian khayalan itu membawa kepada kekuatan membuat perkiraan (*al-wahimah*. Ar. *estimative power*. Ing.)[5] dan kekuatan untuk mengingat (*al-hafidzah*. Ar. *power of memory*. Ing.). Kekuatan membuat perkiraan itu berperanan untuk membuat tanggapan pengertian-pengertian yang ada hubungannya dengan individu-individu seperti sifat permusuhan Zaid dan sifat persahabatan Amru, perasaan kasih dan sayang seorang bapa, atau perilaku buas seekor serigala. Kekuatan mengingat adalah laksana peti yang menyimpan semua objek yang menjadi tanggapan, baik yang dikhayalkan ataupun tidak. Ia adalah seperti sebuah gudang yang menyimpannya buat beberapa waktu apabila ianya diperlukan. Dan alat badani yang menjadi aktiviti kedua-dua kekuatan itu ialah rongga belakang otak. Bahagian hadapan rongga itu adalah untuk kekuatan memperhitungkan dan bahagian yang di belakangnya adalah untuk kekuatan mengingatkan.

Semua kekuatan ini membawa kepada kekuatan untuk berfikir, apa yang menjadi organnya ialah rongga di bahagian tengah otak. Ia adalah kuasa yang menyebabkan berlakunya proses pernyataan dan ke arah kecerdasan pemikiran. Dan jiwa itu selalu digerakkan oleh kekuatan ini. Sebagai suatu sebab daripada keinginan dalam diri seseorang untuk berfikir. Ia selalu berusaha untuk membebaskan dirinya daripada cengkaman (martabat manusia yang rendah) kekuatan dan jenis persediaan yang dilakukan oleh manusia itu. Ia mahu menuju kepada kecerdasan berfikir dengan mengasimilasikan dirinya dengan kumpulan spiritual yang tertinggi (sebagaimana yang dicapai oleh para malaikat) dan memasuki kumpulan daripada jenis yang pertama – *spiritualia* – dengan cara menanggapinya tanpa dibantui oleh organ-organ jasadnya.

Dengan demikian, jiwa itu terus bergerak ke arah itu. Ia menukarkan sama sekali sifat dan kerohaniannya sebagai seorang

---

5 Istilah ini sering muncul dalam pelbagai tulisan ahli falsafah Muslim dan tidak pernah terdapat dalam tulisan falsafah Aristotle. Istilah *al-wahiman* ini sering kita dapatkan dengan terjemahan: *estimative power, estimative faculty, virtus aestimative*, atau *vis aestimativa*.

manusia dan masuk kepada tingkat yang lebih tinggi, ialah kemalaikatan tanpa bantuan sesuatu usaha, tetapi melalui sifat-sifat murni yang secara semula jadinya ditanamkan oleh Allah s.w.t. ke dalam dirinya.

Jiwa manusia itu dibahagikan kepada tiga jenis kumpulan. Yang pertama ialah jiwa yang secara semula jadinya adalah tidak kuat imannya. Dengan demikian, ia lebih terdorong untuk tunduk kepada tuntutan pancainderanya dan khayalan dan organ-organ yang timbul daripada kekuatan menganggar-anggarkan dan kekuatan mengingati sesuai dengan hukum-hukum yang terhad dan tuntutannya yang khusus. Dalam hal yang sedemikian, manusia itu mempunyai pengetahuan untuk menanggapi dan menyedari akan pentingnya ta ggapan pengalaman, yang merupakan hasil daripada pemikiran di dalam tubuh. Semuanya ini merupakan hasil daripada kekuatan khayalan dan adalah terbatas pada suatu peringkat, kerana sejak ia bermula ia boleh mencapai kepada yang utama (*intelligibilia*) tetapi tidak boleh pergi lebih jauh daripada itu. Dan, sekiranya ia tidak benar, maka seluruhnya akan menjadi tidak benar. Semua ini, atas keperluannya, adalah takat tanggapan fizikal seseorang manusia. Ia adalah matlamat tanggapan para cendekiawan. Selalunya di dalam hal tersebut mereka menghadapi suatu jalan yang membuntukan.

Dan jenis roh yang kedua, melalui pemikirannya adalah yang bergerak ke arah kecerdasan spiritual (sejenis daripada) tanggapan yang tidak memerlukan organ tubuh – sebabnya ialah ia merupakan sesuatu yang secara nalurinya memang bersedia untuk tujuan itu. Persepsi yang dibuat oleh roh jenis ini adalah melampaui batasan yang utama (*intelligibilia*) di mana persepsi yang utama manusia itu adalah terbelenggu dan meliputi pembinaan tentang pemerhatian dalaman yang mana kesemuanya adalah secara nalurinya. Kesemuanya itu adalah tidak terhad sebagaimana ianya bermula dan berakhir. Semuanya itu adalah tanggapan, yang dimiliki oleh para wali/ulama, orang-orang yang mempunyai pengetahuan mistik dan pengetahuan tentang ketuhanan yang mendalam. Rahmat itu diperolehi setelah mereka mati, di alam barzah.

Golongan yang ketiganya adalah terdiri daripada orang-orang yang secara semula jadinya sanggup menukarkan sifat-sifat kemanusiaan yang ada pada diri mereka baik yang sifat badaniah mahupun kemanusiaan yang bersalutkan rohaniah kerana untuk mencapai tingkatan sebagai malaikat yang tinggi martabatnya –

supaya dalam waktu yang singkatnya mereka dapat bertukar menjadi malaikat, imbasan mereka yang tinggi darjatnya di dalam kalangan mereka dan dapat mendengarkan bicaranya yang penting-penting dan kalimat suci pada waktu itu. Insan yang memiliki jiwa seperti ini – mereka itu adalah para nabi – semoga rahmat dan salam dilimpahi kepada mereka. Sebab Allah s.w.t. telah mengurniakan pada diri mereka, di waktu itu, dengan menanggalkan sifat mereka sebagai manusia pada saat-saat sedang menerima wahyu. Allah s.w.t. membebaskan daripada diri mereka berkat sesuatu yang menjadi rasmi dan rintangan badaniah – yang mana ianya merupakan sesuatu yang ada pada diri seseorang manusia. Sebabnya ialah Allah s.w.t. itu telah menanamkan di dalam diri mereka – (*'ismah*. Ar. *infallibility*, Ing.) – yang bersifat maksum dan selalu mengikuti jalan yang lurus, dan memberi mereka suatu pandangan yang khusus serta keinginan melakukan ibadah. Dia (Allah) telah memusat perhatian mereka dan yang bertumpu daripada kesemua sudutnya – ke arah matlamat itu. Maka mereka berusaha mengarahkan diri kepada peringkat yang lebih tinggi, menanggalkan sifat mereka sebagai manusia dengan rela hati. Oleh kebaikan yang terdapat secara semula jadinya di dalam diri mereka, bukannya dengan bantuan apa-apa yang disengaja-sengajakan.

*Maka mereka menanggalkan sifat mereka sebagai manusia dan menerima isi wahyu dari langit, kemudian menuangkannya ke dalam bentuk tutur bahasa manusia, agar dapat difahami oleh setiap orang.

Para nabi seringkali, berusaha ke arah yang sedemikian, meninggalkan perilakunya sebagai manusia dan tatkala berada bersama-sama dengan kumpulan yang mulia (malaikat-malaikat), mempelajari segala apa yang harus diketahui. Kemudian mereka membawa pulang apa yang telah dipelajari sesuai dengan tingkat kekuatan kefahaman manusia, kerana melalui cara itu sahaja ia dapat disampaikan kepada manusia. Atau adakalanya, apa yang berlaku itu dalam bentuk suara yang didengarinya. Ianya seperti suara yang tidak berapa jelas, dari mana dia mendapatkan ilham, daripada apa yang disalurkan kepadanya. Sebaik sahaja bunyi itu berhenti, dia mengingatinya dan memahami apa yang telah disampaikan (wahyu itu). Di masa yang lainnya, malaikat yang menyampaikan (pesan itu) datang kepada nabi dengan rupanya sebagai seorang manusia dan bercakap-cakap dengannya, dan nabi

itu dapat memahami apa yang diperkatakan olehnya. Mempelajari pesan yang disampaikan oleh malaikat, memindahkan kepada tahap kefahaman manusia dan mengerti akan segala isi yang disampaikan padanya – semuanya terjadi dalam masa yang sekejap, atau mungkin juga dalam masa sekelip mata sahaja. Kesemuanya ini tidak berlaku pada waktu-waktu yang tertentu tetapi segala-galanya berlaku secara berurutan.

[*]Dan ketahuilah kadangkala wahyu itu diturunkan dalam bentuk suara. Wahyu tingkat ini diterima oleh para nabi yang bukan utusan. Dan kali lain wahyu turun dibawa oleh seorang malaikat yang menyerupai seorang lelaki. Malaikat itu berbicara secara langsung dengan sebab si penerima wahyu. Ini adalah tingkatan para nabi yang diutus (rasul-rasul). Oleh sebabnya, tingkatan wahyu yang kedua lebih sempurna dari tingkatan yang pertama. Dan inilah yang dimaksud dengan wahyu yang diterangkan oleh nabi di dalam sebuah hadis, ketika baginda ditanya al-Harits bin Hisyam:

> "Bagaimana wahyu datang kepada Nabi?"

Nabi bersabda:

> "Kadang-kadang wahyu itu turun seperti gemerincingnya genta, dan ini yang paling berat bagiku. Ia pun kemudian terputus, ketika aku sudah menyedari apa yang dimaksudkan. Dan kadang-kadang pula wahyu itu turun dibawa oleh seorang malaikat yang berbentuk seorang lelaki, ia datang berkata-kata denganku, sehingga aku menyedari apa yang dikatakannya."

Namun, proses penerimaan wahyu yang pertama adalah yang paling berat, sebab hal ini merupakan pintu keluar dari kekuatan menuju gerak dalam proses berhubungan tersebut. Dalam proses keluar ini tentunya ia mengalami beberapa kesukaran. Oleh sebab itu, ketika dalam proses ini hanya bergantung kepada kekuatan-kekuatan pengetahuan manusia, ia hanya dapat mempergunakan pendengaran dan sukar untuk mempergunakan selain indera pendengaran. Namun begitu wahyu datang berulang kali dan berkali-kali diturunkan, proses berhubungan itu menjadi mudah. Begitu ia bergantung kepada kekuatan pengetahuan manusia, ia datang melalui semua kekuatan itu, dan terutama yang paling peka di antaranya, iaitu kekuatan melihat.

Dalam hubungannya dengan erti bahasa yang dikandung dalam sabda Nabi di atas, maka proses penerimaan wahyu yang pertama dipergunakan "kata kerja masa lalu," sedangkan dalam proses yang kedua dipergunakan "kata kerja sedang." Ini mempunyai erti sendiri ditinjau dari segi *balaghah.* Dalam kalimat-kalimat hadis tersebut terkandung pengumpamaan dari kedua proses penerimaan wahyu. Proses yang pertama diumpamakan dengan suara, yang dalam Kamus (*al-Muta'arif.* Ar.) suara adalah bukan perkataan. Nabi memberitahukan bahawa pemahaman dan kesedaran datang sesudah suara itu lenyap. Maka di dalam pengungkapan lenyap dan hilangnya suara terdapat kesesuaian antara ungkapan tentang kesedaran dengan kata kerja masa lalu (*past tense*) yang sesuai untuk lenyap dan hilangnya suara. Sedangkan dalam proses yang kedua, malaikat diumpamakan sebagai seorang lelaki yang berbicara dan berkata-kata, dan pembicaraannya diikuti oleh kesedaran. Maka ungkapan tersebut sesuai dengan kata kerja sedang (present tense) yang diperlukan untuk hal-hal yang baru terjadi (*tajaddud.* Ar.)].

Sesuatu yang harus disedari ialah, pada amnya, keadaan semasa menerima wahyu itu adalah paling menyukarkan dan menyulitkan.

Al-Quran sendiri sudah mengisyaratkan tentang sukar dan beratnya proses penerimaan wahyu tersebut:

> "Kami akan menyampaikan perkataan (tugas) yang berat kepadamu."

Dan Aisyah menerangkan:

> "Sewaktu wahyu diturunkan, baginda nampak mengalami kepayahan."

Juga katanya:

> "Wahyu itu diturunkan kepadanya di hari yang begitu dingin. Namun begitu selesai wahyu diturunkan, dahinya nampak mencucurkan keringat."

Oleh sebab itu dalam proses tersebut beliau mengalami seperti pengsan atau tidak sedarkan diri.

Menerima wahyu bermakna dia memisahkan dirinya dari-

pada kemanusiaannya, demi mencapai tanggapan pada tingkat seorang malaikat dan untuk mendengarkan pengucapan roh. Inilah yang menyebabkan kesakitan, kerana ini bermakna yang wujud itu meninggalkan kewujudan dirinya sendiri dan menukarkan peringkatnya yang asal kepada suatu tahap yang tertinggi. Inilah yang dimaksud dengan perasaan lemas sebagaimana yang disebutkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. sewaktu mula-mula menerima wahyu. Baginda bersabda:

> "Lalu dia (Jibril) mematukku sehingga aku kehabisan tenaga, kemudian dia melepaskanku. Kemudian dia berkata: "Bacalah," dan saya menjawab: "Aku tidak tahu membaca."

Dia melakukannya untuk kali kedua dan ketiga kalinya, sebagaimana yang diriwayatkan dalam satu hadis.

Penerimaan secara beransur-ansur dalam proses turunnya wahyu itu telah dapat memberikan sedikit kelegaan. Atas sebab itulah maka sebahagian-bahagiannya, surah-surah dan ayat-ayat al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. di Makkah adalah lebih pendek daripada yang diturunkan semasa di Madinah.

[*Perhatikanlah isi surah *Baraah* yang diturunkan di waktu Peperangan Tabuk. Baginda menerima seluruh atau sebahagian besar surah tersebut dengan begitu mudah tatkala berada di atas untanya, setelah sebelumnya beliau pernah menerima surah yang pendek-pendek secara terpisah-pisah, dari waktu ke waktu. Demikianlah dengan ayat-ayat tentang hutang[6] yang diturunkan di Madinah, yang begitu panjangnya, di mana sebelumnya telah diturunkan surah-surah pendek di kota Makkah, seperti ayat-ayat dari Surah *ar-Rahman, adz-Dzaariyat, al-Mudststsir, adl-Dluha, al-Falaq*, dan surah-surah lain yang ayatnya pendek sahaja. Ia dijadikan asas perbandingan yang membezakan di antara surah Makkiyah dengan surah Madaniyah.

> Dan Allah s.w.t. sahajalah yang memberikan petunjuk-Nya kepada apa yang benar. Inilah intipati tentang kenabian.

(PERBINTANGAN)

Perbintangan (atau telahan) (*kahanah* Ar. *soothying*. Ing.) adalah

6 Ayat 282 dari Surah al-Baqarah.

merupakan salah satu ciri khas roh (jiwa) manusia. Ia adalah sebagaimana berikutnya.

Di dalam pembicaraan yang terdahulu, telah kita nyatakan bahawa jiwa manusia itu bersedia untuk menukarkan daripada manusia menjadi roh yang berada tingkat paling tinggi. Manusia itu mempunyai kecenderungan untuk berubah (suatu pertukaran) kepada sebagaimana yang dimiliki oleh para rasul, kerana mereka memang diciptakan dengan fitrah yang sedemikian. Suatu yang telah ditegaskan, bahawa mereka itu tidak pula memerlukan kualiti yang diperolehi, dan tidak juga bergantung pada mana-mana bantuan daripada tanggapan, daya khayal atau melalui gerakan tubuh, baik berupa pembicaraan atau gerak, atau apa jua pun. Ia adalah suatu perubahan yang berlaku secara semula jadinya daripada yang bersifat sebagai seorang manusia menjadi sifat malaikat dengan sekelip mata sahaja.

Jika demikian keadaannya, dan jika persiapan tersebut ada di dalam tabii manusia, maka klasifikasi logis menghendaki bahawa harus ada jenis manusia yang lainnya, selemah sebagaimana yang pertama kepada sesuatu yang terbagus sebagai yang sebaliknya pula – haruslah dengan yang serba kekurangan sebagaimana yang sebaliknya. Bebas daripada menerima apa-apa bantuan di dalam usaha untuk berhubung dengan yang supernatural itu sendiri adalah sebaliknya daripada terlalu bergantung kepada bantuan yang ada hubungan dengannya. Ianya adalah dua hal yang sama sekali berbeza.

Sekarang, penjenisan tentang alam yang wujud ini menuntut harus adanya golongan manusia yang menurut fitrahnya berkemampuan untuk berfikir secara sukarelanya di bawah dorongan kekuatan rasional, bila mana kekuatan itu menginginkannya. Akan tetapi kekuatan rasional itu bukan menurut keadaan semula jadinya berkemampuan melakukan (persepsi supernatural). Maka, apabila ketidakmampuannya menghalangnya daripada berhubung dengan (supernatural) adalah suatu yang semula jadi baginya untuk terlibat dengan perkara-perkara – sama ada yang berupa persepsi sensual ataupun yang berupa khayalan, seperti jasmaniah yang terang dan nyata, tulang-temulang binatang, percakapan dalam bentuk prosa lirik, atau apa pun juga burung atau binatang yang menampilkan dirinya. (Seseorang yang kekuatan rasionalnya dengan itu dilibatkan) berusaha untuk mengekalkan daya rasa atau tanggapan-tanggapan khayalan, kerana dia bergantung bantuan-

bantuan itu untuk mendapatkan persepsi supernatural yang dia impikan. Kesemuanya itu memberikan semacam pertolongan.

Kekuatan yang mana bagi (mereka yang berkenaan) merupakan langkah permulaan di dalam persepsi yang supernatural itu ialah perbintangan. Jiwa orang-orang yang sedemikian secara semula jadinya adalah rendah dan tidak berupaya untuk mencapai kesempurnaan. Dengan demikian, mereka memiliki persepsi yang lebih baik terhadap hal-hal yang tertentu daripada yang sifatnya adalah sejagat. Mereka lebih terlibat dengan membuat tanggapan yang tertentu dan mengabaikan yang bersifat sejagat. Dengan demikian daya kekuatan mengkhayalkan itu begitu kuat terbina di dalam diri orang-orang berkenaan, sebab ia adalah alat hal yang berkenaan. Hal-hal yang tertentu itu secara keseluruhannya telah meresapi (kekuatan mengkhayalkan), di waktu tidur dan jaganya. Mereka adalah sentiasa bersiap sedia dan hadir di dalamnya. Kekuatan imaginasi itu membawa (hal-hal yang tertentu itu) kepada perhatian (orang-orang berkenaan) dan bertindak seperti cermin yang dapat dilihatnya secara terus-menerus.

Ahli perbintangan (penelaah) tidak berupaya untuk mendapatkan kesempurnaan dalam persepsinya terhadap *intelligibilia* (*al-ma'quu laat.* Ar.), sebab ilham yang dia terima itu adalah bisikan-bisikan syaitan. Kemuncak tertinggi yang dicapai oleh manusia jenis ini ialah bersikap mengetepikan keupayaan pancainderanya – dengan bantuan jampi (*rhymed prose.* Ing.) dan penggunaan kata-kata yang mempunyai strukturnya yang sama (*wazn-wazn.* – Ar. *succesive cola.* Ing) di setiap penghujungnya dan dengan itu mencapai perhubungan yang tidak sempurna sepertimana yang disebutkan. Daripada gerakan itu dan daripada sokongan suatu yang asing yang turut mengiringinya, hatinya akan menerima beberapa inspirasi yang selanjutnya akan diluahkan dalam bentuk kata-kata. Penelah itu, dengan demikian, lazimnya akan bercakap benar dan bersetuju dengan apa yang menjadi realitinya. Kerapnya, walaupun demikian, apa yang disebutnya itu adalah semata-mata pembohongan kerana dia menambahkan apa yang merupakan kekurangannya itu dengan sesuatu yang asing kepada, berbeza dan tidak sesuai dengan apa yang menjadi intipati tanggapannya. Dengan demikian, apa yang memang benar dan yang palsu itu bercampur-baur dan dirinya itu bukanlah seorang yang dapat dipercaya. Kerap kalinya dia bersandar pada agakan-agakan dan andaian-andaian, sebab, dalam perlakuan menipu dirinya sendiri,

dia mengimpikan untuk memiliki persepsi supernatural dan adalah berkesanggupan untuk menipu sesiapa sahaja yang ingin mendapatkan sesuatu maklumat daripadanya.

Mereka yang menggunakan jampi atau mentera itu adalah dapat dikenali melalui nama pentelahannya. Mereka menduduki tingkat yang tertinggi di dalam golongan mereka.

Tentang mereka, Nabi Muhammad s.a.w. pernah bersabda:

> "Ini adalah kata-kata bersajak ahli-ahli perbintangan."

Baginda menjadikan kata-kata bersajak sebagai ciri khas mereka, sesuai dengan maksud rangkaian sabda Nabi (kata-kata sajak ahli-ahli perbintangan). Ketika bertanya tentang diri Ibn Shiyyad, Nabi menyatakan kembali jawapan Ibn Shiyyad yang menelanjangi ehwal dirinya.

> "Bagaimana hal ini sampai kepadamu?"
>
> Jawabnya: "Sampai kepadaku, kadang benar dan kadang bohong."
>
> Nabi lalu bersabda: "Persoalan itu sudah bercampur-aduk padamu."

Maksudnya ialah bahawa kenabian itu mempunyai ciri khas – "benar," tidak pernah berisi kebohongan.

Kenabian itu adalah secara langsung dan perhubungan tersendiri esensi (zat) nabi dengan malaikat (*al-malaul a'la* Ar. *Prophet.* Ing.). Disebabkan oleh kelemahan dirinya sendiri, perbintangan (penelah) itu adalah bergantung kepada bantuan kefahaman asing. Kesemua ini meresap ke dalam persepsinya dan bercampur-baur dengan persepsi yang mana dia menghendakinya. Dia dengan demikian dikelirukan oleh mereka. Dengan itu mereka terdedah kepada melakukan pembohongan. Dengan demikian adalah tidak mungkin kegiatan ahli perbintangan itu adalah termasuk ke dalam kenabian. ...

Sebahagian orang mengatakan bahawa perbintangan ini sudah tidak ada lagi sejak zaman kenabian, ketika syaitan-syaitan dilempar dengan batu-batu api di masa kerasulan, untuk mencegah mereka mendengarkan berita yang datang dari langit, sebagaimana disebutkan di dalam al-Quran.[7] Padahal para ahli perbintangan

7 Lihat al-Quran surah 72 (al-Jinn) ayat 9.)

mengetahui berita-berita dari langit melalui syaitan-syaitan, sehingga sejak itulah perbintangan sudah tidak ada lagi. Asumsi ini tidak benar, sebab argumentasinya tidak mendasar, kerana ilmu ahli-ahli perbintangan, di samping diterima daripada syaitan, juga berasal daripada diri mereka sendiri, sebagaimana telah kita nyatakan sebelum ini.

Di samping itu, sebabnya pula ialah bahawa ayat (dalam surah al-Jinn) itu, hanya menunjukkan tercegahnya salah satu macam berita dari langit saja, dan tidak tercegah untuk berita yang lain. Berita dimaksud adalah yang berhubungan dengan berita tentang kebangkitan (*ba'tsah.* Ar.). Dan dengan demikian terputusnya perbintangan telahan (*kahanah.* Ar. *soothsayer.* Ing.) hanya di masa kenabian saja, dan mungkin setelah itu ia kembali seperti semula. Inilah yang nampak jelas, sebab persepsi-persepsi supernatural ini semuanya beku, di masa kenabian, sebagaimana bekunya planet-planet dan bintang-bintang begitu ada matahari. Sebab kenabian merupakan cahaya yang mana dahsyat, yang melenyapkan segala cahaya lain.

Sebahagian ahli falsafah berpendapat, perbintangan hanya ada di zaman kenabian, lalu terputus. Demikianlah setiap kenabian terjadi, sebab adanya kenabian pasti mempunyai letak astronomis yang diperlukannya. Dalam kesempurnaan letak astronomis itulah terletak kesempurnaan kenabian yang ditunjukinya. Dan kurang sempurnanya letak itu menghajatkan adanya suatu watak dari jenis yang memerlukan tabiat itu kurang sempurna. Inilah erti ahli perbintangan, sebagaimana telah kita terangkan terlebih dahulu. Sebelum letak astronomis yang sempurna itu benar-benar sempurna, pasti terjadi letak yang tidak sempurna, dan ini memerlukan adanya ahli perbintangan, baik seorang ataupun banyak. Apabila letak astronomis itu benar-benar sempurna, maka sempurnalah wujud nabi dengan segala kesempurnaannya.

Letak-letak yang menunjukkan kepada watak (alam) seperti itu lenyap, dan tidak ada satu pun tersisa. Hal ini berdasar pada kenyataan bahawa sebahagian letak astronomis memerlukan sebahagian bekasnya. Pendapat ini tidak boleh diterima. Mungkin letak itu cuma perlu bekas itu dengan gerakannya yang bekas. Apabila sebahagian daripada partikel-partikel gerak itu kurang, maka letak itu pun tidak lagi memerlukan apa-apa, bukan kerana letak itu memerlukan bekas tersebut kerana tidak sempurna, seperti mereka katakan.

Ahli-ahli perbintangan itu yang hidup semasa dengan nabi, mereka menyedari kebenaran yang ada pada baginda dan kehebatan mukjizat itu, kerana mereka juga mendapatkan sebahagian daripada pengalaman gerak hati itu (*wijdan*. Ar. *intuitive*. Ing.) daripada kenabian, sebagaimana setiap manusia mempunyai pengalaman daripada tidurnya itu. Kesedaran intelektual dalam hubungan ini adalah lebih kuat pada diri ahli perbintangan itu daripada seorang yang tidur. Apa yang menghalangi ahli-ahli perbintangan itu daripada mengakui kebenaran yang ada pada nabi, dan menyebabkan mereka menyangkalnya tidak lain kerana keinginan mereka sendiri untuk menjadi nabi juga. Ini mendorong mereka melakukan pencarian. Tetapi apabila kebenaran yang sebenar-benarnya terserlah dan mereka pun memendamkan niat untuk menjadi seorang nabi mereka akhirnya menjadi seorang insan yang beriman.

Sehingga mereka memusuhi nabi, seperti yang terjadi pada diri Umayyah Ibn Abu ash-Shalt yang dicita-cita untuk menjadi nabi, demikian pula Ibn ash-Shayyad, Musailamah, dan lain-lainnya. Seandainya mereka tidak mempunyai cita-cita sedemikian, dan iman menguasai dada mereka, pastilah mereka akan menjadi orang yang benar-benar mantap imannya, seperti yang terjadi pada diri Thalaihah al-Asadi dan Sawad Ibn Qarib yang sama-sama mengadakan penaklukan-penaklukan yang menunjukkan betapa kuat iman mereka berdua.]

(ALAMAT MIMPI)

Hakikat visi mimpi ialah suatu kesedaran yang timbul dalam jiwa rasional (*an-Nafs an-Nathiqah*. Ar.), di dalam esensi spiritualnya, sebagai percikan-percikan dari bentuk-bentuk peristiwa. Selagi jiwa itu menjadi jiwa spiritual, maka bentuk-bentuk peristiwa itu memiliki eksistensi yang aktual di dalamnya, sebagaimana yang terjadi dengan semua esensi spiritual lainnya. Jiwa menjadi spiritual (*rohaniyyah*. Ar.) dengan melepaskan dirinya dari materi badaniah dan persepsi jasmaniah. Ia terjadi pada jiwa (dalam bentuk) percikan-percikan yang muncul di kala tidur, di mana ia memperolehi pengetahuan tentang kejadian-kejadian mendatang yang dimainkan dan memperoleh semula persepsi yang menjadi bahagiannya. Apabila proses ini lemah dan tidak jelas, jiwa mengusahakannya melalui gambaran-gambaran kiasan dan gam

baran-gambaran khayalan, demi mendapatkan pengetahuan yang dikehendaki. Bayangan kiasan itu, kemudiannya menghendaki adanya suatu pentafsiran. Apabila, di sebaliknya proses tersebut kuat, maka ia tidak memerlukan pada kiasan. Dengan demikian tidak diperlukan lagi adanya pentafsiran, sebab proses itu telah bebas daripada gambaran-gambaran khayalan.

Apa yang terjadinya di dalam jiwa, suatu percikan bayangan-bayangan adalah disebabkan adanya hakikat bahawa jiwa itu secara potensialnya merupakan suatu esensi spiritual, yang diperlengkapi dengan tubuh dan persepsi-persepsi tubuh. Sesuatu esensinya – dengan demikian, akhirnya ia menjadi suatu kearifan (*ta'aqqul.* Ar. *pure-intellection.* Ing.) dan eksistensinya pada sebenarnya menjadi suatu kearifan sempurna. Kini, jiwa itu sudah menjadi sebuah esensi spiritual yang memiliki persepsi tanpa bantuan salah satu organ-organ tubuh. Namun, di antara *spiritualia,* ia adalah spesies terendah dibandingkan dengan malaikat-malaikat yang berada pada tempat yang tertinggi, dan yang tidak perlu memperlengkapi esensi mereka dengan persepsi jasmaniah atau apa-apa pun. Kesediaan (untuk rohaniah) datang ke dalam (jiwa), selama ianya masih berada di dalam badan. Di sana terdapat semacam kesediaan yang khusus, seperti yang dimiliki oleh para wali, dan adanya kesiapan yang umum dimiliki oleh semua insan. Inilah apa yang dimaksudkan dengan 'visi mimpi'.

Dalam hal para nabi, kesediaan itu ialah kesediaan untuk berubah daripada manusiawi menuju kemalaikatan yang murni, yang merupakan tingkatan *spiritualia* yang paling tinggi. Ia menyatakannya secara berkali-kali selama dalam keadaan menerima wahyu. Ia terjadi sewaktu nabi kembali semula ke tingkat persepsi badaniah. Apa pun persepsi yang dia miliki selama itu benar-benar sama dengan yang terjadi sewaktu sedang tidur, meskipun tidur adalah sama sekali berbeza dan jauh daripada setara dengan wahyu.

Disebabkan oleh kesamaan itulah, Muhammad s.a.w. telah mendefinisikan bahawa mimpi merupakan yang ke-46 atau menurut riwayat lainnya, yang ke-43 atau ke-70 – bahagian kepada kenabian. Tidak satu pun pecahan-pecahan ini, dimaksud untuk diertikan secara harfiah. Ianya adalah dimaksudkan untuk menunjukkan perbezaan-perbezaan di antara pelbagai tingkatan persepsi supernatural. Hal ini dibuktikan melalui rujukan '70' dalam salah satu daripada riwayat-riwayatnya. Angka '70' adalah

digunakan oleh orang-orang Arab untuk mengungkapkan erti banyak (*tak tsiir.* Ar.).

[Kemudian, apabila diperhatikan pendapat sebahagian di antara mereka mengenai maksud '46', dikatakan bahawa pada mulanya wahyu diterima melalui mimpi selama enam bulan atau setengah tahun. Sedangkan lama kenabian seluruhnya – baik di Makkah mahupun di Madinah – adalah 23 tahun. Kemudian dikatakan bahawa setengah tahun di antaranya merupakan bahagian daripada 46, sungguh ini sama sekali tidak dapat dibuktikan. Sebab hal itu cuma terjadi pada diri Nabi s.a.w. Dari mana kita beroleh pendapat dan sumber bahawa jarak waktu ini terjadi kepada nabi-nabi selain beliau, padahal itu hanya untuk menunjukkan nisbah (relasi dan korelasi) zaman mimpi dari zaman kenabian, dan bukannya untuk menunjukkan nisbah hakikat mimpi dari hakikat kenabian.

Jika keterangan ini sudah jelas, seketika akan diketahui bahawa makna daripada bahagian di sini adalah nisbah antara persiapan pertama yang umum dimiliki oleh manusia, dengan persiapan spesifik yang dimiliki secara fitri oleh para nabi – semoga selawat tetap tercurahkan kepada mereka.

Ketidaksediaan itu lazimnya terdapat pada manusia. Sungguhpun begitu, begitu banyak kesukaran dan rintangan yang menghalangi manusia daripada menerjemahkannya menjadi suatu kenyataan. Satu di antara hambatan yang paling besar ialah indera eksternal. Allah s.w.t. dengan demikian telah menciptakan manusia sedemikian rupa sehingga apa yang menutupi indera-inderanya itu dapat diangkat sewaktu dia sedang tidur, yang merupakan fungsi semula jadi bagi manusia. Apabila tutup tabir itu sudah terbuka, jiwa manusia itu berkesempatan untuk mengetahui apa sahaja yang dia kehendaki di dalam dunia kebenaran. Pada suatu waktunya ia dapat menangkap percikan-percikan daripada apa yang dia cari.

Dengan demikian, Nabi Muhammad s.a.w. menjadikannya sebagai salah satu dari berita gembira (yang diberikan kepada manusia). Sabda baginda:

> "Tak ada yang tersisa dari kenabian kecuali khabar-khabar gembira (*mubasysyiraat.* Ar.)."
>
> Mereka (para sahabat) bertanya: "Apa itu khabar gembira wahai Rasulullah?
>
> Beliau menjawab: "Mimpi yang salih (baik) akan dilihat oleh orang yang salih, atau diperlihatkan kepadanya."

Mengenai sebab tersingkapnya tabir indera itu melalui tidur, adalah seperti mana berikutnya.

Persepsi dan tindakan jiwa rasional adalah merupakan hasil daripada roh binatang badaniah. Roh itu adalah suatu wap halus yang terpusatkan di rongga kiri jantung, sebagaimana disebutkan di dalam buku-buku anatomi karya Galen dan sarjana-sarjana lainnya. Roh itu mengalir bersama darah di pembuluh-pembuluh darah dan urat-urat nadi, dan menimbulkan persepsi sensual, gerak, dan memungkinkan seluruh tindakan badaniah. Kebagusan dan kejernihan wap itu naik menuju ke otak. Di sana, ia dilunakkan oleh kedinginan (otak) dan ia mengakibatkan timbulnya tindakan-tindakan dari kekuatan-kekuatan yang berada di dalam rongga-rongga otak. Jiwa yang rasional membuat persepsi dan bertindak hanya dengan adanya roh yang berwap ini (*ar-ruuh al-bukhari.* Ar. *vapours spirit.* Ing.). Ia adalah dihubungkan dengannya, sebagai akibat oleh kebijaksanaan penciptaan yang menetapkan bahawa tiada yang halus boleh mempengaruhi sesuatu yang kasar. Daripada semua benda-benda badaniah, hanya roh haiwani sahaja yang halus. Dengan demikian, ia mudah menerima pengaruh-pengaruh yang perlu, yang berbeza dengannya di dalam hubungannya dengan kejasmaniahannya, yakni jiwa yang rasional. Maka, melalui perantaraan (roh haiwani), pengaruh jiwa rasional sampai ke dalam tubuh.

Sebelum daripada ini telah kami diterangkan bahawa persepsi jiwa rasional adalah terdiri daripada dua macam. Adanya persepsi luaran yang terwujud melalui pancaindera yang lima dan persepsi dalaman yang terwujud melalui kekuatan otak. Kesemua persepsi ini mengalihkan jiwa rasional daripada persepsi yang dipersiapkan secara fitrahnya – persepsi daripada esensi-esensi *spiritualia*, yang mana adalah lebih tinggi daripadanya.

Oleh sebab persepsi luaran adalah sifatnya badani, ia adalah terdedah kepada kelemahan dan kealpaan, disebabkan oleh tekanan dan keletihan, dan kelemahan tenaga roh kerana terlalu banyak kegiatan. Dengan demikian, Allah s.w.t. menganugerahi mereka supaya berkeinginan untuk beristirahat, supaya persepsi yang sempurna dapat diperbarui kembali sesudah itu. Hal ini dapat dilaksanakan setelah roh haiwan dapat dilepaskan daripada seluruh persepsi luaran, dan kembalinya ia kepada rasa batiniah. Proses ini disokong oleh kedinginan malam yang menyelimuti tubuh. Di bawah pengaruh kedinginan malam, panas semula jadi

memperbaiki bahagian-bahagian dalaman tubuh yang rosak dan beralih daripada luarannya ke dalamannya. Ia dengan itu memandu penyalurannya, roh haiwani, masuk ke dalam tubuh. Itulah sebabnya mengapa manusia, sebagaimana lazimnya, tidur hanya di malam hari.

Roh dengan itu berundur dari indera-indera luarannya dan kembali kepada kekuatan-kekuatan dalamannya. Keasyikan dan halangan persepsi sensual semakin melepaskan cengkamannya terhadap jiwa, dan sekarang kembali kepada bentuk-bentuk yang ada di dalam kekuatan mengingat. Kemudian melalui proses sintesis dan analisis, (bentuk-bentuk ini) dibentuk menjadi gambaran-gambaran khayalan. Kebanyakan gambar-gambar ini adalah yang biasa, sebab (jiwa) hanya ada dalam waktu yang singkat sebelum kembali daripada objek-objek konvensional tentang persepsi sensual. Kemudian ia memindahkan objek-objek tersebut ke dalam rasa umum yang bergabung semua pancaindera-pancaindera luaran, supaya dapat ditanggapi menurut pancaindera yang lima itu. Selalunya, sungguhpun begitu, jiwa itu kembali kepada esensi spiritualnya sesuai dengan kekuatan batiniah. Maka ia pun mencapai jenis persepsi spiritual yang sudah difitrahkan kepadanya. Ia mengambil sebahagian bentuk sesuatu hal yang telah sedia ada di dalam esensinya pada masa itu. Khayalan mengambil bentuk yang ditanggapi itu, dan menggambarkannya sebagaimana biasanya – sama ada dalam bentuknya yang nyata atau kiasan. Digambarkan secara kiasannya, ia memerlukan pengungkapan (*ta'biir*. Ar. *Interpretation*. Ing.). Pergerakan tiruan ini dan analitik yang diungkapkan oleh jiwa di dalam bentuk daya ingat, sebelum ia menanggapi apa yang ia boleh (tentang supernatural) adalah yang disebutkan di dalam al-Quran sebagai "mimpi-mimpi yang mengelirukan" (*adlghaatsu ahlaam*. Ar. *confused dreams*. Ing.).

Di dalam hadis sahih, Rasulullah menyatakan:

> "Mimpi itu ada tiga jenis yakni: mimpi yang datangnya daripada Allah s.w.t., mimpi yang datangnya daripada malaikat, dan mimpi yang datangnya daripada syaitan."

Pernyataan ini sesuai dengan keterangan kita kelak. Demikianlah, mimpi yang jelas adalah mimpi yang datangnya daripada Allah, sedangkan kiasan yang menyebabkan perlunya suatu tafsiran adalah mimpi yang berasal daripada malaikat. Dan semua

'mimpi yang serba mengelirukan' itu adalah berasal daripada syaitan, sebab tidak satu pun mimpi itu benar, dan syaitan adalah sumber ketidakbenaran (kebatilan).

Inilah apa yang sebenarnya yang disebut "apa yang terlihat di dalam mimpi" dan bagaimana ianya terjadi dan muncul di kala tidur. Ia adalah salah satu ciri khas jiwa manusia yang dimiliki secara umumnya oleh manusia. Tiada seorang pun di antara mereka yang tidak mengalaminya. Bahkan setiap manusia itu berkesempatan lebih daripada sekalinya, melihat sesuatu sewaktu-dalam tidurnya dan segala sesuatu itu didapati benar sewaktu dia terjaga. Dia mengetahuinya dengan pasti bahawa jiwa pasti boleh melihat sesuatu yang ghaib (supernatural) sewaktu dalam tidur. Sekiranya hal itu mungkin terjadi di alam tidur, maka ianya tidak mustahil dalam keadaan lainnya – sebab esensi menanggapi cuma satu dan kualiti-kualitinya adalah selalunya ada.

> Allah memberi petunjuk kepada kebenaran, atas nikmat dan kurnia-Nya.

(KATA-KATA MIMPI)

Catatan: Sebahagian besar daripada (penerangan yang terdahulu tentang persepsi supernatural melalui apa yang terlihat di dalam mimpi) terjadi pada diri manusia tanpa disengajakan dan tidak dengan kemampuan ke atasnya. Jiwa berkenaan menyibukkan dirinya sendiri dengan sesuatu hal. Sebagai akibatnya, dia pun menemukan percikan-percikan (dari supernatural) itu ketika dia sedang tidur dan berupaya melihat sesuatu itu. Dia tidak merencanakannya supaya terjadi sedemikian.

Di dalam kitab *al-Ghayah*[8] dan buku-buku lain yang digunakan oleh mereka yang mempraktiskan ilmu sakti, rujukan dibuat terhadap kata-kata yang harus disebut-sebutkan sewaktu hendak tidur yang dapat menyebabkan timbulnya mimpi tentang sesuatu yang dihajati. Kata-kata ini disebut sebagai 'kata-kata mimpi'. Di dalam *al-Ghayah,* Maslamah menyebutkan kata-kata mimpi yang dia namakan sebagai 'kata-kata mimpi untuk peribadi yang sempurna.' Ia mengandungi kata-kata, ketika berasa hendak

---

8 *Ghayat al-hakim,* karya Maslaman ibn Ahmad al-Majrithi, ilmuwan Sepanyol abad ke-10 (950–1007).

tertidur dan setelah mendapatkan kebebasan daripada indera-indera batin dan mendapati satu jalan yang sudah terang (untuk melakukan persepsi supernatural), kata-kata tersebut yang bukan berbahasa Arab:

> tamaaghis ba'daan yaswaadda waghdaas nawfanaa ghaadis.[9]

Selanjutnya, seseorang itu harus menyebutkan apa yang diinginkannya, dan sesuatu yang dia mahukan itu akan dilihatnya di dalam tidurnya itu.

[Diceritakan bahawa pernah seseorang mempraktiskannya setelah melakukan *riyadhah* beberapa malam di tempat makannya. Setelah menyebutkannya, muncul seseorang yang mengatakan kepadanya:

> "Aku adalah watakmu yang sempurna."

Maka dia pun menanyakannya dan memberitahukan keinginannya.

Dengan bantuan bacaan tersebut, saya sendiri pernah bermimpi sesuatu yang menakjubkannya iaitu saya mengetahui tentang diri saya sebagaimana yang mahu saya ketahui. Namun (kewujudan kata-kata mimpi itu) bukanlah suatu bukti bahawa keinginan untuk mendapatkan petanda mimpi dapat menghasilkannya. Kata-kata mimpi itu menghasilkan suatu persiapan di dalam jiwa untuk mendapatkan petanda daripada mimpi. Jika persiapan itu suatu yang kuat, (jiwa) itu akan, berkemungkinan besar akan mendapatkan apa yang telah dipersiapkan untuknya. Seseorang itu boleh mengaturkan apa sahaja persiapan menurut kehendaknya, tetapi tidak dapat dijamin bahawa sesuatu yang telah dipersiapkan itu akan benar-benar terjadi. Kemampuan untuk mempersiapkan sesuatu bukanlah sama seperti kekuasaan terhadap sesuatu hal itu. Ini perlu diketahui dan dipertimbangkan dengan contoh-contoh yang serupa dengannya.

(TELAHAN-TELAHAN YANG LAINNYA)

Di kalangan beberapa manusia kita temui individu-individu yang memberitahukan tentang sesuatu sebelum ianya terjadi. Mereka ini

9 Kata-kata magik ini hanya dengan Bahasa Aram.

mempunyai kebolehan semula jadi yang khusus untuk melakukannya. Melalui kebolehan tersebut, mereka adalah berbeza daripada manusia-manusia lainnya. Mereka tidak mempergunakan sesuatu cara (*shina'ah.* Ar. *craft.* Ing.) untuk mendapatkan ramalan mereka, tidak juga mendapatkan pengaruh bintang atau lain-lainnya. Telahan mereka adalah hasil daripada fitrah yang telah dianugerahi kepada mereka. Di antara mereka itu ialah tukang-tukang ramal: orang-orang yang dapat memandang ke dalam benda-benda yang nyata seperti cermin-cermin dan mangkuk-mangkuk air; mereka yang menyelidiki hati, jantung dan tulang-temulang binatang; mereka yang dapat membuat ramalan daripada burung dan binatang buas; dan mereka yang dapat melemparkan batu kerikil dan biji-biji gandum atau biji kurma. Kesemuanya itu terdapat di kalangan manusia; tidak ada seorang pun dapat memungkirinya ataupun menolaknya. Kenyataan-kenyataan tentang sesuatu yang ghaib juga dianugerahi pada orang-orang yang gila, mereka dengan demikian berupaya memberikan maklumat mengenai hal-hal yang ghaib. Orang yang[10] sedang tidur dan yang akan mati, orang yang sedang menghadapi kematiannya atau akan tertidur, juga berbicara tentang hal-hal yang ghaib. Orang-orang yang mengikuti latihan menjadi seorang sufi adalah, sebagaimana yang diketahui umum, sebagai suatu kurniaan daripada Yang Maha Kuasa suatu perlakuan *karamah.* Ar. *divine grace.* Ing.) mendapatkan persepsi-persepsi tentang sesuatu yang supernatural (ghaib).

(PELBAGAI JENIS PERSEPSI SUPERNATURAL)

... Kesemua jenis tanggapan (supernatural) yang telah disebutkan adalah terdapat di dalam diri manusia. Orang-orang Arab kerap menemui ahli perbintangan (*kahannah. Ar. soothsayer* Ing.) untuk mengetahui peristiwa yang akan terjadi. Mereka mendapatkan konsultansi ketika berbalah, untuk mengetahui akan kebenaran sesuatu melalui persepsi supernatural. Kesusasteraan mereka banyak memuatkan maklumat tetang persoalan ini.

Di antara mereka yang terkenal di zaman Jahiliah ialah Syiqq

10 Setelah paragraf ini, Ibn Khaldun menerangkan tentang orang-orang yang dapat menerima persepsi supernatural: orang gila, orang tidur, orang mati, dan seterusnya. Dalam terjemahan ini, sengaja tidak kami cantumkan.

ibn Anmar ibn Nizar dan Sathin ibn Mazin ibn Gnassan, yang dapat melipat diri seperti pakaian yang dilipat, tidak mempunyai tulang, kecuali tengkorak kepala. Hikayat paling masyhur yang berkenaan dengan mereka ialah: takwil mimpi Rab'ah ibn Mudhar, cerita mereka tentang Raja Habsyah untuk Yaman, yang diganti oleh Raja Mudhar setelah itu, tentang muncul Nabi Muhammad dari kalangan bangsa Quraisy, dan tentang mimpi Mubadzan yang ditafsirkan oleh Sathih – iaitu ketika Khosru hamba al-Masih datang kepadanya, diberitakan tentang khabar munculnya nabi baru serta kehancuran Kerajaan Parsi. Semuanya ini merupakan hikayat-hikayat yang sudah masyhur.

Demikian pula para peramal. Banyak mereka yang terkenal di kalangan Arab dan disebutkan di dalam syair-syair mereka. Seorang penyair mengatakan:

> Aku berkata kepada tukang-tukang ramal Yamamah: Ubatilah aku. Kalau engkau mengubati aku, engkau adalah seorang tabib.

Penyair lain pula bermadah:

> *Jika dapat menyembuhkanku,*
> *akan aku tetapkan suatu hukum bagi tukang ramal*
> *Yamamah dan Najed.*
> *Mereka menjawab:*
> *Allah menyembuhkan Anda. Demi Allah kami tak punya kuasa*
> *dengan penyakit rusuk Anda.*

Tukang ramal Yamamah adalah Rab'ah ibn Ijlah. Dan tukang ramal Nejed adalah al-Ablaq al-Asadi).

Setengah-setengah orang mempunyai cara yang lain untuk mengetahui sesuatu yang ghaib. Ia berlaku ketika di peringkat perpindahan (transisi) daripada berkeadaan jaga kepada sedang tidur, dan dalam keadaan, (tidak sedar) atau bersawai akan bercakap tentang sesuatu yang mana seorang ingin mengetahuinya dan dengan demikian mengetahui sesuatu hal yang ghaib tentang sesuatu perkara yang dia mahukan. Ianya terjadi hanya sewaktu dalam perpindahan daripada berkeadaan jaga ke keadaan sedang tidur, ketika seseorang itu telah kehilangan kemampuan untuk mengawal tutur katanya. Orang berkenaan akan bercakap tentang sesuatu yang seolah-olahnya suatu dorongan batin. Apa yang boleh

dilakukan ialah mendengar dan memahami apa yang dia katakan.

Kata-kata seperti itu lazimnya diluahkan oleh orang-orang yang akan dihukum bunuh, tatkala kepalanya terpenggal daripada batang lehernya. Kita telah dimaklumkan bahawa penzalim-penzalim kriminal kerapnya akan membunuh tahanan mereka dengan tujuan untuk mengetahui apa yang akan terjadi pada diri mereka melalui perkataan yang disebutkan oleh korban itu. Ia adalah maklumat yang tidak sedap didengar yang diterima daripada mereka.

Sebagaimana dinyatakan dalam *al-Ghayah*, Maslamah menyebutkan hal yang serupa apabila seorang anak Adam dimasukkan ke dalam tong berisi minyak bijan dan dibiarkan selama 40 hari. Dia diberi makan daun-da n lebar dan kacang sehinggalah isi tubuhnya bercerai daripada tuiang dan hanya saluran nadi dan sendi di bahagian kepala sahaja yang tinggal, dan kemudiannya keluarkan daripada minyak dan dikeringkan oleh angin. Dia akan menjawab kesemua soalan khusus dan soalan am tentang masa depan yang ditanyai. Ini adalah suatu kerja sihir yang amat keji. Sungguhpun begitu, ia membuktikan apakah keajaiban yang terdapat di dunia manusia ini.

Terdapat pula orang-orang yang berusaha untuk mendapatkan persepsi supernatural melalui suatu amalan (*riyadhah*. Ar. *exercise*. Ing.). Mereka (*mujahadah*. Ar. *artificial state of death*. Ing.) mematikan diri dengan cara bertapa. Mereka mematikan seluruh tuntutan jasmaniah yang ada di dalam diri mereka, dan memansuhkan kesemua nafsu-nafsi yang mewarnai jiwa melalui pelbagai cara itu. Ini dapat dicapai melalui zikir yang khusyuk, dan berpuasa untuk beberapa waktu. Suatu yang diketahui sungguh-sungguh ialah apabila kematian menghampiri jasad, tanggapan daya rasa dan tabir yang ada akan lenyap. Dan jiwa itu menguasai intipatinya dan dunianya. Mereka itu berusaha mengadakan suatu pengalaman yang diada-adakan sebelum mengalami kematian yang sebenar-benarnya – suatu pengalaman yang akan diperolehi selepas mati, dan supaya roh mereka melihat hal-hal yang ghaib. Mereka yang selain daripada golongan itu adalah orang yang telah melatih diri dalam perbuatan sihir. Mereka melatih diri untuk melakukan perkara-perkara itu, demi untuk berupaya melihat yang *supernatural* dan untuk bergiat cergas di berbagai-bagai kemampuan.

Kebanyakan mereka itu tinggal di daerah-daerah yang tidak

beriklim sederhana di bahagian utara dan selatan terutama di India di mana mereka dikenali sebagai *yogi*. Mereka memiliki banyak bahan tentang bagaimana hendak melakukan latihan. Kisah-kisah tentang mereka dalam hal ini adalah sangat menakjubkan!

Riyadhah yang dilakukan oleh ahli-ahli sufi adalah suatu yang sungguh-sungguh. Ia sàma sekali bebas daripada tujuan yang tercela. Mereka memberikan sepenuh-penuh tumpuan dan pendekatan terhadap ketuhanan, demi mencapai suatu pengalaman ghaib yang arif dan tauhid. Sebagai tambahan kepada amalan berzikir dan berlapar, para sufi melakukan *riyadhah* yang mana kesungguhan melakukan amalan itu akan menghasilkan kejayaan. Apabila jiwa itu sudah betah dengan zikir, ia akan lebih dekat dengan Allah s.w.t. di mana, tanpa dengan zikir, ia lebih mirip kepada pekerjaan syaitan.

Apa pun juga pengetahuan supernatural atau kegiatan dicapai oleh para sufi adalah secara kebetulan, dan tidak suatu dihajati pada asalnya. Sekiranya ia dilakukan dengan niat, maka segala tumpuan yang dilakukan oleh ahli sufi itu adalah didorong kepada sesuatu selain daripada Allah s.w.t. iaitu terhadap kegiatan supernatural dan visi. Alangkah ruginya perbuatan seumpama itu. Sebenarnya mereka itu telah menyekutukan Allah s.w.t.

Sebahagian mereka ada yang berkata:

> "Barang siapa mengutamakan ma'rifah untuk ma'rifah, maka dia telah mengakui (Tuhan) yang kedua."

Melalui pengabdian itu, (ahli sufi) berhasrat (mendekati) Tuhan yang disembah dan tidak ada maksud lainnya. Jika, dalam pada itu, sebahagian (persepsi supernatural) diperolehi, semuanya itu adalah secara kebetulan dan tidak disengajakan. Ramai (kaum sufi) menjauhkan diri daripada (persepsi supernatural) apabila ianya berlaku secara tidak sengaja pada diri mereka, dan tidak pada mengendahkannya. Mereka cuma mahukan Allah hanya kerana kebesaran-Nya, dan tiada yang lainnya. Adalah suatu yang sudah diketahui bahawa (persepsi supernatural) berlaku di kalangan ahli-ahli (sufi). Mereka menyifatkan pengalaman-pengalaman ghaib dan kebolehan membaca menerusi fikiran itu sebagai *firasat* (physiognomy) dan *kasyf* (uncovering). Manakala pengalaman-pengalaman tentang kegiatan ghaib pula disebut sebagai *kearifan* (*karamah*. Ar. *Acts of divine grace*. Ing.). Tidak ada satu pun di antaranya itu tidak berharga pada mereka. ...

Ulama yang menolak dan mengingkari terjadinya peristiwa supernatural pada kaum Sufi adalah Ustaz (Professor) Abu Ishaq al-Isfirayini dan Abu Muhammad ibn Abi Zaid al-Maliki, dengan alasan untuk menghindari campur aduknya mukjizat dengan peristiwa aneh lainnya. Namun ulama mutakallimin berpendapat bahawa ada perbezaan (antara mukjizat dengan peristiwa aneh lainnya), iaitu tentangan, sudah cukup untuk bukti (berlakunya peristiwa-peristiwa aneh selain mukjizat). Di dalam hadis sahih disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

> "Di antara kalian terdapat orang-orang yang memiliki pengalaman-pengalaman berbicara (dengan fikiran, yang disebut *muhaddits*). Di antaranya bernama Umar."

Peristiwa-peristiwa ghaib sudah diketahui kerap terjadi dan dialami oleh para sahabat. Di antaranya adalah yang terjadi pada diri Umar – semoga Allah meredainya – ketika dia mengatakan:

> "Hai Sariyah, bukit!"

Sariyah dimaksud adalah Sariyah ibn Zanim, panglima perang tentera-tentera Muslimin di Iraq di masa penaklukan. Ketika itu dia bertempur melawan kaum musyrik di medan tempur dan hampir mengalami kekalahan, hampir terkepung di sebuah bukit yang berada di dekatnya. Hijab yang menutup penglihatan Umar kemudian terbuka, dan ketika berpidato di atas mimbar di Kota Madinah, Umar memanggil memberi perhatian kepada Sariyah: "Hai Sariyah, bukit!" Suara panggilan Umar tersebut didengar oleh Sariyah yang ketika itu sedang berada di medan tempur. Sariyah melihat wajah Umar (memanggilnya memberi perhatian). Kisah ini sudah diketahui ramai.

Kejadian semacam ini dialami pula oleh Abu Bakar, ketika dia memberi wasiat kepada Aisyah, puterinya – semoga Allah memberikan keredaan-Nya kepada mereka, tentang buah tamar (kurma) yang dipetik dari kebunnya, yang diberikan kepada Aisyah, agar diberikan kepada ahli warisnya. Dalam penggalan kata-kata Umar:

> "Kedua-duanya adalah saudara laki-laki dan saudara perempuanmu."
>
> Aisyah membantah: "Bukankah dia cuma Asma', masih adakah yang lain?"

Abu Bakar menjawab: "Kandungan ini adalah anak perempuan, yang saya lihat."

Maka kandungan itu benar-benar melahirkan bayi perempuan. Di dalam kitab *al-Mowattha* peristiwa tersebut diterangkan dalam *Bab pemberian yang tidak diperolehkan.*

Peristiwa semacam ini banyak dan sering terjadi di kalangan para sahabat, para solihin, dan para tabiin. Namun kaum Sufi mengatakan bahawa peristiwa semacam itu jarang terjadi di masa kenabian, sebab dengan kehadiran nabi, orang yang ahli (tasawuf) tidak berperanan. Dan bahkan dikatakan bahawa apabila nabi datang ke Kota Madinah, selama nabi berada di dalamnya, seorang ahli Sufi tidak boleh berbuat apa-apa, hingga beliau meninggalkannya.

Dan hanya Allah s.w.t. sahaja yang memberikan kita kurnia petunjuk-Nya dan membimbing kita kepada kebenaran.

Di antara orang yang benar-benar bertawajuh dalam hal kesufian ada pula yang taksun dan bongok, yang ada yang menjadi bodoh serta berbuat yang bukan-bukan, persis seperti orang yang gila jika dibandingkan dengan orang yang siuman. Namun mereka sudah patut mendapat kedudukan kewalian dan keadaan mistik dari para *siddiqin.* Mereka yang berpengalaman dalam hal mistik yang telah mempelajari mereka itu akan mengetahui keadaan mereka itu walaupun, meskipun secara sahnya mereka tidak boleh dipertanggungjawabkan. Maklumat yang mereka sampaikan mengenai hal ghaib benar-benar luar biasa. Mereka tidak terkekang oleh apa pun. Dengan secara bebas berbicara tentang kesemuanya itu dan menyebutkan keajaiban yang sangat luar biasa. Apabila ahli-ahli fikah melihat bahawa secara sahihnya mereka itu tidak dapat dipertanggungjawabkan, mereka pun menyangkal pendapat yang mendakwa bahawa mereka telah mencapai suatu kedudukan yang mistikal, kewalian itu hanya dapat dicapai melalui bertawajuh. Ia adalah suatu kesilapan. Pencapaian taraf wali Allah itu adalah tidak terbatas kepada amalan yang tawajuh atau apa sahaja. Apabila jiwa seseorang manusia itu telah memiliki suatu kewujudan amnya yang tetap, maka Allah s.w.t. akan menganugerahi apa-apa ganjaran yang sesuai menurut kehendak-Nya. Jiwa rasional orang-orang yang sedemikian bukanlah tidak wujud, tidak pula ia dicemari, sebagaimana halnya dengan jiwa orang-orang yang gila. Mereka

cuma kehilangan akal yang merupakan dasar sah yang dipertanggungjawabkan (*takliif.* Ar. *legal responsibility.* Ing.). Akal tersebut adalah sifat khas bagi jiwa. Ia bermakna pelbagai macam ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia dan yang membimbing kemampuannya untuk berspekulasi, serta yang mengajarkannya meneruskan suatu penghidupan dan mengatur rumahtangganya. Seseorang boleh menyatakan bahawa sekiranya dia mengetahui bagaimana mahu menciptakan penghidupan, maka tidak ada alasan baginya untuk tidak menerima beban suatu tanggungjawab, demi mempersiapkan diri untuk hidup setelah mati. Dan orang yang tidak memiliki sifat khas bagi jiwa yang disebut akal masih tidak kehilangan jiwanya itu dan tidak lupa akan hakikatnya. Dia memiliki hakikat, meskipun dia memiliki akal yang kurang dalam kaitannya dengan suatu yang dipertanggungjawabkan yakni pengetahuan tentang bagaimana menciptakan penghidupan. Ini bukanlah suatu yang mustahil. Allah s.w.t. tidak memilih hamba-hamba-Nya untuk memiliki pengetahuan (*makrifat.* Ar. *gnosis.* Ing.) hanya pada dasar melakukan sesuatu yang dipertanggungjawabkan kepadanya.

Jika ianya adalah benar, suatu yang harus diketahui ialah bahawa keadaan orang-orang tersebut selalunya dikelirukan seperti yang dialami oleh orang yang gila, yang jiwa rasionalnya telah dicemarkan dan yang dikategorikan sebagai binatang. Ada tanda-tanda yang boleh dipergunakan untuk membezakan antara kedua-dua golongan manusia tersebut. Satu di antaranya ialah bahawa orang-orang yang bodoh didapati kerap mengabdikan diri mereka berzikir dan beribadah, meskipun tidak berdasar syarat syariat yang ditetapkan oleh agama, sebagaimana telah kita terangkan terdahulu daripada ini, mereka adalah tidak dipertanggungjawab secara sahnya. Sedangkan orang yang gila, sebaliknya sama sekali tidak memiliki apa-apa pengabdian apa-apa pun.

Tanda yang lain ialah orang-orang tolol dijadikan sebagai bodoh dan bebal sejak awalnya. Orang-orang yang gila, sebaliknya, telah kehilangan akal fikiran setelah sebahagian hidupnya berlalu, akibat daripada kecederaan tubuh secara semula jadinya. Apabila hal ini terjadi pada diri mereka dan jiwa rasional mereka telah tercemar, mereka telah kehilangan arah.

[Di antara tanda-tanda lainnya ialah banyaknya kegiatan yang dilakukan oleh orang-orang yang bodoh berbuat yang tidak-tidak itu di kalangan manusia. Aktiviti tersebut berupa kebaikan

mahupun kejahatan. Mereka tidak perlu mendapatkan keizinan, sebab pada mereka tidak ada tanggungjawab yang sah. Orang-orang gila, sebaliknya, tidak menunjukkan aktiviti seperti itu].

Arah pembicaraan kita ini menyebabkan kita memasukkan paragraf yang terdahulu.

Allah s.w.t. memberi petunjuk-Nya kepada apa yang benar.

(CARA-CARA LAIN UNTUK MELAKUKAN PERSEPSI SUPERNATURAL)

Setengah-setengah orang berpendapat bahawa ada banyak cara untuk melakukan persepsi supernatural tanpa melibatkan persepsi sensual secara yang tersendiri. Mereka ialah para astrologi yang berasa yakin akan kebenaran daripada alamat astrologi, akibat yang ditimbulkan oleh kedudukan (bintang-bintang) di angkasa, pengaruh (binatang-binatang) terhadap elemen, serta akibat yang dihasilkan oleh pencampuran antara watak (bintang) ketika bertentangan antara satu sama lain, juga kesan-kesan yang diakibatkan oleh pencampuran tersebut terhadap udara.

Para astrologi sebetulnya tidak ada kena-mengena dengan hal-hal yang ghaib. Semua usaha itu adalah agakan dan perkiraan yang didasarkan kepada (jangkaan kewujudan) pengaruh astral dan suatu akibat campuran udaranya. Sangkaan-sangkaan itu ditambah dengan kecerdikan yang dimiliki oleh para sarjana di dalam menerangkan agihan (pengaruh astral) terhadap individu tertentu di dunia, sebagaimana yang Ptolemy katakan. Menurut kesesuaiannya, insya-Allah kami akan menerangkan dengan izin Allah, tentang usaha sia-sia para astrologi itu. Ia tidak ada kaitan sama sekali dengan persepsi supernatural sebagaimana telah diterangkan terdahulu daripada ini.

'TULIS PASIR'

Orang yang lainnya termasuk manusia tertentu di kalangan orang biasa, yang telah menemui hal-hal yang ghaib dan mengetahui peristiwa-peristiwa yang akan terjadi, telah mencipta suatu keahlian (*shina'ah.* Ar. *craft.* Ing.) yang mereka panggil "tulis pasir" (*khat ar-raml.* Ar. *geomancy.* Ing.), sempena nama suatu bahan yang digunakan untuk melakukannya. Keahlian ini

mengandung bentuk daripada titik-titik yang dikombinasi dalam empat "tingkat".

Mereka yang arif itu telah memberikan nama-nama yang berbeza terhadap kombinasi yang berbeza dan menjeniskannya sebagai yang mujur dan yang sial, sebagaimana dilakukan orang terhadap bintang-bintang. Mereka telah menciptakan suatu disiplin yang berlaku secara sejajar dengan astrologi dan pertimbangan sistem-sistem astrologi. Namun, sistem-sistem astrologi adalah didasarkan kepada indikasi alamiah, sebagaimana yang dikemukakan oleh Ptolemy. Sedangkan pernyataan melalui 'tulis pasir' adalah secara konvensional.

Ptolemy hanya membincangkan tentang kelahiran dan hubungan di mana, pada pendapatnya wujud di dalam pengaruh bintang-bintang dan kedudukan sfera-sfera terhadap dunia yang mengandung pelbagai unsur. Para astrologi selanjutnya, walaupun demikian, membicarakan persoalan-persoalan (*interrogations*), di mana mereka berusaha untuk meneroka apa yang menjadi suatu pemikiran mendalam dengan mengaitkannya kepada pelbagai cakerawala dan membuat kesimpulan-kesimpulan berhubung dengannya, menurut pertimbangan yang ada sangkut-pautnya dengan setiap gugusan bintang. Ia adalah sebagaimana yang telah disebutkan oleh Ptolemy.

Suatu yang harus disedari bahawa suatu pemikiran mendalam pengetahuan mengenai jiwa, yang mana adalah tidak termasuk ke dalam dunia yang berunsur-unsur. Ianya tidak termasuk di dalam pengaruh bintang-bintang ataupun kedudukan sfera-sfera tidak juga (bintang-bintang dan kedudukan sfera-sfera) memberikan apa-apa indikasi dalam hubungan dengannya. Cabang persoalan-persoalan (*interrogationes*) malah telah diterima dalam bidang astrologi sebagai cara membuat suatu kesimpulan daripada bintang-bintang dan kedudukan sfera-sfera. Sungguhpun begitu, ianya digunakan di mana secara semula jadinya ianya harus digunakan.

Mereka yang arif dalam melakukan 'tulis pasir' berusaha melakukan persepsi supernatural, di mana mereka menggunakan pancaindera mereka dengan kajian berhubung dengan kombinasi angka-angka. Mereka dengan demikian telah mencapai tingkat bersiap sedia, sebagaimana mereka yang secara semula jadinya dianugerahi suatu kesediaan, sepertimana yang akan kami nyatakan nanti. Mereka adalah 'tukang tulis pasir' yang bermartabat...)*

Mereka mengatakan bahawa tulis pasir itu berasal daripada kelahiran dan ada hubungannya dengan nabi yang terdahulu. Daniel atau Nabi Idris – semoga salam tercurah kepadanya – sebagaimana keahlian lainnya. Di dalam menghubungkan dengan syariat agama, mereka mengemukakan hadis Nabi:

> "Seorang nabi itu menulis. Maka barang siapa sesuai dengan tulisannya, itulah dia."

Dalam hadis ini sebenarnya tidak terkandung suatu dalil mengenai tulis pasir, sebagaimana diungkapkan oleh orang yang tidak mencapainya. Sebab makna hadis tersebut ialah bahawa seorang nabi itu menulis, dan bersama itu turunlah wahyu. Dan tidak mustahil bahawa makna demikian biasa terjadi pada sebahagian nabi. Maka barang siapa tulisannya sama dengan nabi, itulah dia! Maksudnya ia benar-benar termasuk tulisan yang berasal daripada wahyu nabi yang biasanya menerima wahyu ketika dia menulis. Sedangkan apabila hal itu diambil daripada tulisan yang tidak sejalan dengan sesuatu wahyu, tulisan tersebut keluar dari makna hadis tersebut di atas. Inilah maksud dari hadis itu.

Geomancy banyak terdapat di daerah-daerah yang didiami oleh manusia. Terdapat tulisan berhubung dengan tulis pasir itu. Ramai tokoh-tokoh lama dan baru yang arif tentang bidang tersebut. Akan tetapi jelasnya ia didasarkan pada anggapan sewenang-wenangnya dan pemikiran ikut sesuka hati dan fikiran yang tidak benar.

Kebenaran yang harus hadir di fikiran seseorang ialah hal-hal yang ghaib itu adalah suatu yang tidak dapat ditanggapi melalui apa-apa keahlian pun. Orang yang mengetahui ilmu tentang supernatural adalah orang-orang tertentu sahaja yang sudah dianugerahi secara fitrahnya untuk kembali ke dunia indera kepada dunia roh. Para astrologi, dengan demikian menggelar orang-orang berkenaan sebagai "Venusians", yang dinisbahkan dengan Venus, sebab mereka beranggapan bahawa kedudukan Venus dalam hubungannya dengan kelahiran orang-orang tersebut menjadi tanda kemampuan mereka memiliki kemampuan persepsi supernatural.

Tanda di mana seseorang itu dianugerahi secara fitrahnya kepada persepsi supernatural dapat dikesani sebagai berikut. Apabila orang-orang berkenaan menceburi sesuatu usaha untuk mengetahui tentang segala ciptaan, mereka seperti meninggalkan keadaan diri mereka sebenar. Mereka akan menguap dan menggeliat, dan

memperlihatkan gejala-gejala meninggalkan persepsi sensual. Hal itu berbeza dalam segi kehebatannya sesuai dengan peringkat perbezaan yang mereka miliki. Sesiapa yang terdapat tanda-tanda tersebut tidak kedapatan adalah tidak ada kena-mengenanya dengan persepsi supernatural itu. Mereka hanya melakukan usaha untuk menyebarkan kepalsuan yang sememangnya mereka lakukan.

Terdapat pula sekumpulan yang lain yang sama-sama menetapkan peraturan tertentu untuk menyingkap hal-hal yang ghaib. Peraturan-peraturan itu adalah tidak termasuk ke dalam kategori yang pertama, yang ada kena-mengenanya dengan persepsi spiritual tentang jiwa, dan juga berbeza dengan agakan-agakan yang didasarkan kepada pengaruh-pengaruh astral (perbintangan), sebagaimana yang diandaikan oleh Ptolemy, juga dengan agakan-agakan dan tekaan-tekaan yang menjadi kerja para peramal. Kesemuanya itu adalah tidak lebih hanyalah kepalsuan-kepalsuan yang diciptakan untuk memerangkap orang-orang yang lemah akalnya.

> Dan Allah lebih mengetahui bagaimana sesuatu itu harus terjadi.

Kesemua cara untuk menganggapi hal-hal yang ghaib adalah tidak berdasar kepada bukti dan tidak dapat disahkan. Pembaca harus menyelidiki hal ini secara kritis, jika sekiranya dia benar-benar seorang sarjana yang berilmu pengetahuan. Jelaslah bahawa daripada hubungan di antara data-data yang terdapat, seseorang itu akan mengetahui sesuatu yang tidak diketahui dari yang diketahui. Ini, sesungguhnya, cuma berlaku kepada peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam dunia yang wujud atau di dalam dunia ilmu. Segala sesuatu tentang masa hadapan adalah milik supernatural dan tidak akan diketahui sekiranya sebab-sebab terjadinya diketahui dan kita mempunyai maklumat yang dapat dipercayai tentang hal itu.

> Allah mengetahui dan kamu tidak.[11]

---

11 al-Quran: Surah 2 (al-Baqarah), ayat 232).

BAB DUA

PERADABAN BADWI, BANGSA-BANGSA DAN KABILAH-KABILAH LIAR, SERTA KEADAAN-KEADAAN KEHIDUPAN MEREKA, TERMASUK BEBERAPA KETERANGAN DASAR DAN KENYATAAN PENJELASAN

1 Orang-orang Badwi dan orang-orang yang tinggal tetap merupakan golongan tidak ada kemajuan

SUATU yang harus diketahui ialah perbezaan-perbezaan keadaan di antara penduduk adalah diakibatkan oleh perbezaan cara-cara mereka mendapatkan nafkah hidup. Organisasi sosial membolehkan mereka saling bantu-membantu ke arah itu dan ianya bermula dengan keperluan hidup secara sederhana, sebelum mereka beroleh kesenangan dan kemewahan.

Ada di antara mereka itu hidup secara bertani, menanam sayur-sayuran dan menanam biji-bijian; ada pula yang hidup berternak kambing biri-biri, lembu, kambing, lebah, dan ulat sutera, untuk dikembangbiakkan dan untuk mendapatkan hasil keluarannya. Mereka yang hidup dengan bertani atau memelihara binatang tidak boleh mengelak daripada harus berada di padang pasir, sebab ianya mempunyai tanah yang luas, padang rumput untuk mengembala binatang, dan lain-lainnya yang tidak kedapatan di kawasan tinggal menetap. Oleh yang demikian adalah mustahak untuk membatasi diri mereka di padang pasir sahaja. Organisasi sosial dan perlunya saling membantu demi memenuhi keperluan hidup dan peradaban, seperti makanan, perlindungan, dan perasaan sayang-menyayangi tidak membenarkan mereka mengadakan segala apa lebih daripada batas secukup hidup dise-

---

* Terjemahan berpandukan teks edisi bahasa Inggeris. Suntingan didasarkan pada teks edisi bahasa Indonesia iaitu terjemahan daripada edisi Arab/Inggeris.

[*] Teks 'gugur' edisi bahasa Indonesia/Inggeris dikekalkan – Editor.

babkan daripada keperluan-keperluannya. Bersyukur dengan apa yang ada dan tidak bersikap terlalu kebendaan serta mengutamakan keselesaan yang lebih daripada apa yang diperlukan sahaja, telah menyebabkan mereka tidak bekerja keras dan bersikap ambil mudah. Kemudiannya, mereka bekerjasama untuk mendapatkan segala sesuatu selebihnya daripada apa yang diperlukan sahaja. Mereka memakan banyak makanan dan mempunyai banyak pakaian, dan berasa megah dengannya. Mereka membina rumah-rumah besar dan memperluaskan kota-kota dan bandar-bandar sebagai tempat berlindung.

Ia disusuli oleh peningkatan menikmati kemewahan dan keselesaan, lalu menjadikan kepada pembentukan hidup mewah yang melampaui batas. Mereka berasa bangga diri dalam menyediakan makanan dan penyajian makanan yang lazat-lazat, di dalam memakai pakaian sutera yang cantik-cantik dan kain berbenang emas dan pelbagai macam kain lagi, berusaha membina bangunan yang tinggi dan menara-menara, daripada segi memperindah bangunan, dan dengan keahlian yang cukup tinggi. Mereka bina istana-istana dan rumah-rumah yang tersergam megah, dilengkapi dengan air yang mengalir, dengan menara-menara yang bertingkat-tingkat dan bersaingan untuk memperindahkan bangunan tersebut (dengan cara yang melampaui batasnya). Mereka berbeza-beza hendak memakai pakaian yang baik, tempat tidur, pakaian, tempat menyimpan air dan alat-alat yang mereka gunakan untuk mengisi tujuan mereka. 'Mereka yang tinggal secara menetap' di sesuatu tempat bermakna yang menjadi penduduk di kota-kota dan negeri-negeri, di antara mereka ada yang hidup dengan menggunakan keahlian dan ada pula yang hidup dengan cara berniaga. Mereka memprolehi pendapatan yang lebih dan hidup lebih mewah jika dibandingkan dengan orang-orang Badwi, sebab mereka hidup melebihi batas keperluan dan corak hidup mereka adalah sesuai dengan kekayaan yang dicapai.

Dengan demikian sudah dijelaskan bahawa orang-orang Badwi dan orang-orang yang tinggal menetap adalah kelompok yang mundur yang hidup secara secukup ada sebagaimana yang telah kami terangkan.

2 Orang-orang Badwi adalah kelompok yang tidak mencapai kemajuan di dunia ini

Telah kita sebutkan di dalam bahagian yang terdahulu bahawa

orang-orang yang tinggal di padang pasir adalah bersikap tidak mengendahkan kemajuan hidup, yakni yang terlibat mengusahakan pertanian dan menternak binatang. Mereka membatasi diri untuk hidup sekadar mengisi keperluan secukup makan, berpakaian dan tempat kediaman, dan terhadap keadaan-keadaan yang perlu dan adat kebiasaan. Mereka tidak memiliki keselesaan dan kemewahan. Mereka membuat khemah-khemah daripada bulu-bulu binatang, atau membina rumah-rumah daripada kayu, tanah liat dan batu, yang tidak dihiasai (secara berlebihan). Tujuannya adalah sebagai tempat berlindung dan berteduh, dan tidak lebih daripada itu. Mereka juga berlindung di lubang-lubang dan di gua-gua. Makanan yang mereka makan adalah dimasak secara ala kadar sahaja atau tidak dimasak langsung, atau sekadar di panggang sahaja.

Orang yang mengusahakan kehidupan secara bercucuk tanam biji-bijian dan melalui kerja bertani, adalah lebih baik tinggal menetap daripada hidup berpindah-randah. Mereka itu adalah terdiri daripada kelompok yang tinggal di dalam suatu masyarakat yang kecil, di desa-desa, dan kawasan-kawasan pergunungan. Mereka dalam kumpulan ini adalah orang-orang Barbar dan bukan-Badwi.

Mereka yang hidup dengan cara menggembala binatang ternak, seperti kambing dan lembu, biasanya terpaksa hidup berpindah-pindah untuk mencari padang rumput dan air untuk ternakan mereka. Dengan demikian adalah lebih baik bagi mereka untuk hidup mengembara dari satu tempat ke tempat yang lainnya. Mereka digelar "*syawiyyah*" atau penggembala kambing iaitu, mereka yang hidup daripada hasil kambing dan lembu. Mereka tidak pergi ke padang pasir yang tandus, sebab mereka tidak akan menemui padang rumput yang baik di sana. Orang-orang itu termasuklah orang-orang Barbar, bangsa Turki, Turkoman serta Slavia, sebagai contohnya.

Manakala orang-orang yang hidup dengan cara memelihara unta lebih banyak berpindah-pindah. Mereka mengembara jauh di tengah-tengah padang pasir, sebab padang rumput di kawasan pergunungan dengan tumbuh-tumbuhan dan pepohonannya itu adalah tidak cukup untuk makanan unta. Mereka harus hidup dengan memakan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di padang pasir dan minum air padang pasir yang agak masin itu. Mereka harus berpindah-pindah selama musim dingin, untuk menghindarkan diri daripada kesejukan kepada udara padang

pasir yang panas. Di tengah-tengah pasir, unta-unta dapat mencari tempat untuk melahirkan anaknya. Di antara binatang-binatang itu, unta merupakan binatang yang paling sukar untuk melahirkan anak dan sangat memerlukan udara panas yang sesuai dengannya.

Penternak unta dengan itu terpaksa berada jauh di tengah-tengah padang pasir. Kerapnya, mereka diusir daripada daerah perbukitan oleh pihak militia, dan mereka terpaksa beredar ke tengah-tengah padang pasir kerana mereka tidak mahu pihak militia itu mendera mereka atau menghukum kerana perlakuan mereka yang tidak menyenangkan perasaan mereka itu. Akibatnya, mereka menjadi suatu kaum yang sangat liar. Berbanding dengan masyarakat kota, mereka adalah setingkatan dengan binatang yang buas, binatang yang tidak dapat dijinakkan dan binatang yang boleh dikorbankan. Mereka adalah orang-orang Badwi. Di Barat, bangsa pengembara Barbar dan Zenatah merupakan masyarakat yang sekumpulan dengan mereka, sedangkan di Timur pula ialah puak Kurdi, Turkoman dan bangsa Turki. Orang-orang Badwi, dengan itu, berada lebih jauh di padang pasir dan lebih sesuai hidup dengan kehidupan di padang pasir kerana mereka terlalu bergantung hidup pada unta-unta, sementara golongan yang lainnya tadi hidup dengan cara menternak kambing domba, dan juga unta.

Dengan demikian telah menjadi nyata bahawa orang-orang Badwi adalah golongan yang tidak menikmati kemajuan hidup di mana hanya secukup apa yang perlu ada sahaja wujud dalam satu peradaban.

3 Orang-orang Badwi adalah lebih awal daripada orang-orang yang tinggal menetap. Padang pasir merupakan asas dan suaka peradaban dan kota-kota

Telah kita sebutkan bahawa orang-orang Badwi membatasi diri mereka pada apa yang ada sahaja di dalam cara hidup mereka dan tidak berupaya untuk berada lebih daripada itu, sedangkan orang-orang yang tinggal menetap menitikberatkan kesenangan dan kemewahan di dalam semua ehwal dan kebiasaan hidup mereka. Dan tidak dapat diragukan lagi bahawa hidup dengan apa yang ada adalah lebih mendahului daripada kesenangan dan kemewahan hidup. Keperluan hidup yang seada-adanya sahaja, dalam satu caranya, adalah asas dan kemewahan hidup itu adalah hal

sekunder. Orang-orang Badwi dengan itu, merupakan asas dan terlebih dahulu daripada orang-orang kota dan penduduknya yang tinggal menetap. Manusia pada awalnya berusaha mendapatkan apa yang perlu sahaja. Hanya setelah dia mendapatkan keperluan-keperluan yang asas, barulah dia berusaha mencari suatu kehidupan yang selesa dan mewah. Kekerasan hidup mengembara di tengah padang pasir mendahului kelembutan hidup secara tinggal menetap. Dengan demikian, urbanisasi (*tamaddun.* Ar.) didapati menjadi matlamat orang-orang Badwi. Melalui usahanya sendiri, dia berusaha mencapai apa yang dicita-citakannya. Apabila dia sudah memiliki secukupnya dan bersedia mendepani keadaan-keadaan dan kebiasaan hidup bermewah, dia pun mengalami suatu kehidupan yang aman tenteram dan mengabdikan dirinya untuk menikmati kebiasaan hidup di kota. Demikianlah halnya dengan kabilah-kabilah Badwi seluruhnya. Penduduk tinggal menetap, padahal sebaliknya, sama sekali tidak berminat untuk hidup dengan keadaan di padang pasir, kecuali didorong oleh keadaan darurat, atau mereka tidak dapat menyesuaikan diri bersama-sama wargakota.

Bukti terhadap hakikat bahawa Badwiah itu merupakan asas kepada, dan lebih dahulu daripada masyarakat yang tinggal secara tetap, adalah dapat disaksikan melalui penduduk-penduduk di sesebuah kota. Kita akan mendapati bahawa kebanyakan penduduknya bermula di kalangan orang-orang Badwi yang tinggal di pinggir kota dan kampung-kampung berdekatan. Sebahagian daripada mereka itu menjadi orang yang berada, hidup di kota dan menikmati kehidupan selesa dan mewah. Hal ini menunjukkan bahawa kota tumbuh daripada kehidupan padang pasir. Keadaan padang pasir merupakan asas kepada keadaan kota.

Orang-orang Badwi dan warga kota adalah berbeza di antara mereka dalam hal keadaan-keadaan hidup. Banyak kaum menjadi lebih besar daripada kaum yang lainnya, banyak kabilah yang lebih besar daripada yang lainnya, banyak kota kecil lebih banyak penduduknya dibanding kota kecil yang lainnya. ... Jelaslah, bahawa desa lebih awal daripada kota-kota besar dan kota-kota kecil, dan merupakan asasnya, sebab kebiasaan hidup mewah dan tenteram yang terdapat di kota muncul setelah adanya kebiasaan hidup dengan keperluan yang terbatas.

Dan Allahlah yang lebih mengetahui.

4 Orang-orang Badwi lebih cenderung menjadi insan yang baik daripada penduduk yang tinggal menetap

Sebabnya ialah kerana jiwa, apabila berada dalam keadaan semula jadinya adalah bersedia untuk menerima kebajikan mahupun kejahatan yang datang dan meninggalkan kesan padanya. Nabi Muhammad s.a.w. telah bersabda:

> "Setiap bayi itu dilahirkan menurut fitrahnya. Ibu bapanyalah yang menjadikannya sama ada sebagai seorang Yahudi, atau Nasrani atau Majusi."

Menurut kadarnya jiwa itu dipengaruhi untuk pertama kalinya oleh salah satu daripada ke dua-dua sifat (baik buruk) tersebut. Jiwa itu menjauhi daripada satu sifat lainnya dan mendapati amat sukar untuk mendapatkannya. Apabila kebiasaan berbuat kebajikan terbentuk buat pertama kalinya ke dalam jiwa seseorang yang baik, dan jiwanya akan terbiasa dengan kebajikan. Maka orang tersebut akan menjauhkan dirinya daripada perbuatan buruk dan berasa sukar untuk melakukan apa-apa yang bersifat jahat. Hal yang sama berlaku dengan orang yang jahat.

Masyarakat yang tinggal secara tetap lebih berminat dengan kehidupan yang penuh keseronokan. Mereka sudah biasa dengan kehidupan yang mewah dan berjaya mendapatkan apa sahaja yang terhajat, dan tunduk kepada tuntutan nafsu syahwat sahaja. Dengan demikian, jiwa mereka itu telah dicemari oleh berbagai-bagai macam akhlak yang tercela dan nilai-nilai yang berunsurkan kejahatan. Semakin banyak kejahatan itu, semakin jauh mereka dengan kebaikan. Akhirnya mereka telah kehilangan kemampuan untuk menahan diri daripada desakan hawa nafsu. Ramai di antara mereka yang didapati dengan sebebas-bebasnya menuturkan perkataan-perkataan lucah sewaktu mereka berkumpul dan juga sewaktu berada di antara orang-orang berdarjat dan di kalangan wanita (*harriim.* Ar.). Mereka sudah tidak terhalang lagi oleh apa-apa bentuk kesusilaan, sebabnya ialah kebiasaan berkelakuan buruk secara terang-terangan, baik melalui perkataan mahupun dengan perbuatan, telah menguasai diri mereka.

Orang-orang Badwi itu mungkin menitikberatkan kehidupan duniawi sepertimana (orang-orang kota). Namun, keasyikan mereka itu hanya menyentuh apa yang menjadi suatu keperluan hidup atau apa sahaja dan bukannya yang bersifat kemewahan

atau yang menyebabkan atau menimbulkan nafsu syahwat dan keseronokan semata. Kebiasaan yang mereka lakukan dalam tindak-tanduk mereka, dengan demikian, adalah yang sewajarnya. Sekiranya dibandingkan dengan warga kota, perlakuan terkutuk dan sifat-sifat keji yang ada pada mereka adalah jauh lebih sedikit. Peribadi mereka adalah lebih hampir kepada fitrah yang awal, dan sangat terpisah daripada amalan buruk yang sudah meresap masuk ke dalam jiwa (warga kota) melalui pelbagai budaya yang buruk, jijik dan terkutuk itu. Dengan demikian, mereka itu lebih mudah disembuhkan daripada orang kota. Hal ini cukup jelas.

Ia kemudiannya akan menjadi jelas bahawa hidup menetap merupakan tingkat peradaban yang paling akhir dan menjadi titik mula yang menuju kepada kebinasaannya. Ia juga merupakan tingkat terakhir kepada kejahatan dan jauh daripada kebajikan. Jelaslah, bahawa orang Badwi itu lebih cenderung kepada kebaikan jika dibandingkan dengan warga kota. ...

> Dan Allah s.w.t. berasa senang kepada orang-orang yang bertakwa.

5 Orang-orang Badwi lebih bersikap berani daripada penduduk yang tinggal secara tetap

Sebabnya ialah penduduk yang tidak berpindah randah itu telah bersikap malas dan bersikap ambil mudah. Mereka tenggelam dalam kenikmatan dan kemewahan. Mereka meletakkan tanggungjawab menjaga keselamatan harta benda dan diri mereka kepada gabenor (*al-wali.* Ar.) dan kepada raja yang memerintah mereka, serta kepada pasukan tentera yang ditugaskan menjaga keamanan negara. Mereka berasa amat yakin dengan pertahanan kota-kota yang mengelilingi mereka dan benteng-benteng yang melindungi mereka. Tidak ada suara yang mengganggu mereka dan tidak ada masa untuk berburu. Mereka hidup dengan bersikap tidak kisah dan saling mempercayai, dan tidak mahu ikut serta memikul senjata. Secara turun-temurun mereka telah mewarisi kehidupan begini. Mereka tidak ubahnya seperti wanita dan anak-anak, yang berada di bawah pengawasan kepala sesebuah rumah tangga. Akhirnya, ianya telah menjadi suatu sifat yang alah bisa tegal biasa yang telah menggantikan sifat semula jadinya (*at-thabi'ah.* Ar.).

Orang-orang Badwi, sebaliknya pula, hidup terpisah daripada masyarakat. Mereka menghadapi hidup tanpa bantuan dan tidak pernah mendapat perlindungan pihak tentera. Mereka tidak mempunyai tembok-tembok atau pintu-pintu kota. Dengan demikian, mereka terpaksa mempertahankan diri mereka sendiri dan tidak meminta bantuan atau bergantung pada bantuan orang lain. Mereka selalu membawa senjata-senjata. Mereka mengawasi setiap penjuru jalan. Mereka hanya sekadar melelapkan mata yang mengantuk apabila mereka berada dalam kumpulan atau ketika berada di atas pelana. Mereka sentiasa mengambil berat meskipun cuma suatu salakan atau bunyi riuh yang begitu jauh sekali. Mereka berkelana sendirian di padang-padang pasir, dipandu oleh suatu semangat yang teguh, mempercayai diri mereka sendiri. Keteguhan jiwa telah menjadi sifat mereka dan keberanian merupakan suatu sikap yang semula jadinya. Mereka akan menggunakannya apabila dikehendaki sahaja atau dicabar.

Apabila penduduk kota bergaul dengan mereka di padang pasir atau bersama dalam suatu perjalanan, mereka amat bergantung pada orang-orang Badwi. Mereka tidak berupaya berbuat apa-apa tanpa mereka. Ini merupakan suatu fakta nyata. Ketergantungan itu meliputi hal mengetahui pelosok negara, arah, punca air, simpang-simpang dan jalan-jalan.

Manusia itu adalah hamba abdi kepada adat kebiasaan dan perkara-perkara yang dia sudah sebati dengannya. Dia bukanlah hasil daripada kebijaksaan yang sedia ada dan yang menjadi resamnya. Keadaan-keadaan di mana dia telah menjadi sangat biasa, sehinggalah ianya menjadi ukuran sifat dan kebiasaan serta adat, telah menggantikan perangai semula jadinya. Sekiranya seseorang mempelajari hal ini dalam diri insan, seseorang itu akan dapat banyak mengetahui dan akan mendapati bahawa ianya adalah suatu penelitian yang benar.

5 Kepercayaan penduduk yang tinggal tetap terhadap hukum-hakam merosak keteguhan jiwa dan ketahanan diri

Tidak ada seorang pun yang dapat bertindak menyelesaikan segala urusannya. Ketua-ketua dan para pemimpin yang berupaya sepenuhnya untuk menyelesaikan masalah-masalah mereka adalah terlalu sedikit jika dibandingkan dengan yang lain-lainnya. Telah menjadi suatu peraturan bahawa seseorang manusia itu harus

tunduk di bawah kekuasaan orang lain. Sekiranya peneraju kuasa itu bertimbang rasa dan adil, dan orang-orang yang berada di bawah naungannya tidak berasa tertekan oleh hukum-hakam dan larangan, mereka akan terpimpin oleh perasaan berani atau berasa gentar sebagaimana yang ada di dalam diri mereka. Mereka akan berasa lega kiranya tidak ada kekuasaan yang mengekang. Sikap berdikari dengan sendirinya menjadi suatu sifat yang semula jadi pada diri mereka. Mereka tidak mengetahui yang lain-lainnya.

Dan sekiranya, pengongkongan dengan hukum-hakamnya adalah suatu yang zalim dan penuh penghinaan, maka ia akan merosak keteguhan diri dan tidak memberi mereka kehendak untuk menolaknya sebagai akibat daripada kelalian sikap yang wujud di dalam jiwa orang yang tertekan, sebagaimana yang akan diterangkan nanti.

[*Hal seperti ini pernah dialami Zuhrah dalam Perang Qadisiyah. Ketika itu Umar melarang Sa'ad – semoga Allah meredai mereka – untuk bertindak keras. Zuhrah waktu itu mengambil harta rampasan yang harganya 75 ribu dinar emas, daripada Galinus, setelah sebelumnya dia kejar dan dia bunuh dalam Perang Qadisiyah. Sa'ad mengambil rampasan itu dari tangan Zuhrah, seraya berkata:

> "Kau tidak menunggu perintah daripadaku?"

Langsung setelah itu dia menulis surat kepada Umar, minta izin untuk mengambil rampasan tersebut. Daripada Umar dia menerima surat:

> "Engkau juga bertindak seperti Zuhrah. Dia mendapat tindakan keras. Kini tinggallah perang yang masih berkecamuk, sedangkan kau hancurkan hikmahnya dan kau rosakkan hatinya."

Dan Umar pun memberikan rampasan tersebut kepada Zuhrah.]

Apabila hukum-hakam itu dilaksanakan secara deraan, ia akan menghapus keteguhan jiwa itu sama sekali. Sebab penggunaan deraan terhadap seseorang yang tidak berupaya mempertahankan diri, akan membangkitkan di dalam dirinya perasaan terhina, dan tak dapat diragukan lagi keteguhan jiwanya akan hancur.

Apabila hukum-hakam itu dilaksanakan (dengan tujuan-

tujuan) untuk pendidikan dan pengarahan dan diterapkan sejak masih kecil lagi, ia memiliki pada suatu ukurannya kesan yang sama, sebab orang itu akan membesar dengan perasaan ketakutan dan sentiasa patuh dan akhirnya dia tidak percaya kepada keteguhan jiwanya sendiri.

Oleh itu, sikap mempunyai peribadi yang teguh itu adalah terdapat pada orang Badwi Arab yang hidup penuh cabaran daripada orang-orang yang terpaksa akur pada hukum-hakam. Tambahannya mereka yang bergantung kepada hukum-hakam dan dikuasai olehnya daripada sejak mula menerima pendidikan dan pengajaran di dalam bidang kerja tangan, ilmu pengetahuan dan masalah-masalah agama, dengan demikian tidak memiliki suatu keteguhan jiwa. Mereka bagaikan tidak berupaya untuk mempertahankan diri daripada segala bentuk ancaman. Keadaan beginilah yang terjadi kepada para pelajar, yang mana tugas mereka adalah belajar dan menerima pendidikan daripada guru dan para tuk guru agama, dan dalam banyak hal lebih bertindak mengarahkan dan berceramah di khalayak ramai. Keadaan begini dan hakikat bahawa ia merosakkan kemampuan ketahanan diri dan keteguhan jiwa perlu diketahui.

Ia bukanlah bertujuan untuk menyatakan bahawa para sahabat Nabi Muhammad s.a.w. sentiasa patuh pada hukum-hukum agama dan syariat, dan tidak pula mengalami kemerosotan keteguhan jiwa, bahkan mempunyai keteguhan jiwa yang lebih baik lagi. Ketika umat Islam menerima agama itu daripada Nabi Muhammad s.a.w., apa yang menjadi hambatan ialah diri mereka sendiri akibat daripada larangan dan galakan yang dinyatakan sebagaimana disebut di dalam al-Quran. Ia bukanlah diakibatkan oleh arahan teknikal atau pendidikan saintifik. Hukum-hakam itu adalah hukum-hakam dan petunjuk agama yang mereka terima secara lisannya dan mempercayai dengan akidah yang teguh akan kebenarannya atau apa yang disampaikan itu serta menyebabkan mereka mentaatinya. Keteguhan jiwa yang ada di dalam diri mereka tetap kukuh dan belum dirosakkan oleh pendidikan atau kekuasaan. Umar berkata:

> "Barang siapa yang tidak dibentuk oleh syariat agama, maka dia tidak mendapat pengajaran daripada Allah."

Umar menginginkan agar di dalam diri setiap individu itu ada

kesedaran untuk membatasi dirinya. Apa yang dia sungguh yakin ialah lebih mengetahui apa yang baik untuk umatnya.

Pengaruh agama kemudiannya, merosot di kalangan manusia, dan mereka memperkenalkan undang-undang yang menjadi pencegahnya. Syariat agama menjadi salah satu cabang ilmu dan suatu keahlian, yang boleh diperoleh melalui arahan-arahan dan pendidikan. Manusia menumpukan perhatian mereka kepada kehidupan tinggal menetap dan memiliki sifat yang patuh kepada undang-undang. Ini mengakibatkan lunturnya suatu keteguhan jiwa yang ada pada diri mereka.

Sudah jelas, sekarang ini, bahawa peraturan-peraturan pemerintah dan undang-undang pendidikan telah merosakkan keteguhan jiwa, sebab pengaruh yang mencegah itu datangnya dari luar. Hukum-hakam agama, sebaliknya, tidak merosakkan keteguhan jiwa, sebab kuasa pengekangan itu adalah suatu yang *inherent*. Dengan demikian, peraturan-peraturan pemerintah dan pendidikan mempengaruhi masyarakat yang tinggal secara tetap di sesuatu kawasan, ia melemahkan jiwa dan mengurangkan stamina mereka sebab mereka terpaksa menanggung kedua-duanya sebagai kanak-kanak dan orang dewasa. Orang-orang Badwi, dalam hal sebaliknya, tidak sepertimana mereka, sebab mereka itu hidup terpisah daripada larangan-larangan pemerintah, pengarahan, dan pendidikan. ...

[*Oleh sebab itulah, Muhammad ibn Abi Zaid mengatakan di dalam bukunya *Ahkaam al Mu'allimien wal Muta'allimien*, bahawa seorang pengajar tidak memukul anak-anak yang masih dalam pendidikan lebih dari tiga pukulan. Dinukilkan daripada Syraih al-Qadhi. Sebahagian di antara mereka mengemukakan hujahan daripada fakta peristiwa turunnya wahyu yang pertama kali, ketika nabi dalam keadaan pengsan, yang terjadi tiga kali, dan nabi tampak lemah. Keadaan pengsan ini, sebenarnya tidak layak untuk dijadikan hujahan (dari keharusan memukul anak cukup tiga kali sahaja), sebab hal itu tidak ada hubungannya dengan pendidikan yang sudah popular.

Allah Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui.*

7 Hanya suku-suku yang berpegang kepada 'Bulat Air kerana Pembetung' sahaja berupaya hidup di padang pasir

Ketahuilah bahawa Allah – Maha Suci Dia – telah menetapkan

baik dan buruk sebagai tabiat semula jadi manusia. Demikianlah, dalam al-Quran Allah s.w.t. berfirman:

> "Dan telah Kami tunjukkan dia dua jalan."[1]
> Firman-Nya lagi: "Maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaan."[2]

Kejahatan adalah sifat yang paling dekat kepada manusia apabila dia gagal di dalam memperbaiki kebiasaannya dan jika agama itu tidak dipergunakan sebagai landas untuk memperbaiki dirinya. Sebahagian besar umat manusia berada dalam keadaan ini, kecuali mereka yang mendapat taufik daripada Allah.

Sifat jahat yang terdapat pada diri manusia ialah kezaliman dan sikap bermusuhan sesama sendiri. Seseorang yang berasa iri hati akan harta milik saudaranya akan berusaha untuk mengambilnya, kecuali ada suatu kuasa yang mencegahnya. Sebagaimana sebuah sajak:

> *Ketidakadilan itu adalah satu sifat manusia.*
> *Jika kau dapatkan Manusia bermaruah, tentu ada sebab mengapa dia tidak berlaku adil.*

Sifat saling bertelagah oleh penduduk bandar-bandar dan kota-kota besar biasanya dicegah oleh pihak berkuasa dan kerajaan, yang mengekang masyarakat yang berada di bawah kekuasaannya daripada serang-menyerang dan bermusuhan sesama sendiri. Mereka dengan demikian dilindungi daripada kuasa yang menggunakan kekerasan dan kuasa kerajaan daripada ketidakadilan, diselamatkan daripada penganiayaan sama ada daripada rajanya sendiri.

Serangan daripada luar kota dapat dihalang oleh tembok-tembok, sewaktu berada dalam keadaan tidak bersedia, suatu serangan mengejutkan di malam hari, atau disebabkan oleh ketidakupayaan penduduknya menangkis serangan di waktu siang hari. Atau ianya dapat ditangkis dengan bantuan pasukan-pasukan bantuan pihak kerajaan, kalau (para penduduknya) sentiasa berwaspada dan bersiap sedia untuk memberikan tentangan.

Pengaruh yang menghalang di kalangan masyarakat Badwi

---

1 Al-Quran: Surah 90 (al-Balad), ayat 10.

2 Al-Quran: Surah 91 (asy-Syaruh), ayat 8.

adalah datangnya daripada *syeikh* dan ketua-ketua suku. Ia disebabkan oleh ketinggian rasa hormat dan penghargaan yang diberikan oleh kaum-kaumnya. Kampung-kampung masyarakat Badwi dikawal daripada diserang musuh daripada luar oleh satu pasukan yang terdiri daripada pemuda-pemuda yang berjiwa seorang wira dan disegani kerana sifat mereka yang berani itu. Pertahanan dan pengawasan itu akan berhasil sekiranya mereka itu terdiri daripada mereka yang saling kait-mengait daripada satu keturunan. Ia akan menguatkan mereka dan akan terbit perasaan ditakuti kerana perasaan sayang-menyayangi ahli keluarga dan sesama sendiri adalah lebih utama (daripada yang lain-lainnya). Perasaan belas kasihan dan sayang menyayangi saudara sedarahnya dan sahabat-handainya wujud di dalam diri manusia sebagai suatu yang dianugerahi Allah s.w.t. ke dalam kalbu hamba-hamba-Nya. Sifat ini menimbulkan perasaan bantu-membantu dan gotong-royong, dan menambahkan rasa gentar yang dialami oleh pihak musuh itu.

Ambillah daripada cerita yang disebutkan dalam al-Quran tentang saudara-saudara Yusuf – selawat tetap tercurah padanya – ketika mereka mengatakan kepada ayahnya:

> "Jika dia dimakan serigala, padahal kami segolongan, sungguh kami orang-orang yang merugi".

Maksudnya, dengan adanya rasa segolongan (*ushbab.* Ar.), tidak mungkin terbetik dalam diri seseorang untuk memusuhi lainnya. Mereka yang tidak mempunyai sesiapa daripada keturunannya (untuk menjaga) jarang dapat berasa kasih akan saudaranya. Jika ada bahaya ketika meletusnya peperangan orang-orang seperti mereka akan secara senyap-senyap akan menghilangkan dirinya dan berusaha menyelamatkan diri, sebab dia dikuasai oleh perasaan bimbang akan ditinggalkan sendirian tanpa menerima apa-apa pertolongan. Orang-orang seperti ini, dengan demikian, tidak boleh hidup di padang pasir, sebab mereka akan menjadi mangsa bangsa-bangsa yang ingin membinasakan mereka.

Jika hal ini benar dalam hubungannya dengan tempat di mana seseorang itu tinggal, yang selalu memerlukan pertahanan dan perlindungan ketenteraan, ia adalah sama halnya dengan kegiatan manusia yang lainnya, seperti kenabian, membangunkan kedaulatan raja atau dakwah. Tidak akan tercapai apa-apa tanpa berlakunya perjuangan, kerana di dalam diri setiap manusia itu memang ada sifat menentang. Dan untuk berjuang ia tidak dapat

dilaksanakan tanpa adanya perasaan kekitaan (*ashabiyah*. Ar. *group feeling*. Ing.), sebagaimana yang telah kita terangkan di permulaan tadi.

8 Perasaan keserumpunan adalah diakibatkan oleh pertalian darah atau yang lain sehubungan dengannya

(Menghormati) pertalian saudara adalah suatu yang semula jadi di kalangan manusia. Tidak menyayangi pertalian darah itu merupakan suatu hal yang jarang-jarang sekali terjadi. Ianya melahirkan suatu perasaan saling menyayangi antara satu sama lain dan mereka yang ada pertalian keluarga, (suatu perasaan di mana) mereka tidak mahu sebarang kesusahan menimpa mereka ataupun tidak seharusnya mereka itu dilandai kemusnahan. Ibarat cubit paha kiri, paha kanan akan terasa sakitnya juga, apabila saudara-maranya itu ditindas atau diserang, mereka tentu sekali akan masuk campur. Mereka tidak biarkan sahaja apa juga bencana menimpa mereka itu. Ini sesungguhnya adalah suatu rangsangan semula jadi yang terdapat di dalam diri manusia, selagi mana mereka itu menjadi manusia.

Sekiranya hubungan langsung di antara mereka yang saling bantu-membantu itu amat dekat sekali, yang mendorong kepada saling perlu memerlukan dan bersatu, dan nyata ia memerlukan (wujudnya perasaan keserumpunan) tanpa memerlukan adanya campur tangan daripada pihak lainnya. Sekiranya, pertalian itu agak berjarak, ia selalunya ibarat jauh di mata, jauh di hati. Sungguhpun demikian, sedikit ingatan terhadap mereka masih ada dan ini mendorong seseorang itu membantu kaum kerabatnya atas motif yang telah diketahui itu. Bantuan yang dihulurkan adalah untuk membasmi rasa bersalah yang terlekat pada jiwa mereka sekiranya tidak membantu orang yang ada pertalian darah dengannya diperlakukan dengan cara yang tidak sewajarnya.

Kenalan dan rakan taulan adalah tergolong ke dalam kelompok yang sama. Perasaan 'mengambil berat' sebagaimana yang ada di sudut hati setiap orang terhadap kenalan dan rakan-taulannya itu adalah disebabkan oleh perasaan rasa terhina yang timbul pada diri seseorang apabila menyaksikan jiran tetangga atau saudara-mara yang ada hubungan darah berada dalam keadaan yang terhina. Sebabnya ialah sepertimana hubungan hamba dan (tuan) yang memerlukan adanya perhubungan yang dekat ataupun

lebih kurang sedemikian, sebagaimana juga halnya dengan pertalian kekeluargaan.

Berdasarkan itulah maka seseorang harus memahami sabda Nabi Muhammad s.a.w.

> "Pelajarilah sebanyak mungkin salasilah keturunan kamu sebagaimana perlunya untuk mengukuhkan perasaan pertalian kekeluargaan".

Ini bermakna bahawa keturunan adalah penting hanya apabila ia bermaksud kepada membawa kerjasama yang disebabkan oleh pertalian darah dan yang akhirnya membawa kepada saling bantu-membantu dan sayang-menyayangi apa yang selebihnya adalah suatu yang berlebih-lebihan.

Kenyataannya ialah bahawa hubungan yang demikian itu adalah suatu khayalan dan tidak suatu yang tidak benar. Hubungan itu hanya berguna untuk menghasilkan ikatan dan hubung-menghubungi. Apabila rasa persaudaraan itu sudah terlihat dengan jelas, ia akan membangkitkan sesuatu di dalam diri insan itu perpaduan yang semula jadinya. Tetapi sekiranya ia didasarkan hanya sekadar pengetahuan tentang keturunan nenek moyang, ia boleh mengusik ingatan, tetapi sedikit sahaja. Kegunaan tidak kelihatan, dan ingatan itu hanya sedikit sahaja, semacam suatu permainan dan yang sedemikian adalah tidak digalakkan. Dalam hal ini, seseorang harus faham peringatan:

> "Ilmu tentang keturunan adalah suatu ilmu yang tidak ada gunanya untuk diketahui dan tidak pula membawa mudarat jika tidak mengetahuinya."

Ini bererti bahawa jika salasilah keturunan itu menjadi suatu yang sudah tidak jelas lagi, dan menjadi suatu persoalan ilmu pengetahuan, golongan ia tidak lagi dapat membangkitkan ikatan dan hilanglah rasa cinta yang disebabkan oleh perasaan keserumpunan. Jadilah ia sesuatu yang tidak mendatangkan manfaatnya.

Allah s.w.t. Yang Maha Suci dan Lebih Mengetahui.

9 Ketulenan keturunan hanyalah terdapat pada masyarakat Arab di padang pasir yang tidak bertamadun dan kumpulan semacam itu

Ini adalah disebabkan oleh kesusahan hidup, keadaan yang serba

menyulitkan, dan amalan buruk yang khususnya terdapat pada masyarakat Badwi. Ia adalah disebabkan oleh keperluan, terlalu bergantung hidup kepada hasil yang diperoleh daripada unta dan pemeliharaan unta dan padang rumput. Unta-unta adalah penyebab kepada kehidupan yang serba liar, kerana ia memakan tumbuh-tumbuhan di padang pasir dan melahirkan anaknya di sana.

Padang pasir adalah tempat yang banyak cabaran dan kebuluran, akan tetapi mereka telah dapat menyesuaikan diri dan telah sebati dengan kehidupan sebegitu. Generasi demi generasi orang Badwi hidup sedemikian rupa di padang pasir. Akhirnya, ia menjadi sebati dengan tingkah laku dan sikap semula jadinya. Tidak ada satu bangsa pun di dunia ini yang sanggup hidup di padang pasir seperti mereka. Dan tidak ada bangsa yang sanggup hidup dengan mengembara dan ikut merasakan sebagaimana nasib mereka. Tetapi sekiranya ada di kalangan mereka bertindak mengalah kepada kehidupan sebegitu tentunya seseorang itu tidak dibiarkan bertindak begitu.

Oleh yang demikian, keturunan masyarakat pengembara ini dapat diperakui tidak bercampur aduk atau tidak dicemari oleh perbuatan kurang sihat. Keturunan mereka adalah terpelihara baik melalui susunan yang tidak terputus.

Hal tersebut, sebagai contoh ialah suku bangsa Mudhar seperti Quraisy, Kinanah, Tsaqif, Banu Asad, Hudzail dan tetangga mereka suku Khuza'ah. Mereka hidup serba kekurangan di tempat yang tiada kegiatan pertanian atau penternakan binatang. Mereka hidup jauh daripada tanah-tanah subur negeri Syria dan Iraq, jauh daripada sumber perasa makanan dan biji-bijian. Bagaimana tulennya asal keturunan mereka itu! Dalam banyak hal semuanya itu tidak bercampur baur dan diketahui umum sebagai tidak tercemar.

Masyarakat Arab yang lainnya menghuni di bukit-bukau dan di ladang-ladang yang subur dan makmur penghidupannya. Antara masyarakat Arab ini ialah suku-suku Himyar dan Kahlan, seperti Lakhm, Judzam, Ghassan, Thayy, Qudha'ah, dan Iyad. Keturunan mereka sudah bercampur-baur dan golongan-golongan mereka sudah saling bergaul. Adalah diketahui bahawa (genealogis) mereka mempunyai perbezaan pendapat terhadap setiap keluarga-keluarga itu. Ini disebabkan oleh campur-aduk dengan golongan bukan Arab. Mereka sama sekali tidak bertindak untuk menjaga

ketulenan keturunan keluarga dan kumpulannya. Ia sebenarnya berlaku terhadap bangsa-bangsa Arab yang tulen sahaja.

*Khalifah 'Umar berkata:

> "Pelajarilah asal usul keturunanmu dan janganlah seperti orang Nabatea dari Mesopotamia yang apabila ditanya tentang asal usulnya menjawab: "Saya berasal dari desa anu dan anu."

Tambahan pula, orang-orang Arab yang tinggal di kawasan yang subur tanahnya dipengaruhi oleh desakan masyarakat umum untuk berusaha mencari tanah yang lebih subur dan padang rumput yang baik. Ini menyebabkan berlakunya campur-baur dan kekaburan dalam asal usul keturunan.

Inilah yang terjadi pada permulaan tahun-tahun Islam, sewaktu orang-orang mulai dibezakan yang satu dari yang lain dengan daerah tempat mereka tinggal. Maka orang akan menyebut daerah Qinnasrin[3] atau Damaskus, atau al-Awasim.[4] (Kawasan perbatasan di utara Syria). Kemudian kebiasaan ini sampai ke Sepanyol.

Tetapi ini tidak bererti bahawa bangsa Arab tidak lagi ditandai oleh asal-usul keturunan mereka. Mereka hanyalah menambahi nama-nama kesukuan mereka dengan nama tempat yang telah ditakluki itu. Mereka akhirnya dikenali melalui tempat yang menjadi kediaman mereka. Ini menambahkan usaha membezakan mereka sebagai tambahan kepada keturunan, yang digunakan oleh orang-orang Arab untuk memperkenalkan diri mengikut Amir yang memerintah. Tetapi kemudiannya, orang-orang Arab yang tinggal menetap bercampur dengan orang-orang Parsi dan bukan Arab ketulenan keturunan itu tetap sama sekali dan hasilnya semangat keserumpunan itu lenyap dan tidak diterima lagi. Akhirnya, suku-suku itu dengan sendirinya lenyap dan pupus,

---

3 Kota Qinnasrin di Syria Utara menjadi pusat daerah ketenteraan yang meliputi Aleppo dan Antioche. Kota itu sangat makmur di masa keemasan Arab, tapi sedikit demi sedikit beransur gersang dan mati diporakporandakan oleh perang dengan Byzantium dalam abad-abad ke-10 dan ke-11.

4 Perbatasan-perbatasan yang berbenteng di Syria Utara, membujur sepanjang pergunungan Taurus, mulanya – termasuk daerah ketenteraan Qinnasrin. Di zaman Harun ar-Rasyid, didirikan sebuah daerah tersendiri dengan nama al-'Awasim (benteng-benteng) yang membujur dari Taurus ke Euphrat.

dan bersama itu berakhirlah perasaan keserumpunan. Sebaliknya suku-suku pengembara melanjutkan keadaan sebagaimana kehidupan mereka sebelumnya.

> Dan Allah s.w.t. akan mewarisi bumi ini dan segala apa yang ada di atasnya.

10 **Bagaimana keturunan-keturunan itu menjadi bercampur-aduk**

Telah menjadi nyata bahawa orang yang berasal daripada sesuatu keturunan akan bersemenda dengan keturunan yang lainnya, sama ada dia berasa lebih serasi dengan mereka, atau kerana adanya perasaan pertalian atau kerana wujudnya hubungan hamba (tuan) atau disebabkan oleh kemahuan menghindarkan diri daripada kaumnya kerana kesalahan jenayah yang telah dilakukannya. Orang tersebut dikira termasuk ke dalam golongan mereka dan dianggap seketurunan dalam hubungan yang disebabkan oleh (daripada keturunan yang sama) seperti kasih sayang, hak dan kewajipan yang menyangkut hukum pembalasan dan wang tebusan, (*diyat.* Ar. *blood money.* Ing.), dan lain-lainnya. Apabila perkara-perkara yang dianggap daripada seketurunan itu wujud ia dengan itu seakan-akan daripada (keturunan yang sama), kerana pengertian seketurunan kepada seseorang atau kepada kumpulan yang lainnya ialah bahawa seseorang itu harus akur kepada undang-undang dan keadaan-keadaan, seolah-olah seseorang itu sudah hampir dengannya.

Bersama waktu yang terus berlalu, asal usul itu hampir-hampir dilupakan sahaja. Mereka yang arif dengan salasilah itu pun sudah ramai yang meninggal dunia, dan ianya sudah banyak yang tidak diketahui oleh kebanyakan orang.

Keturunan keluarga dalam hal ini terus berubah daripada satu keturunan kepada yang lainnya dan terdapat pula sebilangan orang yang berhubung rapat dengan kaum yang lain (daripada keturunan yang lainnya). Hal ini terjadi di zaman pra-Islam dan di zaman Islam, dan di antara orang-orang Arab dengan bukan Arab. ...

Bandingkan dengan perbezaan pendapat di antara manusia mengenai keturunan keluarga al-Mundzir dan lain-lainnya. Akan jelas kebenaran pernyataan di atas, di antaranya tentang ehwal Arjafah ibn Hartsamah di kalangan kaum Bajilah, ketika Umar mengangkatnya sebagai gabenor. Kaum Bajilah meminta kepada

Umar agar Arjafah diberhentikan daripada kedudukannya menjadi gabenor.

> Kata mereka: "Dia masuk kepada (keturunan) kami kerana ditempelkan."

Dan diminta Jarir sebagai penggantinya. Umar bertanya kepada Arjafah tentang kebenaran tuduhan rakyatnya. Arjafah menjawab:

> "Benar wahai Amirul Mukminin, saya berasal dari Bani Aad, kerananya saya ada hubungan darah dengan kaum saya, dan saya pun punya hubungan dengan mereka."

Perhatikan bagaimana Arjafah bercampur-baur dengan kaumnya dari Bani Bajilah dan berkulitkan kulit mereka. Keturunannya semula diragukan, tapi kemudian atas pembenaran salasilah keturunannya dengan mereka, kepemimpinannya semakin kukuh. Jika tidak ada seorang pun yang mengetahuinya, atau lupa kerana sudah terlalu lama untuk diingat, mungkin semuanya itu akan lenyap, dan Arjafah akan dianggap dengan segala yang bukan-bukan. Perlulah anda fahami hal ini dengan saksama. Dan ambillah *Ibrah* dari rahsia Allah yang terdapat di dalam ciptaan-Nya. Di samping itu, banyak contoh lain, baik yang baru mahupun yang lama.

> Allah s.w.t. memberi petunjuk kepada kebenaran, atas rahmat, kebesaran, dan kemuliaan-Nya.

11 Sifat kepemimpinan selalu dimiliki oleh orang tertentu yang memiliki solidariti sosial

Ketahuilah bahawa setiap kampung atau setiap puak dan suku, di samping terikat kepada keturunan mereka yang bersifat umum, mereka pun terikat kepada kesatuan keturunan lain yang sifatnya khusus. Kesatuan yang terakhir ini lebih daripada kesatuan keturunan yang sifatnya umum. Seperti kesatuan yang terdapat pada satu marga, pada satu keluarga, atau satu saudara sekandung; dan tidak terdapat pada seperti – saudara sepupu, baik yang dekat mahupun yang jauh salasilah keturunannya. Orang-orang yang tersebut di atas lebih dekat kepada kesatuan keturunan mereka

yang khusus daripada kesatuan keturunan mereka yang sifatnya umum. Sebabnya tidak lain kerana kesatuan keturunan yang khusus lebih terikat erat oleh tali persaudaraan sedarah. Pemimpin yang ada di kalangan mereka, cuma dimiliki oleh dia yang khusus memperoleh bahagian, bukan oleh seluruhnya.

Oleh sebab kepemimpinan hanya dapat dilaksanakan dengan kekuasaan, maka solidariti sosial yang dimiliki oleh pemimpin itu harus lebih kuat daripada solidariti lain yang ada, sehingga dia memperoleh kekuasaan dan sanggup memimpin rakyatnya dengan sempurna. Jika kewajipan atau keharusan itu dia laksanakan, maka kepemimpinan akan tetap dimilikinya. Namun apabila kepemimpinan itu keluar dari mereka dan berada dalam solidariti lain yang lepas daripada golongan mereka, maka kepemimpinan itu tidak akan berhasil. Dan dalam golongan itu, kepemimpinan akan terus berpindah-pindah tangan daripada satu golongan kepada golongan lain yang lebih kuat, sebagaimana telah diterangkan mengenai rahsia kekuasaan.

Kesatuan masyarakat dan solidariti sosial menjadi semacam sifat alam. Sifat itu tidak akan berguna apabila unsur-unsur yang ada sama, tidak berbeza. Maka di antara unsur itu ada yang berada di atas dan menguasai unsur yang lain. Hanya dengan itulah penciptaan (alam) ini berlangsung. Inilah rahsianya, mengapa solidariti sosial menjadi syarat bagi kekuasaan. Dan dari itu pulalah kepemimpinan dapat ditentukan keberlangsungannya, sebagaimana telah diterangkan di atas.

12 Kepemimpinan terhadap orang-orang yang memiliki perasaan kekitaan tertentu tidak dapat diterapkan kepada mereka yang bukannya daripada satu keturunan

Sebabnya ialah kerana kepemimpinan itu diwujudkan kerana adanya kekuasaan, dan kekuasaan itu ada kerana adanya perasaan kekitaan. Kepemimpinan terhadap kaum, dengan demikian haruslah, terbentuk daripada satu perasaan kekitaan yang lebih mantap daripada perasaan kekitaan di kalangan individu. Perasaan kekitaan daripada individu yang mengakui keunggulan perasaan kekitaan sang pemimpin akan mempersiapkan mereka untuk tunduk dan mematuhinya.

Ternyata, seseorang yang telah menyebatikan dirinya dengan orang mempunyai hubungan darah tidak berkongsi perasaan

kekitaan yang diperolehi daripada keturunan yang umum dengan mereka. Dia hanya mengaitkan diri dengan mereka. Hubungan paling kukuh antara dia dengan golongannya terjalin kerana pembelaan terhadap sahabat atau kerana sekutu. Sama sekali tidak dapat dipastikan dia berkuasa ke atas mereka. Dan apabila kita beranggapan bahawa dia telah mengadakan hubungan yang kukuh dengan mereka, bahawa dia telah campur-baur dengan mereka, bahawa masa keterikatannya yang semula telah dilupakan orang, dan bahawa dia telah menjadi salah satu di antara mereka dan dianggap termasuk keturunan mereka, bagaimana dia atau salah seorang di antara nenek moyang mereka telah memperoleh kepemimpinan sebelum proses itu berlangsung, padahal kepemimpinan itu tumbuh di satu persemaian yang ditentukan kemenangannya melalui perasaan kekitaan? Fakta bahawa dia telah mengikatkan diri kepada suku itu sudah dikenal secara pasti sejak semula dia melakukannya. Tapi bersamaan dengan itu dia dinafikan (atau mungkin juga, nenek moyangnya, turut daripada menerajui kepemimpinan itu. Maka, kepemimpinan itu tentunya tidak dapat diwariskan daripadanya, padahal dia masih terikat (dengan suku kaumnya). Kepemimpinan harus menurut keperluannya diwarisi daripada seseorang yang berhak memilikinya, sesuai dengan kenyataan, sebagaimana telah kita terangkan, bahawa kekuasaan itu diperoleh daripada perasaan kekitaan.

Banyak pemuka suku dan golongan manusia yang ingin mendapatkan suatu hubungan darah. Mereka menginginkannya, kerana orang-orang yang memiliki hubungan darah tertentu itu memiliki suatu kemuliaan yang khusus, seperti keberanian, atau kebangsawanan, atau kemashyuran, walau bagaimanapun hal ini diusahakan agar diperoleh. Mereka berusaha mewujudkan keluarga sebegitu, dan melibatkan diri dengan perakuan bahawa mereka adalah tergolong sebahagian daripada keluarga itu. Mereka tidak menyedari bahawa perbuatan mereka itu dalam hal kepemimpinan dan kemuliaan telah membangkitkan perasaan curiga dan keraguan. ...

Keturunan-keturunan yang sedemikian adalah sengaja diada-adakan oleh orang-orang yang ingin menikmati limpah kurnia pihak pemerintah, melalui perilaku (seorang pengampu) dan melalui pendapat-pendapat (mulus) yang mereka kemukakan. (Kelicikan-kelicikan) mereka adalah suatu yang cukup diketahui hingga tidak dapat dibantah lagi. ...

Allah s.w.t. mengetahui yang ghaib dan yang nampak oleh mata manusia.

13 Hanya orang-orang yang mengongsi perasaan kekitaan sahaja yang memiliki "lembaga" dan kemuliaan menurut pengertiannya yang dasar dan yang sebenar-benarnya, sementara selainnya hanya memilikinya menurut pengertian yang metaforik dan figuratif sahaja

Sebabnya ialah kerana bangsawan dan kemegahan itu merupakan hasil daripada sifat seseorang. Apa yang dimaksudkan dengan lembaga ialah bahawa seseorang itu dianggap orang-orang terhormat dan orang-orang terkenal di kalangan nenek moyangnya. Suatu hakikat bahawa dia adalah anak cucu dan keturunan mereka telah memberinya suatu kedudukan yang tinggi di kalangan masyarakatnya. Penghormatan yang diberikan oleh ahli masyarakatnya itu adalah sebagai menghormati martabat dan kebangsawanan yang diperolehi oleh nenek moyangnya melalui kelebihan sifat mereka itu. [*Dalam pertumbuhan dan menurunkan generasi, manusia adalah barang tambang. Sabda Nabi Muhammad s.a.w.

> "Manusia adalah barang tambang, yang baik di masa jahiliah adalah yang baik dalam Islam, jika mereka mengerti."

Maka erti martabat tergantung kepada keturunan.]

Telah kita terangkan bahawa keberuntungan daripada suatu keturunan yang sama adalah terkandung di dalam peranan keserumpunan yang dilahirkan daripadanya dan yang menimbulkan perasaan kasih sayang dan saling bantu membantu. Apabila perasaan keserumpunan itu benar-benar mantap dan buminya dipelihara dengan baik, keberuntungan daripada suatu keturunan yang sama akan menjadi semakin jelas dan perasaan kekitaan akan menjadi lebih berkesan. Adalah suatu tambahan kepada keberuntungan untuk memiliki beberapa orang nenek moyang yang berdarjat. Kerana adanya suatu keturunan, maka martabat dan kemuliaan akan kukuh menancap di dalam diri orang-orang yang memiliki perasaan kekitaan. Kemuliaan sesebuah lembaga adalah suatu bandingan langsung kepada perbezaan darjah perasaan keserumpunan, sebab kemuliaan itu adalah rahsia daripada perasaan keserumpunan.

Wargakota yang tinggal tersisih boleh memiliki lembaga hanya menurut suatu pengertian secara metaforika. Andaian bahawa mereka mempunyai suatu itu tidak lebih daripada suatu anggapan yang dilebih-lebihkan sahaja. Jika diperhatikan dengan sebenar-benarnya, akan didapati bahawa "kemegahan" pada pengertian warga kota – adalah orang yang menganggap bahawa salah seorang di antara nenek moyang mereka memiliki sifat-sifat (keperibadian) yang baik dan yang bergaul dengan orang-orang yang baik, dan (tambahnya, mereka) berusaha seboleh mungkin berkelakuan sopan. Ini adalah berbeza dengan pengertian perasaan kekitaan yang sebenar-benarnya, kerana perasaan kekitaan adalah lahir daripada keturunan dan jumlah nenek moyang. Istilah prestij dan lembaga dalam hubungan ini dibuat secara metaforika, sebab dalam persoalan ini terdapatnya beberapa keturunan nenek moyangnya yang secara konsisten melakukan kebajikan dan perbuatan baik. Ini adalah kemegahan yang tidak benar dan tidak wajar diambil kira. Jika ditinjau dari segi bahasa memang nampak seakan kedua istilah tersebut, benar. Namun jika ditinjau secara saksama, akan nampak bahawa di beberapa seginya, ada hal-hal yang meragukan.

Lembaga mempunyai kemuliaan yang asli yang terpupuk melalui perasaan kekitaan dan hemah seseorang. Kemudiannya orang (yang memiliki lembaga) membebaskan dirinya daripada terus menikmati kemuliaan tersebut apabila perasaan kekitaan lenyap sebagai akibat daripada kehidupan tinggal 'menetap' dan mereka bercampur gaul dengan rakyat umumnya. Di sudut hati mereka masih terbetik perasaan bangga diri kerana memiliki martabat itu dan menganggap diri mereka sebagai orang-orang daripada golongan bangsawan. Padahal mereka sudah tidak lagi memiliki martabat itu sebab perasaan kekitaan telah pupus sama sekali. Kebanyakan warga kota yang mempunyai susur-galur sebagai golongan bangsawan Arab atau non-Arab masih mengimpi-impikan 'ketuanan' semacam ini.

Dan orang-orang Israel adalah golongan yang benar-benar tenggelam dengan angan-angan ini. Mereka pada asalnya memiliki lembaga yang paling terbilang di dunia, sebab, pertamanya nenek moyang mereka adalah terdiri daripada nabi-nabi dan rasul-rasul – bermula sejak Nabi Ibrahim a.s. hinggalah kepada Nabi Musa a.s. – pendiri *millah* dan syariat agama mereka! Yang keduanya, kerana perasaan kekitaan dan kedaulatan yang telah dijanjikan oleh Allah

s.w.t. dan yang memperolehi kesemuanya itu melalui perasaan kekitaan. Kemudiannya, apa yang mereka miliki dimansuhkan, dan mereka pun ditimpa kehinaan dan kemiskinan. Mereka telah ditakdirkan untuk hidup sebagai orang buangan di permukaan bumi ini. Dan selama beribu-ribu tahun lamanya mereka hanya diperbudakkan dan kekafiran. Dan angan-angan (kemuliaan) itu masih tidak dapat dikekangkan daripada diri mereka. Mereka didapati mendakwa:

> "Dia adalah orang-orang Harun"; "Dia adalah daripada keturunan Yoshua"; "Dia salah seorang anak cucu Kalib"; "Dia berasal daripada suku kaum Yahuda."

Ini adalah meskipun ternyata bahawa perasaan keserumpunan mereka itu telah lenyap dan selama bertahun-tahun lamanya telah terdedah kepada penghinaan. Ramai lagi wargakota yang lainnya yang masih menganggap keturunan mereka itu adalah golongan bangsawan tetapi tidak lagi memiliki perasaan kekitaan adalah semata-mata bertindak melakukan sesuatu yang tidak dapat diterima akal.

Abu al-Walid ibn Rusyd (Averoes) ternyata alpa dalam hal ini. Beliau telah menyebutkan tentang kemegahan di dalam bukunya *Retorika.* Martabat, katanya, "adalah menjadi milik orang yang sudah lama tinggal di dalam sesebuah kota." Dia tidak pernah memperhitungkan tentang segala sesuatunya yang telah kami sebutkan. Saya perlu tahu berapa lamakah mereka yang tinggal di dalam sesebuah kota boleh (membantu seseorang memperoleh martabatnya), sekiranya dia tidak tergolong kepada satu kumpulan yang membuatkan dirinya ditakuti dan yang menyebabkan orang lain mentaatinya. Ibn Rusyd menganggap bahawa kemegahan itu adalah tergantung khususnya kepada jumlah nenek moyangnya. Padahal, retorik itu bererti mengesampingkan pendapat orang-orang yang mana pendapatnya itu memang diterima, iaitu, mereka yang bijaksana dan dapat menyelesaikan persoalan (*ahlul-hilli wal-'aqdi.* Ar. *the man in command.* Ing.) Ia tidak pula memberikan perhatian yang sewajarnya daripada kalangan mereka yang tidak berpengaruh. Mereka tidak dapat mengesampingkan pendapat sesiapa pun, bahkan pendapatnya itu tidak pun diminta.

Wargakota yang hidup menetap adalah termasuk ke dalam kategori ini. Adalah benar bahawa Ibn Rusyd itu dibesarkan di

dalam generasi dan tempat di mana masyarakatnya tidak pernah mengalami perasaan kekitaan, dan tidak pula betah dengan keadaan-keadaan yang ada kaitan dengannya. Oleh itu, dia tidak membincangkannya lebih jauh daripada yang diketahui sangat-sangat (definisi) tentang lembaga dan kemegahan sebagai sesuatu yang sama sekalinya bergantung kepada jumlah nenek moyang seseorang dan tidak merujuk kepada hakikat perasaan kekitaan dan pengaruhnya di kalangan manusia.

Allah s.w.t. mengetahui segala sesuatu.

14 Lembaga dan kemuliaan dimiliki oleh para *Mawla*[5] dan pengikutnya hanya melalui tuan dan bukan melalui keturunan mereka

Sebabnya ialah, sebagaimana telah kita terangkan sebelumnya, hanya orang yang mengongsi perasaan kekitaan sahaja yang memiliki dasar dan kebangsawanan yang sebenar-benarnya. Apabila orang berkenaan menjadikan orang yang tidak seketurunan dengannya sebagai para pengikutnya, atau apabila mereka mengambil hamba sahaya dan *mawla* untuk berkhidmat dengannya, atau beramah-tamah dengan mereka, sebagaimana yang kami telah katakan, *mawla* dan para pengikutnya yang mengongsi perasaan kekitaan tuannya itu akan turut mengongsi perasaan kekitaan tuannya bagaikan milik mereka juga. Dengan mengambil kedudukan mereka yang istimewa di dalam perasaan kekitaan itu, mereka turut mengambil bahagian sampai tingkat tertentunya di dalam keturunan itu, di mana perasaan kekitaan itu selalunya ada.* Sebagaimana sabda nabi:

> "Mawla suatu kaum adalah termasuk bahagian daripada kaum itu."

Demikian pula mawla melalui perbudakan, melalui tanggungan, mahupun melalui janji (membela).

Keturunan dan kelahirannya sendiri tidak memberi apa-apa erti dalam segi perasaan kekitaan, kerana perasaan kekitaan itu tidak ada hubungannya dengan keturunannya sendiri. Perasaan kekitaan yang dimiliki oleh keluarganya sendiri menjadi lenyap,

---

5 Mereka yang dilindungi dan orang-orang yang menjadi tanggungan.

sebab pengaruhnya terhapus ketika dia beramah mesra dengan keluarga yang lainnya dan semakin terpisah dengan mereka yang dahulunya dia mengongsi perasaan kekitaan. Dengan demikian dia menjadi salah seorang di antara mereka dan memberikan erti kehadirannya di kalangan mereka. Sekiranya beberapa orang nenek moyangnya juga turut mengongsi perasaan kekitaan orang-orang tersebut, maka dia akan menikmati (di kalangan mereka itu) sedikit kemuliaan dan Lembaga di antara mereka, sesuai dengan kedudukannya sebagai *mawla* dan pengikut mereka. Meskipun demikian, dia tidaklah berdarjat sebagaimana mereka tetapi tetap berada di bawah naungan mereka.

Demikianlah ehwalnya dengan *mawla-mawla* dinasti-dinasti dan seluruh pelayannya. Mereka memperolehi kemuliaan melalui hubungan tuan dan hamba yang telah berakar umbi dan melalui khidmat mereka terhadap dinasti tersebut, dan dengan dengan memiliki bilangan nenek moyang yang ramai yang telah berada di dalam naungan negara. *Mawla-mawla* berbangsa Turki yang ada di bawah naungan Kerajaan Bani Abbas, dan yang sebelumnya, Bani Barmak, juga Banu Nawbakht, kesemuanya telah memperolehi lembaga dan kemuliaan dan membangunkan kebesaran dan kepentingan untuk diri mereka sendiri melalui hubungan mereka yang sangat akrab dengan kedaulatan (Bani Abbas). Seorang tokoh, Ja'far ibn Yahya ibn Khalid merupakan orang yang memiliki lembaga dan kemuliaan. Hal itu diperolehi melalui kedudukannya sebagai *mawla* ar-Rasyid dan keluarganya. Ia bukanlah sesuatu yang dia perolehi melalui darjatnya yang tinggi di kalangan orang-orang Parsi. Demikian pula halnya dengan *mawla* dan pelayan setiap negara mana pun. Mereka memiliki lembaga dan kemegahan melalui hubungan yang kukuh dengan negara tertentu dan menjadi hamba rakyat yang cukup setia. Keturunan mereka yang asal akan lenyap sekiranya bukan disebabkan oleh kerajaan tersebut. Ia kekal terselindung dan dianggap tidak ada apa-apa hubungannya dengan kepentingan dan kebesaran yang mereka miliki. Hal yang menjadi perhatian hanyalah kedudukan mereka sebagai *mawla* dan hamba rakyat, sebab ia adalah sejajar dengan perasaan kekitaan yang menjadi suatu rahsia yang telah melahirkan Lembaga dan bangsawan.

Kemuliaan seorang *mawla* adalah di suatu seginya, diperolehi melalui kebangsawanan tuan-tuannya, dan lembaganya itu diperolehi melalui apa yang telah mereka bangunkan. Keturunan dan

kelahirannya tidak membantunya apa-apa. Kebesarannya itu dibangun melalui hubungannya sebagai seorang *mawla* di sesebuah negara (dinasti), dan berdasarkan hubungannya yang sangat akrab dengannya sebagai seorang hamba rakyat dan hasil daripada pendidikannya sendiri. Darah keturunannya yang pertama mungkin telah mewujudkan pertalian hubungan yang sangat akrab dengan beberapa kumpulan yang mengongsi perasaan kekitaan dan negara. jika (hubungan yang sangat akrab) itu telah lenyap dan orang berkenaan telah menjadi seorang *mawla* dan hamba rakyat sebuah (negara) lainnya, maka (keturunan)nya yang terawal itu tidak menyumbangkan apa-apa erti lagi baginya, sebab sudah terbetiknya perasaan keserumpunan.

Apa yang dinyatakan itu ada benarnya dengan keluarga Barmak. Menurut suatu laporan dikatakan bahawa mereka adalah berasal daripada suatu Lembaga Persia, ahli keluarganya telah berkhidmat sebagai para pengawal rumah berhala di sana. Sewaktu mereka dijadikan *mawla* kepada Bani Abbas, (keturunan) mereka yang terdahulu itu tidak diambil sebagai suatu asas pertimbangan. Kemuliaan yang mereka capai itu adalah datang daripada kedudukan mereka sebagai *mawla* dan hamba rakyat dinasti (Bani Abbas).

Pendapat-pendapat selainnya adalah suatu yang tidak berasas dan tidak lebih daripada suatu khayalan yang tidak dapat diterima yang disarankan oleh jiwa-jiwa yang tidak terdidik dengan baik. Fakta-fakta tentang kewujudan adalah mendukung pernyataan yang kita lakukan.

15 Kemegahan itu paling eloknya adalah yang bertahan selama empat generasi di dalam satu-satu salasilah

Dunia yang mengandungi pelbagai elemen dan segala yang terdapat di dalamnya dan yang akan musnah. Bahan galian tumbuh-tumbuhan, dan semua binatang termasuk manusia, serta makhluk yang lain yang diciptakan yang terdapat di mayapada ini akan binasa, sebagaimana yang seseorang itu dapat lihat dengannya matanya sendiri. Hal yang sama berlaku pada benda-benda yang diciptakan, dan khususnya keadaan yang akan dialami oleh manusia. Ilmu pengetahuan berkembang dan kemudiannya mengalami kepupusan. Hal yang sama terjadi pada keahlian (*shina'ah.* Ar. *craft.* Ing.) dan hal-hal yang serupa dengannya.

Kemegahan itu adalah suatu yang berlaku secara tidak disengajakan pada diri manusia. Dan tidak dapat disangkal ialah ia muncul dan akan binasa. Tidak ada seorang insan pun yang dapat mengekalkan kemuliaan asal usulnya dari sejak Adam sehinggalah kepadanya. Hanya yang terkecuali ialah Nabi Muhammad, sebagai kebesaran yang dianugerahi kepadanya, dan sebagai langkah untuk memelihara sifatnya yang maksum.

Kebangsawanan itu wujud sebagai sesuatu keadaan yang berada di luarnya. Iaitu, di luar kepemimpinan dan kemuliaan dan berada di kedudukan yang merendahkan dirinya dan tidak ada rasa megah sama sekali. Ini bermakna bahawa setiap kemuliaan dan kemegahan adalah didahului oleh ketidakwujudan kemuliaan dan kemegahan sebagaimana halnya dengan setiap sesuatu yang diciptakan.

Ia akan mencapai penghujungnya di dalam sesuatu keluarga setelah melalui empat keturunan. Ia adalah seperti berikut: Orang yang membina keagungan keluarga itu tahu apakah harga yang mesti dibayarnya bagi melakukan kerja-kerja itu dan dia berusaha menjaga kualiti yang menyebabkan keagungannya itu serta mempertahankannya supaya ia terus kekal. Anaknya yang lahir setelah itu mempunyai hubungan peribadi dengan bapanya, dan dengan demikian mempelajari tentang kesemuanya itu daripada bapanya. Namun dalam hal ini, dia berada di bawah naungan bapanya, sebab seseorang yang mempelajari sesuatu hal melalui pembelajaran adalah lebih rendah kemampuannya daripada orang yang mengetahui semuanya itu melalui amalan secara praktikalnya. Generasi ketiga pula mestilah berpuas hati dengan peniruan dan, khususnya, lebih cenderung kepada tradisi taklid. Generasi ini ada lebih rendah kemampuannya daripada generasi yang kedua, sebab seseorang yang cenderung kepada taklid akan lebih rendah kemampuannya daripada orang yang menggunakan budi bicaranya sendiri (*ijtihad*. Ar. *independent judgment*. Ing.).

Generasi yang keempat, kemudiannya pula, ada lebih rendah daripada generasi yang telah mendahuluinya di dalam banyak hal. Generasi ini telah kehilangan sifat-sifat yang berupaya mengekalkan keteguhan keagungannya. Bahkan dia mencela sifat-sifat tersebut. Dia beranggapan bahawa keteguhan itu bukan didirikan melalui amalan dan usaha. Dia berpendapat hal tersebut merupakan sesuatu yang dibuat daripada rakyatnya sejak daripada mulanya berdasarkan hakikat keturunannya dan bukan pula yang diakibat-

kan oleh (usaha) suatu golongan atau (sifat-sifat) seseorang. Kerana dia melihat penghormatan yang diberikan oleh orang-orangnya tetapi dia tidak mengetahui bagaimana penghormatan itu bermula dan apabila yang menyebabkan ianya terjadi. Dia lantas berpendapat bahawa hal itu cuma diperoleh melalui keturunan sahaja dan tidak lebih daripada itu. Dia bertindak menjauhkan dirinya daripada orang-orang yang mana dia berkongsi perasaan kekitaan, dengan anggapan bahawa dirinya adalah lebih baik daripada mereka. Dia percaya bahawa (mereka akan mematuhinya, sebab) dia sudah terdidik untuk secara pastinya menerima kepatuhan mereka, dan dia tidak mengetahui sifat-sifat yang menjadikan kepatuhan itu harus ada. Sifat-sifat itu adalah seperti kerendahan hati ketika berhadapan dengan (orang-orang tersebut) dan menghormati perasaan mereka. Dengan demikian, dia menganggap mereka adalah hina, dan mereka sebaliknya membantahnya dan memandangnya bagaikan tidak punya harga diri. Mereka memindahkan kepemimpinan daripadanya dan daripada garis salasilahnya yang langsung kepada cabang-cabangnya yang lain yang ada hubungan, sejajar dengan semangat kekitaan mereka, setelah mereka meyakinkan diri mereka sendiri bahawa sifat-sifat (pemimpin yang baru) adalah memuaskan hati mereka. Keluarganya pun berkembang, sedangkan keluarga yang asal (pemimpin) menjadi binasa dan keteguhan (lembaganya) mengalami kemusnahannya.

Beginilah halnya sebagaimana yang terjadi pada raja-raja yang mempunyai kuasa. Ia juga suatu yang terjadi terhadap seluruh lembaga, suku-suku, amir-amir, dan siapa jua pun yang mengongsi perasaan seresam dan juga dengan lembaga penduduk-penduduk bandar. Apabila sesebuah lembaga itu menghadapi kemusnahannya, sebuah yang lainnya akan muncul di dalam golongan lain daripada keturunan yang sama.

Ketentuan setakat dapat bertahan selama empat generasi dalam soal kemegahan itu biasanya benar. Suatu yang boleh terjadi di mana sesuatu lembaga itu menghadapi kemusnahannya, lenyap dan runtuh kurang daripada empat, ia boleh berlangsung sehingga yang kelima ataupun kepada enam keturunan, meskipun berada di dalam kemunduran dan kehancuran. Generasi keempat dapat pula didefinisikan sebagai pembina, orang yang mempunyai perhubungan peribadi dengan pendirinya, mereka yang bergantung kepada taklid, dan yang menghancurkan.

Nabi Muhammad s.a.w. bersabda:

Putera bangsawan daripada anak seorang bapa yang bangsawan, daripada datuknya yang bangsawan dan moyangnya yang bangsawan. Yusuf, putera kepada Yakub, putera kepada Ishaq, putera kepada Ibrahim. Ini menandakan bahawa Yusof itu telah mencapai kemuncak kemuliaannya.

Di dalam kitab Taurat, ada bahagian yang menyebutkan:

"Allah, Tuhanmu yang berkuasa[6] dan iri hati, mewarisi dosa-dosa para bapa kepada anak-anak(nya) selama tiga dan generasi yang keempatnya."

Ini menunjukkan bahawa empat generasi adalah puncak daripada segi pertumbuhan kemegahan dalam garis salasilah. ...

16 Bangsa-bangsa yang liar adalah lebih berupaya memiliki kekuasaan daripada bangsa yang lainnya

Oleh sebab kehidupan di padang pasir merupakan sumber keberanian, kumpulan-kumpulan yang hidup secara liar adalah lebih berani jika dibandingkan golongan yang lainnya. Dengan demikian mereka adalah lebih mampu memiliki kekuasaan dan merampas segala sesuatu yang berada dalam genggaman bangsa lainnya. Keadaan seseorang dan sesuatu golongan di dalam kumpulan yang sama adalah berbeza, dalam hal ini ia sesuai dengan perubahan waktu. Bilamana mereka tinggal menetap di daerah-daerah yang subur muka buminya dan mengumpul kemewahan hidup dan sudah mula biasa dengan hidup yang makmur dan bersopan santun, keberanian mereka pun berkurangan sesuai dengan berkurangnya kadar keliaran dan tabiat buas mereka sewaktu hidup di padang pasir.

Ini dapat dibandingkan dengan binatang-binatang seperti kijang, kerbau liar dan keldai yang telah dijinakkan. Apabila binatang-binatang itu sudah tidak seliar dahulunya sebagai akibat daripada saling bertemu dengan manusia, dan apabila sudah hidup serba makmur, ketangkasan dan kekuasaannya pun melalui per-

---

6 De Slane memberikan hasil pemerhatiannya yang begitu berharga, bahawa tambahan "kuasa" di dalam *Keluarga* 20:5 hanya diketemukan di dalam *Vulgate* (terjemahan Injil dalam bahasa Latin), yang pasti merupakan sumber pokok pengambilan Ibn Khaldun (F. Rosenthal).

ubahan. Ini melibatkan juga pergerakan dan kecantikan kulitnya. Hal yang sedemikian boleh terjadi pada diri manusia-manusia yang hidup secara liar yang suka bergaul mesra dan berbaik sangka.

Sebabnya ialah bahawa kebiasaan hidup itu menentukan tabiat dan perwatakan. Kemantapan itu dapat dimiliki oleh sesuatu bangsa melalui kegigihan usaha dan keberanian. Semakin berakar umbinya golongan ini dengan kehidupan di padang pasir dan menjadi lebih liar lagi kumpulan itu semakin hampir pula untuk memiliki kemantapan daripada golongan yang lainnya sekiranya kedua-duanya golongan itu adalah hampir sama daripada segi bilangan, kekuatan dan perasaan keserumpunan.

Di dalam hubungan ini, seseorang itu bolehlah membandingkan antara golongan Mudhar dengan Himyar dan Kahian yang sebelum daripada mereka, yang melebihi daripada kedaulatan dan hidup yang serba mewah, dan juga dengan Rabi'ah yang tinggal di daerah subur negeri Iraq. Mudhar masih tetap dengan kebiasaan hidup di padang pasir sedangkan golongan lainnya telah menikmati hidup serba merah dan serba menyenangkan. Kehidupan di padang pasir itu lebih efektifnya mempersiapkan bangsa Mudhar itu untuk memperolehi kemantapan hidup. Bangsa Mudhar telah merampas dan menggunakan segala sesuatu yang dimiliki oleh kumpulan-kumpulan itu.

17 **Tujuan terakhir perasaan keserumpunan ialah kedaulatan**

Sebabnya ialah perasaan keserumpunan itu memberikan perlindungan dan memungkinkan perlindungan bersama, ketika membuat tuntutan, dan setiap aktiviti sosial yang lainnya. Didesak oleh suatu yang telah semula jadinya, setiap manusia itu menghendaki seseorang yang dapat berfungsi untuk mencegah, dan perantara di dalam setiap organisasi sosial, demi mengelakkan ahli-ahlinya daripada saling berbalah sesama sendiri. Pimpinan yang semacam itu haruslah menurut keperluannya, mempunyai kemantapan diri mengatasi diri yang lain-lainnya di dalam hal perasaan keserumpunan. Sekiranya dia tidak memilikinya, kuasa yang ada padanya tidak akan berkesan. Kemampuan yang sedemikian adalah kedaulatan berkuasa. Ia adalah lebih daripada kepemimpinan. Kepemimpinan bermakna menjadi seorang kepala suku, dan seorang ketua itu dipatuhi, tetapi ada kuasa untuk memaksa yang lain-lainnya itu menerima pentadbirannya. Kedaulatan berkuasa

bermaksud kemantapan dan kuasa untuk memerintah secara paksa.

Apabila seseorang itu yang mengongsi perasaan keserumpunan telah menjawat jawatan ketua suku dan memperolehi ketaatan dan apabila dia menemukan jalan ke arah kedaulatan dan menggunakan kuasanya, dia akan mengambil kesempatan daripadanya sebab sememangnya ia adalah sesuatu yang dikehendaki. Dia tidak akan mencapai (matlamatnya) kecuali dia dibantui oleh semangat keserumpunan yang menyebabkan orang lain itu tunduk patuh kepadanya. Dengan demikian, kedaulatan kerajaan adalah merupakan matlamat perasaan keserumpunan, sebagaimana yang seseorang dapat saksikan.

Meskipun sesuatu suku itu memiliki lembaga yang berbeza dan perasaan kekitaan yang pelbagai, masih harus ada satu perasaan kekitaan yang lebih kuat daripada seluruh perasaan kekitaan yang disatukan yang ternyata lebih mengatasi dan menjadikan yang lainnya mematuhinya. Perasaan kekitaan yang pelbagai itu seolah-olahnya menjadi satu perasaan kekitaan yang lebih besar. Jika tidak, akan terjadi perpecahan dan ini akan membawa kepada pertentangan dan persengketaan.

> "Seandainya Allah tidak menolak (keganasan) sebahagian manusia dengan sebahagian yang lain, pasti rosaklah bumi ini."[7]

Apabila perasaan kekitaan telah memantapkan kedaulatannya ke atas rakyat yang menjadi golongannya, ia akan, sesuai dengan keperluan semula jadinya, akan berusaha mendapatkan perasaan kekitaan daripada golongan yang mempunyai perasaan kekitaan yang tidak ada hubungannya dengan yang pertama tadi. Sekiranya perasaan kekitaan yang satu itu adalah sama dengan yang lainnya atau berupaya membantutkan (cabarannya), orang-orang yang bertelagah itu adalah setara dan sama setara satu dengan yang lainnya. Setiap perasaan kekitaan itu akan berusaha mengekalkan pengaruhnya di daerah dan terhadap masyarakatnya, sebagaimana halnya dengan suku-suku dan bangsa-bangsa di seluruh dunia.

Namun, sekiranya sesuatu perasaan kekitaan itu dapat

---

7 Al-Quran, surah 2 (al-Baqarah) ayat 251.

menguasai perasaan kekitaan yang lainnya dan menjadikannya patuh kepadanya, kedua-dua perasaan kekitaan itu akan bercampur-baur dengan akrabnya, dan perasaan kekitaan yang kalah akan menyumbangkan suatu kekuatan yang lainnya dan menjadikannya patuh kepadanya, kedua-dua perasaan kekitaan itu akan bercampur-baur dengan akrabnya, dan perasaan kekitaan yang kalah akan menyumbangkan suatu kekuatan tambahan kepada yang menang, yang mana, sebagai akibatnya, akan meletakkan matlamat supaya lebih berkuasa dan lebih mempengaruhi daripada apa yang dimilikinya sebelum itu. Dengan cara ini, ia berterusan sehinggalah kekuatan perasaan kekitaan tersebut sama dengan kekuatan kerajaan yang berkuasa. Akhirnya, apabila kerajaan yang berkuasa itu menampakkan kelemahannya dan tiada kedapatan tokoh-tokoh yang dapat mempertahankannya di kalangan mereka yang berkongsi perasaan kekitaan itu, perasaan kekitaan yang baru itu akan menerajui kuasa dan memansuhkan kuasa kerajaan yang sedang memerintah. Dan dengan demikian, memperolehi seluruh kedaulatannya.

Kekuatan sesuatu perasaan kekitaan itu mungkin sampai pada puncaknya ketika kerajaan yang berkuasa belum lagi menampakkan tanda-tanda kelemahannya. Peringkat ini mungkin bersesuaian dengan peringkat di mana kerajaan yang sedang berkuasa itu memerlukan bantuan rakyat jelatanya yang mewakili pelbagai perasaan kelompok demi untuk menguasai suasana. Dalam situasi sedemikian, kerajaan yang sedang berkuasa memasukkan mereka yang mengongsi perasaan kekitaan yang lebih kukuh, di kalangan orang yang menjadi mawlanya yang telah dipergunakan sebagai alat untuk melaksanakan pelbagai tujuan negara. Ini, dengan demikiannya, terbentuknya suatu kedaulatan yang baru, yang kurang berdaulat dibandingkan dengan kerajaan yang sedang memerintah. Hal sedemikian adalah sebagaimana yang terjadi terhadap orang-orang Turki yang berada di bawah kedaulatan Bani Abbas. Dan sebagaimana yang terjadi dengan orang-orang Sanhajah dan Zenatah yang berhubungan dengan orang-orang Kutamah, serta yang terjadi dengan Bani Hamdan yang berhubungan dengan raja-raja Syi'ah dari keluarga Alawi dan Bani Abbas.

Dengan demikian adalah nyata bahawa kedaulatan itu merupakan matlamat kepada perasaan kekitaan. Apabila ia telah mencapai matlamatnya sesuatu suku (yang mewakili perasaan kekitaan tersebut) akan mendapatkan kedaulatannya, sama ada se-

cara merampas kuasa ataupun melalui pemberian bantuan (kepada kerajaan yang sedang memerintah), sejajar dengan keadaan yang berlaku. Jika perasaan kekitaan tersebut menemui tentangan di dalam usaha mencapai apa yang menjadi tujuannya, ia akan terbantut di situ sahaja, sehinggalah Allah s.w.t. menentukan untung nasibnya.

> Allah s.w.t. memberikan kedaulatan-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya.

18 Rintangan-rintangan ke arah jalan mencapai kedaulatan adalah kemewahan dan tenggelamnya sesuatu suku itu ke dalam kehidupan yang serba mewah

Sebabnya ialah, apabila sesuatu suku itu telah memperolehi kekuasaan melalui bantuan perasaan seresam, ia akan menguasai kekayaan yang agak banyak dan mula berkongsi kenikmatan dan hidup serba senang itu dengan orang-orang yang telah memilikinya. Mereka sama-sama berkongsi di dalam hal itu menurut kadar kekuatannya dan kepentingannya terhadap kerajaan yang sedang menerajui pemerintah tersebut. Sekiranya kerajaan yang berkuasa itu berada dalam kedudukan yang kuat, sehingga tidak ada seorang pun yang terfikir untuk menggugat kekuasaannya atau berkongsi kuasa dengannya, suku berkenaan akan tunduk kepada kekuasaannya dan berasa puas dengan bahagian yang mereka nikmati daripada hasil kekayaan negara itu dan pendapatan cukai yang dia diizinkan untuk menikmatinya. Harapan-harapan mereka tidaklah membumbung lagi, seperti berfikir tentang hak istimewa kekuasaan atau cara-cara untuk memperolehi kedaulatan. Ahli-ahli sesuatu golongan itu akan hanya memikirkan kenikmatan daripada kemakmuran, keuntungan dan suatu kehidupan yang serba-serbi ada. Mereka berasa syukur, hidup selesa di bawah naungan kerajaan yang memerintah dan menteladani sikap sebagai orang bangsawan dalam hal membina bangunan dan berpakaian, suatu yang mereka tegaskan dan di mana mereka bersikap bermegah-megah, lebih banyak kemewahan dan kesenangan yang diperolehi, juga benda-benda lainnya yang termasuk ke dalam kemewahan dan serba-serbinya ada.

Sebagai akibatnya, kekerasan hidup di padang pasir mula lenyap. Perasaan keserumpunan dan keberanian menjadi semakin

lemah. Mereka bersenang-senang menikmati keselesaan hidup yang telah dianugerahi oleh Allah s.w.t. Putera-putera serta keturunan mereka dibesarkan dengan sikap bangga diri meskipun untuk menjaga diri hidup mereka sendiri atau berusaha memenuhi apa yang menjadi keperluan mereka sendiri. Mereka juga mengabaikan segala sesuatu yang diperlukan dalam hubungannya dengan perasaan kekitaan. Sehingga hal ini akhirnya menjadi suatu peribadi dan tingkah laku mereka yang semula jadinya. Perasaan seresam dan keberanian mereka menjadi semakin berkurang pada generasi-generasi sesudah mereka. Dan pada gilirannya, perasaan kekitaan seluruhnya menjadi lenyap sama sekali. Dengan demikian mereka mengundang kebinasaannya sendiri.

Semakin banyak kemewahan dan kenikmatan hidup yang dirasai, semakin dekatlah mereka itu dengan kehancuran, tidak pula disebutkan (kesempatan yang terlepas untuk mendapatkan) kedaulatan kerajaan. Segala sesuatu yang seiring dengan kemewahan dan tenggelam di dalam hidup yang serba ambil mudah dan merosakkan kecemerlangan perasaan kekitaan, yang secara tersendirinya melahirkan kemantapan. Apabila perasaan kekitaan itu menjadi binasa, suku kaum tersebut tidak akan mampu lagi mempertahankan diri sendirinya, apalagi mengajukan apa-apa tuntutan. Mereka akan dikuasai oleh bangsa-bangsa yang lainnya. Jelaslah bahawa kemewahan merupakan salah satu penghalang untuk mencapai kedaulatan.

> Allah memberikan kedaulatan-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya.

19 Bersikap 'pak turut' dan mengenggeh sahaja kepada orang lain sebagaimana yang mungkin terdapat pada sesuatu suku itu merupakan penghalang ke arah mencapai kedaulatan kerajaan

Sebabnya ialah 'menghidung dan mengenggeh' akan menghancurkan semangat perasaan kekitaan. Sekiranya masyarakat itu bersikap bagaikan seekor kerbau yang dicucuk hidungnya maka semangat kekitaan sudah tidak wujud lagi. Mereka tidak akan bersikap bagaikan seekor kerbau yang dicucuk hidungnya sehinggalah mereka itu tidak mampu untuk mempertahankan dirinya. Mereka yang sudah tidak mampu untuk mempertahankan dirinya sendiri akan menjadi lebih lemah untuk menentang serangan musuh-

musuh mereka dan tidak berupaya untuk mengajukan sebarang tuntutan.

Bangsa Israel adalah suatu contoh yang terbaik. Pada suatu ketika mereka telah diajak oleh Nabi Musa a.s. untuk berhijrah ke Syria dan menjadi raja-rajanya. Dia memberitahu mereka bahawa Allah s.w.t. telah mentakdirkan segala-galanya itu untuk mereka. Malangnya, mereka tidak berupaya menyahut seruan itu. Mereka berkata:

> "Sesungguhnya di dalam negeri itu ada orang-orang yang gagah perkasa, dan sekali-kali kami tidak akan memasukinya sebelum mereka telah beredar."[8]

Maksudnya, Allah s.w.t. yang bertindak mengusir mereka dari situ melalui kekuasaan-Nya, tanpa melakukannya melalui perasaan kekitaan sebagaimana yang harus ada pada diri kita, dan itu menjadi salah satu di antara mukjizat Nabi Musa. Dan ketika Musa terus mendesak, mereka tetap berkeras dan bertindak membantah dan menyatakan:

> "Pergilah sendiri dan bersama Tuhanmu, dan berperang!"[9]

Sudah berakar umbi di dalam diri mereka untuk bersikap terlalu lemah. Mereka tidak membuat apa-apa tentangan dan mengajukan sebarang tuntutan. Ayat tersebut harus ditafsirkan dalam pengertian yang sedemikian. Keadaan ini merupakan hasil daripada sikap taat dan kerelaan untuk berada di bawah naungan orang-orang Mesir yang mana telah diwarisi oleh bangsa Israel itu selama bertahun-tahun, dan yang akhirnya menumpaskan sama sekali perasaan kekitaan mereka. Sebagai tambahannya, mereka tidak mempercayai sama sekali betapa benarnya apa yang dikatakan oleh Musa kepada mereka bahawa Syria akan menjadi milik mereka, dan bahawa orang-orang Amalika yang berada di Jeriha akan menjadi mangsa mereka, berdasar ketetapan Allah s.w.t. yang dibuat dengan berpihak kepada mereka. Mereka tidak berupaya melakukan (apa yang diarah supaya dilakukan) dan mereka berasa begitu lemah untuk melakukannya. Mereka menyedari bahawa

---

8 Al-Quran, surah 5 (al-Ma'idah) ayat 22.
9 Al-Quran, surah 5 (al-Ma'idah) ayat 24.

mereka tidak berupaya untuk mengajukan sebarang tuntutan, kerana di dalam diri mereka sudah sebati perasaan rendah diri dan hina. Mereka mencurigai (kebenaran) cerita yang telah disampaikan oleh Nabi mereka serta perintah yang dia berikan kepada mereka. Kerana itu, Allah s.w.t. telah mendera mereka dengan mengekalkan mereka itu di Padang Pasir Tiih. Mereka terus hidup di Padang Pasir Tiih, sebuah padang mereka hidup tanpa ada perhubungan dengan peradaban ataupun menetap di sesuatu kota,[10] sebagaimana telah disebutkan di dalam al-Quran. Ini adalah disebabkan oleh kekerasan yang telah dilakukan oleh orang-orang Amalika di Syria dan orang-orang Qibti di Mesir terhadap mereka. Maka, mereka beranggapan bahawa mereka tidak akan mampu untuk menentangi mereka itu.

Daripada konteks dan pengertian ayat tersebut, jelaslah ia dimaksudkan kepada implikasi daripada suatu pelarian hidup beberapa waktunya di padang pasir, iaitu, hancurnya suatu generasi yang mana peribadinya telah terbentuk dan perasaan kekitaannya telah dihancurkan oleh penghinaan, tekanan dan kekuasaan yang mana mereka telah dapat melepaskan diri. Dan selanjutnya muncul di Padang Pasir Tiih itu suatu generasi lain yang lebih perkasa, yang tidak mengenal apa-apa hukum mahupun tekanan, dan tidak lagi mempunyai ciri-ciri 'terserah' sahaja. Dengan demikian, suatu generasi baru telah dapat dipupuk, dan yang membolehkan mereka mengajukan tuntutan dan untuk mendapatkan kewibawaan (kekuasaan). Ini menjelaskan bahawa masa 40 tahun itu merupakan suatu waktu yang paling singkat di mana sesuatu generasi itu boleh lenyap, dan suatu generasi yang baru boleh muncul.

Puji-pujian yang Maha Bijak, dan Yang Maha Mengetahui.

Ini merupakan bukti yang paling jelas tentang apa yang dimaksudkan dengan perasaan kekitaan. Perasaan kekitaan itu telah melahirkan kemampuan untuk mempertahankan diri seseorang untuk melindungi diri sendiri, dan untuk mengemukakan tuntutan seseorang. Sesiapa yang tidak memilikinya, dia pastinya tidak akan berdaya untuk melakukan semuanya itu.

Pengenaan cukai (*Gharamah*. Ar. *Impost* Ing.) dan cukai kepala (*Dharibah*. Ar.) adalah termasuk ke dalam pembicaraan

10 Al-Quran surah 4 (al-Ma'idah) ayat 26.

yang memaksakan kepatuhan kepada sesuatu suku.

Suku yang membayar pungutan-pungutan wang tidak akan melakukannya kecuali mereka rela untuk membayarnya. Wang kutipan dan cukai kepala merupakan tanda daripada penekanan dan kepatuhan yang mana jiwa yang mempunyai harga diri tidak akan dapat menerimanya, kecuali sekiranya beranggapan adalah lebih baik membayarnya daripada dihukum bunuh dan dibinasakan. Di dalam hal sedemikian, perasaan kekitaan (sesuatu kaum) itu adalah terlalu lemah untuk mempertahankan dirinya dan menjaga diri daripada diserang oleh musuh. Masyarakat yang mana perasaan kekitaannya tidak membolehkan dia mempertahankan dirinya daripada penganiayaan sudah tentunya tidak akan dapat melakukan apa-apa tentangan atau mengajukan barang tuntutan. Mereka sudah bersikap patuh sahaja dan bagaimana yang telah kita nyatakan dahulu, kepatuhan itu adalah sesuatu hambatan. Apabila sesuatu suku itu diharuskan membayar pelbagai cukai, kita tentunya tidak boleh mengharapkan suku itu akan memperolehi kedaulatannya sampai bila-bila pun. ...

20 Suatu tanda tentang kedaulatan ialah kesungguhan seseorang untuk memiliki sifat-sifat yang terpuji, dan begitu yang sebaliknya

Kedaulatan adalah sesuatu yang semula jadinya wujud pada diri manusia, ia disebabkan implikasi-implikasi sosialnya. Mengambil kira kecenderungan semula jadi dan kekuatan berfikir secara logisnya, manusia adalah lebih cenderung kepada sifat-sifat yang baik daripada sifat-sifat yang mungkar, sebab kejahatan yang ada di dalam dirinya merupakan akibat daripada adanya kekuatan-kekuatan kebinatangan (*animal powers*. Ing.) di dalam dirinya, dan sebagaimana dirinya sebagai seorang manusia, dia lebih cenderung kepada melakukan kebajikan dan memperlihatkan sifat-sifat yang terpuji. Kemudian, kedaulatan dan kekuasaan politik muncul pada diri manusia sebagai seorang (*qua*) manusia, kerana ianya merupakan khusus terdapat pada manusia dan tidak terdapat pada binatang. Dengan demikian, sifat-sifat murni yang ada pada manusia itu adalah yang sejajar dengan kedaulatan dan kekuasaan politik, kerana kebaikan itu adalah sesuatu yang sejajar untuk kekuasaan politik.

Telah kami nyatakan bahawa kegemilangan itu mempunyai

dasar di mana ianya dibina dan melaluinya ia mendapatkan hakikatnya: perasaan kekitaan dan kumpulan kesukuan.

Kegemilangan juga bergantung kepada suatu perincian yang melengkapkan dan menyempurnakan kewujudannya: kualiti-kualiti (pada diri seseorang). Kedaulatan adalah suatu matlamat perasaan kekitaan. Dengan demikian, ia adalah sepertimana suatu matlamat melengkapi perincian, iaitu kualiti-kualiti peribadi. Wujudnya kuasa (kedaulatan) tanpa perincian-perincian yang menyempurnakannya adalah laksana hadirnya seorang insan dengan anggota tubuhnya yang terpotong, atau seperti berkeadaan telanjang bulat di khalayak ramai.

Kewujudan perasaan kekitaan tanpa mengamalkan sifat-sifat yang terpuji hanyalah suatu kekurangan pada orang-orang yang memiliki Lembaga dan kemegahan. Tambahannya ia akan menjadi sebagai suatu kekurangan pada orang-orang yang telah memiliki kedaulatan, suatu kemungkinan terbesar dari segi keagungan dan kemegahan.

Tambahan pula kekuasaan politik dan kedaulatan adalah suatu jaminan Tuhan untuk umat manusia dan merupakan wakil Tuhan di kalangan manusia untuk melaksanakan hukum-hukum-Nya. Dan hukum-hukum Allah s.w.t. yang diperkenalkan kepada hamba-hamba-Nya kesemuanya adalah untuk kebaikan dan kepentingan-kepentingannya. Hal ini dibuktikan oleh syariat-syariat agama. Daripada sudut yang lain pula, hukum-hukum yang kurang baik adalah disebabkan oleh kebodohan dan datangnya daripada syaitan, suatu yang bertentangan dengan takdir dan kekuasaan Tuhan. Dia telah menciptakan baik dan buruk serta menetapkannya, kerana tidak ada yang boleh melakukannya kecuali Dia.

Mereka yang telah memperolehi perasaan kekitaan dijamin kekuasaan Tuhan, dan mereka yang terkenal kerana bersifat mulia yang sesuai untuk melaksanakan hukum-hukum Allah s.w.t. berhubung dengan makhluk ciptaan-Nya, bersedia untuk bertugas sebagai *khalifah* Allah dan pelindung umat manusia. Dia memiliki kelayakan untuk itu. Bukti ini adalah lebih berguna dan kukuh daripada yang pertama.

Ia dengan demikian menjadi jelas bahawa sifat-sifat yang baik membuktikan (potensi) wujudnya kedaulatan pada orang yang memiliki perasaan kekitaan. Apabila kita dapat menyaksikan orang-orang yang memiliki perasaan kekitaan dan telah dapat

menakluki banyak daerah dan bangsa-bangsa, kita dapati pada diri mereka suatu keinginan yang sungguh-sungguh untuk melakukan kebajikan dan berhemah tinggi, seperti bermurah hati, memberi maaf terhadap kesalahan, bertolak ansur terhadap orang yang lemah, hormat kepada tetamu, membantu mereka yang memerlukan bantuan, menyara orang yang kurang berada, sabar apabila ditimpa sesuatu yang tidak diingini, taat dalam melakukan kewajipannya, sanggup menggunakan kekayaannya untuk memelihara kehormatan, menyanjung tinggi syariat agama dan memuliakan para ulama yang mempelajarinya, mengerjakan apa yang disuruh atau meninggalkan apa yang dilarang oleh para ulama, taat dan menghormati tokoh-tokoh agama dan sentiasa memohon doa mereka, menghormati orang-orang tua dan para guru, mengakui kebenaran mereka yang mengajak kepada jalan yang benar, adil mengurusi dan mengambil berat terhadap mereka yang tidak berdaya untuk mengurusi diri mereka sendiri, bersikap rendah diri terhadap orang yang miskin, bersedia untuk mendengar keluh-kesah orang yang memerlukan bantuan, melaksanakan tugas sebagaimana di dalam syariat agama dan beribadah dalam segala halnya, menjauhkan diri daripada melakukan penipuan, licik, berbohong, dan mengabaikan tanggungjawab serta lain-lain yang seumpamanya. Dengan demikian, kita mengetahui bahawa kesemuanya itu adalah sifat-sifat seorang pemimpin di mana (orang-orang yang layak memiliki kedaulatan), telah memilikinya dan ianya telah melayakkan mereka menjadi pemimpin kepada orang-orang yang berada di bawah naungan mereka, atau menjadi pemimpin secara umumnya. Ini merupakan suatu kebaikan yang telah Allah s.w.t. anugerahi kepada mereka, sesuai dengan semangat kekitaan dan kekuasaan mereka. [*Hal itu bukan tidak ada ertinya bagi dan dari mereka. Kedaulatan merupakan martabat dan kebajikan yang paling sesuai dengan perasaan kekitaan mereka. Dengan demikian kita tahu bahawa Allah s.w.t. telah memberi izin kepada mereka untuk memperoleh kedaulatan dan memberikannya kepada mereka].

Sebaliknya, apabila Allah menghendaki hancurnya suatu kedaulatan daripada sesuatu umat, Allah mendatangkan sebab yang mendorong mereka ke arah melakukan pekerjaan yang keji dan melakukan pelbagai perkara mungkar. Ini akan membawa kepada kehancuran seluruhnya kemurniaan mereka, yang akan terus-menerus hancur hinggalah mereka tidak lagi menikmati kedaulatan itu. Kemudian orang lain datang menggantikan

mereka. Ini bertujuan untuk mendera mereka, di mana kedaulatan yang telah dianugerahi oleh Allah s.w.t. kepada mereka serta nikmat yang telah mereka kecapi diambil kembali daripada mereka. Daripada suatu penelitian, banyak kisah-kisah seumpama itu ditemui di kalangan bangsa-bangsa di zaman silam.

> "Dan jika Kami hendak membinasakan sesuatu negeri, maka Kami perintahkan kepada orang-orang yang hidup mewah di negeri itu (supaya mentaati Allah) tetapi mereka melakukan kederhakaan dalam negeri itu, maka sudah sebaiknya berlaku terhadap perkataan (ketentuan Kami) kemudian Kami hancurkan negeri itu sehancur-hancurnya."[11] Dan Allah menciptakan apa yang Dia kehendaki dan memilihkan.

Suatu yang harus diketahui ialah bahawa suatu sifat yang perlu ke arah kesempurnaan, yang mana suku-suku yang memiliki perasaan kekitaan beriya-iya benar mahu menyemainya dan menjadi bukti kepada (hak) mereka terhadap kedaulatan, ialah: hormat kepada para ulama, orang-orang salih, orang-orang dihormati (saudara-mara Nabi) orang-orang yang berdarjat, dan pelbagai golongan pedagang dan orang asing, serta kebolehan meletakkan setiap orang kepada kedudukannya yang sesuai. Rasa hormat yang ditunjukkan oleh orang-orang yang menguasai perasaan kekitaan serta keluarga, terhadap orang-orang yang memiliki kemuliaan yang setara kedudukan kesukuannya, perasaan kekitaan, dan kedudukan, adalah suatu hal yang semula jadi. Kebanyakan hal itu adalah disebabkan oleh cita-cita untuk berkedudukan, atau didorong oleh perasaan takut terhadap seseorang yang mana sanjungan itu diberikan, atau demi mengharapkan perlakuan-perlakuan timbal baliknya.

Walaupun demikian, dalam hal terhadap orang-orang yang tidak memiliki perasaan kekitaan yang boleh membuat mereka itu ditakuti, dan tidak pula berkedudukan (untuk menganugerahi) seseorang harap-harapkan, tidak ada sebarang keraguan tentang mengapa mereka itu dimuliakan, dan menjadi agak jelas apa yang seseorang inginkan melalui mereka, seperti kegemilangan, menyempurnakan sifat-sifat peribadi, dan kemajuan sepenuhnya ke arah kepemimpinan politiknya. Menghormati saingan seseorang

---

11 Al-Quran surah 17 (al-Isra') ayat 16.

dan yang sedarjat harus wujud dalam hubungannya dengan kepemimpinan politik yang khusus yang melibatkan sesuatu suku dan saingan-saingannya (dan orang-orang yang sedarjat). Menghormati suatu kecemerlangan dan khususnya orang-orang yang layak bermakna penyempurnaan di dalam kepemimpinan politik secara umumnya. Orang-orang yang beramal salih dengan demikian dihormati kerana agamanya, para ulama, disebabkan mereka diperlukan untuk menetapkan ketentuan syariat agama; para pedagang, untuk memberi dorongan (terhadap kerjaya mereka), supaya manfaat itu sedapat mungkin disebarkan. Orang-orang yang tidak dikenali dihormati kerana rasa bermurah hati demi untuk mengajak mereka turut terlibat mengerjakan aktiviti yang tertentu. Menugaskan seseorang menurut kemampuannya adalah semata-mata untuk berlaku adil, dan dengan pertimbangan yang wajar bermakna adanya keadilan. Apabila mereka yang memiliki perasaan kekitaan telah memilikinya, seseorang itu akan tahu bahawa mereka telah bersedia untuk melibatkan diri sebagai pemimpin politik secara umumnya, yang bererti kedaulatan kuasa. Allah s.w.t. telah mengizinkan (pemimpin politik) hadir di kalangan mereka, sebab tanda-tanda (kepemimpinan politik itu) sudah terdapat di kalangan mereka. Oleh itu, suatu yang pertama dilenyapkan daripada sesuatu suku – yang mengamalkan kedaulatan kuasa – apabila Allah s.w.t. tidak menganugerahi ahli-ahlinya kedaulatan dan kekuasaan kerajaan mereka – ialah perasaan hormat terhadap orang-orang yang sedemikiannya. Apabila sesuatu bangsa itu telah kehilangannya, dapatlah difahami bahawa kemuliaannya mulai lenyap dan dapat diduga bahawa kedaulatan akan luput daripada mereka.

> "Dan apabila Allah menghendaki keburukan bagi sesuatu kaum, tak ada tempat berlari dari itu."[12]

> Dan Allah s.w.t. lebih mengetahui.

21 Apabila sesuatu bangsa itu hidup secara tidak bertamadun, kedaulatannya akan tambah merebak

Sebabnya ialah kerana bangsa yang sedemikian adalah lebih

12 Al-Quran surah 13 (ar-Ra'du) ayat 11.

mampu memperolehi kekuasaan dan mengadakan pengawasan secara menyeluruh dan menakluki golongan yang lainnya. Anggota-anggota daripada bangsa tersebut mempunyai kekuatan untuk memerangi bangsa lain, dan mereka adalah di kalangan manusia sebagai binatang buas di antara binatang yang boleh dijadikan mangsanya. Mereka adalah, sebagai contohnya orang-orang Badwi dan Zanatah, serta kumpulan yang serupa, yakni, bangsa Kurdi, orang-orang Turkoman, dan orang-orang Sanhajah yang masih berselubung.

Tambahan pula, orang-orang yang tidak bertamadun ini tidak mempunyai tanah air yang dapat mereka jadikan sebagai tempat penghidupan (sebagai kawasan rumput), dan mereka pun tidak mempunyai tempat untuk dikunjungi kembali. Semua daerah dan tempat adalah sama sahaja kepada mereka. Oleh itu, mereka tidak mengehadkan diri dengan menguasai daerah mereka sahaja dan daerah yang berjiran dengannya. Mereka tidak mengehadkan pergerakan pada daerah yang menjadi sempadan mereka. Mereka menceroboh daerah yang jauh dan menguasai bangsa-bangsa yang lainnya. ...

[* Saksikanlah cerita tentang Khalifah Umar r.a. ketika beliau di*baiat* dan kemudian mengirimkan tenteranya ke Iraq. Pidatonya kepada mereka:

> "Di Hijaz kalian tidak memiliki rumah selain kawasan rumput. Mana penganut yang tidak percaya pada ketetapan Allah? Berjalanlah di tanah yang Allah janjikan untuk kalian di dalam *al-kitab*, pasti kalian akan dapat memilikinya."
>
> Katanya pula: "Untuk dimenangkan-Nya atas segala agama, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukai."[13]

Demikianlah perihal bangsa-bangsa yang hidup liar. Oleh sebab itulah kedaulatan mereka amat luas, dan daerah kekuasaannya sangat jauh daripada pusatnya.

> "Dan Allah s.w.t. menetapkan malam dan siang."[14] Dialah Satu-satunya Yang Maha Kuasa, tidak ada syarikat bagi-Nya.

---

13 Al-Quran surah 9 (At-Taubah) ayat 33.
14 Al-Quran surah 73 (al-Muzammil) ayat 20.

22 Selagi sesuatu bangsa itu masih mengutuhkan perasaan kekitaan, kedaulatan yang pupus daripada salah satu cabangnya, pasti menurut keperluannya, akan berpindah kepada cabang yang lain daripada bangsa yang sama

Sebab berlakunya yang sedemikian ialah bahawa (anggota-anggota daripada bangsa tertentu itu) memperolehi kedaulatan hanya setelah (mereka membuktikan) kekuatan mereka dan menjadikan bangsa lain tunduk kepada mereka. Hanya (segelintir) di antara mereka yang dilantik menjadi penguasa-penguasa yang sebenarnya dan dihubungkan secara langsungnya dengan singgahsana kedaulatan. Ia tidak boleh diduduki oleh mereka semuanya, sebab di sana tidak akan ada ruang yang cukup untuk membolehkan mereka bersaing dan kerana adanya perasaan cemburu (*Ghirah.* Ar.) telah membantutkan keinginan mereka untuk menjawat kedudukan yang tinggi itu.

Mereka yang dipilih untuk menjadi orang-orang besar kerajaan telah tenggelam dalam suatu kehidupan serba mewah dan kesenangan yang serba ada. Mereka yang menerajui kuasa telah bertindak menjadikan rakan-taulan dan rakan sebaya sebagai orang suruhan serta memperkudakan mereka untuk melaksanakan pelbagai hasrat dan kegiatan-kegiatan negara. Mereka yang berada di luar pemerintahan dan dihalang daripada ikut terlibat dalam urusan pemerintahan adalah tetap terbiar daripada menikmati keselesaan-keselesaan itu. Mereka hanya terlibat berdasarkan keturunan mereka sahaja; mereka tidak terlibat dengan pelbagai salah guna kuasa, sebab mereka adalah terpisah daripada menikmati suatu kehidupan yang serba mewah dan sesuatu yang menghasilkan kemewahan.

Waktu akhirnya menjadi penentu kepada golongan yang asal tadi (yang berkuasa). Kekuasaan mereka mula lenyap disebabkan oleh penyalahgunaan kuasa. Tugas-tugas terhadap negara telah banyak menghabiskan tenaga mereka. Waktu terus melekakan mereka, tenaga mereka telah dihakiskan oleh kesenangan dan kekuatan mereka telah dikeringkan oleh kebiasaan hidup bermewah-mewah. Mereka telah tiba kepada batasannya, suatu pembatasan yang telah ditentukan oleh pembandaran manusia (*Tamaddun Insani.* Ar.) secara semula jadinya dan kekuasaan politik. Pada ketika itu, perasaan kekitaan kumpulan yang lainnya (di dalam bangsa yang sama) telah menjadi begitu kuat. Kekuatan mereka

tidak dapat dihancurkan. Lambang mereka dikenali sebagai memastikan suatu kemenangan. Akibatnya, hasrat mereka untuk mendapatkan kedaulatan adalah begitu tinggi, yang mana selama ini mereka telah ditundukkan beberapa waktunya oleh suatu kuasa di dalam golongan mereka. Kemantapan mereka diperakui dan, dengan demikian, tidak ada seorang pun yang berani mencabar kedaulatan mereka. Mereka telah merampas teraju pemerintahan. Mereka dengan demikian mempunyai pengalaman yang serupa (sebagaimana orang yang terdahulu) oleh golongan yang lainnya di dalam bangsa itu yang mengasingkan diri daripada mengambil bahagian dalam pemerintahan. Kedaulatan terus dilanjutkan oleh bangsa tertentu tadi sehinggalah kekuatan daripada perasaan kekitaan mereka itu dihancurkan dan musnah, atau sehingga seluruh yang berada di dalam golongannya pupus. Demikianlah ketetapan Allah s.w.t. berhubung dengan kehidupan di dunia ini.

> "Dan akhirat itu berada di sisi Tuhanmu diperuntukkan kepada orang-orang yang takwa."

Hal ini dapat digambarkan melalui apa yang terjadi terhadap beberapa bangsa. Ketika kedaulatan kaum Azd dihancurkan, saudara-saudara mereka, kaum Tsamud, menggantikan mereka. Mereka pula digantikan oleh orang-orang Amalika; dan orang-orang Amalika digantikan pula oleh bangsa Himyar; bangsa Himyar digantikan oleh orang-orang Tubba yang termasuk kepada suku Himyar. Dan mereka pun digantikan oleh Adzwa. Kemudian kedaulatan itu berpindah ke tangan puak Mudhar.

Hal yang sama terjadi kepada bangsa Parsi. Ketika kerajaan Kayani dihancurkan, orang-orang Sassan pula menggantikan mereka. Hinggalah Allah s.w.t. menghendaki kehancuran mereka oleh orang-orang Muslim.

Hal yang sama juga terjadi pada bangsa Yunani. Kekuasaan mereka dihancurkan dan digantikan oleh Romawi. Demikianlah ketetapan Allah s.w.t. terhadap hamba-hamba-Nya dan segala makhluk ciptaan-Nya.

Kesemuanya itu mempunyai asal-usulnya daripada perasaan kekitaan, yang berbeza-beza di dalam golongan yang berbeza. Kemewahan itu telah merosakkan kedaulatan dan menggulingkannya. Apabila sesebuah kerajaan itu dimansuhkan kuasa diambil daripada kerajaan itu oleh mereka yang mengongsi perasaan

seresam di dalam kumpulan yang telah mantap, kerana ianya diperaku bahawa orang-orang itu tunduk dan bertaut setia kepada perasaan kekitaan yang telah mapan dan kerana mereka telah biasa terhadap hakikat bahawa mempunyai kekuasaan terhadap perasaan kumpulan yang lainnya. Perasaan seresam yang sama sekarang ini, wujud di kalangan mereka yang sedarjat (kepada kerajaan yang ditundukkan) kerana perasaan sekumpulan adalah nisbah kepada darjah perhubungan itu. Akhirnya terjadi suatu perubahan yang besar di dunia ini, seperti transformasi sesuatu agama, atau lenyapnya peradaban, atau hal-hal lain yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. Kemudian, kedaulatan itu dipindahkan daripada suatu golongan kepada yang lainnya – kepada golongan yang dikehendaki oleh Allah untuk melakukan perubahan tersebut.

23 Yang ditaklui selalunya mahu meniru yang menang dalam hal perilaku, caranya berpakaian, pekerjaannya dan pelbagai keadaan dan adat resam

Sebabnya ialah kerana jiwa selalunya melihat kesempurnaan pada diri orang yang berupaya menakluki jiwa itu dan kepada orang yang menjadi tempatnya bernaung. Dia melihat tokoh berkenaan sebagai sempurna, sama ada disebabkan jiwa itu dipengaruhi oleh rasa hormat terhadapnya, atau kerana jiwa itu silap dalam mengandaikan bahawa perasaan patuh kepada orang tersebut bukanlah disebabkan oleh kekalahan tetapi kerana kesempurnaan yang menakluki itu. Sekiranya andaian yang salah itu telah bersebati di dalam jiwa, maka ia akan membentuk suatu keyakinan yang kukuh. Jiwa itu kemudiannya akan menerima seluruh perilaku dan tindak-tanduk orang yang menang dan mengasimilasikan diri dengannya. Inilah yang dimaksudkan dengan suatu peniruan.

Atau, jiwa tadi melihat bahawa kekuasaan orang yang menakluki itu bukanlah disebabkan oleh perasaan kekitaan atau suatu kekuatan yang besar, tetapi oleh kebiasaan dan perilakunya. Ini juga merupakan suatu konsep tentang kemantapan yang salah, dan (akibatnya) adalah sama sepertimana yang terdahulu tadi.

Dengan demikian, orang yang ditakluki sering dilihat membiasakan dirinya dengan orang yang jadi juara dalam hal menggunakan stail berpakaian, menunggangi dan persenjataan. Malah, dalam banyak hal.

Dalam hubungan ini, seseorang bolehlah membandingkan bagaimana anak-anak yang selalu meniru perilaku ayah mereka. Mereka melakukannya kerana mereka melihat ada kesempurnaan pada diri si bapa tadi. Seseorang boleh juga membandingkan bagaimana kebanyakan orang hampir di serata tempat telah dipengaruhi (dari segi fesyen) oleh pakaian pihak pejuang dan tentera kerajaan, sebab mereka adalah diperintah oleh mereka.

Suatu hal yang lebih jauh bahawa sesuatu bangsa yang telah dikuasai oleh bangsa yang lain, bangsa yang berjiran akan memperlihatkan suatu penerimaan dan peniruan yang amat ketara sekali. Pada masa ini, hal itu adalah berlaku di Andalus. Orang-orang Sepanyol didapati cuba membiasakan diri mereka dengan perilaku orang-orang Galisia dalam hal berpakaian, pemilihan lambang-lambang, dan sebahagian besar adat kebiasaan dan keadaan. Bahkan mereka juga telah melukiskan gambar-gambar di dinding-dinding, dan di bangunan-bangunan. Seorang peneliti yang peka akan membuat suatu kesimpulan daripadanya bahawa ia merupakan satu tanda dikuasai oleh yang lainnya.

Berdasarkan pertimbangan ini, seseorang harus memahami apa yang menjadi rahsia suatu pernyataan "Orang kebanyakan akan mengikuti agama rajanya." Kata-kata ini adalah termasuk kepada perkara yang menjadi pembicaraan ini. Seseorang raja itu menguasai orang-orang yang berada di bawahnya. Rakyat jelata bertindak menirunya, kerana mereka melihat ada kesempurnaan pada dirinya, setepat, sebagaimana anak-anak yang meniru tingkah laku ibu bapa mereka, dan para pelajar yang meneladani guru-guru mereka.

Allah itu Maha Bijaksana dan Yang Maha Mengetahui.

24 Suatu bangsa yang telah dikalahkan dan berada di bawah kekuasaan bangsa yang lainnya akan cepat lenyap

Sebabnya ialah kerana adanya sikap tidak peduli di dalam diri seseorang apabila mereka tidak lagi berupaya menguasai tindak-tanduk mereka sendiri dan, kerana diperhambakan, menjadi alat kepada orang lain dan terlalu bergantung padanya. Harapan itu menjadi susut dan lemah. Dan kemudian, perkembangan serta peningkatan peradaban (penduduk) berlaku hanya sebagai hasil daripada suatu harapan yang besar dan hasil daripada tenaga yang timbul daripada harapan itu di dalam kekuatan-kekuatan kebina-

tangan (manusia). Apabila harapan dan segala sesuatu yang menjadi pendorong lenyap melalui sikap tidak peduli (apathy), dan apabila perasaan kekitaan telah hilang di bawah tekanan penaklukan, peradaban menjadi berkurangan dan urusan serta segala usaha lainnya akan terhenti. Dengan kekuatan yang menjadi semakin kurang oleh tekanan kekalahan, mereka menjadi semakin tidak lagi mampu untuk mempertahankan diri mereka sendiri. Mereka menjadi mangsa kepada setiap orang yang berusaha menguasai mereka dan habuan kepada sesiapa sahaja yang bernafsu. Tidak kelihatan apa-apa bezanya apakah mereka sudah mencapai puncak kedaulatan ataukah tidak.

Di sini, kita kemungkinannya sudah memperolehi suatu rahsia lain, yakni, bahawa manusia itu adalah pemimpin berdasar hakikat yang murni bahawa dia telah dijadikan sebagai "wakil Allah s.w.t. di atas muka bumi ini". Apabila seseorang pemimpin itu dimansuhkan hak kepemimpinannya dan dihalang daripada menggunakan bidang kuasanya, dia akan menjadi seseorang yang tidak ambil hirau, hinggakan kepada soal makan dan minuman. Ini merupakan watak yang terdapat di dalam diri seorang manusia. Penelitian yang sama boleh dilakukan terhadap binatang-binatang buas. Binatang-binatang tersebut tidak akan berpasangan apabila berada di dalam peliharaan manusia. Kumpulan yang tidak lagi menguasai kebebasannya seterusnya akan menjadi lemah dan tiada keutuhan hinggalah ia menjadi lenyap sama sekali.

Yang kekal hanyalah Allah s.w.t. sahaja.

Ini dapat digambarkan melalui bangsa Parsi. Pada masa dahulu orang-orang Parsi telah menduduki dunia ini dalam jumlah yang besar. Apabila kekuatan ketenteraan mereka dibinasakan oleh orang-orang Arab, mereka masih ramai lagi. Dikatakan bahawa Saad bin Abi Waqqas telah menghitung jumlah penduduk yang ada di daerah yang di luar Ctesiphon. Ia berjumlah seramai 137 000 orang, termasuk 37 000 yang menjadi kepala keluarga itu. Tetapi apabila mereka berada di bawah kekuasaan orang-orang Arab dan ditundukkan, orang-orang Parsi dapat bertahan untuk tempoh beberapa waktu sahaja dan telah dilenyapkan seolah-olah mereka tidak pernah wujud sama sekali. Suatu yang seseorang harus terfikir ialah bahawa ia adalah disebabkan oleh penganiayaan atau kezaliman yang dilakukan ke atas mereka. Peraturan Islam adalah dikenali kerana keadilannya. Perpecahan yang

sedemikian adalah suatu yang lumrah pada setiap manusia. Ianya terjadi apabila manusia itu sudah tidak lagi dapat mengendalikan urusan-urusannya dan menjadi alat kepada orang lain.

Dengan demikian, bangsa Negro, adalah sebagaimana menurut peraturannya, bersikap lebih rela dijadikan abdi, kerana (orang-orang Negro) memiliki sedikit (daripada apa yang diperlukan) sebagai seorang manusia dan memiliki ciri-ciri yang seakan-akan sama dengan binatang-binatang yang bodoh, sepertimana yang kami nyatakan.

25 **Orang-orang Badwi boleh menguasai di daerah yang datar**

Mengambil pertimbangan peribadi mereka yang liar, orang-orang Badwi adalah orang yang menjarah dan menyebabkan banyak kerosakan. Mereka merampas apa sahaja yang dapat dirampas tanpa perlu menentang ataupun mendedahkan diri mereka kepada bahaya. Mereka kemudiannya akan berundur ke kawasan rumput di tengah-tengah padang pasir. Mereka tidak pernah menyerang atau menentang kecuali demi mempertahankan diri sahaja. Setiap tempat yang kelihatan payah atau sukar untuk diserang, akan ditinggalkan begitu sahaja dan berusaha mencari mana-mana sasaran yang lebih mudah. Kaum yang dibentengi oleh gunung-ganang yang sukar dilalui akan terselamat daripada ancaman dan kehancuran. Orang-orang Badwi tidak akan melintas bukit-bukau, atau terpaksa menempuh kesukaran dan bahaya semata-mata untuk menentangi mereka.

Daerah-daerah yang datar, dalam kata lainnya, adalah tempat yang menjadi sasaran mereka untuk melakukan rompakan dan sering menjadi mangsa apabila mereka berkesempatan untuk melakukannya. Apabila tidak kelihatan pasukan pertahanan yang menjaganya, atau ketika negara di dalam keadaan yang lemah. Mereka kemudiannya akan menyerang, menyamun dan menyerang daerah tersebut berulang-ulang kali, sebab ianya mudah dicerobohi) bagi mereka. Akhirnya, para penduduknya terpaksa tunduk kepada mereka dan selanjutnya dikotak-katikkan sesuai dengan peralihan kuasa dan perubahan pucuk pimpinan. Akibatnya, peradaban mereka dilenyapkan sama sekali.

> Allah itu berkuasa ke atas setiap ciptaan-Nya. Dialah satu-satunya yang Maha Berkuasa, tiada Tuhan melainkan Allah.

26 Tempat-tempat yang dikalahkan oleh orang-orang Badwi akan cepat hancur

Sebab terjadinya yang sedemikian ialah orang Badwi adalah suatu bangsa yang ganas, yang telah biasa dengan kehidupan yang buas dan perkara yang menyebabkannya. Kebuasan telah menjadi sifat dan peribadi mereka. Mereka menyukainya kerana ini bermakna mereka bebas daripada kekangan pihak berkuasa dan tidak perlu tunduk kepada seorang pemimpin. Tabii yang sedemikian adalah suatu penafian dan yang sebaliknya daripada suatu peradaban. Seluruh aktiviti biasa orang Badwi terdorong kepada hidup mengembara dan sentiasa bergerak dari suatu tempat ke tempat yang lain. Ini adalah suatu yang bertentangan dan penafian perlunya hidup secara tetap, yang melahirkan suatu peradaban. Sebagai contoh, mereka memerlukan batu-batan untuk membuat tungku periuk. Maka mereka mengambilnya daripada bangunan-bangunan yang telah mereka runtuhkan, dan dijadikannya sebagai tungku untuk menanak. Kayu-kayan juga diperlukan untuk menyangga khemah, dan sebagai tiang-tiang membina tempat tinggal mereka. Maka, mereka telah merobohkan bumbung-bumbung rumah untuk mendapatkan kayu-kayu itu. Suatu tabiat kewujudan mereka ialah tidak menghiraukan pembinaan bangunan-bangunan yang merupakan asas kepada adanya suatu peradaban. Demikianlah perihal tentang mereka secara umumnya.

Tambahan pula adalah tabii mereka untuk menyamun apa sahaja yang menjadi milik orang lain. Rezeki mereka itu berada di mana sahaja yang difikirkan. Mereka tidak mengenal batasan sewaktu mengambil apa yang menjadi hak milik orang lain. Apa sahaja yang berkenan di mata, sama ada harta, alat perabot atau perkakas, akan ambil sahaja. Apabila mereka sudah berkuasa dan berdaulat, mereka menjarah sesuka hati sahaja. Tiada lagi kuasa politik untuk menjaga harta benda itu, dan akhirnya peradaban itu pun hancur menemui kesannya.

Tambahan pula mereka menggunakan kuasa untuk memaksa tukang-tukang dan pekerja profesional melakukan pekerjaan mereka. Mereka tidak pula menghargai usaha-usaha itu dan tidak membayar upah yang sewajarnya. Pada masa ini, tenaga buruh adalah asas sebenar untuk keuntungan. Apabila pekerja tidak dihargai dan dilakukan tanpa dengan upahnya, hasrat untuk memperolehi laba pun hilang, dan tidak menghasilkan suatu mutu

kerja yang baik. Penduduk yang tinggal secara tetap pun membawa diri dan peradaban itu pun hancur.

Selanjutnya, orang-orang Badwi adalah tidak mematuhi peraturan, atau mencegah orang daripada berbuat kejahatan atau melindungi mereka yang teraniaya. Mereka hanya berminat untuk mendapatkan harta orang secara paksa dan cukai. Apabila mereka telah mendapatkan apa yang dihajati, mereka tidak berniat dengan sesuatu yang selanjutnya, seperti bersikap mengambil tahu kebajikan orang lain, mengambil perhatian apa yang mereka usahakan atau mencegah mereka daripada melakukan perkara-perkara yang mungkar. Mereka sering mengenakan denda ke atas hak milik, sebabnya ialah mereka ingin mendapatkan beberapa faedah, sedikit cukai atau keuntungan daripadanya. Inilah amalan mereka. Kebiasaan itu tidak mencegah berlakunya kemungkaran, atau menghalang orang lain daripada melakukan keburukan. Bahkan, ia menggalakkan lagi perilaku yang buruk, sebab dibandingkan dengan cara mendapatkan apa yang seseorang ingin kerugian daripada segi kewangan melalui denda-denda itu adalah sangat kecil sekali.

Di bawah pemerintahan orang-orang Badwi, masyarakatnya sekan-akan hidup di dalam suatu suasana yang kacau-bilau, tanpa undang-undang. Kekacauan itu menghancurkan umat manusia dan merosakkan peradaban, kerana, sebagaimana yang telah kita terangkan, wujudnya kedaulatan itu adalah suatu yang menjadi sifat yang semula jadinya kepada manusia. Hanya ia sahaja yang akan menjamin kewujudannya dan organisasi sosial manusia.

Tambahan pula, setiap orang Badwi itu bersungguh-sungguh untuk menjadi seorang pemimpin. Hampir tiada seorang pun di antara mereka itu yang dengan rela hati mahu menyerahkan kuasa yang ada padanya kepada yang lain, meskipun kepada ayahnya sendiri, saudara kandungnya, mahupun kepada anggota keluarganya yang paling tua. Ia jarang terjadi dan didesak oleh pertimbangan supaya berlaku sopan. Daripada kalangan mereka terdapat banyak penguasa dan para amir. Orang bawahan terpaksa akur kepada tuan-tuannya yang rasmi itu dalam hal penguasaan cukai dan perundangan. Peradaban akhirnya mengalami keruntuhan dan dilenyapkan.

Adalah suatu yang wajar diperhatikan bagaimana peradaban itu runtuh di tempat-tempat yang dikuasai dan dikalahkan oleh orang-orang Badwi, dan bagaimana kawasan penempatan tersebut

semakin kurang penduduknya. dan ditinggalkan terbiar menemui kehancuran. Bumi Yaman yang menjadi tempat tinggal orang-orang Badwi mengalami kehancurannya, kecuali di beberapa buah kota sahaja. Begitu juga halnya dengan peradaban orang-orang Parsi di Iraq Arab yang hancur sama sekali. Perkara yang serupa terjadi terhadap masyarakat semasa di Syria. Dahulunya, sebuah daerah yang terletak di antara Sudan dan Mediterranean ditempati orang. Hal ini dapat disahkan oleh peninggalan peradaban yang terdapat di sana, seperti monumen-monumen, seni-pahat arkitektural, dan sisa-sisa desa dan dusun kecil yang jelas masih kelihatan.

Allah s.w.t. mewariskan bumi dan seisinya. Allah s.w.t. adalah sebaik-baiknya pewaris.

27 Orang-orang Badwi boleh mendapatkan kedaulatan hanya dengan menggunakan rona agama, seperti kenabian, atau kewalian, atau peristiwa-peristiwa agama yang hebat secara umumnya

Sebabnya ialah kerana sifat liar yang pada diri mereka. Orang Badwi merupakan suatu bangsa yang paling enggan atau sukar untuk patuh mematuhi sesama mereka. Mereka bersikap biadap, bangga diri, bercita-cita dan berkeinginan menjadi ketua. Mereka jarang sepakat daripada segi keinginan. Tetapi apabila adanya ajaran agama (di antara mereka) melalui kenabian atau kewalian, maka di dalam diri itu terdapat sedikit pengaruh yang dapat mengawal tingkah lakunya. Sifat angkuh dan dengki sudah dapat dikikis daripada diri mereka. Ianya dengan demikian, memudahkan mereka untuk bersikap patuh dan bersatu dalam (membentuk suatu kesatuan sosial). Ini dicapai oleh agama yang satu yang kini mereka anuti. Agama itu melenyapkan sifat bongkak dan bangga diri, dan mencegah daripada bersikap dengki dan cemburu. Apabila di kalangan mereka itu terdapat seorang nabi atau wali, yang menyeru mereka supaya melaksanakan perintah Allah, melenyapkan sifat buruk yang ada pada diri mereka, dan membuatkan mereka memiliki sifat-sifat terpuji, serta mendesak mereka supaya bersungguh-sungguh demi menegakkan suatu kebenaran, mereka menjadi bersatu sepenuhnya dan memperolehi kekuasaan serta kedaulatan. Sebaliknya, tiada siapa pun akan cepat menerima kebenaran (beragama) dan petunjuk yang benar, kerana telah

menjadi suatu yang semula jadinya mereka itu dipelihara daripada mempunyai akhlak yang buruk dan tercela. Hanya yang sukar adalah nilai kejahatan itu, yang mana sungguhpun begitu, mudah diatasi dan yang bersedia untuk menerima nilai yang baik sebagaimana dengan fitrah awalnya yang semula jadinya, jauh daripada amalan buruk dan perilaku yang tercela yang telah meninggalkan kesan pada jiwa mereka.

28 Orang-orang Badwi adalah suatu bangsa jika dibandingkan dengan bangsa-bangsa yang lainnya adalah yang tidak tunduk kepada kedaulatan kerajaan

Sebabnya ialah orang-orang Badwi merupakan bangsa yang sudah biasa dengan kehidupan di padang pasir dan menetap di tengah padang pasir jika dibandingkan dengan bangsa-bangsa yang lain. Mereka kurang memerlukan hasil dan biji-bijian yang terdapat di kawasan bukit sebab mereka sudah biasa dengan kehidupan yang terdedah kepada pelbagai ujian. Dengan demikian, mereka tidak perlukan masyarakat lain. Adalah suatu yang sukar kiranya mereka mahu bertuankan orang lain, sebab mereka tidak betah dengan pengawasan dan kerana kehidupan mereka yang ganas itu. Pemimpin mereka memerlukan khidmat mereka untuk mewujudkan semangat kekitaan yang sangat penting untuk tujuan pertahanan. Oleh itu, dia terpaksa mentadbir mereka dengan perasaan kasih sayang dan tidak bertindak menyakiti perasaan mereka. Jika tidak tentu dia akan mendapat kesukaran dalam hal yang berkaitan semangat kekitaan, yang disebabkan oleh kesilapan dirinya dan mereka. Kedaulatan kepemimpinan dan pemerintahan, daripada suatu segi yang lainnya, mengharuskan si pemimpin itu bertindak mencegah secara kekerasan. Sekiranya tidak, kepemimpinan tidak akan kekal lama.

Tambahan pula, adalah menjadi sikap semula jadi mereka bukan sahaja bertindak mengambil apa yang menjadi milik orang lain, tetapi lebih daripada itu mencegah menjadi pendamai sesama mereka dan juga gagal menghalangi berlakunya permusuhan sesama sendiri. Apabila mereka berjaya menguasai sesuatu bangsa, mereka menjadikan suatu matlamat utama untuk menangguk di air yang keruh (daripada kedudukan mereka) dengan mengambil apa yang menjadi milik bangsa itu. Mereka sering mengenakan denda ke atas harta, dengan tujuan meningkatkan kutipan cukai dan

untuk memperoléh sedikit keuntungan kewangan. Perkara itu tidak dapat mencegah berterusannya jenayah. Selalunya ia menjadi pendorong melakukan jenayah itu, dilihat daripada hakikat bahawa ia menjadi pendorong ke arah melakukan pelbagai kesalahan itu (dan mungkin menjadi bertambah menjadi-jadi lagi) dan bahawa, pada pendapat (si penjenayah), bayaran denda yang dikenakan itu tidaklah menyusahkan, kiranya di-hitungkan dengan perbuatan mengambil apa dia mahukan. Dengan demikian, kemungkaran semakin menjadi-jadi dan peradaban itu menjadi hancur. Bangsa yang berada di bawah naungan orang-orang Badwi adalah seakan-akannya berada di dalam keadaan yang kacau-bilau, di mana sesama mereka saling bermusuhan. Peradaban sebegitu tidak dapat bertahan lama dan dengan cepat menjadi musnah, sebagaimana terjadi di dalam negara yang dilanda kekacauan, sebagaimana yang kami telah disebutkan terdahulu daripada ini.

Secara semula jadinya orang-orang Badwi memang tidak dapat dinaungi oleh pengawasan sesebuah kerajaan yang berdaulat. Kedaulatan itu dicapai hanya setelah berlakunya perubahan sikap mereka secara menyeluruh yang dipengaruhi oleh rona keagamaan yang dapat melunturkan kesemua nilai-nilai itu dan menyebabkan orang-orang Badwi itu memiliki suatu pengaruh yang mencegah diri mereka serta menjarakkan mereka antara satu dengan yang lainnya.

Ini digambarkan oleh dinasti Arab menerusi kerajaan Islam. Ajaran agama memperkukuhkan jiwa pemimpin mereka dengan syariat dan ketetapan-ketetapannya, yang mana secara eksplisit dan implisit, adalah menitikberatkan dengan apa yang baik untuk peradaban manusia. Para khalifah dilantik silih berganti. Sebagai akibatnya, kedaulatan kuasa dan pemerintahan orang-orang Arab menjadi gemilang dan kuat. Apabila Rustum melihat kaum muslimin berkumpul untuk mendirikan solat, dia mengatakan:

> "Umar makan hatiku, mengajarkan adat sopan santun kepada anjing."

Kemudiannya orang-orang Arab telah terputus hubungannya dengan kerajaan itu selama beberapa generasi. Mereka telah mengabaikan keperluan beragama. Maka, mereka lupa akan kepemimpinan politik dan kembali hidup di tengah padang pasir. Mereka sudah tidak betah dalam hal hubungannya dengan perasaan kekitaan mereka dengan orang-orang yang menerajui pemerintah-

an negara, sebab keakuan dan undang-undang kerajaan telah menjadi suatu yang asing kepada mereka. Sekali lagi mereka menjadi suatu bangsa yang sebagaimana sebelumnya. Ungkapan bangsawan sudah tidak dikenal lagi, kecualinya kepada mereka daripada golongan khalifah yang mana adalah berketurunan Arab dari segi keturunannya. Apabila khalifah telah hapus dan sama sekalinya ditiadakan, kuasa kerajaan sama sekalinya telah terlepas daripada pegangan mereka. Bangsa-bangsa bukan Arab telah mengambil alih kekuasaan mereka, dan mereka kekal sebagai orang Badwi yang tinggal di padang pasir, yang jahil tentang kedaulatan dan kepemimpinan dalam bidang politiknya. Kebanyakan orang Arab tidak menyedari bahawa pada suatu masa dahulu mereka memiliki kuasa berdaulat, atau bahawa tidak ada suatu bangsa pun (di dunia) yang memiliki suatu kedaulatan sebagaimana yang pernah dimiliki oleh keturunan mereka. Dinasti-dinasti Ad dan Tsamud, Amelika, Himyar, dan Tubba, telah membuktikan betapa benarnya dakwaan tersebut, dan kemudiannya, dinasti Mudhar semasa dinaungi oleh Islam, termasuklah Bani Umaiyah dan Bani Abbas juga. Tetapi apabila orang-orang Arab sudah tidak lagi mentaati agama yang mereka anuti, mereka sudah terputus hubungannya dengan kepemimpinan dari segi politiknya, dan mereka kembali kepada kehidupan di padang-padang pasir seperti mana asalnya. Pada sesuatu masa, mereka berjaya menakluki kerajaan-kerajaan yang lemah, sebagaimana di Maghribi pada zaman itu. Tetapi penguasaan itu tidak lebih daripada bersifat menghancurkan peradaban negara yang telah mereka kuasai, sebagaimana telah kita terangkan terdahulu.

> "Dan Allah memberikan kedaulatan-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya."[15]

29 Suku-suku dan golongan-golongan pengembara adalah dikuasai oleh orang-orang kota

Telah disebutkan sebelum ini bahawa peradaban yang terdapat di padang pasir adalah rendah mutunya jika dibandingkan dengan peradaban yang terdapat di kota – sebab, tidak semua keperluan peradaban itu boleh diperolehi daripada orang-orang yang menjadi

---

15 Al-Quran surah 2 (al-Baqarah) ayat 147.

penghuni di padang-padang pasir. Mereka ternyata melibatkan diri dengan kegiatan pertanian tetapi tidak pula memiliki bahan-bahan untuk usaha pertanian yang sewajarnya – kebanyakan peralatan itu adalah terhasil daripada usaha pertukangan. Di kalangan mereka itu tidak ada tukang kayu, tukang jahit, pandai besi, dan sebagainya yang akan melengkapi keperluan hidup mereka di bidang pertanian dan sebagainya.

Begitu juga, mereka tidak memiliki mata wang. Yang setara ada pada mereka ialah hasil biji-bijian, binatang ternakan, dan hasil daripada binatang seperti susu, *wool*, rambut atau bulu unta, dan belulang, yang mana ianya diperlukan oleh warga kota, dan membayar mereka dengan wang. Sungguhpun begitu, orang-orang Badwi memerlukan kota itu untuk membekalkan apa yang menjadi keperluan asas untuk kehidupan mereka dan warga kota pula memerlukan orang-orang Badwi untuk tujuan kesenangan dan kemewahan hidup. Dengan itu, selagi mereka terus tinggal di padang pasir, dan belum memiliki kedaulatan atau belum menguasai kota-kota, mereka akan selalu memerlukan orang-orang kota. Mereka harus aktif di dalam mengisi kepentingan mereka dan tunduk kepada mereka apabila diminta (oleh orang-orang kota) dan menghendaki kepatuhan daripada mereka.

Apabila di kota itu ada seorang raja, ketundukan dan kepatuhan orang-orang Badwi adalah kerana kemantapan sang raja itu. Dan apabila di kota itu tidak diperintah oleh seorang raja, sudah pastinya terdapat seorang yang menjadi pemimpin politik dan menyelia masyarakat yang selebihnya. Sekiranya tidak, peradaban di kota itu akan menemui kehancurannya. Pemimpin yang sedemikian telah menjadikan orang-orang Badwi tunduk serta patuh kepadanya dan berusaha membuat mereka memenuhi keperluannya. Dia melakukannya sama ada melalui bujukan – dengan cara membiayai mereka dan membiarkan mereka mengambil apa sahaja keperluan yang diperlukan sebagaimana yang terdapat di kotanya, yang membolehkan peradaban itu dapat bertahan atau, sekiranya dia berkuasa melakukannya, dia akan memaksa mereka mematuhinya, meskipun dengan cara menimbulkan perasaan tidak senang hati sesama mereka demi mendapatkan sokongan daripada sesebuah pihak. Dengan bantuan mereka itu dia tentunya dapat menundukkan yang lain-lainnya, dan dengan demikian memaksa mereka patuh kepadanya, kerana mereka berasa khuatir peradaban itu akan hancur akibat daripada

keadaan yang tidak tenteram. Orang-orang Badwi ini tidak boleh meninggalkan daerah-daerah tertentu dan pergi ke daerah yang lain. Sebabnya ialah mereka sudah saling lindung melindungi daripada orang-orang Badwi lainnya yang cuba menganiayai mereka dan berusaha menyisihkan mereka. Dengan demikian, mereka tidak ada harapan untuk terus hidup kecuali dengan cara mentaati mereka yang berada di kota. Secara terpaksa, mereka telah dikuasai oleh orang-orang yang menetap di kota.

Dan Allah Maha Berkuasa ke atas hamba-hamba-Nya, Dialah Tuhan satu-satunya yang Maha Berkuasa.

---

* Terjemahan berpandukan teks edisi bahasa Inggeris. Suntingan didasarkan pada teks edisi bahasa Indonesia iaitu terjemahan daripada edisi Arab/Inggeris.

[*] Teks 'gugur' edisi bahasa Indonesia/Inggeris dikekalkan – Editor.

BAB KETIGA

DINASTI, KUASA RAJA, KHALIFAH, PANGKAT DALAM KERAJAAN DAN SEGALA SESUATU YANG BERHUBUNGAN DENGANNYA. BAB INI DILENGKAPI DENGAN KAEDAH DASAR DAN PERSOALAN TAMBAHAN

1 Kuasa raja dan kekuasaan sesebuah dinasti secara meluas hanya boleh ditegakkan melalui usaha sesuatu kumpulan dan perasaan kekitaan

SEBABNYA ialah oleh sikap agresif dan defensif hanya dapat dicapai melalui perasaan kekitaan yang bermakna bahawa setiap anggota-anggotanya saling sayang menyayangi dan sanggup berjuang serta rela terkorban demi menjaga kepentingan bersama.

Pada masa ini, kedudukan sebagai seorang raja adalah suatu yang dihormati dan menyeronokkan. Ia memberikan kepada orang yang memegang teraju itu segala-gala yang terbaik di dunia ini, kepuasan daripada segi lahir dan keseronokan daripada sudut batinnya. Dengan itu, sebagaimana adanya, terdapat saingan yang sengit untuk mendapatkannya. Ia jarang sekali mahu dilepaskan secara sukarelanya, tetapi ia boleh dirampas secara paksa. Maka, persengketaan itu menjadi berlanjutan. Perebutan itu membawa kepada peperangan dan perbalahan dan sentiasa berusaha menegakkan kekuasaan. Kesemuanya itu tidak mungkin dapat dicapai kalau tidak adanya perasaan kekitaan sepertimana yang telah kami nyatakan.

Hal-hal yang semacam itu tidak semua difahami oleh rakyat terbanyak. Mereka melupakannya, kerana mereka tidak lagi ingat sewaktu dinasti itu buat pertama kalinya ditegakkan. Mereka telah dibesarkan, di suatu kawasan penempatan tetap pada suatu waktu

---

* Terjemahan berpandukan teks edisi bahasa Inggeris. Suntingan didasarkan pada teks edisi bahasa Indonesia iaitu terjemahan daripada edisi Arab/Inggeris.

[*] Teks 'gugur' edisi bahasa Indonesia/Inggeris dikekalkan – Editor.

yang sangat lama. Mereka telah tinggal di sana selama beberapa keturunan. Dengan itu, mereka tidak tahu sama sekali apa yang berlaku dengan kekuasaan Allah s.w.t. pada waktu permulaan pembinaan dinasti itu. Mereka hanya menyaksikan bagaimana orang-orang yang bernaung di dalam sesebuah kerajaan itu bersikap 'di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung', bahawa orang-orang yang berada di bawah naungannya itu akur dan perasaan kekitaan tidak lagi diperlukan demi menjamin kelangsungan kuasa pemerintahan. Mereka tidak tahu bagaimana keadaan pada awalnya dan apakah kesukaran-kesukaran yang harus di atasi oleh para pendiri dinasti itu. Para penduduk Andalus khususnya telah lupa akan perasaan kekitaan dan pengaruhnya kerana masa yang berlalu sudah terlalu lama dan sebagaimana lazimnya mereka tidak lagi memerlukan kuasa perasaan kekitaan. Alasannya ialah negara itu telah dimusnahkan dan tidak mempunyai langsung kumpulan-kumpulan puak.

> Allah Maha Kuasa ke atas apa yang Dia kehendaki. Dia mengetahui segala-gala tentang sesuatu. Dan Dialah cukup bagi kita dan Penolong yang paling baik.

2 Apabila sesebuah negara itu telah berdiri teguh, ia boleh mengetepikan perasaan kekitaan

Sebabnya ialah bahawa masyarakat di dalam sesebuah negara yang baru didirikan itu pada mulanya berasa sukar untuk patuh kepada kekuasaan umum, kecuali mereka dipaksakan oleh suatu kuasa yang sangat berpengaruh. Kerajaan yang baru, tegasnya adalah suatu yang sangat asing pada mereka. Rakyatnya belum lagi biasa dengannya, atau sudah betah, dengan pemerintahannya. Akan tetapi apabila pimpinan seseorang ahli keluarga itu telah didapati layak untuk mempergunakan hak kedaulatannya di dalam sesebuah kerajaan, dan apabila (kedaulatan kuasa itu) diwarisi keturunan demi keturunan, dan melalui dinasti yang silih berganti keadaannya yang mula akan dilupakan, dan ahli-ahli keluarga itu dilihat dengan jelas sebagai para pemimpin. Ia sudah menjadi suatu *waad* – bahawa seseorang itu harus taat dan patuh kepada mereka. Rakyat jelata akan berjuang menegakkan bagi pihak diri mereka, sebagaimana mereka berjuang untuk menegakkan agamanya. Pada masa ini 'orang yang memerintah' tidak memerlukan lebih banyak

sokongan daripada segi perasaan untuk menegakkan kekuasaan mereka. Ia seolah-olah suatu kepatuhan terhadap kerajaan, sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. – suatu yang tidak boleh diubah ataupun ditentang.

Seseorang raja itu akan mengekalkan kedudukannya di dalam kerajaan dan raja dinastinya dengan bantuan, dengan itu – sama ada oleh orang-orang yang diberikan perlindungan dan para pengikut yang dilindungi dan kekuatan perasaan kekitaan, ataupun kumpulan puak daripada keturunan yang lainnya yang telah menjadi anak-anak buahnya.

Sesuatu yang sedemikian terjadi ke atas dinasti Abbasiyah. Perasaan kekitaan orang-orang Arab telah menjadi pupus pada zaman Khalifah al-Mu'tasim dan anaknya al-Warsiq. Mereka berusaha mengekalkan teraju itu dengan bantuan orang-orang Parsi, Turki, Dailam, Saljuk dan lain-lainnya. Maka orang-orang itu (bukan Arab) dan orang-orang yang diberi perlindungan telah dapat menguasai daerah-daerah kerajaan itu. Bidang kekuasaan kerajaan Abbasiyah menjadi semakin terbatas dan tidak lagi tersebar melampaui kawasan Baghdad. Akhirnya bangsa Dailam telah menawan Kota Baghdad dan menguasai kawasan itu. Mereka telah berkuasa terhadap khalifah-khalifahnya. Kemudiannya bangsa Dailam, mengikut gilirannya, telah kehilangan kuasa. Bangsa Saljuk telah mengambil alih kuasa dan melantik khalifah daripada kalangan mereka kemudian bangsa Saljuk itu, mengikut gilirannya, kehilangan kuasa. Akhirnya, bangsa Tartar pula yang membuat serangan. Mereka telah membunuh khalifahnya dan menghapuskan sama sekali segala sesuatu yang menjadi tanda wujudnya dinasti itu.

[*Hal yang serupa terjadi pada orang-orang Sanhajah di Maghribi. Perasaan kekitaan mereka itu hancur lebur lima abad yang lampau atau sebelumnya. Negara mereka mengalami kemunduran secara terus-menerus sejak dari Mahdiyah, Bijayah, hingga Qal'at, dan seluruhnya di Afrika. Mungkin benteng-benteng tersebut diserang oleh orang yang sudah jadi raja dan memperkuat diri di sana, sultan dan rajanya terpaksa menyerah kepada mereka, sehingga Allah s.w.t. menghancurkan dinasti-dinasti tersebut. Kemudian golongan Muwahiddun menyerang mereka dengan suatu kekuatan perasaan kekitaan yang sangat kuat, dan menyapu bersih dinasti-dinasti tersebut].

Perkara yang sama terjadi terhadap Dinasti Umaiyah di

Sepanyol. Apabila perasaan kekitaan bangsa Arab itu dapat dipupuskan, raja-raja yang tidak berapa menonjol telah merampas kuasa dan membahagi-bahagikan daerah taklukan sesama mereka. Sebagai bersaing sesama sendiri, mereka mengagih-agihkan sesama mereka kerajaan Bani Umaiyah itu. Setiap mereka cuba berkuasa di sesuatu daerah dan menonjol-nonjolkan dirinya. Raja-raja itu mengetahui hubungan yang terjalin di antara orang-orang bukan Arab di Timur dengan kerajaan Abbasiyah. Mencontohi apa yang mereka lakukan mereka mengambil gelaran-gelaran yang memaparkan kebangsawanan dan menggunakan tanda-tanda yang memperlihatkan kebesaran. Tidak kelihatan ancaman bahawa ada pihak yang akan mengambil, (suatu hak istimewa yang mereka dakwa) daripada mereka atau mengubah (menurut keadaannya) sebab Sepanyol (Andalus) bukan lagi menjadi pusat kepada kumpulan-kumpulan ataupun suku-suku.

Mereka berusaha mengukuhkan kekuasaan itu dengan bantuan mereka yang diberikan perlindungan dan para pengikutnya, dan dengan sokongan dari orang-orang Barbar, Zenatah dan suku-suku lain yang masuk ke Sepanyol dari pantai Afrika. Mereka meniru perkara-perkara yang dilakukan semasa kerajaan Bani Umaiyah dan dengan sokongan mereka telah berusaha mengukuhkan kuasa. Ibn Abi Amir berkuasa penuh atas negara.[1] Pendatang-pendatang baru itu telah mengasaskan suatu kerajaan yang besar. Setiap mereka berkuasa terhadap sebahagian atas daerah-daerah di Sepanyol. Mereka menguasai kuasa kedaulatan yang begitu luas sebanding dengan luasnya daerah dinasti yang telah mereka bahagi-bahagikan. Mereka kekal berkuasa sehinggalah datang kaum Murabith (*Almoravidis.* Ing.) – yang memiliki perasaan kekitaan Lamtunah yang lebih kuat. Mereka telah menyeberangi lautan. Mereka telah datang dan mengganti serta menyingkir mereka dari pusat-pusat pemerintahan. Mereka telah menghapuskan tanda-tanda wujudnya dinasti yang didirikan oleh raja-raja yang kurang berpengaruh, tidak berdaya untuk mempertahankan diri kerana semangat kekitaan itu sudah tidak mereka miliki lagi.

[*Dengan kesatuan ini persiapan untuk menegakkan sebuah kerajaan dan penyeliaannya sudah terencana sejak mulanya. Di dalam bukunya "*Siraj al-Muluk*", at-Tharthusyi menganggarkan

---

1 Maksudnya: Tindak kesewenangannya terhadap Hisyam, salah seorang raja di Andalusia (Sepanyol).

bahawa tentera yang mempertahankan dinasti tersebut adalah terdiri daripada mereka yang dibayar dengan gaji bulanan. Dalam pembicaraannya, At-Tharthusyi mengetepikan sejarah awal tertubuhnya kerajaan tersebut. Yang dibicarakan hanyalah perkara-perkara yang berkisar pada bahagian akhir dinasti-dinasti itu setelah persiapan lama berlangsung dan kedaulatannya telah dimiliki secara kukuh oleh ahli keluarganya. At-Tharthusyi mengetahui bahawa dinasti tersebut ketika itu sedang berada dalam zaman kemundurannya, ketika dinasti itu sudah mencapai kemuncaknya, serta ketika sudah mula mendapatkan bantuan orang-orang yang diberikan perlindungan dan hamba sahaya yang telah dimerdekakan dan digajikan untuk mempertahankan kekuasaannya. Dia hanya mengetahui hal-ehwal negara-negara Thawaif, ketika Bani Umaiyah mulai masuk hendak menguasai, dan ketika semangat dan kesatuannya sudah lenyap daripada orang-orang Arab, serta masing-masing amir dengan sewenang-wenangnya berkuasa di daerah-daerah. Di Iyalah terdapat al-Musta'in ibn Hud dan puteranya al-Mudzaffir dari Sirqasthah. Mereka sama sekali sudah tidak memiliki perasaan kekitaan, kerana orang-orang Arab telah dimanjai oleh kehidupan serba mewah, dan mulai mengalami kehancuran sejak tiga abad yang lampau. Yang ada di sana hanyalah seorang sultan yang memerintah secara diktator. Dia telah dikuasai oleh jiwa seorang diktator sejak berdirinya dinasti itu. Dengan demikian dia tidak lagi dapat bertindak secara adil dan hanya membayar upah kepada orang-orangnya yang membantunya. At-Tharthusyi membiarkan pembicaraan itu berkisar pada masalah-masalahnya dan tidak mengetahui segala persoalannya sejak awal berdirinya dinasti, dan itu hanya berlaku untuk orang-orang yang memiliki kesatuan sosial.

Hendaknya anda menguasai persoalan itu, dan memahami rahsia Allah s.w.t. yang tersimpan di dalamnya.

> "Allah memberikan kedaulatan-Nya kepada siapa yang disukai-Nya"[2].]

3 Kaum kerabat raja boleh mengasaskan sebuah dinasti dengan tidak lagi mengutamakan adanya perasaan kekitaan

Sebabnya ialah perasaan kekitaan yang mana (kaum kerabat

---

2 Al-Quran surah 2 (al-Baqarah) ayat 247.

keluarga bangsawan) turut sama terlibat lebih berpengaruh terhadap bangsa-bangsa dan kaum-kaumnya. Didapati juga penduduknya yang menetap di kawasan terpencil begitu menyokong dan mentaati mereka. Jadi, apabila seseorang itu meletakkan jawatannya, mengosongkan takhta kekuasaannya dan kebesaran yang ada, dan menyertai penduduk-penduduk yang menetap di kawasan yang terpencil, mereka ternyata sangat sedia menerima kehadirannya. Mereka menyokong pemerintahannya dan bersedia membantunya. Mereka berusaha menjaga supaya kerajaan yang didirikan itu dibina pada asasnya yang kukuh. Mereka mengharapkan agar ketokohan keluarganya itu diterima dan menyerahkan kekuasaan itu daripada ahli masyarakatnya. Mereka tidak berhasrat untuk sama-sama terlibat di dalam urusan pemerintahannya, sebagaimana mereka dengan rela hati tunduk kepada tuntutan perasaan kekitaannya, dan patuh kepada kehendak kelebihan daripada segi materialnya yang sudah dimapan pada dirinya itu dan orang-orangnya. Mereka percaya, sebagaimana yang terkandung di dalam rukun agama, supaya terus taat (kepada dia dan orang-orangnya). Sekiranya mereka menyimpan cita-cita untuk sama-sama berkongsi kuasa mentadbirkan negara dengannya atau memerintah tanpanya, bumi ini akan bergoncang. ..."

[*Demikianlah sebagaimana yang terjadi terhadap Bani Idris di Maghribi jauh, dan Bani Ubaidi di Ifriqiyah dan Mesir, ketika Thalibiyyun menyingkir dari Timur, menjauhkan dirinya daripada khilafah serta berusaha untuk merampasnya daripada tangan Bani Abbas. Hal itu terjadi setelah bentuk kelebihan material yang dimiliki oleh Bani Abdi Manaf bagi Bani Umaiyah pertama kali, kemudian bagi Bani Hasyim sesudahnya. Dari daerah yang jauh dari Maghribi, mereka keluar dan melakukan propaganda. Berkali-kali orang Barbar membantu usaha mereka, iaitu suku Aurubah dan Maghilah untuk Bani Idris, serta Kutamah, Sanhajah dan Hawwarah untuk Bani Ubaidi. Suku-suku tersebut memperkuat dan memperkukuh negara dan pemerintahan mereka dengan perasaan kekitaan yang mereka miliki. Kerajaan yang bernaung di bawah pemerintahan Bani Abbas semuanya mereka kuasai, pertama yang ada di Maghribi dan kemudian yang terdapat di Ifriqiyah. Dinasti Abbasiyah telah bergerak menuju kehancurannya. Sementara itu Dinasti Bani Ubaidi meluaskan kekuasaannya sehingga ke Mesir, Syria dan Hijaz serta membahagi-bahagikan sesama mereka (memerintah) kerajaan-kerajaan Islam. Dan

bersama itu, orang-orang Barbar yang memerintah, semuanya tunduk kepada Bani Ubaidi dan patuh kepada raja. Namun, sebenarnya mereka berlumba-lumba untuk menduduki jabatan penting sebagai suatu penyerahan kepada kedaulatan yang telah dicapai oleh Bani Hasyim, serta atas kemenangan yang telah dicapai orang-orang Quraisy dan Mudhar terhadap semua bangsa. Kedaulatan tetap dimiliki turun-temurun oleh generasi mereka, hingga dinasti Arab hancur bersama marga seluruhnya.

> "Dan Allah menetapkan hukum (menurut kehendak-Nya), tidak ada yang dapat menolak ketetapan-Nya."[3]

4 Kerajaan-kerajaan yang sangat berkuasa dan memiliki kuasa kedaulatan yang sangat hebat mempunyai asal-usulnya yang berteraskan agama sama ada yang berpunca daripada kenabian ataupun seruan melakukan kebenaran

Sebabnya ialah kedaulatan kuasa adalah diakibatkan oleh kekuatan. Kekuatan itu adalah diakibatkan oleh perasaan kekitaan. Hanya dengan pertolongan Allah s.w.t. yang merestui agama-Nya maka individu itu bersikap 'bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat' dan berpegang kepada 'hati gajah sama dilapah, hati nyamuk sama dicicah'.

> "Walau kamu membelanjakan semua kekayaan yang berada di bumi, nescaya kamu tidak dapat mempersatukan hati mereka."[4]

Rahsianya ialah bahawa apabila di hati itu sudah terbetik untuk melakukan kebatilan dan cenderung kepada duniawi, maka perasaan cemburu sesama sendiri dan perbezaan akan timbul secara yang meluas. Dan apabila mereka cenderung kepada kebenaran dan mengetepikan hal keduniaan dan apa sahaja yang bersifat batil, serta menuju kepada Allah, maka dan arah mereka akan menjadi satu sahaja. Perasaan cemburu sesama sendiri akan menjadi lenyap. Saling tolong-menolong dan bantu-membantu menjadi lebih pesat. Sebagai akibatnya, daerah kekuasaan menjadi

---

3 Al-Quran surah 13 (ar-Ra'd) ayat 41.

4 Al-Quran surah 8 (al-Anfal) ayat 63.

semakin luas, dan kerajaan menjadi bertambah kuat, sebagaimana yang akan dijelaskan nanti, insya-Allah.

Dengan Allah kita memperoleh taufik, tidak ada Tuhan selain Dia.

5 Kegiatan dakwah akan memberikan pada dinasti itu pada permulaannya berkuasa, suatu kekuatan tambahan selain daripada perasaan kekitaan yang ada padanya sebagai hasil daripada jumlah penyokongnya

Sebabnya ialah, sebagaimana yang telah diterangkan terdahulu, semangat beragama boleh meredakan pertentangan dan iri hati di kalangan orang yang mengongsi perasaan kekitaan, dan menyebabkan tumpuan kepada arah kebenaran. Apabila perhatian telah terpusat kepada kebenaran, maka tak ada sesuatu pun yang dapat menghalangi mereka, sebab pandangan mereka sama dan tujuannya pun serupa dan satu. Mereka rela berkorban demi mencapai cita-cita perjuangan. Rakyat di negara yang akan mereka perangi kemungkinannya adalah lebih ramai bilangannya berbanding dengan mereka. Tetapi tujuan mereka adalah berbeza-beza, tambahan pula tujuannya adalah palsu dan masyarakat di dalam dinasti yang mengutamakan kebendaan itu bersiap sedia untuk menyelamatkan diri masing-masing, kerana takut akan terkorban. Dengan demikian, golongan ini tidak akan sanggup menentang sekalipun jumlahnya adalah lebih besar terhadap mereka yang berjuang kerana syiar agamanya. Mereka itu dapat dialahkan oleh mereka dan dengan cepat dikucar-kacirkan akibat daripada hidup bermewah-mewah dan rendah diri yang wujud di kalangan mereka, sebagaimana yang telah kami terangkan terdahulu daripada ini.

Inilah yang terjadi pada bangsa Arab di permulaan Islam semasa zaman penaklukannya. Bilangan tentera-tentera Islam di Yarmuk dan Qadisiyah adalah berjumlah lebih kurang 30 000 orang, padahal tentera Parsi di Qadisiyah adalah berjumlah 120 000 orang, dan tentera Heraklius, menurut sebagaimana al-Waqidi adalah seramai 400 000 orang. Sungguhpun bilangan mereka adalah lebih besar – kedua-dua pihak itu tidak dapat mengalahkan tentera-tentera Islam, yang telah memburu mereka dan merampas apa yang mereka miliki.

Ia boleh juga digambarkan sebagaimana yang terjadi pada

masa itu apabila kekuatan beragama itu berubah dan dibinasakan. Kuasa (kerajaan yang memerintah) kemudiannya dimasukkan. Kekuasaan yang ada dengan demikian adalah sesuai dengan kewujudan semangat kekitaan, tanpa adanya (kekerapan) tambahan daripada agama. Sebagai akibatnya, dinasti itu dikalahkan oleh golongan yang dahulunya adalah berada di bawah kekuasaannya, yang sama atau lebih tinggi daripada segi kekuatannya. Ia telah pada suatu ketika dahulu menyalahkan golongan yang mempunyai semangat kekitaan yang telah tinggi dan yang telah sebati dengan kehidupan di padang pasir, ini adalah dibantu oleh kekuatan tambahan yang dinafasi oleh agama itu. ...

[*Inilah yang terjadi pada Muwahiddun dan Zenatah; sebab suku Zenatah lebih liar dan lebih pengembara wataknya dibandingkan dengan suku Musamidah. Tetapi dengan sebab suku Musamidah ini menjadi pengikut Imam Mahdi, maka mereka mendapatkan semangat agama yang melipatgandakan kekuatan dan memungkinkan mereka mengusir dan menundukkan suku Zenatah, sekalipun suku Zenatah ini lebih bersatu dan lebih bersifat pengembara. Kemudian, setelah semangat agama suku bangsa Musamidah mulai menurun, suku Zenatah bangkit memberontak melawan dan mengalahkan serta merebut kekuasaan daripada tangan mereka.

Allah menang atas kekuasaan-Nya.]

6 Gerakan keagamaan tidak akan berhasil tanpa perasaan kekitaan

Sebabnya ialah penglibatan rakyat terbanyak (siasah) menurut keperluannya menghendaki perasaan kekitaan. Ini dinyatakan melalui sabda Nabi Muhammad s.a.w.

> "Allah s.w.t. tidak akan mengutuskan seorang nabi kecuali dia berada dalam penjagaan kaumnya."

Sekiranya inilah sebagaimana yang berlaku terhadap para nabi, yang mana di antara kalangan manusia dia boleh melakukan pelbagai perkara aneh, seseorang itu boleh mengharapkan mereka melakukan pelbagai kelebihan, melebihi daripada yang lain-lainnya. Seseorang itu tidak boleh mengharapkan mereka berupaya mendapatkan kelebihan tanpa perasaan kekitaan.

[*Hal ini telah terjadi pada Ibn Qosie – syeikh ahli sufi dan pengarang buku "*Khal-'un Na'lain* –, tentang tasawuf. Dia telah melakukan pemberontakan di Sepanyol dan mengajak kepada kebenaran. Rakan-rakannya menggelarnya dengan nama al-Murabithun. Peristiwa ini terjadi tidak lama sebelum tersebarnya dakwah Imam Mahdi. Dia hanya mendapat perhatian yang singkat disebabkan oleh kesibukan Lamtunah oleh persoalan Muwahiddun. Di sana tidak ada kesatuan mahupun suku yang menjadi pendukungnya. Maka begitu al-Muwahiddun menguasai Maghribi, mereka langsung ditundukkan dan masuk ke dalam dakwah al-Muwahiddun, serta membawa mereka ke tempat persembunyiannya di benteng Arkasy. Dia adalah pendukung pertama daripada al-Muwahiddun di Sepanyol. Pemberontakannya disebut dengan pemberontakan al-Murabithun).

Bab ini khusus membincangkan persoalan mengenai orang-orang yang melakukan pemberontakan daripada golongan ahli hukum dan daripada golongan rakyat jelata yang bangkit untuk memperbetulkan pelbagai bentuk penyelewengan. Ramai ahli agama yang mematuhi ketetapan agama telah bangun untuk menentang ketua-ketua negara yang melakukan pelbagai kemungkaran. Mereka telah mengajak masyarakatnya menentang kezaliman dan kejahatan. Mereka berharap agar amal kebajikan yang dilakukan itu diberi ganjaran pahala oleh Allah s.w.t. Mereka berjaya mendapatkan ramai penyokong serta mereka yang bersimpati dengannya tetapi mereka sebenarnya terdedah kepada bahaya dibunuh dan ramai yang terbunuh akibat daripada kegiatan mereka sebagai orang yang berdosa, tidak mendapatkan penghargaan, melainkan celaan, kerana Allah tidak mentakbirkan mereka melakukan perkara-perkara seumpama itu.

> Allah menuntut supaya mereka melakukan perkara itu hanya apabila mereka mempunyai kekuatan untuk melaksanakannya dengan jaya. Nabi Muhammad s.a.w. bersabda:
>
> "Barang siapa di antara kamu melihat perbuatan jahat, maka hendaklah diubahnya dengan tangannya. Apabila dia tidak berupaya bertindak demikian, maka hendaklah dilakukan dengan lidahnya. Sekiranya cara itu pun tidak dapat dilakukan, maka hendaklah diubah dengan hatinya."[5]

---

5 Bahagian yang akhir daripada nukilan ini yang ditinggalkan oleh Ibn Khaldun berbunyi "dan itu adalah iman yang paling lemah".

Para raja dan dinasti sudah berakar umbi. Asasnya boleh digugat dan ditumbangkan hanya melalui usaha yang sungguh-sungguh, didukungi oleh perasaan kekitaan sesuatu puak, dan keluarga, sebagai yang telah kita katakan terdahulu. Suatu hal yang serupa, para Nabi di dalam usaha mereka menyiarkan ajaran-ajaran yang mereka bawa memerlukan sokongan kumpulan dan keluarga meskipun merekalah yang seharusnya mendapat sokongan daripada Allah dengan apa sahaja yang wujud, sekiranya dia menghendaki terjadi yang demikian. Tetapi dengan kebijaksanaan Allah semuanya berlaku mengikut apa yang menjadi ketetapan-Nya.

Sekiranya seseorang yang berada di jalan yang benar hendak melaksanakan (pembaharuan keagamaan) dengan cara ini pengasingan diri itu akan menghalangnya daripada (mendapatkan sokongan daripada) perasaan kekitaan, dan dia akan mengalami kegagalan. Dan sekiranya seseorang itu berpura-pura hendak (melaksanakan pembaharuan keagamaan) dengan maksud untuk memperoleh kedudukan (sahsiah) menjadi pemimpin, dia wajar berhadapan dengan pelbagai cabaran dan menjadi mangsa di atas kecurangannya sendiri. Pembaharuan keagamaan adalah suatu hal yang menyangkuti tentang ketuhanan. Ia akan terlaksana hanya dengan keizinan dan bantuan Allah s.w.t. dilakukan dengan hati yang ikhlas kerana-Nya dan dengan tujuan yang baik terhadap setiap orang Islam. Tidak ada seorang Muslim pun, tiada seorang pun yang arif, boleh meragukannya. ...

[*Pemberontakan keagamaan semacam ini pertama kali terjadi di Baghdad ketika terjadi peristiwa Thahir. Waktu itu al-Amin terbunuh. Al-Makmun sendiri menunda memasuki Iraq dan tinggal di Khurasan. Ali ibn Musa ar-Ridla, keluarga al-Husain. Banu Abbas berusaha untuk menyingkap wajah orang yang pura-pura mengikutinya dan mengajak memberontak dan melepaskan diri daripada berlaku taat kepada al-Makmun serta penyokongnya yang lain. Ibrahim ibn al-Mahdi lalu di*baiat* menjadi khalifah. Maka terjadilah huru-hara di Baghdad. Para penjahat mulai beraksi mengganggu orang yang baik-baik dan suci serta merampas harta benda orang, serta menjualnya di pasar-pasar secara bebas. Para pemiliknya memberitahukan semuanya itu kepada para penguasa, tapi tidak ada tanggapan dari mereka. Maka pemuka-pemuka agama pun mulai bangkit banyak sekali menentang orang-orang fasik dan menghentikan kebiasaan-kebiasaan mereka. Di

Baghdad ada orang yang menamakan dirinya Khalid ad-Durbus. Dia mengajak orang melakukan *amar makruf nahi munkar.* Orang pun menyambut seruannya itu. Dia memerangi serta mengalahkan orang-orang jahat. Untuk itu dia sendiri terjun ke medan tempur.

Sesudah itu dia diikuti oleh orang lain daripada kalangan Negro Baghdad, yang dikenal dengan nama Sahl ibn Salamah al-Anshari dan panggilannya: Abu Hatim. Di leher dia ikatkan sebuah mushaf al-Quran seraya mengajak manusia melakukan amal kebajikan dan mencegah perbuatan munkar, serta mengajak agar bekerja berdasar al-Quran dan hadis Nabi Muhammad s.a.w. Banyak orang mengikutinya, terdiri daripada orang-orang terhormat daripada keluarga Hasyim dan yang di bawahnya. Dia masuk ke istana Thahir, mendirikan pejabat dan berkeliling ke seluruh kota Baghdad. Dia mengajar setiap orang yang mengganggu para pejalan dan yang suka merompak. Khalid ad-Duryus berkata padanya:

> "Saya tidak menghina kepada Sultan." Langsung Sahl menjawab: "Tapi saya akan memerangi siapa saja yang menentang al-Kitab dan as-Sunnah."

Hal ini terjadi pada tahun 201. Ibrahim ibn al-Mahdi mempersiapkan tenteranya untuk menyerangnya. Al-Mahdi menang dan menawannya. Dengan cepat persoalannya diselesaikan. Lalu Sahl pergi menyelamatkan diri].

Begitu ramai orang yang terpedaya telah terikut-ikut hendak menegakkan apa yang dikatakan sebagai benar. Mereka tidak menyedari bahawa mereka memerlukan perasaan kekitaan untuk melaksanakannya. Mereka tidak menyedari bagaimana usaha mereka ini seharusnya berakhir dan apa yang mereka akan temui akhirnya. Terhadap orang-orang seperti ini adalah wajar untuk mengambil salah satu daripada tindakan yang berikutnya. Seseorang itu boleh mengubati mereka sekiranya mereka itu gila atau seseorang itu boleh menghukum mereka sama ada melalui hukuman bunuh atau dipukul apabila mereka melakukan kekacauan, atau seseorang itu boleh dipersendakan menganggap mereka sebagai orang yang bodoh.

[*Sebahagian mereka mengakui keturunan al-Fatimi al-Muntadzar, atau memang dia orang yang dimaksudkan itu (yang ditunggu kedatangannya). Pada hal tidak ada yang tahu siapa al-Fatimi yang dimaksudkan dan bagaimana pula persoalannya.

Sebahagian besar orang yang melakukan hal semacam ini mempunyai tujuan yang serong, atau orang yang gila, atau orang yang berpura-pura melakukannya dengan tujuan memperoleh kedudukan sebagai seorang pemimpin. Mereka tak pernah berjaya menemukan jalan yang lumrah untuk ke sana. Mereka mengira bahawa rintangan-rintangan itu merupakan sebahagian daripada jalan yang harus mereka tempuh untuk sampai kepada tujuan yang mereka impikan. Mereka tidak pernah memikirkan bahaya yang akan menimpa, sehingga mereka pun cepat menemui ajalnya kerana melakukan kekacauan, menyemarakkan pemberontakan, dan padahlah akibatnya yang mereka dapat.

Permulaan abad ini, di as-Sus muncul seorang lelaki ahli sufi, yang mengaku bernama at-Tubadzri. Dia tinggal di sebuah masjid di Masah yang terletak di tepi sungai di as-Sus. Dia mengaku bahawa dialah al-Fatimi al-Muntadzar – yang ditunggu-tunggu kedatangannya itu sambil mempengaruhi orang-orang yang berkunjung datang bahawa memang dialah Fatimi sebagaimana yang dimaksudkan. Dia mengatakan pula bahawa masjid itu merupakan pusat pergerakannya. Maka banyaklah orang Barbar yang terpikat dengan dakyahnya. Para pemimpin mereka berasa khuatir akan terjadi suatu pergolakan yang besar. Akhirnya tokoh Musamidah, yang waktu itu adalah Umar as-Saksiwi, segera mencari orang yang sanggup membunuh sufi tersebut ketika sedang berada di atas tikarnya].

Pada permulaan abad ini, seorang lelaki bernama al-Abbas muncul di Ghumarah. Orang-orang yang paling bebal di antara yang bebal daripada puak itu mempercayai beberannya dan dungu. Dia pun menuju ke Badis, salah satu daripada kota Ghumarah dan menyerangnya dengan kekerasan. Dia kemudiannya telah terbunuh, 40 hari setelah dia memulakan misinya. Dia gugur sepertimana terkorbannya orang-orang yang terdahulu daripadanya.

Banyak lagi kes-kes yang serupa itu. Kesilapan yang mereka lakukan ialah tidak mengendahkan betapa pentingnya perasaan kekitaan 'demi mencapai kemenangan' berhubung dengan hal-hal seumpama itu. Sekiranya dilakukan suatu penipuan, adalah lebih baik sekiranya dia tidak berhasil mendapatkan apa yang dicita-citakan dan menerima balasan yang setimpal dengan perbuatan mereka itu.

Allah s.w.t. lebih mengetahui. Melalui-Nya kita memperoleh

taufik, tak ada Tuhan selain Dia, tak ada yang patut disembah selain Dia.

7 Setiap kerajaan mempunyai beberapa bahagian wilayah dan jajahan, dan tidak lebih daripada itu

Sebab baginya ialah bahawa sesuatu kumpulan di mana sesebuah kerajaan itu wujud dan orang-orang yang menyokongnya dan menegakkan kekuatannya, mestilah menurut keperluannya berada di setiap wilayah dan daerah-daerah perbatasan yang telah ditakluki. Hanya melalui cara itu sahaja mereka berkemungkinan menjaganya daripada ancaman pihak musuh, dan melaksanakan undang-undang kenegaraan daripada segi hasil cukai dan yang sebagainya.

Apabila (pelbagai) kumpulan itu tersebar di seluruh pelosok perbatasan dan wilayah, bilangan mereka menurut kepastiannya akan menjadi kurang. Keadaan sebegini, dengan demikian, adalah ketikanya di mana perbatasan (dinasti itu) telah mencapai tahap jangkauannya yang paling jauh, di mana daerah-daerah sempadan itu akan menjadi suatu lingkungan kepada kerajaan pusat. Sekiranya sesebuah kerajaan itu bertindak meluaskan lagi wilayahnya, daerah-daerah yang baru itu akan terbiar tanpa dilindungi oleh tentera dan akan terdedah kepada kemungkinan diserang oleh pihak musuh atau negeri yang berjiran dengannya. Ini menyumbangkan suatu kesan yang amat merugikan terhadap negara berkenaan yang berusaha membina keangkuhannya dan menyusutkan perasaan hormat terhadapnya. Tetapi sekiranya kumpulan itu terlalu besar dan jumlahnya tidak berkurangan apabila diagihagihkan ke setiap pelosok negeri dan jajahannya, maka kerajaan itu berupaya mengekalkan daya kekuatannya untuk melampaui keupayaannya (yang boleh dilakukan), sehingga perkembangannya mencapai perbatasan sejauh yang mungkin.

Keterangan yang wajar mengenainya (keadaan ini) terletak pada kekuatan perasaan kekitaan, yang mana ia merupakan salah satu kekuatan yang secara semula jadinya. Apa jua kekuatan yang mengakibat apa sahaja jenis tindakan seharusnya bergerak menurut tindakannya.

Sesebuah kerajaan adalah sangat berkuasa di pusat negara berbanding dengan wilayah perbatasannya. Apabila ia telah menjangkau perkembangan yang paling jauh, ia menjadi tidak

berdaya lagi untuk memperluaskan kawasan takluknya. Ia dapat dibandingkan dengan sinaran cahaya yang lebih terang di bahagian tengahnya atau lingkaran riak di permukaan air yang dikocak.

Apabila kerajaan itu telah menjangkau masa yang terlalu lama dan memperlihatkan kelemahan, kuasanya di kawasan pinggiran semakin tercabar. Kerajaan pusat masih dapat dipertahankan sehinggalah Allah s.w.t. mengizinkan keruntuhan seluruh dinasti itu. Maka, kerajaan pusat itu dimusnahkan. Tetapi apabila sesebuah kerajaan dikalahkan di bahagian pusat tadbirannya ia tidak akan dapat menguruskan bahagian-bahagian di daerah-daerahnya yang masih ada itu. Negara berkenaan pasti lenyap. Bahagian pusat adalah laksana jantung di mana kesungguhan (yang penting) itu merebak. Sekiranya jantung itu telah dikuasai dan ditawan, segala apa yang selebihnya akan menjadi simpang-perenang.

Ini dapat disaksikan melalui kerajaan Parsi. Ibu negaranya ialah al-Madaiin (Ctesiphon). Sewaktu orang-orang Islam menguasai al-Madaiin, seluruh kekuatan Parsi itu dapat dilenyapkan. Menguasai daerah-daerah yang jauh daripada ibu negara dan yang belum jatuh ke tangan orang Islam dirasakan tidak ada gunanya bagi Jazdegerd.[6]

Sebaliknya, pusat kerajaan Byzantium di Syria ialah Konstantinopel. Apabila orang-orang Islam telah menguasai Syria daripada kerajaan Byzantium, mereka telah berundur dan mengutuhkan pentadbiran di ibu negaranya, Konstantinopel. Kejatuhan Syria tidak mendatangkan apa-apa kerugian kepada mereka. Kerajaan mereka dapat dilanjutkan tanpa diganggu-gugat sehinggalah Allah s.w.t. mengizinkan ianya menemui penghujungnya.

Suatu contoh lain ialah keadaan orang-orang Arab pada masa permulaan Islam. Oleh sebab jumlah tentera mereka yang besar, mereka dengan mudah telah dapat mengalahkan Syria, Iraq dan Mesir. Kemudiannya, mereka memasuki kawasan barat India ke Sind, Abesinia, Tunisia, dan Maroko, dan kemudiannya Sepanyol. Angkatan perang mereka menjadi semakin berkurangan disebabkan oleh usaha penaklukan itu. Mereka tidak dapat melanjutkan usaha penaklukan itu lagi, dan pengembangan empayar

6 Jazdegerd III, raja Sassan terakhir, terkenal keadilan dan kekuatannya. Hubungannya dengan raja-raja Byzantium sangat baik. Lahir tahun 617, cucu Khosru II. Setelah kalah di Qadisiyah, baginda lari ke wilayah-wilayah sebelah timur kerajaannya, tempat baginda terbunuh, tahun 651.

Islam telah mencapai tahap kesungguhannya. Keadaan kerajaan yang seterusnya adalah sama sahaja. Tiap-tiap kerajaan itu bergantung kepada bilangan penduduk di negara itu. Apabila jumlah mereka menjadi kurang melalui usaha penaklukan, tidak mungkin dapat dilanjutkan usaha menguasai daerah-daerah yang lainnya.

Begitulah hukum Allah s.w.t. ke atas makhluk ciptaan-Nya.

8 Kehebatan sesebuah kerajaan, keluasan daerahnya, dan tempoh masanya adalah tergantung kepada bilangan kekuatan pendukung-pendukungnya

Sebab berlakunya ialah bahawa kedaulatan itu hanya boleh diwujudkannya melalui perasaan sekumpulan sahaja. Wakil-wakil perasaan seresam (sekumpulan) adalah terdiri daripada tokoh-tokoh tentera yang menjadi pelindung dan tinggal bertaburan di seluruh pelosok tanah air itu. Semakin ramai bilangan suku dan kumpulan orang-orang di sebuah negara yang besar, semakin kuat dan luas pula wilayah dan jajahannya. Dengan demikian, kedaulatan sesebuah kerajaan itu akan menjadi lebih luas pula.

Suatu contohnya ialah sebagaimana yang terjadi terhadap Daulat Islamiyah, ketika Allah s.w.t. menyatupadukan orang-orang Arab itu menerusi syiar Islam. Jumlah orang-orang Muslim sewaktu peperangan Tabuk, perang terakhir di bawah pimpinan Nabi, adalah seramai 110 000 orang iaitu pasukan tentera berkuda dan infantri daripada suku Mudhar dan Qahtan. Jumlah ini dipertikaikan oleh mereka yang menganut agama Islam selepasnya (serangan) hingga wafatnya Nabi. Ketika mereka bergerak hendak menguasai kekuasaan yang ada di tangan bangsa-bangsa lainnya belum ada tempat perlindungan daripada serangan mereka atau melarikan diri. Mereka menyerangi daerah pertahanan, Parsi dan Byzantium, yang ketika itu merupakan dua buah negara terkenal. Kemudiannya mereka menyerang pertahanan Turki di Timur, Franka (Kristian Eropah) dan Barbar di Maghribi, serta Goth di Sepanyol. Mereka lalu bergerak dari Hijaz menuju as-Sus di Timur Jauh, dan dari Yaman ke Turki di bahagian utara yang paling jauh. Mereka telah dapat menguasai seluruh daerah iklim yang tujuh.

[*Ingat pula sesudah itu negara Sanhajah dan al-Muwahiddun serta al-Ubaydiyyun sebelumnya; ketika suku Kutamah yang tinggal di negara al-Ubaydiyyin lebih banyak daripada Sanhajah

dan Musamidah. Dengan demikian negara mereka lebih besar. Lalu mereka pun menguasai Ifriqiyah, Maghribi, Syria, Mesir serta Hijaz.

Ingat pula sesudah itu Zenatah yang jumlah penduduknya lebih sedikit dibanding Musamidah. Kerajaan mereka tidak bertahan lebih lama dan dikuasai oleh al-Muwahiddun, kerana sejak semula jumlah mereka lebih sedikit jika dibandingkan dengan jumlah penduduk Musamidah.

Bandingkan pula dengan timbul tenggelamnya dua kerajaan Zenatah Bani Marin dan Bani Abdil Wad pada masa ini. Beberapa kali kerajaan yang pertama dapat mengalahkan kerajaan yang kedua. Dikatakan bahawa semula penduduk Bani Marin berjumlah 3000 orang, sedangkan penduduk Bani Abdil Wad berjumlah 1000 jiwa, meskipun jumlah itu kerana mendapat bantuan dan jumlah pengikut atau pendukungnya. Berdasarkan kepada jumlah orang-orang yang menang pada awal berdirinya kerajaan inilah bergantung luas dan kuatnya suatu negara].

Dengan demikian, perluasan dan kekuasaan adalah bergantung kepada bilangan kekuatan mereka yang mendapat kekuasaan pada permulaan pentadbiran. Lama tempoh waktu adalah juga tergantung kepadanya. Hayat sesuatu apa pun yang wujud adalah bergantung kepada kekuatan daya tahannya. Hayat suatu kerajaan adalah berdasarkan kepada perasaan kekitaannya. Sekiranya perasaan kekitaannya itu ternyata kuat, hayat (sesuatu dinasti) itu sudah tentunya teguh, dan kehidupannya pun tentulah akan panjang. Perasaan kekitaan, sebaliknya, adalah bergantung kepada kekuatan daripada segi bilangannya.

Sebab yang pasti tentang kenapa sesebuah kerajaan yang besar lebih panjang umurnya ialah kerana kerajaan itu memiliki bilangan penyokong yang ramai. Kelemahan kerajaan itu bermula di daerah-daerah pinggirannya. Setiap kelemahan yang berlaku mengikut keperluannya menghendaki tempoh waktu tertentu. Tempoh masa bila mana sesebuah kerajaan itu tumbang dalam hal ini adalah lebih panjang kerana daerah taklukannya adalah luas. Dan setiap satunya akan jatuh mengikut tempoh masanya yang tersendiri. Maka, tempoh sesebuah kerajaan yang besar untuk tumbang adalah lebih panjang.

Hal tersebut dapat dibuktikan dengan melihat negara-negara Islam Arab. Ia adalah paling lama dengan mengambil kira kerajaan Bani Abbas di pusat dan kerajaan Bani Umaiyah yang berada jauh

di Sepanyol. Pemerintahan mereka dapat ditumbangkan setelah abad yang keempat belas.

[*Kerajaan al-Ubaidiyyin hanya bertahan selama 280 tahun. Kerajaan Sanhajah agak kurang daripada itu iaitu dari tahun 358 – 557 (ketika Balkin bin Ziri berkuasa atas Ifriqiyah) dan ketika al-Muwahiddun menguasai Qal'at dan Bijayah. Sedangkan tempoh pemerintahan kerajaan al-Muwahiddin adalah mencapai 270 tahun].

Dengan demikian, tempoh kekuasaan sesebuah kerajaan adalah bergantung kepada (jumlah) pendukungnya

9 Sesebuah kerajaan jarang sekali dapat ditegakkan di tempat yang didiami oleh banyak suku dan kumpulan

Sebabnya ialah di tempat itu terdapat pelbagai perbezaan daripada segi pandangan dan keinginan. Di belakang setiap pandangan dan keinginan itu perasaan sesama kita yang menyokongnya. Dengan demikian, pada bila-bila masa pun, akan berlaku penentangan terhadap kerajaan dan pemberontakan terhadapnya, sekalipun kerajaan itu memiliki perasaan kekitaan, kerana setiap perasaan kekitaan yang ada di bawah dinasti yang berkuasa itu merasa dirinya mempunyai penyokong dan kekuatan yang secukupnya.

Seseorang itu boleh membandingkan dengan apa yang terjadi di Ifriqiyah dan Maroko bermula sejak ianya ditakluki oleh tentera Islam sampailah sekarang ini. Penduduk-penduduknya adalah suku Barbar serta dengan kumpulan-kumpulannya. Penaklukan pertama oleh Ibn Abi Sarh dan kemudiannya oleh orang-orang Kristian Eropah (di Maghribi) adalah tidak memberikan apa-apa kesan pun. Mereka terus memberontak dan bersikap menentangi kepercayaan Islam dari masa ke masa. Orang-orang Islam telah membunuh ramai kaum itu. Setelah syiar Islam itu tersebar di kalangan mereka, mereka masih bersikap menentangi dan melakukan pemberontakan serta terus menganut aliran Kharijiyah yang ortodoks. Menurut Ibn Abi Zaid: Orang-orang Barbar dari Moroko (Maghribi) membuang kepercayaan Islam sebanyak 12 kali, dan agama itu tidak tertanam dengan kuatnya hingga ber-kuasanya Gabenor Musa ibn Nushair, atau malahan setelah itu. Ini menerangkan apa yang khabarnya dikatakan Umar: Ifriqiyah memecahbelahkan hati penduduknya. Dengan ini dia bermaksud

untuk mengatakan bahawa banyaknya jumlah suku dan golongan menyebabkan mereka itu tidak mahu tunduk dan selalu menentang pemimpinnya).

Pada waktu itu Iraq dan Syria berada di dalam keadaan yang sangat berlainan. Pasukan-pasukan tenteranya adalah dianggotai oleh orang-orang Parsi dan Byzantium. Rakyatnya adalah terdiri daripada penduduk bandar dan kota. Apabila orang-orang Islam tidak lagi memberikan apa yang menjadi kuasa mereka, tidak terdapat di kalangan mereka yang bersedia untuk memikul tanggungjawab mempertahankan ataupun melakukan penentangan.

Suku Barbar di bahagian Barat adalah terlalu ramai. Kesemuanya adalah orang Badwi dan menjadi ahli kumpulan-kumpulan dan keluarga-keluarga. Apabila sesuatu suku itu dikalahkan, suku yang lain pula akan mengambil alih tempatnya dan bersikap menentangi sebagaimana yang terdahulunya. Dengan demikian, bangsa Arab itu terpaksa mengambil tempoh waktu yang sangat panjang untuk menegakkan kekuasaan di Ifriqiyah dan Maghribi (Maroko).

Pada zaman kekuasaan orang-orang Israel hal yang sama terjadi di Syria. Pada waktu itu negeri itu adalah dipenuhi oleh banyak suku dengan pelbagai perasaan kekitaan, seperti suku Palestin dan keturunan Esau, Midian, anak cucu Luth, orang-orang Edom, Armenia [!]. Amalekit, Girgasy, dan Nabatea dari Jazirah dan Mousul. Dengan demikian, adalah menyukarkan bagi pihak bangsa Israel itu untuk memantapkan dinasti mereka. Dari masa ke masa, kedaulatan mereka menghadapi bahaya. Semangat untuk menentangi (di dalam negeri itu) beralih kepada bangsa Israel. Mereka menentangi kerajaan mereka sendiri dan melakukan pemberontakan terhadapnya. Maka mereka tidak pernah memiliki suatu kedaulatan yang mapan dan berkesinambungan. Akhirnya mereka itu ditewaskan oleh, pertamanya bangsa Parsi, sesudah itu oleh bangsa Yunani, dan kemudiannya oleh bangsa Romawi, apabila kekuasaan mereka berakhir dengan kehidupan yang tiada bertanah air lagi.

Sebaliknya, adalah sangat mudah untuk membina sebuah dinasti di negeri yang bebas daripada belenggu perasaan kekitaan. Pentadbiran kerajaan di sana akan menjadi aman damai, kerana kurangnya kekacauan, dan dinasti di situ tidak memerlukan banyak perasaan kekitaan. Keadaan inilah sebagaimana pada masa itu di negara Mesir dan Syria. Rakyatnya adalah bebas dari-

pada dikongkongi oleh berpuak-puak dan semangat kekitaan; malah, seseorang itu tidak akan terfikir bahawa di Syria pada suatu masa dahulu adalah sebuah tempat yang mengundang kesemuanya itu, sebagaimana yang telah kami nyatakan. Kedaulatan kuasa raja di Mesir adalah sangat aman dan kukuh. Sebabnya ialah, di Mesir tidak terdapat ramai pemberontakan atau orang yang mewakili kumpulan pihak Mesir mempunyai seorang sultan dan rakyatnya. Kerajaan yang memerintah mempunyai raja-raja Turki dan kumpulan-kumpulannya. Kekuasaan berpindah daripada satu ketua kepada yang lainnya, dan pemerintahan negara berpindah tangan di kalangan mereka, berpindah daripada satu salasilah kepada yang lainnya. Khalifah sebenarnya wujud daripada segi namanya sahaja al-Abbasiyah, keturunan khalifah-khalifah Abbasiyah dari Baghdad. Hal yang sama sebagaimana yang berlaku pada zaman yang sama di Sepanyol. ...

10 Sebagaimana yang menjadi resamnya, kuasa kebangsawanan akan menuntut segala kemegahan itu untuk dirinya dan kemudiannya hidup dalam keadaan serba mewah dan mengenai ketenangan dan menyukai keamanan

Sebagaimana didakwakan kemegahan itu untuk dirinya sendiri, ia adalah disebabkan sebagaimana yang telah kami terangkan dahulu bahawa kedaulatan kuasa itu adalah dibangunkan di atas dasar perasaan kekitaan. Perasaan sekumpulan itu adalah suatu yang rencam yang terhasil daripada penyatuan beberapa golongan yang satu di antaranya adalah lebih berpengaruh daripada yang lainnya. Dengan demikian, (perasaan sekumpulan) itu berupaya mengatasi dan menguasai yang lain-lainnya dan akhirnya, akan menguasai kesemuanya mengikut telunjuknya. Melalui cara ini, organisasi sosial dan berkuasa di atas yang lain-lainnya dan negara boleh berlaku.

Apa yang menjadi rahsianya di sini ialah perasaan sekumpulan ini akan tersebar ke seluruh puak sesuai dengan perasaan terhadap perkara-perkara yang ditimbulkan. Jalan tengah adalah hasil daripada campuran pelbagai elemen. Apabila elemen-elemen itu disatukan mengikut nisbahnya yang sama, tidak akan terjadi percampuran. Satu (element) itu haruslah lebih menonjol daripada yang lain-lainnya dan apabila dia (melaksanakan) kekuasaannya terhadap yang lain berlakulah suatu percampuran. Dalam keadaan

yang sama, satu daripada pelbagai perasaan kekitaan puak-puak itu seharusnya lebih menonjol daripada yang lain – demi membawa mereka berkumpul untuk lebih menonjol daripada yang lain – membawa mereka berkumpul, untuk menyatupadukan mereka dan mengikat mereka ke dalam perasaan kekitaan yang satu – mengundang pelbagai kumpulan itu. Semua kumpulan yang pelbagai itu dengan demikian akan berada di bawah naungan perasaan kekitaan yang lebih berpengaruh.

Perasaan kekitaan yang paling ketara boleh terdapat di kalangan orang yang memiliki 'lembaga' dan kepemimpinan di kalangan puak. Salah seorang di antara mereka harus bertindak sebagai ketua yang mempunyai kekuasaan terhadap yang lain-lainnya. Dia terpilih menjadi ketua daripada pelbagai perasaan kekitaan, kerana dia adalah lebih mengatasi yang lain-lainnya oleh kelahirannya. Apabila dia terpilih untuk menjadi pemimpin dia begitu enggan membahagi-bahagikan kekuasaan yang dimilikinya atau membenarkan orang lain mengambil bahagian. Sebabnya ialah sifat bongkak dan bangga diri adalah suatu yang memang terdapat di dalam watak binatang. Maka, dia memiliki sifat keakuan, suatu yang sedia tertanam di dalam diri seorang manusia.

Tambahan pula, politik itu menghendaki seseorang itu melaksanakan. Sekiranya terdapat banyak pemimpin sudah pasti akan bercanggah antara satu dengan yang lainnya, dan pelaksanaan kuasa itu akan menimbulkan kekacauan akibatnya ialah kemusnahan yang menyeluruh.

> "Dan kalau saja di alam ini ada Tuhan selain Allah, maka pasti akan terjadi kekacauan.[7]

Maka, cita-cita pelbagai perasaan kekitaan itu menjadi terbantut. Orang menjadi tidak mengendahkan dan tidak berhasrat berkongsi kuasa menyelia bersama ketuanya. Perasaan kekitaan mereka dipaksa untuk mengekang daripada aspirasi yang sedemikian. Ketua tadi menggondol kesemuanya itu kepada dirinya, seboleh mungkinnya. Akhirnya, dia tidak meninggalkan apa-apa pun dari kekuasaannya itu kepada orang lain. Dia dengan demikian mendapatkan kebesaran-kebesaran itu untuk dirinya dan tidak memberikan orang lain berkongsi keuntungan itu. Hal itu boleh

---

7 Al-Quran surah 21 (al-Anbiyaa) ayat 22.

dinikmati oleh raja di dalam dinasti pertama, atau mungkin dilanjutkan dengan yang keduanya atau yang ketiganya – bergantung kepada bantahan dan kekuatan daripada pelbagai perasaan kekitaan, tetapi ia adalah suatu yang tidak dapat dielakkan di dalam dinasti itu.

Sebagaimana dengan keremehan, sebabnya ialah – apabila sesebuah bangsa itu telah berkuasa dan mewarisi apa yang menjadi milik nenek moyangnya yang memiliki kedaulatan – kemakmuran dan kekayaan itu akan bertambah. Daripada kehidupan yang menurut keperluannya sahaja dan kehidupan yang berjimat cermat, mereka terus menikmati kemewahan dan kehidupan yang serba selesa dan indah. Mereka telah menerima kebiasaan-kebiasaan itu dan (berasa seronok) dengan keadaan-keadaan yang dikecapi oleh nenek moyang mereka. Kemewahan menghendaki kemajuan daripada kebiasaan yang harus untuk menghasilkannya. Masyarakat itu ternyata cenderung kepada kemewahan dalam segi – makanan, berpakaian, perhiasan dan peralatan rumahtangga. Mereka berasa megah dengan benda-benda itu dan berlumba-lumba dengan bangsa-bangsa yang lainnya dari segi – makanan, berpakaian yang menampakkan kebesaran, dan kenderaan yang baik. Setiap generasi baru mahu yang terbaik daripada yang terdahulunya dalam hal ini, ia berlanjutan semakin besar pula kecenderungannya dan masyarakatnya terhadap kemewahan. Akhirnya penghujung itu tiba jua terhadap dinasti itu oleh kekuasaannya sendiri dan oleh sebab adat kebiasaan pendahuluannya.

Mengenai kemahuan mewujudkan suasana tenang dan aman, sebabnya ialah bagi bangsa yang mahu mempertegaskan kedaulatan kuasanya itu hanyalah dengan membuat tuntutan-tuntutan, dengan sentiasa mengingatkan tujuan mendapatkan yang berkuasa dan kedaulatan kuasanya. Setelah kesemuanya tercapai – segala usaha yang lainnya akan terhenti di situ sahaja.

Apabila masyarakat itu sudah memperolehi kedaulatan kuasa, mereka tidak perlu lagi melakukan kerja yang memenatkan badan yang pernah dilakukan ketika sedang mencarinya. Mereka menggemari istirahat dan kelengangan serta ketenangan. Sekarang mereka mahukan hasil daripada kedaulatan kuasa itu – seperti dalam hal bangunan, kediaman dan pakaian. Mereka membina istana dan memasang air yang sentiasa mengalir. Mereka mempunyai kebun-kebun bunga dan berfoya-foya. Mereka bangga daripada segi berpakaian, makanan, barang-barang rumahtangga

dan perhiasan – sedapat yang mungkin. Mereka sudah sebati dengan tingkah laku itu dan mewariskannya kepada generasi yang kemudiannya.

Ia terus berlanjutan, hinggalah Allah s.w.t. mentakdirkan ianya dilenyapkan.

12 Sudah termasuk watak negara menumbuhkan sifat menurut dan malas

Sebabnya ialah, suatu golongan umat manusia hanya boleh mendapat kekuasaan dengan berjuang, iaitu perjuangan yang membawa kemenangan, dan berdirinya suatu negara. Apabila tujuan itu telah tercapai, perjuangan akan berhenti. Seorang penyair[8] berkata:

Saya hairan atas perjuangan masa
di antara daku dengannya
begitu perjuangan berhenti
masa pun jadi leha-leha

Apabila pada suatu waktu mereka mendirikan negara, mereka tidak lagi akan berjuang dengan gigih, sebagaimana yang tadinya telah mereka lakukan. Mereka malahan memilih hidup menganggur, bersenang-senang, dan bermalas-malasan. Kini mereka mencuba menikmati buah kekuasaan; seperti rumah yang indah dan pakaian yang cantik-cantik. Mereka mendirikan istana, menyalurkan air ke istana dan membina taman. Mereka mulai tertarik pada kebagusan yang luar biasa pada pakaian, makanan, perkakas rumah dan alat rumahtangga dan secara umum dapat dikatakan, mereka memiliki hidup serba selesa jika dibandingkan dengan kerja yang keras. Demikianlah dengan cepat mereka menjadi terbiasa dengan cara hidup yang mewah. Cara hidup mewah itu lalu mereka wariskan kepada keturunan mereka. Demikianlah, makin hari makin menjadi, dan sampai pada saatnya Allah mengakhiri kemewahan itu.

Allah adalah Hakim yang paling baik. Dan Allah Taala lebih mengetahui.

---

8 Dia adalah Abu Shakhar.

13 Apabila kecenderungan semula jadi kekuasaan golongan bangsawan untuk menuntut segala keagungan untuk dirinya sahaja dan mendapatkan kemewahan serta keamanan itu sudah dapat dimantapkan, kerajaan tersebut akan menghadapi tahap kemundurannya

Ia dapat dijelaskan menurut beberapa cara:

Pertama: Sebagaimana yang kami telah nyatakan, (kedaulatan kuasa), secara semula jadinya, harus menuntut semua kegemilangan itu untuk dirinya sahaja. Selagi kemegahan itu menjadi hak bersama oleh kumpulan itu dan mereka menganggap ia adalah usaha bersama, segala daya usaha hendak menguasai terus lainnya, dan demi mempertahankan apa yang jadi milik mereka adalah dinyatakan melalui perilaku liar dan kurangnya hambatan. Mereka menuju kepada satu tujuan, yakni kemasyhuran. Dengan demikian, mereka menganggap kematian di dalam usaha mengejar kemegahan adalah suatu perjuangan yang murni dan mereka rela berputih tulang daripada berputih mata. Kini, apabila salah seseorang di antara mereka telah mendakwakan kegemilangan itu untuk dirinya sahaja, bertindak menekankan yang lain dan sentiasa berwaspada menghadapi mereka. Lebih dari itu, dia menghalangi usaha mereka mengumpulkan kekayaan dan mengambilnya untuk kepentingan dirinya sendiri. Akibatnya, orang-orang yang ada di dalam golongan itu menjadi sangat malas untuk berusaha mendapatkan kegemilangan hidup. Mereka menjadi lemah semangat dan suka merendah diri dan ingin berbakti.

Keturunan yang berikutnya akan dibesarkan di dalam suasana yang sedemikian. Mereka memikirkan pemberian-pemberian yang diberikan oleh raja kepada mereka sebagai balasan khidmat ketenteraan dan sokongan yang mereka berikan. Tidak ada yang lain-lainnya yang difikirkan, (tetapi) seseorang itu kurang daripada segi kerelaan untuk mengorbankan jiwa raganya.

Keadaan ini akan melemahkan negara itu dan memundurkan kekuatannya. Perasaan kekitaan mereka menjadi rosak sebab orang-orang yang mewakili perasaan kekitaan itu telah kehilangan usaha.

Kedua: Sebagaimana yang telah kami katakan terdahulu, kedaulatan kuasa menurut yang semula jadinya menghendaki kepada kemewahan. Masyarakat telah menjadi biasa dengan beberapa

perkara. Perbelanjaan mereka adalah lebih tinggi daripada elaun-elaun dan pendapatan yang diperolehi itu tidak cukup untuk membayar segala perbelanjaan mereka. Mereka yang tidak berada akan hidup melarat. Orang-orang yang berada akan membelanjakan hartanya untuk menikmati hidup yang mewah. Keadaan ini akan menjadi lebih teruk pada keturunan yang berikutnya. Akhirnya, semua pendapatan mereka tidak lagi dapat membayar keperluan untuk kehidupan yang serba mewah dan segala-galanya yang telah menjadi kebiasaan mereka. Mereka lalu bertindak ibarat diberikan betis hendak paha.

Apabila para raja memerintahkan supaya rakyatnya turut menyumbang perbelanjaan serangan dan peperangan, mereka tidak berupaya berbuat begitu. Dengan demikian, raja-raja itu akan bertindak mengenakan dendaan terhadap orang-orang itu dan menyita kekayaan daripada kebanyakan mereka. Barang sita itu disimpan untuk keperluan raja-raja itu sendiri, atau dibahagi-bahagikan kepada keluarga dan orang yang menyokong usaha kerajaan itu. Dalam hal ini, mereka menjadikan masyarakat itu lemah untuk mentadbirkan urusan mereka, dan kelemahan mereka kemudiannya membeliti golongan yang memerintah dan melemahkan mereka juga.

Juga, apabila kehidupan bermewah itu semakin menjadi-jadi dan pendapatan mereka tidak lagi mencukupi untuk membiayai keperluan dan perbelanjaan, raja – yakni kerajaan harus menambah tunjangan demi memperbetulkan keadaan dan memperbaiki keadaan yang tidak seimbang. Pada hal, jumlah cukai yang dipungut adalah tetap. Ia tidak pula bertambah ataupun berkurang. Apabila cukai yang baru dinaikkan kutipan tambahannya akibat daripada kenaikan kadar cukai mempunyai hadnya dan tidak boleh dinaikkan lagi. Dan apabila kutipan cukai itu harus digunakan untuk membayar tunjangan untuk membiayai kemewahan yang bertambah pengeluaran, dan perbelanjaan yang tinggi – orang-orang yang menganggotai angkatan bersenjata terpaksa dikurangi daripada apa yang ada sebelum kenaikan elaun-elaun.*

Kemewahan, dalam pada itu, terus meningkat. Sebagai akibatnya, elaun-elaun menjadi lebih besar, dan jumlah angkatan

---

* Yakni, oleh sebab elaun-elaun yang harus dibayar adalah tinggi daripada dahulunya dan cukai pendapat tidak pula bertambah, sedikit sahaja anggota yang boleh diambil berkhidmat.

bersenjata akan makin berkurangan. Ini terjadi pada kali ketiga dan keempatnya. Akhirnya, angkatan bersenjata dikurangkan kepada jumlah yang kecil. Akibatnya pertahanan ketenteraan menjadi lemah dan kekuatan negera menurun. Negara tetangga atau suku-suku dan gerombolan-gerombolan yang berada di bawah naungan, menjadi berani dan menyerang.

> Dan Allah s.w.t. mengizinkan negara itu menghadapi kehancurannya. Bahawa Dia mentakdirkan apa yang menjadi nasib makhluk-makhluknya.

Lebih-lebih lagi, kemewahan itu merosakkan akhlak, melalui kemewahan jiwa itu terlibat dengan pelbagai kejahatan dan kebiasaan yang sungguh sofistikated, sebagaimana yang akan disebutkan di dalam bahagian tentang peradaban tinggal menetap. Masyarakat mengabaikan sikap berhemah tinggi, sebagai alamat dan petanda kedaulatan berkuasa. Mereka mengamalkan sifat yang sebaliknya. Ia membuka jalan yang tidak diredai dan kehancuran sebagaimana yang Allah s.w.t. (telah tentukan) untuk makhluk-Nya. Negara itu memperlihatkan tanda-tanda kemunduran dan perpecahan. Ia dihinggapi oleh penyakit-penyakit yang sangat sukar untuk terus ditangguhkan dan akhirnya ia menemui ajalnya.

Ketiga: Sebagaimana yang kami telah sebutkan, kedaulatan kuasa, menurut yang semula jadinya – menghendaki suasana damai. Apabila masyarakat itu sudah biasa dengan kehidupan yang damai dan bermalas-malas dan menjadi kenyataan suatu keresaman, ia menjadi sebahagian kebiasaannya. Inilah keadaannya dengan segala sesuatu yang seseorang itu telah menjadi biasa.

Generasi muda telah dibesarkan dalam kemewahan, dan hidup yang serba selesa dan kedamaian. Kebiasaan lama yang tidak bertamadun (yang dimiliki oleh generasi terdahulu) ditinggalkan melalui peralihannya. Mereka terlupa akan kebiasaan hidup di padang pasir dan yang membolehkan mereka mendapatkan kedaulatan kuasa, mempunyai tenaga yang kuat, bersikap sentiasa tamak, dan keupayaan menjelajah di kawasan gurun dan menemui jalan keluar dari daerah yang terbiar. Tidak ada perbezaan di antara mereka dengan masyarakat kita yang biasa, kecuali di dalam segi kebolehan mereka beradu tenaga dan lambang-lambang. Apa yang tidak baik daripada keadaan ini terhadap

kerajaan ialah dalam bentuk kemundurannya. Masyarakat, dalam pada masa itu, terus mengambil bentuk kemewahan yang baru dan kebudayaan tinggal menetap. Mereka menyukai – keamanan, kesenangan, dan sopan santun di dalam banyak keadaan, dan mereka semakin menggemarinya. Maka, mereka semakin tidak betah dengan kehidupan di padang pasir dan kekuasaan hidup yang sebegitu. Secara beransur, mereka kehilangan apa yang pernah mereka miliki. Mereka terlupa nilai bersifat berani yang diperlukan untuk perlindungan dan pertahanan. Akhirnya, mereka menjadi terlalu bergantung kepada kehadiran pasukan tentera asing, sekiranya mereka memilikinya. Sebagai contohnya ialah bangsa-bangsa yang mana sejarahnya sebagaimana yang tercatat di dalam buku-buku yang anda miliki. Apa yang telah saya sebutkan didapati benar dan yang tidak dapat diragukan.

Di dalam kerajaan yang diserang oleh kemundurannya yang diakibatkan oleh kemewahan dan suka bermalas-malas, kadang-kalanya terjadi orang yang menerajui negara itu akan memilih pembantu dan puak daripada kumpulan yang tidak ada kaitannya dengan kerajaan yang memerintah tetapi cekal dengan kepayahan. Dia akan menggunakan tenaga itu sebagai anggota tentera yang lebih tahan menanggung derita perang, berlapar dan kehidupan yang tertekan. Ini mungkin dapat membuktikan cara penyembuhan kepada kerajaan yang menghadapi kemundurannya apabila sampai pada waktunya tetapi hanya sekiranya Allah s.w.t. mengizinkan kerajaan itu menghadapi kehancurannya.

Inilah yang terjadi kepada kerajaan Turki di Timur. Sebahagian besar anggota tenteranya adalah terdiri daripada 'orang yang dinaungi'. Raja-rajanya kemudiannya memilih pasukan soldadu berkuda dan pasukan tentera daripada kalangan hamba abdi berkulit cerah (Mamelukes) yang dibawa menghadap mereka. Mereka lebih bersedia untuk berjuang dan lebih tahan lasak menanggung deraan daripada anak-anak generasi terdahulu, hamba abdi yang berkulit cerah yang telah dibesarkan dalam kemewahan sebagai golongan yang memerintah di dalam lindungan kerajaan.

Beginilah juga keadaan kerajaan al-Muwahiddun di Ifriqiyah. Raja-rajanya sering memilih anggota-anggota tentera daripada suku Zenatah dan yang berbangsa Arab. Ramai yang diambil untuk berkhidmat, dan mengetepikan rakyatnya sendiri yang sudah terbiasa dengan kehidupan yang serba mewah. Maka kerajaan itu

memperolehi suatu lagi, hidup yang baru, yang tidak digugat oleh kemusnahan.

> Allah adalah pewaris bumi dan orang yang ada di atasnya.

14 Dinasti-dinasti itu mempunyai hayat semula jadinya seperti juga manusia

Hayat semula jadi manusia, sebagaimana menurut pendapat ahli perubatan dan astrologi adalah selama 120 tahun. Tempoh masa itu disebut oleh para astrologi sebagai 'The Great Lunar Year'. Di dalam generasi yang sama, tempoh hayatnya adalah berbeza menurut beberapa gabungannya. Hayat itu boleh lebih ataupun boleh kurang daripada 120 tahun. Hayat seseorang itu boleh di bawah beberapa keadaannya akan mencapai genap 100 tahun. Sementara lain-lainnya – boleh mencapai 50 atau 80, atau 70, sesuai dengan indikasi-indikasi gabungan (*qiraanaat*. Ar. *conjuntions*. Ing.) yang dapat diteliti oleh para pengamat tersebut. Dalam hadis disebutkan bahawa umur seseorang Muslim itu adalah antara 60 dan 70. Hayat semula jadi 120 tahun itu dapat dijangkaui sekali-sekalanya oleh bentuk yang satu-satunya sahaja dan kedudukan luar biasa di atas muka bumi ini. Sepertimana halnya dengan Nabi Noh a.s. dan beberapa orang di kalangan kaum Azzd dan Tsamud.

Hal yang sama boleh berlaku terhadap hayat sesebuah dinasti. Tempohnya boleh berbeza menurut gabungannya. Sungguhpun begitu, secara umumnya dapatlah dikatakan bahawa hayat dinasti itu jarang melampaui tiga keturunan.[9] Satu generasi itu adalah sama dengan purata umur seseorang, yakni – 40 tahun, suatu waktu yang diperlukan untuk menyempurnakan pertumbuhan dan mencapai kematangannya.

Firman Allah:

> "sehingga apabila dia telah dewasa dan umurnya sampai 40 tahun. ..."[10]

Kenyataan kami ini dapat diperkuatkan oleh bermaknanya kenyataan yang menyebutkan bahawa anak cucu Bani Israel telah

9 Andaian tentang *period* 40 ini tidak sesuai dengan pernyataan Ibn Khaldun tentang panjang umur umat manusia (F. Rosenthal).

10 Al-Quran surah 46 (al-Ahqaf) ayat 15.

bermastautin di Padang Pasir Tiih di Semenanjung Sinai selama 40 tahun lamanya. Tempoh 40 tahun itu dimaksudkan untuk menyatakan lenyapnya generasi yang dahulunya hidup dan tumbuhnya generasi lain yang tidak pernah menyaksikan dan tidak pernah merasakan penghinaan semasa di Mesir. Ini adalah bukti daripada andaian bahawa masa 40 tahun, yang mana adalah sama dengan (purata) usia seseorang, haruslah dianggap sebagai tempoh usia satu generasi.

Telah kami nyatakan bahawa hayat sesuatu dinasti tidak menurut peraturannya melampaui tiga generasi. Generasi pertama mengekalkan sifat-sifat masyarakat padang pasir, kekasarannya dan kebiadaban hidup kaum pengembara. Anggota masyarakat itu sudah lali dengan kehidupan yang serba terdesak dan 'berat sama-sama dijunjung, ringan sama-sama dijinjing, mereka adalah 'berjiwa besar' dan tamak. Dengan demikian, kekuatan perasaan kekitaan terus dipupuk di kalangan mereka. Mereka disegani dan digentari. Ramai yang tunduk kepadanya.

Di bawah pengaruh kedaulatan kuasa dan hidup yang serba selesa – generasi yang kedua telah mengubah daripada cara hidup pengembara kepada cara hidup masyarakat yang menetap dan kemewahan – daripada suatu kehidupan yang kesempitan kepada melimpah-ruah, daripada suatu kehidupan di mana mereka sama-sama mendapatkan kemasyhuran kepada seseorang yang mendakwa kemasyhuran itu untuk dirinya sendiri, sementara yang selebihnya adalah malas untuk berusaha mendapatkan kemegahan, dan daripada berperasaan megah kepada penuh keakuran sahaja. Maka, keberanian itu pada satu tahapnya sudah tiada lagi. Masyarakatnya sudah terbiasa dengan merendah diri dan bersikap boleh dicucuk hidung. Tetapi mereka masih mengekalkan sebahagian daripada sifat-sifat yang asli. Sebabnya ialah – mereka mempunyai hubungan langsung dengan generasi yang pertama dan keadaan-keadaannya dan telah menyaksikan dengan mata kepala sendiri kegigihan mengejar kemasyhuran dan kekuatan keinginan untuk mempertahankan serta melindungi diri sendiri. Mereka tidak boleh meninggalkan sifat asli ini sekaligus, meskipun sebahagiannya terpaksa dikesampingkan. Mereka mengharapkan keadaan yang pernah dimiliki oleh generasi yang sudah lalu dapat mereka kecapi, atau hidup penuh khayalan bahawa keadaan itu masih wujud.

Generasi ketiga, kemudian, sama sekali telah lupa akan

kehidupan di padang pasir dan kesulitannya, seolah-olah ianya suatu yang tidak pernah wujud. Mereka telah kehilangan merasakan nikmat daripada kegemilangan dan perasaan kekitaan. Sebab mereka sudah berada pada kebiasaan diperintah. Kemewahan telah merosakkan mereka, kerana telah dibesarkan oleh kehidupan yang senang dan mudah. Mereka terlalu bergantung kepada kerajaan dan seperti para wanita dan kanak-kanak yang perlu dilindungi. Perasaan kekitaan sama sekali telah lenyap. Mereka telah lupa untuk melindungi dan mempertahankan diri serta menyatakan apa yang menjadi hak mereka.

Mereka mengelabui mata rakyat dengan kebesaran pangkat, pakaian, dan menunggang kuda dan ketangkasan bermain senjata. Padahal mereka adalah lebih pengecut daripada seorang perempuan. Apabila ada yang meminta sesuatu, mereka tidak berupaya mengusirnya. Akibatnya, peneraju negara terpaksa menyerahkan tugas mempertahankan kedaulatan negara kepada orang lain. Orang yang diambil bagi memikul tanggungjawab itu ialah sekutu dan hamba sahaya. Mereka sedikit sebanyaknya telah mengangkat martabat kerajaan itu hinggalah Allah s.w.t. memutuskan kehancurannya dan melenyapkan seluruhnya yang dipertahankan.

Sebagaimana yang seseorang boleh saksikan, kita miliki tiga generasi sahaja. Semasa tiga generasi itu dinasti tersebut melalui zaman kemundurannya dan akhirnya runtuh. Dengan demikian, kebanggaan itu mulai luntur pada generasi yang keempatnya. [*Hal ini telah kita bincangkan sebelumnya tentang kebanggaan dan kemegahan keturunan yang terbatas sampai pada empat generasi atau empat keturunan. Semua itu telah kita terangkan berdasar bukti-bukti alami, dan memadai berdasar premis yang telah kita nyatakan sebelum ini. Para pembaca jika benar-benar objektif, hendaknya boleh memikirkan hal itu, sehingga jelas kebenarannya].

Tiga generasi ini, sepertimana telah kita katakan, dapat bertahan selama 120 tahun. Biasanya, hayat dinasti-dinasti itu adalah tidak lebih daripada beberapa tahun, hanya secara kebetulan, tidak ada yang mengganggu-gugatnya. Apabila kemunduran suatu dinasti telah menjadi sangat menonjol – kemungkinannya tidak ada yang mahu merampas kuasa dan tidak ada apa-apa yang berlaku. Dan sekiranya ada yang bersedia, maka tidak ada sesiapa yang dapat mengatasi keupayaannya. Apabila telah sampai waktunya, (berakhirnya hayat kerajaan itu) tidak dapat ditangguh-tangguhkan walaupun sejam lagi, dan tidak pula boleh dilanjutkan lagi.

"Kalau ajal mereka telah tiba, mereka tak kuasa menunda atau mempercepat kematiannya, walau sesaat pun."[11]

Di dalam hal ini, hayat suatu dinasti adalah sama dengan umur seseorang. Ia tumbuh dan melalui suatu masa di mana ianya tidak giat dan mundur. Oleh itu, umum mendakwa bahawa hayat sesuatu dinasti itu adalah 100 tahun. ...

[*Maka ambillah pelajaran dan buatlah dari situ suatu teori[12] yang dapat membuktikan kebenaran jumlah nenek moyang dalam satu salasilah keturunan dengan mengetahui tahun-tahun yang telah lampau. Jika sudah menemukan jumlah nenek moyang dan tahun-tahun sejak nenek pertama hingga yang terakhir, maka hitunglah tiap 100 tahun dan ba.agi dengan tiga moyang. Apabila jumlah itu habis dibahagi dan sesuai dengan jumlah moyang, maka jumlah itu benar. Namun apabila moyang-moyang itu kurang satu generasi, bererti jumlah itu salah kerana bertambah satu generasi di dalam salasilah keturunan itu. Sebaliknya bila moyang-moyang itu terhitung lebih satu generasi, itu pun salah kerana berkurangnya satu generasi. Demikianlah dapat dihitung jumlah tahun daripada jumlah moyang, jika yang terakhir ini sudah diketahui. Renungkanlah, sering kali ini benar.

"Dan Allah menetapkan malam dan siang]."[13]

15 Peralihan dinasti daripada kehidupan di padang pasir kepada kebudayaan tinggal menetap

Suatu yang harus diketahui ialah bahawa tahap ini merupakan pertumbuhan yang semula jadi bagi dinasti. Lebih berkuasa yang mana telah melahirkan kedaulatan itu adalah diakibatkan oleh perasaan kekitaan dan usaha yang keras, dan tabiat yang tidak berpuas hati dengan apa yang diperolehi. Biasanya, hal ini adalah mungkin dalam hubungannya dengan kehidupan di padang pasir.

---

11 Al-Quran surah 16 (an-Nahl) ayat 61.

12 Melalui sumber-sumber auditif dan riwayat tertulis, Ibn Khaldun menyebutkan 100 orang saudara dalam salasilah keturunannya (lihat *at-Tarif* hlm. 1). Namun berdasarkan teorinya ini, dia meragukan kebenaran 100 saudara itu. Dia yakin bahawa jumlah saudaranya 200 orang (baca lengkapnya *Ibn Khaldun*, Dr. Abd. Wahid Wafi, hlm. 12).

13 Al-Quran surah 73 (al-Muzammil) ayat 20.

Dengan demikian, tahap pertama dinasti adalah kehidupan di padang pasir.

Apabila kedaulatan berkuasa itu telah dicapai, ia diikuti pula oleh kehidupan yang bersenang-lenang dan peluang yang bertambah. Kebudayaan hidup menetap (*hadlarah.* Ar. *sedentary culture* Ing.) sebenarnya hanyalah satu pelbagaian daripada kemewahan, dan pengetahuan tentang keahlian yang diperhalusi untuk bermacam-macam aspek dan caranya. Misalnya mengenai makanan, pakaian, bangunan, permaidani, peralatan dan keperluan rumah tangga yang lain-lainnya. Setiap barang-barang ini memerlukan keahlian tersendiri demi memperhalusi dan memperbaiki bentuknya. Keahlian ini semakin bertambah sesuai dengan pelbagai kemewahan dan hiburan dan cara-cara serta keupayaan menikmati kesenangan hidup yang ingin dipenuhi oleh hawa nafsu. Juga, bertambahnya berbagai-bagai benda yang sudah terbiasa kepada masyarakatnya.

Peringkat budaya menetap bagi kerajaan yang berdaulat itu adalah terikut-ikut dengan kehidupan mengembara. Ia terjadi sedemikian menurut keperluannya, sebagai akibat daripada hakikat bahawa kedaulatan berkuasa itu seharusnya diikuti oleh kehidupan yang bersenang-lenang. Pada peringkat menetap dan keadaan-keadaan tinggal menetap, masyarakat itu akan meneladani cara hidup orang-orang yang terdahulu daripada mereka. Mereka adalah ibarat – bagaimana acuan begitulah kuihnya – dan, sebagaimana lazimnya, banyak belajar daripada kehidupan orang yang terdahulunya.

Lebih kurang begitulah sebagaimana yang terjadi terhadap bangsa Arab, sewaktu mreka menakluki dan memerintah Kerajaan Parsi dan Byzantium, serta mengambil putera dan puterinya sebagai hamba mereka sahaja. Pada masa itu, orang-orang Arab sama sekali tidak mempunyai peradaban tinggal menetap. Dikisahkan bahawa sewaktu mereka diberikan sebiji bantal, mereka menyangka ianya adalah sebuntil kain perca. Kapur barus yang mereka jumpai di dalam perbendaharaan raja Parsi telah digunakan sebagai garam tepung yang diuli. Banyak lagi hal-hal yang serupa dengannya. Orang-orang Arab kemudiannya – telah memperhamba rakyat kerajaan yang terdahulu itu dan memberikan pekerjaan dan mengurusi rumahtangga. Daripada kalangan mereka itu, mereka memilih yang paling cekap mengikut keahlian yang ada pada diri masing-masing, dan bangsa Arab itu belajar

bagaimana melakukannya – dan menggunakannya secara yang semestinya. Sebagai tambahannya, keadaan-keadaan orang-orang Arab itu menjadi bertambah baik dan menemui banyak pelbagaiannya. Dengan itu, telah sampai kepada tingkatan yang lebih halus. Memang telah mencapai tingkatan budaya hidup tinggal menetap – daripada segi kemewahannya, makan dan minuman, berpakaian, pembinaan bangunan, persenjataan, hamparan, kelengkapan rumah tangga, muzik dan barangan serta hiasan lain-lainnya. Kesempurnaan yang serupa mereka perlihatkan semasa berlangsungnya keramaian, jamuan makan, dan malam-malam pernikahan. Dalam hal ini, mereka sudah melebihi batasnya.

Membaca nukilan yang dibuat oleh al-Mas'udi dan at-Thabari serta ahli sejarawan lainnya, mengenai perkahwinan al-Makmun dengan Buran, puteri al-Hasan ibn Sahl seseorang itu akan berasa takjub. Mereka bercerita tentang barang pemberian yang diberikan oleh ayah Buran kepada ahli rombongan al-Makmun ketika khalifah itu datang dengan perahu ke rumah (al-Hasan) di Fumm as-Silh untuk meminangnya. Mereka menyebutkan perbelanjaan pernikahan dan pemberian al-Makmun kepada Buran.

Pada hari pernikahan, al-Hasan ibn Sahl telah menyuguhkan makanan yang mewah kepada ahli rombongan al-Makmun. Kepada ahli rombongan yang termulia, al-Hasan memberikan sebungkus kertas yang memberikannya hak ke atas ladang dan kebun. Tiap satunya akan membolehkan seseorang itu mendapatkan kesempatan dan keberuntungannya. Anggota kelas kedua pula diberikan pundi-pundi yang berisi 10 000 dinar. Anggota daripada kelas tiga pula diberikan pundi-pundi yang di dalamnya adalah dirham mengikut jumlahnya yang sama juga. Sebagai tambahan kepada semuanya itu, dia telah berbelanja besar sewaktu al-Makmun berada di rumahnya.

Juga al-Makmun telah memberikan seribu biji *yaqut* kepada Buran sebagai maharnya, pada malam pernikahannya. Dia juga telah menyalakan pelita yang masing-masingnya adalah seberat 100 *mann* – satu *mann* adalah seberat 1 2/3 paun. Dia juga telah menghamparkan permaidani yang ditenun dengan benang emas, dan yang dihiasi mutiara dan *yaqut*. [*Begitu al-Makmun melihatnya, serentak dia berucap: "Tuhan bunuh Abu Nawas", seakan-akan dia hendak memperlihatkan hal ini di mana dia mengatakan tentang *khamr:*

Kecil dan besar warna cemerlangnya
bagai butir mutiara di atas bumi emas.

Untuk kerja masak-memasak pada hari perkahwinan nanti – sebanyak 140 muatan (*bagal.* Ar. *mule loads.* Ing.) telah diangkut sebanyak tiga kali sehari selama setahun. Kesemua kayu bakar itu telah digunakan untuk malam-malam tersebut. Pelepah-pelepah dinyalakan dengan menyiram minyak ke atasnya. Tukang-tukang perahu telah dipanggil untuk mengangkut tetamu terhormat di Sungai Tigris. Perahu yang disediakan untuk tujuan tersebut berjumlah 30 000 buah dan mereka menyeberangkan para tamu sehari suntuk. Terdapat banyak lagi perkara-perkara yang seumpama itu.

Hal yang sama juga terjadi sewaktu berlangsungnya pesta perkahwinan al-Makmun ibn Dzin-nun di Toledo. Itu dinukilkan oleh Ibn Bassam di dalam bukunya *adz-Dzakhirah* dan Ibn Hibban.

Kesemua itu telah terjadi sewaktu mereka pada peringkat pertama melangsungi hidup di padang pasir. Mereka tidak berkeupayaan melakukan yang seumpama itu – kerana – taraf hidup mereka yang rendah dan bersyukur dengan apa yang ada, mereka kekurangan daripada segi keupayaan dan orang-orang yang mempunyai kemampuan teknikalnya. ...

Kebudayaan hidup menetap selalunya diwarisi daripada dinasti yang terdahulu kepada dinasti yang sesudahnya. Kebudayaan hidup menetap orang-orang Parsi telah diwarisi oleh bangsa Arab Bani Umaiyah dan Bani Abbas. Kebudayaan hidup menetap Bani Umaiyah di Andalusia diwarisi oleh raja-raja Maghribi, daripada keturunan al-Muwahiddun dan Zenatah yang hidup pada masa itu. Kebudayaan Bani Abbas telah diwarisi oleh Dailam, kemudiannya oleh Saljuk Turki, oleh bangsa Turki di Mesir, dan kepada orang-orang Tartar di Iraq.

Semakin besar negara itu, semakin pentinglah budaya hidup menetapnya. Sebabnya ialah budaya hidup menetap itu merupakan akibat daripada kehidupan yang mewah, kemewahan adalah diakibatkan oleh kekayaan dan kemakmuran, kekayaan dan kemakmuran adalah diakibatkan oleh kedaulatan kuasa dan ada kaitannya dengan sejauh mana sesebuah dinasti itu telah mencapai kedaulatannya. Kesemua unsur budaya hidup menetap itu, dengan demikian adalah sejajar dengan besar atau kecilnya kedaulatan kuasa itu. Sesudah direnungi dan diteliti akan didapati bahawa

pernyataan tersebut adalah benar berhubung dengan peradaban-peradaban dan dinastinya.

> Dan Allah s.w.t. adalah pewaris bumi dan segala sesuatu yang ada di atasnya. Dia adalah sebaik-baik pewaris.

16 Pada mulanya kemewahan itu akan menambah kekuatan sesebuah dinasti

Sebabnya ialah suatu suku yang telah mendapatkan kedaulatan kuasa dan kemewahan adalah subur daripada segi kelahiran dan mempunyai bilangan anak yang ramai. Dengan itu – masyarakat itu menjadi besar. Maka, golongan itu berkembang. Tambahannya, bilangan orang yang bernaung dan pengikut semakin bertambah. Generasi muda itu telah dibesarkan di dalam suasana yang penuh dengan kemakmuran dan kemewahan. Kehadiran mereka itu membolehkan dinasti menjadi bertambah kuat disebabkan oleh bilangannya yang menjadi bertambah besar.

Tetapi, setelah berlangsungnya keturunan yang pertama dan yang kedua, negara itu pun berada di dalam keadaan yang mundur. Orang-orang yang dinaungi dan dilindungi tidak dapat berbuat apa-apa untuk terus memperteguhkan kedaulatan negara. Sebabnya ialah mereka tidak pernah memiliki keupayaan yang menonjol, melainkan selama ini bergantung harap kepada orang-orang yang menerajui kuasa dan bertindak hanya membantu mereka sahaja. Oleh itu, apabila akar tunjangnya terbongkah, dahan-dahannya tidak akan dapat berdiri dengan sendirinya, melainkan akan tumbang bersama-samanya. Dan dinasti itu tidak lagi dapat mempertahankan kekuatannya yang asal.

Ini dapat dibuktikan melalui apa terjadi terhadap negara Arab semasa Islam. Pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. dan khalifah yang pertama, umat Islam daripada suku Mudhar dan Qahtan adalah berjumlah sekitar 150 000 orang. Kemewahan hidup itu mencapai kemuncaknya pada zaman dinasti ini. Bilangan penduduknya bertambah mengikut pertambahan kekayaan yang mereka miliki. Para khalifah mempunyai ramai orang-orang yang dinaungi dan pengikut. Maka, jumlah mereka meningkat berlipat kali ganda. Dikatakan bahawa pada masa penaklukan oleh al-Mu'tasim telah mengepung bandar itu dengan kekuatan tentera berjumlah 900 000 orang. Jumlah itu terasa sangat tidak tepat,

sekiranya difikirkan bilangan tentera Islam di kawasan perbatasan jauh dan dekat – juga di Timur dan di Barat, dan dicampurkan dengan jumlah tentera yang sedang berkhidmat untuk rajanya, termasuklah mereka yang dinaungi dan yang menjadi pengikutnya. ... [*Al-Mas'udi berkata:

> "Anak cucu al-Abbas bin Abd al-Mutalib dihitung, khusus di masa pemerintahan al-Makmun, untuk pembiayaan hidup mereka, tercatat sebanyak 30 000 orang, lelaki dan wanita."

Jumlah mereka itu dicapai kurang daripada 200 tahun. Sebabnya ialah hidup enak dan mewah yang dicapai oleh negara. Mereka dibesarkan dengan kehidupan yang demikian. Tanpa keadaan yang demikian, pada masa pembukaan pertama, orang-orang Arab tidak akan mencapai jumlah sebanyak itu, mendekati saja pun tidak mungkin.

Allah Maha Pencipta dan Maha Mengetahui.

17 Tahap-tahap yang dilalui oleh dinasti. Bagaimana sikap hidup di padang pasir itu berbeza di kalangan penduduknya menurut tahap-tahap yang berbeza

Sesebuah dinasti itu melalui tahap yang berbeza, dan mengalami keadaan-keadaan yang baru. Melalui keadaan-keadaan khas pada tahapnya yang tertentu, orang-orang yang menjadi pendukung dinasti itu memiliki resmi yang tidak terdapat pada tahap yang lain-lainnya. Resmi itu merupakan hasil semula jadi daripada situasi khas yang mana ianya ditemukan.

Keadaan dan tahap sesuatu dinasti biasanya adalah tidak lebih dari lima (daripada segi perkiraannya):

Tahap yang pertama ialah mengenai kejayaan, membanteras semua penentang, dan mendapatkan kedaulatan berkuasa daripada dinasti yang sebelumnya. Pada tahap ini, raja itu menjadi model kepada rakyatnya melalui cara mendapatkan kegemilangan, mengutip cukai, mempertahankan hak milik, dan memberikan perlindungan ketenteraan. Dia tidak mendakwa apa-apa pun untuk dirinya sahaja dengan mengetepikan orang yang menjadi anak-anak buahnya; sebab sikap yang sedemikian adalah ditetapkan oleh perasaan kekitaan, dan kesatuan sesama kita itulah yang mem-

berikan kekuasaan kepada dinasti, dan (semangat kekitaan) itu terus dipupuk sebagaimana sebelumnya.

Tahap yang kedua ialah bila mana penguasa itu bertindak sewenang-wenangnya terhadap rakyatnya, bersikap 'beraja di mata, bersultan di hati', mengetepikan orang yang di bawahnya dan menghalang mereka daripada mengambil bahagian di dalam urusan pemerintahan. Pada tahap ini, orang yang menerajui dinasti itu berusaha mengumpulkan dan memperbanyak pengikut, orang-orang yang dinaungi serta para penyokong di dalam jumlah yang sangat ramai. Matlamatnya ialah untuk memadamkan hasrat orang-orang yang berkongsi perasaan kekitaan dengannya dan tergolong ke dalam kelompoknya, yang seketurunan dengannya dan mempunyai hak yang sama terhadap teraju negara sebagaimana yang ada pada dirinya. Dia berusaha mencegah mereka daripada berkuasa dan menghalangi mereka daripada menghampiri sumber-sumber kuasa itu. Dia menghalang mereka daripada mendapatkannya dan akhirnya – kuasa itu jatuh ke dalam genggaman keluarganya sahaja. Dia bermegah-megah bahawa dia berusaha memantapkan kebangsawan mereka. Dia mendapatkan sebanyak-banyaknya ataupun lebih – berusaha mencegah mereka daripada berkuasa dan mengekang mereka – sebagaimana yang dilakukan oleh orang yang pertama di dalam dinasti itu untuk mendapatkan kuasa. Orang yang terdahulu itu berusaha menyisihkan mereka yang asing kepada kumpulannya, dan orang-orang yang berkongsi perasaan kekitaan menyokong usahanya itu. Dia, di sebaliknya pula – menyisihkan kaum kerabatnya, dan usahanya itu hanya disokong oleh segelintir orang sahaja – yang tidak ada hubungan darah dengannya. Maka, dia memikul satu tugas yang sangat berat.

Tahap yang ketiga ialah suatu yang bersenang-lenang dan aman sentosa, di mana hasil daripada kedaulatan berkuasa itu dinikmati. Perkara-perkara yang menjadi keinginan manusia secara semula jadinya seperti mendapatkan harta benda, mencipta bangunan yang dapat bertahan lama serta masyhur. Seluruh keupayaan raja dicurahkan kepada usaha mengumpulkan cukai, mengatur pendapatan dan perbelanjaan, menyelia simpanan dan perancangan perbelanjaan, membina bangunan-bangunan besar, pembinaan-pembinaan besar, kota-kota yang luas, dan monumen-monumen yang tinggi menjulang; memberikan hadiah kepada orang-orang terhormat dari negara asing dan pemuka-pemuka

suku yang disegani; serta memberikan anugerah kepada rakyatnya sendiri.

Sebagai tambahannya, dia mengabulkan permohonan yang diajukan oleh para pengikutnya dan rombongannya baik yang berupa wang mahupun kedudukan. Dia sendiri yang menyelia pasukan tenteranya, memberikan imbuhan yang sebaik-baiknya, dan mengagihkan tunjangan bulanan yang saksama. Akhirnya, hasil daripada sikapnya yang pemurah itu akan tampak pada pakaian, persenjataan yang baik, dan kelengkapan yang mereka perlihatkan pada hari-hari perbarisan. Dengan demikian, sang raja tadi dapat mempesonakan negara bersahabat dan menakut-nakutkan negara yang berseteru. Tahap ini adalah yang terakhir di mana raja berkuasa sepenuhnya terhadap orang-orangnya seluruhnya pada tahap ini dan sebelumnya, mereka adalah bebas dengan pendapatnya. Mereka telah membangunkan kekuatan dan menunjukkan jalan untuk diikuti oleh calon sesudah mereka.

Tahap yang keempat adalah berasa berpuas hati dan kedamaian. Raja itu bersyukur dengan segala sesuatu yang telah diusahakan oleh para pendahulunya. Dia menikmati hidup yang damai bersama dengan golongan bangsawannya. Dia meneruskan tradisi para pendahulunya dan menteladani apa yang mereka lakukan. Kebiasaan itu diikuti secara berhati-hati. Pada pendapat mereka, melanggar adat bererti suatu mala petaka akan menimpa ke atas dirinya, dan bahawa mereka lebih tahu tentang apa yang baik untuk memelihara keagungan yang telah mereka bina.

Tahap yang kelima adalah penuh dengan pembaziran dan hidup berbelanja besar. Pada tahap ini, pemegang tampuk pemerintahan gemarkan keseronokan dan berfoya-foya – membelanjakan kekayaan yang telah dikumpulkan oleh para pendahulunya dengan cara berbelanja berlebih-lebihan untuk golongan bangsawan. Dia juga mengambil orang bawahannya yang berwatak jahat untuk melakukan tugas-tugas penting. Pada hal mereka tidak mampu memikul beban seberat itu, dan tidak mengetahui apa yang harus dilakukan dan yang mana pula harus dibiarkan begitu sahaja. Sang raja berusaha merosak hubungan orang-orang berpengaruh yang disenangi oleh rakyatnya dan para pendukung pendahulunya.

Mereka pun akhirnya membenci raja itu, dan bermuafakat untuk tidak menyokongnya lagi. Dia kehilangan sebilangan anggota tentera dengan cara membelanjakan akaun mereka untuk

keseronokannya. Dia juga menghalangi mereka daripada berjumpa dengannya dan tidak mengawasi mereka secara yang sebaik-baiknya. Dia dengan itu telah merosakkan asas-asas yang telah dibina oleh para pendahulunya dan merobohkan apa yang telah mereka bangunkan. Pada tahap ini, dinasti itu telah berada dalam kemunduran, dan dihinggapi oleh sejenis penyakit yang sangat merbahaya di mana ia tidak mungkin dapat dihindari lagi. Ia juga tidak mungkin dapat diubati, dan – akhirnya ia pun mengalami kehancurannya.

Dan Allah s.w.t. adalah sebaik-baik pewaris.

18 Monumen hasil peninggalan sesuatu dinasti adalah setara dengan kekuatannya yang asal

Sebabnya ialah, monumen-monumen itu memperlihatkan asal usul kepada kekuatan yang membuat dinasti itu dapat diwujudkan. Apa yang ditinggalkan oleh dinasti itu adalah setara dengan kekuatannya.

Monumen sesuatu dinasti adalah berupa bangunan dan gedung-gedung yang besar. Kesemuanya itu adalah setara dengan kekuatan asal yang dimiliki oleh dinasti itu. Monumen itu terhasil apabila terdapatnya banyak pekerja dan bermuafakat, serta saling tolong-menolong. Apabila dinasti itu besar dan tersebar dengan luas, dengan memiliki banyak daerah dan hamba rakyatnya yang ramai – para pekerjanya adalah sangat banyak dan dapat dikumpulkan dari semua arah dan daerah. Dengan demikian, bangunan yang terbesar sekalipun boleh dibina.

Bayangkanlah apa yang telah diusahakan oleh kaum 'Azd dan Tsamud, sebagaimana yang telah dikisahkan di dalam al-Qur'an. Atau, seseorang dapat melihat dengan mata kepala sendiri Balai Pertemuan Khusrow, yang merupakan pencapaian terbesar dari segi seni bina orang Parsi. Ar-Rasyid telah bertekad hendak menghancurkan dan merobohkannya. Dia tidak mampu meruntuhnya sesudah berusaha sungguh-sungguh. Namun dia tidak patah hati dan masih juga tidak berjaya. [*Dikisahkan tentang bagaimana dia meminta nasihat daripada Yahya ibn Khalid yang sangat terkenal itu. Suatu hal yang amat berharga ialah bahawa sesuatu dinasti itu berupaya mendirikan bangunan yang tidak boleh dirobohkan oleh dinasti yang lainnya. Pada hal merobohkan

bangunan adalah lebih mudah daripada membinanya. Gambaran ini menunjukkan betapa jelasnya perbezaan di antara kedua-dua dinasti tersebut].

Seseorang itu boleh membuat perbandingan terhadap Masjid al-Walid di Damaskus, Masjid Jamik Bani Umaiyah di Cordova, jambatan yang dibina merentangi sungai di Cordova. Juga lengkungan pembetung yang mengalirkan air ke Carthage, monumen-monumen Syarsyal di Maghribi, piramid yang terdapat di Mesir, dan banyak lagi monumen lainnya yang masih boleh dilihat. Kesemuanya itu menunjukkan perbezaan daripada segi kekuatan dan kelemahan yang wujud di pelbagai dinasti itu.

Semua hasil orang-orang kuno itu hanya boleh tercipta melalui keahlian daripada segi kejuruteraan dan kegigihan usaha begitu ramai pekerjanya. Hanya melaluinya sahaja bangunan-bangunan yang itu dapat dibina. Seseorang itu tidak seharusnya berfikiran – sebagaimana yang sering dilontarkan – bahawa semua itu dapat didirikan kerana orang-orang kuno mempunyai tubuh yang lebih sasa kiranya dibandingkan dengan tubuh kita. Insan itu sebenarnya tidak berbeza antara satu sama lainnya, sepertimana perbezaan yang boleh kita lihat pada monumen dan tinggalan daripada sejarah.

Para tukang cerita telah mengambil kesempatan daripadanya untuk membuat beberapa tokok tambah kepada cerita dongeng itu. Mereka menulis tentang Azd, Tsamud, serta Amalika dalam bentuk cerita yang fiktif sekali. Di antara cerita yang paling menakjubkan ialah tentang Og ibn Inaq,[14] salah seorang lelaki daripada bangsa Amalika (Cananites) yang ditemui oleh orang-orang Israel di Syria. Sebagaimana yang diceritakan oleh tukang cerita – dia boleh menangkap ikan di laut, kemudian disuakan ke matahari untuk dipanggang. Apa yang digambarkan itu adalah ganjaran kejahilan mereka terhadap hal-ehwal manusia, ditambah oleh kejahilan mereka mengenai hal-hal astronomi. Mereka percaya bahawa matahari mempunyai haba[15] dan haba itu

---

14 Dalam kamus "al-Munjid" disebut: *Aug bin Anaq*, Raja Basyan yang amat kejam. Raja itu disebut di dalam kitab *Taurat*. Di dalam fabel-fabel Arab, ia dikenal dalam pelbagai versi berbeza.

15 Pendapat Ibn Khaldun: matahari tidak panas, bertentangan dengan kesepakatan para ilmuwan yang menyatakan bahawa matahari memiliki panas yang amat tinggi, bahawa di dalam matahari itu sendiri terdapat tenaga panas yang amat besar.

menjadi semakin terasa apabila semakin dekat dengannya. Mereka tidak tahu bahawa panas itu adalah sinarnya dan sinar itu menjadi lebih kuat apabila dekat dengan bumi daripada berdekatan dengan matahari, sebab refleksi cahaya dari permukaan bumi sewaktu mendapat penyinaran. Dengan demikian, habanya adalah berkali-kali lebih besar daripada berdekatan dengan matahari. Tempat di mana cahaya yang dipantulkan secara efektifnya telah dilampaui, di sana tidak lagi ada panas, dan ia menjadi dingin. Yakni di kawasan terdapatnya awan-gemawan. Matahari itu secara tersendirinya tidak pula panas dan tidak juga dingin, tetapi hanya sekadar suatu benda yang tidak dapat dipastikan bahagian-bahagiannya dan yang mengeluarkan sinar.

[*Di samping itu, Og ibn Inaq, sebagaimana disebutkan oleh tukang-tukang cerita, termasuk bangsa Amelika atau Kan'an yang menjadi mangsa orang Israel sewaktu mereka menakluki Syria. Perawakan orang Israel waktu itu tidak jauh berbeza dengan kita. Hal itu terbukti dengan pintu-pintu Baitulmaqdis yang meskipun pernah roboh dan dipugar, masih tetap terjaga menurut bentuk dan ukuran aslinya. Bagaimana mungkin Og dan orang-orang yang semasa dengannya akan berbeza dalam ukuran]. Kesilapan para pencerita itu adalah disebabkan oleh hakikat bahawa mereka terpesona melihat betapa besarnya monumen-monumen yang ditinggalkan oleh bangsa-bangsa yang telah lalu itu. Malangnya mereka tidak mengerti perbezaan situasi di mana dinasti-dinasti wujud di dalam hubungannya dengan kesatuan sosial dan saling bekerjasama. Mereka tidak memahami bahawa kesatuan sosial mantap bersama dengan kemahiran daripada segi kejuruteraan membolehkan terhasilnya suatu pembinaan monumen yang menakjubkan. Dengan demikian, mereka beranggapan bahawa monumen itu terbina disebabkan oleh kekuatan dan tenaga orang-orang purba daripada tubuh badan mereka yang sasa. Pada hal ianya bukanlah sedemikian. ...

Satu lagi bentuk yang menunjukkan kehebatan sesuatu dinasti ialah bagaimana ia mengendalikan pesta perkahwinan dan jamuan makan, sebagaimana telah kita sebutkan mengenai pesta perkahwinan Buran. ...

Suatu monumen lain tentang sesebuah dinasti ialah pemberian-pemberian hadiah. Barang pemberian itu adalah setara dengan pentingnya sesuatu dinasti. Hal ini akan berlangsung meskipun dinasti itu sudah menghampiri kemundurannya.

Apa yang dilakukan oleh Bani Baramki di dalam pemberian elaun dan hadiah serta membelanjakan wang mereka dapat menggambarkan keadaan itu. Apabila mereka membantu mereka yang sedang memerlukan, ia adalah pemberian dalam bentuk tanah, jawatan yang tinggi, serta kemakmuran hidup orang itu untuk masa yang selanjutnya. Ia bukanlah sekadar elaun yang boleh dibelanjakan dalam sehari atau dalam masa yang singkat. ...

Seseorang yang meneliti maklumat ini harus memikirkan suatu (kepentingan) yang relatif tentang berbagai-bagai dinasti itu. Seseorang itu tidak seharusnya menolak mentah-mentah maklumat yang didapati tidak sejajar pada masanya. Jika tidak, banyak hal-hal yang mungkin (dianggap tidak mungkin) dan akan terlepas daripada perhatiannya. Begitu ramai tokoh-tokoh terkemuka, setelah mendengar cerita-cerita tentang dinasti pada zaman lampau, telah bertindak tidak mempercayai kesahihannya. Ini seharusnya tidak berlaku. Keadaan-keadaan di dunia dan di dalam peradaban tidak berlaku selalunya sama. Mereka yang mengetahui secara ala kadar sahaja atau boleh dianggap tahu tentang (tingkatan peradaban) itu tidak mengetahuinya kesemuanya sekali.

Apabila kita memikirkan keterangan tentang Bani Abbas, Bani Umaiyah, dan Bani Ubaidi (Fatimi), dan apabila kita membandingkan apa yang kita anggap diterima akal berdasarkan pemerhatian kita terhadap dinasti-dinasti yang kurang berpengaruh pada hari ini, apa yang kita temui ialah suatu perbezaan yang amat ketara di antara kesemuanya itu. Perbezaan itu adalah disebabkan oleh perbezaan-perbezaan daripada segi kekuatannya yang asal (dinasti-dinasti tersebut) dan di dalam segi peradaban (kerajaan-kerajaannya). Sebagaimana yang telah kita nyatakan sebelum ini, kesemua monumen sesebuah dinasti itu adalah sejajar dengan kekuatannya yang asal. Kita tidak diberi kuasa untuk menolak sebarang maklumat tentang mereka. Kebanyakannya membicarakan persoalan yang sangat diketahui dan amat jelas. Sebahagian daripada maklumat itu telah diketahui melalui warisan yang berlaku secara terus-menerus (mutawatir). Sebahagian lagi adalah yang secara langsungnya diperolehi berdasarkan pengamatan seseorang tentang senibina monumen dan yang lain-lain seumpama itu.

Seseorang itu harus memikirkan tentang pelbagai macam tingkatan kekuatan dan kelemahan, besar dan kecil, di dalam berbagai-bagai dinasti sebagaimana yang diketahui melalui warisan, dan membandingkan maklumat tersebut dengan cerita

menarik sebagaimana berikutnya. Pada masa pemerintahan Sultan Bani Marin, Abu Inan, seorang syeikh dari Tangier, yang dikenali dengan nama Ibn Battutah,[16] telah kembali ke Maghribi. Dua puluh tahun sebelumnya, dia telah bertolak menuju ke arah Timur dan melewati Iraq, Yaman, dan India. Dia pernah singgah di kota Delhi – pusat kerajaan raja India, Sultan Muhammad Syah.[17] Raja tersebut memberi penghargaan yang tinggi kepada Ibn Battutah, serta mengangkatnya sebagai hakim Mazhab Maliki sebagaimana menurut bidang keahliannya. Kemudian, dia telah pulang ke Maghribi, dan menghadap Sultan Abu Inan. Dia selalu bercerita tentang apa yang dialami sewaktu perjalanannya, dan keajaiban yang telah dilihatnya di berbagai-bagai kerajaan. Kebanyakannya adalah cerita tentang raja di India. Dia melaporkan hal-hal baginda yang mana para pendengarnya menganggap sungguh aneh.

Satu – sebagai contoh, ialah ketika raja kerajaan India itu melakukan suatu kunjungan. Baginda telah menghitung para penduduk di kotanya, lelaki, wanita, dan anak-anak, dan menitahkan agar keperluan mereka selama enam bulan yang akan datang harus dibayar daripada hasil pendapatannya sendiri. Apabila baginda pulang daripada suatu perjalanan dan memasuki kota – hari itu adalah hari keramaian. Semua rakyat telah bergegas keluar ke kawasan lapang dan berkerumun. Di hadapan raja, di kalangan orang ramai – pelontar-pelontar – (*manjaniq-manjaniq.* Ar. *mangonels.* Ing.)[18] diletakkan pada belakang binatang-binatang yang digunakan untuk tugas angkut mengangkut.[19] Daripada pelontar-pelontar itu, kepingan-kepingan dirham dan dinar dilepaskan bertaburan di antara penduduknya, hinggalah sang raja itu memasuki balairung serinya.

Ibn Battutah telah menceritakan kisah-kisah yang seperti ini,

---

16 Muhammad bin Abdillah (1303–1377), dilahirkan di Tangier. Terkenal sebagai penjelajah dunia. Ketiga perjalanannya dilakukan selama 29 tahun. Ibn Battutah punya pandangan yang peka dan tajam, dan pandai merangkai kata-kata. Bukunya: *Tuhfah an-Nadz-dzaar fi Gharaa-ibil ams-haar wa ajaa-ibil asfaar* – terkenal dengan "Perjalanan Ibn Battutah".

17 Muhammad Syah memerintah 1325–1351. Pada masa pemerintahannya Ibn Battutah sampai di Delhi.

18 *Manjaniq*: alat untuk melempar panah berapi. Di sini dipergunakan sebagai pelempar kepingan-kepingan dirham dan dinar.

19 Yang dimaksudkan adalah gajah.

dan para pembesar berbisik-bisik sesama sendiri menuduhnya sebagai seorang pendusta. Pada suatu masa, di hari itu saya telah bermuka dengan wazir sultan yang sangat terkenal yakni Faris bin Wadrar.[20] Saya telah membincangkan masalah ini dengannya dan memberitahunya bahawa saya tidak mempercayai cerita tersebut, sebab pada umumnya orang-orang beranggapan bahawa dia adalah pendusta. Maka Wazir Faris pun memaklumkan kepada saya:

> "Berhati-hatilah supaya jangan menyangkal maklumat sebegitu berhubung dengan keadaan-keadaan dinasti, sebab anda tidak melihatnya sendiri. Anda akan sepertimana putera Wazir yang dibesarkan di dalam penjara. Wazir itu telah dipenjarakan oleh sultannya, dan hidup di dalam penjara selama beberapa tahun. Puteranya telah dibesarkan di dalam penjara. Ketika putera itu telah baligh dia telah bertanya bapanya tentang daging yang dimakannya itu. Bapanya telah memberitahunya bahawa ia adalah daging kambing dan anak itu lalu bertanya apakah pula kambing. Apabila bapanya menggambarkan seekor kambing secara yang terperinci, (anaknya) lalu berkata "Ayah, apakah yang dimaksudkan itu seperti seekor tikus?" Mendengarnya si bapa tadi berasa terlalu marah dan berkata: "Apa kena-mengenanya kambing dengan tikus?" Hal yang sama berlaku kemudiannya antara daging dengan daging lembu. Satu-satunya binatang yang dia lihat di dalam penjara hanyalah tikus, maka dia menyimpulkan bahawa kesemua binatang itu adalah daripada spesies yang sama dengan tikus."

Apa yang selalu terjadi ialah masyarakat berasa ragu-ragu terhadap kesahihan maklumat sejarah, sepertimana yang terjadi ialah mereka sering membuat tokok-tambah terhadap maklumat itu. Ia adalah bertujuan supaya apa yang dilaporkan itu sangat aneh dan menarik. Kami telah menyatakan hal ini pada bahagian awal buku ini. Dengan demikian seseorang itu hendaklah merujuk kepada sumber-sumbernya dan percaya pada dirinya sendiri. Dengan fikiran yang jelas dan terus terang, dengan (rasa umum) yang semula jadi – dia akan dapat membezakan sesuatu yang secara semula jadinya mungkin dengan sesuatu yang tidak mungkin. Semuanya yang termasuk di dalam wilayah yang mungkin haruslah diterima, dan yang terkeluar seharusnya

---

20 Dalam terjemahan F. Rosenthal tertulis: *Wadrar.*

ditolak. Kami tidak memikirkan 'mungkin' dalam pengertiannya yang *absolute* tentang apa yang secara intelektualnya adalah mungkin. Ia mempunyai ruang lingkupnya terlalu luas, supaya ianya tidak dapat dipergunakan untuk menetapkan apa yang mungkin menurut pengertian yang sebenar-benarnya. Apa yang difikir-fikirkan ialah kemungkinan yang terdapat di dalam benda yang menjadi milik kepada sesuatu hal. Apabila kita mempelajari asal sesuatu hal, genusnya, perbezaan (spesifik), ukuran, dan kekuatannya, kita dapat membuat kesimpulan-kesimpulan sama ada mungkin atau tidak mungkinnya – tentang data yang ditimbulkan dalam hubungan dengannya. Kita menetapkan adalah *tidak mungkin* sesuatu yang terkeluar daripada wilayah mungkin, mengikut pengertian ni.

> "Dan katakanlah: "Tuhan, berilah aku tambahan ilmu""[21] dan Engkau Maha Pengasih. Allah yang Maha Suci dan Maha Tinggi lebih mengetahui.

19 Seseorang raja itu berusaha untuk mendapatkan bantuan daripada orang yang dinaungi dan sekutu-kutunya untuk menentangi mereka daripada kalangannya dan yang mengongsi perasaan kekitaan

Orang yang menerajui pemerintahan hanya dapat berkuasa dengan bantuan daripada rakyatnya sendiri. Rakyat jelata itulah yang menjadi kumpulannya dan pembantu di dalam melangsungkan segala usahanya. Mereka itulah yang dipilih untuk menjawat jawatan di jabatan pentadbirannya, yang dilantik menjadi menteri dan diberi kepercayaan untuk mengumpulkan wang kutipan cukai. Merekalah yang membantunya untuk mendapatkan kemenangan. Mereka memainkan peranan untuk menguruskan hal-hal yang bersangkutan dengan kenegaraan. Mereka juga berkongsi di dalam kegiatan penting yang lain-lainnya.

Kesemua keadaan ini berlaku pada negara di dalam tingkatnya yang pertama, sebagaimana yang telah kita terangkan. Tetapi pada tingkat yang kedua, raja itu telah kita menunjukkan kecenderungan tidak bergantung kepada rakyatnya, menuntut kemegahan untuk dirinya sahaja serta bertindak menjauhkan diri daripada rakyatnya dengan memperlihatkan kekasaran sifatnya.

---

21 al-Quran surah 20 (Thaha) ayat 114.

Sebagai akibatnya, orang-orang yang menyokongnya, pada sebenarnya, adalah seterunya. Kemudian, untuk menjauhkan para kawan lama itu daripada ikut serta dalam soal-soal kenegaraan, dan untuk mencegah mereka daripada merampas kuasa, raja itu memerlukan kawan yang lain, bukannya mereka daripada saudara-maranya, tetapi yang boleh diperkudakan untuk menentangi (mereka) dan yang boleh dijadikan 'orang suruhan' di istananya. Orang-orang ini adalah lebih hampir dengannya kira dibandingkan dengan hamba rakyatnya sendiri. Orang-orang luar inilah yang diberikan perhatian yang baik melebihi sahabat akrabnya, dan menjadi pengikutnya, serta melayani keperluannya. Mereka diberikan kedudukan yang tinggi, sebab mereka sedia berkorban jiwa untuknya, menghalangi rakyatnya sendiri daripada mendapatkan kedudukan yang sebenarnya adalah milik mereka dan menyisihkan mereka daripada jabatan yang pada suatu ketika dahulu mereka sandang. Dalam hal ini, orang yang memerintah hanya bertindak 'menganak-emaskan' para pengikutnya yang baru. Dia 'memilih bulu' dalam memberikan ganjaran dan penghormatan. Dia mengagihkan banyak harta kekayaan kepada mereka sebagaimana yang dibuat terhadap orang-orangnya. Dia melantik mereka memegang jawatan-jawatan pentadbiran yang penting – seperti di pejabat wazir, panglima dan pengutip cukai, juga gelaran bangsawan yang menjadi haknya yang istimewa, yang tidak pula dikongsi bersama dengan orang-orangnya. Dia melakukan ini semata-mata mereka itu sekarang ini adalah sahabatnya yang paling akrab dan penasihat yang paling setia.

Kesemua ini, dengan itu membuka jalan ke arah kehancuran kerajaan itu, dan memperlihatkan berjangkitnya suatu penyakit yang amat sukar untuk diubati. Ia adalah disebabkan hilangnya perasaan kekitaan, yang mana suatu ketika dulu dinasti itu telah dibina. Perasaan hamba rakyatnya dibangkitkan oleh perasaan jijik dan sikap permusuhan yang ditunjukkan oleh rajanya. Mereka amat membencinya dan menunggu kesempatan untuk mengubah nasibnya. Apa yang menjadi suatu bahaya besar daripada keadaan ini adalah suatu mala petaka kepada negara. Penyakit ini tidak dapat diubati. Ibarat duri dalam daging, kesilapan masa lalu menjadi semakin bertambah dan akhirnya menghilangkan identiti kerajaan itu sendiri.

Ini dapat disaksikan melalui apa yang terjadi terhadap dinasti Umaiyah. Para rajanya telah meminta bantuan untuk urusan

peperangan dan pentadbiran daripada bangsa Arab, seperti Amr ibn Sa'd ibn Abi Waqqas, Ubaidillah bin Ziad bin Abi Sufyan, al-Hajjaj ibn Yusuf, al-Muhallab ibn Abi Shufrah, Khalid ibn Abdillah al-Qasriy, Ibn Hubirah, Musa ibn Nushair, Bilal ibn Burdah ibn Abi Musa al-Asy'ari, Nashr ibn Sayyar, dan pemuka Arab lainnya. Juga dalam masa permulaan dinasti Abbasiyah, pembantu raja diambil di antara bangsa Arab. Tetapi setelah raja-raja dinasti itu memusatkan kekuasaan di tangan mereka sendiri, dan menghalangi bangsa Arab daripada menjawat jawatan pentadbir, kuasa wazir telah jatuh ke tangan pembantunya daripada keturunan Parsi, seperti keluarga Barmakiyah, Bani Sahl ibn Naubakht, Bani Thahir, dan kemudian Bani Buwaihi, dan kepada sekutu-sekutunya berbangsa Turki, seperti Bugha, Shifin, Anamisy, Bakinak, Ibn Tholun berserta putera-puteranya, dan sekutu bukan Arab lainnya.

Dengan demikian, negara itu lalu menjadi milik orang lain yang bukannya daripada kalangan yang mendirikannya. Kekuasaan itu berpindah ke tangan orang yang bukannya telah mendapatkannya.

Demikianlah hukum Allah s.w.t. sebagaimana yang berlaku ke atas hamba-Nya. Allah s.w.t. yang lebih mengetahui.

20 Keadaan orang-orang yang dilindungi dan hamba sahaya di dalam negara itu

Kedudukan orang yang menjadi hamba sahaya adalah berbeza-beza di dalam sesuatu negara. Ibarat 'telur di hujung tanduk' – hubungan itu adalah tergantung sama ada ianya sudah lama ataupun setakat 'kenal tetapi belum berapa biasa' dengan baginda. Sebab baginya ialah hasrat perasaan kekitaan, yang mana usaha mempertahankan dan kekerasan itu akan dapat dicapai dengan bantuan keturunan yang sama. Kerana, sebagaimana yang telah kita terangkan terdahulu – hubungan darah dan kaum kerabat yang dekat itu saling membantu, sementara orang luar dan asing tidak mengukuhkan hubungan. Hubungan orang yang dinaungi dan hubungan dengan hamba sahaya atau sekutu juga menghasilkan kesan yang sama sebagaimana hubungan daripada satu keturunan. Hasil daripada hubungan seketurunan, meskipun ianya bersifat semula jadi, masih sesuatu yang diangan-angankan. Suatu

yang sebenar di dalam usaha mewujudkan perasaan – ibarat tercubit paha kiri, paha kanan juga terasa – hubungan sosial, pergaulan yang melahirkan perasaan persahabatan, keakraban yang panjang, dan sudah dapat memahami hati budi yang diakibatkan oleh pertumbuhan sama-sama dibesarkan, diasuh oleh orang yang sama, dan bersama dalam hanyak hal yang menyangkuti soal hidup dan mati. Apabila hubungan kekerabatan itu telah dapat diwujudkan, maka apa yang terhasilkan adalah perasaan kasih sayang dan saling tolong menolong. Pengamatan tentang manusia memperlihatkan kebenaran hal itu.

Suatu yang hampir serupa dapat ditelitikan dalam kaitannya daripada segi hubungan di antara tuan dan hamba. Di antara kedua-duanya, wujud suatu hubungan akrab yang mempunyai kesan yang sama (seperti daripada satu keturunan) dan memperkukuhkan hubungan yang akrab itu meskipun tidak ada perasaan satu keturunan, namun hasil daripada keturunan yang sama itu ada.

Apabila hubungan bernaung itu terjalin di antara sesuatu kabilah (suku) dengan orang yang dinaungi sebelum suku itu memperoleh kedaulatan, akar hubungan itu akan terjalin lebih kukuh. Juga perasaan dan kepercayaan adalah lebih tulus ikhlas dan hubungan itu sendiri akan menjadi lebih jelas, kerana dua hal.

Pertama: Sebelum rakyat itu memperoleh kedaulatan, cara hidup mereka adalah menjadi contoh kepada yang lain-lainnya. Hanya di dalam hal-hal tertentu sahaja terdapat perbezaan di antara orang-orang yang sedarah dengan orang-orang yang dinaungi. Kedudukan orang-orang yang dinaungi itu adalah sepertimana mereka yang sedarah atau bersaudara. Namun, apabila mereka memilih 'bulu' sesudah kedaulatan itu dicapai, kebangsawanan mereka mewujudkan perbezaan di antara tuan dan orang yang dinaungi, dan satu lagi ialah di antara orang-orang yang sedarah dengan orang-orang yang dinaungi atau hamba sahaya. Keadaan kepemimpinan dan kuasa kedaulatan itu memaksa adanya perbezaan dan ketidaksamaan daripada segi tarafnya. Keadaan hamba sahaya, dengan demikiannya – adalah tidak sama. Mereka kini adalah setara dengan orang asing. Hubungan yang akrab di antara raja dengan hamba sahayanya menjadi renggang, dan saling bantu membantu dengan demikian – menjadi kurang diperlukan. Ini bererti bahawa hamba sahaya itu kini kurang akrab kiranya dibandingkan dengan keadaan sebelum dia mencapai kedaulatan berkuasa.

Kedua: Orang-orang yang diangkat menjadi hamba sahaya raja – sebelum raja itu memperoleh kedaulatan kuasa memiliki status tersebut sebelum kerajaan itu mendapatkan kekuasaannya. Ia, dengan demikian, tidak menjadi jelas bagaimana hubungan yang akrab itu terjalin sebagaimana biasanya, ia dianggap sebagai sesuatu yang menyentuh seketurunan, dan dalam hal ini perasaan kekitaan dapat diperlukuhkan lagi.

Sebaliknya, hubungan hamba sahaya yang terjadi setelah raja itu memperolehi kedaulatan berkuasa adalah suatu yang baru dan diketahui oleh banyak orang. Asal usul hubungan yang akrab menjadi jelas dan dapat dibezakan daripada orang yang daripada keturunan yang sama. Perasaan kekitaan dalam hal yang kemudian ini adalah lebih lemah kiranya dibandingkan dengan perasaan kekitaan yang terhasil daripada hubungan orang yang dinaungi sebagaimana yang telah ada sebelum dinasti itu mendapat kekuasaannya.

Satu pandangan terhadap dinasti dan hal yang lain daripada segi kepemimpinan politik akan memperlihatkan yang ianya adalah sedemikian. Perhubungan hamba yang terbentuk sebelum kepemimpinan dan kedaulatan kuasa itu dicapai, akan didapati mewujudkan suatu hubungan lebih erat dan akrab di antara tuan dan hamba sahayanya yang berkenaan mempunyai kedudukan yang sama dengan tuannya sebagaimana anak-anaknya, saudaranya dan rakan-taulan yang lain-lainnya. Sebaliknya, hubungan hamba yang terbentuk setelah kedaulatan berkuasa dan kepemimpinan politik itu telah dicapai tidak memperlihatkan keakraban hubungan sebagaimana yang wujud pada golongan pertama tadi.

Pada tahap akhir kekuasaannya negara akhirnya menggunakan khidmat bakti orang luar, dan menerima mereka sebagai hamba sahayanya. Orang-orang itu, sungguhpun begitu tidak memperolehi kebanggaan yang dicapai sebagaimana oleh mereka yang menjadi hamba sahaya sebelum negara itu mencapai kedaulatannya. Status mereka sebagai hamba rakyat adalah terlalu baru daripada sudut bermulanya. Tambahan pula, kehancuran kerajaan itu adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan lagi. Oleh itu, mereka berada pada kedudukan yang tidak penting dan rendah martabatnya.

Dalam usaha menggunakan khidmat mereka sebagai hamba rakyat dan menggantikan orang-orang yang dahulunya dinaungi dan orang-orang yang dahulunya adalah hamba sahaya mereka,

sang raja itu telah didorong oleh suatu hakikat bahawa – orang-orang yang dinaungi dan hamba sahayanya itu – telah bersikap 'diberi betis hendakkan paha'. Mereka itu sudah bersikap mahu memijak kepalanya. Baginda melihat tingkah laku mereka itu adalah sama sebagaimana suku-sakatnya dan kaum kerabatnya juga. Hubungan yang rapat sudah terjalin antara dia dengan mereka dalam waktu yang amat panjang sekali. Mereka telah dibesarkan bersamanya, mempunyai hubungan dengan leluhur dan anggota-anggota keluarganya yang paling tua, dan telah sefaham dengan pembesar-pembesar yang lahir di kalangan kaumnya. Sebagai akibatnya, mereka menjadi bangga diri dan bertindak hendak memijak kepalanya. Inilah sebabnya mengapa orang yang memegang teraju bertindak mengetepikan mereka dan menggantikan kedudukan mereka dengan orang yang lainnya. Hanya dalam waktu yang singkat sahaja dia bertindak memihak kepada orang-orang tersebut dan memperkudakan mereka sebagai hamba sahayanya. Oleh itu, mereka tidak mendapatkan kedudukan yang membanggakan tetapi mengekalkan kedudukan sebagai orang asing sahaja.

Demikianlah keadaan yang dialami oleh dinasti pada peringkatnya yang akhir. Sebagaimana lazimnya, istilah "hamba sahaya" dan "yang dinaungi" adalah digunakan untuk golongan yang pertama. Hamba sahaya yang terbaru adalah disebutkan sebagai "pelayan" dan "pembantu".

> Allah adalah pembantu kepada orang-orang yang beriman,
> dan menolong atas segala sesuatu.

21 Pengasingan terhadap, dan penguasaan ke atas, raja (oleh yang lain) boleh terjadi di dalam dinasti

Apabila kedaulatan berkuasa itu diperkukuhkan oleh suatu keluarga tertentu dan cabang suku yang mendukung dinasti itu, dan apabila keluarga itu menuntut semua kedaulatan berkuasa untuknya sendiri dan berusaha menyisihkan suku yang lain daripadanya, dan apabila putera-putera daripada keluarga tersebut secara bersilih gantinya menguasai kedaulatan itu melalui perlantikan – maka yang sering terjadi ialah para wazir dan pegawai-pegawainya akan menguasai takhta kerajaan itu. Ini sering terjadi apabila putera yang masih kecil atau ahli keluarga yang

lemah itu dipilih sebagai pengganti oleh bapanya atau dijadikan raja oleh orang-orang yang bermuslihat atau para pembantunya. Suatu yang sangat jelas ialah – dia tidak berupaya berperanan sebagai seorang raja. Dengan demikian, peranan itu akan dilaksanakan oleh penjaganya, salah seorang daripada wazir bapanya, seorang daripada pegawainya, salah seorang daripada orang yang dinaunginya atau salah seorang daripada kalangan sukunya. Orang berkenaan memperlihatkan bahawa dia telah dipertanggungjawabkan mengawal kedudukan raja yang belum cukup dewasa itu. Akhirnya, ia menjadi nyata bahawa dialah yang melaksanakan penguasaan – mempergunakan kesempatan itu untuk mendapatkan kedaulatan berkuasa. Dia menyisihkan anak itu daripada hamba rakyatnya. Dia memanjakannya dengan kehidupan bersenang-lenang, dan memberikan kesempatan yang sebaik mungkin kepadanya untuk memperturutkan apa yang menjadi kehendak hatinya. Dia membuatnya lupa untuk memikirkan soal pemerintahan. Akhirnya, dia menguasai seluruh kehidupan putera itu. Dia meyakinkan putera raja yang masih kecil itu bahawa tugas seorang raja di dalam kerajaan hanyalah duduk di atas singgahsana, berjabat tangan, dipanggil dengan sapaan sebagai Tuanku Yang Mulia, dan berfoya-foya dengan wanita di dalam *harem*nya. Semua (pelaksanaan) eksekutif yang sebenar, dan urusan peribadi, serta pengawasan terhadap urusan yang berkaitan dengan pemerintahan misalnya pemeriksaan tentera, kewangan, dan pertahanan di kawasan perbatasan, adalah diyakini (oleh raja muda) itu sebagai bidang kuasa para wazir. Kesemuanya itu diserahkan kepadanya. Akibatnya wazir itu secara yang pastinya mengambil alih kuasa kepemimpinan, orang yang memegang teraju. Kedaulatan kuasa itu berpindah kepadanya. Dia mengekalkan kuasa itu untuk keluarganya, dan anak-anaknya sesudahnya.

Itulah yang terjadi pada Bani Buwaihi dan orang-orang Turki, Kafur al-Aikhsyidi dan lain-lainnya di Timur, serta al-Manshur ibn Abi Amir di Andalusia.

Suatu hal yang berlaku ialah raja yang tersisih dan yang dinafikan haknya untuk berkuasa itu mula menyedari apa yang berlaku pada dirinya, dan berusaha untuk melepaskan diri daripada belenggu itu. Dia dengan itu telah dapat mengembalikan hak kedaulatan untuk keluarganya. Dia mengahalang orang-orang yang telah berusaha untuk mengetepikannya, sama ada dengan cara membunuhnya ataupun dengan cara menyingkirkannya.

Namun, hal ini jarang-jarang sekali terjadi. Apabila sahaja negara itu berada dalam kekuasaan para wazir dan sekutunya, ia akan terus kekal berkeadaan yang sedemikian. Jarang-jarang yang dapat menyelamatkan diri, sebab (penguasaan oleh orang lain itu) kebanyakannya diakibatkan oleh hidup yang serba mewah, dan suatu hakikat bahawa putera-putera daripada golongan bangsawan itu telah dibesarkan dalam kemakmuran. Mereka telah hilang cara-cara menjadi seorang lelaki yang sebenar-benarnya dan telah dibiasakan meneladani sikap pengasuh mereka dan dibesarkan sedemikian cara. Mereka tidak tidak bercita-cita menjadi seorang pemimpin mereka. Mereka tidak betah untuk melaksanakan kata pemutus, suatu hak istimewa yang terbit daripada kekuasaan. Apa yang dicita-citakan ialah kepuasan daripada berfoya-foya, dan menikmati sebaik-baik kesenangan hidup dan kemewahan orang yang dinaungi dan hamba sahaya berupaya mendapatkan kekuasaan bilamana ahli keluarga raja itu tersisih daripada rakyatnya, dan mendakwakan semua kedaulatan kuasa itu untuk dirinya dengan cara mengetepikan mereka. Inilah yang terjadi terhadap dinasti, sebagaimana yang telah kami nyatakan dahulu.

Inilah dua penyakit tentang dinasti yang tidak dapat disembuhkan, kecuali di dalam hal yang jarang berlaku.

> "Dan Allah memberikan kedaulatan-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya"[22] dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu.

22 Mereka yang merampas kuasa daripada raja tidak berkongsi gelaran khusus yang wujud bersama dengan kedaulatan berkuasa

Sebabnya ialah orang yang terawal mendapatkan kebangsawanan dan wewenang berkerajaan pada permulaan berdirinya negara dapat melakukannya melalui bantuan perasaan kekitaan rakyatnya dan dengan sokongan perasaan kekitaan kumpulannya. Perasaan itu menyebabkan rakyat tersebut mematuhi mereka hinggalah mereka dan rakyatnya telah secara pastinya dapat menyerap corak kedaulatan berkuasa dan bermartabat. Corak itu, selanjutnya, terus dikekalkan. Melaluinya identiti dan ketahanan negara itu terjamin.

22 Al-Quran surah 2 (al-Baqarah) ayat 247.

Orang yang telah memperolehi kekuasaan (terhadap rajanya) mungkin berkongsi perasaan kekitaan yang menjadi milik suku yang telah memiliki kedaulatan berkuasa atau kepada orang yang dinaungi dan hamba rakyatnya. Sungguhpun begitu, perasaan kekitaannya itu masih merupakan sebahagian, atau tunduk kepada perasaan kekitaan keluarga raja. Dia tidak boleh menggunakan corak yang menjadi petanda kedaulatan berkuasa. Maka, setelah memperolehi kuasa, dia tidak merencanakan untuk merampas kedaulatan itu secara terbuka bagi kepentingan dirinya sendiri, tapi cuma mengambil apa yang menjadi hasilnya – yakni perlaksanaan tugas pentadbiran, eksekutif, dan semua kekuasaan lainnya. Dia memperlihatkan kepada hamba rakyat bahawa dia hanya bertindak menjalankan apa yang raja itu arahkan, dan melaksanakan apa yang diputuskan daripada sebalik tirai. Dia menyekang dirinya daripada menggunakan ciri-ciri, lambang-lambang, atau gelaran-gelaran seorang raja. Dia cuba menghindarkan diri daripada menimbulkan sebarang kecurigaan, meskipun dialah yang berkuasa sepenuhnya. Sebab, sewaktu melaksanakan sebenar-benarnya tugas pengawasan, dia mengambil kedudukan dengan cara bersembunyi di balik tirai sang raja, dan nenek moyangnya terdahulu yang telah cuba melindungi dirinya sendiri daripada suku mereka sendiri ketika negara itu dibentuk. Dia merahsiakan muslihat sebenar dengan cara bertindak sebagai mewakili rajanya.

Sekiranya dia beriya-iya melakukan apa sahaja yang menjadi hak keistimewaan raja, hamba rakyat yang mewakili perasaan kekitaan dan suku kepada raja itu tidak akan berasa, tidak senang hati, dan mencari helah mendapatkan semula hak istimewa tersebut untuk kepentingan mereka sendiri. Dia sebetulnya tidak layak untuk memperlihatkan dirinya sebagai seorang raja, atau memaksa orang lain supaya taat dan mematuhi arahannya. Sebarang usaha untuk menggunakan hak-hak istimewa golongan bangsawan akan, dengan serta-mertanya membawa pada kepada dirinya sendiri. ...

[*Hal ini pernah terjadi, misalnya, pada Abdurrahman ibn an-Nashir ibn Mansur ibn Abi Amir, ketika berusaha memperoleh kesamaan gelar khalifah dengan Hisyam dan keluarganya. Dia tidak memperoleh kepuasan sebagaimana diperoleh ayah dan saudaranya dalam berkuasa penuh atas menetapkan keputusan eksekutif, dan kekuasaan lainnya. Dia minta kepada khalifahnya, Hisyam, agar dia diangkat menjadi khalifah. Namun, keluarga Marwan dan seluruh bangsa Quraisy mendahuluinya, dan mereka

mengangkat putera bapa saudara khalifah, Hisyam Muhammad ibn Abdiljabbar ibn an-Nashir. Di sinilah terletak hancurnya dinasti Bani Amir, dan musnahnya orang yang didukung, khalifah mereka].

Dan Allah adalah Pewaris yang paling baik.

23 **Peribadi sebenar dan pelbagai macam kedaulatan kuasa**

Kedaulatan berkuasa (*al-mulk*. Ar. *royal authority*. Ing.) adalah Lembaga yang semula jadi kepada manusia. Sudah kami terangkan sebelum ini bahawa manusia itu tidak dapat hidup dan wujud kecuali melalui kesatuan sosial dan saling membantu dengan tujuan mendapatkan makanan dan keperluan hidup yang lain-lainnya. Apabila mereka telah dapat diaturkan, keperluan memaksa mereka supaya saling berhubungan, dan memenuhi keperluan-keperluan mereka.

Setiap orang itu akan berusaha untuk memenuhi apa yang diperlukan dan berusaha mendapatkannya, tambahan pula ketidakadilan dan keganasan itu sudah menjadi sikap semula jadi makhluk yang bersifat haiwan. Sebaliknya orang yang lain pula, akan berusaha untuk menghalangi seseorang yang lain daripada mendapatkannya. Semua itu digerakkan oleh rasa amarah, benci, dan reaksi manusia yang keras apabila apa yang menjadi hak miliknya diganggu-gugat. Ini menyebabkan terjadinya pertikaian, yang menimbulkan persengketaan, dan persengketaan itu mendorong kepada kekacauan dan pertumbuhan darah, serta kehilangan jiwa manusia. Ini membawa kepada kemusnahan kepada umat manusia itu sendiri. Padahal, manusia itu adalah satu daripada banyak perkara lainnya yang diperintahkan oleh Allah s.w.t. untuk dipelihara dengan baik.

Maka manusia itu tidak dapat melangsungkan kehidupannya di dalam suasana yang kacau-bilau dan tanpa adanya seorang ketua negara yang dapat merenggangkan mereka. Oleh itu, mereka memerlukan seseorang untuk menghalang mereka. Orang itu ialah yang menjadi raja mereka. Sebagaimana yang dikehendaki oleh manusia itu sendiri – orang itu haruslah seorang yang raja yang 'tegas' – orang yang melaksanakan bidang kuasa yang ada padanya. Dalam hubungan ini, perasaan kekitaan merupakan suatu yang harus ada kerana sebagaimana telah kita katakan

sebelum ini, usaha-usaha agresif dan defensif hanya boleh berhasil dengan bantuan perasaan kekitaan sahaja.

Sebagaimana yang seseorang dapat menyaksikan – kedaulatan kuasa itu merupakan suatu lembaga yang dihormati. Kepadanya semua tuntutan dibuat dan yang perlu dipertahankan. Tiada suatu apa pun daripadanya akan terlaksana kecuali dengan sokongan perasaan kekitaan sebagaimana yang telah kita bicarakan dahulu.

Perasaan seresam itu adalah berbeza-beza. Setiap satunya melaksanakan kuasa sebenar yang ada padanya dan menguasai rakyat dan keluarga yang bernaung di bawahnya. Tidak semua perasaan seresam itu mempunyai kedaulatan. Kedaulatan kuasa, pada hakikatnya, adalah dimiliki oleh mereka yang telah menguasai orang di bawahnya, memungut hasil cukai, dan mengirimkan ekspedisi angkatan bersenjata, melindungi daerah-daerah perbatasan, dan tiada seorang pun daripada kalangan mereka yang lebih gagah daripada dirinya. Ini secara umumnya telah diterima sebagai pengertian yang sebenar-benarnya tentang makna kedaulatan berkuasa.

Terdapat pula mereka yang perasaan seresamnya tidak memenuhi pencapaian (satu atau yang lain daripada perkara yang menjadi bahagian kepada kedaulatan berkuasa yang sebenar-benarnya), seperti melindungi daerah sempadan atau mengumpulkan cukai, atau mengerahkan angkatan perang. Kedaulatan berkuasa yang semacam itu adalah kedaulatan yang ada cacat-celanya, dan bukanlah kedaulatan berkuasa yang sebenar-benarnya. [*Demikianlah yang terjadi terhadap kebanyakan raja Barbar dari daulat Aghalibiyah di Qairawan, dan dengan raja-raja Parsi pada permulaan daulah Abbasiyah].

Kemudian, ada pula mereka yang perasaan seresamnya tidak cukup kuat untuk menguasai ke atas yang lain-lainnya atau mengekang seluruhnya, supaya akan timbul suatu kekuasaan baru yang lebih berkuasa daripada mereka. Kedaulatan berkuasa seperti itu juga merupakan suatu kedaulatan yang ada cacat-celanya, dan bukanlah suatu kedaulatan berkuasa daripada istilah yang sebenar-benarnya.

Tanggung jawab itu, sebagai misalannya, dipikul oleh para amir di wilayah-wilayah, dan para ketua daerah yang kesemuanya adalah berada di bawah satu dinasti. Keadaan seperti ini sering didapati di dalam kerajaan yang sangat jauh. Apa yang sama

maksudkan ialah terdapatnya raja di wilayah atau daerah yang terpencil yang memerintah hamba rakyatnya sendiri tetapi masih patuh kepada kekuasaan pusat dinasti itu.

[*Demikianlah misalnya hubungan dari Sanhajah dengan daulat Ubaydiyah (al-Fatimiyyah); dari Zenatah dengan daulat Bani Umaiyah, dan kadang-kadang dengan Bani Ubaidi; seperti raja-raja asing (Parsi) dengan daulat Abbasiyah; (dari pangeran-pangeran serta raja-raja Barbar dengan orang-orang Kristian Eropah di Maghribi sebelum Islam);[23] dan dari raja-raja Parsi kuno dengan rakyat Alexandar dari Yunani dan bangsa Yunani sendiri.

> Banyaklah contoh lain yang dapat kita petik dari sejarah, jika kita mahu menyemaknya].
>
> Dan Allah itulah "yang berkuasa ke atas hamba-hamba-Nya."[24]

24 Kekerasan yang berlebihan akan memudaratkan kedaulatan berkuasa dan boleh menyebabkan kehancurannya

Tumpuan hamba rakyat terhadap rajanya[25] bukanlah terletak pada orangnya dan tubuhnya, sebagai contoh – ketampanannya, wajahnya yang kacak, bertubuh sasa, pengetahuan luas, tulisannya yang cantik atau otaknya yang pintar. Minat mereka terhadapnya ialah daripada segi hubungannya dengan rakyat jelata. Kebangsawanan dan kuasa pemerintahan adalah suatu yang relatif – suatu hubungan di antara raja dengan rakyat. Sebuah kerajaan menjadi suatu yang benar-benar wujud apabila (raja) mengawasi hamba rakyatnya dan mengendalikan apa yang menjadi urusan mereka. Seorang raja adalah orang yang mempunyai hamba rakyat dan hamba rakyat mempunyai orang yang memerintah. Kualiti yang berkembang daripada seseorang raja itu adalah terhasil daripada pertalian hubungannya dengan rakyatnya dan ia

---

23 Bahagian kalimat ini, kami temukan dari Ibn Khaldun: *Tentang Masyarakat dan Negara*, karya Osman Raliby, Bulan Bintang, 1962, Jakarta.

24 Al-Quran surah 6 (al-An'am) ayat 18.

25 *Raiyyah*, erti lohgatnya adalah "sekelompok (haiwan peliharaan) yang digembala". Biasanya kata ini dipergunakan oleh raja-raja/khalifah-khalifah Arab dan Uthmaniyah untuk menunjukkan rakyatnya, kaumnya.

disebut sebagai 'ketuanan'. Yakni, dia yang memerintah mereka, dan sekiranya ketuanan dan yang berkaitan dengannya adalah sangat memuaskan, maka tujuan untuk berkerajaan itu telah benar-benar dipenuhi. Sekiranya ketuanan itu baik dan memanfaatkan, ia akan memenuhi kemahuan para rakyatnya. Sekiranya ia tidak baik dan tidak adil, rakyat yang akan menerima padahnya dan menyebabkan kebinasaan mereka.

Ketuanan yang baik adalah sama dengan kelembutan. Sekiranya raja tersebut menggunakan kekerasan dan bersedia mengenakan hukuman yang setimpal dan bersungguh-sungguh untuk mendedahkan kesalahan yang dilakukan oleh hamba rakyatnya, dan menghitung-hitung perbuatan salah yang dilakukan – rakyatnya akan menjadi takut dan bersedih serta berusaha melindungi diri daripadanya dengan jalan berdusta, bermuslihat dan penipuan. Sifat-sifat ini menjadi ciri-ciri tingkah laku mereka. Fikiran dan tingkah laku mereka menjadi tercemar. Mereka seringkalinya akan meninggalkan raja iaitu sewaktu di medan perang dan gagal membantunya di dalam usaha memperkukuhkan pertahanan. Kerosakan daripada segi niat yang murni itu menyebabkan kehancuran daripada segi ketenteraan. Hamba rakyatnya seringkali bermuafakat bagaimana hendak membunuh raja itu. Dengan itu, dinasti akan musnah dan 'harapkan pagar, pagar yang makan padi'. Sekiranya raja itu terus mencengkam hamba rakyatnya, perasaan kekitaan akan menjadi rosak. Sekiranya orang yang memegang teraju negara itu bersikap lemah lembut dan tidak 'memperbesar-besarkan kesilapan kecil' yang dilakukan oleh hamba rakyatnya, mereka akan berasa yakin terhadapnya dan banyak bergantung harap padanya. Mereka menyayangi raja itu dengan sepenuh hati, dan rela berkorban nyawa di medan perjuangan menentang musuh-musuhnya. Segala apa yang lainnya adalah berkeadaan tenang dan aman.

Apa yang menjadi syarat seorang pemerintah yang disegani ialah baik hati budinya, dan membela nasib hamba rakyatnya. Pengertian sebenar tentang kedaulatan berkuasa adalah apabila raja itu bersikap melindungi hamba rakyatnya. Bersikap mempunyai hati budi dan berbuat kebajikan adalah daripada sifat lemah lembut seorang ketua negara terhadap rakyatnya dan memperlihatkan sikap mengambil berat kesejahteraan hidup hamba rakyat. Kesemuanya itu adalah penting kepada raja yang cuba memenangi kecintaan hamba rakyatnya.

Seorang yang sentiasa berhati-hati dan sungguh pintar jarang mempunyai sikap lemah lembut. Sifat lemah lembut itu boleh ditemui pada orang yang tidak berhati-hati dan bersikap semberono sahaja. Paling sedikit (daripada banyak kelemahan) pemerintah yang sentiasa berwaspada ialah dia membebani hamba rakyatnya melampaui daripada apa yang menjadi keupayaan mereka sebabnya ialah dia menyedari perkara-perkara yang tidak mereka tanggapi. Melalui kebijaksanaannya dia dapat melihat sesuatu sejak awal-awal lagi. Tuntutan yang berlebih-lebihan oleh seorang raja itu membawa padah kepada rakyat. Sebagaimana sabda Nabi Muhammad s.a.w.

> "Ikutilah langkah orang yang paling lemah di antara kamu."

Itulah sebabnya mengapa Nabi Muhammad s.a.w. mensyaratkan bahawa seseorang raja itu tidak seharusnya bersikap terlalu cerewet. Sebabnya ialah, sifat sebegitu akan mendorong kepada perbuatan kejam dan pemerintahan yang penuh dengan kezaliman serta akan mendorong atau memaksa hamba rakyat melakukan apa yang bukannya kelaziman mereka melakukannya. Gambarannya boleh dilukiskan daripada kisah Ziyad ibn Abi Sufyan, ketika diturunkan oleh Umar dari jabatannya di Iraq. Tanyanya kepada (Umar):

> "Apa alasan tuan Amirul Mukminin, apakah kerana lemah atau khianat?"
>
> Umar menjawab: "Saya tidak memecat kerana satu di antara kedua alasan tersebut. Tapi saya tidak mahu membebankan kehebatan otakmu (di pundak) manusia."

Kesimpulannya ialah adalah suatu kelemahan seorang pemimpin sekiranya mereka bersikap terlalu pintar dan cerewet. Kecerdasan dan cerewet memperlihatkan bahawa seseorang itu terlalu memikir-mikirkan sebagaimana kedunguan memperlihatkan sifat seseorang itu yang terlalu tegar. Dalam hal yang menjadi sifat semua manusia, apa yang melampaui batas adalah ditegah, dan yang menjadi jalan tengah itu adalah yang harus dipuji. Ia sebagai contohnya, adalah hal yang berkaitan dengan kedermawanan dalam hubungannya dengan sifat boros dan kikir, atau keberanian dalam hubungannya dengan berani secara membuta tuli dan pengecut. Dan seterusnya dengan sifat-sifat manusia yang lain-lainnya. Berasaskan sebab itulah maka orang yang terlampau

pandai dikatakan mempunyai sifat-sifat syaitan. Dia dipanggil sebagai 'syaitan', atau 'bakal syaitan', dan sebagainya.

> "Dan Allah menjelmakan apa yang Ia kehendaki dan Ia adalah Maha Tahu dan Maha Kuasa".

25 Erti khalifah dan imamah

Maksud kedaulatan kuasa ialah suatu bentuk organisasi yang harus ada kepada manusia. Ia menghendaki ketokohan dan paksaan, yang menyatakan sifat bengkeng dan sifat-sifat kebinatangan (yang terbit daripada sikap semula jadi manusia). Apa yang diputuskan oleh seseorang raja itu sebagaimana lazimnya akan menyimpang daripada yang benar. Ia akan mencelakakan kepentingan duniawi hamba rakyat yang berada di bawah naungannya itu. Sebab, sebagaimana yang lazimnya, agar sang raja akan memaksa mereka memenuhi keinginan dan kehendak hatinya tanpa memperhitungkan keupayaan mereka. Keadaan-keadaan itu adalah berbeza-beza mengikut kemahuan raja yang silih berganti itu. Berasaskan sebab itulah agak sukar untuk mematuhi apa yang diperintahkan itu. Keingkaran menjadi jelas dan mendorong kepada terjadinya kekacauan dan pertumpahan darah.

Oleh itu, adalah suatu yang seharusnya untuk membuat rujukan kepada hukum politik yang telah ditetapkan – yang diterima oleh hamba rakyat, dan di bawah undang-undang itu mereka patuhi. Bangsa Parsi dan bangsa-bangsa yang lainnya mempunyai norma-norma itu. Sesebuah negara yang tidak mempunyai dasar itu tidak akan dapat meneguhkan kedaulatan pemerintahannya.

> "Hukum Allah berlaku bagi orang-orang yang telah berlalu."[26]

Sekiranya hukum itu didalangi oleh orang yang arif, dan mereka yang terkenal serta kalangan cerdik pandai, apa yang menjadi akibatnya ialah suatu (institusi) politik yang mempunyai asas intelektual (rasional). Sekiranya hukum-hukum itu dianugerahi oleh Allah s.w.t. melalui perantaraan seorang Rasul-Nya, yang

---

26 Al-Quran 33 (al-Ahzab) ayat 38.

meneguhkannya sebagai undang-undang yang berteraskan agama ia akan berguna, untuk kehidupan di dunia dan di akhirat.

Sebabnya ialah manusia itu tidak dijadikan hanya untuk tujuan keduniaan sahaja. Seluruh dunia ini adalah penuh dengan keremehan dan kesia-siaan. Yang menjadi akhirnya adalah kematian dan kesirnaan belaka. Dan Allah berfirman:

> "Apakah kamu mengira bahawa Kami menjadikan kamu dengan sia-sia."[27]

Tujuan manusia itu dijadikan adalah untuk agama mereka yang membawa kepada kebahagiaan hidup di akhirat kelak.

> "Inilah jalan Allah, Tuhan yang mempunyai langit dan bumi."[28]

Dengan demikian, hukum-hukum Allah s.w.t. adalah bertujuan untuk mengatur perbuatan manusia dalam segala urusan dengan pencipta-Nya dan sesama manusia. Keadaan ini juga ada kaitannya dengan kedaulatan berkuasa, suatu yang semula jadi di dalam organisasi sosial manusia. (Perundangan syariah) memandunya supaya mengikut landasan agama, supaya kesemuanya itu berada di bawah penyeliaan syariat agama. Segala apa yang dilakukan oleh kuasa berdaulat yang didorong oleh paksaan, kekuasaan atau 'beraja di mata, bersultan di hati' – adalah suatu penindasan dan ketidakadilan, dan dianggap perbuatan yang tercela pada pandangan kebijaksanaan politiknya. Begitu juga apa juga yang dilakukan (oleh kuasa kedaulatan) yang didorong oleh perimbangan dasar atau keputusan daripada sudut politiknya tanpa penyeliaan hukum syariah, juga dicela – kerana ianya suatu visi yang kurang cahaya kebesaran yang maha kuasa.

> "Dan barang siapa tidak mengambil Allah sebagai cahayanya, maka tidaklah ia mempunyai cahaya.[29]

Di akhirat kelak, semua perilaku manusia, sama ada ianya

---

27 Al-Quran surah 23 (al-Mukminun) ayat 115.

28 Al-Quran surah 42 (asy-Syura) ayat 53.

29 Al-Quran surah 2 (an-Nur) ayat 40.

ada kaitannya dengan kedaulatan berkuasa atau apa sahaja yang lain-lainnya, kesemuanya itu akan dikembalikan kepada mereka.

Sabda Nabi Muhammad s.a.w.

> "Itulah amal perbuatanmu yang akan dikembali kepadamu."

Hukum politik hanyalah memperhitungkan hal-hal keduniaan.

> Mereka hanya mengetahui yang lahir (sahaja) daripada kehidupan dunia.[30]

Sebaliknya, apa yang menjadi tujuan Allah s.w.t. untuk manusia adalah kesejahteraan hidup manusia di akhirat kelak. Yang berkuasa untuk melakukannya adalah wakil undang-undang syariah – para nabi – kemudiannya oleh mereka yang mengambil alih tempat mereka – para khalifah.

Ini memperjelaskan apa yang dimaksudkan dengan kekhalifahan. Melaksanakan bidang kuasa kedaulatan kuasa yang ada bermaksud untuk menyebabkan rakyat bertingkah laku sesuai dengan tujuan dan keinginan yang memerintah (untuk melaksanakan) tindakan politik (kedaulatan berkuasa-Nya) bermaksud – memerintah rakyat supaya bertingkah laku sesuai dengan petunjuk akal (rasional) ke arah memajukan kepentingan duniawi dan mengelak apa sahaja yang mendatangkan kejahatan. Melaksanakan tugas kekhalifahan adalah bermaksud menyebabkan rakyat bertingkah laku sesuai dengan petunjuk agama ke arah kemajuan dalam soal-soal keakhiratan dan juga dunia ini. (Soal-soal keduniaan) mempunyai kaitannya dengan (soal-soal dunia yang lainnya), sebab menurut nabi junjungan – semua soal keduniaan itu harus dianggap ada kaitan daripada segi kepentingannya dengan dunia yang lainnya.

Oleh itu, (kekhalifahan) pada sebenar-benarnya adalah pengganti Nabi Muhammad s.a.w., sebagaimana dia berperanan – seperti dirinya – untuk menyelamat agama dan melaksanakan tugas pemimpin dunia.

Dan Allah s.w.t. itu Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui.

---

30 Al-Quran surah 30 (ar-Rum) ayat 7.

26 Perbezaan pendapat umat Islam tentang hukum serta syarat-syarat berhubung dengan kekhilafahan

Kami telah menerangkan pengertian sebenar tentang khalifah. Jawatan ini merupakan pengganti kehadiran Nabi Muhammad s.a.w. sebagaimana tugas, seperti baginda – untuk mempertahankan agama dan menjalankan kepemimpinan politik di dunia ini. Lembaga ini disebut *khilafah* atau *imamah*. Orang yang menjalankan tugas itu disebut khalifah atau imam.

Pada masa yang kemudiannya, dia dikenali sebagai sultan, apabila terlalu ramai (yang mendakwa berkelayakan mengisi kedudukan itu) atau apabila, mengambil kira jaraknya (yang memisahkan wilayah itu) dan tidak memperhitungkan keadaan yang ada sangkut-pautnya dengan institusi – rakyat dipasksa melakukan waad kepada sesiapa sahaja yang merampas kuasa. ...

[*Menandakan orang yang berkuasa itu 'imam' bererti mengidentifikasikannya dengan imam solat, dalam hal mengikuti dan menuruti segala tingkah laku dan perbuatannya. Oleh sebab itulah jawatan itu disebut 'imamah kubra' (keimaman paling besar): dan menamakannya dengan 'khalifah', kerana orang berkuasa itu menggantikan tugas-tugas Nabi – semoga selawat tercurah padanya – terhadap umatnya. Lalu dikatakanlah padanya 'khalifah' saja, atau 'khalifah Rasulullah'.

Tentang penamaan 'khalifah Allah' sering terdapat pertentangan. Sebahagian orang membolehkannya, berdasarkan kekhalifahan universal yang diperuntukkan kepada seluruh anak Adam, yang dikandung dalam firman (Allah) yang Maha Tinggi:

> "Sesungguhnya Aku akan menciptakan khalifah di permukaan bumi," Dan: "Dia menciptakan mereka sebagai khalifah-khalifah."

Jumhur ulama melarang memberi nama demikian, kerana, menurut mereka, ayat tersebut tidak bermaksud begitu. Lagi pula, Abu Bakar menolak ketika beliau dipanggil dengan nama tersebut.

> "Saya bukan khalifah Allah, tapi khalifah Rasulullah]."

Kedudukan sebagai 'imam' adalah suatu yang harus. Para sahabat nabi dan tabiin telah sependapat melalui ijmak, bahawa lembaga 'imamah' adalah wajib menurut syariat agama. Sesudah

Rasulullah wafat, para sahabat telah berikrar taat kepada Abu Bakar dan menyerahkan kepadanya tugas menyelia segala urusan yang ada sangkut-pautnya dengan diri mereka. Demikian pula di masa-masa yang berikutnya. Pada zaman itu rakyatnya tidak mengalami kacau-bilau. Kesemuanya itu dimungkinkan kerana adanya ijmak ulama, yang membuktikan wajibnya jawatan imam itu.

Ada pula yang berpendapat bahawa keharusan jawatan imam itu adalah jelas untuk sebab yang rasional, dan bahawa ijmak yang itu hanyalah untuk menguatkan kekuasaan akal di dalam persoalan ini. Sebagaimana yang mereka katakan – apa yang membuatkan jawatan imam itu harus menurut kata akalnya ialah keperluan manusia untuk organisasi kemasyarakatan dan tidak mungkinnya mereka hidup dan wujud secara sendiri-sendiri. Salah satu daripada akibat yang harus daripada organisasi sosial ialah timbulnya pertikaian (*at-tanazu'.* Ar. *disagreement.* Ing.). disebabkan oleh tekanan silang tujuan. Selama tidak ada ketua negara yang dapat mengenakan pengaruh mengekang, ia akan membawa kepada kekacauan, yang selanjutnya akan mengakibatkan kehancuran dan kacau-bilaunya kehidupan manusia. Pada hal, memelihara kesejahteraan hidup manusia merupakan salah satu tujuan pokok syariat agama.

Pengertian yang terlintas pada fikiran para ahli falsafah sewaktu mereka membicarakan tentang kenabian (*nubuwwah.* Ar. *prophethood.* Ing.) sebagai suatu yang menurut akalnya adalah harus bagi umat manusia. Kami telah membuktikan salahnya pendapat mereka itu. Salah satu di antara premisnya ialah bahawa pengaruh mengekang dapat diwujudkan hanya melalui syariat agama yang datang daripada Allah s.w.t., yang mana semua orang berserah diri kepadanya sebagai satu tuntutan keimanan dan keyakinan beragama. Premis ini tidak diterima. Pengaruh kendali atau mengekang itu dapat diwujudkan melalu dorongan kuasa berdaulat dan kekerasan yang berkuasa, meskipun tidak ada syariat agama sebagaimana yang terjadi kepada bangsa-bangsa Majusi dan bangsa lainnya yang sama tidak mempunyai kitab suci, dan tidak pernah menerima dakwah agama.

Atau, kita boleh mengatakan: Untuk meniadakan pertentangan, memadailah sekiranya setiap orang mengetahui bahawa ketidakadilan adalah diharamkan ke atasnya berdasarkan hukum kata akalnya. Dengan itu, dakwaan mereka bahawa pembasmian

pertentangan itu berlaku hanya melalui syariat dari satu seginya, dan kedudukan imam di suatu sisi yang lainnya adalah tidak benar. Pertentangan itu boleh dihapuskan, sama ada melalui kewujudan para pemimpin yang berpengaruh atau melalui usaha rakyat yang mahu menghindarkan tercetusnya pertikaian dan saling tidak berlaku adil, sebagaimana melalui kedudukan seorang imam. Dengan demikian, dalil daya akal yang didasarkan kepada premis itu adalah suatu yang tidak tahan diuji. Ini membuktikan bahawa harus adanya imam adalah dinyatakan oleh undang-undang syariat, iaitu melalui persetujuan, sebagaimana yang telah kita jelaskan terdahulu daripada ini.

Ada segelintir orang menonjolkan pendiriannya dengan mengatakan bahawa kedudukan imam adalah sama sekali tidak penting, baik berdasarkan daya akal mahupun undang-undang syariat. Mereka yang berpegang kepada pendapat itu termasuklah daripada golongan Mu'tazilah yakni al-Ashamm, dan beberapa orang daripada golongan Khawarij, di antara yang lain-lainnya. Pada hemat mereka, apa yang harus hanyalah mentaati apa yang telah disyariatkan. Apabila umat Islam telah sepakat dalam hal pelaksanaan keadilan dan mentaati hukum-hukum Allah s.w.t., imam tidak lagi diperlukan, dan imamah adalah suatu yang tidak dikehendaki. Mereka yang membuat bantahannya – akan disangkal oleh ijmak. Mereka berfikiran sedemikian kerana mereka berusaha untuk membebaskan diri daripada kuasa berdaulat dan kongkongannya, cengkam-annya, dan cara-cara yang keduniaan. Mereka melihat bahawa undang-undang syariat sangat mengecam dan menyalahkan hal-hal yang semacam itu dan orang-orang yang mengamalkannya, dan ia menganjurkan supaya ianya dihapuskan.

Undang-undang syariah tidak mengecam kuasa berdaulat sebagaimananya dan tidak pula melarang pelaksanaannya. Syariat itu hanya mencela keburukan yang timbul daripadanya – seperti kezaliman, ketidakadilan dan menyukai keseronokan. Nyatalah, tidak diragukan, kita telah melarang kejahatan. Perbuatan itu adalah yang seiring dengan kekuasaan. Syariat agama memuji keadilan, kesaksamaan, pengisian tanggungjawab keagamaan, dan mempertahankan agama. Ia menyatakan bahawa hal-hal tersebut akan menurut keharusannya mendapat pahala di dunia akhirat. Dan, hal-hal ini adalah termasuk juga sebahagian daripada kedaulatan berkuasa. Maka, celaan itu adalah tertuju kepada kedaulatan berkuasa atas pertimbangan sebahagian daripada sifat-

sifatnya dan keadaan-keadaannya, bukannya yang lain-lain. Syariat agama tidak pula mencela kedaulatan itu sebagaimananya, dan tidak pula cuba membasminya secara menyuruh. Syariat juga mencela nafsu syahwat, dan sifat 'beraja di mata, bersultan di hati' orang-orang mukalaf, tetapi tidak pula mahu melihat sifat-sifat sebegitu terhapus sama sekali, sebab keperluan itu menghendaki kewujudannya. Ia hanya mahukan penggunaannya itu dipergunakan dengan sebaik-baiknya. Nabi Daud dan Sulaiman pernah mempunyai kedaulatan yang tidak pernah dimiliki oleh orang lainnya, malah mereka adalah nabi-nabi yang tinggi martabatnya, dan tergolong, pada pandangan Allah s.w.t., di antara makhluk paling mulia yang dicipta-Nya.

Selanjutnya, kita katakan kepada mereka: Usaha untuk memansuhkannya dengan kedaulatan kuasa dengan (mengandaikan) bahawa lembaga imamah itu tidak diperlukan sama sekali tidak akan membantu anda. Anda bersetuju bahawa melaksanakan hukum syariat itu adalah suatu yang seharusnya. Apa yang jelas, ianya diperoleh hanya melalui perasaan kekitaan dan kekuasaan, mengikut semula jadinya, memerlukan kedaulatan kuasa. Dengan demikian, akan ada kedaulatan kuasa meskipun belum dihadirkan diri seorang imam. Jelaslah, itulah apa yang anda mahu mansuhkan.

Sekiranya ia telah dipertegaskan bahawa lembaga imamah itu harus menurut ijmaknya, suatu yang harus ditambahkan bahawa lembaga itu, merupakan suatu tanggungjawab masyarakat (*fardl al-kifayah.* Ar. *community duty.* Ing.) dan adalah terserah kepada kebijaksanaan orang-orang Islam yang beriman (*ahl-al-'aqd wa al-hilli. Ar. Competent.* Ing.). Adalah menjadi kewajipan mereka untuk memastikan bahawa imamah itu didirikan, dan setiap orang harus patuh (kepadanya) sesuai dengan surah di dalam al-Quran:

> "Taat kepada Allah, dan taatlah kepada Rasul, dan orang-orang yang berkuasa di antara kamu."[31]

Adalah suatu yang tidak munasabah untuk melantik dua orang untuk mengisi tugas imam pada waktu yang sama. Secara umumnya para ulama adalah sependirian dalam soal ini, berdasarkan daripada beberapa hadis.

---

31 Al-Quran al-Karim, surah 4 (an-Nisa') ayat 59.

Sebilangan yang lainnya pula berpendapat bahawa (larangan adanya dua imam) itu hanya dimaksudkan kepada dua imam di dalam suatu kawasan, atau apabila mereka itu akan berdekatan antara satu dengan yang lainnya. Jika tempat itu berjauhan, dan sang imam itu tidak dapat memainkan peranannya di daerahnya yang berjauhan itu, diperbolehkan melantik seorang imam yang lain untuk menjalankan tugas memenuhi kepentingan masyarakatnya. ...[32]

Prasyarat untuk mendirikan lembaga imamah itu ada empat, iaitu: (1) pengetahuan (2) berhemah tinggi, (3) berkesanggupan, dan (4) pancaindera dan anggota badan yang tidak mempunyai sebarang kecacatan yang boleh mempengaruhi pertimbangan dan tindakan. Terdapat sedikit perbezaan pendapat mengenai prasyarat yang kelima, iaitu, (5) berketurunan Quraisy.

(1) Keharusan berpengetahuan sebagai suatu prasyarat adalah cukup jelas. Seorang imam itu boleh melaksanakan hukum-hukum Allah s.w.t. hanya apabila dia mengetahui ketentuan itu. Mana yang tidak diketahui, dia tidak akan dapat mengemukakannya secara tepat. Pengetahuannya boleh dianggap memuaskan sekiranya dia mampu membuat suatu keputusan yang tersendiri (*mujtahid*. Ar. *independent decisions*. Ing.). Taklik buta merupakan satu kekurangan, dan seseorang imam itu dituntut supaya mempunyai peribadi dan keadaan yang sempurna.

(2) Berhemah tinggi adalah dituntut kerana imamah itu merupakan suatu lembaga keagamaan dan menyelia lembaga yang lain-lainnya. Maka berhemah adalah suatu yang dituntut. Tiada percanggahan pendapat kepada hakikat bahawa hemahnya akan tercemar sekiranya dia melakukan perbuatan yang dilarang dan yang seumpamanya. Akan tetapi terdapat perbezaan pendapat sama ada hemahnya akan tercemar sekiranya dia membuat perubahan-perubahan di dalam hal *iktikad*.

(3) Bersanggupan bermaksud bahawa dia bersedia melaksanakan hukuman yang telah ditetapkan oleh undang-undang dan pergi untuk berperang. Dia seharusnya mengerti cara melakukan peperangan, dan seharusnya sanggup memikul tanggungjawab untuk mengerahkan umat supaya berperang. Dia juga harus tahu tentang perasaan kekitaan dan peka tentang diplomasi. Dia seha-

---

32 Paragraf ini tidak kami dapatkan pada *Muqadimah* terbitan Dar-el-Sya'b yang kami terjemahkan. Kami mendapatkannya pada terjemahan F. Rosenthal.

rusnya cukup tabah untuk memikul tugas-tugas politik. Kesemuanya itu akan membolehkan dia mengisi fungsinya sebagai pelindung agama, memimpin usaha berjihad menentangi pihak musuh, menegakkan syiar Islam, dan mentadbir kepentingan umum.

(4) Memiliki pancaindera dan anggota badan yang tidak cacat atau tidak upaya seperti gila, buta, bisu atau tuli, dan daripada kekurangan anggota badan yang mengganggu kesanggupannya untuk berurusan seperti – kudung tangan, kaki atau tidak mempunyai buah pelir. Semuanya itu menjadikan prasyarat menjadi seorang imam kerana kekurangan yang demikiannya akan mengganggu kemampuannya untuk bertindak dan memenuhi tugas yang dipertanggungjawab terhadapnya. Malah, dalam hal suatu kecacatan yang hanya mengurangi kesegakannya, sebagai misalnya ketiadaan sebelah kakinya, apa yang menjadi syarat tiada kecacatan itu tetap sebagai suatu syaratnya dengan maksud bahawa adalah terarah kepada kesempurnaan.

Kurangnya kebebasan untuk bertindak adalah berkaitan erat dengan kekurangan anggota badan. Kekurangan tersebut dapat dibahagi kepada dua jenis. Yang pertama ialah dipaksa (tidak berkuasa) dan sama sekali tidak berupaya untuk bertindak dengan cara memenjara atau yang seumpamanya. Tiadanya halangan untuk bertindak adalah suatu syarat bagi imamah, sebagaimana seharusnya tidak mempunyai sebarang kecacatan tubuhnya. Yang satu lagi adalah di dalam kategori yang berbeza. Kekurangan untuk bertindak secara bebas bermaksud bahawa sebilangan di antara orang-orang imam itu mungkin lebih berkuasa daripadanya, meskipun tiada melibatkan perbuatan tidak taat atau pertikaian dan membuatnya terus disisihkan. Maka, permasalahan itu berpindah kepada orang yang telah mendapatkan kuasa. Sekiranya dia bertindak mengikut lunas-lunas Islam dan bersikap adil, serta melaksanakan dasar-dasar yang terpuji, adalah diwajarkan supaya dia diperakui sebagai seorang imam. Jika tidak, umat Islam seharusnya mendapatkan bantuan orang-orang yang boleh mengekangnya dan menghapuskan keonaran yang telah dilakukannya, sehinggalah kekuasaan khalifah untuk bertindak itu dapat diwujudkan semula.

(5) Prasyarat keturunan Quraisy adalah didasarkan kepada ijmak yang diperolehi daripada para sahabat pada hari Abu Bakar diangkat menjadi khalifah. ... sejarah itu. [*Pada hari itu kaum Ansar bermaksud membaiatkan Sa'ad ibn Ubaidah. "Dari kami

seorang amir dan dari kalian seorang amir (lain)!", seru mereka. Namun kaum Quraisy menentang mereka dengan mengutip ucapan Nabi yang mewasiatkan mereka supaya "berbuat baik kepada semua kaum Ansar yang berbuat jahat". Orang-orang Quraisy yang ada ketika itu mengatakan, jika imamah (tampuk kepemimpinan) harus diberikan kepada kaum Ansar, tentu yang kemudian ini tidak diwasiatkan Nabi supaya dijaga oleh kaum Quraisy, sebagaimana tersebut dalam hadis di atas. Hujahan tersebut diterima oleh kaum Ansar dan mereka pun menarik kembali pernyataan mereka: 'dari kami seorang amir dan dari kalian seorang amir (lain)'. Demikian pula keinginan mereka membaiat Sa'ad mereka tarik kembali. Dalam salah satu hadis sahih ditegaskan bahawa "barang ini (yakni negara Islam) akan tetaplah selalu berada (di tangan) kaum Quraisy itu". Dalil-dalil lain yang seperti itu tidak sedikit.

Namun, lambat-laun kekuasaan kaum Quraisy menjadi lemah. Perpaduan di antara mereka menjadi lenyap sebagai akibat daripada hidup mewah dan berlebihan, dan sebagai akibat dari kenyataan, bahawa di seluruh pelosok dunia daulah mempergunakan mereka. Dengan demikian mereka sudah terlalu lemah untuk dapat melaksanakan kewajipan khalifah. Bangsa-bangsa bukan Arab pun menaklukkan mereka, dan merebut kekuasaan eksekutif.

Kenyataan ini menyebabkan timbulnya perbezaan pendapat tentang keturunan Quraisy sebagai prasyarat (kelima) dari *imamah*. Lebih jauh mereka menolak sama sekali dijadikannya keturunan Quraisy sebagai prasyarat dalam *imamah* berdasar sabda Nabi:

> "Dengarlah dan patuhlah, meskipun seorang budak Habsyi yang hitam pekat yang menjadi kepala pemerintahanmu!"

Namun sayang, pernyataan ini tidak dapat dijadikan alasan bagi persoalan yang diperbincangkan. Sebab hadis tersebut hanyalah merupakan satu tamsil hipotetis yang secara *mubalaghah* dimaksudkan untuk menekankan pentingnya erti wajib taat itu. ...]

Di antara mereka yang menolak keturunan Quraisy sebagai prasyarat bagi *imamah* ialah Qadli Abu Bakar al-Baqillani. Perasaan kekitaan orang-orang Quraisy telah mulai pudar dan lenyap di masa Abu Bakar al-Baqillani, dan para penguasa bukan Arab telah menguasai kedudukan sebagai khalifah. Oleh itu,

apabila mereka menyedari keadaan yang memerlukan para khalifah pada waktu itu, mereka pun menghapus prasyarat *imamah* daripada keturunan Quraisy, meskipun sebenarnya mereka menyetujui pendapat kaum Khawarij.

Sungguhpun begitu, para sarjana umumnya tetap berpegang kepada pendapat perlunya keturunan Quraisy dijadikan prasyarat *imamah.* Mereka bertegas bahawa hak menjadi *imamah* adalah dimiliki oleh orang Quraisy meskipun orang Quraisy itu tidak berkemampuan untuk memenuhi kepentingan kaum muslimin. Menentangi kehadiran mereka ialah hakikat bahawa syarat yang menuntut seorang yang berkesanggupan diabaikan, yang menuntut supaya dirinya berkuasa untuk menjalankan kewajipannya. Jika dia ibarat telah 'kehilangan taring' bersama lenyapnya perasaan kekitaan (*ashabiyah*), maka kesanggupannya juga turut lenyap. Dan sekiranya syarat berkeupayaan itu tidak diambil kira, ianya akan mempengaruhi ilmu pengetahuan dan agama. Dalam keadaan yang sedemikian, maka kesemua prasyarat yang ada kaitannya dengan *imamah* akan tidak lagi diperhitungkan, dan hal ini adalah suatu yang bertentangan dengan ijmak. ...

[*Baiklah kini kita perbincangkan hikmah yang dikandung dalam prasyarat dijadikannya keturunan Quraisy sebagai prasyarat *imamah*, sehingga kita dapat mengetahui fakta sebenar yang mendasari semua pendapat itu. Menurut hemat saya begini:

Semua hukum syariat, tidak boleh tidak, memiliki maksud dan hikmah tertentu. Apabila kita telaah hikmah dari dijadikannya keturunan Quraisy sebagai prasyarat dalam *imamah*, dan tujuan yang dimaksud oleh si pemberi syariat (yakni Muhammad s.a.w.) darinya, kita akan tahu bahawa di balik itu tidak semata terkandung ber*wasilah* dengan Nabi, seperti banyak dikatakan orang. *Wasilah* (hubungan keturunan dengan Nabi) memang ada jika jelas seseorang berasal dari keturunan Quraisy, sebab Nabi sendiri berasal dari keturunan itu. *Wasilah* demikian merupakan *tabarruk* (bagi orang yang punya *wasilah* demikian). Namun, seperti diketahui, *tabarruk* bukanlah tujuan syariat. Jika keturunan tertentu dijadikan prasyarat *imamah*, tentunya harus ada *maslahah* umum di balik tujuan penetapan demikian. Namun, apabila persoalan itu kita teliti dan kita analisa, kita akan dapati bahawa *maslahah* umum dimaksud tidak lain diungkapkan dalam perasaan kekitaan yang dimiliki oleh para imam daripada keturunan Arab. Perpaduan itu memberikan perlindungan dan tuntutan, serta dapat

melepaskan sang imam daripada penentangan dan perpecahan. Agama dan pemeluknya tentu akan dapat menerima dia berserta keluarganya, dan dia pun dapat mengadakan hubungan yang akrab dengan mereka.

Kaum Quraisy termasuk golongan suku Mudhar, cikal bakal dan paling perkasa, dibanding suku-suku Mudhar lainnya. Jumlah mereka banyak, perpaduan serta kebangsawanan mereka telah membuat mereka berwibawa di kalangan suku Mudhar lainnya. Suku-suku Arab yang lain sama mengakui kenyataan itu, dan tunduk patuh pada kekuatan kaum Quraisy. Sekiranya pemerintahan diserahkan kepada pihak lain di luar mereka, pastilah pertentangan dan ketidaktaatan akan merosak segala-galanya. Tidak satu suku Mudhar pun yang akan sanggup menyelesaikan sikap penentangan, serta menarik mereka tanpa kemahuan mereka sendiri. Jika demikian adanya, maka masyarakat Islam tentu akan berpecah belah dan tidak ada lagi kesatuan pendapat. Pada hal Nabi, sebagai pembuat undang-undang syariat, telah memperingatkan pentingnya semua itu. Beliau ingin agar mereka bersatu, menghindari perpecahan dan kekacauan, demi terciptanya persaudaraan, perpaduan, dan perlindungan (*Himayah.* Ar.).

Apabila orang-orang Quraisy yang berkuasa, jelas kenyataan sebaliknya yang akan terjadi. Dengan kekuatan yang ada, mereka akan sanggup menyuruh manusia melakukan apa saja sekehendak mereka. Mereka tidak khuatir akan munculnya orang yang menentang mereka, atau kelak akan timbul perpecahan dan menyisihkan siapa saja dari sisinya. Itulah sebabnya kemudian keturunan Quraisy dijadikan prasyarat bagi lembaga *imamah.*

Kini jelaslah bagi kita bahawa dijadikannya keturunan Quraisy sebagai satu prasyarat dalam *imamah* dimaksudkan untuk melenyapkan perpecahan dengan bantuan perpaduan dan lebih berpengaruh. Kita tahu pula bahawa Nabi, si pembawa syariat tidak membuat hukum khusus bagi suatu generasi, zaman, atau bangsa tertentu. Oleh sebab itulah kita dapat memasukkan keturunan Quraisy ke dalam kategori prasyarat berkesanggupan, dan kita rumuskan maksud yang terkandung di dalamnya, iaitu perasaan kekitaan.

Kerana itu, kita pun menganggapnya sebagai satu prasyarat yang mendesak bagi seseorang yang bertugas mengurusi persoalan kaum muslimin supaya dia termasuk dalam golongan orang-orang

yang kuat perpaduannya, dan mengatasi perpaduan bangsa-bangsa lain yang semasa dengan mereka, sehingga mereka dapat memaksa bangsa-bangsa itu bersatu demi kepentingan bersama. Kenyataan demikian tidak akan pernah ditemukan di seluruh pelosok dunia sebagaimana terjadi pada masa kekuasaan keturunan Quraisy; sebab dakwah Islamiyah yang ada pada mereka sifatnya adalah universal, sehinggakan mereka dapat mengalahkan bangsa yang lainnya. Namun dewasa ini setiap daerah mempunyai orangnya sendiri yang mewakili perasaan kekitaan terbesar di sana].

Apabila kita mempertimbangkan apa yang dimaksudkan oleh Allah s.w.t. mengenai *khilafah*, tidak banyak yang perlu dibicarakan tentangnya. Allah s.w.t. telah menjadikan khalifah itu sebagai wakil-Nya untuk mengendalikan hal-ehwal hamba-hamba-Nya. Dia dipertanggungjawabkan menyuruh mereka melakukan amal makruf demi kebaikan diri mereka sendiri dan mencegah melakukan perbuatan munkar yang boleh merosakkan. Dia telah dimaklumkan untuk melakukannya sendiri. Orang yang tidak berkeupayaan untuk melakukan sesuatu apa pun tidak pernah dimaklumkan untuk melakukannya. Seorang pemuka agama iaitu Ibn al-Khatib, mengatakan bahawa kebanyakan syariat agama adalah dimaksudkan kepada golongan wanita sebagaimana juga yang ditujukan untuk kaum lelaki. Sungguhpun begitu, golongan wanita tidak dinyatakan secara langsung (untuk mematuhi hukum-hukum agama) melalui pernyataan yang disebutkan di dalam teks, tapi – menurut Ibn al-Khatib – mereka digolongkan secara kiasan sahaja. Yakni, kerana wanita itu tidak memiliki kuasa apa pun. Golongan lelaki itu menguasai semua tindak-tanduk mereka, kecuali yang menyentuh soal ibadah di mana setiap orang itu adalah bertanggungjawab terhadap dirinya sendiri. Oleh itu, pada wanita itu dimaklumkan secara langsung untuk mengisi tanggung-jawab terhadap Tuhannya dan tidak hanya berdasar kias sahaja.

Tambahan pula, kewujudan (alam semesta ini) membuktikan pentingnya perasaan kekitaan terhadap seorang khalifah. Hanya orang yang telah dapat menunduki sesuatu bangsa atau kaum yang berupaya mengurusi permasalahan mereka. Syariat agama tidak mungkin membuat keterapan yang bertentangan dengan keperluan kewujudan. ...

Dan Allah s.w.t. yang lebih mengetahui.

12 Mazhab Syi'ah mengenai *imamah*

[**Syi'ah* menurut bahasa bererti sahabat dan pengikut. Para fuqaha dan mutakallimin, baik *khalaf* mahupun *salaf*, mengertikan *syi'ah* sebagai pengikut Ali dan putera-puteranya – semoga Allah meredai mereka. Semua mazhab mereka sepakat menyatakan bahawa *imamah* bukan termasuk kepentingan umum yang segala persoalannya diserahkan kepada pendapat umat, dan yang pelaksananya dipilih atas kehendak mereka. Mereka menyatakan bahawa *imamah* merupakan salah satu rukun agama dan tiang Islam, dan seorang nabi tidak boleh meremehkannya dan tidak pula menyerahkan pengurusannya kepada umat. Seorang nabi wajib menetapkan imam yang akan menjadi pemimpin mereka. Nabi itu haruslah terbebaskan (*maksum*) dari dosa besar dan kecil. Mereka juga menyatakan bahawa Ali – semoga keredaan Allah s.w.t. dilimpahkan kepadanya – telah ditunjuk sebagai imam oleh Nabi Muhammad – salam sejahtera dilimpahkan kepadanya – berdasarkan hadis yang mereka kutip dan mereka pergunakan sesuai dengan kecenderungan mazhab mereka. Teks-teks itu tidak pernah dikenal oleh ulama-ulama hadis dan perantara hukum-hukum terkemuka; bahkan kebanyakan teks itu *maudhu*, atau terdapat hal-hal yang sumbang, atau jauh menyimpang dari *takwil* mereka yang rosak.

Menurut mereka, teks itu dibahagi kepada teks eksplisit (*jaliy*) dan teks implisit (*khafiy*).

Teks eksplisit (*nash jaliy*), misalnya sabda Nabi Muhammad s.a.w.:

> "Barang siapa di antara kamu menjadi sekutu yang dilindunginya (*mawla*), maka Ali adalah sekutu (*mawla*)nya".

Menurut mereka, wilayah hanya terpusat kepada Ali. Oleh sebab itulah Umar mengatakan kepada Ali:

> "Anda menjadi *mawla* setiap mukmin lelaki dan perempuan".

Misal yang lain adalah sabda Nabi:

> "Ali bertugas memutuskan hukum kepada kalian".

Dalam pengertian ini, kata *imamah* tidak lain bererti menetapkan hukum-hukum Allah. Allah yang dimaksudkan

dengan *uli al-amr* yang wajib ditaati segala perintahnya, berdasar firman Allah: Taatlah kepada Allah, dan taatlah kepada Rasul, dan orang-orang yang berkuasa (uli al-amr) di antara kamu.[33] Kerananya, dialah yang menyelesaikan persoalan *imamah* pada sengketa di Saqifah, dan bukan lainnya.

Misal teks implisit (*khafiy*) – menurut mereka – ialah diutusnya Ali oleh Nabi Muhammad s.a.w. – semoga selawat dan salam dilimpahkan kepadanya – untuk membacakan surah Baraah[34] di musim haji, begitu surah tersebut diturunkan. Semula, Nabi mengurus Abu Bakar untuk membacakannya. Kemudian Nabi menerima wahyu yang memerintahkan supaya Nabi mengutus seorang lelaki dari kalangan keluarga atau dari suku Nabi. Dan Allah yang kemudian diutus untuk membacakan dan menyampaikan surah tersebut. Kata mereka, hal ini menunjukkan bahawa Ali lebih terkemuka (daripada Abu Bakar). Tambahan pula, belum pernah terjadi Nabi mendahulukan seseorang di depan Ali. Dengan Abu Bakar dan Umar, Nabi pernah mendahulukan Usamah bin Zaid, kemudian Amr bin al-Ash, dalam dua peristiwa perang. Semua ini menunjukkan bahawa Alilah yang layak dipilih menjadi khalifah, dan bukan lainnya. Di samping itu, ada teks lain yang tidak popular dan sukar difahami.

Di antara para fuqaha dan ulama mutakallimin tersebut ada pendapat bahawa teks ini mengisyaratkan dipilihnya Ali. Kemudian setelah Ali wafat khalifah berpindah kepada para pemuka *imamiyah*. Mereka menyatakan putus hubungan dengan Abu Bakar dan Umar, di mana mereka tidak menampilkan Ali. Mereka mem*baiat*nya berdasar tuntutan teks-teks ini. Sama sekali mereka tidak tahu menahu atas diangkatnya Abu Bakar dan Umar sebagai imam. Sedikit pun mereka tidak menaruh perhatian terhadap Abu Bakar dan Umar, apalagi memilihnya.

Di antara mereka ada pendapat bahawa dalil-dalil ini menuntut supaya Ali dipilih secara deskriptif (*washf*) dan bukan secara peribadi (*syakhsh*). Mereka ternyata pendek fikiran dan tidak meletakkan deskripsi pada tempatnya. Mereka adalah

---

33 al-Quran surah 4 (an-Nisa') ayat 59.

34 *Baraah* atau *at-Taubah*, diturunkan sekembalinya Nabi dari peperangan Tabuk yang terjadi pada tahun 9. Surah yang berisikan pengumuman pembatalan perjanjian damai dengan kaum musyrikin ini dibacakan oleh Saidina Ali pada musim *haji akbar* tahun itu juga.

golongan *az-Zaidiyyah*. Golongan ini tidak mencela atau memaki-maki Abu Bakar dan Umar atau tidak mengakui *imamah*nya. Mereka cuma menyatakan bahawa Ali lebih mulia daripada kedua-duanya. Namun mereka menyatakan boleh memilih orang yang dimuliakan (al-mafdhul) menjadi imam, meskipun ada orang yang lebih mulia daripadanya.

Kemudian, golongan-golongan Syiah berbeza pendapat mengenai siapa yang harus diangkat menjadi khalifah sesudah Ali wafat.

Sebahagian mereka mengatakan bahawa khalifah-khalifah harus diserahkan kepada putera-putera Fatimah secara tetap satu demi satu, bergantian. Mereka disebut golongan *Imamiyyah*, dinisbahkan kepada pendapat mereka dengan prasyarat mengetahui imam dan memilihnya di dalam iman. Hal ini merupakan prinsip bagi mereka.

Sebahagian lagi mengatakan bahawa khalifah itu diserahkan kepada putera-putera Fatimah, tetapi berdasarkan pertimbangan para pemuka agama (syekh). Menjadi prasyarat bahawa imam harus berasal daripada kalangan keluarga Fatimah, alim, taat beragama, pemurah, pemberani, dan bertindak mengisytiharkan *imamah*nya. Mereka adalah golongan *az-Zaidiyyah*, dinisbahkan kepada pemimpinnya, Zaid ibn Ali ibn al-Husain.

Sebahagian lagi menyatakan bahawa setelah Ali dan kedua puteranya – meski dengan penuh pertentangan – khalifah itu diserahkan kepada saudara daripada kedua putera Ali, Muhammad ibn al-Hanafiyyah, lalu kepada putera-puteranya. Mereka adalah golongan al-Kayasaniyyah, dinisbahkan kepada Kayasan, *mawla*nya.

Di dalam golongan-golongan itu sendiri banyak terjadi perbezaan pendapat (mengenai *imamah*). Secara singkat kami sebutkan sebagai berikut:

Di antaranya ada golongan fanatik. Mereka bebas berfikir melampaui batas akal dan ketentuan keimanan. Mereka menjadikan Tuhan, menuhankan pemimpin-pemimpin terkemuka, baik dengan menyatakan bahawa mereka adalah manusia yang menyandang sifat-sifat Tuhan, atau dengan menyatakan bahawa Tuhan melengket pada substansi (dzat) kemanusiaannya. Hal ini merupakan faham *hulul* (inkarnasi), seperti pendapat umat Nasrani terhadap Nabi Isa – selawat Allah dilimpahkan kepadanya. Mereka yang berfahaman demikian telah dibakar oleh Ali – semoga reda

Allah padanya. Mendengar berita kemunculan faham demikian, Muhammad ibn al-Hanafiyyah mencaci-maki al-Mukhtar ibn Abi Ubaid, dengan lantang mengutuknya dan memohon dihindarkan daripadanya. Demikian pula yang dilakukan Jaafar as-Shadiq – semoga reda Allah kepadanya – begitu mendengar berita tersebut.

Ada lagi yang berpendapat bahawa kesempurnaan Imam (Ali) tidak ada tandingannya, tidak dimiliki siapa pun. Apabila wafat, rohnya berpindah ke imam lain agar kesempurnaan itu berpindah pula kepadanya. Pendapat demikian adalah faham *tanasukh*. ...

Ada lagi dari kalangan *al-Waqifiyyah* (Syiah fanatik) yang mengatakan bahawa (Ali) belum mati, tetapi tidak menampakkan diri kepada penglihatan orang. ... Golongan *Imamiyyah*, khususnya golongan *al-Itsna Asyariyyah* juga berpendapat demikian. ... Kiranya, kami cukupkan keterangan mengenai golongan fanatik Syiah. Kami tegaskan bahawa ulama-ulama terkemuka dari mazhab Syiah tidak pernah berpendapat demikian. Mereka menolak semua argumentasi golongan fanatik tersebut.

Golongan *al-Kayasaniyyah* – sesudah Muhammad ibn al-Hanafiyyah wafat – menyerahkan *imamah* kepada puteranya Abu Hasyim. Golongan ini lalu disebut *al-Hasyimiyyah*. Golongan ini kemudian pecah. ...

Golongan *az-Zaidiyyah* mengiringi *imamah* sesuai dengan pendapat mazhab. *Imamah* ditentukan oleh *ahl hilliwa al-'aqdi* (para eksekutif), bukan berdasar teks. Mereka mengakui *imamah* Ali, kemudian beruntun imamah puteranya al-Hasan, lalu saudaranya al-Husain, dan kemudian puteranya Zaid ibn Ali, pendiri mazhab (*az-Zaidiyyah*). Dia tampil mengisytiharkan dirinya menjadi imam di Kufah. Hingga dia terbunuh dan disalib di al-Kunasah. Golongan *az-Zaidiyyah* menetapkan puteranya, Yahya, sebagai imam pelanjutnya. Dia berangkat ke Khurasan, dan terbunuh di al-Jauzjan setelah mewasiatkan *imamah*nya kepada Muhammad ibn Abdillah ibn Hasan ibn al-Hasan, sang cucu, yang dijuluki *an-nafs az-Zakiyyah* (jiwa yang suci). Dia muncul di al-Hijaz dengan mengambil gelar al-Mahdi. Pasukan-pasukan al-Mansur lalu datang menggerebek. Muhammad ibn Abdillah terbunuh. *Imamah* diserahkan kepada saudaranya Ibrahim. Dia muncul di Basrah didampingi Isa ibn Zaid ibn Ali. Al-Mansur segera mengutus bala tenteranya ke sana. Ibrahim dan Isa kalah dan terbunuh. Jaafar as-Syadiq telah memberitakan tentang

semuanya itu dan dianggap sebagai *karamah*nya. ...

Sedangkan golongan *al-Imamiyyah* menuntut *imamah* dari Ali ibn Abi Thalib kepada puteranya Hasan melalui wasiat, kemudian beruntun kepada saudaranya Husain, lalu kepada puteranya Ali Zain al-Abidin, kepada puteranya Muhammad al-Baqir, lalu kepada puteranya Jaafar as-Shadiq. Dari sini golongan tersebut pecah dua: golongan yang melanjutkan *imamah* kepada puteranya Ismail, yang mereka anggap sebagai imam. Mereka adalah golongan *al-Isma'iliyyah*; golongan yang melanjutkan *imamah* kepada puteranya Musa al-Kadzim. Mereka adalah golongan *al-Itsna Asyariyyah*, kerana mereka berada pada urutan kedua belas para pemuka Syiah, dan anggapan mereka bahawa Musa menghilang hingga akhir zaman. ...

Mereka disebut golongan *al-Isma'iliyyah* kerana dihubungkan dengan pendapat yang mengakui *imamah* Ismail. Mereka juga disebut golongan *al-Bathiniyyah*, dihubungkan kepada anggapan tentang adanya imam yang tersembunyi. Mereka juga disebut golongan *al-Mulhidah*, kerana sebahagian pendapat mereka mengandung unsur ateisme. Mereka memiliki 'Perkataan-perkataan Lama dan Perkataan-perkataan Baru', yang disebarluaskan oleh Hasan ibn Muhammad al-Sabah pada akhir abad kelima. ...

Pada masing-masing pendapat daripada golongan dan mazhab Syiah ini terdapat banyak perbezaan. Namun yang telah kami sebutkan ini adalah pendapat-pendapat paling terkenal daripada mazhab mereka, sehubungan dengan *imamah*. Pembaca yang hendak mendalaminya dan menelaahnya dapat membaca buku *al-Milal wa al-Nihal* karya Ibn Hazm dan as-Syihristani, dan lain-lainnya.

> Allah memberi jalan sesat kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi petunjuk orang yang dikehendaki-Nya kepada jalan yang lurus. Dia Maha Tinggi, Maha Besar.

28 Peralihan peranan daripada kekhalifahan kepada kuasa berdaulat

Kedaulatan berkuasa itu adalah matlamat semula jadi yang dibangkitkan oleh perasaan kekitaan. Ia dihasilkan oleh perasaan kekitaan, bukannya oleh pilihan, tetapi melalui keperluan (yang sediakalanya ada) dan aturan daripada kewujudan, sebagaimana yang telah kita terangkan dahulu. Kesemua syariat agama dan

amalannya serta apa sahaja masyarakat umumnya dikehendaki melakukannya menghendaki adanya perasaan kekitaan. Hanya melalui perasaan kekitaan sahaja yang membolehkan terhasilnya sebarang tuntutan, sebagaimana yang telah kita nyatakan dahulu. Dalam hadis sahih disebutkan:

> "Tidaklah Allah mengutuskan seorang Nabi kecuali berada dalam tentangan kaumnya."

Perasaan kekitaan itu adalah suatu yang harus ada di dalam masyarakat Islam. Kewujudannya membolehkan (masyarakat Islam itu) pengisian peranan yang Allah s.w.t. kehendaki.

Kita boleh temui bahawa Muhammad s.w.t. itu mengecam adanya perasaan kekitaan dan mendesak supaya kita mengikisnya dan usah membangkit-bangkitkannya. Sabda baginda:

> "Allah s.w.t. telah menghapuskan daripada kamu keangkuhan di masa zaman Jahiliah dan perasaan bangga terhadap darah keturunan. Kalian adalah keturunan. Kalian adalah keturunan daripada Adam, dan Adam itu adalah diciptakan daripada tanah."

Allah berfirman:

> "Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu ialah mereka yang paling bertakwa".[35]

Kita juga mendapati bahawa Muhammad s.a.w. itu mencemuh kedaulatan kuasa dan orang yang menjadi wakil-wakilnya. Baginda menyelar tingkah laku mereka yang menikmati untung nasib yang baik, tidak menyedari pemborosan yang dilakukan itu, serta penyimpangan dari jalan yang diredai oleh Allah s.w.t. Baginda menyeru perasaan bersaudara di antara sesama Islam dan menasihati supaya dijauhi perbalahan dan perpecahan.

Suatu yang harus diketahui bahawa pada pendapat Nabi Muhammad s.a.w. seluruh dunia ini merupakan saranan menuju ke alam akhirat. Mereka telah kehilangan saranan itu tidak akan pergi ke mana pun. Apabila Nabi Muhammad s.a.w. melarang atau mencela tingkah laku tertentu, atau menyuruh meninggalkannya, baginda sebenarnya tidak mahu mereka itu tersesat. Baginda tidak

---

35 Al-Quran surah 49 (al-Hujuraat) ayat 13.

pula sampai bermaksud mereka itu dihapuskan sama sekalinya, atau bidang kuasa yang terhasil daripadanya tidak dimanfaatkan. Baginda mahukan bidang kuasa yang ada itu diguna untuk tujuannya yang betul. Setiap tujuan itu dengan demikian harus akhirnya menjadi suatu yang sesungguhnya benar dan semua aktiviti manusia adalah satu dan sama sahaja. Baginda bersabda:

> "Barang siapa hijrahnya mengarah menuju Allah dan Rasul-Nya, maka hijrahnya akan sampai kepada Allah dan Rasul-Nya. Barang siapa hijrahnya diniatkan kepada dunia dia pun akan memperolehnya, atau hijrahnya kepada wanita dia pun akan mengahwininya. Hijrahnya adalah sesuai dengan tujuan yang ingin dia capai."

Nabi Muhammad s.a.w. tidak pula mengecam perbuatan zalim dengan maksud untuk menghapuskannya sebagai suatu sifat manusia. Sekiranya kekuasaan daripada bersifat zalim itu tidak lagi ada di dalam diri manusia, dia tentunya tidak berkemampuan untuk menolong orang yang memperjuangkan kebenaran mencapai kemenangan. Sudah tentu tiada lagi peperangan jihad atau usaha meninggikan *kalimatullah*. Nabi Muhammad s.a.w. mencela perbuatan zalim yang didorong oleh hasutan syaitan dan tujuan yang sewajarnya dicela. Akan tetapi kekerasan demi kerana Allah s.w.t. dan kepada jalan-Nya adalah dipuji. Kebencian yang terpuji ini adalah merupakan salah satu di antara peribadi Nabi Muhammad s.a.w.

Begitu juga, apabila baginda mencela nafsu-nafsi, tidak pula baginda bermaksud untuk meniadakannya sama sekali sebab tiadanya sama sekali nafsu-nafsi itu bererti akan mencacat-celakan dan merendahkan martabatnya. Baginda mahukan keinginan itu digunakan untuk memenuhi kemaslahatan umum, supaya insan itu bertindak menjadi hamba Allah yang rela untuk melakukan apa yang diperintahkan oleh Allah s.w.t.

Begitu juga, apabila syariat agama itu mencela perasaan kekitaan dan mengatakan:

> "Tiada sesiapa pun, sama ada keluargamu, ataupun anak-anakmu yang dapat menolongmu di hari akhirat."

Pernyataan itu adalah ditujukan kepada perasaan kekitaan yang digunakan untuk maksud yang sia-sia sahaja, sebagaimana

yang terjadi pada masa Jahiliah. Ia juga ditujukan terhadap perasaan kekitaan yang membuatkan seseorang itu bersikap bangga diri dan sombong kerana orang-orang bijaksana yang akan bersikap sedemikian adalah suatu perbuatan yang sia-sia sahaja, yang tidak ada faedahnya untuk hidup yang sesudah mati, di akhirat. Sebaliknya, perasaan seresam yang digunakan demi kebenaran dan melaksanakan apa yang Allah s.w.t. perintahkan adalah yang dituntut sekiranya *ashabiyah* itu tidak lagi ada syariat agama tentunya tiada sebab syariat itu hanya terlaksana melalui perasaan kekitaan, sebagaimana yang telah kami nyatakan sebelum ini.

Begitu juga, sewaktu Nabi Muhammad s.a.w. itu mencela kedaulatan berkuasa. Baginda tidaklah mencelanya dengan mendapatkan kekuasaan melalui kebenaran, dengan memaksa massa supaya menerima ajaran itu, tidak pula dengan memelihara kepentingan umum. Baginda mencela kuasa berdaulat yang digunakan untuk memperoleh kebesaran dengan cara yang sia-sia, dan dengan memperlakukan manusia semata-mata untuk mengisi keinginannya dan nafsu-nafsi, sebagaimana yang telah kami terangkan. Sekiranya kuasa berdaulat itu digunakan dengan maksud yang bukan ikhlas terhadap manusia demi Allah s.w.t. dan membuatkan mereka menyembah-Nya serta berjihad memerangi musuh-musuh-Nya, maka kekerasan yang sedemikian tidaklah dicela. ...

[*Nabi Sulaiman – semoga dicucuri rahmat ke atasnya – bersabda:

> "Ia berdoa, Ya Tuhanku! Ampunilah aku, dan berilah aku kerajaan yang tiada seorang pun sesudahku layak memilikinya."[36]

Dia merasakan dirinya bebas daripada kebatilan dalam jabatannya sebagai nabi dan raja.

Sewaktu Muawiyah menemui Umar ibn Khathab – semoga Allah meredai mereka – ketika dia datang ke negeri Syam dengan kekuasaannya yang besar dan pakaiannya yang terbuat daripada sutera, Umar menegurnya:

> "Muawiyah, apakah engkau meniru-niru Kaisar dalam bertindak dan berpakaian?"

---

36 Al-Quran surah 38 (Shaad) ayat 35.

> Muawiyah menjawab: "Wahai Amirul Mukminin, dengan cara begini ini sebenarnya kami membentengi diri daripada serangan musuh, dan bermegah diri dengan pakaian perang dan jihad seperti ini merupakan satu keharusan."

Umar Ibn Khathab diam tak bicara, kerana alasan yang dikemukakan oleh Muawiyah itu adalah berdasarkan salah satu tujuan kebenaran dan agama. ... Kerana itulah, para sahabat menjauhi kekuasaan raja berserta ehwalnya serta melupakan kebiasaan yang dilakukan raja demi menghindari agar semua itu tidak bercampur aduk dengan kebatilan].

Ketika Rasulullah s.a.w. sedang nazak, baginda telah melantik Abu Bakar untuk menggantikan tempat sebagai imam solat, sebab solat itu merupakan kegiatan agama yang terpenting. Masyarakat dengan demikian, menerimanya sebagai khalifah, yakni, sebagai seorang yang mengajak masyarakatnya melaksanakan apa yang wajar mengikut hukum agama. Tidak pula dinyatakan tentang kedaulatan berkuasa sebab kedaulatan berkuasa dianggap suatu yang tidak mendatangkan apa-apa kebaikan, dan kerana pada ketika itu ia merupakan hak istimewa orang-orang kafir dan musuh-musuh agama (Islam). Abu Bakar melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya menurut kehendak Allah s.w.t. mengikuti apa yang menjadi tradisi nabi. Dia telah memerangi orang-orang yang murtad sehinggalah kesemua orang Arab itu bersatu di dalam Islam. Dia kemudiannya melantik Umar sebagai penggantinya. Umar meneladani apa yang telah dilakukan oleh Abu Bakar, serta memerangi bangsa-bangsa (asing). Beliau telah mengalahkan mereka dan mengizinkan orang-orang Arab merampas harta benda itu serta kedaulatannya. Orang-orang Arab itu telah bertindak mendapatkannya.

Selanjutnya, tugas sebagai seorang khalifah itu berpindah ke tangan Usman ibn Affan dan Ali. Semua khalifah itu menolak kuasa berdaulat, dan menghindari perbuatan seumpama itu. Peribadi mereka diperkukuhkan ajaran Islam yang menghendaki supaya sentiasa bersyukur di atas nikmat-Nya dan pandangan Badwiah orang-orang Arab.

Duniawi dan kemarahannya adalah suatu yang tidak mereka kejari jika dibandingkan dengan bangsa yang lainnya, dengan mengambil kira agama mereka yang menginspirasikan sikap zuhud di dalam soal keseronokan hidup, daripada segi pandangan

badwiah serta suasana hidup serba mencabar yang sudah menjadi kebiasaan kepada mereka. Tiada suatu bangsa pun yang lebih betah dengan kehidupan yang lapar daripada bangsa Mudhar. Di Hijaz, bangsa Mudhar itu hidup di dalam sebuah negeri yang tidak mempunyai kawasan pertanian atau hasil daripada binatang ternakan. Mereka tidak pernah memiliki tanaman subur yang banyak buahnya. Mereka tidak mempunyai kawasan pertanian yang subur, yang kaya dengan tanaman biji-bijian dan ia dikuasai oleh orang-orang Rabi'ah serta Yaman. Mereka tidak pula berasa iri hati terhadap hasil yang berlimpah dari daerah-daerah itu. Mereka sering makan kala jengking dan kumbang. Mereka berasa bangga memakan *'ilhis*, iaitu bulu unta yang digiling menggunakan batu, dicampur dengan darah, dan kemudiannya dimasak. Orang-orang Quraisy berkeadaan menyerupai mereka di dalam soal makanan dan tempat tinggal.

Akhirnya, perasaan kekitaan orang-orang Arab diperkukuhkan oleh ajaran Islam melalui kenabian Muhammad s.a.w. yang mana Allah s.w.t. telah mengangkat darjah mereka itu. Mereka kemudiannya mara menyerangi orang-orang Parsi dan Romawi dan menguasai tanah yang telah dijanjikan dan ditakdirkan oleh Allah s.w.t. untuk mereka. Mereka telah merampas kedaulatan berkuasa bangsa Parsi dan Romawi dan menyita kekayaan duniawi yang mereka miliki. Mereka telah mengumpul kekayaan yang sangat banyak. Ia membolehkan tentera berkuda memperolehi sekitar 30 000 keping emas sebagai bahagiannya hasil daripada suatu peperangan yang disertainya. Jumlah harta kekayaan yang mereka perolehi tidak terhitung banyaknya. Meskipun begitu, mereka masih terus hidup dengan kekasaran. Umar dikatakan pernah menampal bajunya (yang sehelai sahaja itu) dengan kulit. Dan Ali pernah berkata:

> "Emas dan perak! Pergi dan pikatlah orang lain, bukannya saya!"

Abu Musa pula dikatakan mencegah makan ayam, kerana binatang ini jarang dimiliki oleh orang-orang Arab, dan pada umumnya mereka tidak mengenalnya. Tapisan sama sekali tidak diketahui oleh orang-orang Badwi, dan mereka memakan gandum dengan kulitnya sekali. Sungguhpun demikian hasil yang diperolehi ternyata lebih besar daripada bangsa-bangsa yang lainnya.

Al-Mas'udi mengatakan:

> "Pada masa pemerintahan Usman, para sahabatnya telah mendapat harta tanah dan wang. Pada hari Usman dibunuh, sejumlah 150 000 dinar dan 1 000 000 dirham telah dimiliki oleh bendaharinya. Nilai hartanahnya di Wadi l-Qura dan Hunain, dan di tempat lainnya adalah kira-kira 2000 000 dinar. Dia juga meninggalkan sejumlah unta dan kuda. Satu perlapan bahagian daripada hartanah az-Zubair sesudah kematiannya adalah berjumlah 50 000 dinar. Dia juga meninggalkan 1000 ekor kuda dan 1000 orang wanita yang menjadi amahnya. Talhah daripada orang-orang Iraq adalah 1 000 dinar untuk setiap hari, dan pendapatannya dari wilayah as-Sarah adalah lebih daripada itu. Kandang Abd-ar-Rahman bin 'Auf mempunyai sebanyak 1 000 ekor kuda. Dia juga memiliki 1 000 ekor unta dan 10 000 ekor kambing. Satu perempat daripada hartanahnya sesudah kematiannya adalah berjumlah sehingga 84 000. Zaid bin Tsabit meninggalkan perak dan emas yang dipecah-pecah dengan kapak, ditambah dengan harta benda (yang lainnya) dan hartanah yang ditinggalkan, adalah bernilai 100 000 dinar. Az-Zubair telah membina rumah untuk dirinya di al-Basrah dan kediaman lainnya di Mesir, Kufah dan Iskandariah. Talhah telah membina sebuah rumah di Kufah dan kediamannya di Madinah telah diperbaiki. Dia menggunakan *plaster*, batu-batan dan kayu jati. Sa'ad bin Abi Waqqas telah membina rumahnya di al-'Aqiq, (sebuah kawasan di pinggir kota Madinah). Rumah itu dibinanya tinggi dan tersergam, dan memasang birai-birai di puncaknya. Al-Miqdad telah membina kediaman di Madinah dan di *plaster* pada bahagian luar dan dalamnya. Ya'la bin Munyah telah meninggalkan wang sebanyak 50 000 dinar dan hartanah serta barang-barang lainnya yang bernilai 300 000 dirham".

Berakhirnya suatu petikan daripada al-Mas'udi.

Demikianlah keberuntungan yang mereka miliki. Agama mereka sama sekalinya tidak melarang pengumpulan harta kekayaan, sebab, sebagai harta rampasan perang (*ghanimah*. Ar. *Booty*. Ing.), harta yang diperolehi daripada pihak musuh adalah harta yang dihalalkan. Mereka tidak menggunakan harta kekayaan itu secara tidak berfaedah tetapi menggunakannya dengan cara yang terancang, sebagaimana yang telah kita nyatakan. Mengumpulkan harta kekayaan dengan sebanyak-banyaknya adalah suatu

perbuatan yang tidak dicela, tetapi ia tidaklah tertuju ke atas mereka, kerana kesalahan yang dimaksud hanya apabila seseorang itu menyalahgunakannya dan tidak merancangkannya dengan baik, sebagaimana yang telah kami nyatakan. Oleh sebab perbelanjaan mereka adalah mengikuti rencananya dan mendatangkan manfaat untuk kebenaran dan segala sesuatu yang berkaitan dengannya (kekayaan yang melimpah-ruah itu) menolong mereka menunjuk kepada jalan yang benar, dan membantu mengisi tujuan mencapai matlamat dunia akhirat.

Akhirnya sikap hidup di padang pasir (*badawiah*) orang-orang Arab dan kehendak hidup mereka yang ala kadar secara perlahan-lahan sampai ke penghujungnya. Kedaulatan berkuasa, yang semula jadinya yang mana ia adalah akibat yang harus daripada perasaan kekitaan sebagaimana yang kita sebutkan di depan memperlihatkan dirinya, dan bersama-samanya, muncullah kekuasaan dan kekuatan. Kedaulatan berkuasa, sebagaimana yang diper-lihatkan oleh orang-orang yang terawal adalah tidak termasuk ke dalam kategori mengumpulkan harta dan kemewahan. Mereka tidak mempergunakan kekuasaan itu untuk kebatilan, dan tidak mengabaikan tujuan beragama atau jalan ke arah kebenaran.

Ketika terjadi perselisihan di antara Ali dan Muawiyah sebagai akibat yang harus daripada perasaan kekitaan, mereka telah dipandui oleh jalan kebenaran dan *ijtihad.* Mereka tidak bertelagah untuk tujuan duniawi atau terhadap kecenderungan yang remah-temeh, atau berdasarkan sebab pertelingkahan peribadi. Hal sebegitu boleh diduga, dan orang-orang yang telah murtad gemar kepada pemikiran yang sedemikian. Akan tetapi, sebab perselisihan mereka adalah daripada segi ijtihad tentang letaknya kebenaran itu. Persoalan itulah yang menyebabkan mereka saling bercanggah pendapat. Meskipun apa yang didakwa oleh Ali sememangnya benar, Muawiyah pula tidak berniat jahat. Dia sangat menginginkan kebenaran tetapi tidak tercapai. Daripada segi maksudnya, masing-masing ada benarnya. Kemudian watak kedaulatan mengharuskan bahawa seseorang mengakui semua kemuliaan miliknya sendiri, dan dia pun berusaha untuk memilikinya. Muawiyah tidak boleh menolak keperluan alami dari kedaulatan untuk dirinya dan rakyatnya. Kedaulatan merupakan sesuatu yang alami dengan perasaan kekitaan, yang begitu mewatak, membawanya masuk ke dalam gerombolannya. Bani

Umaiyah dan pengikut mereka yang tidak mengikuti Muawiyah di dalam mengikuti kebenaran merasakannya. Mereka berkumpul mengelilinginya dan bersedia mati untuknya. Apabila Muawiyah berusaha membawa mereka keluar dari jalan itu, menentang mereka dan tidak lagi menuntut semua kekuasaan menjadi miliknya dan milik mereka, maka tindakan demikian bererti pembubaran keseluruhannya daripada apa yang telah dikonsolidasikan. Apa yang lebih penting baginya ialah untuk menyatukannya daripada bersusah-susah memikirkan tindakan yang tidak meminta banyak kritikan. Kalau kita melihat al-Qasim ibn Muhammad ibn Abi Bakar, Umar ibn Abdul Aziz mengatakan:

> "Kalau saya punya wewenang, pasti jabatan khalifah saya nobatkan kepada anda."

Kalau dia ingin mengangkatnya sebagai penggantinya, tentulah dia boleh. Namun dia takut terhadap Bani Umaiyah *ahl'l-hilli wa'l-aqdi*, sebagaimana kita sebutkan sehingga dia tidak kuasa membelokkan segala sesuatunya dari ketetapan mereka, agar tidak terjadi perpecahan. Semua ini terjadi atas tarikan kedaulatan, yang merupakan akibat perasaan kekitaan yang harus ada.

Ketika kedaulatan telah dicapai, dan kita berandaian bahawa seseorang itu memiliki kesemuanya untuk dirinya sendiri, tidak ada keberatan yang bakal muncul apabila dia mempergunakannya untuk berbagai-bagai jalan dan aspek kebenaran. Sulaiman dan bapanya Daud – semoga selawat tercurah kepada mereka – telah menguasai kedaulatan orang-orang Israel untuk diri mereka sendiri, sebagaimana watak kedaulatan, menghendaki demikian, dan sesuatu yang telah diketahui umum bagaimana bahagian yang besar di dalam kenabian dan kebenaran yang mereka miliki.

Demikian pula, Muawiyah memilih Yazid sebagai penggantinya, kerana dia berasa khuatir akan terjadinya pembubaran seluruhnya lantaran orang-orang Bani Umaiyah tidak ingin melihat kekuasaan berpindah tangan kepada orang lain. Seandainya Muawiyah memilih orang lain menjadi penggantinya, Bani Umaiyah akan menentangnya. Lagi pula, mereka menganggap Yazid orang yang salih. Muawiyah tahu tidak ada seorang pun yang memilih Yazid menjadi penggantinya, maka dia pun tidak memilihnya sekiranya dia percaya dia seorang yang buruk peribadinya. Andaian sedemikian harus sama sekali lenyap dalam hal Muawiyah.

Hal yang sama terjadi pada diri Marwan ibn Hakam dan puteranya. Meskipun mereka adalah raja, sikap mereka dalam berkuasa bukanlah sikap orang yang tidak punya harga dan yang suka pada penindasan. Mereka mengerahkan segala tenaga sesuai dengan tujuan kebenaran, kecuali apabila terpaksa mereka harus melakukan sesuatu yang tidak penting. Misalnya ketika ada kekhuatiran bahawa sesuatu yang sebulat kata itu dibubarkan. Menghindarinya lebih penting bagi mereka daripada tujuan yang lain. Sifat demikian terbukti oleh fakta bahawa mereka mengikuti dan meniru orang-orang Islam yang terdahulu. Di dalam *al-Moutha*, Malik telah mengemukakan hujahan-hujahannya mengenai tindakan Abdul Malik. Marwan berada pada tingkatan yang pertama dari para *tabiin*, yang keadilan mereka amat diketahui. Kemudian menapak pada putera-putera Abdul Malik yang mempunyai kedudukan dalam agama yang mereka anut. Umar ibn Abdul-Aziz menegahi sikap mereka. Segala usaha yang dikerahkannya selalu mengikuti langkah para khalifah yang empat, dan para sahabat. Dia tidak pernah meremehkan.

Kemudian, muncul pula Bani Umaiyah yang terakhir. Mereka mempergunakan watak kedaulatan di dalam tujuan dan maksud duniawi mereka. Mereka melupakan sikap berhati-hati dalam menentukan maksud tujuan, serta ketergantungan kepada kebenaran yang telah menuntun tindak-tanduk para leluhur mereka. Hal ini menyebabkan rakyat mengecam tindakan mereka dan kalangan Bani Umaiyah menerima propaganda Bani Abbas. Lalu, Bani Abbas mengambil alih permerintahan. Keadilan Bani Abbas begitu menonjol. Mereka berusaha sebaik mungkin, mempergunakan kedaulatan dalam berbagai-bagai aspek dan jalan ke arah kebenaran. Keluarga Abbasiyah yang terdahulu itu kemudiannya digantikan oleh putera-putera ar-Rasyid. Di antara mereka itu ada yang salih dan ada juga yang buruk tingkah lakunya. Selanjutnya, ketika kekuasaan berada di tangan anak cucu mereka, mereka telah mengutamakan kedaulatan dan kemewahan sebagai hak mereka. Mereka tenggelam dalam kehidupan duniawi yang tidak bernilai apa-apa itu serta membelakangi agama Islam. Kemudian, Allah mengizinkan supaya mereka mengalami kehancuran dan orang-orang Arab telah kehilangan kekuasaannya secara *total*, dan Dia memberikannya kepada bangsa lain. Allah tidak berlaku zalim biarpun sebesar biji sawi. Barang siapa menelaah riwayat para khalifah dan raja-raja ini, serta pelbagai pendekatan yang me-

reka lakukan terhadap kebenaran dan kebatilan, akan dapat diketahui bahawa apa yang telah kita sebutkan di atas adalah benar.

[*Al-Mas'udi telah juga menceritakan ehwal Bani Umaiyah, mengenai Abu Jaafar al-Mansur. Abu Jaafar datang menemui bapa-bapa saudaranya. Mereka bertanya mengenai orang-orang Umaiyah. Katanya:

> "Kalau Abdul Malik, orangnya sangat berkuasa, tetapi ego terhadap apa yang telah diperbuatnya. Sedangkan Sulaiman, dia pentingkan perut dan alat kelaminnya. Umar adalah salah seorang yang buta. Dan orang yang terkemuka di kalangan rakyatnya adalah Hisyam." Katanya: "Bani Umaiyah tetap konsisten dengan kekuasaan yang telah diberikan kepada mereka, menguasainya serta menjaga dengan terus menjunjung masalah-masalah mulia serta menghindari yang jahat. Hingga kemudian, akhirnya khalifah diserahkan kepada putera-putera mereka yang lebih suka berfoya-foya, yang tujuan mereka terutama adalah pemenuhan nafsu syahwat serta kesenangan yang merupakan maksiat. Mereka masa bodoh dengan tipu daya yang diperbuatnya, dan seenaknya melakukan muslihat dengan tidak memperhatikan lagi tugas khalifah dan meremehkan hak kepemimpinan. Mereka pun lemah dalam berpolitik. Sehingga Allah mengambil kemuliaan yang ada pada mereka, dan menggantikannya dengan kehinaan, serta melenyapkan kenikmatan yang selama ini mereka rasakan."

Lalu dia memanggil Abdullah ibn Marwan. Dan dia pun menceritakan kisah pertemuannya dengan raja Naubah ketika dia masuk ke daerah itu kerana melarikan diri di masa pemerintahan as-Saffah. Katanya:

> "Saya tinggal cukup lama di siang hari itu. Kemudian saya didatangi raja mereka. Dia duduk di atas tanah, pada hal dia menghamparkan alas yang mahal untuk saya. Saya tanyakan kepadanya mengapa dia tidak mahu duduk di atas alas yang tersedia?
>
> Raja menjawab: "Saya seorang raja, dan setiap raja harus tunduk kepada kebesaran Allah, sebab Allah yang telah mengangkatnya".
>
> Lalu raja itu bertanya kepada saya: "Mengapa anda minum *khamr* pada hal di dalam kitab suci anda *khamr* itu diharamkan?"
>
> Saya jawab: "Hamba dan pengikut-pengikut kami berani melakukan yang demikian."

Tanyanya lagi: "Mengapa tuan merosak tanaman dengan ternakan tuan, pada hal melakukan kerosakan adalah diharamkan kepada tuan-tuan?"

Jawab saya: "Hamba dan pengikut-pengikut kami melakukannya tanpa pengetahuan."

Tanyanya pula: "Kenapa tuan-tuan memakai baju daripada sutera (*dibaj*) dan emas, pada hal semua itu diharamkan kepada tuan-tuan dalam kitab suci tuan?"

Kata saya "Kami punya kekuasaan, lalu kami menguasai bangsa bukan Arab yang lalu masuk ke dalam agama kami. Kemudian sebahagian di antara kami melakukan hal-hal terlarang itu."

Dia terpekur menggerakkan-gerakkan tangannya di atas tanah. Katanya: "Hamba kami, pengikut-pengikut kami serta orang-orang bukan Arab masuk agama kami!"

Raja itu mengangkat wajahnya menatap saya, seraya mengatakan:

"Tidak, bukan seperti yang anda katakan! Tapi, sebaliknya, anda adalah orang yang menghalalkan segala yang diharamkan Allah, melakukan larangan-Nya, dan menyelewengkan kekuasaan yang telah anda miliki. Allah pun merampas kemuliaan anda, dan menggantikannya dengan kehinaan atas dosa-dosa yang telah anda lakukan. Saya khuatir balasan seksa akan menimpa tuan, pada hal sekarang anda berada di negeri saya. Bila azab itu jatuh, saya akan terkena kesannya. Dan batas bertamu tiga hari. Kerana itu, ambillah segala barang perbekalan yang diperlukan, lalu berangkatlah, tinggalkan negeri kami".

Al-Mansur hairan, takjub, dan tafakur.

Sudah jelas, bagaimana khalifah berubah menjadi pemerintahan berdasarkan kedaulatan. Pada mulanya, bentuk pemerintahan adalah khalifah. Tiap-tiap peribadi itu memiliki pengaruh kendalinya dalam diri sendiri, iaitu pengaruh kendali agama (Islam). Umat Islam lebih memerhatikan agama daripada mengurusi dunia, padahal mengesampingkan urusan dunia dapat menyebabkan kehancuran mereka sendiri).

Ketika Usman dikepung di rumahnya, al-Hasan, al-Husain, Abdullah ibn Umar, Ibn Ja'far, dan yang lain-lainnya datang serta menawarkan diri untuk membelanya. Namun dia menolaknya dan melarang terjadinya pertumpahan darah di kalangan kaum muslimin. Dia khuatir terjadinya perpecahan di samping ingin

menjaga harmoni yang memelihara kebulatan kata. Dia juga memang sedar bahawa apabila membuat penolakan, maka penolakan itu akan mengakibatkan dirinya binasa.

Pada awal pengangkatannya menjadi khalifah, Ali sendiri telah dinasihati oleh al-Mughirah supaya melepaskan Zubair, Muawiyah dan Talhah daripada kedudukan-kedudukan mereka, hingga rakyat sepakat mem*baiat*nya dengan sebulat kata. Sesudah itu, dapatlah dia melakukan apa saja yang dikehendakinya. Itulah politik pemerintahan yang baik. Namun, Ali menolak. Dia menghindari ketidakjujuran, sebab dilarang oleh agama. Keesokan harinya, al-Mughirah mendatanginya lagi dan mengatakan:

> "Kelmarin sudah saya sampaikan nasihat kepada anda, namun kemudian saya mempertimbangkannya kembali serta menyedari bahawa nasihat itu bukanlah satu kebenaran, dan tidak termasuk nasihat yang baik. Andalah yang benar!
>
> Ali menjawab: "Sungguh, tidak. Saya tahu bahawa nasihat yang anda berikan itu baik. Bagaimanapun, memang kebenaran mencegah saya untuk mengikuti nasihat anda yang baik itu."

Demikianlah hal-ehwal mereka di dalam memajukan agama, dan pada waktu urusan dunia mereka kelam-kabut.

> *Kita membangun dunia dengan*
> *merobek-robek agama,*
> *tak agama kita bersisa*
> *tak juga bangunan kita.*

Ia sudah dijelaskan bagaimana bentuk pemerintahan berubah menjadi kedaulatan. Namun demikian, ciri-ciri yang merupakan watak khas khalifah tetap ada, yakni, keutamaan terhadap Islam serta mazhab-mazhabnya, dan taat mengikuti jalan kebenaran. Perubahan nampak hanya pada pengaruh kendali, yang adalah Islam, dan kini berubah menjadi perasaan kekitaan dan pedang. Demikianlah situasi pada masa Muawiyah, Marwan, puteranya Abdul Malik, dan sejak khalifah Bani Abbas muncul hingga ar-Rasyid dan sebahagian puteranya. Lalu, ciri khalifah lenyap, hanya nama yang masih tertinggal. Bentuk pemerintahan berubah menjadi kedaulatan murni. Keulungan telah mencapai puncak wataknya, dan dipergunakan untuk maksud buruk yang terbatas,

seperti kekerasan dan pemuasan syahwat.

Inilah yang telah terjadi terhadap para putera Abdul Malik dan Bani Abbas, setelah al-Mu'tasim dan al-Mutawakkil. Nama khalifah dan kedaulatan tegak dan tumbuh sisi menyisi. Kemudian, dengan lenyapnya perasaan kekitaan orang-orang Arab dan pembinasaan ras mereka, serta kehancuran *total* Arabisme, khalifah kehilangan identitinya. Bentuk pemerintahan berganti dengan kedaulatan murni.

Inilah yang terjadi, misalnya, dengan raja-raja bukan Arab di Timur. Mereka menampakkan rasa tunduk pada khalifah dengan maksud untuk memperoleh kasih sayang, namun kedaulatan tetap milik mereka, dengan segala gelar dan segala yang bersifat semula jadinya. Khalifah tidak ada bahagian di sini. Demikian pula keadaan raja-raja Zenatah di Maghribi, seperti Sanhajah dengan Bani Ubaid; Maghzawah serta Bani Yafrun dengan para khalifah Bani Umaiyah di Andalusia dan Bani Ubaidi di Qairawan.

Di sini jelaslah, bahawa pada mulanya khalifah terwujud tanpa perasaan kekitaan. Lalu, ciri khalifah menjadi bersimpang-siur dan bercampur-baur. Akhirnya, ketika perasaan kekitaan sudah berpisah dari solidariti khalifah, kedaulatan menjadi tegak secara sendirinya.

29 Erti janji setia (baiat)

Ketahuilah bahawa *baiah* (janji setia) merupakan kontrak dan perjanjian untuk taat. Misalnya, seorang yang menyampaikan sumpah setia, membuat perjanjian dengan amirnya, akan menyatakan bahawa dia akan menyerahkan pengawasan atas urusannya sendiri dan kaum muslimin kepadanya dan bahawa dia tidak akan menandingi kekuasaannya dan bahawa dia akan mentaatinya dengan melaksanakan semua tugas yang dibebankan kepadanya, baik dia bersetuju mahupun tidak.

Apabila rakyat menyatakan janji setia kepada amir dan mengikat kontrak, mereka meletakkan tangan mereka di atas tangannya untuk mengukuhkan janji itu. Hal ini semacam tindakan jual beli. Oleh sebab itu, janji setia disebut dengan *baiah*, kata infinitif dari *ba'a*, "menjual (atau membeli)". *Baiyah* adalah jabat tangan, menurut erti terminologi linguistik yang biasa berlaku, dan penggunaan kata yang diterima syariat. Dan pengertian demikian, yang dimaksud dari hadis mengenai *baiah* Nabi – semoga selawat

dan keselamatan tercurah atasnya – di malam al-'Aqabah,[37] dan di bawah pohon,[38] serta di mana pun kata ini disebutkan. Di antaranya adalah *Baiat 'l-Khulafa' dan Ayman 'l-Bay'ah.* Para khalifah mengadakan suatu perjanjian dan mereka mengerahkan seluruh sumpah untuk itu. Pengerahan demikian disebut *ayman 'l-bay'ah.* Dalam masalah ini, pemaksaan lebih sering terjadi dan lebih banyak menangnya. Oleh sebab itu, ketika Malik – semoga ridla Allah tercurah padanya – mengemukakan fatwa tidak berlakunya sumpah pemaksaan,[39] para penguasa menolaknya. Mereka memandangnya cela di dalam sumpah-sumpah *baiah.* Maka terjadilah apa yang dialami oleh Imam (Malik) – semoga ridla Allah tercurah padanya.

Janji setia yang umum berlaku pada masa sekarang ini adalah kebiasaan orang-orang Parsi di dalam menyambut raja-raja dengan mencium bumi, tangan, kaki, atau hujung kelima baju (raja-raja itu). Istilah *baiah*, dengan erti kontrak janji untuk taat, secara metaforik (*majazi*) telah dipergunakan untuk menunjukkan hal ini, selama bentuk yang hina dari penyambutan dan kesopansantunan merupakan salah satu akibatnya dan kesesuaian daripada kepatuhan. Amalannya meluas sehingga menjadi kebiasaan, dan menggantikan jabat tangan yang dipakai pertama kali, sebab berjabatan tangan dengan setiap orang bererti tindakan merendahkan diri dari seorang raja dan membuat dia tidak berharga, hal-hal yang merosak kepemimpinan, dan martabat jabatan raja. Namun, jabat tangan masih diamalkan oleh sejumlah raja yang ingin menunjukkan kerendahan hati, dan yang, oleh sebabnya, mahu berjabatan tangan dengan orang-orang terhormat dari kalangan rakyatnya, dan dengan para pemuka agama yang terkenal dalam disiplin ilmu masing-masing.

Pengertian biasa dari "janji setia" ini hendaklah difahami.

---

37 Iaitu dua kali *baiah*: pertama di tahun ke-12 kenabian, dan kedua di tahun ke-13 kenabian.

38 Lihat al-Quran surah 48 (al-Fath) ayat 18.

39 Ibn Jarir meriwayatkan bahawa ketika ada salah seorang di antara mereka yang angkat janji setia kepada al-Mansur mengatakan kepada Imam Malik bahawa kita tidak boleh tidak harus membaiatnya, Imam Malik mengatakan: "Kalian angkat janji setia secara terpaksa. Orang yang terpaksa tidak wajib mengangkat janji." Kerana pernyataan demikian, Imam Malik mendapat seksa daripada penguasa.

Setiap orang harus mengetahuinya, sebab ia menentukan tugas-tugas yang harus dilaksanakan untuk raja dan imam. Tindakannya tidak akan sia-sia atau percuma. Hal ini akan memberi pertimbangan bagaimana bertindak terhadap raja.

Dan Allah Maha Kuat dan Maha Perkasa.

30 Pengganti

Kita telah membincangkan *imamah*, dan telah menyebutkan fakta bahawa *imamah* itu merupakan sebahagian daripada syariat kerana ia memenuhi kepentingan umum. Kita telah menyatakan – bahawa erti sebenarnya daripada *imamah* adalah penyeliaan terhadap kepentingan-kepentingan bangsa Islam, baik yang berkenaan dengan persoalan agama mahupun duniawinya. Khalifah itu adalah wali dan pemegang amanah. Dialah yang mengawasi segala persoalan mereka selagi dia mempunyai hayat. Lanjutnya ialah, dia juga harus berperanan menyelia persoalan mereka setelah seseorang itu mati, dan dengan itu, seharusnya melantik seorang yang akan memikul tanggungjawab sepertimana yang telah dia lakukan, seseorang yang boleh dipercayai untuk menjaga sebagaimana mereka telah mempercayainya.

Perlantikan seorang pengganti adalah dianggap sebagai sebahagian daripada syariat agama melalui ijmak umat, (yang menyatakan) bahawa hal itu diperbolehkan dan sah apabila ianya terjadi. Dengan demikian, Abu Bakar telah melantik Umar sebagai penggantinya dalam suatu majlis yang dihadiri oleh para sahabat nabi. Mereka menganggap perlantikan itu adalah suatu hal yang diperbolehkan, dan berikrar bahawa mereka harus taat kepada Umar. Demikian pula, Umar telah melantik seramai enam daripada 10[40] orang sahabatnya menjadi ahli jemaah pemilihan. [*Satu sama lain saling memilih, sehingga pilihan itu akhirnya jatuh kepada Abdurrahman bin 'Auf. Dia lalu berijtihad dan meminta pendapat kaum muslimin. Daripada pendapat umum itu dia mengetahui bahawa mereka sepakat untuk memilih Usman dan Ali. Maka Usman pun di*baiat*, atas kesepakatannya untuk meminta nasihat kepada dua orang syeikh mengenai suatu persoalan yang dia hadapi dan tidak terpecahkan tanpa ijtihad.

40 Iaitu sepuluh sahabat Nabi yang sudah dijamin oleh Rasulullah masuk syurga.

Usman diangkat menjadi khalifah, dan kaum muslimin mengharuskan diri taat kepadanya. Beberapa orang sahabat mulia dan terkemuka hadir dalam pertemuan yang pertama dan yang kedua, dan tidak seorang pun di antara mereka menolaknya. Ertinya, mereka setuju akan keabsahan perjanjian ini, mengakui bahawa ikrar setia merupakan sebahagian daripada syariat. Dan seperti kita ketahui, ijmak dapat berlaku sebagai argumentasi].

Seseorang imam itu tidak sewajarnya dicurigai, meskipun dia telah melantik ayah atau puteranya sendiri sebagai penggantinya. Dia telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan kebajikan kaum muslimin selagi dia masih hidup. Lebih daripada itu dia bertanggungjawab untuk membasmi, semasa hidupnya (kemungkinan mewabaknya perkara-perkara yang tidak diingini) setelah kematiannya. Apa yang dinyatakan tadi adalah bagi menyangkal. Berbeza dengan dakwaan yang menyatakan bahawa dia seharusnya melantik putera atau ayahnya, dan juga terhadap orang yang berasa curiga di dalam soal melantik puteranya sahaja, bukan pula ayahnya. Malah, dia tidak harus sama sekalinya dicurigai dalam apa jua hal pun. Lebih-lebih lagi sekiranya ada alasan untuk (melantik seorang pengganti itu), seperti keinginan untuk meningkatkan kepentingan umum, atau kekhuatiran akan terjadinya suatu mala petaka (sekiranya tidak dilantik seorang pengganti), oleh itu meragui seorang imam itu adalah bukan persoalannya.

Hal yang sedemikian sebagai suatu contoh adalah sebagaimana yang berlaku apabila Muawiyah melantik puteranya, Yazid. Tindakan itu diambil dengan persetujuan rakyat dan, dengan kerana itu, dengan sendirinya menjadi suatu bahan hujah kepada persoalan yang sedang dibincangkan. Akan tetapi, Muawiyah sendiri bersikap lebih menyokong puteranya Yazid berbanding dengan bakal penggantinya yang lain sebabnya ialah dia menitikberatkan kepentingan umum yang menghendaki adanya perpaduan dan harmoni di kalangan masyarakat itu, kerana orang yang menerajui kuasa eksekutif, iaitu Bani Umaiyah, pada waktu itu bersetuju melantik Yazid. Tidak ada motif lainnya daripada Muawiyah. Hemahnya yang tinggi dan hakikat bahawa dia merupakan salah seorang daripada sahabat-sahabat nabi mencegah keterangan yang lain-lainnya. [*Fakta bahawa dia sering datang kepada para sahabat terkemuka, untuk dimintai nasihat, dan kenyataan bahawa mereka tidak memberikan pendapat merupakan bukti tidak adanya kecurigaan atas dirinya. Mereka tidak termasuk

orang gegabah yang mengambil keputusan dalam masalah kebenaran, dan demikian pula Muawiyah tidak mudah seenaknya menerima kebenaran. Mereka mempunyai peranan masing-masing dalam masalah ini, dan keadilan mereka menahan diri mereka untuk bertindak sewenang-wenang.

Kalaupun Abdullah ibn Umar melarikan diri daripada persoalan ini, tidak lain kerana memang sifatnya suka menghindarkan diri daripada ikut campur dalam persoalan apa pun, baik yang boleh mahupun yang terlarang, sebagaimana sudah banyak diketahui orang. Penentang penunjukan yang sudah disetujui oleh jumhur ulama itu hanyalah Ibn Az-Zubir. Tentang sedikitnya penentang ini sudah banyak diketahui orang.

Setelah Muawiyah, khalifah-khalifah yang telah biasa untuk memilih apa yang benar, dan melakukan segala sesuatu itu sejajar dengannya, bertindak serupa itu juga. Khalifah-khalifah itu termasuklah Abdal-Malik dan Sulaiman daripada Bani Umaiyah, serta as-Saffah, al-Mansur, al-Mahdi, dan ar-Rasyid, dari Bani Abbas dan beberapa lagi sebagaimana mereka yang mana hemahnya dan perhatian serta sikap ambil berat mereka terhadap kaum muslimin sudah diketahui umum. Mereka, dalam hubungan itu mereka telah terkeluar daripada sunnah yang pertama daripada keempat orang khalifah.[41] Situasi mereka sememangnya berbeza daripada situasi keempat-empat orang khalifah yang hidup tatkala kedaulatan berkuasa itu belum diwujudkan lagi, dan apa yang mengekang pengaruh itu adalah hal-hal agama. Maka, setiap peribadi itu memiliki kekangan pengaruh di dalam dirinya sendiri. Akhirnya, mereka telah melantik orang yang diterima oleh Islam, dan memilihnya daripada calon-calon lainnya. Mereka berasa yakin bahawa setiap calon itu memiliki kekangan pengaruhnya sendiri.

Sesudah mereka, daripada Muawiyah dan seterusnya, perasaan seresam orang-orang Arab telah mencapai puncaknya, kuasa berdaulat. Kendali agama telah menjadi lemah. Pengaruh kendali kerajaan dan kelompok adalah diperlukan. Sekiranya, di dalam keadaan sedemikian, orang yang tidak diterima oleh kelompok telah dicalonkan menjadi pengganti, pencalonan itu akan ditolak. Peluang calon dilantik akan dihapuskan, dan masyarakat itu akan

---

41 Abu Bakar, Umar, Usman dan Ali – semoga reda Allah dilimpahkan kepada mereka.

pecah-belah dan dimusnahkan oleh perbalahan.

> Seseorang telah bertanya kepada Ali: "Mengapakah ada orang yang tidak bersetuju mengenai perlantikan anda, dan mengapa mereka tidak bertelagah mengenai perlantikan Abu Bakar dan Umar?"
>
> Ali menjawab: "Sebabnya ialah Abu Bakar dan Umar adalah bertanggungjawab terhadap orang seperti diri saya, dan saya sekarang adalah bertanggungjawab terhadap orang seperti anda."

Dia menunjuk kepada kendali pengaruh Islam.

Apabila al-Makmun melantik Ali ibn Musa ibn Ja'far as-Shadiq sbagai calon penggantinya, dan menggelarnya ar-Rida, Bani Abbas mencanggah tindakan itu. Mereka mengisytiharkan *waadah* yang telah dilafazkan kepada al-Makmun terbatal dan mengaku taat setia kepada bapa saudaranya Ibrahim ibn al-Mahdi. Berlakulah banyak kekacauan, pertikaian, dan kesenjangan komunikasi, dan terdapat ramai pemberontakan serta pembelot hingga menyebabkan negara hampir kepada keruntuhan. Akhirnya, al-Makmun telah pergi dari Khurasan ke Baghdad, dan memulihkan keadaan kepada asalnya.

Pertikaian sebagaimana yang telah dinyatakan di antara khalifah dan kuasa berdaulat, harus diambil kira sebagai perkara yang ada hubungannya dengan masalah bakal peneraju. Zaman adalah berbeza menurut perbezaan masalahnya suku-sakatnya dan perasaan kekitaan yang wujud pada masa itu. Perselisihan dalam hal itu menghasilkan perbezaan dari segi kepentingan umumnya dan setiap kepentingan (umum itu) mempunyai hukumnya yang tersendiri.

Walau bagaimanapun, Islam tidak menganggap bahawa pengekalan turunan (raja itu) kepada para puteranya dengan tujuan yang jelas untuk melantik calon penggantinya. Bakal peneraju tahta kerajaan adalah suatu yang datangnya daripada Allah s.w.t. yang membezakannya dengan melantik sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya.

Dalam soal melantik calon pengganti, seharusnya dilakukan dengan niat yang benar-benar bersih. Sekiranya tidak terdapat bahaya bahawa seseorang itu akan mempersenda-sendakan perkara yang telah ditentukan oleh:

> Kekuasaan milik Allah diberikan-Nya kepada orang yang dikehendaki-Nya. ...

Segelintir manusia tersalah anggap bahawa *imamah* itu merupakan satu daripada tiang (rukun) agama. *Imamah* merupakan satu daripada perkara yang diperkatakan oleh masyarakat umum. Masyarakat telah dipertanggungjawabkan untuk mengurusinya. Sekiranya ia tergolong sebagai salah satu daripada rukun kepercayaan, ia tentunya tidak ada bezanya dengan solat, dan Nabi Muhammad s.a.w. telah melantik seorang wakil, sebagaimananya beliau melantik Abu Bakar untuk mewakilinya melaksanakan solat. Seandainya baginda telah menetapkannya, pastinya ia dimaklumi oleh umum, sebag .imana halnya dengan solat. Para sahabat menyatakan bahawa knalifah itu merupakan sesuatu yang dapat disamakan dengan solat, dan berdasarkan dalil bahawa:

> "Rasulullah merelakan Abu Bakar mengurusi urusan agama, kenapa kami tidak menyetujui beliau mengurusi urusan dunia kami?"

Hal ini merupakan bukti bahawa perlantikan waris tidak pernah terjadi. Ia juga memperlihatkan bahawa persoalan *imamah* dan penggantiannya adalah tidak begitu penting sebagaimana yang berlaku pada hari ini. Perasaan kekitaan, yang memastikan satu padu dan perpecahan di dalam urusan kebiasaannya, tidaklah sama pentingnya sebagaimana yang berlaku kemudiannya. Syiar Islam telah dapat memenangi hati manusia, dan menyebabkan timbulnya kesanggupan untuk gugur kerana kesucian agamanya sekiranya ianya diganggu-gugat. Hal itu terjadi kerana mereka melihat dengan mata kepala sendiri kehadiran para malaikat untuk menolong mereka, disampaikan secara berulang-ulang berita tentang syurga, dan selalu diperingatkan kebesaran Allah s.w.t. dalam hubungannya dengan setiap kejadian. Maka, adalah tidak perlu untuk mengambil berat terhadap perasaan kekitaan, manusia pada umumnya memiliki sifat patuh dan taat. Mereka sesungguhnya berasa gentar dan bingung oleh kejadian-kejadian ajaib dan kejadian-kejadian ilahiyah, dan sering didatangi oleh para malaikat. Persoalan mengenai khalifah, kuasa berdaulat, calon peneraju, perasaan kekitaan, dan sebagainya, ditenggelami oleh kerusuhan sepertimana ianya terjadi.

Situasi yang membantu ini berlaku bersama lenyapnya

mukjizat dan matinya generasi yang telah menyaksikan kesemuanya itu dengan matanya sendiri. Sifat-sifat yang telah disebutkan itu berubah sedikit demi sedikit. Tanggapan daripada peristiwa luar biasa itu telah berlaku, dan keadaan berbalik kepada asalnya. Pengaruh perasaan seresam dan kelumrahan itu dapat disaksikan melalui amalan baik dan buruknya. Permasalahan mengenai khalifah dan kuasa berdaulat, serta calon penggantinya kepada kedua-duanya itu dianggap masyarakat umum sebagai suatu persoalan yang amat penting. Perihal mustahaknya itu sangat menonjol di masa pemerintahan para khalifah yang terawal kerana adanya desakan di dalam hubungannya dengan perlindungan tentera, peperangan jihad, murtad (oleh orang-orang Arab sesudah kematian Nabi Muhammad s.a.w.) dan penaklukan. (Para khalifah yang terawal) boleh membuat keputusan sama ada mereka boleh (melantik bakal penggantinya) ataupun tidak. Akhirnya sebagaimana pada masa akhir-akhir ini. Persoalan itu menjadi amat mustahak dari segi hubungannya dengan berbaik sangka dalam perlindungan (ketenteraan dan pentadbiran hal-ehwal awam). Perasaan kekitaan telah memainkan peranannya di dalam persoalan ini perasaan kekitaan adalah rahsia Ilahi (perantara yang) menghalangi masyarakat umum daripada berpecah belah dan khianat mengkhianati sesama sendiri. Ia adalah sumber bersatu padu dan kesepakatan, serta penjamin hasrat dan syariat agama Islam. Apabila ianya sudah difahami, perancangan Allah s.w.t. yang bijaksana berhubung dengan ciptaan-Nya dan makhluk-Nya akan menjadi nyata.

Mengenai peperangan yang terjadi di dalam masyarakat Islam, di antara para sahabat dan tabiin, hendaklah diketahui bahawa perselisihan mereka hanyalah mengenai soal-soal agama sahaja, dan timbul daripada ijtihad daripada pembicaraannya yang sebenar-benarnya dan wawasan yang difikir-fikirkan. Perselisihan faham pasti akan timbul di kalangan orang yang membuat ijtihad. Ia tidak lebih daripada perbalahan di dalam hal ijtihad tentang permasalahan agama yang mempunyai dalil-dalilnya, dan ia seharusnya diperhatikan menurut sudut ini. ...

31 Fungsi keagamaan yang dipertanggungjawabkan kepada khalifah

Sudah jelas bahawa menjadi khalifah pada hakikatnya adalah

bermaksud bertindak sebagai pengganti pembawa syariat (Muhammad) sehubungan dengan tugas menyebarkan syiar Islam dan menerajui kepemimpinan siasah di dunia ini. Pembawa syariat dibebankan dengan tugas menjalankan kedua-duanya – tugas menyebarkan syiar Islam mengikut kemampuannya sebagai orang yang diperintahkan untuk menjalankan kewajipannya menyampaikan kewajipan syairah kepada manusia, serta menyebabkan mereka mematuhi lunas-lunasnya – menjalankan kepemimpinan siasah mengikut keupayaannya sebagai orang yang dipertanggungjawabkan mengurusi hal-ehwal peradaban manusia.

Kami telah menyebutkan sebelum ini bahawa peradaban itu adalah suatu yang harus kepada manusia, dan bahawa mengambil perhatian apa yang menjadi kepentingan umumnya yang berhubungan dengannya juga penting, sekiranya manusia itu tidak dibinasakan oleh pengabaian. Kami juga telah menyebutkan sebelum ini bahawa perasaan kekitaan dan rangsangannya sudah cukup untuk menyebabkan (institusi itu bertindak meladeni) apa yang menjadi kepentingan umumnya, meskipun ia akan lebih disempurnakan melalui perundangan syariat – sebab, ia lebih betah di dalam memahami apa yang menjadi kepentingan umumnya.

Kuasa yang berdaulat, sekiranya ia seorang Islam, adalah dipertanggungjawabkan kepada khalifah dan adalah salah satu daripada gandingannya. Kuasa berdaulat sebuah negara bukan Islam adalah tegak dengan sendirinya. Tetapi dalam apa juga halnya, ia memiliki orang yang menjadi anak-anak buahnya dan kedudukan sebagai orang atasan yang ada hubungannya dengan fungsi-fungsi tertentu. Hamba rakyat yang bernaung di dalam sesebuah dinasti itu diberikan jabatan, dan mereka melaksanakan (apa yang ditugaskan itu) sebagaimana yang ditentukan oleh rajanya yang menguasai kesemuanya sekali. Dengan demikian, kekuasaan sang raja itu benar-benar terserlah, dan baginda berkeupayaan melaksanakan peranannya sebagai peneraju kerajaan itu.

Meskipun jabatan khalifah itu mencakupi kuasa berdaulat dalam pengertian yang telah disebutkan, sifatnya sebagai seorang ulama membawa kepadanya fungsi khas dan kedudukan yang khususnya ada pada diri khalifah-khalifah Islam. Kami akan membicarakan fungsi keagamaan yang khusus kepada khalifah, dan akan disentuh kemudiannya kuasa berdaulat.

Kesemua fungsi keagamaan berhubung dengan syariat

agama, seperti mengerjakan solat, jabatan kehakiman, jabatan mufti, berjihad, dan penyeliaan dagangan (*hisbah*. Ar. *Market Supervision*. Ing.), adalah dipertanggungjawabkan kepada *"imamah besar"* iaitu seorang khalifah. Khalifah itu seakan-akan terasnya dan suatu dasar yang menyeluruh dan daripada semua fungsi itu adalah cabang-cabangnya dan merimbuninya disebabkan begitu luas ruang lingkupnya. Bidang tanggungjawab adalah menyeluruh – terhadap masyarakat Islam – baik yang keagamaan mahupun duniawinya – dan, kuasa umumnya adalah untuk melaksanakan syariah agama bersangkutan dengan kedua-duanya – agama dan hal-ehwal keduniaan.

(Imamah solat)

Mengimamkan solat adalah fungsi yang paling utama dan adalah lebih utama daripada setakat kuasa berdaulat sahaja, yang mana, seperti solat, adalah dipertanggungjawabkan ke atas khalifah. Hal ini dibuktikan oleh (keadaan) para sahabat nabi yang disimpulkan daripada fakta bahawa Abu Bakar itu telah dilantik sebagai pengganti Nabi Muhammad s.a.w. untuk mengimamkan solat, satu fakta bahawa dia juga telah dipilih sebagai penggantinya sebagai mengetuai hal siasah. Mereka telah berkata:

> "Rasulullah telah mendapati dia sesuai untuk agama kami. Dengan itu, mengapa pula kami tidak mahu menerimanya untuk mengurusi persoalan duniawi kami?"

Sekiranya solat itu tidak berada pada kedudukan yang lebih tinggi daripada kepemimpinan politik, pemikiran analogi ini tentunya tidak akan munasabah.

Hukum-hukum dan keadaan berhubung dengan tugas mengimamkan solat dan orang yang dipertanggungjawabkan mengerjakannya, adalah diketahui dari buku-buku fikah. [*Sebagaimana yang dipaparkan di dalam buku-buku tentang hukum pemerintahan, seperti karya al-Mawardi dan lain-lainnya. Kami tidak perlu panjang lebar menerangkannya]. Khalifah-khalifah yang terawal tidak pernah menyerahkan tugas mengimamkan solat kepada orang lain. Suatu kenyataan bahawa ada di antara para khalifah telah ditikam sewaktu berada di masjid pada waktu azan, yang sememangnya diduga kehadirannya, para pembunuh akan berada

di situ pada waktu bersolat, menunjukkan bahawa secara peribadi khalifah itu yang memimpin solat dan tidak mewakilkannya kepada orang lain. Kebiasaan ini dilanjutkan oleh para pemuka Daulah Bani Umaiyah kemudiannya. Mereka beranggapan tugas mengimami solat itu adalah suatu tugas murni yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka dan berada pada martabat yang tinggi untuk menjadi imam kepada jemaah.

Kemudiannya, ketika peribadi kuasa berdaulat, dengan sifat-sifatnya yang bengkeng dan penuh dengan ketidakadilan terhadap rakyatnya – di dalam hal-ehwal keagamaan dan duniawinya – begitu menonjol – (raja-raja) telah memilih orang sebagai menggantikan diri mereka untuk mengimamkan solat. Mereka hanya menjadi imam solat pada waktu tertentu sahaja dan pada hari (perayaan) umum seperti pada hari raya dan sembahyang Jumaat. Hal ini dilakukan dengan tujuan sengaja menonjolkan dirinya dan menunjuk-nunjuk. Khalifah-khalifah Bani Abbas dan Ubaydiyyin banyak melakukannya sejak mereka berupaya menerajui kerajaan berdaulat itu.

[Jabatan mufti]

Berhubung dengan jabatan mufti, khalifah haruslah menguji para ulama dan guru dan mempertanggungjawabkan tugas itu kepada orang-orang yang layak untuk melakukan tugas itu. Dia harus membantu mereka dalam menjalankan tugas dan mencegah orang tidak berkelayakan daripada turut campur mengurusinya. Jabatan mufti merupakan salah satu perkara yang menjadi perhatian masyarakat Islam. Khalifah hendaklah mengambil perhatian, sekiranya orang yang tidak berkebolehan daripada berperanan sebagai mufti dan dengan itu menyesatkan masyarakat Islam.

Para guru mempunyai tanggungjawab untuk mengajar dan menyebarkan pengetahuan agama serta mengadakan kelas untuk tujuan itu di masjid-masjid. Sekiranya masjid itu adalah salah satu daripada masjid yang ternama di bawah pengurusan pemerintahannya, tempat di mana raja itu menyelia mereka dan mengimamkan solat, guru-guru itu hendaklah meminta izin daripada baginda untuk mengajar di sana. Sekiranya masjid itu adalah satu daripada masjid umum, keizinan itu tidak perlu diminta. Meskipun demikian, setiap guru dan mufti itu memiliki pengaruh yang menghalang di dalam diri masing-masing. Ia menyedarkan mereka

supaya tidak melakukan sesuatu yang bukannya kebolehan mereka. Ini adalah supaya perbuatan itu tidak menyesatkan orang-orang yang meminta petunjuk yang benar, atau mengelirukan mereka yang inginkan panduan. [*Di dalam atsar disebutkan:

> "Yang paling berani memberi fatwa di antara kalian adalah yang paling berani terhadap neraka jahanam."

Oleh itu, boleh tidaknya sultan memberi perhatian adalah tergantung kepada keharusan masalah.

(Jabatan kehakiman)

Jabatan kehakiman merupakan salah satu daripada jawatan yang berada di bawah seliaan khalifah. Ia adalah suatu lembaga yang berperanan untuk menyelesaikan gugatan serta menyelesaikan perselisihan dan pertikaian. Ianya berjalan, menurut garis panduan undang-undang syariah sebgaimana yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan Sunnah. Oleh itu, jabatan kehakiman merupakan sebahagian daripada bidang tugas khalifah, dan secara umumnya berada di bawah bidang seliaannya.

Pada masa permulaan Islam, para khalifah sendiri yang menguruskan jabatan kehakiman. Mereka tidak mengizinkan sesiapa pun untuk berperanan sebagai hakim untuk menghakimi apa juga pun. Khalifah pertama yang menyuruh seseorang untuk menjalankan fungsi ini adalah Umar. Beliau telah melantik Abu Darda untuk membantunya menjadi hakim di Madinah, melantik Syuraih untuk bertugas sebagai seorang hakim di Basrah dan Abu Musa al-Asy'ari sebagai hakim di Kufah. Sewaktu melantik Abu Musa, Umar telah menulis sepucuk surat yang masyhur yang di dalamnya terkandung hukum-hakam yang ada sangkut-pautnya dengan jabatan kehakiman dan menjadi dasarnya. Beliau menyatakan:

> "*Amma ba'du*, jabatan kehakiman itu secara pastinya adalah tugas agama yang fardu dan secara umum suatu amalan yang diteladani.
>
> Fahamilah keterangan yang dibuat di hadapan kamu, sebab tidak ada faedahnya mempertimbangkan suatu rayuan yang tidak sah.
>
> Anggaplah semua orang yang hadir di dalam mahka-

mah kamu serta yang berada di bawah pengadilan kamu sebagai setara sahaja, supaya orang-orang bangsawan tidak mengharap supaya kamu berpihak, dan orang-orang bangsawan tidak mengharapkan supaya kamu berpihak, dan orang-orang yang tidak berdarjat tidak berasa putus asa untuk mendapatkan suatu keadilan daripada kamu.

"Pendakwa haruslah mengemukakan bukti; daripada pihak yang dituduh, pengakuan sumpah adalah suatu yang diminta.

"Bertolak ansur adalah dibolehkan di kalangan kaum muslimin, tetapi tidak ada persetujuan menghalalkan sesuatu yang diharamkan, atau sesuatu yang diharamkan dihalalkan.

"Jika kelmarinnya kamu telah membuat suatu keputusan, dan pada hari ini setelah dipertimbangkan semula telah menemukan suatu pendapat yang benar, kamu tidak seharusnya berasa terhalang daripada membatalkan keputusan yang terdahulu itu. Ingatlah bahawa keadilan itu adalah yang diutamakan, dan adalah lebih baik membatalkannya daripada terus kekal di dalam kebatilan.

Gunakan akal kamu mengenai persoalan yang membingungkan kamu dan yang tidak disebutkan sama ada di dalam al-Quran ataupun Sunnah. Pelajarilah peristiwa-peristiwa yang serupa dan nilai keadaan itu melalui sesuatu andaian terhadapnya.

'Sekiranya seseorang itu mengemukakan tuntutan, yang mana dia tidak berupaya mengemukakan bukti, berikan untuknya suatu tempoh. Sekiranya dia dapat mengemukakan bukti dalam tempoh itu, hendaklah kamu membenarkan gugatannya, kalau tidak, kamu diperbolehkan memberikan suatu keputusan terhadapnya. Ini adalah sebaik-baik cara untuk menangguhkan atau menyelesaikan apa jua kemungkinan yang amat meragukan.

Setiap orang Islam itu boleh diterima menjadi saksi terhadap yang lainnya, kecuali mereka yang telah dihukum *jild* oleh syariat agama, seperti telah dibuktikan memberikan persaksian palsu, atau dicurigai memihak berdasarkan status 'tuan dan hamba' atau pun ibarat 'bersaksi ke lutut'. Sesungguhnya Allah – Maha Suci Dia – memaafkan apabila sumpah persaksian diberikan dan menundakan hukuman demi mencari suatu bakti.

Hindari kelesuan dan kelelahan, dan janganlah berasa jengkel terhadap para pendakwa.

Kerana memutuskan suatu keadilan di mahkamah keadilan, Allah s.w.t. akan melipatgandakan pahalanya dan

Dia akan memberikan kepadamu maruah yang baik.
Wassalam."

* * *

Meskipun pelaksanaan jabatan kehakiman itu merupakan bidang tugas khalifah, mereka mempertanggungjawabkannya kepada orang lain disebabkan oleh kesibukan mengendalikan siasah umumnya dan terlalu sibuk dengan peperangan jihad, penaklukan-penaklukan, mempertahankan daerah-daerah di kawasan perbatasan, dan melindungi tanah air. Tugas-tugas itu tidak dapat dipertanggungjawabkan kepada orang lain kerana ia adalah suatu yang sangat penting. Mereka berpendapat ianya adalah suatu peranan yang mudah untuk bertindak sebagai hakim, dan dengan demikian mereka melantik wakil-wakilnya bagi melaksanakan (tugas seorang hakim), dengan ini akan meringankan beban yang terpaksa mereka hadapi. Namun, mereka selalunya mempertanggungjawabkan tugas kehakiman itu kepada orang yang mengongsi perasaan kekitaan sama ada melalui seketurunan atau kedudukan mereka sebagai orang yang dinaungi. Mereka tidak mempercayai orang yang tidak ada kaitan dengan mereka dalam hal-hal sebegini.

Hukum-hakam dan syarat jabatan ini telah dipaparkan di dalam buku-buku fikah, dan secara khusus di dalam kitab-kitab peraturan pemerintahan. Pada masa khalifah, tugas seorang hakim itu hanya untuk menyelesaikan gugatan di antara para pendakwa. Kemudiannya, secara bertahap-tahap masalah-masalah dirujukan kepadanya apabila khalifah menjadi semakin sibuk dan bertambahnya dasar raja-raja itu. Akhirnya, jabatan kehakiman itu mencakupi – sebagai tambahannya, disamping menyelesaikan tuntutan – hal-hal umum yang menyentuh masyarakat Islam, seperti menyelia harta benda orang yang gila, anak yatim, orang-orang muflis dan orang tidak yang berada di bawah pengawasan para penjaganya; menyelia wasiat dan sumbangan-sumbangan amal jariah muslimin dan menikahkan, perempuan yang tidak mempunyai wali supaya boleh diperisterikan, mengikut pandangan segelintir orang; bertugas menyelia jalan raya dan bangunannya; menguji kesahihan saksi, berkuasa sebagai wakil, dan pengganti-pengganti di mahkamah berusaha menyempurnakan pengetahuan dan kesahihan berhubungan sama ada boleh dipercayai ataupun tidaknya mereka itu. Semuanya ini telah menjadi sebahagian daripada kedudukan dan tugas-tugas sebagai seorang hakim.

Khalifah-khalifah yang terdahulu telah mempertanggungjawabkan kepada para hakim tugas untuk menyelia kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan kecuaian melaksanakan tanggungjawab (*madzalim*). Kedudukan ini merupakan paduan dua elemen yakni bidang kuasa pemerintahan dan kebijaksanaan perundangan. Ia memerlukan mereka yang bukan calang-calang orang dan disegani kerana wibawanya untuk menundukkan pesalah dan menghalang mereka yang bersikap keras di antara kedua-dua pendakwa itu. Dalam kata yang lainnya, dia bersedia melakukan apa yang tidak dapat dilakukan oleh hakim dan orang lainnya. Ia adalah menyangkuti penelitian bukti, dengan mengenakan hukuman yang tidak dinyatakan dengan jelas oleh syariat agama, dengan menggunakan bukti-bukti tidak langsung dan bukti yang samar-samar, menangguhkan hukuman hinggalah keadaan untuk menjatuhi hukuman itu menjadi jelas, dengan usaha-usaha untuk mendamaikan pihak yang bertelagah, dan dengan sumpah para saksi. Kesemuanya ini adalah lebih luas daripada apa yang seharusnya menjadi bidang tugas para hakim.

Khalifah-khalifah yang pertama telah melaksanakan sendiri fungsi tersebut hinggalah pada masa pemerintahan Bani Abbas, al-Muhtadi. Mereka juga kadang kalanya mempertanggungjawabkan kepada para hakim untuk menjadi pemimpin peperangan jihad – *tha'ifah*. [*Sepertimana yang dilakukan oleh Umar – keredaan Allah s.w.t. dilimpahi ke atasnya – kepada hakim Abu Idris al-Hulani, dan al-Makmun kepada Yahya ibn Aktsam, serta al-Mu'tasim kepada Ahmad ibn Abi Daud. Di masa pemerintahan al-Makmum, Yahya ibn Aktsam berangkat ke tanah Rom dalam rangka perang tha-ifah, demikian pula yang dilakukan Mundzir ibn Sa'id – hakim 'Abdur-Rahman ibn an-Nashir daripada Bani Umaiyah di Andalusia]. Mempertanggungjawabkan fungsi ini merupakan tugas para khalifah, atau mereka yang diamanahkan untuk melakukannya, seperti wazir yang mana diserahkan kuasa penuh, atau sultan yang telah mendapatkan kedaulatan berkuasa.

[Polis]

Dalam Dinasti Abbasiyah dan dinasti Umaiyyah di Andalusia, dan di bawah Dinasti Ubaydiyyin (Fatimiyyin) di Mesir dan Maghribi, pengawasan terhadap jenayah serta pengenaan hukuman-hukuman yang ditetapkan oleh syariat agama (*hadd.* Ar.) merupakan

suatu tugas khusus, dan dipertanggungjawabkan kepada ketua polis. Kepolisian adalah suatu petugas keagamaan yang berada di bawah kekuasaan dinasti tersebut, dan mempunyai hubungan yang erat dengan hukuman agama. Lapangannya adalah sedikit lebih luas jika dibandingkan dengan bidang kuasa jabatan kehakiman. Ia memungkinkan orang yang disyaki bersalah di bawa ke pengadilan. Ia bertindak memutuskan hukuman pencegahan sebelum jenayah itu dilakukan. Ia mengenakan hukuman *hadd-hadd* sebagaimana yang telah ditetapkan oleh syariat agama mengikut kewajarannya, serta menetapkan bayaran ganti rugi dalam hal yang bersangkutan dengan kecederaan pada tubuh badan yang mana undang-undang *qaud* dan *qisas*. Itu wajar dikenakan. Ia mengenakan hukuman yang tidak ditetapkan oleh hukum-hukum agama (*takzir*. Ar.), serta mengenakan langkah-langkah mencegah terhadap orang yang belum melakukan perbuatan jenayah (yang telah dirancangkan).

Fungsi sebenar kepolisian dan dakwaan diabaikan semasa dinasti-dinasti yang mana peranan seorang khalifah itu tidak lagi diperlukan. Pendakwaan (*tort*. Ing.) telah dipertanggungjawabkan kepada raja sama ada meraka itu dilantik oleh khalifah untuk mengurusinya ataupun tidak. Peranan kepolisian dipecahkan menjadi dua bahagian. Satu daripadanya ialah bertanggungjawab mengurusi para tertuduh, melaksanakan hukuman sebagaimana yang telah ditetapkan oleh syariat agama (*hadd*. Ar.) dan memotong anggota tubuh (bagi jenayah yang dihukum dengan memotong tangan/kakinya), serta memastikan undang-undang *qisas* dilaksanakan pada tempatnya yang sesuai. Untuk tugas ini, kerajaan itu telah melantik seorang petugas rasmi yang melaksanakan bidang kuasanya sesuai dengan (kuasa) politiknya tanpa perlu merujuk kepada perundangan syariat. Dia ada kalanya dipanggil *wali* (gabenor), dan kadang kalanya *syurthah* (polis). Fungsi selebihnya sebagai polis adalah bersangkutan dengan hal menghukum melalui hukuman yang tidak disebutkan di dalam hukum agama (*takzir*. Ar.) dan mengenakan hukuman terhadap penjenayah sebagaimana yang telah ditetapkan oleh undang-undang syarak. Semuanya itu digabungkan dengan fungsi kehakiman seperti mana yang telah dinyatakan sebelum ini. Ia menjadi sebahagian daripada tugas rasmi seorang hakim dan menjadi sedemikianlah hingga sekarang ini.

Kedudukan ini telah diambil daripada mereka yang mengongsi perasaan kekitaan dinasti itu. Apabila terdapat *khalifah*

diniyyah, khalifah-khalifah itu menyerahkan tanggungjawab itu memandangkan ianya jabatan keagamaan, hanya kepada orang Arab atau para *mawla* – sekutu hamba abdi, atau pengikut-pengikut – yang mengongsi perasaan kekitaan dan yang mana kecekapan dan kemampuan mereka untuk melaksanakan tugas itu boleh dipercayai.

Apabila sikap dan perilaku khalifah didapati telah berubah, dan kerajaan serta kekuasaan kesultanan telah mengambil alihnya, fungsi keagamaan itu pada beberapa darjatnya telah mansuh dalam hubungannya dengan (kekuasaan yang berkuasa) tambahan pula ia bukan tergolong di antara gelaran dan martabat kuasa berdaulat. Selanjutnya, orang-orang Arab telah kehilangan seluruhnya penguasaan pemerintahan. Kedaulatan berkuasa itu berpindah tangan kepada bangsa Turki dan Barbar. Fungsi kekhalifahan, sebagaimana sikap dan perasaan kekitaan yang telah menjadi milik mereka selama ini, menjadi semakin tersisih daripada mereka (berbanding dengan pendahulu mereka). Sebabnya ialah orang-orang Arab berpendapat bahawa *syariat* adalah agama mereka, dan Nabi Muhammad s.a.w. adalah salah seorang daripada kalangan mereka, dan syariat agama membezakan mereka dari segi pemikiran dan tingkah laku daripada bangsa-bangsa yang lainnya. Orang-orang bukan Arab tidak berfikiran sedemikian. Sekiranya mereka menghormati (fungsi-fungsi tersebut) ia hanyalah kerana mereka telah menjadi orang Islam. Dengan demikian, mereka menyerahkannya kepada mereka di luar golongan mereka yang telah betah dengan (fungsi ini) sewaktu dinasti khalifah-khalifah yang terdahulu. Sesudah didedahkan kepada kemewahan hidup, yang mana 'alah bisa tegal biasa' selama beratus-ratus tahun lamanya mereka itu telah melupai zaman ketika mana mereka hidup di tengah padang pasir dan cabaran-cabarannya. Mereka telah menikmati peradaban tinggal menetap (*hadlarah*), budaya hidup serba mewah, kesentosaan, dan kurangnya kemampuan untuk berdikari. Kerajaan-kerajaan yang mengambil alih tampok kuasa menggantikan pemerintahan para khalifah, fungsi khalifah menjadi hak istimewa masyarakat kota yang berperibadi lemah. Peranan itu tidak lagi dipertanggungjawabkan kepada orang yang berhemah tinggi, tetapi oleh orang-orang yang kelayakannya adalah terbatas, juga oleh keturunan dan peradaban tinggal menetap yang mana telah menjadi kebiasaannya. Mereka dikecam sebagaimana halnya dengan penduduk yang hidup menetap, yang sudah tenggelam

dalam arus kemewahan hidup dan kesentosaan, mereka yang tidak mempunyai hubungan perasaan seresam dengan rajanya, dan yang bergantung kepada orang lain untuk perlindungan. Kedudukan mereka di dalam kerajaan (negara) itu adalah didasarkan kepada kenyataan bahawa mereka bertanggungjawab terhadap masyarakat Islam dan mematuhi hukum-hukum agama, dan sesungguhnya mereka arif tentang undang-undang syariat dan berkeupayaan mentafsirkannya melalui keputusan perundangan. Mereka tidak mempunyai kedudukan di dalam dinasti kerana mereka dihormati sebagai tokoh-tokoh sahaja. Kehadiran mereka hanyalah sebagai suatu penghargaan terhadap kedudukan mereka di dalam dewan-dewan kerajaan, di mana adalah wajar untuk menghormati orang yang berkedudukan dalam jabatan-jabatan keagamaan. Mereka tidak mempunyai kuasa eksekutif untuk membuat keputusan di dalam dewan-dewan kerajaan, di mana adalah wajar untuk menghormati orang yang berkedudukan dalam jabatan-jabatan keagamaan. Mereka tidak mempunyai kuasa eksekutif untuk membuat keputusan di dalam dewan tersebut. Sekiranya mereka mengambil bahagian (untuk membuat suatu keputusan), ia hanyalah suatu syarat sahaja, tanpa apa-apa hakikat di sebaliknya. Kuasa eksekutif (*al-hill wa 'Il-aqd*) sebenarnya adalah dimiliki oleh orang-orang yang berkuasa untuk melaksanakan (apa yang menjadi keputusan mereka) mereka yang tidak mempunyai kuasa (untuk melaksanakan suatu keputusan) tidak mempunyai kuasa eksekutif. Mereka hanya digunakan sebagai penguasa undang-undang syariah dan keputusan undang-undang yang diputuskan itu adalah diterima.

Sebilangan sarjana berpendapat hal yang sedemikian adalah tidak wajar, dan para raja yang bertindak mengetepikan ahli-ahli fikah dan para hakim dari dewan musyawarah telah bertindak tidak wajar, kerana Nabi Muhammad s.a.w. – berpendapat:

> "Para ulama itu adalah pewaris para nabi."

Sesungguhnya kedaulatan dan bidang kuasa kerajaan adalah ditegakkan oleh keperluan-keperluan semula jadi peradaban sekiranya tidak sedemikian, ia pastinya tidak ada kaitannya dengan bidang politik. Sifat semula jadi peradaban tidak menghendaki (ahli-ahli fikah dan ulama-ulama) terlibat (kekuasaan). Kuasa penasihat dan eksekutif hanya dimilik oleh mereka yang menguasai

perasaan seresam dan hanya melaluinya membolehkan pelaksanaan keputusan eksekutif, mahu melakukannya ataupun tidak mahu melakukannya. Mereka yang tidak memiliki perasaan sekumpulan, yang tidak dapat menguasai urusannya sendiri, dan yang tidak boleh mempertahankan dirinya sendiri, adalah terlalu bergantung kepada orang lain. Sekiranya demikian, bagaimana mungkin mereka boleh melibatkan diri di dalam dewan-dewan musyawarah, dan mengapa pula nasihat mereka harus (diberikan pertimbangan?) Nasihat mereka sebagaimana yang diperolehi daripada pengetahuan tentang hukum-hukum agama (akan dipertimbangkan) hanya sekiranya ditangani untuk keputusan perundangan. Buah fikiran berhubung dengan urusan politik adalah suatu yang bukannya bidang kuasa mereka, sebab mereka tidak memiliki perasaan sekumpulan, dan tidak arif tentang keadaan-keadaan serta perundangan yang ada sangkut-pautnya dengan (perasaan sekumpulan). Untuk menghormati (ahli-hali fikah dan para ulama) adalah suatu budi bicara yang baik di pihak para raja dan amir. Ia adalah suatu bukti betapa tingginya perasaan tulus mereka itu terhadap Islam dan untuk menghormati mereka yang ada kena-mengenanya ia dengannya. ...

Keadilan[42]

Ia merupakan tugas keagamaan yang bergantung kepada jabatan kehakiman, dan berhubung dengan amalan mahkamah. Orang yang memegang jawatan itu memberikan keterangan – dengan izin hakim – menyokong atau membantah (dakwaan) seseorang itu. Mereka bertindak sebagai saksi apabila keterangan itu akan diambil, memberikan keterangan ketika berlangsungnya perbicaraan dan mengisi buku daftar yang mencatatkan tentang hak-haknya, hak milik dan hutang-piutang mereka dan pelaksanaan perundangan lainnya.

(Kami telah menyebutkan "izin pihak hakim", kerana orang sering menjadi keliru, dan hanya hakim sahaja yang mengetahui siapakah yang boleh dipercayai dan siapa pula tidak. Maka, dalam satu seginya, beliau akan memberi izin kepada orang yang mana hemahnya dia sangat yakini, supaya permasalahan seseorang itu

42 Dalam terjemahan F. Rosenthal, judul ini berbunyi: *The position of official witness* (Kedudukan saksi rasmi).

serta pelaksanaannya akan dapat dengan sebenar-benarnya dilindungi?[43]

Apa yang menjadi prasyarat kepada tugas ini ialah orang yang memainkan peranan itu haruslah seorang yang boleh dipercayai menurut perundangan agama, dia seorang yang bebas daripada unsur tidak boleh dipercayai. Selanjutnya, dia haruslah dapat membuat catatan-catatan (mahkamah) dan membuat perjanjian dalam bentuknya yang betul dan urutannya yang tepat serta dengan sebaik-baiknya, (meneliti) keadaan dan syarat-syarat mengenainya berdasarkan pandangan perundangan keagamaan. Oleh itu, dia harus memiliki pengetahuan tentang ilmu hukum sebagaimana yang dikehendaki untuk tujuan tersebut. Berdasarkan keperluan-keperluan itu dan pengalaman, serta amalan yang diperlukan, jabatan itu menjadi terbatas kepada orang-orang yang berhemah sahaja. Berhemah kemudiannya (dianggap) sebagai suatu sikap orang yang melaksanakan tugas itu. Namun, anggapan yang sedemikian tidaklah selalunya benar. Berhemah itu hanya merupakan salah satu syarat awal yang membolehkan seseorang itu layak untuk mengisi jabatan tersebut.

Hakim haruslah mengkaji keadaan dan mengetahui liku-liku kehidupan mereka hanya untuk memastikan bahawa mereka memenuhi tuntutan supaya mempunyai kejujuran. Dia haruslah tidak mengabaikan tugas untuk bersikap sedemikian, sebab adalah tugasnya melindungi apa yang menjadi hak manusia itu sendiri. Beban tugas terhadap segala sesuatu adalah terpikul di bahunya dan adalah bertanggungjawab menghadapi segala yang menjadi akibatnya.

Setelah (para saksi rasmi) terbukti benar-benar layak untuk mengisi tugas itu, mereka pada umumnya adalah lebih berguna kepada (para hakim). Khidmat mereka boleh digunakan untuk memastikan kejujuran orang lain yang mana hemah mereka belum dapat dipastikan oleh para hakim. Ini adalah disebabkan oleh terlalu luasnya kota-kota dan keadaan mereka yang penuh dengan kekeliruan. Di dalam hal menilai (suatu kebenaran), mereka selalunya meminta khidmat para saksi yang profesional ini. Di setiap kota, mereka memiliki ruang pejabat sendiri dan tempat di mana mereka boleh ditemui, supaya barangsiapa yang hendak

43 Bahagian dalam tanda kurung ini hanya kami dapatkan dalam terjemahan F. Rosenthal.

membuat urusan boleh menemui mereka dan mendaftarkan perakuan itu secara bertulis.

Istilah boleh dipercayai (*adalah* Ar. *probilty*. Ing.) dengan itu digunakan untuk kedudukan orang yang kepentingannya telah dijelaskan dan yang boleh diyakini (boleh dipertanggungjawabkan) sebagaimana diperlukan dalam perundangan agama yang digunakan secara berpasangan dengan tidak boleh diharapkan (*jarh*. Ar. *Unrealiability*. Ing.) Keduanya adalah sama, tetapi sungguhpun begitu, adalah berbeza.

Allah Yang Maha Tinggi dan Lebih Mengetahui.

Penyelia n Dagangan

Jabatan penyelia dagangan adalah suatu kedudukan daripada sudut keagamaan. Ia adalah tergolong di bawah bidang kewajipan beragama yang menghendaki "melakukan *amar makruf* dan mencegah berlakunya *nahi munkar*". Ia merupakan suatu kewajipan orang yang dipertanggungjawab menguruskan persoalan kaum muslimin. Dia mempunyai kuasa melantik orang untuk memegang jawatan itu daripada kalangan mereka yang pada anggapannya adalah layak. Kewajipan itu dengan demikian adalah diserahkan kepada mereka yang dilantik. Dia dibolehkan melantik beberapa orang lagi untuk membantu tugasnya itu. Dia membuat penyiasatan penyalahgunaan, dan mengenakan beberapa hukuman yang wajar dan langkah-langkah untuk memperbaiki kepincangan itu. dia harus memastikan bahawa setiap orang itu akan bertindak sejajar menurut kepentingan umum. Sebagai contoh, dia mencegah terjadinya halangan terhadap lalulintas. Dia akan melarang orang yang menyangkut barang-barang dan tukang sampan daripada membawa barang yang terlalu berat. Dia mengeluarkan arahan terhadap pemilik bangunan yang akan roboh pada bila-bila masa sahaja supaya meruntuhkannya, dan dengan demikian mengelak kemungkinan terjadinya sesuatu yang membahayakan kepada orang yang lalu-lalang. Dia bertindak mencegah para guru di sekolah atau di tempat lainnya supaya tidak keterlaluan apabila memukul murid-muridnya yang masih muda itu. Bidang kuasanya adalah tidak terbatas untuk menyelesaikan laporan perbalahan atau aduan, bahkan dia harus sentiasa peka, dan menyelesaikannya, segala sesuatu yang sehubungan dengannya – yang sampai

pada pengetahuannya atau yang dilaporkan kepadanya. Dia tidak ada kuasa untuk menguruskan tuntutan undang-undang secara umum, akan tetapi adalah termasuk di dalam bidang kuasanya berhubung segala sesuatu yang ada sangkut-paut atau dengan segala sesuatu berhubung dengan penipuan dan kecurangan yang ada hubungannya dengan makanan dan sebagainya serta yang ada kaitannya dengan soal timbang menimbang dan sukat menyukat. Di antara bidang tugasnya ialah berusaha membuat orang yang lambat membayar berhutang membayarkan apa yang dihutangnya dan yang seumpama itu yang tidak menghendaki pendengaran bukti atau suatu keputusan hukum, dengan kata lainnya – segala persoalan yang tidak ada kena-mengenanya dengan hakim disebabkan ianya begitu lumrah dan mudah. Kesemuanya itu, dengan demikian adalah dirujukkan kepada orang yang menjawat jawatan penyelia dagangan untuk menyelesaikannya.

Jawatan itu, akhirnya, diletakkan di bawah jabatan kehakiman. Di kebanyakkan kerajaan-kerajaan Islam, seperti Ubaydiyyun – Fatimiyyun di Mesir dan Maghribi serta Bani Umaiyah di Andalusia, (jabatan penyelia dagangan) adalah umumnya berada di bawah bidang kuasa hakim. Beliau berkuasa untuk melantik sesiapa sahaja untuk memegang jawatan itu menurut budi bicaranya. Kemudian, apabila kedudukan raja menjadi terpisah daripada peranan khalifah, dan apabila raja itu secara amnya mengendalikan semua urusan politik, jabatan penyelia dagangan menjadi salah satu jawatan diraja dan suatu jabatan yang terpisah.

Percetakan wang logam

Jabatan pencetakan wang logam (*sikkah*. Ar.) mengurusi wang-wang logam (*nuqud*) yang dipergunakan oleh kaum muslimin dalam urusniaga (perdagangan), dengan menjaga kemungkinan terjadinya penipuan atau kualiti yang rendah apabila jumlah wang yang digunakan dan bukannya berat logam digunakan di dalam setiap urusniaga, dan segala yang bersangkutan dengan kewangan. Selanjutnya, jabatan mengambil berat untuk membubuh cetakan tanda raja pada kepingan wang logam, dengan demikian ia menunjukkan kualiti yang baik dan ketulenannya. Tanda itu ditekankan pada wang-wang logam dengan segel besi yang khusus dibuat untuk tujuan itu dan mempunyai ukiran khusus. Tanda raja itu pun diletakkan di atas dinar dan dirham setelah beratnya yang

tepat sudah dipastikan atau ditetapkan, lalu ia dipukul dengan palu sehingga ukiran-ukiran khusus tercetak di atas wang logam itu. Ini kemudiannya dijadikan tanda bagi membuktikan menunjukkan ketinggian mutunya menurut kaedah peleburan dan ketulenan yang lazim dikenali oleh penduduk di sesuatu daerah yang berada di bawah dinasti yang berkuasa. Piawaian logam bukanlah suatu yang benar-benar dimantapkan, tetapi bergantung kepada ukuran yang bebas. Apabila penduduk-penduduk di sesuatu daerah itu telah memutuskan ketentuan ketulenannya, mereka lantas mengambilnya sebagai dasar dan menyebutkan sebagai "pedoman" atau 'setaraf'. Mereka menggunakannya untuk menguji wang logam mereka. Sekiranya ia didapati tidak mencapai mutu, ini bererti wang logam itu adalah tiruan.

Penyeliaan terhadap kesemuanya ini merupakan tugas orang yang menerajui jabatan pencetakan wang logam. Dalam hal ini, tugas tersebut adalah jabatan agama, dan berada di bawah bidang tugas khalifah. Dahulunya ia juga berada di bawah bidang kuasa kehakiman tetapi kini ia telah menjadi suatu jabatan yang terpisah, sepertimana halnya dengan penyeliaan dagangan (*hisbah*).

Hanya itu sahaja yang boleh dikatakan mengenai kedudukan kekhalifahan. Terdapat beberapa lagi hal lainnya yang telah lenyap apabila hal-hal yang bersangkutan dengannya menjadi langka. Tambahan pula, kedudukan-kedudukan hal yang menjadi peranan sultan selain daripada kekhalifahan. Demikian juga halnya tentang kedudukan amir dan wazir, serta mereka yang ada hubungannya dengan peperangan dan percukaian. Kesemuanya itu akan dibicarakan kemudiannya menurut tempatnya yang sesuai.

Bidang tugas berhubung dengan peperangan jihad didapati tidak lagi diteruskan apabila ianya tidak lagi dilakukan kecuali oleh beberapa dinasti yang mana sebagaimana lazimnya – menggolongkan hukum yang berkenaan dengannya sebagainya berada di bawah kekuasaan pemerintahan, (dan bukannya bidang kuasa seorang khalifah. Begitu juga, jabatan yang bertugas untuk menjaga kebajikan golongan bangsawan yang ada berhubungan dengan khalifah atau hak untuk mendapatkan ganjaran kewangan, menjadi lenyap apabila khalifah itu tidak lagi wujud.

Pada umumnya, penghormatan dan kedudukan khalifah itu bersebati dengan kedaulatan dan kepemimpinan politik. Hal sedemikian adalah keadaan semasa yang wujud di setiap dinasti.

Allah mengubah segala-galanya seperti yang dikehendaki-Nya.

32 Gelaran 'Amirul Mukminin' yang menjadi ciri seorang khalifah

Gelaran itu dicipta pada zaman para khalifah ar-Rasyidun (khalifah pertama daripada empat). Ini adalah disebabkan – para sahabat nabi dan pendahulu Islam memanggil Abu Bakar apabila beliau mendapat *baiat*, sebagai "Wakil" (*khalifah*) kepada Rasulullah s.a.w.. Panggilan yang sedemikian digunakan hinggalah dia meninggal dunia. Kemudiannya *baiat* itu diberikan kepada Umar yang telah dilantik oleh Abu Bakar, dan mereka pun memanggilnya "Wakil kepada Wakil" (*khalifah khalifati*) kepada Rasulullah s.a.w. Namun, mereka dapati bahawa gelaran yang sedemikian adalah sangat melecehkan. Gelaran itu adalah sangat panjang dan mempunyai gelaran yang sukar untuk disebutkan. Dengan bertambahnya khalifah, ia menjadi semakin panjang dan berakhir dengan sebutan yang berbelit-belit. Gelaran yang sedemikian tidak lagi boleh membezakan dan dikenali disebabkan ramainya bilangan penggunanya yang berhak. Dengan demikian, mereka berusaha menggantikan gelaran tersebut dengan gelar yang lebih sesuai terhadap seorang khalifah.

Para pemimpin tentera lazimnya dipanggil "*amir*". Di masa jahiliyah, orang sering menggelar memanggil Nabi Muhammad s.a.w. sebagai "Amir Makkah" dan "Amir Hijaz." [*Para sahabat juga memanggil Sa'ad bin Abi Waqqas "Amirul Mukminin", kerana beliau telah bertindak memimpin pasukan dalam peperangan Qadisiyyah, dan ketika itu umat Islam merupakan masyarakat terbanyak].

Lalu, berlakulah apabila salah seorang daripada para sahabat Nabi Muhammad s.a.w. memanggil Umar dengan sebutan "Amirul Mukminin." Masyarakat Islam ternyata berasa senang hati dengan panggilan itu dan bersetuju untuk terus menggunakan. Dengan demikian, mereka pun memanggil Umar dengan gelaran tersebut. [*Dikatakan bahawa orang pertama yang memanggilnya dengan gelaran demikian ialah Abdullah ibn Jahsy, atau Umar ibn 'sal-'Ash, atau Mughirah ibn Syu'bah. Dalam sebuah riwayat disebutkan bahawa pada waktu pembebasan Kota Makkah, seorang utusan datang ke Kota Madinah dan menanyakan Umar: "Di manakah Amirul Mukminin?" Para sahabat mendengar dan

lantas menyetujuinya. "Anda benar. Demi Allah, itu namanya," kata mereka. "Demi Allah, dia benar-benar Amirul Mukminin." Mereka lalu memanggilnya demikian dan dipergunakan sebagai gelaran untuk Umar oleh kaum muslimin). Para khalifah yang dilantik sesudahnya mewarisi gelaran itu sebagai suatu ciri, yang mana tidak seorang pun daripada daulah Bani Umaiyah menggunakannya. ...

[*Kemudian golongan Syiah mereka nama khusus untuk Ali, iaitu *Imam*. Kata *imamah* – bererti juga *khalifah* – dan sebagai suatu propaganda mazhabnya yang mengatakan bahawa Ali lebih berhak menduduki *imamah* solat daripada Abu Bakar. Ali adalah mazhab dan bidaah mereka, sehingga mereka membuat gelaran tersebut sebagai nama khusus hanya untuknya, dan untuk orang-orang yang menduduki jabatan khalifah sesudahnya. Mereka menyebut semua khalifah dengan nama imam. Demikianlah mereka menyebutnya secara diam-diam sampai pada saatnya mereka dapat menguasai kekuasaan daulah, lalu mereka pun memanggil para khalifah yang berkuasa sesudahnya dengan nama yang telah diubah: Amirul Mukminin, seperti dilakukan oleh para pengikut Syiah Bani Abbas. Mereka masih tetap memanggil para pemuka mereka *Imam*, hingga datang Ibrahim yang secara terang-terangan mempropagandakan dirinya. Dan mereka pun mengibarkan bendera perang untuk merebut kekuasaan dari tangan Bani Umaiyah. Setelah Ibrahim wafat, saudaranya as-Saffah dipanggil Amirul Mukminin. Hal yang sama dilakukan oleh golongan *Rafidlah* di Afrika. Mereka menyebut para pemimpin mereka, putera-putera Ismail, dengan sebutan *Imam* sampai pada saatnya kekuasaan berada di tangan Ubaidillah al-Mahdi. Mereka juga menyebut imam kepada Abul Qasim, putera Ubaidillah. Setelah kekuasaan dapat dikukuhkan, mereka menyebut para pemimpin setelah Ubaidillah dan Abu Qasim dengan Amirul Mukminin. Demikian pula halnya dengan Bani Idris di Maghribi. Mereka menyebut Idris imam, juga puteranya Idris Kecil. Demikianlah ehwal mereka].

Gelaran Amirul Mukminin itu diwariskan daripada seorang khalifah kepada yang lainnya. Ia menjadi ciri raja Hijaz, Syria, dan Iraq, tempat asal bangsa Arab dan pusat dinasti muslim, dan pangkalan Islam dan penaklukan kaum muslimin. Dengan demikian (ia tidak lagi dikagumi) ketika kerajaan Bani Abbas mencapai puncak zaman keemasan, dan satu lagi bahasa sapaan

telah mendapat perhatian, suatu yang dengan sendirinya dapat digunakan untuk membezakan diri seseorang dengan yang lainnya. Sebagaimana gelaran Amirul Mukminin yang pada suatu waktu dahulu sama-sama mereka gunakan. Bani Abbas telah mengambil nama-nama keluarga seperti as-Saffah, al-Mansur, al-Mahdi, al-Hadi, ar-Rasyid, dan seterusnya, yang mana kesemuanya itu diciptakan sebagai suatu tabir untuk melindungi nama sebenar mereka daripada kesalahan pengucapan orang kebanyakan, dan untuk menjaga daripada menjadi bahan persendaan. Mereka meneruskan kebiasaan itu hinggalah ke akhir daulah. Bani Ubaidi (Fatimiyyun) di Ifriqiyah dan Mesir meneladani apa yang mereka telah lakukan.

Bani Umaiyah telah berusaha menghindarkan diri mereka daripada terikut-ikut dengan cara itu. Bani Umaiyah pada zaman permulaan di Timur telah melakukannya, sejajar dengan usaha supaya sentiasa bersederhana dan ala kadar sahaja. Tingkah laku dan aspirasi orang-orang Arab belum lagi diketepikan sewaktu di zaman mereka itu dan Bani Umaiyah masih belum menukar ciri-ciri Badawiah dengan budaya hidup suatu masyarakat yang tinggal secara menetap. Bani Umaiyah di Andalusia juga telah berusaha mengekang diri mereka daripada menggunakan gelaran-gelaran tersebut, ini adalah kerana mereka masih mengikuti tradisi para pendahulu mereka. Namun, mereka menyedari perasaan rendah diri yang ada pada diri mereka, hal sedemikian adalah kerana mereka tidak dapat menguasai khalifah-khalifah yang mana telah dikuasai oleh Bani Abbas, dan mereka tidak berkuasa di Hijaz – pangkalan utama bagi orang Arab dan Islam, dan tidak dapat menjawat jawatan khalifah yang mana berpusatnya perasaan kekitaan bangsa Arab.

Dengan menjadi raja di daerah-daerah yang terpencil itu, mereka hanya berupaya mempertahankan diri daripada penganiayaan yang dilakukan oleh Bani Abbas. Akhirnya, barulah diketahui betapa kebebasan khalifah di Timur itu dengan nyatanya dikekang dan bagaimana para *mawla* kerajaan Abbasiah telah memegang kuasa dan berkuasa mutlak untuk menyingkir, menggantikan, membunuh atau membutakan mata para khalifah. Abd-ur-Rahman yang ke-3 dengan demikian telah meniru apa yang dilakukan oleh para khalifah di Timur dan Ifriqiyah: dengan menggelar dirinya sebagai Amirul Mukminin dan menggunakan nama an-Nashir-li-din Allah. Budaya ini, yang mana beliau adalah

orang pertama yang menggunakannya telah diteladani oleh para khalifah sesudahnya, dan menjadi suatu yang mantap.

Keadaan seperti ini terus berlangsung sehinggalah perasaan kekitaan bangsa Arab telah sama sekali dihancurkan dan khalifah itu sudah hilang identitinya. Para *mawla* bukan Arab telah merampas kuasa daripada Bani Abbas; para pengikut mereka sendiri yang berkuasa ke atas Bani Ubaidia (Fatimiyyun) di Kaherah; Sanhajah menguasai Kerajaan Ifriqiyah; Zenatah berkuasa ke atas Maghribi; dan *reyes de taifas* (raja-raja kecil) di Andalusia berkuasa ke atas Bani Umaiyah. Kerajaan Islam telah dimansuhkan. Raja-raja di Timur dan di Barat telah menggunakan gelaran yang berbeza. Dahulunya mereka itu dikenali dengan gelaran "Sultan".

Raja-raja bukan Arab di Timur dibezakan oleh para khalifah dengan gelaran kebesaran khusus yang menggambarkan sikap patuh dan status baik mereka sebagai pegawai. Nama-nama itu misalnya Sya'afud Daulah, Adladud Daulah, Ruknud Daulah, Muizud Daulah, Nashirud Daulah, Nidzamul Mulk, Bahaud Daulah, Dakhirul Mulk, dan sebagainya. Bani Ubaidi (Fatimiyyun) juga menggunakannya untuk para amir di Sanhajah. Ketika mereka telah dapat menguasai para khalifah, mereka berasa puas hati dengan gelaran-gelaran yang dianugerahi itu dan tidak menggunakan gelaran sebagaimana seorang khalifah sebagai rasa hormat terhadap lembaga khalifah, dan untuk menghindari daripada terjadinya pengambilan ciri-ciri khasnya seperti mana yang selalunya dilakukan oleh orang-orang yang berhasil merampas kuasa dan berkuasa penuh ke atas lembaga itu. Namun, selanjutnya, orang-orang bukan Arab di Timur telah memperkukuh bidang kuasa mereka terhadap kedaulatan, dan semakin diketahui peranannya terhadap negara dan kerajaan. Perasaan kekitaan terhadap khalifah terasa semakin pudar dan akhirnya lenyap sama sekali. Ketika itu orang-orang bukan Arab lebih cenderung untuk menggunakan gelaran yang memaparkan ciri-ciri khusus yang merujuk pada kedaulatan, seperti an-Nashir dan al-Mansur. Ia adalah sebagai tambahan kepada gelaran yang telah mereka miliki sebelum ini dan yang menandakan bahawa mereka tidak lagi menjadi sekadar *mawla* dan pengikut. Gelaran yang mereka tambah ialah "*din*" sahaja, sehingga mereka dipanggil Salahuddin, Asaduddin, Nuruddin.

Sedangkan *reyes de taifas* (raja-raja kecil) di Andalusia, yang

telah berkuasa penuh (terhadap khalifah) berdasarkan bahawa mereka telah mengongsi perasaan kesukuannya, telah berpecah-belah dan mengagihkan gelaran-gelaran khalifah di kalangan untuk diri mereka sendiri. [*Mereka menggelarkan diri dengan an-Nashir, al-Mansur, al-Muktamid, al-Mudzfir, dan lain sebagainya. Sebagaimana nyanyian Ibn Abi Syaraf yang meratapi mereka:

> Yang memuakkan daku atas tanah Andalus
> Di sana nama Muktamid dan Muktadlid
> gelar-gelar kerajaan yang tak pada tempatnya
> Kucing terengah-engah mengisahkan gambar harimau laiknya

Sedangkan Sanhajah pula mengekang diri dan mengekalkan gelaran yang telah diberikan oleh Bani Ubaidi (Fatimiyyun). Seperti Nashirud Daulah, dan Muizud Daulah. Hal itu mereka capai ketika mereka berbalik daripada propaganda Bani Ubaidi dan tampil dengan propaganda Bani Abbas. Kemudian, apabila jarak antara mereka dengan khalifah menjadi semakin jauh, mereka melupakan sahaja gelaran-gelaran itu dan mengehadkan diri mereka dengan gelaran 'sultan'. Hal yang sedemikian dilakukan oleh raja-raja Maghwarah di Maghribi. Gelaran yang mereka kekalkan ialah Sultan, sesuai dengan adat orang-orang Badwi dan kekerasan hidup di padang pasir].

Ketika nama khalifah itu telah pupus, dan tidak berpengaruh lagi, raja Almoravid (Murabithun) Yusuf ibn Tasyifin telah menonjolkan dirinya di tengah suku Barbar di Maghribi. Baginda telah menjadi raja di kedua-dua pantai. Baginda adalah seorang yang baik dan konservatif, yang mana akhirnya demi untuk akur pada tuntutan agama, dengan rela hati telah tunduk pada kekuasaan khalifah. Baginda telah berutus dengan al-Mustadzhir al-Abbasi, dan mengutuskan dua syekh dari Sevilla sebagai dutanya, iaitu Abdallah ibn al-Arabi dan puteranya, Kadi Abu Bakar. Mereka diarahkan untuk menyampaikan *baiat* kepada al-Mustadzhir, dan meminta baginda melantik dan menobatkan Ibn Tasyifin sebagai raja Maghribi. Utusan itu telah pulang dan membawa persetujuan melantik Ibn Tasyifin sebagai raja Maghribi, dan dengan keizinan untuk menggunakan gaya berpakaian diri seorang khalifah dan janjinya. Di dalam dokumen itu khalifah telah menggelar Ibn Tasyifin sebagai "Amirul Mukminin", dengan maksud menghormati dan memuliakannya. Ibn Tasyifin, dengan demikian menggunakan ia sebagai gelarannya. Dikatakan, bahawa

baginda dipanggil "Amirul Mukminin" sejak sebelumnya demi menghormatinya – kerana kedudukannya, di samping sebagai khalifah, juga kerana baginda dan sukunya Bani Murabith (Almoravids) menganut agama Islam serta mengikuti Sunnah).

Mahdi al-Muwahiddun, (Almohads) melanjutkan apa yang dilakukan oleh al-Murabithun (Almoravids). Baginda telah memperjuangkan apa yang menjadi kebenaran. Baginda telah menggelar pengikutnya sebagai al-Mohad (para yang memperjuangkan keesaan Allah s.w.t.). [*Baginda mengikuti mazhab Asy'ariyyah, meratapi penduduk Maghribi yang telah meninggalkan mazhab tersebut kerana mengikuti tradisi kaum Salaf, iaitu mengenai masalah meninggalkan takwil terhadap fenomena syariat dan semacamnya, seperti *tajsim.*

Masalah tersebut sudah terkenal dalam mazhab Asy'ariyyah. Mahdi menyebut para pengikutnya al-Muwahiddun (Almohads, orang-orang yang meyakini *wahdaniyyah* Allah), sebagai pernyataan menentang mereka yang ingkar yang mengemukakan pendapat yang menjurus pada *tasybih* dan *tajsim.* Dia *mengikuti pendapat ahlul-bait*, keluarga Ali, dengan menerima "Imam Maksum" (Sempurna) yang pasti ada di setiap masa, yang eksistensinya menjaga ketertiban dunia. Al-Mahdi adalah orang pertama yang disebut Imam, sesuai dengan mazhab Syiah yang telah kami terangkan terdahulu mengenai gelaran para khalifah mereka. Kata *al-maksum* (sempurna) berhubungan dengan Imam untuk mengisyaratkan ajarannya. Menurut para pengikutnya, dia suci daripada gelaran Amirul Mukminin, dengan alasan mengikuti cara-cara pemuka Syiah terdahulu, dan kerana para cucu keluarga khalifah yang bodoh dan masih hingusan turut campur di dalamnya waktu itu, di Timur...]

Apabila kekuasaan pemerintahan di Maghribi itu hancur dan Zenatah mengambil alih teraju pemerintahan, raja-raja mereka yang terawal telah melanjutkan cara hidup di padang pasir dan kesederhanaannya serta menteladani Bani Murabith (Almoravids) di dalam menggunakan gelaran Amirul Mukminin, semata-mata untuk menghormati kedudukan tinggi khalifah. Pertama, mereka tunduk kepada Bani Abdul Mukmin, dan selanjutnya kepada Bani Abi Hafs. Raja-raja Zenatah yang terkemudiannya telah menggunakan gelaran Amirul Mukminin, dan menggunakannya pada masa ini sejajar dengan aspirasi kedaulatan dan cara serta ciri-ciri kuasa kedaulatan.

Dan Allah menguasai segalanya.

33 Suatu penjelasan tentang perkataan "Pope" dan "Patriarch" dalam agama Kristian, dan tentang perkataan "Kohen" yang digunakan oleh orang-orang Yahudi

Suatu yang harus diketahui ialah setelah berakhirnya para nabinya, suatu golongan di dalam agama itu harus melantik untuk mengurusi hal-hal keagamaan. Orang yang dipertanggungjawabkan itu harus berusaha supaya penganutnya mentaati syariat agama. Daripada suatu segi, mereka bertindak sebagai pengganti nabi mereka, sebagaimana dia dibebankan dengan peranan yang mana nabi mereka telah meminta mereka lakukan. Lebih dari itu, ia adalah sejajar dengan keperluan yang sebelum ini telah dinyatakan supaya ada pemimpin politik di dalam suatu kesatuan sosial, insan itu menghendaki adanya seorang yang dapat menggerakkan dirinya untuk melakukan hal-hal yang baik untuk dirinya dan yang dapat mencegah memudaratkan diri mereka sendiri. Orang yang sedemikian disebut seorang raja.

Dalam masyarakat Islam, jihad (perang suci) merupakan suatu tugas agama, kerana universalisme dakwah Islamiah dan kewajipan untuk mengajak setiap orang masuk Islam, baik melalui bujukan mahupun dengan paksaan. Dengan demikian, khalifah dan kuasa berdaulat menurut kaca mata Islam adalah satu, dengan demikian orang yang dipertanggungjawabkan dapat mengabdikan kekuatan yang ada untuk kedua-duanya secara serentak.

Golongan keagamaan (*mullah*) yang lain tidak memiliki misi universal dan perang suci itu bukanlah yang dituntut oleh agama mereka, ia dimaksudkan tidak lebih daripada bertujuan untuk mempertahankan diri sahaja. Apa yang terhasil ialah orang yang dipertanggungjawabkan dengan agama (selain daripada Islam) sama sekalinya tidak berminat dengan politik kekuasaan. Di kalangan mereka – kedaulatan berkuasa ada pada mereka yang memilikinya – secara kebetulan, dan dalam beberapa halnya ia tidak ada kaitannya dengan agama. Ia datang kepada mereka sebagai – suatu tuntutan perasaan kekitaan, yang mana secara semula jadinya berusaha mendapatkan kedaulatan berkuasa, – sepertimana yang telah kami nyatakan sebelum ini – dan bukan kerana mereka itu dibebani dengan suatu tugas untuk menguasai bangsa-bangsa lainnya sepertimana yang terjadi di dalam Islam.

Mereka hanya dituntut supaya menegakkan syiar agama itu di kalangan mereka sendiri sahaja.

Itulah sebabnya mengapa bangsa Israel sesudah Musa dan Joshua tidak mengendahkan kedaulatan berkuasa selama lebih kurang 400 tahun. Apa yang menjadi perhatian utama ialah untuk menegakkan syiar agama mereka sahaja. Di kalangan mereka – orang yang memainkan peranan utama untuk menegakkan syiar agama ialah Kohen. Dia dalam satu seginya seolah-olah wakil (khalifah) Musa. Dia bertugas untuk menguruskan upacara sembahyang dan pengorbanan yang dilakukan oleh bangsa Israel. Mereka menetapkan satu syarat, agar kohen itu adalah berasal dari keturunan Harun, sebagaimana yang telah ditakdirkan untuknya dan anak cucunya melalui pernyataan Allah s.w.t. Untuk menyelia hal-hal politik yang secara semula jadinya timbul di kalangan manusia, Bani Israel telah memilih 70 orang daripada kalangan dewasa yang diberikan kepercayaan sebagai berkuasa dalam hal perundangan yang bersifat umum. Dalam kedudukan agama, Kohen itu adalah lebih tinggi martabatnya daripada mereka, dan terpisah daripada pergolakan bidang kuasa hukum. Hal sedemikian terus berlanjutan (di kalangan Bani Israel) hinggalah perasaan kekitaan itu menjadi suatu yang benar-benar dapat dirasakan dan seluruh kekuasaan menjadi suatu hal yang bersifat politik. Bani Israel itu telah merampas tanah air bangsa Kanaan yang telah diberikan oleh Allah s.w.t. kepada mereka sebagai warisan mereka di Jerusalem dan di daerah sekitarnya, sebagaimana yang telah diterangkan kepada mereka melalui Musa.

Kemudian, bangsa-bangsa Palestin (Philistines), Kanaan (Canaanites), Armenia (Armenians [!], Urdun (Edomites), Amman (Ammonites), dan Ma'rib (Maabites), bertindak memerangi mereka. Pada waktu itu kepemimpinan politiknya diserahkan kepada yang lebih tua di kalangan mereka. Bangsa Israel berada di dalam keadaan yang sedemikian selama lebih kurang 400 tahun. Mereka tidak memiliki kuasa berdaulat yang sebenar-benarnya, dan selalu diganggu-gugat oleh bangsa-bangsa asing. Dengan demikian, mereka pun bermohon kepada Allah s.w.t. melalui Samuel, salah seorang nabi mereka, agar Dia memberikan izin supaya mereka melantik seseorang daripada kalangan mereka sebagai raja. Maka Thalut (Saul) pun menjadi raja mereka. Dia telah menewaskan bangsa-bangsa asing dan membunuh Jalut (Goliath), raja kepada bangsa Palestin. Setelah Thalut, Daud (David) pula menjadi raja,

dan kemudiannya digantikan oleh Sulaimann (solomon). Kerajaan baginda berkembang maju dan meluaskan daerah hingga ke perbatasan Hijaz dan selanjutnya di daerah perbatasan Yaman dan perbatasan negeri Romawi. Setelah Sulaiman, suku-suku itu berpecah menjadi dua dinasti (negara). Hal ini adalah sejajar dengan pentingnya perasaan kekitaan di dalam negara, sebagaimana yang telah kami terangkan sebelum ini. Salah satu daripada dinasti-dinasti itu adalah 10 suku yang berada di daerah Nablus, ibu kota Samaria (Sabastiyah), dan lainnya ialah diketuai oleh putera-putera Yahudza (Judah) dan Benjamin, di Jerusalem, Nebukadnezzar, raja Babylonia, kemudian merampas daripada mereka kekuasaan seorang raja. Pada mulanya dia bertindak menentangi 10 suku yang terdapat di Samaria, dan kemudiannya berhadapan pula dengan putera-putera Yahudza di Jerusalem. Kedaulatan mereka tidak diganggu-gugat selama 1000 tahun. Dia pun bertindak merobohkan tempat-tempat ibadat, membakar kitab Taurat, dan melenyapkan agama mereka. Penduduknya dipindahkan ke Isfahan dan Iraq. Akhirnya, salah seorang raja Parsi yang bernama Kayyanid (Achaemenid) membawa mereka pulang ke Jerusalem, setelah 70 tahun lamanya mereka meninggalkan tanah airnya. Mereka membina semula tempat-tempat ibadat dan memulihkan agama mereka sebagaimana asalnya dengan para pendeta sahaja. Kuasa berdaulat adalah menjadi hak orang Parsi.

Lalu Iskandar dan orang-orang Yunani menewaskan orang-orang Parsi, dan orang-orang Yahudi pun berada di bawah bidang kuasa bangsa Yunani. Selanjutnya kekuasaan bangsa Yunani mula mundur, dan dengan bantuan perasaan kekitaan semula jadi itu, bangsa Yahudi bangun menentangi bangsa Yunani dan menumpulkan pengaruh dan penguasa orang Yunani ke atas mereka. Kedaulatan orang Yahudi adalah terhadap pendeta-pendeta yang terdiri daripada Bani Hasymanai (Hasmoneans) – yang berada di kalangan mereka. Orang-orang Hasmenea telah bertindak menentangi orang-orang Yunani. Akhirnya, kekuasaan mereka itu dapat dihancurleburkan. Bangsa Romawi pula mengalahkan mereka, dan orang-orang Yahudi kemudiannya berada di bawah penguasaan bangsa Romawi. Orang-orang Romawi mara ke Jerusalem, kampung halaman anak cucu Herodos, hubungan persaudaraan melalui perkahwinan Bani Hasmenea dan waris terakhir dinasti Bani Hasmenea. Selama beberapa waktu mereka telah mengepung

Bani Herodos, akhirnya menakluki Jurusalem dengan kekerasan setelah banyak melakukan pertumpahan darah, kerosakan dan pembakaran. Mereka telah membinasakan Jerusalem (Baitulmaqdis), dan membuang negeri orang-orang Yahudi ke Rom dan di daerah-daerah yang jauh dari itu. Ini adalah kemusnahan kali kedua terhadap Masjid Baitulmaqdis. Orang-orang Yahudi menamakannya, pembuangan negeri secara 'besar-besaran'. Setelah itu, mereka tidak mempunyai apa-apa kedaulatan lagi kerana mereka tidak lagi mempunyai perasaan kekitaan. Selanjutnya mereka berada di bawah penguasaan orang-orang Romawi dan pewaris mereka. Hal-ehwal keagamaan mereka telah diuruskan oleh pemimpin mereka, yang dipanggil *kohen*.

Lalu Isa al-Masih, sebagaimana yang diketahui datang kepada orang-orang Yahudi membawa agamanya. Dia bertindak menghapus sebahagian daripada hukum-hukum yang terkandung di dalam kitab Taurat. Dia melakukan pelbagai keanehan yang amat menakjubkan, seperti menyembuhkan orang-orang yang gila, dan kusta (*barash*), serta menghidupkan orang yang telah mati. Ramai orang menyertai dan mempercayainya. Kumpulan terbesar yang menjadi pengikutnya ialah sahabat-sahabatnya, Hawariyyun (Rasul-Rasul). Mereka adalah seramai 12 orang. Dia telah mengutuskan sebahagian daripada mereka ke seluruh pelosok dunia sebagai utusannya. Mereka telah menyebarluaskan fahaman keagamaan itu (*millah*). Hal sedemikian terjadi pada zaman Augustus, Raja Rom yang pertama, dan masa Herodos, raja bagi orang-orang Yahudi, yang merampas kedaulatan berkuasa daripada Bani Hasmonea, saudara-maranya melalui ikatan perkahwinan. Orang-orang Yahudi berasa iri hati terhadap Isa al-Masih dan menuduhnya seorang pendusta. Raja mereka, Herodos telah mengutas surat kepada kaisar Romawi yakni Augustus, dan menghasutnya supaya memusuhi Isa. Kaisar Romawi telah memberi izin kepada orang-orang Yahudi supaya membunuhnya, dan cerita sebagaimana yang dinyatakan di dalam al-Quran itu pun terjadilah.

Hawariyyun (para Rasul) adalah terbahagi daripada beberapa golongan. Kebanyakan daripada mereka telah berhijrah ke tanah Romawi dan melakukan dakwah untuk menyebarkan agama Kristian. Di antara mereka itu Petrus (Peter) adalah orang yang paling banyak memainkan peranannya. Dia telah bermastautin di Rom, pusat tadbir para kaisar Romawi. Mereka kemudiannya

telah mencatatkan Injil yang telah diturunkan kepada Nabi Isa di dalam empat naskhah, sesuai dengan tradisi periwayatan mereka yang berbeza. Matius (Mathew) menulis Injilnya di Baitulmaqdis dalam bahasa Ibrani (Hebrew). Injil itu diterjemahkan ke dalam bahasa Latin oleh Yohanes (John) putera Zebedee, salah seorang daripada Rasul-rasul. Lukas (Luke) menulis Injilnya dalam bahasa Latin untuk ditatapi oleh pembesar-pembesar Rom. Yohanes, putera Zebedee, menulis Injilnya di Rom. Petrus menulis Injilnya dalam bahasa Latin, dan menganggapnya sebagai diusahakan oleh muridnya Markus. Keempat-empat *naskhah* Injil ini berbeza-beza antara satu dengan yang lainnya. Tidak kesemuanya itu suatu wahyu yang tulen, tetapi Injil yang telah diadunkan dengan kata-kata para Rasul. Apa yang terkandung adalah khutbah-khutbah dan pelbagai kisah. Di dalamnya sedikit sahaja tentang hukum.

Para Rasul pada masa itu telah berkumpul di Rom dan menggariskan kanun untuk masyarakat Kristian. Mereka mempertanggungjawabkan tugas itu kepada Iqlimantus (Clement), seorang murid Petrus, mencatatkan di dalamnya senarai buku yang harus diterima dan sejajar dengannya seseorang itu harus melaksanakannya.

Senarai buku yang termasuk ke dalam hukum agama orang Yahudi purba adalah sebagaimana berikutnya;

Taurat, yang terdiri dari lima jilid.
Buku Joshua.
Buku Para Hakim.
Buku Ruth.
Buku Judith.
Empat Buku Mengenai Raja-raja.
Buku Benjamin.[44] (Chronicles)
Tiga buku Maccabees, oleh Ibn Gorion
Buku Ezra, seorang Pemimpin Agama.
Buku Esther dan kisah mengenai Haman.
Buku Job (Ayub) yang Serba Benar.
Mazmur-mazmur Daud.
Lima buku tentang putera Daud, Sulaiman.
Enam belas ramalan mengenai Nabi-nabi besar dan kecil.
Buku Jesus, putera Sira, menterinya Sulaiman.

Buku-buku syariat Isa – sebagaimana yang diterima oleh para

---

44 Dalam terjemahan F. Rosenthal: Buku (Kitab) Kejadian-Kejadian.

Hawariyun (Para Rasul) adalah seperti berikut:

Empat *naskhah* mengenai Injil.
Buku (Kitab) Paulus yang terdiri dari empat belas surah.
Katolik (Surah-surah Umum) yang terdiri dari tujuh surah, yang kelapan adalah (Tindakan-tindakan) Praxeis, kisah para rasul
Buku Iqlimantus (Clement) yang mengandungi kanunnya
Johanes, putera Zebedee. Buku tentang wahyu yang mempunyai visi.

Tindak-tanduk para kaisar Romawi terhadap agama Kristian adalah berbeza-beza. Pada masa-masa tertentu, mereka menerimanya dan menghormati para penganutnya. Di kala yang lain, mereka tidak memperakunya, bahkan menganiaya penganut-penganutnya, dan membunuh serta membuang daerah mereka yang berkenaan. Akhirnya, Konstantin muncul dan menerima agama Kristian. Sejak itu, semua kaisar Romawi adalah terdiri daripada penganut Kristian.

Ketua (masyarakat) Kristian dan orang yang bertanggungjawab terhadap lembaga-lembaga keagamaan Kristian disebut Petrus (*patriarch.* Ing.). Dialah pemuka agama, dan merupakan wakil (khalifah) Nabi Isa al-Masih di kalangan mereka. Dia mengutuskan wakil-wakil dan pendakwah untuk menemui penganut-penganut Kristian ke seluruh pelosok negeri. Mereka disebut "uskup" (bishop) iaitu wakil Petrus. Mereka yang mengetuai upacara sembahyang, dan membuat ketentuan berhubung dengan masalah agama disebut "pastor" (priest). Manakala mereka yang memencilkan diri daripada masyarakat umum, dan berkhalwat untuk beribadah disebut "biarawan" (monk). Biarawan ini selalunya mencari kedamaian perasaan di biara-biara monastik.

Rasul Peter, ketua Hawariyyun dan pengikut paling lama, berada di Rom dan memantapkan agama Kristian di sana. Nero, kaisar Romawi yang kelima telah membunuhnya. Penggantinya ialah Arius.

Pendakwah Markus telah menghabiskan waktu selama 7 tahun untuk melakukan dakwah di Iskandariah, dan Mesir, dan di Maghribi. Dia telah digantikan oleh Ananias, yang digelar Patriarch (Petrus). Dia merupakan Petrus pertama di sana. Dia telah melantik seramai 12 pastor untuk bersamanya, dan telah ditetapkan bahawa apabila Petrus (Patriarch) mati, salah seorang

di antara yang 12 orang itu akan menggantikannya. Dan seorang lagi di antara yang mukmin akan dipilih untuk menggantikan kedudukannya sebagai pastor yang ke-12. Dengan demikian masalah petrus (patriarch) menjadi urusan para pastor.

Kemudiannya, terjadilah perselisihan pendapat di kalangan orang Kristian mengenai prinsip dasar dan akidah berhubung dengan agama mereka. Mereka telah berkumpul di Nicaea pada zaman Konstantin, dengan tujuan untuk menetapkan doktrin Kristian yang sebenar-benarnya. Seramai 318 orang "uskup" akhirnya bersepakat memutuskan untuk menyetujui doktrin Kristian yang satu dan sama. Mereka telah menuliskannya dan menamakannya "kredo" (The creed). Mereka menjadikannya sebagai prinsip fundamental dan kesemuanya menjadikannya sebagai rujukan. Di antara hal-hal yang telah mereka tetapkan dalam tulisan itu ialah yang berkenaan dengan perlantikan Petrus sebagai pemimpin agama Kristian, tidak rujukan yang harus dibuat kepada ijtihad para pastor, sepertimana yang telah ditetapkan oleh Ananias, murid Markus. Titik pandangan itu telah dimansuhkan. Petrus haruslah berasal daripada suatu golongan besar, dan akan dipilih oleh para pemuka dan pemimpin umat yang beriman. Demikianlah sebagaimana yang berlaku. Kemudiannya suatu perselisihan pendapat lainnya telah berlaku berhubung dengan prinsip-prinsip dasar agama Kristian. Muktamar-muktamar bersangkutan dengan Gereja telah diadakan, tetapi tidak berlaku pertikaian mengenai prinsip dasar tentang metode pemilihan Petrus (Patriarch). Ia kekal sebagaimananya.

Para Petrus lazimnya akan melantik uskup-uskup sebagai wakil mereka. Uskup-uskup itu pada kebiasaannya akan memanggil Petrus dengan sebutan "Bapa" (Father), sebagai tanda menghormati mereka. Para pastor juga turut dipanggil dengan sebutan "Bapa" (Father) oleh para uskup apabila mereka tidak bersama dengan Petrus – sebagai suatu tanda menghormatinya. Penggunaan bahasa gelaran itu pada suatu masa yang agak lama, berakhir, sebagaimana yang dikatakan, dengan Petrus Heraklius di Iskandariyah (Alexandria). Adalah suatu yang dituntut untuk membezakan di antara Petrus dengan Uskup – sebagai tanda menghormatinya – dengan gaya penyapaan. Maka, Petrus dipanggil "Paus", yakni "Bapanya Para Bapa" (Father of Fathers). Nama itu pertama kali muncul di Mesir, menurut teori yang dinyatakan oleh Jirjis ibn al-'Amid dalam *Sejarah*-nya. Ia kemudiannya dilanjutkan

kepada orang yang menduduki jabatan Paus yang terutama, yang terutama (*lih*) uskup Rom, yang merupakan ketua jabatan paus Rasul Petrus, sebagaimana yang telah kami nyatakan sebelum ini. Gelaran paus telah menjadi ciri khas uskup yang terutama hinggalah ke dewasa ini.

Dengan demikian, terdapatnya perselisihan pendapat di kalangan orang-orang Kristian mengenai agama mereka dan Kristologi. Mereka telah berpecah menjadi beberapa golongan dan sekte, masing-masing memperoleh sokongan daripada kalangan raja Kristian. Pada waktu-waktu yang lain terdapatnya, pelbagai sekte atau kelompok. Akhirnya, sekte-sekte ini terbentuk menjadi tiga golongan yang menjadi golongan Kristian. Sementara yang lainnya pula tidak berapa penting. Kelompok itu ialah Melchites (*al-Malakiyyah*), Jacobites (*al-Ya'qubiyyah*), dan Nestorians (*an-Nasthuriyyah*).

Kami berasa adalah tidak wajar untuk mengisi halaman-halaman buku ini dengan pembicaraan tentang dogma-dogma mereka yang kufur. Secara umumnya, ia memang sudah diketahui. Mereka semua adalah kafir. Hal tersebut dinyatakan dengan jelas di dalam al-Quran al-Karim. Bukanlah tugas kami untuk membincangkan atau menyanggah hujah mereka itu. Adalah terserah kepada mereka untuk membuat pilihan sama ada menganut agama Islam, membayar *jizyah*, atau dihukum mati.

Kemudiannya, setiap kelompok itu memiliki Petrusnya sendiri. Petrus (patriarch) Rom kini disebut "Paus". Dia adalah terhasil daripada pendapat sekte Melchite (al-Malakiyyah). Rom adalah menjadi hak orang-orang Kristian Eropah. Kuasa berdaulat mereka adalah ditegakkan di daerah itu.

Petrus yang dihasilkan oleh warganegara Kristian di Mesir adalah dari sekte Jacobites (al-Ya'qubiyyah). Dia bermastautin bersama-sama dengan mereka. Orang-orang Abessinia (Habsyah) mentaati agama orang-orang Kristian di Mesir. Petrus Mesir telah melantik uskupnya kepada orang-orang Abesinia, dan uskup-uskup ini telah menguruskan persoalan tentang agama itu di sana. Gelaran "paus" adalah digunakan khusus untuk Petrus Rom di masa itu. Sekte Jacobites tidak memanggil Petrus mereka "Paus". Perkataan yang dilafazkan ialah *"pappa"*.

Adalah suatu perkara lazim oleh paus sebagai menghormati orang-orang Kristian Eropah dengan menyarankan supaya mereka patuh kepada seorang raja dan meminta pandangannya tentang

penyelesaiannya bagi perselisihan dan kesepakatan, demi mengelakkan daripada terjadinya perbalahan yang berterus sesama sendiri. Tujuan daripada tindakan sedemikian adalah untuk mencapai suatu perasaan kekitaan yang paling kukuh di antara mereka, (yang terpusatkan pada diri seorang raja, supaya baginda mempunyai kuasa keseluruhannya di atas mereka. Raja itu disebut "Maharaja". Dalam upacara perlantikan, secara peribadi paus itu akan meletakkan mahkota di kepala maharaja, demi memberikan restu kepadanya. Maharaja kemudiaannya disebut "yang dimahkotakan". Kemungkinannya inilah apa yang dimaksudkan dengan sebutan 'maharaja'.

Inilah, secara ringkasnya, penjelasan kami mengenai perkataan 'pope' dan 'kohen'.

> Allah s.w.t. memberi jalan sesat kepada siapa yang dikehendaki-Nya, dan Dia pula yang memberi petunjuk kepada orang yang dikehendaki-Nya.

34 Kedudukan kuasa berdaulat (*mulk*) dan kekuasaan pemerintah (*sultan*) serta gelaran-gelaran yang bersangkutan dengan kedudukan itu

Suatu yang harus diketahui ialah, secara sendirinya, raja itu adalah seorang yang lemah, dan memikul tugas beban yang terlalu berat. Baginda haruslah meminta bantuan daripada hamba rakyatnya. Baginda memerlukan bantuan mereka untuk mendapatkan keperluan hidup yang asas dan segala sesuatu yang menjadi keperluannya. Berapa banyak lagi, dengan demikiannya baginda perlukan dalam melaksanakan tugas kepemimpinan politik terhadap bangsanya sendiri, terhadap makhluk dan hamba Allah s.w.t. yang dipertanggungjawabkan kepadanya sebagai rakyat jelatanya. Baginda haruslah membela dan melindungi masyarakat tersebut daripada ancaman pihak musuh. Baginda seharusnya menguatkuasakan undang-undang yang mengekang kalangan rakyatnya, demi menghalangi perbalahan sesama sendiri dan pemusnahan terhadap harta benda. Ini termasuklah memperbaiki keselamatan jalan raya. Baginda harus menggerakkan rakyat supaya bekerja demi kepentingan bersama, dan menyelia. Dia harus mengawasi segala hal umum yang melibatkan penghidupan dan urusan bersama, seperti bahan makanan, timbangan dan

sukatan, untuk mencegah terjadinya penipuan. Baginda harus mengawasi pencetakan wang, demi menghindari daripada terjadinya percetakan wang palsu yang digunakan oleh mereka apabila berjual beli. Baginda dikehendaki melaksanakan tanggungjawab sebagai pemimpin politik, dan membujuk rakyat supaya tunduk kepadanya sebagaimana dia kehendaki dan berasa puas hati, sebagaimana perasaannya terhadap mereka dan hakikat bahawa hanya baginda sahaja yang memiliki semua kemegahan sedangkan hamba rakyatnya pula tidak memiliki apa-apa. Ini memerlukan suatu usaha secara psikologinya adalah sungguh luar biasa. Seorang yang bijaksana telah mengatakan:

> "Memindahkan gunung-ganang dari tempatnya adalah lebih mudah untuk saya lakukan daripada mempengaruhi orang secara psikologi!"

Adalah lebih baik sekiranya bantuan itu diminta daripada orang-orang yang kedudukannya berada hampir dengan raja melalui pertalian keturunan, asuhan yang sama, atau kecintaan yang sedia ada terhadap dinasti. Ini membolehkan orang-orang berkenaan dan rajanya dapat bekerjasama di dalam satu semangat. Firman Allah:

> "Dan jadikanlah untukku seorang pembantu dari keluargaku, (iaitu) Harun, saudaraku. Teguhkanlah dengan dia kekuatanku, dan jadikanlah dia sekutu dalam urusanku".[45]

Mereka yang daripadanya baginda meminta bantuan, boleh membantu baginda dengan pedang, atau dengan pena, atau dengan nasihat dan pengetahuan, atau dengan mengawal orang supaya tidak mengerumuni raja dan mengalihkan perhatiannya daripada bertindak mengurusi masalah-masalah mereka. Raja boleh juga menyerahkan pentadbiran kerajaan kepadanya dan dapat memanfaatkan kecekapan dan kemampuannya untuk menjalankan tugas-tugas itu. Dengan demikian, bantuan yang dipinta oleh raja boleh diberikan oleh seorang insan, atau ianya dapat diagihkan oleh beberapa individu.

Setiap yang berbeza (wahananya) melaluinya bantuan itu dapat diberikan memiliki pembahagian-pembahagiannya yang lain lagi. Pena ('The Pen') mempunyai pecahan-pecahannya, misalnya,

---

45 Al-Quran surah 20 (Thaha) ayat 29–32.

pena tentang kesusasteraan dan surat-menyurat, pena yang menguruskan dokumen rasmi dan tanah negara,[46] dan pena yang menguruskan buku simpanan kira-kira, yang bermaksud pejabat Ketua Jabatan cukai dan elaun-elaun dan juga tentang menteri pertahanan. Pedang mencakupi pembahagian berikutnya, sebagai contoh, pejabat, ketua turus operasi tentera, ketua polis negara, ketua pengarah, perkhidmatan pos, dan pentadbiran daerah-daerah di sempadan negara.

Suatu yang harus selanjutnya diketahui ialah bahawa kedudukan kerajaan dalam Islam adalah berada di bawah naungan kuasa seorang khalifah, sebab lembaga kekhalifahan itu adalah bersifat agamawi dan duniawi. Hukum agama meliputi kesemua (kedudukan dalam kerajaan) dan dipergunakan kepada setiap satunya dalam kesemua seginya, sebab syariat agama adalah menyentuh kesemua tindak-tanduk semua insan.

Ahli fikah (jurists), dengan demikian adalah lebih menumpukan perhatian mereka terhadap kedudukan raja atau sultan dan terhadap syarat-syarat yang mana ianya dipertanggungjawabkan, sama ada dengan cara menguasai khalifah – inilah yang dimaksud dengan sultan – atau melalui khalifah yang memberi mandatnya (kuasanya) – dan inilah yang mereka maksudkan dengan wazir, sebagaimana yang akan diterangkan nanti. (Mereka adalah lebih menitikberatkan) setakat mana bidang kuasa (raja) berhubung dengan persoalan hukum, kewangan dan persoalan politik lainnya baik secara mutlak mahupun secara yang terbatas. Selanjutnya, (mereka juga memandang berat sebab-musababnya) yang mengharuskan dilaksanakan pemecatan terhadap (seseorang raja), sekiranya sebab-sebab tersebut timbul, dan juga terhadap hal lainnya berhubungan dengan raja atau sultan. Ulama fikah juga mempersoalkan semua kedudukan yang berada di bawah naungan raja dan sultan, seperti *wizarah*, pejabat jabatan hasil, dan fungsi-fungsi pentadbiran. Ulama fikah itu haruslah mengambil berat akan kesemuanya itu kerana, sebagaimana yang telah kita sebutkan sebelum ini, dalam Islam khalifah merupakan lembaga hukum syariat (*khalifah syariyyah*), dan dengan demikian memastikan kedudukan raja atau sultan.

---

46 *Iqthaah*, sebidang tanah pajak yang dipotongkan untuk tentera dan diambil hasilnya (lihat *al-Munjid*). Kami menggunakan istilah 'tanah ganjaran' kerana kemiripan ertinya, meski kurang tepat. Dalam terjemahan F. Rosenthal diterjemahkan: *fiets*.

Bagaimanapun, apabila kita membicarakan kedudukan raja dan pemerintah dalam kerajaan, ia tidak akan menjadi sebagaimana yang dituntut oleh lumrahnya dan kewujudan manusia. Ia tidak akan tergolong di bawah aspek hukum agama. Ini, sebagaimana yang semua ketahui, bukanlah menjadi tujuan buku ini. Perkara itu dibincangkan secara terperinci dalam buku-buku berhubung dengan pentadbiran, seperti buku yang ditulis oleh Kadi Abu al-Hasan al-Mawardi, dan ulama fikah lainnya. Sekiranya kita berbicara tentang kedudukan khalifah dan membicarakannya secara tersendiri ia tidak lain daripada bertujuan untuk membandingkan mereka dengan kedudukan dalam kerajaan sahaja, dan bukannya untuk melakukan suatu kajian menyeluruh terhadap status perundangannya. Ini bukanlah tujuan buku yang kami hasilkan ini. Dengan demikian, kami akan membicarakan persoalan itu hanya sebagai kelumrahan peradaban di dalam eksistensi manusia.

Dan Allah s.w.t. pemberi taufik.

Wazir

'Wizrah' merupakan ibu kepada fungsi pemerintahan (kesultanan) dan kedudukan mulia dalam kerajaan. Nama itu sendiri secara mudah bererti "pertolongan".

Telah diterangkan sebelum ini, pada permulaan bahagian ini, bahawa keadaan dan kegiatan seseorang raja adalah terbatas kepada empat bidang:

(1) Mereka boleh mengambil berat mengenai cara dan tujuan untuk melindungi masyarakat, seperti menyelia anggota tentera, persenjataan, gerakan-gerakan tentera, dan persoalan-persoalan lain yang ada hubungannya dengan perlindungan dan pencerobohan. Orang yang dipertanggungjawabkan ialah wazir, sebagaimana istilah yang sering digunakan oleh dinasti kuno di Timur, dan sebagai istilah yang masih digunakan sekarang di Barat.

(2) Atau, mereka menitikberatkan perhubungan dengan orang yang berada jauh daripada raja sama ada oleh ukuran jarak atau oleh masa dan pelaksanaan perintah-perintah berhubung dengan orang-orang yang tidak ada hubungan secara langsung dengan raja. Pelaksana bagi tugas ini adalah seorang setiausaha.

(3) Atau, mereka yang mengambil berat mengurusi persoalan kutipan dan perbelanjaan cukai, dan diamanahkan menjaganya dengan apa cara pun. Orang yang bertanggungjawab ialah ketua, jabatan hasil cukai dan hal-ehwal kewangan. Di Timur sebagaimana pada masa itu ia disebut sebagai wazir.

(4) Atau, mereka yang berperanan mengawasi agar orang-orang yang mempunyai suatu hajat supaya tidak mengerumuni raja, sehingga boleh mengalihkan perhatian baginda daripada menyelesaikan persoalan yang dihadapinya. Tugas ini adalah diserahkan kepada penjaga pintu, atau orang yang mengawal pintu istana.

Kegiatan seseorang raja itu tidak melampaui daripada empat bidang ini. Setiap fungsi kerajaan dan pemerintahan adalah termasuk kepada salah satu di antara empat bidang tersebut. Namun, bidang yang paling penting ialah yang dapat memberi pertolongan umum berhubung dengan segala sesuatu yang berada di bawah pengawasan secara langsung seseorang raja itu. Ini bermakna adanya hubungan yang akrab dengan raja, dan penglibatan di dalam semua kegiatan pemerintahannya. Kesemua fungsi yang melibatkan beberapa golongan manusia tertentu atau beberapa bahagian jabatan adalah dikelolakan oleh yang berpangkat rendah. Di antaranya ialah seperti mengetuai pasukan tentera di daerah perbatasan, pentadbiran beberapa cukai khusus, atau penyeliaan beberapa persoalan khusus, seperti penyeliaan bahan makanan atau pengawasan pencetakan wang logam. Semua kegiatan ini adalah yang berhubung dengan keadaan-keadaan tertentu. Orang yang mengurusinya, dengan demikian, adalah orang-orang bawahan kepada yang bertugas membuat penyeliaan secara umum, dan mereka itu adalah yang lebih berpangkat.

Demikianlah keadaan yang berlaku sebelum bertapaknya zaman Islam. Apabila Islam mula tersebar dan bidang kuasa itu dipertanggungjawabkan kepada khalifah, bentuk-bentuk kuasa berdaulat tidak lagi diwujudkan, dan kesemua fungsinya menjadi lenyap, kecuali hanya sedikit yang bersifat menasihat dan memberikan perundingan yang mana ia adalah suatu yang lazim dan terus diwujudkan kerana kewujudannya adalah suatu yang tidak boleh dielakkan. Nabi Muhammad s.a.w. lazimnya akan meminta nasihat dan bermesyuarah dengan para sahabat baginda mengenai perkara-perkara yang bersifat umum dan khusus. Sebagai tambahannya, baginda meminta nasihat Abu Bakar

mengenai persoalan-persoalan lain yang sifatnya adalah amat istimewa sekali. Beberapa masyarakat Arab yang sudah masak benar dengan keadaan seperti itu sebagaimana di Parsi, Romawi dan kerajaan Abessinia telah menggelar Abu Bakar sebagai 'wazir' Muhammad s.a.w. Sebutan *wazir* (pada mulanya) tidak diketahui oleh kalangan kaum muslimin kerana Islam itu adalah suatu agama yang mengutamakan kesederhanaan dan tidak mementingkan darjah kedudukan. Demikian juga sebagaimana yang dilakukan oleh Umar r.a. dengan Abu Bakar dan Ali, dan Usman dengan Umar.

Tidak ada kedudukan yang khusus di kalangan umat muslimin pada peringkat awalnya bidang pengutipan hasil cukai, perbelanjaan (*infaq*), dan buku simpan kira-kira. Masyarakat muslimin itu adalah orang-orang Arab yang buta huruf (*ummi*. Ar.), yang tidak tahu bagaimana hendak menulis dan menghargai buku-buku. Untuk urusan buku simpanan kira-kira mereka menggajikan *ahl 'l-kitab* – orang-orang Yahudi dan Kristian, atau mawla-mawla bukan Arab yang arif mengenainya. Urusan simpan kira-kira adalah suatu yang mereka kurang arif. Golongan bangsawan juga tidak arif mengenai hal tersebut, kerana buta huruf itu adalah suatu gejala yang sangat menonjol di kalangan mereka.

Begitu juga halnya, tiada wujud suatu jawatan yang khusus di kalangan (umat Islam terawal) di dalam bidang tulis menulis (secara rasminya) dan (catatan dalam bentuk tulisan) sebarang arahan yang hendak dilaksanakan. Mereka adalah buta huruf, dan boleh dipercayai untuk menyimpan sesuatu rahsia dan menyampaikan sesuatu dengan selamat kepada tempat yang ditujukan. Juga, tidak ada persoalan politik yang menuntut khidmat seorang setiausaha sulit, sebab khalifah merupakan persoalan agama dan tidak ada apa-apa kaitannya dengan kuasa politik. Tambahan pula, apabila diberikan kesempatan untuk menemui raja, rakyat akan datang berduyun-duyun menemui raja itu dan ini menyebabkan baginda tidak dapat menumpukan perhatiannya untuk mengurusi persoalan penting berhubung dengan masalah negara. Dengan demikian, raja telah melantik seorang petugas yang tugasnya adalah untuk mengurusi masalah ini dan menggelarnya sebagai "penjaga pintu".

Diceritakan, bahawa ketika Abdul Malik melantik penjaga pintunya, dia berkata:

> "Saya telah melantik kamu untuk menjaga pintu saya, dan engkau bebas bertindak kecuali tiga hal: menjadi muazzin solat, pegawai pos, dan pelayan makanan, supaya tidak menyulitkan."

Kemudian, kuasa berdaulat itu berkembang dengan pesatnya. Penasihatnya (rasmi) dan pembantu kepada hal-ehwal suku dan golongan pun memainkan peranannya. Gelaran wazir pun digunakan. Soal simpan kira-kira dipertanggungjawabkan kepada para mawla, dan orang-orang (kafir) *dzimmi* (orang-orang Yahudi dan Kristian). Untuk menguruskan dokumen-dokumen rasmi, seorang setiausaha khas telah dilantik, sebagai langkah mencegah kemungkinan berlakunya pembocoran rahsia raja, sesuatu yang akan dapat mendatangkan mala petaka kepada peranan baginda sebagai pemimpin politik. Setiausaha ini tidaklah sepenting diri seorang wazir, kerana dia hanya diperlukan apabila ada sesuatu yang hendak ditulis dan bukannya urusan yang boleh dibincangkan secara lisan sahaja. Ketika itu, pembicaraan secara lisan masih dikekalkan sebagaimana keadaan asalnya, dan tidak dicemarkan. Dengan demikian, wazir itu merupakan pangkat paling tinggi di seluruh dinasti Bani Umaiyah. Bidang kuasa wazir adalah sebagai penyelia umum terhadap semua persoalan yang dibawa kepada pengetahuannya dan akan bertindak sebagai tenaga perunding, dan juga semua persoalan lain yang menyentuh pertahanan ataupun serangan. Lanjutannya ialah penyeliaan Jabatan Pertahanan, memberikan gaji kepada anggota tentera pada setiap awal bulan, dan hal lainnya.

Kemudian dinasti Bani Abbas pula yang berkuasa. Kedaulatan (kekuasaan raja) pun berkembang. Jabatan yang ada hubungan dengan kebangsawanan semakin banyak dan tinggi-tinggi belaka. Pada waktu itu, kedudukan sebagai wazir menjadi semakin berpengaruh dan penting. Dia menjadi wakil (khalifah) dalam melaksanakan bidang kuasa eksekutif. Kedudukannya dalam kerajaan menjadi perhatian umum. Semua orang menyanjung tinggi kehadirannya dan tunduk kepada kuasanya. Penyeliaan simpan kira-kira adalah dipertanggungjawabkan kepada wazir, sebab adalah menjadi fungsinya untuk membuat bayaran gaji kepada seluruh anggota tentera. Maka dia terpaksa menyelia pengutipan dan pengagihan wang negara. Selanjutnya, penyeliaan terhadap 'pena' dan utusan rasmi adalah dipertanggungjawabkan

juga kepadanya, demi memelihara rahsia-rahsia raja dan untuk memelihara gaya bahasa yang baik. Sebabnya ialah pada waktu itu gaya bahasa yang digunakan oleh rakyat sudah dicemari. Cap mohor dibubuhkan pada dokumen-dokumen baginda, demi memelihara supaya ianya tidak disebarkan kepada umum. Ini juga dipertanggungjawabkan kepada wazir.

Dengan demikian, nama wazir mencakup fungsi-fungsi 'pedang' dan 'pena', sebagai tambahan keapda fungsinya sebagai pembantu kepada raja. Di zaman ar-Rasyid, Ja'far ibn Yahya dipanggil 'sultan', suatu penyataan betapa umumnya bidang kuasa sebagai orang yang berkuasa menyelia dan peranannya di dalam dinasti. Jawatan kerajaan yang tidak disandangnya hanyalah sebagai penjaga pintu, dan dia tidak menjawatnya kerana dia berasa amat terhina untuk menerima tugas semacam itu.

Kemudian dinasti Bani Abbas memasuki suatu zaman di mana penguasaan terhadap khalifah itu berada di tangan orang yang lain. Penguasaan itu kadang kalanya berada di tangan wazir. Di ketika yang lain pula, ia berada di tangan rajanya. Apabila seorang wazir cukup berkuasa, adalah wajar supaya dirinya dilantik sebagai wakil khalifah demi memenuhi sepenuhnya apa yang menjadi tuntutan syariat.

Pada ketika ini, wizarah telah dibahagikan kepada 'wizarah eksekutif' (*wizarah tanfidz.* Ar. *executive wazir etc.* Ing.) – ini berlaku ketika raja itu dapat menguasai segala yang menjadi hal-ehwalnya dan wazir itu bertanggungjawab untuk melaksanakan apa yang menjadi keputusan baginda dan – 'wizarah yang dilantik' (*wizarah tafwid.* Ar. *delegated wazirate.* Ing.) – yang berlaku apabila wazir itu telah menguasai rajanya dan khalifah telah mewakilkan segala yang menjadi tugas seorang khalifah, menyerahkan segala-galanya untuk penyeliaan dan semata-mata pada kebijaksanaan mereka. Ini menyebabkan timbulnya pendapat yang berbeza sama ada dua orang wazir itu boleh dilantik pada waktu yang sama menjadi 'wizarah yang dilantik'.

Dalam hal itu raja itu terus dinaungi. Raja-raja bukan Arab telah bertindak merampas kuasa. Identiti sebagai khalifah telah lenyap. Mereka yang telah mengambil alih teraju negara itu tidak berminat untuk menggunakan pelbagai gelaran kekhalifahan, dan mereka berasa benci untuk terus mengongsi gelaran yang sama sebagaimana yang digunakan oleh para wazir, kerana para wazir adalah orang-orang suruhan mereka. Dengan demikian, mereka

menggunakan gelaran 'amir' dan 'sultan'. Mereka yang berkuasa terhadap dinasti disebut *amir al-umara'* atau '*sultan*', sebagai tambahan kepada gelaran kebesaran yang suatu ketika dahulu dianugerahi oleh khalifah. Mereka mengekalkan gelaran wazir kepada mereka yang bertugas sebagai pegawai peribadi khalifah. Demikianlah berlangsung keadaan hinggalah di akhir dinasti Bani Abbas.

Sebagaimana pepatah, 'sekali air bah, sekali pasir berubah', ternyata bahasa telah mengalami banyak pencemarannya. Bahasa telah menjadi suatu bidang keahlian yang diamalkan hanya oleh orang-orang tertentu sahaja. Maka, ia pun berada berada pada kedudukannya yang tidak diendahkan dan para wazir berasa tidak sewajarnya untuk mengambil berat. Tambahan pula, para wazir bukanlah orang-orang Arab yang sejati dan tidak pula fasih berbicara (ataupun tidak juga mempunyai keindahan gaya) yang boleh diharapkan daripada cara mereka menggunakan bahasa. Untuk mengisi fungsi ini mereka telah memilih orang-orang yang berasal daripada kumpulan lain untuk melanjutkan usaha itu.

Itulah keahlian mereka yang khusus, dan ia menjadi suatu khidmat yang pada bila-bila sahaja yang dapat disumbang kepada wazir.

Gelaran *amir* adalah diberikan khusus kepada mereka yang bertugas melakukan gerakan-gerakan ketenteraan, dan hal-hal yang bersangkutan dengannya, meskipun amir berkuasa penuh terhadap penjawat-penjawat lainnya dan melaksanakan bidang kuasanya terhadap segala hal, sama ada sebagai wakil raja, ataupun yang berkuasa penuh terhadap kerajaan. Demikianlah keadaan-keadaannya.

Yang terbaharu, dinasti Turki telah mula bertapak di Mesir. Raja-raja Turki menyedari bahawa wizarah telah kehilangan identitinya, kerana para amir telah memperlihatkan kecenderungan untuk memilikinya dan telah menyerahkannya kepada mereka yang berminat untuk memegang jawatan itu sebagai menggantikan khalifah yang telah disisihkan, dan ibarat telah kehilangan taringnya itu. Kekuasaan wazir menjadi suatu yang sekunder kepada para amir. Wizarah telah menjadi sesuatu jabatan yang berada di bawah naungannya dan tidak memainkan peranannya. Akhirnya, orang-orang yang berkedudukan tinggi dalam sesebuah dinasti, (sebagai contoh, para amir), berasa amat terhina untuk menggunakan gelaran wazir. Orang-orang yang bertugas memutuskan

suatu keputusan hukum dan penyeliaan anggota tentera pada masa kini disebut pemangku, (*naib*). Mereka menggunakan gelaran wazir untuk melantik orang yang bertanggungjawab untuk mengumpulkan hasil cukai.

Bani Umaiyah di Andalusia pada mulanya terus menggunakan gelaran wazir sebagaimana penyertiannya yang asal. Kemudian, mereka membahagi-bahagikan fungsi wazir menjadi beberapa bahagian. Untuk setiap peranan itu mereka melantik wazir yang khusus. Mereka melantik seorang wazir untuk menguruskan hal-ehwal kewangan negara; seorang untuk urusan surat menyurat rasmi; seorang untuk menyelia mereka yang teraniaya, dan seorang untuk mengawasi rakyat yang tinggal di daerah-daerah perbatasan. Sebuah pejabat disediakan untuk para wazir itu. Di sana, mereka duduk di atas hamparan permaidani, dan melaksanakan perintah raja, sesuai dengan bidang tugas masing-masing. Salah seorang wazir dilantik menjadi pegawai perhubungan antara para wazir dan khalifah. Martabatnya adalah lebih tinggi daripada wazir-wazir lainnya, kerana dia sering berhubung secara langsung dengan raja. Tempat duduknya adalah lebih tinggi daripada tempat yang diduduki oleh wazir yang lain. Dia dikenali dengan panggilan penjaga pintu (*hajib*). Demikianlah ia berlanjutan hingga ke akhir dinasti Bani Umaiyah. Peranan dan jawatan sebagai seorang hajib adalah lebih dimuliakan daripada penjawat-penjawat yang lain. Akhirnya, *reyes de taifas* (raja-raja thawaif) telah menggunakan gelaran itu. Mereka yang lebih utama pada waktu itu disebut penjaga pintu.

Kemudian, Dinasti Syiah (Bani Ubaidi-Fatimiyyun) wujud muncul di Ifriqiyah dan Qairawan. Rakyat yang mendukungnya adalah mereka yang benar-benar sebati dengan kehidupan di padang pasir (badawiah). Dengan demikian, pada mulanya mereka meremehkan fungsi tersebut, dan tidak menggunakan nama-nama yang patut bagi mereka. Namun, akhirnya, dinasti itu sampai pada peringkat mempunyai budaya hidup menetap, dan (rakyatnya) mengikuti tradisi kedua-dua dinasti yang terdahulu dalam hubungannya dengan gelaran-gelaran, sebagaimana yang terlihat di dalam lembaran sejarah mengenai perkembangan dinasti itu.

Apabila, kemudiannya, dinasti Muwahiddun (almohads) mula berkuasa, pada awalnya mereka meremehkan masalah itu disebabkan sifat hidup yang berteraskan kehidupan di padang pasir itu, tetapi, akhirnya ia juga menggunakan nama dan gelaran

tersebut. Kemudiannya tradisi Dinasti Bani Umaiyah (di Andalusia) diteladani berhubung dengan soal-soal pemerintahan dan gelaran wazir digunakan oleh mereka yang bertugas menemani raja di istananya, dan bertugas memastikan supaya para duta dan tamu yang menghadap raja menggunakan pengucapan yang betul dan panggilan yang sopan, dan supaya cara-cara yang sudah ditetapkan dilaksanakan ketika menghadap baginda. Jabatan sebagai penjaga pintu dianggap oleh pewaris Bani Muwahiddun sebagai satu-satunya jabatan yang paling tinggi. Keadaan sedemikian berlewatan hinggalah ke masa kini.

Dalam dinasti Turki di Timur, pegawai yang bertanggungjawab memastikan supaya hamba rakyat menggunakan panggilan dan pengucapan yang betul semasa di istana dan ketika para duta dibawa menghadap raja, disebut *dawadar*. Bidang tugasnya adalah termasuk mengawasi 'setiausaha peribadi', dan ('yang bertugas sebagai mata dan telinga kerajaan') yang bergiat cergas sama ada jauh dan dekat demi kepentingan rajanya. Demikianlah keadaan dinasti Turki pada waktu itu.

Jabatan penjaga pintu

Kami telah menyebutkan bahawa, dalam dinasti Bani Umaiyah dan Bani Abbas bahawa gelaran sebagai penjaga pintu adalah terbatas kepada orang yang melindungi raja daripada rakyat jelatanya dan tidak mengizinkan mereka menemui baginda, atau hanya dibenarkan, dan pada waktu-waktu yang ditetapkan, sebagaimana yang dia putuskan. Pada waktu itu, jabatan penjaga pintu adalah lebih rendah daripada lain-lain fungsi dan adalah di bawah mereka, sebab wazir boleh campur tangan apabila dia berasa wajar untuk berbuat sedemikian. Begitulah keadaannya semasa zaman Bani Abbas dan keadaan itu terus berlanjutan hingga kini. Di Mesir, penjaga pintu adalah diselia oleh orang yang memegang jawatan yang lebih tinggi, beliau dipanggil *naib*.

Dalam dinasti Bani Umaiyah di Andalusia, penjaga pintu adalah orang yang melindungi raja daripada para pegawai dan rakyat jelata. Dia bertindak selaku pegawai penghubung di antara raja dan para wazir serta pegawai-pegawai lain-lain pangkat. Sewaktu dinasti Bani Umaiyah, jawatan sebagai penjaga pintu merupakan suatu kedudukan yang amat tinggi, sebagaimana yang terlihat di dalam sejarah mereka. Misalnya, Ibn Hadid dan lainnya

yang merupakan penjaga-penjaga pintu dinasti Bani Abbas.

Kemudiannya, apabila kerajaan Bani Umaiyah berada di bawah kekuasaan bangsa lain, orang yang berkuasa disebut penjaga pintu (*hajib*), sebab sebagai jabatan, penjaga pintu merupakan satu-satunya jabatan yang disegani. Demikian perihal al-Mansur ibn Amir dan para puteranya. Selepas mereka muncullah raja-raja *thawaif* (*reyes de taifas*) yang sebahagian besar daripada mereka telah menggunakan gelaran dan cara hidup golongan bangsawan, dan tidak dapat tidak menggunakan gelaran *hajib* dan *dzu l-wizaratayn* (Yang Memiliki Dua Wizarah), – maksudnya wizarah pedang dan wizarah pena. Dengan *hijabah*, mereka menghujahkan bahawa adalah menjadi tugas mereka untuk melindungi raja daripada dikerumuni oleh rakyat biasa dan golongan elit, dan dengan *dzu l-wizaratayn* pada cakupannya terhadap dua jabatan pedang dan pena.

Di dalam kerajaan Maghribi dan Ifriqiyah, gelaran *hajib*, tidak pula disebutkan, di atas sifat kehidupan mereka yang badawiah itu. Pada masa-masanya, tetapi jarang-jarang, gelaran itu terdapat di dinasti Bani Ubaidi (Fatimiyyun) di Mesir. Hal itu terjadi ketika Bani Ubaidi-Fatimiyyun sangat berkuasa, dan telah mencapai suatu peradaban hidup secara tinggal menetap.

Sewaktu Dinasti Muwahiddun, budaya hidup menetap – yang menuntut kepada penggunaan gelaran dan yang memisahkan fungsi kerajaan melalui nama-nama yang sangat menonjol, akhirnya menjadi sesuatu yang mapan. Satu-satunya jawatan yang mereka ada ialah wazir, ia digunakan sebagai setiausaha yang berganding bahu dengan rajanya di dalam mengurusi urusan peribadinya. Sebagai contoh, Ibn Athiyyah dan Abdus Salam al-Kumiy. Wazir juga bertugas mengendalikan buku simpan kira-kira dan semua urusan kewangan. Kemudiannya, gelaran sebagai wazir itu diberikan kepada pewaris Dinasti Muwahiddun, seperti Ibn Jami' dan lainnya. Ketika itu, gelar *hajib* belum lagi diperkenalkan dalam dinasti mereka.

Semasa kerajaan Bani Abi Hafsh di Ifriqiyah, pada mulanya tampuk pimpinan berada di tangan wazir yang berperanan memberikan nasihat dan bimbingan. Dia disebut dengan gelaran '*syeikh al-Muwahiddun*'. Dia bertanggungjawab untuk membuat perlantikan dan memecat para penjawat mengetuai angkatan tentera, dan operasi peperangan. Buku simpan kira-kira dan Jabatan Hasil Dalam Negeri adalah suatu jabatan yang lain,

suatu jawatan yang terpisah. Orang yang mengepalainya disebut *Shahib al-asyghal* (pengurus hal-ehwal kewangan). Dia bertanggungjawab sepenuhnya tentang urusan pendapatan dan perbelanjaan. Dia memeriksa urusan kewangan, mengutip bayaran dan menghukum mereka yang tidak menepati janji membayar hutangnya. Satu daripada syaratnya ialah dia haruslah daripada keturunan Muwahiddun. Pena juga merupakan suatu jabatan yang terasing di bawah bidang kuasa al-Muwahiddun. Jawatan itu hanya diberikan kepada orang yang berpengetahuan yang baik tentang surat menyurat rasmi, dan yang dipercayai boleh menyimpan rahsia. Oleh sebab orang (sebagai yang terhasil di dalam dinasti itu) tidak mempunyai pengetahuan profesional tentang kerja tulis menulis dan penggunaan bahasa yang baik untuk urusan surat menyurat rasmi, suatu keturunan tertentu tidak dijadikan syarat untuk perlantikan ke jawatan itu.

Kedaulatan kuasa raja Bani Abi Hafsh adalah begitu luas, dan bilangan yang menjadi hamba rakyatnya sangatlah banyak. Atas pertimbangan itu, baginda memerlukan seorang pembantu khusus untuk mengurusi apa yang menjadi keperluan istana baginda, yang tugasnya adalah membahagi dan menetapkan gaji, elaun, pakaian, perbelanjaan dapur dan kandang, serta perbelanjaan lainnya. Dia mempunyai kuasa terhadap perbendaharaan dan memberitahu para pemungut cukai supaya menyediakan sejumlah wang yang diperlukan. Dia disebut *hajib* (penjaga pintu). Kadangkalanya, tugas menandatangani dokumen adalah termasuk kepada bidang tugasnya, sekiranya secara kebetulan pula dia memiliki pengetahuan yang baik tentang tulis menulis. Sungguhpun begitu, tugas itu selalunya diberikan kepada orang lain. Ia terus berlangsung sedemikian. Raja mengasingkan dirinya, dan penjaga pintu menjadi pegawai penghubung di antara rakyat dan para pegawai.

Pada tahun-tahun terakhir kerajaan itu, jabatan 'pedang' dan operasi tentera telah dimasukkan pada bidang tugasnya. Ketika ini adalah menjadi tanggungjawabnya untuk memberi pendapat dan pertimbangan. Maka, jawatannya itu menjadi suatu kedudukan yang paling tinggi, dan mencakup semua fungsi pemerintahan. Untuk beberapa waktu setelah pemerintahan Raja Hafsh yang ke-12, kerajaan telah dikuasai oleh orang lain, dan raja terus hidup terasing. Kemudian, cucunya Sultan Abu l-Abbas berjaya mendapatkan kuasa sebagai peneraju negara. Baginda memansuhkan

segala bentuk penyisihan diri dan kekuasaan (luar) dengan menghapuskan jawatan *hijabah*, yang menjadi batu loncatan untuk memperoleh kekuasaan penuh terhadap negara. Baginda menangani sendiri semua persoalan, tanpa meminta bantuan siapa pun. Demikianlah situasi pada masa itu.

Di antara daulat Zenatah di Maghribi – yang penting adalah daulat Bani Marin – tidak pula terlihat bekas gelaran *hajib*. Kepemimpinan operasi peperangan dan ketenteraan berada di bawah bidang kuasa wazir. Pangkat 'Pena', sejauh ada hubungannya dengan buku simpan kira-kira dan surat menyurat rasmi, adalah dikuasai oleh orang yang menguasai bidang ini dengan baik, meskipun ia menjadi milik peribadi kalangan tertentu di dalam kerajaan itu. Kadang-kadang, jawatan itu kekal (dalam keluarga yang sama), dan ada ketikanya ia berpindah ke tangan orang lain. ...

[*Gelaran-gelaran ini, pemberian nama tersendiri pada jabatan, tidak terlihat bekasnya di dalam daulat Bani Abdal Wadd, kerana sikap Badawiah dan kecilnya daulat mereka. Namun, pada keadaan tertentu mereka mengkhususkan gelaran *hajib* kepada pelayan peribadi raja, sebagaimana terjadi pada daulah Bani Abi Hafsh. Kadang-kadang mereka bebankan tugas menjaga simpan kira-kira dan surat menyurat secara bersama-sama kepadanya, tergiring oleh tradisi yang mereka ikuti dan mereka propagandakan sejak mula berdirinya negara itu.]

Pada masa ini, orang-orang Andalus memanggil orang yang mengurusi simpan kira-kira dan yang menguruskan kegiatan raja serta semua persoalan kewangan baginda sebagai wakil (pengurus). Wazir memiliki tugas yang sama seperti biasanya dimiliki oleh wazir, tetapi dia juga bertanggungjawab terhadap semua surat menyurat rasmi. Raja menandatangani semua dokumen. Maka, orang-orang Sepanyol tidak memiliki jabatan yang berasingan sebagai pembubuhan tandatangan pada dokumen (*alamah*) sebagaimana dimiliki oleh daulat-daulat yang lain.

Dalam kerajaan Turki di Mesir, gelaran penjaga pintu (*hajib*) diberikan kepada penguasa (*hakim*) daripada kalangan orang yang memperoleh kekuasaan (*ahl al-syawkah*), iaitu orang-orang Turki. Para penguasa tersebut haruslah menguatkuasakan hukum di kalangan penduduk kota. Bilangan *hajib* itu sangatlah ramai. Jawatan *hajib* pada pandangan orang-orang Turki adalah lebih rendah daripada *naib*, mereka memiliki bidang kuasa umum terhadap golongan yang berkuasa dan rakyat jelatanya.

Naib mempunyai kuasa untuk melantik atau memecat penjawat tertentu pada waktu yang bersesuaian. Dia boleh memberi dan menentukan gaji. Perintah dan arahannya dilaksanakan sebagaimana titah perintah seorang raja. Dia adalah wakil raja dalam segala halnya. Penjaga pintu (*hajib*), sebaliknya pula memiliki bidang kuasa terhadap rakyat jelata, dan ke atas para anggota tentera apabila ada aduan dibuat terhadap mereka. Mereka boleh menggunakan kekerasan terhadap orang yang tidak mahu tunduk kepada keputusan yang (mereka) buat.

Dalam kerajaan Turki, wazir merupakan orang yang bertugas mengumpulkan pelbagai bentuk cukai: cukai tanah, cukai kastam, dan cukai untuk memperoleh hak memilih (*kharaj, maks, jizyah*). Dia juga bertanggungjawab untuk mengagihkan pendapatan daripada hasil kutipan cukai itu untuk membayar semua perbelanjaan negara, dan membayar upah tetap kepada anggota tentera dan para penjawat kerajaan. Sebagai tambahan, dia berkuasa untuk melantik atau memecat sesiapa sahaja, apa pun pangkatnya dan golongan, yang bersangkut paut dengan pengutipan dan perbelanjaan. Telah menjadi suatu kelaziman bahawa orang-orang Turki dilantik menjadi wazir daripada kalangan orang-orang Qibthi (Kopta), yang bertugas menyelia buku kira-kira dan kutipan cukai, sebab di Mesir mereka sudah biasa dengan urusan itu sejak zaman dahulu kala lagi.

Pada ketika tertentu, raja akan melantik salah seorang daripada kalangan yang berkuasa (*ahl al-syawkah*) untuk menyandang jawatan itu, salah seorang daripada orang Turki yang tertua atau keturunan mereka, apabila didapati perlu.

> Allah mengatur segala hal, dan mengubahnya dengan hikmat-Nya. Tiada Tuhan selain Dia, Tuhan orang-orang yang pertama dan yang terakhir.

Jabatan operasi kewangan dan kutipan cukai

Jabatan hasil cukai merupakan sebuah jabatan penting bagi suatu kerajaan. Jabatan ini menitikberatkan tentang pengutipan cukai. Ia mempunyai senarai hak-hak negara mengenai masalah pendapatan dan perbelanjaan. Ia mengambil nama-nama anggota tentera, menetapkan gaji mereka, serta membayar elaun mereka tepat pada waktunya. Dalam hubungan ini mereka berpandukan kepada

ketentuan yang telah ditata oleh ketua pengutipan cukai, dan para pesuruh dinasti. Semua itu telah dicatatkan di dalam sebuah buku yang memuat seluruh perincian mengenai jumlah kutipan dan perbelanjaan. Ia didasarkan kepada kemampuan akauntansi, yang hanya dikuasai oleh orang yang memiliki kemampuan yang mantap dalam hal pemungutan cukai. Buku itu disebut, *Diwan*. Pada waktu yang sama, perkataan dewan merujuk kepada tempat di mana pejawat-pejawat yang mengendalikan urusan ini mempunyai ibu pejabatnya.

Jabatan ini diketuai oleh seorang pejawat. Dia menyelia semua yang ada kaitan dengannya. Setiap cabang mempunyai penyelianya sendiri. Di beberapa kerajaan, pengawasan terhadap para tentera, tanah-tanah sew, an tentera (*iqthaat*), penghitungan upah-upah mereka, dan yang sehubungan dengannya, dibentuk sebagai jabatan yang tersendiri, sesuai dengan istilah yang diwujudkan berlaku di negara itu, dan yang dinyatakan oleh para penciptanya terdahulu.

Jabatan pengutipan hasil cukai ini akan terbentuk di dalam sesebuah negara itu hanya apabila kekuatan dan 'superiority'nya, serta kepentingan mereka di dalam pelbagai aspek kedaulatan dan di dalam urusan pentadbiran yang cekap telah dapat diperkukuhkan. Orang pertama yang mewujudkan *Diwan* di negara Islam ialah Umar. Dikatakan, bahawa sebabnya ialah apabila didatangi oleh Abu Hurairah dengan membawa sejumlah wang daripada al-Bahrayn. Kaum muslimin berpendapat bahawa wang itu adalah sangat banyak, dan berasa agak sukar untuk membahagi-bahagikannya. Mereka cuba menghitung wang itu dan memikirkan bagaimana wang itu boleh digunakan untuk membayar upah dan tuntutan-tuntutan. Pada masa itu, Khalid ibn Walid telah mencadangkan supaya diwujudkan *Diwan*. Katanya,

> "Saya telah melihat raja-raja Syria memanfaatkan *Diwan*."

Dan Umar telah menerima apa yang disarankan oleh Khalid itu.

Ada pula yang mengatakan bahawa orang yang menasihati Umar supaya memanfaatkan *Diwan* adalah al-Hurmuzan.* Ba-

---

* Pemerintahan kerajaan al-Ahwaz, baginda ditawan sewaktu peperangan terhadap Iraq.

ginda menyedari bahawa bala tentera telah dikerahkan tanpa mempunyai *Diwan* (satu senarai menyeluruh). Baginda telah bertanya Umar,

> "Siapakah yang akan tahu jika sebilangan (tentera) itu menghilangkan dirinya.

Mereka yang tinggal akan meninggalkan tempatnya, dan menggelapkan wang yang telah diperuntukkan sebagai ganjaran perkhidmatan mereka (sekiranya mereka mempunyai anggapan bahawa kehilangan mereka itu tidak akan disedari). Hal yang semacam itu sewajarnya dicatatkan di dalam sebuah buku. Dengan demikian, telah mengadakan sebuah dewan untuk mereka. Umar kemudiannya telah bertanya apa yang dikatakan *Diwan*, dan ia telah dijelaskan kepadanya. Kemudian, dia pun menyuruh – Aqil ibn Abi Thalib, Makhramah ibn Taufal, dan Jubair ibn Math'am – setiausaha-setiausaha Quraisy – supaya mencatatkan *Diwan* untuk tentera Islam. Ia dicatatkan secara tertib mengikut urutan salasilah dan dimulai dengan kerabat Rasulullah s.a.w. dan dilanjutkan dengan catatan berhubung dengan tahap perhubungannya. Demikianlah bermulanya penugasan *Diwan* di dalam pasukan tentera. Az-Zuhriy meriwayatkan daripada Sa'id ibn al-Musayyab yang menyatakan bahawa peristiwa itu terjadi di bulan Muharam tahun ke-20.

Pada mulanya jabatan (*Diwan*) cukai tanah (*kharaj*) dan kutipan cukai (*jibayat*) di Iraq menggunakan bahasa Parsi dan di Syria dengan bahasa Yunani Byzantium. Para setiausaha *Diwan* itu adalah orang Islam yang menjadi rakyat kepada kedua-dua golongan tersebut. Lalu, dengan munculnya Abdul Malik ibn Marwan, bentuk negara berubah kuasa berdaulat (*mulk*). Cara hidup rakyat jelata berubah daripada kehidupan di padang pasir yang serba kekurangan kepada budaya hidup menetap yang serba mewah, dan daripada kesederhanaan buta huruf kepada kecanggihan aksarawi. Di kalangan orang-orang Arab dan mereka yang berada di bawah perlindungan (*mawla*) muncul para ahli tulis menulis dan yang arif tentang pengendalian buku simpan kira-kira. Maka, Abdul Malik telah menugaskan Sulaiman ibn Sa'ad, Gabenor Wilayah Jordan pada ketika itu supaya *Diwan* Syria menggunakan bahasa Arab. Sulaiman melaksanakan tugas penggunaan bahasa itu genap dalam masa setahun daripada hari pertamanya.

Sarhum, setiausaha Abdul Malik, pernah mengatakan di hadapan para penulis Romawi:

> "Carilah penghidupan selain keahlian ini. Allah telah memutus keahlian ini daripada mata pencarian anda."

Mengenai *Diwan* di Iraq, al-Hajjaj telah memerintahkan setiausahanya Salih ibn Abdur Rahman – yang dapat menulis dalam bahasa Arab dan Parsi – supaya menggunakan bahasa Arab. Salih telah melaksanakan apa yang diperintahkan oleh al-Hajjaj, dan mula menggunakan bahasa Arab di dalam *Diwan*, mengatasi keengganan setiausaha al-Hajjaj sebelumnya, Zadan Farrukh. Salih telah dilantik oleh al-Hajjaj setelah kematian Zadan dalam suatu peperangan bersama Abdur Rahman ibn al-Asy'ats. Dengan perubahan bahasa itu, setiausaha Parsi berasa tidak senang hati kerana telah kehilangan sumber mata pencarian hidup mereka. Abdul Hamid ibn Yahya mengatakan:

> "Sungguh, sedikit kebaikan yang ada pada Salih itu, tak banyak perhatiannya terhadap setiausaha-setiausaha itu."

Kemudiannya, di dalam kerajaan Bani Abbas, jabatan tersebut dibebankan kepada wazir. Beliau bertanggungjawab menyelia orang-orang yang dipertanggungjawabkan ke atasnya. Demikianlah perihalnya para putera Barmak, putera-putera Sahl ibn Naubakht, dan para wazir kerajaan Bani Abbasiyah lainnya.

Jabatan tersebut memiliki bahagian terbesar daripada seluruh kekuasaan raja (*mulk*). Bahkan, ia merupakan tiang ketiga daripada rukun-rukunnya yang dasar. Kuasa berdaulat itu menghendaki adanya para perajurit, wang, dan kemudahan yang boleh menghubungkan dengan mereka yang tidak hadir. Raja itu, dengan demikian – memerlukan khidmat orang-orang yang akan membantunya mengurusi persoalan yang berkenaan dengan 'pedang', 'pena', dan wang. Maka, orang yang memegang jawatan sebagai pengutipan cukai memiliki peranan yang besar di dalam soal kuasa berdaulat bagi kepentingan dirinya sendiri.

Demikianlah sebagaimana yang terjadi di bawah kerajaan Bani Umaiyah di Andalus, dan di bawah pemerintahan pewaris-pewarisnya, *reyes de taifas*. Di dalam kerajaan Muwahiddun, orang yang menerajui jabatan itu adalah seorang Muwahid. Dia mempunyai kuasa mutlak untuk mengenakan, mengutip, dan

menyimpan wang, serta mengawasi kegiatan pegawai serta wakil-wakilnya dan kemudian membelanjakannya sesuai dengan jumlah yang telah ditentukan dan pada waktunya yang wajar. Dia dikenali sebagai *Shahib al-asyghal* (pengurus bahagian kewangan). Kadangkalanya, di beberapa tempat, jabatan itu diuruskan oleh orang yang memiliki pengetahuan yang baik mengenai hal itu, meskipun dia bukan seorang Muwahid.

Bani Abi Hafsh telah berkuasa di Ifriqiyah pada masa berlakunya penghijrahan beramai-ramai meninggalkan Andalusia. Tokoh-tokoh Andalus yang dibuang negeri telah datang kepada Bani Hafsh. Di antara mereka itu ada yang pernah melakukan pekerjaan ini di Andalusia, seperti Bani Sa'id, penguasa-penguasa Alkala (*al-Qal'ah*) dekat Granada, yang dikenal dengan Bani Abi l-Husain. Bani Hafsh menyerahkan kepada mereka tugas menyelia hasil kutipan cukai, sepertimana yang telah mereka lakukan di Andalusia. Mereka dan keturunan Muwahiddun telah dilantik secara silih berganti untuk melaksanakan tugas tersebut. Kemudian, para akauntan dan setiausaha mengambil alih jawatan itu, dan kaum Muwahiddun pun kehilangan peluang pekerjaan itu. Apabila peranan sebagai penjaga pintu (*hajib*) menjadi begitu penting dan bidang kuasa eksekutifnya melampaui keseluruh bahagian pentadbiran negara, lembaga *Shahib al-asyghal* akhirnya menjadi tidak berpengaruh. Orang yang memegang jawatan itu dikuasai oleh penjaga pintu (*hajib*) dan menjadi tidak lebih daripada seorang pengutip cukai sahaja. Dia telah kehilangan bidang kuasa yang pada suatu waktu dulu pernah dia miliki.

Semasa kerajaan Bani Murain (Merenid) pula, pengiraan hasil cukai tanah dan gaji para tentera adalah diuruskan oleh seorang penjawat. Dia memeriksa semua belanjawan kewangan. Bantuan ialah *Diwan*nya, dan bidang kuasanya adalah pada tahap kedua kepada kekuasaan raja atau wazir. Tandatangannya menjadi pengesahan terhadap pengiraan hasil cukai tanah dan pembayaran gaji para anggota tentera.

Inilah kedudukan dan fungsi-fungsi utama pemerintahan. Kesemuanya itu adalah jawatan-jawatan tinggi yang melibatkan pelaksanaän bidang kuasa secara umum dan yang ada hubungan langsung dengan raja.

Di dalam kerajaan Turki, peranan tersebut adalah dibahagi-bahagikan. Orang yang bertanggungjawab mengurusi *Diwan* (gaji tentera) dikenal sebagai inspektor tentera (*nadzir al-jaysy*). Orang

yang bertugas mengurusi soal kewangan disebut wazir. Dia ada kuasa untuk mengawasi *Diwan* yang ada kaitannya dengan hasil kutipan cukai. Ia adalah kedudukan tertinggi di kalangan orang-orang yang bertanggungjawab mengurusi soal kewangan. Di kalangan orang-orang Turki, penyeliaan soal kewangan diagih-agihkan ke beberapa penjawat, kerana kerajaan itu mempunyai daerah takluk yang tersebar luas dan melaksanakan pemerintahan yang utuh, wang dan hasil negara adalah terlalu banyak untuk diuruskan oleh seorang sahaja, mesti pun dia berkemampuan untuk melakukannya. Dengan demikian, dilantik seorang wazir untuk melakukan pengawasan umum terhadap soal kewangan. Meskipun kedudukannya sangat penting dia berada pada martabat kedua mawla-mawla raja, yang sudah termasuk ke dalam *ashabiyah* raja, dan tergolongan di dalam golongan ketenteraan, dan dikenali sebagai *Ustadz-ad-daulah.*[47] Penjawat ini bermartabat lebih tinggi daripada para wazir, yang melaksanakan apa sahaja untuk mencapai apa yang dia mahukan. Dia merupakan salah seorang daripada para amir yang berpengaruh di dalam kerajaan itu dan termasuk ke dalam golongan tentera dan kasta ketenteraan.

Fungsi-fungsi lainnya adalah diletakkan dibawah penyeliaan wazir di kalangan orang-orang Turki. Kebanyakan mereka adalah cenderung kepada soal-soal kewangan dan simpan kira-kira, dan adalah terbatas mengikut bidang kuasa mereka kepada persoalan-persoalan yang khusus. Yakni, sebagai contoh, inspektor dana khusus (*nadzir al-khash*) iaitu seorang yang mengendalikan hal kewangan raja, seperti yang membabitkan tanah-tanah yang menjadi bahagiannya (*iqrhaat*), atau saham-sahamnya di dalam cukai tanah (*kahraj*), dan tanah-tanah yang dikenakan cukai yang tidak termasuk bahagian daripada harta umum yang menjadi milik kaum muslimin. Dia berada di bawah penyeliaan amir, *Ustadz-ad-dar*, tetapi sekiranya wazir itu seorang tentera, maka *Ustadz-ad-dar* itu tidak mempunyai wewenang ke atasnya. Inspektor dan khusus yang juga berada di bawah bidang pengawasan bendahari yang mengurusi harta raja, salah seorang di antara orang suruhannya (*mameluk*), yang dipanggil *Khazin-ad-dar* (bendahari), kerana jawatannya adalah khusus mengenai harta benda raja. Demikian

47 Dalam terjemahan F. Rosenthal, kata ini ditulis *Ustadz-ad-dar*, yang pada paragraf berikut dari *Muqaddimah* yang kami terjemahkan ini ditulis demikian pula.

lah penjelasan tentang peranan pengurusan kewangan yang digunakan oleh kerajaan Turki di Timur. Sebelum ini telah diterangkan persoalan yang sama sebagaimana yang terdapat di Maghribi.

Allah s.w.t. pengatur segala-galanya. Tiada Tuhan selain Dia.

Jabatan perutusan rasmi dan penulisan

Jabatan ini adalah tidak diperlukan berdasarkan secara semula jadi oleh kuasa berdaulat. Banyak kerajaan berupaya mengetepikan kewujudannya sama sekali, yakni, sebagai contoh, dinasti-dinasti yang berakar umbi di padang-padang pasir yang mana ia belum dicemari oleh perkembangan budaya tinggal menetap dan perkembangan kemajuan yang tinggi.

Di dalam kerajaan Islam, keadaan bahasa Arab dan kebiasaan untuk menyatakan sesuatu hal melalui cara yang paling baik menekankan perlunya kewujudan jabatan seperti itu. Dengan demikian, tulis menulis (*kitabah*) menjadi cara untuk menyampaikan, sebagai suatu keperluannya, saripati sesuatu hal dalam bentuk yang lebih teratur daripada yang boleh diungkapkan secara lisannya. Setiausaha kepada seorang amir (Arab) lazimnya adalah kaum kerabatnya dan merupakan seorang yang berpengaruh di dalam sukunya. Demikianlah yang terjadi di kalangan para khalifah dan orang-orang yang terkemuka di kalangan sahabat Muhammad s.a.w. di Syria dan Iraq, sebabnya mereka adalah sangat amanah dan memiliki kebijaksanaan yang tulen.

Apabila ketulenan bahasa itu banyak dicemari dan kemahiran menggunakannya menjadi suatu yang harus dipelajari, jabatan itu telah dipertanggungjawabkan kepada mereka yang benar-benar dapat menguasai bahasa Arab. Di bawah pemerintahan Bani Abbas, jabatan itu adalah sangat disegani. Setiausahanya mengeluarkan dokumen tanpa sebarang kerumitan dan menurunkan tandatangan di bawahnya. Dia kemudiannya menutup dokumen-dokumen tersebut dengan segel (*khatam*) raja. Segel itu ditekankan pada tanah liat merah yang dicampurkan dengan air, dan disebut segel tanah liat. Dokumen itu dilipat dan digamkan, selanjutnya kedua sisinya disegel. Kemudian, dokumen-dokumen diedarkan atas nama raja, dan setiausaha menurunkan tandatangannya (*'alamah*) pada permulaan atau di akhir dokumen tersebut. Dia

boleh memilih di mana hendak diletakkan, begitu juga dengan lenggok bahasanya.

Selanjutnya, jabatan itu telah kehilangan pengaruh apabila ada pegawai di jabatan lain yang mendapat penghargaan daripada raja, atau disebabkan wazirnya mempunyai pengaruh yang menonjol terhadap raja. Tandatangan setiausaha menjadi suatu yang tidak lagi berkesan (sebagai tanda kuasa) dan digantikan dengan tandatangan pihak atasannya, dan keadaan ini dianggap sesuatu yang mutlak. Setiausaha akan menurunkan tandatangannya yang rasmi tetapi tandatangan pihak atasannya yang menjadikan dokumen itu sah. Keadaan yang sedemikian terjadi pada akhir pemerintahan daulah Bani Abi Hafsh, apabila jawatan penjaga pintu (*hijabah*) adalah lebih dipercayai, dan mereka bertindak sebagai wakil raja, dan kemudian berkuasa penuh terhadapnya. Tandatangan yang diperturunkan oleh setiausaha menjadi kurang berkesan, tetapi masih diletakkan pada dokumen-dokumen sebagai menyatakan bahawa pada waktu dahulu ini adalah penting. Penjaga pintu membuat peraturan supaya setiausaha menandatangani surat-suratnya dengan menyertakan suatu catatan (*khat*), di mana dia boleh memilih apa cara pun untuk membetulkannya sesuai dengan yang dimahukan. Setiausaha mematuhi arahan itu dan meletakkan tanda-tanda sebagaimana yang dikehendaki. Selagi raja dapat memainkan peranannya, baginda akan menyelianya sendiri dan menetapkan supaya setiausaha akan menurunkan tandatangannya.

Salah satu peranan jabatan setiausaha ialah *tawqi*. Maksudnya ialah, setiausaha akan duduk di hadapan raja sewaktu berlangsungnya pertemuan dengan orang ramai dan mencatat segala butir. Seringkalinya dengan kata-kata yang tepat dan dengan gaya bahasa yang baik, keputusan yang diterimanya daripada raja mengenai pengaduan yang diajukan. Ketetapan itu kemudiannya diberikan sebagaimana asalnya, atau kemudiannya dibuatkan salinan yang harus menjadi milik si pengadu. Orang yang membuat *tawqi* adalah perlu sekali memiliki pengetahuan bahasa yang sangat baik (*balaghah.* Ar. *stylistic skill.* Ing.).

Ja'far ibn Yahya sering ditugaskan untuk membuat *tawqi* berdasarkan pengaduan yang disampaikan kepada ar-Rasyid, dan akan menyerahkan pengaduan itu (dengan *tawqi*nya) kepada pengadunya. Para ahli *balaghah* berlumba-lumba untuk mendapatkan *tawqi*nya dengan niat untuk mengetahui pelbagai cara dan

jenis-jenis yang baik daripadanya. Hingga dikatakan bahawa setiap pengaduan (hasil daripada *tawqi* yang dibuat oleh Ja'far ibn Yahya) dijual dengan harga satu dinar. Demikianlah berlangsungnya perkara yang seumpama itu oleh (pelbagai) dinasti.

Mereka yang dipertanggungjawabkan untuk memainkan peranan ini adalah dipilih daripada kalangan atasan, dan seorang yang berhemah tinggi yang terhasil daripada ilmu pengetahuannya yang banyak dan memiliki kemampuan menggunakan bahasa yang baik. Dia haruslah berusaha menguasai cabang-cabang utama ilmu pengetahuan, sebab hal semacam itu mungkin timbul sewaktu perjumpaan dan pertemuan dengan raja. Tambahan pula, untuk bergaul dengan raja-raja, seseorang itu haruslah mempunyai kelakuan yang sedap dipandang dan memiliki pembawaan diri yang baik. Dan dia haruslah mengetahui rahsia *balaghah*, berupaya menulis surat, dan berkemampuan untuk memikirkan perkataan-perkataan yang mencakup erti yang dimaksudkan.

Di sesetengah kerajaan, jawatan sebagai seorang setiausaha dipertanggungjawabkan kepada anggota tentera, sebabnya ialah, secara semula jadinya, dia tidak mempunyai kecenderungan terhadap ilmu pengetahuan, atas dasar kesederhanaan perasaan kekitaan sebagaimana yang terjalin di kalangan mereka. Seseorang raja biasanya menganugerahkan kedudukan dan pangkat kepada orang-orang yang mengongsi perasaan seresamnya (*ashabiyah*). Perlantikan untuk menjawat jawatan pengurusan kewangan, 'pedang', dan jabatan setiausaha, adalah dipilihkan daripada kalangan mereka. 'Pedang' tidak menghendaki apa-apa pembelajaran. Tetapi, pengurusan kewangan dan kesetiausahaan menghendaki pendidikan. Kesetiausahaan memerlukan gaya yang baik dan pengurusan kewangan menghendaki keupayaan melakukan kira-kira. Dengan demikian, raja akan memilih mereka yang berasal daripada kalangan yang terpelajar, apabila mereka memang diperlukan, dan memberikan kepercayaan untuk mengurusinya. Namun, ada[48] kekuasaan lain yang diperlakukan oleh orang-orang yang masuk dalam solidariti sosial raja membawahi kekuasaan setiausaha, dan segala tindak-tanduknya berada di bawah pengawasan atasannya,

---

48 Teks aslinya berbunyi tidak ada, dengan tambahan kata *la* bahasa Arab yang ertinya *tidak*. Teks asli demikian kontradiktif dengan maksud yang dikandung. Di dalam *tahqiq*nya Dr. Abdul Wahid Wafi membuang kata *la* tersebut. Demikian pula yang kita dapatkan dalam terjemahan F. Rosenthal.

seperti yang terjadi sekarang di dalam daulah Turki di Timur. Jabatan ketua setiausaha berada di bawah wewenang "setiausaha negara" (*Sahib al-insya*). Setiausaha negara berada di bawah bidang kuasa seorang amir yang berasal dari kalangan solidariti sosial raja, yang disebut *Dawidar*. Raja selalu meminta bantuannya, percaya kepadanya, dan berasa tenang dengannya, sedangkan kepada setiausaha dia hanya meminta bantuan mengenai persoalan yang berhubung dengan *balaghah*, kesesuaian mengungkapkan sesuatu, membungkam rahsia, dan hal lain yang sehubungan dengannya.

Seseorang raja yang memilih dan melantik seorang setiausaha daripada kalangan lain-lain pangkat terpaksa mengambil kira pelbagai pertimbangan. Kriteria yang paling wajar dan lengkap di dalam 'Peraturan' sebagaimana yang dibacakan oleh setiausaha Abdul Hamid[49] kepada rakan setiausaha-setiausahanya adalah sepertimana berikutnya:

> "*Amma ba'du*. Semoga Allah s.w.t. melindungi kamu, orang yang melaksanakan keahlian kesetiausahaan, dan semoga Dia memelihara anda, dan memberi kejayaan dan petunjuk. Allah azza wa jalla telah menciptakan para nabi dan rasul dan raja-raja yang dimuliakan. dilimpahi ke atas mereka semua – dan raja-raja yang mulia."
>
> Sesudah mereka, datang pula pelbagai jenis manusia, semuanya dijadikan oleh Allah s.w.t. mereka adalah daripada jenis yang bermacam-macam, meskipun mereka pada hakikatnya adalah sama sahaja. Allah s.w.t. memberi mereka dengan keahlian yang pelbagai, dan melakukan berbagai-bagai usaha, supaya mereka boleh membuat penghidupan dan mendapat rezeki daripadanya.
>
> Dia memberi kamu, para setiausaha, kesempatan yang baik untuk menjadi seorang manusia yang terpelajar dan berhemah tinggi, memiliki pengetahuan dan pemikiran yang sempurna. Kamu melahirkan apa yang baik bagi khalifah dan membetulkan banyak persoalannya. Melalui nasihat kamu, Allah s.w.t. memperbaiki pemerintahan untuk kepentingan

---

49 Wafat tahun 132 (750). Orang pertama yang menciptakan gaya bahasa surat-menyurat di dalam sastera Arab. Konon dia guru kanak-kanak sebelum menjabat dalam bidang kesetiausahaan di istana Hisyam ibn Abdul Malik. Dia memiliki *Enam Surat*, yang terkenal adalah *Surat kepada Para Setiausaha* yang dinukilkan Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah* ini. Dia sempat meneruskan kerjayanya hingga masa pemerintahan Marwan II.

umat manusia, dan menjadikan negara itu bertamadun.

"Raja tidak dapat mengetepikan kamu. Hanya kamu sahaja yang dapat menjadikan baginda seorang raja yang cekap. Kedudukan kamu dalam hubungannya dengan raja ialah sebagaimana sepasang telinga yang digunakan untuk mendengar; sepasang mata dengannya untuk melihat; lidah yang melaluinya untuk berbicara; dan tangan yang melaluinya untuk menyentuh.

"Semoga Allah memberikan kamu, dengan demikiannya kepuasan daripada suatu kemahiran yang sangat sempurna, yang mana Dia telah membezakan kamu, dan semoga Dia tidak mengambil suatu nikmat besar yang telah dilimpahi-Nya. Tidak ada seorang pun yang memerlukan lebih daripada kamu untuk mengumpulkan semua perkara baik yang terpuji dan dikenangi serta perilaku yang sangat dimuliakan.

"Wahai para setiausaha, sekiranya kamu mahu memenuhi gambaran tentang kamu sebagaimana yang dipaparkan di dalam surat ini. Setiausaha itu menghendaki budi bicaranya sendiri, serta daripada tuannya, yang mempercayainya untuk melaksanakan segala urusan penting, mengharapkan daripadanya, supaya berlemah lembut bila kelembutan itu dikehendaki, dapat memahami apabila pertimbangan itu diperlukan, bersikap berani apabila keberanian itu dimahukan, berasa ragu-ragu apabila keraguan itu dituntut.

Dia haruslah memilih untuk bersikap sederhana, adil, dan jujur. Dia harus sentiasa menjaga rahsia. Dia hendaklah yakin apabila berada dalam keadaan yang sukar. Dia harus sudah dapat menduga (terlebih dahulu) sesuatu mala petaka yang akan menimpa. Dia harus berupaya meletakkan sesuatu pada tempatnya yang wajar dan kecelakaan pada tempatnya yang sebenar-benarnya. Dia sepatutnya telah mempelajari setiap cabang ilmu pengetahuan, dan mendalaminya, dan sekiranya dia tidak mendalaminya hendaklah dia berusaha menguasai apa yang secukupnya.

Bersandarkan kebijaksanaan yang secara semula jadi ada padanya pendidikan yang sempurna, dan pengalamannya yang luar biasa, dia harus dapat menduga sesuatu yang akan terjadi ke atas dirinya sebelum peristiwa itu berlaku, dan dia harus mengetahui akibat daripada tindakan sebelum sesuatu tindakan itu dilaksanakan. Dia seharusnya sudah membuat persiapan yang sebaik-baiknya untuk menghadapi setiap hal, dan dia harus meletakkan sesuatu setepat-tepatnya, sebagaimana yang lazimnya.

Dengan demikian, kumpulkan semua setiausaha, bersaing sesama sendiri untuk mendapatkan pelbagai pengajaran, sama-sama mencapai persefahaman dalam hal-ehwal agama. Mulailah dengan pengatahuan tentang Kitab Allah *azza wa jalla* dan kewajipan-kewajipan agama. Setelah itu, pelajarilah bahasa Arab, kerana ia akan memberikan kamu suatu bentuk pembicaraan yang baik. Selepas itu, pelajarilah bagaimana hendak menulis dengan sebaik-baiknya, kerana ia akan menjadi hiasan di dalam surat-surat kamu. Riwayatkan syair-syair dan biasakan untuk mengungkapkan perlafazan luar biasa dan pemikiran yang terdapat di dalam syair-syair itu. Biasakan untuk mengetahui peristiwa-peristiwa politik bangsa Arab dan bukan Arab, dan dongeng-dongeng kedua bangsa tersebut serta biografi yang menyatakan tentang bangsa itu, sebab ia akan membantu usaha yang kamu dilakukan. Jangan abaikan untuk mempelajari akauntasi, kerana ia adalah dasar utama dalam urusan cukai tanah.

Bencilah sikap buruk sangka itu dengan sepenuh hati kamu, baik yang keterlaluan mahupun yang paling sedikitnya, dan segala sesuatu yang buruk dan penuh keji, sebab ialah boleh mendatangkan keaiban dan akan menghancurkan kerjaya kesetiausahaan. Jangan biarkan keahlian kamu itu menjadi sesuatu yang rendah martabatnya. Peliharalah ia daripada umpat caci dan hasut menghasut dan segala macam tindak-tanduk orang yang bodoh.

Berhati-hatilah selalu terhadap sikap sombong, dungu dan bangga diri, sebab ia akan mencetuskan perasaan permusuhan tanpa (mempunyai sebab untuk) membangkitkan rasa benci. Sayang menyayangi sesama sendiri demi Allah *azza wa jalla* di dalam kerjaya kamu itu. Nasihati selalu teman-teman kamu supaya mengamalkannya dengan cara yang paling sesuai sebagaimana mereka yang dipandang mulia, adil dan berbakat daripada kalangan orang-orang terdahulunya.

Sekiranya salah seorang di antara kamu menghadapi hidup kepayahan mengertilah keadaannya dan tenangkan dirinya hinggalah segalanya kembali menjadi baik. Sekiranya salah seorang di antara kamu sudah uzur dan tidak berupaya untuk mencari nafkah hidup dan mengunjungi sahabat-sahabatnya, lawatilah dia dan hormatilah dia serta pelajaran daripada pengalamannya yang berharga, dan pengetahuannya yang matang."

Hendaknya setiap daripada kamu bersikap ambil perhatian terhadap pembantu-pembantu, yang kelaknya

boleh membantu apabila diperlukan, kemudian anak-anaknya atau saudara-saudaranya. Sekiranya sesuatu pujian itu sampai (kepada salah seorang di antara kamu) sewaktu melaksanakan tugasnya yang lain; sebarang celaan ditanggungnya sendiri. Dia haruslah berwaspada terahdap sebarang kesalahan dan kesilapan yang tidak disengajakan, dan akan berasa terganggu apabila keadaannya sudah berubah.

Kamu sedari bahawa setiap daripada kamu mempunyai seorang yang memberikan daripada miliknya sebanyak sebagaimana yang dituntut, dan (setiap kamu) menerimanya dengan kesetiaan, terima kasih, tolak ansur, kesabaran, nasihat yang baik, bijaksana, dan menampakkan minat yang ketara terhadap hal-ehwalnya, dan dengan memperlihatkan (maksudnya yang baik) melalui tindakannya apabila tuannya memerlukannya dan bantuannya. Sedarilah terhadap (tanggungjawab kamu) – Allah s.w.t. memberikan kamu keberhasilan – di dalam keadaan baik dan buruk, dalam kekurangan sebagaimana juga di dalam kemurahan dan kebaikan, di dalam kebahagiaan sebagaimana di dalam kecelakaan. Sesiapa sahaja daripada bidang keahlian yang mulia ini, yang memiliki sifat-sifat sebagaimana dinyatakan, memiliki sifat-sifat yang amat baik.'

Sekiranya salah seorang di antara kamu dilantik menjawat suatu jawatan, atau apabila sesuatu perkara yang menyentuh insan ciptaan Allah s.w.t. dan keluarga-Nya (yang diberi-Nya nafkah)[50] dihadapkan kepada salah seorang di antara kamu, hendaklah dia memikirkan Allah *azza wa jalla* dan patuh serta taat kepada-Nya. Hendaknya dia berasa kasih serta sayang kepada orang yang lemah, dan berlaku adil terhadap orang yang telah melakukan kesilapan.

Semua makhluk adalah insan Allah s.w.t. Makhluk yang paling Dia cintai adalah makhluk yang paling kasih serta sayang terhadap keluarga-Nya. Selanjutnya, dia hendaklah menghakimi dengan adil, dia harus menghormati mereka yang dimuliakan (keluarga Rasulullah s.a.w.), membahagi-bahagikan harta rampasan yang diperoleh dalam peperangan melawan orang-orang kafir, serta membina peradaban untuk negerinya. Dia haruslah memperlakukan rakyat dengan

---

50 Di dalam terjemahan F. Rosenthal, *ciptaan Allah dan keluarga-Nya* diterjemahkan dengan *God's children*, padahal anak-anak tak mewakili kata keluarga (*'iyaalun*) yang bererti semua orang yang segala nafkahnya ditanggung ketua keluarganya.

sebaik-baiknya, dan tidak menyakiti hati mereka. Hendaknya dia merendahkan diri dan bersikap lemah lembut di dalam setiap urusannya. Hendaklah dia sentiasa ramah-tamah dalam menangani urusan cukai tanah, dan dalam menyelesaikan pengaduan yang diajukan.

"Apabila salah seorang di antara kamu berbaik dengan seseorang, maka selidikilah pembawaannya. Apabila sudah diketahui mengenainya – apa yang baik dan apa pula yang buruk, kamu akan dapat melakukan sesuatu yang disenanginya serta berusaha menghindarkannya daripada melakukan perkara-perkara tercela yang mahu dilakukannya. Kamu haruslah dapat melakukannya dengan cara yang paling halus dan rapi.

Kamu mengetahui bahawa seseorang yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga binatang dan mengerti akan pekerjaannya, akan berusaha untuk mengetahui sifat binatang yang dijaganya itu. Jika binatang itu cenderung untuk memecut apabila dipacu, dia tidak akan mengarahkannya sewaktu menunggangnya. Jika binatang itu gemar menendang, dia akan berhati-hati terhadap kaki depannya. Jika dia berasa khuatir bahawa binatang itu akan kaget, dia akan berwaspada terhadap kepalanya. Jika binatang itu suka berehat, dia dengan berhati-hati akan berusaha memaksanya untuk berjalan ke mana sahaja binatang itu akan menghalakan arahnya. Sekiranya ia mahu terus bergerak, dia akan menariknya secara perlahan-lahan menuju ke tepi dan kemudian melepaskan tali kekangnya. Deskripsi-deskripsi tentang bagaimana hendak menguruskan akan seekor binatang mengandung hal-hal baik bagi mereka yang hendak memimpin umat manusia, berbaik dengan mereka, serta mengadakan hubungan yang akrab dengan mereka.

Setiausaha, dengan pendidikannya yang tinggi, keahliannya yang dipandang mulia, cara bertindaknya yang rapi, serta hubungannya yang sering dengan mereka yang bermusyawarah dengannya dan membincangkan sesuatu perkara dengannya dan belajar daripadanya atau gentar pada kebengisannya, haruslah bersikap bertimbang rasa terhadap sahabat-sahabatnya, untuk memuji mereka, serta melayani keinginan mereka, lebih banyak daripada orang yang mengurusi binatang yang tidak memberikan sebarang jawapan, tidak mengetahui apa yang benar, tidak mengerti apa yang dikatakan padanya, dan hanya menuruti arah yang dikendalikan oleh penunggangnya.

Ramah-tamahlah – moga-moga Allah menganugerahi

kasih sayang-Nya kepada kamu – sewaktu kamu menyelidiki sesuatu hal. Pergunakan sebanyak-banyak pertimbangan dan pemikiran sebanyak yang mungkin. Dengan izin Allah s.w.t., kamu akan terhindar daripada kekerasan, kejengkelan, dan ketidaksopanan daripada orang-orang yang menjadi teman-teman kamu itu. Mereka akan bersetuju dengan kamu, dan insya-Allah, kamu akan mendapatkan persahabatan dan perlindungan daripada mereka, sekiranya Allah s.w.t. menghendakinya."

Janganlah ada di antara kamu yang keterlaluan dalam bertindak, atau melampaui batas dalam berpakaian, menunggang kuda, makan, minum, rumah, pembantu-pembantu, atau hal-hal lain yang ada hubungannya dengan kedudukannya, kerana, meskipun ada kemuliaan daripada keahlian yang secara khususnya diberikan oleh Allah s.w.t. kepada kamu, kamu adalah hamba yang tidak dibenarkan memberikan layanan yang tidak mencapai apa yang diharap-harapkan. Kamu adalah penanggungjawab amanat di mana tidak dibenarkan berkelakuan boros atau terlalu bakhil. Cubalah kamu kekalkan kesopanan kamu dengan secara yang terencana di dalam semua hal yang telah saya sebutkan dan telah diberitahukan. Awasilah pembaziran daripada bersikap boros dan akibat buruk daripada kemewahan. Semuanya itu akan melahirkan kemiskinan dan mendatangkan kehinaan. Mereka yang boros dan suka hidup secara mewah diletakkan dalam keadaan yang memalukan, khususnya sekiranya mereka itu setiausaha dan orang yang terpelajar.

Segala-galanya itu berulang dengan sendirinya. Sesuatu perkara mengandung petunjuk kepada yang lain. Benarkanlah diri kamu dibimbing pada masa hadapan dengan pengalaman masa silam. Kemudian, pilihlah kaedah melakukan sesuatu pekerjaan yang lebih pasti, lebih tepat, dan yang menjanjikan hasil yang terbaik. Anda harus menyedari bahawa ada sesuatu yang akan menghancurkan pencapaian, yakni iaitu membicarakan tentang banyak hal. Orang yang melakukannya akan dihalangi daripada menggunakan pengetahuannya dan kemampuannya untuk berfikir. Dengan demikian, setiap daripada kamu sewaktu masih berkhidmat harus berusaha untuk berbicara tidak lebih daripada apa yang wajar, seseorang itu harus tepat dalam persoalan yang ditimbulkan dan jawapan yang diberikan, serta harus memberikan renungan terhadap kesemua hujah yang dianjurkan. Setiap pekerjaannya akan dimanfaatkan daripadanya. Ia juga akan menghindarkannya daripada diasyikkan dengan hal lainnya.

Dia harus banyak memohon, memohon kepada Allah s.w.t. supaya Dia memberinya keberhasilan, dan membantunya dengan petunjuk-Nya, kerana dia harus berasa takut untuk melakukan sebarang kesalahan yang akan membahaya tubuhnya, dan akan menerbitkan keraguan terhadap kebijaksanaannya serta pendidikannya.

Apabila salah seorang di antara kamu berpendapat atau mengatakan bahawa kualiti dan kecekapan yang tinggi daripada pekerjaannya adalah sesuatu dihasilkan kecerdikan dan pengetahuannya tentang bagaimana melakukan sesuatu, maka dia telah membangkit kemarahan Allah s.w.t. Allah s.w.t. akan membiarkan dia dengan dirinya sendiri, dan kemudian barulah dia menyedari bahawa dirinya tidak berkeupayaan untuk melaksanakan tugas itu. Hal ini bukanlah suatu rahsia lagi kepada orang yang menyedarinya.

Jangan ada salah seorang pun di antara kamu yang mengatakan bahawa dialah yang memiliki pengetahuan paling baik terhadap segala persoalan, atau lebih bijak untuk mengendalikan segala masalah yang sukar, daripada sahabatnya yang sebidang dengannya, dan daripada mereka yang bekerja dengannya. Daripada dua manusia, mereka yang bijaksana menganggap orang berkenaan paling cendekia yang melepaskan dirinya daripada kongkongan sifat bangga diri dan yang memikirkan bahawa sahabat-sahabatnya adalah lebih cendekia dan lebih ahli daripada dirinya. Namun dalam apa hal pun, kedua pihak haruslah memperakui kemurahan Allah *azza wa jalla* dalam menganugerahi nikmat-Nya.

Jangan ada seorang pun yang membiarkan dirinya ditipu olah pendapatnya sendiri dan menganggap dirinya terlepas daripada sebarang kesalahan. Dia juga tidak seharusnya berusaha untuk mengatasi kebolehan sahabat-sahabatnya, mereka yang setara dengannya, rakan sekerjanya serta keluarganya. Setiap orang wajib memuji Allah s.w.t., tunduk akan kebesaran-Nya, berasa rendah diri atas kebesaran-Nya, serta melaksanakan apa yang disuruh-Nya.

Di dalam surat saya ini, biarlah saya merujuk kepada peribahasa lama: 'Barang siapa yang mahu menerima nasihat yang baik akan memperoleh kejayaan'. Ini adalah intipati surat dan yang terbaik yang disentuh di dalamnya, selepas rujukan tentang Tuhan sebagaimana yang terkandung. Dengan demikian saya telah meletakkan ia di bahagian akhir, dan saya tutup surat ini dengannya. Semoga Allah s.w.t. memelihara kita dan juga anda, seluruh pelajar dan setiausaha, sebagaimana Dia memelihara orang yang sebagai-

mana yang Dia ketahui, Dia akan membuatkan mereka berasa bahagia dan memberikan petunjuk-Nya yang benar Dia dapat melakukannya. Ia adalah di tangan-Nya."

"Wassalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh, dan semoga Allah s.w.t. mencucuri belas dan rahmat-Nya ke atas kamu."

Polis

Di Ifriqiyah, orang yang menjawat jawatan ketua polis pada masa itu dipanggil 'hakim'. Di Andalusia, dipanggil 'wali kota' (*shahib al-madinah*). Di kerajaan Turki (di Mesir) dia dikenali sebagai 'gabenor' (*wali*). Ia adalah suatu jabatan yang berada di bawah bidang kuasa orang yang bertanggungjawab terhadap 'pedang' di dalam dinasti itu yang kadang-kadangnya menggunakan ketua polis untuk melaksanakan perintah-perintahnya.

Jawatan ketua polis pada mulanya adalah diwujudkan oleh kerajaan Bani Abbas. Orang yang menjawat jawatan itu memiliki dwibidang tugas. Dia harus, pertamanya melakukan siasatan tentang jenayah yang dilakukan dan yang keduanya, melaksanakan hukumannya (*hudud*). Syariat agama tidak harus diasaskan berdasarkan tuduhan-tuduhan kemungkinan telah melakukan perbuatan jenayah. Ia harus terlibat dengan usaha melaksanakan hukuman perundangan. Kepemimpinan politik, sebaliknya, harus menitikberatkan soal penyiasatan, di mana (menetapkan berlakunya perbuatan jenayah) ia mengharuskan (hukuman daripada segi perundangannya). Ia dilakukan melalui hakim yang – apabila dia memiliki bukti-bukti tuduhan, akan memaksa (si penjenayah) untuk mengakui perbuatannya, sebagaimana yang dituntut oleh masyarakat. Orang yang bertugas untuk membuat siasatan dan kemudiannya melaksanakan hukuman yang dijatuhi, apabila hakim itu tidak ada kena-mengenanya lagi dengannya (kes itu), dipanggil 'ketua polis'. Lazimnya, dia memberi wewenang mutlak terhadap perbuatan jenayah berat dan hukuman yang sah, dan segala yang tidak termasuk ke dalam bidang kuasa *qadli* (hakim). Jawatan itu dianggap satu yang bermaruah tinggi, dan yang dipertanggungjawabkan kepada ketua-ketua tentera dan pembesar khusus daripada kalangan *mawla* mereka. Ia tidak ada kekuasaan eksekutif umum terhadap semua kelas (golongan manusia), bidang kuasanya hanya menyentuh orang bawahan dan orang yang

disyaki, dan (yang melibatkan) langkah mencegah keganasan dan pelaku perbuatan jenayah.

Di kalangan kerajaan Bani Umaiyah di Andalusia, jabatan tersebut sangat disanjung tinggi. Ia terbahagi kepada 'polis besar' dan 'polis kecil'. Bidang kuasa 'polis besar' meluas sampai kepada golongan atas dan bawah. Ia mempunyai bidang kuasa terhadap orang-orang kenamaan kerajaan, dan dalam hal melanggar ketetapan, boleh mengenakan tuduhan, kaum kerabat mereka, serta orang lain yang berkedudukan dan mempunyai hubungan erat dengan orang yang menjadi *mawla* mereka. Ketua 'polis kecil' hanya mengendalikan orang kebanyakan. Ketua 'polis besar' mempunyai pejabat di pintu istana raja. Dia memiliki *rajl* (orang suruhan) yang di tempatkan berhampiran dengan pejabatnya, mereka yang tidak meninggalkannya kecuali apabila hendak mengurusi urusan peribadinya sahaja. Jabatan itu hanya disandang oleh pembesar-pembesar negara yang dikenali. Mereka kadang-kadangnya dijadikan batu loncatan untuk menduduki jawatan *wazirah* dan *hijabah*.

Di dalam kerajaan Muwahiddun di Maghribi, jabatan itu memiliki martabatnya, meskipun tidak memiliki bidang kuasa umum. Ia dipertanggungjawabkan hanya kepada para pemuka dan pembesar daripada kalangan Muwahiddun. Ia tidak mempunyai sebarang kuasa terhadap orang-orang kenamaan kerajaan. Kini peri pentingnya jabatan itu telah benar-benar merosot. Ia tidak lagi disandang oleh para pemuka kaum Muwahiddun, dan sudah boleh dipertanggungjawabkan kepada mana-mana pengikutnya (daripada kerajaan itu) untuk mengambil alihnya.

Di dalam kerajaan Bani Marin pada ini di Barat, jabatan itu dipertanggungjawabkan kepada keluarga orang-orang yang menjadi sekutu (*mawla*) dan tanggungan Bani Marin.

Di dalam daulat Turki di Timur, (jabatan itu dipertanggungjawabkan) kepada para pemuka Turki di Timur atau keturunan rakyat daripada Dinasti Kurdi yang lampau. Mereka dipilih (untuk menduduki jabatan itu) berdasarkan keupayaan dan kesungguhan yang mereka tunjukkan di dalam melaksanakan hukum. Tujuannya ialah untuk mengurangkan gejala rasuah, membasmi jenayah, menghancurkan dan membubarkan rumah dan pusat kegiatan jenayah, serta untuk melaksanakan hukuman yang telah ditetapkan oleh syariat agama dan oleh pihak berkuasa politik, sebagaimana yang dituntut demi kepentingan umum (awam) di kota.

Dan Allahlah yang menggantikan malam dengan siang. Dia Maha Perkasa Maha Kuasa. Dan Allah s.w.t. lebih Mengetahui.

Jabatan angkatan laut

Angkatan laut (*qiyadatul asathil*) merupakan salah satu jawatan dan fungsi negara dalam kerajaan Maghribi dan Ifriqiyah. Lembaga ini adalah di bawah bidang kuasa pemangku jabatan 'pedang' dan berada dalam banyak di bawah kekuasaannya. Dalam istilah yang biasa dipakai, ia disebut *Almiland*, dengan sebutan yang menekankan kepada perkataan *l*. Perkataan itu berasal dari bahasa Franka (orang-orang Kristian Eropah).

Pangkat *admiral* atau laksamana angkatan laut menjadi suatu ciri khas kerajaan Ifriqiyah dan Maghribi, kerana Ifriqiyah dan Maghribi adalah berada di pantai selatan Laut Tengah. Di sepanjang pantai selatannya, tanah air bangsa Barbar memanjang dari Ceuta hingga ke Alexandria, dan selanjutnya ke Syria. Di sepanjang pantai utaranya adalah negeri-negeri Andalusia, dan Kristian Eropah (Franka), Slavia, dan Romawi (Byzantium), juga memanjang hingga ke Syria. Ia disebut Laut Romawi atau Laut Syria, penduduk yang mendiami pantai tersebut. Penduduk yang tinggal di pesisir dan pantai kedua sisi Laut Tengah ini lebih terlibat dengan kegiatan maritim berbanding dengan bangsa-bangsa di negara maritim yang lainnya.

Bangsa Romawi, Franka, dan Goth tinggal di pantai utara Laut Tengah (Mediterranean). Kebanyakan peperangan dan perdagangan mereka adalah dilakukan melalui laut. Mereka amat terlatih melayari kepal di Laut Mediterranean dan menghadapi peperangan laut. Apabila mereka menjarah apa yang terdapat di pantai selatan, sebagaimana bangsa Romawi (menjarah) di Ifriqiyah, atau sebagaimana bangsa Goth di Maghribi, mereka pun menyeberang dengan armada perang mereka dan merampasnya. Maka, mereka menakluki bangsa Barbar, dan merampas kekuasaan mereka. Mereka mempunyai ibu negeri yang masyhur, seperti Carthage, Sbeitla, Jalula, Murnaq, Cherchel, dan Tangier. Ketua negara Carthage pada silam sering memerangi raja Rom dan mengirimkan armada yang dilengkapi pasukan tentera dan peralatan peperangan untuk memeranginya. Dengan demikian, dunia pelayaran merupakan suatu kebiasaan bagi penduduk di

kedua-dua pantai di Laut Tengah, yang sudah terkenal daripada sejak dahulu sampailah sekarang ini.

Apabila masyarakat muslimin menguasai Mesir, Umar bin al-Khattab telah mengutus surah kepada 'Amr bin al-Ash dan meminta supaya dia menerangkan mengenai lautan itu kepadanya. 'Amr menerangkan:

> "Laut adalah makhluk raksasa yang ditunggangi oleh makhluk yang kecil – bagai ulat-ulat di atas sekeping papan."

Dengan demikian, dia mencadangkan supaya kaum muslimin tidak berjinak-jinak dengan lautan. Tidak ada seorang Arab pun yang melayari lautan, kecuali mereka yang berbuat sedemikian di luar pengetahuan Umar, dan akan dihukum sekiranya dia mengetahuinya mereka yang menerima seksaan, sebagaimana Afrajah bin Hartsamah al-Azdi – pemimpin kota Bajilah, ketika 'Amman memeranginya. Sampailah berita kepada Umar bahawa dia berperang di lautan. Namun dia membantah. Tapi Umar memcercanya dengan keras kerana Afrajah menggunakan lautan untuk berperang.

Keadaan demikian berlangsung hingga di masa pemerintahan Muawiyah. Dia mengizinkan kaum muslimin menggunakan lautan dan melakukan jihad dengan menggunakan kapal. Sebabnya adalah berdasarkan perkiraan sikap kebadwian, bangsa Arab pada mulanya tidak pandai dalam ilmu bahari (navigation) dan menyeberangi lautan, sedangkan bangsa Romawi dan Franka, kerana pengalaman mereka tentang lautan, serta hakikat bahawa mereka telah dibesarkan di dalam dunia pelayaran, telah biasa dengan lautan dan terlatih dalam bidang ilmu pelayaran.

Kedaulatan dan kekuasaan kerajaan Arab telah menjadi semakin kukuh dan berkuasa pada masa itu. Bangsa-bangsa bukan Arab telah menjadi petugas kepada bangsa Arab serta berada di bawah kekuasaan mereka. Setiap karyawan menawarkan khidmat bakti mereka yang terbaik. Mereka menggaji bangsa-bangsa pelaut itu untuk keperluan kebaharian. Pengalaman mereka tentang lautan dan dalam hal pengemudian menjadi semakin maju, dan mereka telah menjadi sangat mahir. Timbul keinginan untuk melakukan jihad melalui laut. Mereka telah membina kapal dan bahtera perang, dan melengkapkan armada mereka dengan perajurit dan senjata perang. Mereka mengangkut bala tentera

dan perwira untuk memerangi orang-orang kafir yang berada di seberang lautan. Hal ini adalah matlamat khusus daerah-daerah dan kawasan perbatasan yang hampir dengan pantai Laut Tengah, seperti Syria, Ifriqiyah, Maghribi, dan Andalusia. Khalifah Abdul Malik telah memerintahkan Hassan bin an-Nu'man – Gebenor Ifriqiyah – supaya mendirikan limbungan kapal di Tunisia untuk membina peralatan perang sebab dia ingin melancarkan jihad.

[*Dari sana, penaklukan ke atas Sisilia dapat dilakukan. Di masa pemerintahan Ziadatullah I – putera Ibrahim bin al-Aghlab, atas titah Asad bin al-Furath, seorang syeikh Alfutya. Dari sana, dan pada masa itu pula, ditaklukkan Qusharrat. Sebelumnya, Muawiyah bin Abi Sufyan, namun Allah belum menyerahkan kota itu di tangannya. Kota baru itu ditakluk oleh Ibn al-Aghlab dengan panglimanya Asad bin al-Furat.]

Setelah itu, di bawah daulat Bani Ubaidi (Fatimi) dan Bani Umaiyah (Andalusia), armada Ifriqiyah dan Andalusia kerap menyerang negeri masing-masing dan menghancurkan daerah pantainya. Di masa pemerintahan Abdurrahman an-Nasir, armada Andalusia telah mencapai sekitar 200 buah kapal, dan armada bangsa Afrika juga mencapai jumlah yang sama, atau menghampiri bilangan itu. Laksamana laut di Andalusia adalah Ibn Rumahis.[51] Pelabuhan yang digunakan oleh armada perang Andalusia untuk berlabuh dan menaikkan layar adalah Bijayah (Pechina) dan Almeria. Kapal-kapal itu disatukan daripada semua wilayah. Setiap daerah, di mana kapal itu digunakan, menjadi satu unit di bawah penyeliaan seorang komandan laut yang bertanggungjawab terhadap segala yang ada kaitannya dengan pertempuran, persenjataan dan hal-ehwal medan. Juga terdapat seorang kapten yang mengatur pergerakan armada laut, menggunakan sama ada angin ataupun pengayuh. Dia juga mengarahkan kapal itu berlabuh di pelabuhan. Apabila kapal perang disatukan dengan tujuan untuk melancarkan peperangan secara besar-besaran atau untuk urusan penting pemerintahan, kapal-kapal perang itu berlabuh di pelabuhan masing-masing. Raja menempatkan di dalam armada itu pasukannya yang terbaik serta *mawla*nya, dan meletakkan mereka di bawah pengawasan seorang pemerintah (amir), yang tergolong ke dalam golongan kelas atasan dan padanya semua harus akur. Lalu baginda merestui pemergian mereka,

---

51 Dalam terjemahan F. Rosenthal tertulis *Rumahis*.

dan menunggu kepulangan mereka dengan membawa kemenangan dan harta rampasan (*ghanimah*).

Di waktu pemerintahan daulat Islamiyah, masyarakat Islam berkuasa di seluruh sisi Laut Mediterranean. Kekuasaan dan pengaruh mereka adalah tersebar luas. Bangsa-bangsa Kristian tidak dapat berbuat apa-apa terhadap armada umat Islam, di mana sahaja di Laut Tengah. Sepanjang waktu itu angkatan tentera Islam digerakkan oleh usaha untuk mencapai kejayaan. Banyak berlaku episod yang masyhur tentang kejayaan dan perampasan. Orang-orang Islam telah menguasai kesemua pulau-pulau yang terdapat di luar pantai-pantainya, seperti Mallorca, Minorca, Ibiza, Sardinia, Sisilia, Pantelleria, Malta, Creta, Cyprus, dan semua wilayah Mediterranean, Romawi dan Franka. Abu l-Qasim asy-Syi'i[52] dan pewarisnya telah puteranya mengirimkan armada untuk memerangi semenanjung Genoa dari al-Mahdiyah. Mereka pulang beroleh kemenangan dan harta rampasan. Mujahid al-'Amiri, ketua di Denia, salah seorang *muluk at-thawaif* (*reyes de taifas*), menakluki kepulauan Sardinia dengan armadanya pada tahun 405 (1014/15). Orang-orang Kristian telah merebutnya kembali pada sewaktunya.

Selama masa itu, orang Islam telah menguasai sebahagian besar lautan ini. Kapal-kapal mereka datang dan pergi, dan tentera-tentera Islam menyeberangi lautan dengan kapal dari Sisilia ke tanah besar yang bertentangan dengan Sisilia, di pantai sebelah utara. Mereka telah menyerang raja-raja Franka, dan melakukan banyak kehancuran kerajaan itu. Kejadian ini berlaku di masa pemerintahan Bani Abi l-Husain),[53] raja-raja di Sisilia yang mendukung propaganda Bani Ubaidi (Fatimi) di sana. Bangsa-bangsa Kristian berundur bersama armada mereka ke bahagian timur Laut Tengah, ke pesisiran pantai yang didiami oleh orang Franka dan Slavia, serta ke kepulauan Aegean, dan tidak melampaui daerah itu. Armada tentera Islam menyerang armada Kristian laksana seekor singa yang bersiap sedia untuk membaham mangsanya. Mereka menguasai sebahagian besar perairan Laut Tengah dengan peralatan dan jumlah yang ramai, serta melalui laluan itu (kedua-dua misi) misi damai dan sedia tempur. Tidak ada sebuah kapal Kristian yang ditemui melayari perairan itu.

Akhirnya, dengan demikian, daulat Bani Ubaidi (Fatimi) dan

52 Al-Qasim, raja Bani Fatimi kedua, memerintah dari 934–946.

53 Gabenor Sisilia di akhir abad ke-10 dan permulaan abad ke-11.

Bani Umaiyah mengalami kemunduran dan kelemahan, serta dipengaruhi oleh keruntuhan. Melihat kesempatan itu, orang-orang Kristian telah berusaha menguasai kepulauan di bahagian timur Laut Tengah seperti Sisilia, Crete, dan Malta dan berkuasa di sana. Mereka terus melancarkan serangan terhadap pantai-pantai Syria pada waktu yang berselang itu, dan menguasai Tripoli, Ascalon, Tyre, dan Acco. Mereka berjaya menawan kesemua pelabuhan di Syria. Mereka menawan Baitulmaqdis (Jurusalem) dan membina sebuah gereja sebagai melambangkan kebesaran agama dan amalan mereka. Mereka mengalahkan Bani Khazrun yang menghuni di Tripolitania, dan (menakluki) Gabes dan Sfax, serta mengenakan cukai kepala (*jizyah.* Ar. *poll tax.* Ing.) ke atas para penduduknya. Lalu mereka menakluki al-Mahdiyah, tempat (bermulanya) kerajaan raja-raja Bani Ubaidi (Fatimi), serta merampasnya daripada tangan pewarisnya Balakin bin Ziri. Pada abad ke-5 (ke-11), mereka telah memainkan peranan utama di Mediterranean.

Di Mesir dan Syria, tumpuan kepada armada laut menjadi semakin tumpul, dan akhirnya lenyap sama sekali. Dan selanjutnya, mereka tidak lagi memberikan perhatian terhadap kekuatan tentera laut, yang mana di masa daulat Bani Ubaidi (Fatimi) ia pernah mendapat perhatian yang utama. Akibatnya, identiti untuk jawatan laksamana lenyap sama sekali di kota-kota tersebut. Jabatan itu wujud di Ifriqiyah dan Maghribi, tetapi hanya di sana. Pada masa itu, bahagian barat Laut Tengah memiliki banyak kapal-kapal perang dan adalah amat kuat. Tidak ada seteru yang berani melintasinya, atau berbuat apa-apa di sana.

Pada masa pemerintahan Bani Murabithun, laksamana-laksamana armada di (barat) adalah Bani Maymun, kepala suku yang berasal dari Semenanjung Cadis, yang selanjutnya mereka serahkan kepada Abdul Mu'min (al-Muwahid), orang yang kepada mereka dicurahkan segenap taat setia. Kapal-kapal mereka dari kedua-dua pantai adalah mencapai bilangan 100 buah.

Pada abad ke-6 (ke-12), daulat Bani Muwahiddun telah berada pada zaman keemasannya dan berkuasa di kedua-dua pantai tersebut. Kerajaan Muwahiddun telah menyusun armada perang secara yang lebih rapi daripada yang pernah diketahui, terbesar daripada yang pernah disaksikan. Laksamana mereka adalah Ahmad as-Saqilli. Orang-orang Kristian telah menawannya, dan dia telah dibesarkan di kalangan mereka. Raja Sisilia (Roger

II) telah memilihnya kerana perkhidmatannya dan diterima bekerja dengan baginda tetapi raja itu telah meninggal dunia dan digantikan oleh puteranya. Ternyata sikap 'mudah naik angin' itu tidak disenangi oleh Ahmad. Ahmad lari diri ke Tunis kerana berasakan dirinya tidak selamat. Di sana dia tinggal dengan seorang sayyid, ketua Bani Abdul Mu'min. Dia kemudian meneruskan perjalanannya menuju Marakisy, dan di sana telah diterima oleh Khalifah Yusuf al-Asri bin Abdul Mu'min dengan penuh kebajikan dan penghormatan. Khalifah itu memberinya pelbagai hadiah, dan melantiknya untuk mengepalai armada. Sebagai pemerintah armada, dia telah melakukan peperangan jihad memerangi orang-orang Kristian. Dia telah meninggalkan banyak jasa dan budi yang tetap akan dikenang semasa kerajaan Muwahiddun.

Pada masanya, angkatan laut orang Islam mencapai jumlah dan mutu yang tidak pernah, sepanjang pengetahuan kita, telah dicapai sebelum mahupun sesudahnya. Apabila Salahuddin Yusuf bin Ayub, raja Mesir dan Syria ketika itu, berusaha menawan kembali pelabuhan-pelabuhan Syria daripada taklukan bangsa Kristian serta membersihkan dan membangun kembali Baitulmaqdis (Jurusalem) daripada naungan orang-orang yang kufur, satu demi satu angkatan laut orang-orang kafir ke bandar-bandar pelabuhan itu, daripada seluruh daerah yang berhampiran dengan Baitulmaqdis yang telah mereka kuasai. Mereka membantunya dengan pelbagai peralatan dan makanan. Angkatan laut Alexandria (Iskandariah) tidak mampu menghadapi kemaraan mereka. Orang-orang Kristian telah menguasai di bahagian timur Laut Tengah sejak sekian lamanya, dan mereka memiliki banyak angkatan laut di situ. Angkatan perang orang Islam, sebaliknya, sejak sekian waktunya telah menampakkan kelemahan untuk memberikan sedikit tentangan terhadap mereka, sebagaimana telah dinyatakan sebelum ini. Dalam keadaan ini, Salahuddin telah mengutuskan Abdul Karim bin Munqidh, seorang anggota keluarga Bani Munqidh, raja-raja di Syayzar, sebagai dutanya untuk bertemu dengan Ya'qub al-Mansur, raja Muwahiddun di Maghribi pada masa itu, meminta bantuan angkatan laut mereka untuk mencegah angkatan laut orang-orang kafir daripada memberikan bantuan kepada orang-orang Kristian di bandar-bandar pelabuhan Syria. Ke dalam surat itu dimasukkan kata-kata yang dikarang oleh al-Fadlil al-Bisani, dan dijadikan sebagai

pembukaannya. Sebagaimana dinukilkan al-Imam al-Asfahani di dalam bukunya *al-Fath al-Qaysi:*

> "Semoga Allah membukakan pintu orang-orang yang berhasil dan yang memperoleh berkat bagi *sayyid* kita".

Al-Mansur tidak mengambil berat akan permintaan itu. Surat itu dikembalikan kepada pengirimnya, dan dia tidak memenuhi permintaan itu.

Hal ini dapat menjadi bukti bahawa hanya raja Maghribi sahaja yang itu memiliki suatu angkatan laut, bahawa orang-orang Kristian sangat berperanan di bahagian timur Laut Tengah dan kerajaan di Mesir dan Syria pada waktu itu dan kemudiannya tidak berminat untuk menubuhkan angkatan laut atau membina angkatan laut negara.

Ya'qub al-Mansur kemudian telah meninggal dunia, dan kerajaan Muwahiddun pun menghadapi zaman gerhananya. Bangsa-bangsa Galisia kemudiannya telah menguasai sebahagian besar Andalusia. Orang-orang Islam telah berlindungan di daerah pesisiran pantai dan berkuasa di kepulauan bahagian barat Laut Tengah. Mereka telah mendapatkan kembali kekuatan mereka yang dahulu, dan kekuasaan mereka di perairan laut Mediterranean menjadi semakin kukuh. Angkatan laut mereka menjadi bertambah banyak, dan kekuatan angkatan laut orang Islam menjadi sepertimana kuatnya angkatan laut orang Kristian. Keadaan ini terjadi di masa (Bani Marin) yakni pemerintahan Sultan Abul Hasan, raja Zenatah di Maghribi. Sewaktu baginda bertindak hendak melakukan peperangan jihad, angkatan laut baginda sudah siap sedia dengan alat kelengkapan sama banyak seperti yang dimiliki oleh orang-orang Kristian.

Kemudian, kekuatan bahari orang-orang muslim sekali lagi menghadapi zaman kemundurannya, disebabkan oleh kelemahan pemerintahan negara. Kebiasaan maritim dilupakan kerana dipengaruhi oleh hidup kebadwian yang wujud di Maghribi dan tidak melanjutkan lagi kebiasaan hidup orang-orang Andalusia. Orang-orang Kristian berkuasa kembali sebagaimana di masa silamnya, yang terkenal dengan latihan maritimnya dan mengulangi semula kegiatan di Laut Tengah dan pengalaman mereka dengan keadaan-keadaan di sana. Mereka (telah sekali lagi) memperlihatkan kembali keunggulan mereka mengatasi bangsa lain melayari kapal di lautan lepas di Laut Tengah. Orang-orang

Islam seakan-akan sudah tidak biasa lagi dengan keadaan di Laut Tengah. Dan yang terkecuali hanyalah sebahagian sahaja yang mendiami di kawasan pesisirannya. Mereka seharusnya mendapatkan seramai mungkin para pembantu dan penyokong, atau seharusnya mendapatkan sokongan yang kuat daripada kerajaan-kerajaan demi memungkinkan mereka melatih para pembantu dan berusaha ke arah mencapai tujuan meningkatkan kegiatan dunia pelayaran.

Jawatan laksamana tetap terpelihara hingga sekarang di negara barat).[*1] Di sana, identiti angkatan laut masih tetap terpelihara, dan tentang bagaimana hendak menguruskan satu angkatan laut, tentang bagaimana membina serta melayari kapal-kapal itu, adalah diketahui. Ada kemungkinannya suatu kesempatan daripada sudut politik akan di negeri-negeri pesisiran pantai, dan orang-orang Islam akan memohon supaya angin akan bertiup menyongsangi arah orang-orang yang kufur dan kafir. Penduduk Maghribi berasa yakin tentang apa yang dinyatakan oleh buku ramalan yang mendakwa bahawa orang-orang Islam pasti akan berhasil memerangi orang-orang Kristian dan menakluki negeri Franka melampaui lautnya. Semuanya itu, dikatakan berlaku melalui laut.

> Allah adalah di pihak orang Islam. Cukuplah Dia bagi kita
> dan begitu besar bantuan-Nya.

35 Peri pentingnya kedudukan 'pedang' dan 'pena' di dalam kerajaan

Suatu yang harus diketahui bahawa pedang dan pena adalah serana yang boleh digunakan oleh raja di dalam mengurusi segala persoalan yang dihadapinya. Namum, pada permulaan sesebuah kerajaan, selagi rakyatnya masih menumpukan usaha untuk menegakkan kekuasaan, keperluan terhadap pedang adalah lebih mendesak daripada perlunya pena. Dalam keadaan yang sedemikian, pena hanyalah hamba sahaya dan wakil kuasa raja, tetapi pedang memberikan bentuk bantuan yang lebih aktif.

Hal yang sama terjadi di akhir sesebuah kerajaan apabila perasaan sekumpulan (*ashabiyah*) menjadi lemah dan sewaktu bilangan penduduknya semakin kurang kerana dipengaruhi oleh

---

*1 Dalam terjemahan F. Rosenthal termaktub Dinasti Maghribi.

kemerosotan. Negara itu dengan demikian menghendaki sokongan daripada pihak tentera. Keperluan kerajaan itu terhadap bantuan ketenteraan dengan maksud memberikan perlindungan dan pertahanan adalah begitu ketara sebagaimana ketika mula mendirikan sebuah kerajaan dengan tujuan memantapkan kuasa. Dalam kedua-dua keadaan ini, maka, pedang mempunyai kelebihan daripada pena. Di kala itu, tentera mempunyai kedudukan yang paling tinggi. Mereka menikmati banyak kemudahan dan memperoleh banyak tanah anugerah.

Pada abad pertengahan sesebuah negara, raja itu pada suatu tahapnya boleh mengetepikan perlunya pedang. Kekuasaannya sudah ditegakkan dengan kukuh. Apa yang tetap kekal ialah keinginannya untuk menikmati hasil kedaulatan kuasa seperti mengutip cukai, mempunyai sebanyak-banyak harta lebih unggul daripada kerajaan lainnya dan melaksanakan hukum. Dalam hal ini, pena sangat membantu. Dengan demikian, keperluan untuk menggunakannya menjadi semakin bertambah. Pedang tidak lagi digunakan, tetapi dibiarkan tersisip di dalam sarungnya, kecuali terjadi sesuatu hal dan mereka dipanggil untuk membuat suatu perhitungan. Dalam keadaan yang sedemikian, mereka yang pandai tulis-menulis mempunyai lebih kuasa. Mereka menjawat suatu jawatan yang tinggi. Mereka menikmati banyak kemudahan dan kekayaan serta mempunyai hubungan yang lebih kerap dan lebih akrab dengan raja. Pada keadaan-keadaan begitu, wazir dan pihak tentera boleh dikesampingkan. Mereka disisihkan daripada golongan yang rapat dengan raja dan terpaksa berhati-hati akan perasaan baginda.

[*Termasuk dalam pengertian ini surat yang ditulis Abu Muslim kepada al-Mansur ketika menyuruhnya datang:

> "*Amma ba'du.* Jika manusia berkumpul, yang paling kami takuti daripada nasihat bangsa Parsi yang kami pelihara adalah para wazir".]

Sunnah Allah berlaku atas hamba-Nya. Dan Allah s.w.t. lebih Mengetahui.

36 Ciri-ciri lambang kebesaran berhubung dengan kedaulatan dan kekuasaan pemerintah (kesultanan)

Suatu yang harus diketahui ialah bahawa raja memiliki lambang

dan adat istiadat yang terhasil daripada kebesaran dan kemegahan. Kesemuanya itu hanya boleh digunakan oleh baginda sahaja, dan penggunaannya telah membezakan baginda daripada rakyat jelata, teman-teman akrab, dan daripada semua pemimpin yang terdapat di dalam negaranya.

Kami akan sebutkan lambang yang termasyhur sedapat yang mungkin daripada ingatan kami tentangnya.

> "Dan di atas setiap orang berilmu adalah Allah yang Maha Tahu".[54]

Trompet dan panji-panji

Satu daripada lambang kedaulatan kuasa ialah pengibaran panji-panji dan bendera, memukul genderang, meniup trompet dan tanduk-tanduk. Di dalam *Buku-tentang Politik* yang dikaitkan penghasilannya dengan Aristotle, dia menyatakan bahawa apa yang sebenar penting adalah untuk menakut-nakutkan dan boleh memberi kesan daripada sudut psikologinya untuk menimbulkan perasaan gerun. Malah, sebagaimana setiap orang ketahui melalui pengalamannya sendiri, ia adalah suatu unsur emosional yang boleh memainkan peranan di medan pertempuran. Penjelasan yang diberikan oleh Aristotle – jika benar dia yang menyatakannya – adalah benar dalam suatu seginya. Namun yang sebenarnya ialah bahawa mendengar muzik dan bunyi-bunyian, tidak dapat diragukan akan membuatkan seseorang itu berasa gembira dan membangkitkan suatu perasaan di jiwanya. Resmi jiwa seseorang manusia itu dengan demikian dipengaruhi oleh sesuatu yang boleh memberangsangkan, yang menyebabkan dia menganggap segala kesukaran itu adalah suatu hal yang enteng dan bersedia menghadapi maut dalam menghadapi keadaan yang berbahaya itu. Hal semacam ini malah wujud di dalam diri binatang-binatang. Unta adalah dipengaruhi oleh panggilan penunggangnya, dan kuda dipengaruhi oleh bunyi siulan dan sorak-sorai, sebagaimana yang setiap orang mengetahuinya. Kesan itu akan menjadi lebih hebat lagi apabila suara itu amat harmonis, sepertimana dengan muzik. Adalah suatu yang diketahui apa yang berlaku pada diri orang yang sedang mendengar muzik. Orang-orang bukan Arab, dengan

---

54 Al-Quran Karim, surah 12 (Yusuf) ayat 76.

demikian, membawa bersama-sama mereka alat muzik, bukan[55] genderang dan trompet ke medan perang. Para penyanyi berserta dengan peralatan muzik mengiringi raja dan pasukannya sambil berdendang. Dengan demikian, mereka membangkitkan suatu perasaan di jiwa orang-orang itu dan menyebabkan mereka itu bersedia untuk gugur di medan perjuangan.

Dalam peperangan bangsa Arab (di barat laut Afrika), kita telah melihat adanya sekumpulan orang di barisan hadapan pasukan raja sambil menyanyikan lagu yang puitis dan memainkan muzik. Fikiran para pahlawan itu dibangkitkan oleh kandungan nyanyian itu. Mereka pun bergegas ke medan perang, dan dengan rela hati mara ke hadapan menghadapi lawannya.

[*Demikian pula yang terjadi dengan bangsa-bangsa Maghribi di Zenatah. Penyair tampil ke depan barisan, dan menyanyi. Dengan lagunya, dia bagaikan menggerakkan gunung-ganang yang tinggi, dan menimbulkan semangat berani mati dalam jiwa orang yang tak pernah memperkirakannya. Lagu itu mereka sebut "*Tashukayit*".] Asal kesemuanya itu adalah kegembiraan yang timbul di dalam jiwa, melalui muzik. Ia merangsang sikap berani, sebagaimana diakibatkan oleh mabuk akibat banyak meminum minuman keras, yakni sebagai akibat kegembiraan yang dihasilkannya.

Bilangan bendera yang banyak, kepelbagaian warnanya, dan panjangnya, adalah bermaksud untuk menimbulkan rasa gerun, tidak lebih daripada itu. Perasaan takut ternyata berupaya membangkitkan perasaan berani yang amat mengagumkan di dalam jiwa seseorang. Keadaan dan reaksi psikologi adalah suatu yang amat menakjubkan.

Raja-raja dan pelbagai kerajaan adalah berbeza di dalam soal menggunakan lambang-lambang tersebut. Sebahagian daripada mereka menggunakannya dengan banyak, manakala yang lain amat sedikit, sesuai dengan luas dan pentingnya kerajaan itu.

Bendera-bendera telah dijadikan lambang perang sejak dunia ini diciptakan. Bangsa-bangsa itu telah mengibarkannya di medan pertempuran dan sewaktu melancarkan serangan. Demikianlah yang terjadi di masa Nabi Muhammad s.a.w. dan pada masa khalifah yang menggantikan baginda.

Pada masa permulaan Islam, orang-orang Islam adalah ditegah memukul genderang dan meniup trompet. Mereka

---

55 Dalam terjemahan F. Rosenthal, kata '*bukan*' ditiadakan.

berusaha menghindari sesuatu yang dianggap boleh mencemar kuasa berdaulat (*mulk*) dan melaksanakannya tanpa dibelenggu oleh adat istiadat. Mereka juga tidak suka kepada kemegahan yang tidak ada sangkut-pautnya dengan kebenaran. Kemudiannya khalifah menjadi kuasa berdaulat, dan masyarakat Islam telah belajar untuk menghargai kebagusan dan kemewahan yang terdapat di dunia ini. Para *mawla* (sekutu yang dilindungi) yang berasal dari Parsi dan Romawi, rakyat jelata daripada kerajaan pra-Islam, telah bergaul mesra dengan mereka dan menunjukkan cara hidup yang penuh dengan kemegahan dan pelbagai kemewahan. Di antara hal yang amat disenangi oleh orang-orang Islam adalah lambang. Dengan demikian, mereka menggunakannya, dan mengizinkan para pegawai mereka menggunakannya, demi meningkatkan lagi kemegahan kuasa berdaulat dan segala yang dapat dihubungkaitkan dengannya.

Khalifah-khalifah Bani Abbas dan Bani Ubaidi (Fatimi) selalunya diizinkan untuk mengibarkan panji-panji mereka, sepertimana yang dilakukan oleh ketua-ketua di daerah perbatasan atau pegawai memerintah satu pasukan tentera. Pegawai-pegawai berkenaan kemudiannya, apabila beredar untuk melaksanakan suatu tugas atau beredar dari rumah khalifah atau dari rumahnya sendiri ke pejabat – akan diiringi oleh satu pasukan yang mengibarkan bendera-bendera dan meniup trompet. Apa yang membezakan di antara rombongan seseorang ketua dan rombongan khalifah adalah daripada bilangan bendera yang dibawa oleh rombongan itu, atau penggunaan warna-warna tertentu untuk khalifah. Dengan demikian, warna hitam adalah digunakan khusus untuk Bani Abbas. Bendera yang mereka gunakan adalah tanda sebagai berkabung untuk mengenangi para pahlawan – *syuhada* – mereka yang telah gugur daripada kalangan Bani Hasyim, dan sebagai menunjukkan bantahan terhadap perbuatan Bani Umaiyah yang telah membunuh mereka. Oleh sebab itu mereka memberinya nama *al-musawwadah*.

Apabila Bani Hasyim terbagi ke dalam beberapa golongan, dan Bani Thalib menentangi Bani Abbas daripada setiap kesempatan, mereka mahu menampakkan perbezaan di dalam warna bendera, dan mereka pun menggunakan warna putih, serta menamakannya *al-mubayyadlah*. Warna putih digunakan oleh Bani Thalib (putera-putera Ali) di sepanjang pemerintahan Bani Ubaidi (Fatimi). Ia juga digunakan oleh Bani Thalib yang pada

waktu itu mengundurkan diri mereka di Timur. Ketika al-Makmun tidak lagi mahu menggunakan warna hitam dan tidak juga warna putih sebagai lambang kebesarannya kerajaannya, dia telah memilih warna hijau dan menggunakan bendera-bendera berwarna hijau ....

[*Bilangan bendera yang digunakan, ada tidak terkira banyaknya. Ciri-ciri kebesaran yang digunakan oleh Bani Ubaidi (Fatimi) ketika al-Aziz keluar dalam usaha untuk menakluki Syria adalah terdiri daripada 500 helai bendera yang berukuran besar dan 500 buah trompet.]

Sedangkan raja-raja Barbar di Maghribi, baik daripada kalangan Sanhajah mahupun yang lainnya, tidak menggunakan warna khusus bagi bendera mereka, melainkan mencampurkannya dengan yang berwarna emas. Bendera-bendera itu mereka buat daripada sutera murni, dan mereka selalu memberi izin kepada pejabat pemerintahannya untuk menggunakan bendera beraneka warna. Kemudian kerajaan Bani Muwahiddun pun berkuasa dan dilanjutkan oleh raja-raja Zenatah. Mereka mengehadkan jumlah genderang dan bendera yang digunakan oleh raja, dan menyerahkannya kepada peringkat bawahannya. Untuk itu mereka membuat rombongan khusus yang mengikuti langkah raja dalam perlawatannya. Rombongan itu disebut *as-saqah*. Jumlah rombongan ada yang banyak dan ada yang sedikit, tergantung kepada tradisi yang berlaku dalam negara. Sebahagian ada yang cukup dengan tujuh anggota rombongan, sebagai rasa hormat, *tabarruk* atas angka tujuh, seperti yang terjadi terhadap kerajaan Muwahiddun dan Bani al-Ahmar di Andalusia. Sebahagian lagi sampai 10 hingga 20 orang, seperti terjadi sewaktu kerajaan Zenatah. Di masa pemerintahan Sultan Abu al-Hasan, genderang yang digunakan berjumlah sampai 100 buah, dan bendera besar yang dikibarkan untuk mengiringi rombongan raja berjumlah 100 helai juga. Bendera-bendera itu diwarnai dengan sutera dan dihiasi dengan warna emas. Ukurannya ada yang besar, dan ada yang kecil. Mereka memberi izin kepada para pegawai dan gabenor, serta para panglima untuk membuat sebuah bendera kecil daripada kain *linen* berwarna putih, dan sebuah genderang kecil sewaktu berperang dan tidak boleh lebih daripada itu.

Raja-raja kerajaan Turki pada masa sekarang membuat satu bendera yang amat besar, yang di puncaknya diberikan ikatan rambut. Mereka menamakannya *asy-syalisy* dan *al-jinra*, yang bagi

mereka merupakan ciri-ciri khusus seorang raja. Kemudian jumlah bendera semakin banyak, dan mereka pun menamakannya *as-sanajiq*, bentuk jamak dari *sanjaq*, yang ertinya bendera. Sedangkan genderang berjumlah lebih banyak daripada bilangan bendera, dan mereka menamakannya *al-kusat*. Mereka membolehkan setiap amir atau panglima angkatan perang membuat bendera macam ini sesuka hatinya, kecuali *al-jinra*, sebab yang terakhir ini merupakan bendera khusus untuk raja.

Bangsa Galicia pada masa ini, salah satu bangsa Franka di Andalusia, hanya menggunakan beberapa bendera saja, yang dikibarkan tinggi di udara. Tambahannya mereka membuat suatu bunyi muzik dengan menggunakan tali dan alat tiupan, yang mereka bunyikan sewaktu berjalan ke medan pertempuran. Demikianlah segala keterangan yang kita ada mengenai mereka, dan tentang raja-raja bukan Arab yang hidup sesudah mereka.

> "Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah menciptakan langit dan bumi, dan berlainan bahasa dan warna kulitnya. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda bagi mereka yang mengetahui".[56]

Tahta

Tahta, peterana, tempat peraduan, kerusi – semuanya adalah bermaksud kepingan-kepingan kayu atau perlengkapan kerajaan Ottoman yang diadakan khusus untuk raja, supaya baginda mempunyai tempat yang lebih tinggi daripada orang lain di balairung dan agar baginda tidak tampak setara dengan hamba rakyat. Kesemuanya ini sudah menjadi budaya kebangsawanan, malah sebelum Islam, dan semasa dinasti-dinasti bukan Arab. Raja-raja sebelum Islam bersemayam di atas singgahsana yang bersalutkan emas. Sulaiman, putera Daud memiliki takhta yang diperbuat daripada gading yang bersadurkan emas. Namun, kerajaan-kerajaan itu menggunakan takhta setelah mereka mencapai kemajuan dan menikmati kemewahan, sebagaimana yang ada hubungannya dengan segala kemegahan itu. Kerajaan-kerajaan yang berada di peringkat permulaan dan masih memelihara tradisi kebadwiannya tidak menghendaki kesemuanya itu.

---

56 Al-Quran Suci, surah 30 (ar-Rum) ayat 22.

Orang pertama di dalam kerajaan Islam yang mempunyai tahta adalah Muawiyah. Dia telah memohon izin daripada rakyatnya untuk menggunakannya, dengan alasan bahawa dia begitu tambun. Maka rakyat pun mengizinkannya dan dia pun menggunakan kerusi itu. Raja-raja Islam yang kemudiannya telah meneladaninya. Menggunakan tahta yang berhiaskan mutu manikam menjadi suatu pernyataan yang melambangkan kebesaran.

Pada suatu hari Amr bin al-As telah berada di istananya, duduk di atas tanah bersama orang-orang Arab. Muqawqis[57] telah berkunjung ke istananya. Beliau telah datang bersama para pengawalnya yang membawa sebuah takhta yang diperbuat daripada emas, supaya Amr bin al-As dapat menggunakannya sebagai tempat duduk sepertimana seorang raja. Dia duduk di atasnya di hadapan orang-orang Arab. Mereka tidak pula berasa iri hati terhadapnya, sebab mereka berasakan bahawa mereka harus memberikannya perlindungan – *dzimmah* – sebagaimana yang telah mereka janjikan, dan kerana mereka telah menolak kebesaran. Kemudiannya, Bani Abbas, Bani Ubaidi (Fatimi), dan raja-raja Islam lainnya baik di timur mahupun di barat, memiliki singgahsana, peterana, dan tempat peraduan yang menyaingi kebesaran maharaja Parsi dan Romawi.

Dan Allah s.w.t. pengubah malam dan siang.

Pencetakan wang logam

Sikkah, (pencetak wang logam) adalah yang memberikan cap, *khatm*, pada dinar dan dirham yang digunakan dalam urus niaga (komersil). Ia dilakukan dengan menggunakan besi yang berukirkan gambar atau perkataan yang dilorek secara terbalik. Pencetak itu dipukulkan pada dinar dan dirham, dan ukiran itu akan timbul dengan jelas dan betul di atas syiling itu. Sebelum ia dilakukan, darjah ketulenan syiling logam itu, hasil daripada penghalusan yang dilakukan secara berulang-ulang, adalah diambil kira, dan setiap dinar dan dirham itu diberikan ukuran, dan beratnya yang

57 Nama yang ditujukan orang Arab kepada Syrus, Gabenor Mesir pada akhir kekuasaan Byzantin dan Petrus Iskandariah ketika Amr bin al-As menaklukan Mesir (639–642).

telah ditetapkan. Kemudian, bilangan syiling (dan bukan beratnya) boleh digunakan untuk tujuan urus niaga. Sekiranya kepingan logam itu tidak dipastikan ketentuan beratnya maka berat logam itu yang diambil kira.

Perkataan *sikkah* (pencetak wang logam) adalah merujuk kepada pencetak, iaitu sekeping besi yang digunakan dengan tujuan untuk mencetak wang. Perkataan itu kemudiannya digunakan untuk merujuk kepada penghasilan daripada percetakan, ukiran yang kelihatan pada dinar dan dirham. Perkataan itu selanjutnya digunakan untuk menunjukkan pengawasan proses pengukiran dan pengawasan terhadap operasi keseluruhannya, tentang keseluruhannya yang ada hubungannya dengan pembuatan wang logam dan semua keadaan yang sehubungan dengannya. Pengawasan dan penyeliaan yang sedemikian merupakan bidang tugas jabatan percetakan wang. Perkataan itu kemudian digunakan untuk merujuk jabatan itu dan lazimnya digunakan dalam urusan kerajaan. Ia adalah jabatan yang perlu ada untuk kedaulatan kuasa, sebab ia memungkinkan masyarakat membezakan antara wang yang tulen dengan yang tidak tulen di dalam urus niaga mereka. Wang yang tidak tulen adalah diperakui melaui ukiran yang diketahui telah dicetak oleh raja mereka.

Bangsa bukan Arab menggunakan wang syiling dan mengukirkan gambar-gambar khusus di atasnya – sebagai contoh, gambar raja pada masa pengeluaran wang logam itu, sebuah buku, binatang atau barangan, atau, lain-lainnya. Ia menjadi suatu kebiasaan bangsa-bangsa bukan Arab (*Ajam*) sehingga ke akhir kekuasaan mereka. Ketika Islam bertapak amalan seperti itu dihentikan, kerana agama Islam mengamalkan nilai hidup yang sederhana dan oleh sikap kebadwian orang-orang Arab. Dalam urus niaga, mereka menggunakan emas dan perak mengikut kadar beratnya. Mereka juga, memiliki dinar dan dirham Parsi. Mereka menggunakannya juga dalam urus niaga sesuai dengan kadar beratnya, dan menggunakannya sebagai perantara tukaran. Pihak kerajaan tidak memberikan apa-apa perhatian terhadap masalah ini. Akibatnya, penipuan dalam menggunakan dirham dan dinar akhirnya menjadi sesuatu yang sangat serius. Sebagaimana yang dilaporkan, Abdul Malik telah menyuruh al-Hajjaj supaya mencetak dirham, dan syiling yang tidak tulen dibezakan daripada yang bermutu. Kejadian ini berlaku pada tahun 74 [693/94.] Pada tahun 76 [695/96], Abdul Malik telah mengarahkan al-Hajjaj

supaya mencetak wang logam di daerah-daerah yang lainnya. Pada syiling itu dituliskan *Allahu ahad, Allahu as-samad.*

Kemudiannya, di masa pemerintahan Yazid bin Abdul Malik, Ibn Hubirah telah menjawab jawatan Gabenor di Iraq dan bertindak memperbaiki percetakan mata wang logam (sikkah). Selanjutnya Khalid al-Qasri, dan sesudahnya Yusuf bin Umar, mereka telah melakukan pelbagai usaha demi meningkatkan mutu penghasilannya ....

[*Disebutkan, orang pertama yang mencetak wang dinar dan dirham adalah Mush'ap bin az-Zubair di Iraq, pada tahun 70 [689/690] atas perintah saudaranya, Abdul Malik, ketika itu menjadi Gabenor di Hijaz. Pada sebelah bahagian wang itu ditulis *barakatullah* dan di bahagian yang lain *ismullah.* Setahun kemudian al-Hajjaj mengubahnya. Padanya ditulis perkataan *al-Hajjaj,* dan ketentuan beratnya adalah sebagaimana yang ditetapkan pada masa pemerintahan Khalifah Umar.

Pada zaman permulaan Islam, berat satu dirham adalah enam *danaq* (Parsi). Satu *mitsqal* adalah 1 1/3 dirham, maka 10 dirham adalah sama dengan tujuh *mitsqal.* Berat ini adalah ditentukan kerana pada masa pemerintahan raja-raja Parsi, berat dirham adalah berbeza-beza. Sebahagian menyatakan bahawa satu *mitsqal* adalah sama dengan 20 *qirath,* sebagaimana yang lain pula menyatakan ia adalah 12 *qirath,* dan sebahagian lagi pula 10. Disebabkan perlunya suatu ketetapan dalam urusan mengeluarkan zakat, maka diambil timbangan pertengahan, iaitu 12 *qirath,* sehingga menjadikan satu *mitsqal* itu adalah sama dengan 1 3/7 dirham.]

Apabila Abdul Malik melihat kewajaran untuk menggunakan *sikkah* untuk menghindari daripada berlakunya pemalsuan terhadap kedua mata wang itu (dinar emas dan perak) yang digunakan dalam urus niaga semasa di antara orang-orang Islam, beliau telah bertindak menentukan nilainya sebagaimana yang telah ditetapkan di masa pemerintahan Umar. Dia menggunakan pencetak besi, tetapi diukirkan perkara-perkara dan bukannya gambar, sebab *kalam* dan *balaghah* adalah lebih diterima oleh orang-orang Arab. Tambahan pula syariat agama melarang penggunaan gambar dan patung.

Selepas zaman Abdul Malik, penggunaan mata wang itu diteruskan di sepanjang zaman Islam. Bentuk dinar dan dirham adalah bulat. Tulisan di atasnya berada pada bulatan-bulatan

sepusat. Pada salah satu bahagiannya ditulis nama-nama Allah dengan kata-kata yang mengagung-agungkan dan memuji-muji-Nya – 'Tiada Tuhan melainkan Allah' dan 'Puji-pujian bagi Allah' serta kata-kata selawat ke atas Nabi Muhammad dan keluarganya; sedangkan di sisi yang lainnya pula, dituliskan tarikh dan nama khalifah. Mata wang daripada jenis ini adalah digunakan pada masa pemerintahan Bani Abbas, Bani Ubaidi (Fatimi) dan Bani Umaiyah (di Andalusia). Sanhajah tiada memiliki pencetak wang kecuali di akhir pemerintahan mereka apabila al-Mansur, tuan Bougie (Bijayah) membuatnya. Hal ini disebutkan oleh Ibn Hammad di dalam buku sejarah yang dihasilkan olehnya.

Sementara kerajaan Muwahiddun pula, al-Mahdi telah menetapkan pencetakan dirham berbentuk empat segi dan mengukirkan segi empat di sekeliling dinar yang bulat itu. Dia telah mengukirkan salah satu bahagiannya dengan kata-kata: 'Tiada Tuhan melainkan Allah, dan, Segala puji bagi Allah' dan di sisi lainnya dengan tulisan yang mengandung namanya dan digantikan oleh pewarisnya dengan nama mereka sesudahnya. Hal ini menjadi amalan kerajaan Muwahiddun. *Sikkah* mereka dikekalkan hinggalah sekarang ini. Sebagaimana yang dinukilkan bahawa sebelum al-Mahdi menerajui kerajaan, dia telah disebut sebagai tuan dirham empat segi (*sahibud-dirham al-murabba'*) oleh ahli-ahli nujum yang telah meramalkan kewujudan kerajaannya.

Para penduduk Timur pada hari ini tidak memiliki sikkah yang tetap nilainya. Untuk melakukan urus niaga, mereka menggunakan dinar dan dirham mengikut sukatan beratnya, dan nilainya adalah ditentukan melalui ukuran berat yang seara dengan sekian banyak dirham atau dinar. Di atasnya diukirkan dengan perkataan 'Tiada Tuhan melainkan Allah', dan selawat ke atas nabi serta nama raja, sebagaimana yang diamalkan juga oleh orang-orang Maghribi. ...

> "Demikianlah ketetapan Yang Maha Bijaksana Lagi Maha Mengetahui".[58]

Khatam

Penggunaan *khatam* – materai atau cap mohor – merupakan salah

58 Al-Quran Karim, surah 25 (al-Furqan), ayat 2.

satu fungsi pemerintah dan jabatan kerajaan. Memberi *khatm* pada surat dan ijazah telah dilakukan oleh raja-raja sebelum dan sesudah Islam. Suatu yang telah ditetapkan dengan jelas bahawa di dalam *shahihayn*, bahawa ketika Nabi Muhammad – s.a.w. hendak mengutus surat kepada kaisar Byzantium, baginda telah diingatkan bahawa raja-raja bukan Arab hanya menerima surat yang telah di*khatam*kan. Maka baginda pun membuat sebuah *khatm* daripada perak, dan diukirkan padanya perkataan *'Muhammadun, Pesuruh Allah'* al-Bukhari menyatakan:

> "Baginda membuat tiga kalimat pada tiga baris dan (mengecap surah itu) dengan khatam."

Muhammad s.a.w. mengingatkan:

> "Tidak dibenarkan sesiapa pun menggunakan *khatam* seperti ini."

Dikatakan bahawa Abu Bakar, Umar, dan Usman telah menggunakan *khatam itu untuk menyegel* [*Cincin itu telah terlurut daripada jari Usman dan terjatuh ke dalam Sumur Arisa. Meskipun sumur itu tidak mempunyai air yang banyak, cincin itu gagal dijumpai semula meskipun telah puas mencari hingga ke dasarnya. Usman berasa sedih dengan kehilangan cincin itu dan mengarahkan supaya dibuat sebentuk cincin.]

Ada beberapa proses mengukir *khatam* dan cara menggunakannya. Yang demikian terjadi kerana kata *khatam* dapat diertikan alat yang diletakkan pada jari. Menggunakan *khatam* dapat bererti memakai alat itu. Kata *khatam* juga bererti akhir dan lengkap, dalam erti kata suatu telah khatam, maksudnya telah sempurna atau sah atau yang dimaksudkan al-Quran telah dikhatamkan, ia telah selesai dibaca juga *khatamun-nabiyyin* (yang ertinya nabi penutup, akhir para nabi), atau *khatamul-amr* (akhir pekerjaan). Kata khatam juga bererti alat yang digunakan untuk menutup perlengkapan rumah ... di antaranya adalah firman Allah:

> "tutupnya adalah kasturi".[59]

Ada penafsir yang mengertikan ayat ini dengan *akhir* dan lengkap dengan alasan bahawa akhir yang mereka nikmati setelah minum

59 Al-Quran Karim, surah 83 (al-Muthaffifin) ayat 26.

adalah harum kasturi. Penafsiran demikian salah dan bukan begitu maksudnya. *Khatam* di sini bererti tutup. *Khamr* yang diletakkan di dalam botol perlu diberi tutup supaya *khamr* itu terpelihara, bau harum dan rasanya menjadi baik. Demikian pula yang terjadi dengan *khamr* syurga . ...

Proses memberi *khatam* melahirkan maksud akhir dan lengkap, dalam pengertian bahawa tulisan yang telah diberikan *khatam* itu adalah benar dan sah. Surat berkenaan sudah dianggap selesai dan lengkap dengan pembubuhan *khatam*. Tanpanya, surat itu tidak tidak sah dan tidak sempurna. Pemberian *khatam* dapat juga dilakukan dengan menuliskan dengan tangan, pada akhiran atau awalan surat itu dengan yang terpilih sama ada sanjungan dan puji-pujian, atau nama raja atau amir, atau nama si penulis surat, sesiapa sahaja dirinya atau sesuatu yang menggambarkan penulisnya. Kesemua yang dituliskan dengan tangan adalah menandakan kebenaran dan keabsahan surat itu. Secara umum semua itu dikenal dengan sebutan tandatangan tetapi juga disebut *khatam* kerana hakikatnya adalah sama seperti cincin *khatam* Ashafi.[60]

'Khatam' yang pihak hakim, *qadli*, kirimkan kepada pihak-pihak yang bersengketa adalah termasuk ke dalam pengertian ini. 'Khatam' itu adalah tandatangan dan tulisan tangannya, yang mengesahkan keputusan-keputusannya. 'Khatam' raja atau khalifah, iaitu tandatangannya, juga dihubungkan dalam pengertian tersebut.

[*Ketika hendak melantik Ja'far menjadi Wazir menggantikan al-Fadl, saudaranya, ar-Rasyid berkata kepada Yahya bin Khalid – iaitu ayah mereka:

> "Ayahku,[61] aku hendak memindahkan *khatam* dari tangan kananku ke tangan kiriku".

Wizarah di sini digantikan dengan kata *khatam*, kerana memberi

---

60 Dinisbahkan kepada *Aashif*, iaitu surah Sulaiman a.s. yang berisikan seruan kepada "nama yang agung". Sulaiman melihat bahawa singgahsana kerajaan telah ditentukan untuk dirinya.

61 *Ayahku*, demikian ar-Rasyid memanggil Yahya bin Khalid al-Baramki. Seperti dikatakan Ibn Khaldun sebelum ini, alasannya ialah kerana Yahya memelihara dia dan membesarkan ar-Rasyid, putera mahkota dan khalifah, hingga besar bersamanya, dan kemudian mengunggulinya. Oleh sebab itu dia memanggil *bapa* kepada Yahya.

tandatangan pada surat dan ijazah termasuk salah satu tugas wizarah. Keabsahan pernyataan ini dibuktikan oleh fakta yang dinukilkan at-Thabari, iaitu bahawa Muawiyah mengirim selembar kertas putih bertanda *khatam* di bawahnya kepada al-Hasan. Tertulis di sana:

> "Tentukan syarat sesukamu di atas kertas yang telah saya beri tanda *khatam* di bawahnya. *Khatam* itu kepunyaanmu".]

Erti khatam di sini ialah tanda yang ditulis sendiri oleh khalifah atau orang lain pada akhir kertas, *shahifah*.

Khatam boleh dibentuk pada benda yang lembut, dengan demikian huruf-hurufnya akan timbul di permukaannya dan meletakkan benda itu (yang terbentuk *khatam*nya) pada ikatan (talinya) yang mana surat itu diikatkan, dan diletakkan pada tempat untuk menyimpan seperti gudang, peti besi, dan sebagainya. Di sinilah terkandungnya pengertian *tutup* daripada *khatam*, sepertimana telah diterangkan sebelum ini. Pada kedua pengertian inilah tercakup bekas-bekas khatam, dan lalu disebut *khatam*.

Orang pertama yang memperkenalkan *khatam* pada surat, iaitu penubuhan tandatangan, adalah Muawiyah. Dia juga yang memperkenalkan jabatan *diwanul-khatam*, sebagaimana disebutkan oleh at-Thabari. Ia mempunyai para setiausaha yang bertugas menyegerakan surat-surat raja dan mengkhatamkannya sama ada dengan menubuhkan tandatangan, atau dengan mengikatnya. Jabatan, *Diwan*, dapat juga bererti tempat setiausaha-setiausaha itu bekerja, sebagaimana telah disebutkan dalam jabatan pengendalian hal-ehwal kewangan.

Surat-surat itu diikat sama ada dengan menusuk kertasnya dan mengikatnya dengan tali, sepertimana yang biasa dilakukan oleh para setiausaha di Maghribi, atau dengan melekatkan hujung lembaran, *shahifah*, yang mana bahagian atasnya dilipatkan, sebagaimana lazim dilakukan oleh orang-orang di Timur. Pada tempat di mana surat itu dilubangi dan disatukan, atau di mana ianya dibubuh gam, dibubuhkan tandatangan. Ia memastikan bahawa surat itu tidak dibuka atau isinya tidak dibaca. Orang-orang Maghribi meletakkan sepotong lilin pada tempat yang ditusuk dan diikat itu, dan menutupnya dengan *khatam* yang mana di atasnya diukirkan dengan suatu tanda-tanda *'alamah*, yang digunakan memberikan *khatam*, dan ukiran itu ditekankan pada

lilin tersebut. Pada masa kerajaan-kerajaan silam di Timur, tempat di mana surat itu digamkan juga di*khatam*kan dengan ukiran yang dimasukkan ke dalam satu adunan tanah liat mereka yang dipersiapkan untuk tujuan tersebut. Ukiran *khatam* itu lalu ditekankan pada tanah liat itu. Semasa kerajaan Bani Abbas, tanah liat tersebut dinamakan, tanah khatam, *thinul-khatm*, yang diambil dari Siyaraf, sehingga menyatakan seolah-olahnya tanah itu khusus terdapat di sana sahaja.

Penggunaan khatam adalah suatu yang lazim dilakukan oleh jabatan perhubungan raya, *diwanur-rasail*. Ketika kerajaan Bani Abbas, ia menjadi tugas wazir. Kemudiannya, kebiasaan itu berubah. Ia dilakukan oleh mereka yang bertugas dengan perhubungan raya dan pejabat para setiausaha di pelbagai kerajaan. Di Maghribi, masyarakatnya menganggap cincin *khatam* itu sebagai salah satu di antara tanda dan ciri-ciri kebesaran kerajaan. Mereka memperindahkan cincin *khatam* yang diperbuat daripada emas itu dengan hiasan permata mutu manikam, firuzah, dan zamrud. Sebagaimana kebiasaannya, raja akan memakainya sebagai suatu tanda kebesaran baginda. Sewaktu kerajaan Bani Abbas raja biasanya menggunakan burdah dan pedang, sedangkan di masa kerajaan Bani Ubaidi (Fatimi) baginda menggunakan *midlallah.*

Dan Allah pengubah keadaan dengan hukumnya.

Thiraz

Ia adalah daripada kedaulatan dan kemegahan seseorang raja serta menjadi suatu amalan kerajaan untuk mengabadikan nama raja berkenaan atau tanda-tanda yang khusus mengenai mereka disulam pada kain sutera, atau kain sutera asli yang disediakan sebagai pakaian mereka. Tulisan itu dibuat dengan cara menenun benang emas atau benang yang warnanya berbeza dengan warna kain itu. Penghasilannya adalah tergantung pada ketrampilan penenun di dalam mereka coraknya dan menenunnya. Pakaian-pakaian kebesaran adalah disulam dengan *thiraz* tersebut, dengan maksud untuk meningkatkan martabat seorang raja atau demi mengangkat taraf orang bawahan yang memakai pakaian semacam itu, atau dengan maksud untuk mengangkat martabat mereka yang mana raja telah memperkenankan mereka memakai pakaian

baginda sebagai mengenang jasa bakti mereka atau, melantik mereka menjadi salah seorang penjawat kerajaan.

Raja-raja bukan Arab sebelum Islam lazimnya akan membuat *thiraz* dengan melakarkan gambar raja-raja, atau para tokoh dan gambar yang direka khusus untuk itu. Kemudian raja-raja Islam telah mengubahnya dan menenunkan nama mereka bersama perkataan yang memberikan petanda yang baik atau puji-pujian. Di dalam kerajaan Bani Umaiyah dan Bani Abbas, *thiraz* merupakan sesuatu yang paling dikagumi dan dihormati. Rumah-rumah yang digunakan untuk menenun pakaian-pakaian itu disebut rumah-rumah *thiraz, duwarut-thiraz*. Orang yang meng-awasinya disebut tuan *thiraz, shahib al-thiraz*. Dia bertugas mengurus para tukang, peralatan, dan para penenun yang ada di rumah-rumah *thiraz*, pembayaran upah, penjagaan peralatan, serta mengawasi pekerjaan. Jabatan sebagai tuan *thiraz, shahib ul-thiraz* adalah dipertanggungjawabkan oleh raja-raja Bani Abbas kepada orang yang akrab dan para *mawla* yang paling mereka percayai. Hal yang sama berlaku dengan kerajaan Bani Umaiyah di Andalusia dan para pengganti mereka, raja-raja Thaifah – *reyes de taifas*, serta kerajaan Bani Ubaidi (Fatimi) di Mesir dan raja-raja bukan Arab yang semasa dengan mereka di Timur. Apabila kemewahan dan kepelbagaian kebudayaan menjadi mundur mengikut merosotnya kuasa kerajaan-kerajaan yang terbesar, dan sewaktu kerajaan-kerajaan kecil pula semakin berpengaruh, jabatan dan pentadbirannya di dalam banyak kerajaan telah dimansuhkan.

Apabila kerajaan Muwahiddun bertapak di Maghribi, menggantikan Bani Umaiyah, pada permulaan abad ke-6 (12), mereka pada awal berkerajaan itu belum lagi memiliki *thiraz* kerana mereka telah diajar oleh imam mereka Muhammad bin Tumart al-Mahdi tentang selok-belok beragama dan mengenai kesederhanaan. Mereka begitu berhemat untuk memakai pakaian yang diperbuat daripada sutera dan emas. Jabatan *thiraz*, dengan demikian, tidak mendapat tempat di dalam kerajaan mereka. Pewaris mereka, pada tahun-tahun yang kemudiannya, dengan demikian, telah memantapkan hanya sebahagiannya sahaja, tetapi tidaklah sehebat mana pun.

Pada masa sekarang ini, kita telah melihat sendiri begitu banyaknya (pembuatan *thiraz*) berkembang maju di dalam kerajaan Bani Marin yang memerintah di Maghribi. Bani Marin

telah mempelajari pembuatannya daripada daulat Ibn al-Ahmar (Nasrid) yang sezaman dengan mereka di Andalusia. Mereka kemudiannya telah menteladani apa yang menjadi kebiasaan *thiraz* para raja Thaifah dan dalam persoalan ini mereka telah mencapai sesuatu hasil yang boleh dengan sendirinya dapat menerangkan.

Di dalam kerajaan Turki di Mesir dan Syria yang semasa, *thiraz* sangat banyak dibuat sehubungan dengan kadar kedaulatan daulat dan peradaban negeri itu. Namun, *thiraz* tidak dibuat di rumah-rumah atau perkarangan istana negara, dan tidak dianggap sebagai satu jabatan negara. *Thiraz* yang diperlukan oleh sesebuah kerajaan ditenun oleh para tukang, daripada kain sutera dan emas tulen. Mereka menyebutnya *muzarkasy*,[62] perkataan daripada bahasa Parsi. Nama raja atau amir disulam di atasnya. Ia dibuat oleh para tukang negara, bersama beberapa hasil lagi yang amat bermutu lainnya.

> Dan Allah s.w.t. penentu malam dan siang. Allah adalah paling baik pewaris.

Khemah-khemah besar dan dinding-dinding khemah

Suatu yang harus diketahui ialah di antara lambang kuasa berdaulat dan kemewahan adalah khemah-kehmah kecil dan besar dan payung yang diperbuat daripada linen, *wool* dan kain kapas, dengan tali linen atau kapas. Semua itu digunakan sebagai hiasan sewaktu dalam perjalanan. Ia adalah daripada pelbagai jenis, besar atau kecil, bergantung pada kemakmuran kerajaan itu. Pada awal berkerajaan, jenis rumah yang sama digunakan oleh rakyat sebelum mereka beroleh kuasa berdaulat telah digunakan terus. Pada masa pemerintahan khalifah-khalifah Bani Umaiyah yang pertama, orang Arab tinggal di khemah yang diperbuat daripada kulit dan *wool*. Hanya segelintir sahaja orang-orang Arab pada masa itu yang meneruskan hidup secara kebadwian. Apabila mereka bertolak untuk melakukan serangan ataupun pergi berperang, mereka bergerak dengan menggunakan unta, membawa bersama alat perkakas mereka, dan para wanita dan anak-anak mereka, sebagaimana yang masih dilakukan oleh bangsa Arab pada masa kini. Dengan demikian, pasukan-pasukan tentera

---

62 Dalam terjemahan F. Rosenthal tertulis *zarkash*.

mereka adalah terdiri daripada ahli-ahli keluarga pengembara, dan jarak suatu kawasan perkhemahan itu adalah sangat jauh. Kumpulan itu berada terpisah jauh, dan setiap kumpulan itu berada sangat jauh untuk saling bersua muka.

Kemudian, kerajaan Arabiah itu mengambil pelbagai cara daripada budaya tinggal menetap (*hadlarah*. Ar. *setentary culture*. Ing.) dan kemegahannya. Penduduknya tinggal menetap di kota-kota dan di bandar-bandar. Mereka telah berubah daripada penghuni di khemah-khemah kepada orang yang tinggal dalam istana. Mereka menggantikan unta dengan kuda dan keldai sebagai binatang tunggangan. Kini, mereka menggunakan kain-kain linen sebagai tempat kediaman mereka sewaktu sedang dalam perjalanan, menjadikannya sebagai rumah-rumah (khemah) dengan pelbagai bentuk dan ukurannya, bulat, berbentuk bujur, atau empat persegi. Dalam hubungan ini, mereka telah memperagakan suatu kemegahan dan seni yang sangat hebat. [*Panglima perang memberi arahan kepada pasukan tenteranya dari khemah-khemah dan tirai-tirai. Di antara mereka terdapat pakaian dari 'katun', yang di Maghribi disebut *afrak* – huruk *k* dilafazkan antara *k* dan *q* – bahasa Barbar yang digunakan dalam komunikasi sehari-hari. Cuma penguasa daerah itu sahaja yang menggunakannya. Di Timur, ramai amir yang membuatnya, meskipun raja tidak berbuat begitu.]

Kehidupan mewah kemudiannya telah menyebabkan kaum wanita dan kanak-kanak ditinggalkan untuk menghuni di istana dan rumah-rumah yang tersergam indah. Dengan demikian, orang-orang itu bergerak dengan membawa apa yang perlu sahaja. Jarak di antara suatu kawasan penempatan tentera dengan yang lainnya menjadi semakin tidak jauh. Pihak tentera dan raja berkhemah di satu kawasan perkhemahan, yang seluruhnya dapat dijangkau oleh mata seorang pemerhati. Ia adalah suatu pandangan yang amat menarik kerana pelbagai warnanya. Demikianlah caranya kemewahan itu diperlihatkan oleh kerajaan-kerajaan itu.

Ia adalah cara hidup daulat-daulat Muwahiddun dan Zenatah yang bayangannya sampai kepada kita. Pada permulaan kekuasaan mereka, sewaktu mengadakan perjalanan mereka menggunakan khemah biasa sebagai tempat tinggal yang digunakan sebelum mereka memperolehi kedaulatan berkuasa. Namun, akhirnya, mereka bersikap dengan kehidupan secara mewah, dan rakyatnya pun mulai tinggal di istana-istana. Kemudian, mereka

telah menggunakan khemah-khemah yang besar dan kecil dengan banyaknya daripada yang pada awalnya diinginkan.

Ia adalah suatu kemewahan yang sangat nyata. Namun, tentera-tentera sering menghadapi serangan pada waktu malam sewaktu mereka berkumpul di satu tempat, yang mana serangan mengejut itu melibatkan mereka semua. Tambahan pula, mereka tidak bersama keluarga dan anak-anak dan disebabkan oleh keluarga mereka dan anak-anak itulah yang mendorong mereka rela mati. Dengan demikian, suatu cara perlindungan lainnya adalah diperlukan dalam hubungan ini.

Allah Maha Kuat Lagi Maha Perkasa.

Tempat sembahyang berkepung (*Maqshurah*) dan doa semasa khutbah Jumaat

Kedua-duanya adalah hak istimewa khalifah dan lambang kedaulatan dalam Islam. Ia tidak wujud di negara-negara bukan Islam.

Tempat berkepung, yang digunakan oleh raja sebagai tempat solat, adalah kekisi yang diletakkan di sekitar *mihrab*, dan ruang yang berdekatan dengannya. Orang pertama yang menggunakannya adalah Muawiyah bin Abi Sufyan, setelah ditikam oleh salah seorang daripada kaum Khawarij. Dikisahkan juga bahawa orang pertama yang menggunakannya adalah Marwan bin al-Hakam setelah seorang berbangsa Yaman menikamnya. Sesudah itu, kesemua khalifah menggunakannya. Ia menjadi suatu kebiasaan untuk membezakan antara seorang raja dengan rakyatnya sewaktu menunaikan fardu bersembahyang. Ia berlaku hanya ketika negara telah mencapai kemewahan dan kemajuan, sepertimana dengan pelbagai kebesarannya.

Ia kekal sedemikian di seluruh kerajaan Islam apabila kerajaan Bani Abbas dimansuhkan dan bilangan kerajaan lain di Timur menjadi semakin bertambah. Ia kekal sedemikian juga di Andalusia ketika kerajaan Bani Umaiyah diruntuhkan dan kerajaan-kerajaan kecil muncul bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Seperti di Maghribi, Bani Aghlabid menggunakannya di al-Qairawan. *Maqshurah* itu kemudiannya digunakan oleh para khalifah Bani Ubaidi (Fatimi) dan oleh gabenor-gabenor Sanhajah di Maghribi, Bani Badis di Fez, dan Bani Hammad di al-

Qalah. Apabila kaum Muwahiddun menguasai seluruh Maghribi dan Andalusia, mereka telah menghapuskan *maqshurah* (tempat salat yang berkepung) sejajar dengan tradisi badwiah yang menjadi ciri mereka. Namun kemudiannya kerajaan itu berkembang maju dan cenderung kepada kemewahan. Apabila raja Muwahiddun yang ketiga, Ya'qub al-Mansur pula berkuasa, dia telah menggunakan *maqshurah* itu. Sesudah itu, penggunaan suatu kebudayaan raja-raja Maghribi dan Andalusia. Hal yang sama dilakukan oleh kerajaan-kerajaan yang lainnya.

Tentang pembacaan doa dari atas mimbar sewaktu khutbah Jumaat, suatu yang baru dikatakan ialah bahawa pada awalnya khalifah-khalifah itu sendiri yang menjadi imamnya. Dengan demikian, mereka biasanya akan melafazkan doa-doanya sendiri setelah melafazkan doa yang diwajibkan ke atas Nabi Muhammad s.a.w. serta keredaan Allah s.w.t. ke atas para sahabat baginda.

[*Orang pertama yang menggunakan mimbar adalah Amr bin al-Ash ketika membina masjidnya sendiri di Mesir. Dan orang pertama yang berdoa untuk khalifah di atas mimbar adalah Ibn Abbas. Dia berdoa untuk Ali – semoga keredaan Allah dilimpahi ke atasnya – dalam khutbahnya di al-Basrah, ketika dia menjadi gabenor di sana. Katanya:

> "Ya Allah, bantulah Ali atas kebenaran."

Dan tradisi ini terus berlanjut sesudahnya.]

Setelah Amr bin al-Ash menggunakan mimbar, sampailah beritanya itu kepada Umar bin al-Khattab. Umar menulis surat kepadanya:

> "*Amma ba'du.* Saya mendengar khabar bahawa anda telah menggunakan mimbar dan meletakkan kedudukan diri anda melepasi paras bahu kaum Muslimin. Apakah tidak cukup engkau berdiri sedangkan kaum Muslimin berada di bawah tumitmu? Dengan demikian, saya menyarankan supaya anda menghancurkannya sama sekali".

Setelah adanya kebesaran dan khalifah-khalifah berasa terlalu sibuk sehingga menghalangnya daripada memberikan khutbah kepada jemaah serta mengimamkan solat, mereka telah melantik para wakil untuk melakukan tugas-tugas tersebut. Khatib akan memperkatakan tentang khalifah dari atas mimbar. Dia memuji-muji dan mendoakan keselamatannya, kerana Allah s.w.t. telah

melantiknya sebagai pemimpin di dunia ini dan kerana berdoa pada waktu begini dikatakan sangat afdal. Orang-orang dulu menyatakan:

> "Barang siapa yang mempunyai doa yang baik, doakan juga untuk raja."

Hanya khalifah sahaja yang disebutkan. Tetapi apabila khalifah disisihkan dan berada di bawah telunjuk orang lain, orang-orang yang memegang kuasa mentadbirkan negara seringnya telah mengongsi doa yang dilafazkan untuk khalifah, dan nama mereka disebutkan sesudah namanya.

Apabila kerajaan itu lenyap, amalan itu turut dilenyapkan. Hanya raja sahaja diberi keistimewaan untuk disebutkan di dalam doa yang dilafazkan dari atas mimbar, dan tidak ada sesiapa selain daripada baginda. Tidak seorang pun diizinkan untuk menikmati keistimewaan yang diberikan kepada raja, atau berhasrat melakukannya.

Mereka yang menjadi pengasas kerajaan lazimnya akan mengabaikan lembaga ini sewaktu negara masih berada pada tingkatan hidupnya yang rendah dan mengekalkan kecuaian itu dan kekasaran sikap badwiah. Mereka berpuas hati dengan doa-doa yang singkat, rujukan-rujukan umum kepada mereka yang telah dipertanggungjawabkan untuk mengurusi kebajikan umat Islam ... Khutbah semacam ini disebut *abbasiyah*, yang bermaksud doa singkat yang dilakukan oleh seorang Abbas sebagai taqlid meniru apa yang telah dilakukan oleh orang sebelumnya.

Tetapi setelah mereka peka terhadap persoalan politik dan mereka mula menyedari seluruh aspek kuasa berdaulat dan menyempurnakan secara terperincinya budaya hidup secara menetap dan ilham tentang kemegahan serta kebesaran, mereka mengambil seluruhnya ciri-ciri luaran khusus tentang kedaulatan berkuasa dan menggunakan kesempatan yang terdapat itu dengan sebaik-baiknya. Mereka bertindak menghalang sesiapa sahaja yang ingin berkongsi hak dengan mereka, dan mereka berasa khuatir akan kehilangan semuanya itu dan dinasti mereka akan dihalang daripada menikmati apa yang dianggap wajar mereka menerimanya.

> Dunia adalah kebun. Allah s.w.t. memeriksa segala sesuatu yang terdapat di dalamnya.

37 Peperangan dan cara-cara melakukannya sebagaimana yang diamalkan oleh pelbagai bangsa[63]

Peperangan dan pelbagai jenis pertarungan telah terjadi sejak Allah s.w.t. menciptakan dunia ini. Asal-usul peperangan ialah lahirnya suatu dorongan untuk membalas dendam terhadap seseorang lainnya. Setiap golongan itu disokong oleh orang-orang yang berkongsi perasaan sekumpulan atau *ashabiyah*nya. Apabila kedua-dua pihak telah cabar-mencabar untuk berperang dan apabila kedua pihak itu bertemu, satu hendak membalas dendam dan golongan yang satu lagi berusaha untuk mempertahankan diri, maka berlakulah apa yang dikatakan suatu peperangan. Ia adalah suatu hal yang lumrah di kalangan manusia. Tidak ada negara dan bangsa (generasi) yang terlepas daripada belenggunya.

Apa yang mendorong kepada perbuatan balas dendam sebagaimana lazimnya ada sama perasaan cemburu mencemburui dan iri hati, atau persengketaan, atau semangat dibangkitkan kerana Allah s.w.t. dan agama-Nya, atau semangat menegakkan kedaulatan serta usaha-usaha mahu mendirikan sebuah kerajaan.

Jenis peperangan yang pertama sering kali terjadi di antara suku-suku yang tinggal berjiran, dan keluarga yang menjadi saingan hebat.

Jenis yang kedua – peperangan yang berpunca daripada persengketaan – selalunya dilakukan oleh bangsa-bangsa yang sememangnya buas yang hidup ditengah-tengah padang pasir, seperti bangsa-bangsa Arab, Turki, Turkoman, Kurdi, dan yang seperti mereka. Mereka mendapatkan rezeki dengan menggunakan tombak, dan pendapatan hidup mereka dengan cara yang suka merampas harta benda orang lain. Mereka mengisytiharkan peperangan, terhadap mereka yang mempertahankan apa yang menjadi hak mereka daripada dirampas. Mereka tidak berkeinginan untuk mendapatkan pangkat dan kedaulatan kuasa. Fikiran dan perhatian mereka hanyalah mata-mata untuk berusaha merampas apa yang orang lain miliki.

Peperangan jenis yang ketiga ialah yang diisytiharkan oleh syariat agama sebagai 'perang suci', *jihad.*

---

63 Apa yang dinyatakan Ibn Khaldun dalam bahagian ini hanya berlaku untuk bangsa-bangsa yang semasa dengannya, khususnya bangsa Arab dan Barbar. Deduksi membuat *Muqadimah* nampak kurang.

Jenis yang keempat, yang terakhirnya, adalah peperangan oleh negara terhadap mereka yang cuba mencabul dan mereka yang enggan memberikan ketaatannya.

Demikianlah ada empat jenis peperangan. Dua yang pertama tadi adalah bentuk peperangan yang tidak wajar dan penuh keganasan; dan dua yang terakhir adalah peperangan untuk tujuan jihad dan mencari suatu keadilan sahaja.

Sejak manusia itu diwujudkan, peperangan di dunia ini telah berlaku di dalam dua cara. Satu ialah kemaraan secara bersaf-saf. Yang lainnya ialah teknik serang dan berundur.

Kemaraan pasukan secara formasi bertumpu-tumpu merupakan teknik yang diamalkan oleh kebanyakan orang-orang bukan Arab di sepanjang kewujudan mereka. Teknik melakukan serangan dan berundur telah menjadi amalan orang-orang Arab dan Barbar Maghribi.

Pertempuran secara formasi bertumpu-tumpu adalah lebih mantap dan lebih sengit daripada cara serang dan undur. Sebabnya ialah dalam peperangan secara formasi bertumpu-tumpu, barisan tempurnya adalah begitu teratur dan disusun dengan baik, seperti anak-anak panah dan saf-saf orang yang mengerjakan solat. Pasukan itu mara secara berpusu-pusu untuk menghadapi pihak lawan. Cara begini memantapkan penyerangan dan membolehkan penggunaan taktik yang baik. Ia lebih menakutkan pihak musuh. Formasi berpusu-pusu adalah laksana suatu dinding yang panjang atau sebuah istana yang dibina dengan baik di mana akan menyulitkan pergerakan seseorang itu. Dalam al-Quran disebutkan:

> "Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berperang pada jalan-Nya, dalam suatu barisan yang teratur, seakan-akan sebuah bangunan yang kukuh".

Hadis pula menyebutkan:

> "Seorang mukmin bagi mukmin yang lain bagaikan bangunan yang saling memperkukuhkan".

Sudah jelaslah betapa besarnya hikmah yang mewajibkan bahawa barisan itu harus diperteguhkan dan menegah sesiapa sahaja daripada undur sewaktu melakukan serangan.[64] Maksud

64 Ibn Khaldun mensitir firman Allah, yang terdapat dalam surah 8 (an-Anfal) ayat 15–16.

barisan dalam medan perang ialah menjadi disiplin tempur. Barang siapa yang membelakangi dirinya daripada pihak musuh akan menyebabkan suatu keadaan yang kucar-kacir terhadap barisan tempur. Mereka telah bersalah kerena melakukan suatu jenayah yang boleh menyebabkan terjadinya suatu yang keadaan kacau-bilau. Dia dengan sengaja mengundangkan kekalahan serta memberi peluang kepada pihak musuh memenangi pertempuran. Dosa kerana berbuat begitu adalah amat besar. Perlakuan seperti ini dianggap sebagai suatu dosa besar, *kabair*. Bertempur dalam suatu barisan tempur adalah penting daripada cara yang lainnya, menurut pendapat Nabi Muhammad s.a.w.

Pertempuran mengikut teknik serang dan undur adalah tidak sesengit atau tidak selamat terhadap melakukan suatu keadaan yang mengkucar-kacirkan, sebagaimana peperangan dengan teknik tempur berpusu-pusu kecuali adanya suatu pasukan di barisan belakang yang kuat di mana mereka yang menyerang itu boleh berundur sesudah suatu serangan dan berundur sepanjang penyerangan. Susunan tempur begitu akan menjadi suatu barisan tempur secara berpusu-pusu.

Kerajaan-kerajaan pada zaman silam mempunyai ramai anggota tentera dan daerah kekuasaan yang terlalu luas. Mereka membahagi-bahagikan pasukan tentera itu menjadi beberapa unit yang mereka sebut *kurdus*, dan pada masing-masing *kurdus* mereka bentuk satu barisan, *saf*. Alasan berbuat demikian ialah kerana anggota tentera mereka menjadi semakin ramai dan bilangannya adalah tidak terkira, dan mereka dikumpulkan dari daerah-daerah yang terpencil. Ia menjadikan suatu hal yang tidak dapat dielakkan apabila sebilangan daripada mereka tidak kenal-mengenal antara satu dengan yang lainnya apabila mereka berada di medan perang dan bertempur dengan seteru dan apabila bertempur secara berpusu-pusu. Dalam suatu keadaan yang sangat dibimbangi, dalam keadaan sebegitu, di mana satu sama lainnya akan serang-menyerang kerana berlakunya suatu kekeliruan, dan mereka pula tidak kenal-mengenal antara seorang dengan yang lainnya. Dengan demikian, mereka memecahkan pasukan tentera itu menjadi unit-unit kecil dan menempatkan orang-orang yang saling kenal-mengenal ke dalam satu pasukan. Mereka menyusun unit-unit itu menjadi seperti bahagian menyerupai sebagaimana arah mata angin. Ketua turus angkatan tentera, sama ada raja itu sendiri ataupun panglima tentera, berada di bahagian pusatnya. Susunan

ini dikenali sebagai arahan medan (*Tabiah*. Ar. *Battle Order*. Ing.). Ia disebutkan di dalam sejarah tentang orang-orang Parsi, tentang yang dilakukan oleh orang Byzantin, dan sebagaimana dibuat oleh kerajaan (Bani Umaiyah dan Abbasiyah) pada permulaan Islam. Di hadapan pasukan raja terdapat satu pasukan tempur khusus, panglima tenteranya dan panji-panjinya yang tersendiri. Mereka digelar sebagai barisan depan *muqaddimah*. Kemudian, di sebelah kanan di mana pasukan raja berada, ada suatu pasukan lainnya. Ia disebut 'sayap kanan', *maimanah*. Terdapat suatu pasukan lain di sebelah kiri yang disebut 'sayap kiri', *maisarah*. Kemudian, ada suatu pasukan lain di belakang pasukan utama, yang digelar 'barisan belakang', *saqah*. Raja dan rombongannya berada di tengah-tengah empat pasukan ini. Tempat di mana seorang raja berada, dipanggil 'pusat', *qalb*. setelah susunan yang bijaksana ini siap diatur – yang meliputi suatu kawasan yang luas tetapi dengan mengambil masa selama satu atau dua hari perjalanan di antara satu dengan dua pasukan itu, dan menggunakan kesempatan yang mungkin dengan pasukan yang besar ataupun kecil – maka tempur medan dengan itu disusun, serangan secara bersusun boleh dilakukan. Hal ini dapat diteliti melalui sejarah penaklukan orang-orang Islam dan sejarah kerajaan Bani Umaiyah dan Bani Abbas. [*Telah diketahui juga dalam sejarah bagaimana pada masa Abdul Malik, pasukan-pasukan tertinggal dalam perjalanannya untuk mengadakan *tabiah*, membiarkan jarak di antara pasukan hadapan dan pasukan di belakang. Oleh sebab itu, dia menunjuk al-Hajjaj bin Yusuf untuk memimpin pasukan yang tertinggal.]

Banyak lagi susunan yang sebegitu dapat ditemui di kalangan Bani Umaiyah di Andalusia. Suatu yang tidak kita ketahui sekarang, sebab kita hidup di zaman di mana dinasti itu memiliki suatu pasukan yang kecil yang mana sewaktu di medan tempur tidak akan berlaku kesilapan antara satu sama lainnya. Kebanyakan pasukan tentera daripada kedua pihak itu boleh dikumpulkan di sebuah perkampungan atau di sebuah kota. Setiap seorang daripada mereka kenal sahabatnya dan mereka panggil memanggil sewaktu sedang bertempur. Dengan demikian, *tabiah* atau bentuk tempur seperti itu tidak diperlukan lagi.

Satu daripada teknik yang digunakan oleh mereka yang menggunakan *metode* serang dan undur, ialah dengan mengadakan, di belakang pasukan tentera itu, suatu benteng daripada benda-benda padu dan binatang-binatang sebagai untuk tempat

berlindung pasukan kalvari sewaktu menyerang dan berundur. Ia adalah bertujuan untuk mententeramkan pasukan pejuang itu, supaya mereka akan menentang bermati-matian dan mendapatkan banyak kesempatan untuk menang.

Mereka yang berperang di dalam satu pasukan yang berpusu-pusu juga melakukan hal yang sama, dengan tujuan menambahkan ketabahan dan kekuatan. Orang-orang Parsi yang berperang dengan cara bersaf-saf lazimnya menggunakan gajah di medan perang. Mereka menggunakan gajah-gajah itu untuk membawa menara-menara kayu yang tinggi seperti istana, berisikan para perajurit, alat senjata dan bendera-bendera. Mereka meninggalkan semuanya itu sewaktu sedang bertempur, bagaikan ianya adalah benteng-benteng. Kesemuanya itu menguatkan jiwa mereka secara psikologinya, dan memberikan suatu keyakinan diri.

Dalam hubungan ini, seseorang itu dapat membandingkan apa yang terjadi di al-Qadisiyah. Pada hari yang ketiganya, tentera Parsi telah mengasak pasukan tentera Islam dengan gajah-gajah mereka. Akhirnya, beberapa pahlawan Arab yang amat berani telah melakukan suatu serangan balas, menyusup di antara gajah-gajah dan menetak belalai-belalainya dengan pedang. Gajah-gajah itu lari bertempiaran dan kembali ke kandanganya di al-Madain. Kejadian ini melumpuhkan kubu pasukan tentera Parsi, dan pada hari yang keempatnya mereka pun berundur.

Orang-orang Romawi, raja-raja Goth di Andalusia dan kebanyakan orang-orang bukan Arab lazimnya menggunakan tahta-tahta dengan maksud untuk mengukuhkan barisan tempur mereka. Tahta itu akan diletakkan di tengah-tengah medan perang dan di kelilingi oleh hamba rakyatnya, pasukan pengiring dan perajurit yang sanggup mati demi rajanya. Panji-panji dikibarkan di sudut-sudut tahta. Suatu pasukan pemanah tepat dan pasukan infantri ditempatkan di sekelilingnya. Tahta itu dengan demikian menjadi suatu yang sangat bererti sekali. Ia menjadi tempat di mana pasukan penyerang akan berpatah balik dan sebahagian tempat berlindung dan melakukan serangan. Inilah apa yang dilakukan oleh orang-orang Parsi sewaktu peperangan al-Qadisiyah. Rustum duduk di atas tahta yang didirikan untuknya. Akhirnya, barisan tentera Parsi menjadi kucar-kacir, dan orang-orang Arab dapat menyusupi barisan itu. Baginda meninggalkannya dan berhijrah ke Euphrates, tempat di mana baginda dibunuh.

Orang-orang Arab dan kebanyakan bangsa Badwi lainnya sering bergerak dan menggunakan teknik menyerang dan berundur, meninggalkan unta dan haiwan yang digunakan untuk memikul barang-barang dalam satu barisan demi memperkuatkan barisan tempur itu. barisan-barisan seperti itu dapat digunakan sebagai tempat berlindung dan mereka menamakannya *majdzubah.* Setiap bangsa yang menggunakan teknik seperti ini didapati dapat memperkukuhkan pertahanan, dan mendapat perlindungan yang baik daripada serangan mengejut dan dikacau-bilaukan. Ini adalah suatu hakikat yang telah terbukti, tetapi kerajaan-kerajaan pada masa kini sama sekali telah mengabaikannya. Sebaliknya, mereka meninggalkan haiwan-haiwan pengangkut barang-barang itu dan khemah-khemah mereka di b lakang barisan sebagai barisan belakang. Binatang-binatang itu tidak dapat menggantikan gajah dan unta. Dengan demikian, pasukan tentera itu terdedah kepada kemungkinan dikucar-kacirkan, dan mereka selalu bersiap sedia untuk lari dari medan tempur.

Pada zaman permulaan Islam, semua peperangan adalah dilakukan dengan teknik tempur cara bersusun-susun, meskipun orang-orang Arab hanya mengetahui taktik menyerang dan undur. Ada dua perkara pada awal jalan yang menyebabkan mereka berperang secara tempur bersusun-susun. Pertama, pihak musuh itu yang berperang dengan cara sedemikian, mereka terpaksa melakukan cara yang sama. Kedua, mereka sanggup mati syahid, sebab mereka mahu membuktikan ketabahan mereka serta sangat yakin dengan kepercayaan mereka. Sahlah perang secara tempur jarak dekat merupakan kaedah perang yang paling wajar dilakukan oleh mereka yang rela gugur di medan perjuangan. [*Orang pertama yang menghapuskan barisan (*saf*) dalam peperangan dan digantikan *tabiah, kurdus*, adalah Marwan bin al-Hakam, ketika memerangi al-Dlah hak al-Khariji dan sesudahnya, dalam memerangi al-Hubairi ...]

Apabila kemewahan meresapi kehidupan pelbagai dinasti, penggunaan barisan penahan di belakang pasukan tempur telah diabaikan. Sebabnya ialah sewaktu mereka menjadi orang-orang Badwi dan tinggal di khemah-khemah, mereka memiliki banyak unta, dan para wanita serta kanak-kanak tinggal di khemah bersama-sama dengan mereka. Kemudian mereka menikmati kemewahan hidup dan tinggal di istana dan di dalam lingkungan penduduk yang tinggal menetap dan meninggalkan sama sekali

cara hidup di padang pasir dan daerah-daerah yang terpencil. Pada masa itu mereka pun melupakan kehidupan sewaktu menggunakan unta dan segala macamnya, dan adalah suatu yang sukar untuk mereka menggunakannya. Sewaktu mereka bergerak, kaum wanita ditinggalkan di belakang. Kuasa berdaulat dan kemewahan hidup menyebabkan mereka menggunakan khemah-khemah yang besar dan yang kecil. Mereka mengehadkan diri pada binatang-binatang yang dapat digunakan untuk membawa barang-barang dan khemah-khemah. Mereka menggunakan kesemuanya itu sebagai benteng tempat berlindung sewaktu dalam peperangan. Ia, dengan apa cara pun sama sekalinya tidak memadai. Kesemuanya itu, sebagaimana anggota keluarga dan harta benda mereka sendiri, tidak merangsang apa pun kesungguhan untuk rela gugur. Dengan demikian, mereka mempunyai daya ketahanan yang sangat lemah. kegetiran di medan perang sangat menakutkan mereka, dan barisan-barisan tempur mereka menjadi kacau-bilau.

Kami telah menyebutkan kekuatan barisan yang ada di belakang pasukan sumbangkan kepada orang yang berperang dengan teknik serang dan undur. Dengan demikian, raja-raja Maghribi telah menggunakan khidmat beberapa pasukan askar-askar Franka (kristian Eropah) di dalam pasukan mereka, dan cuma mereka sahaja yang telah melakukannya, tambahan pula hanya sekutu mereka sahaja yang mengetahui teknik serang dan undur. Kedudukan raja diperkuat dengan adanya satu barisan yang akan membantu tentera yang berperang di barisan hadapan. Pasukan yang berada di dalam kedudukan susun atur barisan itu haruslah terdiri daripada tentera-tentera yang sudah terlatih untuk berpadu dalam mengadakan penyerangan secara bersaf. Jika tidak, mereka akan berundur sepertimana yang dilakukan oleh mereka yang berperang menggunakan taktik serang dan undur, dan kalau mereka berundur, raja dan pasukan tenteranya akan menjadi kucar-kacir. Dengan demikian, raja-raja di Maghribi terpaksa menggunakan khidmat pasukan tentera yang terdiri daripada suatu bangsa yang sudah terlatih untuk melancarkan serangan secara susun atur berdekatan. Bangsa itu adalah orang-orang Kristian Eropah. Raja Maghribi menggunakan khidmat mereka meskipun disedari bahawa mereka telah mendapatkan khidmat orang-orang kafir. Mereka, dengan demikian, adalah sesuai untuk memainkan peranan itu daripada bangsa lainnya. Namun, raja-raja Maghribi menggunakan khidmat orang-orang Franka itu hanya dalam

peperangan untuk menentangi bangsa Arab dan Barbar, dengan maksud memaksa mereka supaya akur. Mereka tidak menugaskan pasukan tentera upahan itu di dalam peperangan jihad. Begitulah keadaan di Maghribi pada masa itu.

Kami dimaklumkan bahawa taktik peperangan bangsa Turki pada masa itu adalah dengan menggunakan panah. *Tabiah* atau 'susun atur medan' mereka ialah dengan mewujudkan suatu susunan tempur. Mereka membahagikan pasukan tentera itu kepada tiga barisan, setiap barisan mengambil kedudukan di belakang yang lainnya. Mereka turun daripada kuda, mengosongkan bekas yang mengisi anak panah itu di atas tanah di hadapan mereka, dan kemudiannya memanah dalam kedudukan yang dirasakan selesa berlutut. Setiap barisan akan berusaha melindungi barisan di hadapannya daripada dialahkan oleh pihak musuh sehinggalah kejayaan dapat dipastikan oleh pihak itu. Ia adalah suatu yang baik dan susun tempur yang amat menakjubkan.

Dalam peperangan, orang-orang zaman dahulu kala menggunakan kaedah menggali lubang di sekitar kawasan perkhemahan mereka ketika mereka hendak melakukan serangan. Mereka takut akan diserang oleh musuh pada malam hari dan serangan pada waktu malam, dan kepekatan malam itu serta ketidakpastiannya akan melipatgandakan lagi perasaan takut. Dalam keadaan yang sedemikian, para tentera akan bertindak melarikan diri dan akan mendapati bahawa kepekatan malam itu adalah suatu bentuk perlindungan secara psikologinya daripada perasaan hina kerana melarikan diri daripada medan perang. Sekiranya kesemua anggota tentera melakukan hal yang begitu, maka kawasan perkhemahan itu akan mengalami kucar-kacir, dan akan melumpuhkan kekuatan pasukan. Dengan demikian, mereka lazimnya akan menggali parit di keliling kawasan perkhemahan. Mereka mendirikan khemah-khemah dan menggali lubang di sekeliling kawasan itu untuk membendung pergerakan musuh yang hendak menyerang pada waktu malam hari. Dalam hal ini mereka tidak serang-menyerang.

Kerajaan-kerajaan berupaya melakukan hal semacam ini yakni yang melibatkan pengumpulan tenaga manusia, di mana pun mereka bertapak, kerana peradaban, *umran*', sudah begitu maju dan kuasa berdaulatnya sangat meyakinkan. Tetapi setelah peradaban itu hancur, dan kerajaan yang kuat diganti oleh kerajaan yang lemah, dengan bilangan anggotanya yang sedikit dan tidak ada pekerjanya, kesemuanya itu seluruhnya dilupakan

sahaja, bagaikan ia tidak pernah wujud pun.

Kita harus memikirkan nasihat dan galakan yang Ali diberikan kepada anak-anak buahnya. Pada hari akan berlakunya peperangan di Shiffin. Seseorang itu pastinya akan dapat menemui di dalamnya, begitu sekali ilmu banyak pengetahuan tentang peperangan. Tidak ramai yang memiliki wawasan ketenteraan yang luas selain daripada Ali. Dalam salah satu *kalam*nya dia menyatakan:

> "Luruskan barisan kalian laksana sebuah bangunan yang kukuh."
>
> "Letakkan askar yang berbaju besi di hadapan, dan mereka yang tidak berbaju besi di bahagian belakang."
>
> "Getapkan geraham kamu. Ini akan membolehkan tetakan pedang yang lebih kuat untuk mencederakan kepalanya."
>
> "Salutkan hujung tombak kamu itu. Cara begini akan memelihara ketajaman matanya."
>
> "Pandanglah ke bawah. Ia akan membuatkan jiwa lebih terpusat dan akan membuat hati berasa lebih tenang."
>
> "Rendahkan suara. Ini akan mengusir kegagalan dan lebih mendatangkan wibawa."
>
> Jangan dicondongkan bendera-bendera kamu itu dan jangan diturunkan. Berikan bendera itu kepada orang yang paling berani di antara kalian.
>
> "Serukan kebenaran dan ketabahan untuk bantuan, kerana sesudah ketabahan pasti akan ada kemenangannya ...."
>
> Dan Allah Lebih Mengetahui.

Tidak ada kepastian akan mencapai kemenangan dalam peperangan,meskipun mempunyai kelengkapan yang cukup dan bilangan anggota yang ramai yang membolehkan tercapainya kemenangan. Kemenangan dan lebih berkuasa dalam perang adalah berpunca daripada kemujuran dan kesempatan. Hal ini diterangkan oleh hakikat bahawa sebab-sebab lebih menguasai adalah, sebagaimana biasanya, suatu gabungan beberapa faktor. Faktor-faktor luarannya adalah seperti bilangan anggota tenteranya, cukup terlatih dan mempunyai alat persenjataan yang bermutu tinggi, jumlah tentera yang berani, bijaksana dalam menyusun barisan tempur, taktik yang betul, dan hal yang serupa dengannya. Kemudian, terdapatnya faktor-faktor yang terselindung. Ia mungkin disebabkan tipu daya manusia, seperti tersebarnya berita

yang mencemaskan dan desas-desus yang menyebabkan berlakunya perbuatan berpaling tadah (di pelbagai pangkat di kalangan pihak musuh) menguasai tempat-tempat yang tinggi, supaya dapat menyerang dari kawasan yang tinggi, yang membingungkan mereka yang berada di bawah dan menyebabkan mereka menyelamatkan diri masing-masing sahaja; bersembunyi di dalam kawasan semak samun atau di dalam lubang dan menyembunyikan diri di kawasan-kawasan berbatu-batan, supaya para tentera sesuatu pasukan itu muncul ketika musuh berada dalam keadaan yang genting, dan dia pula harus menyelamatkan diri daripada berusaha mempertahankan dirinya dan hal yang seumpamanya. Faktor-faktor yang terlindung ini boleh jadi juga sesuatu yang ada hubungannya dengan ketuhanan, yang mana ia tidak mampu dilakukan oleh manusia itu sendirinya. Ia mempengaruhi manusia secara psikologinya, dan dengan itu membangkitkan perasaan gentar. Mereka menyebabkan kacau-bilau di tengah-tengah pasukan, dan terjadilah suatu kekalahan. Kekalahan selalunya ditimbulkan oleh sebab-sebab yang tidak ketara, sebabnya ialah kerana kedua-dua kumpulan itu mempergunakan dengan sebaik-baiknya kesempatan yang diberikan kepada mereka di dalam usaha untuk mencapai kemenangan. Salah satu pihak itu haruslah berjaya mencapai kejayaan di dalam menggunakannya. Sabda Nabi Muhammad s.a.w.

> "Perang adalah tipu muslihat."

Sebuah peribahasa Arab menyebutkan:

> "Seberapa banyak muslihat adalah lebih baik daripada satu suku".

Ia dengan demikian sudah menjadi jelas bahawa keunggulan di dalam peperangan, sebagai suatu yang harus, terhasil daripada sesuatu sebab yang terselindung, bukan yang luarannya. Hadirnya sesuatu kesempatan yang disebabkan oleh sesuatu yang tersembunyi ialah apa yang dimaksudkan oleh perkataan 'mujur'. [*Maka harus diambil pengajaran daripadanya. Fahamilah sebahagian contoh terjadinya keunggulan yang disebabkan oleh aspek-aspek astronomi – sebagaimana telah diterangkan – dalam maksud yang dikandung. Sabda Nabi Muhammad s.a.w.

"Aku diberi kemenangan dengan ditimbulkannya rasa takut dalam perjalanan sebulan."

Ini menjelaskan kemenangan yang dikecapi oleh Nabi Muhammad s.a.w. mengalahkan kaum Musyrikin meskipun dengan bilangan tnetera yang sedikit pada masa hidupnya dan kejayaan tentera Islam semacam melakukan penaklukan selepas wafatnya Muhammad s.a.w. Perasaan takut yang terbetik di dalam hati tentera-tentera musuh merupakan sebab berlakunya banyak kekalahan pada masa berlakunya penaklukan Islam, tetapi ia merupakan faktor yang tidak dapat dilihat oleh manusia menurut pandangan mata kasar.

At-Tharthusi menyebabkan bahawa salah satu sebab yang membolehkan tercapainya kemenangan dalam peperangan ialah salah satu pasukan itu memiliki sebilangan pendekar dan satrianya yang perkasa. Sebagai contohnya salah satu pihak itu memiliki 10 ataupun 20 orang pahlawan terbilang, dan yang satu pihak lagi memilih lapan ataupun 16 orang. Pihak yang mempunyai bilangan yang ramai, meskipun cuma seorang lagi, akan memperolehi kemenangan. Dia menerangkannya secara bersungguh-sungguh. Dia sebetulnya merujuk kepada sebab-sebab luaran sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini, tetapi dia tidaklah benar. Apa yang pada hakikatnya terbukti boleh menyumbang kepada kehebatan adalah keadaan dalam hubungannya dengan *ashabiyah* atau perasaan kekitaan yang meliputi kesemuanya, sedangkan pihak yang satu lagi adalah daripada beberapa perasaan kekitaan, dan sekiranya kedua-dua pihak itu adalah sama dari segi jumlahnya, maka pihak yang mempunyai perasaan kekitaan yang satu adalah lebih kuat, dan lebih hebat daripada, kumpulan yang terdiri daripada beberapa kumpulan perasaan kekitaan. ...

38 Cukai dan sebab sedikit dan banyaknya hasil daripada pendapatan cukai

Suatu yang harus diketahui ialah bahawa pada permulaan sesebuah kerajaan, cukai yang dikutip adalah suatu hasil yang besar daripada taksiran kecil. Pada penghujung sesebuah kerajaan, cukai menghasilkan hasil yang sedikit daripada taksirannya yang banyak.

Sebabnya ialah apabila sesebuah kerajaan itu mematuhi apa yang disyaratkan oleh agama Islam, ia hanya mengenakan cukai

sebagaimana yang hanya ditentukan oleh syariat agama, seperti cukai derma, (*sadaqah*); cukai tanah (*kharaj*); dan cukai pemberian hak bersuara (*jizyah*). Cukai-cukai ini sedikit kerana pendapatan harta daripada zakat adalah sedikit, seperti yang telah kita ketahui. Demikian pula zakat buah-buahan dan binatang ternak, termasuk pula *jizyah* dan *kharaj*, serta seluruh cukai yang telah ditentukan oleh syariat agama. Semuanya itu telah ditetapkan dan tidak boleh ditambah-tambah ikut sesuka hati.

Apabila sesebuah kerajaan itu mengikuti cara-cara daripada perasaan sekumpulan dan hebat (politik) ia harus pada permulaannya memiliki kebiasaan hidup di padang pasir (*badawiyah*), sebagaimana yang telah disebutkan terdahulu. Sikap *badawiyah* itu menuntut adanya kemurnian jiwa, sikap hormat-menghormati, kerendahan hati, menghormati harta benda orang lain, dan tidak tamak untuk memilikinya, kecuali dalam keadaan yang tertentu sahaja. Dengan demikian, seorang individu itu mengenakan dan membuat taksiran, yang kedua-duanya menjadi hasil pendapatan cukai, adalah rendah. Apabila taksiran cukai dan kewajipan membayar cukai ke atas rakyat adalah sedikit, mereka mempunyai kesungguhan dan semangat untuk mengusahakan sesuatu. Budaya mengusahakan menjadi berkembang dan meningkat, sebab pengenaan cukai yang rendah itu mendorong kepada suatu kepuasan hati. Apabila budaya mengusahakan itu meningkat, jumlah kewajipan terhadap orang perseorangan dan taksiran cukai akan berlipat ganda. Sebagai akibatnya, hasil pendapatan cukai yang merupakan jumlah keseluruhan daripada (taksiran terhadap orang perseorangan) akan meningkat.

Apabila kerajaan itu terus berkuasa, dan para rajanya menggantikan yang lainnya mengikut gilirannya, corak hidup mereka menjadi lebih canggih. Tingkah laku kebadwian dan kesederhanaan itu tidak diutamakan lagi, dan sikap yang mengutamakan kesederhanaan dan pantang larangnya akan lenyap. Kuasa berdaulat dengan tingkah lakunya yang penuh dengan kekejaman dan budaya tinggal menetap akan mendorong kepada kecanggihan, akan menjadi suatu yang menonjol. Rakyat di negara itu akan memiliki sifat-sifat yang ada kaitannya dengan kepintaran. Kebudayaan dan kemahuan hidup mereka menjadi semakin beragama disebabkan oleh kemakmuran dan kemewahan hidup yang mana mereka telah semakin tenggelam di dalamnya. Akibatnya, kewajipan terhadap individu dan taksiran cukai ke atas rakyat, buruh

tani, petani dan setiap pembayar cukai, ditingkatkan. Setiap kewajipan terhadap individu dan taksiran ditingkatkan, demi mendapatkan kutipan hasil cukai (*jibayah*) yang lebih tinggi. Cukai kastam dikenakan terhadap barang-barang dagangan dan dikutip di pintu-pintu kota. Kemudian, jumlah taksiran cukai dipertingkatkan dikenakan lepas satu kepada satu yang lainnya, sejajar dengan peningkatan budaya hidup mewah dan keperluan negara yang banyak serta perbelanjaan yang diperlukan sehubungan dengannya. Akhirnya, cukai yang dikenakan akan membebani rakyat, dan terlalu menyukarkan mereka. Pengenaan cukai yang tinggi menjadi suatu keharusan dan tradisi, sebab peningkatan jumlah itu dilakukan secara sedikit demi sedikit, dan tidak seorang pun secara khususnya tahu siapakah yang meningkatkan jumlah itu, atau siapa yang mengenakannya. Mereka mengenakan kepada hamba rakyat sebagai suatu tanggungjawab dan tradisinya.

Taksiran itu meningkat melampau batas kewajarannya. Akibatnya ialah minat rakyat hendak melakukan budaya mengusahakan akan menjadi lenyap,[65] kerana apabila mereka bandingkan perbelanjaan dan cukai dengan pendapatan yang mereka membandingkan perbelanjaan dan cukai dengan pendapatan dan keuntungan dan mereka lihat keuntungan yang mereka perolehi adalah begitu kecil, mereka menjadi putus asa. Dengan demikian, ramai yang tidak terdorong untuk turut terlibat dengan budaya mengusahakan. Sebagai akibatnya ialah pendapatan cukai keseluruhan akan menurun, sepertimana menurunnya taksiran pendapatan orang perseorangan. Selalunya apabila pengurangan itu disedari, jumlah yang wajibkan terhadap individu dipertingkatkan. Ini disifatkan sebagai membayar ganti rugi di atas pengurangan itu. Akhirnya, kewajipan terhadap individu dan taksiran mencapai kepada hadnya. Tidak ada faedahnya untuk meningkatkannya lagi. Kos untuk membiayai seluruh aktiviti keusahawanan sekarang ini sudah menjadi begitu tinggi, cukainya menjadi terlalu membebankan, dan keuntungan yang dijangkakan gagal dicapai. Akhirnya peradaban dihancurkan, kerana perangsang untuk melakukan aktiviti keusahawanan sudah tiada lagi. Negaralah yang menanggungi akibatnya, sebab manfaatnya banyak diperolehi daripada kegiatan keusahawanan.

---

65 Kalimat dalam kurung ini merupakan tambahan yang didapat hanya dalam teks *Muqadimah at-timuriyyah'*.

Sekiranya seseorang itu memahami hal ini, dia akan menyedari bahawa pendorong yang paling kuat untuk aktiviti keusahawanan ialah dengan mengurangkan sebanyak yang mungkin jumlah yang dikenakan ke atas orang perseorangan yang berupaya untuk melakukan usaha-usaha keusahwanaan. Dalam hal begini, orang berkenaan secara psikologisnya akan terangsang untuk melibatkan diri untuk melakukannya kerana mereka berasa yakin akan mendapat keuntungan daripadanya.

> Dan Allah s.w.t. penguasa segalanya, dan "yang di tangan-Nya kekuasaan atas segala sesuatu".[66]

39 Kerajaan pada tahun-tahun berikutnya akan mengenakan cukai kastam

Pada permulaannya, kerajaan itu akan mempertahankan sikap *badawiyahnya*. Dengan demikian, mereka mempunyai kehendak yang sedikit, kerana kemewahan dan tabii yang turut ada itu belum lagi diwujudkan. Biaya dan perbelanjaan adalah amat sedikit. Pada waktu itu, hasil kutipan cukai adalah lebih banyak daripada apa yang dibelanjakan, bahkan terdapat lebih banyak.

Kerajaan itu, kemudiannya mula menerima kemewahan dan kebiasaan hidup mewah daripada kebudayaan tinggal menetap dan meneladani apa yang hanya dilakukan oleh kerajaan-kerajaan yang terdahulu. Akibatnya, biaya hidup keluarga bangsawan itu menjadi bertambah. Secara khususnya, biaya hidup raja bertambah dengan banyak sekali, berdasarkan perbalanjaan untuk para pengiringnya dan banyaknya elaun-elaun yang harus dibayar. Hasil daripada pajak tidak cukup untuk membayar itu semua. Dengan demikian, kerajaan itu harus meningkatkan pendapatannya (*jibayah*) sebab para tenteranya memerlukan upah yang lebih banyak dan raja memerlukan lebih banyak wang untuk membayar perbelanjaannya. Pada mulanya, jumlah yang diwajibkan dan taksiran cukai pajak individu ditambah. Kemudian, apabila biaya hidup dan keperluan-keperluan akibat daripada pengaruh perkembangan yang beransur-ansur oleh kebiasaan hidup mewah dan elaun tambahan untuk tentera, negara sebenar dijangkiti suatu penyakit yang boleh melemahkannya.

---

66 Al-Quran Karim, surah 36 (Yasin), ayat 83.

Rakyatnya menjadi tidak bertenaga untuk mengutip cukai dari wilayah dan daerah-daerah yang terpencil. Maka, kutipan hasil cukai semakin menurun, dan kebiasaan yang memerlukan wang semakin bertambah. Apabila ia meningkat, gaji dan elaun untuk anggota tentera turut bertambah. Dengan demikian, raja harus menciptakan suatu bentuk cukai yang baru. Dia mengenakan cukai itu dalam urusan perdagangan. Baginda mengenakan cukai terhadap harga di pasar-pasar dan barang-barang yang diimport di pintu-pintu kota. Raja terpaksa melakukanya kerana rakyat telah dimanjakan oleh elaun-elaun yang banyak dan disebabkan oleh bertambahnya bilangan anggota tentera dan anggota pertahanan awam. Cukai yang dikenakan semakin bertambah pada tahun-tahun terakhir negara. Perniagaan semakin merosot kerana hasrat untuk mendapatkan laba telah musnah, membuka laluan kepada berakhirnya peradaban, *umran* dan mencerminkan status negara itu. Keadaan begini menjadi lebih buruk, hingga negara itu tidak lagi dapat dikendalikan.

Hal seperti ini sering terjadi di kota-kota di Timur di masa terakhir kerajaan Bani Abbas dan Bani Ubaidi (Fatimi). Cukai dikenakan malah kepada jemaah haji menunaikan ibadah haji. Salahuddin Ayyub menghapuskan cukai seperti ini sama sekali dan menggantikannya dengan kebaikan. Hal yang sama juga berlaku di Andalusia pada masa pemerintahan raja-raja Thaifah, *rejes de taifas*, hingga dihapuskan oleh Yusuf bin Tasyifin, amir Bani Murabith. Hal itu juga terjadi di kota-kota al-Jarid di Ifriqiyah pada masa ini, ketika para pemimpin bertindak sewenang-wenang-nya.

Dan Allah lebih Mengetahui.

40 Kegiatan perdagangan yang dilibati oleh raja adalah sesuatu yang memudaratkan rakyat dan akan merosakkan pendapatan cukai

Sesebuah kerajaan akan mengalami kesulitan kewangan, sebagai-mana yang telah dinyatakan dahulu, disebabkan oleh kebiasaan hidup mewah, dan atas pertimbangan perbelanjaannya, dan kekurangan pendapatan hasil daripada cukai untuk membayar keperluan-keperluannya. Ia memerlukan lebih banyak wang dan hasil yang lebih banyak. Kemudian, kadang-kadangnya negara itu

akan mengenakan duti kastam ke atas kegiatan perniagaan yang dilakukan oleh rakyatnya. Kadang kalanya, ia menambahkan jenis yang dikenakan cukai kastam, sekiranya cukai sebegitu sudah diperkenalkan sebelumnya. Kadang kalanya, ia menggunakan deraan terhadap penjawat-penjawatnya, dan pengutip cukai serta memaksa mereka berusaha lebih keras. Hal ini terjadi apabila penjawat-penjawat itu didapati melakukan penyelewengan yang mana kutipan yang dibuat didapati tidak seberapa.

Ada kalanya, raja sendiri melibatkan diri baginda dalam kegiatan perdagangan dan pertanian, ini adalah bertujuan untuk menambahkan hasil pendapatan baginda. Baginda menyaksikan bahawa para peladang dan petani memperoleh keuntungan yang besar dan berupaya memiliki banyak harta, dan melihat bahawa laba yang diperolehi adalah sejajar dengan jumlah modal yang mereka laburkan. Dengan demikian, baginda mula berternak dan mengusahakan ladang dengan tujuan untuk bercucuk tanam supaya memperolehi banyak keuntungan, membeli barang dagangan dan mendedahkan dirinya kepada turun naik pasaran. Baginda berpendapat bahawa ini akan menambah hasil pendapatan dan meningkatkan lagi pencapaian keuntungannya.

Sungguhpun demikian, ini merupakan suatu kesilapan yang besar. Ia memudaratkan rakyatnya dalam banyak hal. Pertama, petani dan pedagang mendapat kesukaran untuk membeli binatang ternakan dan barang dagangan dan untuk mendapatkan keluaran termurah segala sesuatu yang ada sangkut-pautnya dengan bidang pertanian dan perdagangan. Rakyat memiliki jumlah kekayaan yang sama, atau kekayaan yang hampir sama banyaknya. Persaingan di antara mereka telah sampai pada puncaknya, atau hampir dengan kerugian, iaitu sumber kewangan mereka. Sekarang, apabila raja yang memiliki lebih banyak modal sekiranya dibandingkan dengan mereka, ikut bersaing dengan mereka, tidak mungkin ada seorang pun di antara mereka yang dapat memperoleh sesuatu yang mereka inginkan, dan akan menjadi cemas dan tidak berasa tidak senang hati.

Tambahan pula, raja boleh mendapatkan seberapa banyak hasil pertanian dan dagangan yang ada sekiranya baginda berkehendakannya. Baginda boleh melakukannya sama ada secara paksa atau dengan membeli barang itu dengan harga serendah yang mungkin. Tambahan pula tidak ada seorang pun di kalangan mereka yang berani menyainginya. Maka baginda boleh memaksa

si penjual untuk merendahkan harganya. Lanjutannya, apabila hasil pertanian seperti jagung, sutera, madu, gula dan lain-lainnya, atau barang dagangan apa jenisnya, boleh diperolehi raja tidak menunggu sehingga harga pasarannya baik dan suatu yang menguntungkan, sebab baginda harus menguruskan keperluan negara. Dengan demikian, baginda memaksa para pedagang dan petani yang berkecimpung dalam perniagaan barang-barang itu supaya membeli daripadanya. Baginda hanya akan puas hati dengan harga yang paling tinggi dan yang terbaik. Para pedagang dan petani, sebaliknya pula akan mengalami kehabisan modal di dalam urus niaga semacam itu. Barang dagangan yang mereka ada itu akan dengan sendirinya menjadi tidak bererti lagi. Mereka dengan sendirinya tidak dapat melakukan urusan perdagangan, yang dengannya membolehkan mereka mencari sedikit keuntungan dan menjadikan mata pencarian hidup mereka. Selalunya, mereka memerlukan wang. Kemudian, mereka terpaksa menjual barang-barang itu (yang dipaksakan oleh raja itu supaya membelinya) dengan harga yang rendah, semasa kejatuhan harga pasaran. Selalunya, pedagang dan petani itu terpaksa melakukan hal yang sama berulang kali. Mereka dengan demikian tidak lagi memiliki modal yang cukup lalu terpaksa berhenti berniaga.

Ini menjadi suatu proses yang berlaku secara berulang-ulang. Kesulitan dan kesukaran kewangan, serta kerugian yang dialami menyebabkan mereka telah kehilangan minat untuk melakukan daya usaha, dan akhirnya menyebabkan keruntuhan struktur kewangan. Sebahagian besar hasil pendapatan daripada cukai adalah diperolehi daripada para petani dan peladang, khususnya apabila cukai kastam dikenakan serta cukai pendapatan yang diperolehi daripadanya. Maka, apabila petani tidak lagi bertani dan pedagang tidak lagi berdagang, pendapatan daripada hasil cukai merosot sama sekali, atau mengalami kemerosotan yang amat membimbangkan.

Sekiranya raja membandingkan hasil pendapatan daripada cukai dengan yang diperolehi daripada keuntungan (daripada perdagangan yang diusahakan sendiri), dia akan mendapati bahawa keuntungan yang diperolehinya daripada perdagangan dan pertanian adalah amat kecil bila dibandingkan dengan pendapatan daripada cukai. meskipun baginda mengaut keuntungan daripada perdagangannya, dia masih kehilangan sejumlah besar pendapatan cukai, dalam erti kata hubungannya dengan berjual

beli. Adalah suatu yang tidak mungkin sama sekali cukai kastam itu dikenakan ke atas kegiatan perdagangan dan pertanian baginda. Jika, sekiranya berjual beli yang sama dilakukan oleh orang lainnya cukai kastam seluruhnya akan dimasukkan di dalam cukai keseluruhannya.

Tambahan pula, perdagangan yang diceburi oleh raja akan menimbulkan kerosakan terhadap peradaban, *umran* dan dengan demikian meruntuhkan kerajaan itu. Apabila rakyat tidak lagi berupaya memperbesarkan modal mereka melalui pertanian dan perdagangan, modal itu akan berkurangan dan kehabisan sebagai akibat daripada perbelanjaan. Ini akan merosakkan keadaaan mereka.

Orang-orang Persia tidak menobatkan seseorang itu menjadi raja dikecuali daripada kalangan kerabat diraja sahaja. Tambahannya, mereka akan memilih orang daripada kalangan mereka yang berhemah, beragama, berpendidikan, bersikap keterbukaan, ada keberanian, dan kebangsawanan. Kemudian, mereka menentukan syarat tambahan supaya raja itu haruslah bersifat adil. Juga, baginda tidak boleh mengusahakan ladang pertanian kerana ia boleh merosakkan usaha orang lain. Baginda tidak boleh terlibat dengan bidang perdagangan kerana ia akan daripada keperluannya akan menaikkan harga kesemua barang-barang. Dan baginda tidak boleh menggunakan hamba sahaya sebagai orang suruhan, sebab mereka tidak berupaya memberi nasihat yang baik dan khidmat yang sangat bermanfaat.

Suatu yang harus diketahui bahawa kewangan raja itu dapat dipertingkatkan, dan sumber kewangannya diperbaiki, hanya melalui pendapatan daripada cukai. Ia dapat ditingkatkan hanya melalui kesaksamaan tindakan terhadap rakyatnya dengan harta serta menghormati mereka, supaya semangat mereka dapat terus dibina, dan mereka mempunyai insentif untuk mengusaha modal mereka berhasil dan berkembang. Ini kemudiannya, akan meningkatkan pendapatan baginda dalam bentuk cukai.

Para amir dan mereka yang berkedudukan di dalam negeri yang terlibat dalam perdagangan dan pertanian, mencapai suatu peringkat di mana mereka bertindak membeli hasil pertanian dan perdagangan daripada para pemilik yang datang kepada mereka, dengan kadar harga yang mereka tentukan sebagaimana dirasakan pada mereka sangat sesuai. Kemudian, mereka menjual semula barang-barang tersebut kepada rakyat yang berada di bawah

naungan mereka, pada waktunya yang paling sesuai, dengan harga yang mereka tentukan sendiri. Cara ini adalah lebih berbahaya, merugikan dan lebih mudah mendatangkan kehancuran kepada orang bawahannya daripada prosedur yang telah dinyatakan terdahulu. Raja sering dipengaruhi untuk memilih cara tersebut oleh orang-orang yang sedemikian maksud saya, para pedagang dan para petani – yang memperkenalkan baginda dengan kerjaya yang mana mereka sudah diasuh itu. Mereka bekerjasama dengan baginda, tapi demi keuntungannya sendiri, untuk mengumpulkan wang seperti yang mereka inginkan, khususnya keuntungan yang diperolehi daripada perniagaan tanpa perlu membayar cukai dan cukai kastam. Pengecualian daripada membayar cukai dan cukai kastam lebih nyata daripada hal lainnya akan menyebabkan pertumbuhan modal seseorang itu, dan ia mendatangkan keuntungan yang cepat. Orang-orang itu tidak menyedari betapa banyaknya kerugian yang dihadapi oleh raja dengan berkurangnya pendapatan daripada hasil cukai. Dengan demikian, raja harus berwaspada terhadap orang-orang yang sebegitu dan seharusnya tidak mengendahkan sebarang usul yang boleh memudaratkan pendapatan dan pemerintahan baginda.

> Semoga Allah s.w.t. mengilhamkan petunjuk bagi diri kita, serta memberi keuntungan kepada kita dengan amal-amal yang salih. Dan Allah s.w.t. itu lebih Mengetahui.

41 Raja dan para pembantunya akan menikmati kekayaan di masa pertengahan zaman negara itu

Sebab bagi keadaan ialah kerana pada permulaan sesebuah negara, hasil pendapatan negara, *jibayah*, adalah dibahagi-bahagikan di kalangan suku dan orang-orang yang mengongsi perasaan kekitaan *ashabiyah* baginda, sejajar dengan sumbangan mereka dan perasaan kekitaan dan sebab mereka diperlukan untuk menegakkan kerajaan. Dalam keadaan-keadaan itu, para pemimpin mengekang diri mereka daripada menikmati untuk kepentingan diri mereka hasil pendapatan yang ingin mereka kecapi itu. Dia merasa diimbangi oleh kuasa mengawasi ke atas diri mereka yang sememangnya diharap-harapkan. Mereka boleh memberikan tekanan ke atasnya, dan dia memerlukan mereka. Haknya daripada hasil pendapatan itu dihadkan kepada sebahagian kecil yang

menjadi keperluannya. Akibatnya, seringkalinya, para pembantunya dan kelompoknya, para wazir, setiausaha dan *mawla*, lazimnya dapat dilihat berada dalam keadaan yang daif. Kedudukan mereka adalah dibatasi, kerana dia bergantung kepada kedudukan tuan mereka, dan kekuasaannya dipersempitkan oleh persaingan di kalangan orang-orang yang mengongsi perasaan kekitaannya.

Kemudian, apabila kuasa berdaulat itu telah dapat dibina dan raja telah menguasai hamba rakyatnya, baginda pun bertindak menegah mereka memiliki (apa-apa bahagian daripada) pendapatan itu melebihi bahagian yang menjadi hak mereka. Kedudukan mereka semakin menjadi tidak penting, kerana kegunaan mereka terhadap negara telah berkurangan. Pengaruh mereka telah dibatasi, dan para *mawla* ser a pengikutnya telah sama-sama memberikan sokongan di dalam menegakkan dan mendaulatkan kekuasaan negara. Pada masa ini, baginda menikmati untuk dirinya sahaja. Pendapatan daripada kutipan cukai, atau yang selebih daripadanya. Baginda menyimpan wang itu membelanjakannya untuk projek-projek yang penting. Kekayaan baginda menjadi bertambah. Perbendaharaan baginda menjadi penuh. Wibawa kedudukan baginda menjadi bertambah dan baginda menguasai semua yang menjadi hamba rakyatnya. Sebagai akibat, orang-orang yang menjadi pembantu dan pengiringnya, wazir, setiausaha, penjaga pintu, *mawla*, dan penjaga keamanan, kesemuanya menjadi lebih penting dan kedudukan mereka dihormati. Mereka mengumpul harta dan memperkaya diri mereka sendiri.

Kemudian, apabila negara itu mengalami zaman kemundurannya, akibat lunturnya semangat sekumpulan dan lenyapnya suku yang mengasaskannya, raja memerlukan penyokong dan pembantu, sebab sudah terdapat begitu ramai yang mengundurkan dirinya daripada terus menyumbangkan khidmat kepada negara, persaingan, dan pemberontak-pemberontak, dan wujudnya kekhuatiran akan berlakunya kehancuran. Pendapatannya diberikan kepada para sekutu dan penyokong, anggota-anggota tentera yang mengongsi perasaan sekumpulannya. Baginda membelanjakan harta kekayaan dan pendapatan negara demi membangunkan kembali kekuasaan negara. Suatu yang nyata, pendapatan daripada cukai menjadi semakin berkurangan, sebab banyaknya perbelanjaan yang harus diagihkan dan biaya yang harus dikeluarkan. Hasil daripada kutipan cukai tanah menjadi amat berkurangan. Keperluan dinasti untuk mendapatkan wang menjadi begitu

mendesak. Sahabat-sahabat yang akrab, para penjaga pintu, dan para setiausaha tidak lagi hidup dengan makmur dan mewah, memandangkan kedudukan mereka itu tidak lagi dihormati dan kuasa raja semakin tercabar.

Kehendak raja untuk mendapatkan wang menjadi semakin mendesak. Generasi baru di kalangan orang-orang bangsawan dan para pengiringnya telah membelanjakan wang yang dihimpun oleh pendahulu mereka, dengan suatu tujuan yang tidak dimaksudkan, khususnya demi kepentingan raja itu sendiri. Mereka tidak lagi sejujur sepertimana bapa dan nenek moyang mereka dahulunya. Raja kemudiannya beranggapan bahawa baginda lebih berhak memiliki harta kekayaan yang telah diperolehi selama kekuasaan nenek moyang mereka dan dengan bantuan kedudukan mereka itu. Baginda mengambilnya dan menurut budi bicaranya, secara beransur-ansur membahagi-bahagikan kekayaan yang ada menurut taraf mereka. Maka kerajaan itu menjadi tidak disenangi lagi di kalangan rakyatnya. Baginda telah kehilangan pegawai pengiring dan tokoh-tokoh serta mereka yang hidupnya kaya-raya. Sebahagian besar keagungan sebuah kerajaan yang telah dibangunkan ke tingkat yang tinggi oleh para penyokongnya kini mengalami suatu keruntuhan.

[*Fakta yang ada hubungannya dengan hal tersebut di atas ialah apa yang terjadi pada wazir-wazir kerajaan Bani Abbas iaitu Bani Qahthabah, Bani Barmak, Bani Shal, dan Bani Thahir; serta apa yang terjadi pada wazir-wazir seperti mereka di dalam kerajaan Bani Umaiyah di masa keruntuhannya, masa kekuasaan raja-raja Thaifah, *reyes de taifas* di Andalusia, iaitu wazir-wazir Bani Syuhaid, Bani Abadah, Bani Hadairah, Bani Bard dan semacamnya. Dan perhatikan pula apa yang terjadi pada kerajaan yang kita saksikan sendiri pada masa sekarang ini: Ketentuan Allah s.w.t. telah berlaku ke atas hamba-hamba-Nya.]

Sudah menduga terlebih dahulu keadaan yang berbahaya itu, kebanyakan orang-orang di dalam negara itu berusaha untuk menghindarkan diri mereka daripada mempunyai kedudukan di dalam pemerintahan kerajaan. Mereka berusaha untuk melepaskan diri daripada belenggu pemerintahan dan pergi ke daerah yang lainnya dengan membawa kekayaan negara yang telah mereka miliki. Mereka berpendapat bahawa ia adalah suatu yang lebih wajar dilakukan. Ia lebih menguntungkan mereka dan memberi kesempatan untuk membelanjakan kekayaan itu serta mengecapi

nikmatnya di suatu tempat yang jauh lebih selamat. Andaian semacam ini merupakan suatu kesalahan yang amat besar, dan satu penipuan diri yang secara kebendaannya menghancurkan diri mereka sendiri.

Suatu yang harus diketahui bahawa adalah sukar dan tidak mungkin untuk menghindarkan diri daripada menikmati hidup sebagai seorang yang berkedudukan setelah pernah berkecimpung di dalamnya. Apabila orang yang berfikiran sedemikian adalah raja itu sendiri, rakyat jelatanya dan orang-orang yang mengongsi semangat sekumpulan itu dan sering ada di sekelilingnya tidak akan walau sesaat pun membolehkannya melupai kehidupan yang semacam itu. Sekiranya pemikiran yang sedemikian di dalam dirinya sudah kelihatan, ia bererti suatu kehancuran terhadap kerajaannya, dan kebinasaannya sendiri, kesan yang biasa di dalam hal ini, kerana adalah terlalu sukar untuk menghindarkan diri mereka daripada tidak mendapatkan khidmat orang yang taat terhadap kerajaan, khususnya di masa negara itu telah mencapai puncaknya dan kedaulatannya telah merosot, serta ia menjadi semakin jauh dari kemuliaan dan sifat-sifatnya yang baik dan memiliki gejala-gejala yang buruk.

Sekiranya orang yang berfikiran mahu melarikan dirinya itu adalah orang-orang yang rapat dengan raja dan para pengiringnya atau salah seorang orang kenamaan di dalam kerajaannya, jarang sekali mereka itu diberikan kesempatan untuk berbuat sedemikian. Sebabnya ialah, pertama-tamanya, bahawa raja-raja sudah menganggap bahawa golongan bawahan dan pengiring baginda dan bahkan seluruh rakyat, sebagai hamba yang cukup sebati dengan fikiran dan hati budi mereka. Dengan demikian, mereka tidak membiarkan mereka melonggari *waad* sebagai hamba yang sudah meningkat diri orang-orang tersebut. Mereka ingin menyekat suatu peluang di mana seorang dari luar itu akan mengetahui (rahsia mereka) dan keadaan-keadaan diri mereka (melalui orang-orang tersebut), dan mereka tidak rela untuk membiarkan mereka itu menjadi pesuruh orang lainnya.

Bani Umaiyah di Andalusia dengan demikian telah melarang para penduduknya daripada melakukan hijrah untuk melaksanakan kewajipan ibadah haji. Mereka berasa khuatir orang-orang itu akan dimiliki oleh kerajaan Bani Abbas. Pada zaman mereka tidak seorang pun para penduduknya dapat mengerjakan ibadah haji. Ibadah haji oleh orang-orang Andalusia dibolehkan hanya setelah

berakhirnya kerajaan Bani Umaiyah, dan berkuasanya pemerintahan raja-raja Thaifah, *reyes de taifas*.

Dalam hal yang kedua, meskipun raja-raja itu sangat bertimbang rasa terhadap mereka yang berhasrat melepaskan diri mereka daripada berada di bawah kongkongan mereka, budi baik mereka itu tidak akan sampai kepada membiarkan sahaja kekayaan yang ada pada diri mereka. Mereka beranggapan bahawa harta kekayaan itu adalah sebahagian daripada harta kekayaan mereka – sebagaimana anggapan mereka bahawa pemilik harta itu merupakan sebahagian daripada negara – di mana ianya diperolehi melalui negara dan di bawah naungan kekuasaannya. Dengan demikian, mereka lebih cenderung untuk menyita harta kekayaan dan membiarkan ia seperti seada-adanya, sebagai sesuatu yang menjadi milik kerajaan yang membenarkan mereka memanfaatkannya.

Tambahan pula, diandaikan bahawa mereka telah dapat membawa kekayaan itu ke suatu daerah yang lainnya, ianya adalah suatu hal yang jarang-jarang sekali berlaku, (di sana mereka sama sekalinya tidak akan berasa selamat, sebab) tali barut kerajaan yang ada di daerah itu akan bertindak terhadapnya. Mereka akan merampas harta itu melalui ancaman yang tidak secara langsung dan menakut-nakutkan mereka, atau secara terang-terangan memaksa, supaya harta itu dibelanjakan demi kepentingan umumnya. Sekiranya tali barut raja-raja itu dapat mengesani orang-orang yang kaya-raya dan mewah yang telah memperolehi kekayaannya melalui kerjanya adalah suatu yang dapat dimengertikan bahawa mereka juga berupaya mengambil pendapatan daripada cukai dan harta kerajaan, yang mana mereka mempunyai caranya melalui undang-undang dan adat kebiasannya. ...

[*Sultan Abu Yahya Zakaria bin Ahmad al-Lihyani – raja Bani Abi Hafsh ke-9 atau ke-10 di Ifriqiyah – berusaha melarikan diri daripada kongkongan kerajaan dan pergi ke Mesir, menghindarkan diri daripada permintaan tuan daerah-darah perbatasan Arabiah supaya bersatu untuk menentangi Tunisia. Al-Lihyani berangkat menuju daerah perbatasan Tripoli, dia berpura-pura hendak mendirikan kerajaan di sana. Dari sana dia naik perahu menuju Iskandariah. Dia sampai di sana setelah membawa segala sesuatu yang diambilnya dari Bayt al-Mal, berupa emas dan perak, pundi-pundi, dan setelah menjual segala isi perbendaharaan di almari simpanan mereka, yang berupa harta kekayaan, perabot

rumah tangga, intan, bahkan buku-buku. Semua itu dibawanya ke Mesir. Di sana dia menghadap Raja al-Nasir Muhammad bin Qalawun, pada tahun ke-17 abad ke-8. Raja itu menerima kedatangannya, dan dia dihormati dalam suatu pertemuan. Dengan ancaman, Raja Qalawun terus-menerus memaksa al-Lihyani menyerahkan segala kekayaan negara yang diambilnya, hingga berhasil memperolehnya. Ibn al-Lihyani hanya hidup dengan upah pemberian harian yang ditentukan bagi dirinya, hingga dia wafat pada tahun ke-28 (dari abad ke-8), sebagaimana yang kami ingat daripada sejarahnya.

Peristiwa ini, dan yang semacamnya, merupakan satu bentuk rasa waswas yang menggoda para penjawat negara kerana kesukaran yang mereka alami di dalam pemerintahan mereka. Hal itu dapat diatasi apabila ada keyakinan dalam diri mereka untuk menyelesaikannya. Keperluan yang mereka ambil kira, lalu salah dan cuma prasangka, serta kebenaran yang mereka dapatkan dengan berkhidmat kepada negara, cukup dengan membuat penghidupan bagi mereka dengan melalui upah harian rasmi daripada pemerintahan, atau melalui kekuasaan di dalam mendapatkan jalan mata pencarian berupa perdagangan dan pertanian. Dan negara adalah keturunan, tetapi.

> "jiwa senang bila kau senangkan dan puas bila kau kembalikan kepada yang sedikit".
>
> Dan Allah s.w.t. Maha pemberi rezeki, pemberi taufik melalui kurnia dan belas kasihan-Nya. Dan Allah s.w.t. Lebih Mengetahui.]

42 Pengurangan elaun-elaun upah yang diberikan oleh raja bermakna pengurangan hasil daripada pendapatan cukai

Sebab bagi keadaan ini ialah bahawa pemerintahan dan kerajaan itu menjadi tempat yang paling besar di dunia, yang memberikan bahan untuk peradaban, *umran*. Sekarang, sekiranya raja itu menjaga harta dan hasil negara dengan sebaik-baiknya atau ianya disalahgunakan atau tidak dibelanjakan dengan baik olehnya, maka harta yang dimiliki oleh para pegawai raja itu menjadi terlalu sedikit sahaja. Limpah kurnia yang mereka telah, pada giliran mereka, telah dianugerahkan kepada para penjawat dan orang-orangnya, dihentikan, dan perbelanjaan mereka dipotong. Mereka itu adalah golongan terpenting yang membuat perbelanjaan dan

perbelanjaan mereka menyumbang lebih kepada perdagangan daripada kumpulan yang lain-lainnya. Apabila mereka tidak berbelanja keuntungan yang dibuat oleh para pedagang akan merosot dan kutipan hasil cukai pastinya akan terbatas disebabkan oleh kekurangan modal. Hasil daripada cukai tanah akan merosot, sebab cukai tanah dan cukai adalah dipungut daripada kegiatan keusahawanan, urus niaga dagangan. Perniagaan yang menguntungkan dan kemahuan orang untuk mendapatkan hasil dan keuntungan. Negaralah yang akan menderita daripada keadaan itu, kerana di dalam keadaan yang sedemikian harta kekayaan raja yang berkurangan sebagai akibat berkurangannya hasil yang boleh dikutip daripada cukai tanah.

Kerajaan itu adalah pusat yang terbesar, ibu dan pangkalan bagi semua perdagangan, bahan hasil pendapatan dan perbelanjaannya. Sekiranya perniagaan pemerintah menjadi merosot dan jumlah perdagangan adalah kecil, secara semula jadinya pasaran yang saling bergantung itu akan menunjukkan tanda-tanda yang sama, dan pada suatu tahap yang lebih hebat lagi. Tambahan pula, wang itu beredar di antara raja dan rakyatnya, dari dia kepada mereka dan dari mereka kepadanya. Maka, apabila raja menyimpan untuk dirinya, ia adalah suatu kerugian yang menimpa rakyatnya.

Sunnah Allah berlaku atas hamba-hamba-Nya.

43 Ketidakadilan akan membawa kehancuran kepada peradaban

Pengambilalihan milik orang dengan paksa akan mengakibatkan hilangnya perangsang untuk mengumpul dan memperolehi harta. Orang, dengan demikiannya akan beranggapan bahawa tujuan dan akhirnya daripada usaha mengumpulkan kekayaan itu akan diambil daripada mereka. Sejarah mana dan hadnya di mana hak untuk memiliki harta benda itu diganggu-gugat adalah bergantung kepada sejauh mana dan hadnya di mana usaha hamba rakyatnya untuk mengumpul harta menjadi luntur. Apabila penyitaan terhadap harta benda adalah sering dan umum, melibatkan segala usaha untuk mencari nafkah hidup, kegiatan ekonominya juga, menjadi terlalu umum. Sekiranya penyitaan terhadap harta benda itu tidak begitu keras, halangan terhadap kegiatan ekonomi juga adalah tidak menjejaskan. Peradaban, *umran*, dan kesejahteraan

serta kemakmuran perdagangan adalah bergantung kepada penghasilan dan usaha manusia di dalam semua arah minat dan keuntungannya. Apabila orang tidak terlibat dalam usaha mencari penghidupan, dan apabila telah tidak lagi meneruskan kesemua kegiatan yang menguntungkan, kegiatan peradaban, *umran* akan merosot dan kesemuanya akan hancur. Rakyat akan bertaburan di seluruh pelosok negara mencari rezeki, ke tempat lainnya di luar bidang kuasa kerajaan yang wujud itu. Penduduk di sesuatu daerah akan berkurangan. Kawasan penempatan di sesuatu kawasan akan menjadi sepi. Penduduknya akan tiada lagi. Kota akan hancur. Perpecahan itu akan menyebabkan kehancuran status kerajaan dan raja, sebab status khusus itu membentuk suatu peradaban, *umran*, dan bentuk itu secara harusnya akan runtuh apabila bahannya (yang di dalam masalah ini, peradaban) mengalami kehancuran.

Di sini boleh membuat perbandingan cerita yang diceritakan oleh al-Masudi dalam hubungannya dengan sejarah orang-orang Parsi. Pada masa pemerintahan Raja Bahram bin Bahram, Mobedhan, seorang tokoh agama yang disegani di kalangan mereka telah menyatakan perasaan kurang senangnya terhadap raja itu yang bersikap tidak adil dan tidak menghiraukan akibat daripada perbuatan baginda itu yang akan menjejaskan kerajaan. Dia menyampaikannya melalui sebuah kiasan *matsal*, yang dikisahkan tentang seekor burung hantu. Ketika mendengar bunyi burung hantu itu baginda telah bertanya apakah *Mobedhan* mengerti apa yang diperkatakannya.

Mobedhan menjawab:

> "Seekor burung hantu jantan ingin berkahwin dengan seekor burung hantu betina. Burung hantu betina itu sebagai syarat sebelum melafazkan restunya, telah meminta supaya burung hantu jantan memberikan hadiah kepadanya sebanyak 20 desa yang dibinasakan pada masa pemerintahan Bahram supaya dia dapat berbunyi di sana.
>
> Burung hantu jantan telah menerima syarat itu dan mengatakan kepadanya: Sekiranya Raja masih memerintah, saya akan memberikan anda sebanyak 1000 desa yang telah dibinasakan kepadamu. Ini merupakan suatu syarat yang terasa paling mudah untuk dipenuhi."

Mendengar cerita itu, raja mula menginsafi keterlanjurannya. Baginda telah berbincang dengan Mobedhan dan bertanya

padanya apa yang dia fikirkan. Jawabnya:

> "Wahai Tuanku, kebesaran kuasa berdaulat hanya terhasil melalui syariat agama, taat kepada Allah s.w.t. dan melakukan apa yang disuruh-Nya dan meninggalkan apa yang dilarang-Nya. Syariat itu dapat ditegakkan melalui kuasa berdaulat. Kehebatan kuasa berdaulat itu akan hanya tercapai melalui hamba rakyanya. Rakyat jelata itu dapat wujud hanya dengan bantuan harta kekayaan. Cara untuk memperolehi harta ialah melalui penguasaan. Cara untuk pengusahaan ialah melalui keadilan. Keadilan adalah imbangan yang diadakan di kalangan manusia. Allah s.w.t. menegakkannya dan melantik seorang untuk mengawasnya, dan orang itu adalah seorang raja. Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah merampas ladang-ladang dan mengambil daripada para pemilik dan pengusahanya. Mereka itu merupakan orang-orang yang membayar cukai tanah, dan yang daripadanya seseorang itu memperoleh wang. Tuanku telah memberikan ladang-ladang mereka kepada para pegawai sebagai tuan-tuan tanah mereka, dan kepada para penjawat dan kepada mereka yang malas. Mereka tidak mengusahakannya dan tidak mengendahkan apa akibatnya nanti. Mereka tidak menjaga ladang-ladang itu dengan sebaik-baiknya. Mereka tidak dipaksa membayar cukai tanah (dan tidak diminta membayarnya) kerana mereka adalah orang-orang yang rapat dengan tuanku. Mereka yang masih menjadi pemilik ladang telah terpaksa membayar cukai tanah dan mengusahakan ladang terpaksa memikul suatu beban yang tidak adil. Dengan demikian, mereka meninggalkan ladang-ladang mereka dan meninggalkan kawasan itu. Mereka mendiami ladang-ladang yang begitu jauh atau sukar untuk dilalui dan menetap di sana. Maka, usaha tani pun merosot dan ladang menjadi binasa. Terdapat hanya sedikit wang, dan tentera, serta rakyatnya semakin berkurangan. Raja-raja di negeri jiran pun menyerang kerajaan Parsi kerana mereka menyedari suatu hakikat bahawa apa yang menjadi bahan-bahan asas di dalam mengekalkan tapak sesebuah kerajaan telah ditiadakan."

Setelah raja mendengarnya, baginda pun mula memberikan segala tumpuan terhadap persoalan-persoalan negaranya. Ladang-ladang telah dirampas daripada terus menjadi milik para sahabatnya dan dikembalikan kepada para pemilik asalnya. Mereka sekali lagi dilayan sebagaimana pada mulanya diperlaku-

kan. Mereka pun kembali mengusahakan ladang itu. Orang-orang yang selama ini ditekan menjadi bersemangat semula. Tanah telah diusahakan, dan negeri menjadi makmur. Ada banyak wang yang dapat dikutip oleh pengutip hasil cukai tanah. Pasukan tentera dapat diperkuat. Sumber kekuatan pasukan musuh dapat dilumpuhkan. Kawasan-kawasan perbatasan dikawali. Raja kembali mengurusi sendiri apa yang harus menjadi persoalannya. Hari-hari pemerintahannya menjadi makmur dan kerajaannya menjadi begitu teratur.

Iktibar yang dapat dipetik daripada cerita ini ialah bahawa ketidakadilan itu akan meruntuhkan peradaban, dan bahawa akibatnya ialah kehancuran yang menyeluruh kepada negara. Dalam hubungan ini, seseorang harus mengabaikan hakikat bahawa kerajaan-kerajaan (yang berpusat) di kota-kota besar sering kali menodai keadilan dan masih tidak mengalami kebinasaannya. Suatu yang harus diketahui ialah bahawa ini adalah akibat suatu hubungan yang berlaku di antara pencabulan-pencabulan dan keadaan di dalam suatu masyarakat bandar. Apabila sesuatu bandar itu besar dan mempunyai penduduk yang ramai dan tidak terhad dalam kepelbagaian keadaan-keadaannya, maka kerugian yang ditanggung akibat daripada tingkah laku yang zalim dan tidak adil itu adalah sedikit, sebab kerugian itu berlaku secara perlahan-lahan. Disebabkan oleh kepelbagaian keadaannya dan kegiatan ekonomi yang banyak di dalam sesuatu bandarnya, sebarang kerugian akan kekal terselindung. Akibatnya hanya akan kelihatan setelah beberapa waktunya. Maka, dinasti yang melakukan pencabulan (terhadap keadilan) akan digantikan sebelum bandar itu mengalami kebinasaannya. Suatu pemerintahan baru akan wujud dan memperbaiki kerosakan yang dialami oleh bandar itu dengan kekayaan yang dimilikinya. Maka, kerugian yang dilindungi itu akan diperbaiki dan jarang sekali disedari. Keadaan sebegini ini, sungguhpun begitu jarang sekali terjadi. Suatu fakta yang dibuktikan menunjukkan bahawa peradaban itu akan mengalami kehancurannya melalui ketidakadilan salah tingkah laku, sebagaimana yang telah kami sebutkan, dan yang menanggung akibat burunya adalah kerajaan itu sendiri.

Ketidakadilan itu janganlah disalah mengertikan sebagai hanya bermaksud merampas wang atau harta benda lainnya daripada pemiliknya tanpa membayar ganti rugi dan tanpa sebab-musababnya. Ia umumnya dimengertikan begitu, tetapi ia

mengandung suatu yang lebih daripada itu. Barang siapa sahaja yang mengambil harta orang lainnya atau menggunakan kudratnya untuk kerja-kerja paksa, atau membuat tuntutan yang tidak adil terhadapnya, atau mengenakan kepadanya suatu beban yang tidak diizinkan oleh syariat, telah melakukan penganiayaan terhadap orang itu. Mereka yang mengutip cukai dengan cara yang tidak berpatutan telah melakukan kezaliman. Barang siapa yang mencabuli harta benda orang lain juga telah melakukan suatu ketidakadilan. Mereka yang tidak mempedulikan hak-hak manusia lain juga telah melakukan suatu ketidakadilan. Barang siapa sahaja yang secara umumnya, mengambil harta dengan secara paksa, telah melakukan suatu ketidakadilan. Pihak yang menanggung akibatnya adalah kerajaan, sebagaimana dengan peradabannya yang merupakan bahan kepada sebuah kerajaan akan hancur apabila rakyatnya telah kehilangan kesemua dorongan itu.

Inilah apa yang sebenarnya dimaksudkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. apabila baginda mencegah ketidakadilan. Baginda bermaksud akibat kerosakan dan kehancuran peradaban yang akhirnya akan mendorong kepada kehancuran umat manusia. Inilah yang umum dan hikmah-hikmahnya yang ditegaskan oleh syariat agama sebagai lima perkara yang perlu:

(1) Menjaga kesucian agama,
(2) Jiwa (kehidupan),
(3) Akal,
(4) Keturunan dan
(5) Harta.

Setelah, sebagaimana yang kita lihat, ketidakadilan akan menyebabkan berlakunya penghapusan manusia sebagai akibat daripada hancurnya peradaban. Di dalamnya terkandung hikmah supaya ianya dilarang. Akibatnya, adalah penting supaya ia ditegah.

Sekiranya ketidakadilan itu dilakukan setiap individu, maka senarai hukuman yang mencegahnya yang telah ditentukan untuknya syariat agama akan menjadi banyak sebagaimana yang ditentukan untuk (jenayah) yang lain-lainnya yang membawa kepada kehancuran manusia di mana ianya boleh dilakukan oleh setiap orang, seperti melakukan zina, pembunuhan, dan mabuk disebabkan minuman keras. Namun, ketidakadilan itu dapat

dilakukan oleh orang yang tidak boleh disentuh, oleh orang yang ada kuasa dan berkuasa. Dengan demikian, ketidakadilan dikecam hebat dan, ancaman yang berulang-ulang terhadapnya telah disuarakan dengan harapan bahawa mungkin orang-orang yang berupaya melakukan ketidakadilan akan menemui pengaruh membendungnya di dalam dirinya sendiri.

[*"Dan Tuhanmu sama sekali tidak menzalimi hamba-hamba-Nya".

Sekali-kali janganlah kita katakan bahawa seksa hukum, *aqubah* ditetapkan di dalam syariat agama bagi mereka yang melakukan rompakan, dan bahawa ia termasuk ke dalam perbuatan yang zalim yang dilakukan oleh orang yang mampu, dengan alasan bahawa perompak sewaktu melakukan rompakan adalah seorang yang berupaya. Untuk menjawabnya ada dua cara.

Pertama, hendaknya kita katakan bahawa seksa hukum, *aqubah*, ditetapkan bagi tindak jenayah yang dilakukan atas jiwa atau harta, sebagaimana pada anggapan umumnya. Tindakan semacam itu dilakukan setelah adanya kemampuan untuk melakukannya dan adanya tuntutan atas tindakan jenayahnya. Sedangkan rompakan tidak mengandungi (tindakan jenayah yang harus diberi) seksa hukum, *aqubah*.

Cara kedua, hendaklah dikatakan bahawa pelaku rompakan tidak dikatakan mampu, sebab yang kita maksudkan dengan kemampuan *qudrah* dari pelaku kezaliman adalah tangan yang terhampar yang tidak terhindar oleh kemampuan, *qudrah*. 'Kemampuan' inilah yang menyebabkan kehancuran bagi peradaban dan jenis manusia. Sedangkan kemampuan pelaku rompakan tidak lebih daripada perbuatan menakut-nakuti yang dijadikan cara untuk merampas harta orang lain. Membanterasnya dengan tangan semua ada ketentuannya dalam syariat dan politik pemerintahan. Ia tidak termasuk kemampuan yang menyebabkan datangnya kehancuran bagi peradaban dan jenis manusia.

Dan Allah Maha Mampu atas apa yang dikehendaki-Nya.]

Satu daripada ketidakadilan yang paling besar dan yang paling menyumbang ke arah kemusnahan peradaban, *umran*, adalah membebani suatu tanggungjawab yang tidak wajar dan menggunakan tenaga rakyat untuk melakukan kerja-kerja paksa.

Sebabnya ialah tenaga seorang buruh merupakan suatu daripada benda-benda yang dapat dijadikan modal. Laba dan rezeki menggambarkan nilai yang diperlihatkan pekerjaan orang yang berperadaban. Melalui usaha dan derita payah, mereka memperolehi modal dan mendapatkan suatu keuntungan. Mereka tiada cara lain untuk mendapatkan keuntungan kecuali dengan tulang empat kerat sahaja. Mereka yang melibatkan diri dengan kegiatan kultural telah memperolehi punca hidup dan laba daripada apa yang diusahakan. Sekarang, sekiranya mereka dipaksa untuk melakukan suatu pekerjaan lain yang tiada hubungannya dengan pekerjaan yang mereka sudah dibiasakan, maka mereka tidak dapat mengaut apa-apa keuntungan, dan dengan demikian tidak diberikan harga tenaga buruh mereka yang merupakan modal terpenting mereka. Mereka terpaksa menanggung penderitaan dan sejumlah besar punca hidup mereka telah lenyap, bahkan seluruhnya sekali. Sekiranya ia terjadi secara berulang-ulang, semua rangsangan untuk melakukan usaha-usaha kultural akan punah, dan mereka sama sekali tidak lagi mahu berusaha. Ini akan mendorong kepada kehancuran dan runtuhnya suatu peradaban, *umran.*

Dan Allah s.w.t. lebih Mengetahui dan taufik diberi dengan-Nya.

Suatu ketidakadilan yang jauh lebih besar dan lebih banyak menimbulkan kehancuran pada peradaban dan negara adalah mendapatkan milik orang lain dengan membelinya pada harga yang semurah mungkin, dan kemudiannya menjual semula dengan harga setinggi mungkin dengan cara jual beli secara paksa. Selalunya, mereka dipaksa menerima harga yang tinggi itu dengan keistimewaan menangguhkan pembayaran. Mereka cuba menyedapkan perasaan sendiri di atas kerugian yang terpaksa mereka tanggung dengan harapan bahawa harga pasaran akan berubah-ubah dengan berpihak kepada barang dagangan yang telah dibeli itu dengan harga yang tinggi dan mereka berdoa semoga kerugian yang mereka tanggung itu akan dimansuhkan kemudian hari kelak. Malangnya, mereka diharuskan membayar hutang dengan segera, dan mereka terpaksa menjual barang-barang itu dengan harga yang paling serendah yang mungkin. Kerugian yang melibatkan kedua urus niaga itu melibatkan modal mereka.

Keadaan sebegini melibatkan pelbagai jenis pedagang, mereka yang tinggal di kota-kota dan mereka yang mengimport barang-barang dari pelbagai tempat, para penjaja dan pekedai yang menjual makanan dan buah-buahan, dan para tukang yang menjual peralatan dan keperluan yang digunakan secara amnya. Ia berlaku dari suatu masa ke suatu masa yang lainnya. Ia menyebabkan modal utama menjadi semakin susut. Suatu pilihan yang masih ada ialah menutup perniagaan kerana telah kehabisan modal, memandangkan ia tidak lagi dapat dipulihkan dengan keuntungannya. Para pedagang yang datang dari mana-mana daerah untuk membeli dan menjual barang dagangan, begitu lambat untuk datang, disebabkan oleh keadaan itu. Perniagaan jatuh, dan hamba rakyat telah kehilangan punca hidup, yang pada umumnya berpunca daripada kegiatan perdagangan. Dengan demikian, sekiranya tiada perdagangan dilakukan, mereka tidak memiliki punca penghidupan, dan pendapatan daripada hasil cukai yang dikutip oleh raja pun berkurangan atau merosot, lebih-lebih lagi pada peringkat pertengahan dinasti itu dan selepasnya, kebanyakan hasil cukai adalah datang daripada duti-duti kastam terhadap perdagangan. Ini membawa kepada kekacauan dalam negara itu dan kehancuran terhadap peradabannya. Perpecahan itu terjadi secara bertahap dan secara beransur-ansur.

Keadaan sedemikian berlaku apabila jalan dan cara yang membolehkan pengambilan kekayaan sebagaimana yang tersebut di atas dilakukan . Sebaliknya, apabila kekayaan itu diambil secara percuma, dan sekiranya tindakan kekerasan itu dilanjutkan kepada yang melibatkan harta benda, isteri-isteri, nyawa, tubuh dan maruah orang-orang itu, ia akan menyebabkan berlakunya perpecahan dan kehancuran dan kejatuhan yang cepat terhadap sesebuah dinasti itu. Ia akan mengakibatkan kekacauan yang membawa kepada keruntuhan seluruhnya.

Mengambil kira akibat buruknya itu, semua kegiatan yang merujuk kepada ketidakadilan adalah ditegah oleh syariat agama. Syariat agama mengizinkan penggunaan kecerdikan, *mukayasah*[67] dalam urusan berjual beli, tetapi melarang sama sekali mengambil

67 *Mukayasah* dalam perdagangan, menurut ulama-ulama fikah, bererti kecerdikan yang diamalkan dalam tawar-menawar dan usaha yang dilakukan oleh masing-masing penjual dan pembeli untuk sampai pada harga yang sesuai dan bererti.

harta orang lain dengan cara yang tidak sah. Tujuannya adalah untuk menghalang berlakunya kesan-kesan yang buruk yang akan mendorong kepada kehancuran peradaban melalui kekacauan, atau tiadanya peluang untuk mendapatkan rezeki.

Suatu yang diketahui ialah bahawa kesemua ini adalah disebabkan oleh kemahuan negara dan rajanya mendapatkan banyak wang sebab mereka telah biasa menikmati hidup yang serba mewah. Perbelanjaan mereka semakin meningkat, dan banyak perbelanjaan dilakukan. Pendapatan mereka tidak lagi cukup untuk memenuhi perbelanjaan. Dengan demikian, baginda mula memperkenalkan pelbagai macam dan jenis cukai, demi untuk menambahkan hasil mahsul dan supaya dapat mengimbangi belanjawan. Tetapi hidup bermewah-mewah itu terus berlangsung dan perbelanjaan pun meningkat disebabkannya. Keinginan untuk merampas harta kekayaan rakyat semakin mendesak hatinya. Dengan cara begitu, kekuasaan negara menjadi merosot sehingga pengaruhnya dihapuskan dan identitinya menjadi pupus, dan digulingkan oleh penentangnya.

Dan Allah lebih Mengetahui.

44 Bagaimana ianya berlaku, bahawa untuk menghadap raja disekat. Pembatasan sedemikian menjadi suatu yang penting sewaktu dinasti itu menuju ke ambang kemerosotannya

Pada permulaannya, dinasti itu tidak bertindak 'beraja di mata, bersultan di hati'. Ia memerlukan perasaan kekitaan *ashabiyah*, yang mana melaluinya sahaja kuasa dan kekuasaan itu akan dapat diwujudkan, dan sikap hidup di padang pasir, *badwiah*, adalah ciri utama perasaan sekumpulan.

Sebuah kerajaan yang didirikan di atas teras agama adalah terhindar daripada kemahuan-kemahuan yang melulu. Sebuah kerajaan yang didirikan khasnya di atas teras kuasa kekuatan (politik), sikap *badwiah* melaluinya kekuasaan itu dicapai, juga akan jauh daripada bersikap ibarat 'beraja di mana dan bersultan di hati'.

Sekarang, sekiranya sesebuah kerajaan pada permulaan pemerintahannya adalah yang daripada jenis *badwiah*, rajanya akan bersifat berjimat-cermat dan mengekalkan cara hidup di padang pasir. Baginda adalah berjiwa rakyat dan mudah ditemui.

Kemudian, apabila kekuasaannya sudah benar-benar dapat ditegakkan, baginda bersikap mendakwakan kesemua kemuliaan itu sebagai haknya sendiri. Baginda harus menjarakkan dirinya daripada rakyatnya, dan mahu supaya berada dengan orang-orang yang sedarjat dengannya, supaya baginda dapat berbicara dengan mereka tentang hal-hal peribadinya, sementelah sebab pada waktu itu hamba rakyatnya sudah semakin ramai. Maka, baginda berusaha untuk menghindarkan dirinya daripada rakyat biasa seboleh yang mungkin. Baginda telah melantik seorang petugas untuk menjaga pintu istana dan hanya akan mengizinkan para sabahat dan penjawat yang baginda tidak boleh dielakkan, serta melarang rakyat biasa daripada menemuinya.

Kemudian, setelah kuasa berdaulat dapat dimantapkan dan aspirasi-aspirasi kebangsawanan mulai kelihatan, raja pun bersikap sebagai orang daripada keturunan bangsawan. Kesemuanya itu sangat asing, dan begitu khusus. Mereka harus diperlakukan dengan cara yang paling wajar oleh mereka yang berurusan dengannya. Mereka yang berurusan langsung dengan baginda kadang-kadangnya tidak memahami cara-cara yang wajar, lalu melakukan hal-hal yang baginda berasakan tidak disenangi. Baginda akan berasa murka dan mahu menghukum sahaja para pesalah itu. Maka, pengetahuan tentang cara berhadapan dengan seseorang raja hanya menjadi pengetahuan para sahabat baginda sahaja. Raja-raja tidak menerima kunjungan kecuali orang-orang yang hampir dengannya sahaja supaya menemui baginda di setiap masa. Ia adalah demi melindungi daripada pengetahuan mereka terhadap apa-apa perkara yang mereka berasa tidak senang dan demi menjaga supaya orang-orang itu tidak didera. Lantas mreka memperkenalkan suatu pembatasan lainnya yang lebih bersifat memilih daripada yang terdahulunya. Yang pertama adalah yang menyentuh sahabat-sahabat istimewa raja dan mencegah orang lain daripada masuk. Halangan yang keduanya ialah mengenai pertemuan dengan para sahabat baginda dan tidak mengizinkan sama sekali rakyat biasa daripada menghadap baginda.

Pembatasan yang pertama telah diperkenalkan pada zamannya Khalifah Muawiyah dan Abdul Malik. Kemudian Dinasti Bani Umaiyah telah menerajui kerajaan. Kemudian muncul pula kerajaan Bani Abbas. Kemewahan dan kekuasaannya yang sangat terkenal diwujudkan dan ciri-ciri kebangsawanannya mencapai suatu kesempurnaannya. Inilah yang dikatakan adanya pembatas-

an yang keduanya. Gelaran sebagai 'penjaga pintu', *hajib* jadi lebih terbatas padanya. Pertemuan dengan para khalifah Bani Abbas menjadi dua bangunan untuk menempatkan para rombongannya, satu untuk kumpulan yang khusus dan yang satu lagi untuk hamba rakyat yang berprihatin. Ini dinyatakan di dalam sejarah Bani Abbas.

Dalam kerajaan-kerajaan yang seterusnya, pembatasan yang ketiga telah diperkenalkan. Ia adalah lebih terperinci daripada dua yang terdahulu. Pembatasan baru ini diperkenalkan ketika adanya usaha untuk memencilkan raja. Ia diakibatkan daripada hakikat bahawa langkah awal yang dilakukan oleh para penjawat negara dan sahabat-sahabat akrab raja membantu putera yang masih muda itu dan berusaha untuk menguasai mereka, adalah menyingkirkan orang-orang yang terdekat dan sahabat istimewa ayahanda kepada raja muda itu daripada baginda. Mereka yang mencuba mendapatkan kuasa daripada raja muda itu telah memberikan pandangan bahawa ia akan meluntarkan perasaan hormat terhadap diri baginda dan akan merosakkan etika sekiranya orang-orang itu berhubung secara langsung dengan baginda. Tujuannya ialah supaya raja muda itu tidak bertemu dengan sesiapa pun dan memastikan supaya dirinya sangat diperlukan hinggakan dia tidak mahu digantikan dengan orang lain hinggalah dia berasakan sudah benar-benar dapat menguasai baginda. Pembatasan di pintu masuk sebagaimana (yang ketiga ini) adalah jelasnya diperlukan di bawah situasi sebegini. Ia menandakan kelemahan dan kejatuhan kerajaan itu. Ia merupakan salah satu daripada perkara yang ditakuti oleh kaum kerabat raja. Mereka yang menyokong mendaulatkan kerajaan itu akan dengan sendirinya akan berusaha melakukan perkara yang sedemikian ketika negara telah menjadi lemah dan bakal pewaris keluarga bangsawan telah kehilangan kuasanya. Manusia memangnya sangat gemar untuk mendapatkan kuasa sebagai kuasa berdaulat, lebih-lebih lagi, apabila ibarat 'retak yang menanti belah' dan 'pucuk dicita ulam mendatang'.

45 Pembahagian sebuah kerajaan menjadi dua

Suatu yang harus diketahui ialah yang pertamanya (terlihat) sebagai tanda lemahnya negara itu ialah wujudnya keretakan. Sebabnya ialah – ketika kuasa berdaulat itu telah dicapai dan kini menikmati puncak kemewahan dan kemakmurannya dan ketika

raja menguasai semua kemuliaan itu, dia enggan berkongsi kuasa yang ada itu dengan orang lain. Sedapat mungkinnya, dia akan berusaha untuk memasti sebarang tuntutan dalam hubungan dengannya dengan cara menghapuskan kerabat-kerabatnya yang merupakan calon bakal penggantinya.

Mereka yang telah bekerjasama dengan raja di dalam menjayakan usahanya itu selalunya berasa khuatir akan keselamatannya sendiri dan akan mencari berhijrah ke daerah-daerah yang terpencil. Mereka yang ibarat 'cubit paha kiri paha kanan turut terasa' dan yang ibarat 'telur di hujung tanduk' dan dicurigai, telah bersatu dan bertindak – 'ibarat telur sesangkak pecah sebiji, akan pecahlah semuanya'. Pada masa itu, kekuasaan negara telah mulai merosot dan tidak lagi dapat menguasai daerah-daerah yang terpencil. Maka, mereka yang telah melarikan diri tetapi mempunyai pertalian dengan dinasti telah memperolehi kuasa. Kekuasaannya terus dimantapkan, sementara kekuasaan negara menjadi semakin merosot. Akhirnya dia menjadi atau hampir-hampir menjadi, rakan kongsi yang setara di dalam kerajaan itu.

Hal ini dapat disaksikan pada kerajaan Islam Arab. Kekuasaannya adalah kuat dan tertumpu, dan daerah kedaulatannya begitu luas. Perasaan sekumpulan Bani Abdi Manaf telah mengalahkan seluruh suku Mudhar. Dan sepanjang masa kekuasaannya, tidak pernah berlaku sebarang penentangan, selain bidaah kaum Khawarij yang berani mati demi propagandanya. Namun, hal itu tumbuh bukan atas dasar dorongan kedaulatan ataupun kepemimpinan. Pertentangan mereka tidak berhasil kerana seteru mereka mempunyai perasaan sekumpulan yang amat padu dan jitu.

Kemudian kerajaan Bani Umaiyah telah kehilangan taringnya dan Bani Abbas pun mengambil alih kuasa negara. Pada masa itulah, kerajaan Islam Arab mencapai mencapai puncak kemewahannya dan mulai merosot. Abdur Rahman I ad-Dakhil telah melarikan diri ke Andalusia – daerah kekuasaan kerajaan Islam yang paling jauh. Di sana dia mendirikan kerajaan, dan memutuskan hubungan dengan Bani Abbas. Maka dia membina dua kerajaan daripada satu. Kemudian, Idris membawa diri ke Maghribi, memberontak dan mengambil alih kuasa pemerintahan. Sebagai penggantinya, dia melantik mereka daripada kalangan keluarganya iaitu dari bangsa Barbar, seperti Aurubah, Mughilah dan Zenatah. Dia berkuasa di kedua-dua Maghribi.

Kemudiannya, kerajaan Bani Abbas telah merosot terus-

menerus. Bani Aghlab terlalu ingin hendak menentangnya. Kemudian, Syiah (Bani Ubaidi Fatimi) telah merampas kuasa. Suku Kutamah dan Sanhajah telah menyokong usaha mereka, dan mereka pun menakluki Ifriqiyah dan Maghribi, kemudian terus ke Mesir, Syria dan Hijaz. Mereka menggulingkan kerajaan Bani Idris, dan memecahkan kerajaan Bani Abbas kepada dua bahagian lagi. Jadilah kerajaan Islam Arab itu kepada tiga buah kerajaan yang merdeka yakni: Kerajaan Bani Abbas di bahagian tengah dan pangkalan bagi dunia Arab dan sebagai pusat Islam; Kerajaan Bani Umaiyah yang telah memperbaharui kedaulatan mereka yang lampau dan khilafah di timur di Andalusia; dan kerajaan Bani Ubaidi (Fatimi) di Ifriqiyah, Mesir, Syria, dan Hijaz. Kerajaan-kerajaan ini masih terus wujud sehinggalah kehancuran mereka itu menjadi jelas atau sempurna ....

Proses perpecahan itu akan mendorong kepada pembentukan dua atau tiga negara yang tidak dikawali oleh kaum kerabat keluarga (asal) yang berkuasa. Inilah sebagaimana demikianlah yang terjadi dengan raja-raja *Thaifah, reyes de taifas*, di Andalusia, raja-raja bukan – Arab di Timur, dan sebagaimana yang terjadi di kedaulatan Sinhajah di Ifriqiyah. Pada akhir kedaulatan mereka, di setiap benteng terdapat seorang pemberontak dengan kekuasaannya sendiri. Demikianlah ehwal al-Jarid, dan az-Zab di Ifriqiyah tidak lama sebelum masa ini.

Harus demikianlah keadaan setiap kerajaan. Sudah pasti akan menampakkan tanda-tanda kelemahan akibat kemewahan dan kemakmuran.

Dan Allah pewaris bumi dan segala isinya.

46 Apabila terdapatnya tanda-tanda kelemahan pada sesuatu kerajaan, ia amat sukar hendak dibendung

Kita telah pun menyebutkan tanda-tanda awal dan sebab-musabab kelemahan, satu persatunya. Kita telah menjelaskan bahawa sebab-musabab kelemahan itu merupakan suatu hal yang semula jadi terhadap kewujudan dinasti. Demikianlah, kelemahan itu adalah suatu yang lumrah berlaku terhadap hayat sesebuah kerajaan, ia adalah harus sama sepertimana lumrahnya setiap sesuatu itu terjadi, tepatnya sebagaimana kelemahan itu mempengaruhi setiap makhluk yang bernyawa. Kelemahan merupakan suatu penyakit

yang berbahaya yang tidak dapat disembuhkan atau dapat dihindarkan. Sebabnya ia adalah sesuatu yang semula jadi dan yang semula jadi itu tidak dapat berubah.

Ramai juga orang-orang yang mempunyai kesedaran politik bertindak siap sedia menghadapinya dan menyedari tanda-tanda itu dan penyebab kelemahan yang menimpa dinasti mereka. Dia beranggapan bahawa kelemahan itu dapat dibendung. Dengan demikian, dia mengambil tanggungjawab memperbaiki kelemahan itu dan memulihkan kelemahannya. Dia beranggapan bahawa ia disebabkan oleh kelemahan atau kealpaan yang dilakukan oleh penjawat-penjawat terdahulu daripadanya.

Anggapan sedemikian adalah tidak tepat. Kelemahan adalah sesuatu yang semula jadi berlak ı terhadap kerajaan. Adatlah yang mencegahnya daripada membetulkan kepincangan itu. Adat ibarat sesuatu yang semula jadinya. Seseorang yang sebagai contohnya, melihat ayahnya dan sebahagian daripada anggota keluarganya memakai pakaian daripada sutera dan kain broked dan menggunakan senjata yang bersalutkan emas dan menunggang kuda serta memisahkan dirinya di istana dan tempat bersolat, maka tidak mungkin akan menyimpang daripada adat kebiasaan nenek moyang mereka dalam hal-hal begini. Adalah tidak mungkin dia menggunakan pakaian daripada kain-kain yang kasar serta bergaul mesra dengan orang kebanyakan. Adat kebiasaan mencegahnya dan mengutuknya apabila dia melanggar adat. Seandainya dia melakukannya, dia akan dituduh berkelakuan tidak waras kerana tidak mengendahkan ketentuan adat. Kesannya yang kurang baik ialah ia memberi akibat buruk kepada pemerintahannya.

Seseorang boleh membandingkan (yang ini) dengan tingkahlaku mengingkari dan melanggari ketetapan adat sebagaimana ditunjukkan oleh para nabi. Sungguhpun begitu para nabi itu mendapat pertolongan Allah s.w.t. dan bantuan samawi.

Perasaan 'sesama kita' selalunya pudar sewaktu kerajaan mulai lemah dan perasaan bangga diri telah menguasai hati nurani manusianya. Kini, sebagai tambahan kepada lenyapnya perasaan 'sesama kita' dan kemesraan juga, tidak disambungkan lagi, maka rakyatnya secara *vis-a-vis* bangun menentang kerajaan. Dengan demikian, kerajaan berusaha melindungi dirinya dengan mengekalkan kemegahan-kemegahan itu seboleh mungkin, hinggalah segala-galanya itu menjadi hancur lebur.

Pada akhir sebuah kerajaan, selalunya muncul suatu ke-

kuatan yang cuba memberikan anggapan bahawa kelemahan itu telah dapat dilenyapkan daripada menular. Ia digembar-gemburkan sebelum ianya dibinasakan, bagaikan sebuah obor yang terang menyinari cuma seketika sebelum ia dipadamkan. Ianya memberi sesuatu anggapan bahawa ianya cuba menerangi, padahal sebenarnya ia telah dipadamkan.

> Ambillah pelajaran daripadanya. Jangan dilupakan rahsia dan hikmah Allah s.w t. sesuai dengan apa yang menjadi ketentuan-Nya. Dan bagi setiap masa ada Kitab (yang tertentu).

47 **Bagaimana perpecahan menimpa kerajaan-kerajaan**

Sebarang dinasti harus didirikan di atas dua tapak. Yang pertama ialah kekuatan, *syawkah*, dan perasaan sekumpulan, *ashabiyah*, yang dapat diungkapkan melalui ketenteraan. Yang keduanya, ialah wang, *maal*, yang menanggung kehidupan para tentera tersebut, dan memberikan seluruh struktur yang diperlukan oleh dinasti. Kehancuran menimpa sesebuah kerajaan pada kedua-dua asas ini. Kita akan menyentuh perpecahan yang berlaku melalui kekuatan dan perasaan 'sesama kita' dan kemudiannya, akan kembali semula dan membincangkan apa yang menyelit di antara wang dan cukai.

Sesebuah kerajaan dapat diasaskan dengan bantuan perasaan 'sesama kita' dan harus ada suatu perasaan sekumpulan yang padu dan dapat menyatukan pelbagai perasaan 'sesama kita' yang selainnya. Perasaan sekumpulan ini adalah keluarga dan suku yang biasa dengan raja itu.

Apabila kemewahan secara semula jadi daripada kedaulatan itu kelihatan di dalam sesebuah kerajaan, dan sewaktu anggota masyarakatnya yang mengongsi perasaan sekumpulan berasa terhina, maka orang yang pertama kali berasa terhina adalah para kerabat anggota diraja dan sanak saudaranya yang terdekat yang berkongsi gelaran kebangsawanan. Mereka adalah lebih terhina daripada yang lainnya. Tambahan pula, kemewahan lebih banyak dinikmati oleh mereka daripada yang lainnya, sebabnya ialah mereka sama-sama memainkan peranan di dalam hal kebangsawanan, kekuasaan dan ketinggian martabat. Dengan demikian, dua penyebab kehancuran mengelilingi mereka, kemewahan dan kuasa memaksa. Penggunaan paksaan akhirnya mengakibatkan mereka

dibunuh. Di dalam hati mereka itu wujud perasaan dengki apabila melihat raja itu sudah dapat berkuasa sepenuh-penuhnya.

Didorong oleh perasaan cemburu dan khuatir apabila dicabar, maka, dia pun mula membunuh dan memperkecil-kecilkan mereka, serta memansuhkan kesenangan dan kemewahan yang selama ini mereka nikmati. Bilangan mereka menjadi semakin sedikit. Perasaan kekitaan yang baginda dapatkan daripada mereka menjadi hancur-lebur. Ia menjadi hilang dan cengkamannya menjadi lemah. Kemudahan-kemudahan itu diambil alih oleh golongan inti para *mawla* dan para pengikutnya yang selanjutnya menikmati pelbagai anugerah dan kemurahan hati rajanya. 'Perasaan kekitaan' yang baru tidak wujud di kalangan mereka. Namun, perasaan kekitaan yang baru itu tidak berkesan sebagaimana kukuhnya dengan yang terdahulu, kerana ia kekurangan hubungan langsung dan hubungan darah yang telah Allah s.w.t. ciptakan di dalamnya.

Raja itu pun mengasingkan dirinya daripada anggota keluarganya dan pendukung-pendukung mereka yang mempunyai pertalian kasih sayang semula jadi dengannya. Hal ini dapat dikesani oleh mereka daripada kumpulan yang lain. Secara semula jadinya, mereka telah 'naik tocang' dan dengan berani secara *vis-a-vis* menghadapi raja dan kerabatnya. Dengan demikian, raja pun menghapuskan mereka satu persatu. Dalam masalah ini, orang-orang yang menerajui pemerintahan selanjutnya mengikut amalan raja yang terdahulu. Sebagai tambahannya, mereka mengalami kesan yang merugikan akibat daripada kemewahan, sebagaimana telah disebutkan. Maka, kehancuran pun menimpa mereka melalui kemewahan dan dibunuh. Akhirnya mereka tidak lagi mempunyai corak perasaan kekitaan. Mereka telah lupa mengenai kasih sayang dan keteguhan yang dapat dibentuk melaluinya. Mereka akhirnya menjadi orang-orang upahan untuk mempertahankan dinasti. Maka, bilangan mereka semakin susut.

Akibatnya, para pertahanan itu diletakkan di daerah-daerah yang jauh dan di kawasan perbatasan dan jumlahnya semakin sedikit. Ini, kemudiannya menjadikan rakyat yang berada di kawasan terpencil itu semakin berani untuk menentang kerajaan itu. Para pemberontak – kerabat keluarga raja yang berkuasa dan lain-lainnya – berpindah ke daerah-daerah yang terpencil itu. Mereka amat mengharap bahawa di bawah keadaan-keadaan ini, mereka boleh mencapai tujuan dengan mendapat seramai mana

pengikut di antara mereka yang menghuni di daerah terpencil itu, serta mereka akan merasa selamat daripada ancaman anggota tentera pemerintah. Keadaan semakin merosot sehingga para pemberontak itu menjadi semakin berani untuk tinggal di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan pusat pemerintahan. Kerajaan itu seringkali pecah kepada dua atau tiga kerajaan, bergantung kepada kekuatan asalnya. Mereka yang tidak berkongsi perasaan kekitaan tampil dan mengurusi masalah kerajaan, meskipun mereka tunduk kepada orang-orang yang termasuk ke dalam perasaan sekumpulan dan mengaku kekuasaan mereka.

Hal ini dapat dicontohi, melalui kerajaan-kerajaan Islam Arab. Pada awalnya ia berkuasa sehingga di Andalusia, India, dan China. Bani Umaiyah berkuasa penuh untuk menguasai semua bangsa Arab melalui perasaan sekumpulan Bani Abdul Manaf. Ia adalah munasabah sehingga Sulaiman bin Abdul Malik di Damaskus menyuruh membunuh Abdul Aziz bin Musa bin Nushair di Qardoba. Dia dibunuh, dan perintah Sulaiman tidak dipatuhi. Bani Umaiyah dihapuskan dan Bani Abbas pun berkuasa. Mereka telah mengekang Bani Hasyim, dan membunuh serta membuang negeri keturunan-keturunan daripada Abu Thalib. Sebagai kesannya, perasaan sekumpulan Abdul Manaf lenyap dan hancur sama sekali. Orang-orang Arab menjadi tambah lancang dan berani *vis-a-vis* menghadapi Bani Abbas. Para penduduk di daerah kekuasaan yang jauh, seperti Bani Aghlab di Ifriqiyah, orang-orang Andalus, dan lain-lainnya, telah berkuasa ke atas diri mereka, dan dinasti kita, malah cuba sedaya upaya ditangkap oleh tentera dan para pertahanan kerajaan itu.

Mereka yang berbuat sesuatu kerana ada matlamatnya, sebab itulah mereka membuat propaganda dan akhirnya mengundurkan diri secara rasmi. Mereka berkuasa di daerah perbatasan dan di kawasan-kawasan jauh. Di sana, mereka berupaya melakukan propaganda demi mencapai tujuan yakni kedaulatan. Akibatnya, negara mengalami perpecahan. Apabila dinasti itu mengalami kemerosotan secara terus-menerus, proses ini akan berlangsung hinggalah pusat itu dicapai. Keluarga diraja menjadi lemah kerana dipengaruhi oleh kemewahan. Maka keseluruhannya yang telah mengalami perpecahan itu pun hancur. Lazimnya, ia dalam berkeadaan begitu buat beberapa waktunya.

Kerajaan tidak lagi menghendaki perasaan sekumpulan *ashabiyah*, kerana ia telah diwarnai oleh sikap bahawa rakyatnya

harus patuh dan tunduk dalam waktu yang lama itu sehingga mereka tidak dapat memikirkan bagaimana ianya bermula dan asal terbentuknya. Mereka cuma menyerah diri pada raja. Dengan itu, dia tidak lagi memerlukan kekuatan perasaan sekumpulan demi menegakkan kekuasaannya, memadailah kalau diwujudkan tentera upahan, serta yang digajikan sahaja. Sikap tunduk itu pada umumnya membantu dalam persoalan ini. Sekiranya ada yang cuba enggan tunduk atau mengubah haluan diri – lazimnya tidak berlaku – masyarakat umum akan menyalahkan tindakan itu dan menentangnya. Maka, dia tidak akan berusaha melakukannya meskipun dia sudah berusaha sedaya upaya. Dalam sitausi begini negara akan lebih aman, dalam erti kata para pemberontak dan petualang, sebab sikap taat setia telah dapat dibina dengan kukuh. Setiap orang seakan-akan tidak rela bersikap menentang walau sedikit pun dan fikiran itu tidak terlintas di dalam fikiran mereka untuk tidak bersikap taat setia. Atas pertimbangan itu, negara akan lebih aman daripada menghadapi gangguan dan kebinasaan yang cuba ditimbulkan oleh golongan dan suku. Dinasti itu akan terus berada dalam keadaan begini, tetapi kekukuhannya menjadi kurang, sebagaimana panas di tubuh yang disebabkan oleh kekurangan zat makanan. Lambat-bangat nasib sesebuah kerajaan akan sampai pada penghujung waktunya. Bagi setiap masa ada kitab (yang tertentu),[68] dan bagi setiap negara ada batas waktunya, dan Allah s.w.t. penentu malam dan siang,[69] dan Dia Yang Maha Esa dan Maha Kuasa.

Sedangkan kehancuran yang disebabkan oleh masalah wang, suatu yang harus diketahui ialah pada awalnya dinasti itu mengekalkan cara hidup *badawiyah* sepertimana yang disebutkan sebelum ini. Kerajaan itu memiliki kualiti-kualiti kasih dan sayang akan rakyatnya, bersederhana dan terencana di dalam soal belanjawan, dan menghormati harta benda orang lain. Ia menghindarkan cukai yang berat sebelah, mengawasi kelicikan, bijaksana sewaktu mengutip wang dan mengamalkan sikap bertanggungjawab oleh para penjawat. Pada waktu itu tidak ada yang membuat perbelanjaan yang boros. Dengan demikian, kerajaan tidak memerlukan banyak wang. Lama-kelamaan timbul penguasaan dan perluasan kuasa. Kedaulatan semakin menyerlah. Hal ini

---

68 Al-Quran Karim, surah 13 (ar-Ra'ad), ayat 37.

69 Al-Quran Karim, surah 73 (al-Muzammil), ayat 20.

menyebabkan wajarnya kemewahan, yang menyebabkan perlunya pertambahan dari segi perbelanjaan. Pembelanjaan raja dan anggota keluarganya secara umumnya meningkat. Kecenderungan ini meluas hingga kepada penduduk kotanya.

Peningkatan taraf hidup itu menyebabkan bertambahnya upah bagi tentera dan gaji para penjawat. Perbelanjaan yang berlebih-lebihan semakin meningkat. Peningkatan merebak pada rakyatnya sebab mereka menteladani cara dan amalan-amalan para pemimpinnya. Atas pertimbangan itu, raja pun merasa harus untuk mengenakan cukai ke atas barang-barang dagangan di pasar-pasar demi memperbaiki perbendaharaannya. Baginda melihat kemewahan hidup masyarakat bandar sebagai mewajarkannya. Baginda memerlukan wang untuk membiayai pentadbiran negara dan membayar gaji tentera-tenteranya. Cukai kastam tidak lagi mampu mengisi keperluan itu. Dinasti pada masa itu telah mencapai mercunya dalam kekuasaannya, dan kekuasaannya telah memaksa rakyat yang berada di bawah pengawasannya. Jangkauan bidang kuasanya telah membolehkannya merampas harta dan kekayaan rakyatnya, sama ada melalui cukai-cukai kastam, urus niaga perdagangan, dan kadang kalanya, melalui perlakuan paksa terhadap harta kekayaan rakyatnya, dengan pelbagai dalih, malah juga tanpa sebab-sebab yang munasabah.

Pada peringkat ini, para pengutip cukai di dalam kerajaan itu telah menjadi kaya-raya kerana banyak hasil cukai yang berada di tangannya dan kedudukannya mereka menjadi begitu penting oleh sebab-sebab ini. Disebabkan itu, timbul perasaan curiga kerana telah memiliki wang yang banyak. Adalah lumrah seorang pengutip cukai akan cela-mencela satu dengan yang lainnya disebabkan oleh rasa iri hati dan dengki. Seorang demi seorang mengalami penyitaan dan seksaan. Akhirnya kekayaan itu lenyap, dan mereka pun mengalami kehancuran. Kerajaan telah kehilangan kemegahan dan kecemerlangan yang telah diperolehi melalui usaha-usaha mereka.

Setelah kekayaan mereka dilenyapkan, kerajaan pun maju setapak lebih jauh lagi dan mengambil harta benda rakyatnya yang kaya-raya. Pada peringkat ini, tanda-tanda kelemahan telah kelihatan pada kekuatan, *syawkah* yang ada. Ternyata dinasti itu sudah terlalu lemah untuk mengekalkan kuasa dan kekuasaannya. Dasar raja pada kala ini ialah secara bijaksananya berusaha mengurusi segala persoalan dengan menggunakan wang. Baginda berpendapat bahawa cara begini adalah lebih wajar daripada

menggunakan pedang, yang mana tidak digunakan lagi. Keperluannya terhadap wang melampaui keperluannya untuk perbelanjaan dan gaji anggota-anggotanya. Usahanya ini juga tidak mencukupi. Kelemahan yang dialami semakin hari semakin parah. Penduduk-penduduk daerah yang lain semakin mencabar kedaulatannya. Pada peringkat ini, kerajaan ibarat telah menggali kuburnya sendiri hingga menyebabkan kehancuran. Kehadiran penakluk akan merampas daripada tangannya apa yang selama ini dibanggakan-banggakan. Negara itu laksana pelita sumbu yang apabila habis minyaknya akan padamlah cahayanya.

> Dan Allah adalah penguasa segala sesuatu, pengatur segala cipta. Tiada Tuhan selain Dia.

48 Pada awalnya kekuasaan sebuah kerajaan meluas sampai kepada hadnya, lalu menyempit setahap demi setahap, hinggalah negara itu hancur dan lenyap

Setiap dinasti memiliki sejumlah daerah dan wilayah tertentu, dan tidak lebih daripada itu. Perluasan adalah tergantung kepada taburan kekuatan kelompok yang bertanggungjawab untuk melindungi kawasan dan daerahnya. Meskipun ke mana mereka pergi, mereka akan berhenti di kawasan perbatasan atau *tsaghr*. Ia mengelilingi negara dari semua sudut bagaikan tali pinggang. Kadang-kadang keluasannya yang paling jauh adalah serupa dengan "ikat pinggang", kerajaan di masa yang lampau. Kadang-kadang akan lebih luas lagi, apabila jumlah kekuatan kelompok yang baru itu ternyata lebih besar daripada jumlah kekuatan kelompok negara yang sebelumnya.

Semua ini terjadi sewaktu kerajaan itu masih mengekalkan ciri-ciri *badwiah* dan mempunyai keberanian yang kental.

Akhirnya, kekuatan dan kekuasaan menjadi milik mereka. Ganjaran dan gaji menjadi bertambah lumayan akibat meningkatnya pendapatan cukai. Generasi baru menjadi manja dengan kemewahan hidup yang melimpah-ruahnya itu. Perilaku ketenteraan menjadi lemah, dan mereka telah kehilangan sifat tahan lasak. Ini membuatkan mereka itu jadi pengecut dan orang-orang yang malas bekerja. Hal itu menjadikan mereka tidak lagi bersifat berani dan bersikap kelelakian. Mereka meninggalkan kehidupan padang pasir dan tahan lasaknya serta mencari kekuasaan melalui

saingan sengit untuk menjadi pemimpin. Ini menyebabkan ada di antara mereka yang sanggup bunuh-membunuh. Raja telah bertindak menghalang perbuatan mereka dengan menghukum bunuh para pendekar dan para pembesar mereka. Maka para amir dan pembesar tidak lagi wujud, sedangkan jumlah pengikut dan orang bawahannya semakin bertambah. Tindakan bagini telah menumpulkan sudut-sudut yang menjadi ketajaman negara, serta mengurangkan kekuatannya. Terjadilah keruntuhan pertama pada negara, iaitu keruntuhan melalui tentera dan pertahanan negara, sepertimana telah diterangkan terdahulu daripada ini.

Hal ini adalah selari dengan keborosan dalam perbelanjaan. Mereka yang berpengaruh dalam kerajaan telah bertindak penuh kemegahan, dan saling menonjol-nonjolkan kekayaan apabila mereka bersaing dalam hal makanan, pakaian, kediaman yang tersergam, senjata yang lebih baik dan dalam menyimpan sahaja kuda-kuda itu di kandangnya. Pada masa ini, pendapatan negara adalah terlalu sedikit untuk menampung perbelanjaan, dan elemen kedua kehancuran yang menimpa kerajaan ialah melalui wang ringgit dan percukaian. Kelemahan dan kehancuran adalah diakibatkan oleh kedua-dua elemen itu.

Ketua-ketua di dalam kerajaan itu saing-menyaing sesama sendiri. Mereka berbalah dan begitu lemah untuk mempertahankan diri mereka daripada saingan dan tetangganya. Penduduk di daerah perbatasan dan terpencil merasakan kelemahan itu dan mereka menampakkan taring mereka. Mereka pun dapat menegakkan kuasa sendiri di daerah-daerah yang ada di bawah naungan mereka. Raja itu sudah tidak berdaya untuk memaksa mereka kembali kepada jalan yang sebenarnya. Maka kekuasaan negara pun menjadi lebih sempit daripada apa yang ada pada permulaannya. Akhirnya, kelemahan yang serupa, kelemahan berhubung dengan kekuatan kelompok serta kekurangan wang dan hasil sebagaimana yang berlaku di dalam yang pertama, di kawasan yang besar berlaku pada yang keduanya, di kawasan yang kecil.

Peneraju negara kini mulai berusaha mengubah norma-norma yang diserapkan itu secara bijaksana dalam hal yang berhubung dengan ketenteraan, wang, dan fungsi pentadbiran. Tujuannya ialah untuk memiliki norma-norma yang sesuai untuk mengimbangi anggaran belanjawan, memuaskan hati para militia, memberikan perlindungan kepada daerah-daerah pentadbiran, membahagikan pendapatan cukai sebagai gaji para tentera secara

yang sebaik-baiknya serta mengatur kembali keadaan-keadaan baru sepertimana yang wujud pada permulaan negara. Namun, segala yang berniat buruk berlaku di setiap sudutnya.

Pada peringkat akhir ini, apa-apa yang pernah terjadi di dalam peringkat yang pertama, berulang kembali. Raja itu mengambil langkah-langkah yang sama sepertimana yang diambil oleh raja yang terdahulu, serta menggunakan alat pengukur lama untuk dipergunakan dalam keadaan-keadaan yang baru. Baginda berhasrat menolak kesan buruk kehancuran, yang muncul pada setiap peringkat dan memberikan kesan kepada setiap bahagian dalam negara sehingga luas kerajaan kembali lebih sempit daripada apa yang sebelumnya. Dan apa yang telah terjadi sebelumnya, kini berulang kembali.

Mereka yang melakukan perubahan pada norma-norma negara sebelumnya adalah dalam suatu seginya mendirikan sebuah kerajaan yang baru. Sungguhpun demikian kerajaan itu akan menemui kehancurannya. Bangsa-bangsa yang ada di sekitarnya akan terus berusaha untuk menguasainya. Mereka telah mendirikan sebuah dinasti lain untuk diri mereka sendiri. Dan terjadilah apa yang telah ditetapkan Allah s.w.t.

Hal ini dapat dipelajari daripada kerajaan Islam. Melalui penaklukan dan kemenangan, kekuasaannya menjadi bertambah luas. Anggota militianya bertambah, dan bilangan mereka meningkat sebagai hasil daripada anugerah dan gaji yang diberikan kepada anggota-anggota tentera. Akhirnya kekuasaan Bani Umaiyah ditamatkan. Bani Abbas pula memegang kuasa. Kemewahan pun bertambah, kebudayaan tinggal menetap bercambah dan perpecahan pun kelihatan. Munculnya Bani Umaiyah Marwaniyah dan kerajaan Alawiyah (Idrisiyah) telah menghancurkan kekuasaan Bani Abbas di Andalusia dan Maghribi. Kedua-dua daerah perbatasan ini telah bebas daripada belenggu kekuasaan Bani Abbas.

Kemudian, perselisihan faham timbul di kalangan putera ar-Rashid. Propaganda-propaganda yang memihak kepada Bani Ali muncul di setiap daerah, dan kerajaan Alawiyah pun dapat didirikan. Kemudian setelah kematian al-Mutawakkil, para amir berjaya memegang kuasa dan mengetepikan para khalifah. Gabenor-gabenor di daerah yang berada di daerah yang jauh berjaya mendapatkan kemerdekaan dan cukai tanah yang dikutip di sana tidak lagi dihantar. Kemewahan masih dinikmati terus dan al-Mutadid

pun muncul. Baginda bertindak mengubah kebiasaan-kebiasaan kerajaan dan memperkenalkan dasar-dasar lain. Baginda memberikan daerah-daerah yang terpencil itu, di mana gabenornya telah menguasainya, sebagai tuan-tuan tanah negara. Kemudian, kekuasaan bangsa Arab mengalami keadaan kucar-kacir. Orang-orang bukan Arab berjaya memegang kuasa. Kemudian muncul Dinasti Turki Saljuk. Orang-orang Saljuk memperoleh kuasa terhadap kerajaan Islam. Mereka membiarkan para khalifah tinggal dalam pengasingannya, hinggalah kerajaan mereka hancur. Dari masa itu an-Nashir* dan seterusnya, khalifah-khalifah yang berkuasa penuh ke atas daerah yang lebih kecil daripada bulatan-bulatan yang melingkari bulan, iaitu dari Iraq Arab hingga Asfahan, Faris, dan Bahrayn. Dinasti itu terus dalam keadaan demikian hingga kekuasaan para khalifah dihancurkan oleh Hulagu, putera Thuli, putera Dusyi Khan, raja Tartar dan Mongol. Mereka menewaskan Bani Saljuk, dan menguasai kerajaan Islam yang telah menjadi hak mereka.

Maka, kekuasaan sesebuah dinasti menjadi semakin kecil daripada apa yang sudah wujud pada permulaannya. Proses ini terus berlangsung, tahap demi tahap, hingga kerajaan itu dikalahkan.

> Perhatikanlah hal itu pada setiap kerajaan, yang besar mahupun yang kecil. Demikianlah sunnah Allah s.w.t. yang berlaku ke atas negara, hingga datang kehancuran apa yang *total* terhadap seluruh makhluk sesuai dengan ketentuan-Nya. Setiap sesuatu akan hancur kecuali Allah s.w.t.[70]

49 Bagaimana sebuah kerajaan baru muncul?

Apabila kerajaan yang berkuasa mula menjadi lemah dan ke arah kehancurannya, kemunculan sebuah kerajaan akan terbentuk dalam dua cara:

Cara yang pertama ialah gabenor-gabenor di daerah-daerah telah menguasai daerah-daerah yang jauh ketika kerajaan telah kehilangan pengaruh di sana. Setiap mereka mendirikan sebuah kerajaan baru untuk rakyatnya dan sebuah kerajaan yang diabadi-

---

* Raja Bani Abbasiyah yang memerintah dari tahun 1180 hingga 1225.

70 Al-Quran, surah 28 (al-Qasas), ayat 88.

kan untuk keluarganya. Para putera atau *mawla* mereka mewarisinya dari dia. Secara perlahan-lahan, mereka memiliki kerajaan yang makmur dan kaya-raya. Lazimnya di kalangannya mereka saling terjadi persaingan yang sengitnya untuk memiliki kekayaan bagi diri sendiri. Seseorang yang kuat daripada saingannya akan berkuasa, dan merampas segala apa yang dimiliki oleh yang lainnya.

Hal ini terjadi terhadap kerajaan Bani Abbas ketika ia menuju jalan kelemahannya, dan bayangan naungannya sudah pula susut di daerah-daerah jauh. Hal yang sama terjadi pada kerajaan Bani Umaiyah di Andalusia. Kerajaan mereka itu terpecah kepada *reyes de taifas*, kerajaan-kerajaan kecil yang dahulunya dimiliki oleh gabenor-gabenor wilayah. Ia terbahagi kepada beberapa kerajaan dengan beberapa raja, yang mewariskan kekuasaan mereka setelah mereka meninggal dunia kepada para kerabat dan *mawla* mereka. Pembentukan kerajaan-kerajaan yang baru ini menghalang daripada berlakunya peperangan di antara mereka dengan kerajaan yang berkuasa. Raja-raja itu sudah benar-benar mantap berkuasa dan tidak mahu dikuasai oleh kerajaan yang sedang berkuasa. Kerajaan yang terakhir ini sudah menampakkan tanda-tanda kelemahannya, dan naungan jajahannya di daerah-daerah yang jauh semakin terlepas daripada genggaman negara itu dan sudah tidak mampu lagi menguasainya.

Cara yang lain ialah apabila ada yang memberontak daripada kalangan bangsa dan suku-suku. Dia dapat melakukannya melalui usaha-usaha propaganda yang mana memang hasratnya mahu memenangi perasaan manusia lain. Atau, dia memiliki suatu kekuatan, *syawkah*, dan sokongan perasaan sekumpulan daripada masyarakatnya. Pengaruhnya memang telah meresap di kalangan mereka, dan sekarang dia mendapatkan bantuan mereka demi menegakkan kedaulatan. Mereka berasa amat yakin akan mendapatkannya kerana mereka berpendapat bahawa kekuatan mereka adalah besar untuk menggulingkan kerajaan yang berkuasa, sebuah kerajaan yang ternyata telah menampakkan kelemahannya. Maka, bagi pemberontak dan orang-orangnya, ini adalah suatu hakikat bahawa mereka akan dapat memperoleh kuasa ke atas kerajaan yang berkuasa itu. Mereka pun melakukan serangan secara lebih kerap hinggalah mendapat kemenangan dan mewarisi kekuasaannya.

50 Sebuah kerajaan yang baru dapat menundukkan kerajaan yang berkuasa melalui ketabahan, dan bukannya melalui serangan yang mendadak

Kita telah menyebutkan bahawa terdapat dua cara negara-negara baru itu muncul. Cara yang pertama ialah daripada gabenor-gabenor yang berkuasa di daerah-daerah yang jauh dan sewaktu naungan kerajaan yang berkuasa tidak berkesan maka daerah-daerah tersebut kembali kepada keadaannya yang asal. Sebagaimana biasanya mereka tidak menyerang dinasti, sebab mereka telah berasa puas dengan apa yang mereka ada. Cara keduanya ialah oleh mereka yang membuat propaganda supaya berlaku suatu sebab atau pemberontakan terhadap kerajaan. Dan tidak dapat dielakkan ialah mereka akan menentang kerajaan, kerana kekuatan mereka membenarkannya. Mereka memberontak apabila mereka mempunyai perasaan sekumpulan yang cukup dan kekuatan yang dapat menjamin kejayaan usaha mereka. Pertempuran sengit terjadi antara mereka dengan kerajaan yang berkuasa. Pertempuran-pertempuran semacam itu berlaku secara berulang-ulang kali dan terus-menerus, hingga disebabkan ketabahan hati, mereka berjaya menundukkan dan mencapai kemenangan. Sebagaimana peraturannya, kemenangan itu tidak diperoleh melalui serangan secara mendadak.

Kemenangan dalam peperangan sebagaimana wajarnya diperoleh melalui faktor-faktor psikologi. Bilangan tentera, persenjataan, dan taktik memang menjaminkan suatu kemenangan. Namun sebagaimana yang telah disebutkan terdahulu, (kesemuanya) kurang berkesan apabila dibandingkan dengan faktor-faktor yang disebut di atas. Tipu muslihat *khida*, merupakan suatu hal yang paling penting dan banyak digunakan dalam peperangan. Ia adalah suatu, yang paling tepatnya akan memberikan suatu kemenangan. Dalam hadis disebutkan:

"Perang adalah tipu daya"

Adat kebiasaan yang diterima ialah supaya taat setia kepada dinasti yang berkuasa sebagai suatu keharusan dan kewajipan. Adat ini mengekang mereka yang mahu mendirikan kerajaan yang baru. Ia menghalang para pengikut dan pendukungnya. Mereka yang dekat dengannya memberikan sepenuh taat dan setia tetapi sebilangan yang lain telah menyedari bahawa kegagalan dan

kemalasan itu adalah disebabkan oleh pengaruh lama itu kerana terlalu menyerah kepada tuntutan kerajaan yang berkuasa. Dan semangat mereka begitu merosot. Dengan demikian, pendiri kerajaan yang baru berasa tidak mampu untuk menghadapi tentangan raja yang sedang berkuasa. Akibatnya, dia terpaksa bersandar pada kesabaran dan ketabahan, hinggalah kelemahan kerajaan itu sudah jelas. Kelewatan itu menyebabkan penyokong-penyokongnya hilang kepercayaan dan percaya dia telah mengaku taat setia kepada kerajaan yang berkuasa. Dari dalam diri mereka muncul *himmah* untuk, bersama dengan pendiri negara baru, mengadakan serangan secara terbuka. Hasrat mereka ialah mencapai kemenangan dan kuasa.

Tambahan pula kerajaan yang berkuasa itu menikmati banyak kemewahan. Kekuasaan keluarga diraja itu telah benar-benar kukuh untuk memberikan kemewahan kepada yang lain, mereka telah mendapatkan hasil dari cukai-cukai. Maka, mereka pun memiliki banyak kuda di kandang dan senjata yang bagus-bagus. Mereka hidup dalam serba mewah. Hadiah-hadiah daripada raja, diberikan sama ada secara suka rela mahupun dipaksakan, telah diberikan kepada mereka. Dengan semua itu, mereka telah menggemparkan musuh-musuh mereka.

Ahli keluarga kerajaan yang baru tidak memiliki hal-hal semacam itu. Mereka kekal dengan kebiasaan hidup di padang pasir, miskin dan daif. Kesemuanya itu menjadikan mereka tidak bersedia. Apabila mereka mengetahui mengenai keadaan-keadaan dan kehebatan persiapan kerajaan yang berkuasa, ia telah menimbulkan kegelisahan dalam hati mereka. Dengan demikian, pemimpin mereka terpaksa menunggu hinggalah kelemahan wujud di dalam kerajaan yang sedang berkuasa, dan perasaan sekumpulan serta struktur kewangan menjadi kacau-bilau. Pendiri negara baru pun mengambil kesempatan untuk mengambil alih kuasa beberapa waktu selepas melancarkan serangan. Sunnah Allah berlaku atas hamba-hamba-Nya.

Orang-orang dalam kerajaan yang baru itu adalah berbeza dengan mereka yang sedang berkuasa, daripada segi keturunan, adat istiadat, serta semua hal lainnya. Serangan-serangan yang dilakukan secara kerap dan keinginan untuk mendapatkan kuasa telah menyebabkan berlakunya perpecahan di kalangan mereka yang ada di kalangan kerajaan yang berkuasa. Akibatnya rakyat dari kedua-dua kerajaan itu menjadi semakin tidak sefaham sama

ada yang terbendung dan tidak terbendungnya. Tidak ada maklumat mengenai kerajaan yang sedang berkuasa sampai kepada para penjawat kerajaan yang baru, seperti yang membolehkan mereka mengetahui ketidaksediaan di kalangan mereka, sebab semua bentuk hubungan dan jalinan di antara mereka telah putus. Maka mereka pun semakin mendesak, tapi dikuasai oleh rasa takut, dan tidak mahu mendahului serangan mengejut.

Akhirnya, Allah s.w.t. telah mengizinkan supaya dinasti itu dilenyapkan kehidupannya, dan perpecahan berpunca dari segala jurusan. Kelemahan dan perpecahannya yang selama ini dipelihara supaya tidak diketahui oleh orang-orang negara baru, menjadi suatu yang tidak dapat disorok lagi. Kala itu, kekuatan mereka telah bertambah, kerana mereka telah memutuskan dan mengambil daerah-daerah yang jauh. Maka mereka menjadi begitu bersemangat untuk melakukan serangan secara serentak, dan pada akhirnya hal ini membawa pada penguasaan.

Segalanya itu boleh pelajari melalui kemunculan kerajaan Bani Abbas. Kerajaan Syiah (Bani Abbas) bertahan di Khurasan untuk sekitar 10 tahun atau lebih setelah propaganda Bani Abbas dapat disatukan, dan Bani Abbas telah berkumpul untuk melancarkan serangan. Dan kemenangan itu dapat mereka capai dan mereka telah menundukkan kerajaan Bani Umaiyah. ...

Suatu pertentangan yang berterusan yang ditandai oleh serangan yang berterusan dan kesabaran yang panjang, adalah sifat-sifat yang menghubungkan antara kerajaan baru dan lama. Demikianlah ketetapan Allah s.w.t. ke atas hamba-Nya.

Peristiwa-peristiwa penaklukan yang dilakukan oleh orang-orang Islam tidak dapat dijadikan sebagai suatu hujah bagi pernyataan terdahulu. Orang-orang Islam berjaya menguasai Parsi dan Romawi pada tahun ketiga atau keempat daripada tarikh wafatnya Nabi Muhammad s.a.w. – dan ia bukanlah suatu masa penantian yang memakan waktu lama. Suatu hal yang harus disedari ialah ia merupakan salah satu mukjizat nabi kita Muhammad s.a.w. Rahsianya ialah adanya keinginan untuk mati syahid sewaktu berjihad memerangi musuh mereka kerana mereka benar-benar memiliki iman, dan sehubungan dengan rasa gentar dan kekalahan yang Allah s.w.t. masukkan ke dalam hati musuh-musuh mereka. Semua mukjizat ini merupakan fakta yang terputus daripada kebiasaan di antara kerajaan yang baru dan yang sedang berkuasa, suatu penantian yang panjang. Keluarbiasaan itu

sebagaimana dalam Islam adalah suatu yang diakui. Mukjizat tidak boleh digunakan sebagai andaian untuk hal-hal yang biasa dan tidak boleh dipertikaikan.

51 Terdapatnya ledakan penduduk pada akhir negara, wabak dan kebuluran kemudiannya sering terjadi

Suatu yang telah diputuskan bahawa pada permulaannya, kerajaan adalah begitu bertimbang rasa dalam melaksanakan bidang kuasanya dan bersikap adil dalam pentadbirannya. Sebabnya ialah sama ada agama, apabila negara didasarkan di atas dakwah Islamiah, atau sikap hormat-menghormati dan berbuat baik terhadap semua orang yang dituntut oleh sikap hidup *badwiah*, sesuatu yang semula jadi di dalam kerajaan (pada mulanya).

Suatu sifat timbang rasa dan suka kepada kebajikan telah menjadi suatu tenaga pendorong kepada rakyatnya dan memberikan mereka kekuatan untuk menggiatkan kegiatan kebudayaan. Maka bilangan zuriat bertambah dan kebudayaan melimpah-ruah. Semua ini berlaku secara beransur-ansur. Kesannya akan kelihatan paling tidak pada satu atau dua generasi. Pada akhir dua generasi, dinasti itu sudah hampir pada puncak kehidupannya yang semula jadi. Pada masa itu, peradaban, *umran*, telah sampai pada hadnya yang penuh dengan limpah-ruah dan pertumbuhannya.

Suatu yang tidak harus dibantah di sini, bahawa ia telah dinyatakan pada masa-masa akhir sesebuah dinasti, akan terdapat paksaan terhadap hamba rakyatnya dan akan timbul pemerintahan yang kejam. Ini adalah benar, namun ia tidak bertentangan dengan apa yang baru saja disebutkan. Meskipun paksaan telah muncul di kala itu dan pendapatan cukai menurun, pengaruh kebinasaan situasi ini terhadap peradaban akan kelihatan dengan jelas hanya setelah beberapa waktu, sebab secara semula jadinya sesuatu itu akan berkembang secara beransur-ansur.

Pada masa akhir kerajaan, kebuluran dan wabak merebak dengan teruknya. Sebab berlakunya kebuluran ialah kebanyakan rakyatnya pada waktu itu terhalang daripada mengerjakan ladang. Sebab, di tahun-tahun akhirnya telah berlaku serangan terhadap harta benda dan pendapatan cukai, serta cukai kastam dalam urusan perdagangan. Atau, kekacauan yang diakibatkan oleh ketidaktenteraman dan ramai pemberontak yang didorong oleh keadaan kerajaan yang sudah lemah. Maka, sebagaimana harus-

nya, amat sedikit tersimpan biji-bijian. Biji-bijian dan hasil tuaian tidak selalu baik dan stabil dari tahun ke tahun. Kadar hujan yang turun adalah berbeza oleh sebab alam. (Air hujan itu boleh jadi sedikit atau lebat). Biji-bijian, buah-buahan, dan banyaknya susu yang dihasilkan oleh binatang adalah berbeza sama sekali. Namun, demi keperluan hidup, mereka berserah kepada apa yang dapat disimpan. Jika tiada yang boleh disimpan, rakyatnya pasti akan mengalami kebuluran. Harga biji-bijian meningkat. Rakyat yang papa yang tidak dapat berupaya membeli apa-apa akan menemui ajalnya. Jika dalam beberapa tahun tidak ada apa-apa yang dapat disimpan kebuluran yang menyeluruh akan berlaku.

Sedangkan berlakunya wabak ialah disebabkan oleh kelaparan, sebagaimana yang telah disebutkan tadi, atau disebabkan kekacauan yang disebabkan oleh perpecahan kerajaan. Begitu banyak gangguan dan pembunuhan dan wabak pun terjadi. Sebab utamanya ialah disebabkan oleh kekotoran udara disebabkan oleh ledakan penduduk, dan pembusukan serta wap lembap busuk yang bercampur-baur dan berlaku di daerah yang sesak dengan penduduk. Kini, udara memelihara roh binatang dan segala yang berhubungan dengannya. Apabila ianya telah rosak, pencemaran udara itu akan memberi kesan kepada sifat roh. Jika pencemaran udara itu teruk, maka paru-paru akan dijangkiti penyakit. Ini mengakibatkan wabak yang memberi kesan khusus kepada paru-paru. Sekira pencemaran udara itu tidak berapa teruk, pembusukan akan meningkat dan berganda. Ia mengakibatkan berlakunya banyak penyakit demam yang mengganggu banyak pembusukan dan wap-wap sakit serta binasa. Sebab berlakunya banyak pembusukan dan wap-wap lembap yang buruk adalah banyak dan melimpahnya *jumlah peradaban* pada akhir kerajaan itu. Peradaban semacam itu adalah akibat oleh pemerintahan yang baik, bertimbang rasa, serta keamanan dan cukai yang rendah sebagaimana terdapat pada permulaan negara. Ini adalah jelas. Dengan demikian, ilmu pengetahuan telah menjelaskan bahawa adalah penting untuk mengadakan jarak yang kosong dan daerah-daerah yang terbiar di antara kawasan perbandaran. Ini memungkinkan berlakunya pusingan udara. Ia melenyapkan pencemaran udara dan pembusukan yang mengakibatkan udara setelah adanya hubungan dengan makhluk yang hidup, dan mewujudkan udara yang segar bersih. Hal ini menyebabkan berlakunya wabak di kota-kota yang mempunyai penduduknya yang ramai daripada yang boleh berlaku di tempat

lain, sebagai contoh, di Mesir di timur, dan Fez di Maghribi.

Dan Allah s.w.t. menentukan apa yang dikehendaki-Nya.

52 Peradaban manusia memerlukan kepemimpinan politik untuk organisasinya

Telah dinyatakan sebelum ini dan di beberapa tempat, organisasi sosial manusia adalah suatu keharusan. Ia adalah apa yang dimaksud dengan peradaban *umran*, seperti yang kita bincangkan dan orang-orang di dalam organisasi sosial apa pun haruslah ada seorang yang berpengaruh untuk mengendalikan dan mengarahkan mereka, dan dijadikan sebagai tempat mendapatkan bantuan. Arahan-arahan yang dikenakan terhadap mereka adalah didasarkan kepada syariat. Mereka adalah diwajibkan supaya menerima hukum-hukum itu berdasarkan keyakinan bahawa mereka yang taat akan mendapat ganjaran dan menerima balasan atas kesalahan mereka di hari akhirat kelak. Kadang kalanya peraturannya itu adalah didasarkan pada rasional politik. Rakyat bersetuju patuh dengan harapan akan diberikan ganjaran oleh rajanya setelah dia membiasakan diri dengan apa yang baik bagi mereka.

Jenis peraturan yang pertama adalah berguna untuk dunia ini, dan juga untuk dunia selepas mati, sebab si pemberi hukum mengetahui kepentingan utama manusia, dan lebih berminat untuk menyelamatkan manusia di dunia selepas mati. Yang kedua itu hanya sesuai untuk dunia ini.

Kita tidak memaksudkan apa yang dibicarakan sebagai "utopianisme politik". Apa yang dimaksudkan seperti pendapat para ahli falsafah ialah sebagai suatu kecenderungan di mana setiap sifat di mana setiap anggota sesebuah organisasi sosial harus memilikinya, jika akhirnya mereka tidak lagi memerlukan sama sekali raja-rajanya. Mereka menamakan organisasi sosial yang memenuhi syarat ini sebagai "kota unggul" *madinah fadlilah*. Norma-norma yang dititikberatkan dalam hubungan ini dipanggil "utopia politikal", *siyasah madaniyah*.[71] Mereka tidak memaksudkan jenis politik yang anggota-anggota organisasi sosial didorong

71 Di sini Ibn Khaldun memaksudkannya, khususnya, dengan pendapat-pendapat Plato di dalam bukunya *Republic, al-Jumhuriyah*, serta pendapat-pendapat al-Farabi di dalam bukunya *Ara-u ahl-il-madinah al-fadlilah*.

untuk menyerapnya melalui hukum-hukum untuk kepentingan umum. Ia adalah sesuatu yang berbeza. "Kota unggul" para ahli falsafah adalah sesuatu yang luar biasa dan terpencil. Mereka membicarakannya sebagai suatu andaian.

Sekarang, politik rasional sebagaimana yang disebutkan pada awal tadi terdiri daripada dua jenis. Jenis politik rasional yang pertama lebih melibatkan dirinya dengan kepentingan umum, dan dengan kepentingan raja sehubungan dengan pentadbiran kerajaannya, khususnya. Ini adalah politik orang-orang Parsi. Ia ada sesuatu hubungan yang ada dengan falsafah. Allah s.w.t. menjadikan jenis politik ini begitu banyak dalam Islam pada masa-masa khalifah. Undang-undang agama adalah sesuatu yang mempunyai hubung kaitnya dengan kepentingan umum dan khusus, kerana ia merupakan pepatah-pepatah (para ahli falsafat) dan perundangan-perundangan kedaulatan.

Jenis politik rasional yang kedua sesuatu yang hanya berkenan dengan kepentingan raja, dan bagaimana dia dapat melaksanakan hukumnya melalui paksaan. Di sini, kepentingan umum adalah hal yang kedua. Inilah politik yang diamalkan oleh semua raja, sama ada dia seorang Islam atau kafir. Namun, raja-raja Islam mengamalkan jenis politik ini sejajar dengan tuntutan syariat agama, sedapat yang mereka boleh lakukan. Dengan demikian, norma-norma politik di sini adalah campuran hukum agama dan peraturan etika, norma yang merupakan sesuatu yang semula jadi di dalam organisasi sosial berserta dengan hal-hal yang berkenaan dengan tuntutan memperhatikan kekuatan, *syawkah*, dan perasaan kekitaan, *ashabiyah*. Yang harus diikuti pertama kali ialah hukum syariat, kemudian para ahli falsafah dengan pepatah-petitih mereka, serta raja-raja dengan melalui mereka.

53 Mahdi. Pendapat-pendapat umat manusia mengenai dia. Kebenaran mengenai masalah ini

Adalah sesuatu yang telah diterima oleh setiap umat Islam, bahawa pada akhir zaman nanti akan muncul seorang insan daripada keluarga Nabi Muhammad s.a.w. demi memperkuatkan Islam, dan apa yang penting ialah menegakkan keadilan. Orang-orang Islam akan mengikutinya, dan dia akan mengetuai pemerintahan kerajaan Islam. Dia akan disebut sebagai Imam Mahdi. Selepasnya muncul pula Dajal, diikuti pula tanda-tanda akan berlakunya

hari kiamat sebagaimana yang telah ditentukan di dalam hadis-hadis Sahih. Setelah Mahdi, Nabi Isa pula akan muncul dan yang akan membunuh Dajal, atau dia akan turun bersama Mahdi, serta bekerjasama membinasakan Dajal.

Pernyataan-pernyataan itu telah ditemukan di dalam tradisi para pemuka Islam yang telah diterbitkan. Ia telah diperbincangkan secara kritis oleh orang-orang yang tidak menerimanya dan sebahagiannya telah disangkal oleh tradisi-tradisi tertentu. Ahli-ahli sufi mutakhir memiliki teori dan kesimpulan lain berkenaan dengan Imam Mahdi. Mungkin dalam hal ini, mereka bertolak dari *kasyf* yang merupakan sumber teori mereka ....[72] Masanya, orangnya dan tempat adalah dinyatakan secara jelas oleh mereka berdasarkan dalil dugaan dan kesimpulan yang berbeza-beza. Tetapi waktu yang diramalkan telah berlaku dan tidak terlihat isyarat bahawa ramalan itu berlaku. Kemudian saranan-saranan baru diserap berdasarkan dugaan gagasan linguistik, gagasan khayalan, dan hukum-hukum astrologi. Banyak waktu dihabiskan untuk membuat tentangan pendapat itu.

Para sufi yang hidup sezamannya berharap akan munculnya seorang *mujaddid*, yang akan memberikan nafas baru terhadap hukum-hakam Islam dan peraturan-peraturan kebenaran. Mereka beranggapan bahawa kemunculannya akan berlaku pada waktu yang hampir dengan masa kita. Ada pula yang menyatakan bahawa dia akan berasal daripada keturunan Fatimah. Sebahagian yang lain memperkatakannya dalam istilah yang lebih umum. Kita dengar sekelompok sufi, yang paling besar di antara mereka adalah Abu Ya'qub al-Badisi, pembesar para wali di Maghribi, yang hidup awal abad ke-8. Sahabat kita, Abu Yahya Zakaria, cucu Abu Ya'qub, telah menceritakan kepada kita tentang saudaranya. Dia mengetahuinya daripada ayahnya, Abu Muhammad Abdullah. ...

Suatu kebenaran yang harus disedari ialah bahawa tiada dakwah agama dan propaganda politik akan berhasil, kecuali adanya kekuatan perasaan sekumpulan, *syawkah ashabiyah*, yang dapat mendukung dakwah atau aspirasi politik tersebut, serta melindunginya daripada penentangnya.

---

72 Setelah ini, Ibn Khaldun menyebutkan hadis-hadis mengenai Mahdi, berikut penentang-penentang lengkap dengan dalil masing-masing. Diikuti dengan keterangan mengenai pendapat kaum sufi. Keterangan panjang ini kami lepas dari edisi terjemahan kita.

Perasaan kekitaan Bani Fatimi dan Thalib, bahkan semua kaum Quraisy seluruhnya, telah lama hancur. Ada bangsa lain yang mana perasaan kekitaan mereka telah dapat mengalahkan perasaan kekitaan kaum Quraisy. Apa yang dapat dikecualikan ialah saki-baki Bani Thalib – iaitu Bani Hasan, Bani Husain, dan Bani Ja'far – di Hijaz, di Makkah, Yanbu dan di Madinah. Mereka telah tersebar dan berkuasa di kota-kota itu. Mereka adalah golongan Badwi. Mereka menetap serta berkuasa di pelbagai tempat, serta berpegang kepada pelbagai pendapat yang bercanggah. Jumlah mereka ada beberapa ribu orang.

Sekiranya benar bahawa Mahdi akan muncul maka hanya ada satu cara yang dapat membuat mendiayahkannya supaya muncul. Dia haruslah salah seorang di antara mereka, dan Allah s.w.t. harus mempersatukan mereka supaya menjadi pengikutnya, hingga dia dapat menghimpun kekuatan, *syawkah*, yang cukup dan perasaan kekitaan *ashabiyah*, untuk mencapai apa yang dicita-citakan dan menggerakkan rakyat supaya menyokongnya.

Sebarang cara lain – misalnya seorang Fatimi hendak membuat diayah demi kepentingan Mahdi di kalangan rakyat di mana pun juga, dan tanpa dukungan perasaan kekitaan dan kekuatan, dengan hanya bergantung kepada hubungan kekeluargaan dengan Muhammad adalah tidak mungkin ianya terlaksana atau berhasil, kerana alasan-alasan yang munasabah yang telah kita kemukakan terdahulu itu.

Orang-orang biasa, masyarakat yang bebal, yang membuat pernyataan mengenai Mahdi, dan yang tidak dipandu dalam hubungan ini dengan kecerdikan atau dibantu oleh pengetahuan, berandaian bahawa Mahdi akan muncul dalam pelbagai keadaan dan tempat. Mereka tidak cukup mengetahui hakikat sebenar masalah itu. Kebanyakan mereka beranggapan bahawa kemunculannya itu berlaku di suatu daerah yang jauh dan tidak dapat dijangkau oleh kerajaan yang sedang berkuasa dan di luar kekuasaannnya, seperti az-Zab di Ifriqiyah dan as-Sus di Maghribi. ...

Dengan demikian, mereka berasa amat yakin bahawa Mahdi akan muncul di sana, kerana daerah-daerah ini tidak berada di bawah pengawasan kerajaan, dan tidak dapat dikawal oleh undang-undang dan kekuatan. Begitulah puncak pemikiran mereka. Dan begitu ramai orang yang berfikiran lemah telah pergi ke tempat tersebut dengan tujuan mendukung suatu alasan yang ternyata telah mengelirukan bahawa satu jiwa manusia dalam khayalannya

dan kebodohannya akan berupaya menjayakan cita-cita mereka. Ramai di antara mereka yang dibunuh.

54 Meramalkan masa depan kerajaan-kerajaan dan bangsa-bangsa termasuk membicarakan tentang ramalan, dan sebuah penjelasan mengenai persoalan yang disebut "ilmu huruf"

Suatu yang harus diketahui ialah bahawa salah satu sifat jiwa manusia ialah keinginan untuk mengetahui akibat yang berhubung dengan mereka, dan apa-apa yang bakal menimpa mereka, baik berupa kehidupan atau kematian, kebajikan atau kejahatan. Keinginan semacam ini menjadi lebih utama khususnya mengenai peristiwa-peristiwa yang kepentingannya bersifat menyeluruh dan seseorang ingin mengetahui sebagai contoh, berapa lamakah umur dunia, atau sesebuah kerajaan akan bertahan. Keinginan untuk tahu dalam masalah ini merupakan suatu pembawaan semula jadi dan terdapat dalam diri manusia. Disebabkan itulah kita temui ramai manusia yang ingin mengetahui hal itu di waktu tidur (melalui mimpi). Cerita-cerita tentang tukang-tukang tenung yang didatangi oleh para raja atau orang awam, dengan permintaan untuk meramalkan adalah sesuatu yang sudah diketahui.

Di kota-kota, kita akan menemui sekumpulan manusia yang mencari rezeki hidupnya dengan meramalkan masa depan, sebab mereka menyedari bahawa adanya insan yang didorong oleh perasaan ingin tahu. Dengan demikian, mereka itu berada di jalan-jalan dan di kedai-kedai, dan menawarkan diri kepada yang sudi dan juga orang-orang yang lemah akal fikirannya yang datang untuk meminta diceritakan tentang masa depan mereka, bagaimana ia boleh menyentuh mata pencarian mereka, jawatan mereka, persahabatan mereka, permusuhan mereka, dan hal-hal lainnya yang serupa. Ada orang yang membuat ramalan dengan cara menulis di atas pasir (geomancy), atau *munajjim*, ada yang membuat telahan dengan melemparkan kerikil-kerikil dan bijian-bijian, ada pula yang melihat melalui cermin atau memandang kepada air. Hal-hal ini adalah sesuatu yang biasa terdapat di kota-kota, dan perbuatan mungkar mereka adalah dicela oleh syariat agama. Manusia tidak mengetahui hal ghaib, kecuali orang yang diberi kesempatan oleh Allah s.w.t. melihatnya di waktu tidur, atau melalui pewalian, *wilayah*.

Para raja dan amir yang ingin mengetahui tempoh kekuasaan

mereka telah memperlihatkan minat yang mendalam terhadap hal-hal begini. Dengan demikian, perhatian ilmuwan diturunkan kepada orang-orang yang berpengetahuan untuk meramalkan tempoh kekuasaan dinasti-dinasti itu. Setiap bangsa mempunyai tukang-tukang tenungnya, ahli kaji bintangnya dan para walinya, yang telah membicarakan tentang peperangan dan pertempuran dengan bangsa-bangsa di masa hadapan, tentang berapa lamakah kerajaan itu akan berkuasa, berapa orang raja yang akan menguasainya, dan mereka juga telah berusaha untuk memberikan nama-nama. Hal semacam itu disebut ramalan, *hidtsan*.

Di kalangan bangsa Arab terdapat tukang-tukang tenung dan ahli nujum yang dijadikan tempat bertanya pelbagai hal. Mereka memberikan kedaulatan dan negara apa yang akan dimiliki oleh bangsa Arab. Mereka, misalnya, Syiqq dan Sathih.

Selama dinasti Islam, banyak ramalan semacam itu telah dibuat. Beberapa ramalan dibuat kepada berapa lamakah secara umumnya dunia ini akan selesai. Yang lainnya membuat rujukan kepada dinasti-dinasti tertentu tentang apa yang akan dialaminya.

Pada permulaan Islam, ramalan itu didasarkan pada pernyataan, *atsar-atsar*, yang dinukilkan oleh para sahabat, khususnya orang Yahudi yang memeluk agama Islam, seperti Kaab al-Ahbar, Wahab bin Munabbah, dan lain sebagainya.

Ja'far dan keluarga nabi yang lain melakukan hal-hal semacam itu. Dasar mereka dalam (meramal) adalah – *wallahu a'lam* – *kasyf* sesuai dengan kewalian, *wilayah*, yang ada pada mereka. Jika hal itu dapat terjadi pada dirinya, demikian pula tidak dapat dimungkiri adanya wali lain, keluarga dan keturunannya. Nabi bersabda:

> Di antara kalian ada peramal-peramal. "Mereka adalah manusia paling mulia menyandang pangkat dan *karamah* yang diberikan ini".

Selepas tahun-tahun permulaan Islam, manusia mula bergantung kepada ilmu pengetahuan dan terminologi-terminologi yang teknikal. Buku-buku yang ditulis oleh ahli falsafah (Yunani) diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Dasar utama ramalan adalah pembicaraan para astrologi. Persoalan yang berkenaan dengan kedaulatan dan kerajaan-kerajaan, serta semua persoalan

yang menyangkut kepentingan umum lainnya telah dinyatakan sebagai saling ada hubungannya dengan *qiran* bintang-bintang. Kelahiran dan soal sosial, serta seluruh persoalan peribadi, disifatkan sebagai bergantung pada hasil kecenderungan manusia, iaitu kedudukan-kedudukan bintang pada ketika masalah itu diajukan.

Mengenai berapa lamakah agama Islam dan dunia seluruhnya akan dapat bertahan, ahli-ahli *atsar* (para tradisionalis) meramalkan seperti apa yang dinukilkan daripada at-Thabari, di dalam buku *as-Sahaili*, bahawa dunia akan berakhir dalam masa 500 tahun setelah datangnya Islam. Terbukti bahawa ramalan itu palsu, ia telah dibuang. Dasar at-Thabari ialah bahawa ramalan itu dinukilkan dari Ibn Abbas yang menyatakan dunia merupakan suatu jumlah dari jumlah-jumlah akhirat. Tidak pula disebutkan apa-apa dalil untuk menyokong ramalan itu.

Rahsianya, hanya Allah s.w.t. sahaja Yang lebih Mengetahui ....

Sebagai dasar khusus untuk meramalkan mengenai kerajaan-kerajaan, *Kitab al-Jafr* digunakan. Ada anggapan bahawa ia mengandung maklumat tentang bentuk *atsar* dan ramalan astrologi. Mereka tidak memikirkan sesuatu yang melebihi daripada itu, dan tidak pula diketahui asal-usulnya dan tidak juga dasarnya. Di dalamnya terdapat keterangan mengenai apa yang akan terjadi kepada keluarga nabi secara umumnya dan mengenai beberapa anggota keluarga nabi secara khusus. Ja'far dan para sahabatnya memperolehnya melalui cara *karamah* dan *kasyf* seperti dialami oleh wali-wali seperti mereka. Jafar menulisnya pada selembar kulit sapi. Harun al-Ajali meriwayatkannya, serta menulisnya. Dia menamakannya *al-Jafr*, sesuai dengan kulit tempatnya dituliskan, sebab kata *jafr* secara bahasa bererti kecil. Nama ini pun menjadi nama bagi buku itu, menurut mereka. Di dalam buku *al-Jafr* terdapat pertanyaan-pertanyaan aneh luar biasa mengenai tafsir al-Quran serta erti batinnya, yang dinukilkan dari Ja'far as-Shadiq, pastilah di sana terdapat dasar sandaran yang baik, dari dirinya atau dari salah seorang pembesar kaumnya. Mereka adalah ahli *karamah*. Benar cerita tentang dia, bahawa dia memperingatkan sebahagian kerabatnya mengenai peristiwa yang terjadi atas mereka. Peristiwa itu benar, seperti dikatakannya.

Dalam membuat ramalan mengenai kedaulatan kerajaan,

para astrologi mendasarkan telahan mereka pada hukum-hukum astrologi. Untuk persoalan yang berkenaan dengan kepentingan umum, seperti kedaulatan dan negara, mereka menggunakan saling hubungan khusus dari kedua planet besar, Saturnus dan Jupiter. ...

Saling hubungan antara kedua-dua planet besar ini dibahagi kepada yang besar, kecil dan sederhana. Saling hubungan yang besar ialah bertemunya dua planet yang besar itu pada darjah yang sama di cakerawala yang akan berulang setelah 960 tahun. Saling hubungan sederhana adalah pertemuan kedua-dua planet besar pada setiap tiga kali dengan 12 kali ulangan setelah 240 tahun, mereka kembali pada yang ketiga yang lainnya. Kaitan, *qiran*, yang kecil ialah kaitan kedua planet besar pada tanda gugusan bintang yang sama; setelah 20 tahun, mereka mempunyai sebuah kaitan, *qiran*, dengan tanda yang sama pada *trine dexter*, pada darjah dan minit yang sama. ...

Saling hubungan yang besar akan menunjukkan peristiwa-peristiwa besar, seperti perubahan dalam kedaulatan atau dinasti, atau perpindahan kuasa daripada satu bangsa kepada yang lain. Saling hubungan sederhana menandakan munculnya seorang yang mengejar kekuasaan dan kedaulatan. Saling hubungan yang kecil menandakan munculnya pemberontak-pemberontak, atau pendakyah-pendakyah, dan kehancuran kota-kota atau peradaban mereka.

Di antara saling hubungan atau "conjunction" ini, terjadi pula hubungan dua planet yang kurang baik iaitu Saturnus dan Mars di tanda Cancer sekali setiap 30 tahun. Tanda Cancer itu merupakan pengamat dunia. Sehubungan ini menandakan terjadinya kekacauan, peperangan, pertumpahan darah, munculnya para pemberontak, pergerakan pasukan tentera, keingkaran tentera, wabak, dan kemarau. Segalanya itu berlanjutan atau akan berakhir, bergantung kepada untung baik dan jahat pada waktu pertemuan kedua-dua planet yang membawa kesan yang baik itu.

Jarras bin Ahmad al-Hasib mengatakan di dalam bukunya, *Nidzam ul-Mulk:*

> Kembalinya Mars kepada Scorpio mempunyai pengaruh yang besar dalam agama Islam, sebab merupakan penunjuknya. Kelahiran Nabi terjadi pada waktu pertemuan kedua-dua planet besar di tanda Scorpio. Ketika ia kembali berulang, terjadi kekacauan terhadap para khalifah dan banyak

penyakit di kalangan para ilmuwan dan pemuka agama. Bilangan mereka menjadi kurang, dan mungkin di beberapa tempat rumah-rumah ibadat runtuh. Dikatakan bahawa di kala itu terjadi pembunuhan ke atas Marwan dari Bani Umaiyah dan al-Mutawakkil dari Bani Abbas. Jika hukum-hukum ini diperbandingkan dengan hukum pertembungan, nampak hukum-hukum itu benar-benar tepat. ...

Yaqub bin Ishaq al-Kindi, seorang ahli kaji bintang kepada ar-Rasyid dan al-Makmun telah mengarang sebuah buku tentang pertemuan-pertemuan yang menyentuh agama Islam. Syiah menamakannya *al-Jafr*, nama buku mereka yang berasal dari Ja'far as-Shadiq. Dikatakan bahawa dia menyebutkan di dalam buku itu ramalan mengenai kerajaan Bani Abbas. Dia telah menelah bahawa kehancuran dan keruntuhan Baghdad akan terjadi pada pertengahan abad ke-7 (tiga belas), dan bersama dengan kehancurannya, runtuhlah agama Islam.

Kita belum menemukan apa-apa maklumat mengenai buku yang ditulis oleh al-Kindi, dan tidak pula ditemui orang yang pernah melihatnya. Mungkin ia telah hilang bersama buku-buku yang dibuangkan oleh Hulagu, raja Tartar, ke dalam Sungai Tigris sewaktu bangsa itu mengalahkan Baghdad dan membunuh khalifah yang terakhir, al-Mu'tasim. Di Maghribi pula terdapat sebahagian daripada buku al-Kindi ini, dan orang menyebutnya *al-Jafr as-Shaghir*. Yang jelas, ia dikarang untuk Bani Abdul Mukmin, kerana di dalamnya disebutkan secara terperinci raja-rajanya yang pertama daripada raja-raja Muwahiddun, serta kebenaran ramalan orang yang dahulu diramal, dan tidak benarnya yang sesudahnya. Di samping al-Kindi, di dalam kerajaan Bani Abbas terdapat ahli bintang dan buku-buku tentang ramalan yang lainnya.

Setelah itu, orang lalu menulis tentang ramalan-ramalan negara, baik dalam bentuk puisi, prosa, mahupun *rajz*. Alangkah Allah s.w.t. berkehendak mereka menulis buku itu. Buku-buku itu bermacam-macam dan banyak dimiliki orang. Buku tersebut dinamai *malhamah*. Sebahagian berisikan ramalan agama secara umum, dan sebahagian mengenai ramalan suatu kerajaan secara khusus. Semuanya dinisbahkan kepada seniman-seniman terkenal. Dan di antaranya tak mempunyai sumber asli yang merupakan sandar periwayatnya dari penciptaannya yang dinisbahkan. ...

"Dan kami sekali-kali tidak akan mendapat petunjuk kalau Allah s.w.t. tidak memberi petunjuk pada kami.[73]

Dan Allah s.w.t. Lebih Mengetahui. Melalui Dia diperoleh taufik".

---

* Terjemahan berpandukan teks edisi bahasa Inggeris. Suntingan didasarkan pada teks edisi bahasa Indonesia iaitu terjemahan daripada edisi Arab/Inggeris.

[*] Teks 'gugur' edisi bahasa Indonesia/Inggeris dikekalkan – Editor.

73 Al-Quran Karim, surah 7 (al-Araf), ayat 43.

BAB EMPAT

NEGARA DAN KOTA SERTA SEMUA BENTUK PERADABAN. KEADAAN YANG TERJADI DI SANA, PERTIMBANGAN UTAMA DAN SAMPINGAN SEHUBUNGAN DENGAN PERSOALAN INI

1 Dinasti adalah mendahului bandar dan kota. Bandar dan kota merupakan hasil sekunder kedaulatan

PENJELASAN dalam hal ini ialah pembinaan bangunan dan perumahan adalah ciri-ciri kebudayaan, *hadlarah*, yang disebabkan oleh kemewahan dan kesentosaan, sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini. Ia wujud setelah berakhirnya *badwiah* dan ciri-cirinya.

Tambahan pula, bandar dan kota dengan monumen-monumennya, gedung-gedungnya yang agung, dan bangunan-bangunannya yang besar, dibina untuk orang ramai, bukan untuk dinikmati kemudahannya oleh beberapa orang sahaja. Dengan demikian, usaha secara terpadu dan kerjasama yang banyak adalah sesuatu yang diperlukan. Ia bukanlah suatu keperluan asas manusia yang perlu melibatkan semua orang dalam erti bahawa semua orang menghendakinya, atau berasa terpaksa memilikinya. Suatu hakikatnya ialah, mereka harus dipaksa dan didorong untuk membangunkan kota-kota. Kerajaan itulah yang memaksa mereka, atau mereka dapat didorong dengan harapan akan diberikan ganjaran dan upah yang tentunya akan sangat banyak, dan hanya kerajaan dan negara sahaja yang boleh membayarnya. Maka negara dan kerajaan tidak boleh tidak perlu membangunkan kota dan merencanakan perancangan bandar.

Kemudian, setelah bandar itu selesai dibangun dan dibina

---

* Terjemahan berpandukan teks edisi bahasa Inggeris. Suntingan didasarkan pada teks edisi bahasa Indonesia iaitu terjemahan daripada edisi Arab/Inggeris.

[*] Teks 'gugur' edisi bahasa Indonesia/Inggeris dikekalkan – Editor.

mengikut cita rasa dan pandangan, pembinanya dan sesuai dengan tuntutan cuaca dan geografinya, maka usia sesebuah negara tersebut adalah usia bandar itu. Sekiranya usia negara itu singkat, maka kehidupan di bandar akan terhenti pada penghujung usia negara itu. Peradabannya akan mundur dan akan hancur. Sebaliknya, apabila usia sesebuah negara itu panjang, dan dapat bertahan untuk waktu yang lama maka pembinaan-pembinaan baru akan didirikan di bandar, jumlah rumah-rumah besar akan bertambah banyak, dan dinding-dinding kota akan terus diluaskan dan meluas. Akhirnya, susun atur kota akan menguasai kawasan yang sangat luas dan bandar itu akan menjadi begitu jauh dan luas hingga tidak tersukat. Sebagaimana terjadi pada kota Baghdad dan kota-kota lainnya.

Al-Khatib menyebutkan di dalam buku *sejarah*nya bahawa pada masa al-Makmun jumlah bilik mandi umum yang terdapat di Baghdad mencapai 65 000 buah. Ia meliputi lebih daripada 40 buah yang berdekatan dengan bandar-bandar dan kota-kota. Baghdad bukanlah satu bandar yang di kelilingi oleh sebuah dinding. Penduduknya terlalu ramai. Hal yang sama terjadi pada Qairawan, qardoba dan Mahdiyah pada masa-masa Islam. Dan demikian pula halnya dengan kota Kaherah pada masa itu, seperti mana yang kita dimaklumkan.

Negara yang telah membangunkan sebuah bandar tertentu boleh dihancurkan. Kini kawasan pergunungan dan tanah datar yang mengelilingi kota merupakan sebuah padang pasir yang memberikan kawasan untuk didatangi oleh penduduk yang ramai. Hal ini dapat memelihara kewujudan bandar dan ia akan terus wujud setelah negara itu pupus. Keadaan ini dapat disaksikan di Fez dan Bougie (Bijayah) di Barat, dan di kawasan Ajam Iraq di Timur, yang mendapatkan penduduknya dari kawasan pergunungan. Ini disebabkan, apabila keadaan orang-orang Badwi yang mendiami padang pasir sudah sampai pada puncak hidup yang selesa dan menikmati banyak keuntungan, mereka akan mengusahakan hidup yang aman sentosa dan tenang. Dengan demikian, mereka menetap tinggal di bandar-bandar dan kota-kota.

Atau boleh juga berlaku apabila sesuatu bandar yang didirikan (oleh sebuah kerajaan yang kini hancur) tidak memiliki sumber untuk mengisi semula peradaban yang sesuai dengan penduduknya yang baru dari padang pasir yang berdekatan dengan bandar, maka, kehancuran negara itu tidak dapat dipertahankan. Ia tidak

lagi dapat dipelihara. Sedikit demi sedikit peradabannya akan hancur, hingga penduduknya bertaburan dan tiada lagi. Hal ini terjadi di Mesir, Baghdad, dan Kufah – di sebelah Timur dan di Qairawan, dan Madinah juga kota-kota lainnya di sebelah Barat.

Kadang-kadang setelah pembina asalnya dapat dihancurkan akan datang raja yang lain ke kota dan membangunkan negara baru dengan menjadikan kota ini sebagai ibu kota dan kediaman mereka. Dengan demikian, raja itu tidak perlu lagi membangunkan bandar sebagai kawasan penempatan. Dalam hal ini, dinasti yang baru akan berusaha mempertahankan bandar itu. Bangunan-bangunan dan pembinaannya menjadi bertambah besar sesuai dengan kemajuan dan kekayaan kerajaan yang baru itu. Hal seperti ini terjadi di Fez dan Kaherah.

Wallahuaklam dan daripada-Nya diperoleh taufik.

2 Kuasa kedaulatan telah mewujudkan sebuah penempatan bandar

Sebabnya ialah, apabila kedaulatan itu dicapai oleh suku dan kumpulan, mereka dituntut untuk menguasai kota-kota kerana dua sebab. Satu di antaranya ialah, kedaulatan menyebabkan rakyat-nya berusaha supaya hidup aman damai, tenang, dan santai, serta berusaha melengkapi aspek-aspek peradaban, *umran*, yang langka di padang pasir. Sebab yang keduanya ialah, para saingan dan musuh boleh menyerang kerajaan, dan setiap orang harus mempertahankan dirinya daripada serangan itu.

Sebuah kota yang terletak di suatu kawasan di mana pesaing-pesaing negara berlindung dan berusaha menentang mereka dan menghalang mereka daripada menikmati kekuasaan. Dia bertahan di dalam kota serta berusaha melawan mereka. Sekarang, adalah sangat sukar dan menyusahkan untuk menawan kota. Sebuah kota adalah tempat di mana begitu ramai askar dan sebagai tempat berlindung di sebalik dinding-dinding kota dan yang membuat penyerangan menjadi amat sukar. Kuasa dan kesetiaan penduduk kota adalah diperlukan sewaktu berperang sebagai suatu keteguhan yang dapat dipupuk bersama oleh puak-puak itu sewaktu bertempur. Keteguhan hati orang-orang itu dapat dipastikan melalui adanya dinding-dinding kota. Dengan demikian mereka tidak perlukan pasukan yang besar. Kewujudan kota dan para

saingan yang membentangi diri di dalamnya dengan demikian boleh membinasakan kekuatan bangsa yang ingin menguasai kota, serta melumpuhkan usaha-usaha mereka dalam hal ini. Dengan demikian, sekiranya terdapat kota-kota di bawah wilayah kekuasaannya, dinasti itu akan berusaha meletakkan mereka di bawah kekuasaannya, demi memastikan keselamatannya. Sekiranya tidak ada kota, dinasti itu terpaksa mendirikan sebuah kota yang baru, dengan tujuan menyempurnakan peradaban kerajaannya, serta berupaya untuk memperkecil usaha-usahanya, dan yang kedua, supaya dapat menggunakan kota itu sebagai ancaman terhadap kumpulan-kumpulan dan golongan-golongan di dalam dinasti berkenaan yang tamakkan kuasa dan berusaha menentang kekuasaan.

Adalah suatu yang jelas bahawa kekuasaan raja memerlukan suatu kawasan penempatan bandar dan kuasa terhadap kota-kota.

Allah s.w.t. lebih Mengetahui. Melalui-Nya diperolehi taufik. Tidak ada Tuhan selain Dia.

3 Hanya kedaulatan yang teguh sahaja berupaya membina kota-kota besar dan monumen

Hal ini telah kita singgung sebelum ini dalam hubungannya dengan gedung-gedung dan monumen-monumen dinasti lainnya. Ukuran monumen-monumen itu adalah sejajar dengan pentingnya pelbagai kerajaan. Pembinaan kota hanya dapat dilakukan melalui kesatuan usaha, bilangan yang ramai, dan saling bekerjasama para pekerjanya. Apabila dinasti itu besar, dan mempunyai jajahan takluk yang luas, tenaga pekerja dapat dikumpulkan dari seluruh pelosok dan tenaga mereka dapat diarahkan untuk mengerjakan satu usaha. Selalunya, pekerjaan mereka itu dibantu oleh jentera yang dapat melipatgandakan kekuatan dan kemampuan yang diperlukan untuk mengangkut benda-benda berat untuk digunakan di bangunan. Kekuatan manusia belaka ternyata tidak memadai. Di antara peralatan itu ialah takal dan lain-lainnya.

Ramai orang yang menyaksikan monumen agung dan gedung yang dibina oleh orang-orang purba – seperti Ruang Resepsi Khusrow, piramid Mesir, arca Malga di Kartaga dan arca Cherchel di Maghribi – beranggapan bahawa orang-orang dahulu kala itu membinanya tanpa mengguna bantuan jentera. Mereka mem-

bayangkan orang-orang kuno itu memiliki susuk tubuh yang sasa sebanding dengan monumen-monumen tersebut, dan bahawa mereka lebih tinggi, lebih bidang, dan lebih berat jika dibandingkan dengan tubuh kita. Mereka terlupa akan pentingnya jentera dan takal dan kecekapan kejuruteraan yang diperlukan dalam hal ini. Berapa orang pengembara dapat menegaskan hal yang dikemukakan melalui pengamatannya terhadap pembinaan dan penggunaan jentera untuk memindahkan bahan-bahan untuk bangunan itu di kalangan kerajaan bukan Arab mengenai hal-hal tersebut. ...

[*Kebanyakan peninggalan kuno yang ada sekarang ini dianggap biasa oleh orang awam, dibandingkan dengan kaum Azd. Mereka mengira, besarnya bangunan dan gedung peninggalan kaum Azd disebabkan besarnya tubuh mereka, dan berlipatgandanya kekuatan mereka. Anggapan itu tidak benar. Kita banyak menemukan peninggalan bangsa-bangsa yang ukuran tubuhnya sudah dikenal. Misalnya bangunan bangsa Azd, seperti Ruang Resepsi Khosraw, peninggalan Bani Ubaidi (Fatimi) Syiah di Ifriqiyah, serta Bani Sanhajah

Peninggalan mereka masih tegak di tempat-tempat peribadatan Qal'ah Bani Hammad. Demikian pula bangunan Aghalia di Masjid Jamik al-Qairawan, bangunan Bani Muwahiddun di Ribat el-Fath dan Ribat Sultan Abi Said di al-Manshurah di tengah Tilmisan pada masa 40 tahun. Demikian pula sistem perairan penduduk Qarthajannah. Bangunan itu masih ada hingga sekarang. Dan semuanya meyakinkan kita bahawa ukuran tubuh mereka tidaklah berlebihan.

Anggapan demikian biasanya dipengaruhi oleh tukang-tukang cerita tentang kaum Azd, Tsamud, dan Amalika. Kita dapat menyaksikan rumah-rumah kaum Tsamud pada batu terukir hingga sekarang. Di dalam hadith sahih disebutkan bahawa itu adalah rumah mereka. Selama bertahun-tahun, rumah tersebut menjadi jalan perdagangan menuju Hijaz. Para pelancong menyaksikan ruangan, luas dan tiangnya tidak lebih dari yang sudah dikenal.

Mereka hanya melebih-lebihkan penglihatan yang sudah mereka yakini itu, hingga mereka mengira bahawa Aog bin Anaq – keturunan bangsa Amalika – menceduk ikan di laut lalu membakarnya pada matahari. Dengan demikian mereka mengira bahawa dekat matahari itu panas. Mereka tidak tahu bahawa

panas yang kita rasakan adalah cahaya matahari kerana pantulan sinarnya terhadap permukaan bumi dan udara. Matahari itu sendiri tidak panas dan tidak dingin. Ia tidak lebih dari bintang bersinar yang tidak mempunyai sifat. Hal ini telah kami terangkan pada Bab Kedua, bahawa benda-benda peninggalan negara sesuai dengan kekuatannya pada asalnya.

Allah s.w.t. Menciptakan apa yang dikehendaki-Nya, dan menentukan hukum yang diinginkan-Nya.]

4 Monumen-monumen yang amat besar tidak dibangun oleh hanya satu dinasti sahaja

Sebabnya ialah sebagaimana yang telah dinyatakan terdahulu iaitu keperluan untuk saling bantu-membantu, dan melipatgandakan kekuatan manusia untuk mengerjakan kegiatan pembinaan. Kadang-kadang bangunan itu terlalu besar untuk dikerjakan manusia, baik sendirian mahupun dibantu oleh jentera, sebagaimana yang dinyatakan. Dengan demikian, pengulangan kekuatan lain semacam itu adalah diperlukan dalam masa yang berlanjutan, hinggalah bangunan tersebut selesai dibina. Seseorang raja memulakan pembinaan. Usahanya dilanjutkan oleh raja yang kedua, dan yang ketiganya. Masing-masing berusaha sedaya upaya untuk mengerahkan tenaga pekerjanya untuk menjayakan usaha bersama itu.

Akhirnya, bangunan itu dapat didirikan, sebagaimana yang dirancangkan dan ia beridiri megah di hadapan mata kita. Tetapi, orang-orang yang hidup pada masa akhir dan melihat bangunan itu, mengira bahawa ianya dibangunkan oleh hanya satu kerajaan sahaja.

Seperkara yang hampir serupa telah dilaporkan mengenai pembangunan bendungan di Marrib. Di katakan bahawa yang membinanya adalah Raja Saba' bin Yasyjab. Dia telah mengalirkan 70 sungai ke bendungan itu. Namun, kematian menghalanginya untuk menyelesaikan pembangunan. Maka, pembangunan itu diteruskan oleh penggantinya, iaitu raja-raja Homeir. Hal semacam yang dinukilkan adalah pembangunan Karthago (atau Qorthojannah), terowong-terowong airnya, dan tiang-tiang raksasa yang menyangganya. Hal yang sama terjadi pada kebanyakan gedung raksasa.

Teori kita ini dapat diperjelas lagi oleh fakta yang kita perolehi bahawa dinasti-dinasti (yang kemudiannya) tidak berupaya menghancurkan dan merobohkan beberapa monumen seni bina yang agung itu. Padahal perbuatan merobohkan adalah jauh lebih mudah daripada membinanya, kerana merobohkan adalah mengembalikannya kepada asal, sementara pembinaan adalah sebaiknya. Maka, kita dapati bahawa sesebuah bangunan yang sangat sulit hendak dibinasakan adalah disebabkan oleh tenaga kita yang lemah, meskipun adalah mudah meruntuhkannya. Disedari dengan sendirinya bahawa tenaga memulai pembangunan itu tentulah lebih hebat dan ianya bukan diusahakan oleh sebuah dinasti sahaja.

Inilah yang berlaku kepada bangsa Arab dalam hubungan dengan Ruangan Resepsi Khusrow. Ar-Rasyid telah bertekad hendak merobohkannya tetapi tidak dapat dilakukan. Sebelum itu dia mengirim utusan untuk meminta pendapat Yahya ibn Khalid yang ketika itu sedang berada di dalam penjara.

> Yahya menjawab: "Wahai Amirul Mukminin, jangan lakukan, biarkan ia tegak, menjadi bukti kebesaran kedaulatan raja-raja nenek moyangmu."
>
> Dia amat membenci Yahya kerana nasihat seperti itu. Katanya: "Dia dipengaruhi oleh rasa bangga terhadap orang-orang bukan Arab. Demi Allah s.w.t., saya akan menghancurkannya.

Dan dia pun memulakan usahanya merobohkan Ruangan Resepsi Khusrow. Dia telah mengapak dan membakarnya, serta menyiraminya dengan cuka. Tetapi setelah dilakukan usaha-usaha itu, dia tetap merasakan tidak berupaya merobohkannya. Dan dia berasa khuatir akan tersebarnya desas-desus yang buruk. Maka dia pun meminta nasihat Yahya mengenai kegagalannya merobohkan bangunan tersebut.

> Kata Yahya: "Teruskanlah melakukan usaha itu supaya tidak dikatakan bahawa Amirul Mukminin dan raja-raja Arab tidak mampu menghancurkan salah satu di antara monumen yang dibina oleh orang-orang bukan Arab."

Ar-Rasyid akhirnya menyedari kesilapannya dan menghentikan usaha tersebut.

Hal yang sama dialami oleh al-Makmun dalam usahanya

menghancurkan piramid di Mesir. Beliau telah mengumpulkan para pekerjanya untuk merobohkan piramid itu, namun tidak berhasil. Pekerja-pekerja mulai dengan menebuk sebuah lubang ke dalam piramid, dan mereka sampai pada bahagian ruangan antara dinding sebelah luar dan dinding-dinding di bahagian dalamnya. Itu saja yang dapat mereka lakukan. Usaha itulah yang sekarang ini disebut lubang yang nampak, "*manfadz dlahir*". Ada yang mengatakan, al-Makmun menemukan harta karun di antara kedua dinding itu.

Demikian pula yang terjadi terhadap peninggalan Malga di Karthago, yang masih berdiri hingga sekarang. Orang-orang Tunisia memerlukan batu-batan untuk bangunan mereka, dan para tukang telah memilih batu yang baik untuk bangunan itu. Mereka berusaha menghancurkannya dan mengambil masa yang sangat lama. Namun, hanya bahagian-bahagian paling kecil daripada temboknya sahaja yang dapat diruntuhkan dan itu pun setelah melalui usaha yang sungguh-sungguh. Untuk tujuan itu, dikumpulkan seberapa ramai orang.

Allah menciptakan kamu dan kamu tidak mengetahui.[1]

5 Syarat-syarat yang diperlukan untuk perancangan bandar-bandar dan akibat-akibatnya sekiranya mengabaikannya

Bandar-bandar adalah tempat tinggal yang diwujudkan oleh bangsa-bangsa apabila mencapai puncak kemewahan yang diinginkan berserta segala-galanya yang ada hubungan dengannya. Kemudian mereka pun menghendaki suasana hidup yang damai dan tenang, serta beralih menjadikan rumah sebagai tempat tinggal.

Tujuan mendirikan bandar ialah supaya dijadikan kawasan penempatan dan tempat berlindung. Dengan demikian, adalah wajar dalam hubungan ini supaya diambil perhatian supaya segala benda yang merbahaya dijauhkan daripada bandar dengan cara menjaganya daripada segala yang boleh mencelakan serta memasukkan segala sesuatu yang bermanfaat, dan menyediakan segala kemudahan sesuai dengan kehidupan di bandar.

---

1 Al-Quran surah 37 (ash-shaffat) ayat 96.

Sebagai langkah perlindungan, rumah-rumah haruslah dibina dalam kawasan bertembok. Selanjutnya bandar hendaklah dibina di kawasan yang sukar dimasuki, sama ada di atas bukit yang tidak rata tanahnya atau yang dikelilingi oleh laut atau sungai supaya ia boleh sampai ke sana dengan melintasi semacam suatu jambatan. Dengan demikian, musuh berasa sukar untuk masuk ke dalam bandar, dan kesukaran memasukinya meningkat beberapa kali lagi.

Demi menjaga bandar daripada bahaya yang ada hubungannya dengan gejala atmosfera, hendaklah diperhatikan supaya adanya pengaliran udara yang bersih segar. Sekiranya udara itu tidak bersih dan beku atau berdekatan dengan air yang busuk atau kolam yang busuk atau paya yang tengik airnya, dengan cepatnya kebersihan udara akan tercemar, dan tidak dapat dihindari daripada dihinggapi penyakit. Hakikat ini dapat disaksikan melalui suatu pengamatan yang langsung.

Bandar-bandar yang tidak mengendalikan masalah udara yang bersih, sebagai lazimnya, akan menyebabkan banyak penyakit. Gebes, salah satu bandar al-Jarid di Ifriqiyah, Maghribi adalah terkenal dengan penyakit ini. Terlalu sedikit para penduduknya, atau orang yang datang ke sana yang terhindar daripada mengalami demam akibat udaranya yang busuk, *hummal-afan*. Al-Bakri telah menyebutkan mengapa hal tersebut berlaku. Sewaktu dilakukan kerja gali-menggali, telah ditemui sebuah bejana tembaga yang ditutup dengan timah. Al-Bakri beranggapan, bahawa ketika tutup itu rosak, asap keluar daripadanya, dan meresap di udara. Sejak itu penyakit-penyakit demam pun mulai menjangkiti tempat tersebut.

Apa yang al-Bakri hendak maksudkan ialah bahawa bejana itu mengandung beberapa mantera yang diadakan untuk menghindarkan wabak sampar, dan disebabkan manteranya telah lenyap, lenyaplah pula kemujarabannya. Maka pembusukan dan wabak sampar mula berlaku. Cerita ini adalah suatu contoh akibat suatu kepercayaan yang kolot dan pendapat umum yang tidak berasas. Dan al-Bakri pula bukanlah seorang yang terpelajar atau memiliki pengetahuan yang cukup untuk menyangkal dakwaan semacam itu dan melihatnya sebagai suatu yang sama sekali tidak benar. Sehinggalah dia menukilkan cerita itu persis sebagaimana yang didengarnya.

Apa yang benar dalam hal ini ialah, udara busuk telah menyebabkan berlakunya pembusukan pada tubuh dan mengaki-

batkan terjadinya penyakit-penyakit demam. Apabila bandar Ifriqiyah mempunyai banyak penduduk dan giat dengan pelbagai kegiatan, Gebes pula mempunyai banyak penduduk yang mempunyai kegiatan yang tetap yang menyebabkan adanya pusingan udara dan tidak berlaku pembusukan udara dan penyakit pada masa itu. Tetapi apabila penduduknya menjadi berkurangan, udaranya menjadi tidak bertukar, dan pembusukan serta penyakit pun berlaku. Demikianlah satu-satunya penjelasan yang tepat mengenai terjadinya penyakit di Gebes.

Kita telah menyaksikan sesuatu yang sebaliknya daripada fakta itu di kota-kota yang didirikan tanpa memperhatikan adanya aliran udara yang bersih. Pertama, kota itu mempunyai penduduk yang sedikit dan penyakit pun banyak berjangkit. Kedua, setelah penduduknya banyak keadaannya pun berubah. Demikianlah yang terjadi, misalnya, di ibu kota kerajaan di Fez, yang disebut Kota Baru, *al-Balad-ul-Jadid*, serta banyak contoh lainnya di dunia. Fahami hal ini, dan anda akan mendapatkan bukti daripada pernyataan yang telah dikemukakan itu.

Sehubungan dengan kemasukan barang-barang yang dapat memberi manfaat dan kesenangan ke bandar-bandar, hendaklah diperhatikan beberapa hal. Di antaranya ialah masalah air. Bandar hendaknya dibina berhampiran dengan sebatang sungai, atau dekat punca air yang bersih dan mengalir. Dengan adanya air, pada umumnya akan dapat memberikan keselesaan kepada para penduduk kota.

Suatu keperluan lain di bandar, yang harus diadakan ialah padang-padang rumput yang baik untuk binatang ternakan. Setiap penghuninya harus memiliki binatang ternakan untuk dikembangbiakkan bagi mendapatkan susu, dan untuk ditunggangi. Sekiranya padang rumput itu dekat dan baik, ia akan memudahkan kehidupan mereka, sebab mereka akan mengalami kesukaran mengurusinya apabila padang rumput itu jauh.

Sebagai tambahan, harus diperhatikan juga adanya tanah-tanah lapang yang boleh digunakan untuk bercucuk tanam. Biji-bijian adalah sumber makanan yang asas. Bila ladang-ladang itu dekat, biji-bijian itu dapat diperolehi dengan mudah dan cepat. Dan hal lain yang harus diperhatikan juga ialah masalah kayu bakar dan kayu untuk dijadikan bahan bangunan.

Harus pula diambil pertimbangan juga ialah hendaknya bandar itu terletak berdekatan dengan laut, untuk memudahkan

pengimportan barang dari negara-negara yang jauh. Namun, hal ini adalah tidak sama tingkatannya dengan syarat-syarat yang telah disebutkan terdahulu daripada ini.

Semua ini berbeza-beza, sesuai dengan perbezaan keperluan dan tuntutan penduduknya. Kadang-kadang, pendiri kota melalaikan pemilihan alami yang baik. Atau dia hanya memperlihatkan apa yang kelihatannya penting baginya atau bagi penduduknya, dan tidak mengendahkan keperluan yang lain. Demikianlah sebagaimana yang dilakukan oleh orang-orang Arab pada masa permulaan Islam, sewaktu mereka mendirikan kota-kota di Iraq, Hijaz, dan Ifriqiyah. Mereka hanya memperhatikan apa yang nampaknya penting bagi mereka, misalnya, padang-padang rumput, pohon-pohonan, dan air payau untuk unta-unta mereka. Mereka tidak mengambil kira air yang hendak digunakan untuk bertani, kayu sebagai bahan bakar, atau padang rumput untuk binatang ternakan mereka, seperti lembu, biri-biri, kambing dan sebagainya. Di antara bandar yang didirikan orang-orang Arab ialah Qairawan, Kufah, Basrah, dan yang semacamnya. Kesemuanya, dengan demikian, mudah mengalami kehancuran sekiranya mereka tidak mengambil perhatian untuk mengisi syarat-syarat pembinaan bandar-bandar itu.

Mengenai bandar-bandar di pesisir pantai, maka yang harus diperhatikan ialah ia hendaklah terletak di atas gunung atau di tengah-tengah penduduk yang ramai jumlahnya itu supaya mereka berkumpul dan mempertahankan kota daripada serangan musuhnya.

Sebab bagi keadaan itu bilamana kota berada berdekatan dengan laut, dan penduduknya pula tidak terletak di kawasan yang berbukit-bukau, maka kota itu sentiasa terdedah kepada bahaya diserang pada waktu malam hari. Musuh dengan mudah menyerangnya dengan menggunakan kapal laut. Mereka berasa yakin bahawa di kota itu tidak ada sistem panggil-memanggil untuk mendapatkan bantuan pertahanan dan bahawa para penduduknya sudah biasa dengan hidup yang aman serta tidak betah lagi berperang. Kota-kota semacam itu, sebagai contoh ialah Iskandariah di Timur, dan Tripoli, Bone, serta Sale di Barat. Sekiranya suku dan kelompok masyarakat yang berkongsi perasaan kekitaan tinggal di kota, mereka yang sama, maka boleh berteriak dan meniup trompet sebagai memberitahu. Dan kota itu sendiri yang terletak di kawasan bertebing dan lurah, di puncak dan di

sekitarnya, akan menyebabkan kesukaran melewati jalan-jalan itu. Maka kota itu dengan sendirinya terlindung daripada serangan musuh. Mereka mengalami kesukaran membuat pergerakan dan gentar apabila mendengar laung-laungan di sana, seperti mana yang terjadi di Sabtah, Bijayah, dan kota kecil al-Qall.

Semuanya ini harus difahami suatu yang wajar disebut sebagai fakta ialah bahawa Iskandariah secara khusus digelar sebagai kota perbatasan oleh Bani Abbas, meskipun dakyah Bani Abbas melampaui Iskandariah ke Barca dan Ifriqiyah. Istilah kota perbatasan bagi Iskandariah menunjukkan kekhuatiran Bani Abbas terhadap serangan yang dapat dilakukan terhadapnya dari arah laut, melihat pada kedudukannya yang terdedah itu. Barangkali inilah alasan mengapa Iskandariah dan Tripoli di serang oleh musuh pada zaman Islam selama berkali-kali.

Allah Taala lebih Mengetahui atas segala-galanya.

6 Masjid-masjid dan bangunan-bangunan yang dipandang mulia di dunia

Sedarilah bahawa Allah s.w.t. telah menentukan beberapa tempat di bumi ini dengan kemuliaan-Nya. Dia telah menentukan tempat-tempat itu sebagai tempat beribadah. Mereka yang beribadah di dalamnya menerima banyak balasan dan ganjaran. Allah telah memberitahukan kita mengenai keadaan itu melalui para Rasul dan Nabi-Nya, sebagai tanda kasih dan sayang terhadap hamba-hamba-Nya, dan bertujuan untuk memudahkan jalan menuju kebahagiaan.

Sebagaimana yang dinyatakan di dalam hadis Shahihain, tempat-tempat mulia di permukaan bumi adalah di tiga buah masjid yakni, Makkah, Madinah, dan Baitulmuqaddis. Al-Baitul Haram yang terdapat di Makkah merupakan rumah *bait* Ibrahim – semoga selawat dan salam dilimpahi Allah ke atasnya. Allah memerintahkan Ibrahim untuk membinanya, serta mengajak manusia melaksanakan perintah Allah. Ismail tinggal di sana bersama Hajir dan suku Jurhum, hingga mereka berdua dipanggil pulang oleh Allah, serta dimakamkan di sekitar sana.

Baitulmuqaddis dibina oleh Daud dan Sulaiman – semoga selawat dan salam dilimpahi ke atasnya – berhijrah sewaktu Allah memerintahkan baginda berhijrah dan menegakkan syiar Islam di

sana. Baginda membina sebuah masjid yang suci di Madinah, dan tempat bersemadinya baginda di tanah yang suci mulia itu.

Ketiga-tiga masjid itu merupakan tempat yang dapat mententeramkan perasaan umat Islam, segala yang terdetik di hati mereka dan tempat suci agama. Terdapat banyak tradisi yang menyebutkan kecemerlangannya serta ganjaran yang berlipat ganda yang dijanjikan kepada orang yang tinggal di sekitarnya dan yang bersembahyang di dalamnya. Wajarlah disebutkan sepintas lalu tentang pembinaan ketiga-tiga masjid ini, bermula daripada asal dan perkembangannya.

Mengenai asal-usul Makkah – sebagaimana yang dikatakan bahawa Adam – semoga selawat dilimpahi ke atasnya – mendirikannya berhadapan dengan al-Baitul Makmur. Lalu, taufan kemudian meruntuhkannya. Namun, tidak ada fakta kuat yang dapat dijadikan sandaran. Orang-orang memetik berita itu daripada firman Allah yang sangat sejagat.

> "Dan (ingatlah), ketika Ibrahim meninggikan (membina) dasar-dasar Baitullah bersama Ismail".[2]

Kemudian, Allah s.w.t. mengutus Ibrahim. Kita sudah mengetahui keadaan Ibrahim dan isterinya Sarah, serta ghairahnya pada Hajar. Lalu Allah mewahyukan kepadanya, supaya dia meninggalkan puteranya Ismail dan ibunya Hajar di padang pasir yang luas. Ibrahim meletakkan mereka berdua di tempat Bit (ullah), serta meninggalkan mereka. Dan terjadilah, seperti telah kita ketahui, bagaimana Allah memberikan kasih sayang kepada mereka melalui sumber air zamzam, dan mengalirkan rasa kasihan Bani Jurhum terhadap mereka, sehingga suku itu menanggung mereka dan tinggal bersama mereka, dan mendirikan tempat-tempat tinggal di sekitar zamzam, sebagaimana sudah dikenal pada tempatnya.[3]

Lalu, di tempat Kaabah, Ismail mendirikan sebuah rumah sebagai tempat tinggalnya. Di sekelilingnya diberi pagar dari pohon

---

2 Al-Quran, surah 2 (al-Baqarah), ayat 127.

3 Kisah ini dituturkan Allah dalam surah Ibrahim, ayat 37: Tuhan kami! Aku telah menempatkan sebahagian keturunanku di lembah tanpa tanaman dekat rumah-Mu yang suci. Tuhan kami! Supaya mereka mendirikan solat. Maka jadikanlah hati sebahagian manusia mencintai mereka, dan berilah mereka rezeki buah-buahan, supaya mereka berterima kasih.

dawm, dan Ibrahim menjadikannya tempat penggembalaan kambing-kambingnya. Ibrahim – semoga selawat dilimpahi Allah kepadanya – berulang-ulang datang dari Syam (Syria). Pada kunjungan terakhir dia menyuruh mendirikan Kaabah di tempat penggembalaan itu. Maka dia pun mendirikannya dengan bantuan puteranya Ismail, dan menyeru manusia untuk mengerjakan ibadah haji.[4] Ismail sendiri tetap tinggal di sana. Ketika ibunya, Hajar wafat, dia mengebumikan ibunya, tetap berkhidmat kepadanya, hingga Allah Taala merenggut nyawanya dan dia dikuburkan di samping ibunya.

Setelah itu, putera-puteranya berserta saudara-saudara ibu (bibi) dari Jurhum mengurus *Bait* itu, kemudian dilanjutkan oleh Amalika. Demikianlah terus berlangsung. Orang-orang menghadapkan wajahnya kepadanya dari segala penjuru. Mereka bukan hanya daripada putera-putera Ismail, atau suku-suku lain yang dekat atau berlindung padanya belaka, melainkan dari seluruh penjuru dunia. Diberitakan, bahawa Bani Tuba'ah melakukan ibadah haji dan membesar-besarkan *Bait* itu, dan bahawa seorang Tubba memberinya tutup daripada kain Yamani yang berukir indah, menyuruh menyucikannya dan memberinya pintu. Dinukilkan pula bahawa orang-orang Parsi menunaikan ibadah di situ dan memberikan korban kepadanya, dan bahawa di antara korban mereka terdapat dua buah patung kijang emas yang ditemukan Abd al-Muthalib ketika menggali Zamzam. Jurhum masih tetap menguasainya sejak masa sesudah putera-putera Ismail dari sisi hubungan persaudaraan mereka dari ibu, sehingga Bani Khuzaah menakluki mereka dan – sudah merupakan kehendak Allah – mereka menguasai *Bait* itu. Kemudian putera-putera semakin banyak jumlahnya, dan bertaburan serta bersuku-suku ke Kinanah, Quraisy, dan lain-lain. Kekuasaan Khuzaah menjadi lemah sehingga suku Quraisy dapat menguasai *Bait*. Mereka mengusir suku Khuzaah dan ketika itu yang berkuasa antara mereka ialah Quraisy bin Kilab. Maka dia pun mendirikan *Bait* dan memberinya atap dengan kayu *dawm* dan pelepah kurma.

Kemudian, *Bait* itu dilanda banjir, dan sebahagian orang mengatakan ia mengalami kebakaran, dan binasa. Mereka pun kembali membangunnya, dan untuk itu dikumpulkan biaya dari harta kekayaan mereka. Kebetulan di pantai Jeddah terdapat

---

4 Lihat al-Quran, surah al-Haj, ayat 26–27.

sebuah kapal yang sudah hancur. Maka mereka pun membeli kayu-kayunya untuk dipergunakan sebagai atap *Bait*. Sebelum ini dinding-dindingnya lebih tinggi dari tinggi badan, lalu mereka menjadikannya delapan hasta. Kalau selama ini pintu lengket dengan bumi, sekarang mereka tinggikan di atas tubuh supaya tidak dimasuki oleh air banjir. Mereka kekurangan biaya untuk menampung pembangunannya, sehingga mereka membiarkan dasar-dasarnya dan meninggalkan sebahagian daripadanya enam hasta satu *syibr* (jarak antara hujung jari jempol ke hujung jari telunjuk yang diregangkan). Mereka melingkarinya dengan dinding pendek yang dikelilingkan dari belakangnya, *hijr*. *Bait* dengan bentuk bangunan demikian tetap tegak hingga Ibn Zubair membentengi diri pada Makkah, ketika dia melantik dirinya menjadi khalifah, dan tentera-tentera Yazid bin Muawiyah bersama al-Hushain bin Numair al-Sukuni menyerang Makkah dan melempar *Bait* dengan panah berapi pada tahun 64. *Bait* terbakar, konon oleh sumbu berapi yang mereka lempar kepada Ibn Zubair.

Bait itu pun dibangun kembali lebih baik daripada keadaan sebelumnya, setelah melalui pertentangan di antara para sahabat. Kepada mereka dikemukakan hujah berdasarkan sabda Rasulullah – semoga selawat dan salam dilimpahi ke atasnya – kepada Aisyah, semoga keredaan Allah tercurah kepadanya:

> "Kalau tidak kaummu mengada-ada perjanjian kufur, pasti telah aku kembalikan *Bait* itu ke atas dasar-dasar yang dibangun Ibrahim, dan telah aku buatkan untuknya dua buah pintu di Timur dan di Barat".

Maka dia pun menghancurkannya dan berusaha menemukan dasar-dasar *Bait* yang telah dibangun Ibrahim – samoga salam dan selawat dilimpahi ke atasnya. Dia kumpulkan pandangan semua orang dan para pembesar sehingga mereka dapat menentukannya. Ibn Abbas menunjuk padanya sebagai alternatif dalam menjaga kiblat manusia. Maka dia kelilingkan pada dasar itu kayu di atasnya dia beri garis untuk memelihara kiblat. Dia mencari bata dan adunan pelekat dinding ke Shona. Dia tanyakan potongan-potongan batu yang pertama untuk dikumpulkan secukupnya. Dia pun mulai membangun atas dasar *Bait* yang telah didirikan Ibrahim – semoga salam dan selawat dilimpahi ke atasnya. Dinding-dindingnya dia tinggikan hingga 27 hasta, dan dua buah

pintu dia buat berdampingan dengan bumi sebagaimana yang diriwayatkan dalam hadisnya. Lantainya dan dindingnya dia buat dari batu mulia, dan diberinya pula kunci-kunci dan daun-daun pintu dari emas. Lalu al-Hujjaj datang untuk mengepungnya pada masa pemerintahan Abd al-Malik. Dia melempar masjid dengan *manjaniq* sehingga runtuh dinding-dindingnya. Lalu, setelah menang dengan Ibn Zubair, dia memusyawarahkan Abd al-Malik mengenai apa yang dibangunnya. Dan dia tambahkan ukuran *Bait.*

Lalu dia hancurkan untuk dibangunnya kembali dan *Bait* itu dikembalikan pada dasar-dasar bangunan Quraisy seperti yang ada sekarang. Dikatakan, dia menyesal melakukan hal tersebut sewaktu dia mengetahui kebenaran riwayat Ibn Zubair akan hadis Aisyah dia berkata:

> "Aku membebani tanggungjawab Aba Hubaib mengenai persoalan dan pembangunan *Bait* yang tidak terpikul."

Al-Hujjaj lalu menghancurkan sebahagian daripadanya, iaitu enam hasta dan satu *syibr* di tempat batu, *hijr*, serta membangunnya di atas dasar asas Quraisy. Dia tutup pintu sebelah baratnya dan apa yang terdapat di muka pintunya sekarang dari pintu sebelah timur. Dia biarkan semuanya tidak berubah sama sekali. Segala bangunan *Bait* yang ada sekarang berdasar bangunan Ibn Zubair, dan bangunan al-Hujjaj di dinding adalah dinding tembus cahaya yang jelas bagi orang-orang yang memandang, kerangka yang nampak bezanya antara dua bangunan. Bangunan pertama berbeza daripada bangunan kedua sebesar jari-jari berlubang, yang diberi kerangka.

Dikemukakan di sini bentuk kuat kemunafikannya seperti dikatakan oleh para fuqaha tentang tawaf.

> "Orang yang tawaf khuatir condong pada Syadzarwan yang melingkungi fondamen dinding dari sebelah bawah, sehingga tawafnya masuk ke dalam *Bait* berdasar kenyataan bahawa dindingnya dibangun di atas sebahagian dasar yang diletakkan Ibrahim, dan sebahagian lain ditinggalkan, padahal itu tempat Syadzarwan".

Demikian pula halnya mencium Hajar Aswad, yang mereka katakan:

> "Harus hati-hati mengulang tawaf setelah mencium Hajar

Aswad dengan berdiri tegak supaya sebahagian tawafnya tidak masuk ke dalam *Bait*."

Jika semua dinding bangunan itu berdasarkan fondamen Ibn Zubair – yang tiada lain hanyalah di bangunan atas dasar fondamen Ibrahim – bagaimana mungkin perkataan mereka itu benar?

Tiada jalan penyelesaian bagi menghadapi kemelut ini kecuali melalui dua cara. Pertama, mungkin al-Hujjaj menghancurkan seluruh *Bait*, kemudian kembali membangunnya. Kemungkinan ini sudah banyak dikemukakan orang, hanya saja kenyataan menyatunya dua bangunan, dan perbezaan salah satu ketinggian atap menolak hal tersebut. Kedua, mungkin Ibn Zubair tidak membangun kembali *Bait* itu berdasar fondamen Ibrahim dari segala arahnya, akan tetapi di *hijr* saja untuk memasukinya. Jika demikian halnya, maka bangunan Ibn Zubair tidak berdasarkan fondamen Ibrahim. Tapi ini tidak mungkin dan dugaan demikian tidak dibenarkan. Allah s.w.t. sahaja yang lebih mengetahui.

Halaman *Bait*, iaitu masjid, merupakan halaman luas bagi orang yang melakukan tawaf. Pada masa Nabi – selawat dan salam dilimpahi ke atasnya – dan pada masa Abu Bakar halaman itu belum berdinding. Kemudian kaum Muslimin semakin banyak, dan Umar membelikan atau membaiki dinding-dinding yang dirosak dan menampalkannya pada masjid. Dan di sekelilingnya dia membangun dinding tidak setinggi badan. Usman melakukan hal yang sama, lalu Ibu Zubair, lalu al-Walid bin Abdul Malik, yang membangunnya dengan batu mulia. Setelah itu, al-Mansur dan puteranya al-Mahdi menambahinya. Pertambahan itu berhenti, dan tetap seperti adanya sekarang.

Tetapi yang diberikan Allah kepada *Bait* itu, serta perhatian-Nya kepadanya, lebih banyak daripada yang dapat diungkapkan. Ia sudah cukup sebagai tempat turunnya wahyu dan malaikat, tempat ibadah, kewajipan syiar haji dan manasiknya, serta hal-hal lain yang menyangkut haram pada segala sisinya. Dan Dia mewajibkan hak-hak takzim dan hak yang tidak diwajibkan kepada yang lainnya. ...

Ada pun Baitulmuqaddis adalah Masjid Aqsha. Sejarahnya yang pertama adalah pada masa Shabiah sebagai tempat bintang Zuhrah. Bila mereka berkorban, mereka menyiramkan minyak ke atas padang pasir yang terdapat di sana. Lalu, bangunan besar itu

lenyap, dan Bani Israel menjadikannya kiblat sembahyang mereka ketika mereka menguasainya. Hal itu adalah bahawa ketika Musa – selawat Allah ke atasnya – keluar dari Mesir bersama Bani Israel kerana mereka menguasai Baitulmuqaddis sebagaimana dijanjikan Allah kepada bapa mereka Israel, dan bapanya Ishaq sejak sebelum itu. Dan mereka tinggal di Padang Tiih, Allah memerintahkan membuat sebuah kubah dari kayu penaga yang kadar, sifat, bangunan, dan patung-patungnya telah ditetapkan berdasarkan wahyu. Dan di sana harus ada Tabut, hidangan dengan sajiannya, menara dengan kandilnya, dan hendaknya dibuat persembahan untuk korban, seperti telah diterangkan jelas di dalam Taurat.[5]

Kubah itu pun dibuat, dan di sana diletakkan sebagai ganti loh hukum yang diwahyukan melalui sepuluh perintah. Allah berjanji kepada Musa untuk menjadikan Harun pelaku korban sajian .... Ketika Daud berkuasa, dia memindahkan Tabut dan kubah itu ke Baitulmuqaddis, dan menjadikannya tempat khusus untuk kiblat mereka di tengah padang pasir.

Daud – selawat ke atasnya – ingin membangun masjidnya di padang pasir, tetapi gagal. Dia menyerahkan tugas itu kepada puteranya Sulaiman. Dia pun membangunnya selama empat tahun di kerajaannya dan 500 tahun sejak wafatnya Musa – salam ke atasnya ... *Bait* mengalami pasang surutnya hingga munculnya Islam.

Umar datang menaklukkan Baitulmuqaddis. Dia bertanya tentang padang pasir itu, dan orang memberinya petunjuk tempatnya yang tertutup pasir dan debu. Dia pun menemukannya dan dia bangunlah sebuah masjid di atasnya dengan cara *badwiah.* Persoalannya menjadi besar setelah Allah memberinya takzim, dan di dalam *Ummul Kitab* telah ditetapkan kemuliaannya. ...

Tidak perlu timbul kekacauan yang sudah sering terjadi pada diri anda mengenai hadis sahih bahawa nabi – selawat dan salam dilimpahi ke atasnya – ditanya tentang rumah pertama yang diletakkan (*wudlia*).

> "Makkah," jawabnya.
> "Lalu apa?" orang bertanya.
> "Baitulmuqaddis," jawabnya.
> "Berapa jarak antara keduanya? tanya mereka."
> "Empat puluh tahun," jawab Nabi.

5 Lihat *Perjanjian Lama*, Kitab, Keluaran, 25, 26, 27, 28.

Jarak pembangunan Makkah dan Baitulmuqaddis adalah jarak waktu antara Ibrahim dan Sulaiman, sebab Sulaiman adalah pembangunnya, dan dia berumur lebih 1000 tahun.

Ketahuilah yang dimaksud dengan meletakkan (*wadlun*) di dalam hadis ini bukanlah meletakkan bangunan, melainkan *Bait* pertama yang ditetapkan sebagai tempat ibadah. Tidak salah bahawa *Bait* ditetapkan sebagai tempat ibadah pada masa sebelum Sulaiman membangunnya dengan waktu sedemikian lama. Dinukilkan bahawa Shabiah telah membahaikal Zuhrah di padang pasir. Mungkin itu merupakan tempat ibadah seperti tempat-tempat ibadah orang-orang Jahiliyah dengan meletakkan patung-patung di sekitar dan di tengah-tengah Kaabah. Sedangkan orang-orang Shabiah yang membangun haikal tersebut hidup pada masa Ibrahim – salam ke atasnya. Maka tidaklah salah kalau jarak antara peletakan Makkah sebagai tempat ibadah dan diletakkannya Baitulmuqaddis sebagai tempat ibadah adalah 40 tahun. Pada hal, belum ada bangunan apa pun seperti kita kenal, dan bahawa orang pertama yang membangun *Bait al-Maqdis* adalah Sulaiman – salam ke atasnya. hendaknya fakta ini dimengerti sehingga terpecahkan kunci kepelikan masalahnya.

Ada pun Madinah, yang disebut Yathrib, dibangun oleh Yatsrib bin Mahlayil dari Amalika. Dari tangan merekalah Bani Israel menaklukkannya, daerah taklukan dari tanah Hijaz. Kemudian mereka dilingkungi oleh Bani Qaylah dari kalangan Ghazaan, dan mereka dapat menaklukkan dan menguasainya dan benteng-bentengnya.

Kemudian, Allah memerintahkan nabi – selawat ke atasnya – berhijrah dari Makkah ke sana, kerana perhatian Allah atasnya telah lampau adanya. Maka nabi pun hijrah bersama Abu Bakar serta para sahabat. Dia tinggal di sana dan membangun masjid serta rumah. Para putera Qaylah memberikan bantuan, dan kerana itu mereka disebut Ansar. Dan kalimah Islam menjadi sempurna dari Madinah. Dia mengalahkan kaumnya, membuka Makkah, dan menguasainya. Kaum Ansar mengira bahawa dia berpaling dari mereka pergi ke negerinya, dan ini menarik perhatian mereka. Hingga Allah pun merenggut Rasulullah dan kuburnya yang mulia di Madinah.

Tentang kemuliaannya banyak disebutkan di dalam hadis sahih, yang tidak aneh lagi.

Terjadi perbezaan pendapat di antara para ulama tentang

mana yang lebih mulia antara Madinah dan Makkah. Malik – semoga rahmat Allah tercurah ke atasnya – setelah yakin menerima nash shahih dari Rafi' bin Khudaij, berkata bahawa nabi – selawat dan salam ke atasnya – bersabda: Madinah lebih baik dari Makkah". Hadith ini dinukilkan oleh Abd al-Wahhab di dalam *al-Maunah*, kepada hadis-hadis lain yang literalnya menunjukkan erti yang sama. Tetapi, Abu Hanifah dan Syafii menolak. Pokoknya, Madinah masih berada pada tingkat kedua setelah Masjid Haram. Seluruh bangsa menghadapkan mukanya ke sana. Perhatikanlah bagaimana kemuliaan muncul bertingkat-tingkat pada masjid-masjid agung ini, kerana perhatian Allah yang ditetapkan.

Kami tidak mempunyai maklumat mengenai masjid-masjid yang terdapat di tempat-tempat lain di muka bumi kecuali cerita tentang Masjid Nabi Adam – salam ke atasnya – di Sarandib, di Jazirah India. Tetapi tidak ada bukti yang tulen tentang masjid itu yang boleh dipercayai.

Bangsa-bangsa yang terdahulu mempunyai tempat-tempat ibadah yang mereka muliakan sebagai sesuatu yang dianggap suatu pengorbanan suci terhadap agama mereka. Di antaranya adalah rumah-rumah api orang-orang Parsi, haikal-haikal Yunani, rumah-rumah orang Arab di Hijaz, yang dalam peperangan-peperangan telah diperintahkan oleh nabi supaya menghancurkannya. Ada di antaranya yang disebut-sebut oleh al-Masudi, berupa rumah-rumah yang sama sekali tak perlu kita sebut-sebut kerana tidak disyariatkan dan tidak berdasar jalan agama, tidak diambil perhatian dan tidak pula diberitakan. Cukuplah hal itu sebagai peristiwa dalam sejarah. Barang siapa ingin mengetahui beritanya, maka hendaknya dia membaca sejarah itu.

> Allah memberi petunjuk siapa yang dikehendaki-Nya, oleh Tuhan Yang Maha Suci.

7 Hanya terdapat beberapa kota dan bandar di Ifriqiyah dan Maghribi

Sebabnya ialah kerana daerah-daerah ini dikuasai oleh orang-orang Barbar selama ribuan tahun sebelum Islam. Semua peradabannya bersifat badwiah. Tidak ada kemajuan, *hadlarah* yang mencapai titik kesempurnaan di kalangan bangsa Barbar. Dinasti-dinasti Franka dan bangsa Arab yang memerintah mereka

tidak berkuasa cukup lama sehingga kemajuan, *hadlarah*, dapat berakar umbi dengan kukuh. Kebudayaan dan cara hidup badwiah telah sebati dengan kehidupan mereka. Tambahan pula, mereka tidak memiliki kamahiran kerana ia begitu asing dalam kehidupan bangsa Barbar. Mereka begitu biasa dengan cara hidup di padang pasir dan kemahiran adalah budaya hidup tidak tinggal menetap. Dan pembangunan hanya dapat dilakukan dengan adanya kemahiran. dan seseorang itu memerlukan ketrampilan untuk mempelajari sesuatu, dan selama bangsa Barbar tidak mengamalkan apa-apa, mereka tidak mempunyai perhatian terhadap bangunan-bangunan. Apalagi mendirikan kota.

Tambahan pula mereka memiliki pelbagai perasaan kekitaan dan keturunan yang umum. Tidak ada golongan Barbar yang tidak memiliki hak ini. Keturunan umum dan perasaan kekitaan itu lebih condong kepada hidup di padang pasir, daripada kehidupan kota. Hanya ketenteraman dan kesentosaan wujud di kota. Penduduk kota menjadi terlalu bergantung kepada golongan *militia*. Maka penduduk padang pasir tidak mahu menetap di kota, atau tinggal di sana. Hanyalah kemewahan dan kekayaan yang menjadi sebab yang mendorong mereka tinggal di kota, dan hal-hal ini adalah sesuatu yang jarang terjadi di kalangan manusia.

Maka, seluruhnya peradaban Ifriqiyah dan Maghribi, atau sebahagian besar daripadanya, adalah bersifat badwiah. Masyarakatnya tinggal di khemah-khemah, di tandu-tandu unta, dan di benteng-benteng pergunungan.

Sebaliknya, seluruh peradaban kota bangsa bukan Arab, atau sebahagian daripadanya, merupakan kehidupan di desa-desa, kota-kota dan daerah-daerah. Ini sebenarnya yang berlaku di Andalusia, Syria, Mesir, Iraq bukan Arab, dan lain-lain negeri yang serupa dengannya. Hanya dalam kes-kes yang jarang sekali terjadi apabila orang-orang bukan Arab itu memiliki keturunan umum yang mereka pelihara dengan baik dan yang mereka banggakan kemurnian dan keasliannya. Kebanyakan orang yang tinggal di tengah padang pasir adalah seketurunan kerana keturunan umum lebih rapat dan mewujudkan ikatan lebih erat daripada perkara-perkara lainnya. Maka, perasaan kekitaan yang selari dengan seketurunan adalah lebih kukuh. Ia mendorong orang yang memiliki kehidupan di padang pasir dan menghindar dari kota yang telah melenyapkan keberanian, serta membuat orang terlalu bergantung kepada orang

lain. Ia harus difahami dan kesimpulan-kesimpulan yang wajar boleh diambil daripadanya.

> Dan Allah Yang Maha Suci, Maha Tinggi, lebih Mengetahui. Dengan-Nya diperoleh taufik.

8 Bangunan dan pembinaan dalam Islam adalah sedikit mengambil kira kekuatan Islam dan sekira dibandingkan dengan dinasti-dinasti yang terdahulu

Sebab bagi keadaan ini adalah seperti dengan apa yang diterangkan mengenai bangsa Barbar. Orang-orang Arab juga telah sebati dengan kehidupan badwiah dan sangat tidak biasa dengan kerja-kerja kerajinan tangan. Tambahan pula sebelum Islam, bangsa-bangsa Arab menjadi orang-orang yang sangat asing kepada kerajaan yang kemudiannya mereka kuasai. Apabila mereka menguasainya, ia tidak cukup waktu bagi semua institusi budaya tinggal menetap *hadlarah*, untuk berkembang secara sempurna. Sungguhpun begitu, pembangunan-pembangunan yang lain adalah memadai untuk mereka.

Tambahan pula, di peringkat mulanya, agama mereka melarang membuat pembangunan yang berlebih-lebihan atau menghamburkan wang untuk membina bangunan tanpa tujuan. Sebagai contoh sebagaimana yang dilakukan oleh Khalifah Umar sewaktu mereka meminta persetujuannya untuk membangunkan al-Kufah dengan batu. Bangunan kayu yang mereka dirikan sebelumnya terbakar.

> Kata Umar: "Lakukan, dan masing-masing kalian jangan mempunyai lebih dari tiga rumah. Jangan berlebihan dalam membangun, dan ikuti sunnah, negara mengizinkan kalian."

Dia menasihati utusan dan mengatakan supaya orang tidak mendirikan bangunan lebih daripada batas. Orang-orang pun menanyakan maksud batasan tersebut. Disebutkannya, batasan itu adalah yang tidak mendekatkan kalian pada perbuatan berlebihan, dan yang tidak membawa kalian keluar dari tujuan.

Pengaruh Islam dan sikap cermat terhadap hal-hal semacam itu kemudiannya pudar. Kedaulatan dan kemewahan telah menguasai segala-galanya. Orang-orang Arab menguasai bangsa Parsi, dan merampas gedung serta bangunan mereka. Ketenteram-

an dan kemewahan yang mereka nikmati membawa mereka kepada kegiatan pembangunan. Namun, pada masa itu dinasti sudah mendekati dengan kehancurannya. Hanya tinggal sedikit waktu sahaja untuk melaksanakan pembangunan yang ekstensif, dan untuk merencanakan kota-kota dan perancangan bandar. Hal ini tidak berlaku kepada bangsa lainnya.

Orang-orang Parsi mempunyai waktu ribuan tahun. Hal yang sama terjadi terhadap bangsa Kopta, Nabatea, dan bangsa Romawi. Demikian pula yang terjadi pada bangsa Arab yang pertama, seperti bangsa-bangsa Azd, Tsamud, Amalika, dan Tababiah. Masa mereka sangat panjang, dan keahlian menjadi sebati dengan mereka. Maka bangunan dan monumen mereka sangat banyak jumlahnya, dan menjadi sesuatu yang kekal (berbanding dengan bangunan-bangunan orang-orang Arab).

Allah pewaris bumi dan segala isinya.

9 Bangunan-bangunan yang dibina oleh orang-orang Arab, dengan pengecualian beberapa buah yang cepat runtuh

Sebab kepada masalah ini ialah cara hidup dan tidak biasa dengan keahlian itu. Bangunan-bangunan yang dibina oleh orang-orang Arab adalah tidak kukuh.

Ada banyak aspek lainnya yang lebih sesuai terhadap persoalan ini. Orang-orang Arab tidak mengambil berat terhadap pemilihan tempat, kualiti udaranya, padang dan kawasan padang rumput yang baik. Perbezaan di dalam hal-hal ini mewujudkan perbezaan antara kota yang baik dan yang buruk dalam hubungannya dengan peradaban semula jadi. Orang-orang Arab tidak berminat dalam hal-hal begini. Mereka hanya mengambil perhatian adanya padang-padang rumput untuk unta-unta mereka. Mereka tidak memperhitungkan apakah air itu bersih atau tidak, sama ada sedikit ataupun banyak. Mereka tidak mempersoalkan sama ada ladang itu sesuai, kawasan pertanian, dan udaranya kerana mereka mengembara serta membeli biji-bijian dari daerah-daerah yang jauh. Di padang pasir, udaranya bertiup dari semua arah, dan hakikatnya mereka adalah pengembara dan ini menjamin kualiti udara yang segar. Udara akan menjadi buruk hanya apabila orang menetap dan tinggal di sesuatu tempat, dan terdapat banyak sisa-sisa kotoran.

Sebagai contoh, seseorang itu boleh menyaksikan perencanaan orang-orang Arab terhadap Kufah, Basrah, dan Qairawan. Apa yang diambil perhatian ialah sama ada terdapatnya kawasan rumput untuk unta-unta mereka, berhampiran dengan padang pasir dan laluan kafilah. Maka, kota-kota itu tidak mempunyai kedudukan semula jadi yang sesuai. Mereka tidak mempunyai sumber-sumber yang boleh memberi rezeki kepada pertumbuhan penduduk setelah mereka. Sumber-sumber itu harus ada sekiranya peradaban sebegitu mahu dilangsungkan.

> Dan Allah menetapkan hukum, tidak ada yang dapat menolak ketetapan-Nya.[6]

10 Bermulanya kehancuran kota-kota

Apabila kota-kota itu dibina, ia mempunyai sedikit tempat kediaman, dan sedikit bahan binaan, seperti batu dan kapur, atau bahan-bahan lain yang dapat dijadikan hiasan bagi tembok, seperti ubin, batu hitam, keping dirham kecil, kaca, mozek, dan kaca. Oleh sebab itu bangunan-bangunan tersebut masih bersifat badwiah dan bahan-bahan yang digunakan adalah mudah rosak.

Kemudian, peradaban kota itu berkembang, dan jumlah penduduknya menjadi bertambah ramai. Kini, bahan-bahan yang digunakan untuk pembinaan semakin bertambah kerana meningkatnya tenaga buruh dan ramainya tukang-tukang yang ahli. Proses ini terus berlangsung, hingga kota mencapai puncaknya.

Peradaban kota itu kemudiannya mengalami kemudahan dan jumlah penduduknya semakin sedikit. Hal ini menyebabkan berkurangnya tukang-tukang yang ahli. Akibatnya bangunan yang baik dan kukuh, serta hiasan pada dinding-dinding bangunan tidak lagi diamalkan. Lalu, tenaga buruh yang semakin sedikit kerana kekurangan penduduk. Bahan binaan, seperti batu dan ubin, dan lain-lainnya dibawa masuk dan bahan-bahan itu sukar didapati. Bahan-bahan binaan yang terdapat pada bangunan yang ada digunakan semula untuk pembinaan dan ubah suai. Bahan-bahan binaan itu dipindah-pindahkan dari satu gedung ke tempat yang lain kerana kebanyakan pembinaan gedung-gedung, istana-istana, dan rumah-rumah mewah menjadi kosong akibat berkurangnya

6 Al-Quran al-Karim, surah 13 (ar-Ra'ad) ayat 41.

jumlah penduduk sekira dibandingkan dengan waktu yang lampau. Bahan-bahan binaan yang sama terus digunakan untuk istana yang lain dan untuk sebuah rumah yang lain, hinggalah kesemuanya digunakan semula. Penduduknya kembali kepada cara pembinaan yang dilakukan oleh orang-orang Badwi. Mereka menggunakan batu-batan yang dijemur dan bukannya batu-batan dan menghindarkan semua bentuk hiasan dinding. Pembinaan kota berbalik semula kepada desa dan dusun. Tanda-tanda di padang pasir begitu jelas. Kota itu secara perlahannya mengalami kehancuran dan akhirnya runtuh sama sekali sekiranya ia telah ditakdirkan begitu.

11 Dalam hubungannya dengan jumlah kekayaan dan kegiatan perniagaan yang terdapat di dalamnya, kota dan bandar berbeza sesuai dengan jumlah penduduknya

Sebab bagi keadaan ini ialah, setiap individu tidak berupaya dengan sendirinya mendapatkan segala keperluan hidupnya. Setiap manusia itu harus bekerjasama sehingga ke akhir peradaban. Tetapi apa yang diperolehi melalui kerjasama sekumpulan manusia telah berupaya mengisi keperluan beberapa golongan banyak kali lebih banyak daripada mereka sendiri. Sebagai contoh, tiada seorang pun, secara bersendirian berupaya mendapatkan gandum-gandum yang diperlukan untuk makanan. Tetapi apabila sejumlah enam atau sepuluh orang, termasuk tukang besi dan tukang kayu untuk membuat peralatan, dan yang lainnya pula bertugas mengawal lembu, membongkah tanah, mengetam hasil tanaman dan seluruh kegiatan pertanian lainnya, bertanggungjawab bekerja untuk mendapatkan makanan untuk tujuan itu sama ada secara terpisah-pisah atau terkumpul, dan dengan demikian hasil/titik peluh mereka dapat sejumlah makanan, (jumlah itu) akan menjadi makanan untuk beberapa orang, beberapa kali daripada apa yang untuk mereka sahaja. Pekerjaan yang dapat digabungkan itu dapat menghasilkan lebih banyak daripada apa yang diperlukannya dan kepentingan para pekerja itu.

Sekiranya pekerjaan penduduk sebuah bandar atau kota diagih-agihan sesuai dengan kepentingan dan keperluan penduduknya kerja yang minimum akan jelas kelihatan. Perkara yang ada adalah lebih daripada apa yang diperlukan. Akibatnya, ia dapat digunakan untuk mengisi keadaan-keadaan dan kebiasaan hidup mewah, dan untuk memenuhi keperluan penduduk kota-kota yang

lainnya. Mereka mengimport barang-barang yang mereka perlukan daripada orang-orang yang memiliki lebihan melalui tukar-menukar atau berjual beli. Maka, orang-orang yang memiliki lebihan akan mendapat banyak kekayaan.

Ia akan menjadi lebih jelas di dalam Bab Lima, apabila diperkatakan mengenai keuntungan dan rezeki, bahawa keuntungan adalah nilai yang diperolehi daripada keringat. Apabila dilakukan usaha yang sungguh-sungguh, nilainya banyak dan dapat dinikmati oleh kalangan manusia itu. Maka keuntungan dan keperluan mereka akan bertambah. Kesenangan dan kekayaan yang dinikmati akan mendorong mereka kepada kemewahan, dan hal-hal lain yang sewajarnya, seperti rumah dan pakaian yang bagus, bejana dan alat perkakas yang baik, serta penggunaan pembantu dan kenderaan. Semua kegiatan ini melibatkan perlunya harga, dan orang yang terlatih haruslah dipilih untuk melakukan dan bertanggungjawab ke atasnya. Sebagai akibat industri dan keahlian berkembang maju. Hasil pendapatan dan perbelanjaan kota meningkat, kemewahan dinikmati oleh mereka yang bekerja, dan menghasilkan benda-benda melalui jerih payah mereka.

Apabila jumlah penduduk meningkat, tenaga pekerja yang diperlukan juga bertambah. Lanjutan daripada itu, kemewahan bertambah sejajar dengan pertambahan keuntungan keahlian dan kebiasaan serta kemahuan untuk hidup mewah yang meningkat. Nilai yang dapat ditimbulkan daripadanya bertambah, dan sebagai akibatnya, keuntungan yang diperoleh akan dapat dilipatgandakan di bandar. Penghasilan yang diperoleh di situ akan berlipat ganda daripada apa yang ada pada sebelumnya. Dan demikianlah yang berlangsung pada pertambahan yang kedua dan yang ketiga, sebab semua kerja tambahan dikhususkan untuk memperoleh kemewahan dan kekayaan, berbeza dengan kerja yang pertama, yang dikhususkan hanya sekadar memperoleh keperluan hidup sahaja. Bandar yang lebih besar penduduknya daripada lainnya dan menjadi lebih besar pula daripada lainnya dan kebiasaan-kebiasaannya hidup mewah yang tidak terdapat di bandar lain. Semakin bertambah bilangan penduduk di kota itu akan lebih mewahlah kehidupan penduduknya. Perkara ini dapat diwujudkan secara setara dengan peringkat penduduknya.

Hal ini dapat dilihat sebagai contoh, di Maghribi, dengan membandingkan keadaan di Fez dengan kota-kota Maghribi lainnya, seperti Bougie (Bijayah), Tlemcen (Tilmisan) dan Ceuta.

Suatu perbezaan yang nyata, sama ada secara umum mahupun secara terperinci, akan kita temui antara (kota-kota itu dengan Fez). Keadaan kadi di Fez adalah lebih baik daripada kadi di Tlemcen, dan yang sama halnya dengan kesemua peringkat penduduk yang lain. Perbezaan yang sama wujud antara Tlemcen di satu pihak dengan orang atau Aljazair (Algeire) di satu segi, dan antara Oran dan Aljazair di satu pihak yang lain dan di antara orang atau Aljazair dan kota-kota lainnya yang kurang maju sampailah ke dusun-dusun di mana para penduduknya hanya memiliki keperluan hidup melalui hasil usaha atau tidak mendapatkan apa yang seharusnya ada.

Apa yang menjadi sebabnya ialah perbezaan kerja (yang ada) di pelbagai bandar. Kesemuanya itu seperti sebuah pasar bagi hasil kerja mereka, dan wang yang dibelanjakan di setiap pasar itu adalah sejajar dengan jumlah perniagaan yang dilakukan di sana.

Pendapatan seorang kadi di Fez hanya cukup untuk membiayai perbelanjaannya dan hal yang sama dengan kadi di Tlemcen. Apabila pendapatan dan perbelanjaan yang disatukan adalah besar. Keadaan-keadaan adalah baik dan lebih merangsangkan. Pendapatan dan perbelanjaan adalah sangat besar di Fez kerana penghasilan berkembang maju disebabkan adanya tuntutan kemewahan di sana. Dengan demikian, kemewahan adalah lebih banyak terdapat di Fez. Perkara yang sama terjadi terhadap Oran, Kostantin, Aljazair (Algeire), dan Biskara, hinggalah, seperti yang telah dikatakan, sampailah kepada kota-kota yang mana pekerjanya tidak dapat membayar keperluan-keperluan sendiri. Ia tidak dapat disebut sebagai sebuah kota. Ia termasuk ke dalam kategori desa dan dusun. Dengan demikian, penduduk-penduduk di kota-kota kecil ini didapati dalam keadaan yang lemah, dan kesemuanya atau rata-ratanya adalah miskin dan fakir. Sebabnya ialah jerih payah mereka tidak cukup untuk membayar keperluan, dan tidak dapat memberi lebihan yang dapat dikumpulkan sebagai keuntungan. Mereka tidak mendapatkan keuntungan yang bertambah. Dengan demikian, dengan kekecualian yang sedikit, mereka adalah miskin dan sangat-sangat memerlukan.

Hal ini dapat diteliti dengan menyaksikan keadaan orang-orang yang miskin dan para pengemis. Seorang pengemis di Fez adalah lebih baik keadaannya daripada pengemis di Tlemcen atau di Oran yang mana pada hari raya korban, telah memperoleh wang yang cukup sehingga mampu membeli seekor binatang untuk

dikorbankan. Saya telah menyaksikan mereka telah mengemis pelbagai macam bentuk kemewahan dan makanan yang lazat-lazat seperti daging, mentega, lauk-pauk, pakaian dan alat keperluan, seperti ayakan dan bejana. Sekiranya ada pengemis meminta seperti itu di Tlemcen atau Oran, dia pasti akan dicela dan diperlakukan dengan kasar dan dihalau.

Pada ketika ini, kita telah mendengar dengan penuh takjub mengenai keadaan-keadaan di Kaherah dan Mesir tentang kemewahan atau kemakmuran di dalam adat kebiasaan hidup para penduduknya. Sehingga ramai orang yang papa-kedana di Maghribi malah berkesanggupan untuk berpindah dengan alasan bahawa atau disebabkan mereka telah mendengar kekayaan di Mesir adalah jauh lebih baik daripada di tempat-tempat lain. Rakyat terbanyak berpendapat bahawa ia disebabkan oleh kekayaan yang banyak di daerah-daerah itu, dan para penduduknya memiliki banyak harta kekayaan yang disembunyikan, dan mereka adalah lebih murah hati dan lebih lumayan daripada penduduk-penduduk di kota lain. Namun ia tidaklah sebagaimana yang disangkakan kerana seperti yang diketahui, penduduk Mesir dan Kaherah adalah lebih ramai daripada kota-kota lain yang dapat seseorang fikirkan.

Pendapatan dan perbelanjaan adalah seimbang di antara satu dengan yang lainnya di tiap-tiap kota. Sekiranya pendapatan itu besar, perbelanjaannya juga besar dan begitu sebaliknya. Dan sekiranya pendapatan dan perbelanjaan adalah besar, penduduk-penduduk akan berada di dalam kedudukan yang lebih baik, dan kota pun berkembang pesat.

Tiada suatu pun yang anda dengar mengenai fenomena seperti ini harus disangkal. Tetapi kesemuanya harus dimengertikan sebagai akibat daripada banyaknya peradaban *umran*, dan yang mengakibatkan banyaknya keuntungan besar yang memudahkan perbelanjaan dan memberi ganjaran kepada mereka yang memintanya. Hal ini dapat dibandingkan dengan perbezaan yang wujud di sesuatu atau di kota yang sama berkenaan dengan kandang-kandang binatang yang dijauhi atau sering didatangi. Kawasan dan pekarangan kediaman orang-orang kota yang makmur dan kaya-raya, yang duduk di atas kerusi meja yang baik dan di mana biji-bijian dan lebihan roti didapati bertaburan di merata tempat, maka rumah itu akan sering dikerumuni oleh gerombolan semut dan serangga. Terdapat banyak tikus di ruang-ruang bawah tanah dan kucing-kucing bagaikan tidak dapat duduk

diam. Sekawan burung berterbangan di atasnya, dan akhirnya terbang semula, setelah memenuhi paruhnya dengan makanan dan minuman. Sedangkan di halaman rumah orang-orang serba kekurangan dan miskin, tidak ada serangga pun yang merayap dan tidak ada seekor burung pun yang terbang di atasnya, dan tidak ada tikus atau kucing sibuk ke sana ke mari di pojok-pojok rumah.

Sebagaimana yang terkandung dalam sebuah syair:

Burung jatuh di tempat bijian di lempar
Rumah-rumah mulia dikerumuni.

Segala apa yang menjadi rahsia Allah s.w.t. haruslah diteliti secara mendalam. Seseorang boleh membandingkan antara kerumunan manusia dengan kerumunan sekawan binatang, serta cebisan makanan di meja dengan lebihan makanan dan kemewahan, serta pembaziran yang dilakukan oleh mereka yang memilikinya, sebab sebagai lazimnya mereka berupaya melakukan tanpa adanya itu sebab mereka memiliki semuanya itu. Suatu yang harus diketahui ialah keadaan yang merangsangkan dan banyaknya kemakmuran di dalam peradaban adalah hasil daripada saiznya yang besar.

Allah s.w.t. lebih Mengetahui, Dia tidak memerlukan daripada alam semesta.

12 Harga-harga di bandar-bandar

Semua pasar adalah tempat menyediakan segala apa yang menjadi keperluan manusia. Di antara keperluan-keperluan ini adalah yang sifatnya perlu, sebagai contoh bahan makanan seperti gandum, dan barli, makanan yang saling melengkapkan seperti kacang-kacang, peas, dan pelbagai minyak masak, dan makanan rempah-ratus seperti bawang, bawang putih dan sebagainya. Barang-barang lain sebagai penyumbang keselesaan atau kemewahan seperti perasa, buah-buahan, peralatan, kenderaan, seluruh bentuk kemahiran dan bangunan. Apabila kota berkembang pesat dan banyak penduduknya, harga barang-barang perlu dan barang-barang pelengkap agak murah dan barang mewah seperti perasa makanan, buah-buahan dan segala yang sehubungan dengannya menjadi mahal. Apabila orang-orang yang tinggal di kota menjadi sedikit dan peradaban-

nya lemah, maka berlaku pula hal sebaliknya.

Sebab bagi keadaan ini ialah kerana segala macam biji-bijian adalah tergolong sebahagian bahan-bahan makanan perlu. Permintaan bahan-bahan dengan demikian adalah sangat besar. Tidak ada seorang pun yang akan melalaikan bahan makanan itu untuk dirinya sendiri atau keseluruhannya selama sebulan ataupun setahun. Maka, usaha untuk mendapatkan biji-bijian itu adalah untuk seluruh penduduk kota itu sendiri mahupun di daerah lingkungannya. Ini adalah suatu hal yang tidak dapat dihindarkan. Setiap orang yang berusaha mendapatkan makanan untuk dirinya, memiliki lebihan yang melebihi keperluan diri dan kemahuan keluarganya. Lebihan ini dapat memenuhi keperluan sebahagian besar penduduk sesuatu kota itu. Tidak dapat diragukan, dengan demikian, penduduk kota itu memiliki makanan yang lebih daripada apa yang mereka perlukan. Akibatnya, harga barang makanan akan menjadi murah sebagaimana lazimnya kecuali apabila berlaku keadaan yang tidak diingini akibat bencana alam yang memberi kesan kepada pengedaran barang makanan pada tahun-tahun tertentu. Sekiranya mereka tidak menyimpan makanan bagi menghadapi keadaan yang tidak diduga itu, pastilah makanan itu dapat diberikan secara percuma, sebab ianya tentulah berlebih-lebihan disebabkan ramainya penduduk (di bandar berkenaan).

Segala barang pelengkap lainnya, seperti bumbu, buah-buahan, dan segala apa yang sepertinya adalah perkara-perkara yang menyentuh secara umum sahaja. Untuk mendapatkannya adalah tidak perlu mengerahkan seluruh tenaga pekerja penduduk kota atau sebahagian besar daripadanya. Maka apabila sesebuah bandar telah menikmati kemajuan, peradaban yang menyeluruh dan penuh dengan kemewahan, di situ akan timbul suatu keperluan yang besar terhadap barang-barang mewah dan memilikinya sebanyak yang boleh selari dengan kedudukannya. Ini mengakibatkan kekurangan yang amat mendesak. Ramai yang sanggup membayar dengan harga yang tinggi. Mereka memerlukan barang-barang itu untuk pelbagai tujuan dan orang-orang yang berada akan membayar dengan harga yang paling tinggi untuk mendapatkannya sebab mereka lebih memerlukannya daripada yang lain. Maka, kita akan melihat harganya melambung tinggi.

Tenaga keahlian dan buruh adalah mahal di bandar-bandar yang mempunyai peradaban yang makmur. Ada tiga sebabnya.

Pertama, ianya sangat-sangat diperlukan, yang diwujudkan oleh tempat di mana hidup secara mewah di bandar dengan penduduknya yang sesak.

Kedua, pekerja-pekerja perindustrian mengenakan kadar upah yang tinggi untuk khidmat dan pekerjaan kerana mereka tidak harus bekerja kerana kesenangan hidup di kota dan banyaknya.

Ketiga, bilangan orang yang berduit yang sanggup berbelanja adalah ramai dan mereka ini mempunyai banyak kemahuan dan mereka boleh mengupah orang lain dan terpaksa menggaji ramai pekerja dan mendapatkan kemahiran mereka. Dengan demikian mereka membayar lebih daripada yang mereka kerjakan kerana adanya saingan untuk perkhidmatan mereka dan keinginan untuk mendapatkan perkhidmatan yang eksklusif daripada mereka. Maka, para pekerja dan golongan profesional menjadi angkuh, perkhidmatan mereka menjadi terlalu mahal, dan perbelanjaan penduduk kota untuk mendapatkan apa yang dihajati akan meningkat.

Bahan makanan di kota-kota kecil dan mempunyai penduduk yang sedikit kerana mereka memiliki penawaran tenaga kerja yang kecil, dan disebabkan memperhitungkan saiz kota yang masrayakatnya berasa khuatir akan menghadapi kekurangan makanan. Maka mereka berjimat-cermat makanan yang ada pada mereka dan menyimpannya. Ia dengan demikian menjadi sesuatu yang sangat berharga bagi mereka, dan sesiapa yang mahu mendapatkannya haruslah membayar dengan harga yang tinggi. Mereka juga tidak mempunyai permintaan terhadap keselesaan kerana penduduknya adalah sedikit dan keadaan-keadaan mereka adalah sangat lemah. Urus niaga adalah kecil dan harganya pula akhirnya akan menjadi rendah.

Cukai kastam, dan duti-duti lainnya dikenakan ke atas bahan makanan di pasar-pasar dan di pintu-pintu kota bagi pihak raja, dan bahawa para pengutip cukai bergantung kepada keuntungan daripada transaksi perniagaan menurut kepentingan mereka sendiri, disalurkan melalui barang makanan itu. Harga di kota-kota, dengan demikian adalah lebih tinggi daripada yang di padang pasir, sebab cukai-cukai kastam dan cukai-cukai lainnya dan cukai selanjutnya sedikit atau tidak wujud di kalangan orang-orang Badwi, dan sebaliknya pula di bandar-bandar, khususnya di tahun-tahun akhir sesebuah dinasti.

Kos buruh pertanian juga adalah dimasukkan ke dalam harga barang makanan. Ia adalah tergambar menerusi harganya. Hal ini telah berlaku di Andalusia di masa kini. Orang-orang Kristian telah mengasak orang-orang Islam kembali semula ke pesisiran pantai dan ke kawasan pergunungan yang tanahnya adalah tidak subur untuk diusahakan dan terlalu sedikit yang sesuai untuk bertanam sayur-sayuran. Mereka mengambil tanah-tanah yang subur dan bagus. Maka orang-orang Islam pula terpaksa berusaha keras menyuburkan ladang-ladang dan kebun. Usaha ini memerlukan daya usaha yang keras dan bahan-bahan, seperti baja dan lain-lainnya harus diusahakan. Maka usaha pertanian itu memerlukan perbelanjaan yang besar. Mereka perhitungkan perbelanjaan itu dengan menetapkan harganya. Dan dengan demikian, Andalusia telah menjadi suatu daerah yang harga-harga sangat tinggi sejak orang-orang Kristian memaksa mereka berundur ke daerah pesisiran pantai, sebagaimana telah dinyatakan.

Apabila mereka mendengar mengenai harga-harga yang tinggi di Andalusia, ada yang berpendapat ia disebabkan oleh bahan makanan dan biji-bijian yang sedikit. Ini tidak betul. Sebagaimana yang kita maklum, di antara kesemua masyarakat yang berperadaban itu, mereka adalah para petani yang paling keras bekerja. Adalah suatu hal yang jarang sekali berlaku di kalangan sama ada yang berkuasa mahupun rakyat jelata, tidak mempunyai sebidang tanah atau kebun atau tidak bertani. Yang terkecuali adalah seniman-seniman dan golongan profesional atau tentera yang berjihad dan orang baru datang ke negeri itu. Raja, dengan demikian memasukkan ke dalam elaun-elaun yang mereka terima, bekalan yang termasuk biji-bijian untuk makanan dan makanan binatang. Alasan sebenarnya bagi harga yang tinggi itu adalah sebagaimana dinyatakan di atas bukan yang selain daripada itu.

Negeri-negeri Barbar adalah suatu yang sebaliknya. Ladang mereka adalah baik, dan tanahnya amat subur. Dengan demikian, mereka tidak harus mengusahakan sesuatu (daripada luar) untuk pertanian yang luas dan diamalkan secara umumnya. Ladang mereka adalah begitu luas untuk diusahakan. Inilah yang menyebabkan rendahnya harga bahan makanan di negeri mereka.

Allah penentu malam dan siang. Dia Esa Maha Kuasa, Tiada selain Dia.

13 Orang-orang Badwi tidak dapat menetap di sebuah kota yang mempunyai penduduk yang ramai

Sebab bagi keadaan ini ialah kemewahan telah meningkat di kota yang mempunyai penduduk yang ramai sebagaimana yang telah kami nyatakan. Kemahuan penduduknya meningkat atas dasar mahu hidup mewah. Disebabkan oleh permintaan terhadap barang-barang itu kemudiannya menjadi suatu keperluan. Tambahannya tenaga kerja di kota menjadi sangat mahal, dan barang-barang pelengkap turut jadi mahal kerana pelbagaian tujuan yang terarah kepada permintaan demi memperoleh kemewahan, dan kerana pemerintah mengenakan cukai ke atas pasaran atau urus niaga perniagaan. Hal ini tercermin pada harga jualan barang-barang. Maka, barang-barang pelengkap, bahan makanan, dan pekerjaan adalah menjadi sangat mahal. Sebagai akibatnya, perbelanjaan penduduk kota meningkat dengan hebat sekali sesuai dengan besarnya jumlah penduduk. Dalam keadaan sedemikian, mereka memerlukan banyak wang untuk membiayai perbelanjaan bagi dirinya dan keluarganya, dan juga untuk membeli keperluan-keperluan lainnya.

Pendapatan orang-orang Badwi, sebaliknya pula, tidaklah besar sebabnya ialah mereka hidup di tempat di mana permintaan tenaga kerja adalah kecil, padahal tenaga kerja ialah sesuatu yang mendatangkan keuntungan. Orang-orang Badwi dengan demikian tidak mengumpul apa-apa keuntungan atau kekayaan. Berdasarkan alasan ini, agar sukar bagi mereka untuk tinggal di kota besar, kerana barang-barang pelengkap hidup di sana mahal dan barang-barang yang hendak dibeli terpaksa dibayar dengan harga yang tinggi. Di padang pasir, mereka dapat memenuhi keperluan hidup dengan kerja yang minimum, sebab mereka tidak biasa dengan kehidupan secara mewah.

Setiap orang Badwi yang tertarik dengan kehidupan kota akan segera mendapati bahawa dirinya tidak berupaya untuk bersaing dan akan merasa malu. Golongan yang terkecuali ialah mereka, yang terlebih dahulu telah dapat mengumpul kekayaan dan memperolehnya lebih daripada yang diperlukan, dan telah mencapai sedikit ketenteraman dan kemewahan yang menjadi sesuatu yang biasa di kalangan orang yang berperadaban. Mereka dengan itu dapat berhijrah ke kota, dan keadaan mereka dalam hal adat istiadat dan kemewahan, dapat disesuaikan dengan penduduk-

penduduk kota itu. Demikianlah halnya dengan peradaban di kota.

Allah menguasai segala sesuatu.

14 Perbezaan dalam hubungan kemakmuran dan kemiskinan adalah sama, sama ada di daerah pinggiran atau di kota-kota

Keadaan penduduk di daerah-daerah yang memiliki banyak peradaban dan terdiri daripada pelbagai bangsa dan banyak penduduknya adalah sesuatu yang menguntungkan. Mereka memiliki banyak kekayaan dan kota-kota. Negara dan kerajaan mereka adalah besar. Sebab bagi kesemua ini ialah banyaknya tenaga kerja dan hakikat bahawa ia membawa sumber kekayaan. Lebihan barang-barang dibiarkan seada-adanya setelah keperluan penduduknya dapat dipenuhi. Semuanya itu dapat memberikan kepada penduduknya sesuatu yang melebihi saiznya dan melebihi apa yang sebenarnya dan akan kembali kepada penduduknya sebagai keuntungan yang telah dapat mereka kumpulkan. Maka, kekayaan dapat ditingkatkan, dan keadaan-keadaannya sangat menguntungkan. Di sana terdapat kemewahan dan kekayaan. Pendapatan daripada cukai yang diperolehi oleh pihak berkuasa bertambah kerana kemajuan pasarannya. Kekayaannya bertambah, dan kekuasaannya berkembang. Ia pun menggunakan benteng-benteng dan istana-istana, mendirikan bandar-bandar dan membina kota-kota besar.

Hal ini dapat disaksikan seperti di kawasan-kawasan Timur seperti di Mesir, Syria, Persia, India atau China dan seluruh daerah-daerah di sebelah utara Laut Tengah. Apa peradabannya meningkat kekayaannya pun akan bertambah dan dinastinya akan menjadi kuat. Bandar-bandar dan kawasan penempatan menjadi banyak, dan perdagangan dan keadaan-keadaan menjadi lebih baik.

Pada masa ini, kita boleh menyaksikan keadaan-keadaan pedagang-pedagang bangsa Kristian yang datang berniaga dengan orang-orang Islam di Maghribi. Kekayaan dan kemewahan tidak dapat digambarkan sebaik-baiknya kerana terlalu sangat maju. Hal yang sama berlaku kepada pedagang yang datang dari Timur, lebih-lebih pedagang yang datang dari Timur Jauh, seperti daerah Persia, India dan China. Kekayaan dan kemakmuran mereka

menjadi buah mulut para pengembara. Seringkalinya cerita-ceritia itu diragukan kerana dianggap segaja dilebih-lebihkan. Orang kebanyakan barangkali beranggapan bahawa semuanya itu adalah disebabkan oleh banyaknya harta yang mereka miliki, atau terdapatnya lombong-lombong emas dan perak di bumi itu, atau telah memiliki warisan harta orang-orang yang terdahulu. Keadaannya bukanlah seperti yang difikirkan. Sebagaimana yang kita maklumi, lombong emas yang ada di Sudan, yang mana ia berdekatan dengan Maghribi daripada negeri-negeri lainnya. Tambahan pula semua barang-barang yang terdapat di negeri itu adalah untuk diperdagangkan. Sekiranya mereka memiliki banyak harta, mereka tidak menukar semua hasil negerinya dengan tujuan mendapatkan wang. Dan mereka sama sekali tidak akan memerlukan harta-harta yang menjadi milik orang itu.

Para astrologi telah menyedari hal-hal ini, dan berasa kagum dengan keadaan-keadaan yang menguntungkan dan banyaknya kekayaan yang terdapat di Timur. Mereka datang dan menyatakan bahawa pemberian bintang-bintang dan keberuntungan nasib adalah lebih banyak dirasai oleh penduduk di bahagian Timur daripada yang diperolehi oleh masyarakat Barat. Pendapat ini adalah benar apabila mlihat faktor-faktor kesesuaian di antara hukum astrologi dan keadaan *terrestrial*. Namun, para astrologi cuma menyebutkan alasan-alasan astrologi sahaja. Mereka harus juga memberikan alasan-alasan yang lebih berjejak di bumi nyata, ke peringkat ketinggian dan penumpuan peradaban di daerah-daerah Timur. Peradaban besar yang telah mendatangkan banyaknya keuntungan akibat oleh banyaknya peluang pekerjaan yang tidak dapat disangkal akan mendatangkan keuntungan. Dengan demikian Timur itu menikmati banyak kekayaan berbanding dengan daerah-daerah yang lain. Apa yang dinyatakan itu tidaklah sesuatu yang hanya bergantung kepada pengaruh bintang-bintang. Keterangan kami yang telah lalu telah memperjelas bahawa pengaruh bintang-bintang tidak berupaya menimbulkan kesemuanya itu dengan sendirinya. Kesesuaian di antara ketetapan astrologi dan peradaban duniawi dan alam semula jadinya adalah suatu hal yang tidak dapat dielakkan.

Hubungan antara kemakmuran dan peradaban ini dapat diteliti di daerah Ifriqiyah dan Barca. Apabila jumlah penduduknya berkurangan, dan peradabannya jadi mundur, keadaan penduduk-penduduknya amat memilukan hati. Mereka dikatakan miskin dan

papa-kedana. Hasil kutipan cukai merosot. Dan kekayaan dinasti yang memerintah menjadi sangat sedikit. ...

Berbeza dengan daulah-daulah Syiah dan Sanhajah. Sepertimana diketahui, kekayaan dan banyaknya pendapatan daripada hasil cukai, serta baiknya keadaan mereka dalam hal pembelanjaan dan pemberian hadiah, hingga terjadi pengangkutan kekayaan dari Qairawan kepada Gabenor Mesir demi keperluan dan kepentingannya. Harta negara yang dibawa oleh Jauhar al-Katib dalam perjalanannya menuju pembukaan Mesir, *fathu Misra*. Harta itu terdiri dari seribu bungkus bawaan yang dipersiapkan untuk makanan, dan upah tentera, serta keperluan-keperluan untuk orang-orang yang berperang.

Sejak dahulunya negeri Maghribi – kecuali Ifriqiyah – sedikit pun tidak mencapai kekayaan seperti itu. Keadaan di daulah-daulah Muwahiddun adalah baik, dan kutipan cukainya melimpah. Dan sekarang, ia telah jauh tertinggal kerana menurunnya peradaban, dan berkurangnya penduduk. Sebahagian besar penduduk Barbar di sana telah lenyap, dan kekayaannya amat berkurang. Keadaannya hampir sama seperti di Ifriqiyah, setelah peradabannya berhubungan dari Laut Tengah ke Sudan, sepanjang jarak antara as-Sus Jauh dan Barca. Semuanya, atau sebahagian besar, kini merupakan daerah sepi, kosong, dan tandus. Kecuali sebahagian, yang terletak dekat pantai atau berbukitan dekat laut.

Allah pewaris bumi dan isinya. Dia pewaris paling baik.

15 Pengumpulan hartanah dan ladang di kota. Manfaat dan hasilnya

Pengumpulan hartanah dan ladang perseorangan di bandar atau di kota tidak berlaku dengan seketika. Tidak ada seorang pun yang ada cukup kekayaan untuk mengumpulkan harta-harta itu. Meskipun kekayaan amat banyak, pengumpulan dan mendapatkan kekayaan itu adalah secara perlahan-lahan. Ia boleh diperolehi dengan cara menerima harta pusaka daripada nenek moyang dan saudara mara mereka, hingga harta-harta itu diwariskan dan menjadi hak mereka. Atau ia mungkin disebabkan oleh turun naiknya harga hartanah di pasaran. Pada saat jatuhnya sesebuah dinasti, pihak militia yang ada akan binasa. Tidak ada lagi perlindungan dan bandar itu jatuh dan mengalami kehancuran. Pada

masa itu, hartanah tidak lagi membahagiakan seseorang, kerana ia tidak boleh menjamin perlindungan dalam keadaan negara yang kacau-bilau. Nilai hartanah jatuh dengan teruk dan ia boleh diperolehi dengan harga yang rendah. Kemudian ia diwariskan kepada pewaris dan menjadi hak orang lain.

Pada masa itu negara kembali pulih dan kekuasaan baru mencapai kemajuannya, dan keadaan-keadaan menjadi pulih. Ini akan mengakibatkan seseorang itu akan berasa suka setelah berupaya mempunyai hartanah dan ladang kerana kegunaannya sangat besar. Nilai harganya meningkat dan mereka mempunyai taraf yang selama ini tidak dimiliki. Inilah yang dimaksudkan dengan turun naiknya harga. Pemilik hartanah sekarang menjadi 'OKB – Orang Kaya Baru' – di kalangan masyarakatnya. Dan ini bukanlah disebabkan oleh jerih payah mereka sebab, dia tidak mungkin dapat mengumpulkan kekayaan yang sedemikian besar itu dengan lelahnya sendiri.

Hartanah ladang tidak memberikan pemiliknya pendapatan yang cukup untuk membiayai kemahuannya; hasil pendapatan itu tidak cukup untuk membiayai kebiasaan hidup mewah dan segala sesuatu yang sehubungan dengannya. Lazimnya ia cuma memberi keperluan-keperluan hidupnya.

Kita telah mendengarnya daripada para sarjana, bahawa motif mendapatkan hartanah dan ladang ialah memikirkan nasib keturunan mereka yang kurang bernasib baik. Pendapatan daripada hasil hartanah dan ladang itu diharapkan dapat digunakan untuk biayai pendidikan, penjagaan, dan pembesaran mereka, selama mereka tidak mampu mencari nafkah hidup. Apabila mereka sudah mampu mencari nafkahnya sendiri, mereka akan berdikari. Tetapi selalunya anak-anak itu tidak mampu mencari nafkah sendiri disebabkan oleh kecacatan atau akalnya yang lemah. Maka hartanah itulah yang akan menjadi sumber utama kehidupan mereka. Inilah motif yang mendorong seseorang supaya mengeluarkan wang yang banyak untuk mendapatkannya.

Motifnya bukanlah untuk mengumpulkan modal melalui perolehan atau untuk memberikan kehidupan yang mewah. Ianya dapat diperolehi hanya oleh sebilangan kecil sahaja dan diperolehi melalui turun naik harga di pasaran, melalui perolehan sebahagian besar hartanah dan melalui peningkatan hartanah dan nilainya di kota-kota yang tertentu. Tetapi sekira ada yang berupaya mendapatkannya, para amir dan gabenor akan berasa kurang

senang. Sepertimana yang sering terjadi ialah mereka merampas atau mendesak supaya menjualnya kepada mereka. Pemilikan hartanah yang berlebih-lebihan akan menyusahkan dan menimbulkan kesengsaraan kepada pemiliknya.

Allah menguasai urusan-Nya. Dia Tuhan Yang Agung.

16 Golongan kapitalis di kalangan penduduk kota memerlukan perakuan taraf dan perlindungan

Sebabnya ialah mereka yang tinggal menetap dan maju, yang mempunyai banyak modal dan memperolehi banyak hartanah dan ladang, serta menjadi salah seorang yang paling kaya di kota, yang dilihat tergolong orang-orang yang disegani dan hidup serba mewah dan biasa dengan kemewahan bersaing dengan para amir dan raja. Para amir akan berasa cemburu dengannya. Sikap permusuhan yang semula jadi wujud di dalam diri manusia itu mula dipancangkan kepada kekayaan yang mereka miliki. Mereka mencemburuinya dan berusaha mencari pelbagai alasan untuk memerangkap mereka ke dalam jaring kerajaan dan mencari suatu alasan yang sesuai untuk mendera mereka. Matlamatnya ialah menyita harta kekayaan. Keputusan kerajaan sebagaimana lazimnya adalah tidak adil, kerana suatu keadilan yang sebenar hanya wujud di dalam khalifah yang sahih, *khilafah syariyyah*, yang dapat bertahan dalam jangka waktu yang amat singkat.

Nabi Muhammad s.a.w. pernah bersabda:

> "Khalifah sesudahku akan hanya dapat bertahan selama 30 tahun, kemudian, ia akan kembali dikuasai oleh kerajaan-kerajaan yang zalim."

Dengan demikian, pemilik harta dan kekayaan yang sangat ketara itu di dalam sesuatu masyarakat memerlukan suatu kuasa perlindungan untuk melindunginya, di samping martabat di mana dia miliki. Matlamat itu dapat diperolehi oleh orang yang mempunyai kaitan dengan raja, atau seorang teman yang akrab dengan raja, atau perasaan kekitaan yang akan disanjungi oleh raja. Di bawah naungannya, dia dapat hidup tenang dan menikmati kedamaian selamat daripada bahaya. Sekiranya dia tidak memilikinya, dia akan mendapati dirinya dirompak oleh segala bentuk tipu daya dan dalih perundangan.

Allah menetapkan hukum, tidak'ada yang dapat menolak ketetapan-Nya.[7]

17 Budaya hidup menetap *hadlarah* di kota berasal daripada dinasti. Ia akan berakar umbi apabila dinasti itu kekal dan kukuh

Sebab bagi keadaan budaya hidup menetap *hadlarah* ialah keadaan yang diakibatkan oleh kebiasaan, dan menjangkau jauh daripada keadaan-keadaan yang merupakan tuntutan peradaban *umran*. Berapa jauh ianya terjangkau adalah bergantung kepada perbezaan yang tidak terhad dalam pemilihan harta dan jumlah kekuatan atau kelemahan bangsa itu. Budaya inggal menetap berlaku di dalam bangsa apabila berlakunya kepelbagaian di kalangan pelbagai lapisan masyarakat itu. Ia kemudiannya adalah setara dengan keahlian-keahlian. Setiap bentuk khusus keahlian memerlukan seseorang untuk memikul tanggungjawab itu dan mahir tentangnya. Semakin pelbagainya pembahagian-pembahagian keahlian itu, semakin ramai orang-orang yang mengamalkannya. Bersama waktu yang berselang itu setiap keahlian itu menjadi begitu berbeza, para tukang itu menjadi begitu berpengalaman dalam pelbagai keahliannya. Masa yang panjang dan perulangan pekerjaan yang serupa membantu kepada memantapkan pekerjaan itu dan menjadikannya berakar umbi.

Kesemuanya ini terjadi terutama di kota-kota, sebab kota-kota memiliki peradaban yang berkembang maju dan penduduknya pula kaya-raya. Dan semua dinasti itu berada pada akarnya, sebab dinasti itu mengutip kekayaan rakyat jelatanya dan membelanjakan untuk kepentingan lingkungan dalaman dan mereka yang ada hubungan dengannya. Mereka yang lebih berpengaruh atas perkiraan kedudukannya daripada sesuatu yang beralaskan kekayaan sendiri. Wang itu datangnya daripada rakyat, dan dibelanjakan di kalangan orang-orang yang ada kepentingan dalam dinasti itu dan kemudian di antara penduduk yang mempunyai kaitan dengannya. Mereka adalah golongan terbanyak. Kekayaan mereka dengan demikiannya, bertambah dan harta benda mereka bertambah. Kebiasaan hidup dan cara-cara kemewahan itu menjadi beragam dan pelbagai jenis keahlian dapat

---

7 Al-Quran, surah 13 (ar-Ra'ad) ayat 41.

dimantapkan di kalangan mereka. Inilah budaya hidup tinggal menetap (*hadlarah*).

Dengan demikian, kota-kota yang terdapat di daerah-daerah jauh, meskipun ia mempunyai penduduk yang banyak, didapati lebih dikuasai oleh sikap hidup badwiah dan terpisah daripada kebudayaan tinggal menetap dalam banyak hal. Ia adalah berbeza dengan bandar-bandar yang terletak di bahagian tengah, pusat dan nadi kerajaan. Satu-satunya ialah pihak pemerintah berada dekat dengan mereka dan membelanjakan banyak wang untuk mereka, laksana sebatang sungai yang dapat menyuburkan segala sesuatu yang ada di sekitarnya, dan yang memberi baja kepada tanah yang berhampiran dengannya sedangkan yang berada jauh daripadanya terbiar kering-kontang. Sebabnya ialah dinasti dan kerajaan adalah semacam pasar dunia. Segala macam barang akan terdapat di pasar itu dan berhampiran dengannya. Jauh dari pasar itu, barang-barang tersebut tentulah tidak kedapatan. Selagi sesebuah dinasti terus memerintah dan raja-rajanya digantikan oleh seorang dengan seorang yang di kota tersebut, kebudayaan tinggal menetap itu akan menjadi bertambah kukuh dan berakar umbi di kalangan penduduk kota itu.

Keadaan sedemikian dapat diteliti menerusi orang-orang Yahudi. Pemerintahan mereka di Syria bertahan sekitar 1400 tahun. Mereka cukup arif dalam perkara-perkara yang menjadi suatu kebudayaan, dan cara-cara untuk mendapatkan nafkah hidup dan segala macam kemahiran yang tergolong ke dalamnya seperti bahan makanan, pakaian dan semua perkara yang menyangkut rumah, begitu banyak hinggakan kesemuanya, sebagai satu peraturan, masih boleh dipelajari daripada mereka sampai sekarang. Kebudayaan tinggal menetap dan kebiasaan-kebiasaannya menjadi begitu mantap di Syria melalui usaha mereka, dan melalui dinasti-dinasti Romawi yang menggantikan mereka selama 600 tahun. Maka, mereka memiliki kebudayaan tinggal menetap yang benar-benar dapat dikembangkan.

Hal yang sama terjadi kepada bangsa Kopta. Kekuasaan politik mereka bertahan selama 3000 tahun. Adat kebiasaan kebudayaan tinggal menetap, dengan demikian sudah benar-benar sebati di negeri mereka, Mesir. Mereka kemudian dikuasai oleh orang-orang Yunani dan Romawi, dan kemudian Islam yang telah menghapuskan kesemuanya itu. Kebudayaan tinggal menetap telah, dengan demikian, masih terus berlangsung di Mesir.

Hal yang sama mengenai adat istiadat *hadlarah* juga mengakar di Yaman kerana berlangsungnya daulah bangsa Arab di sana sejak masa Amelika dan Tababiah selama ribuan tahun, kemudian dilanjutkan oleh pengganti mereka, raja Mesir.[8]

Hal yang sama pula terhadap kebudayaan tinggal menetap yang terdapat di Iraq, di mana selama beribu-ribu tahun, diperintah terus-menerus oleh bangsa Nabatea dan Parsi, iaitu bangsa Kaldean, Kiania (Achaemenids), bangsa Sassan, dan sesudah mereka, bangsa Arab. Sampailah kepada masa ini tidak berlaku di muka bumi ini orang yang lebih banyak memiliki *hadlarah* daripada yang tercapai oleh penduduk Syria, Iraq, dan Mesir.

Hadlarah atau kebudayaan tinggal menetap juga telah kuat bertapak di Andalusia, di mana selama beribu-ribu tahun, telah diperintah terus-menerus oleh dinasti, kemudiannya digantikan pula oleh kerajaan Bani Umaiyah. Kedua-dua dinasti itu adalah sama-sama hebat sehingga *hadlarah* di sana bertunjang.

Ifriqiyah dan Maghribi tidak memiliki kedaulatan yang besar sebelum Islam. Bangsa Romawi Franka[9] telah melintasi laut menuju Ifriqiyah, serta menguasai pantainya. Kesetiaan orang-orang Barbar yang tinggal di sana diberikan kepada mereka tanpa dasar yang kukuh. Mereka berada di Qal'ah dan di daratan-daratan tinggi.[10] Tidak ada sebuah dinasti pun yang sampai ke sana dan menakluki penduduk Maghribi. Dari waktu ke waktu, mereka menyerahkan kepatuhan mereka kepada bangsa Goth yang datang dari seberang lautan.

Ketika bangsa Arab menguasai Ifriqiyah dan Maghribi, kekuasaan Arab di sana hanya sebentar sahaja iaitu pada permulaan Islam. Kala itu mereka hidup dalam cara badwiah. Orang-orang yang tinggal di Ifriqiyah dan Maghribi tidak menemui suatu tradisi lama kebudayaan tinggal menetap *hadlarah* di sana,

---

8 Seharusnya perkataan Mesir di sini dihapuskan, sebab dalam Sejarah kuno Mesir tidak memiliki seorang raja pun di Yaman.

9 Dalam terjemahan Inggeris, di antara kata Romawi dan Franka ditambah kata dan: *The Roman and European Christians.*

10 Salah satu erti kata Arab *wafzu* adalah tempat yang tinggi. Besar dugaan di sini terdapat teks terhapuskan. Yang benar adalah *Mereka berada di al-Qalah dan al-Qairawan.* Kedua-duanya adalah kota pantai di Ifriqiyah. Yang pertama 'disebut juga *Qal'ah Abi Thawil'.* Keterangan selanjutnya memperkuat dugaan ini.

kerana penduduk aslinya terdiri dari bangsa Barbar, yang tenggelam dengan corak hidup badwiah. Tidak lama kemudian, orang-orang Barbar Maghribi Jauh (Maroko) hancur di tangan Maisarah al-Muthaffari, pada masa pemerintahan Hisyam bin Abdul Malik, dan lagi berada di bawah pemerintah Arab.

Mereka adalah merdeka meskipun mereka melakukan sumpah setia (baiat) untuk berada di bawah pemerintahan Idris, kekuasaan baginda itu tidak boleh dianggap suatu kekuasaan Arab. Sebabnya ialah orang-orang Barbar sebenarnya yang menguasai dan di sana tidak ramai orang Arab. Jadilah Ifriqiyah telah berada di bawah naungan orang-orang Aghlab dan orang-orang Arab yang berdampingan dengan mereka. Mereka memiliki sebahagian *hadlarah* sebagai akibat dari kemewahan dan kemakmuran kedaulatan yang telah mereka capai, dan kerana sebahagian besar peradaban di al-Qairawan adalah milik kemudiannya, Kutamah, dan Sanhajah pula mewarisi pemerintahan daripada orang-orang Aghlab. Akan tetapi semuanya adalah singkat dan tidak sampai 400 tahun. Pentadbiran dinasti mereka berakhir, dan bentuk *hadlarah* berubah kerana ianya tidak dapat diwujudkan secara kukuh. Orang-orang Hilal, yang merupakan orang-orang Arab Badwi kemudiannya telah menaklukkan negeri itu serta membawanya kepada kehancuran.

Hingga saat ini, sisa-sisa *hadlarah* masih kedapatan di al-Qalah, dan al-Qairawan, atau al-Mahdiyyah boleh ditemui pada peninggalan alat-alat rumah dan adat istiadatnya. Kesemuanya sudah campur-baur, tetapi mereka yang mengamalkan kebudayaan tinggal menetap dan tahun tentangnya dapat melihat perbezaan itu. Demikianlah yang terjadi kepada kebanyakan kota di Ifriqiyah dan tidak pula di Maghribi serta kota-kotanya, kerana sejak penguasaan Aghlab, kerajaan kutamaan dan Sanhajah,, kerajaan yang menguasai Ifriqiyah telah dapat berakar umbi dalam jangka waktu yang panjang daripada dinasti-dinasti lain di Maghribi.

Ada perbezaan yang nyata mengenai Maghribi. Ia menerima sejumlah besar *hadlarah* dari Andalusia sejak masa kerajaan Muwahhidun, dan adat istiadat *hadlarah* telah berakar umbi di sana melalui kekuasaan mereka terhadap Andalusia. Sebilangan besar penduduk Andalusia telah berpindah sama ada secara rela atau tidak ke Maghribi. Dengan demikian sudah diketahui betapa luasnya pengaruh kerajaan Muwahiddun itu. Ia memiliki sejumlah besar *hadlarah*, dan telah benar-benar dapat disebatikan di sana,

sebahagian besar daripadanya adalah disebabkan oleh penduduk-penduduk Andalusia.

Kemudiannya, penduduk Andalusia di bahagian timur telah diusir oleh orang-orang Kristian, dan mereka pun berpindah ke Ifriqiyah. Di kota-kota itu mereka meninggalkan kesan-kesan kebudayaan tinggal tetap itu. Kebanyakannya adalah di Tunisia, di mana ia diadunkan dengan *hadlarah* Mesir, dan adat istiadatnya yang dibawa masuk oleh para musafir. Maka, Maghribi dan Ifriqiyah telah mendapat banyak pengaruh *hadlarah*. Tetapi, kelengangan telah menimpa tempat itu, dan ia pun lenyap. Orang-orang Barbar di Maghribi kembali kepada cara hidup Badwi dan penuh kekerasan itu. Namun, dalam apa keadaan pun, bekas-bekas *hadlarah* di Ifriqiyah adalah lebih nyata daripada yang terdapat di Maghribi dan kota-kotanya. Dinasti-dinasti kuno itu jauh lebih lama berkuasa di Ifriqiyah daripada di Maghribi, dan adat istiadat orang-orang Mesir sebabnya ialah adanya hubungan yang begitu akrab di antara kedua-duanya itu.

Rahsia ini hendaklah dimengertikan kerana secara umumnya ia tidak banyak diketahui. Suatu yang harus dikenal ialah bahawa ianya merupakan persoalan-persoalan yang saling berhubungan: kuat dan lemahnya sesebuah dinasti, banyak jumlahnya suatu negara atau bangsa, saiz sebuah bandar atau kota, banyaknya harta dan kekayaan itu. Sebabnya ialah dinasti, negara dan kedaulatan membentuk alam dan peradaban, di mana ksemuanya itu, akhirnya, bersama dengan rakyat jelatanya, kota-kota dan lain-lain halnya, merupakan bentuk negara dan kedaulatan.

Hasil cukai akan dikembalikan kepada semua rakyatnya. Kekayaan mereka sebagaimana lazimnya, adalah didapati daripada perniagaan dan kegiatan perdagangan. Apabila raja itu membelanjakan wangnya untuk rakyatnya, ia akan teragih di kalangan mereka, dan akan kembali semula kepada baginda, dan sekali lagi daripada baginda kepada mereka. Ia diperolehi daripada mereka melalui kutipan cukai dan cukai tanah, *jibayah* dan *kharaj*, serta akan dikembalikan semula kepada mereka melalui pemberian-pemberian. Kekayaan para rakyat adalah sehubungan dengan perbendaharaan negara. Sebaliknya, perbendaharaan adalah sehubungan dengan kekayaan dan bilangan rakyat. Asal mulanya semuanya itu adalah peradaban dan lebar luasnya. Sekiranya hal itu dipertimbangkan dan diteliti dalam hubungannya dengan dinasti-dinasti, akan ditemui demikianlah.

Allah menetapkan hukum, tidak ada sesiapa yang boleh menolak apa yang menjadi ketetapan-Nya.[11]

18 Kebudayaan tinggal menetap (Hadlarah) merupakan matlamat peradaban. Ia bermakna berakhirnya usia hidupnya, dan akan membawa kepada kehancurannya

Telah kami terangkan sebelum ini bahawa kedaulatan dan penubuhan dinasti-dinasti adalah merupakan matlamat perasaan kekitaan (*ashabiyah*) dan bahawa *hadlarah* merupakan matlamat badwiah dan sebarang peradaban, sama ada ianya bersifat badwiah atau *hadlarah*, baik yang menitikberatkan persoalan tentang raja atau orang terbanyak, memiliki usia fizikal, sebagaimana seorang insan juga memilikinya.

Sebab-sebab dan tradisi *maqul* dan *manqul* telah menjelaskan bahawa usia 40 tahun bermakna berakhirnya pertambahan kekuasaan dan kekuatan seseorang manusia. Apabila seseorang telah mencapai usia 40 tahun, sifat semula jadinya *thabiah* berhenti sejenak daripada terus berkembang, kemudiannya ia menuju arah kesusutannya suatu yang harus diketahui iaitu hal yang tidak boleh dilanggar. Apabila kemewahan dan kemakmuran dapat dinikmati oleh orang-orang yang berperadaban, secara semula jadinya ia akan menyebabkan mereka menuruti cara-cara hidup *hadlarah*, dan menerima adat kebiasaannya.

Sebagaimana seseorang maklumi, *hadlarah* itu adalah suatu penerimaan pelbagai jenis kemewahan, pertumbuhan segala sesuatu yang sehubungan dengannya, dan keterikatan pada kemahiran yang telah memberikan segala macam keindahan kepada kehalusannya seperti kemahiran masak-memasak, perbuatan pakaian, pembinaan bangunan, atau membuat permaidani, atau tempayan, dan segala sesuatu yang menjadi bahagian rumah tangga.

Untuk memperindahkan pelaksanaan semuanya itu, terdapat pula beberapa kemahiran yang tidak diperlukan di dalam kehidupan masyarakat badwiah, yang tidak mempedulikan kesantunan. Apabila usaha memperelokkan segala sesuatu yang berkenaan dengan rumah tangga itu mencapai hadnya, ia akan diikuti oleh ketundukan kepada tuntutan kemahuan. Daripada

---

11 Al-Quran, surah 13 (ar-Ra'ad) ayat 41.

kesemua adat dan kebiasaan ini, jiwa manusia itu menerima pelbagai warna yang menggugat agamanya dan keduniaan mereka.

Ia tidak lagi dapat memelihara kecemerlangan agamanya, kerana kini ia telah benar-benar diwarnai oleh adat kebiasaan yang terasa sukar untuk dileraikan. Ia juga tidak dapat mengekalkan kedudukan duniawinya kerana kebiasaan hidup bermewahan-mewahan telah menuntut banyak hal, dan mengenakan beberapa syarat yang mana pendapatan seseorang adalah tidak cukup untuk membiayainya.

Hal ini dapat menerangkan hakikat bahawa pembelanjaan penduduk di sesuatu kota akan bertambah banyak bersama kepelbagaian *hadlarah*. Dan *hadlarah* adalah berbeza-beza menurut perbezaan perdaban. Apabila peradaban berkembang, *hadlarah* akan menjadi lebih sempurna. Dan sesuatu yang telah diterangkan sebelum ini ialah penduduk kota telah disifatkan untuk membiayai harga yang sangat tinggi dalam perniagaan dan harga yang tinggi untuk membeli keperluan-keperluan itu. Penarikan cukai kesemuanya itu akan dipertingkatkan lebih tinggi melalui cukai-cukai kastam, kerana *hadlarah* telah mencapai kesempurnaannya pada masa ini apabila dinasti telah mencapai puncak kemakmurannya, dan inilah masa dinasti mengenakan beban cukai kastam kerana banyaknya perbelanjaan.

Cukai kastam itu telah menaikkan lagi harga barang jualan, sebab para peniaga kecil dan saudagar telah memasukkannya sebagai perbelanjaan mereka, malah juga keperluan mereka sendiri, ke dalam harga barang-barang simpanan dan dagangan mereka. Maka cukai kastam dimasukkan ke dalam harga jualan. Maka perbelanjaan orang-orang yang berperadaban pun bertambah, dan tidak lagi berpatutan tetapi berlebih-lebihan. Masyarakat tidak dapat melepaskan diri daripadanya kerana mereka dikuasai oleh dan patuh kepada tuntutan adat kebiasaan mereka. Semua keuntungan membelenggu kehidupan mereka. Hanya sebilangan orang sahaja yang berkesanggupan untuk membeli barang-barang yang kedapatan itu. Peluang perniagaan menjadi kurang dan keadaan di kota pula mengalami kemundurannya. Sebabnya ini adalah oleh *hadlarah* yang keterlaluan dan kemewahan. Secara umumnya mereka telah mencemarkan kota dalam erti kata hubungannya dengan perniagaan dan peradaban.

Peribadi yang buruk sebagaimana dialami oleh penduduknya adalah akibat daripada jerih payah dan usaha berani mencuba

untuk memenuhi keperluan-keperluan yang ditimbulkan oleh kebiasaan hidup mewah; akibatnya daripada nilai-nilai buruk yang mereka peroleh di dalam proses memenuhi keperluan-keperluan tersebut; dan kerosakan yang telah menimpa jiwa setelah mereka memperolehinya. Tidak bermoral, berbuat jahat, tidak jujur dan tipu daya semata-mata untuk mendapatkan nafkah hidup sama ada halal atau tidak, meningkat di kalangan mereka. Jiwa itu terfikir untuk mencari penghidupan, mempelajarinya, dan menggunakan segala tipu daya yang termampu semata-mata untuk tujuan menipu. Mereka pun lebih pintar berbohong, berjudi, menipu, memalsukan, mencuri, bersumpah palsu, dan mengamalkan riba. Disebabkan mempunyai banyak keinginan dan kesenangan yang dirasai hasil daripada kemewahan, mereka didapati lebih mengetahui tentang cara-cara dan bentuk-bentuk yang tidak bermoral. Mereka berbicara secara terbuka mengenainya dan segala sebab penyebabnya, serta menyingkirkan semua yang mengekang pembicaraannya. Bahkan, di kalangan kaum kerabat dan perempuan-perempuan muhrim, di mana sikap badwiah menuntut adanya sopan santun, dan menghindarkan hal-hal yang cabul. Mereka juga mengetahui segala sesuatu mengenai pemalsuan dan penipuan, dan mereka menggunakannya untuk mempertahankan diri daripada kemungkinan penggunaan paksaan ke atas mereka, dan terhadap dendaan yang akan dikenakan di atas perilaku jahat tersebut. Akhirnya, ia menjadi suatu kebiasaan dan ciri-ciri bagi kebanyakan mereka, kecuali orang-orang yang dilindungi oleh Allah s.w.t.

Maka, kota itu pun dipenuhi dengan orang-orang yang berakhlak rendah. Mereka menghadapi tentangan daripada kalangan generasi muda yang ada di dalam dinasti itu yang mana pendidikan mereka telah diabaikan dan yang gagal diakui oleh dinasti. Mereka dengan demikian, menerapkan nilai daripada persekitaran dan pandangan, meskipun mereka daripada keturunan terhormat dan mulia. Manusia adalah insan-insan dan saling serupa menyerupai antara satu sama lain. Mereka adalah berbeza dalam hal kebaikan, dan dibezakan oleh sikap mereka, melalui penyerapan nilai-nilai dan menghindar segala yang kejahatan. Orang yang memiliki warna apa juga kejahatan dan peribadinya yang telah tercemar, tidak akan dapat dibantu oleh keturunannya yang baik-baik dan asal-usul yang suci bersih. Maka, boleh dilihat betapa pandainya orang-orang daripada yang mulia, atau mereka daripada asal-usul

yang disanjung tinggi, kerabat-kerabat diraja yang tercebur ke lembah maksiat dan terpaksa melakukan pekerjaan yang rendah darjahnya demi mencari nafkah hidup mereka, sebab perilaku mereka adalah sangat keji dan mereka cenderung berbuat kejahatan dan tidak jujur.

Sekiranya keadaan-keadaan semacam ini berlaku berleluasa di sesuatu bandar atau bangsa, Allah mengizinkan supaya ianya mengalami kehancuran dan kepupusannya.

Inilah yang dimaksudkan dengan firman-Nya:

> "Dan jika Kami hendak membinasakan sesuatu negeri, maka Kami perintahkan kepada orang-orang yang hidup mewah di negeri itu (supaya mentaati Allah) tetapi mereka melakukan kedurhakaan dalam negeri itu, maka sudah sepantasnya berlaku terhadapnya perkataan (ketentuan Kami), kemudian Kami hancurkan negeri itu sehancur-hancurnya".[12]

Suatu keterangan yang munasabah mengenai keadaan-keadaan ini ialah, bahawa keuntungan-keuntungan (yang dapat dibuat oleh mereka) ada tidak cukup untuk membayar apa yang menjadi keperluan mereka, sebab betapa jelasnya amalan hidup bermewah-mewah dan akibat nafsu besar, tenaga kurang. Maka, segala urusan rakyat jelata akan jadi kacau-bilau, dan sekiranya urusan-urusan individu-individu itu sudah tidak dapat dibereskan maka bandar itu akan mengalami kacau-bilau dan hancur.

Inilah maksud sebenar apa yang menjadi pernyataan beberapa orang bijak pandai, bahawa sekiranya pohon-pohon limau banyak ditanam di sesebuah bandar, bandar itu akan mengundang kehancurannya. Ramai orang kebanyakan bertindak tidak mahu menanam pokok-pokok limau di sekitar rumah mereka berdasarkan apa yang dinyatakan secara terus terang itu. Tetapi bukan itu yang dimaksudkan. Apa yang dimaksudkan ialah bahawa kebun dan perparitan adalah akibat daripada *hadlarah*. Pohon-pohon limau, pohon limau nipis, cemara, dan tanaman seumpamanya yang tidak boleh* dimakan dan tidak berguna adalah puncak kebudayaan tinggal menetap, sebab ia ditanam di

---

12 Al-Quran Karim, surah 17 (al-Isra') ayat 16.

* Inilah sebagaimana yang Ibn Khaldun katakan, tetapi oleh sebab pelbagai buah citrus itu boleh digunakan sebagai bahan makanan, ternyata memikirkan kekurangannya sebagai makanan asas.

halaman tidak lebih sebagai hiasan sahaja dan ditanam selepas cara-cara mendapatkan kemewahan dapat dipelbagaikan. Inilah peringkat di mana seseorang harus berasa gusar akan menimbulkan kehancuran dan keruntuhan terhadap sebuah bandar, sebagaimana telah kami sebutkan. Hal yang sama sebagaimana disebutkan tentang *oleander*, sesuatu yang berada di dalam kategori yang sama. Ia hanya bertujuan untuk memberi warna pada halaman dengan warna-warnanya yang merah dan putih. Dan inilah yang dimaksudkan kehidupan yang mewah.

Di antara hal-hal yang merosakkan *hadlarah* adalah terlalu menurut nafsu syahwat dan hidup bergelumang dengannya, sebab kemewahan yang lebih-lebihan. Ia hanya mendorong kepada pengisian selera dan nafsu yang pelbagai dalam hal bersangkutan dengan makan dan minum. Ia diikuti oleh kepelbagaian kepuasan seksual melalui pelbagai macam perhubungan jenis, seperti perzinaan dan homoseksual, *liwat*. Ia membawa kepada kehancuran zuriat. Ia boleh terhasil secara tidak langsung, sehinggakan berlaku kekeliruan zuriatnya melalui perzinaan itu. Tidak ada yang tahu putera-puteranya sebab ia adalah anak haram dan kerana benih (laki-laki yang berbeza) yang bercampur di dalam rahim. Perasaan kasih dan sayang yang semula jadi terhadap anak-anaknya dan perasaan tanggungjawabnya terhadap merela telah hilang. Maka anak mereka itu pun mati, dan ini membawa kepada berakhirnya zuriat itu. Atau, kebinasaan zuriat dapat berlaku secara langsung, sebagaimana yang terjadi dalam hal hubungan homoseks, yang secara langsungnya dapat membawa pada ketiadaan keturunan. Ini lebih mendorong kepada kehancuran zuriat berbanding dengan perzinaan sebab ia tidak menyebabkan adanya zuriat, sedangkan perzinaan hanya menyebabkan kepada ketiadaan secara sosial orang yang wujud itu. Dengan demikian, Mazhab Maliki adalah lebih terbuka dan tepat mengenai homoseks, *liwat* daripada mazhab-mazhab lainnya. Ini membuktikan bahawa mereka lebih memahami maksud dan sikap syariat dan kepentingan terhadap masyarakat umumnya (daripada mazhab-mazhab yang lain).

Ia harus difahami betul-betul. Ia membuktikan matlamat peradaban, adalah *hadlarah* dan kemewahan. Apabila peradaban mencapai matlamatnya dan ia berubah kepada pencemaran dan mulai mengalami kemerosotan sebagaimana dialami oleh makhluk yang hidup yang berlaku secara semula jadinya.

Malah, kami boleh nyatakan bahawa kualiti moral yang

dihasilkan daripada *hadlarah* dan kemewahan adalah serupa dengan penyelewengan. Sebab manusia tetap dikatakan manusia selagi dia berkemampuan untuk mendapatkan segala sesuatu yang berguna untuk dirinya sendiri dan berusaha menghindarkan segala yang merosakkan dan berusaha, waktunya disesuaikan untuk melakukan usaha yang sesuai dengannya. Orang-orang yang sudah menikmati kemajuan tidak berupaya secara bersendiriannya mengurusi keperluan hidupnya. Dia boleh jadi terlalu lemah disebabkan kesentosaan hidup yang dia nikmati. Atau dia boleh jadi terlalu bangga disebabkan dia dibesarkan dalam keadaan serba ada dan senang-lenang. Kedua-duanya adalah dapat dipersalahkan. Dia juga tidak berupaya menghindarkan diri daripada perkara-perkara yang merosakkan kerana dia tidak ada keberanian sebagai diakibatkan oleh kemewahan dan pengaruhan di bawah kesan pendidikan dan pengajaran. Dia dengan demikian menjadi terlalu bergantung kepada kekuatan yang dapat melindunginya untuk mempertahankan dirinya. Kemudiannya dia sudah terpesong daripada lunas-lunas agamanya. Adat dan kebiasaan serta ketaatannya kepada hidup yang serba mewah telah merosakkan dirinya, dan jiwanya telah ditanam oleh perilaku hidup mewah, sebagaimana telah kami nyatakan. Apa yang ada hanyalah kekecualian yang jarang terjadi.

Apabila kekuatan seseorang insan itu dan kemudian peribadinya serta agamanya telah dicemarkan maka kemanusiaannya juga telah turut tercemar dan dia mendapati, sebenarnya menjadi binatang. Dalam ungkapan inilah bahawa askar-askar kerajaan yang terdidik dalam kehidupan badwiah dan kepayahan hidup adalah lebih bermanfaat daripada orang-orang terdidik di dalam kebudayaan tinggal menetap dan telah menyerap sifat-sifat pembawaan itu. Hal ini dapat ditemui pada setiap dinasti. Dan sudah jelaslah bahawa *hadlarah* merupakan titik penamat dalam peringkat peradaban dan dinasti-dinasti.

Dan Allah – Maha Suci Maha Tinggi – "Setiap waktu dalam kesibukan".[13]

---

13 Al-Quran Karim surah 55 (ar-Rahman) ayat 29.

19 Kota-kota yang dijadikan tempat bersemayamnya raja akan ditawan apabila kerajaan yang memerintah dapat dikalahkan dan dibinasakan

Kita telah menemui sesuatu yang ada hubungannya dengan peradaban, yakni apabila dinasti itu mengalami perpecahan dan dapat digulingkan peradaban di kota itu yang merupakan tempat bersemayamnya raja juga hancur, dan selalunya suatu keruntuhan yang amat teruk. Apa yang berlaku itu berlaku juga tanpa dapat ditangguh-tangguhkan lagi. Sebab-sebabnya ialah:

Pertama: Pada awal dinasti, pandangan badwiah yang harus ada menuntut supaya mereka tidak merampas apa yang menjadi hak manusia lain dan tidak menunjuk-nunjuk terlalu pandai. Hal ini yang menyebabkan cukai dan bayaran wajib, yakni daripadanya dinasti dapat ditegakkan tidak dapat dilakukan kalau adapun terlalu rendah. Perbelanjaan adalah terlalu sedikit, dan kemewahannya adalah terbatas. Apabila sesebuah kota tempat bersemayamnya raja mengambil alih kekuasaan kerajaan yang baru itu yang memiliki kemewahan yang terhad, maka kemewahan itu tidak tersebar luas di kalangan penduduknya, sebab rakyat jelata menteladani ketua negara itu. Mereka mencontohkan apa yang menjadi tatasusila negara, baik secara rela mahupun secara terpaksa. Sebab, adalah sikap manusia yang semula jadi untuk mengikut amalan tradisi orang-orang tuanya. Atau secara tidak berapa rela, adalah menjadi tatasusila negara yang menghalang adanya kemegahan dalam hal apa pun dan tidak menggalakkan berlakunya perbuatan mencari untung, apa yang kelak membentuk peradaban hidup mewah. Akibatnya, *hadlarah* kota menurun, dan banyak kebiasaan hidup mewah lenyap daripadanya. Inilah apa yang kami maksudkan dengan keruntuhan sebuah kota.

Kedua: Kedaulatan dan kekuasaan hanya dicapai oleh dinasti yang telah menunjukkan kebolehannya, sesuatu yang dicetuskan daripada persengketaan dan peperangan. Persengketaan adalah disebabkan oleh perasaan tidak serasi di antara penduduk kedua-dua dinasti dan tidak sefaham dalam hal kebiasaan dan keadaan hidup mereka. Kemenangan salah satu di antara kedua-duanya hanya mengakibatkan kehancuran kepada yang lain. Maka, keadaan-keadaan yang diwujudkan oleh dinasti yang lalu, khususnya mengenai kemewahan adalah disangkal dan dianggap pembawa kepada keburukan oleh orang-orang dinasti yang baru

itu. Semuanya itu lenyap kerana dinasti yang baru menolaknya sama sekali. Akhirnya secara bertahap-tahap lahirlah suatu kebiasaan hidup mewah yang baru di kalangan mereka. Mereka menciptakan kebudayaan hidup menetap yang baru. Masa di antara kedua-duanya itu memperlihatkan suatu kemerosotan dan pengurangan kebudayaan tinggal menetap yang pertama tadi. Inilah yang dimaksudkan dengan perpecahan peradaban di sesebuah kota.

Ketiga: Setiap bangsa itu harus memiliki kampung halaman, tempat di mana ia tumbuh, dan tempat bermulanya kerajaan. Apabila rakyatnya menguasai kampung halaman yang lain, yang menguasai tadi diletakkan pada tahap kedua di bawah yang pertama, dan kota-kotanya berada pada darjat kedua berbanding dengan yang pertama. Apabila kekuasan kerajaan itu dikembangkan dan pengaruhnya tersebar luas, adalah suatu yang tidak dapat dihindarkan ialah bahawa pusat pemerintahan akan diwujudkan di tengah daerah-daerah yang berada di bawah kekuasaan dinasti, sebab ia merupakan semacam pusat bagi keseluruhan daerah tadi. Maka pusat kerajaan yang baru itu berada amat jauh dari pusat kerajaan yang terdahulu. Hati dan perasaan rakyat lebih terdorong kepada pusat kerajaan yang baru kerana dinasti dan kerajaan adalah terpusatkan di sana. Penduduk-penduduknya pun pindah ke sana, dan lenyap secara perlahan-lahan dari kota yang merupakan pusat kerajaan yang pertama. Dan kebudayaan tinggal tetap itu adalah bergantung kepada jumlah penduduknya. Dengan perpindahan penduduk, kebudayaan tinggal tetap dan kebudayaan bandar dari pusat pemerintahan yang pertama, maka kedudukan yang pertama mengalami kemerosotan. Inilah yang dimaksudkan dengan perpecahan.

Inilah sebagaimana yang terjadi terhadap orang-orang Saljuk, ketika mereka berpindah dari pusat pemerintahan di Baghdad ke Isfahan; terhadap bangsa Arab sebelum mereka apabila berpindah dari al-Madain ke Kufah dan ke Basrah; dan Bani Abbasiyah apabila mereka berpindah dari Damaskus ke Baghdad, Bani Marin di Maghribi ketika mereka pindah dari Marakesy ke Fez. Secara umumnya, apabila sesebuah kerajaan memilih sebuah kota untuk dijadikan pusat pemerintahannya, maka ini akan menyebabkan berlakunya perpecahan peradaban terhadap pemerintahan yang lampau.

Keempat: Apabila dinasti yang baru telah berjaya mengalahkan dinasti yang lama, ia harus berusaha memindahkan orang-

orang dan para ahli di dalam kerajaan yang lampau itu ke daerah lain, sebuah tempat di mana dapat dipastikan mereka itu tidak secara sulitnya akan menentang kerajaan. Kebanyakan penduduk kota adalah para ahli kerajaan yang berkuasa. Mereka itu terdiri sama ada daripada kalangan militia yang tinggal di sana pada permulaan dinasti atau orang-orang yang masyhur. Kesemua kelas dan jenis itu memiliki hubungan langsung dengan dinasti. Bahkan kebanyakan daripada mereka itu telah dibesarkan di dalam dinasti itu dan merupakan *partisan*nya. Meskipun mereka tidak ada kaitan dengan dinasti melalui kuasa *syawkah*, dan perasaan kekitaan, *ashabiyah*, mereka terhubung oleh perasaan-perasaan ada kepentingan, cinta, dan akidah. Adalah menjadi sifat semula jadi bagi setiap dinasti segala yang ada kena-mengenanya dengan dinasti yang lalu. Maka, dipindahkan penduduknya dari ibu kota itu ke kampung halamannya sendiri yang tentunya dia benar-benar dapat menguasainya. Sebilangan daripada mereka dibawa ke sana sebagai orang buangan dan tawanan, sebahagian lagi dihormati dan diperlakukan sebagai tetamu yang dikasihi, maka timbul perasaan bermusuhan. Akhirnya, ibu kota di dalam negara kerajaan yang lampau cuma didiami oleh pedagang, buruh-buruh tani yang mengambil upah dan penyangak-penyangak serta sebilangan besar masyarakat awam. Kedudukan para penduduk yang dipindahkan itu telah diambil oleh golongan militia dan *partisan* dinasti baru. Bilangan mereka adalah cukup untuk memenuhi kota itu. Apabila berbagai-bagai kelas orang-orang terkemuka telah meninggalkan kota maka penduduknya akan berkurangan. Inilah sebagaimana yang dimaksud dengan perpecahan peradaban di sesebuah kota itu.

Kemudian, ibu kota dinasti yang lampau itu pasti mewujudkan suatu peradaban lain di bawah naungan dinasti yang baru. Suatu kebudayaan tinggal tetap yang lain muncul sesuai dengan kepentingan dinasti yang baru itu. Hal ini dapatlah dibuat suatu perbandingan tentang seseorang yang memiliki sebuah rumah tetapi di bahagian dalamnya telah mengalami banyak kerosakan. Kebanyakan peralatan dan alat kemudahan di kamar itu tidak lagi sesuai dengan segala apa yang difikirkan. Dia memiliki kuasa untuk mengubah segala peralatan ini dan membina kembali kesemuanya itu, sesuai dengan kehendak dan rancangannya. Maka dia akan merobohkan rumah itu dan mendirikannya semula. Banyak hal semacam ini terjadi di kota-kota yang merupakan pusat

pemerintahan. Kita telah menyaksikan dan mengetahuinya.

Kesimpulannya, sebab semula jadi bagi keadaan ini adalah, bahawa dinasti dan kedaulatan itu memiliki hubungan yang sama terhadap peradaban sebagaimana hubungan bentuk dengan benda. Bentuk adalah apa yang ada yang menjaga kewujudan benda melalui jenis fenomena yang diwakilinya. Suatu yang telah dimantapkan dalam ilmu-ilmu falsafah bahawa ianya tidak dapat diceraipisahkan daripada yang lain. Kita sungguh tidak dapat membayangkan peradaban tanpa wujudnya sebuah negara. Kedaulatan adalah mustahil sebab manusia haruslah secara semula jadinya bantu-membantu, dan ini menuntut adanya pengaruh yang mengekang, *wazi*. Maka kepemimpinan politik, yang didasarkan atas kekuasaan syariat atau raja adalah suatu yang tidak dapat ditiadakan. Inilah yang dimaksudkan dengan dinasti. Oleh sebab kedua-duanya tidak dapat dicerai-beraikan, maka perpecahan salah satunya akan mempengaruhi yang lainnya, sebagaimana ketiadaan yang satu akan menyebabkan ketiadaan yang lainnya pula.

Suatu perpecahan besar hanya akan terjadi sebagai akibat perpecahan dinasti seluruhnya. Inilah sepertimana yang telah berlaku kepada dinasti Romawi atau Parsi, atau Arab secara umum, atau juga Bani Umaiyah dan Bani Abbas. Pemerintahan individu tertentu, seperti pemerintahan Ausyarwan, Heraklius, Abdul Malik bin Marwan, atau ar-Rasyid, tidak dapat melakukan pengaruh menghancurkannya sekaligus. Individu-individu itu silih-berganti, dan mengambil alih peradaban yang ada. Mereka mengekalkan kewujudan dan jangka waktu itu, dan mereka amat bersamaan antara satu dengan yang lainnya. Dinasti yang sebenar, dinasti yang bertindak dalam hal-hal yang menyangkuti peradaban adalah menjadi hak kepada perasaan kekitaan dan kuasa. Ia berada pada ahli-ahli dinasti itu. Tetapi apabila perasaan kekitaan telah lenyap dan digantikan oleh perasaan kekitaan yang lainnya, maka suatu kehancuran besar pun terjadilah.

Allah Maha Suci, Maha Tinggi, dan lebih Mengetahui.

20 Kota-kota tertentu memiliki kemahiran dan yang lain pula tidak

Hal ini adalah disebabkan oleh suatu yang jelas. Bahawa kegiatan penduduk-penduduk di sebuah kota adalah melengkapkan satu

dengan yang lainnya. Kerana kerja saling bersama adalah suatu yang sedia terwujud dalam peradaban. Kegiatan kerja yang diperlukan adalah dikhususkan kepada penduduk tertentu di kota itu. Mereka adalah bertanggungjawab untuk mengurusi dan menjadi amat mahir dengan kerajinan yang menjadi hak mereka. Kegiatan-kegiatan itu menjadi suatu pekerjaan yang khusus kepada mereka. Mereka mendapat nafkah hidup melalui cara itu, dan memperoleh makanan melalui mereka, sebab secara umum hal ini menyangkut persoalan umum di kota dan diperlukan secara amnya. Sebaliknya, kegiatan yang tidak diperlukan di kota adalah tidak dihiraukan, sebab ia tidak membawa apa-apa keuntungan kepada orang yang melakukannya.

Kegiatan-kegiatan yang diperlukan untuk memenuhi tuntutan hidup, seperti tukang-tukang jahit, tukang-tukang besi, tukang-tukang kayu, dan usaha kerja yang seumpama itu terdapat di setiap kota. Tetapi, kegiatan, yang diperlukan untuk kebiasaan dan keadaan hidup mewah hanya terdapat di kota-kota yang memiliki kebudayaan tinggi, yang sudah menyerapkan kebiasaan hidup mewah, dan kebudayaan tinggal menetap. Di antara kegiatan kerja itu ialah seperti, tukang kaca, tukang emas, pembuat minyak wangi, tukang masak, pandai tembaga, pembuat roti, penenun broked, dan lain sebagainya. Semua kegiatan ini wujud dalam bentuk yang berbeza. Sesuai dengan meningkatnya kebiasaan tinggal menetap dan keperluan akan kemewahan, maka muncul pula keahlian untuk memenuhi tuntutan kemewahan ini. Kemahiran itu wujud dalam kota-kota tertentu sahaja dan tidak di tempat lain.

Tempat mandi umum adalah termasuk ke dalam kategori ini: Ia hanya terdapat di kota-kota yang penduduknya padat dan dengan peradaban yang tinggi sebagai suatu yang diakibatkan oleh kemewahan dan kekayaan. Dengan demikian, tempat mandi awam tidak terdapat di bandar-bandar yang sederhana besarnya. Adalah sesuatu yang benar di mana beberapa raja dan pemimpin ingin memiliki tempat permandian yang sederhana di kota-kota yang sederhana besarnya. Mereka membinanya dan membuatkannya boleh digunakan. Namun, oleh sebab ia tidak berdasarkan permintaan rakyat seluruhnya, kesemuanya itu akhirnya terbiar dan hancur. Mereka yang bertanggungjawab mengurusinya segera meninggalkannya, kerana ia sedikit pun tidak mendatangkan keuntungan dan hasil pendapatan.

21 Kewujudan perasaan kekitaan di kota-kota, dan kehebatan sebahagian penduduknya terhadap yang lain-lainnya

Adalah suatu yang cukup jelas, bahawa sesuatu yang semula jadi bagi setiap manusia ialah untuk saling berhubung sesama mereka. Meskipun mereka bukannya daripada keturunan yang sama. Tetapi hubungan itu adalah lebih lemah daripada sesuatu yang didasarkan atas keturunan yang sama dan perasaan kekitaan juga akan lebih lemah lagi. Ramai penduduk-penduduk kota yang mewujudkan pertalian persaudaraan melalui perkahwinan campur. Perkahwinan berbilang bangsa seperti ini dapat mendekatkan mereka dan akhirnya, mereka merupakan individu-individu yang ada hubungan dengan kumpulan. Persaudaraan dan permusuhan sebagaimana yang terdapat pada suku-suku dan keluarga-keluarga dapat ditemui di kalangan mereka, dan mereka berpecah-pecah menjadi kelompok-kelompok dan kumpulan-kumpulan.

Apabila kuasa sesebuah dinasti telah merosot dengan teruk dan pengaruh mereka mula terkikis dari daerah-daerahnya yang terlalu jauh, maka penduduk kota itu pun bertindak menjaga keperluan masing-masing. Maka mereka kembali kepada bermusyawarah, dan orang-orang golongan elit ternyata berbeza dengan golongan bawahan. Dan jiwa manusia, sebagaimana sifat semula jadinya amat cenderung kepada sikap menguasai dan berkuasa. Disebabkan suasana itu mendorong kepada ketegasan pemerintahan dan negara, maka orang-orang yang lebih kanan pun menyimpan hasrat untuk memainkan peranan yang lebih menonjol. Setiap daripada mereka sering bersaing dengan lainnya dalam hal ini. Mereka melakukan 'politiking' dan mendapatkan pengikut-pengikut seperti para *mawla*, pengampu, dan sekutu-sekutu untuk menyertai mereka. Mereka sedia membelanjakan segala apa yang mereka miliki untuk memenangi hati rakyat jelata dan penyokong-penyokong. Setiap orang menubuhkan kumpulannya, dan salah seorang di antara mereka pun mendapat kuasa. Dia kemudiannya menentang orang-orang yang setara dengannya dan menjatuhi hukuman ke atas mereka sama ada dibunuh atau dibuang negeri. Akhirnya dia merampas semua kekuasaan eksekutif yang ada pada mereka, dan mereka pun menjadi tiada bertaring lagi. Seluruh kota itu jatuh kepada kekuasaannya. Lantas dia berpendapat bahawa dia telah mendirikan sebuah kerajaan besar yang boleh diwariskan kepada keturunannya. Dan, gejala-gejala keruntuhan yang terda-

pat di dalam mana-mana kerajaan yang berkuasa juga kedapatan pada kerajaan-kerajaan yang kecil itu.

Kadang kala ada sebahagian daripada mereka yang meniru apa yang dilakukan oleh raja-raja yang agung yang menjadi ketua-ketua suku, dan keluarga serta perasaan kekitaan, orang-orang yang sama-sama ke medan tempur dan melakukan peperangan, dan yang menguasai daerah-daerah yang luas serta wilayahnya. Mereka pun meniru kebudayaan misalnya, duduk bersemayam di atas tahta. Mereka memakai pakaian kebesaran, mengaturkan supaya ada pasukan berkuda untuk menjelajah pelosok daerah yang berada di bawah naungannya, menggunakan cap mohor, dihormat dengan yang difikirkan sewajarnya dan disapa dengan sebutan 'Yang Maha Mulia Duli Tuanku', yang sesungguhnya sesuatu yang tidak munasabah pada pandangan orang yang dapat melihat kewajarannya. Mereka menggunakan lambang-lambang kebesaran kerajaan yang pada hakikatnya bukan hak mereka. Mereka dipaksa melakukan segala-gala yang tidak sepatutnya itu disebabkan oleh merosotnya pengaruh kerajaan yang berkuasa dan terjalinnya hubungan-hubungan akrab yang mereka bentuk sehingga akhirnya melahirkan tertanamnya perasaan kekitaan itu. Sebaliknya, ada pula sebahagian daripada mereka yang menghindarkan diri daripada bertingkah laku yang tidak wajar itu dan hidup secara sederhana, kerana mereka tidak ingin menjadi sasaran persendaan dan tertawaan orang.

Hal ini terjadi di Ifriqiyah pada masa kini di akhir kedaulatan Bani Hafs, terhadap penduduk daerah-daerah di Jarid, yang mencakup Tripoli, Gebes, Tozeur, Nafta, Gafsa, Biskra, Zab, dan kawasan yang berhampiran dengannya. Mereka memperolehi aspirasi semacam itu bermula dengan kemerosotan pengaruh kerajaan selama beberapa dekad. Mereka telah merampas kuasa di kota-kota berkenaan dan berkuasa penuh ke atas Badan Perundangan dan Pentadbiran Cukai. Mereka memberikan sedikit ketaatan kepada kerajaan yang berkuasa dan memperlakukannya dengan sopan santun, timbang rasa, dan tolak ansur. Namun, mereka sebenarnya tidak mematuhi sebagaimana yang difikirkan. Mereka mewariskan kedudukan mereka kepada anak cucu mereka, yang hidup pada masa ini. Di antara pengganti-pengganti itu, ada yang bersikap kejam dan menyebabkan banyak kecelakaan. Mereka berpendapat bahawa mereka ada setara dengan raja-raja yang sebenarnya, menyalahi hakikat bahawa mereka hanyalah

seorang rakyat biasa. Sehingga Maulana Amirul Mukminin Abul Abbas menghapuskannya serta merampas kedudukan warisan itu daripada mereka, sebagaimana yang disebutkan di dalam sejarah mengenai dinasti. Hal yang sama terjadi pada akhir dinasti Sanhajah. Penduduknya telah bersatu di kota-kota Jarid dan mereka bertindak ke atas kerajaan hingga Abdul Mukmin Ibn Ali – syekh dan raja Bani Muwahiddun – merampas semuanya itu daripada mereka dan memindahkan mereka semua dari daerah kekuasaan mereka ke Maghribi, dan dia hapus sisa-sisa peninggalan mereka dari negeri itu, sebagaimana kami sebutkan di dalam sejarahnya. Demikian pula yang terjadi dengan Sabtah pada akhir Dinasti Bani Abdul Mukmin.

Sebagaimana biasanya, pucuk pimpinan seperti itu berada di tangan anggota-anggota dari keluarga yang disegani dan golongan bangsawan, yang layak dilantik untuk memegang jabatan sebagai ketua dan pemimpinan di sebuah kota. Ada kalanya ia diketuai oleh orang-orang tertentu daripada kalangan rakyat jelata. Mereka ditakdirkan memperolehi sokongan. Lantas, dia pun dapat menguasai ketua-ketua dan kalangan-kalangan atasan apabila mereka telah kehilangan sokongan daripada golongan mereka sendiri.

Allah Yang Maha Suci dan Maha Tinggi serta menguasai segala yang menjadi urusan-Nya.

22 **Dialek-dialek penduduk bandar**

Dialek-dialek penduduk bandar adalah mengikuti bahasa bangsa atau kaum yang menguasai bandar itu, atau yang telah mengasaskannya. Dengan demikian, dialek-dialek yang dituturkan di semua kota Islam di Timur dan Barat pada masa ini adalah Arabiah, meskipun kebiasaan bahasa Arab klasik telah tercemar, dan *i'rab*nya telah berubah. Sebabnya ialah kerana dinasti Islamiah itu telah berkuasa ke atas bangsa-bangsa asing. Agama dan organisasi keagamaan, *millah* menjadi bentuk bagi kewujudan dan kedaulatan agama. Bentuk adalah mendahului isi. Dan agama adalah diperoleh dari syariat, yang mana ianya adalah berbahasa Arab, sebab nabi – semoga selawat dan salam dilimpahkan padanya – adalah seorang berbangsa Arab. Maka, adalah penting untuk menghindari penggunaan bahasa lain selain bahasa Arab di semua daerah-daerah yang dikuasai oleh Islam.

Hal tersebut dapat diteliti daripada tindakan Umar yang melarang penggunaan pepatah-pepatah yang digunakan di kalangan bukan Arab. Oleh sebab Islam tidak menggalakkan penggunaan dialek bukan Arab, dan bahasa yang digunakan oleh penyokong-penyokong kerajaan Islam adalah bahasa Arab, dialek itu sama sekali tidak digunakan di semua wilayahnya, sebab rakyat telah menteladani pemerintah dan mematuhi cara-caranya. Penggunaan bahasa Arab menjadi sebuah simbol Islam dan simbol kepatuhan terhadap bangsa Arab. Bangsa-bangsa lain tidak menggunakan dialek dan bahasa mereka sendiri di semua kota dan wilayah, dan bahasa Arab itu menjadi bahasa mereka. Akhirnya ia menjadi bahasa perantaraan di seluruh kota besar dan kota kecil mereka. Bahasa-bahasa bukan Arab seolah-seolah bahasa yang dibawa masuk dan terasa asing di situ.

Bahasa Arab kemudiannya mengalami pencemaran oleh adanya hubungan dengan bahasa-bahasa asing pada sebahagian tatabahasanya dan melalui adanya perubahan pada akhiran-akhiran kata, meskipun secara semantik ianya tidak mengalami perubahan. Bahasa Arab semacam ini disebut 'bahasa masyarakat yang maju', dan digunakan di seluruh kota Islam.

Tambahan pula, kebanyakan penduduk kota-kota Islam pada masa ini adalah keturunan-keturunan Arab yang berkuasa di kota-kota ini, dan tenggelam dalam kemewahannya. Bilangan mereka adalah melebihi bilangan orang-orang bukan Arab yang tinggal di situ, dan mewarisi tanah dan negeri mereka. Dan bahasa-bahasa adalah diwariskan. Maka, bahasa yang dituturkan oleh anak cucunya itu adalah hampir dengan bahasa nenek moyang mereka meskipun tatabahasanya dalam beberapa tahap telah mengalami pencemaran sebab adanya hubungan langsung dengan orang-orang bukan Arab. Ia disebut 'maju', *hadlariy*, dengan merujuk kepada penduduk-penduduk yang tinggal di daerah-daerah dan kota-kota, berbeza dengan bahasa Arab Badwi, yang telah sebati dengan Arabisme, *'arubiyyah'*.

Apabila orang-orang bukan Arab menjadi raja-raja di Dailam, dan Saljuqiyah di Timur, dan menguasai Zenatah dan Barbar di Maghribi, dan mereka telah memperoleh kedaulatan dan kekuasaan atas seluruh kerajaan Islam, kesan kepada bahasa Arab ialah suatu pencemaran bahasa. Dan ia hampir lenyap kalau tidak ada perhatian kaum Muslimin terhadap al-Quran dan Sunnah, hanya melalui kedua-duanya sahaja Islam itu dapat dipelihara.

Kesedaran ini menjadi suatu elemen yang menyokong pengekalan dialek-dialek 'maju' yang digunakan di bandar-bandar. Tetapi, setelah bangsa Tartar dan Mongol, yang mana mereka adalah orang bukan Islam, menjadi raja-raja di Timur, elemen-elemen yang menyokong bahasa Arab dan bahasa Arab telah pupus sama sekali. Tidak terdapat tanda-tanda di wilayah-wilayah Islam: Iraq bukan Arab, Khurasan, Parsi Selatan, India Barat dan Timur, Transoxania, negeri-negeri utara, dan Anatolia. Gaya syair dan pembicaraan Arab telah lenyap, yang kekal hanya sedikit. Arahan di dalam (apa yang dalam Bahasa Arab dikenali) adalah suatu yang teknikal menggunakan peraturan-peraturan yang dipelajari dari sains-sains Arab dan melalui cara menghafaz pembicaraan mereka. Ia adalah terhad kepada mereka yang diberikan Allah suatu bakat. Mungkin bahasa Arab Mudhar itu masih kekal di Mesir, Andalusia, dan Maghribi, kerana Islam itu masih bertahan dan diperlukan. Dengan demikian, ia dapat dipelihara dalam beberapa peringkatnya. Tetapi di wilayah-wilayah Iraq bukan Arab dan melampau ke sebelah Timur, tidak ada kesan sisa atau sumber bahasa Arab yang masih kekal. Hinggakan buku-buku ilmu pengetahuan telah ditulis dalam bahasa bukan Arab (Parsi). Ia juga digunakan untuk mengajarkan bahasa Arab.

Allah lebih Mengetahui yang benar.

---

* Terjemahan berpandukan teks edisi bahasa Inggeris. Suntingan didasarkan pada teks edisi bahasa Indonesia iaitu terjemahan daripada edisi Arab/Inggeris.

[*] Teks 'gugur' edisi bahasa Indonesia/Inggeris dikekalkan – Editor.

BAB LIMA

TENTANG PELBAGAI ASPEK MENCARI PENGHIDUPAN, SEPERTI KEUNTUNGAN DAN PERTUKANGAN. SEGALA EHWAL YANG TERJADI SEHUBUNGAN DENGAN BEBERAPA PERSOALAN YANG BERKAITAN

1 Erti sebenar dan penjelasan tentang makanan dan keuntungan. Keuntungan adalah nilai yang timbul hasil daripada kerja yang dilakukan oleh manusia

MANUSIA secara semula jadinya memerlukan sesuatu untuk mengenyangkannya, dan untuk memberikan dirinya dalam semua keadaan dan tahapan kehidupannya sejak dia dilahirkan hinggalah dewasa dan di hari tuanya.

> "Allah Maha Kaya dan kalian adalah orang-orang kafir".[1]

Dan Allah Maha Suci Dia telah Menciptakan segala sesuatu yang terdapat di dunia untuk manusia dan memberikannya kepadanya, sebagaimana disebutkan di dalam beberapa ayat al-Quran. Firman-Nya:

> "Dan Dia menunjukkan untukmu apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi semuanya, (sebagai suatu rahmat) daripada-Nya".[2]
> "Allahlah yang menunjukkan lautan untukmu".[3]

---

* Terjemahan berpandukan teks edisi bahasa Inggeris. Suntingan didasarkan pada teks edisi bahasa Indonesia iaitu terjemahan daripada edisi Arab/Inggeris.

[*] Teks 'gugur' edisi bahasa Indonesia/Inggeris dikekalkan – Editor.

1 Al-Quran surah 47 (Muhammad) ayat 38.

2 Al-Quran surah 45 (al-Jatsiyah) ayat 13.

3 Al-Quran surah 45 (al-Jastsiyah) ayat 12.

"Menunjukkan angkasa, *fulk*",[4]
"Menunjukkan bintang untukmu",[5]

... dan banyak dari bukti-bukti (kebesaran-Nya). Tangan manusia terhampar atas alam seluruhnya dan segala sesuatu yang terdapat di dalamnya, di mana Allah membuat manusia sebagai wakil-Nya, *khalifah* di atas bumi.

Dan manusia mempunyai bahagian dari segala sesuatu yang ada di dunia ini. Tetapi, sekali seseorang telah memiliki suatu barang, maka orang lain tidak boleh mengambil barang itu melainkan dia harus memberikan sesuatu yang sama nilainya sebagai gantinya. Oleh sebab itu, bila orang sudah mempunyai kekuatan yang cukup, maka dia akan berusaha untuk mendapat penghasilan supaya penghasilan yang diberikan kepadanya oleh Tuhan itu dikeluarkan untuk memperoleh keperluan dan kepentingan hidupnya melalui dagang tukar-menukar. Firman Allah

"Dan carilah rezeki dari sisi Allah."[6]

Manusia boleh mendapat sesuatu keuntungan yang bukan dengan usahanya sendiri, seperti contoh hujan yang menyuburkan tanam-tanaman, dan lain-lain seumpamanya. Tetapi, semuanya itu hanyalah suatu sumbangan sahaja. Dia harus menyertakan usahanya dengan kesemuanya tadi. Keuntungan-keuntungan itu akan menjadi sumber penghidupannya sekiranya ia sesuai dengan keperluan dan kemahuannya. Segala apa yang diperoleh akan menjadi modal terkumpul, sekiranya ia adalah lebih besar daripada keperluannya. Bila sesuatu diperolehi atau keuntungan yang dikumpulkan itu dimanfaatkan oleh sebilangan manusia dan dia menikmati hasil usahanya dengan membelanjakannya kepada apa yang menjadi kepentingan dan keperluannya, ia akan disebut 'rezeki'.

Sabda Nabi Muhammad – semoga selawat dan salam dilimpahi ke atasnya

---

4 Al-Quran surah 14 (Ibrahim) ayat 32.

5 Ini bukan ayat al-Quran. Ayat-ayat yang menunjukkan ditundukkannya binatang bagi manusia, lihat al-Nahl ayat 5–8; Yasin ayat 71–73; at-Taubah ayat 79.

6 Al-Quran surah 29 (al-Ankabut) ayat 17.

> "Sesungguhnya yang kamu miliki dari harta kamu adalah apa yang telah kamu makan maka kamu lenyapkan, atau apa yang kamu pakai maka kamu pedulikan, atau apa yang kamu sedekahkan maka kamu tinggalkan berlalu (dari dunia)".

Apabila seseorang itu tidak membelanjakan pendapatannya untuk membiayai apa-apa kemahuan dan keperluannya, pendapatan itu tidak disebut 'rezeki'. Sebahagian daripada hasil pendapatan yang diperolehi oleh seseorang melalui hasil usahanya dan tenaganya ia disebut 'keuntungan'. Sebagai contoh, harta yang ditinggalkan oleh orang yang telah meninggal adalah disebut sebagai 'keuntungan' dalam hubungannya dengan orang yang telah mati. Ia tidak disebut 'rezeki' sebabnya, ia tidak dimanfaatkan. Tetapi dalam hubungannya dengan waris bila mereka menggunakannya, maka ia disebut 'rezeki'. Inilah hakikat 'rezeki' menurut *ahlus-Sunnah.*

Dalam memberinya nama *rezeki,* Mu'tazilah menentukan syarat bahawa barang itu harus sah pemilikannya. Menurut mereka, bila barang itu tidak sah pemilikannya, ia tidak disebut rezeki. Mereka melepaskan barang-barang yang di*ghashab*, dipinjam tanpa izin, serta barang-barang yang diperoleh secara haram. Dan Allah s.w.t. memberi rezeki kepada orang yang melakukan *ghashab*, orang zalim, orang yang beriman, dan orang kafir. Dia secara khusus memberikan rahmat dan petunjuk-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dalam hal ini, kaum Mu'tazilah memiliki alasan, tetapi bukan di sini tempat untuk memaparkannya.

Ia harus diketahui bahawa keuntungan itu adalah diperolehi daripada usaha untuk mendapatkan sesuatu barang dan adanya hasrat untuk memilikinya. Maka rezeki itu haruslah dengan usaha dan pekerjaan. Usaha untuk memperoleh rezeki adalah sebagaimana ditetapkan oleh Allah s.w.t. dan kemahuannya. Firman Allah:

> "Maka mintalah rezeki itu di sisi Allah".[7]

Segala sesuatu itu adalah berasal daripada Allah. Tetapi, keringat adalah sesuatu yang harus demi mendapatkan keuntungan dan penumpuan modal. Apabila (sumber untung) adalah pekerjaan, sebagai contoh, kegiatan pertukangan, ianya akan menjadi

---

7 Al-Quran surah 29 (al-Ankabut) ayat 17.

jelas. Apabila sumber keuntungan ialah hasil pertanian, ternakan atau galian, hasil usaha masih menjadi sesuatu yang perlu. Tanpanya, tiada apa-apa keuntungan yang boleh didapati dan tiada apa-apa hasil yang berguna.

Tambahan pula, Allah s.w.t. telah menciptakan dua jenis logam iaitu emas dan perak, sebagai ukuran nilai bagi semua pengumpulan modal. Ianya, penduduk dunia, mengikut pilihan, menganggapnya sebagai harta dan kekayaan. Meskipun, apabila berada dalam keadaan-keadaan yang tertentu, barang-barang lain dikehendaki, ia tidak lain daripada mencapai tujuan yang pada matlamatnya adalah untuk memperoleh emas dan perak. Semua barang-barang lain adalah terdedah kepada turun naik harta pasaran, emas dan perak adalah terkecuali. Emas dan perak menjadi dasar keuntungan, harta, dan kekayaan.

Sekiranya kesemua ini sudah dapat dimantapkan, suatu yang harus diketahui ialah modal yang didapatkan dan diperolehi oleh seseorang, sekiranya ia diperolehi daripada pertukangan, adalah nilai yang diperolehi daripada hasil usahanya. Inilah yang dimaksudkan dengan 'modal yang diperolehi'. Tiada sesuatu di sini (tulen) kecuali keringat, dan ianya tidak sendirinya dikehendaki sebagai modal yang dicari, tetapi, sebagai nilai yang dapat ditimbulkan daripadanya.

Beberapa jenis pertukangan adalah dihubungkaitkan sebahagiannya dengan yang lain. Sebagai contohnya, pertukangan kayu dan sulaman adalah dikaitkan dengan perkayuan dan tenun-menenun. Sesungguhnya, dalam kedua-dua kerja tangan itu, tenaga buruh adalah lebih penting daripada bahan mentahnya, kerana nilainya adalah lebih utama.

Sekiranya keuntungan adalah diakibatkan daripada sesuatu selain daripada kerja tangan, nilai yang dibangkitkan daripada keuntungan dan modal yang diperolehi haruslah mengambil kira tenaga di mana ianya diperolehi. Tanpa usaha buruh, ia tidak dapat diperolehi.

Dalam banyak hal perkongsian buruh (di dalam keuntungan) adalah sesuatu yang amat jelas sekali. Sebahagian daripada nilainya, sama ada besar atau pun kecil, adalah dibangkitkan oleh tenaga buruh itu. Bahagian buruh boleh dilindungi. Hal ini adalah sebagai contohnya harga barang makanan. Buruh dan perbelanjaan yang termasuk ke dalamnya diperlihatkan melalui harga biji-bijian. Tetapi ianya adalah barang-barang yang terlindung di

daerah-daerah di mana perladangan tidak dilakukan sungguh-sungguh dan tidak banyak peralatan.

Adalah suatu yang jelas bahawa keuntungan dan untung secara keseluruhannya atau pada keseluruhannya, adalah nilai yang digambarkan melalui buruh manusia. Erti perkataan 'rezeki' dengan demikian menjadi lebih jelas. Ia adalah sebahagian daripada keuntungan yang dimanfaatkan. Maka pengertian 'keuntungan' dan 'rezeki' sudah menjadi sesuatu yang jelas.

Suatu yang harus diketahui ialah apabila semua tenaga kerja (yang tersedia) sudah lenyap atau berkurangan disebabkan oleh merosotnya peradaban, Allah telah mengizinkan supaya keuntungan dihapuskan. Di kota-kota yang penduduknya yang sedikit dapat dilihat memberikan sedikit rezeki dan keuntungan, atau tiada sama sekali, sebab terlalu sedikitnya penyediaan buruh manusia. Sebaliknya, di kota-kota yang mempuyai penawaran tenaga buruh yang banyak penduduknya menikmati keadaan-keadaan yang lebih menguntungkan dan memiliki banyak kemewahan sebagaimana telah kami terangkan sebelum ini.[8]

Inilah sebabnya mengapa orang menyatakan, dengan merosotnya peradaban, rezeki bagi penduduk di suatu kota mengalami kepupusan. Lebih teruk lagi dikatakan sungai-sungai dan punca air akan terhenti di kawasan-kawasan yang tidak didiami orang. Sebab punca air akan mengalir apabila adanya usaha menimbanya dan air disalurkan. Dan ini menghendaki tenaga manusia. Keadaan-keadaan ini dapat dibandingkan dengan tetek-tetek binatang ternakan. Punca air yang tidak diceduk, dan darinya tidak keluar airnya akan mengalami kekeringan sama sekali. Hal yang sama dengan tetek-tetek yang tidak diperah untuk mendapatkan susu. Hal itu dapat diperhatikan di kota-kota yang mempunyai punca air di masa peradabannya. Kemudian, apabila mengalami kehancuran, air yang terdapat di situ lenyap sama sekali, seakan-akan ia tidak pernah ada.

Dan Allah menentukan malam dan siang.

2 Pelbagai cara, macam dan kaedah mendapatkan nafkah hidup

Suatu yang harus diketahui ialah bahawa 'penghidupan' ialah mencari rezeki dan berusaha untuk memperolehnya. Kata *maasy*

---

8 Lihat fasal ke-11 dalam Bab Keempat.

merupakan keterangan tempat dari kata *aisy* (kehidupan); seakan-akan hendak dinyatakan bahawa kerana *aisy* bererti *hayat* atau kehidupan, meskipun dengan gaya bahasa yang berlebih-lebihan.

Rezeki dan keuntungan boleh diperoleh melalui, kekerasan usaha, mendapatkannya daripada orang lain dan membahagi-bahagikannya sesuai dengan hukum kebiasaan yang diterima umum. Cara ini dipanggil ketetapan dan pencukaian. Atau daripada binatang liar diperoleh dengan membunuhnya atau menangkapnya di atas daratan atau di laut. Atau sama ada binatang yang dijinakkan dengan memerah apa yang berlebihan yang digunakan oleh manusia seperti susu daripada ternakan, sutera dan ulat sutera, dan madu daripada lebah atau daripada pokok-pokok seperti tanaman yang ditanam di ladang-ladang atau dibiar tumbuh sebagai pohon-pohon dengan tujuan mengambil buah-buahnya. Kesemua ini disebut sebagai pertanian. Atau, keuntungan juga boleh diakibatkan oleh manusia kegiatan manusia terhadap bahan-bahan tertentu. Ia dipanggil usaha tangan seperti menulis, menjahit, menenun, menunggang kuda, dan sebagainya. Atau boleh juga digunakan kepada bahan-bahan tidak terhad. Ini, dengan demikian, termasuk profesion-profesion lain dan kegiatannya. Atau keuntungan yang didapati daripada dagangan dan kegunaannya dalam tukar barang; pedagang boleh membuat keuntungan seperti itu sama ada dengan berjaja atau dengan menyembunyikannya dan memperlihatkan turun naik pasaran yang menyentuhnya. Inilah yang dipanggil perdagangan.

Pertanian adalah sesuatu yang terdahulu daripada pelbagai cara lain untuk mendapatkan penghidupan. Sebab, bertani itu secara semula jadinya adalah mudah, dan pembawaan hidup semula jadi. Ia tidak memerlukan apa-apa spekulasi atau pengetahuan teoritikal. Dengan demikian, penciptaannya adalah dihubungkaitkan dengan Nabi Adam, bapa kepada seluruh manusia. Dia dikatakan sebagai orang yang telah mengajarkan dan mengamalkan pekerjaan pertanian.

Pertukangan adalah sesuatu punca penghidupan yang kedua dan selepas pertanian. Ia ada sesuatu yang saling berkaitan dan saintifik. Berfikir dan spekulasi adalah digunakan terhadapnya. Dengan demikian, sebagai peraturannya pertukangan itu hanya terdapat di kalangan orang-orang yang tinggal menetap. Budaya tinggal menetap adalah lebih mendahului kehidupan badwiah dan yang kedua selepasnya. Ini sebabnya, orang menisbahkan pertu-

kangan kepada Nabi Idris, bapa kedua kepada umat manusia. Dia yang menyimpulkannya melalui wahyu Allah s.w.t. untuk umat sesudahnya.

Perdagangan adalah sesuatu yang semula jadi untuk membuat keuntungan. Sungguhpun, sebahagian besar amalannya dan caranya adalah penuh muslihat dan lebih terarah untuk mendapatkan laba di antara harga belian dan harga jualan. Apa yang menjadi lebihan itu membolehkan suatu pendapatan sebagai untung. Dengan demikian, *syariat* Islam membolehkan penggunaan cara-cara yang bijaksana *mukayasah*, di dalam perdagangan, kerana perdagangan mengandung elemen berjudi. Sungguhpun demikian, ia tidak bermakna mengambil sesuatu daripada tangan orang lain dengan tidak mengembalikan apa-apa sebagai ganjarannya. Dengan demikian ia adalah sah.

3 **Menjadi seorang petugas bukanlah suatu cara mencari nafkah hidup yang wajar dan semula jadi**

Seseorang raja haruslah menggunakan khidmat seorang petugas seperti anggota-anggota tentera, polis, dan setiausaha, di semua jabatan-jabatan kerajaan dan badan berkuasa yang berkaitan dengannya. Untuk setiap jabatan itu baginda akan berasa puas dengan orang-orang yang diketahuinya, cukup berkemampuan dan akan dibayar melalui perbendaharaannya. Semuanya ini adalah termasuk ke dalam bidang kuasa politik dan penghidupan yang dibuat sehubungan dengan bidang kuasa pentadbiran politik. Adalah dipertanggungjawabkan kepada mereka dan pihak yang paling berkuasa adalah peneraju (pemegang kuasa tertinggi) pelbagai cawangan itu.

Alasan yang mewajarkan para-para petugas di peringkat bawahan ialah hakikat bahawa sebahagian besar daripada mereka yang hidup serba mewah berasa amat tidak wajar mengurusi sendiri apa yang menjadi keperluannya. Atau, sememangnya tidak berupaya melakukannya sendiri sesudah terdidik untuk hidup senang-lenang dan mewah. Dengan demikian, mereka menggajikan orang yang boleh menguruskan keperluan itu untuk kepentingan mereka. Orang-orang tersebut dibayar melalui wang mereka sendiri. Keadaan demikian tidaklah suatu yang dapat disanjung jika ditilik daripada titik pandang kelelakian yang merupakan sesuatu yang semula jadi bagi manusia, kerana kelemahannya

terlalu bergantung hidup pada orang lain selain daripada dirinya sendiri. Ia juga menambahkan satu lagi tugas kepada seseorang dan perbelanjaannya, dan memperlihatkan suatu kelemahan dan yang harus dihindari seseorang demi kepentingan kelelakian. Tetapi, adat kebiasaan telah menyebabkan insan itu lebih cenderung kepada hal-hal yang alah bisa tegal biasa. Insan itu lebih cenderung kepada hal-hal yang bukan boleh mengetepikan apa yang sudah ditetapkan oleh nenek moyangnya.

Tambahan pula petugas yang dapat memuaskan hati dan dapat dipercayai adalah hampir-hampir tidak pernah ada. Ada empat kategori sehubungan dengan jenis petugas seperti ini. Dia berupaya melakukan pekerjaan yang harus dilakukannya, dan boleh dipercayai dalam hubungan dengan segala sesuatu yang diserahkan kepadanya. Atau, dia boleh menjadi bertentangan dengan kedua-duanya, iaitu dia sama tidak cekap dan tidak boleh dipercayai atau dia boleh selidiknya dalam satu hal sahaja iaitu dia boleh jadi cekap dan tidak boleh diharapkan atau boleh diharapkan tetapi tidak cekap.

Dalam hal yang pertama, yang boleh diharapkan dan berkeupayaan tidak ada seseorang dalam apa hal pun boleh mendapatkannya. Dengan kecekapan dan boleh dipercayai, dia tidak memerlukan seseorang berada dalam kedudukan yang paling bawah, dan akan merasa hina untuk memberikan khidmatnya kerana dia dapat memperolehi yang lebih banyak. Dengan demikian, orang-orang seperti itu hanya dilantik oleh para amir yang berpangkat tinggi kerana keperluan untuk pangkat adalah suatu yang umum.

Jenis yang kedua, petugas yang tidak cekap dan tidak juga boleh dipercayai. Dia tidak wajar digajikan oleh orang yang cerdik akal, kerana dia akan merosakkan tuannya dua hal sekaligus. Dia akan rugi kerana petugasnya itu tidak cekap, dan dia juga mengalami kerugian harta kerana petugas melakukan khianat.

Tidak ada sesiapa yang akan menggunakan khidmat kedua-dua jenis pelayan ini. Maka, apa yang kekal ialah untuk mengupah petugas daripada kedua-dua jenis, petugas-petugas yang boleh dipercayai tapi tidak cekap; dan petugas-petugas yang cekap tetapi tidak dapat dipercayai. Ada dua pendapat di kalangan masyarakat mengenai memilih salah satu di antara kedua-duanya. Masing-masing itu memiliki sesuatu yang disukainya. Namun, petugas yang cekap, meskipun dia tidak boleh dipercayai adalah lebih disukai.

Suatu yang boleh dipastikan ialah petugas itu tidak akan menyebabkan kerugian, dan seseorang itu boleh sentiasa berwaspada dengan tipu muslihatnya. Sedangkan petugas yang boleh menyebabkan kerugian, meskipun boleh dipercayai adalah lebih berbahaya daripada kegunaannya. Sebabnya ialah kerosakan yang dilakukannya. Hendaklah hal ini disedari dan jadikan sebagai norma dalam mencari petugas yang memuaskan hati.

Dan Allah s.w.t. Maha Suci Dia dan Tinggi Kuasa atas Segala yang Dikehendaki-Nya.

4 Berusaha mendapatkan wang daripada harta karun dan harta-harta lain yang tertanam bukanlah suatu ikhtiar hidup yang tidak wajar

Begitu ramai orang-orang kota yang lemah akal fikirannya yang menginginkan harta kekayaan dari bawah permukaan bumi dan membuat suatu keuntungan daripadanya. Mereka berasa amat yakin bahawa kekayaan bangsa-bangsa yang lampau itu dipendamkan di bawah tanah, dan ditutup dengan azimat-azimat sakti. Apa yang terkunci itu dapat dibuka, sebagaimana percaya oleh mereka yang secara kebetulan memperolehi ilmunya. Untuk meleraikan kesaktian itu dia boleh mengasapkan kemenyan, membaca mantera, dan melakukan sembahan.

Para penduduk di kota-kota Ifriqiyah amat percaya bahawa orang Franka, yang hidup di sana sebelum Islam telah menanamkan harta kekayaan mereka hinggalah ke suatu waktu yang membolehkan mereka membongkarnya kembali. Para penduduk kota-kota di Timur juga menyimpan kepercayaan sedemikian, sehubungan dengan bangsa-bangsa Kopta, Byzantin, dan Parsi. Mereka menyebarkan cerita-cerita mengenai hal tersebut, yang tidak lebih daripada cakap-cakap kosong belaka.

Maka seorang pencari harta karun pun datang dan menggali di tempat harta karun itu ditanam. Tetapi, dia tidak mengetahui adanya azimat atau cerita yang ada hubungan dengannya. Sebagai akibatnya, dia bertemu dengan suatu tempat yang kosong, atau penuh dengan ulat-ulat. Atau, dia melihat wang dan permata itu terbiar di situ, tetapi para penjaganya mengawalnya, lengkap dengan pedang yang terhunus. Atau, bumi akan bergegar hingga dia beranggapan akan ditelan bumi dan cerita-cerita kosong lain semacamnya.

Di Maghribi begitu ramai 'pelajar' Barbar yang tidak mampu mencari nafkah hidup melalui cara yang wajar. Mereka telah menemui orang-orang yang berada dengan menyerahkan kertas-kertas yang pada tepinya terkoyak dan mengandungi sama ada tulisan bukan Arab atau didakwa suatu terjemahan daripada dokumen yang ditulis oleh pemilik harta karun yang memberi petunjuk mengenai tempat di mana harta karun itu ditanam. Dengan cara demikian, mereka mengharapkan untuk mendapatkan nafkah hidup dengan cara meminta. Mereka yang dapat dipengaruhi itu saja mencari harta itu. Mereka mendakwa bahawa motif utama meminta perlindungan adalah supaya terhindar daripada penyitaan dan seksaan oleh pihak berkuasa.

Selalunya, salah seorang pencari harta karun itu akan membuat maklumat yang aneh atau amalan sihir yang menakjubkan, dan dengan cara demikian, dia mengelabui orang untuk mempercayai dakwaan-dakwaannya yang lain meskipun pada hakikatnya, dia tidak tahu keajaiban dan cara-caranya. Maka ramailah orang yang lemah hatinya melakukan penggalian dengan segenap tenaganya yang ada.

Usaha cari gali itu dilakukan secara sembunyi-sembunyi di malam hari, takut dapat dikesani oleh orang-orang pihak berkuasa. Bila mereka tidak mendapatkan apa-apa, mereka menyalahkan kegagalan itu kepada kejahilan untuk mengetahui jenis azimat yang digunakan untuk mengunci harta itu. Mereka sebenarnya menipu diri sendiri. Mereka gagal mencapai apa yang dicita-citakan.

Sebagai tambahan kepada akal fikiran yang lemah, suatu motif yang mendorong manusia supaya memburu harta karun adalah ketidakmampuan mencari nafkah hidup dengan jalan yang semula jadi untuk mendapatkan keuntungan, misalnya berdagang, bertani, atau bertukang. Dengan demikian, mereka cuba untuk mencari nafkah hidup dengan jalan memperdayakan seperti mencari harta karun, dan usaha-usaha lainnya yang tidak wajar. Oleh sebab mereka tidak mampu memperoleh sesuatu, dan mereka percaya dapat meraih rezeki tanpa berusaha dan bersusah payah. Apa yang mereka tidak sedari ialah dengan melibatkan diri dengan cara yang tidak benar, mereka sebenarnya telah menceburkan diri sendiri ke dalam kesusahan, kekerasan, dan pembaziran tenaga yang lebih daripada yang sewajarnya. Lebih-lebih lagi, mereka mendedahkan diri sendiri ke dalam suatu bahaya yang wajar diseksa.

Selalunya suatu motif utama yang mendorong orang mencari harta karun ialah hakikat bahawa mereka telah biasa dengan hidup mewah yang melampaui batas. Akibatnya, pelbagai cara dan jalan untuk mendapat wang tidak lagi seimbang untuk membayar keperluan-keperluan hidupnya. Apabila orang semacam itu tidak berupaya mencari wang dengan jalan wajar, jalan keluarnya ialah dengan cara memperdayakan tanpa perlu berusaha, dia akan mendapat wang yang banyak untuk membayar tingkah laku yang telah menimbulkan banyak kepayahan itu.

Maka, dia begitu beriya-iya untuk mencari harta karun itu dan menumpukan segenap usahanya untuk mendapatkannya. Kerananya, seperti kebanyakan yang disaksikan, mereka yang bercita-cita untuk mencari harta karun adalah orang-orang pemerintah dan penduduk-penduduk kota yang menikmati hidup mewah dan makmur, sepertimana orang-orang Mesir dan semacamnya. Maka kita dapati kebanyakan daripada mereka berusaha mencarinya. Mereka bertanya kepada para pengembara tentang kisah-kisah luar biasa mengenai harta karun dengan kesungguhan yang serupa yang ditunjukkan untuk mengubah logam biasa menjadi emas. Begitu juga mengenai penduduk Mesir yang berusaha mencari hal-hal aneh; dengan harapan daripadanya mereka akan mendapatkan kekayaan yang tersimpan atau harta simpanan. Mereka menyiasat kemungkinan untuk menjadikan air lenyap dari dalam tanah, sebab mereka percaya bahawa kebanyakan harta karun adalah ditanam di dalam terusan-terusan Sungai Nil dan bahawa Sungai Nil itu banyak menyimpan harta karun yang disembunyikan. Mereka sebenarnya diperdayai oleh orang-orang yang memiliki catatan-catatan yang palsu. Dengan membuat alasan bahawa mereka tidak boleh terjun secara langsung ke dalam terusan untuk mendapatkan harta karun. Apa yang dikatakan mengenai mencari harta karun ialah ia tidak berasaskan saintifik tidak juga berdasarkan maklumat sebenar. Ia harus diakui bahawa meskipun harta itu ditemui, dan ini jarang berlaku dan secara kebetulan bukan suatu pencarian yang sistematik. Tambahan pula, mengapa harus ada orang yang berusaha menyembunyikan hartanya dan menutupnya dengan perbuatan sihir, dan menjadikan ianya sukar dicari. Kemudiannya memberikan teka-teki dan bayangan di mana ianya boleh ditemui oleh orang yang mahukannya. Mengapa harus mencatatkannya, supaya orang-orang di zaman yang berlainan dan daerah boleh mencarinya. Ini akan bertentangan dengan maksud

menyimpannya supaya tidak diketahui sama sekali. Maka, pekerjaan sedemikian bukanlah termasuk ke dalam pekerjaan orang-orang yang berakal.

Satu soalan telah ditanyakan: Di manakah harta kekayaan bangsa-bangsa yang wujud sebelum kita, dan di mana kekayaan tersebut dapat ditemukan? Sebagai menjawabnya, suatu yang harus diketahui ialah kekayaan seperti emas, perak, batu permata, dan barang-barang lain yang boleh dibuat peralatan adalah tidak banyak berbeza dengan galian-galian lain dan modal yang diperolehi daripada tembaga, timah hitam serta logam lainnya. Maka peradabanlah yang menyebabkan semuanya itu ada, melalui usaha manusia, yang menjadikannya bertambah atau berkurang. Kesemua barang-barang itu yang ada di dalam simpanan manusia itu boleh dipindahkan dari satu keturunan kepada keturunan berikutnya. Dan mungkin juga dipindahkan daripada suatu daerah ke daerah yang lain, dan dari satu dinasti ke dinasti yang lain, sesuai dengan tujuan diadakan dan peradaban khusus yang memerlukannya.

Sekiranya wang amat berkurang di Maghribi dan Ifriqiyah, ia tidak berkurang di negeri-negeri Slavia dan Franka. Dan sekiranya ia kurang di Mesir atau Syria, ia tidak berkurang di India dan China. Sebabnya ialah usaha masyarakatlah, dalam mencari untung dan mempergunakannya sebagai alat, yang menyebabkan bertambah atau berkurangnya jumlah peredaran logam berharga itu. Namun, bahan-bahan itu mengalami kehancuran, sebagaimana semua benda *maujud* lainnya. Mutiara dan permata akan lebih cepat rosak jika dibandingkan dengan benda-benda lainnya. Demikian pula emas dan perak,[9] tembaga dan ada di tanah mereka, di al-Barari dan lain-lainnya. Kisah sihir Firaun menunjukkan bahawa mereka mempunyai keistimewaan dalam masalah ini. ...

Terjadinya penemuan dan penggalian harga karun di Mesir dapat diterangkan oleh fakta bahawa Mesir berada di bawah kekuasaan orang-orang Kopta selama lebih dari 2000 tahun. Mereka yang telah mati ditanam bersama dengan segala harta miliknya yang berupa emas, perak, permata, dan barang perhiasannya. Ini adalah kebiasaan yang dilakukan oleh penduduk

---

9 Adalah tidak benar demikian. Emas dan perak tak terpengaruh oleh udara dan air. Watak kimiawinya tidak berubah meskipun dipakai dalam waktu yang lama.

dinasti-dinasti sebelumnya. Setelah dinasti bangsa Kopta[10] berakhir, dan orang-orang Parsi menguasai Mesir, mereka pun mencari kawasan perkuburan tersebut dan menemui apa yang dicari. Mereka memperolehi kekayaan yang sukar dibayangkan daripada tanah perkuburan tersebut, dan daripada piramid yang menjadi makam orang bangsawan. Hal yang sama dilakukan pula oleh bangsa Yunani sesudah mereka. Kuburan-kuburan itu membuka kesempatan usaha mencari harta karun, dan telah berlangsung hinggalah di masa ini. Pada kebanyakan kesempatan, barang pendaman ditemukan di dalamnya, mungkin berupa harta kekayaan yang mereka pendam, atau berupa alat untuk menyimpan serta tabut-tabut yang diperbuat daripada emas dan perak yang dipersiapkan untuk tempat si mati yang mereka hormati sewaktu menyemadikannya. Maka jadilah kuburan-kuburan orang Kopta sebagai sasaran pencarian harta karun selama ribuan tahun. Orang-orang Mesir pun memberikan perhatiannya terhadap pencarian harta karun dan usaha menemukannya. Apabila di tahun-tahun terakhir sesebuah dinasti, cukai mula dikenakan ke atas pelbagai macam barang, ia juga dikenakan ke atas para pencari harta karun. Dan orang-orang yang bercita-cita besar untuk melibatkan dirinya mencari harta karun, dan mengaku berupaya menjumpainya terpaksa juga membayar cukai. Dan apa yang mereka capai, tidak lain hanyalah kegagalan di dalam segala usaha mereka.

Maka orang yang merasa dirinya terpedaya atau diganggu oleh cita-cita semacam itu, hendaklah memohon perlindungan daripada Allah supaya terhindarkan dirinya dari kelemahan dan kemalasan di dalam mencari sumber penghidupan, sebagaimana Rasulullah – semoga selawat dan salam dilimpahi ke atasnya – memohon perlindungan kepada Allah daripada hal-hal tersebut. Dia menghindarkan dirinya dari jalan dan bisikan syaitan, dan dia tidak menyibukkan dirinya dengan cerita-cerita yang samar dan tidak benar.

> "Dan Allah s.w.t. memberi rezeki kepada siapa yang dikehendaki-Nya, tanpa perhitungan".[11]

---

10 Dimaksud: Firaun-firaun berbangsa Kopra, atau orang-orang Mesir kuno.

11 Al-Quran surah 2 (al-Baqarah) ayat 212.

5 Pangkat-pangkat adalah sangat berguna di dalam mencari kekayaan

Ia adalah sedemikian. Kami dapati bahawa orang yang berkedudukan dan dihormati di dalam segala aspek duniawi adalah lebih bernasib baik dan lebih kaya daripada orang yang tidak berpangkat.

Sebabnya ialah orang yang bermartabat adalah dibantu oleh tenaga orang lain. Mereka berusaha untuk mendekatinya dengan mengabdikan diri, sebab mereka ingin berbaik-baik dengannya dan sebagai ganti amat memerlukan perlindungan yang dapat diberikan oleh mereka yang berkedudukan.

Orang-orang akan membantu mereka dengan kesediaan membantu dalam semua keperluannya, sama ada ianya soal pokok, pelengkap, mahupun yang kemewahan. Nilai yang dapat ditimbulkan hasil dari usaha itu menjadi sebahagian daripada keuntungannya. Untuk tugas-tugas yang sebenarnya memerlukan ganjaran, dia selalunya menyuruh orang tanpa memberi apa-apa imbuhan. Dia menyedari bahawa dia telah mendapatkan sesuatu nilai yang amat tinggi hasil daripada titik peluh mereka. Ia adalah perbezaan di antara nilai yang diperolehnya daripada pekerjaan percuma dengan harga yang harus dia bayarkan untuk keperluan-keperluannya. Dia dengan itu membuat satu keuntungan besar. Seseorang yang berkedudukan menerima banyak pekerjaan percuma yang membuatnya kaya-raya dalam waktu yang amat singkat. Hari demi hari yang berlalu itu, nasib dan kekayaannya bertambah baik. Dalam pengertian inilah bahawa pemilikan politik, *imarah*, merupakan salah satu cara mencari nafkah hidup.

Orang yang tidak berkedudukan sama sekali, meskipun dia berharta, mendapatkan keuntungan itu pada kadar kekayaan yang dimilikinya, dan sesuai dengan usaha yang dilakukannya sendiri. Kebanyakan pedagang adalah dalam kumpulan ini. Dengan demikian, orang yang berpangkat adalah jauh lebih baik daripada mereka yang tidak berkedudukan.

Sebagai bukti, ianya dapat dilihat menerusi ahli-ahli fikah dan tokoh-tokoh agama, dan tuk-tuk lebai yang telah mencapai suatu martabah yang baik. Kemudian, masyarakat umumnya percaya bahawa ketika mereka memberikan sedekah, mereka sebenarnya mentaati Allah. Maka rakyat pun secara ikhlas telah

sudi membantu mereka di dalam persoalan duniawi, serta bekerja demi kepentingan mereka. Akibatnya, mereka telah menjadi kaya dengan cepat, dan hidupnya adalah amat baik sekali, meskipun tanpa harta yang dicapai terkecuali dari nilai kerja yang diperoleh melalui bantuan orang lain.

Kita telah menyaksikan orang-orang semacam ini di kota-kota besar dan kecil, juga di kawasan padang pasir. Terdapatnya orang-orang yang melakukan kerja di ladang-ladang dan menguruskan urusan dagang untuk mereka, orang-orang yang hanya duduk di rumah dan tidak meninggalkan tempatnya. Tetapi, harta mereka berkembang, dan keuntungan mereka bertambah banyak. Tanpa perlu berusaha keras, mereka dapat mengumpulkan kekayaan dan ini memeranjatkan ramai orang yang tidak mengerti rahsia kekayaannya dan sebab-sebab mereka memperoleh kekayaan dan keuntungan hidup.

> Dan Allah memberi rezeki kepada orang yang dikehendaki-Nya, tanpa perhitungan.

6 Kebahagiaan dan keuntungan seringkali dicapai oleh orang yang berbuat baik dengan sesuatu maksud dan pandai menyanjung peribadi sebegitu merupakan salah satu sebab tercapainya kebahagiaan

Sudah kita nyatakan terdahulu bahawa, keuntungan yang dibuat oleh seseorang insan itu adalah nilai yang dapat dtimbulkan daripada tenaga mereka. Sekiranya ada orang yang menyatakan bahawa dia sama sekali tidak mampu berusaha, pastinya dia tidak akan memperoleh keuntungan. Ibarat kata 'ringan tulang berat perut' dan usaha itu jika dibandingkan dengan usaha orang lain dan keperluan manusia untuk mendapatkannya. Pertambahan dan kekurangan keuntungan seseorang adalah tergantung kepadanya. Kami juga telah menerangkan bagaimana kedudukan itu sangat berguna dalam mencari kekayaan. Orang yang berpengaruh akan didekati oleh orang lain dengan sumbangan tenaga dan kekayaan mereka. Mereka melakukannya supaya terhindar daripada bahaya dan untuk mendapatkan suatu kebaikan melalui khidmat dan harta benda yang dijadikan perantara dalam usaha mereka berbaik-baik dengannya, dalam satu seginya diberikan sebagai tukaran hal-hal yang baik dan buruk yang boleh mereka perolehi atau elakkan

dengan bantuan kedudukannya. Sumbangan khidmat bakti telah menjadi sebahagian daripada keuntungan orang berkedudukan, dan nilai apa yang akan timbul daripadanya adalah bererti harta dan kekayaan untuknya. Maka dia pun memperoleh kekayaan dan keberuntungan dalam waktu yang amat singkat.

Pangkat-pangkat adalah diagihkan secara meluas di kalangan manusia, dan pelbagai tingkatan pangkat di antara mereka. Ini adalah rencana Allah s.w.t. Yang Maha Mengetahui dalam hubungan dengan umatnya. Pangkat paling tinggi ada pada raja-raja yang tidak ada tugas lain selain mengaturnya; dan pangkat paling rendah ada pada orang yang tidak memiliki pengaruh dalam mendatangkan kerugian atau manfaat di kalangan orang lain. Ia mengatur kehidupan mereka, memelihara apa yang menjadi kepentingan mereka, dan memastikan keabdian mereka. Sebab kewujudan dan pengekalan manusia hanya dapat diwujudkan melalui cara saling bantu-membantu sesama sendiri dalam memenuhi apa yang baik untuk mereka. Suatu yang sudah ditetapkan bahawa insan itu tidak akan dapat hidup sempurna seorang diri, dan sekiranya secara andaiannya ia boleh terjadi sebagai suatu pengecualian, kewujudannya pasti di dalam kesulitan.

Sekarang, saling bantu-membantu hanya dapat dicapai dengan cara paksa, sebab kebanyakan manusia tidak tahu akan kepentingan bersama, dan kerana mereka diberikan kebebasan untuk memilih dan tindakan mereka adalah hasil daripada fikiran dan bayangan, yang bukannya suatu naluri semula jadi. Maka mereka pun menahan diri supaya tidak bekerjasama. Dengan demikian, haruslah ada usaha untuk membuatkan mereka saling bantu-membantu. Dan harus ada motif yang memaksa manusia mengurusi kepentingan mereka, supaya hikmah Allah dalam memastikan pemeliharaan manusia akan berhasil. Firman Allah s.w.t.:

> "Dan Kami telah meninggikan sebahagian mereka atas sebahagian yang lain beberapa darjah, agar sebahagian mereka dapat menggunakan sebahagian yang lain. Dan rahmat Tuhanmu lebih baik dari apa yang mereka kumpulkan".[12]

Ianya, dengan demikian, sudah jelas kedudukan bererti kuasa

12 Al-Quran surah 43 (az-Zukhruf) ayat 32.

yang dapat membolehkan manusia itu bertingkah laku secara aktif di kalangan orang bawahannya dengan kuasa mengizinkan dan melarang, dan supaya dapat berkuasa ke atas mereka, demi untuk membuatkan mereka menjauhi perkara-perkara yang memudaratkan serta bertindak melakukan sesuatu yang menguntungkan. Mereka boleh bertindak dengan adil dan menggunakan perundangan agama dan politik, dan juga mengikuti tujuan mereka sendiri dalam segala hal.

Namun, penggunaan pangkat yang adil dimaksud oleh pemeliharaan *rabbani* sebagai sesuatu yang hakiki, sedangkan penggunaan pangkat untuk kepentingan diri sendiri adalah termasuk ke dalamnya sebagai sesuatu yang kebetulan, sebagaimana yang terjadi dengan semua kejahatan yang dikutuk oleh Allah s.w.t. Banyak kebaikan boleh berlaku secara sempurna sesuai dengan adanya kejahatan yang kecil, yang disebabkan oleh *matter*.[13] Kebaikan itu tidak dapat dilakukan sekiranya ada niat yang jahat. Perasaan jahat yang meskipun segelintir tetapi telah melumpuhkan perasaan yang baik. Inilah apa yang dikatakan suatu ketidakadilan di dunia ini.

Setiap golongan masyarakat yang mendiami di sesuatu kota atau wilayah peradaban telah dapat berkuasa ke atas golongan bawahannya. Setiap anggota masyarakat yang berada di peringkat rendah akan berusaha mencari sokongan daripada anggota di lapisan yang teratas daripadanya, dan orang yang mendapatkannya akan menjadi lebih aktif di kalangan orang-orang yang berada di bawah penyeliaan mereka sesuai dengan keuntungan yang diperoleh daripadanya.

Maka, kedudukan mempengaruhi manusia dalam apa juga punca penghidupan. Sama ada ianya memberikan pengaruh atau terhad adalah tergantung pada kelas dan status orang yang memiliki kedudukan khusus itu. Sekiranya kedudukan dapat memberikan pengaruh, maka keuntungan yang diperolehi daripadanya adalah amat besar. Sekiranya ia ada dan tidak berpengaruh, keuntungannya pun adalah sedemikian juga pula.

Mereka yang tidak berkedudukan, meskipun mungkin mempunyai wang memperoleh nasib yang baik hanya seukuran dengan hasil usahanya. Atau jumlah harta yang dimilikinya

---

13 Min *ajli-al-mawadd*, demikian teks pada semua manuskrip yang ada. Tidak jelas apa maksudnya.

sebanding dengan usaha yang dibuat untuk menambahnya. Inilah yang terjadi kepada kebanyakan pedagang dan, biasanya, kepada para petani. Hal yang serupa terhadap para tukang, sekiranya mereka tidak memiliki pangkat, dan adalah terbatas kepada keahlian mereka, mereka hanya dapat menikmati hidup yang amat sederhana, dan ada kalanya ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Sekiranya hal ini sudah dapat dinyatakan dengan pasti, dan apabila ianya telah menjadi jelas bahawa kedudukan secara meluasnya diagihkan, dan bahawa kebahagiaan serta kesejahteraan seseorang secara akrabnya adalah berhubungan dengan pemilikan kedudukan, adalah akhirnya disedari bahawa adalah sesuatu yang paling utama dan suatu kebaikan, dan mulia untuk menganugerahi seseorang dengan jawatan yang disegani. Jawatan itu hanya diberikan kepada orang yang berada di bawah bidang kuasa. Akhirnya, orang yang berusaha mendapatkan pangkat menjadi pengampu-pengampu dan bermuka-muka. Dengan cara berbuat demikian sahaja seseorang itu akan mengaut keuntungan dan kebahagiaan hidup, sesuatu yang dimiliki oleh orang-orang yang berpengaruh dan pandai memainkan peranan sahaja. Maka, mereka yang angkuh dan mempunyai perasaan bangga diri tidak pernah mempedulikan pangkat. Akibatnya apa yang mereka perolehi adalah terbatas kepada usaha mereka sahaja, dan mereka hidup kais pagi makan pagi atau dalam keadaan yang daif.

Sikap yang sombong dan penuh keangkuhan itu adalah suatu sifat yang tercela: suatu yang timbul dalam diri seseorang yang beranggapan bahawa dirinya adalah sempurna, dan bahawa orang lain itu menghendaki ilmu dan keahlian yang ada pada dirinya. Individu semacam itu sebagai contoh, adalah sarjana yang berpengetahuan luas dalam bidang keilmuannya, atau penulis yang berupaya menulis dengan baik, atau penyair yang berkebolehan mencipta sajak-sajak yang meruntun perasaan. Seseorang yang menganggap dirinya seorang yang ahli beranggapan bahawa orang lain amat memerlukan apa yang dimilikinya. Maka dia berperasaan bahawa dia lebih unggul daripada mereka.

Orang-orang yang datang daripada keturunan berdarjat, yang mana nenek moyangnya adalah terdiri daripada raja atau sarjana terkenal, atau yang bermartabat dalam beberapa hal, juga memiliki ilusi sedemikian. Mereka beranggapan mempunyai kedudukan semacam itu disebabkan oleh adanya hubungan

dengan orang-orang tersebut dan hakikat bahawa mereka adalah para pewarisnya. Malah, mereka hanya berpegang kepada sesuatu yang menjadi persoalan masa lampau, kerana kesempurnaan itu tidak disambung oleh warisan.

Mereka bersikap angkuh, dan enggan tunduk kepada orang yang berpangkat. Mereka memandang rendah kepada orang lain, kerana berasa yakin bahawa mereka mempunyai kelebihan. Mereka berasa besar diri untuk tunduk dan patuh, meskipun kepada raja. Mereka menganggap sikap sedemikian sebagai suatu penghinaan, kekerdilan, dan kebodohan. Dia mengharapkan orang lain akan memperlakukan dirinya menurut apa yang dia fikirkan sebagai wajar pada dirinya. Dia berasa benci pada orang yang meremehkannya. Dia sering berasa gundah-gulana kerana orang bersikap tidak memperlakukannya sepertimana yang dia berasa wajar. Masyarakat mula membencinya, kerana wataknya yang bodoh sombong itu. Adalah suatu yang tidak lazim ialah seseorang itu mengakui manusia sempurna dan tunduk kepada orang lain kecuali dipaksa untuk melakukannya oleh seseorang yang lebih berkuasa. Paksaan dan kekuasaan semacam itu adalah dimaksudkan kepada jawatan. Maka sekiranya orang yang sombong diri tidak mempunyai pangkat – dan dia tidak memilikinya, sepertimana telah diterangkan – masyarakat akan membencinya kerana keangkuhannya, dan dia tidak akan mendapatkan apa-apa pun daripada kebaikan mereka. Dia tidak akan mendapat apa-apa lantikan daripada anggota lapisan yang lebih tinggi daripadanya, sebab tingkah lakunya adalah dibenci. Dan, dengan demikian dia tidak dapat bergaul mesra dan kunjung-mengunjungi. Akhirnya, hidupnya mengalami kehancuran. Dia kekal dalam kemiskinan hidup dan daif atau mungkin sedikit lebih baik. Pengumpulan harta adalah sesuatu yang terhindar sama sekali.

Adalah suatu yang dikatakan secara bijaksana bahawa orang yang sempurna pengetahuannya tidak mengendahkan harta dunia. Apa yang menjadi pengetahuan adalah sesuatu yang diperhitungkan, dan ia adalah terpisah daripada sesuatu yang menjadi hak duniawi.

Dalam sesebuah dinasti, ciri pembawaan sebagaimana disebutkan dapat menyebabkan berlakunya kekacauan di kalangan penjawat. Ramai orang yang berasal daripada lapisan bawah akan mengisinya dan ramai pula daripada golongan atasan terpaksa meletakkan jawatan. Sebabnya ialah ketika sesebuah dinasti itu telah

mencapai had kekuatannya dan kekuasaannya, kaum kerabat raja akan menuntut kedaulatan dan kekuasaan pemerintahan secara eksklusif untuk dirinya sendiri. Orang lain akan berasa putus asa untuk mendapatkan bahagiannya. Orang-orang yang lainnya hanya boleh menjawat pangkat di bawah jawatan raja, dan berada di bawah bidang kuasa pemerintah. Mereka seakan-akan para pesuruh baginya. Kini, apabila dinasti itu telah menikmati kemakmuran dan kedaulatannya berkembang pesat, mereka yang memberikan khidmat kepada raja, yang mendekatkan dirinya sebagai pemberi nasihat, atau yang diterima sebagai para pendukung baginda disebabkan oleh kemampuannya mengurusi pelbagai persoalan penting akan menjadi setara menurut pandangan raja. Maka, ramailah orang kebanyakan yang berusaha untuk mendekatkan dirinya dengan tuanku dengan sikap sudi menghambakan diri dan nasihat. Mereka menawarkan pelbagai macam khidmat. Untuk tujuan ini, orang-orang seperti itu menggunakan pelbagai cara untuk mengampu dan puji-pujian kepada D.Y.M.M. baginda, para pengiringnya, dan anggota keluarganya supaya mereka benar-benar dapat bersama mereka dan tuanku akan menganugerahi sesuatu jawatan di dalam pentadbiran kerajaan. Maka, mereka pun menikmati habuan kebahagiaan yang besar, dan diterima sebagai kaum kerabat kerajaan.

Tiba pada suatu masa, generasi baru dalam dinasti itu, anak-anak mereka yang telah menyaksikan pertumbuhan dinasti yang telah melalui cabarannya dan telah berbakti melicinkan rintangannya mula berasa angkuh kerana kejayaan yang membanggakan sebagaimana yang telah diusahakan oleh datuk nenek mereka itu. Disebabkan usaha mereka itulah, mereka mula memandang rendah terhadap D.Y.M.M. Mereka telah bergantung nasib pada pengaruhnya dan menjadi begitu bangga diri. Ini membuatkan D.Y.M.M. berasa amat benci dan bertindak menjauhkan dirinya daripada mereka. Kini baginda lebih cenderung kepada mereka yang tidak mengaitkan apa yang dicapai pada suatu masa dahulu dan tidak bersikap angkuh dan sombong diri. Tingkah laku mereka adalah penuh dengan tujuan mengampu dan puji-pujian serta berasa senang hati untuk melakukan khidmat demi D.Y.M.M. tuanku. Maka kedudukan mereka menjadi amat penting. Kedudukan mereka itu menjadikan mereka disanjung tinggi. Tokoh-tokoh ternama dan cerdik pandai cuba mendapatkan kerjasama mereka kerana mereka menerima pelbagai ganjaran dari raja, dan

memiliki pengaruh yang besar. Sementara generasi-generasi baru kerajaan itu masih dengan sikap bangga diri dan mengaitkan hal-hal yang telah dicapai pada masa lampau. Mereka tidak memperolehi apa-apa daripada sikap sedemikian. Ia hanya menyebabkan raja semakin jauh hati dan benci dengan sikap mereka, hinggalah kerajaan itu mengalami keruntuhannya. Hal demikian merupakan suatu persoalan biasa yang dialami oleh mana-mana negara. Dan biasanya, daripadanya para pendukung memperoleh kekuasaan.

Dan Allah Yang Maha Suci, Maha Tinggi serta lebih Mengetahui. Dengan-Nya diperolehi taufik. Tidak ada Tuhan selain Dia.

7 Mereka yang bertugas di pejabat-pejabat yang berurusan dengan persoalan agama, seperti kadi, mufti, ustaz, imam, khatib, bilal dan sebagainya adalah sebagaimana lazimnya tidaklah orang yang berada

Sebab bagi keadaan ini ialah bahawa keuntungan merupakan nilai yang timbul hasil daripada usaha keras. Nilai ini adalah berbeza-beza, sesuai dengan tingkatan keperluannya. Berberapa jenis pekerjaan itu adalah sesuatu yang merupakan keperluan peradaban, *umran*, dan menjadi persoalan yang menarik perhatian umum. Maka nilai yang dihasilkan daripada produks ini akan menjadi lebih besar, dan keperluan untuknya menjadi lebih mendesak lagi.

Kini masyarakat umum tidak mempunyai keperluan mendesak yang boleh diberikan oleh penjawat-penjawat lembaga keagamaan. Mereka hanya diperlukan oleh orang-orang tertentu yang ada kepentingan khusus di dalam bidang agama. Sekiranya jabatan mufti dan kadi diperlukan apabila ada pertikaian, ia pun bukan merupakan suatu keperluan yang mendesak dan yang bersifat umum. Pada kebanyakan hal mereka boleh diketepikan. Hanya raja sahaja yang mempunyai kepentingan dengan jabatan-jabatan dan lembaga-lembaga keagamaan, sebagai sebahagian daripada tugas baginda untuk memerhatikan kepentingan umum. Baginda menjanjikan dana bagi jabatan-jabatan keagamaan sesuai dengan keperluannya, sepertimana telah dinyatakan tadi. Baginda tidak meletakkan mereka setara dengan orang-orang yang berkuasa, *ahl s-syawkah*, atau dengan para ahli pertukangan, *ahl*

s-shonaai', sekalipun hal ditawarkan oleh jabatan-jabatan keagamaan itu adalah suatu yang mulia, kerana ianya ada hubungannya dengan keagamaan dan lembaga-lembaga syariat. Bahagian mereka dengan demikian adalah amat kecil sekali.

Tambahan pula, kerana hal-hal yang boleh ditawarkan oleh jabatan-jabatan keagamaan itu adalah bersifat mulia, mereka berasa bangga diri dibandingkan dengan orang lain. Maka mereka itu tidaklah bersikap pengampun dibandingkan dengan mereka yang berpangkat, dengan tujuan untuk memperoleh sesuatu buat menambah rezeki. Bahkan, mereka tidak ada waktu senggang untuk tujuan itu. Mereka menjadi terlalu sibuk mengurusi hal-hal mulia sebagaimana yang dapat mereka tawarkan, dan yang lebih membebani fikiran dan tenaga. Lebih dari itu, peribadi mulia melalui hal-hal yang mereka tawarkan itu tidak mengizinkan mereka mencemarkan diri secara terbuka untuk mendapatkan keuntungan duniawi semata. Mereka menjauhkan diri daripada hal-hal seperti itu. Sebagai akibatnya, mereka tidak sebagaimana lazimnya menjadi terlalu kaya.

Saya telah membincangkan hal ini dengan seorang yang terkemuka. Beliau telah menyangkal pendapat saya. Tetapi beberapa maklumat yang kurang bagus daripada buku kira-kira pejabat pemerintahan di istana al-Makmun sampai ke tangan saya. Maklumat itu memberikan keterangan yang bagus sekali tentang pendapatan dan perbelanjaan waktu itu. Di antara beberapa hal yang menarik perhatian saya ialah ganjaran kepada para kadi, imam dan bilal. Saya menarik perhatian orang tersebut, dan dia menyedari bahawa apa yang saya katakan tadi adalah sesungguhnya benar.

Kita sememangnya selalu berasa takjub oleh rahsia-rahsia Allah s.w.t. berhubung dengan penciptaan-Nya, serta hikmat-Nya dalam alam semesta ini.

Allah Pencipta Maha Kuasa, tiada Tuhan selain Dia.

8 Pertanian adalah satu cara mendapatkan keperluan hidup oleh orang-orang yang lemah dan Badwi dalam usaha mencari nafkah

Sebabnya ialah pertanian itu merupakan sesuatu yang semula jadi dan tatacara yang amat mudah. Dengan demikian, sebagaimana lazimnya, orang-orang kota atau mereka yang sudah hidup mewah,

tidak melakukannya. Mereka yang melaksanakannya adalah tergolong dalam golongan yang hina.

> Sabda Nabi Muhammad s.a.w. – semoga selawat dan salam dilimpahi ke atasnya – ketika melihat sebuah bajak di rumah kaum Ansar: "Tidaklah masuk (alat ini) ke rumah suatu kaum, terkecuali ia dimasuki kehinaan".
>
> Dan al-Bukhari membawanya ke dalam pengertian yang lebih luas dan menterjemahkannya dengan: "pintu yang tidak terhindar dari akibat-akibat kerja dengan mempergunakan alat pertanian atau melampaui batas yang diperintahkan".

Sebabnya ialah kerana – dan Allah yang lebih mengetahui – pekerjaan bertani selalu diikuti oleh pungutan paksa yang mengharuskan adanya pengawasan dan kekuasaan. Maka orang yang harus membayar pungutan itu menjadi hina dan menyedihkan, kerana dia digerayangi oleh jangkauan tangan kekuasaan yang angkuh dan memaksa.

> Sabda Nabi Muhammad s.a.w. – semoga selawat dan salam dilimpahi ke atasnya – padanya.
>
> "Saat (kiamat) tidak akan datang hingga zakat menjadi suatu pungutan yang diminta secara paksa, *maghram*".

Sabda ini secara tidak langsung menunjukkan kedaulatan yang sangar, yang menyukar manusia, diikuti pula oleh tindakan menindas dan berlakunya kesewenang-wenangan. Melupakan hak-hak Allah di dalam penimbunan modal, serta menganggap bahawa semua hak merupakan harta yang harus dipungut secara paksa untuk para raja dan negara.

> Allah Maha Kuasa atas apa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah – Maha Suci dan Maha Tinggi – lebih Mengetahui, dan dengan-Nya diperoleh taufik.

9 Pengertian, metode dan pelbagai jenis perdagangan

Perdagangan bererti usaha untuk membuat keuntungan dengan menambahkan modal, melalui usaha membeli barang dengan harga yang rendah, dan menjualnya dengan harga yang tinggi – sama ada barang-barang itu hamba abdi, biji-bijian, ternakan, alat senjata

atau bahan pakaian. Jumlah nilai yang tumbuh itu disebut "laba".

Usaha membuat suatu laba itu dapat dilakukan dengan menyimpan barang-barang itu hinggalah harga pasaran melambung daripada harganya yang rendah kepada harganya yang tinggi. Hal ini akan mendatangkan laba yang besar. Atau, pedagang itu memperdagangkan barang dagangannya ke daerah lain suatu tempat di mana permintaannya adalah lebih banyak daripada yang diperlukan di daerahnya sendiri.

Maka, seorang pedagang yang berpengalaman berkata kepada seorang yang lain tentang hakikat perdagangan:

> "Saya akan menasihati kamu dengan dua perkataan. Beli
> dengan harga yang murah, dan jual dengan harga yang tinggi.
> Itulah makna perdagangan untuk kamu fahami."

Dengan ini, dia bermaksud hal yang sama sebagaimana yang telah kita sebutkan.

> Allah Maha Suci, Maha Tinggi, Lebih Mengetahui. Melalui-
> Nya diperoleh taufik. Tak ada Tuhan selain Dia.

10 Jenis-jenis insan yang seharusnya terlibat dalam urusan dagang, dan mereka yang tidak seharusnya melibatkan diri

Sebagaimana yang telah kita nyatakan sebelum ini, perdagangan itu adalah penambahan modal dengan membeli barang-barang dan berusaha menjualnya dengan harga lebih tinggi daripada belanja yang dikeluarkan. Ia dijalankan dengan baik, sama ada menunggu turun naik harga di pasaran atau dengan memindahkan barang itu ke tempat lain yang lebih memerlukannya dan dengan demikian mendapat harga yang lebih tinggi. Atau, dengan menjual barang-barang itu atas dasar mendapatkan bayarannya di masa hadapan. Labanya adalah kecil sekira dibandingkan dengan besarnya modal yang ditanam. Tetapi apabila modalnya besar, labanya pun besar, beberapa kali lebih besar.

Dalam usaha untuk menambahkan modal yang besar yang menjadi keharusan mendapatkan laba, adalah suatu yang tidak dapat dielakkan bahawa modal itu harus berada dalam tangan perniagaannya, dalam proses membeli dan menjual untuk mendapatkan bayaran. Kini, peniaga yang jujur adalah segelintir, suatu yang

tidak dapat dielakkan ialah penipuan, suatu yang merugikan urusan dagang dan dalam segi lain mengakibatkan kelambatan pembayaran yang bererti mengurangi laba kerana modal berhenti selama itu. Juga sifat tidak jujur membuat pembeli memungkiri hutangnya, suatu perbuatan yang sangat merugikan pedagang. Apalagi bila pedagang, itu tidak berupaya memberikan bukti bertulis atau kesaksian atas pemungkiran tersebut. Pejabat-pejabat pengadilan pun tidak banyak membantu dalam hal ini, kerana pejabat-pejabat itu hanya menghukumi sesuatu berdasarkan bukti-bukti yang nyata.

Sebagai akibat itu semua, si pedagang hanya boleh mendapatkan sedikit laba setelah berusaha dan bekerja keras, atau malahan akan kehilangan bukan hanya laba, tetapi juga modalnya. Tetapi, bila ia terkenal sebagai orang yang berani memasuki pejabat-pejabat pengadilan, teliti dalam pembukuan, gigih mempertahankan pendapat, teguh dalam bersikap terhadap para hakim, ia mempunyai harapan besar untuk mendapatkan haknya. Bila ia tidak mempunyai sifat-sifat ini, harapan satu-satunya ialah mendapatkan bantuan daripada pelindung yang lebih tinggi, yang boleh menekan, supaya orang-orang yang berhutang membayar hutangnya, dan supaya mahkamah berbuat adil kepadanya. Maka dengan sendirinya ia mendapat keadilan dalam soal yang pertama, dan dengan paksa dalam soal yang kedua. Tetapi, bila seorang tidak mempunyai sifat tegas dan berani disertai jiwa pengusaha, dan tidak pula mempunyai pelindung yang akan membelanya, lebih baik dia menjauhi pekerjaan dagang sama sekali, kerana dia akan menghadapi risiko kehilangan modalnya, dan menjadi mangsa bagi para pedagang lain.

Kenyataannya ialah, sebahagian besar orang, terutama rakyat jelata dan pedagang, selalu mengintai dagangan orang lain; dan kalau tidak ada peraturan pencegah yang dipaksakan oleh pejabat-pejabat pengadilan, barang-barang itu pasti akan dirampas begitu sahaja daripada tangan pemiliknya.

> "Seandainya Allah tidak menolak (keganasan) sebahagian manusia dengan sebahagian yang lain, pasti rosaklah bumi ini. Tetapi Allah mempunyai kurnia (yang dicurahkan) atas semesta alam".[14]

---

14 Al-Quran surah 2 (al-Baqarah) ayat 215.

11 Tingkah laku[15] pedagang lebih rendah dibandingkan dengan tingkah laku orang-orang (dari keturunan) mulia dan raja-raja

Sebabnya para pedagang pada kebanyakan kesempatan hanyalah memperhatikan penjualan dan pembelian, dan dalam hal itu dia dituntut untuk melakukan pembujukan, *mukayasah*. Jika dia tidak mampu, dia akan terbatas untuk bertingkah laku demikian; tingkah laku itu – maksud saya melakukan pembujukan – jauh dari keperwiraan dan kejujuran yang dijadikan watak oleh para raja dan kaum bangsawan. Jika tingkah lakunya menjadi hina oleh kebiasaan mengelak dari jawapan yang sebenarnya, kelicikan, dan tipu daya, serta melakukan tawar-menawar mengenai harga dengan penjanji-penjanji yang selalu bohong – sifat-sifat yang dimiliki oleh (pedagang-pedagang) tingkat bawahan – maka sewajarnya bila dengan itu dia menjadi benar-benar hina, kerana ia sudah terkenal.

Oleh sebab itu, anda dapati para pemimpin selalu mengelak untuk melakukan mata pencarian seperti ini, kerana tingkah laku semacam yang tersebut di atas terserap ke dalamnya. Memang ada sebahagian pedagang yang terhindar dari tingkah laku demikian serta menahan diri daripadanya kerana kehormatan dirinya dan kemuliaan sifat-sifatnya. Namun, orang semacam itu jarang sekali di dunia. Dan Allah memberi petunjuk kepada orang yang dikehendaki-Nya dengan kurnia dan kemuliaan-Nya.

Dia Tuhan orang-orang dahulu dan orang-orang kemudian.

12 Pengangkutan barang-barang oleh para pedagang

Pedagang yang cekap dalam perdagangannya akan membawa barang dagangannya sebagaimana diperlukan secara umumnya oleh orang-orang yang kaya dan miskin, oleh para raja, dan juga rakyat jelata. Keperluan umum adalah suatu yang membuatkan adanya permintaan yang besar terhadap barang-barang itu. Sekiranya dia membataskan barang-barangnya itu hanya kepada sebilangan kecil yang memerlukannya, maka adalah mustahil baginya untuk menjual barang-barang itu. Sebabnya ialah yang sebilangan itu akan mendapati kesukaran untuk membelinya. Maka, usaha dagang itu akan mengalami kemerosotan dan dia tidak akan mendapat keuntungan apa-apa.

---

15 Tingkah laku di sini masih dalam pengertian kuno dan bersifat umum.

Juga seorang pedagang yang membawa barang-barang yang diperlukan itu hanya akan membawa barang-barang yang bermutu sederhana. Mutu yang terbaik hanya akan diberikan kepada orang yang berada dan para pengiring raja. Mereka itu tidak sama bilangannya. Sebagai telah diketahui, barang-barang yang sederhana mutunya adalah sesuai dengan orang ramai. Ini hendaklah disedari oleh pedagang kerana ia membezakan antara berjaya menjualnya atau tidak berupaya menjualnya.

Demikian pula, adalah lebih baik dan menguntungkan mengangkut barang-barang dari negeri yang jauh jaraknya atau yang harus melalui perjalanan yang banyak rintangan. Dalam hal ini, barang-barang yang diangkut itu adalah sedikit dan tidak banyak atau sebab jalan-jalan yang harus dilalui itu penuh dengan bahaya, maka sedikit sahaja orang yang akan membawanya. Jika barang-barang itu sedikit dan sukar didapati, maka harga akan melambung tinggi. Sebaliknya, jika negeri itu dekat dan jalannya mudah dilalui, maka akan banyaklah orang yang berani memindahkannya, sehingga barang-barang menjadi banyak jumlahnya, dan harganya pun menjadi murah.

Dengan demikian, para pedagang yang berani memasuki negeri-negeri Sudan adalah merupakan orang yang lebih makmur dan kaya-raya. Jarak perjalanan yang harus mereka tempuh sangat jauh dan penuh dengan bahaya. Mereka harus melintasi padang pasir. Di sana tidak ada air kecuali di tempat-tempat tertentu yang diketahui oleh para kelana berpengalaman. Maka tidak ada orang yang berani menghadapi bahaya dan jauhnya jalan ini, kecuali beberapa orang saja. Dengan demikian, barang-barang dagangan dari negeri-negeri Sudan hanya sedikit jumlahnya di kalangan kita, dan secara khususnya adalah sangat mahal. Demikian juga dengan barang-barang kita di kalangan mereka.

Maka, barang-barang dagangan menjadi sangat berharga jika pedagang-pedagang memindahkannya dari satu negeri ke negeri yang lain. Mereka cepat sekali menjadi kaya-raya. Hal yang sama berlaku bagi pedagang-pedagang yang melancong dari negeri kita ke Timur, juga kerana jauhnya jarak perjalanan yang harus ditempuh. Sebaliknya, orang-orang yang berulang-alik di antara kota-kota dan bandar-bandar dari daerah-daerah tertentu, menikmati penghasilan pendapatan yang sedikit, dan mendapat keuntungan yang kecil sekali, sebab jumlah barang adalah banyak sekali

dan jumlah orang-orang yang memindahkannya (di kota itu) sangat ramai.

> Dan "Allah adalah pemberi rezeki, memiliki kekuatan yang kukuh".[16]

13 Penyorokan

Orang-orang yang cerdik dan berpengalaman yang tinggal di kota-kota mengetahui bahawa adalah tidak menguntungkan untuk menyorok biji-bijian dan menunggu apabila harga pasarannya tinggi, dan bahawa keuntungannya tidak dapat dinikmati atau hilang melalui penyorokan.

Sebabnya ialah manusia memerlukan makanan, dan untuk itu mereka terpaksa harus mengeluarkan wang. Maka perasaan sayang akan wang itu pun tetap tumbuh di dalam jiwa mereka. Di dalam jiwa timbul rasa sayang akan wang kerana jiwa merasakan keceriaan yang besar. Maka amat hinalah orang yang mengambil wang itu tanpa sesuatu usaha, atau secara percuma. Mungkin inilah yang dimaksud oleh Nabi Muhammad – mengenai pengambilan harta secara batil. Memang bukan tanpa usaha, akan tetapi kerana wang itu diberikan sebagai keharusan yang tanpa usaha di dalam keberhasilan – jadi seakan-akan orang itu pemaksa – maka jiwa tetap punya rasa sayang akan wang itu.

Untuk hal-hal yang diperdagangkan, selain bahan-bahan makanan, manusia mempunyai kemahuan yang lebih mendesak. Ia hanyalah nafsu-nafsi yang mendesak perasaan mereka sahaja. Terhadap barang-barang yang tidak diperlukan secara benar-benar mereka membelanjakan secara boros sahaja maka, orang yang dikenali sebagai seorang penyorok didorong oleh kekuatan-kekuatan akal oleh orang-orang yang wangnya hendak diambil. Dengan demikian, dia kehilangan keuntungannya.

[* Contoh untuk ini, telah saya dengar mengenai orang-orang tua Maghribi, sebuah cerita yang disampaikan kepada saya oleh syekh kita Abu 'Abdillah al-Abulli. Katanya:

> "Pada masa Sultan Abu Sa'id, saya menghadap kadi Fez, faqih Abu al-Hasan al-Malili."

16 Al-Quran surah 51 (adz-Dzariyat) ayat 58.

Diajukan pada satu pemilihan dari *laqab makhzani* mana, kas-perbendaharaan mana gajinya hendak diambilkan.

> "Dari cukai kastam arak, *khamr*," katanya setelah berfikir sejenak.

Sahabatnya yang hadir sama-sama mentertawakannya, dan berasa hairan. Mereka menanyakannya hikmah apa yang dikandung di dalamnya.

> Lalu jawabnya: "Jika semua cukai adalah haram, saya pilih satu yang tidak disertai jiwa pemberiannya. Untuk *khamr*, tak banyak orang yang mahu membelanjakan wangnya, kecuali dia yang girang suka ria dengan segala jiwanya, tidak merugi dan tidak punya rasa sayang akan wang."

Catatan ini memang aneh. Dan Allah, Maha Suci Maha Tinggi. Mengetahui apa-apa yang tersimpan di dada.[17]]

14 Harga pasaran rendah yang berterusan adalah memudaratkan para pedagang yang terpaksa berdagang dengan harga yang rendah

Sebabnya ialah keuntungan dan penghidupan adalah diakibatkan daripada keahlian, atau daripada perdagangan. Dan perdagangan itu adalah membeli barang dagangan dan harta benda, menyimpan dan menunggu hingga perkembangan di pasaran membawa kepada kenaikan harga. Inilah yang disebut sebagai keuntungan. Ia mendatangkan keuntungan, dan penghidupan bagi para pedagang yang profesional. Apabila harga apa jenis barang-barang makanan, bahan pakaian atau apa juga tetap berada dalam keadaan rendah dan para pedangan tidak berupaya mengaut keuntungan daripada turun naik harga pasaran yang ada hubungan dengan barang-barang itu maka keuntungannya akan terhenti sekiranya keadaan itu berterusan buat beberapa waktu. Dagangan seperti ini mengalami kejatuhan, tiada urusan dagang dilakukan, para pedagang mengalami kesusutan modal.

Hal ini dapat diteliti dalam penghasilan biji-bijian sewaktu

17 Di sini Ibn Khaldun membicarakan penimbunan, *ihtikar* tidak melalui pandangan sosial ekonomi, padahal lapangan pembicaraan kedua segi ini tidak sempit dan erti berhubungan dengan persoalan yang sedang dibahasnya. Ibn Khaldun membicarakannya dari segi psikologi, yang masih asing bagi kita.

ianya murah, keadaan-keadaan para petani dan pengeluar-pengeluar hasil pertanian yang terlibat dalam penghasilannya adalah mengalami kemerosotan, keuntungan mereka akan berkurang, tidak bererti atau hilang sama sekali. Mereka tidak berupaya menambah modal. Atau, kalau bertambah pun hanyalah sedikit sahaja. Dan keadaan mereka mengalami kesulitan dan menjadi miskin dan ibarat kais pagi makan pagi sahaja. Ia kemudiannya melibatkan pengilang, pembuat-pembuat roti dan segala pekerjaan ada hubungan dengan hasil pertanian dari sejak ia disemai hinggalah menjadi bahan makanan. Sebaliknya juga angkatan tentera pun turut terlibat. Sumber rezeki mereka adalah ditentukan oleh raja dalam bentuk biji-bijian yang dihasilkan oleh para petani, melalui keizinan tuan-tuan tanah.

[*Keadaan yang sama akan terjadi bila kemerosotan harta berjalan terus-menerus dalam barang-barang keperluan seperti gula, madu atau pakaian, yang membawa mundurnya perdagangan.

Kerana itu kita lihatlah bahawa kerendahan harga yang melampaui batas merugikan mereka yang berdagang dalam barang-barang yang harganya turun itu. Kenaikan harga yang melampaui batas juga merugikan, sekalipun dalam hal-hal yang luar biasa, di mana terdapat, itu akan mengakibatkan penumpukan kekayaan. Kemakmuran akan terjamin dengan sebaik-baiknya oleh harga yang sederhana dan cepat lakunya barang di pasar. Dan ilmunya itu kembali kepada kebiasaan-kebiasaan yang berlaku di kalangan penduduk beradab.]

Harga yang rendah untuk hasil pertanian, dan barang-barang lain yang diperdagangkan adalah dipuji kerana keperluan akan barang-barang itu pada sifatnya yang umum, dan para penduduknya kaya mahupun miskin, adalah dipaksa membeli makanan. Orang-orang yang memerlukan bantuan orang lain merupakan golongan terbesar di kalangan penduduk yang berperadaban. Dengan demikian, (harga yang rendah untuk bahan-bahan makanan) adalah mendorong kepada manfaat umum, dan makanan dalam erti kata hasil-hasil pertanian, adalah lebih dititikberatkan daripada perdagangan.

Dan Allah s.w.t. Maha Pemberi Rezeki, memiliki kekuatan yang kukuh. Allah Maha Suci Maha Tinggi, Tuhan 'Arsy yang Maha Agung.

15 Hemah para pedagang adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan tokoh-tokoh yang disegani dan adalah jauh lebih rendah daripada seorang insan

Dalam bahagian terdahulu, kita telah menyatakan bahawa seorang pedagang harus mengambil kira menjual dan membeli, mendapatkan wang dan mendapatkan keuntungan. Ini memerlukan kebijaksanaan, kesanggupan untuk menghadapi cabaran, bijaksanaan, sering bertengkar dan kesabaran yang tinggi. Semuanya itu merupakan asam garam dunia perdagangan. Kualiti-kualiti itu adalah sesuatu yang merugikan dan merosakkan kesucian dan kelelakian, sebab ianya adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan yang mempengaruhi jiwa.

Sebab, perbuatan itu tidak dapat tidak semestinya akan mempengaruhi jiwa; maka perbuatan yang baik akan menimbulkan bekas yang baik dan utama dalam jiwa seseorang sedang perbuatan yang keji sebaliknya pula akan juga menimbulkan bekas. Demikianlah bekas-bekas perbuatan jahat akan berakar umbi dan kian hari akan kian kuat apabila bekas-bekas ini datangnya dalam usia muda dan terjadi berulang kali; sedang bila datangnya kemudian, ia akan menghapuskan watak yang baik dengan memberikan bekas yang jahat kepada jiwa;[18] sebagaimana halnya semua kebiasaan yang diakibatkan oleh perbuatan yang berulang-ulang.

Pengaruh itu adalah berbeza-beza bergantung kepada jenis-jenis pedagang itu sendiri. Para pedagang yang tidak berhemah tinggi dan berhubung pula secara langsung dengan mereka yang melakukan penipuan dan kerap berbohong, menegaskan dan menafikan sesuatu yang ada kena-mengenanya dengan urus niaga dan harga adalah akan lebih terpengaruh kepada kualiti-kualiti yang kurang baik. Penipuan menjadi usaha utama mereka. Kesedaran sebagai seorang insan sama sekali asing, sesuatu yang terkeluar daripada kuasa untuk mendapatkannya.

Kemudian wujud pula suatu golongan pedagangan yang lain, sebagaimana telah dinyatakan dalam bahagian yang terdahulu,

---

18 Barangkali yang dimaksud ialah bahawa perbuatan jahat akan memberi bekas kepada jiwa yang masih kosong dan belum terbentuk atau kepada jiwa yang sudah membiasakan kebiasaan baik. Dalam keadaan yang pertama maka perbuatan jahat itu akan meninggalkan bekasnya dengan serta-merta; sedang dalam keadaan kedua, hanya setelah menghapuskan kebiasaan-kebiasaan yang baik itu. (Lihat Charles Issawi).

yakni golongan yang mendapat perlindungan daripada orang yang berpengaruh dan dengan demikian tidak tergolong ke dalam usaha dagang seperti itu. Mereka adalah segelintir sahaja. Sebab mereka adalah golongan yang secara mendadak telah mendapat sejumlah wang daripada anggota keluarganya maka mereka telah memperolehi kekayaan yang menghubungkaitkan mereka dengan kerajaan dan yang dapat kemasyhuran dan kenali oleh masyarakat sezaman dengan mereka. Dan mereka membiarkannya untuk diurusi oleh para wakil dan pesuruh. Adalah suatu yang mudah untuk meminta pihak kehakiman untuk mengesahkan hak-hak mereka, sebab para hakim adalah terlebih maklum dengan sikap baik hati dan hadiah-hadiah. Kerana itu, mereka akan lebih disanjung dan dihormati dibandingkan dengan golongan pedagang yang lainnya. Sungguhpun demikian, akibat-akibat itu masih terasa juga sekalipun tidak dibicarakan kerana itu mereka harus masih mengawasi perbuatan-perbuatan wakil-wakil dan pegawai-pegawainya – tetapi akibat itu harus terbatas sekali dan tidak tampak.

> "Dan Allahlah yang menciptakan kamu dan apa yang kamu perbuat itu".[19]

16 Usaha-usaha pertukangan yang menghendaki para guru

Sebilangan hasil kerajinan (pertukangan) atau keahlian (*malakah*) adalah mudah dan selebihnya adalah yang berhubung dengan akal. [*Keahlian yang praktis adalah berhubungan dengan badan dan perasaan. Maka keahlian-keahlian yang berhubungan dengan badan dan perasaan ini boleh diperoleh lebih sempurna dan lebih mudah melalui hubungan langsung dalam soal-soal yang sifatnya *badani* dan inderawi merupakan perolehan yang paling sempurna.

Keahlian boleh diberi takrifkan sebagai sifat yang berurat dan berakar selaku hasil pengerjaan berulang-ulang, hingga bentuk perbuatan itu dengan kukuh tertanam (dalam fikiran); dan tingkat keutamaan keahlian itu akan bergantung kepada mutu contoh yang ditirunya. Maka adalah lebih mudah mencontohi sesuatu yang terlihat daripada mencontohi sesuatu yang didengar atau dibaca; sedang baiknya sesuatu keahlian yang diperoleh dengan belajar tergantung kepada baiknya guru dan cara yang digunakan untuk mengajarkannya.]

---

19 Al-Quran surah 37 (ash-Shaffat) ayat 96.

Syahadan, sebahagian daripada pertukangan itu terasa begitu mudah, dan sebahagian lagi agak sukar; yang mudah ialah yang rapat hubungannya dengan keperluan hidup yang pokok, dan yang sukar ialah yang berhubungan dengan keperluan kemewahan. Pertukangan yang mudah tentu lebih dahulu dipelajari, sebab mudahnya dan juga kerana langsung berkaitan dengan keperluan pokok. Tetapi, justeru kerana alasan inilah maka pengajaran pertukangan jenis ini selalu tidak sempurna, kerana otak manusia membawa kemungkinan-kemungkinan kesanggupan kepada kenyataan, hingga kemungkinan-kemungkinan itu menjadi sempurna. Proses ini memerlukan waktu yang panjang dan mungkin selama beberapa keturunan. Sebab peralihan yang demikian itu tidak terjadi serta-merta, terutama dalam barang-barang industri. Inilah sebabnya maka pertukangan di kota-kota kecil tidak maju, kendatipun pertukangan itu mudah dan sudah ada. Tetapi bila kota-kota itu menjadi lebih maju, dan kebiasaan akan barang-barang mewah menimbulkan keperluan kepada industri yang baru, kita melihat pertukangan tumbuh dari kesanggupan kepada kenyataan.

Pertukangan juga terbahagi kepada yang sifatnya khusus berhubungan dengan penghidupan, baik yang pokok ataupun yang tidak pokok; dan kepada yang sifatnya khusus berhubungan dengan fikiran-fikiran yang merupakan ciri khas manusia sehubungan dengan pemilikan ilmu; dan (kepada soal-soal yang khusus berhubungan) dengan politik. Pertukangan yang pertama, misalnya ialah menenun, menyembelih haiwan, tukang kayu, tukang besi, dan lain sebagainya. Pertukangan yang kedua, misalnya, ialah pembikinan kertas, iaitu pemeliharaan buku-buku melalui pembetulan dan penjilidan, serta menyanyi, membuat puisi, mengajarkan ilmu, dan lain sebagainya. Sedangkan pertukangan yang ketiga, misalnya, menjadi tentera, dan lain sebagainya.

Dan Allah lebih Mengetahui.

17 Pertukangan akan lebih sempurna hanya sekiranya ada peradaban menetap yang besar dan sempurna

Sebab bagi keadaan ini ialah, selagi peradaban tinggal menetap, *umran hadlari* tidak sempurna dan kota itu tidak benar-benar tersusun, penduduknya hanya tertarik untuk memperhatikan

keperluan-keperluan hidup, iaitu mendapatkan makanan, seperti gandum dan lain-lainnya. Kemudian, apabila kota itu mempunyai susunan dan tenaga kerja (yang kedapatan) bertambah dan bayaran untuk keperluan asas dan adalah lebih daripada cukup (untuk para penduduknya), apa yang menjadi lebihan dibelanjakan untuk kemewahan hidup.

Pertukangan dan ilmu pengetahuan itu adalah hasil daripada apa yang menjadi kemampuan manusia untuk berfikir, suatu yang membezakannya dengan binatang. Sebaliknya, keinginan manusia terhadap makanan adalah diakibatkan oleh kekuatan kebinatangan dan kebergiziannya (*nutritive power*). Ia adalah mendahului ilmu pengetahuan dan pertukangan, atas sebab wataknya sebagai keperluan asas. Sains dan pertukangan adalah wujud setelah adanya barang-barang perlu. Kerentanan pertukangan kepada kehalusan, dan kualiti tujuan yang mereka sediakan mengingat permintaan-permintaan yang dibuat oleh kemewahan dan kekayaan, yang kemudian sejajar dengan peradaban negeri yang khusus itu.

Suatu peradaban yang kecil atau badwiah hanya memerlukan pertukangan yang sederhana, seperti pertukangan kayu, besi, jahit, tenun, atau tukang sembelih. Khususnya, yang dipergunakan oleh keperluan yang pokok. Ia kedapatan di sana. Sesungguhnya ianya tidak sempurna dan tidak pula dapat dimajukan. Mereka tumbuh hanya sebagaimana mereka diperlukan, sebab semuanya adalah saranan kepada matlamatnya dan bukan tujuan untuk mendapatkannya.

Apabila peradaban telah berkembang pesat dan kemewahan merupakan suatu tuntutan, ia telah mencakupi kehalusan dan perkembangan pertukangan yang lebih lanjut. Akibatnya ia disempurna dengan segala pelengkapnya, dan pertambahan pertukangan jenis lainnya, sebagai tambahan kepadanya, ditambah sebagai permintaan kebiasaan hidup mewah dan permintaan keadaan-keadaan. Di antaranya adalah pertukangan tukang kasut, samak sutera, tenun emas, dan sebagainya. Apabila peradaban sudah benar-benar dikembangkan, pelbagai macam pertukangan disempurnakan dan diperhalusi sebaik-baiknya. Di kota-kota, ianya menjadi cara mencari mata pencarian hidup bagi orang yang mengamalkannya. Bahkan, ia menjadi suatu kegiatan yang diperoleh daripadanya sumber keuntungan yang paling besar, sebab kemewahan hidup di kota memerlukannya. Pertukangan kain se-

macam itu adalah pembuatan minyak wangi, tukang tembaga, tukang membuat dan memperbaiki kamar mandi, tukang masak, pembuat biskut, guru nyanyian, guru tarian, dan tukang-tukang gendang. Juga seperti penerbit buku yang memainkan pertukangan untuk menyalin, menjilid, dan membuat pembetulan. Pertukangan yang terakhir disebut ini adalah diperlukan oleh kemewahan hidup orang kota yang ada hubungannya dengan bahan-bahan intelektual. Pertukangan menjadi melampaui batasnya bila peradaban juga telah melampaui tahapnya. Maka, kita mempelajari adanya orang-orang Mesir yang mendidik binatang seperti burung-burung dan kera-kera jinak, yang menciptakan keajaiban yang menakjubkan, dan ada yang mengajarkan bagaimana menari atau berjalan di atas tali yang direntangkan, bagaimana mengangkat barang berat berupa binatang dan batu, dan banyak lainnya yang tidak kita temui di Maghribi. Sebab, peradaban kota-kota Maghribi belum mencapai peradaban seperti Mesir dan Kaherah.

Semoga Allah mengekalkan peradabannya bagi kaum Muslimin.

18 Pertukangan itu berakar umbi di kota hanya apabila kebudayaan tinggal menetap telah sebati dan dalam masa amat panjang

Apa yang menjadi alasannya adalah amat jelas. Pertukangan-pertukangan itu merupakan kebiasaan dan warna-warni peradaban. Kebiasaan dapat diterbitkan hanya apabila melalui pengulangan dan setelah mengambil masa yang panjang. Maka, pewarnaannya menjadi benar-benar terbentuk dan berakar umbi dari generasi ke generasi. Apabila pewarnaan semacam itu dicorakkan secara kukuh, ia amat sukar ditanggalkan. Dengan demikian, kita dapati bahawa kota-kota yang mempunyai kebudayaan tinggal menetap yang sudah dimajukan, peradabannya yang sudah mengalami kemunduran dan kemerosotan mengekalkan tanda-tanda pertukangan yang tidak lagi terdapat di kota-kota lainnya, meskipun telah mencapai jumlah yang paling ramai sekali. Ianya ialah kerana keadaan-keadaan di kota-kota itu dengan peradaban tuanya telah benar-benar mapan dan sebati melalui jangka masa yang amat panjang dan adalah perulangan yang berterusan, sedangkan kota-kota lainnya yang masih baru berkembang belum lagi mencapai kemuncak peradabannya.

Keadaan beginilah, sebagai contoh di Andalusia pada masa ini. Di sana kita dapati pertukangan dan lembaga-lembaganya masih wujud. Ianya terdiri kukuh dan sebati, sejauh mana hal yang diperlukan oleh kebiasaan masyarakat kotanya. Ia termasuk, sebagai contoh, bangunan-bangunan, juadah, pelbagai macam lagu-lagu dan hiburan misalnya muzik instrumental, alat-alat yang menggunakan tali, tari-menari, penggunaan permaidani di istana-istana, pembinaan yang ditata dengan baik sekali, rumah-rumah yang dibina dengan sempurna, penghasilan barang-barang gam dan tembikar, segala macam peralatan, majlis-majlis jamuan dan perkahwinan dan pelbagai macam pertukangan yang memerlukan kemewahan dan adat kebiasaan yang mewah. Maka kita dapati bahawa mereka mengamalkan dan memahami hal-hal tersebut lebih baik daripada bangsa yang lainnya meskipun peradaban di Andalusia telah mengalami kemerosotan, dan kebanyakannya tidak lagi setara dengan apa yang kedapatan di negeri pantai Laut Tengah lainnya. Alasannya ialah kebudayaan tinggal menetap *hadlarah* yang ada di sana sudah melalui kemapanannya melalui kestabilan kerajaan Bani Umaiyah, kerajaan bangsa Gothik yang terdahulu, dan kerajaan-kerajaan Taifah, *rayes de thaifas*, pengganti-pengganti Bani Umaiyah dan seterusnya.

Kebudayaan di sana telah mencapai puncak yang tidak pernah dicapai di daerah mana pun, kecuali yang dinukilkan dari Iraq, Syria, dan juga Mesir, kerana lamanya masa pemerintahan dinasti-dinasti di sana. Maka pertukangan pun berakar umbi dan segala jenisnya sempurna dalam kehalusan dan seni. Warnanya tinggal dan tetap ada di dalam peradaban itu, tidak berpisah dengannya, hingga peradaban itu merosot secara keseluruhan, tidak berbeza seperti warna bila melekat pada pakaian.

Demikian pula ehwalnya di Tunisia, berkenaan dengan kebudayaan yang dicapai dinasti Bani Sanhajah, dan Bani Muwahiddun penggantinya. Itu semua memang di luar Andalusia, tetapi kerana jarak antara Mesir dan Andalusia adalah dekat, warna peradaban daerah tersebut – yang diteruskan ke sana melalui Mesir – melemah dalam beberapa darjah. Dari Tunisia, para pelancong berulang-alik ke Mesir pada setiap tahun. Ada kemungkinannya penduduk Tunisia tinggal di sana untuk beberapa waktu sehinggalah mereka meneruskan kebiasaan hidup mewah mereka serta pertukangan Mesir yang telah mapan, yang telah mereka terima dengan begitu baiknya. Ehwal Tunisia pun dalam

soal itu sama dengan Mesir – kerana alasan tersebut – dan sama pula dengan Andalusia, kerana bilangan terbesar penduduk Mesir adalah terdiri dari orang-orang Andalusia Timur yang berhijrah pada abad ke-7. Keadaan di sana benar-benar berakar umbi. Meskipun pada masa ini peradabannya tidak sesuai untuk itu, tapi warna peradaban – kalau sudah kukuh – sedikit yang dapat berubah kecuali tempatnya lenyap.

Demikianlah yang kita dapatkan di al-Qairawan, Maroko, dan di Qal'at Ibn Hammad, sebuah bekas peradaban yang tertinggal, meskipun sekarang ini semuanya telah hancur, atau berada dalam kehancuran. Hanya orang terpelajar yang dapat mengetahuinya. Dia akan mendapatkan bekas dari pertukangan ini, yang menunjukkan apa-apa yang ada di sana; sebagaimana bekas tulisan yang dihapus dalam buku.

Dan Allah Maha Pencipta Maha Mengetahui.

19 Hasil kerja tangan itu akan menjadi bertambah baik dan bertambah banyak hanya apabila adanya permintaan

Sebab bagi hal itu ialah bahawa insan itu tidak akan menyumbangkan tenaganya tanpa mendapat apa-apa upah, sebab keringatnya itu adalah sumber mata pencarian hidup dan keuntungannya. Sepanjang hidupnya, dia tidak ada sumber keuntungan selain daripada itu. Dengan demikian, dia akan mengarahkan setiap usahanya kepada apa-apa yang mempunyai nilai, supaya ianya memberikannya suatu keuntungan. Sekiranya suatu pertukangan itu ada permintaan, dan ada yang sanggup menjadi pembelinya, pertukangan itu kemudiannya akan menjadi semacam suatu barang dagangan yang diperlukan dan diimport untuk dijual. Akibatnya, penduduk-penduduk kota itu akan berusaha mempelajari keahlian yang diperlukan untuk itu, supaya dia boleh menjadikannya sebagai sumber pendapatan.

Sebaliknya, sekiranya sesuatu pertukangan itu tidak lagi diperlukan maka tiada yang mahu membelinya, dan tidak ada sesiapa lagi mahu mempelajarinya. Sebagai akibatnya, pertukangan itu tidak diendahkan orang dan pupus kerana diabaikan.

Dan inilah pengertian daripada apa yang dikatakan oleh Ali – semoga keredaan Allah kepadanya: "Nilai setiap orang terletak dalam keahliannya".

Ertinya, pertukangan yang dikuasainya adalah ukuran bagi nilainya; atau lebih tepat, ukuran bagi nilai tenaga kerja yang menjadi sumber penghidupannya.

Ada suatu rahsia yang harus difahami dalam hubungan ini. Bahawasanya, pertukangan itu diperlukan oleh kerajaan yang memerintah. Ia mewujudkan adanya permintaan dan menjadikannya suatu keperluan. Hasil usaha tangan yang tidak diperlukan oleh sesebuah kerajaan mungkin diperlukan oleh penduduk di sesuatu kota. Sesungguhnya, ia bukannya suatu hal yang sama, kerana kota adalah peluang pasaran yang paling besar. Apa sahaja yang diperlukan oleh dinasti adalah sesuatu yang lebih banyak diperlukan. Dan rakyat jelata, meskipun memerlukan pertukangan, tetapi permintaan itu tidak umum sifatnya. Pasaran mereka adalah tidak menguntungkan.

Dan Allah Maha Suci, Maha Tinggi dan berkuasa ke atas segala apa yang dikehendaki-Nya.

20 Pertukangan akan mengalami kemerosotannya apabila kota-kota itu sudah hampir dengan kemusnahannya

Pertukangan itu boleh menjadi baik hanya apabila ianya diperlukan dan apabila ada permintaan yang besar. Jika keadaan di sesebuah kota telah mengalami kelemahan dan kelesuan itu menjadi jelas sebagai akibat merosotnya peradaban dan jumlah penduduknya, yang kecil, maka kemewahan di kota itu menjadi berkurangan. Penduduknya membataskan dirinya kepada keperluan asas sahaja. Pertukangan yang menjadi hak kemewahan menjadi sedikit. Orang yang ahli dalam sesuatu keahlian tidak lagi dapat menjamin sumber rezeki. Dengan demikian dia pun beroleh kepada yang lain atau mati. Dan tidak ada pewarisnya. Akibatnya institusi pertukangan itu pun lenyap sama sekali. Maka, sebagaimana yang dapat dicontohkan melalui para pengukir, tukang emas, tukang-tukang tulis, penyalin, dan keahlian lainnya yang mengisi keperluan kemewahan hidup. Pertukangan itu akan terus merosot selama kota itu mengalami kemerosotannya.

Dan Allah Maha Mengetahui, Maha Suci dan Maha Tinggi.

21 Bangsa Arab[20] adalah satu di antara golongan manusia yang paling tidak mahir dengan pertukangan

Sebab bagi persoalan ini ialah bangsa Arab telah sebati dengan hidup di padang pasir dan adalah terpisah daripada hidup tinggal menetap, pertukangan, dan perkara-perkara lain yang ada hubungannya dengan kehidupan menetap. Bangsa bukan Arab, di Timur dan bangsa Kristian yang menghuni di pantai-pantai Laut Tengah adalah kelompok masyarakat yang paling sesuai dalam melakukan kerja-kerja pertukangan. Sebabnya ialah mereka telah alah bisa tegal biasa dengan kehidupan tinggal menetap, dan tidak biasa dengan hidup di padang pasir dan kebudayaan pengembara. Dengan demikian kita dapati tanah air orang-orang Arab, dan daerah-daerah yang mereka kuasai di bawah bendera Islam mempunyai pertukangan yang amat sedikit sehingga ia (pertukangan atau hasil pertukangan) harus didatangkan dari daerah luar. Sebaliknya, kita dapat menyaksikan betapa banyaknya hasil kerja tangan di negeri-negeri bukan Arab, seperti China, India, atau di tanah air orang-orang Turki dan bangsa Kristian, dan bahawa bangsa-bangsa lain mengimport hasil pertukangan daripada mereka.

Bangsa bukan Arab di Barat, bangsa Barbar dari Maghribi, dalam hal ini adalah sama dengan orang-orang Arab. Sebabnya ialah setelah waktu yang lama mereka telah sebati dengan kehidupan di padang-padang pasir. Hal itu dapat dibuktikan dengan sedikitnya bilangan kota-kota yang terdapat di negeri itu. Dengan demikian, pertukangan di Maghribi adalah sangat sedikit dan tidak mapan. Apa yang ada hanyalah usaha menenun bulu, serta menyamak dan menjahit kulit. Sebab, apabila mereka tinggal menetap, mereka mengusahakannya secara bersungguh-sungguh, sebab ianya adalah sesuatu yang menjadi keperluan umum, (bulu dan kulit) yang diperlukan adalah bahan yang kedapatan di daerah mereka, dengan mengambil kira keadaan-keadaan badwiah yang wujud dalam kehidupan mereka.

Sebaliknya usaha tangan itu telah bertapak di Timur, sejak beberapa lama, dari zaman kekuasaan Parsi Lama, Babylonia, Mesir, Israel, Yunani, dan Romawi. Maka, keadaan-keadaan telah

---

20 Di sini dan di tempat-tempat lain dari *Muqadimah* ini perkataan 'Arab' ditujukan kepada kaum pengembara Badwi, bukan orang Arab yang menetap.

membiasakan cara hidup menetap sejak beberapa generasi, kerana itu cara hidup beradab – dan kerana itu pula pertukangan-pertukangan, sebagaimana yang telah kita katakan sebelum ini – dikembangkan oleh penduduk negeri-negeri itu, dan tidak dapat dihapuskan. Memang betul bahawa Yaman, al-Bahrayn, Oman, dan jazirah Arabia, selebihnya selalu berada di bawah kekuasaan Arab. Tetapi kekuasaan itu, dalam beberapa ribu tahun, selalu berada di tangan golongan yang berbeza-beza seperti 'Azd, Tsamud, Amalika, Himyar, dan para pengganti mereka. Tababiah dan Adzwa, yang mendirikan kota dan mencapai tingkat peradaban tinggi dan kemewahan. Dengan kata lain, di sana dahulunya terdapat masa panjang kekuasaan dan peradaban. Ini memungkinkan pertukangan dan kerajinan dapat dimajukan dengan pesat. Usaha tangan itu berkembang dan menjadi sebati. Ia telah menjadi suatu usaha yang diperbaharui hinggalah ke masa ini dan menjadi sesuatu yang khusus di daerah ini. Ciri khas negeri itu (Yaman) adalah pertukangan, seperti menyulam, kain yang berjalur, dan pakaian bulu dan sutera yang baik tenunannya.

22 Mereka yang telah ahli di dalam satu pertukangan jarang sekali selepas itu menguasai kerja pertukangan yang lainnya

Sebagai contoh, ialah seorang tukang jahit yang telah ahli dalam kerja jahit-menjahit. Keahlian itu sudah tertanam dengan baik di jiwanya, ia tidak akan dapat menjadi ahli dalam pertukangan kayu atau batu, melainkan sekiranya keahlian yang pertama itu belum dapat dikuasai dengan baik dan belum menguasai corak fikirannya. Alasan bagi persoalan ini ialah bahawa keahlian itu adalah kualiti jiwanya. Ia tidak berlaku secara serentak. Dan mereka yang fikirannya masih asli mempunyai kesempatan yang baik untuk mendapat keahlian itu dan mudah dibentuk jiwanya. Ibarat kata, kalau hendak melentur buluh eloklah ia masih rebung. Apabila sudah menguasai sesuatu keahlian adalah sukar hendak menguasai yang lain sebab ia telah dipengaruhi oleh sesuatu kebiasaan.

Semuanya ini adalah jelas dan boleh digambarkan oleh banyak contoh daripada kehidupan kita sehari-hari. Adalah sukar didapati seorang tukang yang setelah menguasai bidang keahliannya dengan baik akan dapat menguasai bidang yang lain dan menguasai kedua-duanya sekali. Hal ini dapat diperpanjangkan kepada orang yang pandai yang keahliannya adalah bersifat

rohaniah. Seorang cendekiawan yang telah menguasai sesuatu ilmu dan betul-betul ahli dalam sesuatu cabang ilmu akan jarang sekali menjadi ahli dalam cabang ilmu pengetahuan lainnya. Dan sekiranya dia mempelajari bidang ilmu yang lain, mungkin kecuali dalam hal-hal yang luar biasa tidak dapat menguasainya.

23 Keterangan singkat mengenai keahlian-keahlian yang asas

Bidang-bidang keahlian yang dilakukan oleh manusia adalah begitu banyak usaha terdapat dalam peradaban. Ia adalah begitu banyak untuk diberikan singkatan yang menyeluruh. Tetapi sebahagian daripadanya merupakan suatu keperluan dalam peradaban, atau tergolong dalam sesuatu yang dihormati sebab apa yang menjadi objeknya. Kita hanya akan membahaskan dua jenis keahlian sahaja dan mengetepikan yang selebihnya.

Bidang keahlian yang mustahak adalah pertanian, seni bina, penjahitan, pertukangan kayu dan pertenunan. Keahlian yang terhormat disebabkan objeknya ialah kebidanan, seni tulis-menulis, pengeluaran buku, menyanyi dan perubatan.

Kebidanan adalah sesuatu yang perlu dalam peradaban dan sesuatu yang menyentuh masyarakat, sebab ianya memastikan, sebagai suatu kelazimannya, kehidupan bayi yang baru dilahirkan.

Ilmu perubatan adalah untuk memelihara kesihatan dan menjauhkan penyakit. Ia adalah suatu cabang dari ilmu tentang alam (fisika). Apa yang menjadi objeknya ialah tubuh manusia.

Keahlian menulis dan keahlian pelengkapnya yakni pembikinan sebuah buku mengekalkan sesuatu yang menyangkuti manusia dan memelihara orang daripada melupainya. Ia membolehkan jiwa manusia yang paling dalam sampai kepada manusia yang jauh dan tidak wujud. Ia menggambarkan melalui buku apa yang menjadi hasil pemikiran dan kecendekiawanan.

Menyanyi merupakan suatu keharmonian bunyi dan manifestasi keindahannya itu disalurkan ke telinga manusia.

Ketiga-tiga jenis keahlian (yang tersebut belakang ini)[21] membawa orang yang mahir dalam bidangnya dekat dengan raja-raja. Maka ia mempunyai martabat yang mana keahlian lainnya tidak memilikinya. Keahlian lainnya, sebagai kelazimannya adalah

---

21 Maksudnya: ketiga keahlian terakhir, iaitu kedoktoran (termasuk kebidanan), tulis-menulis (termasuk pembuatan kertas), dan keahlian menyanyi.

termasuk kepada yang kedua, dan terpaksa tunduk kepadanya. Kerana itu, pandangan orang terhadap keahlian adalah berbeza-beza, tergantung kepada lapangan keahlian yang mendapat penghargaan di kalangan masyarakat.

24 Keahlian dalam bidang pertanian

Apa yang menjadi sasaran keahlian ini ialah untuk memperoleh bahan makanan dan buah-buahan. Seseorang itu haruslah bekerja mengolah tanah, menabur benih, bercucuk tanam, mengawasi ianya disirami air dan menjaga hinggalah tanaman cukup besar, lalu dituai, mengeluarkan isi daripada kulit. Mereka juga harus memahami segala kegiatan yang ada hubungannya dengan kesemuanya itu, serta memenuhi segala sesuatu yang diperlukan dalam persoalan ini.

Pertanian itu adalah bidang keahlian yang paling tua di antara keahlian lainnya, sebab ia menghasilkan bahan makanan yang merupakan faktor utama yang biasanya melengkapi kehidupan manusia. Tanpa makanan manusia itu tidak dapat hidup dengan demikian, keahlian seperti ini telah ada secara khususnya di desa, yang seperti telah kita sebutkan, desa lebih dulu dan lebih tua dari kota. Atas alasan inilah, keahlian itu adalah bersifat desa, tidak dikerjakan dan tidak dikenal oleh orang kota.

25 Keahlian seni bina

Ia adalah keahlian yang pertama dan tertua dalam peradaban hidup menetap. Keahlian ini menyangkut pengetahuan dalam pembuatan rumah dan tempat tinggal yang besar sebagai tempat berteduh dan berlindung. Ini adalah kerana manusia itu memiliki watak yang semula jadi untuk memikirkan segala akibat yang bakal menimpanya. Maka, suatu yang tidak dapat dielakkan ialah dia harus memikirkan bagaimana harus menolak ancaman yang timbul oleh cuaca panas dan kedinginan, dengan menggunakan rumah yang dilingkungi oleh dinding dan bumbung untuk memisahkan antara dengan apa yang ada di luar sana. Kebolehan semula jadi untuk berfikir, suatu yang bermakna kemanusiaan ada pada manusia dan ia wujud dalam pelbagai tahap. Sebahagian daripada mereka adalah berwatak terlalu mengambil kira atau tidak kisah dalam masalah ini, mereka menggunakan rumah

dengan secara sederhana. Sementara yang lainnya tidak berapa biasa dengan rumah, sebab mereka tidak berapa mengambil berat, dan pemikiran mereka tidak digunakan sebaik-baiknya untuk melatih diri dengan keahlian manusia. Seperti penduduk daerah beriklim dua, tiga, empat, lima dan enam. Hal sebaliknya dengan orang-orang Badwi. Mereka tidak membina rumah kerana akal fikiran mereka yang lemah mengenai pengetahuan tentang keahlian tersebut. Dengan demikian, mereka mendiami lubang-lubang bawah tanah dan gua, sebagaimana mereka memakan makanan yang tidak disediakan dan tanpa dimasak.

Sekarang, orang-orang yang sederhana yang menggunakan rumah sebagai tempat berteduh adalah sangat banyak dan memiliki beberapa rumah di sesuatu kawasan. Mereka tidak kenal-mengenal dan saling tidak mengambil tahu tentang orang lain. Mereka takut akan diserang pada waktu malam. Dengan demikian, mereka harus mempertahankan komunitinya dengan membuat tembok-tembok, atau dinding untuk melindungi diri mereka. Maka keseluruhannya menjadi sebuah bandar atau kota, di mana mereka dijaga oleh penguasa-penguasa yang mempertahankan mereka yang menjadikan mereka terpisah. Mereka juga memerlukan perlindungan daripada ancaman musuh. Maka, mereka membuat benteng dari puri untuk orang-orangnya. Mereka itu adalah seperti raja-raja, atau amir-amir, atau kepala-kepala suku yang setara dengannya.

Demikian juga keadaan-keadaan bangunan yang berbeza-beza di pelbagai kota. Setiap kota akan mengikuti prosedur yang sudah dimaklumi dan menurut kemampuan teknikal para penduduknya, dan sesuai dengan iklim dan keadaan-keadaan yang berbeza-beza. Ada di antara mereka itu membuat puri-puri. dan pembinaan rumah yang amat besar, yang terdiri daripada sejumlah tempat tinggal, rumah, dan kamar-kamar besar, kerana mereka memiliki anak yang ramai, para pelayan, ahli keluarga, dan para pengawal. Mereka mendirikan dindingnya dari batu, dan mereka mencampurnya dengan kapur. Mereka kemudian mengecat dan membuat *plaster*, dan berusaha untuk memperindah dan menghias demi untuk menunjukkan betapa mereka sangat mengambil berat terhadap tempat tinggal itu. Sebagai tambahannya mereka mengadakan gudang dan kamar bawah tanah untuk dipergunakan sebagai tempat menyimpan bahan makanan. Mereka juga menyediakan kandang untuk menambatkan kuda-kuda mereka; apalagi jika mereka anggota tentera dan memiliki

beberapa pengikut dan tamu, seperti amir dan orang-orang yang sejajar kedudukannya dengan itu. Sebahagian yang lain pula membina tempat tinggal atau rumah kecil untuk keluarga mereka sahaja. Tidak ada keinginan untuk membina lebih daripada itu, sebab keadaan tidak mengizinkan. Maka, mereka pun membatasi diri pada tempat tinggal yang memang sudah menjadi suatu yang semula jadi kepada umat manusia. Antara kedua-dua hal yang berbeza itu terdapat tingkatan-tingkatan yang sulit dibicarakan.

Seni bina juga diperlukan apabila para raja dan orang-orang di dalam dinasti itu membangun kota-kota besar dan monumen-monumen tinggi. Mereka berusaha secara bersungguh-sungguh di dalam membuat rancangan yang baik dan struktur bangunan yang tinggi dengan kesempurnaan dari segi teknikalnya. Kesungguhan seni bina seperti ini akan dapat mencapai kemajuannya yang paling sempurna. Seni bina merupakan keahlian yang memenuhi keperluan untuk semuanya itu.

Kebanyakan keahlian seperti ini terdapat di kawasan yang iklimnya adalah sederhana. Di kawasan yang iklimnya tidak sederhana tidak pula terdapat aktiviti pembangunan. Para penduduk di kawasan itu membuat rumah daripada rumput-rampai dan tanah-tanah liat atau mereka tinggal di gua-gua dan lubang-lubang dalam tanah.

Para jurutera yang melaksanakan keahlian ini adalah berbeza-beza. Sebahagian daripada mereka memang pandai dan ahli. Sebilangan yang lain pula kurang keahliannya.

Mutu binaan itu adalah tergantung kepada dinasti dan kekuasaannya. Dan telah kita nyatakan bahawa keahlian dan kesempurnaannya tidak lain adalah berkat kesempurnaan kebudayaan *hadlarah*. Atas alasan itu, pada permulaannya negara itu hanya bersifat badwiah dan aktiviti pembangunan memerlukan sokongan daripada daerah-daerah yang lain. Sebagaimana yang terjadi pada al-Walid bin Abdul Malik, ketika mereka bersepakat untuk membangunkan Masjid Madinah dan el-Quds (Jerusalem), serta masjidnya sendiri di Damaskus (Syria). Beliau telah meminta kaisar Byzantin di Konstantinopel supaya menghantar tenaga pekerja yang ahli dalam seni bina bangunan, dan kaisar itu telah mengirimkan pekerja untuk membangun masjid-masjid itu, sebagaimana telah direncanakan.

Para jurutera juga telah menggunakan sebahagian daripada kaedah geometri dan kejuruteraan. Sebagai contoh, mereka telah

menggunakan timbangan pengukur garis untuk meluruskan tembok-tembok, dan menggunakan alat-alat untuk mengalirkan air dan sebagainya. Atas alasan itu mereka telah memiliki sedikit sebanyak pengetahuan mengenai persoalan yang ada hubungannya dengan kejuruteraan. Mereka juga harus telah mengetahui bagaimana hendak menggerakkan benda-benda yang berat dengan menggunakan jentera. Bongkah-bongkah batu yang besar tidak dapat dinaikkan ke atas tembok sekiranya tidak dibantu oleh pekerja-pekerja sahaja. Maka, kejuruteraan itu harus berusaha untuk melipatgandakan kekuatan tali dengan memasukkannya ke dalam lubang-lubang yang dibina sesuai dengan ukuran-ukuran geometri, dari sambungan yang disebut 'takal'. Ini membuat benda yang berat tadi lebih mudah untuk diangkat dan dengan demikian pekerjaan itu dapat diselesaikan tanpa mengalami banyak kesukaran. Hal ini hanya dapat dilaksanakan melalui prinsip-prinsip kejuruteraan yang sudah dimaklumi oleh mereka. Hal-hal semacam itu telah memungkinkan pembangunan monumen-monumen yang berdiri teguh hingga sekarang, yang dipercayai telah dibina sejak zaman Jahiliah lagi. Ada pula anggapan bahawa tubuh orang-orang yang membina monumen itu adalah besar dan sasa. Ternyata anggapan sebegini adalah salah. Semuanya itu insya-Allah akan terlaksana sekiranya mereka menggunakan prinsip-prinsip geometri, sebagaimana telah kita jelaskan. Hendaklah hal ini dimengertikan.

Dan Allah yang Maha Suci itu telah menciptakan apa yang dikehendaki-Nya.

26 Seni pertukangan kayu

Keahlian ini merupakan salah satu daripada keperluan peradaban, *umran*. Bahannya adalah perkayuan. Ianya adalah sepertimana berikutnya. Allah telah menjadikan segala yang diciptanya bermanfaat kepada manusia, supaya dapat memenuhi kepentingan dan keperluannya. Di antaranya adalah pohon-pohon. Ia digunakan sebagai bahan bakar dan penyangga benda-benda yang berat.

Orang-orang Badwi menggunakan kayu sebagai tiang khemah dan pasak sebagai tandu unta untuk para wanita mereka, dan sebagai lembing, busar, dan anak panah yang dijadikan senjata mereka. Orang-orang yang tinggal menetap meng-

gunakan kayu sebagai bumbung rumah, sebagai palang-palang pintu, dan kerusi untuk diduduki. Apa yang dapat dihasilkan itu adalah ciptaan suatu keahlian. Keahlian itu telah menjadikannya sebegitu rupa dan hasil daripada pertukangan kayu muncul dalam tingkatannya yang berbeza-beza. Orang yang ahli dalam bidang ini, pertamanya perlu bijak memilih jenis-jenis kayu. Ia kemudiannya disusun sesuai dengan bentuk yang dimahukan. Menerusi kesungguhan keahliannya, dia akhirnya menyiapkannya menjadi bentuk yang dihajati.

Orang yang bertanggungjawab dalam keahlian ini ialah seorang tukang kayu. Dia adalah penting dalam peradaban. Kemudian, setelah kabudayaan menetap bertambah maju, dan masyarakatnya mahukan jenis-jenis bumbung yang menarik hati, pintu, kerusi, dan alat perabot rumah, maka hal itu akan dapat dihasilkan menerusi daya cipta yang tinggi sekali di mana ianya sudah bersifat mewah, dan bukan lagi suatu keperluan pokok. Hal tersebut meliputi, misalnya, pembuatan ukiran-ukiran bagi di pintu dan kerusi. Atau seseorang itu boleh dengan keahliannya menggunakan mesin lorek dan kemudiannya membentuk potongan-potongan kayu itu menjadi satu bahagian di dalam bentuk susunan yang simetrikal dan memakunya, sehingga tampak sebagai satu bahagian keseluruhannya sahaja. Kadang-kadangnya ia boleh dibuat dalam bentuk yang berbeza dengan ukuran yang sama. Dan akan terhasillah sesuatu yang diperbuat daripada kayu yang sangat indah sekali. Pertukangan kayu juga diperlukan dalam pembuatan kapal-kapal yang dibina daripada kepingan-kepingan papan dan pasak-pasak.

Mempertimbangkan semula asal usulnya pertukangan kayu memerlukan pengetahuan yang baik mengenai geometri dalam segala macamnya. Ia memerlukan sama ada pengetahuan umum, ataupun yang khusus tentang sukatan dan ukuran demi menjadikannya suatu bentuk daripada apa yang mungkin kepada yang sebenarnya. Untuk memahami sukatan-sukatan tadi, seseorang itu haruslah menggunakan sumber geometri.

Sebab itulah, ahli-ahli geometri Yunani terkemuka dalam pertukangan kayu iaitu Euklide telah mengarang *Book of Principles*, mengenai geometri. Beliau adalah seorang tukang kayu yang terkenal. Hal yang sama juga dengan Apollonius, pengarang buku *Conic Sections* dan Menelaus, serta lain-lainnya.

[*Ada pula anggapan bahawa guru pertukangan kayu adalah

Nabi Noh a.s. Beliau telah membina sebuah kapal untuk menyelamat umatnya yang taat kepada ajaran Allah s.w.t. Kapal itu digunakan di kala bah besar. Maklumat ini mungkin benar – maksud saya bahawa seorang tukang kayu seperti beliau. Namun, anggapan bahawa beliaulah orang pertama yang mengajarkannya atau mempelajarinya tidaklah tegak atas hujah-hujah yang kuat kerana jarak waktu yang amat panjang. Tetapi makna itu boleh ditarik – dan Allah Lebih Mengetahui – iaitu keterangan sekilas mengenai betapa lamanya keahlian pertukangan kayu itu. Sebelum Noh, tidak ada berita yang benar sehubungan dengan pertukangan ini. Maka jadilah dia seakan-akan orang pertama yang mempelajarinya.

> Allah Maha Suci Maha Tinggi Lebih Mengetahui, dan dengan pertukangan ini. Maka jadilah dia seakan-akan orang pertama yang mempelajarinya. Allah Maha Suci Maha Tinggi Lebih Mengetahui, dan dengan-Nya taufik.]

27 Keahlian dalam bidang sulam-menyulam dan jahit-menjahit

[*Kedua keahlian ini penting dalam peradaban, kerana umat manusia memerlukan hidup yang penuh kemewahan yang melimpah. Menyulam adalah merangkai barang-barang yang dipintal, seperti bulu domba, kain, dan kapas, supaya benang yang dirangkai memanjang dan melebar tidak terurai, dan agar tenunan itu benar-benar kukuh dan kuat sehingga dapat dipotong menurut ukuran tertentu. Ada tenunan bulu domba yang dipotong dengan ukuran baju yang melingkar badan; ada tenunan kapas dan katun untuk pakaian.

Dan menjahit adalah memotong tenunan dalam pelbagai bentuk dan adat yang berbeza-beza. Pertama dipotong dengan gunting, sesuai ukuran badan, kemudian merangkai potongan itu – baik menyambung, menambah atau memperluas sesuai dengan macam keahlian – dengan cara menjahitnya.

Keahlian yang kedua ini khusus ada pada peradaban hidup bangsa yang tinggal menetap, kerana bangsa yang mengembara tidak memerlukannya, dan mereka hanya memakai pakaian sekadar melingkari di tubuh sahaja. Tetapi, orang-orang yang condong kepada kebudayaan hidup menetap memotong bahan-bahan tenunan kepada beberapa potong menurut ukuran yang

tepat untuk menutup bentuk tubuh serta melengketkan setiap pinggirannya dengan cara menjahitnya, sehingga menjadi sebuah kain panjang yang dapat menutupi tubuh.]

Hendaklah hal ini dapat dimengertikan demi memahami sebab mengapa pakaian yang dijahit itu adalah haram dipakai ketika melaksanakan ibadah haji. Menurut syariat agama, pengerjaan ibadah haji memerlukan, antara lainnya melepaskan apa yang ada sangkut-pautnya dengan duniawi seluruhnya, dan kembali kepada Allah sepertimana Dia menciptakan kita pada asalnya. Manusia itu tidak seharusnya menambatkan hatinya kepada kebiasaan hidup mewah, seperti menggunakan minyak wangi, wanita, pakaian yang berjahitan, ataupun sepatu. Dia tidak seharusnya pergi berburu atau mendedahkan diri kepada kebiasaan hidup di mana jiwa dan wataknya telah dicemari. Apabila seseorang itu meninggal dunia semuanya itu ditinggalkan. Apa yang dia harus lakukan ialah datang dan mengerjakan ibadah haji seakan-akan dia sedang berada di padang mahsyar, menyedari kekerdilan dirinya dan menyerahkan sepenuhnya kepada Allah s.w.t.

Dan bila dia benar-benar ikhlas melakukan ibadah haji, ganjarannya ialah dia dapat menebus segala dosa-dosanya, kembali sepertimana di saat dilahirkan oleh ibunya.

> Maha Suci Engkau ya Tuhan! Alangkah besarnya kasih dan sayang-Mu kepada hamba-hamba-Mu di dalam mencari petunjuk mereka kepada-Mu.

Kedua-dua keahlian itu adalah sangat lama di dunia, kerana kehangatan itu diperlukan oleh seluruh umat manusia yang hidup di peradaban kelas menengah. Sepanas tidak menjadi terlalu hangat. Tidaklah sampai terjadi sepertimana diberitakan penduduk iklim yang pertama, seperti Sudan, seringkali terpaksa berbogel.

Oleh sebab kunonya keahlian ini, orang kebanyakannya menisbahkannya kepada Nabi Idris a.s. Ada pula yang menisbahkannya kepada Hermes. Dan ada pula yang mengatakan bahawa Hermes adalah Nabi Idris.

> Allah Maha Suci Maha Tinggi adalah Pencipta yang Maha Tahu.]

28 Keahlian dalam urusan perbidanan

Perbidanan adalah suatu proses yang melibatkan usaha mengeluarkan bayi dari dalam rahim si ibu dengan penuh kelembutan serta menyiapkan segala sesuatu yang ada hubungannya dengan hal itu. Ia juga menitikberatkan apa yang baik bagi si bayi selepas dia dilahirkan. Keahlian ini khusus dimiliki oleh wanita, sebab hanya mereka sahaja sebagai seorang wanita boleh melihat faraj wanita yang lainnya. Orang yang mengamalkannya disebut sebagai bidan, *qabilah* (penerima). Perkataan itu dipinjam daripada pengertian memberi dan menerima, seakan-akan wanita yang sedang melahirkan memberikan janin kepadanya, dan dia menerimanya.

Ianya adalah sepertimana berikutnya. Apabila janin (embrio) telah selesai melalui peringkat-peringkatnya dan telah terbentuk dengan sempurna di dalam rahim masa yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. untuk berada di dalam rahim yang biasanya mengambil masa selama sembilan bulan – ia pun berusaha untuk keluar, sebab Allah s.w.t. telah menanamkan keinginan semacam itu pada setiap bayi yang belum dilahirkan. Tetapi, jalan keluarnya adalah terlalu sempit, dan ini menyulitkannya untuk keluar. Selalunya dinding-dinding faraj pada sebahagiannya menjadi robek oleh tekanan (janin yang keluar), dan selalunya ada hubungan dan apa alat-alat yang menjadi selaput yang menutupinya, dengan (uterus) akan terputus. Pengalaman ini amat menyakitkan dan dideritai amat sangat. Inilah yang dimaksudkan dengan rasa sakit hendak melahirkan, *thalq*. Dalam hubungan ini, bidan dapat memberikan bantuannya dengan mengurut punggung, faraj dan tempat-tempat berdekatan dengan pangkal rahim ke bawah. Kemudian dia memberi rangsangan supaya janin itu dikeluarkan serta mempermudah segala yang sukar seboleh-bolehnya. Dia kemudiannya menggunakan sekuat tenaga sebagaimana difikirkan perlu tentang kesukaran itu. Apabila janin itu keluar, ia masih terlekat pada rahim melalui tali pusat diperutnya, alat yang digunakan oleh janin untuk mendapatkan makanan. Tali pusat itu penyambung yang dapat memberi makanan kepada si bayi. Bidan tadi memotong tali pusat itu pada bahagian yang berlebihan supaya tidak sampai membahayakan perut si bayi atau rahim si ibu. Kemudiannya dia merawati tempat yang cedera atau dengan cara rawatan yang dianggap sesuai.

Apabila janin itu keluar dari lubang yang sempit dengan keadaan tulang-temulangnya yang masih lembut dan mudah

dilenturkan ada kemungkinan bahawa bentuk tubuh dan sendi-sendinya berubah bentuknya, kerana ianya baru sahaja dibentuk dan disebabkan keadaannya yang lembap. Lantas, bidan terus melakukan urutan (*massage*) dan membetulkan bayi yang baru sahaja dilahirkan sehingga tiap kerangka tubuhnya kembali kepada bentuknya yang semula jadi, dan kedudukan yang sudah ditentukan untuknya, dan (si bayi) telah menjadi kepada bentuknya yang normal. Setelah itu, dia beralih kepada si ibu yang kesakitan tadi dan mengurusnya serta membersihkan selaput-selaput janin, sebab kadang-kadangnya selaput-selaput itu terlambat beberapa waktu untuk keluar. Dalam keadaan demikian, adalah dibimbangi susunan otot itu kembali kepada keadaannya yang asal sebelum sempat semua selaput itu dikeluarkan. Ia adalah sisa-sisa. Ia mudah busuk, dan pembusukannya itu mungkin akan sampai ke dalam rahim. Ia boleh mengakibatkan akibat yang membahayakan. Bidan sangat berhati-hati mengenai hal tersebut. Dia selalunya akan berusaha memberi bantuan mengeluarkan kesemua selaput tadi.

Kemudian dia kembali kepada si bayi. Dia menaruh minyak kepada anggota tubuhnya, dan menaburi bedak untuk menguatkannya dan mengeringkan cecair rahim (uterus). Dia mengusik-usik langit-langit mulut si bayi supaya anak lidahnya terangkat. Dia memasukkan sesuatu ke dalam hidung untuk mengosongkan rongga-rongga otaknya. Dan dia berusaha membuat bayi tadi menelan sesuatu makanan yang boleh ditelan supaya usus-usus perutnya tidak tertutup, dan dinding-dindingnya tidak melekat.

Kemudian, dia merawat wanita yang melahirkan itu daripada kelemahan yang diakibatkan oleh rasa sakit, dan oleh sakitnya di dalam rahimnya. Meskipun si bayi bukan merupakan bahagian yang semula jadi pada si ibu, cara terciptanya di dalam rahim membuatnya melekat seakan-akan satu bahagian yang tidak terpisah. Maka, pemisahannya itulah yang menimbulkan rasa sakit yang tidak terhingga sama dengan penolongan pada bahagian anggota tubuh seseorang. Bidan juga merawat rasa sakit pada bahagian faraj yang robek diakibatkan oleh tekanan bayi yang mendesak hendak keluar.

Ini semua memerlukan cara rawatan, dan kita dapati bidan-bidan seperti lebih ahli daripada seorang doktor yang cekap dengan cara merawati kesakitan yang menimpa si bayi dari sejak ia masih menyusu hinggalah bayi itu bercerai susu. Dan setelah ia bercerai susu, barulah dia benar-benar memerlukan seorang doktor. Kala

itu, keperluannya terhadap rawatan doktor adalah lebih mendesak daripada kemahuannya terhadap rawatan seorang bidan. Maka sudah jelas bahawa keahlian ini adalah perlu kepada manusia yang berperadaban.

[*Kadang-kadang dikemukakan kepada sebahagian individu akan tidak perlunya keahlian seperti ini: entah dengan mukjizat atau keluarbiasaan yang diciptakan Tuhan bagi mereka, seperti hak para nabi – semoga selawat dan salam dilimpahi ke atas mereka; atau dengan ilham serta hidayah-Nya di mana si bayi diilhamkan dan difitrahkan sedemikian, sehingga mereka terwujud tanpa perlunya keahlian ini.

Mengenai mukjizat (tidak perlunya akan keahlian itu) telah banyak dan sering terjadi. Di antaranya adalah cerita bahawa Nabi Muhammad s.a.w. dilahirkan dalam keadaan tali pusatnya telah terputus, telah tersunat, meletakkan kedua tangannya di atas tanah, dan memancarkan pandangannya ke langit. Demikian pula yang terjadi pada Nabi Isa di buaian, dan lain-lainnya.

Sedangkan mengenai ilham, ia tidak boleh ditolak. Apabila haiwan-haiwan bisu sahaja secara khususnya memiliki ilham-ilham yang menakjubkan, seperti lebah dan lain-lainnya, lalu bagaimana perkiraan tentang manusia yang dimuliakan, khususnya orang yang secara khusus diberi *karamah* Allah? Lalu ilham umum yang dimiliki oleh bayi-bayi, seperti mengambil puting susu dengan sendirinya, merupakan bukti paling jelas tentang adanya ilham umum bagi (bayi-bayi). Memang segala apa yang menjadi milik Allah s.w.t. itu terlalu besar untuk diketahui.

Berdasarkan teori ini dapatlah difahami tumbangnya pendapat al-Farabi dan pejabat-pejabat pemerintahan Andalusia mengenai ketidakhancuran rumpun makhluk dan ketidakmungkinan terputusnya penciptaan alam, khususnya rumpun manusia, pendapat yang mereka pertahankan berdasar hujah. Mereka menyatakan bahawa individu itu adalah rumpun manusia yang terputus, maka mustahil ada manusia setelah itu, kerana keahlian (kebidanan) ini pasti lenyap bersamanya. Padahal, manusia tidak mungkin terwujud tanpa itu, sebab kalau kita ditakdirkan lahir sebagai bayi tanpa (ada) keahlian ini dan tanpa dipelihara dengan keahlian itu hingga masa kita disapih, pasti kelangsungan hidup kita tidak boleh dipertanggungjawabkan. Dan mustahillah ada keahlian tanpa adanya fikiran yang dimiliki manusia, sebab keahlian merupakan hasil dan mengikuti fikiran.

Dengan keras Ibn Sina menolak pendapat ini. Dia berpendapat, rumpun makhluk (spesies) mungkin terputus, dan dunia penciptaan mungkin hancur, kemudian hal itu akan kembali lagi untuk kedua kalinya kerana tuntutan-tuntutan astrologi dan letak bintang-bintang aneh yang berubah-ubah windu demi windu, menurut andaiannya. Maka diperlukan suatu proses kimia dari lumpur yang sesuai kerana bercampurnya dengan panas tertentu, sehingga terbentuklah ia menjadi manusia. Lalu, didatangkan untuknya seekor binatang yang diciptakan di dalam dirinya suatu ilham supaya mendidik dan memeliharanya, sehingga wujud dan penyapihannya menjadi sempurna. Ibn Sina telah menerangkan pendapatnya itu panjang lebar di dalam sebuah risalah yang diberinya judul *Risalah Hayy bin Yaqidzan.*[22]

Pembuktiannya ini tidak benar, meskipun kita sependapat dengannya bahawa rumpun makhluk (species) akan terputus. Akan tetapi pembicaraan kami adalah berbeza dengan pembicaraan yang dikemukakannya tersebut. Pembicaraan Ibn Sina ini berdasarkan ketergantungan tindakan pada sebab akibat yang mewajibkan.[23] Dan pembicaraan yang didasarkan kepada Pelaku yang Memilih[24] dia menolaknya. Menurut pendapat yang mengakui Pelaku yang Memilih ini, tidak ada perantara di antara tindakan dan kudrat yang lampau, dan tidak ada keperluan akan pemikulan beban ini.

Kemudian, kalau secara dialektik kita menerimanya, maka capaian terakhir dari penegakan pembicaraan sedemikian tentulah penolakan akan adanya individu melalui penciptaan ilham di dalam haiwan yang bisu itu, yang diciptakan untuk mendidik bayi sebagai bakal rumpun manusia baru, seperti dikatakan Ibn Sina. Kepentingan apa yang menyebabkan demikian? Dan bila ilham saja diciptakan di dalam diri haiwan yang bisu, apa yang menghalangi ilham diciptakan di dalam diri bayi itu sendiri, sebagaimana kami kemukakan? Dan lagi, penciptaan ilham di dalam suatu individu untuk kepentingan sendiri lebih dekat

---

22 Ibn Sina memiliki sebuah risalah bernama *kisah Hayy bin Yaqidzan*, diterbitkan oleh pustaka Leiden. Risalah itu bukan buku yang terkenal 'Hayy bin Yaqidzan' karya Ibn Thufail itu.

23 Iaitu, tindakan-tindakan hanya ada bila ada sebab yang tidak boleh tidak eksistensinya.

24 Iaitu: Allah yang tidak memerlukan sesuatu sebab, *illah* yang menghubungkan antara kehendak-Nya dengan penciptaan-Nya akan benda-benda.

(diterima akal) daripada penciptaannya di dalam dirinya sendiri untuk kepentingan orang lain. Maka kedua-dua pendapat tersebut di atas[25] dengan sendiri menunjukkan kesalahannya pada segala seginya, kerana pendapat yang saya kemukakan terdahulu tadi.]

29 **Keahlian dalam ubat-ubatan**

Keahlian dalam perubatan adalah diperlukan di kawasan yang didiami secara tetap dan bandar-bandar tetapi tidak di kawasan pàdang pasir.

Bidang keahlian ini adalah sangat-sangat diperlukan di kota-kota besar dan kecil kerana sudah diketahui manfaatnya. Hasilnya ialah pemeliharaan kesihatan di kalangan orang-orang yang sihat, dan menghindar penyakit di kalangan orang-orang yang sakit. Ini dapat dilakukan melalui rawatan perubatan, sehinggalah mereka dapat disembuhkan daripada penyakit.

Suatu yang harus diketahui ialah penyebab penyakit ialah daripada makanan, sebagaimana disabdakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. di dalam hadisnya yang jelas tentang perubatan yang dilaporkan oleh tabib tetapi diragui oleh ulama. Katanya:

> "Perut itu adalah rumah penyakit. Berpuasa adalah ubat yang paling mujarab. Sumber segala penyakit adalah salah cerna."[26]

Suatu pernyataan: "Perut adalah rumah penyakit" adalah jelas. Pernyataan: "Mengawal makan adalah ubat paling baik", hendaklah dimengertikan daripada perkataan mengawal makan yang bererti "berlapar-lapar", kerana lapar adalah berpantang daripada memakan beberapa makanan. Maka pengertian berlapar adalah sejenis ubat yang paling mujarab, punca segala ubat.

---

25 Maksudnya, pertama pendapat al-Farabi yang menyatakan ketidakhancuran rumpun makhluk, serta kedua pendapat Ibn Sina yang menyatakan kemungkinan rumpun makhluk hancur, dan kembali lagi untuk kedua kalinya sesuai dengan keadaan-keadaan (bintang) aneh yang menuntutnya. Ibn Khaldun menolak kedua pendapat ini, dan menyatakan bahawa ilham itu tentulah langsung diberikan kepada manusia tanpa perantara binatang. Dia mengakui kehancuran dan keterputusan rumpun manusia, seperti Ibn Sina, meskipun masing-masing tegak pada pembicaraan yang bertentangan.

26 Hadis ini *maudlu*, bersumberkan Ibn Kaldah, doktor Arab terkemuka. Demikian ulama-ulama hadis *mentahqiq*.

Kenyataan: 'Sumber segala penyakit adalah salah cerna', hendaklah dimengertikan dalam pengertian "salah cerna" yang bererti tambahan makanan baru kepada makanan yang ada di dalam perut sebelum ia sempat dicernakan.

Allah s.w.t. itu telah menciptakan manusia dan memelihara kehidupannya melalui rezeki. Dia memperolehnya melalui makan, dan dia mentafsirkannya kepadanya kekuatan-kekuatannya penghadaman dan kuasa pemakanan, hingga makanan itu menjadi darah yang sesuai untuk daging dan tulang-temulang seluruh tubuh. Kemudian, berlaku pula pembesaran dan ia kemudiannya menjadi daging dan tulang. Dan makna percernaan ialah bahawa makanan tadi menjadi masak oleh haba panas yang semula jadi, tahap demi tahap, hingga secara aktualnya ia menjadi sebahagian daripada tubuh. Ia dapat dijelaskan seperti berikut: makanan yang dimasukkan ke dalam mulut, dan dikunyah oleh rahang mengalami kesan panas yang terdapat di dalam mulut, yang memasakkannya sedikit. Maka, komposisinya mengalami sedikit perubahan. Hal ini dapat disaksikan pada secebis makanan yang dikunyah secara sebaik-baiknya. Komposisinya akan didapati sangat berbeza dengan bentuk makanan yang asal.

Makanan itu kemudiannya masuk ke dalam perut, dan bahang panas di dalam perut memasakkannya, hinggalah ia menjadi *chyme* (air perut yang menghancurkan makanan), iaitu saripati daripada makanan yang dimasak itu. Perut mengirimkan *chyme* terus ke hati (*liver*), dan mengirimkan bahagian makanan yang sudah menjadi endapan yang padat di dalam usus besar, melalui kedua lubang tubuh. Bahang panas yang terdapat di (*liver*) kemudiannya memasakkan *chyme*, hinggalah ia menjadi darah yang segar. Di atasnya, ada semacam buih yang diakibatkan oleh pendidihan. Buih itu adalah hempedu kuning. Sebahagian daripadanya menjadi kering dan keras, iaitu hempedu hitam. Bahang panas yang semula jadi tidak cukup untuk memasakkan bahagian-bahagian yang keras, lendir. Kemudian hati mengirimkan semua zat ini ke dalam urat-urat darah halus dan pembuluh-pembuluh arteri. Di dalamnya, bahang semula jadi panas memanaskannya. Maka darah murni itu pun membangkitkan wap yang panas dan lembap, yang mengandung dan menjadikannya daging. Bahagian yang keras kemudiannya menjadi tulang. Kemudian, tubuh mengirimkan elemen-elemen makanan yang dihadamkan, yang tidak diperlukan sebagai bahan sisa, seperti keringat, ludah (*saliva*),

lendir (hingus), dan air mata. Inilah proses pemakanan, dan transformasi makanan daripada potensial kepada daging yang sebenar.

Kini, penyakit-penyakit adalah berpunca dari deman, dan kebanyakan penyakit adalah demam. Sebab terjadinya demam ialah bahawa bahang panas yang semula jadi adalah terlalu lemah untuk menyelesaikan proses memasak dalam setiap tahap-tahap tadi. Maka makanan tadi pun tetap tidak diasimilasi sepenuhnya. Sebabnya, sepertimana lazimnya sama ada ianya terdapat begitu banyak makanan di dalam perut sehingga terlalu banyak bagi bahang panas semula jadi, atau kerana makanan baru dimasukkan ke dalam perut sebelum makanan yang terdahulu dapat benar-benar tercerna. Dalam keadaan ini, mungkin bahang panas semula jadi menumpukan secara eksklusifnya kepada makanan yang baru, supaya makanan yang terdahulu terbiar dalam keadaannya yang setengah masak, atau membahagikan dirinya kepada makanan yang lama dan yang baru, sehingga ia tidak cukup untuk memasak dan mencerna secara sempurna. Dalam keadaan itu makanan dikirim oleh perut kepada hati (*liver*), dan bahang panas di hati (*liver*) juga tidak kuat untuk memasaknya. Selalunya, suatu sisa yang tidak tercerna, yang disebabkan oleh makanan yang terdahulu telah juga kedapatan di dalam hati. Hati mengirimkan semuanya itu kepada *veins* dalam keadaannya sepertimana apa adanya. Apabila tubuh telah menerima apa yang benar-benar diperlukannya, maka ia melepaskan sisa yang belum tercerna bersama-sama sisa lain, seperti keringat, air mata, dan air ludah, sekira ia berupaya. Selalunya tubuh itu tidak dapat berbuat sesuatu terhadap sebahagian besar sisa yang belum tercerna itu. Maka, ia pun tetap berada di dalam *veins* hati dan perut, dan ia akan bertambah-tambah dari masa ke masa. Apa-apa campuran (zat) yang lembap, apabila tidak dimasakkan dan tercerna melalui proses pembusukan. Akibatnya, makanan yang tidak tercerna akan menjadi busuk. Dan setiap apa yang berada dalam proses pembusukan mengeluarkan bahang panas yang asing. Bahang panas itulah, di dalam tubuh manusia, disebut sebagai demam.

Hal ini dapat dicontohkan melalui sisa makanan, atau kotoran binatang, yang dibiarkan membusuk. Bahang panas akan kedapatan di dalamnya. Inilah apa yang dimaksudkan dengan demam. Demam adalah sebab utama dan sumber penyakit, sebagaimana yang dinyatakan menerusi hadis.

Demam seperti itu dapat disembuhkan dengan tidak memberi

makanan kepada orang yang sakit untuk beberapa minggu tertentu, kemudian memberinya makanan yang sesuai hinggalah pesakit benar-benar sembuh. Semasa dia berkeadaan sihat, prosedur yang sama boleh dijadikan semacam pengubatan bagi mencegah penyakit dan penyakit yang lainnya.

Pembusukan makanan boleh terdapat di dalam anggota tubuh yang tertentu. Dari pembusukan itu lahirlah akan penyakit pada anggota tubuh tersebut. Dan muncullah luka-luka pada tubuh, mungkin di anggota-anggota tubuh pokok atau lainnya. Kadang-kadang, anggota tubuh itu sakit dan timbul daripadanya penyakit kekuatan-kekuatan yang diadakan untuknya. Ini semua merupakan komplikasi penyakit-penyakit, dan sumbernya – biasanya – berasal dari makanan.

Semuanya itu diserahkan kepada doktor perubatan.

Penyakit-penyakit ini lebih banyak dan sering menimpa orang yang hidup menetap dan orang kota, sebab mereka hidup serba mewah. Mereka makan bermacam jenis makanan, dan jarang sekali mereka berpantang daripada memakan sejenis makanan lainnya, serta tidak memerhatikan pembahagian waktu makan. Seringkali mereka mencampur makanan dengan – ketika mereka memasak – pelbagai rempah, bumbu, buah-buahan, baik yang segar mahupun yang kering. Mereka tidak membatasi diri pada satu macam makanan atau beberapa macam. Pada suatu kesempatan kita telah mengira ada 40 macam sayur-sayuran dan daging di dalam sejenis masakan. Campuran itu seringkalinya memberikan suatu keanehan dan seringkalinya tidak sesuai dengan tubuh dan bahagian-bahagiannya.

Tambahan pula udara di kota-kota sudah tercemar oleh asap busuk daripada pelbagai sisa. Padahal, udara inilah yang memberi tenaga kepada roh (jiwa), dan kemudiannya menguatkan pengaruh panas semula jadinya terhadap pencernaan.

Selanjutnya masyarakat kota tidak cukup melakukan senaman, sebagaimana biasanya, mereka lebih banyak beristirahat dan tidak bergerak cergas. Maka, serangan penyakit-penyakit lebih banyak berlaku di kota-kota dan bandar-bandar, dan keperluan orang kota kepada rawatan perubatan adalah amat besar.

Hal yang sebaliknya pula, penghuni-penghuni padang pasir, sebagaimana lazimnya makan sedikit. Mereka sering mengalami kelaparan kerana sedikitnya bahan makanan. Akhirnya ia menjadi suatu kebiasaan mereka dan suatu yang semula jadi kerana ia ber-

terusan mengenai perasa makanan pula mereka mempunyai sedikit, atau mungkin tidak ada sama sekali. Maka mereka memasak makanan seada-adanya dan tanpa rempah dan bumbu dan tiada campuran-campuran. Maka, mereka pun makan makanan yang sederhana, tidak banyak bahan campuran, dan sifatnya itu sesuai dengan tubuh. Udara yang mereka sedut itu tidak banyak tercemar. Mereka sebenarnya mengembara dan udara yang mereka sedut selalu berubah-ubah. Mereka juga melakukan riadah dan banyak melakukan pergerakan sewaktu memacu kuda, atau pergi berburu, atau mencari apa-apa yang mereka perlukan. Berdasarkan semua alasan ini, sistem pencernaan mereka adalah amat baik sekali. Maka resmi mereka adalah lebih baik dan tidak dihinggapi penyakit. Sebagai akibatnya, keperluan mereka terhadap ubat-ubatan adalah kecil. Dengan demikian, tidak ada doktor boleh ditemui di padang pasir. Sebabnya ialah mereka tidak memerlukannya. Sebab sekiranya (doktor) itu diperlukan pastilah dia ada. Tentulah ada sumber pendapatan yang mendorong mereka tinggal di sana.

30 **Kaligrafi, seni tulis-menulis sebagai suatu kemahiran manusia**

Menulis, *kitabah*, adalah menggambar dan membentuk harus untuk menerangkan kata-kata yang terdengar (*audible*), dan pada gilirannya, menunjukkan apa yang ada di dalam jiwa. Ia muncul pada tempat kedua setelah pernyataan lisan. Ia merupakan keahlian yang dihormati, sebab tulis-menulis, *kitabah*, merupakan ciri khas manusia yang membezakannya daripada binatang. Tambahan pula, ia mendedahkan apa yang terdapat di dalam fikiran. Ia membolehkan apa yang termaksud dalam diri seseorang sampai ke suatu tempat yang jauh dan dengan demikian, kemahuan orang tersebut tercapai tanpa secara langsung dia berhubungan dengannya. Ia juga membolehkan orang tersebut mendapat ilmu, belajar dengan menggunakan buku-buku yang dikarang pengarang di masa lampau, serta mengikuti ilmu dan maklumat yang ditulis itu. Dalam berbagai-bagai aspek dan manfaatnya, tulis-menulis, *kitabah*, adalah suatu yang sangat mulia.

Transformasi tulis-menulis pada manusia dari apa yang mungkin kepada yang sebenarnya adalah berlangsung melalui pembelajaran. Kualiti tulis-menulis di sebuah kota adalah tergantung kepada organisasi sosial, peradaban, dan persaingan untuk menikmati hidup mewah di kalangan penduduk-penduduk-

nya, sebab tulis-menulis merupakan suatu bidang keahlian. Atas alasan ini, kita dapati bahawa orang-orang Badwi kebanyakannya adalah buta huruf. Mereka tidak berkeupayaan menulis dan membaca. Dan kalaupun ada di antara mereka yang boleh membaca atau menulis, maka tulisan mereka adalah buruk dan tidak lancar dibaca. Kita akan dapati bahawa pengajaran tulis-menulis, *khatt*, di kota-kota yang peradabannya telah melampaui perkembangannya adalah lebih lancar, lebih mudah, dan lebih berperaturan daripada di tempat-tempat lainnya. Maka, kita diberitahu bahawa di Mesir sekarang ini terdapat guru-guru yang pakar dalam mengajar kaligrafi, *khatt*. Mereka mengajar murid-murid itu menulis setiap huruf dengan norma-norma dan hukum-hukumnya.

Tambahan lagi, adanya pengajaran langsung bagaimana menuliskannya. Sehingga tingkatan ilmu dan rasa dalam pengajaran benar-benar berakar umbi pada jiwa si murid, dan kemampuan, *malakah*, pun muncul dalam bentuknya yang paling sempurna.

Hal tersebut – kesempurnaan dan aneka ragam keahlian – tidak lain muncul kerana banyaknya peradaban dan luasnya lapangan kerja. Tidak demikian ehwal pengajaran kaligrafi di Andalusia dan Maghribi, juga di dalam mengajarkan huruf-huruf di mana si guru mengajarkan tiap huruf kepada si murid secara terpisah daripada kaedah. Murid hanya belajar dengan cara menirukan tulisan, *khatt*, di dalam menuliskan kata-kata secara keseluruhan (satu kalimat secara sempurna).[27] Hal demikian berlangsung daripada si guru dan proses belajar si murid kepadanya, sehingga dia memperoleh kecekapan: dan keahlian, *malakah*, dapat lengket pada jari-jemarinya.[28] Si murid pun kini disebut ahli.

---

27 Dari sini jelas, demikian Abdul Wahid Wafi memberi komentar: bahawa metode moden yang dianut sekarang dalam mengajarkan huruf-huruf eja (hijaiyyah) telah dianut guru-guru Muslim sejak masa lampau di Andalusia dan Maghribi. Metode moden itu disebut orang sekarang dengan *Metode Gestalt*, mengajarkan ejaan huruf dengan menuliskan kata demi kata atau kalimat-kalimat, bukan huruf demi huruf seperti diakui Ibnu Khaldun. Metode *Gestalt* ternyata memang paling berhasil, kerana akal manusia, menurut wataknya, berpindah daripada mengetahui yang umum kepada mengetahui bahagian-bahagian (Gestalt). Dengan demikian, jelas pula kekeliruan Ibn Khaldun.

28 Dalam teks semula/asli berbunyi *bina-ihi* yang bererti pembangunannya. Mungkin yang benar adalah *bina-nihi* yang bererti jari-jemari, erat kaitannya dengan keahlian *khatt*.

Tulisan Arab (terkenal sebagai tulisan Himyariyah) mencapai tingkat keindahan yang tinggi dalam Dinasti Tubba,[29] kerana tingginya peradaban dan kemakmuran yang dinikmati negeri ini. Kemudian pindah ke Hirah,[30] yang pada waktu itu diperintah oleh Dinasti Mundzir, keluarga Tubba dan pembaru penguasaan Arab di Iraq. Tetapi mutu kepandaian tulis di Hirah tidaklah sama dengan di Yaman, kerana kurang majunya tingkat peradaban dan pertukangan di sana. Menurut cerita orang, dari Hirah inilah penduduk Taif[31] dan suku Quraisy[32] belajar menulis. Dikatakan, dan ini masih diragukan, bahawa orang Quraisy yang belajar menulis dari Hirah adalah Sufyan bin Umayyah, dikatakan pula Harb bin Umayyah yang menerimanya dari Aslam bin Sidrah. Dugaan yang mendekati kebenaran adalah pendapat yang menyatakan, mereka mempelajarinya dari suku Iyad, penduduk Iraq kerana kata seorang penyair Iraq:

Suku bila berjalan semua memiliki
dataran Iraq
tulisan dan pena

Ini adalah pendapat yang jauh dari kebenaran, sebab meskipun sudah menempati dataran Iraq, suku Iyad masih tetap berada dalam kebadwiahnya, padahal tulis-menulis adalah salah satu keahlian budaya hidup menerap. Kerana suku Iyad tinggal dekat kota-kota dan di daerah pinggirannya, kata-kata penyair tidak lebih bererti bahawa suku Iyad lebih dekat pada tulisan dan pena daripada suku Arab lainnya. Pendapat yang menyatakan bahawa orang-orang Hijaz menerima (tulis-menulis) dari Hirah, dan orang-orang Hirah menerimanya dari Dinasti Tubba dan Himyar, adalah pendapat yang paling layak.

Di dalam buku *at-Takmilah* karya Ibn al-Abar, sewaktu memperkenalkan Ibn Farukh al-Qayrawani al-Fasi al-Andalusi – salah seorang sahabat Imam Malik r.a. yang nama lengkapnya ada-

---

29 Raja-raja Yaman sebelum Islam.

30 Sebuah kota dekat Furat di Iraq. Di zaman sebelum Islam, kota ini pusat suatu kerajaan Arab, yang menjadi daerah takluk raja-raja Sassan.

31 Sebuah kota di Hijaz, dekat Makkah.

32 Suatu suku yang paling terkemuka di Makkah, dari suku itulah Nabi Muhammad s.a.w. dilahirkan.

lah 'Abdullah bin Farukh – saya lihat dialog yang dinukilkan dari 'Abdurrahman bin Ziyad bin An'am, dari ayahnya, katanya:

> Aku katakan kepada 'Abdurrahman bin 'Abbas: "Wahai orang-orang Quraisy, beritakanlah kepada saya tentang tulisan Arab ini, adakah kalian telah menuliskannya sebelum Allah mengutus Muhammad – semoga selawat dan salam dilimpahi ke atasnya. Kalian kumpulkan di antara tulisan itu yang berkumpul dan kalian pisahkan di antaranya yang terpisah, seperti *alif, lam*, dan nun?"
>
> 'Abdurrahman bin 'Abbas menjawab:
>
> 'Ya.' Tanyaku: "Dari mana kalian memperolehnya?"
>
> Dia jawab: "Dari Harb bin Umayyah."
>
> "Dari mana Harb memperolehnya?"
>
> "Dari 'Abdullah bin Jid'an."
>
> "Dari mana 'Abdullah bin Jid'an memperolehnya?"
>
> "Dari seorang penakluk, penduduk Yaman yang menaklukkan mereka."
>
> "Dari mana penakluk itu memperolehnya?" tanyaku.
>
> Abdullah menjawab: "Dari al-Khalijan bin Qasim, penulis wahyu (yang diturunkan) bagi Hud sang nabi – semoga selawat dan salam dilimpahi ke atasnya."

Himyar memiliki tulisan yang diberi nama *al-Musnad* dengan huruf yang terpisah-pisah. Suku Himyar melarang orang mempelajarinya, kecuali melalui izin mereka. Dari Himyar suku Mudhar[33] mempelajari tulisan Arab itu. Tetapi mereka tidak mencapai tingkat keindahan dalam tulisan itu, sebagai juga lain-lain pertukangan, tidak boleh mencapai tingkat yang tinggi di antara suku-suku pengembara, kerana tidak serasinya hidup pengembara dengan kemahiran pertukangan, dan kerana sedikitnya keperluan diraskan oleh suku pengembara akan umumnya pertukangan (keahlian) itu. Dan tulisan orang Arab pada waktu itu kasar, sebagaimana juga halnya dewasa ini. Sebenarnya kini tulisan mereka telah lebih berperadaban, dan lebih banyak berhubungan dengan masyarakat menetap, dan bercampur baur dengan kota-kota dan negara-negara. Dibandingkan orang-orang Yaman, orang-orang Iraq, orang-orang Syria dan Mesir, suku Mudhar masih lebih kuat dalam watak kebadwiahannya, dan lebih jauh dari budaya hidup menetap. Maka, tulisan Arab pada permulaan Islam

---

33 Suku-suku Arab Utara.

tidak benar-benar mencapai puncak keindahan dan keseniannya, tidak pula pertengahannya, kerana orang-orang Arab masih berada dalam kebadwiahan dan kebuasan serta dari pertukangan.[34]

Sebagai akibat keadaan ini, perhatikanlah apa yang terjadi sewaktu para sahabat nabi mulai menulis huruf-huruf al-Quran.

---

34 Dr. Abdul Wahid Wafi membuat ulasan terhadap paragraf ini: Keterangan Ibn Khaldun tentang asal tulisan Arab sebahagiannya ada yang benar, namun kebanyakan adalah salah. Tulisan Arab melampaui lima peringkat perkembangan:

1. Tulisan Arab paling kuno yang sampai ke tangan kita berakar pada tulisan al-Musnad (tulisan Yamani Kuno). Ini dibuktikan oleh peninggalan-peninggalan bahasa Arab Baidah, khususnya ketiga macam ukiran-ukiran Lihyaniyah, Tsamudiyah, dan Shafawiyah, serta tulisan al-Musnad atau tulisan Himyari sebagaimana diberi nama Ibnu Khaldun. Dari itu semua nampak, tulisan Arab merupakan pecahan dari tulisan Finiqiyah.

2. Tulisan Nabthi datang mempengaruhi tulisan Arab. Tulisan ini merupakan satu di antara pelbagai macam tulisan Arabiah. Ciri khasnya, sebahagian besar hurufnya saling bersambungan dengan yang sebelumnya, dalam menuliskan bahasa Arab menurut bentuknya yang kuno. Peninggalan Arabiah paling kuno yang sampai kepada kita setelah perkembangan ini adalah 'ukiran Namariyah'.

3. Muncul bentuk tulisan baru yang berakar daripada tulisan Nabthi tersebut. Tulisan ini dicirikan oleh bentuk yang tanpa ukiran, dan hampir mendekati tulisan yang ada sekarang.

4. Mulai abad ke-7 Miladiyah, bentuk Suryaniyah masuk ke dalam tulisan Arab. Tanda-tanda baca mulai membezakan beberapa bentuk tulisan yang sama, seperti memberi tanda satu titik pada huruf *ba'*, titik dua pada huruf *ta'*, titik tiga pada *tsa'*, dan seterusnya. Hanya saja, tanda baca *sukun* masih berlaku untuk menunjukkan segala huruf mati, baik yang di*tasydid*kan mahupun yang di*sukun*kan.

5. Ke dalam bahasa Arab dimasukkan tanda-tanda baca untuk menunjukkan panjang pendeknya pelafazan, dan juga harakat-harakat, tasydid, dan bagaimana cara baca panjang atau pendek, *madd*, dan lain sebagainya. Peninggalan Islam paling lama yang sampai kepada kita mengenai peringkat ke-4 dan ke-5 tersebut di atas adalah sebuah batu yang ditemukan di Mesir dan dipelihara dalam Muzium Arabiyah di Mesir. Tulisan pada batu yang ditemukan di atas kuburan laki-laki bernama 'Abdurrahman bin Khair atau Jabar, atau Jabir, atau Jubair, al-Hajari, atau al-Hijazi ini, menunjukkan perkembangan tulisan Arab tahun 31 Hijriah. Hanya saja, perkembangan tulisan demikian belum meluas di seantero jazirah Arab ketika Mushaf Utsmani ditulis, atau mungkin para sahabat belum banyak mengetahui bentuk tulisan baru itu, sehingga kita lihat bahawa dalam Mushaf Utsmani tulisan Arabnya masih banyak yang tanpa tanda baca, dan huruf-hurufnya masih belum jelas dan tidak teratur seperti yang ada sekarang.

(Untuk huraian lebih lanjut, lihat buku '*Fiqhul-Lughah*' karangan Abdul Wahid Wafi, cetakan ke-5 hlm. 246–266.

Kerana tulisan tangan mereka tidak baik, banyak sekali huruf yang mereka tulis berlainan dari bentuk huruf yang terpakai di kalangan ahli tulis. Kemudian orang-orang yang menggantikan mereka mencontohi tulisan mereka itu, dengan harapan mendapatkan berkat dengan jalan meniru sahabat-sahabat nabi dan manusia-manusia baik yang datang sesudah nabi, yang menerjunkan dirinya untuk wahyu Allah, baik mereka terima dari al-Quran mahupun dari sabda nabi, sesuai dengan yang kita saksikan dewasa ini, banyak orang yang mencontohi tulisan orang suci atau wali, kadang-kadang malahan salah dengan harapan mendapatkan pahala dari perbuatan itu, atau kadang-kadang benar. Mana dari hubungan hal ini dengan tulisan-tulisan para sahabat? Maka itu pun diikuti dan dinyatakan sebagai sebuah tulisan, dan para ulama pun menyuruh menulis seperti apa adanya.

Tidak usahlah diendahkan orang-orang dungu yang menyatakan, sahabat-sahabat nabi itu adalah penulis yang mahir, dan kesalahan yang terdapat dalam tulisan mereka hanyalah kelihatannya seperti salah, sedangkan sebenarnya tulisan itu mengandung erti kiasan yang tersembunyi. Untuk itu mereka memberi contoh seperti tambahan huruf *alif* pada kata *laa adzbahannahu*[35] yang mereka ertikan bahawa penyembelihan belum terlaksana; atau seperti penambahan huruf *ya'* pada kata *bi-ayayydin*[36] yang mereka ertikan sebagai kesempurnaan kekuasaan Tuhan; serta contoh-contoh semacamnya yang pada dasarnya tidak lebih dari penghukuman belaka. Mereka berpendapat demikian tidak lain kerana terdorong oleh keyakinan mereka bahawa dengan cara demikian bererti mereka telah melepaskan diri dari berpura-pura adanya kekurangan pada diri para sahabat di dalam berkurangnya keindahan tulisan. Mereka mengira tulisan itu sempurna, maka mereka usahakan untuk menghindarkan para sahabat dari kekurangan (indahan tulisan), serta menyatakan bahawa para sahabat sempurna dengan menunjukkan bahawa tulisan mereka adalah baik. Mereka selalu berusaha mencari-cari alasan untuk membenarkan tulisan para sahabat yang tidak baik. Yang demikian itu tidaklah benar.

Ketahuilah, kepandaian menulis merupakan satu dari

---

35 Di dalam firman Allah, mengenai pembicaraan Sulaiman dengan burung Hudhud, lihat al-Quran surah 27 (An-Naml) ayat 21.

36 Di dalam al-Quran surah 51 (adz-Dzạriyat) ayat 47: 'Dan langit Kami bangun dengan kekuasaan (Kami) dan sesungguhnya Kami benar-benar berkuasa'.

pelbagai macam pertukangan (keahlian) yang membantu masyarakat untuk hidup, sebagaimana telah kita terangkan di atas. Sifat sempurna (tidak bercacat) dalam pertukangan adalah nisbi, kesempurnaan yang mutlak itu tidak ada, dan ketiadaan kesempurnaan dalam kepandaian menulis bukanlah kerana kekurangan dalam agama atau moral, melainkan kerana sebab-sebab ekonomi dan sosial, dan tergantung kepada peradaban dan saling menolong untuk itu. Nabi Muhammad s.a.w. – semoga selawat dan salam dilimpahi ke atasnya – adalah seorang *ummi* (tidak tahu baca tulis), dan itu merupakan kesempurnaan menurut haknya dan sesuai dengan kedudukannya yang mulia serta suci dari pertukangan-pertukangan praktik yang merupakan sebab-sebab penghidupan (sosial ekonomis) serta peradaban seluruhnya. Ke*ummi*an (ketidaktahuan baca tulis) bukanlah suatu kesempurnaan menurut hak kita, (kecuali Nabi Muhammad s.a.w.), begitu beliau kembali kepada Tuhannya. Kita saling membantu dalam persoalan-persoalan hidup di dunia, seperti juga dalam persoalan pertukangan seluruhnya hingga ilmu-ilmu bahasa. Kesempurnaan pada hak Nabi Muhammad s.a.w. ialah kelepasannya sama sekali dari soal-soal hidup duniawi. Tetapi kita adalah sebaliknya.

Setelah bangsa Arab menaklukkan beberapa negeri, mendirikan empayar, dan menguasai Basrah dan Kufah, negara dengan sendirinya memerlukan banyak jurutulis. Diperlukanlah orang-orang yang berupaya menulis dengan baik, begitu pun guru-guru untuk tulisan yang elok itu. Mutu tulisan berkembang pesat di Basrah dan Kufah (sekalipun masih jauh dari sempurna); dan tulisan Kufi masih tetap dikenal hingga dewasa ini.

Kemudian bangsa Arab terus meluas dan menaklukkan kerajaan-kerajaan baru, di antaranya Ifriqiyah dan Andalusia. Dinasti Abbasiyah mendirikan Baghdad, tempat kepandaian menulis mencapai puncak kesempurnaannya, kerana tingginya tingkat peradaban kita itu, dan kerana kedudukannya sebagai ibu negara empayar Arab dan pusat agama Islam. Langgam-langgam tulisan, *khatt*, di Baghdad berbeza dengan langgam-langgam kaligrafi di Kufah, perbezaan itu tampak pada kecenderungan (orang-orang Baghdad) untuk memperindah tulisan, memperbagus bentuk, dan mempercantik pada penglihatan. Perbezaan itu semakin nyata pada masa-masa selanjutnya, hingga ketinggian benderanya dinaikkan oleh Ibn Muqlah, si wazir di Baghdad, dan datang sesudahnya Ibn Hilal, jurutulis yang terkenal dengan Ibn al-

Bawab. Tahun-tahun pengajarannya berhenti pada abad ke-3 dan sesudahnya. Langgam-langgam kaligrafi Baghdad dan bentuk-bentuknya pun sudah jauh ketinggalan dengan yang ada di Kufah, sehingga perbezaan antara keduanya menonjol sekali. Setelah tahun-tahun itu perbezaan semakin bertambah dengan munculnya seniman-seniman yang berusaha semaksimum mungkin memperindah tulisan dan langgam kaligrafi Arab, hingga sampai pada seniman-seniman moden seperti Yaqut dan al-Wali 'Ali al-'Ujma. Hingga di sini, pengajaran kaligrafi terhenti. Kaligrafi kini pindah ke Mesir. Ada bezanya sedikit dengan langgam (kaligrafi) Iraq. Di sana orang-orang bukan Arab mempelajari kaligrafi, *khatt* itu, sehingga muncullah perbezaannya dengan *khatt* orang-orang Mesir, atau suatu kemenonjolan.

Tulisan langgam Baghdad merupakan tulisan yang terkenal. Diikuti oleh tulisan langgam Ifriqiyah, yang terkenal bentuknya yang kuno hingga kini. Tetapi raja-raja Umaiyah di Andalusia memutuskan dirinya (dari sisa-sisa empayar Arab) dan mempunyai corak peradaban dan keahlian pertukangan sendiri. Kerana itu mereka mengembangkan tulisan mereka sendiri, iaitu tulisan langgam Andalusia, sebagaimana masih dikenal hingga sekarang.

Peradaban dan kebudayaan pun mencapai puncak perkembangan di negeri-negeri Islam, di setiap penjuru. Kekuasaan semakin besar. Ilmu pengetahuan maju pesat. Buku-buku ditulis, dan diperindah penulisan serta penjilidannya. Istana-istana dan khazanah-khazanah kerajaan penuh dengan buku dalam bentuk yang tidak terbayangkan. Orang-orang di segala daerah berlumba-lumba dalam hal itu, serta saling bersaing. Tetapi, ketika negara Islam mulai lemah dan mundur, semua ini (iaitu kemahiran menulis buku dan mengumpulkan perpustakaan) juga mulai menurun. Sekolah-sekolah dan perpustakaan-perpustakaan di Baghdad yang lengkap lenyap bersama lenyapnya khalifah. Seni tulis dan kepandaian menulis, bahkan nafsu belajar pun pindahlah ke Mesir dan Kaherah, dan di sana boleh tumbuh dengan suburnya, kerana dilaksanakan oleh golongan orang-orang yang ahli. Guru-guru di sana mengajarkan huruf Arab kepada murid dengan teori bagaimana cara menuliskannya dan cara menggambarkannya, teori-teori yang sudah terkenal di kalangan mereka. Dengan demikian, murid menguasai bentuk huruf itu menurut langgam-langgamnya, kerana disampaikan kepada mereka dengan rasa seni. Murid menguasai langgam-langgam itu baik latihan mahupun

tulisan. Dia mengambilkannya kaedah-kaedah ilmiah, sehingga muncul dalam bentuknya yang paling indah.

Adapun bangsa Arab Andalusia, setelah kerajaan-kerajaan Arab dan kerajaan-kerajaan Barbar yang mengikutinya dikalahkan orang-orang Kristian, mereka lari pontang-panting ke Maghribi dan Ifriqiyah, ke Daulat Lamtuniyah hingga sekarang ini. Mereka mengajarkan pertukangan mereka kepada penduduk-penduduk pelbagai kota, dan mendekatkan diri kepada dinasti-dinasti yang memerintah. Akibatnya, tulisan mereka mengalahkan dan menghapus tulisan Ifriqi; tulisan Qairawan dan Mahdiyah[37] dilupakan, bersama dengan adat kebiasaan dan pertukangan mereka, dan semua penduduk Ifriqiyah, sampai Tunis, memakaikan tulisan Andalusia, disebabkan banyaknya pengongsi yang datang dari Andalusia Timur, dan mereka menjadi mahir dalam tulisan ini, seperti orang-orang Andalusia sendiri yang paling pandai menulis. Hingga, naungan Daulat Muwahidiyah merosot sendiri. Kebudayaan dan kemewahan mundur bersama kemunduran peradaban. Pada waktu itulah kaligrafi, *khatt*, mundur pula. Tulisan langgam-langgamnya hancur, dan segi pengajarannya dilupakan. Pengaruh kaligrafi Andalusia tertinggal di dalamnya, membuktikan kemakmuran yang pernah mereka cicipi, dengan alasan seperti telah kita kemukakan, iaitu bila pertukangan telah berurat berakar dengan kebudayaan, sukarlah untuk menghapuskannya. Di Maghribi Jauh, pada Daulat Bani Marin, setelah itu muncul warna kaligrafi Andalusia, kerana dekatnya letak Maghribi dengan Andalusia, dan kerana di antara mereka yang keluar dari orang-orang Andalusia ke Fez, dan kerana Bani Marin banyak mempekerjakan kaum pendatang Andalusia itu selama mereka berkuasa.

Akhirnya, seni tulis dilupakan sama sekali kecuali di tempat-tempat yang sangat berdekatan dengan istana para raja seolah-olah seni itu belum pernah ada. Dan kepandaian tulis di Ifriqiyah dan Maghribi (Jauh dan Dekat) mundur sama sekali dan jatuh sampai ke tingkat yang sangat rendah. Demikianlah salinan buku-buku yang baru ditulis menjadi sukar dibaca dengan betul, kerana banyaknya kesalahan yang terdapat di dalam tulisannya, perubah-

---

37 Mahdiyah, sebuah kota di pantai timur Tunisia, dibangun dalam tahun 916 oleh pendiri Dinasti Fatimiyah, Ubaidillah. Salah satu kota pusat bajak laut suku Barbar, dirampas oleh bangsa Norman tahun 1087, dan oleh Andrea Doria tahun 1550.

an bentuk tulisan yang menyimpang dari sebenarnya, hingga baru boleh dibaca setelah berusaha memahaminya dengan sukar sekali. Terjadilah pada tulisan Arab apa yang terjadi pada seluruh pertukangan kerana merosotnya kebudayaan dan hancurnya negara. Dan Allah lebih mengetahui.

Ketahuilah bahawa tulisan, *khatt*, menerangkan perkataan dan pembicaraan. Sedangkan perkataan dan pembicaraan menerangkan maksud yang terbetik di dalam jiwa dan fikiran. Masing-masing harus memiliki keterangan, *dilalah*, yang jelas. Firman Allah:

> "Dia menciptakan manusia, mengajarkannya keterangan".[38]

Ia mencakup segala keterangan dalil-dalil seluruhnya. Supaya tulisan benar-benar sempurna, maka *dilalah*nya harus jelas dengan menonjolkan huruf-hurufnya yang ada serta memperindah letak dan tulisannya masing-masing secara berbeza satu sama lain, kecuali yang sudah disepakati para jurutulis sebagai istilah di dalam menyambung huruf dalam satu kata, selain daripada huruf-huruf yang mereka sepakati terputus, seperti *alif* yang ada pada bahagian depan suatu kata, juga huruf-huruf *ra'*, *dzal*, dan lain-lainnya, dan sebaliknya bila huruf-huruf tersebut ada pada bahagian akhir suatu kata. Demikianlah seterusnya.

Lalu, para jurutulis moden membuat kaedah menyambung kata-kata satu sama lainnya serta membuang huruf-huruf tertentu menurut mereka, yang tidak diketahui kecuali oleh pembuat-pembuat kaedah itu sendiri, sehingga asing bagi orang lain. Jurutulis-jurutulis itu adalah jurutulis-jurutulis raja dan pengadilan, seakan-akan mereka membezakan diri mereka dari orang lain dengan menggunakan istilah-istilah itu, kerana banyaknya sumber-sumber tulisan bagi mereka dan kerana terkenalnya tulisan mereka, dan kerana mereka menguasai bentuk-bentuk rahsia tulisan orang lain. Jika mereka menuliskan sandi-sandi itu kepada orang yang tidak mengenalnya mereka harus bersikap adil dengan cara menerangkannya seboleh mungkin. Sebab, kalau tidak, tulisan itu akan asing, sebab tulisan sandi cuma satu-satunya dan tidak ditulis orang lain. Hal seperti ini hanya dilakukan oleh para jurutulis kerajaan yang duduk dalam jabatan kewangan dan ketenteraan,

---

38 Al-Quran, surah 55 (Ar-Rahman) ayat 3–4.

sebab mereka dituntut untuk merahsiakan (maklumat yang diketahui) dari manusia, maklumat mana merupakan rahsia yang harus disembunyikan. Mereka membuat tulisan sandi serahsia mungkin, cuma diketahui mereka sendiri, yang menjadi sebagai suatu yang asing. Sandi itu terdiri dari huruf-huruf yang diambilkan dari nama wewangian, buah-buahan, burung, atau bunga-bungaan, serta membuat bentuk-bentuk yang berbeza dengan bentuk huruf yang sudah dikenal. Sandi itu dibuat oleh orang-orang pertama untuk digunakan dalam menuliskan apa-apa yang terbetik di dalam hati mereka, dan mungkin membuat tulisan sandi itu secara kebetulan tanpa lebih dulu membuat aturan dengan ukuran-ukuran yang mereka buat berdasarkan pemikiran mereka. Dan mereka menamakannya kunci sandi. Mengenai hal tersebut, banyak buku telah ditulis orang.

Dan Allah Maha Mengetahui Maha Bijak.

31 Keahlian untuk membuat buku

Dahulunya manusia itu telah mengambil berat masalah tulisan ilmiah dan catatan-catatan rasmi. Ianya disalin, dijilid, dan diperbetulkan dengan bantuan teknik, pemindahan dan dengan ketepatan. Sebab bagi keadaan ini ialah pentingnya dinasti yang berkuasa dan kewujudan hal-hal yang bergantung kepada budaya hidup menetap. Kesemuanya ini pada masa kini telah lenyap bersama lenyapnya dinasti dan merosotnya peradaban. Sewaktu zaman Islam ia pada suatu masa dahulunya telah mencapai kegemilangannya di Iraq dan Andalusia. Semua itu mengikuti peradaban, luasnya daerah negara, dan anggaran belanja negara. Karya-karya ilmiah dan tulisan-tulisan ilmiah sangat banyak. Manusia begitu bersungguh-sungguh memindahkannya di kebanyakan tempat dan pada bila-bila masa. Ianya disalin dan dijilid. Dan muncullah keahlian penyediaan sebuah buku. Apa yang diambil perhatian ialah penyalinan, pembetulan dan penjilidan serta segala persoalan yang ada hubungannya dengan perbukuan dan penulisan. Keahlian menghasilkan buku adalah terbatas di kota-kota yang mengalami suatu peradaban yang besar.

Asalnya, salinan karya-karya ilmiah, perutusan-perutusan kerajaan dan penganugerahan-penganugerahan adalah ditulis pada *parchment* yang secara khususnya disediakan dan dibuat daripada

kulit-kulit binatang oleh para ahli. Sebabnya ialah pada zaman kemunculan Islam terdapat banyak kemakmuran hidup dan karya itu hanya sedikit jumlahnya. Tambahan pula, dokumen-dokumen kerajaan dan penganugerahan-penganugerahan adalah ibarat boleh dibilang dengan jari. Kemudian penyediaan buku berkembang pesat. Dokumen-dokumen kerajaan dan penganugerahan-penganugerahan bertambah dengan banyaknya, suatu masalah yang dihadapi ialah kekurangan bahan tulis. Dengan demikian, al-Fadl bin Yahya menganjurkan pembuatan kertas. Maka, kertas pun digunakan untuk dokumen pemerintahan dan penganugerahan. Setelah itu, orang mula menggunakan kertas dalam bentuk lembaran untuk tulisan-tulisan pemerintahan dan tulisan-tulisan ilmiah, dan pembuatannya telah mencapai puncak keindahannya yang menakjubkan.

[*Kemudian, perhatian masyarakat beralih kepada ilmu, dan orang-orang pemerintah, tercurah pada penelitian dan pemeriksaan catatan-catatan ilmiah dan pembetulannya dengan cara *riwayah*, yang disandarkan kepada pengarang-pengarang dan pencipta-penciptanya, sebab itulah hal yang paling penting di dalam pembetulan dan penelitian kesesuaian. Kerananya, perkataan disandarkan kepada orang yang memutuskannya, yang berjihad dalam liku-liku pengambilan keputusan, *istimbat*. Bila pembetulan-pembetulan *matan-matan* dilakukan dengan cara tidak menyandarkannya kepada penulisannya, maka tidak dibenarkan menganggap suatu perkataan atau fakta milik seseorang.

Demikian ehwal orang-orang yang menggeluti ilmu dan penyebarannya di segala masa, generasi, dan tempat. Sehingga faedah keahlian hadis dalam *riwayat* terbatas pada yang tersebut itu saja. Buahnya yang paling besar, yang terdiri dari mengetahui tentang *shahih, hasan, musnad, mursalm maqthu, mauquf* atau *maudlu'*nya hadis-hadis, telah lenyap. Bahagian terbaik yang ada di dalam induk-induk (hadis) yang diakui oleh umat telah hilang. Maksud yang dituju pun menjadi suari pragmatisasi kerja. Buah dari *riwayat* dan dari bersibuk diri dengannya di dalam membetulkannya induk-induk hadis tersebut dan lain-lainnya, seperti buku-buku fikah, yang berisi fatwa-fatwa, catatan-catatan dan karya-karya ilmiah, serta usaha menghubungkan *sanad*nya kepada pengarang-pengarangnya, (buah dari semua itu) tidak lebih daripada membetulkan kebenaran transmisi dari dan interaksi korelasi kepada mereka.

Di Timur dan Andalusia, tulisan-tulisan ini jelas dan gamblang jalan-jalannya. Kerana itu, catatan-catatan rasmi yang disalin di daerah-daerah tersebut pada masa ini kita dapatkan benar-benar meyakinkan, kukuh, dan tidak meragukan kebenarannya. Pada masa ini di dunia terdapat benda-benda antik yang membuktikan, orang-orang Timur dan Andalusia telah mencapai puncak yang meyakinkan dalam mentransmisikan ilmu. Orang-orang di segala daerah terus menukilkannya hingga sekarang, dan menutup pintu masuknya keragu-raguan ke dalamnya. Sekarang ini, tulisan-tulisan itu telah lenyap sama sekali di Maghribi dan di kalangan penduduk sana. Hal itu disebabkan pertukangan tulis-menulis dan penelitian ketepatan telah tiada, kerana orang tidak lagi membicarakannya. Dan semua itu disebabkan oleh berkurangnya peradaban dan kebadwiahan penduduknya. Induk-induk (hadis) dan catatan-catatan rasmi ditulis tangan. Pelajar-pelajar Barbar menyalinkannya ke atas lembaran-lembaran asing dengan tulisan yang buruk dan banyak salahnya. Maka ia pun tidak dimengerti oleh orang yang membacanya, dan hanya berguna bagi orang tertentu saja. Ke dalam fatwa-fatwa masuk pula perkataan-perkataan rosak, yang kebanyakan tidak diriwayatkan dari imam-imam mazhab. Apa yang terdapat di dalam catatan-catatan rasmi diterima seadanya. Hal itu diikuti pula oleh tulisan-tulisan para pemuka mereka, kerana kurang ahlinya mereka mengenai cara menulis, dan kerana tidak adanya pertukangan yang cukup memenuhi maksud-maksudnya. Yang ada di Andalusia hanya sisa ilmu yang sudah terhapuskan, sudah redup. Hampir saja ilmu pengetahuan terputus seluruhnya di Maghribi.

Kami telah mendengar, pertukangan *riwayat* sekarang ini sedang tegak di Timur. Orang dapat dengan mudah memperoleh catatan-catatan rasmi yang sudah diperbetulkan. Itu kerana larisnya ilmu dan pertukangan, seperti telah kita sebutkan. Tetapi, tulisan Arab indah yang digunakan untuk penyalinan buku di sana sudah merupakan milik orang-orang bukan Arab, dan terdapat di dalam tulisan-tulisan, *khatt*, mereka. Sedangkan di Mesir, salinan (buku) sudah rosak sebagaimana di Maghribi, bahkan lebih parah.

Allah Maha Suci Maha Tinggi lebih mengetahui, dan dengan-Nya diperolehi taufik.]

32 Keahlian dalam nyanyian dan muzik

Keahlian ini adalah mengambil berat soal menyelaraskan kata-kata bersajak dengan muzik, dengan menaburkan bunyi suara sesuai dengan ukuran yang mapan, yang menyebabkan sesuatu bunyi suara kedengaran amat kompleks maka diaturkan supaya menjadi nada, sebuah irama yang merdu. Ritma ini lalu dikombinasikan sesuai dengan ukuran-ukuran yang sudah diterima. Maka kedengaranlah suatu dendangan yang enak didengar kerana keharmoniannya dan kualiti itulah mengeluarkan semacam bunyi-bunyian. Sebabnya sebagaimana telah diterangkan di dalam ilmu muzik bahawa suara-suara itu mempunyai ukuran-ukurannya: ada yang satu nada, ada yang setengah nada, ada yang seperempat nada, ada yang seperlima nada, dan ada yang sepersebelas nada. Ketika diperdendangkan, ukuran-ukuran ini adalah berbeza-beza, terdengar dari yang sederhana kepada yang amat kompleks. Tidak setiap suara yang kompleks itu terasa enak didengar. Akan tetapi setiap suara yang enak kedengarannya memiliki susunan nada yang khusus, sebagaimana disimpulkan oleh para ahli muzik. Mereka telah membicarakan persoalan ini dalam bukunya yang tersendiri.

Alunan muzik yang ditimbulkan oleh mode-mode irama lagu itu dapat ditambah dengan memasukkan bunyi-bunyi lain yang dikeluarkan daripada benda-benda keras yang terhasil sama ada dengan memukul atau meniup alat-alat yang dibuat untuk maksud tersebut. Muzik instrumental seperti itu boleh menambahkan lagi keenakan untuk mendengarnya. Dan alat-alat itu sekarang ini sudah pelbagai jenis.

Marilah kita terangkan sebab yang membangkitkan keasyikan yang dilahirkan melalui muzik. Keasyikan itu adalah pencapaian segala sesuatu yang serasi. Menurut tanggapan daya rasa, ia hanya dapat dicapai oleh sesuatu yang mempunyai kualiti. Sekiranya suatu kualiti itu sesuai dan serasi kepada orang yang memiliki persepsi, maka ianya adalah sesuatu yang amat menyenangkan. Sekiranya ianya tidak disenangi dan tidak sesuai dengan orang itu ianya adalah sesuatu yang amat mendera perasaan.

Makanan yang sesuai adalah yang kualitinya sesuai dengan selera rasa. Hal yang sama berlaku pada sensasi-sensasi yang serasi daripada sudut sentuhan. Bau-bauan yang serasi adalah yang sesuai dengan semangat yang mudah terusik, kerana jiwa dan roh

merasa dan menerimanya melalui indera (penciuman). Maka, tumbuh-tumbuhan dan bunga yang harum segar baunya adalah lebih serasi bagi jiwa, kerana bahang panas, yang merupakan keserasian jiwa adalah sesuatu yang sememangnya ada di dalamnya. Sensasi penglihatan dan pendengaran yang serasi adalah diwujudkan oleh tata yang harmonis di dalam bentuk dan kualiti benda yang dilihat atau didengari.

Sekiranya sesuatu objek pandangan begitu harmonis dalam bentuk dan garis yang diberikan padanya, sesuai dengan bahan dari mana ianya dibuat, supaya keperluan-keperluan daripada benda-benda khususnya demi mencapai kesempurnaan harmoni dan susunan adalah tidak diabaikan – dan itulah apa yang dimaksudkan dengan keindahan dan kebagusan apa jua istilah-istilah yang digunakan untuk merujuk kepada sesuatu objek persepsi sensual – maka (objek pandangan) itu berada dalam keharmonian dengan jiwa yang menanggapinya, dan jiwa itu pun, akan berasa senang sebagai akibat memandang sesuatu yang serasi dengannya. Dengan demikian, mereka yang dilamun perasaan asyik masyuk sering mengungkapkan perasaan saling cinta mencintai itu dengan khayalan perasaan yang ekstrem dengan mengatakan bahawa kedua-duanya telah sehati sejiwa dengan orang yang dicintainya. Dengan maksudnya yang lain, maknanya ialah kewujudan yang dikongsi oleh semua yang wujud, sebagaimana dinyatakan oleh ahli falsafah. Dengan demikian, kewujudan benda-benda perasaan cinta untuk menyatukan dengan sesuatu yang dilihat begitu sempurna demi menjadi satu dengannya.

Objek yang paling sesuai untuk manusia, dan di mana dia seolah-olah menanggapinya dengan harmoni ialah bentuk manusia (*human form*). Dengan demikian adalah sesuatu yang sangat serasi baginya untuk menanggapi keindahan dan keasyikan pada baris-baris dan kemerduan suara manusia maka setiap orang menginginkan keindahan daripada setiap objek yang dipandangnya dan diperdengarinya, sebagai suatu tuntutan fitrah yang semula jadi, keindahan pada objek pendengaran adalah keharmonian dan tidak wujudnya ketidaksesuaian di dalam bunyi-bunyian itu.

Bunyi-bunyian itu memiliki kualiti yang tertentu. Ianya boleh dibisikkan atau diperkatakan dengan kuat, lembut atau keras, bertenaga atau tersekat-sekat, dan sebagainya. Keharmonian di antaranya itulah yang memberinya suatu keindahan. Pertama, hendaknya seseorang itu tidak beralih daripada suatu suara kepada

suara lain sekaligus, tapi secara bertahap-tahap. Demikian pula sebaliknya, dan juga dengan suara yang sama, tapi di antara kedua suara (yang sama itu) dia harus diselangani oleh (suara lain) yang mengubah. Perhatikan hal tersebut pada ahli-ahli bahasa yang membuka susunan (kata) yang terdiri dari huruf-huruf yang berbeza-beza atau yang *makhraj*nya saling berdekatan. Hal tersebut masih termasuk kepada bahagian daripada masalah yang sedang kita bicarakan. Kedua, harmonisasi suatu itu pada bahagian-bahagiannya, sebagaimana tersebut terdahulu. Maka, seseorang mulai dengan nada setengah, nada sepertiga, atau bahagian demikian daripada suara itu, sesuai dengan perpindahan yang harmonis sebagaimana ditetapkan oleh para pemuzik. Jika suara-suara itu berada dalam keharmonian kualiti, sabagaimana disebutkan oleh orang-orang yang ahli dalam pertukangan ini, suara-suara itu menjadi serasi dan enak terdengar.

Keharmonian seperti itu boleh sahaja merupakan mutu yang mudah. Begitu ramai insan memperolehinya secara semula jadi. Ia tidak menghendaki arahan atau latihan yang khusus untuk itu. Kerana kita temui insan-insan yang secara semula jadinya dianugerahi dengan irama sajak, ritma dansa, dan hal-hal semacamnya. Orang kebanyakan menamakan perolehan ini dengan *midlmar*.

Dengan cara demikian, ramai *qari'* yang membaca al-Quran dengan baik sekali. Kemerduan suara itu seakan-akan bunyi irama seruling. Mereka bersuka ria dengan lagu mereka yang indah, dan langgam suara mereka yang serasi.

Keharmonian boleh juga diakibatkan oleh komposisi. Dan tidak semua orang memiliki pengetahuan yang sama tentang itu, tidak juga semua orang itu memiliki kemampuan yang secara semula jadi untuk mempraktikkannya, kendatipun mereka mengetahuinya. Inilah melodi muzik – ilmu muzik telah memerhatikannya – sebagaimana akan kita bicarakan kelak sewaktu kita menerangkan tentang pelbagai macam ilmu.

[*Malik – semoga rahmat Allah dilimpahi ke atasnya telah melarang pembacaan al-Quran secara berlagu-lagu. Dan as-Syafii – semoga rahmat Allah ke atasnya memboleh ataupun tidaknya, sebab pada setiap segi, mendendangkannya merupakan penjelas bagi al-Quran.

Membaca dan melaksanakan bacaan memerlukan kadar suara untuk memilih pengungkapan huruf-huruf menurut *hara-*

kat-harakat yang harus diikuti pada kedudukan-kedudukannya, dan juga memerlukan kadar pemanjangan suara, *madd*, bagi orang yang hendak memanjangkannya atau memendekkannya. Berlagu (menyanyi) juga memerlukan kadar suara yang tertentu. Tanpa itu, menyanyi tidak mungkin terlaksana, demi harmonisasi sebagaimana telah kita terangkan tentang hakikat muzik. Jika kedua-duanya diungkapkan dan bertentangan, pasti yang suatu akan merosakkan yang lain. Ketika muzik melodi memerlukan perubahan *riwayah* yang dinukilkan mengenai pembacaan al-Quran dan pengungkapan huruf-hurufnya, maka haruslah dipilih *riwayah* itu, mendahului syarat-syarat yang dituntut oleh muzik. Tentunya, tidaklah mungkin untuk menyatukan dan mengumpulkan lagu dan pembacaan yang benar di dalam al-Quran. Mereka yang membolehkan adalah memaksudkan supaya lagu tersebut diperdengarkan secara lagu yang sederhana, yang diperoleh secara semula jadi oleh orang yang memiliki *midlmar*, sebagaimana telah kita sebutkan terdahulu. Maka dia pun akan mengulang-ulangi suaranya hingga beberapa kali, sesuai dengan yang diketahui oleh orang yang mengetahui tentang lagu dan lain-lainnya. Hal itu tidak boleh sama sekali, sebagaimana dikatakan oleh Malik. Dan inilah letak perbezaan pendapat tersebut.

Yang lebih gamblang, ialah mensucikan al-Quran dari kesemuanya ini, sebagaimana pendapat Imam (Malik). Sebab al-Quran adalah pusat kekhusyukan, konsentrasi dengan mengingat kematian dan apa yang akan terjadi di belakangnya. Al-Quran bukan tempat bersenang-senang dengan memerhatikan keindahan suara. Demikian itulah bacaan para sahabat, sebagaimana tersebut di dalam berita-berita tentang mereka.

> Mengenai sabda Nabi Muhammad s.a.w.: "Telah diberikan kepada (Abu Musa) satu di antara seruling-seruling keluarga Daud".[39]

Ia tidaklah bermaksud dengan mengulang-ulang dan melagukan (al-Quran). Melainkan maksudnya ialah suara yang bagus, me-

---

39 Iaitu hadis al-Bukhari mengenai persoalan memperindah suara bacaan, iaitu: Muhammad bin Khalaf Abu Bakar menyatakan kepada kami ... daripada Abu Musa r.a. bahawa Nabi Muhammad s.a.w. menyatakan kepadanya: "Ya Abu Musa, telah diberikan kepadamu satu di antara seruling-seruling Daud". (Lihat *Shahih al-Bukhari*, juz 3, cet. Bahiyah, 1343 H, hlm. 145.

laksanakan bacaan, dan memperjelas bacaan dengan tekanan pada kejelasan *makhraj* huruf-huruf.]

Memperdendangkan lagu adalah bermula di dalam suatu peradaban ketika ia sudah mempunyai kekayaan yang melimpah, dan masyarakatnya telah mencapai kemajuan daripada keperluan asas kepada keselesaan dan seterusnya kepada pelbagai kemewahan. Sebabnya ialah ia diperlukan oleh mereka yang bebas daripada yang perlu dan kemahuan yang mendesak untuk nafkah hidup dan keperluan rumah tangga dan kemahuan yang lainnya. Ia dimahukan oleh orang-orang yang telah bebas daripada segala macam kerungsingan dan berusaha mencari pelbagai cara untuk menikmati keselesaan.

Di dalam kerajaan-kerajaan bukan Arab sebelum Islam, muzik telah berkembang pesat di kota-kota dan bandar-bandar. Raja-raja (bukan Arab) menggalakkannya, dan sangat menyenanginya. Ia merebak kepada raja-raja Parsi yang memberikan perhatian yang besar terhadap ahli-ahli muzik. Pemain-pemain muzik mempunyai tempat di dalam dinasti-dinasti mereka dan diundang menghadiri majlis-majlis dan pertemuan-pertemuan serta berdendang bersama mereka. Demikianlah juga perihal orang-orang bukan Arab pada masa ini, di semua daerah dan wilayah.

Pada mulanya orang-orang Arab hanya memiliki seni bersajak, *syair*, yang mereka apresiasikan begitu tinggi. Mereka merangkai suatu pembicaraan dengan terdiri daripada bahagian-bahagian yang ada kesamaan pada beberapa huruf hidup, *vokal*, dan huruf mati, *konsonan*. Mereka merangkai *baik*, memotong-memotong pembicaraan mereka pada bahagian-bahagian itu, dan setiap bahagian daripadanya berdiri sendiri dengan erti khusus, tidak dempet kepada bahagian lainnya. Pertama, dengan menyerasikan banyak potongan kata; kedua, dengan menyamakan bahagian-bahagian pada pemotongan dan permulaannya; lalu dengan memasukkan erti yang dikehendaki serta menyesuaikannya dengan perkataan. Mereka mengungkapkannya, sehingga sajak itu menjadi ciri khas pembicaraan mereka dengan dibezakan oleh kehormatan tertentu yang tidak dimiliki bahasa lain, kerana dicirikan oleh keharmonian ini. Mereka menjadikan sajak sebagai arkib sejarah mereka, *hikmah* atau kebijaksanaan mereka, kebangsawanan mereka, dan pencapaian bagi kebolehan semula jadi mereka untuk membolehkan mereka menyatukan sesuatu secara berkesan, memi-

lih cara (penyebutan) yang paling baik. Mereka terus melakukan hal sedemikian. Harmoni yang diciptakan demi bahagian-bahagian kata dan huruf-huruf vokal dan konsonan ini merupakan setitik air laut dari harmonisasi suara sebagaimana dikenal di dalam buku-buku muzik. Hanya mereka tidak merasakan yang lain-lainnya, kerana pada waktu itu mereka tidak memiliki sesuatu ilmu, dan tidak mengetahui suatu keahlian. Kebadwiahan merupakan watak yang paling menguasai sifat mereka. Maka, penuntun-penuntun unta pun bernyanyi sewaktu menuntun unta-unta mereka, dan anak-anak muda berdendang sewaktu mereka bersendirian di lapangan lengang. Mereka mengulang-ulangi bunyi suara dan menyenandungkannya. Begitu senandung itu telah diaplikasikan pada sajak, jadilah ia sebagai suatu nyanyian. Dan apabila diaplikasikan pada *tahlil* atau suatu macam bacaan, jadilah ia sebagai *taghbir* (senandung puji-pujian). Abu Ishaq az-Zajaj menyebutnya *ghabir* (senandung) tentang keadaan akhirat. Kadang-kadang, seperti disebutkan oleh Ibn Rasyiq pada akhir buku *al-Umdah* dan lain-lainnya, orang-orang Arab memasukkan harmoni sederhana ke dalam nyanyian mereka. Mereka menamakannya *sinad*. Dan yang paling banyak mereka pergunakan adalah *khafif*, diiringi tari-tarian dan berjalan dengan iringan rebana dan seruling, sehingga menimbulkan kegembiraan dan mendatangkan keasyikan. Mereka menamakannya *hazaj* (suara bertalu). Muzik sederhana ini semuanya termasuk yang mula-mula. Seseorang tidak akan benar-benar mendalami muzik sederhana lainnya. Masih demikian ehwal orang-orang Arab, berada dalam kebadwiahan dan kebodohan mereka.

Kemudian, apabila datangnya Islam, orang-orang Arab menguasai apa yang terdapat di dunia ini. Mereka merampas kuasa daripada orang-orang bukan Arab. Mereka amat dikenali dengan sifat kepadangpasirannya dan tahap hidup yang rendah. Sebagai tambahannya mereka telah menguasai perkembangan Islam yang pesat dan masyarakat Islam menolak keras segala kegiatan yang ada berhubungannya dengan bersenang-senang dan hal-hal yang tidak ada manfaatnya di dalam agama dan penghidupan. Dengan itu, muzik dihindarkan dalam banyak hal. Pada anggapan mereka, hanya pembacaan al-Quran, serta menyenandungkan sajak-sajak sahaja yang telah menjadi cara hidup dan kebiasaan, adalah digalakkan.

Lalu, kemewahan dan kemakmuran hidup menghampiri

mereka sebab mereka telah memperoleh banyak harta kekayaan bangsa-bangsa lainnya. Mereka mula menikmati kehidupan yang senang-lenang dan mewah dan mula menyenangi masa lapang. Penyanyi-penyanyi pun meninggalkan Parsi dan Byzantin. Mereka datang ke Hijaz, dan menjadi *mawla* kepada orang-orang Arab. Mereka pun bernyanyi dengan diiringi oleh bunyi kecapi, tambur, alat-alat muzik yang ditabuh, dan seruling-seruling. Orang-orang Arab mengkagumi keindahan melodi-melodi dengan bunyi-bunyian, dan mereka pun menyusun sajak-sajak yang sesuai dengan alunan muzik. Muncul di Madinah Nasyith al-Farisi, Thuwais, dan Saib Khatsir *mawla* Ubaidillah bin Ja'afar. Mereka mendengar syair-syair orang-orang Arab dan mendendangkannya dengan baik sekali, sehingga sukar dilupakan oleh pendengarnya. Dari mereka Ma'bad berserta mereka yang seangkatannya belajar muzik, serta Ibn Suraij dan para sahabatnya.

Keahlian menyanyi terus berkembang secara bertahap-tahap hingga masa pemerintahan Bani 'Abbas dan sempurna di tangan Ibrahim bin al-Mahdi, Ibrahim al-Moushili, serta puteranya Ishaq dan puteranya Hammad. Di antaranya ada yang masih tetap menjadi pembicaraan orang di dalam kerajaan mereka di Baghdad, serta pertemuan-pertemuan yang pada masa sekarang ini. Mereka memberikan perhatian yang besar terhadap hiburan dan permainan. Peralatan-peralatan untuk menari direka, berupa pakaian, tongkat, serta syair-syair yang didendangkan mengikuti tarian, dan dijadikan sebagai suatu kumpulan satu-satunya. Alat-alat tari yang lainnya dibuat pula, disebut *kurraj*, patung-patung unta yang diperbuat daripada kayu dan dihiasi *qaba-qaba*, baju lapisan kedua yang dipakai wanita. Para wanita menaiki *kurraj* itu mengikuti gaya-gaya unta dan para lelaki pun berlari-lari saling berkejaran. Tarian-tarian semacam itu ada yang dipersiapkan untuk pesta-pesta, perkahwinan, hari raya, dan pertemuan hiburan. Tarian itu banyak terdapat di Baghdad, di kota-kota Iraq, dan dari sana tersebar ke kota lainnya. Di antara orang-orang Moushil ada seorang anak muda bernama Ziryab, yang belajar lagu dari mereka. Dia mahir menyanyi. Tetapi mereka membuangnya ke Maghribi sebagai rasa ghairah terhadapnya. Anak muda itu pun menghadap al-Hakam bin Hisyam bin Abdurrahman, penakluk dan amir penguasa Andalusia. Sang amir benar-benar menghormatinya, berangkat menyongsong kedatangannya, serta memberinya hadiah-hadiah, tanah, dan gaji, dan memberi tempat kepadanya dan

di kalangan para pegawainya. Anak muda itu mewariskan kemahiran menyanyi di Andalusia, yang terus-menerus dipelajari hingga masa raja-raja *thaifah*. Dari sana, di Slavia (Isybiliyah), kemahiran ini mencapai puncak perkembangannya. Setelah Slavia kehilangan kemakmurannya, keahlian ini berpindah ke negeri-negeri pinggiran wadi di Ifriqiyah dan Maghribi, dan tersebar ke kota-kota daerah tersebut. Dan di sanalah sekarang sampai pada saat kemundurannya, kerana peradabannya telah merosot dan kekuasaannya telah berkurang.

Kemahiran memperdengarkan nyanyian adalah kemahiran yang paling akhir sekali dicapai di dalam peradaban, sebab ia merupakan perkembangan yang akhir menikmati kemewahan dalam hubungan tidak ada lagi tugas lain kecuali untuk mengisi waktu senggang dan bersuka ria. Kemahiran itu juga merupakan yang pertama akan mengalami kelenyapannya daripada peradaban apabila ia mengalami kehancurannya dan kemundurannya.

Dan Allah lebih mengetahui.]

33 Keahlian, khususnya tulis-menulis dan menghitung, memberi kebijaksanaan kepada orang yang mengamalkannya

Kita telah menyebutkan bahawa jiwa yang rasional wujud pada manusia hanya secara bakal. Transformasinya daripada bakat kepada yang aktual adalah disebabkan pertamanya oleh ilmu yang baru dan tanggapan yang diperolehi daripada *sensibilia*, lalu dicapai oleh penguasaan pengetahuan melalui kekuatan spekulatif. Akhirnya, ia menjadi suatu persepsi yang sebenar dan intelek yang tulen. Maka, ia pun menjadi saripati spiritual, dan kewujudannya kemudian mencapai suatu kesempurnaan.

Dengan demikian adalah penting supaya tiap-tiap jenis pengetahuan dan spekulasi itu harus memberi jiwa yang rasional dengan kecerdikan tambahan. Dan keahlian, dan kebiasaannya selalu mendorong kepada perolehan norma-norma ilmiah yang diakibatkan oleh kebiasaan itu. Dengan demikian apa pun pengalaman akan mendatangkan kecerdikan. Kebiasaan-kebiasaan daripada keahlian akan mendatangkan kecerdikan budaya hidup menetap yang sempurna akan mendatangkan kecerdikan,

sebab ianya adalah suatu gabungan keahlian-keahlian yang bersangkutan dengan soal ekonomi rumah tangga, dengan orang-orang yang menjadi anak buahnya pencapaian pendidikan melalui pergaulan dengan mereka yang menjadi anak buahnya, dan juga pentadbiran urusan-urusan agama serta memahami cara-cara dan keadaan-keadaan yang menyentuhi mereka. Semua faktor ini adalah norma-norma, yang tersusun begitu baik, merupakan suatu disiplin ilmu. Maka, suatu tambahan di dalam inteligensia adalah disebabkan daripadanya.

Dalam hubungan ini, tulis-menulis itu merupakan suatu keahlian yang paling banyak manfaatnya, sebab, berbanding dengan keahliannya yang lain, ia banyak berurusan dengan hal-hal teoritis dan keilmuan yang saintifik. Tulis-menulis melibatkan suatu perpindahan dari bentuk-bentuk surah yang ditulis kepada ungkapan sebutan di dalam khayalan, mana ianya berada di dalam jiwa, dan kemudiannya kepada konsep yang di dalamnya yang penulisnya selalu bergerak daripada satu simbol kepada yang lainnya, dia masih tekun dengan tulis-menulis itu dan jiwa itu menjadi biasa dengan perulangan tetap proses itu. Maka, ia pun mendapatkan suatu kebiasaan mengulangi simbol-simbol itu kepada hal-hal yang dimaksudkannya. Inilah apa yang dimaksudkan dengan spekulasi intelektual, melaluinya ilmu hingga sekarang ini tidak diketahui telah diadakan. Sebagai akibat keterbiasaan dengan proses ini orang mencapai kebiasaan intelek, yang merupakan tambahan di dalam kebijaksanaan, dan yang memberi wawasan tambahan ke dalam persoalan dan pengertian yang dalam mengenai persoalan itu. Kerana itu, Khosraw berkata tentang para jurutulisnya, yang dilihatnya memiliki wawasan yang dalam dan kepandaian yang banyak:

> "Mereka adalah *diwanah*', ertinya, mereka adalah syaitan-syaitan dan orang-orang gila".

Orang menyatakan bahawa dari perkataan inilah kata *diwan* diambil untuk para jurutulis.

Perhitungan, *hisab*, adalah ada hubungannya yang erat dengan tulis-menulis. Ia merupakan suatu pekerjaan yang menggunakan angka-angka, "menyatukan" dan "mengasingkan"nya, yang memerlukan banyak pemikiran deduktif. Maka, orang yang

terlalu asyik dengannya akan selalu menggunakan pemikiran, deduktif dan spekulasi, dan inilah yang dimaksud dengan kecerdikan, *aql.*

Allahu a'lam, Allah lebih mengetahui.

---

* Terjemahan berpandukan teks edisi bahasa Inggeris. Suntingan didasarkan pada teks edisi bahasa Indonesia iaitu terjemahan daripada edisi Arab/Inggeris.

[*] Teks 'gugur' edisi bahasa Indonesia/Inggeris dikekalkan – Editor.

BAB ENAM

PELBAGAI MACAM ILMU PENGETAHUAN, METODE-METODE PENGAJARANNYA, KEADAAN SERTA YANG TERJADI SEHUBUNGAN DENGAN HAL ITU

SUATU PEMBICARAAN AWAL

MENGENAI keupayaan manusia untuk berfikir suatu hal yang membezakan manusia daripada haiwan dan yang membolehkannya mendapatkan nafkah hidup, untuk bekerjasama mencapai suatu matlamat bersama saudara-saudaranya dan mempelajari tentang Pencipta yang disembah, serta wahyu-wahyu yang diterima oleh para rasul-Nya. Allah dengan demikian menjadikan semua binatang tunduk dan berada dalam kekuasaannya. Melalui keupayaan untuk berfikir Allah mengurniakan manusia dengan keunggulan di atas makluk-makhluk-Nya yang lain.

1 Keupayaan manusia untuk berfikir

Allah s.w.t. membezakan manusia daripada makhluk-makhluk lainnya dengan keupayaan untuk dijadikannya sejak awal-awal lagi suatu kesempurnaan dan sehabis mulia dan berdarjat daripada makhluk-makhluk yang ada.

Ianya adalah seperti berikut. *Idrak* – kesedaran dalam diri seseorang tentang hal yang ditanggap suatu yang khusus dimiliki oleh makhluk-makhluk yang hidup sahaja dan tidak pada lain-lain benda. Makhluk itu berkeupayaan menyedari akan sesuatu yang berlaku di luar dirinya dengan perantaraan pancainderanya yang telah dianugerahi oleh Allah s.w.t. yakni – indera pendengaran, penglihatan, penghiduan deria rasa dan sentuhan. Manusia

---

* Terjemahan berpandukan teks edisi bahasa Inggeris. Suntingan didasarkan pada teks edisi bahasa Indonesia iaitu terjemahan daripada edisi Arab/Inggeris.

[*] Teks 'gugur' edisi bahasa Indonesia/Inggeris dikekalkan – Editor.

mempunyai kelebihan berbanding dengan makhluk yang lainnya – dia boleh menanggapi sesuatu yang di luar dirinya melalui kemampuan berfikir, sesuatu yang ada melampaui pancainderanya. Ia adalah diakibatkan oleh suatu kekuatan yang berada di tengah-tengah bahagian otaknya. Dengan sokongan kuasa-kuasa itu, manusia mengambil bayangan-bayangan mengenai *sensabilia* menggunakan akalnya dan kemudian menyiarkan gambar-gambar yang lain, keupayaan untuk berfikir adalah penglibatannya dengan bayangan-bayangan akal kepadanya untuk membuat analisis dan sintesis.

Berfikir, *fikr*, ialah penjamahan bayang-bayang ini di balik perasaan, dan aplikasi akal di dalamnya untuk pembuat analisis dan sintesis. Inilah erti kata *af-idah* (jamak dari *fu-ad*) dalam firman Allah Taala:

> "Dan Dia menjadikan bagi kamu pendengaran, penglihatan, dan akal".[1]

Fu-ad inilah yang dimaksudkan dengan fikiran, *fikr*. Kesanggupan berfikir itu ada beberapa tingkatannya:

Tingkatan yang pertama ialah pemahaman intelektual manusia terhadap segala sesuatu yang ada di luar alam semesta dalam tatanan alam atau tata yang berubah-ubah, dengan maksud supaya dia dapat mengadakan aturan dengan sokongan kemampuannya sendiri. Bentuk pemikiran sebegini kebanyakan adalah berupa tanggapan-tanggapan. Ini ialah kemampuan pembeza (*al-aql ut-tamyizi*) yang mana melaluinya manusia memperoleh segala sesuatu yang bermanfaat bagi dirinya dan penghidupannya, serta menolak segala sesuatu yang memudaratkan dirinya.

Tingkatan yang kedua ialah kemampuan berfikir menyediakan manusia itu dengan idea-idea dan perilaku yang diperlukan dalam perhubungan dengan anak-anak buahnya dan memimpin mereka. Kebanyakannya hanyalah berupa *apperceptions* (*tashdiqat*) yang diperoleh satu demi satu melalui pengalaman, hingga ia

---

1 Al-Quran surah al-Mulk ayat 23, yang lengkapnya bermakna: Katakanlah: "Dia yang menciptakan kamu dan menjadikan bagi kamu pendengaran, penglihatan dan akal (tetapi amat sedikit kamu bersyukur)."

Dalam *al-Quran dan Terjemahannya* Departemen Agama RI, kata *af-idah* diterjemahkan dengan *hati.* Ibn Khaldun lebih cenderung mengertikannya dengan *fikr*, fikiran yang bersumberkan akal atau otak.

benar-benar dirasakan bermanfaat. Inilah apa yang disebut dengan intelektual eksperimental, *al-aql-tajribi.*

Tingkatan yang ketiga ialah kemampuan untuk berfikir yang memperlengkapi manusia dengan pengetahuan (*ilm*) atau pengetahuan andaian (*dzann*) mengenai sesuatu objek yang berada melampaui persepsi indera tanpa adanya tindakan praktis. Ini ialah intelek spekulatif (*al-aql an-nadzari*). Ia mengandung tanggapan (perception) dan appersepsi (apperception) *tasawwur* dan *tashdiq*. Ianya disusun menurut tatanan khusus menurut keadaan-keadaan yang khusus dan dengan demikian memberikan pengetahuan lainnya dari jenisnya yang sama, sama ada perseptif atau apperseptif. Kemudian semuanya itu sekali lagi bergabung dengan hal-hal lain, dan sekali lagi memberikan pengetahuan yang lainnya. Yang akhir daripada proses ini ialah memberikan tanggapan mengenai *wujud* sebagaimana adanya, menurut pelbagai *genera*, perbezaan sebab-sebab dan punca-puncanya. Dengan memikirkan hal-hal ini, manusia itu dapat mencapai kesempurnaan dalam realitinya, dan menjadi intelek yang murni dan jiwa yang perseptif. Inilah makna realiti manusia (*al-haqiqah al-insaniyah*).

2 Dunia tentang benda-benda yang terjadi sebagai akibat daripada tindakan, terwujud melalui pemikiran

Dunia yang mengandungi benda-benda yang wujud adalah mengandungi saripati tulen, seperti elemen-elemen, segala benda yang berasal dari pengaruhnya, serta tiga benda yang terjadi daripada elemen-elemen, yakni galian-galian, tumbuh-tumbuhan, dan haiwan-haiwan. Kesemua benda-benda ini berhubungan dengan kekuasaan Allah.

Ia juga mencakupi tindak-tanduk yang ditimbulkan oleh makhluk-makhluk, yang berlaku akibat kemahuan-kemahuan mereka dan ada hubungannya dengan kekuasaan (*qudrah*) yang telah diberikan oleh Allah s.w.t. Sebahagian daripada tindakan itu diatur dengan baik tertib. Adalah tindak-tanduk manusia. Sementara yang ternyata tidak diatur dan tidak tertib. Tindak-tanduk itu adalah makhluk selain daripada manusia.

Sebabnya ialah tanggapan pemikiran (*fikr*) itu memastikan tatanan yang terdapat di antara benda-benda yang ada (*hawadits*) sama ada secara semula jadi ataupun melalui susunan yang sewenang-wenangnya. Apabila dia berhasrat untuk membuat

sesuatu, ia harus memahami alasan, atau sebab benda-benda itu atau hal-hal yang berhubungan dengannya demi adanya aturan yang wujud di antara benda-benda yang diwujudkan. Alasan sebab atau keadaan-keadaan adalah pada umumnya, merupakan dasar-dasar mengenai benda-benda tertentu oleh sebab ianya sesuatu yang sekunder. Ia adalah tidak mungkin untuk mengatur untuk sesuatu yang dahulu dikemudiankan atau mengkemudiankan yang terdahulu. Dasar semacam itu harus memiliki prinsip lainnya di mana kewujudan sebenarnya adalah terkemudian. Tahapan ini (pengunduran) boleh bergerak dalam suatu tatanan mendaki (daripada) dasar ke dasar atau ianya boleh sampai pada suatu akhiran sekarang, apabila seseorang insan, dalam cara berfikirnya, telah mencapai dasar yang terakhir dalam dua, tiga atau lebih tingkatannya memulakan usaha yang akan mewujudkan perkara yang direncanakan itu, dia akan memulakan dengan dasar yang terakhir yang telah dicapai melalui pemikirannya. Maka dasar yang terakhir akan menjadi permulaan tindakannya. Kemudian akan menuruti perkara-perkara itu sehingga ke elemen yang terakhir di dalam rangkaian sebab akibat rentetan yang telah menjadi titik mula aktiviti pemikirannya.

Sebagai contoh, seorang insan yang berfikir untuk membuat bumbung yang akan dijadikan tempat berteduh, dia akan mengarahkan pemikirannya daripada mengadakan bumbung kepada dinding yang akan menjadi penyangga bumbung itu. Kemudian dia berfikir mengadakan tapak di mana dinding itu akan didirikan. Di sini kerja berikutnya akan berakhir dan dia akan bekerja untuk menyiapkan tapaknya kemudian beralih kepada dinding dan kemudian kepada bumbung di mana usahanya itu akan berakhir.

> "Permulaan sesuatu tindakan adalah berakhirnya kerja berfikir dan apa yang dimaksudkan berfikir adalah berakhirnya tindakan".

Dengan demikian, tindakan seseorang manusia di dunia luar akan terwujud hanya melalui pemikiran mengenai aturan benda-benda, kerana perkara-perkara itu adalah didasarkan satu sama lain. Setelah selesai melakukan pemikiran dia pun memulai sesuatu pekerjaan. Pemikirannya bermula dengan sesuatu yang datang paling akhir di dalam rentetan sebab akibat dan adalah dilakukan

terakhirnya dimulai tindakannya dengan sesuatu yang menjadi permulaan di dalam rentetan sebab akibat, di mana fikiran itu mencapai yang terakhirnya setelah aturan ini diperhitungkan, tindakan-tindakan manusia itu bergerak dalam cara yang benar-benar tersusun.

Sebaliknya, tindakan makhluk selain daripada manusia adalah tindakan-tindakan yang tidak teratur. Apa yang kurang ialah kerja berfikir yang membiasakan perantara dengan susun atur benda-benda yang melibatkan tindakan-tindakannya. *Fikr* itulah yang menjadi perantara bagi si pelaku untuk menemukan tatanan dari sesuatu yang dikerjakannya. Binatang menanggapi sesuatu itu melalui indera-inderanya. Tanggapan-tanggapan itu terputus dan mengalami kekurangan ikatan penyambung hanya kerana berfikir sahaja yang berupaya mewujudkan ikatan tanggapan sedemikian.

Nah, semua benda yang diwujudkan yang merupakan akibat di dunia (*kainaat*) adalah sebabnya yang teratur. Apa yang tidak teratur adalah sesuatu yang sekunder. Tindak-tanduk binatang dengan demikian, adalah di bawah tindakan manusia yang teratur. Sebagai akibatnya khidmat mereka secara paksaan dapat dimanfaatkan oleh manusia. Maka, tindakan-tindakan manusia menguasai seluruh dunia benda baru (*hawadits*) dan segala yang terkandung di dalamnya. Segala sesuatu itu adalah akur kepada manusia dan bekerja untuk kepentingannya.

Inilah yang dimaksudkan manusia itu sebagai khalifah (*istikhlaf*) sebagaimana yang disinggung oleh Allah s.w.t. menerusi firman-Nya:

> "Sesungguhnya Aku akan menjadikan seseorang khalifah di muka bumi".[2]

Dengan demikian, fikiran merupakan ciri khas manusia dan yang membezakannya dengan makhluk-makhluk hidup yang lainnya.

Kemampuan untuk berfikir adalah suatu kualiti di mana ia membezakan manusia dengan makhluk-makhluk lainnya. Tingkatan di mana seseorang insan itu dapat mewujudkan rentetan sebab dan akibat adalah menentu tahap kemanusiaannya. Ada orang yang berkeupayaan untuk menentukan suatu pertalian rentetan

2 Al-Quran, surah al-Baqarah, ayat 30.

sebab akibat untuk dua atau tiga jenjang. Sebahagian yang lain pula tidak mampu melampauinya. Yang lain pula mampu mencapai lima atau enam. Kemanusiaannya sebagai akibatnya adalah lebih tinggi.

Sebagai contoh beberapa pemain-pemain catur berupaya (terlebih dahulu) mengatur tiga atau lima langkah yakni yang dapat direncanakan (*wadl'i*) suatu aturan di mana ianya adalah sewenang-wenangnya sementara yang lain tidak mampu melakukannya sebab fikiran mereka tidak dapat melakukannya. Contoh ini tidaklah tepat kepada maksudnya, sebab pengetahuan mengenai rentetan sebab akibat merupakan sesuatu yang sifatnya semula jadi. Sungguhpun demikian, ia adalah suatu contoh yang dapat dipergunakan oleh para pelajar untuk mendapatkan pemahaman intelektual mengenai fakta-fakta asas yang disebutkan di sini.

Allah s.w.t. menciptakan manusia dan memuliakannya di atas kebanyakan makhluk-Nya menurut beberapa darjat.

3 Intelek eksperimental dan bagaimana ianya terjadi

Kita dapat mengetahui hasil daripada usaha ahli falsafah menerusi suatu kenyataan manusia itu secara semula jadinya adalah makhluk politik (*al-insanu madaniyyun bit-thab'i*). Para ahli falsafah menyebutkan kenyataan itu dalam hubungannya dengan pembuktian karyanya kewujudan kenabian (*nubuwwat*) dan hal-hal lainnya. Adjektif *madaniy* (political) merujuk kepada 'kota' (*polis*), di mana ianya dipergunakan sebagai perkataan lain untuk organisasi sosial (*al-ijtima al-basyariy*).

Kenyataan ini bermaksud bahawa seseorang manusia itu tidak boleh hidup secara bersendirian, dan kewujudannya akan terlaksana hanya melalui gabungannya dengan masyarakatnya. Secara sendirian ia tidak akan berusaha menyempurnakan kewujudannya dan mengarah kepada kehidupannya yang sempurna. Secara semula jadinya manusia itu memerlukan kerjasama orang lain dalam memenuhi apa yang menjadi kehendaknya. Pada awalnya, khidmat nasihat dan kemudian, saling hubungan serta hal-hal lain yang menurutnya. Dalam berhubungan dengan orang lain, apabila ada kesatuan tujuan ia akan membawa kepada sikap saling sayang-menyayangi tetapi apabila berlainan arah ia akan menimbulkan suatu perselisihan faham yang mendorong kepada pertelingkahan

sehingga membangkitkan permusuhan, maka saling benci-membenci dan saling sayang-menyayangi. Perbalahan dan perseteruan pun timbul. Ini mendorong kepada berlakunya peperangan dan perdamaian di antara bangsa-bangsa dan kaum-kaum.

Di antara insan ia tidak terjadi secara merosakkan sebagaimana yang berlaku di antara binatang-binatang liar. Allah mengizinkan manusia itu mengaturkan segala kegiatan mereka menurut aspek politik dan menurut norma-norma falsafah. Sebabnya ialah Allah s.w.t. telah memberikan ciri yang khusus kepada manusia untuk mengatur dan menata semua tindakannya sejajar fikirannya sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini. Fikiran itu membimbing manusia daripada perkara-perkara yang merugikan mereka kepada sesuatu yang berguna menurut keinginannya dan daripada kejahatan kepada kebajikan. Namun, pertama-tamanya dan harus mengenal pasti apa yang jahat dan kesan yang merugikan hasil daripada tindakan itu daripada pengalaman yang menguntungkan dan adat kebiasaan maka mereka dapat dibezakan daripada binatang-binatang yang hidup liar. Akibat daripada kemampuan berfikir memperlihatkan dengan jelas pada kenyataan bahawa semua tindakan mereka adalah teratur dan tidak mungkin menimbulkan keburukan.

Konsep yang menimbulkan semuanya ini adalah tidak seluruhnya dipisahkan daripada tanggapan pancaindera dan tidak pula menghendaki suatu kajian yang mendalam. Semuanya itu boleh diperoleh melalui pengalaman dan yang dicapai menerusinya. Ia ada konsep yang khusus yang ada hubungannya dengan *sensibilia*. Apa yang menjadi kebenaran dan kepalsuan akan akhirnya timbul daripada peristiwa-peristiwa itu. Daripada peristiwalah para pelajar akan dapat mempelajarinya setiap insan itu dapat mempelajarinya kerana dia sememangnya berkeupayaan. Dia boleh mengutip pengetahuan itu melalui bantuan pengalaman daripada banyak peristiwa-peristiwa yang terjadi sewaktu bergaul dengan masyarakatnya. Akhirnya, dia berkeupayaan mengetahui apa yang mustahak dan harus dilakukan dan apa yang tidak seharusnya dilakukan terlekat di fikirannya. Dengan mengetahui hal ini dengan sebaik-baiknya, kemudian tingkah laku yang sesuai apabila berhubung dengan masyarakat akan diperolehnya.

Barang siapa yang mematuhi aturan ini pada keseluruhan hidupnya akan berasa biasa dengan setiap masalah. Hal-hal yang bergantung pada pengalaman pula memerlukan waktu. Memper-

mudahkannya supaya ramai manusia berupaya mendapatkan pengetahuan sosial ini dalam jangka waktu yang singkat daripada masa yang diperlukan untuk mendapatkannya melalui pengalaman, sekiranya mereka mengikuti pengalaman nenek moyang, guru-guru, orang-orang tua, mempelajari daripada mereka serta menerima pengajaran itu. Manusia boleh dengan demikian mengetepikan pembelajaran secara peribadi yang panjang dan mendalam mengenai peristiwa-peristiwa dan tidak pula perlu berusaha untuk mengutip konsep-konsep daripadanya. Tetapi mereka yang tidak mempunyai pengetahuan atau tradisi dalam hubungan ini atau orang yang tidak mahu belajar dan meneladani orang lain memerlukan kajian yang lama dan berhati-hati untuk mengetahuinya. Mereka tidak biasa dengan permasalahan itu dan pengetahuan yang didapati mengenainya adalah tidak rata. Tindak-tanduk dan pergaulan mereka dengan orang lain akan terencana dengan buruk dan menampakkan banyak kekurangannya. Peluang untuk membuatkan penghidupan di kalangan masyarakatnya akan menjadi tipis.

Inilah sebagaimana maksud kata-kata yang bijaksana:

> "Barang siapa yang tidak terdidik dengan baik oleh ibu bapanya akan dididik oleh zaman".

Maksudnya, barang siapa yang tidak mempunyai perilaku yang diperlukan dalam hubungannya dengan insan lain daripada ibu bapanya termasuk gurunya dan orang-orang yang lebih tua dan tidak mempelajari hal-hal itu daripada mereka, terpaksa mempelajarinya melalui bantuan semula jadi daripada peristiwa-peristiwa yang terjadi sepanjang masa. Maka masa akan mengajarkan dan mendidiknya sebab dia memerlukan pendidikan kerana, melalui sikap semula jadinya, dia menginginkan kerjasama orang lain.

[*Di antara ketiga alam, satu yang dapat kita rasakan dengan sebaik-baiknya, iaitu alam manusia, kerana ia hadir dan dirasakan oleh persepsi secara jasmaniah dan rohaniah. Di dalam alam indera, kita berada satu serikat dengan haiwan-haiwan, sedang di dalam alam akal dan roh, kita berserikat dengan para malaikat yang esensi mereka sama dengan esensi alam, esensi yang bebas dari jasmaniah dan materi, iaitu akal murni di mana akal dan objek akal adalah satu, seakan-akan adalah esensi yang realitinya merupakan persepsi dan akal. Ilmu-ilmu akal murni selamanya

diperoleh dan cocok secara watak bagi bermacam pengetahuan, maklumatnya sama sekali tidak dihinggapi kerancuan. Sedangkan ilmu manusia diperoleh gambaran objek yang diketahui di dalam esensi yang sebelumnya tidak diketahui. Maka, semuanya itu adalah ilmu yang dicari.

Esensi – di mana gambaran-gambaran pengetahuan, iaitu jiwa, diperoleh di dalamnya adalah suatu materi, awal (*maddah huyulaniyyah*) yang mencampuradukkan wujud dengan gambaran melalui pengetahuan. Maklumat yang dihasilkan di dalamnya, satu demi satu hingga sempurna dan wujudnya menjadi benar melalui kesirnaan materi dan gambarannya. Maka objek-objek yang dicari (*mathlubat*) di dalamnya selalu diragukan antara tiada dan ada, dengan permintaan satu di antara keduanya melalui perantara yang menjembatan antara kedua kutub itu. Apabila perantara itu telah diperoleh dan menjadi suatu yang diketahui, ia pun perlu keterangan penyesuaian (*muthabaqah*). Mungkin 'kesesuaian' itu dijelaskan oleh bukti buatan, tetapi dari balik tabir dan tidak nampak oleh mata sebagaimana yang terlibat pada ilmu-ilmu malaikat. Dan kadangkala tabir itu terbuka sehingga ia sesuai dengan penglihatan perspektif.

Sudah jelas bahawa menurut waktunya manusia itu bodoh kerana keragu-raguan yang ada pada ilmunya, dan bahawa dia berilmu melalui pencairan pengetahuan dan keahlian (pengalaman) dia mencapai objek yang dicarinya dengan fikirannya berdasarkan syarat-syarat imitatif. Terbukanya *gabir* (*kasyf*) yang telah kami singgung itu, barulah akan dicapai melalui latihan (*riyadlah*) dengan zikir – dan solat yang melenyapkan kejahatan dan kemungkaran adalah sebaik-baik zikir – dan dapat dicapai dengan menghindarkan diri dari makanan, terutama melalui puasa, serta dengan bertawajuh kepada Allah dengan segenap kekuatannya. Dan Allah "mengajarkan manusia apa-apa yang tidak diketahuinya".][3]

Demikianlah intelek berpengalaman. Ia diperoleh selepas intelek membezakan yang mendorong kepada tingkah laku, sebagaimana telah kami terangkan – selepas kedua-dua intelek tadi, ada pula tingkatan yang tinggi yakni intelek spekulatif. Begitu ramai cendekiawan telah berusaha untuk menerangkannya, dan ia adalah, dengan itu tidak perlu diterangkan dalam buku ini.

---

3 Al-Quran surah al-Alaq, ayat 5.

4 Pengetahuan mengenai manusia dan pengetahuan tentang malaikat

Kita meneliti dalam diri melalui intuisi yang wajar akan wujudnya tiga alam.

Apa yang pertama ialah alam persepsi sensual. Kita dapat menganggapinya melalui persepsi indera yang mana haiwan-haiwan juga berkongsi perasaan itu bersama kita.

Kemudian kita mula menyedari adanya kemampuan berfikir yang merupakan kualtiti khusus yang dimiliki oleh manusia menerusinya kita mengetahui bahawa jiwa manusia itu wujud. Pengetahuan ini disyorkan oleh fakta bahawa di dalam diri kita terdapat persepsi ilmiah yang mana ianya adalah berada di atas persepsi indera. Ia harus ditanggapi sebagai alam lain, di atas kepada alam indera.

Kemudian kita simpulkan wujudnya alam ketiga, di atas kita daripada kesan-kesan yang kita rasakan adanya di dalam hati kita, seperti pilihan dan kecenderungan terhadap kegiatan aktif. Maka kita pun mengetahui bahawa di sana ada ejen yang mendorong kita kepada hal-hal tersebut daripada suatu alam di atas alam kita. Alam itu adalah alam roh dan alam malaikat. Ia mengandung seperti yang dapat ditanggapi kerana wujudnya pengaruh yang memainkan peranan di dalam diri kita, meskipun terdapat jurang pemisah antara kita dengannya.

Sebaliknya, kita membuat kesimpulan adanya atau wujudnya alam spiritual tertinggi itu dan saripati yang dikandungnya daripada apa yang terlihat dan hal-hal yang tidak kita sedari sewaktu berada dalam keadaan jaga tetapi yang kita temui di dalam tidur kita dan yang membawa kepada perhatian kita kepadanya yang sekiranya iaitu sebuah mimpi yang benar, yang sesuai dengan keadaan yang sebenarnya. Kita dengan itu mengetahui bahawa ianya adalah benar dan datang dari alam yang ada kebenarannya. Sebaliknya 'mimpi-mimpi yang mengelirukan (*adlghostu ahlam*) adalaḥ gambaran-gambaran khayalan yang tersimpan dalam tanggapan dan di mana kemampuan untuk berfikir digunakan, setelah manusia tertahan daripada persepsi indera. [*Kepada alam spiritual ini kami tidak menemukan suatu bukti yang lebih bersifat menjelaskan. Dan kita pun hanya mengetahuinya secara garis kasar, dan tidak secara terinci. Bukti yang dikemukakan oleh para ahli falsafah beragama di dalam

menerangkan secara terinci esensi alam itu dan di dalam menata esensi yang mereka sebut 'akal-akal', tak satu pun yang bersifat meyakinkan (*yaqiniy*). Hal itu kerana lemahnya bukti ilmiah tentang alam itu, sebagaimana dinyatakan dalam pembicaraan mereka mengenai logika. Sebab di antara syaratnya, ialah masalahnya harus bersifat permulaan yang esensialnya, maka tidak ada jalan untuk memberi bukti dan berkenaan dengan Tuhan, sebagaimana dituntut oleh pengetahuan para nabi akan Dia. Nabi-nabi memberikan keterangan mengenai Tuhan dan menyampaikan wahyu demi memberi petunjuk pada umat. Mereka menerima wahyu itu dalam keadaan ilahiyah tersebut. Mereka melakukannya dengan cara khusus dan dalam sikap yang dikenal khusus bagi mereka, yang tidak berubah seakan-akan merupakan suatu disposisi alami yang telah Allah kurniakan pada mereka.

Pada permulaan buku ini, pada subbahagian 'orang-orang yang mempunyai persepsi supernatural'[4] telah kami bicarakan mengenai *wahyu.* Kami terangkan di sana bahawa wujud semuanya berada dalam dunianya yang sederhana dan yang kompleks menurut tatanan yang alami dari atas ke bawah. Alam-alam itu semuanya bersinambungan tanpa putus. Kami telah terangkan pula mengenai esensi yang berada di akhir setiap puncak dari alam-alam itu siap secara alami untuk berubah pada esensi yang mengitarinya dari bawah dan atas, sebagaimana yang terjadi pada beberapa elemen fizik yang sederhana. Begitu pula yang terjadi pada pohon kurma dan pohon anggur dari akhir puncak tumbuh-tumbuhan, siput dan kerang dari puncak binatang, pada kera yang tergabung kecerdikan dan persepsi, dan pada manusia, makhluk berfikir dan berpendapat. Persiapan yang ada pada kedua sisi setiap puncak dari alam-alam inilah yang merupakan makna kesinambungan yang terdapat pada alam-alam itu.

Di atas alam manusia, ada alam spiritual. Ini dibuktikan oleh pengaruh-pengaruhnya terhadap kita, dengan kekuatan persepsi dan kehendak yang diberikannya kepada kita. Esensi alam spiritual itu adalah persepsi murni dan pemikiran *absolute.* Ini adalah alam malaikat-malaikat.

Sebagai kelanjutan dari kesemuanya itu adalah jiwa manusia yang harus memiliki persiapan untuk lepas dari kemanusiaan ke malaikat agar benar-benar menjadi sebahagian daripada malaikat

---

4 Pada Pembicaraan Pendahuluan Keenam, daripada Bahagian Satu.

pada suatu waktu, dan dalam saat yang sama kemanusiaannya pun kembali lagi. Dalam alam malaikat, mungkin jiwa menerima tugas-tugas yang harus disampaikan kepada sesamanya. Inilah dia erti wahyu dan pembicaraan yang disampaikan oleh malaikat. Dan para nabi semuanya memiliki predisposisi ini, seakan-akan sudah merupakan sifat alami bagi mereka. Dalam pelepasan kemanusiaan mereka untuk kemudian masuk ke alam malaikat, mereka mengalami kesusahan dan berbagai-bagai perasaan yang meletihkan, sebagaimana sudah terkenal dalam hal ini.

Pengetahuan para nabi dalam keadaan demikian ini adalah satu pengamatan dan penglihatan langsung. Tak ada kesalahan dan ketergelinciran menghampirinya, dan tidak pula terjadi kekeliruan dan perkiraan tak berdasar dalam pengetahuan itu. Kesesuaian yang ada bersifat esensial, kerana tabir supernatural telah lenyap, dan pemerhatian yang langsung dan jelas telah dicapai. Ketika meninggalkan keadaan ini dan kembali kepada kemanusiaan, ilmu mereka tidak terpisah, sebab telah melekat padanya dalam keadaannya semula, dan kerana pemilikan akan sifat-sifat baik yang membawa mereka kepada keadaan itu: pengalaman mereka yang terus-menerus berulang dengan sendirinya, sehingga sempurnalah bimbingan mereka terhadap umat yang merupakan tujuan diutusnya mereka oleh Allah s.w.t.

Sebagaimana tersebut dalam firman-Nya:

> "Bahawasanya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawasanya Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Esa, maka tetaplah pada jalan yang lurus menuju kepada-Nya dan mohonlah ampunan kepada-Nya".[5]

Fahamilah hal ini dan pelajari kembali apa-apa yang telah kami terangkan kepada anda pada awal buku ini mengenai golongan-golongan manusia yang memiliki persepsi supernatural, sehingga keterangan dan penjelasannya menjadi mantap bagi anda. Kami telah menghuraikannya di sana dengan cukup lengkap.

Dan Allah memberi taufik.

Daripada (ketiga-tiga) dunia, yang satu daripadanya yang dapat kita tanggapi dengan baik ialah dunia umat manusia, kerana

---

5 Al-Quran surah Fushshilat, ayat 6. Melengkapi ayat itu: "... Dan kecelakaan yang besarlah bagi orang yang mempersekutukan-Nya".

ianya wujud dan dibuktikan oleh jasmaniah kita dan persepsi spiritual. Dunia pada indera adalah dikongsi oleh kita dan juga haiwan-haiwan, tetapi dunia intelek dan spiritual adalah dikongsi oleh kita dengan para malaikat, yang saripatinya adalah sama dengan saripati dunia itu. Ia ada saripati yang bebas daripada jasmaniah dan bahan, dan ianya adalah intelek sebenar di mana intelek, pemikir, dan objek pemikiran adalah satu. Ia adalah, dalam satu halnya, saripati yang realitinya adalah persepsi dan intelek ....

5 Pengetahuan tentang nabi-nabi

Kita dapati bahawa manusia yang tergolong ke dalam kumpulan ini adalah suatu keadaan ilahiah yang amat berbeza jenis manusia biasa, cita-cita dan keadaan-keadaannya. Pada diri, pesuruh Allah itu, kecenderungan *rabbaniah*nya adalah lebih kuat jika dibandingkan dengan yang ada pada manusia, dalam hal kekuatan persepsi, kekuatan berhasrat yang berupa hawa nafsu dan perasaan marah – serta seluruh keadaan-keadaan badaniahnya. Pengaruh Allah menjauhkan diri daripada segala sesuatu yang bersifat manusiawi, kecuali seluruhnya yang merupakan keperluan-keperluan asas untuk hidup. Mereka mengabdikan diri kepada persoalan yang bersifat *rabbani* seperti beribadah dan yang memuji-muji kebesaran Allah, sepertimana pengetahuan yang mengenai-Nya menghendaki begitu. Mereka memberikan segala-galanya mengenai Allah dan menyampaikan wahyu untuk dijadikan panduan umatnya yang taat yang diterima dengan versinya itu. Mereka melakukannya menurut kaedah khusus dan dengan cara yang dimaklumi oleh mereka. Ia tidak melalui perubahan di dalamnya dan seperti suatu pendedahan semula jadi yang dianugerahi Allah s.w.t. kepada mereka.

Di atas kepada alam manusia, terdapat pula alam spiritual. Ia sampai kepada pengetahuan kita melalui pengaruhnya ke atas kita, di dalamnya diberikan kepada kita kemampuan membuat tanggapan dan pilihan. Apa yang menjadi intipati dunia spiritual itu adalah tanggapan yang tulen dan daya pengertian yang menyeluruh. Ia adalah dunia para malaikat.

Ia meneruskan daripada kesemuanya bahawa jasad manusia itu harus bersedia untuk menukarkan kemanusiaan dengan kemalaikatan, demi sebenarnya menjadi sebahagian daripada spesies malaikat pada bila-bila masa sahaja, dalam suatu kesempatan. Ia

kemudian selepas itu kembali kepada kemanusiaannya. Tetapi di dalam dunia kemalaikatan, ia telah pada suatu ketikanya menerima (idea-idea) bahawa ia harus menyampaikan kepada sesama insan. Itulah apa yang dimaksudkan dengan wahyu dan dimaklumkan oleh para malaikat.

Semua malaikat memiliki *predisposition* ini. Ia bagaikan sesuatu yang telah semula jadinya mereka menukarkan kemanusiaan kepada kemalaikatan, mereka melalui pengalaman kesulitan dan terasa tercekik, sebagaimana yang diketahui dalam hal ini.

Pengalaman mereka adalah suatu pengamatan yang langsung dan kelihatan. Tidak berlaku sebarang kesilapan dan ketersasulan kepadanya, dan ia tidak dipengaruhi oleh kesalahan atau andaian yang tidak berasas. Persetujuan di dalamnya adalah suatu yang penting, sebab tirai supernatural itu telah tersingkap dan suatu pemerhatian yang jelas dan langsung telah dicapai. Apabila (para nabi) kembali kepada kesedaran dirinya dan menguasai semula kemanusiaannya, kejelasan tadi tidak luput daripada ingatan mereka, kerana ia telah menjadi sebati kepada keadaannya yang terdahulu. Dan disebabkan mereka memiliki kesucian yang membawa mereka kepada keadaan itu, pengalaman mereka itu berulang lagi, sehinggalah tugas memimpin umatnya itu, yang atas alasan itu mereka dilantik, dapat dilaksanakan ....

[*Inilah dia akal eksperimental itu. Ia dicapai sesudah akal pembeza yang membimbing pada tindakan, sebagaimana telah kita terangkan. Setelah kedua akal ini, ada tingkatan akal yang lebih tinggi. Beberapa sarjana telah mengambil tugas menerangkannya, kerana itu, tidak penting menerangkannya lagi dalam buku ini.

> Allah menciptakan bagi kamu sekalian, pendengaran, penglihatan, dan akal. Amat sedikitlah kamu yang bersyukur.][6]

6 Secara dasarnya manusia itu adalah jahil dan menjadi seorang yang berilmu setelah mendapatkan ilmu pengetahuan

Kami sudah menjelaskan bahawa manusia itu adalah tergolong ke dalam jenis binatang dan bahawa Allah s.w.t. telah membezakannya dengan binatang melalui kemampuannya untuk ber-

---

6 Nas ayat yang sebenarnya berbunyi: "Dan Dialah yang telah menciptakan ... dan seterus (al-Quran, surah al-Mukminun, ayat 78).

fikir, yang mana Allah anugerahnya dan melaluinya dapatlah manusia itu mengatur segala tindak-tanduknya secara tertib. Ini adalah intelek pembeza (*al-aql al-tamyizi*). Atau, apabila ia memperolehi daripada saudara-saudaranya pengetahuan tentang idea-idea dan hal-hal yang bermanfaat atau merugikannya inilah yang disebut intelek eksperimental *al-aql at-taqribi*. Atau, apabila ia membantunya untuk mendapatkan tanggapan tentang sesuatu yang *maujud* sebagaimana adanya sama ada ianya ghaib ataupun yang nyata, inilah yang disebut intelek spekulatif (*al-aql al-nadzori*).

Kemampuan manusia untuk berfikir diperoleh setelah sifat kebinatangannya mencapai kesempurnaan. Kemudian ia membezakan, (*tamyiz*). Sebelum manusia memiliki *tamyiz*, dia sama sekali tidak memiliki apa-apa pengetahuan, dan dianggap sebagai sebahagian daripada binatang. Asal kejadiannya yang dijadikan daripada setitis air mani, segumpal darah, seketul daging, masih menghantui pemikirannya. Apa jua pun yang dicapainya sesudah itu adalah akibat daripada persepsi sensual dan kemampuan berfikir yang dianugerahi oleh Allah kepadanya.

Mengenai anugerah itu Allah s.w.t. berfirman:

> "Dan Dia menciptakan bagi kalian pendengaran, dan penglihatan dan akal".[7]

Pada keadaannya yang awal, sebelum dia mencapai *tamyiz* manusia itu adalah materi seluruhnya (*huyuliy*) seolah-olah dia tidak mempunya apa-apa pengetahuan pun. Dia mencapai kesempurnaan pada bentuknya melalui ilmu pengetahuan (*ilm*) yang diperolehinya melalui organ tubuhnya sendiri. Maka saripati kemanusiaannya pun mencapai kesempurnaan kewujudannya. Sifat semula jadi manusia dan intipatinya mendedahkan kepada kita kejahilannya yang dasar dan pengetahuan yang diperolehi (sikapnya) bahawa manusia memiliki ....

[*Sebagaimana firman Allah s.w.t. pada permulaan wahyu-Nya kepada nabi:

> "Bacalah dengan nama Tuhanmu yang telah menciptakan; menciptakan manusia daripada segumpal darah; bacalah dan Tuhanmu Maha Mulia; yang telah mengajarkan manusia dengan pena, *qalam*, mengajarkan manusia apa-apa yang tidak dia ketahui".

---

7 Al-Quran surah al-Mulk ayat 22.

[Maksudnya, Aku yang mengusahakan ilmu pengetahuan yang diperoleh manusia, sebelumnya dia merupakan segumpal darah dan daging. Tabiat dan watak manusia menyingkap kebodohan asal dan ilmu carian (*al-ilm ul-kasbiy*) yang ada padanya. Ayat mulia ini mengisyaratkan hal tersebut. Dalam wahyu pertama, sudah dinyatakan anugerah Tuhan ke atas manusia, diberitahu mengenai mula martabat kewujudannya, kemanusiaan dan kedua keadaannya yang fitri dan yang kasbi.

[Allah Maha Mengetahui Maha Bijaksana.]

7 Ilmu pengetahuan dan pengajaran merupakan hal yang semula jadi di dalam peradaban manusia

Sebabnya ialah kerana manusia itu telah dikelompokkan kepada golongan haiwan dalam kebinatangannya dalam hal indera, gerak, makanan, tempat berlindung, dan lain-lainnya. Manusia berbeza dengan haiwan-haiwan kerana kemampuannya untuk berfikir, yang dengan alat itu dia mendapat petunjuk memperoleh penghidupannya dan saling membantu di antara sejenisnya serta mengadakan kesatuan sosial yang dipersiapkan bagi kerjasama. Dan dengan kemampuan itu pulalah dia siap sedia untuk menerima segala apa yang dibawa oleh para nabi daripada Allah s.w.t. mengamalkannya dan mengikuti apa-apa yang berguna bagi akhiratnya. Maka, dia selalu berfikir tentang semuanya itu dan sekejap pun tidak berasa letih untuk memikirkannya. Bahkan bimbingan fikiran lebih cepat daripada waktu yang hanya sekejap mata. Dari fikiran ini tercipta berbagai-bagai ilmu pengetahuan dan keahlian-keahlian.

Kemudian, untuk fikiran serta semua yang sudah dianugerahi sebagai watak bagi manusia, bahkan haiwan, misalnya, diusahakan untuk mencapai segala yang menjadi tuntutan watak; maka memanglah fikiran itu dalam memperoleh persepsi-persepsi yang tidak dimilikinya. Lalu, dia pun merujuk kepada orang yang lebih dahulu memiliki ilmu, atau yang punya kelebihan dalam suatu pengetahuan, atau mengambilnya daripada para nabi yang telah mendahuluinya, yang menyampaikan ilmu pengetahuan kepada siapa yang mencarinya. Orang itu kemudian menerimanya daripada mereka dan memberikan perhatian sepenuhnya guna memperoleh serta mengetahuinya.

Setelah itu, fikirannya dan pandangannya dicurahkan pada hakikat kebenaran satu demi satu, serta memerhatikan peristiwa demi peristiwa yang dialaminya yang berguna bagi esensinya. Dia menjadi terlatih demikian, sehingga pengajaran gejala hakikat menjadi suatu kebiasaan (*malakah*) baginya. Ketika itu, ilmunya yang mengarah sebagai gejala bagi hakikat (kebenaran) menjadi suatu ilmu khusus, dan jiwa generasi yang sedang tumbuh pun tertarik untuk memperoleh ilmu tersebut. Mereka pun minta bantuan para ahli ilmu pengetahuan dan dari sinilah timbul pengajaran. Dengan demikian, jelaslah bagi anda bahawa ilmu pengetahuan dan pengajaran (*ta'lim*) merupakan hal yang alami di tengah umat manusia.]

8 Pengajaran ilmu pengetahuan adalah suatu keahlian

Sebabnya ialah kemahiran dalam suatu ilmu pengetahuan – pengetahuan tentang pelbagai serta penguasaan terhadapnya adalah diakibatkan oleh kebiasaan yang membolehkan pemiliknya memahami semua prinsip dasar sesuatu ilmu itu, untuk menjadi biasa dengan segala masalah-masalahnya, dan memperkembangkan apa yang terperinci daripada apa yang bersifat asas. Selagi kebiasaan itu tidak mungkin dapat dicapai.

Kebiasaan adalah berbeza dengan pemahaman dan mengetahui melalui ingatan. Memahami sesuatu masalah dalam sesuatu disiplin ilmu yang tunggal boleh diperolehi melalui mereka yang benar-benar menguasai sesuatu disiplin ilmu itu, dan daripada orang-orang yang baru mengenalinya melalui orang awam yang sama sekali tidak memiliki sesuatu pengetahuan apa-apa pun dan daripada seorang sarjana yang telah mencapainya. Kebiasaan (*malakah*) pada hal sebaliknya, adalah menjadi semata-mata dan eksklusifnya atau orang yang benar-benar mendalami disiplin ilmu pengetahuan. Hal ini menunjukkan bahawa kebiasaan, *malakah* (ilmiah) adalah berbeza dengan pemahaman (*fahm*).

Setiap kebiasaan (*malakah*) itu adalah bersifat jasmaniah sama ada ianya ada pada jasad, atau seperti aritmetik adalah daripada corak dan sebagai hasil daripada kemampuan insan itu untuk berfikir, dan sebagainya. Semua benda-benda jasmaniah adalah *sensibilia*. Maka ianya memerlukan arahan. Dengan demikian, suatu tradisi guru-guru yang masyhur sehubungan dengan arahan dalam bidang ilmu pengetahuan atau keahlian dianggap

sebagai mustahak oleh setiap masyarakat penduduk dan daerah.

Hakikat bahawa pengajaran ilmu itu adalah suatu keahlian adalah dibuktikan melalui perbezaan dalam istilah-istilah teknikal. Setiap tokoh berpengaruh dalam bidangnya memiliki terminologi teknikalnya yang tersendiri di dalam pengajaran ilmu, sebagaimana halnya dengan semua keahlian. Ini menunjukkan bahawa terminologi (*ishtilah*) teknikal bukanlah suatu bahagian daripada ilmu pengetahuan itu sendiri. Sekiranya demikian, ia tentunya satu dan sama dengan semua sarjana. Seseorang itu mengetahui betapa banyaknya perbezaan istilah teknikal yang digunakan di dalam mengajarkan teologi spekulatif (*ilm l-kalam*) di antara para sarjana terdahulu (*mutawaddimin*) dengan sarjana-sarjana moden, *mutakhi*? [Demikian pula serupa yang terjadi pada *ushul-Fiqh*, bahasa Arab, dan setiap ilmu pengetahuan yang dihadapi seseorang untuk dipelajari. Anda dapatkan banyak istilah yang dipakai di dalam pengajaran saling berbeza. Ini menunjukkan bahawa istilah adalah hasil keahlian di dalam pengajaran, sedang ilmu pengetahuan merupakan kesatuan dalam dirinya (tidak paralel dengan istilah).

Kalau begitu, ketahuilah, tradisi pengajaran ilmu pengetahuan pada masa sekarang ini hampir saja terputus daripada penduduk Maghribi bersama peradabannya yang hancur dan daulat-daulat yang semakin berkurang berserta akibat yang ditimbulkan, berupa kemerosotan jumlah ahli-ahli sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini. Sebabnya, Qairawan dan Cordova tadinya merupakan dua pusat kebudayaan Maghribi dan Andalusia. Peradaban di sana berkembang pesat dan terdapat pasar-pasar yang hidup dan lautan yang luas bagi bermacam ilmu pengetahuan dan keahlian. Pengajaran berserta peradaban benar-benar kukuh di sana kerana usianya yang lama. Setelah Qairawan dan Cordova hancur, pengajaran terputus dari Maghribi, kecuali sedikit yang masih tersisa di Daulat Muwahiddun di Marakesh, yang berasal dari kedua kota itu. Pada hal sebenarnya di Marakesh sendiri peradaban masih belum kukuh benar kerana kuatnya kehidupan secara badwi di Daulat Muwahiddun dan kerana dekatnya tenggang waktu sampai kehancurannya, sehingga keadaan-keadaan peradaban tidak dan hanya bersambungan sedikit. Sesudah runtuhnya Daulat Muwahiddun di Marakesh, Qadli Abu al-Qasim bin Zaitun berkelana dari Ifriqiyah ke Timur pada tahun-tahun pertengahan abad ke-7. Dia pun bertemu dengan murid-murid Imam Ibnul Khatib, sempat mereguk pengetahuan dan menerima

pengajaran dari mereka, sehingga dia menjadi mahir dalam ilmu-ilmu akal (*aqliyyat*) dan ilmu-ilmu agama (*naqliyyat*). Dia pun kembali ke Tunisia dengan membawa bekal ilmu yang banyak dan pengajaran yang baik. Dari Timur, Abu 'Abdillah bin Syu'aib al-Dakkali datang mengikuti jejaknya. Dia berangkat ke sana dari Maghribi, belajar ilmu dari syekh-syekh Mesir dan kembali ke Tunisia serta menetap di sana. Pengajarannya memberi manfaat. Daripada mereka berdua, iaitu Qadli Abu al-Qasim dan Abu 'Abdillah, penduduk Tunisia banyak mereguk ilmu pengetahuan. Tradisi pengajaran mereka berdua bersambung terus dari generasi ke generasi dan berakhir pada Qadli Muhammad bin Abd al-Salam, seorang komentator dan murid al-Hajib. Abu 'Abdillah pindah dari Tunisia ke Telmsen pada putera imam dan muridnya. Bersama-sama Ibn 'Abd al-Salam dia belajar dalam satu lembaga Syekh (*masyikhah*) dan pada tempat-tempat belajar yang lain. Pada masa sekarang ini, muridnya – Ibn Abd al-Salam ada di Tunisia dan putera Imam ada di Telmsen. Namun jumlah mereka sedikit sekali dan dikhuatirkan tradisi itu terputus.

Kemudian, pada tahun-tahun terakhir abad ke-7, Abu 'Ali Nasir al-Din al-Masydali berangkat mengembara dari Zawawah[8] menemui murid-murid Abu Amru Ibn al-Hajib. Dia menimba ilmu dan menerima pengajaran dari mereka. Bersama Syihabuddin al-Qirafi[9] dia belajar di ruang-ruang belajar yang sama. Didalami ilmu-ilmu falsafah (*aqliyyat*) dan ilmu-ilmu agama (*naqliyyah*) sampai saatnya dia pulang ke Maghribi dengan membawa bekal ilmu yang luas dan pengajaran yang baik. Dia tinggal di Bijayah. Tradisi pengajarannya bersambung kepada murid-muridnya. Mungkin, muridnya, Imran al-Masydali pindah dan menetap selama-lamanya di Telmsen dan menyebarluaskan metode pengajaran gurunya di sana. Murid-muridnya di Bijayah dan Telmsen pada masa ini sedikit atau boleh dibilang amat sedikit.

Dan tinggallah Fez dengan seluruh pelosok Maghribi yang sepi dari pengajaran yang baik semenjak hancurnya pengajaran di Cordova dan Qairawan. Tradisi pengajaran di kalangan mereka

---

8 Salah satu suku di Maghribi.

9 Wafat 684 H/1285 M. Faqih Mazhab Maliki terkenal pada masanya. Lahir dan tinggal di Mesir. Wafat dekat Mesir Kuno di Dir at-Thin. Karangannya antara lain: *Anwaar ul-Buruq fi-anwaa-il-Furuq* mengenai fakulti-fakulti fikah dan kitab *at-Tanqiih* mengenai *Ushul al-Fiqh*.

tidak bersambung, sehingga sukar memperoleh kebiasaan (*malakah*) dan mendalami ilmu-ilmu].

Metode paling mudah untuk memperoleh *malakah* ini ialah dengan melalui latihan bertutur untuk mengungkapkan fikiran-fikiran dengan jelas dalam diskusi dan perdebatan masalah-masalah ilmiah. Inilah cara yang mampu menjernihkan persoalan dan menumbuhkan pengertian. Maka didapatkan sejumlah pelajar menghabiskan sebahagian usia mereka untuk menghadiri sesi-sesi ilmiah. Masih juga didapati sejumlah daripadanya berdiam diri. Mereka tidak berbicara dan tidak membincangkan persoalan-persoalan. Lebih daripada yang sepatutnya mereka memberikan perhatian untuk menghafaz. Mereka tidak memperoleh banyak kemahiran dalam mengamalkan ilmu pengetahuan dan pengajaran ilmu. Ada di antara mereka yang mendakwa bahawa mereka telah memperoleh kemahiran dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan. Tetapi apabila mereka berdiskusi atau memperdebatkan ataupun memberi sedikit pengajaran, ternyata kemahiran ilmiah yang mereka dapatkan tidaklah seberapa. Mereka baru merasakan keterbatasan begini setelah mengalami ketidaklancaran dalam pengajaran dan keterputusan tradisinya. Pengetahuan yang mereka hafaz adalah lebih banyak daripada sarjana-sarjana lain, sebab memang terlalu memberi perhatian kepada menghafaz. Mereka beranggapan bahawa kemahiran ilmiah adalah sama dengan pengetahuan menghafaz. Pada hal ianya bukannya demikian. Apa yang berlaku di Maghribi dapat membuktikan tuntutan ini, iaitu waktu yang ditentukan kepada para penuntut ilmu untuk tinggal di sekolah-sekolah di sana, secara total selama 16 tahun, sedang di Tunisia cuma lima tahun sahaja. Di Maghribi, waktunya adalah demikian lama kerana kesukaran yang diakibatkan oleh buruknya sistem pengajaran khususnya, dan bukan sebagai akibat dari hal-hal lain.

Institusi pengajaran ilmiah telah lenyap di kalangan penduduk Andalusia. Kesanggupan mereka yang dahulunya dicurahkan pada ilmu-ilmu pengetahuan telah lenyap kerana merosotnya peradaban kaum Muslimin di Andalusia sejak beratus-ratus tahun. Disiplin ilmu yang masih dikekalkan hanyalah (filologi) bahasa Arab dan kesusasteraan, dan suatu ilmu yang dipertahankan oleh kaum Muslimin Andalusia. Tradisi pengajaran disiplin-disiplin ilmu itu dipelihara dan ianya masih dikekalkan. Ilmu fikah merupakan suatu institusi yang kosong dan hanyalah suatu

bayang-bayang daripada dirinya yang sesungguhnya. Mengenai disiplin-disiplin intelektual (*aqliyyat*) tidak ada satu pun yang dapat dikekalkan lagi. Sebabnya ialah tradisi pengajaran ilmu di Andalusia telah berkubur (tidak diusahakan) sebagai akibat mundurnya peradaban penduduknya dan pihak musuh telah menguasai sebahagian besar wilayah kecuali di pesisiran pantai di mana kesibukan penduduknya lebih kepada mencari penghidupan dibandingkan dengan hal-hal yang lainnya.

"Dan Allah berkuasa terhadap urusan-Nya".[10]

Di Timur pula tradisi pengajaran ilmu tidak mengalami kepupusan usaha. Pengajaran ilmu adalah sangat-sangat diperlukan kerana adanya kesinambungan peradaban yang melimpah dan kesinambungan tradisi pengajaran ilmu pengetahuan itu sendiri. Adalah sesungguhnya memang benar bahawa di kota-kota kuno seperti Baghdad, Basrah dan Kufah, suatu tempoh yang pernah menjadi kota-kota kepada sumber ilmu pengetahuan, kini telah mengalami kehancurannya. Namun, Allah telah menggantikannya dengan kota-kota lainnya yang lebih hebat daripadanya. Ilmu pengetahuan telah beralih ke Iraq bukan Arab di Khurasan, Transoxonia di Timur ke Kaherah dan daerah-daerah sekitarnya di Barat. Kota-kota ini tidak mengalami kekurangan dan tetap memiliki peradaban yang terus-menerus, dan tradisi pengajaran ilmu dapat dikekalkan di kota-kota itu.

Penduduk-penduduk di Timur adalah secara umumnya, jauh lebih menguasai kemahiran jika dibandingkan dengan masyarakat Maghribi. Dan bahkan di dalam semua keahlian lainnya. Ini mendorong kepada ramainya orang-orang Maghribi berhijrah ke Timur untuk menuntut ilmu dengan alasan bahawa menurut kata akal orang-orang Timur itu adalah lebih maju jika dibandingkan dengan kemampuan akal orang-orang Maghribi. Sesungguhnya inteligensia penduduk di Timur adalah jauh lebih hebat menurut fitrahnya semula dan berdasarkan jiwa manusia Timur lebih sempurna dibanding jiwa manusia Maghribi. Mereka berpendapat sedemikian kerana mereka mengira bahawa perbezaan itu terletak pada hakikat kemanusiaan. Kerana itu mereka menyatukan diri dan menyenanginya, mereka melihat peranan besar orang-orang

---

10 Al-Qurannul Karim, surah Yusuf ayat 21.

Timur dalam bidang ilmu pengetahuan dan keahlian-keahlian. Tapi bukanlah demikian yang sebenarnya. Antara Timur dan Maghribi tidak ada perbezaan sejauh itu dalam kadar perbezaan hakikat yang tunggal. Perbezaan demikian hanya terjadi pada iklim-iklim yang berbeza, seperti iklim pertama dan iklim ketujuh. Suhu-suhu yang terdapat di sana adalah jauh berbeza, dan demikian pula perbezaan pada jiwa-jiwa penduduknya sesuai dengan perbezaan suhu itu, sebagaimana diterangkan terdahulu. Sebenarnya kelebihan penduduk Timur dibanding penduduk Maghribi adalah terletak pada akal tambahan (*the additional intelligence*) yang masuk ke dalam jiwa melalui pengaruh-pengaruh kebudayaan (*hadlarah*) sebagaimana telah disebutkan sebelum ini sehubungan dengan keahlian-keahlian. Sekarang kita kena membuat ulasan mengenainya dan untuk membuktikannya ia adalah sebagaimana berikutnya:

Masyarakat yang telah tinggal menetap memiliki peraturan-peraturan bertingkah laku yang khusus di dalam segala sesuatu yang hendak mereka lakukan dan yang akan mereka kerjakan atau yang tidak mereka kerjakan. Dan mereka pun mencari cara-cara tertentu dalam mengusahakan penghidupan, mendirikan tempat tinggal, mendirikan bangunan, dan dalam menangani masalah-masalah agama dan dunia serta seluruh pekerjaan mereka, termasuk adat istiadat pergaulan dan semua tindak-tanduk mereka. Cara bertingkah laku ini seakan-akan merupakan batas-batas yang tidak seharusnya mereka langgari dan pada masa yang ianya adalah kemahiran yang diterima oleh generasi selanjutnya dari generasi sebelumnya. Tidak dapat diragukan lagi, setiap kemahiran yang dapat diterima dengan baik itu dalam susunan kemahiran itu akan mempengaruhi jiwa dan menggerakkannya untuk mendapatkan kebijaksanaan akal tambahan (peningkatan) dan ianya akan mempersiapkan jiwa tadi untuk menerima kemahiran-kemahiran lainnya. Daya kemampuan akal atau intelek dengan demikian dibentuk untuk menerima dengan cepat suatu pengetahuan.

Kita telah mengetahui bagaimana orang-orang Mesir telah mendapatkan perkara-perkara yang ternyata mustahil di dalam pengajaran pelbagai kemahiran. Sebagai contohnya, mereka telah melatih keldai-keldai peliharaan dan haiwan-haiwan bisu lainnya, haiwan berkaki empat dan burung-burung, sehingga mampu menuturkan perkataan-perkataan dan melakukan sesuatu tindak-

an yang sungguh mengagumkan kerana ianya jarang-jarang boleh terjadi sedang penduduk-penduduk di Maghribi tidak akan mampu memahaminya, apalagi mengajarkannya.

Tingkah laku yang baik dalam pengajaran ilmu, di dalam keahlian dan di dalam kegiatan-kegiatan biasa yang lainnya telah meluaskan lagi wawasan akal atau intelek manusia, dan mencemerlangkan lagi fikirannya, kerana jiwa itu memperoleh sebilangan besar kemahiran (*malakah*). Kami telah menyatakannya sebelum ini, bahawa jiwa itu berkembang di bawah pengaruh tanggapan-tanggapan yang diterimanya dan tingkah laku yang diperolehi daripadanya. Maka (orang-orang di Timur) menjadi lebih bijak sebab jiwa-jiwa mereka itu adalah dipengaruhi oleh kegiatan ilmiah. Maka masyarakat umum menganggap bahawa ianya adalah tercipta kerana adanya perbezaan di dalam hakikat kemanusiaan itu sendiri .... Padahal ianya bukanlah demikian. Sekiranya seorang itu membandingkan antara masyarakat berbudaya dengan Badwi, seseorang itu akan melihat betapa luasnya kecerdasan dan kepandaian yang dimiliki oleh masyarakat berbudaya miliki. Sehingga akan timbul suatu anggapan bahawa mereka adalah benar-benar berbeza daripada orang-orang Badwi dalam hakikat kemanusiaannya dan kebijaksanaan akalnya. Hal tersebut adalah tidak benar. Satu-satunya yang mewujudkan alasan perbezaan itu ialah kerana masyarakat berbudaya telah mampu memperhalusi kemahiran-kemahiran teknik dan sopan santunnya dalam erti kata adat kebiasaan dan dalam hubungannya dengan kebudayaan tinggal menetap di mana kesemuanya itu adalah sesuatu yang tidak dimaklumi oleh masyarakat Badwi. Masyarakat berbudaya memiliki banyak keahlian dan mahir dalam bidang keahlian itu, serta memiliki metode-metode pengajaran ilmunya dengan baik. Lantas, mereka yang tidak memiliki kemahiran-kemahiran berperasaan bahawa ianya adalah disebabkan oleh kesempurnaan akal khusus yang dimiliki masyarakat berbudaya dan apa yang dimiliki secara semula jadinya oleh masyarakat Badwi adalah lebih rendah kiranya dibandingkan dengan yang dimiliki oleh masyarakat berbudaya. Ianya adalah tidak benar. Kita akan temui sebahagian masyarakat Badwi yang mempunyai kefahaman, kesempurnaan intelektual, dan kecekapan semula jadinya yang berada pada tahap yang paling tinggi. Apa yang kelihatan suatu kelebihan pada masyarakat berbudaya adalah diakibatkan oleh penghalusan tertentu daripada keahlian-keahlian

itu dan pengajaran ilmiah yang mereka terima. Keadaan sedemikian itu mempunyai pengaruh yang ada hubungan dengan jiwa, sebagaimana telah dihuraikan terdahulu. Demikianlah, ketika orang-orang Timur memiliki pengajaran ilmiah dan keahlian-keahlian, mereka berada pada orde yang kukuh dan langkah kaki yang tinggi sekali, sedangkan orang-orang Maghribi masih berada pada orde yang lebih dekat dengan *badwiah* disebabkan alasan yang telah kami sebutkan pada subbahagian sebelum ini. Pada mulanya, mereka yang tidak mengetahui kenyataan ini berpendapat bahawa hal tersebut kerana suatu kesempurnaan pada hakikat kemanusiaan yang secara khusus dimiliki orang-orang Timur dan tidak dimiliki orang-orang Maghribi. Padahal dugaan yang sedemikian itu tidak benar. Fahamilah hal tersebut.

> Dan Allah "menambahkan pada ciptaan-Nya apa yang dikehendaki-Nya",[11] dan Dia adalah Tuhan semesta langit dan bumi.

9 Ilmu pengetahuan hanya tumbuh dengan pesat apabila peradaban itu berkembang dan kebudayaan tinggal menetap itu dipertingkatkan ke tahap yang tinggi

Sebab bagi keadaan ini ialah bahawa adanya pengajaran ilmu sebagai salah satu daripada keahlian-keahlian. Telah kami nyatakan sebelum ini bahawa keahlian-keahlian hanya tumbuh dengan pesat di kota-kota. Kualiti dan bilangan[12] keahlian adalah tergantung kepada besar atau sedikitnya perkembangan kebudayaan di sesuatu bandar dan kebudayaan tinggal menetap dan kemewahan hidup. Keahlian-keahlian yang berkembang pesat adalah merupakan tambahan kepada pencarian kehidupan. Apabila orang-orang yang berperadaban memiliki tenaga pekerja yang ada melebihi daripada keperluan hidup mereka, lebihan itu dipergunakan untuk kegiatan-kegiatan melampaui dan melebihi sekadar daripada mengusahakan nafkah hidup. Kegiatan-kegiatan ini merupakan hak istimewa insan. Ini adalah ilmu-ilmu pengetahuan dari keahlian-keahlian.

---

11 Nukilan dari ayat pertama surah al-Quran ke-35 (Fathir).

12 Lihat sub-17 Bab Kelima dari buku ini.

Kelompok manusia yang membesar di desa-desa dan tidak bertamadun di kota-kota mempunyai penduduk yang sedikit tidak memperolehi pengajaran ilmu di tempat-tempat seperti itu. Sebabnya ialah pengajaran ilmu adalah suatu yang teknikal, dan tidak ada kemahiran di kalangan penghuni-penghuni padang pasir. Masyarakat tersebut dengan demikian, harus berhijrah dan mendapatkan pengajaran ilmu di kota-kota yang mempunyai peradaban yang maju sebagaimana perihalnya dengan semua kemahiran-kemahiran.

Bandingkan teori yang kami kemukakan ini dengan hal-ehwal di Baghdad, Cordova, Qairawan, Basrah dan Kufah semasa bertapaknya Islam di mana peradaban dan kebudayaannya ternyata amat tinggi. Perhatikan bagaimana lautan ilmu pengetahuan begitu melimpah di sana, bagaimana sebahagian penduduknya tampil sebagai ahli-ahli di dalam istilah-istilah pengajaran ilmu dan dalam semua disiplin ilmu, bagaimana pelbagai persoalan ilmiah disarikan dan bermacam disiplin ilmu disimpulkan, sehingga mereka melampaui kepandaian para sarjana terdahulu dan kemudian. Namun setelah peradabannya merosot dan penduduknya berkurang, ilmu dan segala yang ada di atasnya itu menjadi sirna. Bersama itu pula lenyaplah ilmu pengetahuan dan pengajarannya, dan pindah dari sana ke kota-kota Islam lainnya.

Dan kita pada masa itu melihat bahawa ilmu pengetahuan dan pengajaran ilmu berpusat di Kairo di negeri Mesir. Sebabnya ialah peradaban itu berkembang dengan pesat dan kebudayaan tinggal menetap dapat dimapankan selama beribu-ribu tahun. Dengan demikian, kemahiran-kemahiran dapat ditegakkan dengan kukuhnya dan bercabang-cabang sampai beberapa bahagian. [*Salah satu di antaranya adalah pengajaran ilmu. Keadaan ini ditanamkan dan dipelihara oleh kenyataan yang ada di sana pada masa pemerintahan Shalahuddin bin Ayub dan seterusnya. Amir-amir Turki berasa khuatir terjadinya sikap permusuhan terhadap keturunan yang mereka tinggalkan. Mereka menyandang hak perbudakan dan perwalian. Dikhuatirkan juga terjadinya suatu penghancuran dan tentangan terhadap kerajaan. Dengan demikian, amir-amir tersebut banyak mendirikan sekolah-sekolah (*zawiyah-zawiyah*) dan *ribath-ribath*. Mereka pun mewakafkan harta kekayaan dalam jumlah sangat besar untuk dijadikan sebagai pelaburan untuk putera-putera mereka. Sang putera itu diberi hak kuasa atasnya atau memperoleh bahagian daripadanya, yang

seringkali disertai kecenderungan kepada kebaikan dan mengusahakan upah untuk maksud-maksud dan pekerjaan-pekerjaan yang berguna bagi umat. Dengan itu, wakaf-wakaf semakin bertambah banyak dan upah serta gaji bertambah besar. Dengan bertambahnya penghasilan para amir dari pengelolaan wakaf bertambah banyaklah sekolah-sekolah dan jumlah pencari ilmu dan pengajarnya. Ke kota itu, manusia berkunjung dengan niat mencari ilmu. Mereka datang dari Iraq dan Maghribi. Pasar-pasar ilmu menjadi laku dan lautannya semakin meluas.

Dan Allah menciptakan apa yang dikehendaki-Nya.]

10 Pelbagai macam ilmu pengetahuan yang terdapat dalam peradaban semasa

Ilmu-ilmu pengetahuan yang menjadi perhatian orang-orang kota dan yang dicari dan dilangsungkan lagi melalui pengajarannya adalah dalam dua macam: satu adalah bersifat semula jadi bagi manusia dan melalui bimbingan dan satu lagi melalui kemampuan berfikir dan sejenis (*naqly*) yang membolehkan seseorang manusia itu mendapatkannya daripada orang yang telah menciptakannya.

Jenis yang pertama itulah ilmu-ilmu yang bersifat falsafah. Ia merupakan sesuatu yang dapat dibiasakan oleh manusia melalui kemampuan semula jadinya untuk berfikir dan kepada objek-objeknya permasalah-permasalahan, penghujahan-penghujahan, dan kaedah-kaedah pengajaran yang dibantu oleh kemampuan tanggapan manusianya, agar dia dapat membuat perbezaan di antara yang benar dan di mana pula salah melalui spekulasi dan penyelidikannya, tambahan pula dirinya adalah makhluk yang berakal fikir.

Jenis yang kedua meliputi ilmu-ilmu tradisional, ilmu-ilmu konvensional (*al-ulum an-naqliyyah al-wadliyyah*). Kesemuanya itu bergantung kepada maklumat yang didasarkan daripada kuasa undang-undang syariat tertentu. Di dalamnya tidak ada tempat bagi keupayaan akal (intelek), kecuali bilamana akal itu dipergunakan dàlam hubungannya dengan persoalan-persoalan yang ada sangkut-pautnya dengan keterperincian prinsip-prinsip dasar (*ashl*). Maklumat-maklumat yang sering terjadi adalah tidak termasuk ke dalam tradisi umum (*an-naql al-kulliy*) atas alasan kewujudannya. Dengan demikian, penjelasan-penjelasan itu perlu di-

hubungkaitkan dengan prinsip-prinsip umum melalui semacam pemikiran analogi. Namun, pemikiran analogi tersebut didapati daripada maklumat (tradisional) (*al-khabar an-naqliy*) sementara karakter dari prinsip, yang mana ianya adalah (*naqli*) kekal tidak berubah. Maka pemikiran analogi jenis ini bertatah balik kepada tradisi (*an-naql*) itu sendiri, sebab pemikiran analogi itu adalah berasal daripadanya.

Dasar daripada kesemua ilmu-ilmu tradisional (*al-ulum an-naqliyyah*) ini adalah bahan sah daripada al-Quran dan Sunnah, yakni hukum yang telah disyariatkan kepada kita oleh Allah s.w.t. dan Rasul-Nya, dan juga ilmu-ilmu yang ada sangkut pautnya dengan materi tersebut, dalam pengertian bahawa kita dapat mengambil manfaat daripadanya. Ini, selalunya, diperlukan sebagai ilmu-ilmu tambahan terhadap ilmu-ilmu bahasa Arab. Bahasa Arab adalah bahasa agama Islam, dan al-Quran pun diturunkan dalam bahasa itu.

Pelbagai macam ilmu tradisional ini (*al-ulum an-naqliyyah*) adalah sangat banyak, sebab ianya sudah menjadi tugas bagi setiap orang Islam untuk mengetahui ketetapan-ketetapan Allah s.w.t. terhadap dirinya dan ke atas orang-orang yang berada di bawah penyeliaannya. Hukum-hukum itu adalah berasal daripada al-Quran dan Sunnah, sama ada daripada teks (*nas*) atau melalui persetujuan umum (*ijmak*) atau melalui *qiyas*.[13] [Maka haruslah diadakan pengajian terhadap al-Quran. Pertama, dengan menerangkan lafaz-lafaznya. Inilah *ilmu tafsir*]. Kemudian, dengan menyandarkan *naql* dan *riwayahnya* kepada Nabi Muhammad s.a.w. yang telah membawa kitab itu daripada sisi Allah, serta menerangkan perbezaan riwayat-riwayat para pembaca di dalam membaca al-Quran. Inilah *ilmu qiraat*. Kemudian, dengan menyandarkan Sunnah kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan membicarakan perawi-perawi yang menukilkannya, serta mengetahui hal-ehwal serta keadilan mereka untuk menemui kebenaran objektif mengenai maklumat-maklumat mereka, dengan mengetahui apa yang harus dikerjakan berdasar tuntutan daripadanya. Inilah *ilmu-ilmu hadis*. Lalu, dari prinsip-prinsip dasarnya harus ditarik kesimpulan hukum-hukum melalui aspek hukum perundangan yang berguna untuk sampai kepada bagaimananya kesimpulan (*istimbath*) ini.

---

13 Dalam teks aslinya tertulis *ilhaq*. F. Rosenthal menterjemahkannya dengan *combination*. Ibn Khaldun mengertikan *ilhaq* dengan *qiyas*.

Inilah ia *Ushul al-Fiqh*. Setelah ini, dicapailah buah pengetahuan hukum-hukum Allah s.w.t. pada tindakan-tindakan kaum Muslimin yang telah dibebani tanggungjawab. Itulah *Fiqih*. Lalu, beban-beban tanggungjawab (*takalif*) ada yang bersifat badani dan ada yang bersifat *qalbi*. Taklif yang bersifat kalbi adalah *taklif* yang dikhususkan berkenaan dengan keimanan, serta apa yang wajib diyakini dan apa yang tidak. Inilah dia akidah-akidah keimanan mengenai esensi (*zat*) dan sifat-sifat, dan persoalan-persoalan hari dikumpulkannya manusia, masalah syurga, masalah seksa, dan masalah takdir. Memberikan pembuktian terhadap persoalan-persoalan ini berdasar dalil-dalil logis disebut dengan *ilmu l-kalam*. Dan sebelum memulai pengajian terhadap al-Quran dan hadis haruslah seseorang lebih dahulu membekali diri dengan ilmu bahasa, sebab keberhasilan dan kebenaran pengajian itu amat bergantung kepada ilmu-ilmu itu. Ilmu-ilmu bahasa bermacam-macam, di antaranya ada *ilmu l-lughah, ilmu n-nahwi,* dan *ilmu l-adab*. Kami akan membicarakan macam-macam ilmu-ilmu *naqli* tersebut seluruhnya.

Kesemuanya ilmu tradisional (*al-ulum an-naqliyyah*) ini terdapat di dalam agama Islam dan dimiliki para pemeluknya, meskipun setiap agama secara keseluruhan ada memiliki ilmu-ilmu semacam itu. Ia menyatu dalam jenis pengertian yang jauh dilihat dari kenyataan sebagai ilmu-ilmu syariat yang telah diturunkan oleh Allah kepada pembawa syariat yang telah menyampaikannya kepada umatnya. Namun secara khusus, ilmu-ilmu *naqli* dalam Islam merupakan penjelas bagi agama-agama lain, sebab Islam menghapus agama-agama itu. Setiap ilmu *naqli* dari agama-agama sebelum Islam telah terhapuskan dan usaha mengkajinya dilarang. Syarak telah melarang melakukan pengajian terhadap kitab-kitab yang telah diturunkan selain al-Quran. Nabi Muhammad s.a.w. bersabda:

> "Janganlah kalian benarkan ahlul-Kitab dan jangan kalian bohongi mereka". Dan katakan "Sesungguhnya kami beriman kepada (kitab) yang telah diturunkan kepada kami dan yang telah diturunkan kepada kalian. Tuhan kami dan Tuhan kalian adalah satu."

Pernah Nabi Muhammad s.a.w. melihat sehelai lembaran kitab Taurat di tangan Umar r.a. Nabi marah hingga kemarahannya itu nampak di wajahnya. Lalu kata baginda:

"Tidakkah aku telah datang pada kalian dengan membawa (kitab Taurat itu) dalam keadaan putih bersih? Demi Allah, seandainya Musa masih hidup, tak lapang dia kecuali menjadi pengikutku."]

Ilmu-ilmu perundangan tradisional (*al-ulum asy-syari'iyyah an-naqliyyah*) ini telah terolah dalam Islam dengan cara yang tidak memungkinkan ilmu-ilmu itu bertambah. Pelajar-pelajar yang mempelajari ilmu itu telah mencapai puncaknya yang paling munasabah di dalam pengetahuan mengenai ilmu-ilmu tersebut. Pelbagai istilah-istilah tekniknya telah diperhalusi dan tatanya telah dimasukkan ke dalam pelbagai disiplin ilmu. Maka ilmu-ilmu tradisional itu pun telah mencapai batas lebih daripada mutu yang paling unggul dan amat murni sekali. Setiap disiplin itu mempunyai pakar-pakarnya di mana seseorang itu boleh merujuknya dan peraturan-peraturannya telah digunakan untuk pengajaran ....

[Timur dan Maghribi memiliki disiplin-disiplin ilmu tersendiri yang sudah terkenal, sebagaimana akan kami huraikan berikut ini dalam kesempatan membicarakan disiplin-disiplin ilmu tersebut. Pada masa sekarang ini, di Maghribi, perkembangan ilmu pengetahuan telah terhenti disebabkan oleh merosotnya peradaban (*umran*) di sana, dan terputusnya tradisi ilmu dan pengajaran, sebagaimana telah kami terangkan dalam subbahagian sebelum ini. Dan saya tidak mengetahui apa yang telah dilakukan Allah atas Timur. Diduga, ilmu pengetahuan berkembang pesat di sana, dan pengajaran terus berlangsung di dalam ilmu-ilmu pengetahuan dan di dalam semua keahlian, baik yang sifatnya keperluan pokok mahupun sebagai pelengkap. Di Timur, peradaban (*umran*) dan kebudayaan (*hadlarah*) berjumlah banyak. Di sana juga terdapat usaha memberi bantuan kepada pencari ilmu melalui biasiswa yang diambil daripada wang-wang wakaf, yang menjadi penghasilan mereka.

Dan Allah Maha Suci Dia Maha Tinggi – melakukan apa yang dikehendaki-Nya. Di tangan-Nya terletak taufik dan bantuan.

11 Ilmu-ilmu tafsir al-Quran dan qiraat al-Quran

Kitab suci al-Quran adalah kalam Allah yang diturunkan kepada nabi-Nya yang ditulis di antara kedua sisi al-Mushaf.

Cara ianya disampaikan adalah secara terus-menerus. Sungguhpun begitu, para sahabat nabi telah meriwayatkannya daripada Rasulullah dengan cara-cara yang berbeza-beza. Perbezaan ini menimbulkan kesan pada sebahagian perkataan-perkataan dan cara ianya dilafazkan. Ianya diwariskan dan menjadi diketahui. Akhirnya, tujuh cara khusus membaca al-Quran telah ditetapkan yang penukilannya juga dilakukan terus-menerus dengan cara praktikal dan secara khusus dengan menghubungkannya kepada orang yang telah terkenal sekali dalam meriwayatkannya dalam ukuran yang amat besar.

Maka ketujuh bacaan ini (*al-qiraat as-sab'a*) telah menjadi prinsip-prinsip dasar bacaan al-Quran. Mungkin setelah itu ditambahkan *qiraat-qiraat* lain ke dalam ketujuh qiraat. Namun qiraat tambahan itu dipandang oleh sarjana-sarjana ahli qiraat tidak mencapai titik kuat di dalam penukilannya.

Ketujuh qiraat ini telah dikenal di dalam buku-buku tentang bacaan al-Quran. Sebahagian orang ada yang meragukan kemutawatiran cara-cara menukilkannya, sebab menurut mereka, qiraat-qiraat itu mestinya memiliki cara-cara untuk mempraktikkannya. Amalan ini tidak diakui keabsahannya. Namun demikian, penolakan tersebut – menurut mereka – tidak bererti bahawa penukilan al-Quran adalah meragukan. Sebahagian besar daripada mereka yang menolaknya menyatakan demikian. Mereka menyatakan kemutawatiran qiraat yang tujuh itu, tanpa pelaksanaan daripadanya, seperti *madd* dan *tashil,* kerana ketidaktahuan cara pelaksanaannya melalui pendengaran. Dan inilah yang benar.

Para *qari,* atau pembaca-pemnbaca al-Quran, masih terus-menerus menerima qiraat-qiraat ini dan meriwayatkannya, hingga ilmu-ilmunya ditulis dan dibukukan. Buku-buku mengenai pelbagai cabang ilmu pengetahuan juga ditulis. Penulis buku pun menjadi suatu keahlian tersendiri dan merupakan ilmu yang berdiri sendiri. Ilmu penulisan selalu dialihkan oleh satu generasi ke generasi lain, di Timur dan Andalusia.

Selanjutnya, Mujahid, salah seorang mawla Bani Amir, menjadi raja di Andalusia Timur. Perhatiannya sangat besar terhadap disiplin ilmu qiraat di antara ilmu-ilmu al-Quran lainnya. Mawlanya, al-Mansur bin Abi Amir menugaskannya mendalami ilmu tersebut. Dan dia pun bergiat di dalam mengajarkan dan menyampaikan ilmu qiraat kepada ulama-ulama ahli qiraat yang datang menghadapnya. Ganjarannya adalah sangat besar. Sesudah

itu, Mujahid[14] secara khusus menjadi amir untuk Daniyah dan al-Jazair Timur. Ilmu qiraat pun berkembang pesat di sana kerana dia termasuk salah seorang pemuka ahli qiraat. Dia memberikan perhatiannya yang besar terhadap segala disiplin umum secara umum, dan pada ilmu qiraat secara khusus. Pada masa pemerintahan Mujahid, muncul Abu Amru ad-Dani.[15] Orang ini mencapai puncak pengetahuan dalam qiraat, sehingga menjadi pusat pengetahuan qiraat. Tradisi-tradisi pengajaran ilmu qiraat berhenti pada riwayat nukilannya. Karangan-karangan Abu Amru mengenai ilmu qiraat banyak sekali jumlahnya, dan banyak orang bergantung pada buku-buku itu serta berpaling dari buku-buku lainnya. Mereka bersandar, di antaranya, pada buku *at-Taysir* karangan Abu Amru.

Kemudian, pada masa-masa setelah itu muncul seorang penduduk Syathibah bernama Abu al-Qasim ibn Firah yang mencatat kembali dan meringkas segala yang telah ditulis Abu Amru. Semuanya itu dirangkaikan menjadi *nadzoman* di dalam qasidah yang cukup rumit bahasanya.[16] Disebutkan nama-nama ahli baca al-Quran, para *qari* berdasar abjad secara tertib seperti kamus. Dia menatanya untuk mempermudah si pengarang mencapai tujuan ringkasan (*ikhtishar*) atas buku *at-Taysir*, dan dia menulisnya dalam bentuk nadzoman agar pembaca mudah menghafaznya. Secara lengkap dan jitu, disiplin ilmu qiraat ditulisnya dalam *asy-Syathibiyyah* itu. Para sarjana memberikan perhatian kepada buku itu dengan memeliharanya melalui hafazan serta mengajarkannya kepada anak-anak didik mereka. Amalan semacam itu atas buku tersebut berlangsung di kota-kota Maghribi dan Andalusia.

Rupanya, ke dalam ilmu qiraat dimasukkan juga *ilmu l-rasmi* sebagai tambahan. Ilmu itu ialah ilmu yang membicarakan letak-

---

14 Mujahid bin Yusuf al-Amiri, wafat 43 H/1044 M. Pendiri kerajaan Daniyah dan Jazair di al-Yar. Dia memiliki pemerintahan maritim di al-Mutawassit yang bergelar sampai di Catalunya, Provence, dan Itali.

15 Abu Amru Usman, Ibn as-Shoirafi. Wafat 444 H/1052 M. Dilahirkan di Cordova. Ahli fikah Maliki. Mereguk ilmu di Qairawan, Kaherah, Makkah dan Madinah, lalu kembali ke Cordova, dan menetap di Daniyah hingga wafatnya. Kuat menghafaz dan terkenal dalam ilmu-ilmu *qiraat*. Karangannya lebih daripada 100 buah buku, di antaranya yang popular, *at-Taysir fil-Qira-at as-Sab'i*.

16 Buku matan berbentuk nadzoman ini dikenal dengan nama *Asy-Syathibiyyah*, dinisbahkan kepada pengarangnya, Abu al-Qasim asy-Syathibi.

letak huruf-huruf al-Quran di dalam Mushaf dan tentang gambar-gambar kaligrafinya. Penambahan ini didasarkan kepada alasan kerana di dalam mushaf terdapat banyak huruf yang beragam, yang penggambarannya (atau penulisannya) tidak dikenal dari kaligrafi (*qiyas l-khath*) seperti penambahan huruf *ya'* di dalam kata *bi ayaydin*[17] dan penambahan huruf *alif* ke dalam kata *la adzbahannahu*[18] dan kata *la awdlo*[19] dan seperti penambahan huruf *waw* ke dalam kata *jaza-uu dz-dzolimin* serta penanggalan huruf-huruf *alif* di tempat-tempat khusus di dalam sebuah kata tapi tidak di tempat-tempat lainnya. Dibicarakan juga di dalam *ilmu l-rasmi* mengenai penulisan huruf-huruf *ta'* secara *mamdud* atau terbuka padahal asal penulisannya adalah *marbuth*, atau melingkar seperti bentuk huruf *ha'*. Dan lain-lainnya. Dalam pembicaraan mengenai *khath*,[20] telah diterangkan *ta'lil* tulisan mushaf ini. Ketika terjadi perbezaan pendapat mengenai posisi-posisi *khath* dan kaedah-kaedahnya diperlukanlah penjelasannya yang lengkap. Maka sewaktu para sarjana menulis buku mengenai ilmu-ilmu pengetahuan, mereka pun menulis tentang kedudukan-kedudukan dan kaedah-kaedah *khath*. Di Maghribi, penulisan itu mencapai puncaknya pada Abu Amru ad-Dani. Dia telah menulis banyak sekali buku sehubungan dengan masalah ini dan yang terkenal adalah *al-Muqni'*. Orang-orang mereguk ilmu dari buku itu serta mempergunakannya sebagai ukuran. Abu al-Qasim asy-Syathibi telah merangkainya kembali dengan nadzoman di dalam qasidah-nya yang terkenal dengan persajakan *ra'*nya. Orang-orang senang menghafalkannya. Kemudian timbul perbezaan-perbezaan di dalam penulisan kalimat-kalimat oleh mawla Mujahid, salah seorang murid Abu 'Amru ad-Dani yang dikenal sebagai pembawa ilmu-ilmu gurunya dan sebagai penerus buku-bukunya. Sesudah itu muncul lagi perbezaan penulisan lain. Al-Khazar, salah seorang ulama mutakhir di Maghribi menulis nadzoman sebuah qasidah lain yang mempergunakan *bahr rajz*. Dengan buku itu, dia menambah-nambah perbezaan yang banyak atas buku *al-Muqni'* dan menisbahkannya kepada penukil-penukilnya. Buku nadzoman itu terkenal di Maghribi, dan orang-orang pun hanya terbatas menghafaznya dan meninggalkan buku-buku mengenai *ilmu l-rasmi* karya Abu Daud dan Abu 'Amru, dan asy-Syathibi.

17, 18, 19, lihat al-Quran surah: 51; 47; 27; 20–21; 9; 47.

20 Lihat kembali sub-30 pada Bahagian Lima dari buku ini.

Tafsir: Ketahuilah bahawa al-Quran diturunkan dalam bahasa orang-orang Arab dan dengan gaya yang menyentuh rasa bahasa (*uslub-uslub balaghah*) mereka. Orang Arab seluruhnya memahami dan mengetahui makna al-Quran, baik erti sinonim, *mufradat* kata-katanya mahupun susunan bahasanya.

Al-Quran diturunkan kalimat per kalimat, ayat demi ayat untuk menerangkan tentang tauhid dan kewajipan-kewajipan agama. Berdasarkan fakta, al-Quran itu turun secara kronologi. Di antara ayat-ayatnya ada yang berkenaan dengan akidah-akidah imaniah, sebahagian lagi tentang hukum-hukum mengenai anggota badan, dan ada juga yang didahulukan atau diturunkan kemudian sehingga menghapus hukum yang sebelumnya.

Dan Nabi Muhammad s.a.w. – semoga selawat dan salam dilimpahi ke atasnya – menerangkan ayat-ayat yang global dan membezakan ayat yang menghapus (*nasikh*) dari ayat yang dihapus (*mansukh*). Hal tersebut kepada para sahabat untuk diketahui. Para sahabat mengetahui sebab-sebab turunnya ayat-ayat dan keadaan yang menuntut diturunkannya ayat-ayat itu, yang sebahagian membicarakan diri nabi. Seperti firman Allah taala: "Apabila datang pertolongan Allah dan kemenangan", menunjukkan kesedihan Nabi Muhammad s.a.w. (kerana waktu wafatnya sudah mendekat) dan contoh-contoh lain seperti itu. Daripada para sahabat hal tersebut juga dinukilkan. Begitu pula para tabiin yang datang sebagai generasi kedua menerimanya untuk kemudian dialihkan lagi. Dengan demikian secara beruntun dan terus-menerus terjadi pengalihan dari sumber yang pertama dan kaum *salaf* sampai menjadi ilmu-ilmu dan buku-buku yang luar biasa banyaknya ditulis orang. *Atsar-atsar* muncul daripada para sahabat dan tabiin sehubungan dengan al-Quran yang ditulis orang, sampai terakhir pada at-Thabari, al-Waqidi, ats-Tas'alabi, dan pentafsir-pentafsir lainnya. Mereka pun menulis tafsir al-Quran itu dan masya-Allah betapa banyak *atsar* yang telah mereka tuliskan.

Kemudian, ilmu-ilmu bahasa menjadi ilmu-ilmu yang bersifat keahlian. Dibicarakan segala persoalan bahasa, kaedah-kaedah *i'rab* dan *balaghah* di dalam susunan-susunan kata. Buku-buku mengenai tafsir yang sebelumnya sudah menjadi bidang keahlian (*malakah*) orang-orang Arab, banyak ditulis. Kini tafsir ditulis tanpa merujuk pada sesuatu tradisi (*naql*) mahupun suatu kitab. Tafsir-tafsir berdasarkan bukti-bukti naqli itu sudah dilupakan dan kini bersandar pada buku-buku karangan pada ahli bahasa. Tafsir

al-Quran ditulis berdasar pembahasan linguistik kerana al-Quran diturunkan dalam bahasa orang-orang Arab dan berdasar sistem-sistem *balaghah* mereka. Tafsir pun ada dua macam:

Satu, *tafsir naqli*, berdasarkan tradisi-tradisi yang dialihkan dari kaum terdahulu, salaf. Tradisi-tradisi (*atsar-atsar*) itu ialah pengetahuan tentang ayat-ayat yang menghapus dan yang dihapus, sebab-sebab suatu ayat turun, serta maksud ayat-ayat. Kesemuanya itu tidaklah diketahui kecuali melalui tradisi (*naql*) dari para sahabat dan tabiin.

Ulama-ulama yang datang pertama (mutaqaddimun) telah mengumpulkan dan menyedari hal tersebut. Namun, buku-buku dan karya-karya nukilan mereka bercampur antara berita yang palsu dan berita yang benar, antara yang objektif dan yang tertolak.

Hal itu disebabkan kerana orang-orang Arab bukanlah ahli dalam sesuatu yang berkenaan dengan buku atau sesuatu mengenai ilmu pengetahuan. Mereka dikuasai oleh budaya padang pasir dan buta huruf. Apabila mereka ada keinginan besar untuk mengetahui sesuatu persoalan yang sungguh menggelitik jiwa manusia, seperti sebab-sebab terciptanya alam semesta, permulaan penciptaan, dan rahsia-rahsia wujud, merekalah menanyakan kepada orang-orang pandai golongan ahli kitab yang ada sebelum mereka. Daripada golongan ahli kitab itulah orang-orang Arab memperoleh maklumat ilmu, iaitu dari kaum Yahudi dan Nasrani yang mendalami Taurat. Tapi ahli kitab Taurat di kalangan orang-orang Arab pada waktu itu, sama saja seperti mereka, hidup dalam tradisi Badwi. Mereka hanya tahu apa-apa yang diketahui dari ahli kitab yang awam. Kebanyakan ahli kitab adalah berasal daripada suku Himyar yang memeluk agama Yahudi. Setelah menganut agama Islam, mereka tetap memegang teguh pengetahuan-pengetahuan yang selama ini mereka punya, yang tidak ada hubungannya dengan kaum Syariyyah yang mereka terima dengan penuh hati-hati, misalnya seperti keterangan-keterangan mengenai permulaan penciptaan, persoalan yang menyangkut awal sesuatu hal serta peristiwa-peristiwa besar di dunia, dan lain sebagainya.

Daripada kelompok itu, misalnya Ka'ab al-Ahbar, Wahab bin Munayyah, dan 'Abdullah bin Salam, serta lain-lainnya. Maka tafsir-tafsir pun penuh dengan nukilan-nukilan maklumat daripada muslimin yang semula beragama Yahudi, yang masih memelihara tradisi-tradisi ilmu dengan latar belakangnya. Nukilan para ahli tafsir Muslim tidak mempunyai rujukan hukum Syariyah di mana

keabsahan harus dapat ditemukan. Ahli-ahli tafsir meremehkan hal-hal tersebut dan memenuhi buku-buku tafsir dengan pelbagai macam maklumat yang dinukilkan oleh kelompok itu. Sumbernya – sebagaimana yang telah kami katakan – iaitu ahli-ahli kitab Taurat yang tinggal di tempat-tempat terpencil. Sebenarnya mereka sendiri juga tidak memiliki alat pembuktian keabsahan pengetahuan yang dinukilkan. Namun mereka sangat terkenal dan terhormat kerana kedudukannya menonjol di dalam agama dan *millah*. Pada saat itu kedudukan mereka diterima dan diakui orang.

Setelah orang mulai meletakkan dasar pemikiran kepada set dan analisis, seperti di Maghribi, muncul ulama moden Abu Muhammad bin Athiyah yang meringkas tafsir-tafsir itu seluruhnya serta menarik suatu andaian yang lebih mendekati kebenaran. Abu Muhammad pun menulis hasil kajiannya itu ke dalam buku yang tersebar di kalangan penduduk Maghribi dan Andalusia. Dia memperoleh kedudukan yang terhormat. Metodenya ditiru oleh al-Qurthubi. Dia menulis sebuah kitab tafsir lain dengan sistem yang sama, dan kitab itu terkenal di Timur.

Jenis tafsir yang lain ialah tafsir berdasarkan kepada analisis linguistik, seperti menerangkan tentang bahasa *irab*, dan *balaghah* dalam mengungkapkan makna sesuai dengan maksud dan susunan bahasa al-Quran. Tafsir semacam ini jarang sekali terpisah dari tafsir yang pertama, sebab tafsir yang pertama itulah yang dimaksud dengan esensi. Tafsir kedua ini muncul setelah bahasa dan ilmu-ilmu bahasa menjadi suatu keahlian. Ya, seringkali tafsir yang kedua ini dijumpai di dalam banyak buku tafsir.

Di antara buku-buku tafsir paling baik yang mengandung ilmu ini ialah kitab *al-Kasysyaf* karangan az-Zamakhsyari, seorang penduduk Khawarazm Iraq. Namun sayang, pengarang buku tafsir itu termasuk dalam seorang penganut ideologi mazhab Mu'tazilah, sehingga pembicaraan-pembicaraan yang dikemukakannya sejalan dengan pemikiran kaum Mu'tazilah yang ternyata silap. Ayat-ayat al-Quran dia hadapi dengan analisis berdasar metode-metode (ilmu) *balaghah*. Kerana itu sarjana-sarjana *muhaqqiq* penganut faham ahlus-Sunnah memiliki pentafsiran yang berbeza, dan ulama-ulama *jumhur* memberi peringatan supaya kaum muslimin berhati-hati akan kedudukan pemikiran az-Zamakhsyari. Tapi meskipun demikian, tetap diakui kekukuhan pendirian dan kedalaman pengetahuannya yang berkenaan dengan ilmu bahasa dan *balaghah*. Apabila seorang sarjana hendak mempelajarinya, dan

sebelumnya mengetahui mazhab-mazhab Suni dan dari situ pula dapat memberikan pembicaraan-pembicaraan, pastilah dia akan selamat dari kesalahan-kesalahan (az-Zamakhsyari). Maka pergunakanlah waktu untuk mengkajinya, kerana az-Zamakhsyari punya pengetahuan yang menakjubkan mengenai bahasa.

Pada masa-masa sekarang ini telah dapat kita dengar adanya sebuah karangan tafsir karya seorang sarjana Iraq, iaitu Syarafuddin at-Thaybi, penduduk asal Turiz dari Iraq bukan Arab. Di dalam karyanya itu dia memberikan komentar atas buku karya az-Żamakhsyari. Dia telusuri kata demi kata dan dikajinya pemikiran az-Zamakhsyari yang condong kepada mazhab Mu'tazilah berdasar dalil-dalil yang menumbangkan pemikiran I'tizal itu. Dengan jelas dia katakan bahawa *balaghah* hanya berlaku pada ayat, sebagaimana pandangan ahlus-Sunnah, bukan seperti yang dimaksud Muktazilah. Dengan bagus sekali dia lakukan kajian itu, sambil menikmati seluruh ilmu *balaghah.*

> Dan "di atas setiap orang yang berilmu adalah Tuhan yang maha mengetahui".[21]

12 **Ilmu-ilmu hadis**

Ilmu-ilmu hadis banyak dan bermacam-macam.

Di antaranya ada ilmu yang membicarakan tentang *nasikh hadis* dan *mansukh hadis.* Di dalam syariat telah dinyatakan kemungkinan dilakukan *nasakh*, menghapus suatu hukum yang tidak efektif dan menggantikan dengan hukum baru. Nasakh terjadi sebagai bentuk kasih sayang Tuhan kepada hamba-hamba-Nya, sebagai anugerah daripada Allah kepada perhatian atas kepentingan yang dibebankan bagi mereka. Firman Allah s.w.t.

> "Tidaklah kami menghapus (sebahagian) daripada sesuatu ayat atau kami menghapusnya (kecuali) kami datangkan yang lebih baik daripadanya atau yang sepertinya".

Pengetahuan tentang *nasikh* dan *mansukh* secara umum berlaku, baik bagi al-Quran mahupun bagi hadis. Namun yang terdapat dalam al-Quran adalah masuk ke dalam tafsir-tafsirnya, sedangkan yang khusus bagi hadis tetap kembali kepada ilmu-ilmunya. Apabila terdapat dua keterangan (*khaar*) saling berten-

21 Al-Quran surah Yusuf ayat 76.

tangan – yang satu meniadakan berlakunya suatu hukum dan yang lain menetapkan – dan tidak dimungkinkan terjadinya persesuaian antara keduanya melalui suatu takwil, tapi diketahui mana yang datang lebih dahulu, maka ditetapkanlah bahawa keterangan (*khabar*) yang datang terakhir merupakan penghapus (*nasikh*) atas berlakunya hukum yang sebelumnya.

Pengetahuan tentang *nasikh* dan *mansukh* merupakan salah satu dari ilmu-ilmu yang paling penting, dan paling sukar. Az-Zuhriy mengatakan: 'Ahli fikah yang paling pandai dan yang paling lemah adalah dibezakan melalui pengetahuan mereka tentang *nasikh* hadis Rasulullah daripada *mansukh*nya'. Imam as-Syafii benar-benar memiliki pengetahuan yang mendalam mengenai persoalan *nasikh* dan *mansukh*nya hadis.

Di antara ilmu-ilmu hadis yang lainnya ialah penyelidikan terhadap *sanad-sanad*, dan berusaha mengetahui hadis-hadis yang wajib dilaksanakan. Sebuah hadis wajib diamalkan (oleh kaum muslimin) apabila hadis itu memiliki *sanad* yang sempurna syarat-syaratnya. Amalan barulah diwajibkan bila besarnya anggapan bahawa hadis itu benar tulen berdasarkan keterangan yang bersumber dari Rasulullah – semoga selawat dan salam dilimpahi ke atasnya. Untuk itu, maka dilakukan usaha yang sungguh-sungguh dengan menyusuri jalan yang dapat menghantar kita untuk mendapatkan atau tidaknya anggapan itu. Ijtihad ini dilakukan melalui usaha mengetahui *adalah*[22] dan *alabath* para perawi hadis. Dan anggapan itu hanyalah diperoleh melalui penyampaian tokoh-tokoh agama dengan memeriksa *adalah* dan cacat (*jarh*) dan kelalaian (*ghaflah*) mereka, sehingga dapat kita jadikan sebagai petunjuk menerima atau menolak hadis itu.

Demikian pula halnya dengan tingkatan para penyebar itu, yang terdiri daripada para sahabat dan para tabiin, keragaman dan perbezaan mereka satu demi satu dalam hal penukilan dan periwayatan hadis.

Isnad-isnad juga berbeza-beza menurut persambungan dan putus *isnad*, menurut keharusan seorang perawi hendaknya tidak

---

22 *Adalah* (keadilan), adalah mengandung sifat adil, iaitu Muslim baligh, berakal, jauh dari perilaku dosa-dosa besar, dan daripada terusan melakukan dosa-dosa kecil, dan dari sifat buruk yang mengotori nama baik. *Dhabth* (kuat hafaz) ada dua: *Dhabth shadr*, iaitu: hafaz di luar kepala, dan bersedia memberikan apabila diminta. *Dhabth kitabah*, iaitu menulis hasil pendengaran dengan tepat. Kebalikan *adalah* adalah *jarh*; dan kebalikan *dhabth* adalah *ghaflah* (lalai).

menemui perawi dinukilkan, menurut (keutamaan) pendengaran akan cacat-cacat yang menimpa *isnad-isnad* dan perbezaan itu akhirnya sampai kepada dua jalan pemisah di mana *isnad-isnad* paling tinggi diterima sedangkan yang paling rendah ditolak. Dipertentangkan mengenai *isnad* pertengahan dilihat dari segi materi yang dinukilkan dari para tokoh yang berwewenang dalam hal ini.

Dalam hal ini, ilmuwan bidang ilmu hadis memiliki istilah-istilah tertentu berdasarkan tingkatan yang ditetapkan, seperti *shahih, hasan, dlaif, mursal, munqothi', mu'dlal, syadz, gharib*, dan sebutan-sebutan lain yang berlaku di kalangan ahli-ahli hadis. Masing-masing ditulis secara sistematis bab demi bab, dan dilengkapinya dengan menukilkan perbezaan-perbezaan pendapatan para ahli dan mereka yang berhak dalam hal ini. Kemudian, diberikan pandangan tentang cara bagaimana satu perawi dengan perawi yang lainnya saling menukar maklumat melalui bacaan (wiqraah), penulisan (kitabah), atau penerimaan (munawalah), atau perizinan (ijazah), serta disodorkan pandangan tentang keberagaman tingkatan-tingkatannya, dan juga tentang perbezaan para ulama yang menerima atau menolak maklumat tersebut.

Selanjutnya mereka membicarakan tentang lafaz-lafaz yang terdapat di dalam *matan-matan hadis*, apakah itu lafaz *gharib*, atau *musykil*, atau *tashhif*, atau *muftariq*, atau *mukhalif*, dan apa yang sesuai dengannya. Inilah pokok-pokok yang selalu menjadi sorotan ahli-ahli hadis.

Pada masa salaf, ehwal para penukil hadis dari kalangan sahabat dan para tabiin semuanya dikenal oleh orang-orang negerinya. Sebahagian ada di Hijaz, Basrah, Kufah di Iraq, ada di Syam dan di Mesir, tetapi semuanya dikenal dan terkenal pada masa mereka. Pada zaman itu, sistem penyampaian hadis yang dilakukan *ahl al-Hijaz* lebih tinggi *sanad*nya dan lebih neyakinkan kebenarannya dibanding lainnya. Hal itu terjadi kerana mereka benar-benar menekankan *adalah* sebagai syarat *naql* dan penolakan mereka untuk menerima berita yang tidak diketahui hal-ehwalnya.

Tokoh dari Hijaz setelah ulama-ulama salaf berlaku adalah Imam Malik, *alim al-madinah* – semoga keredaan Allah tercurah ke atasnya. Kemudian, sahabat-sahabatnya, seperti Imam Abu Abdillah Muhammad bin Idris as-Syafii, Ibn Wahhab, Ibn Bukair, al-Qa'nabi, dan Muhammad bin al-Hasan, dan sesudah

mereka Imam Ahmad bin Hanbal, orang terakhir sebagai cermin tokoh-tokoh di atas.

Dalam ilmu-ilmu hadis, termasuk pula penyelidikan tentang *sanad-sanad*. Dan juga pengetahuan tentang apa yang harus dikerjakan dengan hadis-hadis yang *sanad*nya lengkap syarat-syaratnya. Kerana, mengamalkan hadis hanya diwajibkan berdasarkan *akhbar* (berita) daripada Rasul Allah s.a.w. yang dapat diduga kesahihannya. Untuk mencapai dugaan itu, ditempuh pelbagai ikhtiar keras (*ijtihad*). Ijtihad dilakukan dengan cara tertentu, melalui perawi-perawi hadis untuk mengukur *adalah* (keadilan) dan ketepatannya (menghafaz, *dhabth*). Hal itu ditetapkan melalui penukilan para ulama, yang menilai kesahihan berita yang mereka bawakan dan apakah mereka bebas atau bersih dari kekurangan (*jarh*) dan kelupaan. Penetapan itu kemudian dijadikan petunjuk untuk menerima atau menolaknya.

Juga dinilai tingkatan-tingkatan para penukilnya, yang terdiri daripada para sahabat dan *tabiin*, berikut perbezaan-perbezaan dan ciri-ciri khas mereka satu persatu.

Demikian pula *sanad-sanad*, yang berbeza-beza menurut keterhubungan dan keterputusannya. Perbezaan itu juga timbul kalau perawi hadis belum menjumpai perawi yang darinya hadis itu dinukil. Juga dengan terbebasnya mereka dari kelemahan-kelemahan yang ada pada *sanad-sanad* itu. *Sanad-sanad* itu dengan segala perbezaannya akhirnya sampai pada dua kesimpulan: menerima yang paling tinggi (tingkat kesahihannya) dan menolak yang paling rendah. Diperbezakan pula tentang kesimpulan penengahnya berdasarkan penukilan para ulama yang berwewenang.

Para ahli hadis mempunyai istilah khusus tentang tingkatan-tingkatan hadis. Misalnya *shahih, hasan, dhaif, murasil, muntaqthi', mu'dhal, syadz, ghairb*, dan lain-lainnya. Mereka menulis buku tentang hadis dengan sistematisasi bab-bab. Dikemukakan pertentangan dan kesepakatan pendekatan yang terjadi di kalangan para ahli hadis. Kemudian, mereka juga melakukan penyelidikan tentang cara-cara perawi memperoleh hadis satu dari yang lain, apakah melalui bacaan, penulisan, pemberian langsung, atau pemboleh izin (*ijazah*). Diselidiki pula perbezaan-perbezaan tingkatan cara-cara itu, serta perbezaan pendapat di kalangan ulama tentang penerimaan dan penolakannya.

Kemudian, dilanjutkan lagi pembicaraan tentang istilah-istilah yang digunakan pada matan-matan hadis, seperti *gharib*,

musykil, tashhif, muftariq atau *mukhtalif.* Inilah pokok penyelidikan utama sebahagian besar ahli hadis.

Keadaan dan cara hidup para penukil hadis, yang terdiri daripada para sahabat dan tabiin, di masa-masa salaf dikenal oleh penduduk negeri yang bersangkutan. Sebahagian mereka tinggal di Hijaz, Basrah, dan Kufah Iraq. Sebahagian lagi menetap di Syam dan Mesir. Namun semuanya dikenal dan masyhur pada zamannya. Metode ahli Hijaz dalam hal *sanad-sanad,* pada masa itu, dikenal lebih tinggi dan kukuh kesahihannya daripada yang lain. Mereka sangat ketat memegang syarat-syarat *adalah* di dalam menukilkan hadis, dan menolak hadis yang tidak jelas.

Tokoh ahli metode Hijaz di samping para ulama salaf ialah Imam Malik r.a. seorang alim dari Madinah. Di belakangnya menyusul para sahabatnya, seperti Imam (Abu Abdillah) Muhammad bin Idris as-Syafii r.a., Ibn Wahb, Ibn Bakir, al-Qa'nabi, Muhammad bin al-Hasan, dan kemudian Imam Ahmad bin Hanbal.

Ilmu Syariat pada awal mulanya sepenuhnya bersifat nukilan (*naql*) dari teks al-Quran dan hadis. Jadi bukan berbau penyelidikan, analisis, atau pendalaman melalui *qiyas*, analogi. Para ulama salaf dengan semangat tinggi mempelajari dan mencatat hadis-hadis sahih dengan sempurna. Imam Malik r.a. menulis *Kitab al-Moutha'* berdasarkan metode para ulama Hijaz. Di dalamnya ditulis dasar-dasar pokok hukum daripada hadis-hadis sahih yang disepakati ketulenannya, serta disistematisasikannya ke dalam bab-bab fikah.

Kemudian, para penghafaz (*huffadl*) menjuruskan perhatiannya kepada pengetahuan tentang metode-metode hadis dan *isnad-isnad*nya yang beragama (antaranya terdiri dari metode Hijaz dan metode Iraq). Barangkali, *isnad* hadis lahir melalui banyak metode daripada pelbagai perawi. Tetapi, kadang-kadang, mereka memakai metode untuk *isnad* sebahagian hadis. Seringkali pula, sebuah hadis terdapat di dalam banyak bab buku hadis, tergantung perbezaan pengertian yang dikandungnya.

Lalu muncullah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, sebagai pemuka ahli hadis (*muhadditsun*). Dia memperluas ruang lingkup perawian dan mengeluarkan hadis-hadis *sunnah* menurut bab-babnya, di dalam *Musnad Shahih*nya. Dia padukan antara metode-metode Hijaz, Iraq, dan Syam. Bukhari hanya memilih hadis-hadis yang disepakati kesahihannya, dan membuang yang diperdebat-

kan. Dia ulang-ulangi hadis-hadis yang ditulis di dalam setiap bab menurut pengertian itu di bab lain. Kerananya, hadis-hadis tersebut berulang-ulang disebut di dalam pelbagai bab tergantung kepada beza pengertian yang dikandung oleh hadis itu, seperti telah disebutkan di atas. Dengan begitu, kitabnya terdiri daripada 7700 hadis, yang mana 3000 daripadanya disebut secara berulang-ulang. Metode-metode dan isnad-isnadnya secara berbeza-beza di dalam setiap bab.

Berikutnya muncul Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi r.a. Dia menulis *Musnad Shahih.* Dia mengikuti metode al-Bukhari di dalam menukilkan hadis yang disepakati sahihnya, tetapi menghapus hadis-hadis yang disebut berulang. Dia padukan metode-metode penukilan dan *isnad-isnad*nya, kemudian hadis-hadis itu dikelompok dalam bab-bab menurut subjek falsafah berserta tafsirnya. Namun dengan cara itu, yang sahih menjadi tidak tercakup seluruhnya. Orang-orang sudah tahu bahawa kedua-duanya telah melupakan syarat-syarat kesahihannya.

Lalu menyusul Abu Dawud as-Sijistani dan Abu Isa at-Turmidzi serta Abu Abdurrahman an-Nasai menulis sunnah-sunnah (berisi hadis-hadis) yang lebih luas dari *Shahih.* Mereka berusaha memenuhi syarat-syarat tertentu penukilan hadis, baik dari segi tingkatan tinggi di dalam *isnad* dan itulah erti *shahih,* seperti yang dikenal atau dari tingkatan yang di bawahnya, seperti hadis hasan, dan lain-lainnya, untuk dijadikan petunjuk bagi sunnah dan pengalamannya. Inilah *musnad-musnad* yang dijadikan rujukan umat. Itulah buku-buku induk kitab-kitab hadis di dalam sunnah. Meskipun jumlahnya banyak, tetapi kitab-kitab itu sering dijadikan rujukan.

Pengetahuan tentang syarat-syarat dan istilah-istilah inilah yang disebut sebagai ilmu hadis. Barangkali, masalah *nasikh* dan *mansukh* dipisahkan tersendiri daripada masalah-masalah lainnya, sehingga dijadikan seni (ilmu) tersendiri. Demikian pula halnya dengan hadis *gharib.* Mengenai hal itu, sudah banyak ditulis orang berupa karya-karya yang terkenal. Demikian pula tentang masalah yang disepakati dan yang dipertentangkan.

Orang telah menulis tentang ilmu-ilmu hadis dan karya mereka banyak jumlahnya. Di antaranya yang terkenal adalah Abu 'Abdillah al-Hakim. Karangan-karangannya tentang ilmu-ilmu hadis sangat dikenal. Dialah yang mensistematisasikan dan menampilkan kebaikan-kebaikannya. Kitab yang terkenal di antara

karya ulama-ulama Muta'akhirin, untuk jenis ini, adalah kitab karya Abu Amr bin 'ash-Shalah. Dia hidup di awal abad ke-7.

Pada masa itu, hasil pengeluaran (*takhrij*) daripada hadis-hadis dan penyelidikan tentang ulama-ulama terdahulu (*Mutaqaddimun*) menjadi terputus. Ini kerana kebiasaan memberi kesaksian terhadap para pemuka hadis – dengan jumlahnya yang begitu banyak dan keruntunan masa-masa keberadaan mereka, kemampuan serta ijtihad mereka – yang tidak pernah melalaikan sesuatu pun dari Sunnah, atau meninggalkannya sampai kemudian ditemukan oleh ulama kemudian (*Muta'akhirin*). Pada masa kita kini, perhatian ditujukan kepada pembetulan (*tashhih*) buku-buku induk yang ditulis dan menyesuaikannya dengan riwayat para pengarangnya. Perhatian juga ditujukan kepada penyelidikan tentang *isnad-isnad* pengarangnya, serta penampilannya menurut syarat-syarat dan hukum-hukum yang ditentukan di dalam ilmu hadis, agar *isnad-isnad* terdahulu ditemukan pertaliannya dengan yang terakhir. Dalam hal ini, perhatian mereka lebih banyak diberikan kepada buku-buku induk yang jumlahnya lima buah itu. Perhatian kepada buku-buku lainnya juga diberikan, dalam kadar lebih kecil.

Adapun Shahih al-Bukhari adalah buku induk hadis yang paling tinggi tingkatannya. Sambil memberikan pujian, banyak orang yang berusaha keras menelusi kedalamannya, untuk mengetahui metode-metodenya yang beragam. Misalnya tentang *rijal* hadis-hadis yang terdiri dari penduduk Hijaz, Syam dan Iraq, atau tentang penghidupan mereka di masa itu dan perbezaan pendapat orang tentangnya. Tentu dituntut ketekunan dalam menyelidiki kedalaman pengetahuan riwayat-riwayat hidup (*tarajum*) *rijal* hadis. Kerana di samping mengandung *terjemah* (riwayat hidup), kerana juga menyebutkan hadis berikut *sanad* atau *thariq* (metode). Dilakukan juga penterjemahan *terjemah* yang lain, disertai penghuraian ulang hadis itu juga. Dalam melakukan *terjemahan* (penulisan riwayat hidup) berulang-ulang, hadis itu pun disebut berulang kali di dalam pelbagai bab menurut perbezaan pengertiannya. Perhatian terhadap pelbagai *terjemah* itu juga dimaksudkan untuk menjelaskan kesesuaian antara *terjemahan* dan hadis-hadis yang dikandungnya. Seringkali dalam *terjemah* terjadi kesamaran hubungan antara *terjemah* dan hadis-hadis yang masuk kandungannya. Pembicaraan pun menjadi luas, sebagaimana ditulis di dalam *Kitab al-Fitnah*, bab "Perosakan

Rumah Dzawi Sawiqayn di Habsyah" yang diterjemahkan. Di dalam bab itu disebutkan ayat sebagaimana firman Allah s.w.t.:

> "Dan (ingatlah) ketika Kami jadikan rumah (Kaabah) tempat berhimpun, dan tempat yang aman bagi sekalian orang".[23]

Tak disebut keterangan lebih dari itu. Jadinya, tidak jelas apa hubungan antara *terjemah* itu dengan kandungan bab ini.

Sebahagian orang menyatakan bahawa pengarangnya menulis terjemah-terjemah di dalam bukunya, kemudian menuliskan hadis-hadis di setiap terjemahan menurut cara paling mudah. Pengarangnya wafat sebelum tulisan-tulisan untuk bukunya rampung. Maka, penulis-penulis lain meriwayatkan seperti adanya.

Saya sendiri mendengar dari sahabat-sahabat al-Qadhi bin Bikar, kadi Granada – dia mati syahid dalam Perang Tharif, tahun 741, ketika sedang meneliti Shahih Bukhari – bahawa sedia memaksudkan terjemahan petafsiran ayat itu seperti apa yang disyariatkan, dan bukan suatu ketetapan. Kesulitan permasalah terletak pada pentafsiran kata *ja'alna* (dalam ayat itu) dengan *qaddarna* (kami tetapkan). Kalau kata-kata itu diertikan dengan "*Syara'na* (kami syariatkan), maka yang dimaksudkan tentu bukan penghancuran oleh *Dzawi Sawiqain* atasnya. Saya dengar hal ini dari syekh kami, Abu al-Birkat al-Bughiqi, murid terkemuka pengarang buku tersebut. Dia juga berusaha mengulasnya tetapi tidak sampai rampung, seperti Ibn Bithal, Ibn al-Mihlab, Ibn at-Tin, dan lain-lainnya.

Saya seringkali mendengar ucapan syekh-syekh kami – semoga rahmat Allah dilimpahi ke atas mereka – bahawa "Komentar terhadap kitab al-Bukhari adalah hutang atas umat". Maksudnya, salah seorang ulama belum menyelesaikan tugas pemberian komentar yang dibebankan kepadanya.

Shahih Muslim lebih banyak mendapat perhatian para ulama al-Baghrib. Mereka menelitinya, dan sepakat menetapkan kitab itu dalam kemuliaannya setingkat dengan Kitab al-Bukhari. Ibn ash-Shalah menyatakan bahawa Kitab Shahih Muslim lebih tinggi kedudukannya dari Kitab al-Bukhari, sebab di dalam Kitab al-Bukhari *ditajrid* (diversifikasi) hadis-hadis tidak sahih sehingga kerananya dinilai belum memenuhi syarat kesahihannya. Dan betapa seringnya hal itu terjadi di dalam terjemah-terjemah.

23 Al-Quran, surah 2, al-Baqarah: 125.

Imam al-Marizi, salah seorang ahli fikah Malikiyyah, menyatakan tentang Kitab Shahih Muslim dan mensyarahnya. Kitabnya itu diberi nama "*Al-Mu'allim bin Fawaidi Muslim*", berisikan sumber-sumber ilmu hadis dan ilmu-ilmu fikah.

Kitab itu disempurnakan oleh al-Qadhillyadh. Dia lengkapi kitab itu, dan menamakan bukunya dengan *Ikmal l-Mu'alillim*. Setelah mereka berdua, muncul Muhyiddin an-Nawawi, melakukan komentar yang mencakup isi kedua kitab induk hadis itu, dan bahkan menambahkan hadis-hadis lain, sehingga komentarnya tampil sangat luas.

Adapun kitab-kitab *sunan* lainnya (yang tiga) – yang merupakan sumber rujukan pengambilan (dalil-dalil dan pokok-pokok hukum syariat), oleh para fuqaha – banyak dikomentari di dalam kitab-kitab fikah, kecuali yang khusus, berkenaan dengan ilmu hadis. Banyak orang kemudian menulis tentang kitab-kitab itu, serta menyempurnakannya. Untuk itu, yang diperlukan adalah ilmu-ilmu hadis, pokok-pokok pembahasannya, *isnad-isnad* yang meliputi hadis-hadis daripada Sunnah.

Perlu diketahui, pada masa itu hadis-hadis itu berbeza-beza tingkatannya, seperti tingkatan *shahih, hasan dha'if, ma'lul*, dan lain-lainnya. Tingkatan-tingkatan tersebut dibuat oleh para ahli hadis terkemuka dan memperkenalkannya. Tiada metode yang tertinggal dalam mentashih apa yang sebelumnya dianggap belum sahih.

Para pemuka ilmu hadis itu tentunya memahami benar tentang hadis-hadis berikut pelbagai metode riwayat dan *isnad-isnad*nya. Kalau ditemui sebuah hadis tidak menurut *sanad* dan metodenya, misalnya, mereka dapat menganggap bahawa hadis itu telah dipindahkan dari tempat asalnya. Hal semacam ini pernah dialami Imam Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, ketika beliau datang ke Baghdad. Para ahli hadis di sana bermaksud mengujinya. Mereka juga mempertanyakan pelbagai hadis yang *sanad-sanad*nya telah mereka perteliti. Al-Bukhari menjawab,

> "Saya tidak mengenalnya. Tetapi Si Anu telah menceritakan kepada saya."

Beliau mengemukakan pula tempat sebenarnya dari semua hadis itu, serta mengembalikan setiap matan kepada *sanad*nya. Para ahli hadis itu akhirnya mengakui kepemimpinan al-Bukhari dalam ilmu hadis.

Hendaknya diketahui pula bahawa para pemuka Mujtahidin memperoleh hadis dalam jumlah yang berbeza-beza. Abu Hanifah r.a., misalnya, dikatakan hanya merawikan 17 hadis, atau yang sepertiga dari jumlah sekitar 50-an. Malik Rahimahullah, yang menulis hadis sahihnya di dalam *Kitab al-Moutha*, menghimpun sekitar 300 hadis. Sedangkan Ahmad bin Hanbal Rahimahullah, mengumpulkan 300 hadis di dalam *musnad*nya. Mereka semua memperoleh hadis-hadis itu dengan ijtihadnya.

Sebahagian orang yang bersikap ekstrem menyatakan bahawa beberapa di antara ahli hadis itu memiliki sedikit hadis, kerana itu riwayatnya sedikit. Keragu-raguan semasa ini tidak patut ditujukan kepada ulama-ulama terkemuka itu, kerana syariah hanyalah diambil dari kitab dan sunnah. Siapa yang sedikit hadisnya, hendaknya diperjelas bagaimana ditemukan, dan diriwayatkan. Sejauh mana pula usaha keras dan ijtihad para ulama, sehingga pengetahuan agama dapat diperoleh atas dasar yang benar dan berdasarkan hukum yang bersesuaian dengan pemilik syariat yang diberi wahyu.

Ulama yang memperoleh sedikit hadisnya tentunya kerana adanya berbagai-bagai rintangan dan gangguan yang dihadapi di dalam pencariannya. Apalagi ketidakadilan (*jarh*) boleh berlaku terhadap sejumlah hadis. Ijtihad menuntut agar mereka tidak mengambil hadis-hadis yang bertentangan dengan metode-metode *isnad*nya. Dan hal itu banyak terjadi, sehingga riwayatnya menciut kerana lemahnya metode. Hal ini dialami orang-orang Hijaz yang lebih banyak berkesempatan meriwayatkan hadis daripada orang-orang Iraq, kerana Madinah adalah kota hijrah dan pusat tinggal para sahabat. Mereka yang pindah ke Iraq, tentu lebih sibuk dengan jihad.

Menciutnya jumlah riwayat Imam Abu Hanifah kerana beliau memperketat syarat-syarat perawian dan pencarian hadis. Dia menganggap suatu hadis menjadi lemah apabila menimbulkan pertentangan antara akal dan *nas qath'i.* Akibatnya periwayatannya menciut dan jumlah hadisnya pun menciut juga.

Bahawa dia salah seorang di antara para pemuka Mujtahidin di dalam ilmu hadis terbukti dengan dijadikannya ia sebagai mazhab di antara mereka. Abu Hanifah juga menjadi timbangan mereka dalam meneliti dan menganalisis hadis-hadisnya, untuk kemudian ditolak atau diterima. Sedangkan para ahli hadis

lainnya, seperti ulama jumhur, memperluas syarat-syarat penilaian, sehingga mereka berhasil menghimpun banyak hadis. Tetapi semua diperoleh dari hasil ijtihad. Para sahabat mereka pun, kemudian memperlonggar lagi syarat-syarat itu, dan hasil periwayatannya juga banyak.

Ath-Thahawi juga meriwayatkan hadis, dan banyak jumlahnya. Hadis-hadis riwayatnya itu dikumpulkannya di dalam *musnad*nya, yang sangat disegani. Namun *musnad* tidak dapat menyamai kedua shahih, kerana syarat-syarat yang menjadi sandaran al-Bukhari dan Muslim di dalam kedua kitab mereka telah diakui secara bulat oleh para ulama ahli hadis. Sedangkan syarat-syarat ath-Thahawi tidak memperoleh kesepakatan para ulama tersebut.

Kerananya, dua kitab shahih (al-Bukhari dan Muslim), bahkan Kitab-kitab Sunan yang terkenal, diterima kerana pensyaratannya lebih moden dari yang lainnya. Kerana itu pula, kedua kitab shahih diterima secara ijmak, berdasarkan kesepakatan para ahli mengenai kesahihan syarat-syarat yang telah disepakati. Maka, tidak perlu meragukan hal itu. Para ahlinya lebih berdasar untuk berprasangka baik dan mengacukan rujukan-rujukan yang tulen pada mereka.

Allah Maha Mengetahui tentang hakikat segala sesuatu.

Pemanfaatan teori hadis di atas dalam membicarakan hadis satu persatu, di dalam babnya masing-masing, serta *penterjemahan*nya di dalam tafsir-tafsir *sanad-sanad*, dilanjutkan. Misalnya seperti kemudian dilakukan oleh al-Qadhi 'Iyadh, Muhyiddin an-Nawawi, Ibn al-Aththar, dan sejumlah ulama lain dari Timur dan Barat. Meskipun pembahasan mereka tentang hadis tidak begitu didasari pemahaman mendalam tentang *matan-matan*, bahasa-bahasa dan *I'rab*nya, namun pembicaraan mereka tentang *isnad-isnad* hadis sangat luas dan beragam.

Itulah macam-macam ilmu hadis yang dipelajari di kalangan para pemuka masa ini.

Allah adalah Penunjuk ke Kebenaran, dan Pembantu untuk itu.

13 Ilmu fikah dan cabang-cabangnya, undang-undang mengenai pusaka

Ilmu fikah ialah pengetahuan tentang klasifikasi mengenai undang-undang Allah s.w.t. yang berkenaan dengan tindakan-tindakan kaum muslim mukallaf, seperti hukum wajib, haram, sunnah, makruh, dan mubah. Undang-undang atau hukum-hukum ini adalah bersumberkan al-Quran, dan sunnah, dan dalil-dalil yang telah ditetapkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Hukum-hukum yang disimpulkan daripada dalil-dalil ini disebut 'Fikah'.

Ulama salaf menyimpulkan hukum-hukum itu daripada dalil-dalil tersebut, meskipun ianya suatu yang tak dapat dihindarkan, ia berbeza dari segi membuat tafsirannya. Dalil-dalil[24] kebanyakan berasal daripada nas-nas berbahasa Arab. Di dalam beberapa hal, dan khususnya yang berkenaan dengan konsep-konsep perundangan, terdapat perbezaan pendapat yang amat nyata di kalangan mereka, mengenai pengertian implisit sesuatu perkataan di dalam nas-nas tu. Tambahan pula, sunnah nabi itu berbeza-beza mengenai kesahihannya. Kandungan hukum-hukumnya, sebagaimana biasanya, adalah saling bercanggah. Dengan demikian, *tarjih*, ketegasan itu diperlukan. Ini menimbulkan banyak perbezaan pendapat. Tambahan pula, dalil-dalil yang tidak dihasilkan daripada nas-nas telah menyebabkan begitu juga yang lainnya menimbulkan banyak perbezaan-perbezaan pendapat. Kemudian, timbul peristiwa-peristiwa baru yang tak tercakup oleh nas-nas. Ianya dirujuk melalui andaian kepada hal-hal yang telah tercakup oleh nas-nas. Kesemuanya ini akan menimbulkan perbezaan-perbezaan pendapat yang tidak dapat dielakkan. Dan inilah sebabnya mengapa pertentangan terjadi di kalangan ulama salaf dan tokoh agama setelah mereka.

Selanjutnya, tidak semua sahabat nabi itu layak memberikan *fatwa-fatwa*, atau ketetapan-ketetapan perundangan. Tidak semuanya dapat menjadi sumber bagi mengamalkan hal keagamaan. Ianya adalah khusus kepada para sahabat yang benar-benar memahami al-Quran dan mengetahui tentang *nasikh* dan *mansukh*nya, ayat-ayatnya yang *mutasyabih* dan yang tidak *mutasyabih* serta mengetahui semua dalil lainnya yang dapat diperolehi daripada al-

---

24 Maksudnya: dalil-dalil yang berdasar *ijmak* dan *qiyas*, misalnya.

Quran, sebab secara langsungnya mereka telah mempelajari semua persoalan ini dari Nabi Muhammad s.a.w. atau mereka yang mempelajarinya daripada sahabat yang bermartabat mulia yang telah mempelajarinya daripada nabi. Dengan demikian kelompok ini disebut *qurra*, yakni pembaca-pembaca, maksudnya, orang-orang yang boleh membaca al-Quran, sebab orang-orang Arab adalah bangsa yang buta huruf. Kemampuan mereka untuk membaca pada masa itu merupakan suatu hal yang amat menakjubkan.

Ia berlangsung secara demikian pada permulaan Islam. Kemudian, kota-kota Islam pun berkembang, dan masalah buta huruf pun lenyap daripada kalangan masyarakat Arab kerana penglibatan mereka yang terus-menerus dengan kitab suci al-Quran. Kini, perkembangan ilmu fikah pula mendapat perhatian. Ia pun disempurna dan menjadi sebagai suatu keahlian dan suatu ilmu. Pembaca-pembaca al-Quran tidak lagi dipanggil qari al-Quran, tapi disebut ahli-ahli fikah (*fuqaha*) dan sarjana-sarjana agama (*ulama*).

Ulama-ulama fikah tadi membentuk dua pendekatan yang berbeza terhadap fikah. Satu daripadanya adalah didasarkan kepada pemikiran dan analogi, *ra'yi* dan *qiyas*. Pendekatan ini adalah sebagaimana diamalkan oleh ulama-ulama Iraq. Dan yang satu lagi adalah didasarkan kepada hadis, tradisi-tradisi rasul. Pendekatan yang kedua ini adalah diwakili oleh ulama-ulama Hijaz. Dan di kalangan orang-orang Iraq, terdapat sedikit hadis, berasaskan alasan seperti telah kami sebutkan sebelum ini.[25] Dengan demikian, mereka lebih banyak mempergunakan pendekatan analogi (*qiyas*) dan keupayaan mereka amat menonjol sekali dalam hal ini sehingga mereka disebut *ahl r-ra'yii.*

Tokoh kepada orang-orang Iraq, yang menjadi pusat dan jemaah adalah imam Abu Hanafiah. Sedangkan pemimpin Hijaz adalah Malik bin Anas dan sesudahnya, as-Syafii.

Kemudiannya segolongan sarjana agama tidak menyetujui *qiyas* dan menolak untuk menggunakannya. Mereka itu golongan adz-Dhahiriyyah. Mereka membatasi sumber-sumber hukum hanya pada nas-nas dan *ijma* atau persetujuan ramai. Mereka mengambil berat andaian yang jelas (*qiyas jaliy*) dan sebab akibat

---

25 Pada bahagian sebelum ini.

yang didukung oleh nas sebagai yang bersandar kepada nas itu sendiri, sebab suatu nas yang menyatakan suatu *ratio legis* akan membolehkan adanya ketetapan hukum bagi semua keadaan yang dicakup oleh suatu bentuk pemikiran semacam itu. Pemimpin dari mazhab ini adalah Dawud bin Ali dan puteranya[26] dan pengikut-pengikutnya.

Ketiga mazhab inilah yang merupakan mazhab-mazhab terkenal di kalangan *jumhur* kaum Muslimin. (Syiah)[27] ahlul-bait, keluarga nabi menciptakan mazhab tersendiri dan memiliki fikah sendiri. Mereka mengasaskannya atas dasar dogma yang tersendiri yang memperkecil-kecilkan sebahagian sahabat nabi, dan mendirikannya atas dasar anggapan mereka akan *ismah* para imam dan ketidakmungkinan terjadinya pertentangan di dalam pernyataan-pernyataan mereka. Ini adalah pegangan yang ternyata adalah sia-sia sahaja.

Kaum Khawarij juga memiliki mazhabnya sendiri. Jumhur kaum Muslimin tidak menerima mazhab mereka yang unorthodox, yang menyimpang daripada kebiasaan. Bahkan menentang dan membenci mazhab kaum Khawarij itu. Maka, kita pun tidak mengenal sedikit juga tentang mazhab mereka, dan kita tidak melihat pengaruh mereka kecuali di daerah-daerah yang didiami oleh kelompok-kelompok ini sahaja. Maka buku-buku rasmi Syiah hanya terdapat di negeri yang didiami oleh kaum Syiah dan di mana sahaja dinasti Syiah itu berkuasa, di Timur, di Barat dan di Yaman. Keadaan yang sama oleh kaum Khawarij. Dan mengenai soal-soal fikah masing-masing memiliki panduan dan pendapat yang tersendiri.

Mazhab golongan adz-Dhahiriyyah kini pula telah punah sebagai akibat lenyapnya tokoh-tokoh agama mereka dan bantahan yang dilakukan oleh kaum Muslimin terhadap pendukung mazhab tersebut. Dan apa yang masih tinggal hanyalah suatu catatan tentang mazhab ini di Iraq dan suatu warisan sahaja di Hijaz.

[*Mungkin ramai pelajar yang dengan susah payah akan membebani diri untuk mengikuti pendapat-pendapat mazhab adz-

---

26 Daud bin Ali al-Isfahani. Dikenal dengan adz-Dzahiri. Dia orang yang amat zahid, wafat 270 H. Puteranya, Muhammad, adalah seorang faqih dan adib, meneruskan faham ayahnya, wafat 297 H.

27 Ibn Khaldun hanya menyebut 'ahlul-bait' dalam teksnya. Tapi yang dia maksud adalah kaum Syiah dari keluarga nabi.

Dzahiriyyah – sehingga mengharuskan diri untuk memegang teguh buku-buku tersebut. Dari buku-buku itu mereka hendak mengambil fikah dan pendapat mazhab kaum adz-Dzahiriyyah. Sungguh, mereka tidak mendatangkan sedikit pun manfaat. Bahkan pelajar semacam itu harus bertentangan dengan *jumhur* kaum Muslimin, dan tentu kaum Muslimin akan menolak pendapat si pelajar. Si pelajar dianggap termasuk ahli bidaah, kerana dia memindahkan ilmu dari buku-buku yang bukan merupakan kunci bagi guru-guru. Hal seperti ini telah dilakukan Ibn Hazm di Andalusia, dengan bekal kedudukannya yang tinggi di dalam menghafaz hadis. Dia condong pada mazhab kaum adz-Dzahiriyyah dan menjadi pandai di dalamnya melalui *ijtihad* yang dilakukan terhadap pendapat-pendapat golongan adz-Dzahiriyyah. Dia berbeza pendapat dengan sang tokoh, Dawud bin Ali, serta menentang pendapat-pendapat kebanyakan tokoh agama kaum Muslimin.[28] Orang-orang pun membalas tentangan itu dan lebih banyak lagi dalam membenci dan menentang dogmanya. Buku-buku karangan Ibn Hazm diperlakukan dengan acuh tak acuh dan sikap meremehkan, sehingga sukar sekali boleh terjual di pasaran. Seringkali dalam beberapa peristiwa, buku-buku itu dirobek-robek orang. Tak ada yang tertinggal kecuali mazhab *ahlur-ra'yi* di Iraq dan mazhab *ahlul-hadis* di Hijaz.

Imam orang-orang Iraq, yang menjadi pusat mazhab mereka, adalah Abu Hanifah dan Nu'man bin Tsabit.[29] Kedudukannya di dalam fikah tak tertandingi. Ini dibuktikan oleh anggota-anggotanya khususnya Malik dan as-Syafii.

Sedangkan imam orang-orang Hijaz adalah Malik bin Anas

---

28 Demikianlah, Ibn Hazm sampai melampaui batas menentang Abu Hanifah r.a. dan membenci mazhabnya yang berdasar kepada qiyas, mazhab yang dikenal dengan *ahlur-ra'yi* atau *ahl-un-nadzri*, mazhab rasional.

29 Abu Hanifah (80–150 H/699–767 M). Imam Mazhab Hanafi, lahir di Kufah, belajar ilmu daripada Imam Ja'far as-Shadiq dan ulama-ulama tabiin. Saudagar dan menjadi pengajar dan pemberi fatwa di Kufah. Al-Mansur memintanya untuk menduduki jabatan hakim di Baghdad. Ketika menolak, dia dimasukkan penjara, dicambuki setiap hari, hingga wafat dalam penjara. Dialah orang pertama yang menyusun fikah ke dalam bab-bab dan bahagian-bahagian. Ahli ijtihad dalam fikah, hukum-hukum waris dengan cara *qiyas* dan pemikiran rasional *ra'yu*. Dia telah melahirkan mujtahid-mujtahid baru yang telah menyebarluaskan mazhab qiyas di dalam puluhan buku karangan mereka. Karya Abu Hanifah, "Fiqh al-Akbar", dan "Musnad Abu Hanifah".

al-Ashbuhi,[30] imam *dar el-hijrah*[31] – semoga rahmat Allah dilimpahi ke atasnya. Malik menambahkan satu sumber hukum di samping sumber-sumber hukum yang dilakukan oleh para imam lainnya, iaitu *praktik orang-orang Madinah.* Dia berpendapat bahawa suatu hukum dipraktikkan atau tidak adalah yang disepakati orang-orang Madinah dengan menuruti jejak orang-orang sebelum mereka sebagai tuntutan bagi agama dan anutan mereka. Dan demikianlah sikap mereka terhadap generasi yang bergaul langsung dan menyaksikan amalan Nabi Muhammad s.a.w. – semoga selawat dan salam dilimpahi ke atasnya iaitu generasi yang mencontoh langsung amalan itu dari nabi. Bagi Imam Malik, amalan orang-orang Madinah merupakan salah satu prinsip dasar dari dalil-dalil syariah.

Banyak orang yang mengira amalan semacam itu termasuk salah satu persoalan *ijmak*. Namun Imam Malik menolaknya, sebab dalil *ijmak* tidak mengkhususkan *ahl-ul-Madinah*, akan tetapi mencakup *ummah* (muslim seluruhnya).

Dan ketahuilah bahawa *ijmak* tidak lain adalah konsensus atas persoalan keagamaan melalui ijtihad. Dan Imam Malik Rahimahullah – tidak menganggap amalan *ahl-ul-Madinah* termasuk ke dalam pengertian ini. Dia hanya menganggapnya sebagai anutan suatu generasi terhadap generasi sebelumnya melalui pemerhatian langsung, hingga sampai pada pembawa syari'at, Nabi Muhammad s.a.w. – semoga selawat dan salam dilimpahi ke atasnya. Keharusan mengikuti jejak mereka menegaskan adanya sumber hukum baru tersebut.

Ya, soal *dalil praktik* ini memang disebutkan di dalam bab yang membicarakan tentang ijmak mengingat segi konsensus (*ittifaq*) yang mencakup soal itu dengan ijmak merupakan salah satu bab yang paling cocok bagi soal dalil tersebut. Bezanya, konsensus orang-orang yang melakukan ijmak diperoleh melalui pemikiran dan ijtihad mengenai dalil-dalil hukum, sedangkan konsensus orang-orang yang disebut Malik 'ahl-ul-Madinah berkenaan

---

30 Abu Abdillah Malik bin Anas al-Ashbahi (93–179 H/712–795 M). Pendiri Mazhab Maliki lahir dan wafat di Madinah. Berasal dari suku Himyar. Karangannya: "al-Moutha' "Ar-Raddu – 'ala al-Qadariyyah", "ar-Risalah ila r-Rasyid", dan "al-Mudawwanah al-Kubra".

31 Maksudnya, Madinah al-Munawwarah, tempat nabi dan para sahabatnya berhijrah.

dengan praktik atau tidaknya suatu hukum didasarkan kepada pengamatan langsung terhadap praktik orang-orang sebelum mereka. Dan seandainya soal *dalil praktik ahl-ul-Madinah* disebutkan di dalam bab yang membicarakan tentang praktik dan pernyataan, Nabi Muhammad s.a.w. – semoga selawat dan salam dilimpahi ke atasnya – atau dikumpulkan bersama dalil-dalil yang dipertentangkan, seperti *mazhab as-shohabi', hukum syari'at orang yang sebelum kita,* dan *istishhab,*[32] pastilah bab itu lebih sesuai lagi.

Setelah Malik bin Anas, muncul Muhammad bin Idris al-Muthalibi as-Syafii[33] – Rahimahullah. Sesudah Imam Malik, dia berangkat ke Iraq dan di sana bertemu dengan sahabat-sahabat Imam Abu Hanifah. Dia belajar ilmu daripada mereka dan memadukan metode Hijaz dengan metode pemikiran orang-orang Iraq, serta menciptakan mazhab tersendiri. Di dalam ajaran-ajaran mazhabnya, as-Syafii banyak bertentangan dengan Imam Malik-Rahimahullah.

Setelah mereka, muncul Imam Ahmad ibn Hanbal – Rahimahullah, seorang *muhaddits* terkemuka. Dengan bekal hadis yang melimpah – dia belajar dari sahabat-sahabat Imam· Abu Hanifah. Lalu, Imam Ahmad bersama para sahabatnya pun memiliki mazhab sendiri.

Di kota-kota Islam, pengertian taklid hanya terbatas kepada imam yang empat tersebut. Kaum *muqallidun* tidak mengakui eksistensi ulama-ulama selama mereka. Masyarakat menutup pintu dan jalan-jalan menuju perbezaan pendapat. Istilah-istilah ilmu menjadi bercabang-cabang dan amat sukar jalan yang harus

---

32 Maksudnya, perbezaan pendapat sekitar 'mazhab as-shohabi', apakah merupakan suatu prinsip dasar agama atau bukan; demikian juga perbezaan pendapat mengenai hukum syariat yang ada sebelum kita, apakah berlaku bagi kita ataukah tidak, juga mengenai *istishhab* yang oleh Ibn al-Qayyim diistilahkan sebagai melakukan terus suatu ketetapan hukum yang sudah teruji, atau menafikan hukum yang dinafikan, hingga muncul dalil baru sebagai penggantinya.

33 Imam as-Syafii (150–204 H/767–820 M). Imam dan pendiri Mazhab Syafii, satu di antara empat mazhab sunni. Dia peletak dasar *ilmu-l-ushul.* Lahir di Ghaza dan dibesarkan di Makkah. Belajar ilmu kepada Imam Malik bin Anas di Madinah. Pernah dipenjara, lalu dibebaskan oleh ar-Rasyid. Berangkat ke Fustat (Mesir), wafat di sana dan dimakamkan di gunung al-Muqattham. Bukunya "Kitab al-Umm", yang sudah diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia oleh Prof. TK Ismail Yaqub SH, dan "ar-Risalah".

ditempuh seseorang untuk sampai pada tingkatan *ijtihad.* Di samping itu timbul pula ketakutan untuk menyandarkan ijtihad kepada orang yang bukan ahlinya dan kepada peribadi yang tidak dapat diyakini kebenaran pendapat dan agamanya. Kerananya, dengan lantang orang-orang sama-sama menyatakan dirinya lemah dan tidak mampu melakukan ijtihad atau berbeza pendapat. Para ulama pun menyerukan umat Muslimin supaya kembali *taklid* kepada imam-imam yang empat.[34] Masing-masing memiliki imamnya sendiri yang menjadi tempat taklidnya. Mereka tidak mahu sama sekali berpindah-pindah taklid,[35] sebab yang demikian itu bererti mempermainkan agama. Tak ada yang tertinggal dari dinamisme pemikiran Islam selain usaha menukilkan ajaran-ajaran yang sudah ditetapkan mazhab-mazhab yang mereka anut, setiap *muqallid* hanya mempraktikkan ajaran hukum mazhabnya. Sesudah diadakannya pembenaran (*tashhih*) terhadap prinsip-prinsip dasar (*ushul*) dan sesudah dilakukannya penghubungan *sanad* melalui *riwayah*, maka tak ada lagi hukum-hukum baru yang dicapai di dalam fikah pada masa sekarang ini selain yang sudah dicapai sebelum ini. Seorang yang mengakui dirinya melakukan ijtihad, tidaklah diakui orang hasil ijtihadnya dan tak seorang pun akan bertaklid padanya. Muslimin pada saat ini telah menjadi serombongan manusia yang bertaklid kepada imam yang empat tersebut.

Mereka yang bertaklid kepada Imam Ahmad ibn Hanbal sedikit jumlahnya. Sebahagian besar terdapat di Syria, Iraq, Baghdad, dan sekitarnya. Mereka paling banyak memelihara Sunnah dan meriwayatkan hadis, serta sangat cenderung melakukan penyimpulan hukum (*istimbat*) melalui *qiyas* seboleh mungkin. Di Baghdad, golongan ini punya kekuasaan dan pengikut yang besar sehingga seringkali terjadi benturan dengan orang-orang Syiah di sekitar Baghdad. Kerananya sering sekali timbul pemberontakan di Baghdad. Pemberontakan-pemberontakan baru berakhir setelah pasukan Tartar menguasainya, dan setelah itu tidak pernah terulang lagi. Kelompok lainnya yang bertaklid pada Imam Ahmad

---

34 Inilah yang dikatakan orang sekarang sebagai masa kemunduran umat Islam atau pemikiran Islam atau tertutupnya pintu ijtihad.

35 Maksudnya, seseorang tidak bertaklid pada seorang imam dalam suatu persoalan dan bertaklid pada imam lain dalam persoalan lainnya. Misalnya, dalam masalah solat, dia hanya boleh bertaklid kepada seorang imam, tidak pada dua imam atau lebih.

dalam jumlahnya yang sangat besar terdapat pula di Syria.[36]

Sedangkan yang bertaklid pada Imam Abu Hanifah sekarang ini ialah orang-orang Iraq, muslimin India dan Cina, di daerah-daerah belakang sungai Euprat dan Tigris dan di negeri-negeri bukan Arab seluruhnya. Secara khusus mazhab Abu Hanifah diikuti di Iraq dan Dar el-Salm Baghdad dan murid-muridnya[37] terdiri daripada para sahabat Dinasti Bani Abbas. Kerananya, buku-buku dan hasil diskusi mereka yang kritis terhadap asy-Syafiiyyah banyak sekali jumlahnya. Analisis mereka mengenai persoalan *khilafiyyat* begitu bagusnya. Sebahagian daripada karya-karya mereka ada yang melahirkan ilmu yang mengagumkan dan pandangan-pandangan yang menakjubkan. Karya-karya itu sudah beredar saat ini. Tapi sedikit sekali yang sampai ke Maghribi. Qadli ibn al-'Arabi[38] dan Abu al-Walid al-Baji yang membawanya melalui perjalanan mereka berdua ke sana.

Pengikut imam as-Syafii terbanyak berada di Mesir, melebihi tempat-tempat lainnya. Mazhab ini tersebar di Iraq, Khurasan dan di daerah belakang Sungai Euprat dan Tigris. Mereka berlumba dengan pengikut Mazhab Hanafi dalam fatwa dan pengajaran di semua kota-kota tersebut. Buku-buku mengenai persoalan *khilafiyat* dipenuhi dengan berbagai pembicaraan mereka.

Lalu, semuanya itu lenyap bersamaan dengan hancurnya Timur berserta daerah-daerah perbatasannya. Ketika Imam Muhammad bin Idris as-Syafii tinggal di Bani Abdil Hakam di Mesir, sekelompok murid belajar di sana antara lain: al-Buwaithi, al-Huzayni, dan lain-lainnya. Dan di kota yang sama juga terdapat murid-murid Mazhab Maliki, di antaranya Abdullah bin Abdil Hakam, Asyhab, Ibn al-Qasim, Ibn al-Mawaz, dan lain-lainnya, kemudian juga al-Harts bin Miskin berserta putera-puteranya.

Kemudian, dengan munculnya Daulat ar-Rafidlah,[39] fikah

---

36 Pada masa belakangan ini, pengikut Mazhab Hanbali sebahagian besar terdapat di Daerah Nejd. Lihat *al-Mujtama' al-'Arabi* karya Dr. Abdul Wahid Wafi, hlm 71–74.

37 Yang terkenal empat orang: (1) Abu Yusof 113–182 H, (2) Abu al-Hasan asy-Syaibani 132–189 H, (3) Zafar bin al-Huzail 110–158 H, dan (4) Al-Hasan bin Ziyad wafat 204 H.

38 Iaitu Abu Bakar Muhammad bin 'Abdillah bin Muhammad al-Isybili, pengarang buku "Ahkam al-Quran". Wafat di kota Fez tahun 543 H.

39 *Kata ar-Rafidlah* dimaksudkan untuk semua pengikut Syiah Imamiyyah yang menolak Zaid bin Ali bin al-Husayn sebagai imam mereka.

ahlus-sunnah lenyap dari Mesir. Fikah (Syiah) *ahlul-bait* menggantikannya. Hampir-hampir seluruh pengikut selain golongan mazhab yang berkuasa punah dan lenyap di Mesir. Baru pada tahun-tahun terakhir abad ke-4, seorang qadli beraliran Mazhab Maliki, Abdul al-Wahhab, berangkat dari Baghdad menuju ke Mesir, dengan tujuan memenuhi kehidupan dan mencari penghidupan. Khalifah-khalifah Bani Ubaydiyyin yang beraliran ar-Rafidlah itu memberi izin kepada Abdul al-Wahhab dengan menunjukkan rasa hormat secara berlebihan. Ini mereka lakukan sebagai pernyataan kecaman terhadap Bani Abbas yang tidak memerhatikan seorang imam seperti Abdul al-Wahhab. Dengan kehadiran sang imam, Mazhab Maliki mendapat pengikut di Mesir meskipun jumlahnya tidak banyak, sampai pada akhirnya Daulat Ubaydiyyin lenyap dari kekuasaan ar-Rafidlah dan dikuasai oleh Shalahuddin Yusub bin Ayub.[40] Fikah as-Syafii dan sahabat-sahabatnya di Iraq dan Syria kembali bergabung dengan mereka di Mesir. Mazhab as-Syafii pun tersebar lebih baik dan mendapat banyak pengikut. Di antara ulama-ulama Mazhab as-Syafii yang terkenal adalah Muhyiddin an-Nawawi asal Aleppo, kota di bawah pemerintahan Daulat Ayyubbiyah di Syria, dan juga Izzuddin bin Abdissalam, kemudian Ibn ar-Riq'ah di Mesir dan Taqiyuddin bin Daqiq al'ied. Setelah mereka, Taqiyuddin as-Subki dan yang terakhir Syekh al-Islam Sirajuddin al-Bulqayni[41] pada masa sekarang ini. Sirajuddin merupakan ulama mazhab as-Syafii terbesar di Mesir, bahkan yang terbesar di antara penduduk Mesir.

Sedangkan Imam Malik – Rahimahullah – mazhabnya secara khusus diikuti di Maghribi dan Andalusia. Sebenarnya ada diikuti juga di tempat-tempat lain, namun mereka ini yang tidak pernah bertaklid kepada mazhab lainnya, kecuali sebahagian kecil saja. Paling sering orang-orang Maghribi dan Andalusia mengadakan perjalanan ke Hijaz. Itulah puncak perjalanan mereka. Dan pada masa itu, Madinah merupakan pusat ilmu pengetahuan, dan dari sana berkembang ke Iraq. Tapi Iraq bukanlah merupakan tempat persinggahan mereka, sehingga mereka terbatas hanya mereguk

40 Salahuddin al-Ayuubi (532–589 H/1138–1193 M), lahir di Tikrit (Iraq) dan wafat di Damsyik. Pendiri Daulat Ayubiyah. Raja Muslim terbesar pada masa Perang Salib. Ahli perang yang suka perdamaian.

41 Bulqain, tempat kelahirannya di daerah Mesir, wafat 805 H, tiga tahun sebelum wafatnya Ibn Khaldun, sahabatnya.

ilmu dari ulama-ulama Madinah. Syekh dan imam mereka adalah Malik. Sebelumnya, mereka mereguk ilmu dari guru-guru Imam Malik, dan setelah Malik wafat mereka masih menimba ilmu dari murid-muridnya. Malik menjadi sumber ilmu bagi orang-orang Maghribi dan Andalusia. Mereka hanya bertaklid padanya dan bukan kepada yang lainnya mengingat tidak ada ajaran yang lain yang sampai kepada mereka. Di samping itu, sikap *badwiah* masih menguasai masyarakat Maghribi dan Andalusia, dan mereka pun belum pernah memerhatikan masalah kebudayaan (*hadlarah*) seperti yang terdapat di kalangan masyarakat Iraq. Kerana kesesuaian pada sifat *badwiah*,[42] maka masyarakat Maghribi dan Andalusia lebih condong kepada orang-orang Hijaz. Oleh sebab itu, Mazhab Maliki masih tetap murni di kalangan mereka dan belum dipengaruhi oleh perubahan dan pentafsiran ulang akibat *hadlarah*, sebagaimana telah terjadi pada mazhab-mazhab lainnya.

Setelah ajaran mazhab daripada setiap imam menjadi sebuah ilmu tersendiri bagi para pengikutnya, sehingga tidak ada jalan lagi untuk *jtihad* dan *qiyas*, dirasakan perlunya mengadakan analisis (*tandzir*) terhadap persoalan-perosalan tambahan serta mengadakan klasifikasi (*tafriq*) terhadap masalah yang dipandang punya persamaan setelah disandarkan kepada prinsip-prinsip dasar yang telah ditetapkan di dalam mazhab imam mereka. Semuanya itu memerlukan kemahiran yang mengakar (*malakah rasikhah*) di mana dengan *malakah* itu mereka dapat melakukan *tandzir* dan *tafriq* semacam itu, dan dapat menerapkan kedua-duanya pada ajaran imam mereka seboleh mungkin. Malakah ini yang disebut *ilmu fikah* pada masa sekarang ini.

Penduduk Maghribi semuanya taklid kepada Imam Malik Rahimahullah. Murid-murid Imam Malik tersebar di Mesir dan Iraq. Di Iraq di antara lain Qadli Ismail dan *thabaqah*nya, seperti Ibn Khuwaizi Mandad[43] Ibn al-Lubban,[44] Qadli Abu Bakar al-Abhuri,[45] Qadli Abu al-Husayn bin al-Qasshar, Qadli Abdul Wah-

---

42 Lihat buku "Malik, Hayatuhu wa Ashruhu", karya Syeikh Abu Zahrah, hlm. 340 dan halaman sesudahnya.

43 Khuwaizi Mandad adalah nama gelar ayah Imam Abi Bakar Muhammad bin Ahmad ibnu Abdillah, asal dari Basrah dan wafat tahun 400 H.

44 Abu al-Hasan Muhammad bin Abdillah bin al-Hasan, wafat pada tahun-tahun pertama abad ke-5 Hijrah.

45 Abu Bakar Muhammad bin Ahmad bin al-Hasan, wafat 481 H.

hab, dan lain-lainnya yang datang sesudah mereka. Sedangkan di Mesir ada Ibn al-Qasim dan Asyhab,[46] Ibn Abdil Hakam,[47] dan al-Haruts ibn Miskin berserta thabaqah mereka. Dari Andalusia, Abdul Malik ibn Habib[48] yang pergi ke Mesir untuk belajar ilmu dari Ibn al-Qasim dan thabaqahnya. Dialah[49] yang menyebarluaskan Mazhab Maliki di Andalusia dan menulis tentang mazhab ini dalam sebuah buku berjudul *al-Wadlihah*. Kemudian muridnya, al-Utbi mengarang pula sebuah buku berjudul *al-Utbiyyah*. Dari Ifriqiyah, Asad bin al-Furat[50] datang melancong. Pertama dia menulis tentang sahabat-sahabat Imam Abu Hanifah. Lalu dia pindah pada Mazhab Maliki. Dan Ali bin al-Qasim menulis tentang segala bab persoalan fikah. Dia datang ke Qairawan membawa bukunya itu. Buku itu disebut *al-Asadiyyah* dinisbahkan kepada Asab bin al-Furat. Suhnun[51] mempelajari buku itu daripada Asad. Lalu dia ke Timur dan bertemu dengan Ibn al-Qasim, kepada siapa dia belajar ilmu. Suhnun saling bertukar fikiran dengan Ibn al-Qasim mengenai masalah-masalah yang disebutkan di dalam buku *al-Asadiyyah*. Setelah diskusi lama, Ibn al-Qasim sampai pada kesimpulan untuk menarik kembali sebahagian besar isi buku itu. Suhnun mencatat masalah-masalahnya serta menulisnya menjadi sebuah buku. Dia menjelaskan segala persoalan yang ditolak Ibn al-Qasim. Lalu Ibn al-Qasim menulis surat kepada Asad meminta supaya berpegang pada buku karya Suhnun, dan Asad pun menyetujuinya. Orang-orang lalu meninggalkan buku karya Asad dan mengikuti pendapat-pendapat Suhnun yang tertuang di dalam *al-Mudawwanah*, meskipun persoalan-persoalan yang dibicarakannya bercampur-baur di dalam penyusunan bab-babnya. Dengan demikian karya Suhnun itu disebut *al-Mudawwanah* dan *al-*

---

46 Faqih Mazhab Maliki, wafat 204 H.

47 Salah seorang Mawla Usman bin Affan, wafat 216 H.

48 Abdul Malik bin Habib, wafat 238 H, asal Andalusia. Karyanya adalah *al-Wadlihah*, mengenai *ashul-fiqh*.

49 Muhammad bin Ahmad bin Abdil Aziz, wafat 255 atau 254 H. Karyanya *al-Mustakhrijah*.

50 Asad bin Furat bin Sanan, asli dari Khurasan, lahir di Nejran 145 H dan wafat tahun 212 H.

51 Suhnun adalah Abdus-Salam bin Sa'id Suhnun at-Tunukhi, dari Arab, wafat tahun 240 H.

Mukhtalithan.[52] Orang-orang Qairawan menjadikan *al-Mudawwanah* ini sebagai buku teks dan Andalusia menjadikan *al-Wadlihah* dan *al-Utbiyyah* sebagai buku teks mereka. Kemudian, Ibn Abi Zaid meringkas buku *al-Mudawwanah* atau *al-Mukhtalithah* itu di dalam bukunya yang diberi nama *al-Mukhtashar.* Juga Abu Sa'id al-Budad'i, seorang fakir dari Qairawan, telah meringkasnya pula di dalam bukunya yang bernama *at-Tahdzib.* Guru-guru di Ifriqiyah menjadikannya sebagai buku teks dan mempelajarinya di sekolah-sekolah, dan meninggalkan buku-buku lainnya. Dan demikianlah, orang-orang Andalusia pun menjadikan *al-Utbiyyah* sebagai buku rujukan mereka, serta meninggalkan *al-Wadlihah* atau buku-buku lainnya.

Usaha-usaha memberi komentar, menjelaskan dan mengumpulkan buku-buku induk ini masih terus dilakukan oleh ulama-ulama mazhab. Banyak orang Ifriqiyah menulis ulang *al-Mudawwanah,* dan masya-Allah yang mereka tulis at-Tunisi, Ibn Basyir, dan lain-lainnya. Dan orang-orang Andalusia pun menulis ulang *al-Utbiyyah* dan masya-Allah yang mereka tulis itu. Di antara mereka ada Ibn Rusyd,[53] dan lain sebagainya. Ibn Abi Zaid, mengumpulkan segala persoalan dan perbezaan pendapat serta kenyataan-kenyataan yang tercakup di dalam semua buku induk tersebut ke dalam bukunya *an-Nawadir.* Dengan demikian, buku itu mencakup segala pendapat mazhab. Dan Ibn Yunus telah menukilkan sebahagian besar isi buku *an-Nawadir* di buku komentarnya atas buku *al-Mudawwanah.*

Lautan ilmu Mazhab Maliki melimpah di kedua puncak ufuk Andalusia dan Qairawan. Sampai akhirnya Cordova dan Qairawan mengalami kehancuran. Kemudian setelah itu orang-orang Maghribi menjadikan kedua buku[54] tersebut sebagai rujukan. Lalu hadir buku karya Abu Amru bin al-Hajib yang meringkas jalan-jalan

52 Buku *al-Mudawwanah* merupakan buku dasar paling lengkap mengenai fikah Mazhab Malik. Fikah Mazhab Malik yang ada sekarang sebenarnya bersumber darinya. Dan buku 'al-Asadiyyah' merupakan rujukan paling penting bagi Suhnun di dalam menyusun *al-Mudawwanah.*

53 Abu al-Walid bin Ahmad bin Rusyd, faqih Maliki terkenal. Bukunya mengenai fikah banyak sekali, di antaranya *al-Muqaddimat al-Mumahhadat.* Lahir 450 H, wafat pada 11 Zulkaedah 520 H (1126 M). Dia adalah saudara kepada ahli falsafah Ibn Rusyd.

54 Maksudnya: Buku *an-Nawadir* karya Ibn Abi Zaid dan buku karya Ibn Yunus, komentar atas buku *al-Mudawwanah.*

fikiran para pemuka Mazhab Maliki dalam setiap bab, dan mengenai tiap persoalan diperinci pendapat-pendapat mereka, sehingga buku itu muncul sebagai Mazhab Maliki.

Di Mesir, Mazhab Maliki tetap berkembang sejak al-Haruts ibn Miskin, Ibn al-Mubsyir, Ibn al-Luhait, Ibn Rasyiq, dan Ibn Syasy. Sedangkan di Iskandariyah, Mazhab Maliki berkembang di kalangan Bani Auf, Bani Sanad, dan Ibn Athal-Lah. Saya tidak tahu banyak, dari siapa Abu Amru bin al-Hajib mempelajari Mazhab Maliki. Namun yang jelas, dia dikenal setelah keruntuhan Daulat Bani Ubaydi dan lenyapnya fikah (Syiah) *ahlul-bait*, dan setelah munculnya ulama-ulamanya fikah sunni Mazhab Syafii dan Mazhab Maliki. Begitu bukunya sampai di Maghribi pada tahun-tahun terakhir abad ke-7, banyak pelajar Maghribi yang menekuni buku Abu Amru, khususnya pelajar-pelajar Bougie (Bijayah), sebab guru besar merekalah bernama Abu Ali Nasiruddin az-Zawawi yang membawa masuk buku itu ke Maghribi. Dia mempelajari di Mesir daripada sahabat-sahabatnya. Buku ringkasan karya Abu Amru bin al-Hajib dicatatnya kembali dan membawa ke Maghribi hingga tersebar di kalangan murid-muridnya di Bijayah. Daripada para murid buku itu tersebar ke seluruh kota-kota Maghribi lainnya. Dan sekarang ini, para pelajar fikah di Maghribi terus-menerus membaca dan mempelajari dengan tekun buku ringkasan tersebut. Mereka dipengaruhi oleh rasa cinta kepada sang guru, Nasiruddin. Ada pula segolongan guru yang memberi komentar atas buku itu, misalnya, Ibn Abdissalam, Ibn Rusyd, dan Ibn Harun. Mereka semua termasuk kelompok *masyikhah* di Tunisia. Di antara yang paling bagus komentarnya adalah Ibn Abdissalam. Namun bersama itu, mereka secara terus-menerus mempelajari dan memperbaiki buku *at-Tahdzib* karya Sa'id al-Burad'i di dalam pelajaran-pelajaran mereka.[55]

> "Dan Allah memberi petunjuk kepada siapa yang dikehendaki-Nya menuju jalan yang lurus".][56]

---

55 Nampak betapa mendalamnya pengetahuan Ibn Khaldun mengenai mazhab yang diikutinya, Mazhab Maliki. Dia termasuk salah seorang ahli fikah Maliki. Di Mesir, dia menjadi guru besar fikah mazhab ini di samping menjadi *qadli* pula. Secara panjang lebar dibicarakan tentang Mazhab Maliki dan sejarah berserta karya-karya yang tersebar di dalamnya. Sementara dalam mazhab-mazhab lainnya, hanya disinggung secara sekilas.

56 Al-Quran surah (an-Nur) ayat 46.

14 Ilmu Faraid

Ilmu faraid ialah pengetahuan tentang pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian yang menjadi hak hubungannya dengan bahagian-bahagian seseorang dan pembahagian-pembahagiannya yang dasar. Ilmu ini juga mencakup pengetahuan tentang pengaturan kembali bahagian-bahagian itu (*munasakhah*). *Muna sakhah* ini penting dilakukan apabila salah seorang di antara ahli waris yang asal kemudiannya telah meninggal, dan bahagian-bahagiannya haruslah dibahagikan kepada para ahli warisnya. Waktu itulah, perlukan untuk menentukan dengan benar ke atas bahagian yang pertama sehingga ahli-ahli waris penerima bahagian-bahagian yang kedua menerima bahagian-bahagian yang tak harus dibahagi-bahagi lagi.

Kadang-kadang terjadi pembahagian-pembahagian yang (*munasakhah*) dilakukan lebih daripada satu atau dua kali. Disebabkan itu angka-angkanya menjadi semakin banyak. Dan sekian kali angka itu bertambah, sekian kali pula hitungannya diperlukan. Juga, pembahagian suatu harta warisan dapat difikirkan dengan dua kemungkinan, dalam hal ini, sebagai contohnya, seseorang ahli waris itu harus memaklumi ahli warisnya yang lain, sementara ahli waris yang ketiga tidak pula memaklumkan ahli warisnya yang kedua. Maka, pembahagian harta warisan pun diatur dan dihitung menurut kemungkinannya, dan jumlah bahagian pun dipertimbangkan. Kemudian, harta warisan itu dibahagi-bahagikan kepada ahli waris yang layak mengikut bahagian-bahagian yang sewajar dengan pembahagian-pembahagian yang asas. Semua ini memerlukan hitungan. Dengan demikian para ahli fikah menjadikannya sebagai suatu subjek yang tersendiri, sebab, tambahan pada fikah adalah diperlukan hitungan sebagai unsur utama yang harus wujud di dalamnya. Mereka menyatakannya sebagai suatu disiplin ilmu dengan haknya sendiri.

Banyak sudah karangan yang ditulis mengenai ilmu ini. Dalam Mazhab Maliki, buku yang paling terkenal di antara karya sarjana-sarjana Andalusia moden, adalah karangan Ibn Tsabit, buku ringkasan karya Qadli Abu al-Qasim al-Hufi, kemudian buku karya al-Ju'di, dan di antara sarjana-sarjana Ifriqiyah moden ada Ibn an-Manir at-Tharobulusi, dan lain-lainnya. Demikian pula dalam Mazhab-mazhab Syafii, Hanafi, dan Hanbali, telah banyak buku-buku ditulis sarjana-sarjananya. Karya mereka besar-besar,

rumit, dan menunjukkan keluasan ilmu mereka di dalam fikah dan ilmu hitung (*hisab*). Di antara mereka, khususnya, Abu al-Ma'ali – r.a., dan sarjana-sarjana mazhab semisalnya.

Ilmu faraid merupakan disiplin ilmu yang mulia, kerana cakupannya akan ilmu yang berdasar akal dan ilmu yang berdasar *nas*, dan dengan mempergunakan ilmu itu akan diperoleh ketentuan tentang hak-hak seorang di dalam harta warisan dengan cara sebenar-benarnya dan meyakinkan, ketika para pembahagi menjadi bingung dan sukar menentukan bahagian-bahagian yang harus diterima masing-masing ahli waris.]

Sarjana-sarjana agama di kota-kota Islam telah memberikan perhatiannya yang besar terhadap ilmu ini. Ada di antara para penulis itu yang cenderung membesar-besarkan sisi ilmu hitung dari disiplin itu dan mengajukan persoalan-persoalan yang memerlukan pemecahan pelbagai macam cabang aritmetik, seperti aljabar, penggunaan akar, dan lain sebagainya. Karya-karya tulisan mereka dipenuhi dengan hal-hal tersebut. Ilmu faraid memang tak banyak dipelajari orang dan tidak memberi manfaat praktis dalam masalah harta pusaka kerana menyangkut peristiwa-peristiwa yang luar biasa dan jarang terjadi. Namun ia berguna untuk latihan dan untuk mencapai kemahiran (*malakah*) bagi orang yang mempelajarinya dan bentuknya yang paling sempurna.

Kebanyakan ahli dalam disiplin ilmu ini mengemukakan pembicaraan hadis nabi yang menyatakan kemuliaan ilmu itu.

Hadis itu dinukilkan Abu Hurairah – r.a. – daripada nabi:

> "Faraid adalah sepertiga ilmu dan pertama-tama dilupakan orang".

Bahkan dalam suatu riwayat yang dikeluarkan oleh Abu Na'im al-Hafiz dinyatakan sebagai "setengahnya". Ahli-ahli faraid mengemukakan pembicaraan itu berdasar kenyataan bahawa yang dimaksud dengan faraid adalah pembahagian harta warisan. Namun ternyata kandungannya jauh melebihi dari itu, dan bahawa yang dimaksud dengan faraid tidak lain hanyalah kewajipan-kewajipan yang dibebankan (*faraid taklifiyyah*) di dalam ibadat, cara-cara hidup, harta warisan, dan lain-lainnya. Dalam pengertian inilah terkandung kebenaran maksud kata 'setengah' dan 'sepertiga'. 'Pembahagian harta warisan' jauh lebih sempit daripada itu semua, dilihat dari ilmu syariat secara keseluruhannya.

Pengertian ini menunjukkan bahawa kata 'faraid' yang digi-

ring kepada disiplin ilmu khusus ini atau yang disempitkan khusus sebagai pembahagian harta warisan, tidak lain adalah suatu istilah yang timbul di kalangan ahli-ahli fikah, bersamaan dengan terciptanya pelbagai disiplin ilmu dan istilah-istilah ilmiah.

Pada permulaan munculnya Islam, pengertian 'faraid' (dalam hadis tersebut) tidak pernah diertikan sesempit ini, tetapi dinyatakan dalam pengertiannya yang universal, sebagai kata yang diambil dari kata '*fardl*', iaitu kata yang menunjukkan 'penentuan kadar' (*takdir*) dan 'keharusan' (*qath*). Yang dimaksudkan 'faraid' – sehubungan dengan pengungkapannya – tidak lain adalah semua *fardhu* sebagaimana telah kami nyatakan di atas. Fardu-fardu itulah hakikat syariah dari kata 'faraid' (yang tersebut dalam hadis di atas). Maka kata tersebut tidak boleh digiring kepada pengertian selain pengertian yang berlaku pada masa ketika mereka menciptakan sesuatu istilah, seperti nabi menciptakan istilah faraid. Pengertian itulah yang paling sesuai bagi maksud mereka daripada pengertian lainnya.[57]

Dan Allah yang Maha Suci Maha Tinggi Lebih Mengetahui.
Dia pemberi taufik.]

15 Ilmu *ushul-fiqih* dan cabang-cabangnya, dialektik dan soal-soal yang kontroversial

Ilmu *ushul-fiqih* merupakan salah satu ilmu yang paling besar, amat penting, dan paling bermanfaat di antara ilmu-ilmu syariah. Ilmu itu menitikberatkan tentang dalil-dalil syariah dari mana hukum-hukum agama dan kewajipan-kewajipan rasmi (*taklif*) diambil.

Sumber-sumber dasar syariah ialah al-Quran, dan kemudiannya, sunnah yang menjadi penjelas bagi al-Quran.

Pada masa Nabi Muhammad s.a.w. masih hidup, hukum-hukum agama diterima oleh kaum Muslimin melalui al-Quran yang diwahyukan kepada baginda, dan lalu dijelaskan melalui ucapan dan perbuatannya, atau dengan penjelasan langsung (*khithab*

---

57 Sekilas nampak Ibn Khaldun tidák menyetujui kalau ilmu faraid dikatakan sebagai 'sepertiga' ilmu, apalagi 'setengah'nya, seperti pendapat kebanyakan ahli fikah dari segala mazhab. Nampak pula seakan dia meremehkan ilmu faraid. Pada hal yang dimaksud Ibn Khaldun ialah bahawa bukan hanya *ilmu faraid* sebagaimana maksud dalam hadis nabi tersebut itu saja, tetapi semua ilmu yang menyangkut soal-soal kewajipan agama.

syafahi) yang tidak memerlukan perantara, pemikiran, mahupun analogi (*qiyas*). Dan setelah nabi wafat penjelasan langsung adalah tidak diusahakan. Dan al-Quran pun dihafaz dengan setepat-tepatnya dan terus-menerus.

Para sahabat telah bersepakat bahawa kita wajib amalkan sunnah nabi sama ada perkataan mahupun perbuatannya, yang sampai kepada kita melalui nukilan (*naql*) yang benar, yang besar kemungkinan benarnya. Pernyataan ini sudah jelas buktinya berdasar dalil syariat di dalam al-Quran dan sunnah.

Kemudian, ijmak menggantikan tempat al-Quran dan sunnah. Itu terjadi kerana persetujuan para sahabat untuk menolak pendapat para penentang mereka. Tentunya, persetujuan tersebut hanya dilakukan berdasar sandaran dalil, sebab orang-orang jenis mereka ini tidak sembarang menyatakan sepakat tanpa adanya dalil yang pasti, di samping dalil yang menyatakan terhindarnya jemaah dari kesalahan. Maka ijmak pun menjadi satu sumber hukum yang pasti di dalam persoalan-persoalan syariat.

Kemudian kita perhatikan jalan-jalan yang ditempuh para sahabat dan kaum salaf dalam mempergunakan al-Quran dan sunnah sebagai dalil. Mereka membanding-bandingkan antara teks-teks al-Quran dan sunnah yang bernada sama, menjadikan teks-teks al-Quran dan sunnah yang bermakna satu sebagai pembanding bagi lainnya, lalu menjadikan hasil analogi itu sebagai dalil melalui ijmak mereka, atau diserahkan persamaan itu kepada pendapat sebahagian sahabat yang lain. Setelah Nabi Muhammad s.a.w. wafat, banyak peristiwa terjadi di luar cakupan *nas-nas* yang cukup tetap. Para sahabat pun membanding-bandingkannya dengan nas yang sudah ditetapkan serta memasukkannya ke dalam peristiwa yang sudah ada dukungan nas dengan syarat-syarat – dalam pemasukan itu – yang memastikan kesamaan dari dua peristiwa yang mirip itu, hingga benar-benar meyakinkan bahawa hukum Allah mengenai kedua peristiwa tersebut adalah satu. Hukum itu pun menjadi dalil *syari* melalui persetujuan mereka atasnya. Dalil itulah yang disebut *qiyas*, dalil hukum yang keempat.

Jumhur ulama sepakat menyatakan, bahawa keempat dalil hukum tersebut al-Quran, sunnah, ijmak dan *qiyas* merupakan prinsip-prinsip dasar syariat, meskipun ada sebahagian di antara mereka yang tidak mengakui dalil ijmak dan *qiyas*. Namun yang terakhir ini jumlahnya sedikit. Di samping itu ada sebahagian ulama yang menambahkan dalil-dalil lain di luar keempat prinsip

dasar tersebut. Namun kami rasa tidak perlu menyebutkannya di sini kerana tanggapan-tanggapannya adalah lemah dan pembicaraan mengenai dalil-dalil baru itu tidak banyak.

Salah satu pembahasan utama mengenai disiplin ilmu *ushul-fiqih* ini adalah pemikiran tentang eksistensi keempat sumber tersebut sebagai dalil-dalil al-Quran, dalilnya adalah mukjizat yang mematahkan pembicaraan musuh yang menentangnya. Mukjizat itu terdapat pada teks-teksnya. Dan bukti lainnya adalah ketulenan di dalam nukilannya, sehingga tidak mendatangkan keragu-raguan akan kebenarannya. Mengenai *sunnah* berserta bahagian di antaranya yang telah dinukilkan kepada kita – seperti telah kami katakan dasarnya adalah persetujuan ulama yang menyatakan wajib bagi kita untuk mengamalkan *sunnah* yang benar, iaitu sunnah yang mendapat ketetapan daripada amalan Rasulullah semasa hidupnya. Di dalam sunnah itu tercakup persoalan kitab-kitab dan rasul-rasul yang diutus Allah ke pelosok-pelosok bumi dengan membawa hukum-hukum dan syariat-syariat, baik berisi perintah mahupun larangan. Mengenai ijmak, dalilnya adalah kesepakatan para sahabat – semoga ridlaLah dilimpahi ke atas mereka – sebagai dasar menolak mereka yang menentang ijmak umah meskipun al-Quran telah menetapkan eksistensi *ishmah* bagi umah. *Qiyas* berdalilkan persetujuan para sahabat. Inilah sumer-sumber hukum dalam Islam.

Kemudian, *sunnah* memerlukan pembuktian akan kebenarannya. Hal itu dilakukan dengan melurus jalan-jalan penyebarannya, (*thuruq an-naql*) dan mengetahui segi *adalah*[58] mereka yang menyampaikan, supaya menjadi benar-benar jelas keadaannya untuk tidak menimbulkan praduga akan keabsahannya. Sahnya sunnah itu merupakan pangkal perintah wajib mengamalkan maklumat tersebut. Usaha ini pun merupakan salah satu kaedah dasar disiplin ilmu *ushul-fiqih*. Pengetahuan tentang *Nasikh* dan *Mansukh* diperlukan lebih lanjut sesudahnya, ketika terjadi percanggahan antara dua buah keterangan dan satu di antaranya dituntut supaya diberlakukan mendahului lainnya. Pengetahuan ini pun jua merupakan salah satu daripada fasal-fasal dan bab-bab disiplin ilmu *ushul-fiqih*.

---

58 *Adalah* adalah sifat adil, iaitu Muslim yang telah mencapai umur, berakal, dan suci daripada melakukan dosa-dosa besar dan dosa kecil secara terus-menerus, dan bersih dari segala tindakan yang menghancurkan *maruah*.

Kemudian, setelah itu muncul kajian tentang erti-erti perkataan. Ini dilakukan kerana ketergantungan pada pengetahuan tentang erti konvensional daripada ungkapan-ungkapan tunggal atau gabungan, untuk menarik idea-idea pada umumnya daripada gabungan-gabungan kata pada umumnya. Norma-norma filologis yang diperlukan sehubungan dengan persoalan ini terdapat di dalam ilmu-ilmu *nahwu* (*grammar*), *tashrif* (infeksi), dan tatabahasa dan gaya bahasa (*bayan*). Dan ketika pembicaraan merupakan suatu keahlian (*malakah*) bagi orang-orang yang mempergunakannya, persoalan-persoalan linguistik belum merupakan ilmu ataupun norma-norma. Ahli fikah saat itu belum lagi memerlukannya, sebab masalah linguistik akrab dengan mereka melalui kebiasaan alami. Akan tetapi ketika kemahiran berbahasa Arab lenyap, para ahli yang menjadikannya sebagai bidang pengkhususan mereka, merasa tertutup mendapatkan bantuan melalui tradisi yang baik dan cara-cara analogi yang tersusun baik. Maka masalah linguistik pun kemudian menjadi ilmu yang diperlukan para ahli fikah dalam usahanya mengetahui hukum-hukum Allah s.w.t.

[Di samping itu, ada perolehan lain yang dapat ditarik dari susunan suatu kata, iaitu penarikan hukum-hukum syariah daripada susunan kata di antara idea-idea yang mengandung makna khusus. Hukum-hukum itulah yang disebut fikah.

Dalam ilmu fikah, tidak cukup hanya mengetahui makna konvensional secara umum, tetapi haruslah diketahui hal-hal lain di mana makna khusus itu bergantung, dan dengannya hukum-hukum ditarik sesuai dengan cara yang telah dilakukan para ahli hukum dan sarjana-sarjana ilmu pengetahuan di dalam menarik prinsip-prinsip dasar (*ashl-ashl*). Cara demikian itu mereka jadikan sebagai metode untuk melakukan penyimpulan hukum. Misalnya, dengan metode itu mereka menyimpulkan bahawa bahasa tidak selalu dapat dijadikan bahan analogi mengingat adakalanya sebuah kata mengandung banyak maka sehingga tidak harus berlaku secara umum, bahawa huruf *waw* tidak selalu berfungsi sebagai kata penghubung, bahawa apabila beberapa individu yang tercakup di dalam kata yang khusus dikeluarkan dari yang umum, apakah pembicaraan sebelumnya tetap berlaku bagi individu-individu selain yang tersebut? Apakah kata perintah (*amr*) berlaku untuk menunjukkan wajib ataukah hukum boleh (*nadb*) atau menunjukkan praktik seketika ataukah praktik yang boleh ditunda, apakah kata larangan (*nahy*) menuntut kerancuan ataukah keabsahan? Apakah

yang *munthlaq* digiring kepada yang *muqqyyad.* Apakah suatu teks (*nas*) yang menunjukkan alasan diharamkannya sesuatu persoalan cukup jika berhadapan dengan pengharaman (*tahrim*) meskipun untuk persoalan lainnya di mana alasan itu juga tercakup ke dalamnya? Banyak lagi contoh-contoh lain semacamnya. Kesemuanya itu termasuk bahagian daripada kaedah-kaedah disiplin ilmu usul fikah ini. Kerana kaedah-kaedah itu termasuk sebahagian daripada pembahasan makna, maka ia pun bersifat linguistik.

Telaahan terhadap *qiyas* (analogi) merupakan salah satu kaedah disiplin ilmu usul fikah, kerana di dalamnya terkandung pembenaran sumber pokok (*ashl*) dan cabang (*far'un*) hukum yang diqiyaskan dan dianalogikan, dan juga terkandung deskripsi yang lebih meyakinkan dugaan bahawa hukum itu berkait dengannya di dalam sumber pokok di antara deskripsi-deskripsi (*washf*) dari posisi tersebut. Eksistensi deskripsi dalam hukum cabang (*far'un*) tanpa suatu percanggahan menghalangi terjadinya pentertiban hukum atasnya dalam masalah-masalah lain yang termasuk bahagian daripada bidangnya. Semuanya itu merupakan kaedah-kaedah disiplin ilmu usul fikah ini.

Ketahuilah, bahawa disiplin ilmu usul fikah ini merupakan salah satu di antara disiplin-disiplin ilmu yang baru diciptakan dalam agama Islam. Ulama-ulama salaf tidak merasa memerlukannya, kerana penggalian makna dari kata-kata, cukup diperoleh dari kemampuan berbahasa yang sudah mereka miliki. Sedangkan kaedah-kaedah yang perlu, sebahagian besar sudah jadi perbendaharaan ilmu milik beberapa orang di antara mereka. Mengenai ilmu tentang *sanad-sanad* (*asanid*), mereka juga merasa tidak perlu untuk menelaahnya, mengingat jarak waktu antara ulama di satu saat dengan ulama sebelum atau sesudahnya tidaklah berjauhan, begitu juga para pembawa maklumat dengan ulama saling mengenal.

Setelah ulama-ulama salaf dan angkatan pertama wafat dan ilmu-ilmu pengetahuan seluruhnya telah berubah menjadi suatu keahlian, seperti telah kami sebutkan sebelum ini, maka ulama-ulama fikah dan para mujtahid merasa perlu adanya norma dan kaedah untuk menarik hukum-hukum daripada dalil-dalil nas yang ada. Mereka pun menuliskannya sebagai suatu disiplin ilmu yang tegak, terutama yang mereka sebut *ushul-fiqih.*

Orang pertama yang menulis ilmu *ushul-fiqih* adalah as-Syafii – semoga ridla Allah diberikan padanya. Ilmu itu disampaikan melalui sebuah risalah yang terkenal berjudul *ar-Risalah.* Di dalam

buku itu as-Syafii berbicara mengenai *amr-amr* (perintah-perintah), *nahy-nahy* (larangan-larangan), *bayan* (kejelasan), *khabar* (berita), *naskh* (penghapusan), dan tentang hukum *'illat* yang dinaskan daripada *qiyas*.

Kemudian, ahli-ahli fikah mazhab Hanafi menulis pula *ushul-fiqih*. Kaedah-kaedah (*ushuliyah*) yang sudah ada mereka *tahqiq* dan bentangkan dalam pembicaraan yang lebih luas. Begitu juga para ulama ilmu kalam, mereka menulis tentang disiplin ilmu ini. Namun, tulisan ulama-ulama fikah adalah lebih sesuai disebut sebagai buku fikah dan hukum-hukum *furu* (cabang) kerana contoh-contoh dan bukti-bukti yang dikemukakan di dalamnya lebih banyak. menyinggung masalah fikah dan *furu'iyah* yang ditegakkan atas dasar *fiqhiyyah*. Ulama-ulama ilmu kalam sama sekali melepaskan deskripsi persoalan daripada fikah dan cenderung melakukan pembuktian rasional seboleh mungkin sebagaimana yang mewarnai ilmu-ilmu mereka dan merupakan keharusan metode pemikiran mereka. Ulama-ulama fikah mazhab Hanafi ini memiliki reputasinya yang sungguh bererti dalam menyelami pelbagai persoalan *fiqiyah* dan sedapat mungkin menarik norma-norma (*ushuliyah*) ke dalam persoalan-persoalan fikah. Abu Zaid al-Dabusy, salah seorang pemuka dari kalangan mereka, muncul. Dia menulis tentang *qiyas* secara luas sekali melebihi tulisan semua ulama fikah mazhab Hanafi. Dia menyempurnakan analisis dan persyaratan yang diperlukan dalam qiyas. Dengan kesempurnaan pembahasan masalah qiyas itu, sempurnalah ilmu *ushul* fikah. Segala masalahnya telah terhuraikan dan kaedah-kaedahnya rampung dipersiapkan. Dalam urusan *ushul* fikah, banyak orang menoleh pada metode yang telah ditempuh para ulama ilmu kalam.

Buku terbaik tulisan ulama kalam tentang *ushul-fiqih*, adalah kitab *al-Burhan* karya Imam al-Haramain dan *al-Mustashfa* karya al-Ghazali – keduanya berasal dari golongan Asy'ari dan kitab *al-Ahd* karya Abduljabbar, serta *al-Mu'tamad*, mengulas buku tersebut oleh al-Husain al-Bashri – keduanya berasal dari golongan Mu'tazilah. Keempat buku tersebut merupakan buku pegangan bagi kaedah dan dasar disiplin ilmu *ushul-fiqih*.

Kemudian, keempat buku tersebut diringkas oleh dua sarjana ulama kalam mutakhir iaitu Imam Fakhruddin bin al-Khatib di dalam kitabnya *al-Mahshul*, dan Saifuddin al-Aamidi dengan kitabnya *al-Ahkam*. Kedua sarjana itu berbeza dalam metode penulisan atas disiplin ilmu ini, yang satu menekankan *tahqiq*

(pembenaran) dan yang satunya pada pembuktian. Ibn al-Khatib lebih cenderung pada analisis dengan memperbanyak dalil dan penghujahan pembuktian, sedangkan al-Aamidi condong men-*tahqiq* pendapat-pendapat mazhab dan memaparkan persoalannya secara panjang lebar.

Kitab *al-Mahshul* diringkas pula oleh murid-murid sang imam, Sirajuddin al-Arumawi di dalam kitab *at-Tahshil,* dan Tajkuddin al-Arumawi di dalam kitab *al-Hashil.* Dari kedua kitab ini, Syihabuddin al-Qirafi membuat petikan-petikan *muwaddimah-muqaddimah* (premis) dan kaedah-kaedah, serta mengumpulkannya di dalam buku kecil yang diberinya nama *at-Tanqihat.* Al-Badawi juga melakukan hal yang sama di dalam *al-Minhaj.* Para pelajar pendahulu menjadikan kedua buku ini sebagai buku teks dan banyak orang lain mengulasnya.

Kitab *al-Ahkam* karangan al-Aamidi merupakan karya paling terperinci dalam analisis persoalan. Abu Umar bin al-Hajib lalu meringkasnya di dalam bukunya yang dikenal dengan *al-Mukhtashar al-Kabir,* kemudian diringkas lagi di dalam buku lain yang menjadi pegangan para pelajar. Penduduk Timur dan Maghribi memberikan perhatian kepada buku itu, menelaah dan mengulasnya. Di dalam buku *mukhtashar* inilah metode ulama-ulama kalam dalam disiplin ilmu *ushul-fiqih* boleh diperoleh.

Mengenai metode ulama mazhab Hanafi (dalam ilmu *ushul-fiqih*), sudah banyak sekali buku yang ditulis oleh mereka. Tulisan ulama mazhab Hanifah terdahulu yang paling bagus adalah karya Abu Zaid al-Dabusi, sedangkan tulisan Saiful Islam al-Bazdawi, merupakan karya terbaik dari seorang tokoh Mazhab Hanifah kalangan moden. Karya-karya itu begitu lengkap. Lalu, muncullah Ibn as-Sa'ati, seorang ulama fikah mazhab Hanafi. Dia memadu dua metode yang terdapat dalam kitab al-Ahkam dan al-Bazdawi. Keduanya dikumpulkan dan kumpulan itu diberinya judul *al-Badai,* sehingga menjadi buku yang paling bagus dan paling menarik dari segi penulisannya. Banyak tokoh ulama pada masa sekarang ini terus-menerus membaca dan membahas buku tersebut dan banyak pula sarjana luar Arab senang melakukan ulasan ke atasnya. Demikianlah yang terjadi pada saat ini.

Inilah inti disiplin ilmu *ushul-fiqih* ini, penentuan pelbagai persoalan yang menjadi objeknya, serta perincian karya-karya terkenal sehubungan dengan disiplin ilmu tersebut yang ada pada saat ini.

Semoga Allah memberkati kita ilmu yang bermanfaat, menjadikan kita termasuk orang yang berilmu, dengan kurnia dan kemuliaan-Nya. Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu.]

Masalah *khilafiyah*

Ketahuilah bahawa fikah yang di*istimbat*kan dari dalil-dalil syariah menimbulkan banyak perbezaan pendapat di kalangan ulama-ulama yang berijtihad. Perbezaan pendapat itu timbul disebabkan perbezaan sumber dan perbezaan segi pandangan, suatu hal yang tidak dapat dihindarkan. [Sudut pandangan yang berbeza ini disebut "Masalah Khilafiyah".

Perbezaan pendapat itu menyebar seluas-luasnya di dalam Islam. Para *muballid* bebas untuk meniru siapa saja yang dikehendaki di antara ulama-ulama *mujtahid.*

Lalu, setelah perbezaan pendapat itu sampai kepada keempat ulama mazhab, yang kebetulan mendapat tempat yang baik di kalangan umat Islam, orang-orang itu membatasi diri pada taklid atas mereka. Ada larangan untuk bertaklid kepada ulama selain mereka, kerana pintu ijtihad sudah tertutup. Kerana ijtihad begitu sukar untuk dilakukan dan ilmu-ilmu pengetahuan yang merupakan materi ijtihad telah bercabang-cabang melalui perjalanan zaman dan tidak adanya pengganti selain keempat mazhab ini. Maka keempat mazhb ini pun ditegakkan atas dasar-dasar agama, dan berlangsunglah perbezaan pendapat di antara mereka yang berpegang teguh dengannya dan mereka yang mengakui hukum-hukumnya sebagaimana halnya dengan perbezaan pendapat tentang *nas-nas* syariah dan *ushul-ushul fiqhiyah.*

Di antara keempat imam berlangsung diskusi-diskusi mengenai usaha pembenaran pendapatnya masing-masing. Diskusi-diskusi itu dilakukan atas dasar yang benar dan cara-cara yang lurus. Masing-masing mempergunakan alat pembuktian atas pendapat yang dianutnya serta memberlakukan syariat seluruhnya dan dalam setiap pokok masalah fikah. Kadang-kadang, perbezaan pendapat terjadi antara as-Syafii dan Malik, sedangkan Abu Hanifah mendukung salah seorang di antaranya; kadang terjadi antara as-Syafii dan Abu Hanifah, sedangkan Malik mendukung salah satu. Di dalam diskusi-diskusi inilah muncul keterangan atas dalil-dalil dan dasar sumber imam-imam tersebut, tentang titik-titik

pusat perbezaan pendapat serta posisi-posisi ijtihad mereka.

Macam ilmu ini disebut dengan *khilafiyyat*, persoalan-persoalan yang kontroversial. Orang yang memilikinya harus mengetahui kaedah-kaedah yang dipergunakan sebagai alat untuk sampai kepada penyimpulan hukum, sebagaimana seorang mujtahid memerlukannya. Hanya saja, mujtahid memerlukannya untuk menyimpul hukum agama, sedangkan orang yang berbeza pendapat perlu memilikinya untuk menjaga supaya masalah yang telah disimpulkan itu tidak didobrak oleh pembicaraan pihak yang menentang.

Sungguh, khilafiyah itu adalah sebuah ilmu yang mulia dan amat bermanfaat untuk mengetahui sumber pengambilan para imam serta dalil-dalil yang dipergunakan. Orang-orang yang berusaha menelaahnya akan terlatih dalam mengemukakan pembuktian yang diingini. Karya-karya para ulama Hanafi dan as-Syafiiyah mengenai masalah ini lebih banyak dibanding karya ulama Malikiyah, sebab bagi ulama Hanafiyah, qiyas merupakan dasar pokok (*ashl*) bagi kebanyakan masalah *furu'iyah*, sebagaimana telah anda ketahui. Dengan demikian, ulama Hanafi dan as-Syafiiyah disebut kaum rasionalis dan analisis (*ahl al-nadlar wal-bahts*). Sedangkan ulama Malikiyah berpegang pada *atsar* (pendapat para sahabat) sebagai sandaran. Mereka bukan kaum rasional (*ahl al-nadlar*). Dan juga, kebanyakan ulama Malikiyah berasal dari Maghribi, yang tinggal di padang pasir, dan hanya sedikit di antara mereka yang punya perhatian atas keahlian.

Mengenai masalah ini, al-Ghazali – semoga Allah memberinya rahmat – memiliki sebuah kitab, *al-Maakhid*. Zaid al-Debusi menulis *at-Ta'liqah*, dan karya Ibn al-Wasshar – seorang syekh Malikiyah – berjudul *Uyun al-Adillah*. Di dalam *mukhtashar*-nya tentang *ushul-fiqih*, Ibn as-Sa'ati telah mengumpulkan segala *ushul-fiqiyah* yang dijadikan dasar fikah kontroversial. Kumpulan ini disusun dengan rapi, masalah demi masalah yang dipertentangkan tercatat di dalamnya.[*]

Dialektika

Jidal (dialektika) mencakup pengetahuan tentang tingkah laku paling tepat di dalam perdebatan yang berlangsung di antara pendukung mazhab-mazhab *fiqiyah* dan lain-lainnya. Pilihan sebagai dasar penolakan atau persetujuan di dalam perdebatan

adalah begitu banyak jumlahnya. Sewaktu berdebat masing-masing memberikan perdebatan dan jawapan setiap pendebat itu, membiarkan dirinya memperkatakan sesuatu itu dengan lantangnya. Ada sebahagian daripada pembicaraan itu benar dan sebahagian lagi penuh kekeliruan. Dengan demikian, pihak berkuasa harus menyusun norma perilaku yang tepat dan tatatertib berdebat yang harus dipatuhi oleh para pendebat. Tatatertib itu mencakup perihal penolakan dan penerimaan, bagaimana seharusnya orang yang berdebat itu harus bersikap ketika mengemukakan hujah dan bagaimana orang yang menjawab harus bertindak palsu apabila seseorang itu diperbolehkan mengetengahkan hujahnya dan bagaimana dia harus menerima kekalahan dan berhenti bila pula dia harus mengganggu ataupun menyanggah pihak lawannya, saat mana pula dia harus berdiam diri dan mengizinkan pihak lawan untuk bercakap dan mengemukakan alasan-alasannya.

Dengan demikian, dikatakan bahawa disiplin ilmu ini merupakan pengetahuan tentang norma-norma dasar atas sikap paling tepat dalam adu-argumentasi, baik yang mempertahankan suatu pendapat atau yang menolaknya, baik pendapat itu berhubungan dengan fikah ataupun masalah lainnya. Dialektika ini ada dua metode:

Metode al-Bazdawi, khusus mengenai dalil-dalil syariah, seperti nas, ijmak dan pembuktian.

Metode al-Umaidi, bersifat umum, berlaku bagi setiap penghujahan yang dipergunakan sebagai pembuktian terhadap ilmu apa pun, dan sebahagian besar memang berisi pembuktian (istidlal). Banyak segi-seginya yang baik, tapi faktor kelemahannya juga tidak sedikit.

Apabila kita menyebut pemikiran logis, seringkali diertikan sama dengan qiyas menyalahkan (*qiyas mughalithi*) dan qiyas sopistik (*qiyas usfsatha-i*). Hanya saja, argumentasi dan analogi terpelihara dan terjadi di dalamnya. Di dalam hal tersebut metode-metode pembuktian berkurang menurut keperluan.

Al-Umaidi inilah orang pertama yang menulis mengenai metode dialektika, dan nama al-Umaidi melekat di belakangnya. Dia menyusun buku yang diberinya nama *al-Irsyad*, dalam bentuk ringkas. Ulama-ulama mutakhir mengikuti jejaknya, seperti al-Nasafi dan lain-lainnya. Mereka datang setelah al-Umaidi, menempuh jalan yang telah ditempuh olehnya. Dan banyaknya buku-buku ditulis orang dengan metode al-Umaidi ini. Pada masa

sekarang ini, metode tersebut sudah tidak dipergunakan lagi kerana merosotnya rasa sebagai keperluan mewah dan bukan lagi merupakan keperluan pokok.

> Dan Allah Maha Suci Maha Tinggi lebih mengetahui. Taufik diperoleh dengan-Nya.[*]

16 Ilmu Kalam

Ia adalah ilmu yang mempergunakan bukti-bukti logik dalam mempertahankan.akidah keimanan dan menolak pembaharu yang menyimpang dalam dogma yang dianut kaum muslimin pertama dan ortodoks Muslim, *ahlus-Sunnah.*

Inti akidah keimanan adalah tauhid, ke-Esaan Allah dengan demikian kita akan kemukakan di sini pertamanya sebuah contoh yang baik tentang penghujahan logik yang akan menyedarkan kita kepada ke-Esaan Allah s.w.t. di dalam metode yang paling langsung dan cara yang paling tepat. Kemudian, kita kembali memberikan suatu deskripsi yang benar tentang teologi spekulatif serta subjek-subjek yang dipelajarinya. Kita juga akan menunjukkan alasan mengapa ilmu kalam tumbuh dalam Islam dan apa yang mendorong penciptaannya.

Kita katakan hendaknya diketahui bahawa segala benda-benda yang diwujudkan sama ada ianya hak esensi mahupun tindakan manusia atau binatang, memerlukan sebab-sebab sewajarnya yang mana ianya adalah mendahului kewujudannya. Mereka telah memperkenalkan perkara-perkara yang kedapatan ke dalam dunia yang dikuasai oleh adat kebiasaan dan yang menyentuh kewujudannya. Setiap satu daripada penyebab-penyebab itu, secara bergantian, akan wujud dan dengan itu menghendaki sebab-sebab lainnya. Sebab-sebab itu secara berterusan mengikut sebab-sebabnya dalam suatu tatanan yang mendaki.

> Dia yang mengadakan sesuatu itu supaya ada dan yang menciptakannya. Maha Suci Dia, tiada Tuhan selain Dia.

Di dalam prosesnya, sebab-sebab itu menjadi berganda-ganda dan berkembang secara vertikal dan horizontal. Akal menjadi semakin bingung dalam usahanya untuk menanggapi dan menghitungnya. Hanya melalui pengetahuan yang komprehensif sahaja

yang dapat melingkungi semuanya kehususnya tindakan-tindakan manusia dan binatang. Di antara beberapa sebab-sebabnya (tindakan itu), terdapat yang amat jelas berpihak kepada maksud dan kehendak, sebab tindakan itu tidak akan terlaksana kecuali melalui maksud dan kehendak. Kepelbagaian maksud dan kehendak adalah merupakan sesuatu yang bersangkut-paut dengan jiwa. Sebagaimana kesemuanya biasanya, muncul dari persepsi-persepsi yang lampau sebagai akibatnya. Persepsi-persepsi itu akan menyebabkan ada hasrat untuk membuat tindakan.

Sekali lagi sebab-sebab persepsi itu merupakan persepsi yang lainnya. Sekarang, sebab kesemua persepsi yang terjadi di dalam jiwa adalah tidak diketahui, kerana tidak seorang pun yang dapat mengetahui permulaan atau tatanan daripada masalah yang berkenaan dengan jiwa. Ianya adalah anggapan-anggapan yang sifatnya berurutan yang diletakkan Allah s.w.t. dalam fikiran manusia yang tidak mampu mengetahui permulaan dan akhirnya. Sebagaimana biasanya, manusia itu berkeupayaan untuk memahami sebab-sebab yang sifatnya semula jadi dan kelihatan dengan jelas dan yang kedapatan dengan sendirinya kepada persepsi kita dengan cara yang teratur dan tersusun rapi, sebab alam semula jadi adalah dibatas oleh jiwa dan berada di tingkat yang bawah daripadanya.

Sedangkan lingkungan persepsi, adalah terlalu luas untuk jiwa, sebab ianya adalah milik akal, ia berada di tingkat yang atas daripada jiwa. Jiwa dengan demikian tidak dapat menanggapi sebahagian besar persepsi, apalagi menguasainya seluruhnya. Dari sini dapat anda fikirkan hikmah larangan Nabi Muhammad s.a.w., yakni pembawa syariat Allah untuk memikirkan dan berusaha mengetahui sebab-sebab, kerana itu adalah bagaimana lembah yang menyesatkan fikiran dan tidak bebas daripada kebatilan dan tidak pula mendatangkan sesuatu hakikat:

> "Katakanlah: Allahlah (yang menurunkan kitab Taurat), kemudian (sesudah kamu menyampaikan al-Quran kepada mereka), biarkanlah mereka bermain-main dalam kesesatannya".

Manusia kadang-kadang berhenti berspekulasi tentang sebab-sebab, kakinyalah tergelincir, dan dia menjadi seorang yang sesat dan hancur.

Semoga Allah melindungi kita dari kesengsaraan dan kerugian yang nyata.

Hendaklah anda tidak merasa bahawa anda memiliki kekuasaan, atau dapat memilih sesuai dengan kemahuan untuk menghentikan atau menarik langkah-langkah anda. Tidak, anda harus waspada dengan cara sama sekali memutuskan diri dari spekulasi yang berkenaan dengan sebab-sebab.

Tambahannya, cara di mana sebab-sebab melakukan pengaruhnya terhadap kebanyakan hal yang disebabkannya adalah tidak diketahui. Ia hanya diketahui melalui kebiasaan (pengalaman) dan kesimpulan-kesimpulan yang membuktikan adanya suatu hubungan kausal yang jelas kelihatan. Apa sebenarnya pengaruh itu dan bagaimana ia terjadi tidaklah diketahui.

"Tidaklah Kami berikan ilmu pengetahuan kecuali sedikit daripadanya".[59]

Dengan demikian, kami telah mengarahkan agar sama sekali dihentikan dan dilenyapkan spekulasi mengenainya itu dan supaya menghadapkan diri kita langsung kepada Penyebab semua sebab. Yang bertindak atasnya dan Yang mengadakannya supaya jiwa itu dapat diwarnai dengan sesungguhnya oleh tauhid atau ke-Esaan Allah. Yakni sebagaimana telah diajarkan oleh pembawa syariat iaitu Nabi Muhammad s.a.w. yang lebih mengetahui permasalahan agama kita dan jalan-jalan kebahagiaan kita kerana baginda dapat melihat sesuatu yang berada di sebalik indera. Nabi Muhammad s.a.w. bersabda:

"Barang siapa mati 'bersaksi tiada Tuhan selain Allah' akan masuk syurga".

Barang siapa yang pada sebab-sebab akan mengalami kekecewaan. Dia dikatakan telah benar-benar kufur. Sekiranya dia berenang-renang di lautan spekulasi dan penyelidikan mencari setiap sebab-sebab itu satu per satu dan yang menyebabkannya dan pengaruh yang dilakukan, saya dapat memastikan bahawa dia akan pulang dengan penuh kegagalan. Dengan demikian, Nabi Muhammad s.a.w. melarang kita untuk mempelajari sebab-sebab.

---

59 Al-Quran surah 6 (al-An'am) ayat 91.

Kita telah diperintah supaya mengakui ke-Esaan Tuhan secara mutlaknya.

> "Katakanlah, 'Dialah Allah Yang Maha Esa. Allah adalah Tuhan yang bergantung kepada-Nya segala sesuatu. Dia tidak beranak dan tiada pula diperanakkan, dan tidak ada seorang pun yang setara dengan Dia".[60]

Manusia itu janganlah sekali-kali mempercayai saranan yang ditimbulkan oleh benak fikirannya, bahawa ia berupaya memahami segala yang ada dan sebab-sebabnya, dan mengetahui seluruh perincian-perincian yang kewujudan cadangan semacam itu yang muncul dari fikiran, hendakla ı disisihkan sebagai sesuatu yang amat bodoh. Setiap orang yang ada persepsi mempunyai kesan-kesan superfisial bahawa (keseluruhan) kewujudan adalah dijangkau oleh persepsinya dan bahawa ianya tidak akan melampauinya. Persoalan itu adalah pada hakikatnya berbeza sama sekali. Kebenarannya berada melampaui daripada itu. Seseorang mengetahui bahawa orang-orang yang tuli berasakan bahawa seluruh kewujudan adalah kandungan persepsinya keempat inderanya dan akalnya. Segala-galanya yang dapat didengar bukan merupakan bahagian daripada wujudnya. Hal yang serupa pula berlaku kepada orang yang buta. Semua yang dapat dilihat bukan merupakan bahagian yang wujud baginya. Sekiranya orang yang cacat semacam itu tidak ditempatkan pada sewajarnya pada maklumat yang mereka terima daripada bapa-bapa dan guru-guru dan sebilangan besar orang pada umumnya, mereka tidak akan mengakui kewujudan segalanya itu. Mereka akur tuntutan orang ramai di dalam mengakui eksistensi kelompok-kelompok (*sensibilia*) ini, tetapi pengakuan itu adalah tidak terletak pada watak semula jadinya dan tidak pula pada watak dari persepsi inderanya sekiranya seekor binatang bisu ditanyai mengenai sesuatu hal dan ia dapat menjawabnya, pastilah kita mendapati bahawa mereka akan mengabaikan seluruh kelompok *intelligibilia*. Ia dengan mudahnya tidak akan wujud untuknya.

Sekiranya, ianya boleh diandaikan bahawa terdapat jenis persepsi lainnya yang berbeza dengan persepsi yang kita miliki kerana persepsi-persepsi indera kita adalah sesuatu yang diciptakan

---

60 Al-Quran surah al-Isra' ayat 85.

dan diwujudkan. Ciptaan Tuhan adalah lebih agung jika dibandingkan dengan ciptaan manusia. Serba mengetahui adalah tidak dimiliki oleh manusia. Alam wujud ini adalah terlalu luas untuk dimakluminya.

"Dan Allah penguasa dari belakang mereka".[61]

Dengan demikian hendaklah seseorang itu mencurigai kesempurnaan persepsinya serta hasil-hasil daripada persepsinya. Ikutilah semua yang telah diperintahkan Nabi Muhammad s.a.w. seperti misalnya, masalah keyakinan dan bertingkah laku. Itu lebih menjamin kebahagiaan kita. Saya memberitahukan apa yang bermanfaat bagi anda, kerana persepsi yang lain itu berada di atas tingkatan persepsi anda dan termasuk wawasan yang jauh lebih luas daripada wawasan akal anda. Tapi, ini tidak bererti menolak sama sekali mempergunakan akal atau pemikiran. Akal itu sebuah timbangan yang cermat, hasilnya pasti dan boleh dipercaya; tetapi mempergunakan akal untuk menimbang soal-soal yang berhubungan dengan ke-Esaan Allah, atau hidup di akhirat kekal, atau hakikat kenabian (*nubuwwah*), atau hakikat sifat-sifat ke-Tuhanan, atau masalah lain yang terletak di luar kesanggupan akal, adalah sama dengan mencuba mempergunakan timbang tukang emas untuk menimbang gunung. Namun tidak juga bererti bahawa timbangan itu sendiri tidak boleh dipercaya.

Soal yang sebenarnya ialah, bahawa akal itu mempunyai garis-garis yang tegas membatasi kemampuannya. Dengan demikian ia tidak boleh diharapkan akal untuk dapat memahami Allah dan sifat-sifat-Nya. Otak hanyalah satu dari beberapa atom yang diciptakan Allah. Berdasarkan semuanya itu, dapatlah anda mengerti akan kelirunya seorang yang mendahulukan akal, serta betapa keterbatasan pemahamannya dan keredupan pendapatnya.

Sekiranya ia sudah jelas, maka adalah munasabah turutan sebab-sebab yang meningkat naik itu akan sampai pada suatu tahap di mana ia melampaui wawasan persepsi dan eksistensi kita, dan tidak lagi boleh disebut sebagai sesuatu yang dapat ditanggapi (*mudrikah*). Akal dengan demikian tersesat, keliru dan terpisah di dalam hutan yang penuh dugaan. Maka, pengakuan terhadap ke-Esaan Tuhan adalah serupa dengan ketidakmampuan untuk

61 Al-Quran surah al-Ikhlas.

menganggapi sebab-sebab dan cara-cara di mana ia mempengaruhinya dan kebergantungan dalam soal ini terhadap Tuhan yang menciptakannya dan yang menguasainya. Tidak ada pencipta selain Dia. Semua sebab-sebab itu adalah merujuk kepada-Nya dan kembali kepada kekuasaan-Nya. Kita mengetahui tentang-Nya hanya sebanyak yang kita ketahui daripada-Nya. Inilah erti pernyataan yang dinukilkan oleh mereka yang *shiddiqin.*

> "Ketidakmampuan untuk melakukan persepsi adalah persepsi".[62]

Pengakuan *tauhid* atau ke-Esaan Tuhan ini tidak hanya merujuk kepada keimanan sahaja yang merupakan suatu penegasan berdasarkan hukum (*tashdiq hukmy*). Penegasan itu merupakan bahagian daripada pernyataan jiwa, dan kesempurnaan di dalamnya adalah pencapaian sifat di mana jiwa diwarnai dengannya. Demikian juga halnya dengan tindakan dan ibadah seseorang merupakan pencapaian rasa taat dan kepatuhannya, dan pengosongan hatinya dari segala keasyikan selain Tuhan yang disembah sehingga Ia menjadi makhluk yang suci.

Perbezaan antara 'keadaan' dan pengetahuan dalam masalah dogma adalah sama seperti perbezaan antara pembicaraan tentang atribut-atribut dan pemilikannya. Hal ini dapat diterangkan sebagai berikut: Ramai orang mengetahui bahawa mengasihi anak yatim dan orang-orang miskin akan membuatkan manusia itu dekat kepada Allah dan adalah disuruh. Mereka mengatakan begitu, dan mengakui hakikatnya mereka menyebutkan sumber-sumber itu daripada syariat agama. Tetapi sekiranya mereka melihat seorang anak yatim atau orang miskin daripada golongan yang melarat, mereka pun lari dan menghindar daripada bergaul dengan mereka, apalagi menampakkan kasih sayang terhadap mereka. Belas kasihan terhadap anak yatim merupakan hasil pencapaian yang telah melampaui tahapan pengetahuan. Ia bukan merupakan hasil tahapan daripada 'keadaan' atau daripada suatu atribut yang dimilikinya. Sekarang, ada sebilangan manusia yang sebagai tambahannya kepada keadaan pengetahuan dan menyedari hakikat bahawa kasih sayang terhadap orang miskin 'akan membawa seseorang itu dekat dengan Allah, telah mencapai

62 Al-Quran surah al-Buruj ayat 20.

tahapan yang lain lebih tinggi daripada keadaan yang telah dicapainya dan kebiasaan daripada berkasih sayang. Apabila mereka melihat seorang anak yatim atau orang yang miskin, dia akan menghampiri dan menunjukkan sikap yang penuh kasih sayang. Dia mengharapkan untuk memperoleh pahala atas belas kasihan yang ditunjukkan itu. Dia tetap berusaha dan bersabar, meskipun dia mendapat tekanan. Lalu, dia bermurah hati dengan memberikan apa-apa yang dimilikinya kepada mereka.

Hubungan pengetahuan manusia tentang ke-Esaan Tuhan dengan pemilikannya atas pengetahuan itu (seperti atribut) adalah pada karakter yang sama. Pengetahuan adalah dihasilkan melalui keperluan dari pemilikan suatu atribut. Ia adalah suatu pengetahuan yang tegak di atas dasar yang lebih kuat kiranya dibandingkan dengan pengetahuan yang dihasilkan sebelum dimilkinya atribut. Suatu atribut tidaklah diperoleh dari pengetahuan saja satu-satunya. Harus ada suatu aksi, dan aksi harus diulang berkali-kali tanpa boleh dihitung. Hanya dengan cara demikian boleh didapat kebiasaan yang sebati biasa diperoleh atribut dan pengetahuan yang sebenarnya. Maka, muncullah bentuk lain daripada pengetahuan, suatu pengetahuan yang bermanfaat di akhirat. Pengetahuan awal yang belum termasuk di dalamnya sesuatu atribut hanyalah merupakan pengetahuan yang sedikit manfaatnya. Jenis inilah yang kebanyakan dimiliki para pemikir. Akan tetapi tujuan yang sebenarnya adalah pengetahuan sebagai suatu 'keadaan', dan itu berasal dari disiplin beribadah kepada Tuhan.

[*Ketahuilah, di sinilah letak kesempurnaan setiap sesuatu yang di*taklif*kan oleh Nabi Muhammad s.a.w., pembawa syariat. Kesempurnaan atas keyakinan yang diminta tertanam pada pengetahuan tahapan kedua, yang dihasilkan kerana pemilikan atribut. Kesempurnaan dari ibadah yang diminta untuk dilaksanakan, terletak pada perolehan atribut dan realisasinya. Kemudian, kesediaan untuk melakukan ibadah dan secara konsekuen terus-menerus melakukannya, itulah hasil yang dicapai bagi buah yang mulia ini. Ṣabda Nabi Muhammad s.a.w. tentang pokok dari segala ibadah:

"Dijadikan buah mataku (terletak) di dalam solat".

Bagi nabi, solat menjadi sifat (atribut) dan suatu keadaan. Di

dalamnya beliau dapatkan puncak kelazatannya. Bagaimana hal ini dibandingkan dengan solat manusia biasa! Siapa yang melakukan solat demikian!

> "Maka celakalah bagi orang-orang yang solat, (iaitu) orang-orang yang lalai dari solatnya."[63] Ya Allah, berilah kami taufik, dan "berilah kami petunjuk jalan yang lurus, jalan orang-orang yang telah Engkau beri nikmat, bukan jalan orang-orang yang Engkau murkai dan bukan pula jalan mereka yang sesat".[64]

Telah menjadi jelas bahawa tujuan bagi semua amalan agama adalah mendapatkan kebiasaan yang mendalam pada jiwa yang mana daripadanya akan membawa kepada kepercayaan yang semestinya untuk jiwa. Ia adalah keyakinan iman, dan inilah yang membawa kepada kebahagiaan akhirat.

Kedua-duanya, amalan jasmani dan rohani, mempunyai tujuan yang sama. Dengan ini diertikan bahawa iman yang menjadi dasar dan sumber amal. Iman terjadi dalam beberapa tingkatan. Tingkatan yang paling rendah ialah percaya dengan hati, di tengah-tengah adalah iman yang diikrarkan dengan lisan, sedang tingkat yang paling tinggi berupa sikap yang ditimbulkan oleh keyakinan hati berserta kegiatannya sebagai kesudahan yang diakibatkan oleh keyakinan itu, yang menguasai hati dan segenap pancaindera dan mengatur itu semua, sehingga tiap perbuatan dijiwai oleh dan tunduk kepada keteguhan keyakinan iman itu. Dan tingkatan yang belakangan ini adalah tingkatan iman yang paling tinggi, kepercayaan yang paling sempurna, yang melindungi si pemilik daripada setiap perbuatan dosa, baik besar atau kecil.

Bagaimanapun kedalaman dan kekuatan disiplin yang ditimbulkan oleh iman mencegah setiap penyimpangan dari jalan yang sudah dirintis oleh iman itu. Sabda Nabi Muhammad s.a.w.:

> "Seorang penzina tidaklah berzina ketika dia berzina dan dia seorang mukmin".

Heraklius – setelah bertanya kepada Abu Sufyan bin Harb tentang Nabi Muhammad s.a.w. dan hal-ehwalnya – berkata kepada sahabat-sahabatnya:

---

63 Al-Quran surah 107 (al-Ma'un) ayat 4–5.

64 Al-Quran surah (al-Fatihah) ayat 6–7.

"Adakah salah seorang di antara mereka murtad kerana rasa benci pada agamanya?"
Tidak, jawabnya. "Dan demikian pula keimanan ketika hati bercampur dengan layarnya."

Maksudnya, apabila iman – seperti disiplin-disiplin lainnya telah menetap, sukar bagi jiwa untuk menolaknya atau menentangnya. Disiplin itu diperoleh bagaimana sebuah karakter atau watak semula jadi (fitrah).

Inilah tingkat keimanan yang paling tinggi. Tapi dibanding *ismah*,[65] ia masih berada di bawahnya. *Ismah* merupakan suatu keharusan bagi nabi-nabi, suatu kewajipan yang ada sejak lampau, sedang bagi kaum mukminin, *ismah* diperoleh kerana mengikuti amal perbuatan dan kepercayaan para nabi. Dengan disiplin ini dan adanya demikian mendarah daging dalam jiwa, terjadi pasang-surut dalam beriman, sebagaimana telah dibacakan kepada anda banyak pendapat para ulama terdahulu. Di dalam biografi al-Bukhari – semoga ridla Allah baginya – pada bab keimanan, banyak disebutkan tentang masalah itu. Seperti dikatakan bahawa keimanan adalah perkataan dan perbuatan, dan ia dapat bertambah; bahawa solat dan puasa termasuk bahagian daripada iman, dan malu adalah sebahagian dari iman. Maksud semuanya ini adalah iman yang sempurna dan disiplinnya seperti yang telah kami singgung tadi. Dan itu bentuknya kegiatan atau amalannya. Mengenai keyakinan dalam hati (*tashdiq*) yang merupakan tingkatan pertama, tidak ada pasang surut di dalamnya. Barang siapa yang mengakui pada mulanya nama Tuhan, dan membawanya pada keyakinan dalam hati, maka terhindar dia dari kekacauan dalam beriman, sebagaimana ulama-ulama kalam menyatakan. Dan barang siapa mengakui akhir dari nama Tuhan dan membawanya pada disiplin ini, iaitu keimanan yang sempurna, munculah kekacauan iman padanya. Dan itu bukan bererti menolak berlakunya kesatuan esensi yang pertama dari keimanan, iaitu keyakinan dalam hati, (*tashdiq*). Sebab *tashdiq* terdapat di dalam semua tingkatan iman, kerana itulah disebut selemah-lemah iman, tapi tashdiq itu pula yang membebaskan seorang dari ikatan kufur, yang menjadi batas perbezaan antara kafir dan muslim. Kurang

65 *Ismah* adalah disiplin atau kemampuan untuk menghindar atau menjauhkan diri dari perbuatan dosa, kejahatan dan maksiat ....

dari tingkat *tashdiq* itu, seseorang sudah tidak lagi memperoleh pahala atau sudah dianggap kafir. Dan *tashdiq* itu sendiri merupakan satu esensi yang tidak rancu atau berbilah-bilah. Yang rancu terletak pada 'keadaan' yang dihasilkan dari perbuatan-perbuatan, sebagaimana telah kami jelaskan. Fahamilah.

Dan ketahuilah, bahawa Nabi Muhammad s.a.w. telah menerangkan kepada kita tentang keimanan yang berada pada tingkatan yang pertama ini, iaitu *tashdiq*. Beliau telah menetapkan hal-hal tertentu yang dibebankan kepada kita supaya meyakininya dengan hati, serta mempercayainya di dalam jiwa dengan cara menyatakannya melalui lisan. Hal-hal tersebut adalah *akidah-akidah* yang telah ditetapkan di dalam agama. Sabda Nabi Muhammad s.a.w. ketika ditanya tentang iman:

> "Hendaklah engkau beriman kepada Allah, para malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, dan hari akhirat, dan engkau beriman kepada qadar, baiknya dan buruknya."

Inilah *aqaid imaniyah*, akidah-akidah keimanan, yang telah disebutkan di dalam ilmu kalam, ilmu teologi spekulatif.

Marilah kita singgung soal *aqaid imaniyah* ini secara garis besarnya agar menjadi jelas bagi anda sehubungan dengan esensi dan bagaimana hal itu terjadi. Kita katakan: Ketahuilah, Muhammad memerintahkan kepada kita agar beriman kepada Tuhan Pencipta, yang memulangkan semua tindakan kepada-Nya dan yang memiliki-Nya sendiri, seperti telah kami katakan di muka. Beliau telah memperkenalkan kepada kita bahawa di dalam keimanan inilah terletak keselamatan kita sewaktu menghadapi maut apabila saatnya tiba. Namun beliau tidak pernah memberitahukan tentang apa sebenarnya esensi dari Pencipta yang disembah ini, sebab hal itu tidak memungkinkan dijangkau persepsi kita dan berada di atas persepsi kita. Maka, pertama-tama, beliau mentakrifkan suatu *i'tiqad* akan kesucian Tuhan, pada zat-Nya, dari kesamaan dengan makhluk-makhluk ciptaan-Nya, sebab kalau tidak demikian, maka tidaklah benar bahawa Dia adalah Tuhan yang menciptakan segalanya kerana tidak ada pembezaan atas penetapan ini. Lalu, meyakini akan kesucian Tuhan dari sifat-sifat kekurangan, sebab kalau tidak demikian, Dia tentu sama dengan makhluk-makhluk ciptaan-Nya. Selanjutnya, meyakini keesaan Tuhan di dalam mencipta, sebab kalau tidak begitu, pastilah penciptaan tidak pernah berlangsung kerana

dengan adanya banyak Tuhan, akan terjadi saling mencegah satu sama lainnya. Kemudian percaya Dia adalah Tuhan yang Maha Mengetahui Maha Kuasa, sehingga dengan begitu berlangsunglah tindakan-tindakan, menunjukkan kekuasaan-Nya bagi kesempurnaan pembentukan dan penciptaan, dan Dia Maha Menghendaki, sebab kalau tidak, maka kehendak merupakan yang awal. Allah akan menghidupkan kembali manusia setelah kematian sebagai pelengkap bagi kepentingan-Nya akan penciptaan-Nya, sebab bila penciptaan-Nya itu dimaksudkan demi kehancuran belaka, itu bererti suatu kesia-siaan. Penciptaan itu adalah demi kehidupan yang kekal selama-lamanya setelah kematian kelak. Kemudian, percaya akan pengutusan rasul-rasul, demi keselamatan manusia dari kesengsaraan hidup di hari kemudian mengingat keadaannya yang berbeza-beza, antara sengsara dan bahagia, serta kerana ketidaktahuan kita akan hal tersebut. Dengan diutusnya para rasul membawa pengetahuan tentang hal-hal tersebut dan keterangan tentang dua jalan yang berbeza itu, dan bahawa supaya adalah tempat bagi orang yang memperoleh nikmat dan neraka adalah tempat bagi orang yang memperoleh seksa, ini menunjukkan betapa sempurnanya kelemahlembutan Tuhan kepada kita. Inilah persoalan pokok *aqaid imaniyah* yang dilengkapi alasan-alasan berupa instrumen-instrumen logis, serta dalil-dalilnya yang dikutip dari al-Quran dan sunnah. Kaum muslimin salaf telah menukilkannya dari dalil-dalil itu dan ulama-ulama telah ditunjuki padanya, dan para imam telah *mentahqiq*nya.

Hanya saja, setelah itu, terjadi perbezaan pendapat mengenai persoalan terperinci dari *aqaid* ini, yang kebanyakan berkisar pada ayat-ayat *mutasyabihat*. Diskusi hujahan dengan mempergunakan akal sebagai tambahan atas dalil *naql* (dalil yang bersumberkan al-Quran dan sunnah) tidak lagi boleh dihindarkan. Dengan demikian, muncullah *ilmu kalam*, teologi spekulatif.

Marilah sekarang kami huraikan kepada anda keterangan secara terperinci atas penjelasan tersebut di atas, yakni sebagai berikut. Al-Quran telah menyebutkan tentang hal tersebut. Di dalam banyak ayatnya, dengan jelas tanpa memerlukan takwil, al-Quran menjelaskan sifat Tuhan yang kita sembah dengan kesucian yang mutlak. Semua ayat menolak pendapat yang mempersamakan Allah dengan makhluk-Nya. Ayat-ayat dengan jelasnya mempersoalkan hal tersebut. Maka wajiblah kita mempercayainya. Dan ayat-ayat yang sudah jelas itu, masih diperjelas lagi oleh perkataan

Nabi Muhammad s.a.w. pembawa syariat serta ditafsirkan para sahabat dan para tabiin. Kemudian, di dalam al-Quran masih disebutkan lagi ayat-ayat lain yang jumlahnya sedikit, sebahagian menolak dalam hal *anthropomorphisme* (*tasybih*) dalam zat-Nya dan sebahagian lain dalam sifat-sifat-Nya.

Kaum muslimin salaf mengangkat tinggi dalil-dalil al-Quran dan sunnah yang berhubungan dengan penyucian Tuhan (*tanzih*) kerana jumlah dalilnya amat banyak. Mereka mengetahui kemustahilan antropomorpisme, dan meyakini ayat-ayat itu sebagai termasuk di antara firman Allah. Maka mereka pun mempercayainya dan tidak berani melakukan pembahasan ataupun pentakwilan tentang makna ayat-ayat itu. Inilah erti daripada ucapan kebanyakan muslimin:

"Bacalah (ayat-ayat itu) sebagaimana adanya".

Maksudnya, percayalah bahawa ayat-ayat itu berasal dari sisi Allah. Janganlah anda memberanikan diri melakukan pentafsiran dan pentakwilan atas ayat-ayat tersebut, kerana boleh jadi ayat-ayat itu menjadi suatu ujian bala. Maka, adalah suatu kewajipan untuk tunduk dan patuh kepadanya.

Pada masa salaf, muncul juga ahli-ahli *bidaah* yang mengikuti ayat-ayat *mutasyabihat*. Mereka menyibukkan diri dalam antropomorpisme (*tasybih*). Segolongan dari mereka mengakui *tasybih* di dalam zat Tuhan dengan mempercayai bahawa Tuhan memiliki tangan, kaki, dan wajah, sebagai suatu amalan atas ayat-ayat yang nyata menyebutkan hal tersebut. Maka, mereka pun terjerumus ke dalam *tajsim* yang jelas dan menolak ayat-ayat *tanzih* yang mutlak, ayat-ayat yang paling banyak rujukan dan paling jelas pengertiannya, sebab menurut logika, *jism*, tubuh, mengandung adanya kekurangan dan keperluan untuk dilengkapi. Padahal ditinjau dari fungsi ayat-ayat yang berhubungan dengan penolakan usaha menyamakan Tuhan dengan makhluk dalam penyucian (*tanzih*) yang mutlak – ayat-ayat yang paling banyak rujukannya dan paling jelas pengertiannya – seharusnya lebih diutamakan dibanding dengan ayat-ayat yang mengandung pengertian eksplisit, yang bagi kita tidak penting. Dengan takwil mereka, kedua dalil ini menjadi setaraf. Lalu, untuk menutupi diri dari kesalahannya yang besar itu, mereka menyatakan bahawa "tubuh yang dimaksud tidak sama seperti tubuh-tubuh yang ada". Kalimat demikian itu tidaklah bererti menyelamatkan mereka, sebab itu merupakan

pendapat yang kontradiktif. Apabila mereka menyebutkan dua kata *jism* dalam kalimat "tubuh yang tidak seperti tubuh-tubuh yang ada", dalam satu erti, maka itu bererti mereka telah menyatukan 'peniadaan' sifat tubuh dan 'penetapan' adanya sifat tubuh. Namun, apabila dibezakan dalam dua erti bagi kata *jism* dan meniadakan logika yang mengarah kepada persamaan erti sehingga timbul pengertian yang kontradiktif sebagaimana mereka sendiri telah mengakuinya, maka bererti mereka sepakat dengan kami dalam penyucian (*tanzih*). Dan yang tinggal sekarang adalah kenyataan bahawa mereka telah menjadi kata *jism* sebagai suatu sifat di antara sifat-sifat Allah; dan penamaan ini hanya dibolehkan melalui izin dari Nabi Muhammad s.a.w. pembawa syariat.

Segolongan lain lagi daripada ahli bidaah ada yang cenderung kepada *tasybih* dalam soal yang berhubungan dengan sifat-sifat Tuhan, seperti menetapkan arah (*jihat*), naik (*istiwa'*), turun (*nuzul*), suara, huruf, dan lain-lain sebagainya. Pendapat-pendapat mereka digiring kepada *tajsim*. Maka, mereka pun sama seperti golongan bidaah sebelumnya, menghindar dengan alasan: 'suara yang tidak seperti suara-suara', 'arah tidak seperti arah-arah yang ada', 'turun tidak seperti turun biasa'. Maksud mereka: *jism-jism* yang tinggal sekarang *i'tiqad-i'tiqad* kaum Muslim salaf dan mazhab-mazhab yang mengakui makna eksplisit serta keimanan padanya sebagaimana adanya, agar 'peniadaan' akan makna seperti itu tidak berakibat pada 'peniadaan' ayat-ayat itù sendiri, padahal ayat-ayat itu benar dan jelas adanya dalam al-Quran. Dengan pengertian inilah anda harus mentafsirkan ungkapan-ungkapan yang anda dapatkan di dalam kitab *Aqidat al-Risalah* karya Ibn Abi Zaid dan kitabnya yang lain berupa sebuah ringkasan. Juga karya al-Hafidz ibn Abd al-Barr, dan lain-lainnya. Mereka membatasi diri pada garis yang melingkari pengertian ini. Jangan sampai mata anda terpejamkan sehingga tidak melihat *qarinah-qarinah* (hubungan dan bersehubungan) yang menunjukkan pada pengertian tersebut di dalam liku-liku pembicaraan mereka.

Setelah ilmu pengetahuan dan keahlian tumbuh pesat, di seluruh pelosok orang-orang senang menulis buku dan melakukan pelbagai analisis, para ulama kalam menulis buku tentang masalah *tanzih*. Dan muncullah bidaah Mu'tazilah. Mereka mengeneralisasi *tanzih* ini di dalam ayat-ayat yang berhubungan dengan penolakan usaha menyamakan Tuhan dengan makhluk. Kaum Mu'tazilah

pun mengemukakan pendapat yang meniadakan *sifat-sifat* dari makna-makna (sifat al-Ma'ani), seperti *ilm* (pengetahuan), *qudrat* (kekuasaan), *iradat* (kehendak), dan *hayat* (hidup) – sifat-sifat yang ditambahkan pada hukum dari sifat-sifat itu. Sebab, menurut mereka, dengan mengakui sifat-sifat yang ditambahkan itu, bererti memperbanyak jumlah Tuhan yang qadim. Pendapat kaum Mu'tazilah ini menolak pendapat yang mengatakan bahawa sifat-sifat bukanlah zat (Tuhan) sendiri dan bukan yang lain-lainnya. Mereka meniadakan *sam'un* (pendengaran) dan *bashar* (penglihatan) kerana kedua-duanya termasuk sebahagian daripada anggota badan, *jism*. Itu ditolak kerana tidak adanya prasyarat kerangka objektif di dalam pengertian yang dikandung lafaz ini. Pendengaran dan penglihatan tidak lain adalah persepsi dari objek yang didengar atau dilihat. Mereka menolak firman (*kalam*) kerana mengandung kesamaan dengan apa yang ada pada pendengaran dan penglihatan, dan mereka tidak mengakui sifat daripada 'firman' yang tegak dengan jiwa. Mereka pun menyatakan bahawa al-Quran adalah makhluk ciptaan. Pendapat kaum Mu'tazilah ini adalah suatu *bidaah* (inovasi) di mana kaum muslimin salaf dengan tegas menentangnya. Bahaya bidaah ini terus membesar. Sebahagian khalifah mempelajarinya dari imam-imam mereka, dan membawa rakyatnya pada pemahaman tersebut. Imam-imam kaum salaf berusaha menentang mereka. Pertentangan ini mengakibatkan banyak ulama salaf dikucilkan dan dibunuh oleh para khalifah.[66]

Inilah salah satu sebab bagi kebangkitan *ahlus-sunnah* untuk mengemukakan dalil logis menghadapi *aqidah-aqidah* seperti ini sebagai suatu penolakan atas munculnya bidaah-bidaah ini. Syekh Abu al-Hasan al-Asy'ari melakukan hal demikian. Diambilnya pendapat tengah di antara aliran-aliran yang ada. Dia menolak antropomorpisme (*tasybih*). Dia menetapkan keempat sifat *maknawiyah*, dan pendengaran (*sam'un*), dan penglihatan (*bashar*), dan 'firman' (*kalam*) yang tegak dengan jiwa. Penetapan itu dilakukan

---

66 Imam Ahmad bin Hanbal, satu contoh di antara ahlus-Sunnah yang menolak pendapat bahawa al-Quran adalah makhluk. Dia mengalami seksa, diikat dengan rantai besi pada masa al-Makmun. Seksa lebih parah lagi pada masa al-Muktasim. Dia dicambuk berkali-kali hingga pengsan, ditusuk dengan pedang tapi tidak merasa sakit. Lalu dipenjara 28 bulan, dan setelah itu dilepas oleh al-Mutawakil. Hidup antara 164–241 H/780–855 M).

dengan sistem *naql* dan *'aql*, iaitu pembuktian berdasarkan al-Quran, sunnah dan logika. Dia kemukakan cara ini atas ahli-ahli bidaah dalam segala persoalan. Dia berdialog dengan mereka mengenai pelbagai pendapat yang dikemukakan sehubungan dengan bidaah-bidaah ini, seperti soal amal yang baik dan yang terbaik (*as-shilah wal-ashlah*), pemberian nilai baik dan buruk (*tahsin wa taqbih*). Dia melengkapi *aqaid* tentang kebangkitan, ehwal syurga dan neraka, pahala dan seksa. Di samping itu, dibicarakan pula tentang *imamah*, sebab ketika itu terdengar pendapat kaum bidaah yang mengatakan bahawa *imamah* merupakan bahagian daripada akidah-akidah iman; dan wajib bagi Nabi Muhammad s.a.w. untuk menentukan *imamah*. Bagi siapa terpilih menjadi *imamah*, harus keluar dari lingkup perjanjian dalam hal itu. Kewajipan itu juga berlaku bagi *ummah*. Pendek kata, *imamah* adalah soal kepentingan yang berdasarkan konsensus dan tidak termasuk bahagian daripada *aqaid*. Dengan demikian, mereka pun memasukkan soal *imamah* itu sebagai masalah yang dibicarakan dalam disiplin ilmu ini, dan menamakan kumpulan dari segala persoalan ini dengan *ilmu kalam* (teologi spekulatif). Dinamakan begitu, mungkin kerana di dalamnya terdapat tanggapan-tanggapan terhadap banyak pendapat yang berbau bidaah dalam diskusi yang sifatnya pembicaraan belaka – dan bukan merupakan diskusi atas rujukan perbuatan praktis; atau diciptakan ilmu kalam dan diselami segala soal yang dikandungnya kerana kemungkinan adanya pertentangan mengenai soal penetapan dalam psikologis.

Pengikut Syekh Abu al-Hasan al-Asy'ari menjadi banyak. Murid-muridnya, seperti Ibn Mujahid dan lain-lainnya, mengikuti jalan yang ditempuh gurunya. Al-Qadli Abu Bakar al-Baqillani belajar dari murid-murid al-Asy'ari. Dia kemukakan soal *imamah* berdasar sistem pemikiran mereka, disusunnya lebih sistematis dan dirangkaikan dengan premis-premis logis yang menjadi dasar pihak hujahan dan pandangan-pandangan. Misalnya, pembicaraan soal esensi (*jauhar*), *fardh* (atom), dan kekosongan (*khala*). Dikemukakan, *ardh* tidak tegak kerana *ardh*, dan bahawa *ardh* tidak kekal dalam dua zaman serta contoh-contoh semacam itu yang menjadi dasar daripada hujahan mereka. Al-Baqillani menjadikan kaedah-kaedah ini sebagai bahagian daripada *aqaid imaniyah* yang wajib untuk diyakini, kerana kaedah-kaedah itu merupakan dasar daripada dalil-dalil. Sesuatu yang dihujahkan menjadi salah

apabila dalil hujahan yang dipergunakan juga salah. Aliran pemikiran (*thariqah*) ini menjadi teoritis dan ilmu-ilmu agama yang paling baik. Hanya saja, kadang-kadang, bentuk-bentuk dalil yang dikemukakan di dalamnya hadir dengan cara yang tidak memuaskan kerana tingkat pemikiran pembaca masih sederhana dan ilmu logika sebagai alat hujahan dan untuk mengemukakan premis-premis pada waktu itu masih belum muncul dalam Islam, atau kalaupun ada, ulama-ulama kalam masih belum mempergunakannya kerana logika masih bercampur-baur dengan ilmu-ilmu falsafah yang sama sekali bertentangan dengan keyakinan syariat agama. Dengan demikian, mereka menjauhi logik. Kemudian, setelah al-Qadli Abu Bakar al-Baqillani, muncul Imam al-Haramain Abu al-Ma'ali. Pemikiran ini ditulis di dalam bukunya berjudul *as-Syamil*. Dia bicarakan soal tersebut dengan luasnya, untuk selanjutnya dia ringkas di dalam tulisannya *al-Irsyad*. Buku *al-Irsyad* menjadi petunjuk bagi keyakinan banyak orang.]

Dalam perkembangannya yang lebih lanjut, ilmu-ilmu logik tersebar luas dalam Islam. Orang mempelajarinya. Mereka membezakan logika dengan ilmu-ilmu falsafah, bahawa logika itu hanyalah merupakan suatu hukum dan alat ukur bagi hujahan-hujahan dan membantu untuk memeriksa hujahan dalam ilmu-ilmu falsafah dan juga disiplin-disiplin ilmu lainnya.

Sarjana-sarjana telah mempelajari premis-premis ahli teologi terdahulu. Mereka menyangkal sebahagian besar pendapat yang sudah ada dengan bantuan hujahan-hujahan sehingga membawa mereka pada pendapat yang berbeza. Pendapat-pendapat yang berbeza kebanyakan di bidang fizika dan metafizika. Ketika mereka melakukan uji cuba dengan alat ukur logika, ternyata hujahan-hujahan yang dihasilkan hanya dapat diterapkan pada disiplin ilmu-ilmu lain dan bukan kepada teologi. Tetapi mereka tidak percaya bahawa kalau hujahannya salah menjadi sesuatu yang dibuktikan melalui hujah itu juga menjadi salah sebagaimana dikemukakan oleh al-Qadli Abu Bakar al-Baqillani. Pendekatan ini bertentangan dengan cara yang pertama dalam terminologi tekniknya. Dan ini disebut dengan "aliran ulama mutakhir". Pendekatan mereka seringkali berisikan penolakan atas pendapat-pendapat para ahli falsafah apabila ditemukan bertentangan dengan akidah-akidah keimanan. Mereka menganggap para ahli falsafah sebagai musuh-musuh yang menentang akidah, kerana banyak terdapat pertalian antara pendapat-pendapat ahli bidaah

dengan pendapat-pendapat para ahli falsafah.

Sarjana pertama yang menulis dengan mempergunakan pendekatan teologis baru ini adalah al-Ghazali. Dia diikuti kemudian oleh Ibn al-Khathib.[67] Sekelompok sarjana mengikuti langkah mereka dan menganut tradisi mereka.

Sarjana-sarjana mutakhir begitu bersungguh-sungguh sekali menguliti karya-karya falsafah. Subjek-subjek dua disiplin ilmu teologi dan falsafah dicampur-baurkan. Mereka beranggapan bahawa kedua-dua disiplin ilmu itu adalah satu dan merupakan subjek yang sama sebabnya ialah mengingatkan pemasalah setiap disiplin ilmu itu adalah serupa.

Ulama-ulama kalam atau para teologi seringkali menyimpulkan kewujudan dan sifat-sifat Sang Pencipta daripada benda-benda wujud dan keadaan-keadaannya. Sebagaimana lazimnya, itulah garis pemisah penghijrahan mereka. Tubuh-tubuh menjadi bahagian benda-benda maujud, dan ianya merupakan subjek pengkajian fizik kefalsafahan. Namun, pengkajian kefalsafahan adalah dengan pengajian teologi. Para falsafah mempelajari tubuh-tubuh selagi ia bergerak dan tidak bergerak. Para teologi sebaliknya mempelajarinya dari segi sejauh mana benda-benda fizik itu wujud sebagai suatu hujahan bagi pencipta-Nya. Dalam hal yang sama, kajian kefalsafahan ke atas metafizika yang mempelajari eksistensi dan apa yang diperlukan bagi esensinya. Sebaliknya, kajian para teologi terhadap metafizika adalah mengenai *existentia*, sejauh mana itu berlaku sebagai hujahan bagi Dia yang telah menciptakan.

Pada umumnya, kepada para teologi objek ilmu kalam (*teologi*) adalah untuk menemukan jalan pemecahan bagaimana *aqaid*, pokok-pokok keimanan yang telah dinyatakan kebenarannya oleh hukum agama dapat dibuktikan dengan bantuan penghujahan logika, supaya bidaah-bidaah dapat dihapuskan dan keragu-raguan serta salah faham mengenai pokok-pokok keimanan dapat dihilangkan.

Sekiranya seseorang itu memperhitungkan bagaimana disiplin ilmu dan pembicaraan sarjana berlangsung di dalamnya selangkah demi selangkah, dan bagaimana, semasa proses itu, para sarjana selalu mengandaikan kebenaran pokok-pokok keimanan dan memaparkan bukti-bukti dan hujahan-hujahan dalam mempertahankan pendapatnya, seseorang pastinya akan menyedari

---

67 Imam Fakhruddin ar-Razi.

bahawa karakter subjek disiplin ilmu-ilmu itu adalah dikemukakan dan seseorang akan menyedari bahawa disiplin ini tidak mampu melangkah lebih jauh dari itu, sungguhpun begitu, kedua pendekatan tersebut telah dicampuradukkan oleh ulama-ulama mutakhir. Permasalahan ilmu kalam teologi telah dikelirukan dengan apa yang menjadi masalah-masalah kefalsafahan. Ini sudah bergerak terlalu jauh sehingga ianya sulit hendak dibezakan yang satu dengan yang lainnya. Seseorang tidak lagi menemukannya melalui pencarian buku-buku karya sebelumnya sebagaimana telah dilakukan al-Baidlawi di dalam *al-Thawali* dan ulama-ulama bukan Arab lain sesudahnya di dalam karya-karya mereka. Hanya saja, pendekatan teologi ini mendapat perhatian dari para pelajar, kerana kegunaannya sebagai alat untuk menelaah pelbagai mazhab dan menekuni usaha mengetahui penghujahan-penghujahan, kerana hal-hal tersebut memang melimpah dalam karya-karya setiap mazhab.

Pendekatan kaum muslimin salaf hanya dapat didamaikan dengan akidah-akidah ilmu kalam apabila dilakukan dengan cara pendekatan seperti ulama-ulama kalam sebelumnya dan bukannya pendekatan campuran sarjana mutakhir. Sumbernya adalah kitab *al-Irsyad* dan kitab-kitab lain yang mengikuti caranya.

Seseorang yang ingin memasukkan penolakan atas para falsafah ke dalam akidahnya, dia harus membaca buku yang telah dituliskan untuk itu oleh al-Ghazali dan Imam Ibn al-Khathib. Meskipun di dalamnya terdapat penentangan pendapat atas 'perbaikan lama', namun di dalamnya tidak terdapat pencampuradukkan masalah dan pengaburan pokok persoalan sebagaimana yang terdapat dalam pendekatan ulama-ulama mutakhir sesudah mereka.

Pokoknya, harus diketahui bahawa ilmu ini – ilmu kalam atau teologi spekulatif – bukan merupakan sesuatu yang penting bagi pelajar masa kini. Orang-orang yang ingkar (*mulhid*) dan orang-orang bidaah sudah menghadapi kehancuran. Para pemimpin agama dari kalangan *ahlus-sunnah* telah memberi kita perlindungan terhadap mereka yang ingkar dan ahli-ahli bidaah yang memiliki karyanya ada laporan-laporan yang sistematis. Sekarang, yang tinggal hanyalah perbincangan tentang usaha menyucikan Tuhan Pencipta dari banyak keraguan dan pemutlakannya. Al-Junaid – rahmat Allah padanya ditanya tentang sebuah kaum yang dilalui oleh beberapa ahli ilmu kalam yang mengumbar diskusi di sana.

"Siapa mereka?" tanyanya.
Orang menjawab: "Sekelompok orang yang mempergunakan dalil-dalil logis berupaya mensucikan Allah dari sifat-sifat alam ciptaan dan sifat-sifat kekurangan."
Maka, dia berkata: "Usaha menghilangkan cela tapi justeru cela lain muncul, adalah suatu cela."

Namun, faedahnya ilmu kalam kepada individu-individu tertentu dan kaum pelajar adalah diakui. Sebab, seorang Muslim yang seharusnya tidak jahil tentang argumentasi spekulatif di dalam mempertahankan akidah-akidah keimanan ortodoksnya.

Allah adalah wali orang-orang yang beriman.

15 Penjelasan terperinci tentang pengertian ganda (*mutasyabih*) di dalam al-Quran dan sunnah dan yang ditimbulkannya berupa aliran-aliran dogmatis di kalangan ahlus-sunnah dan ahli-ahli bidaah

Bahawa Allah s.w.t. telah mengutuskan Nabi Muhammad s.a.w. demi untuk menyelamatkan kita daripada kebinasaan dan memastikan kebahagiaan. Dia menurunkan kepadanya kitab mulia dalam bahasa Arab yang jelas. Di dalamnya, Dia memberitahu kita tentang kewajipan-kewajipan yang memungkinkan kita memperoleh keselamatan dan kebahagiaan. Proses ini adalah termasuk dan menuntut adanya rujukan sifat-sifat dan nama-nama Allah, supaya kita kenal akan zat-Nya; rujukan-rujukan pada roh yang menggabungkan dirinya pada kita; dan wahyu dan para malaikat yang bertindak sebagai penghubung antara Tuhan dan rasul-rasul-Nya. Di dalam al-Quran telah disebutkan kepada kita tentang Hari Kebangkitan dan peringatan tanda-tandanya, akan tetapi bila peristiwa ini akan terjadi tidak pula dinyatakan. Juga pada permulaan *surah-surah* tertentu, dalam al-Quran mulia mengandungi, bertaburan di pelbagai tempat gabungan huruf-huruf *hijaiyah* yang maksudnya tidak pula dapat kita fahami.

Semua pernyataan itu adalah samar-samar, *mutasyabihat*, atau mengandungi erti berganda. Sesiapa yang berusaha menerusinya adalah dicela, sebagaimana dinyatakan dalam firman-Nya: "Dialah yang menurunkan al-Kitab (al-Quran) kepadamu. Di antara isinya ada ayat-ayat *muhkamat*, itulah pokok-pokok isi al-Quran dan yang lain (ayat-ayat) *mutasyabihat*. Adapun orang-

orang yang dalam hatinya condong kepada kesesatan, maka mereka mengikut ayat-ayat yang *mutasyabihat* daripadanya untuk menimbulkan fitnah dan untuk mencari-cari *takwil*nya, padahal tidak ada yang mengetahui *takwil*nya melainkan Allah. Dan orang-orang yang mendalami ilmu akan berkata:

> "Kami beriman kepada ayat-ayat *mutasyabihat*. Semuanya adalah daripada Tuhan kami." Dan mereka yang mengambil pelajaran (daripadanya) akan dapat mengingatinya.[68]

Sarjana-sarjana Islam terawal dari kalangan para sahabat dan para tabiin atau generasi kedua memahami *ayat-ayat muhkamat* sebagai ayat-ayat yang jelas dan tegas. Dengan demikian, ahli-ahli fikah mendefinisikan *muhkamah* di dalam terminologi mereka sebagai yang jelas pengertiannya.

Manakala ayat-ayat *mutasyabihat*, lain-lain yang mempunyai pendapat yang berbeza. Dikatakan bahawa ayat-ayat itu memerlukan suatu kajian dan tafsiran demi untuk mendapatkan pengertiannya yang benar, sebab ayat-ayat itu bertentangan dengan ayat-ayat lain atau menurut logiknya. Dengan demikian, pengertiannya adalah terlindung dan *mutasyabihat* atau *ambiguous*.

Dalam maksud ini Ibn Abbas berkata:

> "Seseorang harus percaya pada ayat-ayat *mutasyabihat*, tapi tidak perlu mengamalkannya".

Mujahid dan Ikrimah pula berpendapat:

> "Setiap ayat selain ayat-ayat hukum dan kisah-kisah adalah ayat *mutasyahibat*".

Al-Qadli Abu Bakar al-Baqillani dan Imam al-Haramain juga berpendapat demikian. Al-Tsauri dan al-Sya'by berserta sekelompok ulama salaf mengatakan:

---

68 Al-Quran surah Ali Imran ayat 7. *Ayat yang muhkamat* ialah ayat-ayat yang terang dan tegas maksudnya, dapat difahami dengan mudah. Termasuk dalam pengertian *ayat mutasyabihat*: ayat yang mengandung makna ganda dan maksudnya baru dapat dimengertikan setelah dilakukan penyelidikan yang mendalam, atau ayat-ayat yang pengertiannya hanya Allah yang tahu, misalnya ayat-ayat mengenai hari kiamat, syurga, neraka dan lain-lain.

"Ayat *mutasyabihat* adalah ayat yang tidak boleh diketahui ertinya, seperti tanda-tanda kiamat, waktu peringatan akan datangnya kiamat dan huruf-huruf *hijaiyah* yang terdapat di beberapa awal surah."

Ungkapan *Ummul-Kitaab* (pokok-pokok isi al-Quran) dalam ayat yang dikutip di atas, adalah bermaksud: "Bahagian yang paling besar dan bahagian yang amat menonjol dari al-Kitab", di mana *ayat-ayat mutasyabihat* merupakan bahagian yang paling sedikit dan tidak bererti apa-apa kecuali dalam melakukan rujukan kepada ayat-ayat *muhkamat*. Ayat itu, dengan demikian mencela mereka yang menteladani ayat-ayat *mutasyabihat* dan mentafsirkannya atau membawanya pada pengertian-pengertian yang tidak difahami di dalam bahasa Arab yang ditujukan kepada kita. Ayat itu menyebut mereka sebagai "songsang" iaitu orang-orang yang telah menyimpang daripada jalan kebenaran – kafir, kaum zindiq, ahli bidaah yang dungu. Ayat itu mengatakan bahawa tindakan mereka adalah untuk menimbulkan kekacauan – iaitu syirik atau menyesatkan orang-orang yang beriman – atau dengan maksud berupaya memuaskan keinginan mereka ....

Lalu, Allah memberitahu bahawa hanya Dia yang boleh dan mengetahui takwilnya. Sebagaimana firman-Nya:

"Dan tidak ada yang mengetahui takwilnya melainkan Allah".

Kemudian, Allah memuji orang-orang berilmu yang cukup menyatakan beriman kepadanya dan tidak memberanikan diri membuat takwil. Maka firman-Nya:

Dan orang-orang yang mendalam ilmunya berkata: "Kami beriman kepadanya."

[*Kerananya, ulama salaf menjadikan kata *ar-rasikhun* (orang-orang yang mendalam – ilmunya) sebagai kata subjek, sedangkan predikatnya adalah kalimat *yaquluna aamanna* mereka berkata: kami beriman), serta menganggap kata itu sebagai kata *'athf* (kata sambung) daripada kata-kata Allah. Alasannya, iman kepada yang ghaib lebih cenderung untuk memperoleh pujian. Dengan memberikan takwil atas ayat *mutasyabihat* yang ghaib itu maka keghaibannya sudah berubah menjadi suatu yang nyata. Ungkapan berikutnya: "Semuanya itu dari sisi Tuhan kami",

memperkuat andaian itu. Ungkapan ini menunjukkan bahawa takwil ayat-ayat *mutasyabihat* tidak diketahui oleh umat manusia, bahawa ungkapan linguistik hanya dimengerti maknanya apabila telah ditetapkan oleh si pemakai bahasa. Apabila tidak memungkinkan untuk memperhubungkan 'berita' kepada 'orang yang memberikannya', kita menjadi tidak mengetahui maksud dari suatu kalimat atau kata. Kalau 'berita' itu datang kepada kita dari sisi Allah, maka kita serahkan pengetahuan tentang makna berita itu kepada-Nya. Tidak usah kita menyibuk-nyibukkan diri untuk mencari-cari ertinya. Tak ada jalan untuk itu.

Aisyah – ridla Allah atasnya – berkata:

> "Apabila kalian melihat orang-orang yang berdiskusi menentang al-Quran, merekalah yang dimaksud Allah dengan ayat tersebut, maka hindarilah mereka".

Demikian mazhab kaum muslimin salaf mengenai masalah ayat-ayat *mutasyabihat*. Di dalam *Sunnah* juga terdapat lafaz-lafaz semacam itu. Dan sikap kaum muslimin salaf terhadap sunnah yang seperti itu tidak berbeza dengan sikap mereka terhadap ayat-ayat *mutasyabihat*, sebab sumbernya adalah satu.

Setelah bermacam-macam ayat *mutasyabihat* kita ketahui, sebagaimana sudah kita bicarakan, maka, marilah kita kembali kepada perbezaan pendapat mengenai ayat-ayat *mutaysabihat*.

Mengenai ayat-ayat *mutasyabihat* yang diandaikan kepada ilmu Allah, hanya Allah yang mengetahui, seperti hari kiamat, tanda-tandanya, dan waktu-waktu peringatan kedatangannya, serta jumlah *zabaniyah* dan lain sebagainya, bukanlah termasuk persoalan *mutasyabihat*, sebab tidak pernah disebut lafaz yang *global* ataupun yang lainnya. Hari Kiamat dan seterusnya itu tidak lain adalah masa-masa bagi peristiwa yang disebutkan Allah di dalam al-Quran dan melalui ucapan Nabi-Nya, bahawa hanya Allah yang berhak mengetahuinya, Dan Dia pun berfirman, pengetahuan tentang itu ada di sisi-Nya. Aneh, ada orang beranggapan bahawa itu termasuk ayat-ayat *mutasyabihat*.

Adapun huruf-huruf yang tersebut di beberapa bahagian awal *surah*, pada hakikatnya adalah huruf-huruf *hijaiyah*, dan boleh saja mengandung maksud. Al-Zamakhsyari berkata:

> "Di dalamnya terdapat isyarat akan tingginya puncak i'jaz, sebab al-Quran yang diturunkan terdiri daripadanya. Umat

manusia punya pendapat yang sama tentang itu. Kekacauan baru terwujud pada pengertiannya ketika muncul karya manusia tentang itu."

Bentuk pendekatan ini mengandung pengertian hakikat huruf-huruf tersebut. Apabila diselewengkan dari bentuk ini – yang hanya dapat dilakukan transmisi yang benar, seperti kata mereka bahawa lafaz *tha ha* tidak lain adalah kata seru yang terdiri dari *thahir* (maha suci) dan *hadii* (pemberi petunjuk) serta contoh-contoh lain sejenis, dan transmisi yang benar (*al-naql al-shahih*)[69] tidak diperbolehkan – maka akan muncul makna *mutasyabihat* di dalam penulisan tentang ayat-ayat itu.

Sedangkan timbulnya pengertian *mutasyabihat* atas *wahyu, malaikat-malaikat, roh,* dan *jin* adalah berasal dari tersembunyinya makna kata yang esensial dari kata-kata *wahyu, malaikat-malaikat, roh* dan *jin* tersebut. Makna kata-kata itu tidak banyak diketahui. Dengan demikian, demi untuk menemukan makna kata itu, maka muncullah keragaman pengertian, *tasyabuh*. Sebahagian orang ada yang memasukkan segalanya yang masih berada dalam pengertian kata-kata tersebut ke dalam bahagian dari lingkup kata-kata itu. Misalnya, hal-ehwal kiamat, syurga neraka, Dajjal, fitnah-fitnah, dan tanda-tanda kiamat, serta hal-hal lain yang luar biasa secara metafizik. Orang tersebut, sebenarnya tidak jauh menyimpang dari hakikatnya. Hanya saja, ulama jumhur – apalagi ulama kalam – tidak setuju cara demikian. Mereka mengambil sikap sendiri di dalam memahami kata-kata tersebut, sebagaimana anda lihat di dalam buku-buku mereka.

Ayat-ayat *mutasyabihat* tinggal hanya yang berkenaan dengan sifat-sifat atau *atribute-atribute* yang telah disifatkan oleh Allah bagi diri-Nya di dalam kitab-Nya dan melalui sabda nabi-Nya, Nabi Muhammad s.a.w. – ayat-ayat atau sabda yang secara lahirnya mengandaikan suatu 'kekurangan' atau 'pelemahan' bagi sifat-sifat Tuhan. Sesudah kaum Muslim salaf yang mazhabnya sudah kita terangkan sebelum ini, muncul perbezaan pendapat tentang fakta-fakta lahiriah ayat-ayat atau sabda Nabi Muhammad s.a.w. mengenai sifat-sifat Tuhan. Mereka saling berbantahan, dan

---

69 *An-anql al-shahih* (transmisi yang benar) dimaksud: usaha mencari rahsia dengan pentafsiran yang nampaknya logik, tapi jelas tidak benar. Misalnya, kata *thaha* ditafsirkan dengan kata yang terdiri dari kata *tha thahir* dan hadii. Wallahu a'lam.

masuklah bidaah-bidaah ke dalam keimanan. Kini, marilah kita singgung keterangan tentang aliran-aliran mereka, dan kita tunjukkan perbezaannya, mana yang benar dan mana yang salah. Maka, kami katakan dan kebenaranku hanya dengan bantuan Allah.

Ketahuilah, bahawa Allah Maha Suci Dia, telah menyebutkan sifat-sifat diri-Nya di dalam kitab-Nya, iaitu bahawa Dia Maha Mengetahui, Maha Kuasa, Maha Berkehendak, Hidup, Maha Mendengar, Maha Melihat, Maha Besar, Maha Mulia, Maha Terbaik, Maha Memberi Nikmat, Maha Agung; demikian pula Dia telah menetapkan bagi diri-Nya dua tangan, dua mata, wajah, kaki, lisan, dan sifat-sifat lainnya. Di antara orang-orang, ada yang menuntut keabsahan *uluhiyyah*, seperti pengetahuan (*ilm*), kekuasaan (*qudrat*), dan kehendak (*iradat*), lalu, kehidupan (*hayat*) yang merupakan suatu prasyarat bagi semuanya itu. Di antaranya ada yang merupakan sifat kesempurnaan, seperti pendengaran (*sam'un*) penglihatan (*bashar*), dan pembicaraan (*kalam*). Sebahagian lagi ada yang mengandaikan 'kekurangan', seperti bersemayam (*istimewa*), turun (*nuzul*), datang (*majii'*), dan seperti wajah, dua tangan, dan dua mata yang merupakan sifat-sifat yang dimiliki oleh barang-barang ciptaan. Kemudian, Nabi Muhammad s.a.w. memberitahu, bahawa kita akan menyaksikan Tuhan kelak di hari kiamat bagaimana bulan di malam purnama, kita tidak berkerumun di dalam melihat-Nya, sebagaimana telah ditetapkan di dalam Hadis Shahih.

Muslim salaf dari kalangan para sahabat dan *tabiin* atau generasi kedua menetapkan bagi Allah sifat-sifat Ketuhanan (*uluhiyyah*) dan sifat-sifat kesempurnaan, serta menyerahkan segala yang mengandaikan 'kekurangan' kepada-Nya. Mereka tidak mengemukakan pendapat mengenai maksudnya.

Sesudah generasi para sahabat dan *tabiin* digantikan generasi selanjutnya, maka tak dapat dielakkan lagi terjadinya perbezaan faham. Mu'tazilah muncul. Mereka menyatakan sifat-sifat ini sebagai hukum-hukum berdasar pemikiran belaka. Mereka tidak mengakui sifat yang tegak dengan zat-Nya. Dan mereka menamakan itu sebagai *tauhid* (keesaan Tuhan). Manusia adalah pencipta bagi tindakannya sendiri, tidak ada kaitannya dengan kekuasaan Allah s.w.t. Apalagi, tindakan-tindakan itu berupa kejahatan dan maksiat. Sebab mustahil Allah melakukannya. Mereka menjadikan 'memerhatikan yang paling baik bagi hamba-hamba' sebagai suatu

keharusan bagi Allah. Mereka menyebutnya 'keadilan' (Tuhan). Sebelum itu, mereka menyatakan 'ketiadaan qadar'. Segalanya bermula dengan pengetahuan yang baru, dan demikian pula kekuasaan dan kehendak, sebagaimana disebutkan di dalam hadis sahih. Abdullah ibn Umar telah menyatakan diri bebas dari Ma'bad al-Juhani[70] dan pengikut-pengikutnya yang mengakui pendapat 'ketiadaan qadar'. 'Ketiadaan qadar' ini terakhir sampai pada Washil bin 'Ata' al-Ghazzali, murid al-Hasan al-Bashri pada masa Abdul Malik bin Marwan. Dan lebih akhir lagi, pada Mu'ammar al-Sulma. Mereka kembali menyatakan pendapat tersebut. Abu al-Hudzail al-Allaf, syekh Mu'tazilah, belajar aliran Mu'tazilah dari Usman bin Khalid al-Thawil dari Washil. Dalam pendapatnya mengenai 'ketiadaan sifat-sifat wujudiyah', dia mengikuti pendapat para falsafah, kerana waktu itu, aliran-aliran falsafah telah muncul. Kemudian muncul Ibrahim al-Nadzdzam yang mengemukakan pendapat *qadariyah*nya. Orang-orang mengikutnya. Dia mempelajari juga buku-buku karya para ahli falsafah, dan lebih tegas dalam mengemukakan pendapat 'ketiadaan sifat-sifat'. Ditetapkannya kaedah-kaedah *'itizal*. Lalu muncul al-Jahidz dan al-Kalabi al-Jubba'i.

Pendekatan (*thariqah*) mereka itu disebut ilmu kalam, teologi spekulatif: mungkin kerana di dalamnya terdapat pembicaraan dan diskusi yang disebut sebagai *kalam*, atau kerana dasar pendekatannya adalah 'peniadaan sifat kalam'.

Kerananya, al-Shari'i menyatakan:

> "Adalah hak mereka untuk dipukul dengan tangkai pohon kurma dan kemudian dililitkannya kepada mereka".

Kaum Mu'tazilah menetapkan *thariqah* mereka, mempertegas dan menolak sebahagian. Sampai muncul Syeikh Abu al-Hasan al-Asy'ari yang mendebat sebahagian tokoh Mu'tazilah dalam soal-soal 'hak yang baik dan yang lebih baik' (*al-shilah wal-al-ashlah*) serta beberapa pendekatan Mu'tazilah yang lain. Pendapat al-Asy'ari tegak atas dasar fikiran Abdullah bin Sa'ad bin Kilab, Abu al-Abbas al-Qalaanasi, al-Harist ibn Asad al-Muhasabi dan para pengikut salaf lainnya, serta pendekatan *ahlus-sunnah*. Dia kembangkan pendapat-pendapat mereka melalui hujahan teologis, dia tegakkan sifat-sifat zat Allah s.w.t. seperti

70 Ma'bad bin 'Abdillah al-Juhani: orang pertama yang menyatakan 'ketiadaan qadar'.

ilm, *qudrat* dan *iradat* sehingga dengan sifat-sifat itu dalil 'cegah-mencegah'[71] (*tamami*) dapat berdiri dan mukjizat bagi para nabi menjadi berlaku. *Mazhab* mereka (para pengikut al-Asy'ari) mengakui *kalam*, *sam'un*, dan *bashar*. Kata-kata, secara lahiriyahnya memang memerlukan suara dan huruf, dua hal yang sifatnya *corporeal* dan sekaligus mengandaikan 'kekurangan'. Akan tetapi, kadang-kadang, *kata* dalam bahasa Arab ditemukan memiliki makna lain. Sehingga untuk kata itu sendiri mempunyai makna lain selain huruf-huruf dan suara, yakni makna yang berkisar pada 'kekekalan'. Perkataan (*kalam*) adalah suatu esensi dalam 'kekekalan', bukan yang pertama. Maka mereka pun menetapkan *kalam* itu bagi Allah s.w.t. dan andaian 'kekurangan' menjadi lenyap. Dikatakan sifat ini sebagai sifat lama yang punya kaitan umum sebagaimana sifat-sifat lainnya. Maka, jadilah al-Quran sebagai hasil perpaduan antara al-Quran Qadim melalui zat Allah s.w.t. – iaitu, perkataan Diri (*kalam nasfy*) – dan al-Quran Baru (al-Muhdats') melalui suara yang ditimbulkan sewaktu membaca huruf-huruf yang dirangkai. Apabila al-Quran dikatakan *qadim*, maka yang dimaksudkan adalah al-Quran yang pertama; sedangkan al-Quran yang 'dibaca' 'didengar', itu untuk menunjukkan pada al-Quran yang kedua yakni yang dibaca dan ditulis. Imam Ahmad bin Hanbal menghindarkan diri dari sebutan kata "Baru" untuk al-Quran, kerana tidak pernah dia mendengarnya dari kaum salaf sebelumnya. Yang mencegahnya untuk menyebutkan begitu bukan kerana dia hendak menyatakan bahawa lembaran-lembaran al-Quran yang ditulis itu adalah *qadim*, atau bacaan melalui lidah adalah qadim tetapi kerana sikap ketaatan kepada agama. Baginya, mengemukakan alasan selain alasan taat kepada agama bererti melakukan sesuatu demi tuntutan selain agama. Sikap yang demikian ini benar-benar dia jauhi.

Mengenai *sam'un* (pendengaran) dan *basharun* (penglihatan), meskipun diandaikan persepsi sebagai sesuatu yang "kurang" namun secara filologis ia menunjukkan pada persepsi sesuatu yang didengar dan sesuatu yang dilihat. Ketika itulah, andaian 'kekurangan' menjadi lenyap, sebab hal itu merupakan suatu esensi filologis pada kedua-duanya.

Adapun bagi kata *istiwa* (semayam), *majii* (tempat datang), *nuzul* (turun), wajah, dua tangan, dua mata, dan lain sebagainya,

71 Dengan banyaknya tuhan, maka satu sama lain saling mencegah untuk mencipta. Firman Allah: "Kalau di dalam kedua-duanya terdapat banyak tuhan selain Allah, maka kedua-duanya pasti telah hancur".

mereka berpaling dari esensinya dan bersifat filologis kerana di dalamnya terkandung kecenderungan andaian 'kekurangan' (pada sifat-sifat Tuhan) melalui *tasybih*. Dari situ beralih kepada pengertian-pengertian *majaziah*nya berdasar pengetahuan bahasa Arab, pengetahuan mana bersifat menganalisis esensi dari kata-kata. Maka, mereka pun merujuk kepada *majaz*. Seperti ketika mengertikan firman Allah s.w.t. "hampir roboh"[72] dan ayat-ayat semacam itu. Cara pendekatan ini sudah akrab dan tidak menyimpang, juga bukan bidaah. Mereka tergiring kepada takwil ini, meskipun itu bertentangan dengan mazhab salaf yang menyerahkan pengertian ayat kepada Allah. Pentakwilan seperti itu dimulai oleh segolongan orang yang terdiri dari pengikut salaf iaitu, para ulama Mazhab Hambali yang terdahulu dan yang mutakhir. Mereka menyelami sambil mendobrak pengertian sifat-sifat ini, yang membawanya kepada sifat-sifat yang tegas kepunyaan Allah dalam esensinya yang tidak diketahui. Sehubungan dengan takwil tentang *Dia bersemayam di Arasy*, dikatakan:

> "Kami menetapkan bagi-Nya suatu *istiwa* sesuai dengan makna kata tersebut agar kami terhindar dari *ta'thil* (tindakan meniadakan). Kami tidak ingin mengemukakan bagaimana kualiti kata tersebut supaya kami terhindar dari berpendapat *tasybih* (menyamakan Tuhan dengan makhluk-Nya) sehingga mengakibatkan ayat-ayat yang menolak persamaan Tuhan dengan makhluk menjadi tidak ada ertinya".

Ayat-ayat itu, misalnya: "Tidak ada sesuatu yang menyamai-Nya", "Maha Suci Allah dari apa-apa yang mereka sifatkan", "Maha Suci dan Maha Tinggi Dia dari apa-apa yang dikatakan oleh orang-orang yang zalim",[73] dan "Dia tidak beranak dan tak diperanakkan". Dalam hal ini, dengan menetapkan *istiwa* bagi Tuhan, sebenarnya mereka telah masuk ke dalam lingkup *tasybih*. Kata *istiwa* bagi ahli bahasa tidak lain bererti tempat

72 Tentang kisah Musa dan Khidr: Kemudian keduanya mendapatkan dalam negeri itu dinding rumah yang hampir roboh, maka Khidr menegakkan dinding itu. Al-Quran surah al-Kahfi, ayat 77.

73 Ini bukan teks dari al-Quran. Yang terdapat dalam al-Quran adalah: "Maha Suci dan Maha Tinggi Dia dari apa yang mereka katakan dengan ketinggian yang sebesar-besarnya". Al-Quran surah 17 (al-Isra') ayat 43.

tinggal dan tempat bersemayam, sesuatu yang bersifat jasmani. Adapun *ta'thil* yang sangat mereka benci untuk memperlakukannya itu adalah *ta'thil al-lafdz*, tindakan meniadakan kata, misalnya kata *istiwa* dan lain sebagainya. Itu bukan dosa. Yang berdosa ialah *ta'tahil al-llah*, tindakan meniadakan Tuhan. Demikian pula dengan kebencian terhadap penegasan *taklif*, pembebanan untuk melakukan sesuatu yang tak terpikulkan oleh manusia. Pendapat yang terakhir ini mengacaukan, sebab di dalam *taklif-taklif* tidak pernah terjadi *tasyabuh*, pengertian ganda. Lalu mereka menyatakan bahawa inilah dia mazhab salaf. Itu lebih jauh lagi. Mazhab salaf, seperti yang telah kami kemukakan pertama di muka, hanya menyerahkan maksud ayat-ayat al-Quran, kepada Allah tanpa usaha memahami ayat-ayat itu.

Untuk menegaskan *istiwa* bagi Allah, kadang-kadang mereka berhujah melalui kutipan pendapat Malik: "Istiwa" diketahui dan esensi tidak diketahui". Malik tahu benar makna-makna *istiwa*. Kerananya, tidaklah dia maksudkan pendapatnya itu sama dengan pendapat bahawa *istiwa* ditegaskan sebagai milik Allah. Jauh dia dari pendapat demikian. Malik hanya ingin menyatakan bahawa *istiwa* diketahui daripada bahasa dan kerananya adalah bersifat jasmani, dan esensinya adalah hakikatnya. Sebab, hakikat dari sifat adalah esensi yang tidak diketahui penegasannya bahawa ia milik Allah.

Demikian pula, mereka menetapkan 'tempat' bagi Allah berdasar alasan adanya sebuah hadis tentang al-Sauda ketika Nabi Muhammad s.a.w. bertanya kepadanya:

> "Di mana Allah?" Dia menjawab: "Di langit."
> Nabi lalu memerintah: "Bebaskan dia dari perbudakan, sebab dia *Mukminah.*"

Di sini, nabi tidak menetapkan keimanan (al-Sauda) kerana kalimatnya yang menetapkan 'tempat' bagi Allah. Tetapi nabi menyatakannya telah beriman kerana al-Sauda percaya kepada sebahagian fenomena alam yang menunjukkan bahawa Allah juga di langit. Maka al-Sauda pun termasuk ke dalam kelompok yang dalam keimanannya kepada ayat-ayat *mutasyabihat* tanpa menyingkap maknanya. Ketegasan pendapat akan 'ketiadaan tempat' bagi Tuhan merupakan hasil dari dalil akal yang meniadakan kebergantungan Tuhan pada makhluk, dan muncul dari ayat-ayat yang

berhubungan dengan penolakan penyamaan Tuhan dengan makhluk, yang berakibat pada penyucian Tuhan, seperti "tidak ada sesuatu pun yang menyamai-Nya"; dan lahir dari firman Allah: "Dan Dialah Allah di langit dan di bumi". Kerana sesuatu yang *maujud* tidak ada di dua tempat sekaligus, maka, kata "di" di sini bukan merupakan keterangan tempat menurut pengertian yang mutlak. Yang dimaksud lain dari itu. Kemudian, cara pentafsiran ini berlaku bagi semua ayat yang makna eksplisitnya menunjukkan pada wajah, dua mata, dua tangan, turun dan pembicaraan Tuhan dengan huruf-huruf dan suara. Untuk ayat-ayat itu mereka ciptakan pengertian yang lebih terasa universal ketimbang pengertian yang bersifat *corporeal.* Mereka menghindar makna kata yang bersifat *corporeal.* Dan ini merupakan sesuatu yang tidak dikenal di dalam filologi. Dari generasi ke generasi berikutnya, para ulama Hambali selalu mengikuti pendapat demikian. *Ahlus-sunnah* daripada kalangan ulama kalam Asy'ariyah dan Hanafiah berusaha menjauhi. Mereka obrak-obrik keyakinan para ulama Hambali tentang itu. Malahan telah terjadi peristiwa sangat terkenal antara ulama kalam Hanafiah di Bukhara dan Imam Muhammad bin Ismail al-Bukhari.

Golongan Mujassimah melakukan cara yang sama dalam penetapan *kejisiman* Tuhan. Dikatakan bahawa *jisim* yang dimaksud tidak sama dengan *jisim-jisim* yang ada. Kata *jisim* bagi Tuhan ditetapkan menurut sumber hukum agama. Tapi yang membuat mereka berani menyatakan demikian adalah kerana adanya ayat-ayat yang makna lahiriahnya menunjuk kepada "kejisiman". Mereka tidak cuma berhenti di situ. Bahkan mereka lebih jauh serta menetapkan "kejisiman" bagi Tuhan. Mereka berandaian "kejisiman", seperti itu. Mereka mensucikan Tuhan dengan pendapat yang kontradiktif dan lemah, iaitu dalam kalimat mereka: "*jisim* tidak sama dengan *jisim-jisim* yang ada". Dan *jisim* menurut bahasa Arab memiliki pengertian yang dalam. Tafsiran lain lagi seperti: "bahasa Dialah Tuhan yang tegak dengan zat atau yang tersusun dari jauhar-jauhar (esensi-esensi)" dan lain sebagainya, itu semua adalah merupakan terminologi milik para ulama kalam (teolog). Maksud mereka, selain dalam makna filologis. Oleh sebab itu, golongan Mujassimah jauh lebih tersesat dalam bidaah, atau bahkan dalam kekufuran, kerana mereka menetapkan suatu sifat yang mengandaikan bahawa Allah kurang lengkap sifat-Nya. Allah sendiri, tidak pernah menyebutkan 'sifat kurang' itu, baik dalam firman-

Nya mahupun dalam sabda nabi-Nya, Nabi Muhammad s.a.w.

Kini, sudahlah jelas bagi anda perbezaan antara mazhab-mazhab salaf, ulama kalam Sunni, para muhadditsin, serta ahli-ahli bidaah dari kalangan Mu'tazilah dan Mujassimah. Kami telah menerangkannya kepada anda.

Dan di kalangan para muhadditsun, terdapat sekelompok orang ekstrem yang disebut golongan *musyabihat*. Kelompok ini secara terang-terangan menyatakan *tasybih*, menyamakan Tuhan dengan makhluk. Pernah terbetik kisah bahawa sebagai di antara mereka menyatakan:

> "Maaf, kalau soal, apa Tuhan punya janggut dan vagina. Tapi soal lain yang tampak pada anda kecuali yang dua itu, silalah anda tanyakan".

Kalau tidak dijelaskan bahawa sebenarnya mereka ingin membatasi dan membawa pengertian ayat-ayat yang ada hubungannya – yang pada lahirnya meragukan – kepada pengertian yang telah dikemukakan oleh para pemuka mereka, maka dia yang mengatakan seperti tersebut di atas sudah kufur secara nyata. Mintalah perlindungan kepada Allah.

Banyak karya para ulama *ahlus-sunah* dipenuhi dengan pelbagai pembicaraan sehubungan dengan bidaah-bidaah ini. Penolakan atas bidaah itu dipaparkan panjang lebar dengan dalil-dalil yang benar. Kami menyinggungnya hanya sebagai suatu alat pembeza antara keterangan terinci tentang pendapat-pendapat itu dan keterangan yang bersifat garis besarnya saja.

> "Dan puji bagi Allah yang telah memberi petunjuk kepada kita. Kita tidaklah mendapat petunjuk kalau Allah tidak memberi kita petunjuk".[74]

Sedangkan ayat-ayat yang secara hurufiahnya tidak menunjukkan pada dalil-dalil yang tegas dan makna yang jelas – seperti wahyu, malaikat, roh, jin, barzakh, ehwal kiamat, Dajjal, fitnah, tanda-tanda kiamat, dan segala sesuatu yang tidak mungkin dimengerti atau memang luar biasa – tidak akan mengandung *tasybih* apabila kita menerangkannya berdasar rujukan pada keterangan terinci yang dikemukakan Mazhab Asy'ariyah – iaitu

---

74 Al-Quran, surah al-A'raf, ayat 43.

ahlus-sunnah. Dan bila dikatakan bahawa itu mengandung *tasybih,* maka mari kita jelaskan dengan menyingkap tabir mengenai soal itu. Kita katakan:]

Suatu yang harus disedari ialah alam manusia itu merupakan suatu alam yang paling mulia dan paling tinggi martabatnya dibandingkan dengan alam-alam lainnya yang maujud. Meskipun realiti (*haqiqah*) manusia itu adalah serupa sahaja di dunia, namun ia memiliki tingkatan yang berbeza, yang ditentukan oleh keadaan-keadaan yang khas baginya, hingga sepertinya realiti pada setiap tahap sememangnya adalah berbeza.

Tingkatan pertama adalah dipenuhi oleh alam manusia yang bersifat jasmaniah yang mencakup tanggapan inderawi luaran, fikirannya yang terarah kepada mentari penghidupan dan semua kegiatan lainnya yang diberikan kepadanya oleh kewujudannya yang kini.

Tingkatan kedua adalah meliputi alam tidur (mimpi). Ia mencakup tanggapan melalui imaginasi. Manusia itu membiarkan tanggapan imaginasinya berkelana di dalam batinnya. Dengan indera luarannya dia mengetahui atau menyedari bahawa sebahagian daripadanya tidak dikongkongi oleh waktu, tempat atau keadaan-keadaan jasmaniah lainnya. Dia menyaksikannya di tempat-tempat di mana dia sendiri tidak ada di sana. Sekiranya semuanya itu baik-baik belaka, ianya mendatangkan perkhabaran yang baik di dunia dan di dunia akhirat sebagaimana benarnya apa yang dijanjikan oleh Nabi Muhammad s.a.w.

Kedua-dua tingkatan ini adalah terdapat pada semua orang. Akan tetapi, sebagaimana yang dapat dilihat, kesemuanya itu berbeza dalam cara menanggapinya yang diperoleh di dalamnya.

Tingkatan yang ketiga ialah tentang kenabian. Ia adalah terbatas pada segolongan manusia mulia berdasar kenyataan bahawa Allah telah memilih mereka melalui pengetahuan-Nya dan pernyataan akan keesaan-Nya, melalui wahyu yang ditunjukkan kepada mereka oleh malaikat-malaikat-Nya, dan melalui perintah agar mereka melakukan kebaikan ke atas manusia sehubungan dengan segala keadaan-keadaan yang berbeza daripada berbagai keadaan lahiriah manusia.

Tingkatan keempat adalah mengenai kematian. Di sini, individu itu meninggalkan kehidupan lahiriahnya untuk kewujudan lain sebelum dibangunkan semua pada hari kiamat. Ia disebut alam barzakh. Di dalamnya, mereka menikmati kebahagiaan atau

memperoleh seksa, tergantung kepada amal perbuatan ketika masih hidup. Kemudian, menuju ke hari kiamat yang sebenar-benarnya dan di sana mereka menerima pembalasan yang besar, iaitu kebahagiaan di syurga atau diseksa di neraka.

Tingkatan pertama dan kedua adalah dibuktikan oleh gerak hati. Tingkatan ketiga, iaitu tingkat kenabian, dibuktikan oleh pelbagai mukjizat dan keadaan-keadaan yang khusus bagi para nabi. Tingkatan yang keempat, dibuktikan oleh wahyu yang diturunkan kepada nabi-nabi, berhubung dengan kebangkitan semula, perihal alam barzakh, dan kiamat. Namun, kemampuan akal memerlukan pengetahuan yang mampu mencapai 'Ada'nya. Allah s.w.t. sahaja telah menarik perhatian kita kepada hal-hal tersebut di dalam banyak ayat yang berhubungan dengan kebangkitan sesudah mati. Alasan paling baik yang membuktikan keabsahannya ialah bahawa sekiranya, selain daripada kewujudan di dunia ini, manusia itu tidak lagi diwujudkan sesudah matinya, di mana dia akan mengalami keadaan-keadaan yang sesuai untuk mereka, adalah suatu yang sia-sia menciptakan mereka itu. Sekiranya kematian itu adalah suatu ketidakwujudan (*non-existence*) ia akan bererti individu itu akan kembali ke ketiadaan (*adam*). Dalam hal begitu, mewujudkan mereka di dunia ini bagaikan tidak mengandung apa-apa hikmahnya. Dan ia dengan demikian suatu yang tidak dapat diterima akal untuk menyatukan bahawa Allah akan bertindak sedemikian bodoh.[75]

Akan sekarang keempat-empat tingkatan ini sudah dapat dijelaskan, maka kami menerangkan bagaimana tanggapan-tanggapan manusia mengenai keempat tingkatan itu secara nyatanya saling berbeza. Hal ini akan menyingkap selok-belok masalah *mutasyabihat* atau (*ambiguity*).

Pada tingkatannya yang pertama, persepsi manusia adalah jelas dan nyata sebagaimana firman Allah s.w.t.

> "Dan Allah mengeluarkan kamu daripada perut ibumu dalam keadaan tidak mengetahui sesuatu apa pun, dan Dia memberi kamu pendengaran, penglihatan dan hati".[76]

---

75 Menunjuk pada firman Allah: "Adalah kalian mengira bahawa sesungguhnya Kami menciptakan kalian secara sia-sia dan bahawa kalian tidak akan kembali kepada Kami?" (al-Mukminin, ayat 115).

76 Al-Quran, surah al-Nahl ayat 78.

Melalui bantuan tanggapan ini, manusia telah dapat menguasai pelbagai disiplin pengetahuan, demi menyempurnakan realiti kemanusiaannya dan memuaskan tuntutan-tuntutan ibadah yang akan membawa kepada keselamatan.

Pada tingkatannya yang kedua – iaitu sama ada semasa sedang tidur (ataupun mimpi – tanggapan manusia adalah sama sepertimana tanggapan indera luarannya. Meskipun, anggota-anggota badan manusia itu tidak digunakan sebagaimana dalam keadaan jaganya namun orang yang memiliki sesuatu visi menikmati tiap sesuatu yang dilihatnya di dalam tidurnya tanpa ada keragu-raguan atau rasa waswas. Anggota tubuhnya itu tidaklah digunakan secara biasanya.

Mengenai hakikat keadaan ini, orang-orang itu terbahagi kepada dua golongan:

Para ahli falsafah beranggapan bahawa gambaran-gambaran khayal itu dipindahkan oleh khayalan melalui gerakan fikiran ke 'rasa umum' atau *common-sense* yang merupakan batas penghubung antara tanggapan indera dan dalaman sebagai akibatnya, gambaran-gambaran ini akan terlukiskan sebagai sesuatu yang dapat ditanggapi oleh semua indera di dalam alam luaran. Apa yang sulitnya ialah bahawa mimpi-mimpi yang sebenar-benarnya itu datang dari[77] Allah atau dari malaikat adalah tampak lebih mantap serta lebih nyata daripada mimpi-mimpi yang berasal daripada syaitan meskipun daya khayal itu adalah aktif dalam kedua-duanya adalah satu dan sama, sebagaimana yang dinyatakan oleh para ahli falsafah.

Golongan yang kedua adalah para ulama kalam (spekulatif). Keterangan singkat tentang persoalan itu adalah suatu hal yang berupa tanggapan yang diciptakan oleh Allah s.w.t. di dalam alam indera-indera, dan ia pun terjadi sebagaimana yang berlaku di dalam keadaan jagaannya.

Tanggapan sewaktu dalam tidur itu merupakan bukti paling jelas bagi tanggapan inderawi yang terjadi pada tingkat yang berikutnya.

Adalah suatu yang tidak jelas bagi kita tentang tanggapan inderawi mengambil tempat pada tingkatan yang ketiga – seperti yang wujudnya nabi-nabi – tetapi mereka sendiri memiliki lebih

---

77 Mimpi yang benar disebutkan dalam *atsar*: "Mimpi yang soleh berasal daripada Allah dan *hulm* (bunga tidur) berasal daripada syaitan".

daripada suatu pengetahuan mengenai tanggapan melalui gerak hati. Nabi melihat Allah dan para malaikat-Nya. Dia dapat mendengar sendiri firman Allah daripada Allah sendiri ataupun daripada malaikat-malaikat-Nya. Dia melihat syurga, neraka, arsy dan martabat Allah. Dia dapat melampau, tujuh lapis langit dalam *israk*nya. Dia mengenderai *buraq*. Dia telah mengunjungi nabi-nabi (di langit yang tujuh itu), dan mendirikan solat bersama mereka. Dia menanggapi pelbagai bentuk tanggapan inderawi, sama sebagaimana dia menanggapinya di dalam tingkatan-tingkatannya yang bersifat jasmani dan tidur tetapi melalui suatu pengetahuan yang Allah mengarahkan untuknya, dan bukan dengan tanggapan manusia biasa melalui anggota-anggota yang ada itu.

Dalam hubungan ini, tidak ada perhatian harus diberikan kepada Ibn Sina. Beliau telah meletakkan kenabian, *nubuwwah* berada pada tingkatan tidur dan menyatakan bahawa daya khayal telah memindahkan sesuatu gambar ke 'rasa umum' atau *common-sense* (al-hiss al-musytarak). Sanggahan terhadap para ahli falsafah di sini, adalah lebih kuat dalam soal mimpi. Sebab sebagaimana telah kita sebutkan proses perpindahan oleh daya khayal adalah secara semula jadinya satu dan sama. Melalui cara ini wahyu dan mimpi daripada nabi mestilah satu alam realitinya sama sebagaimana realiti dan kepastian mereka. Namun, ternyata ia tidaklah sedemikian sebagaimana yang seseorang ketahui daripada mimpi nabi hanya enam bulan sebelum adanya wahyu. Mimpi itu adalah permulaan wahyu dan terdahulu daripadanya yang membuktikan bahawa pada hakikatnya ia adalah lebih rendah daripada wahyu.

Demikian pula perihal penerimaan wahyu ke atas diri nabi. Pernah nabi mengalami kesulitan sewaktu menerimanya. Baginda menderita kepayahan – sebagaimana yang disebut-sebut di dalam Hadis Shahih – sehingga al-Quran diturunkan kepada baginda secara ayat demi ayat. Namun surah *Baraah* diturunkan sekaligus kepadanya di dalam Perang Tabuk. Ketika itu, baginda sedang berada di atas untanya. Andaikata wahyu merupakan proses perpindahan fikiran ke imaginasi saja dan dari imaginasi ke 'rasa umum', maka tidaklah terjadi perbezaan-perbezaan keadaan di antara berbagai peristiwa turunnya wahyu yang sememangnya tidak sama.

Pada tingkatan yang keempat – iaitu peringkat di mana orang-orang yang sudah mati berada di alam barzakh, yang dimulai di tanah perkuburan ketika roh yang sudah bebas daripada

jasad atau sewaktu kebangkitan ketika mereka menerima kembali jasad – mereka yang telah mati ada memiliki tanggapan-tanggapan inderawi. Di dalam kuburnya orang yang telah mati melihat dua malaikat yang akan menyoalnya menyaksikan dengan kedua matanya sendiri dia akan melihat tempatnya yang sebenar sama ada akan ke syurga ataupun ke neraka. Dia dapat melihat mereka yang mengiringi jenazahnya di kuburan dan akan mendengar segala apa yang mereka katakan, dia mendengar bunyi tapak-tapak kaki ketika mereka meninggalkannya. Dia akan mendengar *tauhid*, keesaan Tuhan atau penegasan *talqin* dua kalimah syahadat yang mereka ucapkan supaya jelas padanya dan lain-lainnya.

Di dalam Hadis Shahih disebutkan Rasulullah s.a.w. berdiri di pinggiran sebuah sumur tua di Badar, yang di dalamnya terdapat orang-orang musyrik dari suku Quraisy yang telah terbunuh. Nabi memanggil mereka dengan menyebut nama-nama mereka.

> Umar lalu bertanya: "Ya Rasulullah, apakah Rasul berbicara dengan orang-orang yang telah kering itu?"
>
> Rasulullah menjawab: "Demi Tuhan yang diriku ada di tangan-Nya, kalian tidak lebih mendengar dari mereka atas apa-apa yang saya katakan."

Tambahan pula, sewaktu dibangkitkan dan pada hari kiamat mereka yang telah mati itu akan berada di peringkat yang berbeza sama ada akan menikmati kemudahan di syurga dan seksaan di neraka dengan mata dan pendengaran mereka sendiri, persis sebagaimana yang mereka pergunakan ketika mereka masih hidup dahulu. Mereka akan melihat para malaikat dan melihat Tuhan.

Sebagaimana disebutkan di dalam Hadis Shahih:

> "Sesungguhnya kalian akan melihat Tuhan kalian di hari kiamat seperti bulan di malam purnama, kalian tidak berkerumun di dalam melihat-Nya".

Tanggapan begini tidak dimiliki ketika mereka masih hidup di dunia. Dan tanggapan itu adalah bersifat inderawi, *hissiyah* sepertimana tanggapan-tanggapan lain yang mereka miliki sewaktu hidup di dunia. Tanggapan ini ada di dalam anggota tubuh melalui pengetahuan paling tinggi darjatnya yang diciptakan Allah, sebagaimana telah kami kemukakan. Rahsianya adalah terletak pada pengetahuan jiwa yang tumbuh di dalam tubuh dan melalui tang-

gapan-tanggapan yang dibuat oleh jasad. Apabila roh meninggalkan jasad ketika sedang tidur atau sewaktu kematian, atau ketika seorang nabi sedang menerima wahyu, terjadilah perubahan daripada tanggapan manusia kepada tanggapan malaikat. Jiwa itu menemani segala yang bersamanya yang berupa tanggapan-tanggapan manusia tetapi bebas daripada anggota jasad. Melalui tanggapan begitu, jiwa menanggapinya pada tingkatan yang ada sahaja yang ingin ia tanggapi tetapi tanggapan itu adalah berada pada taraf yang lebih tinggi daripada tanggapan yang dimiliki ketika jiwa berada di dalam jasad. Ini telah dikemukakan oleh al-Ghazali, dengan tambahan keterangan bahawa jiwa manusia memiliki suatu bentuk yang kekal sesudah perpisahannya dari jasad, namun, seperti struktur tubuh itu sendiri yang mempunyai dua mata, dua telinga, dan semua anggota tubuh yang membantu manusia untuk mendapatkan tanggapan. Saya akan mengatakan bahawa al-Ghazali adalah merujuk kepada kebiasaan-kebiasaan yang diperolehi melalui penggunaan semua anggota jasad sebagai tambahan kepada tanggapan.

Apabila seseorang itu sudah memahami semua ini, dengan sendirinya dia akan tahu bahawa tanggapan-tanggapan itu ada berada pada empat peringkat. Namun ia tidaklah persis sama dengan yang terdapat dalam kehidupan dunia ini. Ia berbeza dalam kesungguhannya sesuai dengan keadaan-keadaan yang ada kaitan dengannya. Ulama-ulama kalam telah menyinggung fakta ini di dalam pernyataan singkat bahawa Allah telah menciptakan di dalam indera suatu pengetahuan penting tentang perkara yang ditanggapi sama ada ianya suatu tanggapan yang dapat dilihat seboleh mungkin. Dengan itu, mereka kembali kepada hal yang sama mengenai apa yang telah kami jelaskan.

Inilah suatu pengetahuan sekilas yang telah kita singgung keterangannya yang menjelaskan pendapat tentang *mutasyabih.* Jika lebih luas lagi kita membicarakannya, tanggapan-tanggapan tentang itu pasti ada batasnya. Maka, marilah kita mohon doa daripada Allah s.w.t. di dalam mencari petunjuk dan kefahaman tentang nabi-nabi-Nya dan kitab-kitab-Nya, sehingga dengan itu diperoleh kebenaran *di dalam pernyataan tauhid* kita dan dicapai kemenangan dan keselamatan kita.

Allah memberi petunjuk kepada siapa sahaja yang dikehendaki-Nya.

18 Ilmu Tasawuf

Ilmu tasawuf (*sufisme*) adalah termasuk ke dalam ilmu syariat agama yang berasal daripada Islam. Ia didasarkan kepada anggapan bahawa amalan-amalan oleh pengikutnya telah dianggap oleh orang-orang Islam Muslim terawal yakni para sahabat nabi, para tabiin, dan juga mereka yang datang sesudah itu sebagai jalan menuju kebenaran dan hidayah. Pendekatan sufi adalah didasarkan kepada pelaksanaan yang bersifat kerap dalam beribadah, kesetiaan yang penuh kepada Allah, enggan pada kesemarakan kosong di dunia, berpantang daripada menikmati kesenangan, harta, dan kedudukan seperti yang dicita-citakan oleh orang ramai dan menjauhkan diri dari dunia serta pergi berkhalwat untuk melaksanakan ibadah. Hal-hal seperti itu adalah umumnya dilakukan oleh para sahabat nabi dan orang-orang Islam terawal atau al-salaf.

Kemudian, keinginan menikmati hal-hal yang duniawi tumbuh dan berkembang pada abad yang kedua dan sesudahnya. Pada masa itu, gelaran sufi akan diberikan kepada orang-orang yang dengan rela hati melakukan ibadah terhadapnya.

Al-Qusyairi – semoga rahmat Allah dilimpahi ke atasnya – berpendapat: Tak ada bukti bahawa nama ini merupakan katajadian atau kata kias dari segi bahasa. Yang jelas, nama itu adalah sebuah gelas. Pendapat bahawa "sufi" asal katanya dari *shafa* atau dari *shuffah*, tidaklah benar dari segi filologi. Demikian pula mereka yang menyatakan asal kata "sufi" dari *showf*, sebab orang-orang sufi tidak mengkhususkan diri untuk memakai pakaian daripada bulu domba.

Apa yang benar sebagaimana menurut saya ialah kalaulah benar "sufi" itu merupakan kata-jadian, maka pasti ia berasal dari kata *showf*. Para sufi seringkali mengkhususkan diri mengenakan pakaian daripada bulu domba, sebab dengan itu mereka hendak menentang orang-orang lain dalam soal pakaian yang mewah-mewah.

Kaum sufi adalah yang tampil dengan menunjukkan sikap *zuhud* atau asketikisme. Mereka mengusahakan suatu bentuk tanggapan yang khusus dari apa yang terjadi melalui pengalaman eksketik, sebagaimana selanjutnya. Manusia sebagai manusia, adalah dibezakan semua binatang melalui kesanggupannya untuk membuat tanggapan. Persepsi adalah dua macam. Dia boleh menanggapi ilmu-ilmu dan bahan-bahan pengetahuan, dan ini

boleh jadi suatu yang ditetapkan, sangkaan, keragu-raguan, atau khayalan. Juga dia boleh melakukan persepsi bagi 'keadaan-keadaan' yang timbul pada diri manusia, seperti senang dan susah, gelisah dan tenang, kepuasan, marah, sabar, syukur, dan lain sebagainya. Maka, makna[78] yang rasional dan yang aktif di dalam jasad adalah tumbuh daripada tanggapan-tanggapan, kehendak-kehendak dan keadaan-keadaan. Ianya melalui yang membezakan manusia daripada binatang-binatang. Pengetahuan adalah berasal daripada bukti-bukti, kepayahan dan kesenangan bermula daripada tanggapan tentang sesuatu yang dirasakan amat menyakitkan atau yang menyeronokkan bertenaga daripada setelah istirahat, dan malas akibat kelelahan. Dengan cara yang sama, latihan-latihan rohaniah dan ibadah oleh pelatih-pelatih sufi haruslah mengarah kepada suatu 'keadaan' yang merupakan hasil daripada latihan rohaniah *mujahadah*nya. Keadaan itu boleh diakibatkan daripada suatu bentuk ibadah. Kemudiannya, ia menjadi telah sebati dengan dirinya dan menjadi suatu matlamat bagi dirinya. Atau, kemungkinan ia bukan suatu ibadah yang sesungguhnya, tetapi menjadi suatu sifat yang mempengaruhi jiwa, seperti sukacita atau berasa gembira, atau bersemangat ataupun berasa malas, atau lain-lainnya.

Matlamat atau tempat-tempat pemberhentian *maqamat* membentuk suatu tata yang meningkat. Ahli-ahli sufi yang baru akan berusaha daripada satu 'mercu' ke satu 'mercu' yang lainnya hinggalah dia sampai kepada kemantapan akan keesaan Allah (*tauhid*) dan *gnosis* atau (*makrifat*) yang merupakan puncak keinginan daripada kebahagiaan. Sabda Nabi Muhammads.a.w.:

> "Barang siapa mati dalam keadaan bersaksi bahawa tidak ada Tuhan selain Allah, dia akan masuk syurga."

Maka pelatih-pelatih sufi haruslah mencapai kemajuan secara berperingkat-peringkat. Asas daripada semuanya ini adalah ketaatan dan keikhlasan. Iman mendahului dan menemani kesemuanya. Akibat dan hasilnya adalah berupaya keadaan-keadaan dan sifat-sifat. Ia menimbulkan yang lain, dan yang lain-lainnya, hingga sampai kepada mercu *maqam* tauhid dan '*irfan* atau

78 Demikian di dalam cetakan Paris. Dalam cetakan-cetakan yang ada, berbunyi: "Roh yang rasional". Teks Paris lebih jelas.

(*gnosis*), apabila pada hasil itu nampak beberapa kekurangan atau kecacatan, maka orang itu dapat menyedari bahawa ia adalah disebabkan oleh kelemahan yang berlaku pada peringkat yang sebelumnya. Hal yang sama diaplikasikan pula pada idea-idea mengenai jiwa dan aspirasi-aspirasi di dalam hati.

Dengan demikian, para pelatih itu harus memeriksa dirinya dengan cermat dalam semua tindakannya dan mempelajari pelbagai makna yang tersembunyi pada tingkah lakunya; sebab hasilnya tidak boleh tidak akan berasal daripada tindakan, dan kekurangannya juga berasal daripada cacat-celanya di dalam tindakan-tindakan. Para sufi yang baru bermula itu akan mengetahuinya daripada pengalaman mistiknya (*dzawq*), dan dia akan memeriksa dirinya dengan cermat apa yang menjadikan penyebab-penyebabnya.

Begitu sedikit sekali orang yang menyertai apa yang para sufi lakukan di dalam usahanya untuk pemeriksaan diri, sebab kelalaian dalam soal ini begini adalah sejagat. Orang-orang yang kuat beribadah yang tidak mencapai puncak itu, dengan apa yang terbaiknya, hanya melakukan amal-amal yang baik. Namun, orang-orang sufi memeriksa hasil-hasil daripada amalan-amalan ketaatan dengan bantuan pengalaman mistik dan ekstatik, untuk mempelajari apakah itu bebas daripada kelemahan ataupun tidak. Dengan demikian, sudah jelaslah bahawa jalan ke arah sufi seluruhnya adalah tergantung kepada pemeriksaan diri terhadap segala yang mereka lakukan atau yang mereka tinggalkan, dan tergantung pada pembicaraan tentang pelbagai macam pengalaman mistik dan ekstatik yang timbul dari *mujahadah* mereka. Kesemuanya itu akan menampakkan kesuciannya kepada para sufi yang baru bermula itu dalam suatu '*maqam*'. Dari *maqam* atau 'mercu' itu, dia dapat naik ke *maqam* yang lain, yang lebih tinggi lagi.

Tambahan pula, golongan sufi ini memiliki suatu bentuk tingkah laku yang tersendiri dan istilah bahasa yang khusus dalam pengajaran. Data linguistik itu dapat diterapkan hanya pada idea-idea yang diterima secara umumnya. Apabila berlakunya idea-idea yang tidak diterima secara umum, maka istilah-istilah teknik yang memudahkan pengertian terhadap idea-idea itu diciptakan untuk mengungkapkannya.

Dengan demikian, para sufi itu memiliki disiplin ilmunya yang tersendiri, suatu yang tidak dibicarakan oleh ahli-ahli undang-undang syariat. Akibatnya, ilmu syariat itu terbahagi kepada dua

jenis. Satu daripadanya oleh lapangan khusus para ahli-ahli fikah dan mufti-mufti. Ia adalah bidang yang menitikberatkan hukum-hukum yang menyangkuti ibadah terhadap Allah s.w.t., bertingkah laku dan *muamalat*. Sementara yang satu lagi merupakan lapangan khusus bagi sufi. Ia berkenaan dengan *mujahadah*, pemeriksaan ketat atas diri sendiri, pembicaraan tentang pelbagai macam pengalaman mistik dan ekstatik yang terjadi pada jalan memandang ke dalam dari atau interospeksi, mode peningkatan ke atas daripada satu pengalaman mistik ke yang lainnya, dan interpretasi tentang terminologi teknikal mistikisme yang dipergunakan di kalangan mereka.

Apabila bermacam-macam ilmu itu dapat ditulis secara sistematis dan ketika para ahli fikah menulis karya-karyanya tentang fikah dan pelbagai prinsip dasar fikah, tentang ilmu kalam, tafsir al-Quran, dan soal-soal lainnya, kaum sufi juga menulis tentang masalah-masalah tersebut. Sebahagian sufi menulis tentang hukum mengenai asketikisme dan pemeriksaan diri, bagaimana bertindak dan tidak bertindak dalam peniruan orang-orang salih, seperti dilakukan al-Muhasaby di dalam buku *al-Ri'ayah*. Sebagai sufi ada yang menulis mengenai tata perilaku *thariqah*, pengalaman mistik dan ekstatik mereka dalam pelbagai keadaan sebagaimana dilakukan al-Qusyairi di dalam bukunya *al-Risalah*, dan al-Suhrurdi di dalam bukunya *Awarif al-Ma'arif*, dan lain-lainnya.

Al-Ghazali di dalam *Kitab al-Ihya* secara sistematis mengumpulkan hukum-hukum mengenai asketikisme dan peniruan model-model. Kemudian, dia pun menjelaskan tentang perilaku dan kebiasaan-kebiasaan para sufi dan membuat ulasan mengenai teknikal mereka.

Ilmu tasawuf menjadi suatu disiplin ilmu yang tertulis dalam Islam. Sebelum itu, mistikisme hanya merupakan suatu ibadah sahaja, dan hukum-hukumnya telah terwujud di dalam dada-dada manusia. Hal yang sama terjadi pula pada semua disiplin ilmu lainnya, seperti tafsir al-Quran, ilmu hadis, fikah, dan *ushul fiqih*, dan sebagainya.

Latihan-latihan rohani (*mujahadah*), pengasingan diri (*khalwat*) dan berdoa (*zikir*) ini biasanya diikuti dengan tersingkapnya tutup perasaan. Para sufi tadi dapat melihat dunia ketuhanan di mana seseorang yang masih mempunyai tanggapan itu tidak berupaya menanggapinya sama sekali. Jiwa itu adalah milik dunia itu.

Sebab tersingkapnya tutup perasaan ini adalah sebagaimana berikut. Bila mana roh itu menjauhkan dirinya dari daya tanggapan lahiriah dan masuk ke dalam dirinya sendiri, maka kekuatan itu menjadi lemah, dan roh itu menjadi bertambah kuat. Ia memperolehi keutuhan dan pertumbuhannya yang baru. Amalan-amalan kerohanian membantu ke arah itu. Ia adalah seperti makanan untuk menjadi roh itu tumbuh. Roh itu terus berkembang dan bertambah. Ia adalah pengetahuan. Sekarang ia menjadi visi. Tirai perasaan akan tersingkap dan roh itu menyedari kewujudannya yang sebenar. Ia adalah serupa dengan tanggapan. Lalu, sufi mulai memahami sifat-sifat Allah, mendapat bahagian daripada Ilmu-Nya, dan menerima rahmat yang khusus daripada-Nya; dan rohnya menjadi lebih dekat mencapai kesanggupannya kepada tingkatan malaikat yang lebih tinggi.

Terangkatnya tabir atau *kasyf* ini seringkali terjadi pada mereka yang membiasakan diri dengan latihan-latihan rohaniah. Mereka menanggapi .pelbagai rahsia ciptaan Tuhan yang tidak boleh ditangkap oleh orang lain. Begitu juga dengan keupayaan mengetahui banyak peristiwa sebelum ianya terjadi. Dengan bantuan akal mereka dan kekuasaan *psychic* ia adalah aktif di kalangan *existentia* di bawahnya yang dengan itu terpaksa patuh kepada kemahuannya. Akan tetapi seorang ahli sufi yang tulen tidak mengambil berat terhadap terbukanya tirai atau hijab dan kegiatan di kalangan *existentia* bawahan. Mereka tidak menyumbangkan apa-apa maklumat tentang hakikat sesuatu yang telah diperintah supaya dibicarakan. Malah, mereka menganggap pengalaman-pengalaman yang sedemikian itu suatu cubaan, sewaktu hal-hal sebegitu berlaku ke atas mereka. Mereka cuba melepaskan diri dari semua itu.

Para sahabat Nabi Muhammad s.a.w. telah melakukan *mujahadah* ini. Dan mereka pun mendapat bahagian *karamah* yang melimpah-ruah. Namun mereka tidak menganggap tinggi *kasyf* ini. Diberitakan bahawa Abu Bakar, Umar, Usman dan Ali memiliki banyak kelebihan. Sesudah itu, diikuti para ahli mistikisme. Dan dalam risalah al-Qusyairi secara lengkap dan sempurna mereka ini disebut-sebut. Mereka diikuti pula oleh orang-orang lain sesudah itu.

Kemudian, beberapa ahli mistik mutakhir telah beralih kepada soal *kasyf* atau tabir dan mendiskusikan tanggapan-tanggapan yang ada di bahagian yang lebih jauh lagi daripada

(tanggapan indera). Cara-cara mengamalkan amalan mistik adalah berbeza. Mereka telah mengajarkan cara-cara yang berbeza untuk mengukuhkan kekuatan-kekuatan tanggapan inderawi dan memberi makanan kepada roh yang memberikan alasan melalui *zikir*, supaya jiwa itu memperolehi pertumbuhan yang sepenuhnya dan memperolehi tanggapannya yang tersendiri. Apabila ianya terjadi, mereka percaya bahawa seluruh kewujudan itu dikuasai oleh persepsi roh, maka esensi wujud akan didedahkan kepada mereka menanggapi yang sebenar daripada seluruh esensi daripada kekuasaan Allah sampailah kepada hujan gerimis. Demikianlah apa yang dikatakan oleh al-Ghazali di dalam *Kitab al-Ihya*, sesudah menyebutkan bentuk *riyadhah* atau amalan mistik.

Ahli sufi tidak menganggap terbukanya *kasyf* sebagai hal yang benar dan sempurna melainkan apabila ianya terbit daripada ketulusan. Orang yang berlapar dan mengasingkan diri *khalwat*, seperti tukang-tukang tenung, penganut agama Kristian, dan mereka yang mengamalkan latihan-latiḩan rohaniah, boleh mendapatkan *kasyf* tanpa perlunya ketulusan. Sungguhpun demikian kita hanya bicara tentang *kasyf* yang terbit daripada keikhlasan, boleh diperbandingkan dengan cermin sekiranya kaca itu cembung atau cekung, maka objek yang akan terbayang di dalamnya adalah berubah daripada bentuk asalnya. Tetapi sekiranya cermin itu rata, ia akan memberikan bayangan objek yang sebenarnya. Selagi keadaan dapat menguasai jiwa itu, ketulusan adalah pada jiwa sebagaimana rata terhadap cermin.

Ahli sufi mutakhir yang terlalu memberikan perhatian terhadap bentuk *kasyf* ini berbicara tentang pelbagai hakikat ciptaan, *existensia* yang tinggi dan yang rendah dan tentang hakikat kerajaan Allah, roh, singgahsana Allah (Arsy), kerusi Allah, dan lain-lain seumpamanya. Mereka yang tidak sefaham dengan pendekatan mereka tentunya tidak berupaya memahami pengalaman-pengalaman ekstatik dan mistik dalam masalah ini. Terdapat sebahagian para mufti yang menolak ahli sufi ini dan sebahagian pula menerimanya. Bermacam-macam hujah dan bukti adalah tidaklah bermanfaat untuk memastikan apakah pendekatan ahli sufi ini harus ditolak atau diterima, sebab ianya termasuk kepada suatu pengalaman intuitif, *wijdaniyyat*.

Beberapa penjelasan terperinci dan *tahqiq*.

Ulama-ulama *hadis* dan ulama-ulama *fiqah* yang membahaskan masalah-masalah akidah selalu menyatakan bahawa Allah

s.w.t. adalah terpisah daripada makhluk-makhluk-Nya. Ulama-ulama kalam pula menyatakan bahawa Allah itu tidak terpisah dan tidak pula berhubungan, para ahli falsafah pula mengatakan bahawa Allah itu tidak ada di dalam dunia dan tidak pula di luarnya. Sufi-sufi mutakhir pula menyatakan bahawa Allah bersatu dengan makhluk-makhluk-Nya, dalam erti bahawa Dia berinkarnasi di dalamnya, atau dalam erti bahawa Dia adalah sama dengan (makhluk-makhluk-Nya), dan di sana tidak ada sesuatu pun selain Dia secara keseluruhan dan ini sebahagian daripadanya.

Wajarlah diterangkan secara terperinci mengenai mazhab-mazhab ini dan maksud sebenar tiap-tiapnya. itu supaya keutamaannya dapat dijelaskan. Kita katakan:

Keterpisahan itu memiliki dua makna, ia boleh bermaksud keterpisahan dalam ruang dan arah. Apa yang sebaliknya pula, adalah kesinambungan. Dalam pengertian ini, pernyataan 'terpisah' adalah mempunyai maksud bahawa Tuhan itu berada di sesuatu tempat sama ada secara langsung – yakni secara langsungnya berubah-ubah kepada berbentuk manusia "anthropomorphism" atau *tajsim* – atau secara tidak langsung kepada 'anthromorphism' atau *tasybih* – dilihat daripada arah pembicaraan mengenai ketuhanan. Suatu yang dilaporkan khabarkan bahawa ulama salaf telah sama-sama mengakui tentang keterpisahan Tuhan tetapi dengan kemungkinan interpretasi yang berbeza.

Dengan demikian para ulama kalam tidak memperakui keterpisahan ini. Mereka menyatakan, suatu yang tidak dapat dikatakan bahawa Allah Pencipta itu adalah terpisah daripada makhluk-makhluk-Nya dan tidak dapat pula dikatakan bahawa Dia mempunyai pertahan dengan mereka kerana pernyataan tersebut hanya boleh dibuat mengenai hal-hal yang berada di dalam ruang. Pernyataan tentang benda tertentu yang dapat digambarkan sebagai sesuatu yang sama sekali tanpa konsep dan pada waktu yang bersamaan malahan menjadi lawan dari konsep itu tergantung kepada apakah deskripsi tentang benda tersebut ada atau tidak sekiranya ia tidak mungkin, maka pernyataan itu adalah tidaklah benar. Ia, malah, adalah diwajarkan menggambarkan sesuatu benda sebagai yang sama sekali tanpa konsep dan pada waktu yang sama menjadi lawan dari konsep itu. Maka, sesuatu benda pejal dapat dinyatakan sebagai: yang tidak bijaksana dan yang tidak, bodoh yang tidak bertenaga dan yang tidak lemah,

yang tidak menimbulkan bahaya dan yang tidak membahayakan. Nah, kebenaran, dalam menggambarkan Tuhan sebagai yang terpisah dengan cara seperti tersebut di atas adalah tergantung kepada kemungkinan anggapan tentang Tuhan dalam pengertian yang setepatnya daripada perkataan itu, meskipun hal ini tidak dapat diterapkan kepada Tuhan Pencipta, yang bebas daripada sesuatu gambaran semacam itu. Sebagaimana yang disebutkan oleh Ibn at-Tilmisani di dalam komentarnya atas *al-Luma* karya Imam al- Haramain. Katanya:

> "Tidaklah dikatakan bahawa Tuhan Pencipta terpisah dari alam dan tidak berhubungan dengannya, tidak masuk di dalam dan tidak ada di luarnya."

Itulah makna pendapat ahli falsafah yang menyatakan bahawa Dia tidak berada di dalam alam dan tidak berada di luarnya, berdasar kepada adanya esensi (*jauhar-jauhar*) yang tidak menempati sesuatu ruang. Ulama-ulama kalam menolaknya, kerana pendapat itu mengandung kemungkinan menyamakan esensi-esensi itu dengan Tuhan Pencipta dalam sifat-sifat yang paling khusus. Hal tersebut diterangkan panjang lebar di dalam Ilmu Kalam, teologi spekulatif.

Pengertian lain daripada maksud keterpisahan adalah "menjadi amat berbeza dan tidak sama". Maka dikatakanlah "Tuhan itu terpisah daripada makhluk-makhluk-Nya di dalam zat-Nya, ciri-ciri-Nya, wujud-Nya, dan sifat-Nya". Lawannya adalah menjadi satu (*ittihad*), melebur dan bergabung dengan sesuatu apa pun.

Keterpisahan Tuhan ini diandaikan sebagai kebenaran oleh kalangan salaf, ulama-ulama syariat, para ulama kalam, dan orang-orang sufi terdahulu, seperti penganut *Risalah Qusyairiyah* dan mereka yang mengikut jejaknya.

Sejumlah sufi mutakhir yang menganggapkan persepsi intuitif sebagai sesuatu yang bersifat ilmiah dan logis, mengemukakan pendapat bahawa Pencipta adalah satu dengan makhluk-Nya dalam ciri-ciri-Nya, wujud-Nya dan sifat-sifat-Nya. Seringkalinya mereka membuat andaian bahawa itu adalah pendapat ahli falsafah sebelum Aristotles, seperti Plato dan Socrates.

Inilah yang dimaksudkan oleh ulama-ulama kalam ketika mereka berusaha memperkatakan tentang keesaan Tuhan dengan

makhluk-makhluk-Nya di dalam ilmu kalam, dan berusaha menyangkalnya. Tetapi mereka tidak bermaksud mahu menyatakan bahawa adanya dua zat, satu di antaranya harus dilenyapkan atau diletakkan di bawah yang lainnya sebagai bahagian daripada yang seluruhnya. Kesemuanya itu akan menjadi suatu perbezaan yang amat jelas, dan mereka tidak ingin menyatakan sedemikian.

Kesatuan (*ittihad*) sebagaimana yang diandaikan oleh ahli sufi adalah serupa dengan inkarnasi (*hulul*) yang dituntut oleh penganut Kristian bagi al-Masih. Dan suatu yang benar-benar menghairankan. Sebabnya, ia adalah inkarnasi daripada sesuatu yang *qadim* di dalam *ciptaan* dan kesatuan (*ittihad*) yang lampau dengan yang sesudahnya.

Demikian pula anutan *Sy'iah Imamiyyah* tentang *imamah*. Penetapan *ittihad* ini di dalam keterangan mereka berlaku menurut dua cara:

Pertama: pendapat yang menyatakan bahawa zat Yang Qadim tersembunyi di dalam segala yang baru, baik yang inderawi mahupun yang logis – dan bersatu dengannya di dalam dua konsep. Semuanya itu merupakan fenomena-fenomena bagi zat itu. Dan Dialah (Yang Qadim) yang berkuasa ke atasnya, yang bertindak bagi ekstensi segala sesuatu yang baru. Maksudnya, tanpa Dia segala sesuatu yang baru itu pastilah merupakan sesuatu yang tiada, *adam*. Inilah pendapat mereka yang menganut inkarnasi, *hal ah-hulul*.

Kedua: pendekatan para penganut kesatuan mutlak (*ahlal-wihdat al-muthlaqah*). Mereka berpendapat demikian seakan-akan terdorong oleh pernyataan *ahlul-hulul*, inkarnasi (Tuhan) pada sesuatu yang lain sehingga melenyapkan akibat *ittihad*. Mereka pun melenyapkan *hulul* itu di antara Yang Qadim dan makhluk-makhluk-Nya dalam hal zat, wujud, dan sifat-sifat. Mereka mencampur-baurkan perbezaan fenomena yang perseptual dengan indera dan akal. Mereka menyatakan bahawa itu termasuk bahagian persepsi manusia – iaitu angan-angan, *wahm*. *Wahm* di sini bukan *wahm* yang membatasi tahu (*ilm*) dan prasangka (*zann*) dan ragu-ragu (*syak*). Yang mereka maksudkan tidak lain bahawa pada hakikatnya semuanya itu adalah ketiadaan (*adam*) yang terdapat hanya di dalam persepsi manusia saja. Pada hakikatnya tidak ada *wujud* terkecuali bagi Yang Qadim, baik pada lahir mahupun pada yang batin, sebagaimana kami akan kemukakan setelah ini seboleh mungkin. Tidak ada gunanya usaha pembuktian berdasarkan akal

dan hujahan untuk sesuatu yang berlaku pada persepsi manusia. Sebab, hal tersebut hanya dialihkan daripada persepsi ketuhanan (*madarik malakiyyah*) dan ini adalah diperuntukkan bagi nabi-nabi melalui fitrah, serta para pengganti dari kalangan *awliya* melalui hidayah. Pernah ada orang yang ingin memperolehnya melalui pendekatan ilmiah, dan tentu dia tersesat. [*]

Sebahagian pengarang telah berusaha untuk menerangkan pendapat-pendapat sufi mengenai tersingkapnya wujud dan tata hakikat wujud, berdasar pendekatan teori "penjelmaan" (*ahl al-dzahir*). Berbanding dengan mereka yang mengamalkan pemikiran dalam istilah teknikal serta ilmu-ilmu pengetahuan suatu yang perlu dinyatakan ialah bahawa ia menambahkan lagi kepayahan kepada yang payah. Sebagai suatu contoh ialah al-Farghani, pengulas *Sajak* Ibn al-Faridl. Beliau telah menulis kata pengantar pada permulaan ulasannya. Dalam hubungannya dengan asal alam wujud daripada Sang Pencipta dan segala ketetapannya dia menyebutkan bahawa semua yang wujud adalah muncul daripada sifat-sifat yang luar biasa (*wahdaniyah*) yang merupakan suatu manifestasi daripada kesatuan (*unity*). Kedua-duanya sama-sama muncul daripada zat mulia yang serupa dengan keesaan (*wahdah*) dan tidak yang lainnya. Proses kemunculan ini mereka sebut sebagai "penyingkapan rahsia (*tajalli*). Tingkatan *tajalli* yang mula-mula sebagaimana menurut pandangan sufi adalah *tajalli* sebagaimana, adanya zat. [*Tajalli ini mengandung "kesempurnaan" dengan dihubungkannya penciptaan dan penjelmaan kepada firman Allah di dalam hadis yang selalu dinukilkan ahli-ahli sufi:

> "Aku pada mulanya adalah harta yang tersembunyi, kemudian Aku ingin dikenal, maka Aku ciptakanlah makhluk dan melalui Aku mereka pun kenal pada-Ku".

Kesempurnaan dalam penciptaan yang terus-menerus diturunkan pada wujud ini dan perincian hakikat adalah dunia makna dan kehadiran yang sempurna (*hadlrah kamaliyah*) serta hakikat Nabi Muhammad s.a.w. (*haqiqah muhammadiyyah*). Di dalam *haqiqah muhammadiyyah* itu terkandung hakikat sifat kembaran yang terjaga (*al-lauh al-mahfuz*), pena (*al-qalam*), dan hakikat para nabi dan para rasul seluruhnya serta orang-orang sempurna dari kalangan penganut agama Nabi Muhammad s.a.w. Semua inilah perincian dari *haqiqah muhammadiyyah*. Dari

hakikat-hakikat ini muncul hakikat yang lain di dalam kehadiran atomis (*hadlrah hibaiiyah*), dan ini adalah tingkatan teladan ideal (*mitsal*). Kemudian darinya muncul singgahsana Tuhan (*arsy*), kemudian kerusi Tuhan, kemudian alam komposisi (*tarkib*). Ini berada di alam 'sesuatu yang tertutup', dan apabila *haqiqah muhammadiyyah* itu menjelma, maka ia berada di alam "sesuatu yang pecah terbuka". Mazhab ini disebut dengan mazhab ahli *tajalli* (pembukaan rahsia), *madzahir* (penjelmaan-penjelmaan), dan *hadlrat* (kehadiran-kehadiran). Selesai].

Mazhab itu dipanggil mereka yang menerima wahyu, manifestasi dan kehadiran. Ia adalah suatu teori di mana sesiapa yang menggunakan pemikiran atau logika tidak dapat memahaminya secara tepat, kerana teori itu begitu rumit dan tidak jelas. Pada teori itu terdapat jurang pemisah yang nyata di antara teori-teori mereka yang memiliki visi dan pengalaman gerak hati dan di pihak lainnya yang mempergunakan alasan logika. Lazimnya cara-cara sufi itu (sebagaimana yang dinyatakan) ditolak dengan kerasnya berdasarkan susunan kata-katanya yang sederhana dari hukum agama, sebab tidak satu indikasi apa-apa pun yang ditemukan di dalam hukum syariat itu.

Sufi-sufi yang lainnya tampil untuk menegaskan kesatuan (keesaan) yang mutlak. Teori ini adalah lebih asing dibanding dengan yang pertama dalam memahami implikasi-implikasi dan perinciannya. Mereka percaya kepada komponen-komponen apa sahaja yang wujud dalam kewujudannya untuk memiliki kekuatan yang menjadikan realiti bentuk dan benda-benda yang ada (*maujudat*) menjadi terwujudkan. Elemen-elemen itu dapat diwujudkan melalui kekuatan yang terdapat di dalamnya. Demikian pula yang terjadi dengan materi-materi yang dalam dirinya terdapat kekuatan yang membawanya menjadi terwujudkan. Benda-benda campuran mengandung kekuatan-kekuatan yang implisit di dalam kekuatan yang ditimbulkan oleh komposisinya. Sebagai contoh, barang-barang tambang mengandung kekuatan daripada elemen-elemen materi dan sebagai tambahan, kuasa mineral. Kekuatan binatang mengandung kekuatan *mineral* dan, sebagai tambahannya, kekuatannya sendiri. Hal yang sama juga terjadi pada kekuatan manusia, sejajar dengan kekuatan binatang. Cakerawala mengandung kekuatan manusia dan yang lainnya sebagai suatu tambahan. Demikian pula yang berlaku pada esensi rohani.

Sekarang kekuatan untuk menyatukan segala sesuatu tanpa

adanya keterangan yang lebih lanjut adalah kekuasaan Allah. Ia adalah kuasa yang diagih-agihkan kepada segala yang maujud, sama ada ianya bersifat universal mahupun yang bersifat khusus, mencakup dan mengandungnya dalam setiap aspek; dalam hubungannya dengan kemunculan dan tersembunyi dan dalam hubungan dalam aspek bentuk dan material semuanya itu adalah satu. Dan kesatuan atau 'keesaan' adalah serupa dengan zat ilahi, yang mana pada hakiatnya, adalah satu dan sederhana. Apa yang membahagikannya adalah bagaimana kita melihatnya. Sebagai contoh, sebagaimana hubungan kemanusiaan dengan kebinatangan, ia adalah jelas bahawa yang terdahulu itu adalah mencakupi yang terkemudiannya dan menjadi terwujudkan apabila ianya diwujudkan. Ada masanya sufi itu mewakili hubungan sebagaimana zuriat dengan spesis pada setiap sesuatu yang maujud. Atau, mereka mewakilinya sebagai perhubungan antara yang universal dengan yang khusus, sebagaimana menurut teori tentang idea-idea. Dalam apa pun, mereka selalunya berusaha untuk menghindari daripada pemikiran tentang komposisi atau kepelbagaiannya di mana mereka beranggapan ianya ditimbulkan oleh semacam kecenderungan dan imaginasi.

Ternyata bahawa apa yang dikemukakan oleh Ibn Dahhaq mengenai pernyataan orang-orang sufi tentang kebersatuan (*wihdah*) pada hakikatnya adalah serupa dengan kenyataan para ahli falsafah tentang warna-warni, yakni bahawa adanya adalah ditetapkan kepada adanya cahaya. Apabila tidak ada cahaya, maka tiadanya warna apa pun. Dengan demikian, kaum sufi memikirkan bahawa semua benda maujud yang bersifat *sensibilia* adalah tergantung mula adanya pada sebahagian daripada persepsi sensual dan, bahkan, semua benda maujud yang bersifat *intelligibilia* dan objek-objek khayalan tergantung kepada persepsi intelektual. Maka, setiap yang khususnya wujud adalah tergantung kepada kemampuan fikiran manusia yang menanggapinya. Sekiranya kita mengandaikan bahawa tidak ada manusia dengan memiliki persepsi itu wujud, maka tidak ada perincian dalam kewujudan-kewujudan akan menjadi sederhana dan satu.

Maka, panas dan dingin, keras dan lembut, dan, malahan, bumi, air, api, syurga, dan bintang-bintang wujud hanya kerana adanya indera-indera yang merasakannya bahawa kesemuanya itu ada, sebab pemerincian yang tidak ada di dalam kewujudan menjadikan ianya mungkin kepada orang yang menanggapinya. Ianya

wujud hanya di dalam tanggapan sekiranya tidak ada tanggapan untuk membuatkan perbezaan-perbezaan, maka tidak akan adanya pemerincian; yang ada cuma satu tanggapan tunggal, iaitu, "saya" dan tiada yang lainnya. Mereka menganggap ianya dapat dijadikan perbandingan dengan keadaan orang yang tidak tidur. Ketika dia sedang tidur dan tidak memiliki tanggapan indera luaran, maka dalam keadaan sedemikian dia kehilangan semua tanggapan *sensibilia*, dengan kekecualiannya perkara-perkara yang bersifat pemerincian khayalan yang dikhususkan untuknya. Mereka selanjutnya menyatakan bahawa orang yang berada di dalam keadaan sedar demikian pula akan mengalami pengalaman-pengalaman tanggapan-tanggapan secara terperinci hanya melalui satu jenis tanggapan manusia yang terdapat pada dirinya. Sekiranya seseorang ditakdirkan kehilangan daya tanggapannya, maka akan tiadalah pemerincian itu. Inilah yang sebagaimana dimaksudkan kaum sufi dengan perkataan *wahm*, khayal. Mereka tidak melihat *wahm* sebagai sebahagian daripada rangkaian tanggapan-tanggapan manusia.

Inilah ringkasan pendapat orang-orang sufi yang dapat difahami daripada perkataan Ibn Dahhaq. Pendedahan pendapat itu ternyata sangat keliru. Secara yakinnya kita mengetahui bahawa sebuah kota yang kita telah tinggalkan atau yang sedang kita tuju ianya ada, meskipun pada hakikatnya kita tidak melihatnya lagi. Kita juga memiliki pengetahuan yang pasti tentang adanya syurga yang amat indah, dan tentang bintang-bintang, dan segala sesuatu yang sungguh terpisah daripada kita. Manusia itu mengetahui semuanya itu secara amat pasti. Tidak ada seorang pun yang akan menyangkal tentang wujudnya pengetahuan tertentu. Sebagai tambahnya ahli-ahli sufi mutakhir yang berpengaruh menyatakan bahawa selama *kasyf*, seorang sufi baru seringkali mempunyai suatu perasaan akan kesatuan kewujudan *wihdah* (wujud). Para sufi menyebutnya *maqam* "gabungan" (*al-jam'u*). Kemudiannya dia melanjutkan untuk membuat perbezaan di antara hal-hal yang *maujud*. Inilah apa yang disebut sebagai *maqam* "pembezaan" (*al-farq*). Itulah *maqam* yang diinginkan oleh ahli sufi. Kaum sufi sangat percaya bahawa seseorang ahli sufi yang baru (*murid*) tidak akan dapat menghindari daripada mengalami jurang "gabungan", dan jurang ini seringkalinya akan menimbulkan kesukaran-kesukaran baginya kerana di sana terdapat bahaya yang ditakuti akan menggagalkan usahanya dan dengan demikian

menjadikan semuanya itu kerja yang sia-sia.

Pelbagai macam mistik telah pun dijelaskan. [*Kemudian, kaum sufi mutakhir yang juga ahli-ahli ilmu kalam berbicara tentang *kasyf* dan persoalan di balik indera, mereka menyibukkan diri dalam hal tersebut. Maka banyaklah dari kalangan mereka yang menganut faham *hulul* (inkarnasi) dan *wihdat* (kebersatuan) sebagaimana telah kami nyatakan terdahulu. Mereka memenuhi halaman-halaman buku dengan pelbagai persoalan itu, seperti yang dilakukan al-Hurawi di dalam *Kitab al-Mawamat* karyanya dan lain-lainnya. Mereka diikuti Ibn al-'Arabi, Ibn Sab'in, dan murid mereka Ibn al-'Afif, Ibn al-Faridl, dan al-Najm al-Israili. Semuanya itu ditulis di dalam *qasidah-wasidah* mereka.

Kaum sufi yang terdahulu – pencampuran golongan salaf dengan Isma'iliyah mutakhir yang berasal dari kalangan al-Fafidlah, juga cenderung pada *hulul* dan penuhanan para imam secara Sekte yang tidak pernah dikenal para pendahulu mereka. Kedua golongan itu masing-masing saling mengisi satu mazhab pada lainnya. Pendapat mereka pun bercampur dan akidah-akidah mereka menjadi sama.

Dalam membicarakan sufi muncul pendapat tentang *quthb*, yang ertinya pemuka orang-orang arif. Mereka beranggapan bahawa tidak mungkin seorang lain dapat menyamai *maqam* pemuka orang-orang arif dalam *makrifat* sehingga Allah merenggutnya. Kemudian, si pemuka mewariskan *maqam*nya kepada orang lain dari kalangan *irfan* (gnosis). Ibn Sina telah menyinggungnya di dalam *Kitab al-Irsyarat* dalam fasal-fasal tentang tasawuf. Katanya:

> "Agunglah sisi kebenaran. Ia menjadi jalan bagi seorang sufi yang baru tampil, atau orang-orang sufi mendudukinya satu persatu hanya setelah yang lain".

Pendapat ini tidak berdasar kepada suatu pembicaraan logis ataupun suatu dalil syarak. Ia tidak lebih daripada bahagian daripada berbagai-bagai bentuk gangguan. Dan persis seperti itulah pendapat golongan al-Rafidlah. Menurut mereka, para imam tegak melalui sistem waris turun-temurun. Perhatikanlah, bagaimana perilaku-perilaku sufi itu mencuri pendapat tersebut dari golongan al-Rafidlah. Mereka mendekatinya.

Kemudian, dikemukakan bahawa setelah *quthb* harus ada pengganti-pengganti yang disusun secara teratur, sebagaimana dikatakan golongan Syiah sehubungan dengan para penguasa

yang memimpin persoalan yang menyangkut kepentingan umum. Dengan demikian, ketika mereka sepakat menjadikan pakaian tasawuf sebagai asal mula *thariqah* dan golongan mereka, maka mereka menegakkannya pada Ali – ridla Allah padanya. Hal itu masih termasuk dalam pendapat tersebut di atas. Bila tidak, tentulah Ali tidak diistimewakan di antara para sahabat dalam suatu golongan dan *ithariqah* yang menyangkut soal pakaian dan keadaan. Bahkan Abu Bakar dan Umar – ridla Allah pada mereka – adalah manusia-manusia paling *zuhd* dan paling banyak melakukan ibadah sesudah Rasulullah s.a.w. Tak seorang yang paling istimewa di antara khalifah Rasyidin dalam hal agama dan ketaatan beragama, dan tidak seorang pun di antara mereka yang perlu diistimewakan dengan pelbagai ciri-ciri yang menandakan keistimewaannya. Bahkan para sahabat seluruhnya adalah manusia-manusia teladan yang ideal dalam soal agama, ketaatan beragama, *zuhd*, dan *mujahadah*. Riwayat hidup dan sejarah mereka membuktikan kenyataan tersebut.

Ya, bermula dari hal-hal yang mereka nukilkan, golongan Syiah memberikan keistimewaan kepada Ali dengan bermacam keutamaan, dan tidak kepada sahabat yang lain. Mereka mengemukakan pendapat tersebut berdasarkan dogma Syiisme yang mereka miliki dan sudah terkenal. Dan itu tampak pada golongan sufi di Iraq ketika pembicaraan Ismailiyyah Syiah tentang *imamah* dan hal-hal lain yang mengacu pada sasaran itu timbul, maka para sufi Iraq itu pun mengambil perbandingan antara yang zahir dan yang batin lewat diskusi golongan Ismailiyyah. Mereka menjadi *imamah* sebagai alat untuk mengatur rakyat dalam mengikut syariat, dan mereka mendakwa diri mereka sebagai yang punya hak khusus dalam hal itu agar tidak terjadi pertentangan sebagaimana dinyatakan di dalam syariat. Kemudian mereka pun menegakkan *quthb* untuk mengajarkan makrifat (kenal dengan Allah). Dia adalah pimpinan orang-orang yang arif. Mereka pun mendakwa diri mereka yang memiliki hak khusus untuk itu sebagai analog dengan imam yang nampak di alam lahiriah dan menjadi sebanding dengan-Nya di alam batin. Mereka menamakannya dengan *quthb* kerana *makrifat* berpusat kepadanya. Dan mereka menjadikan para pengganti seperti penguasa-penguasa yang melampaui batas dalam *tasybih*. Hal tersebut dapat anda perhatikan dalam pembicaraan orang-orang sufi tersebut tentang (Imam al-Mahdi) al-Fatimi. Mereka menjejali buku-buku mereka dengan pembicaraan tentang persoalan tersebut, persoalan yang tidak pernah

dibicarakan, baik berupa penolakan ataupun penegasan oleh orang-orang sufi salaf. Pendapat itu tidak lain diambil dari diskusi golongan Syiah dan al-Rafidlah dan mazhab-mazhab mereka di dalam buku-buku mereka.

Dan Allah memberi petunjuk kepada kebenaran.

Menurut saya, penting di sini saya nukilkan sebuah ulasan syekh kita yang arif – salah seorang *wali* terkemuka di Andalusia – Abu Mahdi Isa bin az-Ziyat. Sering dia membaca *Kitab al-Maqamat* dan bait-bait qasidah al-Hurawi yang menyatakan diri dalam kebersatuan *absolute – wihdah muthlaqah* – atau hampir-hampir menjeritkan begitu. Bait-bait di bawah ini adalah nyanyiannya:

Tidaklah mereka mengesakan Yang Esa
apabila tiap orang yang mengesakan-Nya jahid (kafir)
Tauhid orang yang berbicara tentang sifat-Nya
Sifat ganda yang ditolak Yang Esa
Tauhidnya pada-Nya adalah tauhid-Nya
dan sifat orang yang menyintai-Nya adalal lahid (ateis).

Az-Ziyat – rahmat Allah padanya – berkata dengan nada penuh maaf dalam cukup alasan:

"Mereka mengacaukan kata *juhud* (pengingkaran) pada setiap orang yang mengesakan Tuhan Yang Maha Esa, dan mengacaukan kata *ilhad* (ateisme) pada orang yang menyifati Tuhan. Mereka menjadikan buruk bait-bait tersebut dan membebankannya pada penyairnya. Mereka kecilkan erti penyair al-Hurawi itu".

Kami katakan bahawa bagi golongan ini *tauhid* adalah peniadaan esensi segala yang baru dengan menetapkan esensi yang lampau; dan wujud seluruhnya adalah hakikat yang tunggal dan ego (*aniyyah*) yang esa. Abu Sa'id al-Jazzar, pemuka mereka menyatakan:

"Yang haq (*al-haqq'* adalah esensi sesuatu yang nampak dan esensi sesuatu yang tidak nampak".

Mereka mengatakan, terjadinya pluralisasi (penggandaan) di dalam hakikat tersebut bererti adanya dualisme (*utsniniyyah*). Dan mereka menganggap kehadiran rasa serupa adalah menggambarkan kesesatan, kehancuran, dan objek pandang, dan apabila ditelusuri setiap sesuatu selain esensi yang lampau adalah ketiadaan, *adam*. Inilah maksud:

"Allah ada dan tidak ada sesuatu pun bersama-Nya. Dia sekarang ada sebagaimana Dia ada".

Demikian pendapat mereka. Dan itu pula yang dikandung dalam perkataan Labid yang dibenarkan Rasulullah dalam perkataannya:

"Sungguh, setiap sesuatu selain Allah adalah batil".

Mereka menyatakan bahawa orang yang mengesakan Tuhan dan menyifati-Nya bererti dia mengakui Pencipta Baru, iaitu dia sendiri; dan mengakui hasil ciptaan yang baru, iaitu tindakannya; dan mengakui Pencipta yang Qadim, iaitu Dia yang disembah.

Dikemukakan makna tauhid yang bererti peniadaan esensi segala yang baru. Kini, esensi segala yang baru itu telah tegak dan bahkan lebih daripada satu. Tauhid adalah sesuatu yang diingkari, dan berbagai-bagai dakwaan menjadi bohong. Seperti seorang yang menyatakan kepada temannya – padahal keduanya berada dalam satu rumah:

"Di rumah ini tidak ada yang lain selain kamu".

Sang teman itu pun menimpali:

"Ini hanya boleh dibenarkan kalau kamu sendiri tidak ada".

Sebahagian ahli-ahli terkemuka menyatakan: "Allah menciptakan masa". Inilah asalnya kalimat yang kontradiktif, sebab penciptaan masa haruslah mendahului masa yang lain – dan penciptaan adalah suatu ciptaan yang harus terjadi dalam masa. Salah faham ini tidak lain disebabkan kerana terbatasnya ungkapan tentang hakikat dan kekurangan kemampuan pada bahasa untuk menegakkan kebenaran di dalam dan dengan bahasa-bahasa itu. Apabila benar sesuatu yang diciptakan atau Dia yang menciptakan dan sama sekali tiada yang lain selain Dia, maka sesungguhnya benarlah tauhid itu. Inilah erti kalimat mereka:

"Tidak ada yang mengetahui Allah selain Allah".

Tidaklah berdosa orang yang mengesakan Yang Hak sekaligus mengekalkan gambaran dan pengaruh wujud lahir. Itu hanya termasuk "perbuatan baik orang-orang yang bijak (*abaar*) dan perbuatan jelek orang-orang yang mendekati Tuhan (*muqrrabun*)." Sebab itu menuntut pembatasan (*taqyid*), ibadah (*ubudiyyah*) dan pembanyakan (*sayufiyyah*) kepada Tuhan. Barang siapa meningkat naik ke *mawan* "gabungan", adalah sudah haknya

merasakan sesuatu kekurangan di samping pengetahuan akan martabatnya. Itu adalah pengacauan yang menuntutnya beribadah. Penglihatan (*syuhud*) kepada Tuhan mengangkatnya, dan esensi "tolongan" (*al-jamu'u*) menjadi suci dari kotoran penciptaannya.

Golongan paling ekstrem berurat-berakar pada andaian ini adalah mereka yang menyatakan kebersatuan mutlak (*wihdah mutlaqah*) dan keterpusatan makrifat dengan segala ungkapan yang menyampaikan tujuan akhir pada Yang Maha Esa.

Dan pendapat ini tidak lain muncul dari sang penggubah qasidah dengan nada melecut, meningkatkan, dan mengajak pembaca untuk mengetahui *mawam* yang lebih tinggi, di mana pembanyakan (Tuhan) menjadi lenyap di sana, dan tauhid yang mutlak menjadi tercapai dengar sebenar-benarnya, bukan melalui pidato agitasi ataupun sesuatu ungkapan. Maka, barang siapa menerima, dia jadi terang; dan barang siapa merasa dipertentangkan oleh hakikatnya, lembutlah hatinya pada perkataannya:

> "Saya mendengarnya dan melihatnya."

Apabila pengertian-pengertian sudah diketahui, tak akan terjadi lagi salah pengertian di dalam kata-kata. Manfaat yang dapat dipetik dari semuanya ini adalah pembenaran akan sesuatu persoalan di atas tingkat ini, yang tiada sesuatu pembicaraan pun mengenai hal itu dan tidak ada berita tentang hal itu. Sejumlah pembicaraan secara eksplisit ini cukuplah sudah, dan usaha untuk mendalami persoalan ini akan menemui kebuntuan. Demikian telah terjadi pada banyak analisis yang sudah terkenal.

Selesailah keterangan Syekh Abu Mahdi bin az-Ziyat yang kami nukilkan daripada Kitab al-Wazir Ibn al-Khathib yang dikarangnya tentang cinta (*mahabbah*), berjudul *al-Ta'rif bil Hubb as-Syarif.* Secara peribadi, saya telah mendengarnya berulang-ulang dari syekh kita, Abu Mahdi. Hanya saja saya berasa harus melihat tulisan-tulisan buku itu menyedari sudah jauh sekali masa saya dengannya. Dan Allah pemberi taufik.]

Begitu ramai ahli fikah dan para mufti yang melakukan usaha untuk menyangkal semua pernyataan para sufi mutakhir dan yang sepertinya. Secara ringkasnya mereka akan bercanggah dengan jalan sufi. Apa yang benarnya ialah perbincangan dengan orang-orang sufi memerlukan penjelasan yang jelas. Pembicaraan mereka adalah terdiri daripada empat tajuk:

Yang pertama, mereka membincangkan latihan rohaniah (*mujahadat*) yang sungguh-sungguh, yang mengakibatkan penga-

laman-pengalaman mistik dan ekstatik, yang pemeriksaan diri (*muhasabah*) dalam hubungannya dengan tingkah laku seseorang. Mereka membincangkan persoalan-persoalan ini dengan maksud untuk mencapai suatu pengalaman mistik, yang kelak akan menjadi suatu *maqam*, dan dari sana dia mendaki ke *maqam* yang lainnya pula.

Yang kedua, mereka berbicara tentang *kasyf* dan hakikat *supernatural* yang dapat ditanggap, seperti sifat-sifat ketuhanan, arsy, kerusi Tuhan, malaikat-malaikat, wahyu, kenabian, roh, dan hakikat setiap yang *maujud*, sama ada ianya yang ghaib mahupun yang kelihatan; tambahan pula, mereka membicarakan tentang aturan benda-benda yang diciptakan, bagaimana hal itu ada dari Tuhan Pencipta yang telah mewujudkannya, sebagaimana telah disinggung sebelum ini.

Yang ketiganya adalah berhubung dengan kegiatan-kegiatan yang terdapat dalam pelbagai alam dan di antara bermacam ciptaan dalam hubungannya dengan bentuk-bentuk tindakan anugerah Tuhan (*karamah*).

Yang keempat adalah mengenai ungkapan yang meragukan dalam pengertian mereka yang sederhana. Kesemuanya ini merupakan persoalan yang disebut oleh tokoh-tokoh sufi. Dalam istilah teknikalnya ahli sufi mengungkapkannya sebagai "tutur kata eskstatik" (*syathahat*). Pengertiannya yang sederhana adalah amat sukar dimengertikan. *Syathahat* itu boleh menjadi sesuatu yang harus disangkal, atau boleh jadi juga disetujui, atau boleh jadi diperlukan suatu pentafsiran.

Mengenai perbincangan mereka tentang latihan rohaniah dan *maqam-maqam*, tentang pengalaman mistik dan ekstatik yang dicapai, dan introspeksi diri berhubung dengan kemungkinan terjadinya kekurangan dalam pencapaian pengalaman-pengalaman ini, ia adalah suatu persoalan yang tidak ada seorang pun harus menyangkalnya. Pengalaman-pengalaman mistik para sufi ini adalah benar adanya. Menjadikan ianya benar adalah saripati kepada kebahagiaan.

Membincangkan mengenai *karamah* sebagaimana yang dialami para sufi, maklumat yang diberikan mengenai hal-hal yang bersifat *supernatural*, serta tingkah laku mereka di antara segala ciptaan ianya adalah benar adanya dan tidak dapat disangkal, meskipun ada ulama yang sederhana untuk menolaknya. Pembicaraan sebagaimana yang dikemukakan oleh Ustaz Abu Ishaq al-Isfirayani – salah seorang pemuka Asy'ari yang menolak hal

tersebut kerana bercampur dengan soal-soal mukjizat telah ditumbangkan oleh para ahli *tahqiq* dari kalangan ahlus-sunnah dengan memberi garis pemisah yang jelas antara *karamah-karamah* para sufi dengan mukjizat yang sama-sama bersifat ghaib. Mereka menyatakan, apabila mukjizat terjadi menurut pengakuan orang yang bohong, itu tidak dapat dibenarkan. Sebab, mukjizat menurut logika menunjukkan pada kebenaran kerana sifat mukjizat itu sendiri adalah pembenaran, keṣahihan. Kalau mukjizat terjadi pada si pembohong, maka sifat mukjizat itu sendiri akan berubah menjadi bohong, dan yang demikian itu tidak mungkin terjadi. Alam wujud ini telah membuktikan terjadinya banyak sekali *karamah*. Penolakan merupakan satu bentuk membesarkan diri. *Karamah* juga terjadi pada para sahabat dan orang-orang besar terdahulu, dan ceritanya sudah terkenal dan masyhur.

Kebanyakan pembicaraan ahli-ahli sufi mengenai *kasyf*, tentang penerimaan kebenaran hal-hal yang tinggi martabatnya dan aturan di mana benda-benda itu diciptakan, jatuh, dalam satu caranya, sebagai pernyataan yang mengandung pengertian ganda atau *mutasyabih*. Ia adalah didasarkan kepada pengalaman intuitif, dan mereka yang tidak memiliki pengalaman intuitif semacam itu tidak dapat merasakan pengalaman mistik secara aman. Tidak ada bahasa yang mampu mengungkapkan segala yang hendak dikemukakan sufi sehubungan dengan masalah ini. Sebab, bahasa-bahasa, telah diciptakan hanya untuk mengungkapkan konsep-konsep yang secara umumnya diterima, dan kebanyakannya sesuai dengan *sensibilia*. Dengan demikian, kita tidak perlu bersusah-payah membincangkan masalah ini sebagaimana halnya dengan orang-orang sufi. Kita biarkan sahaja segala persoalannya yang mengandungi makna ganda itu kepada mereka yang Allah anugerahi suatu kefahaman tentang ungkapan-ungkapan itu dengan cara yang sesuai dengan pengertian yang sederhana daripada syari'at, tentunya, dan menikmati kebahagiaan.

Terdapat pula ungkapan-ungkapan yang membingungkan yang disebut oleh orang-orang sufi sebagai *syathahat* dan yang memancing kecaman orang-orang Islam yang ortodoks. Sebagaimana yang mereka tanggapi, dalam hal ini suatu sikap yang dianggap sesuatu oleh kaum sufi ialah orang-orang yang telah luntur tanggapan inderawinya. Inspirasi itu mencengkam mereka. Akhirnya mereka telah menyatakan mengenai inspirasi-inspirasi yang mereka tidak bermaksud membicarakannya. Seseorang yang telah lenyap daripada tanggapan sensualnya tidak boleh diajak berbicara

mukhathab. Orang yang terpaksa melakukan tindakan itu adalah dimaafkan apabila dia bertindak, tidak kira apa yang dia lakukan. Orang-orang sufi yang kagumi keunggulannya dan tingkah laku patut diteladani dianggap bertindak kerana hendak berbuat baik dan sebagaimana menurut jalan yang benar. Adalah suatu yang sukar untuk mengungkapkan pengalaman-pengalaman ekstatik, sebab, belum ada cara-cara konvensional untuk mengungkapkannya. Orang-orang sufi yang keunggulannya tidak diketahui dan tidak masyhur, patutlah dicurigai ungkapannya, sebab maklumat untuk melakukan pentafsiran atas pernyataan mereka adalah tidak jelas bagi kita. Dan sufi yang tidak lenyap daripada persepsi indera dan tidak pula berada dalam genggaman suatu keadaan ketika menyatakan ungkapan-ungkapan semacam itu, juga patut dicurigai. Dengan demikian, para ulama fikah dan para sufi ternama memutuskan untuk membunuh al-Hallaj,[79] kerana al-Hallaj telah berbicara secara ekstatik ketika dia masih dalam tanggapan indera dan dalam keadaan menguasai dirinya.

Dan Allah yang lebih mengetahui.

Ahli-ahli sufi yang terawal, kaum salaf, mereka yang menganut *risalah*[80] dan pemuka-pemuka Islam yang telah kami singgung sebelum ini, tidak pernah punya keinginan untuk menyingkap tabir *kasyf al-hijab* dan mahu memiliki tanggapan *supernatural* semacam itu. Apa yang mereka fikirkan hanyalah keinginan untuk menteladani dan melakukan suatu kehidupan yang patut dicontoh sedapat yang mungkin. Apabila sahaja mereka memiliki pengalaman *supernatural*, mereka menjauhkan diri daripadanya dan tidak mempedulikannya. Bahkan, mereka berusaha menghindarinya. Mereka berpendapat, hal tersebut merupakan halangan dan ujian dan tergolong kepada persepsi-persepsi jiwa (yang biasa) dan dengan itu, adalah sesuatu yang diciptakan. Mereka juga memikirkan bahawa tanggapan manusiawi tidak dapat melibatkan semua hal yang *maujud* atau *eksistensi* dan ilmu Allah adalah lebih luas, penciptaan-Nya lebih agung, dan syariat-Nya adalah lebih pasti untuk menjadi petunjuk dibanding pengalaman mistik apa pun. Dengan demikian, mereka tidak pernah bicara tentang

79 Al-Husain bin Mansur, Abu Mughits al-Baidlawi, 224–309 (858–59–929). Lahir di Thour dan wafat di Baghdad.

80 Maksudnya: al-Risalah al-Qusyairiyyah.

persepsi *supernatural* mereka. Bahkan, mereka melarang membuat diskusi mengenai persoalan itu dan mencegah para pengikut mereka – yang tabir persepsi inderanya telah tersingkap – daripada membincangkannya atau memberikan perhatian sekilas pandang kepadanya. Mereka terus menteladani tokoh-tokoh mereka dan memberi kehidupan yang patut dicontohi sebagaimana telah mereka lakukan dalam dunia persepsi inderawi sebelum *kasyf*, dan kepada para pengikutnya mereka suruh supaya melakukan hal yang sama. Demikian seharusnya dilakukan oleh seorang pelatih sufi.

Dan Allah mengetahui tentang hakikat hal tersebut.

19 Ilmu untuk mentafsir mimpi

Ilmu ini adalah salah satu daripada cabang undang-undang syariat. Ia berkembang dalam Islam apabila ilmunya menjadi suatu bidang keahlian dan para sarjana menulis tentangnya itu. Alamat mimpi dan tafsir mimpi sudah ada di kalangan masyarakat zaman dahulu, dan begitu juga dengan generasi yang sesudahnya. Ia wujud di kerajaan-kerajaan dan bangsa-bangsa sebelum Islam. Malangnya, ilmu tafsir mimpi itu tidak sampai kepada pengetahuan kita,[81] sebab kita berasa sudah puas hati dengan keterangan ramalan mimpi di kalangan masyarakat Islam. Dalam apa keadaan pun, semua manusia boleh mendapatkan alamat mimpi, dan mimpi-mimpi ini harus ditafsirkan.

Nabi Yusuf juga mentafsirkan mimpinya sebagaimana dinyatakan dalam al-Quran.[82] Alamat mimpi merupakan sejenis tanggapan *supernatural.*

> "Mimpi yang baik adalah sebahagian daripada 46 bahagian daripada kenabian."
> Sabda baginda lagi: "Yang tinggal daripada berita-berita yang menggembirakan hanyalah mimpi-mimpi yang baik, yang dilihat oleh atau diperlihatkan kepada mereka yang salih."

Wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. dimulai dengan mimpi. Setiap alamat mimpi yang baginda nampak

---

81 Ternyata banyak karya Yunani tentang tafsir mimpi – seperti buku karya Artemidorus – telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Pada abad ke-14 kopi buku ini disimpan di Universiti Istanbul.

82 Baca al-Quran surah 12 (Yusuf).

muncul bagaikan pudarnya subuh hari. Dan apabila nabi selepas mengerjakan solat Subuh, baginda akan bertanya kepada para sahabatnya:

> "Adakah sesiapa di antara kalian yang mendapat alamat mimpi tadi malam?"

Baginda bertanyakan soalan itu untuk mendapatkan berita-berita yang menggembirakan daripada alamat mimpi yang dapat menunjukkan tentang kemenangan kekuatan Islam dan pertumbuhan kekuasaannya.

Alasan menanggapi hal-hal yang luar biasa di dalam alamat mimpi adalah sebagaimana berikutnya.

Roh hati (*ruh qalbi*) yang suci yang datang daripada rongga di dalam daging hati meresap ke dalam pembuluh, dan melalui darah ia tersalut ke dalam seluruh tubuh. Ia bertugas untuk memperindahkan tingkah laku, dan rangsangan kebinatangan supaya menjadi lebih sempurna. Roh juga boleh dipengaruhi dan kelelahan sebab begitu sibuk dengan persepsi sensual yang berasal daripada lima pancaindera dan pekerjaan kekuatan-kekuatan luaran. Kemudian apabila permukaan tubuh ditutupi oleh kedinginan malam, roh itu berundur diri daripada seluruh bahagian tubuh dan menuju pusatnya: hati. Ia beristirahat supaya dapat bersiap untuk kembali melakukan kegiatan dan ketika itu seluruh indera eksternal adalah tidak bekerja. Inilah yang dimaksudkan dengan tidur, sebagaimana telah dikemukakan pada permulaan buku ini. Sekarang, roh hati adalah sarana bagi roh rasio manusia. Melalui esensinya, roh rasio menanggapi segala sesuatu yang terdapat di dalam ketuhanan, sebab realiti dan essensinya adalah serupa dengan persepsi. Ia adalah terhalang daripada menyerupai apa-apa persepsi-persepsi supernatural melalui tirai penglihatan awal dengan tubuh dan kekuatan-kekuatan serta daya jasmaniah. Sekiranya ia tidak dengan tirai ini atau tidak ditutupi apa-apa pastilah ia akan kembali kepada realitinya, di mana ia adalah serupa dengan persepsi. Ia dengan itu berupaya untuk meresapi apa-apa objek persepsi. Sekiranya ia diabaikan sebahagian daripadanya, penglibatan awalnya akan menjadi kurang. Ia pun akan dapat memahami sepintas lalu tentang dunianya, lebih-lebih lagi persepsi indera eksternal suatu yang paling banyak menguasainya – kini tidak mengganggunya. Intensiti persepsi supernaturalnya adalah seban-

ding dengan kadar tabir yang lenyap daripadanya. Dengan itu ia lebih bersedia untuk menerima persepsi yang tersedia dari dunianya sendiri yang lebih sesuai untuknya. Apabila ia sudah menerima persepsi-persepsi ini dari dunianya sendiri, ia pun kembali bersamanya ke dalam tubuhnya, sebab, selagi ia masih berada di dalam tubuh jasmaniah, ia tidak dapat menjadi aktif kecuali melalui alat-alat jasmaniah untuk membuat persepsi.

Keupayaan di mana tubuh itu menerima pengetahuan adalah kesemuanya bersambung dengan otak. Bahagian yang paling aktif di antara kesemua itu adalah imaginasi, *khayal.* Ia menghasilkan gambar-gambar khayal daripada gambar-gambar yang diterima oleh indera-indera dan kemudian mendesaknya kepada kekuatan mengingat, yang memelihara kesemuanya hinggalah ia diperlukan dalam hubungannya dengan pemikiran dan deduksi. Daripada gambar-gambar khayal jiwa itu juga menyarikan gambar-gambar spiritual-spiritual yang lainnya. Dengan cara ini, ringkasan itu akan meningkat daripada *sensibilia* kepada *intelligibilia.* Dan imaginasi adalah perantara antara kedua-duanya. Juga apabila jiwa itu sudah menerima sejumlah persepsi tertentu daripada dunianya sendiri, ia kemudian disalurkan kepada imaginasi sehingga membentuk gambar-gambar yang sesuai dan menjadikan tanggapan-tanggapan itu kepada 'rasa umum' atau *his musytarik* atau *common sense.*

Akibatnya, orang yang sedang tidur itu melihatnya sebagaimana yang dilihat melalui indera. Maka, persepsi-persepsi itu pun dibawa ke bawah daripada roh rasio ke tingkat persepsi sensual sekali lagi imaginasi menjadi perantaraannya. Inilah hakikat alamat mimpi yang sebenar-benarnya.

Keterangan yang terdahulu menampakkan perbezaan di antara alamat mimpi yang benar dengan "mimpi yang mengelirukan". Kesemuanya itu adalah gambar-gambar dalam imaginasi sewaktu seseorang itu sedang tidur. Namun, sekiranya gambar-gambar itu dibawa daripada roh rasio yang menanggapinya, maka ia adalah alamat mimpi. Tetapi sekiranya ia diperoleh daripada gambar-gambar yang tersimpan di dalam kekuatan mengingat, di mana imaginasi itu telah menyimpankannya ketika seseorang itu sedang dalam keadaan jaga, maka ianya adalah 'mimpi-mimpi yang mengelirukan' atau *adlghatsu ahlam.*

Mimpi-mimpi yang benar mempunyai tanda-tanda yang menunjukkan kebenarannya dan memperlihatkan kesahihannya, supaya si pemimpin akan berasa sedar mengenai berita-berita yang

menggembirakan itu yang datang dari Allah untuknya sewaktu sedang tidur.

Yang awal daripada tanda-tanda itu ialah bahawa orang yang bermimpi itu cepat-cepat akan bangun, sebaik sahaja dia menanggapinya. Dia seolah-olah disegerakan supaya bangun dan mendapatkan persepsi sensual. Sekiranya dia meneruskan tidurnya yang lena, persepsi yang diberikan kepadanya akan membebaninya. Dengan demikian, dia akan berusaha menghindarkan dirinya daripada berkeadaan menerima persepsi supernatural ke persepsi sensual di mana jiwa itu akan selalu terbenam di dalam tubuh dan keadaan yang serba kebetulan yang bersifat jasmaniah.

Tandanya yang lain ialah bahawa alamat mimpi itu akan berkekalan dengan segala perinciannya di dalam kotak ingatan. Lalai ataupun lupa tidak akan memberikan kesan kepadanya. Tidak diperlukan pemikiran dan mengingat-ingatkan diperlukan, demi supaya menghadirkannya semula di fikiran seseorang. Alamat mimpi itu tetap tergambar di dalam fikiran pemimpi apabila dia sudah sedar. Tiada apa-apa yang keciciran. Sebabnya ialah kerana persepsi jiwa tidak berlaku pada waktunya dan tidak memerlukan tatanan secara berurutan, tetapi terjadi kesemuanya secara serentak dan dengan suatu elemen waktu yang tunggal. Sebaliknya 'mimpi-mimpi yang mengelirukan, berlaku di dalam waktu, sebab ia terletak pada kekuatan otak dan dibawa dari daya mengingat kepada 'rasa umum' oleh imaginasi. Proses ini merupakan suatu tindakan tubuh dan semua tindakan tubuh berlaku pada masanya, maka ia memerlukan suatu tatanan yang berurutan, supaya ia dapat menanggapi sesuatu dengan sesuatu yang datang mula-mula sekali dan sesuatu yang lain kemudiannya. Keadaan sering terlupa, suatu yang selalu mempengaruhi kekuatan otak, mempengaruhi mereka. Hal itu tidaklah sebagaimana dengan persepsi roh rasio. Mereka tidak berlaku pada waktunya dan tidak memiliki tatanan keteraturan. Persepsi-persepsi roh rasio tertanam seluruhnya dalam suatu ketika yang amat singkat. Maka, setelah orang yang tidur itu terjaga alamat mimpinya itu masih tetap ada dalam ingatannya selama beberapa waktu. Adalah tidak mungkin mimpi itu dapat diluputkan dari fikirannya sekiranya ia telah menimbulkan suatu kesan yang kuat. Sekiranya apabila dia memerlukan memikirkan dan aplikasi untuk mengingatkan sesuatu mimpi setelah orang itu terjaga dan sekiranya dia telah terlupa banyak perinciannya sebelum dia dapat mengingatkannya kembali, mimpi itu adalah

tidak benar, tapi suatu mimpi yang mengelirukan.

> (Tanda-tanda ini adalah termasuk ke bahagian khusus wahyu nabi).[83]

Mengenai makna tafsir (ramalan mimpi) hal-hal berikut harus diketahui. Bahawa roh rasio itu memiliki persepsinya dan menyalurkannya kepada imaginasi. Imaginasi itu kemudiannya membentuknya menjadi gambaran-gambaran membentuknya menjadi gambar-gambar yang ada hubungannya tetapi dengan idea yang diterima. Sebagai contoh, sekiranya idea seorang raja yang agung telah diterima, maka imaginasi menggambarkannya dalam bentuk sebuah lautan. Atau idea tentang perseteruan akan digambarkan oleh imaginasi dalam bentuk seekor kalajengking. Apabila seseorang itu terjaga daripada tidurnya dia hanya mengetahui yang lihat lautan ataupun ular, lalu si peramal mimpi yang berasa amat yakin bahawa kalau lautan sebagaimana digambarkan oleh sensual dan idea yang diterimanya merupakan sesuatu yang melampaui, gambarannya, lalu dia membentuk kuasa membandingkan (*quwwatut tasybih*). Dia dibantu oleh data-data selanjutnya yang menetapkan watak tentang idea-idea yang ditanggapinya untuknya. Maka dia akan menyatakan, sebagai contoh, bahawa lautan itu bermaksud raja, sebab lautan merupakan sesuatu yang besar di mana yang sesuai dijadikan sebagai analognya ialah seorang raja. Demikian pula seekor ular ia boleh dibandingkan dengan musuh kerana ancamannya yang besar. Dan begitu pula bejana-bejana dapat dianalogikan dengan wanita-wanita mengingat mereka adalah wadah-wadah dan sebagainya.

Adapun alamat mimpi dapat menjadi nyata dan tidak memerlukan pentafsiran, sebab ianya nyata dan jelas atau disebabkan idea yang ditanggapi di dalamnya mungkin serupa dengan gambar-gambar yang dibandingkan. Kerana itu, di dalam Hadis Shahih disebutkan.

> "Mimpi ada tiga. Mimpi dari Allah, mimpi dari malaikat, dan mimpi daripada syaitan".

Mimpi daripada Allah itulah yang merupakan mimpi yang jelas dan tidak memerlukan suatu pentafsiran. Yang datang

---

83 Bahagian dalam tanda kurung ini, terdapat di dalam *Muqaddimah* edisi Inggeris terjemahan F. Rosenthal

daripada malaikat adalah mimpi-mimpi yang benar tapi memerlukan pentafsiran; sedang mimpi dari syaitan adalah mimpi-mimpi yang kacau.

Apabila roh itu menyalurkan persepsi kepada imaginasi, yang terdahulu itu akan melukiskannya hanya dalam bentuknya yang biasa dari persepsi sensual. Apabila bentuk atau cetakan itu tidak ada sama sekali di dalam persepsi sensual, maka imaginasi tidak dapat menciptakan atau mengadakan sesuatu gambar. Seseorang yang dilahirkan buat adalah tidak mungkin akan dapat melukiskan seorang raja dengan sebuah lautan atau musuh dengan ular atau wanita dengan bejana? Sebab dia tidak pernah melihat satu pun daripada bentuk-bentuk tersebut. Baginya, imaginasi hanya melukiskan gambaran yang punya kesamaan dengan jenis persepsinya, dalam hal ini adalah segala sesuatu yang didengar dan diciumnya. Tukang ramal mimpi haruslah sentiasa berwaspada terhadap perkara-perkara semacam ini. Mereka sering menyebabkan kekeliruan di dalam usaha mentafsir mimpi dan merosakkan peraturan-peraturannya.

Ilmu tentang tafsir mimpi adalah bermaksud suatu pengetahuan umum tentang norma-norma mana peramal mimpi melandaskan tafsiran dan penjelasannnya tentang semua yang diceritakan orang kepadanya. Sebagai contoh, dia menyatakan bahawa lautan itu adalah mewakili seorang raja. Di lain tempatnya, dia menyatakan, bahawa lautan mengalamatkan perbalahan. Dan tempat lainnya pula, dia menyatakan lautan itu bermaksud pada kesusahan dan malapetaka. Atau, ular itu bermaksud perseteruan. Pada tempat yang lain pula ular mengalamatkan suatu rahsia yang tersembunyi. Atau, ular menunjuk pada kehidupan, dan seterusnya.

Si peramal menghafaz norma-norma yang bersifat umum dan mentafsirkan mimpi-mimpi sebagaimana diperlukan oleh data-data sebagaimana yang paling sesuai bagi setiap mimpi. Maklumat itu boleh ada dalam keadaannya yang sedar. Ada juga yang diperolehi pada waktu sedang tidur. Atau, ada yang tercipta dalam jiwa si peramal sendiri melalui sifat-sifatnya yang dianugerahi.

Ilmu tafsir mimpi ini masih tetap berlanjut di kalangan orang-orang terdahulu. Muhammad bin Sirin – seorang sarjana dalam ilmu ini – telah menulis tentang kaedah-kaedah tafsir mimpi. Pada masa ini, banyak orang sama-sama mempelajarinya. Juga al-Kurmani menulis tentang ilmu ini. Kemudian para sarjana ilmu kalam dan mutakhir menulis dan memperbanyakkan. Saat ini

bukan yang dipergunakan di kalangan masyarakat Maghribi adalah karya Ibn Abu Thalib al-Qairawani – salah seorang sarjana dari Qairawan, misalnya *al-Mumatti* dan lain-lainnya. Juga, kitab *al-Isayarah* karya al-Salimi.

Takbir tafsir mimpi merupakan ilmu yang disinari oleh cahaya kenabian; kerana antara kenabian dan mimpi terdapat hubungan satu sama lainnya seperti yang disebutkan di dalam Hadis Shahih.

Dan Allah maha mengetahui tentang segala yang ghaib.

20 Pelbagai jenis ilmu yang menuntut daya berfikir

Ilmu-ilmu intelek atau *al-ulum al-aqliyyah* adalah sesuatu yang semula jadi bagi manusia, sementelah manusia itu adalah sejenis makhluk yang menggunakan fikirannya. Ilmu adalah tidak terbatas kepada semata kelompok agama khusus (millah). Ia dipelajari oleh pelbagai golongan yang mana kesemuanya itu adalah berkemampuan untuk mempelajarinya dan melakukan penyelidikan tentangnya. Ilmu-ilmu telah wujud dalam kehidupan manusia sejak adanya peradaban di dunia ini. Ilmu-ilmu ini disebut sebagai ilmu-ilmu falsafah dan kebijaksanaan. Ia mencakupi empat macam ilmu.

(1) Ilmu yang pertama ialah logika (*manthiq*). Ia adalah ilmu yang dapat menghindarkan fikiran daripada kesalahan melakukan sengketa proses penyusunan fakta-fakta yang tidak diketahui yang diusahakan dari fakta yang tersedia dan diketahui. Melaluinya memungkinkan seseorang penuntut ilmu untuk membezakan antara yang benar dengan yang salah sekiranya dia berhasrat untuk meneliti apa yang harus dan kebetulan dan hanya suatu kesedaran semata, maka seseorang itu akan berupaya untuk memastikan yang benar mengenai benda-benda yang dicipta, secara negatif atau positif, setakat kemampuannya untuk melakukan tugas berfikir.

(2) Selanjutnya, para ahli falsafah boleh mempelajari unsur-unsur bahan yang dapat ditanggapi melalui indera seperti bahan-bahan galian, tumbuh-tumbuhan, dan binatang-binatang yang diciptakan daripada (unsur-unsur bahan), benda-benda di angkasa, pergerakan semula jadi, dan jiwa yang daripadanya adalah asal pergerakan dan lain-lainnya. Disiplin ilmu ini disebut 'fizik', ilmu alam. Ia adalah ilmu yang kedua daripada ilmu-ilmu yang menuntut daya berfikir.

(3) Atau mereka boleh mempelajari metafizika, hal-hal spiritual. Ilmu ini disebut "metafizika". Ia adalah ilmu ketiga mengenai ilmu yang menuntut daya fikir.

(4) Ilmu yang keempat ialah suatu pembelajaran tentang sukat dan ukur. Ia meliputi empat macam ilmu yang disebut ilmu matematik.

Ilmu matematik yang pertama ialah *geometri*, ilmu ukur. Ia adalah suatu pembelajaran (ukur sukat) tentang kuantiti secara umumnya, yang mana adalah tidak bersambung yang berbentuk angka-angka atau bersambung seperti angka-angka geometri. Ia boleh menjadi satu dimensi – suatu garisan; sukat ukur ini dan segala yang menggejala, yang ada dengan sendirinya atau dari segi nisbah antara satu dengan lainnya, adalah apa yang dipelajari dalam geometri.

Ilmu matematik yang kedua ialah ilmu kira-kira. Ia adalah pengetahuan tentang sifat-sifat yang harus dan hal-hal yang tidak sengaja daripada kuantiti yang terputus yakni penomboran.

Ilmu matematik yang ketika adalah muzik. Ia adalah pengetahuan tentang pembahagian bunyi dan nada serta pengukurannya menurut angka-angka. Hasilnya adalah pengetahuan tentang melodi muzik.

Ilmu matematik yang keempat ialah astronomi. Ilmu ini menetapkan bentuk sfera-sfera memastikan kedudukannya dan bilangan setiap planet dan bintang-bintang tetap, dan memungkinkan untuk mempelajari semuanya ini daripada gerakan benda-benda yang kelihatan di sfera ruang pergerakan-pergerakannya, sama ada yang secara ke belakang dan langsung ke hadapan dan ke belakangnya.

Terdapat tujuh asas ilmu falsafah yang pertama ialah logika. Kemudian matematik yang didahului dengan aritmetik, diikuti pula oleh geometri, astronomi dan muzik. Kemudiannya pula fizik, dan yang terakhirnya metafizik.

Setiap ilmu memiliki cabang-cabang. Salah satu cabang fizika adalah perubahan. Cabang aritmetik ialah ilmu hitung, faraid dan aritmetik perniagaan. Cabang astronomi ialah jadual-jadual astronomi. Ia adalah norma-norma untuk menghitung pergerakan bintang-bintang dan mengubahsuai data untuk mengetahui kedudukan-kedudukannya apabila dikehendaki. Cabang lain daripada kajian tentang bintang-bintang adalah ilmu perbintangan (astrologi).

Kita akan membicarakan semua ilmu ini, satu demi satu.

Setakat maklumat sejarah yang diketahui bahawa ilmu-ilmu ini telah mendapat perhatian luar biasa daripada dua bangsa besar sebelum Islam, yakni bangsa Persia dan Yunani. Berdasarkan maklumat yang kita ada ilmu-ilmu ini secara besar-besarannya adalah diperlukan sekali di kalangan mereka, sebab mereka memiliki peradaban yang tinggi dan merupakan bangsa-bangsa yang berkuasa sebelum Islam dan pada masanya. Di daerah-daerah dan di pelbagai kota mereka, ilmu-ilmu itu tumbuh dengan amat pesat sekali.

Bangsa Kaldean, dan yang sebelum mereka, bangsa Syria, dan juga bangsa yang seangkatannya Kopta telah menitikberatkan amalan sihir dan astrologi secara hal-hal yang ada hubungannya dengan kekuatan azimat dan tangkal-tangkal. Bangsa Persia dan Yunani mempelajari ilmu-ilmu ini daripada mereka. Secara khususnya bangsa Kopta berperanan dalam mengembangkannya sehingga menjadi suatu yang amat diketahui. Selanjutnya – berbagai peristiwa yang disebutkan di dalam *al-Matluww*[84] tentang Harut dan Marut,[85] masalah tukang-tukang sihir,[86] dan yang dinukilkan oleh para ilmuwan perihal ehwal al-Barabi di dataran tinggi Mesir. Kemudiannya, ilmu-ilmu ini diisytiharkan sebagai terlarang dan haram oleh *millah-millah* selanjutnya. Akibatnya, ilmu-ilmu yang berkenaan dengan astrologi dan sihir menjadi lenyap seakan-akan tidak pernah wujud. Hanya sebahagian kecil sahaja yang masih mengamalkannya, diajarkan oleh orang-orang yang masih mengamalkan keahlian tersebut. Dan hanya Allah s.w.t. sahaja yang lebih mengetahui kebenaran ilmu-ilmu itu. Kuasa undang-undang syariat dengan jelasnya menegah dan menghalang ilmu-ilmu itu supaya diamalkan.

Di kalangan bangsa Persia, ilmu-ilmu intelek itu telah memainkan peranannya yang utama dan penting, kerana dinasti-dinasti Persia amat kuat sekali dan memerintah tanpa menghadapi apa-apa gangguan. Adalah didakwa, ilmu-ilmu intelek ini adalah dipelopor oleh orang-orang Yunani daripada orang-orang Persia,

84 Secara hurufiah bererti al-Baqarah. Sedang yang dimaksud adalah al-Quran.

85 Firman Allah surah al-Baqarah. Ayat ini khusus untuk tukang-tukang sihir bangsa Kaldean.

86 Menunjuk pada kisah Musa a.s. dengan tukang-tukang sihir, kisah yang diulang di pelbagai tempat dalam al-Quran.

sewaktu Alexander membunuh Darius dan menguasai empayar Kaemenia (Achaemenid). Pada waktu itu Alexander telah merampas buku-buku dan ilmu pengetahuan yang terdapat pada bangsa Persia. Sungguhpun demikian setelah orang-orang Islam dapat menakluki bumi Persia dan dapat mengumpulkan banyak buku-buku dan catatan-catatan keilmuan, Sa'ad ibn Abi Waqas telah mengutus surat kepada Khalifah Umar ibn Khattab, meminta keizinannya untuk membahagikan buku-buku itu sebagai harta rampasan perang kepada orang-orang Islam. Umar pun membalasnya.

> "Buangkan buku-buku itu ke dalam air sekiranya apa yang dikandung oleh buku-buku itu adalah petunjuk yang besar, maka Allah telah memberikan kepada kita petunjuknya yang lebih besar. Sekiranya ia mengandung hal-hal kesesatan, Allah telah memelihara kita daripada bencana itu."

Maka, orang-orang Islam pun membuangnya ke dalam air atau ke dalam api dan ilmu-ilmu yang dimiliki oleh bangsa Persia itu pun lenyap dan tidak sampai kepada pengetahuan kita.[87]

Dinasti Byzantium (Romawi) pada asalnya adalah berada di bawah pengawasan bangsa Greek (Yunani), di kalangan ilmu-ilmu di mana telek itu mendapat perhatiannya yang wajar. Ilmu-ilmu itu dikembangkan oleh tokoh-tokoh Yunani terkemuka, di antaranya ialah tiang-tiang falsafah, dan lain-lain. Ahli-ahli falsafah Peripatea[88] – khususnya kaum Stoa[89] telah memiliki metode pengajar-

---

87 "Inilah kisah lain dari legenda terkenal sehubungan dengan perintah Umar untuk menghancurkan atau membakar perpustakaan di Alexandria. Kisah tersebut di atas dan kisah pembakaran perpustakaan ini, tidak pernah disebut-sebut oleh sejarawan-sejarawan terkemuka", demikian komentar Dr. Abdul Wahid dalam bukunya *Komentar atas Muqaddimah.*

88 Kata *Massya-un* dikenal untuk Mazhab Aristo dan murid-muridnya, bahasa Inggerisnya *Peripatetic.* Mereka disebut demikian kerana mempelajari falsafah, berdebat dan memperdebatkan sekolah Lysia sambil berjalan keliling kota dan pasar. Aristotles sendiri mengajarkan ilmu-ilmu kepada muridnya sambil berjalan.

89 Kaum Stoa, dimasukkan Ibn Khaldun sebagai ahli falsafah peripatetik (yang selalu berjalan). Padahal kita tahu bahawa Mazhab Stoa adalah Mazhab Zeno dari Citium. Jelas, antara keduanya – Aristo dan Zeno – berbeza, bahkan dibedakan oleh waktu sekitar 68 tahun. Sarjana-sarjana Muslim menyebut mereka dengan *masysy-un* (peripatetic) kerana keduanya mempunyai kesamaan, iaitu mengajar dengan berjalan.

an yang baik dalam bidang ilmu-ilmu intelektual. Adalah suatu yang diandaikan bahawa mereka telah melakukan suatu kajian di dalam *stoa* suatu tempat yang melindungi mereka daripada terik matahari dan cengkaman cuaca dingin. Adalah diduga, tradisi persekolahan mereka itu disampaikan oleh Lukman yang bijaksana dan murid-muridnya hingga Socrates (yang lumpuh)[90] dengan banyaknya. Kemudian kepada muridnya Plato. Dilanjutkan lagi kepada Aristotles, dan daripada Aristotles kepada muridnya, Alexander dari Aphrodisias[91] dan Themistius[92] dan lain-lainnya.

Aristotles adalah guru kepada Alexander, seorang raja yang telah mengalahkan bangsa Persia dan meleburkan kerajaan itu. Aristotles adalah seorang ilmuwan Yunani yang paling hebat dan menikmati sanjungan dan kemasyhuran. Dia telah digelar "Guru yang Pertama". Dia menjadi yang terkenal sekali di dunia.

Apabila dinasti Yunani dihancurkan dan kaisar-kaisar Romawi merampas kuasa dan menganut agama Nasrani (Kristian), lalu ilmu-ilmu intelek itu dijauhi, sebagaimana diharuskan oleh sekte-sekte dan hukum-hukum keagamaan mereka. Mereka meneruskan tabii kecemerlangan ilmu-ilmu di dalam bidang penghasilan ilmu dan sebagai karya-karya ilmiah yang tersimpan kekal di perpustakaan-perpustakaan.

Kaisar-kaisar Romawi kemudiannya berkuasa di Syria. Buku-buku ilmu kuno itu dikekalkan di tempat-tempatnya semasa pemerintahan mereka. Kemudian, Allah kemudiannya mendatangkan Islam dan para pemeluknya memperoleh kemenangan yang sangat gemilang. Mereka menakluki Byzantium (Romawi) dan kerajaan-kerajaan yang ada di bawah naungannya. Pada mulanya orang-orang Islam itu hidup sederhana dan tidak mengambil perhatian terhadap keahlian-keahlian itu. Akhirnya, dengan demikian, kerajaan dan pemerintahan Islam berkembang dengan amat pesat. Orang-orang Islam mewujudkan suatu kebudayaan hidup secara menetap, *hadlarah*, yang tidak pernah dimiliki oleh bangsa-bangsa selain daripada mereka. Mereka menjadi benar-benar berpengalaman dalam pelbagai macam kemahiran dan ilmu pengetahuan.

---

90 Socrates sering berbalah dengan Diogenes dari Sinope yang konon memilih sebuah tong sebagai tempat kediamannya.

91 Alexander dari Aphrodisian, seorang komentator Aristotles, dan bukan muridnya secara langsung sebagaimana diduga Ibn Khaldun.

92 Juga komentator Aristotles yang terkenal.

Kemudiannya mereka berkeinginan untuk mempelajari ilmu-ilmu falsafah. Mereka telah mendengar sebahagian ilmu itu sebagaimana disebutkan oleh usku-uskup dan biarawan-biarawan di kalangan mereka yang beragama Kristian. Dan kecenderungan manusia untuk berfikir telah memberi aspirasi dalam jurusan ilmu-ilmu rasio itu. Abu Ja'far al-Manshur dengan demikian telah mengutus utusan kepada kaisar Romawi dan meminta baginda mengirimkan terjemahan karya-karya matematik. Baginda telah mengirimkan buku-buku yang ditangani oleh Euclid dan beberapa karya lainnya tentang ilmu fizik. Orang-orang Islam telah membacanya dan mempelajari kandungannya. Keinginan untuk mendapatkan apa yang menjadi tambahannya kian berkobar-kobar. Selanjutnya, datanglah al-Makmun. Beliau telah memiliki sedikit pengetahuan saintifik. Dengan demikian dia memiliki kecintaan terhadap ilmu-ilmu pengetahuan. Kecintaan itu menumbuhkan semangatnya untuk melakukan sesuatu demi kepentingan ilmu-ilmu intelek. Dia mengutuskan duta-duta untuk menemui raja-raja Romawi, mereka hendaklah meneliti ilmu-ilmu yang dikuasai oleh masyarakat Yunani dan mengusahakan salinan di dalam tulisan Arab; dan untuk tujuan itu dikirimnya penterjemah-penterjemah sebagai hasilnya, begitu banyak bahan-bahan itu telah dipelihara dan dikumpulkan.

Para ilmuwan-ilmuwan Islam mempelajari ilmu-ilmu Yunani itu secara sungguh-sungguh. Mereka menjadi trampil dalam pelbagai cabang ilmu. Kemajuan yang dicapai dalam kajian ilmu-ilmu itu tidak melampaui kemuncaknya. Dalam banyak hal mereka bercanggah dengan pendapat Guru yang Pertama yakni Aristotles. Mereka menganggap Aristotles sebagai orang yang berkuasa untuk memutuskan sama ada sesuatu pandangan itu harus diterima ataupun ditolak sebagai beliau memiliki kemasyhuran. Mereka telah menghasilkan karya-karya yang lebih sistematis mengenai bidang itu. Mereka lebih mengungguli para pendahulu mereka dalam ilmu-ilmu intelek itu.

Abu Nashr al-Farabi dan Ali ibn Sina (Avicenna) di Timur, Qadli Abu al-Walid ibn Rusyd (Averroes) dan Wazir Abu Bakar bin as-Shaigh (Avempace) di Andalusia, adalah di antara ahli-ahli falsafah Islam yang paling terkenal. Di samping mereka ramai lagi yang telah mencapai puncak dalam kecemerlangan berilmu. Orang-orang yang disebutkan itu telah menikmati kemasyhuran dan martabatnya.

Ramai ilmuwan yang membatasi diri mereka untuk meng-

amalkan disiplin ilmu matematik dan ada hubungannya dengan ilmu astrologi, sihir dan azimat-azimat. Pada pengamal ilmu yang terkenal ialah Jabir bin Hayyan di Timur[93] dan seorang berbangsa Andalusia bernama Maslamah bin Ahmad al-Majriti berserta murid-muridnya.

Ilmu-ilmu intelek dan para ahlinya telah berjaya dalam beberapa seginya menguasai Islam mereka telah menggoda ramai orang yang berminat untuk mempelajari ilmu-ilmu itu dan menerima pendapat-pendapat yang dinyatakan di dalamnya. Dalam hubungan ini, dosa itu adalah ditanggung oleh orang yang melakukannya.

"Jika Allah menghendaki, mereka tidaklah melakukannya".[94]

Selanjutnya, aktiviti mencipta peradaban terhenti di Maghribi dan di Andalusia. Ilmu-ilmu pengetahuan itu berkurangan bersama merosotnya peradaban. Sebagai akibatnya, aktiviti ilmiah telah lenyap di sana, dan yang terpelihara hanyalah kecil sahaja daripada apa yang boleh ditemui daripada beberapa individu yang terpisah dan berada di bawah penguasaan sarjana-sarjana *ahlus-sunnah.*

Kita dapat mengetahui ilmu-ilmu intelek itu masih dikuasai oleh penduduk Timur, khususnya di Iraq bukan Arab dan di Timur Jauh, di Transoxania. Dikatakan bahawa penduduk di sana dapat mencapai kecemerlangan berilmu dan ilmu-ilmu tradisional. Sebabnya ialah peradaban mereka sangat kaya dan kebudayaan hidup secara menetap telah benar-benar dimantapkan.

[*Di Mesir, saya telah menemukan beberapa karya, dan yang terbanyak adalah karangan seorang sarjana besar dari Hurat daerah bahagian negeri Khurasan. Pengarang itu terkenal dengan nama Sa'ad ad-Din at-Tafrazani. Ia berbicara tentang ilmu kalam, *ushul-fiqih* dan *al-bayan* (retorika). Ini membuktikan dia telah memiliki keahlian yang matang dalam bidang ilmu-ilmu ini. Pada beberapa bahagian terdapat indikasi yang menunjukkan bahawa dia telah mempelajari ilmu-ilmu falsafah yang punya saham yang besar dalam segala disiplin ilmu intelek.

Semoga Allah mengukuhkan kemenangan-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya.]

---

93 Kalimat dalam kurung ini kami kutip dari terjemahan *Muqaddimah* edisi Inggeris oleh F. Rosenthal.

94 Al-Quran surah al-An'am, ayat 137.

Selanjutnya kami telah mendengar bahawa banyak ilmu-ilmu falsafah telah berkembang dengan pesat di tanah Rom dan di pesisiran pantai bahagian utara negeri-negeri Franka. Dikatakan ilmu-ilmu itu dipelajari semula di sana dan diajar di banyak sekolah. Ulasan-ulasannya yang sistematis dikatakan sangat komprehensif. Orang-orang yang mengetahuinya adalah terlalu ramai dan pelajar-pelajarnya pula begitu ramai sekali.

21 Ilmu-ilmu yang menitikberatkan dengan angka-angka

Apa yang pertamanya ialah aritmetik. Aritmetik ialah pengetahuan yang dimiliki oleh angka-angka yang disatukan di dalam ilmu hitung atau kemajuan geometri.[95] [Disiplin ilmu ini adalah cabangnya pertama dari ilmu-ilmu matematik dan yang paling pasti. Ia masuk ke dalam pembuktian melalui hitungan. Buku-buku tentang ilmu ini banyak ditulis sarjana-sarjana terdahulu dan kemudian. Sebahagian besar daripada mereka memasukkan ilmu itu ke dalam bahagian ilmu matematik dan tidak menuliskannya secara tersendiri. Misalnya, Ibn Sina di dalam bukunya *as-Syifa, an-Najat,* dan sarjana-sarjana lain terdahulu. Sedangkan bagi sarjana-sarjana mutakhir, ilmu itu tidak lagi dipelajari dan manfaatnya terbatas pada pembicaraan-pembicaraan dan bukan pada hitungan. Dengan demikian, mereka menjauhinya setelah mereka menyimpulkan saripatinya di dalam pembicaraan-pembicaraan hitungan, sebagaimana dilakukan Ibn Sina di dalam bukunya *Ra'ul Hijab.*

Dan Allah Maha Suci Maha Tinggi yang lebih mengetahui.

Keahlian menghitung

Salah satu cabang aritmetik adalah keahlian menghitung. Ia adalah keahlian ilmiah yang berkenaan dengan perhitungan angka-angka melalui cara 'menggabung' dan 'memisah'. 'Menggabung' dapat dilakukan dengan menambah unit-unitnya. Ini disebut pertambahan. Atau, ia boleh berlaku dengan menambahkan sesuatu angka dengan beberapa kalinya selagi ada unit-unit angka-angka lainnya. Ini adalah pertalian. Yang memisahkan berlaku dengan cara

95 Dalam terjemahan ini kami tidak memuat contoh-contoh aritmetik yang disebut Ibn Khaldun banyak sekali.

mengambil sesuatu angka daripada angka yang lainnya dan melihat apa yang tertinggal. Ini ialah penolakan. Atau, ianya boleh berlaku dengan menceraikan suatu angka kepada bahagian-bahagian yang sama daripada suatu angka yang diberikan. Ini dinamakan pembahagian.

'Menggabung' dan 'memisah' atau 'membahagikan' ini dapat dilakukan kepada angka-angka yang seluruhnya ataupun sebahagian sahaja. Sebahagian adalah hubungan di antara satu angka dengan angka yang lain. Atau, ianya boleh mengenai akar-akar. 'Akar-akar' adalah angka-angka yang apabila diperkalikan dengan sendirinya membawa pada angka-angka ganda dua. 'Akar-akar' adalah nombor-nombor yang apabila dikalikan dengan sendirinya, akan membawa kepada nombor ganda. Nombor-nombor yang dinyatakan dengan jelas dipanggil 'rasional' dan begitu juga dengan ganda mereka tidak memerlukan operasi (khusus) dalam menghitungnya. Nombor-nombor yang tidak dinyatakan dengan jelas dipanggil 'surds'. Ganda duanya boleh dirasional, sebagai contoh, akar tiga ialah di mana diganda duanya tiga. Atau, mereka boleh jadi 'surds' seperti akar kepada akar ialah tiga yang mana ianya ialah *surd*. Mereka memerlukan operasi khusus dalam pengiraan. Akar-akar itu adalah termasuk ke dalam operasi menggabung dan memisahkan.

Keahlian ini merupakan suatu yang baru dicipta. Ia diperlukan untuk menghitung dalam perniagaan. Sarjana-sarjana telah menulis beberapa buku tentang itu. Buku-buku itu digunakan di kota-kota untuk pengajaran kepada anak-anak. Metode pengajaran yang baik ialah memulainya dengan pelajaran menghitung, sebab ianya menitikberatkan pengetahuan yang jelas dan bukti-bukti yang sistematis. Biasanya, ia melahirkan suatu fikiran yang cemerlang dan terlatih sepanjang garis-garis yang benar. Dikatakan bahawa barang siapa yang memajukan dirinya dengan mempelajari pelajaran berhitung seawal mungkin dalam kehidupannya, dan sebagaimana lazimnya akan menjadi orang yang jujur. Sebab hitung-menghitung mempunyai suatu asas yang baik dan menghendaki disiplin diri. Kebenaran dan disiplin diri itu akan dengan demikian menjadi suatu watak bagi orang tersebut. Dia akan terbiasa dengan kebenaran dan mematuhinya secara metodis.[96]

---

96 *Ila morale des sciences* dianggap sebagai teori oleh pedagogis-pedagogis moden, telah dikemukakan Ibn Khaldun lebih dari empat abad yang lalu.

[Karya paling baik tentang ilmu itu, saat ini, di Maghribi, adalah kitab *al-Hishar as-Shaghir*. Dan Ibn Sina dari Marokko mempunyai sebuah ringkasan dari ilmu ini, yang berisikan kaedah-kaedah dari karya yang berguna. Kemudian, dia menerangkannya secara terinci dalam bukunya yang diberi judul *Raf'ul Hijab*. Kitab *al-Hishar as-Shaghir* amat sukar bagi pemula kerana di dalamnya terdapat pembuktian-pembuktian yang dasar-dasarnya logis. Memang sebuah buku bernilai tinggi, yang kehebatannya kami ketahui daripada pengakuan para guru. Sebuah buku yang wajar disebut demikian. Buku ini menjadi sukar bagi para pemula hanya kerana cara pembuktiannya yang menggunakan ilmu matematik disebabkan permasalahan dan analisisnya telah jelas seluruhnya. Apabila Ibn Sina memberinya keterangan, itu hanya merupakan bukti lebih lanjut terhadap karya-karya itu. Sebahagian, ada yang sukar untuk difahami yang tidak terdapat di dalam karya-karya analisis hitungan. Maka hendaklah anda memikirkannya.

Dan Allah memberi petunjuk kepada siapa yang dikehendaki-Nya dengan cahaya-Nya, dan Dia Maha Kuat Maha Kukuh.]

Aljabar

Cabang lainnya daripada aritmetik adalah aljabar. Ia adalah keahlian yang memungkinkan untuk menemukan data yang tidak diketahui daripada yang diketahui, sekiranya terdapat suatu pertalian antara keduanya yang saling memerlukannya. Istilah-istilah teknikal yang khusus telah diciptakan di dalam aljabar untuk pelbagai macam perkalian daripada yang tidak diketahui. Yang pertama di antaranya disebut 'angka' sebab dengan cara itu seseorang akan dapat memastikan apa yang tidak diketahui dan yang dicari menemui nilainya daripada pertalian yang tidak diketahui. Yang kedua disebut 'sesuatu' sebab setiap yang tidak diketahui dan merujuk kepada 'sesuatu'. Itu juga disebut 'akar', kerana (elemen yang sama) memerlukan perkalian pada darjat kedua (persamaan-persamaan). Yang ketiga disebut 'harta'. Ia adalah kuasa dua kepada yang tidak diketahui. Setiap sesuatu seterusnya adalah bergantung kepada pertentangan-pertentangan kedua-dua elemen yang dikalikan itu.

Kemudian, adanya pekerjaan yang ditetapkan oleh masalah. Seseorang itu melangsungkan untuk menciptakan suatu persamaan

di antara dua atau lebih unit daripada (tiga) elemen yang disebutkan. Pelbagai elemen itu telah 'berdepan' dan bahagian-bahagian 'pecah' (di dalam persamaan itu) adalah persamaan itu dikurangkan kepada bentuk-bentuk dasar yang paling kecil maka, ianya menjadi kepada tiga. Aljabar berkisar pada seputar ketiga bentuk dasar ini. Ia adalah 'angka', 'sesuatu', dan 'harta'.

Apabila suatu persamaan mengandungi hanya satu elemen pada setiap seginya, nilai daripada yang tidak diketahui itu telah ditetapkan. Nilai 'harta' atau 'akar' menjadi diketahui dan tetap apabila dipersamakan dengan 'angka'. Suatu 'harta' yang dipersamakan dengan 'akar-akar' menjadi tetap oleh perkalian 'akar-akar' itu.

Apabila suatu persamaan itu mengandungi satu (elemen) pada tiap sudutnya, nilai yang tidak diketahui adalah tetap. Nilai 'harta' atau 'akar' menjadi diketahui dan tetap, apabila dipersamakan dengan 'nombor', suatu 'harta'; yang dipersamakan dengan 'akar' adalah ditetapkan oleh perjalanan akar-akar itu. Apabila sesuatu persamaan itu mengandung satu (elemen) pada setiap sudutnya dan dua di sebelah yang lainnya, di sana terdapat cara pemecahan geometri kerana dengan perkalian pada sebahagian dari sisi yang tidak diketahui daripada persamaan itu dengan kedua elemen itu. Perkalian tersebut pada sebahagiannya menetapkan (nilai) daripada (persamaan). Persamaan-persamaan dengan dua elemen pada satu sisi dan dua pada yang lainnya adalah tidak mungkin.

Angka terbesar daripada persamaan yang dipastikan oleh ahli-ahli aljabar adalah enam. Persamaan-persamaan yang mudah dan campuran ke atas angka-angka, 'akar-akar', dan 'harta-harta' tetap kepada enam.

[*Orang pertama yang menulis disiplin ilmu ini adalah Abu Abdillah al-Khawarazmi, dan sesudahnya, Abu Kamil Syuja' bin Aslam. Orang-orang lain datang mengikuti jejaknya. Kitabnya tentang keenam permasalahan (persamaan) merupakan buku paling baik yang ditulisnya. Banyak penduduk Andalusia mengulasnya hingga menjadi lebih baik. Buku komentar atasnya yang paling baik adalah kitab karya al-Qurasyi].

Kami telah mendapat tahu bahawa para ahli matematik di Timur telah memperluaskan hitungan aljabar melampaui angka enam dan membawanya kepada lebih daripada dua puluh. Untuk kesemua itu, mereka telah menyingkap cara-cara pemecahan yang

didasarkan pada bukti-bukti geometri yang kukuh.

> Dan Allah "menambah pada penciptaan apa yang dikehendaki-Nya".[97]
>
> Maha Suci dan Maha Tinggi Dia.

Aritmetik perniagaan

Pembahagian lainnya tentang aritmetik ialah apa yang disebut sebagai 'Hitung Perniagaan'. Ianya disesuaikan dengan perniagaan yang banyak dilakukan di kota-kota. Perniagaan begini adalah mengenai jual beli barang (dagangan), ukuran tanah, zat dan semua perdagangan lain yang ada hubungannya dengan angka-angka. Dalam hubungan ini, seorang itu mempergunakan kedua-dua teknik matematik, (seseorang itu terpaksa berurusan) dengan yang tidak diketahui dan yang diketahui, dengan pecahan-pecahan, jumlah keseluruhan, akar-akar, dan lain-lainnya.

Tujuan memperbanyak masalah yang dikemukakan sehubungan dengan hal tersebut diperoleh daripada pengalaman dan keahlian dengan mengulang-ulang aritmetik hingga kecekapan dalam berhitung benar-benar mantap.

Ahli-ahli matematik dari Andalusia telah menulis sejumlah besar karya tentang masalah itu. Di antaranya yang terkenal adalah Hitung Dagang az-Zahrawi, Ibn as-Samah, dan Abu Muslim ibn Khaldun, murid Maslamah bin Ahmad al-majriti, dan lain sebagainya.

Ilmu faraid

Suatu cabang aritmetik yang lainnya adalah *faraid.* Ia adalah keahlian yang bersangkutan dengan hitungan di dalam upaya menetapkan bahagian-bahagian atau saham yang benar daripada suatu hartanah kepada ahli-ahli waris yang berhak (*dzawil furudl*). Suatu yang boleh terjadi ialah timbulnya kerana persoalan ramainya ahli waris dan salah seorang daripada mereka telah meninggal dan bahagiannya terpaksa dibahagi-bahagikan di antara para ahli warisnya. Atau, bahagian-bahagian perseorangan ketika dihitung dan dikira boleh melebihi jumlah keseluruhan harta

---

97 Al-Quran surah Fathir, ayat 1.

warisan itu. Atau, boleh jadi timbulnya masalah ketika seorang ahli waris memperakui tetapi yang lainnya menyangkal waris yang lain atau sebaliknya). Semuanya ini memerlukan jalan penyelesaian demi menentukan bahagian yang benar atas bahagian daripada sebuah harta warisan dan bahagian yang benar kepada setiap sanak-saudaranya supaya pewarisnya mendapat bahagian daripada apa yang hak mengambil kira jumlah bahagian hartanah itu. Di sini ilmu hitung-menghitung memainkan peranannya yang sangat penting. Ia menyangkut jumlah-jumlah keseluruhan, pecah-pecahan, akar-akar, yang diketahui dan yang tidak diketahui; ianya disusun menurut bab-babnya dan masalah *faraid fiqhiyah.*

Keahlian ini dengan demikian sedikit sebanyak ada hubungannya dengan fikah, yakni dengan *faraid* selagi ia menyentuh undang-undang berkenaan dengan bahagian yang sah dari harta warisan, pengurangan atas bahagian individu (*aul*), perakuan dan penolakan ahli waris, wasiat-wasiat, melepaskan hak dengan rela hati serta bermacam persoalan lainnya. Juga ia ada hubungannya dengan aritmetik dalam erti menetapkan jumlah yang wajar daripada bahagian-bahagian sesuai dengan hukum yang ditetapkan oleh ahli fikah.

Ia adalah suatu disiplin ilmu yang sangat penting. Para sarjananya, di awal dan masa yang paling lewat telah menyatakan banyak hal mengenainya. Hadis-hadis nabi yang menunjukkan ketinggian nilai disiplin ilmu ini, seperti: "Faraid adalah sepertiga ilmu", dan "bahawa ia adalah ilmu yang pertama bernilai tinggi di antara ilmu-ilmu lainnya", dan sebagainya. Bagi saya, pengertian-pengertian lahiriah hadis-hadis yang seperti itu tidak lain menunjuk kepada *faraidl ainiyyah* (kewajipan-kewajipan agama secara individu), sebagaimana telah dikemukakan di hadapan, dan bukan *faraid al-wiratsat* (faraid mengenai harta-harta waris). Faraid yang terakhir ini terlalu kecil untuk disebut sepertiga ilmu pengetahuan; sedangkan kewajipan-kewajipan individu memang banyak jumlahnya.

Para sarjana dahulu dan sekarang telah menulis karya-karya tentang disiplin ilmu ini secara luas. Karya paling baik dalam ilmu ini yang berdasar Mazhab Malik – rahmat Allah padanya – adalah bukunya Ibn Thabit, kitab ringkasan Qadli Abu al-Qasim al-Hufi, karya Ibn al-Munmir, al-Ju'adi, al-Shuradi, dan lain-lainnya. Namun yang tertinggi nilainya adalah tulisan al-Hufi. Kitabnya berada di deretan paling depan di antara yang ada, dan telah

dikomentari oleh salah seorang guru kita, Abu Abdillah Sulaiman al-Syatti – pembesar syekh-syekh Fez – sehingga karya ini menjadi sangat jelas dan luas analisisnya. Berdasar Mazhab as-Syafii, Imam al-Haramain telah menulis karya-karyanya tentang faraid yang menunjukkan luasnya peminat dalam pasaran ilmu-ilmu pengetahuan, dan membuktikan kekukuhan dasar pijakannya. Demikian pula karya sarjana-sarjana kalangan Mazhab Hanafi dan Mazhab Hanbali. Keduanya tiap-tiap orang dalam ilmu pengetahuan memang berbeza-beza.

> Dan Allah memberi petunjuk kepada siapa yang dikehendaki-Nya dengan anugerah dan kemuliaan-Nya. Tiada Tuhan selain Dia.

22 Ilmu-ilmu geometri

Ilmu ini mempelajari kuantiti-kuantiti (sukat-ukur) sukat-ukur ini boleh bersambung seperti garisan, bidang datar, dan benda-benda geometri yang pejal atau boleh terputus seperti angka-angka. Ia juga mengkaji bahagiannya yang perlu esensial daripada ukuran sukat seperti sebagai contoh.

Sudut-sudut sesebuah segitiga adalah sama pada kedua sudut siku-sikunya.

Empat ukuran kuantitas persamaan, bila angka pertama dikalikan dengan angka yang kedua, maka hasilnya sama dengan perkalian angka yang ketiga dengan angka keempat.[98]

Usaha orang-orang Yunani dalam bidang ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab daripada bukunya Euklides.[99] Ia disebut *Kitab al-Ushul wa kitab al-arkan* 'Buku Tentang Prinsip-prinsip Asas dan Tiang-tiangnya'. Buku ini adalah sebuah buku yang mudah mengenai masalah tersebut atau pada masa Abu Jaafar al-Mansur. Teks-teks terjemahannya yang ada berbeza menurut gaya masing-masing penterjemah (paling tidaknya tiga). Ada versi Hunayn bin Ishaq, versi Tsabit bin Qurrah, dan ada versi Yusuf bin al-Hujjaj. Hasil itu adalah terdiri daripada 15 buah buku:

---

98 Dr. Wafi membuat pembetulan. Angka pertama kali angka keempat sama dengan angka kedua kali angka ketiga. Misalnya: 5:10 = 100 : 20 sama dengan 5 × 20 = 100 sama dengan 10 × 10 = 100. Jelas pula bahawa persoalan yang bagi mereka merupakan iaitu buku Elementa.

99 Iaitu buku *Elementa*.

empat tentang bidang-bidang datar, satu tentang ukuran-ukuran yang sama, satu lagi tentang hubungan antara bidang-bidang datar dengan yang lainnya, tiga mengenai angka-angka, kesepuluh menyangkut ukuran-ukuran kuantiti rasional dan irasional – akar-akar – dan lima adalah tentang benda-benda padat.

Kebanyakan ringkasan Euklides telah dihasilkan. Sebagai contoh, apa yang telah dilakukan oleh Ibn Sina dalam pelajaran-pelajaran *as-Syifa*. Ibn Sina menekuni sebuah monograph yang dia khususkan baginya. Demikian pula Ibn as-Shalt di dalam buku *al-Iqtishar*, dan lain-lainnya. Banyak sarjana lain membuat komentar atas buku tersebut dalam banyak karya komentar. Ia merupakan titik permulaan ilmu-ilmu ukur secara umum.

Ilmu geometri dapat mencerdikkan akal dan membuatkan fikiran seseorang menuju arahnya yang benar. Kesemua bukti-buktinya adalah sangat jelas dan teratur. Hampir-hampir tidak terdapat sebarang kesalahan yang dapat menembusi ke dalam pemikiran geometri, kerana ianya benar-benar tertib dan teratur. Maka, fikiran yang secara terus-menerusnya mengaplikasikan geometri adalah agak sukar untuk melakukan kesalahan. Dengan cara yang mudahnya, orang yang mengetahui geometri mempunyai tingkatan keadilan yang tinggi. Suatu yang telah diadaikan, kalimat ini ditulis pada pintu Plato:

> "Tidak dibenarkan orang yang bukan ahli geometri memasuki rumah kami".[100]

Pendidik-pendidik kami pernah menyatakan bahawa usaha melatih fikiran dengan geometri seakan sama seperti fungsi sabun kepada pakaian. Ia membersihkan tompok-tompok kotor dan menghilangkan daki dan kotoran daripadanya. Sebab baginya ialah geometri itu teratur dengan baik dan tertib, sebagaimana telah kami nyatakan.

Bentuk-bentuk sfera, belahan-belahan kerucut dan ilmu mekanika

Pembahagian cabang disiplin ini ialah kajian geometri tentang bentuk-bentuk bola atau sfera trigonometri sperikal dan belahan-belahan kerucut. Ada dua buah karya orang-orang Yunani tentang bentuk-bentuk lingkaran, iaitu karya Theodosius dan Meneaus

---

100 Muncul dalam komentar Elia terhadap *Categories* dan kalimat tersebut dikenal baik oleh orang-orang Arab.

tentang bidang-bidang datar dan belahan-belahan pelbagai bentuk lingkaran. Dalam pengajaran matematik, buku Theodosius dipelajari sebelum karya Meneaus. Sebabnya ialah, bukti-bukti yang terakhir adalah bergantung kepada yang pertama. Kedua-dua buku itu diperlukan oleh mereka yang ingin mendalami astronomi kerana bukti-bukti adalah bergantung kepada materi-materi yang terkandung di dalamnya.

Semua diskusi astronomi ada bersangkutan dengan sfera angkasa dan belahan serta lingkaran-lingkaran yang ditemukan sebagai hasil dari pelbagai macam pergerakan, sebagaimana akan kami sebutkan. Dengan demikian astronomi adalah bergantung kepada hukum-hukum yang menentukan bidang-bidang datar dan belahan-belahan daripada bentuk-bentuk sfera.

Belahan kerucut adalah sebahagian daripada cabang-cabang geometri. Ia adalah ilmu yang mempelajari tentang bermacam bentuk pelbagai belahan yang terjadi sehubungan dengan benda-benda berbentuk kerucut. Ia membuktikan sifat kerucut melalui bukti-bukti geometri yang didasarkan kepada asas geometri. Kegunaannya nampak dengan nyata pada pertukangan praktikal yang ada sangkut-pautnya benda-benda padat, seperti pertukangan kayu dan bangunan. Ia juga berguna untuk membuat patung yang dikagumi dan monumen yang satu-satunya dan besar sekali, dan menggerakkan benda-benda berat dan memindahkan benda yang besar dengan mempergunakan alat-alat mekanikal, teknikal kejuruteraan, takal dan lain-lain seumpamanya.

Pendapat buku-buku tentang mekanika yang menyebutkan pelbagai hal pertukangan yang menakjubkan dan alat mekanikal yang amat menakjubkan. Selalunya ia amat sukar untuk dimengertikan kerana bukti-bukti geometri yang ada di dalamnya adalah sukar dinyatakan. Begitu ramai orang mempunyai salinan-salinannya dan dinisbahkan kepada Bani Syakir.

Dan Allah taala lebih Mengetahui.

Ukuran tanah

Cabang geometri yang lainnya ialah ilmu ukuran tanah, *al-misahah*. Disiplin ilmu ini diperlukan untuk mengukur tanah. Ini bererti ia membantu dalam menemukan suatu ukuran sebidang tanah dalam erti kata ukuran jengkalnya, petak atau unit-unit lainnya, atau

untuk membuat hubungan suatu bahagian tanah dengan yang lain apabila ianya diperbandingkan dengan cara ini. Pengukuran tanah secara ini diperlukan untuk menetapkan kadar cukai tanah ke atas ladang-ladang gandum, daratan, kebun buah-buahan. Ia juga diperlukan untuk membahagi-bahagikan kawasan berpagar dan tanah-tanah di antara para pengongsi atau ahli waris, dan hal-hal yang seumpamanya.

Para sarjana telah menghasilkan beberapa karya yang bagus-bagus tentang perkara itu.

Dan Allah memberi taufik bagi yang benar dengan anugerah dan kemuliaan-Nya.

Optik

Suatu cabang geometri lainnya ialah optik. Ilmu ini menerangkan sebab-musabab terjadinya kesalahan dalam persepsi visual, atas dasar pengetahuan tentang bagaimana sebab-sebab itu terjadi. Persepsi visual terjadi melalui kerucut yang ditimbulkan oleh sinar, yang puncaknya adalah titik pandang dan pangkalnya adalah objek yang dilihat. Kemudian, banyak kesalahan sering terjadi. Apa yang terdekat akan kelihatan lebih besar. Benda yang jauh akan kelihatan lebih kecil. Selanjutnya, benda-benda yang kecil akan kelihatan besar apabila dilihat di dalam air atau di belakang benda-benda yang lutsinar. Titisan air hujan yang jatuh dililhat dalam garis yang lurus, nyalaan api dalam suatu lingkaran, dan seterusnya.

Disiplin ilmu ini menjelas sebab-sebab geometrikal bagaimana semuanya itu boleh terjadi. Di antara beberapa hal-hal yang serupa, optik juga dapat menerangkan perbezaan dalam melihat bulan pada latitud-latitud yang berlainan.[101] Pengetahuan tentang kejelasan bulan yang baru dan terjadinya gerhana adalah didasarkan padanya. Banyak lagi contoh-contoh lainnya yang serupa. Seorang sarjana Islam yang paling terkenal mengenai soal ini ialah Ibn al-Haitsan. Sementara sarjana-sarjana lainnya juga memiliki karya-karya tentang itu, yang termasuk latihan disiplin ilmu geometri dan cabang-cabangnya.

---

101 De Slane mencatat bahawa Ibn Khaldun telah menyatakan 'longitud-longitud'.

23 Astronomi

Ilmu ini mempelajari tentang gerakan bintang-bintang yang tetap dan planet-planet. Daripada cara pergerakan itu berlangsung, astronomi membuat kesimpulan berdasarkan metode geometri tentang adanya bentuk-bentuk tertentu dan kedudukan lingkaran yang mengharuskan terjadinya gerakan yang dapat dilihat dengan indera itu. Astronomi dengan demikian membuktikan bahawa sebagai contohnya dengan adanya 'Precession of the Equinoxes' atau perubahan yang menyebabkan ekuinoks-ekuinoks berlaku lebih awal pada setiap tahun yang berturutnya, bahawa pusat bumi tidaklah sama dengan pusat lingkaran matahari. Tambahan pula, daripada gerakan-gerakan balik dan yang lurus oleh bintang-bintang, astronomi merumuskan suatu kesimpulan tentang adanya lingkaran kecil (epicycles) yang membawa (bintang-bintang) dan bergerak di dalam lingkarannya yang besar. Melalui gerakan bintang-bintang yang tetap, astronomi membuktikan adanya lingkaran, *falak* kedelapan. Ia juga membuktikan bahawa bintang tunggal memiliki beberapa lingkaran, dan dari pengamatan ternyata ia memiliki sejumlah pelencongan deklinasi dan hal-hal lainnya yang semacam itu.

Hanya pemerhatian astronomis sahaja yang dapat menunjukkan adanya gerakan-gerakan dan bagaimana gerakan itu berlansung dan pelbagai lainnya jenisnya. Hanya melalui cara itu kita mengetahui bahawa 'Precession of the equinoxes' dan tata lingkaran dalam pelbagai lapisannya termasuk gerakan-gerakan baliknya dan yang lurus oleh bintang-bintang) dan hal-hal seumpamanya. Orang-orang Yunani banyak menghabiskan waktu dengan membuat pemerhatian astronomi. Mereka menggunakan alat-alat yang diciptakan untuk memerhatikan pergerakan sesuatu bintang yang telah diterbitkan. Alat-alat itu mereka namakan astrolabes (*dzat l-halq*). Teknik dan teori untuk membuatnya, agar pergerakannya sesuai dengan gerakan lingkaran sfera, *falak, sphere*, merupakan suatu tradisi di kalangan manusia.

Dalam Islam, hanya sedikit perhatian yang diberikan kepada pemerhatian astronomi. Pada masa al-Makmun, terdapat sedikit yang diberikan perhatian terhadap hal tersebut. Pembinaan sebuah alat yang dikenal sebagai astrolabes telah dimulakan tetapi tidak selesai. Setelah al-Makmun meninggal, institusi untuk membuat pemerhatian astronomi telah lenyap, dan diabaikan. Selanjutnya,

para sarjana mendasarkan pengetahuannya pada pemerhatian-pemerhatian yang sudah lapuk. Ia sebenarnya tidak boleh digunakan lagi kerana berlaku perubahan bintang-bintang dan ukurannya yang telah berubah bersama berlangsungnya masa. Pergerakan alat yang digunakan untuk membuat pemerhatian astronomi hanya sesuai pula lebih kurang dengan gerakan lingkaran dan bintang-bintang dan ia tidak secara mutlaknya bebas. Waktu yang berselang, perubahan itu pastinya menjadi nyata.

Astronomi merupakan suatu keahlian yang dipandang mulia. Ia tidaklah, sebagaimana umum berpendapat mengajarkan bentuk yang hakiki perihal langit bukan juga mengenai tatalingkaran, tetapi mengajarkan tentang bentuk dan keadaan lingkaran-lingkaran sebagai akibat daripada gerakan-gerakan itu. Sebagaimana yang anda ketahui adalah tidak mungkin bahawa satu dan yang sama akan melahirkan akan menyebabkan dua sebab yang berbeza. Dengan demikian apabila kita katakan bahawa gerakan menimbulkan akibat kita menyimpulkan apa yang menyebabkan hasil yang diakibatkan oleh sebab, tetapi kenyataan itu tidak langsung mengajar kita tentang karakter sebenar (pelbagai akibat daripada sesuatu: bahawa akibat itu ada, astronomi itu adalah ilmu yang penting. Ia merupakan salah satu tiang-tiang disiplin, ilmu matematik.

Salah satu karya terbaik dalam bidang ini adalah *Majisti* (Almagest).[102] Ia dinisbahkan kepada Ptolemaeus seorang sebagaimana yang dimaksud, bukan salah seorang raja Yunani yang digelar sebagai 'ptolemy'. Ahli-ahli falsafah Islam yang terkemuka seperti Ibn Sina dan Abu l-Wahd bin Rushyd, telah meringkas karya Plotomeus itu dan memasukkan ke dalam bukunya *asy-Syira*. Ibn Rusyd, ahli falsafah Andalusia, juga telah meringkasnya. Juga, Ibn as-Samah dan ibn as-Shalt di dalam *Kitab al-Iqtishar*. Ibn al-Farghani memiliki karya ringkasan astronomi, yang bukti-bukti geometrinya dihapuskan.

Dan Allah "mengajarkan manusia apa-apa yang tidak diketahuinya".[103]

Maha Suci Dia, tiada Tuhan selain Allah Tuhan seru. sekalian alam.

---

102 Iaitu *Suntaxis Astronomica* karya Ptolomeus.

103 Al-Quran surah al-'Alaq, ayat 5.

Jadual-jadual astronomi

Satu daripada cabang astronomi ialah ilmu tentang jadual-jadual astronomi. Ia didasarkan kepada hitungan menurut rumus-rumus aritmetik. Ia ada berkenaan dengan perjalanan gerak khusus bagi setiap bintang serta watak gerakan itu – cepat, lambat, lurus, berpatah balik, dan seterusnya – sebagaimana dibuktikan melalui alat-alat astronomi. Ini dapat membantu untuk mengetahui kedudukan-kedudukan – bintang-bintang di dalam lingkarannya pada waktu yang tertentu, dengan cara menghitung gerakan-gerakannya sesama dengan peraturan-peraturan yang berlangsung daripada usaha-usaha astronomi.

Keahlian ini mematuhi beberapa kaedah-kaedah yang tertentu. Ia mengandung seperti suatu pendahuluan dan bahan-bahan dasar untuknya. Ia menyangkut pengetahuan tentang bulan dan hari dan masa-masa yang lampau.

Ia mematuhi bermacam prinsip dasar. Ia menyangkut pengetahuan tentang 'apogee' (titik terjauh dari bumi dan peredaran suatu satelit), dan 'perigee', pelencongan 'delination' pelbagai macam gerakan, dan bagaimana hal-hal ini saling menjelaskan sesama sendiri. Kesemuanya itu ditulis secara jadual-jadual yang disusun dengan baik, demi memudah para pelajar. Jadual-jadual itu disebut jadual-jadual astronomi (*azyaj*). Penetapan kedudukan-kedudukan bintang-bintang pada suatu waktu yang ditetapkan dalam bidang ini disebut 'ubahsuai dan penjadualan'.

Sarjana-sarjana dahulu dan mutakhir telah menulis beberapa buku tentang masalah ini, seperti al-Battani dan Ibn al-Kammad.

Sarjana-sarjana Maghribi mutakhir sekarang ini menggunakan sebagai karya rujukan mereka yakni *zij* yang dinisbahkan kepada Ibn Ishaq.[104] Beliau adalah salah seorang ahli astronomi Tunisia pada awal abad ke-7 hijrah. Ibn Ishaq mendasarkan karyanya pada pemerhatian-pemerhatian astronomi. Seorang Yahudi di Sisilia yang mahir dalam astronomi dan ilmu-ilmu matematik serta begitu tekun dengan pemerhatian-pemerhatian astronomi, telah mengirimkan kepadanya sebagai suatu maklumat tentang keadaan-keadaan dan gerakan-gerakan bintang-bintang yang diketahuinya. Disebabkan oleh kekukuhan dasarnya sebagai-

---

104 Abu al-Abbas Ali bin Ishaq, melakukan pemerhatian astronomi pada 619 (1222).

mana yang dikatakan orang, maka orang-orang Maghribi memberikan perhatian kepadanya. Ibn al-Banna telah meringkasnya di dalam sebuah buku lain yang diberinya nama *al-Minhaj*. Kerana ianya mudah difahami orang menyenanginya.

Pengetahuan tentang kedudukan-kedudukan bintang-bintang pada sfera adalah pengetahuan dasar yang diperlukan bagi pertimbangan astronomi, iaitu pengetahuan tentang pelbagai hal yang mempengaruhi dunia manusia yang ditimbulkan oleh bintang-bintang bergantung kepada kedudukan-kedudukannya dan yang mempengaruhi golongan-golongan agama, kerajaan-kerajaan, kegiatan-kegiatan manusia, dan pelbagai peristiwa lainnya sebagaimana yang akan kami jelaskan nantinya termasuk pembicaraan-pembicaraan para sarjananya, insya-Allah.[105]

> Allah memberi taufik atas segala yang dicintai dan diredai-Nya. Tiada Tuhan yang disembah selain Dia.

24 Ilmu tentang logik

Logik menitikberatkan norma-norma yang memungkinkan seseorang itu berupaya membezakan antara apa yang benar dan apa yang salah, kedua-duanya dalam definisi yang memberi maklumat tentang saripati segala sesuatu (*mahiyat*) dan dalam pembicaraan-pembicaraan yang memastikan *apperception.*

Ia terjadi sebagaimana berikut: Asas persepsi adalah *sensibilia* yang ditanggapi melalui pancaindera. Semua makhluk yang hidup, segala yang berfikir termasuk yang lainnya, sama-sama mengambil bahagian dalam persepsi jenis ini. Manusia itu dibezakan dengan haiwan melalui kemampuannya untuk menanggapi hal-hal yang bersifat sejagat (*kulliyyat*) sesuatu yang diperolehi daripada *sensibilia.* Manusia itu dapat melakukannya atas alasan bahawa imaginasinya telah memperolehi daripada objek-objek tersendiri yang ditanggapi oleh indera-indera dan yang sefaham antara satu dengan yang lainnya, suatu gambaran yang seia dengan seluruh objek terasing tadi. Gambaran tersebut adalah bersifat sejagat (*kully*). Fikiran dengan demikian memperbandingkan objek-objek tersendiri yang sefaham sesama sendiri dengan objek-objek lainnya

---

105 Ibn Khaldun membicarakannya pada bahagian 29 dari Bab Keenam, iaitu pasal khusus mengenai ilmu-ilmu sihir dan tangkal azimat.

yang juga sefaham dengan mereka dalam beberapa hal. Ia dengan demikian menerima gambaran yang sepadan dengan kedua-dua kelompok objek yang diperbandingkan itu, kerana mereka saling bersesuaian sesama sendiri. Melalui cara ini, pengasingan terus berlangsung. Akhirnya ia mencapai (konsep) yang universal yang menerima tiada (konsep) universal lainnya yang akan sefaham dengannya adan adalah, dengan demikian mudah (*basith*).

Sebagai contoh, daripada contoh-contoh manusia secara individunya, suatu gambaran spesies di mana semua contoh-contoh individual yang sesuai dipisahkan. Kemudian, manusia itu diperbandingkan dengan binatang-binatang, dan gambaran genus yang manusia dan binatang-binatang adalah sesuai diasingkan. Kemudian ia diperbandingkan dengan tumbuh-tumbuhan, hingga akhirnya kepada genus yang paling tinggi, yakni 'substansi' (*jauhar*). Tidak ada konsep universal lainnya yang dalam apa cara pun akan sesuai dengannya. Dengan demikian kemampuan berfikir akan berhenti di sini dan tidak berupaya membuat pemisahan selanjutnya.

Allah telah menganugerahi manusia kemampuan untuk berfikir. Melaluinya, dia menanggapi ilmu-ilmu pengetahuan dan keahlian-keahlian. Pengetahuan (*ilm*) sama ada suatu tanggapan terhadap saripati segala sesuatu, *mahiyat* – suatu bentuk tanggapan yang bersahaja yang tidak disertai oleh pelaksanaan membuat suatu pertimbangan – atau ia hanya *apperception*: yakni, suatu pertimbangan bahawa sesuatu itu demikianlah.

Kemampuan manusia untuk melakukan kerja berfikir dapat mencuba mendapat maklumat yang diingini dengan menggabungkan universal-universal (*kulliyyat*) satu sama lainnya dengan hasil bahawa fikiran memperolehi suatu gambaran universal yang sesuai dengan perincian-perincian di luar. Gambaran sedemikian di dalam kotak fikiran memastikan suatu pengetahuan *quiddity* (*mahiyah*) objek-objek individual itu. Atau, boleh jadi kemampuan manusia untuk berfikir itu mungkin akan menghakimi satu hal dengan yang lainnya dan membuat kesimpulan-kesimpulan. Maka, (sesuatu hal yang lainnya) dapat dimantapkan dalam (fikiran). Inilah *apper-cation*, yang akhirnya akan kembali kepada persepsi, sebab hanya suatu kegunaan yang mencapai persepsi adalah untuk memperoleh pengetahuan tentang hakikat-hakikat segala sesuatu, yang menjadi matlamat yang dicari-cari oleh pengetahuan aperseptif.

Kemampuan manusia itu untuk berfikir boleh dimulai

melalui proses ini sama ada cara yang benar ataupun cara yang salah. Pemilihan mengenai caranya adalah diikuti oleh kemampuan manusia untuk berfikir dalam usahanya untuk mendapatkan pengetahuan yang dimahukan, menghendaki kecermatan, supaya manusia itu dapat membezakan antara yang benar dan yang salah. Proses ini menjadi hukum logik (*qanun l-manthiq*).

Orang-orang dahulu kala, ketika untuk pertama kalinya mendiskusikan tentang logik, mereka melakukannya dengan cara yang muluk-muluk, huraiannya terpisah-pisah dengan memilih saranan-saranan yang jauh menyimpang. Metode-metode logik belum diperbaiki. Masalah-masalah mengenai logik belum dilihat sebagai satu. Akhirnya muncullah Aristotle di kalangan orang-orang Yunani. Beliau memlaiki metode-metode logik dan mensistematisasikan masalah-masalah dan perincian-perinciannya. Beliau menjadikan logik berada pada tempatnya sebagai disiplin falsafah dan pengenalan awalnya. Dengan demikian Aristotles digelar 'Guru yang pertama'. Karyanya tentang logik disebut 'The Teks'.[106] Ia terdiri daripada lapan buah buku, empat tentang bentuk-bentuk pemikiran analogis, dan empat tentang materi.[107]

Sebabnya ialah kerana objek-objek apersepsi itu adalah pelbagai jenisnya. Sebahagian adalah menyangkut hal-hal yang pasti menurut wataknya. Sementara yang lainnya adalah bersifat hipotesis di dalam tingkat-tingkat yang berbeza-beza. Dengan demikian pengkajian tentang logik mempelajari pemikiran analogis (*qiyas*) dari titik pandang keinginan (maklumat) yang dijangkakan akan diperolehi. Ia mempelajari apa yang menjadi premis maklumat yang diinginkan adalah seharusnya sebagaimana yang dilihat dan yang menjadi jenis atau pengetahuan andaian tentang (maklumat yang dikehendaki). Logik mempelajari pemikiran analogis (*qiyas syllogism*), bukan dengan sesuatu objek khusus difikirkan, tetapi secara eksklusifnya mengenai cara mana ianya diciptakan. Dengan demikian, kajian yang pertama, adalah dikatakan, dilakukan sehubungan dengan materi, iaitu materi yang menghasilkan sesuatu maklumat yang pasti atau keterangan yang bersifat andaian. Kajian yang kedua, adalah dikatakan,

---

106 Dr. Wafi meralatkan bahawa yang benar buku itu bernama *Organon*.

107 Dalam *Muqaddimah* edisi Inggeris F. Rosenthal, menulis: "tiga tentang bentuk-bentuk pemikiran analogis, dan lima tentang materi ....'

dilakukan sehubungan dengan bentuk dan cara di mana pemikiran analogis (*syllogism, qiyas*) secara umum dihasilkan. Maka, bilangan buku-buku tentang logik menjadi lapan.

Buku yang pertama membicarakan genera yang mana pembentukan idea *sensibilia* akan terbentuk di dalam fikiran dan tidak menerima lagi genera (lebih universal) yang lain. Buku ini disebut *Kitab al-Maqulat* (*Categories*).

Buku yang kedua menyentuh pelbagai macam bentuk proposisiti aperseptif. Ia dikenali dengan *Kitab al-Ibarah* (*Hermeneutics*).

Buku yang ketiga menyentuh tentang pemikiran analogis (*qiyas, syllogism*) dan bentuk di mana ia diciptakan secara umum. Ia dikenali sebagai *Kitab al-Qiyas* (*Analytics*). Di sini berakhirnya suatu kajian logik ditinjau dari titik pandangan tentang bentuknya.

Buku yang keempat ialah *Kitab al-Burhan* (*Apodeictica*). Ia mengkaji jenis pemikiran analogi (*qiyas, syllogism*) yang melahirkan (pengetahuan) yang pasti. Ia juga mengkaji (masalah tentang) mengapa premis-premisnya harus bersifat pasti. Secara khusus buku itu menyebutkan keadaan-keadaan lainnya untuk menghasilkan pengetahuan yang pasti itu. Sebagai contoh, premis itu harus bersifat utama dan sebagainya. Buku ini mengandung suatu perbincangan tentang ketentuan-ketentuan dan definisi-definisinya, sebab seseorang itu menghendakinya sebagai suatu yang pasti, kerana ianya merupakan keharusan – tidak ada yang lainnya yang mungkin – bahawa suatu definisi itu harus sesuai dengan apa yang didefinisikan. Dengan demikian, definisi secara khususnya adalah dibicarakan oleh orang-orang dahulu di dalam buku ini.

Buku yang kelima ialah *Kitab al-Jadl* (*Topics*). *Jadl* (perdebatan) adalah bentuk pemikiran analogi yang memperlihatkan bagaimana untuk menemukan titik lemah lawan dan membungkam perentang dan mengajarkan metode-metode yang terkenal yang harus dipergunakan dalam perdebatan ini. Ia juga menitikberatkan keadaan-keadaan yang lainnya yang diperlukan dalam hubungan ini. Kesemuanya itu disebutkan di sini. Buku ini menyentuh tentang tempat-tempat (*topoi*) dari mana *syillogism* disimpulkan oleh si pemikir dengan mempergunakannya untuk menjelaskan apa yang disebut bahagian-bahagian menengah yang membawa dua tujuan maklumat yang dikehendaki secara sekaligus. Ia juga membicarakan tentang penukaran bahagian-bahagian itu.

Buku yang keenam ialah *Kitab as-Safsathah* (*De Sophisticis Elenchis*). Kebijaksanaan berhujah adalah sejenis pemikiran

analogis yang mengajarkan pihak lawan sebaliknya daripada apa yang benar dan memungkinkan seseorang pendebat untuk mengelirukan pihak lawannya. Buku ini menjadi kurang baik kerana maksudnya hanya ditulis hanya untuk mengingat seseorang mengenai kebijaksanaan berhujah dengan maksud memperdayakan dan selanjutnya sentiasa berwaspada.

Buku yang ketujuh ialah *Kitab al-Khthabah* (*Rhetoric*). Retorik adalah sejenis pemikiran analogi yang mengajarkan bagaimana hendak mempengaruhi orang ramai dan mendorong mereka melakukan segala sesuatu yang diinginkan. Ia juga mengajarkan bentuk-bentuk pembicaraan yang harus dipergunakan dalam hubungan ini.

Buku yang kedelapan ialah *Kitab asy-syilr* (*Poetics*). Poetik adalah bentuk pemikiran analogi yang mengajarkan penciptaan cerita-cerita perumpamaan (parabel-parabel) dan kiasan-kiasan, khususnya dengan tujuan untuk menggalakkan seseorang dan yang lainnya) untuk melakukan sesuatu atau mengelak berbuat sesuatu hal. Ia juga mengajar permasalahan-permasalahan khayali yang harus dipergunakan dalam soal ini.

Terdapat lapan buah buku tentang logik sebagaimana menurut orang-orang yang terdahulu.

Sesudah logik dimajukan dan disistematisasikan, ahli-ahli falsafah Yunani berpendapat bahawa adalah perlu membicarakan soal universal-universal (*kulliyyah*) yang lima yang memberikan persepsi yang sesuai dengan *quiddity* (apa yang menjadikan sesuatu, sedemikian) di luar, atau dengan bahagian-bahagiannya atau cara kebetulan-kebetulannya. Kelima-lima itu ialah genus, perbezaan, spesies, sifat, dan kebetulan umum.[108] Dengan demikian, mereka mengangkat masalah itu di dalam buku khusus berkenaan dengan kelima-lima universal itu. Ia dapat dijadikan suatu bahan pendahuluan kepada disiplin ilmu ini. Maka, buku tentang logik menjadi sembilan buah.

Kesemuanya telah diterjemahkan ke dalam Islam. Ahli-ahli falsafah Islam telah menulis ulasan-ulasan dan ringkasan-ringkasan tentang buku-buku itu. Al-Farabi dan Ibn Sina, sebagai contohnya, telah melakukan ini, dan selanjutnya ahli falsafah Andalusia, Ibn Rusyd. Ibn Sina menulis karya *asy-Syifa* secara panjang lebar

---

108 Bahagian ini terdapat dalam *Muqaddimah* edisi Inggeris, terjemahan F. Rosenthal.

membicarakan keseluruhan falsafat yang tujuh.

Kemudiannya, sarjana-sarjana mutakhir telah mengubah peristilahan logika (*manthiq*). Mereka menambahkan pada kajian tentang kelima-lima universal itu dengan kajian tentang buahnya yakni pembicaraan tentang definisi-definisi dan deskripsi-deskripsi yang diambil daripada *Apodeitica*. Mereka menyisihkan *Categories*, sebab ahli-ahli logik mengkaji buku itu secara kebetulan sahaja dan bukannya sesuatu yang perlu. Kepada *Hermeneutics* mereka menambah tentang pembicaraan mengenai pengubahan istlah-istilah di mana buku-buku lama memasukkan persoalan itu di dalam *Topics*, tetapi dalam beberapa halnya ia adalah termasuk di bawah perbincangan tentang permasalahan-permasalahan.

Kemudian, mereka membicarakan tentang pemikiran analogis (*qiyas*, *syllogism*), sebanyak mana ia menghasilkan maklumat yang dikehendaki secara umumnya dan tanpa memerhatikan apa-apa bahannya. Mereka menyisihkan kajian tentang bahan yang pemikiran analogi digunakan. Ia mencakup lima buah buku: *Apodeictics*, *Topics*, *Rhetorics*, *Poetics*, dan *De sophisticis Elenchis*. Ada bahagiannya yang kerapkalinya menyinggung sedikit tentang buku-buku tersebut (tetapi secara umum) mereka mengabaikannya, seakan-akan buku-buku itu tidak pernah ada, padahal buku-buku itu adalah dasar yang sangat penting dalam disiplin ilmu ini.

Kemudian, secara panjang lebarnya mereka membincangkan tulisan-tulisan mengenai logik dan mempelajarinya sebagai suatu disiplin menurut yang sewajarnya, bukan sebagai alat ilmu-ilmu pengetahuan. Ini mengakibatkan suatu perbincangan itu menjadi amat panjang lebar dan mendalami ... [*Orang pertama yang melakukannya adalah Imam Fakruddin bin al-Khathib, dan sesudahnya, Afdaluddin al-Khuwanji, serta diskusi atas buku-buku Mu'tamid yang muncul pada masa ini. Dalam disiplin ini, terdapat kitab *Kasyf al-Asrar* berisi diskusi yang panjang. Buku ini diringkas dalam *al-Moujaz* yang bagus untuk buku teks dalam pengajaran, kemudian ringkasan *al-Jamal*[109] sekitar empat tulisan yang mencakup keseluruhan disiplin ilmu ini berserta dasar-dasarnya. Para pelajar saat ini mempelajarinya, dan mereka dapat mengambil manfaat daripadanya. Sedang buku-buku karya sarjana-sarjana terdahulu pun lenyap berserta metode-metode mereka, seakan-akan tidak pernah ada. Padahal di dalamnya

109 Dr. Wafi menyebutkan bahawa kata *a-al-Jamal* semula adalah *al-Mujmal*.

penuh dengan buah logik dan faedah-faedahnya, sebagaimana telah kami katakan.

Allah pemberi petunjuk bagi kebenaran.

25 Fizik

Ia adalah ilmu yang menyiasat tentang tubuh-tubuh dari titik pandangan gerakan dan berdiam yang dihubungkan dengannya. Ia mempelajari tentang tubuh-tubuh samawi dan bahan-bahan yang utama, juga mengenai manusia, binatang-binatang, tumbuh-tumbuhan, dan bahan-bahan yang diciptakan daripadanya. Ia juga mengkaji tentang mata air dan gempa yang berlaku di dalam bumi termasuk juga awan-gemawan, wap, petir, kilat dan ribut yang terdapat di atmosfera dan lain-lainnya. Selanjutnya ia mempelajari mengenai permulaan gerakan pada tubuh-tubuh – iaitu, jiwa dalam pelbagai bentuknya di mana ia muncul pada manusia, binatang-binatang dan tumbuh-tumbuhan.

Buku-buku Aristotle tentang masalah ini mudah diperolehi oleh sarjana-sarjana. Buku-buku itu telah diterjemahkan bersama buku-buku lainnya tentang ilmu-ilmu falsafah pada masa al-Makmun. Para sarjana menulis buku-buku menurut garis-garis yang sama dan mengikutinya dengan penjelasan dan ulasan. Karya paling komprehensif yang ditulis tentang masalah ini adalah *Kitab asy-Syifa'* oleh Ibn Sina. Di dalamnya, Ibn Sina membicarakan tentang seluruh ilmu falsafah yang tujuh, sebagaimana telah disebutkan sebelum ini. Kemudian Ibn Sina meringkas *kitab asy-Syifa'* di dalam kitab *Kitab an-Najah* dan *Kitab al-Isyarat.* Dalam satu segi, Ibn Sina seakan-akan menentang Aristotle dalam banyak masalah dan mengemukakan pendapatnya sendiri di dalamnya. Sebaliknya Ibn Rusyd, meringkas buku-buku Aristotle dan membuat ulasan tentangnya, tetapi menteladani dan tidak menentangnya.

Begitu ramai sarjana telah menulis buku mengenai ilmu ini, namun yang terkenal dan yang diakui memenuhi disiplin ini pada saat ini adalah yang tersebut di atas.

Orang-orang Timur memberikan perhatiannya terhadap *Kitab al-Isyarat* karya Ibn Sina. Imam Ibn al-Khathib telah meringkaskannya dengan bagus sekali. Demikian pula al-Amidi. Nashiruddin at-Thusi yang dikenal dengan Khawajah, salah

seorang sarjana Timur, yang juga mengulas buku itu. Bersama Imam Ibn al-Khathib dia membahas banyak persoalan, sehingga kajian dan analisisnya adalah amat mendalam.

> "Dan di atas tiap-tiap orang yang berpengetahuan itu ada lagi Yang Maha Mengetuai".[110] "Dan Allah memberi petunjuk siapa yang dikehendaki-Nya kepada jalan yang lurus".[111]

26 Ilmu perubahan

Salah satu cabang ilmu fizik ialah ilmu perubatan. Perubatan adalah suatu keahlian yang mempelajari tentang tubuh manusia daripada segi penyakit dan kesihatannya. Seorang doktor akan berusaha menjaga kesihatan dan menyembuhkan penyakit dengan bantuan ubat-ubat dan makanan tetapi setelah diketahui terlebih dahulu penyakit itu secara khususnya bagi setiap anggota badan dan sebab-sebab yang menimbulkannya. Dia juga menetapkan dengan pasti ubat-ubat yang ada untuk setiap penyakit. Doktor tadi menyimpulkan keberkesanan ubat-ubat daripada segi campuran-campurannya serta kekuatan-kekuatannya. Mereka menyimpulkan tahap sesuatu penyakit daripada tanda-tanda yang menunjukkan sama ada penyakit itu sudah matang dan serasi dengan ubat tersebut ataupun tidak. Tanda-tanda itu akan nampak dengan jelas pada keadaan si pesakit, najisnya dan denyutan nadinya. Untuk ini, para doktor meniru kekuatan alam yang menguasai dua elemen iaitu sihat dan sakitnya. Mereka meniru alam dan membantunya sedikit, sebagai sesuai dengan apa-apa yang diperlukan oleh alam, musim pada tahun itu, dan umur si pesakit dalam setiap keadaannya yang khusus. Ilmu yang bersangkut-paut dengan semuanya ini adalah disebut ilmu perubatan.

Seringkalinya beberapa anggota-anggota tubuh tertentu dibicarakan[112] sebagai masalah tersendiri dan dianggap menjadikannya sebagai ilmu yang khusus. Demikianlah sebagaimana yang terjadi sebagai contoh, dengan mata, penyakit-penyakit mata, dan *collyria* (yang digunakan untuk merawat penyakit-penyakit mata).

Para sarjana juga telah menambahkan pada disiplin ilmu ini

---

110 Al-Quran surah Yusuf, ayat 76.

111 Al-Quran al-Baqarah, ayat 213.

112 Kini dikenal dengan fisiologi.

dengan kajian tentang kegunaan-kegunaan setiap anggota, yakni anggota tubuh yang berguna di mana setiap anggota binatang itu diciptakan. Ini memanglah bukan termasuk ke dalam masalah perubatan tetapi telah dijadikan bahan tambahan dan cabang ilmu perubatan.

Galen telah menulis suatu karya yang amat penting dan sangat berguna tentang disiplin ini.[113]

Galen atau Galinus adalah seorang yang terkenal dalam bidang perubatan pada zaman dahulu. Karya-karyanya telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Adalah dikatakan bahawa beliau hidup semasa dengan Isa a.s. dan dikatakan telah meninggal dunia di Sisilia demi pengembaraan-pengembaraannya dan demi pengasingan diri secara sukarela.[114] Karya-karyanya tentang perubahan merupakan karya-karya yang induk[115] yang dijadikan teladan oleh doktor-doktor sesudahnya.

Dalam Islam, terdapat doktor-doktor terkemuka yang muncul dengan ketrampilan yang jauh lebih menonjol, seperti ar-Razi,[116] al-Majisi[117] dan Ibn Sina. Terdapat doktor-doktor dari kalangan orang-orang Andalusia dan rakan yang paling terkenal di antara mereka adalah Ibn Zuhr.[118]

Di kota-kota Islam semasa ini, keahlian dalam bidang perubatan seolah-olah mengalami kemerosotan kerana penduduknya telah kekurangan dan sedikit perubatan adalah suatu keahlian yang hanya diperlukan oleh kebudayaan hidup tinggal secara menetap, *hadlarah* dan kemewahan. Orang-orang Badwi yang bertamadun memiliki jenis perubatan yang pada umumnya

---

113 Kalimat dalam tanda kurang ini terdapat dalam edisi Inggeris terjemahan F. Rosenthal.

114 Secara historis data yang tepat tentang hidup Galenus telah banyak diketahui orang-orang Arab. Namun kesalahan maklumat yang dikemukakan Ibn Khaldun di sini secara luas diakui, walaupun ditolak sebagai kesalahan. (Catatan kaki F. Rosenthal. Lihat juga catatan panjang Dr. Wafi dalam *mansyurat*nya, halaman 1243).

115 Teks asli berbunyi *ummahat.* Untuk sebuah karya tulisan boleh bererti sebagai 'karya-karya induk'. F. Rosenthal Sastera Yunani dan Roma kuno sebagai lapangan pelajaran, juga termasuk bahasa-bahasa sastera itu.

116 Muhammad Ibn Zakariya (ar-Razi), 251–313 (976–925).

117 Ali Ibn al-Abbas (abad ke-10).

118 Abdul Malik bin Zuhr (Avenzoar), wafat 557 (1162).

didasarkan kepada pengalaman seseorang. Mereka mewarisinya dari syekh-syekh dan wanita-wanita tua di dalam suku mereka. Sebahagiannya itu selalunya adalah yang benar. Sungguhpun begitu ia tidak didasarkan kepada norma yang semula jadi atau keserasian rawatan sesuai dengan keadaannya. Kedoktoran semacam ini banyak terdapat di kalangan orang-orang Arab. Di antara doktor perubatan yang terkenal ialah al-Harits Ibn Kildah.

Perubatan yang disebutkan di dalam syariat-syariat agama (hadis-hadis Nabi) adalah perubatan jenis Badwi. Ia sama sekali tidak ada sangkut-paut dengan wahyu. Perubatan secara itu merupakan sebahagian daripada adat kebiasaan orang-orang Arab dan dihubungkan dengan hal-ehwal Nabi yang merupakan suatu kebiasaan (adat) kepada generasi baginda. Ianya tidak disebutkan demi untuk menandakan bahawa cara mengamalkan perubatan tersebut adalah dinyatakan oleh syariat agama. Muhammad telah diutus untuk mengajar umatnya tentang syariat-syariat agama. Baginda tidak diutus untuk mengajarkan perubatan atau hal-hal kebiasaan lainnya. Hal lain semacam itu terjadi juga pada nabi melalui pernyataannya tentangan proses perkahwinan pohon kurma. Maka sabdanya:

> .... Kalian lebih mengetahui masalah-masalah dunia kalian (daripada saya) ...

Tidak satu pun pernyataan-pernyataan mengenai ilmu perubatan yang terdapat di dalam hadis-hadis Shahih boleh dinyatakan sebagai sesuatu yang disyariatkan. Tidak ada satu dalil pun menunjukkan begitu. Yang boleh hanyalah apabila jenis perubatan semacam itu dipergunakan untuk memperoleh berkat Allah s.w.t. dan demi kebenaran ikatan keimanan, ianya mempunyai manfaat yang besar. Bagaimanapun, ianya tidak ada kaitannya dengan perubatan humoral tetapi akibat dari keimanan yang tulus. Hal tersebut adalah sebagaimana terjadi rawatan sakit perut dan diberikan madu dan cerita-cerita yang serupa dengannya.

> Dan Allah memberi petunjuk kepada yang benar, tiada Tuhan selain Dia.

27 **Ilmu pertanian**

Keahlian ini adalah salah satu daripada cabang fizik. Ia menyentuh

kajian pengolahan dan pertumbuhan tanam-tanaman melalui sistem perairan, pemeliharaannya yang sesuai, pembajaan tanah, (pemerhatian) musim yang sesuai dan penjagaan dengan memerhatikan perkara-perkara itu supaya mereka dapat memanfaatkannya dan membantu pertumbuhannya.

Orang-orang terdahulu memberikan perhatian yang sangat besar terhadap pertanian. Pengkajian mereka tentang pertanian adalah bersifat umum. Mereka mengambil kira tanaman itu daripada segi penanamannya dan penuaiannya dan daripada hubungan sifat-sifatnya, semangat, hubungan semangatnya dengan semangat bintang-bintang dan cakerawala-cakerawala yang kesemuanya itu dipergunakan di dalam sihir. Dengan itu, mereka menitikberatkan hal ini.

Salah satu daripada karya penulis Yunani *Kitab al-Falahah an-Nabathiyyah*[119] telah diterjemahkan. Ianya dikaitkan dengan para sarjana Nabatean. Ia mengandung banyak maklumat mengenai jenis-jenis tersebut. Orang-orang Islam yang mempelajari isi buku itu menyedari bahawa ia termasuk ke dalam ilmu sihir, sedangkan ianya adalah ditegah oleh undang-undang syariat) dan mempelajarinya adalah dilarang. Dengan demikian, mereka pun membatasi diri dengan meneliti pada bahagian yang membicarakan tentang tumbuh-tumbuhan dari segi penanaman dan pemeliharaannya serta hal-hal lain yang berhubungan dengannya. Pemikir-pemikir Islam dalam bidang ini sama sekali menghapus pembicaraan tentang disiplin ilmu yang terakhir, yakni ilmu yang berkenaan dengan sihir dari buku itu. Kerananya Ibn al-'Awwam meringkas *Kitab al-falahah an-Nabathiyah* sehingga disiplin ini ilmu yang terakhir itu pun tetap tertutup. Tapi dari buku itu, Maslamah menukilkan masalah-masalah pokok ilmu sihir di dalam buku-bukunya tentang sihir, sebagaimana akan kami jelaskan pada waktu kita membicarakan tentang sihir, insya-Allah.

Terdapat banyak buku tentang pertanian yang ditulis oleh sarjana mutakhir. Mereka tidak melampaui perbincangan yang membicarakan tentang penanaman, pemeliharaan dan penjagaan tanam-tanaman daripada segala yang akan mengganggu pertumbuhannya, dan semua hal lain yang bersangkutan dengannya.

---

119 *Pertanian Nabataean* (Nabataean Agriculture) yang terkenal itu, dinisbahkan kepada Abu Bakar Muhammad bin Ali ibn Wahsyiyah.

28 Ilmu metafizika

Metafizika (*ilm l-ilahiyyat*) adalah ilmu yang mempelajari wujud sebagaimana adanya. Pertama, ia mempelajari hal-hal yang bersifat umum, menyangkut hal-hal yang bersifat jasmaniah dan spiritual, seperti *quiddities* hanya satu majmuk, keharusan, kemungkinan, dan seterusnya. Kemudian ia mempelajari awal segala yang *maujud* (*maujudat*) dan mendapati bahawa ianya adalah hal-hal yang bersifat spiritual. Selanjutnya, dipelajari juga tentang cara kehadiran segala yang maujud daripada mengkaji keadaan-keadaan jiwa setelah berpisah daripada tubuh dan kembalinya ia ke asalnya.

Bagi ahli-ahli metafizika, mereka berpendapat bahawa ilmu ini sungguh mulia. Mereka mengandaikan bahawa ilmu ini memberikan pengetahuan tentang wujud sebagaimana adanya. Ini menurut pendapat mereka, adalah serupa dengan kebahagiaan. Dalam susunan mereka, metafizika datang sesudah fizik. Dengan demikian, mereka memanggilnya sesuatu yang ada sesudah fizika (metafizika).

Buku-buku 'Guru Yang Pertama' atau Aristotles tentang perkara itu diketahui oleh para sarjana. Buku-buku itu diringkaskan oleh Ibn Sina di dalam kitab *asy-Syifa* dan *an-Najah*. Ia juga diringkaskan oleh ahli falsafah Andalus, Ibn Rusyd.

Sarjana-sarjana mutakhir telah menulis ilmu itu secara sistematis. Pada waktu itu, al-Ghazali telah menolak beberapa pendapat yang munasabah oleh ahli-ahli metafizika. Kemudian, ulama-ulama kalam mutakhir telah mencampuradukkan persoalan-persoalan ilmu kalam dengan masalah-masalah falsafah sebab penyelidikan secara teologi dan falsafah adalah bertitik-tolak menurut arah yang sama, perkara dan masalah-masalah teologi adalah serupa dengan perkara dan masalah-masalah metafizika. Teologi dan metafizika dengan demikian dalam satu caranya menjadi salah dan disiplin yang sama. Kemudian, para ahli kalam mutakhir telah mengubah tatasusunan yang dilakukan oleh para ahli falsafah mengenai masalah-masalah fizika dan metafizika. Mereka menjadikan kedua-dua perkara itu menjadi satu dan disiplin yang sama sekarang. Di dalam disiplin ilmu itu pertama-tama yang dibicarakan ialah soal-soal yang umum. Ia dituruti oleh secara berturut-turutnya, dengan pembicaraan mengenai hal-hal yang bersifat nyata dan semua yang termasuk bahagiannya dan seterusnya hinggalah ke akhir disiplin ilmu itu. Urutannya seperti

dilakukan Imam Ibn al-Khathib di dalam pembahasan-pembahasan ketimuran, dan semua ulama kalam sesudahnya. Ilmu kalam jadi bercampur aduk dengan falsafah dan karya-karya tentang teologi itu dipenuhi dengan pelbagai masalah falsafah. Ia memperlihatkan seakan-akan teologi dan falsafah mengikuti hal masing-masing dan masalah falsafah adalah satu dan sama sahaja.

Ini boleh mengelirukan masyarakat tetapi ianya tidak benar. Masalah-masalah yang disentuh oleh ilmu kalam adalah akidah yang diperoleh daripada syariah sepertimana dinukilkan oleh kaum Muslimin Salaf. Ia tidak mengacu pada akal dan tidak pula bergantung padanya dalam erti bahawa ia tidak dapat ditegakkan kecuali dengannya. Akal tidak mempunyai apa-apa dengan undang-undang syariat dan pandangan-pandangannya. Ulama-ulama kalam tidak mempergunakan hujahan rasional ketika mereka berbicara sebagaimana halnya yang dilakukan oleh para falsafah demi mencari suatu kebenaran *aqaid* (pokok-pokok keimanan) untuk membuktikan kebenaran daripada apa yang sebelumnya hujah-hujah diketahui dan supaya diketahui. Pergunakan rasional hanya untuk menyatakan suatu keinginan untuk memiliki alasan yang akan mengukuhkan akidah keimanan dan pendapat-pendapat Muslim Salaf tentangnya dan untuk menyangkat keraguan-keraguan orang-orang yang bidaah yang mendakwa bahawa tanggapan mereka tentang pokok-pokok keimanan adalah sesuatu yang rasional. Hujahan-hujahan yang rasional digunakan hanya setelah kebenaran akidah keimanan – sebagaimana yang mereka terima dan diyakini oleh kaum Salaf – telah ditetapkan oleh keterangan hadis.

Terdapat perbezaan yang menonjol di antara kedua-dua kedudukan itu. Tanggapan-tanggapan yang dimiliki Nabi Muhammad s.a.w. adalah lebih luas berbanding dengan tanggapan-tanggapan ahli-ahli falsafah sebabnya ialah ia telah melampaui rasional. Tanggapan-tanggapan Muhammad berada di atas persepsi atau pandangan rasional serta menguasainya, kerana baginda menerima sokongan daripada sinar Ilahi. Maka, ia tidak mudah tercebur ke dalam aturan pemikiran yang lemah dan persepsi-persepsi yang terbatas. Apabila Muhammad (*syafi*) membimbing kita kepada sesuatu persepsi kita harus mendahulukannya daripada persepsi kita sendiri. Kita harus meyakininya sungguh-sungguh daripada persepsi-persepsi kita. Kita tidak harus berusaha membuktikan kebenarannya secara rasional, meskipun akal

menentangnya. Kita harus meyakini dan mengetahui segalanya yang telah diperintahkan (untuk dipercayai dan diketahui). Kita harus bungkam mengenai sesuatu hal yang tidak kita fahami dalam hal tersebut. Kita harus menyerahkannya kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan menjauhkan akal daripada mempersoalkannya.

Satu-satunya hal yang menyebabkan para ahli kalam menggunakan hujahan rasional ialah kerana pembicaraan-pembicaraan oleh orang-orang kafir (*ahl l-ilhad*) yang menentang *aqaid* kaum Muslimin Salaf dengan bidaah-bidaah spekulatif. Maka mereka terpaksa menolak orang-orang kafir itu dengan menggunakan bentuk-bentuk hujah yang sama. Keadaan ini mendorong kepada penggunaan hujah-hujah spekulatif dan meneliti akidah kaum Muslim salaf dengan hujahan-hujahan ini.

Sebaliknya, pengesahan atau penolakan masalah fizika dan metafizika, bukanlah termasuk kepada persoalan ilmu kalam, dan tidak juga termasuk jenis spekulasi yang sama, sepertimana pandangan-pandangan teologi. Ini adalah sesuatu yang harus diketahui, supaya seseorang itu harus berupaya membezakan di antara kedua-dua disiplin ilmu itu, sebagaimana mereka telah dikelirukan melalui karya-karya sarjana-sarjana mutakhir. Apa yang sebenarnya ialah masing-masing itu adalah berbeza sesama sendiri dalam subjek dan masalahnya yang tersendiri. Kekacauan itu timbul daripada kesamaan tajuk yang dibicarakan. Alasan-alasan ulama kalam dengan demikian kelihatan seakan-akan merasmikan suatu pencarian untuk mendapatkan keimanan melalui bukti rasional. Ia tidaklah sedemikian, ilmu kalam hanya ingin menolak orang-orang ingkar (*mulhidun*). Sesuatu yang diselidiki dinyatakan (oleh syariat agama) dan diakui sebagai benar. Demikian juga, sufi-sufi ekstrem mutakhir, mereka yang membicarakan tentang pengalaman-pengalaman ekstatik. Mereka telah mencampuradukkan masalah metafizika dan ilmu kalam dengan disiplin ilmu mereka sendiri. Mereka telah membicarakan semuanya itu sebagai sebahagian daripada persoalan yang tunggal dan sama. Maka pembicaraan mereka ialah tentang *nubuwat, ittihad, hulul, wihdah,* dan lain-lainnya. Padahal, sebenarnya, persepsi-persepsi oleh ketiga-tiga disiplin ilmu itu berbeza dan tidak sama antara satu dengan yang lainnya. Persepsi sufi adalah satu di antaranya yang paling kurang ilmiah. Sebab kaum sufi mendakwa pengalaman intuitif dalam hubungannya dengan persepsi mereka dengan menghindari bukti rasional. Tetapi

pengalaman intuitif adalah tidak sama-sama sekali dengan tanggapan ilmiah dan metode-metodenya.

> Dan Allah memberi petunjuk-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya kepada jalan yang lurus. Allah lebih mengetahui yang benar.

29 Ilmu-ilmu sihir dan tangkal azimat

Ilmu-ilmu ini adalah berupaya menunjukkan bagaimana jiwa-jiwa manusia mampu disiapkan untuk melakukan suatu pengaruh terhadap dunia elemen-elemen baik tanpa bantuan atau dengan bantuan benda-benda ghaib. Jenis yang pertama ialah sihir. Dan yang kedua ialah tangkal azimat.

Ilmu-ilmu ini adalah dilarang mengamalkannya oleh syariat agama, kerana ia memudaratkan dan mengharuskan pengamalnya menyekutukan Allah seperti bintang-bintang yang dan sebagainya. Dengan demikian, buku-buku yang membicarakan tentangnya hampir-hampir tidak dimiliki oleh bangsa-bangsa itu. Apa yang terkecuali ialah buku-buku yang dimiliki oleh terdahulu sebelum Nabi Musa a.s. seperti bangsa Nabatean dan bangsa Kaldean. Tidak seorang pun nabi yang mendahului Nabi Musa a.s. mempunyai syariat agama. Kitab-kitab yang mereka bawa hanya menyangkut nasihat dengan perintah supaya mengesakan Allah, dan yang menyentuh perihal Syurga dan Neraka.

Ilmu-ilmu sihir ini terdapat di kalangan penduduk Babil yang terdiri daripada bangsa Syria dan Kaldean, dan di kalangan bangsa Kota Mesir dan lain-lainnya. Mereka mengarang buku-buku tentang itu dan meninggalkan maklumat mengenai penglihatan mereka di dalam bidang ini. Hanya sebahagian kecil sahaja kitab-kitab mereka yang diterjemahkan untuk kita, seperti *al-Falahah an-Nabthiyah* karya orang-orang Babil. Daripada terjemahan itu orang-orang mempelajari ilmu itu dan mereka menjadi pandai di dalamnya. Setelah itu, karya-karya lain dibuat orang, seperti *Mashahif al-Kawakib as-Sab'ah* dan *Kitab Thamtham al-Hindy* mengenai gambar *durj* dan bintang-bintang dan lain-lainnya.

Selanjutnya, Jabir bin Hayyan,[120] tokoh ahli-ahli sihir dalam Islam, muncul di Timur. Beliau telah menelaah kitab-kitab ilmiah

---

120 Ilmuwan muslim pertama di bidang ilmu kimia.

itu dan menemui rahsia ilmu sihir dan *alchemy*. Beliau telah mempelajari saripatinya dan mengeluarkan patinya. Beliau telah menulis sejumlah buku tentang ilmu sihir. Beliau telah membicarakan secara panjang lebar mengenai sihir dan keahlian kimia *alchemy* yang berada seganding dengan sihir, sebab peralihan substansi benda-benda yang spesifik dari satu bentuk ke bentuk lainnya adalah diakibatkan oleh kekuatan-kekuatan psikis, dan bukannya oleh teknik yang praktikal. Ini ialah sejenis sihir.

Kemudian muncullah Maslamah bin Ahmad al-Majrithi, seorang tokoh dari Andalusia dalam matematik dan sihir. Dia meringkas semua buku itu dan menyusunnya secara sistematis, serta mengumpulkan semua metode di dalam bukunya yang diberi nama *Ghayatul Hakim*. Setelah dia, tak seorang pun sarjana yang menulis tentang ilmu itu.

Marilah kita kemukakan di sini suatu keterangan pendahuluan yang akan menjelaskan tentang hakikat sihir. Ia adalah sebagai berikut.

Jiwa-jiwa manusia adalah satu di dalam spesis. Namun, ia berbeza-beza daripada segi kualiti khususnya. Jiwa-jiwa itu adalah bermacam-macam jenis. Setiap jenisnya dibezakan oleh suatu kualiti khusus yang tidak wujud pada jenis jiwa lainnya. Kualiti-kualiti itu muncul menjadi suatu watak semula jadi yang secara ekslusifnya dimiliki oleh jiwa itu secara khususnya.

Jiwa-jiwa para nabi mempunyai kualiti khusus di mana jiwa-jiwa itu disiap sediakan untuk memiliki pengetahuan *rabbani*, diajak berbicara oleh para malaikat dengan nama Allah s.w.t. dan untuk mempunyai pengaruh terhadap makhluk-makhluk ciptaan yang ada hubungannya dengannya.

Jiwa-jiwa para ahli sihir juga memiliki kualiti (kemampuan) untuk melaksanakan pengaruh terhadap makhluk-makhluk ciptaan dan untuk menarik spiritualiti-spiritualiti bintang-bintang agar dapat digunakan untuk melakukan suatu pengaruh baik melalui kekuatan psikis ataupun kekuatan syaitan. Sekarang, para nabi berupaya mengenakan pengaruh baginda dengan pertolongan Allah dan dengan adanya kualiti rabbani. Jiwa-jiwa tukang peramal, sebaliknya, memiliki kualiti yang memungkinkan mereka untuk melihat hal-hal yang ghaib dengan perantaraan kuasa syaitan. Demikianlah, setiap jiwa itu dibezakan oleh kualitinya yang khusus, yang tidak terdapat pada jenis lainnya.

Jiwa-jiwa yang memiliki kemampuan sihir itu adalah tiga

darjah. Ketiga-tiga darjah itu akan diterangkan di sini:

Jenis yang pertama mengenakan pengaruhnya hanya melalui kekuatan mental (*himmah*) sahaja tanpa apa-apa alat atau bantuan. Inilah yang disebut oleh para ahli falsafah sebagai sihir.

Jenis yang kedua mengenakan pengaruhnya dengan bantuan watak benda-benda angkasa (*aflak*) dan elemen-elemennya, atau dengan bantuan sifat-sifat daripada angka-angka. Inilah yang disebut tangkal azimat. Jenis ini adalah lebih lemah darjatnya sekira dibandingkan dengan jenis yang pertama.

Jenis yang ketiga mengenakan pengaruhnya terhadap kekuatan-kekuatan imaginasi. Orang yang melakukan jenis pengaruh ini bergantung kepada kekuatan-kekuatan imaginasi. Entah dengan cara bagaimana dia aktif di dalam kekuatan-kekuatan imaginasi itu. Dia menyediakan di dalamnya pelbagai macam khayalan, bayangan-bayangan dan gambaran-gambaran yang mana sahaja dia ingin gunakan. Kemudian, dia membawanya turun ke tingkat persepsi sensual orang-orang yang melihat dengan bantuan kekuatan jiwanya yang melakukan suatu pengaruh terhadap (persepsi sensual) itu. Akibatnya, khayalan-khayalan dapat dilihat oleh orang-orang yang melihatnya itu seakan-akan ada di dunia nyata, padahal, sebenarnya tidak ada hal-hal yang semacam itu. Sebagai contoh, diceritakan bahawa seseorang itu telah melihat kebun-kebun, sungai-sungai, dan istana-istana, padahal sebenarnya, di sana tidak ada suatu pun seperti yang dinampakkan itu. Inilah apa yang disebut oleh para ahli falsafah sebagai *sya'wadzah* atau *sya'badzah* atau *prestidigitation* atau 'sulap'.

Demikianlah keterangan terperinci mengenai tingkatan-tingkatan sihir.

Sekarang, tukang-tukang sihir itu memiliki kualiti yang khusus mengikut potensinya, seperti halnya dengan kekuatan-kekuatan manusia seluruhnya. Kekuatan itu dialihkan daripada potensi menjadi aktualiti melalui latihan (*riyadlah*). Semua amalan sihir mempunyai hubungan langsung antara dirinya dengan sfera-sfera bintang-bintang (*aflak*), alam-alam yang tinggi atau dengan syaitan-syaitan melalui berbagai macam pemujaan dan peribadatan dan ketundukpatuhan serta kerendahan diri. Dengan demikian, latihan sihir itu merupakan suatu tindakan yang sungguh-sungguh

dan memuja sesuatu selain daripada Allah s.w.t. adalah suatu perbuatan kufur. Dengan demikian sihir dengan sendirinya adalah perbuatan orang-orang yang kufur, atau kekufuran itu menjadi sebahagian daripada bahan-bahan dan motif-motif sihir, sebagaimana telah dilihat. Dengan demikian, tukang-tukang sihir harus dihukum bunuh. Terdapat percanggahan pendapat oleh ahli-ahli fikah, sama ada harus dihukum bunuh kerana kekufurannya terjadi sebelum ia mengamalkan perbuatan sihir, atau disebabkan tindakan mereka yang memudaratkan dan kerosakan yang diakibatkannya terhadap makhluk-makhluk ciptaan Allah.

Tambahannya oleh kerana dua darjah yang pertama amalan sihir itu adalah benar dan yang ketiga dan yang terakhir adalah tidak nyata, maka para saujana atau ulama telah berbeza pendapat persoalannya ialah apakah sihir itu nyata atau hanya sekadar khayalan. Yang berpendapat bahawa sihir adalah nyata, sebenarnya berpegang kepada dua darjah yang pertama tadi. Sedangkan mereka yang mendakwa bahawa ianya tidak benar berpegang kepada tingkatan yang ketiga atau yang terakhirnya. Sebenarnya tidak ada perbezaan pendapat di kalangan mereka mengenai persoalan itu sendiri, tetapi perbezaan pendapat yang timbul akibat kekacauan tingkatan-tingkatan sihir tersebut.

Tidak harus ada orang yang waras akalnya boleh mendakwa ketidakwujudan sihir, sebabnya ialah berdasarkan pengaruh yang disebutkan, yang diamalkan oleh sihir. Allah s.w.t. berfirman: "Hanya syaitan-syaitan itulah yang kafir (mengerjakan sihir). Mereka mengajarkan sihir kepada manusia dan apa yang diturunkan kepada dua orang malaikat di negeri Babil iaitu malaikat Harut dan Marut, sedang keduanya tidak mengajarkan (sesuatu) kepada seorang pun sebelum menyatakan:

> "Sesungguhnya kami hanya cubaan (bagimu), sebab itu janganlah kamu kafir".

Maka mereka mempelajari dari kedua malaikat itu apa yang dengan sihir itu, mereka dapat menceraikan antara seorang (suami) dengan isterinya. Dan mereka itu (ahli-ahli sihir) tidak memberi mudarat kepada sihirnya kepada seorang pun, kecuali dengan izin Allah.[121]

---

121 Al-Quran, Surat al-Baqarah, ayat 102.

Rasulullah s.a.w. sebagaimana menurut hadis, pernah disihir hingga menyebabkan baginda mengkhayalkan bahawa dia sedang melakukan sesuatu pada suatu ketika, pada hal baginda tidak melakukannya. Mantera yang ditujukan kepada baginda telah diletakkan pada sebatang sikat, pada serpihan-serpihan *wool* dan pada pelepah dan direndamkan di perigi Dzarwan. Dengan demikian, Allah telah menurunkan kepada baginda ayat berikut dalam dua surah *Ma'udzah:*

> "Dan (aku berlindung kepada Allah) daripada kejahatan wanita-wanita tukang sihir yang menghembusnya pada buhul-buhul."[122]
> Aisyah berkata: "Begitu dia membaca Quran kepada salah satu buhul di antara buhul-buhul yang telah disihir itu, buhul itu lepas."

Begitulah giatnya amalan sihir di kalangan bangsa Nabatean dan Kaldean Syirian. Al-Quran banyak menyebutkannya dan ada beberapa hadis tentang itu. Amalan diamalkan secara berleluasa di Babil dan Mesir pada zaman Nabi Musa a.s. Dengan demikian, mukjizat Nabi Musa a.s. dapat melakukan sebagai bukti kenabiannya adalah didakwa dan dinyatakan beriya-iya oleh tukang-tukang sihir sebagai jenis dengan apa yang mereka miliki. Tempat-tempat ibadat di Mesir Atas adalah monumen-monumen yang membuktikan amalan sihir di Mesir Purba.

Kita telah menyaksikan dengan mata kepala kita sendiri bagaimana seorang tukang sihir dapat menjelmakan wajah seseorang yang hendak dikenakan sihir. Dia membentuknya dalam bentuk apa yang dia hendak, sebagaimana sifatnya dan merencanakan untuk membuat orang tersebut memiliki sebagaimana yang ada di dalam dirinya, dalam bentuk simbol-simbol nama-nama dan atribut-atribut. Lalu dia bacakan jampi serapah ke atas bayangan yang telah diletakkan sebagai pengganti orang yang akan disihir, secara konkrit atau simboliknya. Selama mengulang-ulang kata-katanya yang berpadah itu, dia mengumpulkan air ludah di mulutnya dan meludahkannya ke atas gambar itu. Kemudian dia mengikatkan buhul pada simbol menurut sasaran yang telah dia persiapkan untuk itu, sebab dia menganggap ikatan buhul-buhul itu membawa petanda baik, berkesan di dalam

---

122 Al-Quran, Surat al-Falaq, ayat 4.

mengamalkan perbuatan sihir. Dia juga berikrar janji dengan jin-jin meminta mereka untuk turut sama mengambil bahagian sewaktu kerja-kerja meludah itu dengan niat supaya jampi serapah itu lebih bertenaga. Bayangan orang dan nama-nama yang penuh celaka itu memiliki roh yang jahat. Ia memberikan daripada si tukang sihir dengan hembusan nafasnya dan bertepek dengan air ludah yang disemburkan itu. Ia menghasilkan lebih banyak roh-roh jahat. Sebagai akibatnya, segala sesuatu yang dimaksudkan oleh tukang sihir terhadap seorang yang sihir, sebenarnya adalah beban yang dipikul oleh dirinya sendirinya.

Kita telah menyaksikan bagaimana orang-orang yang mengamalkan perbuatan sihir. Menunjuk pada sehelai pakaian atau selembar kulit dan secara berbisik membacakan mantera-mantera. Dan lihatlah objek itu menjadi berkecai-kecai. Sementara yang lain pula menghalakan telunjuknya pada perut-perut biri-biri dan kambing di padang ragut yang sedang asyik meragut rumput. Dan lihatlah usus-usus binatang itu gugur dari perutnya ke bumi.

Kita juga telah mendengar bahawa di India dewasa ini masih terdapat tukang-tukang sihir menghalakan telunjuknya kepada seseorang dan hatinya akan dapat dikeluarkan dan dia pun mati. Apabila seseorang kemudiannya mencari hatinya dia tidak dapat menemuinya di dalam rongga tubuh itu. Atau, tukang sihir itu menuding jarinya pada buah delima. Sewaktu orang memecahnya, didapati tak ada sebiji pun biji-biji di dalamnya .... [*Kita juga mendengar di Sudan dan di Turki terdapat tukang sihir yang menyihir awan dan memberi hujan pada bahan tertentu. Demikian pula amalan tangkal azimat, kita menyaksikan keajaiban-keajaiban di dalam 'huruf-huruf' yang "saling bercinta", iaitu *ra, kaf ra fa dal.* Satu daripada kedua-dua huruf itu ialah 200 dan 20, dan yang lainnya adalah 2000 dan 40 dan 80. Maksud "saling bercinta" adalah pecahan-pecahan setiap (huruf) satu yang terdapat di dalamnya, seperti 1/2, 1/6, 1/5, dan sebagainya. Bila dikumpulkan akan sama dengan angka yang terakhir, yakni temannya. Dengan itu, ia disebut "saling bercinta". Ahli-ahli azimat menyatakan bahawa huruf-huruf itu mempunyai pengaruh pada kasih-sayang dan kebersatuan antara dua orang yang saling bercinta ....[123]

---

123 Sesudah ini, Ibn Khaldun mengemukakan contoh-contoh yang panjang mengenai macam sihir dan azimat. Kami tidak mengutipnya dalam terjemahan ini.

Kitab al-Ghayah karya Maslamah bin Ahmad al-Majrithi ditulis sehubungan dengan disiplin ilmu ini. Di dalamnya berisikan keterangan-keterangan yang lengkap dan masalah-masalahnya sempurna. Disebutkan Imam al-Fakhr bin al-Khathib menulis buku tentang itu dan diberinya nama *as-Sirr al-Maktum*. Di Timur, buku itu dipelajari oleh orang-orang sana. Kami tidak mengetahui secara pasti. Kami hanya menduga bahawa Imam itu bukanlah termasuk salah seorang tokoh dalam bidang ilmu ini. Tapi, mudah-mudahan yang terjadi adalah sebaliknya.

Di Maghribi, terdapat segolongan manusia yang mengamalkan amalan-amalan sihir. Mereka dikenal dengan *ba'ajun*. Mereka itulah yang saya sebut sebelum ini, melakukan sihir dengan menuding pada pakaian atau kulit, lalu menyobeknya. Menuding pada perut-perut kambing dengan isyarat menyobek lalu perut-perut itu pun tersobek. Mereka ketika ini disebut *bu'aj*, kerana amalan sihir yang mereka lakukan kebanyakannya merobek perut-perut kambing. Dengan cara itu mereka hendak menakut-nakuti pemilik binatang agar bersedia memberikan hasil piaraannya kepada mereka. Tukang-tukang sihir ini melakukan sihirnya dengan bersembunyi di hutan kerana khuatir akan ditangkap oleh pihak penguasa. Saya telah berjumpa dengan sekelompok dari mereka, dan demikian itulah pekerjaan sihir yang saya saksikan.

Mereka memberitahu saya bahawa mereka memiliki suatu bentuk doa dan latihan khusus dengan doa-doa yang bersifat kufur, serta bekerjasama dengan apa yang bersifat spiritual, jin-jin dan bintang-bintang. Tentang semua itu telah ditulis pada sebuah lembaran yang mereka sebut *khaziriyyah*. Mereka mempelajarinya. Mereka menyatakan, latihan dan doa itu "menghasilkan", dan bahawa kekuatan mempengaruhi dengan sihir yang mereka punyai hanyalah ditujukan kepada mereka yang termasuk golongan orang-orang berharta, memiliki haiwan peliharaan, dan budak. Itu mereka ungkapkan melalui kata-kata mereka sendiri:

> "Kami melakukannya untuk sesuatu yang mendatangkan wang."

Maksudnya, harta yang boleh dimiliki dan dijualbelikan. Demikianlah tujuan mereka. Saya bertanya kepada salah seorang daripada mereka, dan orang itu memberikan penjelasan begitu. Sedangkan tindakan-tindakan mereka jelas adanya. Kami telah menemukannya banyak sekali dan melihat dengan mata kepala

sendiri tanpa rasa takut. Inilah perihal sihir dan tangkal azimat serta pengaruh-pengaruh di dunia.]

Ahli falsafah membuat perbezaan di antara sihir dan tangkal azimat. Pertama, sesungguhnya telah mereka menyatakan bahawa semuanya itu adalah hasil pengaruh ke atas jiwa manusia. Mereka menegaskan adanya pengaruh ke atas jiwa manusia berdasar alasan bahawa jiwa mempengaruhi jasmaninya yang tidak boleh diterangkan menurut kejadian semula jadi oleh sebab-sebab jasmaniah. Pada sesuatu masa, ia disebabkan oleh keadaan roh-roh seperti kehangatan yang timbul daripada rasa gembira dan sukacita di masa lainnya, diakibatkan oleh persepsi psikis lainnya, seperti yang timbul daripada khayalan. Maka seseorang yang berjalan pada tubir bangunan atau pada tali yang direntang, akan ke bawah sekiranya rasa kurang yakin ada pada dirinya sekiranya jiwa dengan demikian dapat mempengaruhi tubuhnya tanpa sebab-sebab jasmaniah, maka adalah mungkin jiwa itu akan melakukan pengaruh semacam itu terhadap jasmaniah-jasmaniah lainnya selain daripada jasmaninya sendiri. Keadaannya untuk berupaya mengenakan pengaruhnya adalah sama dengan hubungannya dengan semua tubuh-tubuh, kerana ianya tidak memang sedia ada atau melekat di dalam tubuhnya yang khusus. Dengan demikian, adalah suatu yang pasti bahawa jiwa itu berpengaruh terhadap tubuh-tubuh.

Mengenai perbezaan di antara sihir dan tangkal azimat, para ahli falsafah mengatakan seperti berikutnya. Dalam amalan sihir, tukang sihir tidak memerlukan apa-apa bantuan, sedangkan pembuat tangkal azimat mendapatkan bantuan sifat-sifat kerohanian bintang-bintang, rahsia kualiti-kualiti khusus segala yang maujud kedudukan-kedudukan sfera yang mengenakan pengaruhnya terhadap elemen-elemen alam sebagaimana yang dikatakan oleh ahli-ahli nujum (astrologi). Ahli-ahli falsafah menyatakan juga bahawa sihir adalah paduan roh dengan roh, sedangkan tangkal azimat adalah paduan roh dengan (bahan) tubuh. Sebagaimana yang mereka faham ini bererti bahawa sifat-sifat semula jadi pada sesuatu berkenaan langit telah terikat bersama-sama dengan sifat-sifat semula jadi yang rendah dengan sesuatu berkenaan bumi. Apa yang bersifat semula jadi yang tinggi ialah sifat kerohanian (*ruhaniyyah*) bintang-bintang. Mereka yang mengusahakan tangkal azimat, dengan demikian, sebagaimana biasanya akan memerlukan bantuan astrologi.

Para ahli falsafah berpendapat bahawa seseorang tukang sihir tidak mendapatkan kecekapan sihir tetapi secara semula jadi dia memiliki kemampuan yang khusus yang diperlukan untuk melakukan pengaruh jenis itu.

Apa yang difikirkan mengenai perbezaan antara mukjizat dan sihir adalah sebagaimana berikut. Mukjizat adalah kekuatan Ilahiah yang ada di dalam jiwa untuk melakukan pengaruhnya. Pelaku mukjizat adalah disokong oleh roh Allah. Tukang sihir, dalam segi yang lainnya, melakukan pekerjaannya bersendiri dan dengan bantuan kekuatan psikisnya dan di bawah keadaan-keadaan tertentu, dengan bantuan syaitan-syaitan. Perbezaan antara keduanya itu sebenarnya terletak pada idea, realiti dan intipati bahan itu. Kita, walau bagaimanapun, menyimpulkan perbezaannya hanya melalui tanda-tanda jelas. Yakni mukjizat hanya dimiliki oleh orang-orang yang berhemah tinggi, untuk tujuan-tujuan kebaikan dan oleh jiwa-jiwa yang seluruhnya setia pada perilaku yang luhur. Lebih daripada itu, mukjizat merupakan 'tentangan terdepan' mengenai dakwaan tentang kenabian. Sihir, sebaliknya adalah diamalkan hanya oleh orang-orang yang jahat dan biasanya untuk tujuan-tujuan jahat juga, seperti mencerai-beraikan suami dan isteri, mencelakakan seteru, dan hal-hal seumpamanya. Sihir diamalkan oleh jiwa-jiwa yang sama sekali cenderung melakukan perbuatan-perbuatan terkutuk. Inilah perbezaan antara mukjizat dan sihir menurut pendapat ahli-ahli metafizika.

Di kalangan ahli-ahli sufi sebahagiannya dianugerahi *keramat* juga dapat melakukan suatu pengaruhnya terhadap hal-ehwal dunia. Namun, itu tidak dianggap sebahagian daripada jenis sihir. Ia diakibatkan oleh sokongan kuasa ilahi, sebab sikap dan pendekatan orang-orang ini timbul daripada pengaruh-pengaruh kenabian dan adalah akibat daripadanya ... [*Mereka mendapat bahagian dukungan ilahi menurut khabar keadaan mereka, keimanan mereka, dan kekukuhan mereka berpegang kepada *Kalimah Allah.* Meskipun ada di antara mereka yang mampu melakukan perbuatan-perbuatan jahat, tapi dia tidak akan mendatanginya, sebab dia terikat pada perintah ilahi sehubungan dengan segala yang diberikan padanya. Tanpa izin dari Allah, dia tidak melakukannya sama sekali dan kalah toh dia mendapat izin dan melakukannya, bererti dia telah menyimpang dari jalan kebenaran dan mungkin 'keadaannya' semula lenyap daripadanya.

Oleh sebab mukjizat terjadi atas bantuan roh Allah dan kekuatan-kekuatan ilahiah, maka tak ada sihir yang mampu menentangnya. Perhatikan ehwal tukang-tukang sihir Firaun bersama Musa dengan mukjizat tongkat; bagaimana tongkat itu menelan semua sihir yang mereka sombongkan, dan sihir mereka pun lenyap dan redup seakan-akan tidak pernah ada. Demikian pula ketika Allah mewahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w.

Ayat *Ma'udzah:*

> "Aku berlindung kepada Engkau dari kejahatan wanita-wanita tukang-tukang sihir yang menghembus pada buhul-buhul".
>
> "Aisyah – ridlallah atas – berkata: "Begitu dia (Nabi) membacakan al-Quran kepada salah satu buhul di antara buhul-buhul yang disihir itu, buhul itu pun lepas".

Sihir tidaklah terjadi bersama nama Allah dan zikir-Nya. Para sejarahwan telah menukilkan bahawa Zirkisy Kawiyan, iaitu bendera Khusro – yang padanya terdapat kesesuaian waktu dengan angka – dirajut dengan emas pada kedudukan-kedudukan ekliptika hasil pemerhatian waktu itu. Pada hari terbunuhnya Rustumdi ak-Qadisiyah, setelah kekalahan dan perpecahan orang-orang Persia, bendera itu terdapat jatuh ke tanah. Padahal menurut pengakuan tukang-tukang azimat dan kartu, Zirkisy Kawiyan itu dibuat khusus untuk mendatangkan kemenangan dalam peperangan, dan bahawa pasukan yang bersama dengan bendera itu pada dasarnya tidak akan kalah. Namun bendera berazimat itu ditentang oleh bantuan kekuatan ilahi berupa keimanan para sahabat Rasullah s.a.w. serta keteguhan mereka berpegang pada *Kalimah Allah.*

Maka setiap buhul sihir menjadi lepas dan tidak mampan.

> "Dan batallah yang selalu mereka kerjakan".[124][ ]

Undang-undang syariat meletakkan sihir, tangkal azimat dan sulap – semuanya sebagai satu dan sekumpulan sebab kesemuanya boleh mencelakakan. Disifatkan semuanya adalah ditegah dan salah. [*Sebab pembawa syariat (Muhammad) menghukum *mubah* dengan pekerjaan-pekerjaan yang bermanfaat untuk kita, baik dalam agama yang di dalamnya terkandung kebaikan akhirat

---

124 Al-Quran surah 7 (al-A'raf) ayat 118.

mahupun dalam kehidupan yang mengandung kebaikan dunia. Suatu pekerjaan yang sama sekali tidak bermanfaat bagi kita (baik segi agama mahupun segi duniawi) – bila ada mengandung bahaya atau semacamnya, seperti sihir (bahayanya timbul dengan nyata) dan tangkal azimat yang kedua-duanya punya pengaruh yang sama, atau seperti astrologi yang mengandung bahaya kerana kepercayaan atas pengaruh yang ditimbulkannya sehingga merosakkan akidah keimanan dengan mengembalikan segala persoalan kepada sesuatu selain Allah, maka pekerjaan itu dilarang menurut hubungannya dengan bahaya itu. Dan kalaupun pekerjaan itu tidak berguna bagi kita dan tidak pula mengandung bahaya, adalah lebih baik meninggalkannya untuk mendekatkan diri kepada Allah, sebab "di antara (tanda-tanda) kebaikan Islam seseorang ialah sikapnya meninggalkan sesuatu yang tidak berguna." Maka syariat mengelompokkan sihir, tangkal azimat dan sulap dalam satu bab yang sama, kerana di dalamnya terkandung bahaya. Syariat memberikan cap sebagai yang dilarang dan diharamkan.

Ulama-ulama kalam menyatakan bahawa perbezaan antara mukjizat dan sihir didasarkan adanya 'tentangan' berupa dakwaan-dakwaan yang berlaku sesuai dengan apa yang diandaikan. Mustahil mukjizat terjadi sesuai dengan dakwaan-dakwaan orang yang bohong, sebab hujahan mukjizat atas kebenaran adalah ideal kerana sifat mukjizat itu sendiri adalah pembenaran (*tashdiq*). Kalau mukjizat terjadi seiring dengan kebohongan, maka pastilah yang benar berubah menjadi yang bohong, dan hal demikian mustahil terjadi. Dengan demikian, secara mutlaknya mukjizat tidak akan terjadi bersama kebohongan.]

Ahli-ahli falsafah beranggapan bahawa perbezaan antara mukjizat dan sihir adalah perbezaan di antara dua ekstrem kebaikan dan kejahatan. Tidak ada kebaikan yang didatangkan oleh seorang tukang sihir, dan sihir digunakan untuk tujuan yang baik. Dan tidak ada kejahatan yang dibawa oleh pemilik mukjizat, dan mukjizat tidak digunakan dalam hal-hal kejahatan.

Seakan-akan nampak bahawa kedua-duanya berada pada dua sisi yang bertentangan dengan menurut asal fitrah masing-masing.

Dan Allah memberi petunjuk kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dia Maha Kuat Maha Perkasa, tiada Tuhan selain Dia.

Renungan jahat

Satu lagi pengaruh psikis ialah mengenai mata – yakni, suatu pengaruh yang dilakukan oleh jiwa orang yang mempunyai renungan yang jahat. Sesuatu perkara atau keadaan yang kelihatan amat menyenangkan mata si perenung, dan dia menyaksikan benar-benar keadaan-keadaan ini membuatnya berasa iri hati dan berhasrat untuk merampasnya daripada pemiliknya. Dengan demikian, dia memilih untuk membinasakan orang itu.

Ia adalah anugerah yang semula jadi – maksud saya, mata. Apa yang membezakannya dan pengaruh psikis yang lain ialah bahawa ia kelihatan dan berlaku sebagai sesuatu yang alami dan fitri. Ia tidak boleh dibiarkan sendirian. Ia tidak bergantung kepada pemilihan bebas pemiliknya. Ia adalah sesuatu yang dipelajari sebahagian daripada pengaruh psikis yang kesannya adalah tanpa dicari – tetapi kemunculannya ke dalam tindakan sebenarnya adalah bergantung kepada pemilihan bebas orang yang mengamalkannya. Apa yang memberinya ciri sebagai yang semula jadi adalah kemampuan potensial (pemiliknya) untuk melakukannya dan bukan tindakan secara automatik. Dengan demikian, telah dikatakan:

> "Seseorang yang membunuh dengan cara-cara sihir dan *karamah* haruslah dibunuh, tetapi orang yang membunuh dengan mata tidak boleh dibunuh."

Orang yang membunuh dengan matanya tidak jua dia berhasrat atau bermaksud untuk melakukan, tidak mampu menghindari perbuatan itu.

Sebenarnya dia terpaksa dalam kemunculannya. Dan Allah lebih mengetahui tentang sesuatu dalam keghaiban-keghaiban, dan mengetahui segala yang ada dalam berbagai-bagai rahsia.

Kami juga telah melihat daripada amalan jimat, keajaibankeajaiban dengan mempergunakan "angka-angka yang saling bercinta", 220 dan 284. Jumlah bahagian-bahagian daripada masing-masing "angka yang bercinta" seperti $^1/_2$, $^1/_4$, $^1/_6$, $^1/_8$ dan sebagainya adalah sama dengan angka yang lain.[125] Itulah sebabnya mengapa kedua-dua angka itu disebut "angka-angka

---

125 220: 110 + 55 + 44 + 22 + 11 + 10 + 5 + 4 + 2 + 1 = 284.
284: 142 + 71 + 4 + 2 + 1 = 220.

bercinta". Dan merupakan suatu tradisi di kalangan orang yang mengetahui tangkal azimat bahawa angka-angka ini mempunyai pengaruh bagi kasih sayang dan kesatuan dua orang yang saling bercinta. Dua patung dibuat, satu dengan Venus sebagai pengawasan, ketika, baik berada di rumahnya atau di kemuliaannya, ia (Venus) melihat ke bulan dengan rasa cinta dan daya tarik. Untuk pengawas patung kedua, diambilalih hitungan ketujuh hari rumah patung yang pertama. Salah satu dari angka-angka yang bercinta itu diletakkan di atas patung yang satu, dan angka yang lain pada patung yang satunya lagi. Angka yang terbesar dimaksudkan untuk orang yang kasih-sayangnya dikehendaki, maksud saya, orang yang dicintai. Saya tidak tahu apakah "angka yang terbanyak" dimaksudkan sebagai angka yang tertinggi, atau angka dengan angka terbanyak bahagian-bahagiannya. (Amalan sihir) itu menghasilkan suatu hubungan yang dekat antara kedua orang yang bercinta, sehingga yang satu hampir tidak dapat dilepaskan dari yang lain. Hal ini telah dikemukakan oleh penulis buku *al-Ghayah* dan ahli-ahlinya yang lain, dan telah dibuktikan dengan pengalaman.

Demikian pula ada "cap singa", yang disebut juga "cap batu karang". Pada sarung jari, tukang sihir mengukir gambar seekor singa yang menyeret ekornya dan dikekang pada sebuah batu karang yang dibahagikan menjadi dua bahagian. Seekor ular digambarkan di depan singa. Ia dilingkarkan di kaki singa dengan melata ke atas menentang kepala singa, sambil mengangakan mulutnya ke mulut singa. Di punggung singa, digambarkan seekor kalajengking yang merangkak. Untuk membuat ukiran itu, tukang sihir menunggu waktu ketika matahari memasuki wajah yang pertama atau yang ketiga[126] daripada singa, dengan syarat kedua bintang (matahari dan bulan) dalam keadaan baik dan bebas dari nasib buruk. Ketika menemukan dan mendapatkan (konstelasi) ini, ia membuat sebuah cap (ukiran) di atas satu *mitsqal* atau kurang emas, yang lalu ia celupkan ke dalam kunyit yang dicampur dengan air mawar, dan disimpan di dalam kain lap sutera berwarna kuning. Orang-orang beranggapan bahawa orang yang memegangnya akan memperoleh kekuasaan atas raja-raja, dan boleh berhubungan dengan mereka, melayani mereka, dan dapat mempergunakan

---

126 Setiap tanda zodiak dibahagi tiga "wajah" (*wajh*), dalam bahasa Greek, *prosopon*, Latin *facies*, daripada kesepuluh tingkatan masing-masing.

mereka untuk mencapai tujuan-tujuannya sendiri. Demikian pula, raja-raja sendiri mendapatkan darinya kekuatan dan kekuasaan atas bawahan-bawahannya. Para pengarang juga menyebutkan tentang sihir ini di dalam *al-Ghayah* dan beberapa karya lain, dan dibuktikan dengan pengalaman.

Demikian pula ada persepsi sihir daripada 36 bidang yang khusus bagi matahari. Disebutkan, hal itu dibuat ketika matahari memasuki ketinggiannya dan bebas dari nasib buruk. Dan juga ketika bulan dalam keadaan baik dan berada di bawah suatu penguasaan kerajaan di mana pemilik (rumah) kesepuluh dianggap melihat ke pemilik pengawas dengan rasa cinta dan daya tarik, dan di mana petunjuk-petunjuk agung mengenai kemakmuran keluarga kerajaan. Ia digambarkan pada sehelai kain sutera kuning, setelah dicelupkan ke dalam minyak wangi. Ada yang beranggapan bahawa hal itu berpengaruh bagi persahabatan seseorang dengan raja-raja, dan (kesempatan)nya untuk melayani serta bergaul dengan mereka.

Dan banyak lagi hal-hal semacam itu. *Kitab al-Ghayah* karya Maslamah bin Ahmad al-Majriti merupakan suatu kupasan sistematis mengenai keahlian ini. Ia melengkapi dan menyajikan masalah-masalahnya dengan sempurna.]

30 **Ilmu tentang rahsia-rahsia surat**[127]

Pada masa sekarang ini, ilmu ini disebut *siminya:* 'surah sihir'.[128] Perkataan itu diambil daripada tangkal azimat untuk ilmu ini dan dipergunakan dalam pengertian konvensyionalnya dalam istilah orang-orang sufi yang mengamalkan sihir. Maka, suatu istilah sihir yang umum pun dipergunakan untuk beberapa aspek khusus mengenai sihir.

Ia adalah masalah yang tidak terduga dengan masalahnya yang tak terkira banyaknya. Para penulis yang mencatatnya beranggapan bahawa akibat dan hasil surah sihir adalah jiwa-jiwa ilahiah yang aktif di dalam dunia dalam dengan memakai nama-nama Tuhan yang indah dan kalam-kalam ilahi yang berasal daripada surah-surah yang berisikan rahsia-rahsia yang terdapat di

---

127 Khusus fasal 30 ini, Ibn Khaldun membicarakan rahsia-rahsia huruf sepanjang kurang lebih 50 halaman teks Arab. Kami turunkan di sini ringkasannya.

128 Dari bahasa Greek: στμετα.

dalam makhluk-makhluk ciptaan. [Para ahli surah masih yang berwibawa pun berbeza-beza mengenai rahsia kegiatan sihir yang terdapat di dalam surah-surah itu. Ada di antara mereka beranggapan bahawa ianya adalah disebabkan oleh sesuatu yang dipusakai. Sebahagian lagi menganggap bahawa rahsia-rahsia kegiatan yang terdapat di dalam surah-surah ada ukuran hitungannya ....

Ada pula yang berfikiran bahawa kegiatan itu dan kegiatan orang-orang yang mengerjakan tangkal azimat adalah satu dan sama. Tetapi ia tidaklah demikian ....

Suatu yang harus disedari ialah semua aktiviti sihir dalam dunia alam adalah muncul dari jiwa manusia dan fikiran manusia, sebab secara esensialnya jiwa manusia meliputi dan menguasai alam. Akibatnya perbezaan yang sebenarnya di antara aktiviti orang yang mengerjakan tangkal azimat dan orang yang mengerjakan dengan kata-kata adalah sebagaimana berikutnya. Aktiviti orang yang mengamalkan tangkal azimat adalah meliputi usaha menurunkan kerohanian garis-garis edar bintang (*aflak*) dan mengikatnya erat-erat dengan bantuan gambar-gambar atau ukuran-ukuran angka. Hasilnya merupakan suatu bentuk komposisi yang mana melalui wataknya, mengakibatkan suatu transformasi dan perubahan yang sebanding dengan yang diakibatkan oleh keadaan "meramu" sesuatu hal ke dalam mana ia masuk. Sebaliknya aktiviti orang yang mengamalkan kata-kata berupa akibat daripada sinar ilahi dan sokongan Tuhan yang mereka peroleh melalui latihan rohani dan kasyf. Maka, alam pun ditekan untuk bekerja untuk mereka dan melakukannya dengan rela hati tanpa berusaha untuk membantah ....

31 Ilmu kimia (alchemy)

Ia adalah ilmu yang mempelajari substansi melalui mana emas dan perak dapat di"bangkit"kan secara artifisial dan menerangkan tentang cara kerjanya. Ahli-ahli kimia berusaha mengetahui pengetahuan watak dan kekuatan segala makhluk yang ada dan menyelidikinya secara kritis. Mereka berharap dapat menemukan substansi yang siap (untuk menghasilkan emas dan perak). Mereka juga menyelidiki najis binatang-binatang, seperti tulang-temulang, bulu-bulu, rambut, telur-telur, dan kotoran-kotoran badan, tidak menyebutkan benda-benda tambang.

Kimia kemudiannya, menghuraikan tentang usaha-usaha di

mana sesuatu substansi itu boleh dipindahkan dari kemungkinan menjadi sebenar, seperti sebagai contohnya, oleh penghancuran pada tubuh-tubuh (substansi-substansi) kepada komponen-komponen semula jadinya melalui pejalwapan dan penyulingan melalui pengerasan bahan yang boleh menjadi logam melalui 'calsification' (proses pengapuran) oleh pembubukan benda-benda keras dengan bantuan 'penghancuran' – *pastle and mullers* – dan hal-hal seumpamanya. Ahli-ahli kimia berlandaian bahawa semua teknik ini mendorong kepada penghasilan suatu bahan semula jadi yang mereka sebut 'elixsir'.[129] Apabila beberapa bahan mineral, seperti batu hitam, timah, atau tembaga – yang dipersiapkan untuk menerima bentuk emas atau perak dipanaskan di atas api dan beberapa kuantiti, 'elixsir' ditambahkan kepadanya bahan itu berubah menjadi emas tulen. Dalam istilah teknikal yang dipergunakan para ahli kimia untuk tujuan mistifikasi, mereka menyelindungnya dengan nama 'roh' kepada '*elixir*' dan 'tubuh' (body) kepada bahan dan kepada '*elixir*' itu dicampurkan.

Ilmu yang mengulas mengenai istilah teknikal ini dan mengenai bentuk pelaksanaan teknikal melalui mana bahan-bahan yang dipengaruhi untuk dibuat akan menjadi bentuk emas dan perak, adalah ilmu kimia. Baik di zaman dahulu mahupun moden, orang-orang telah menulis karya-karya tentang kimia. Pembicaraan tentang kimia kadang-kadang dianggap sebagai berasal daripada orang yang bukan ahlinya.

Seorang tokoh penulis paling sistematis tentang kimia, menurut ahli-ahli kimia ialah Jabir bin Hayyan. Sehingga mereka menyebut ilmu itu sebagai 'ilmu Jabir'. Dia telah menulis 70 karangan tentang kimia. Dan kesemuanya seakan suatu tekaan silang kata. Adalah didakwa bahawa hanya mereka yang berupa menguasai pengetahuan yang terdapat di dalam karangan-karangannya itu yang dapat menyelesaikan rahsia tentang kimia ....

[*Ath-Thughrai, seorang ahli falsafah mutakhir di Timur memiliki karya-karya sistematis tentang kimia dan dialog-dialog kritis dengan para ahli kimia dan ahli falsafah lainnya. Dan Maslamah al-Majrithi, seorang ahli falsafah Andalusia, menulis buku tentang kimia berjudul *Ruthbah al-Hakim* dan menjadikannya sebagai 'teman' bagi bukunya yang lain tentang sihir dan tangkal azimat: *Ghayah al-Hakim*. Dia menyatakan bahawa kedua

129 *Al-Iksir*, dari bahasa Yunani.

disiplin ilmu itu (kimia dan sihir) merupakan hasil daripada falsafah dan buah ilmu-ilmu pengetahuan, dan barang siapa tidak menguasainya akan kehilangan buah ilmu dan falsafah keseluruhannya. Pembahasan di dalam buku itu, dan pembicaraan para ahli kimia secara keseluruhannya. Pembahasan di dalam buku itu, dan pembicaraan para ahli kimia secara keseluruhan di dalam karya-karya mereka merupakan teka-teki yang sulit difahami kecuali oleh mereka yang menguasai istilah-istilah teknikal khusus tentang itu. Dan kita sebutkan sebab-sebab kenapa mereka condong pada rumus-rumus dan teka-teki ini.

Ibn al-Mughayribi, seorang ahli kimia terkemuka, telah menulis peribahasa-peribahasa (kimiawi) di dalam bait-bait bersajak, yang masing-masing kata-katanya berupa huruf abjad. Semuanya mempergunakan cara pengungkapan bersifat teka-teki, seperti tebakan yang sulit dimengerti, dan hampir tidak dapat difahami.]

Penghasilan karya-karya tentang kimia dianggap berasal daripada al-Ghazali, tetapi anggapan ini tidaklah benar, sebab tanggapan muluk-muluk oleh al-Ghazali tidak akan mengizinkannya untuk mempelajari, atau akhirnya menerima berbagai-bagai kesalahan teori kimia ....

[*Beberapa teori dan pendapat kimiawi seringkali dianggap berasal daripada Khalid bin Yazid bin Muawiyah, anak tiri laki-laki Marwan bin al-Hakam. Padahal sudah sangat dikenal bahawa Khalid seorang keturunan Arab dan sikap dan keperibadiannya dekat dengan orang Badwi. Dia tidak dapat dikatakan akrab dengan ilmu pengetahuan dan keahlian umum. Lalu bagaimana dia mengetahui suatu bidang keahlian tak lazim yang berdasarkan pengetahuan tentang watak-watak dan sifat-sifat dari hal-hal yang tersusun (*murakkabat*)? Padahal karya-karya fizika dan kedoktoran daripada para ahli peneliti lagi belum dan belum pula diterjemahkan? Pasti ada Khalid bin Yazid lain di kalangan orang yang mendalami berbagai-bagai keahlian. Kekecuhan itu timbul tentu kerana banyaknya nama yang sama.

Saya hendak menukilkan di sini sebuah surat tentang kimia yang dikirimkan Abu Bakar bin Bisyrun kepada Abu as-Samh. Keduanya adalah murid-murid Maslamah. Setelah menyebut pendahuluan di dalam surat itu, yang keluar daripada isi pokoknya, Ibn Bisyrun berkata:

"Premis-premis keahlian yang mulia ini telah disebutkan oleh

orang-orang terdahulu. Semuanya telah dilaporkan oleh para ahli falsafah. Premis-premis tersebut merupakan pengetahuan tentang pembuatan mineral, penciptaan batu dan batu mulia, dan tentang pelbagai watak daerah dan lokasi. Kerana mereka sudah begitu dikenal, kami takkan menyebutkannya di sini. Tetapi saya akan terangkan kepada anda apa yang diperlukan seseorang untuk mengetahui keahlian ini. Maka, marilah kita mulai dengan pengetahuan itu.

"Dikatakan: Para pelajar bidang keilmuan ini pertama kali harus mengetahui tiga hal:

(1) apakah ia ada,
(2) dari apa ia ada,
(3) bagaimana ia ada

Apabila pelajar ilmu kimia mengetahui ketiga hal dengan baik, ia akan mencapai tujuannya dan mengetahui seberapa jauh yang akan diketahuinya tentang ilmu ini.

"Adapun masalah kewujudan kimia dan bukti-bukti tentang kekuatan bagi penciptaannya, 'elixsir' yang telah kami kirim kepada anda merupakan suatu jawapan yang memuaskan.

"Pertanyaan tentang apa yang membuat kimia tercipta, dimaksudkan oleh para ahli kimia suatu pencarian tentang batu yang memungkinkan terjadinya pelaksanaan (kimiawi). Secara potensial, pelaksanaan, dapat dilakukan dengan suatu yang dapat diindera, kerana potensialiti untuk melakukan operasi berasal daripada (unsur-unsur) watak kita. Ia berasal dari komposisinya di permulaan dan akan kembali kepadanya pada akhirnya. Namun, ada hal-hal yang dapat dipergunakan untuk suatu operasi hanya secara potensialiti, bukan aktual. Ini terjadi sebagai berikut. Ada beberapa hal yang dapat dihurai-hurai dan ada yang tidak dapat dihurai-hurai. Hal-hal yang dapat dihurai-hurai boleh diproses dan diatur. Itulah hal-hal yang dapat ditransformasikan dari potensialiti ke dalam aktualiti. Sebaliknya, hal-hal yang tak dapat dihurai, tidak dapat diproses dan diatur, tak lain hanyalah potensialiti pada dirinya sendirinya. Ia tak dapat dihurai, kerana beberapa unsur yang dikandungnya tenggelam pada yang lain dan kekuatan (unsur-unsur) yang lebih besar menguasai yang lebih kecil.

"Kerananya, anda – semoga Allah menyatakan usaha anda – harus mengetahui batu-batu tak terhurai paling cocok yang dapat dioperasikan. Anda harus mengetahui genusnya,

kekuatan, perbuatan dan sesuatu apa yang berupa pemutusan dan pengerasan, pemurnian, klasifikasi, penyerapan, atau transformasi, yang dapat memberikan kesan. Orang yang tidak mengetahui prinsip-prinsip dasar kimia tak akan pernah mencapai hasil yang baik. Anda harus mengetahui apakah (batu-batu itu) dapat ditambahkan dengan sesuatu yang lain, ataukah cukup dengan apa adanya sendiri, apakah ia merupakan satu hal sendiri sejak awal, ataukah ia ditemani lainnya, dan menjadi satu hal dengan sendirinya selama perlakuan (*tadbir*), dan kerananya disebut 'batu'. Anda harus juga mengetahui bagaimana cara kerjanya; berapa ukuran dan waktu yang memadai untuknya; bagaimana roh menyelinap ke dalamnya, dan bagaimana pula jiwa masuk ke dalamnya. Apakah api dapat memisahkan jiwa dari batu setelah ia berada di dalamnya; bila tidak, mengapa tidak, dan apa yang mengharuskannya demikian. Inilah yang harus diketahui.

"Ketahuilah bahawa semua ahli falsafah memujikan jiwa dan menganggap jiwalah yang mengatur, menyokong, dan mempertahan tubuh, dan jiwa pulalah yang aktif di dalamnya. Dengan demikian, ketika jiwa meninggalkan tubuh, tubuh mati dan mendingin. Ia tak dapat bergerak atau mempertahankan dirinya, kerana di dalamnya tiada kehidupan dan tiada cahaya. Saya menyebutkan tubuh dan jiwa hanya kerana keahlian ini (kimia) sama dengan tubuh manusia, yang terbangun dengan makanan-makanan yang teratur, dan yang tegak dan sempurna dengan kehidupan, jiwa yang bercahaya, yang memungkinkan tubuh melakukan hal-hal besar dan saling bertentangan yang hanya dapat dilakukan oleh kekuatan yang hidup dari jiwa. Manusia sakit kerana kekacauan unsur-unsur komponennya. Apabila unsur-unsurnya sangat sempurna dan lalu tidak dipengaruhi oleh peristiwa atau kebetulan dan kontradiksi-kontradiksi batin, jiwa tak akan meninggalkan tubuhnya. Manusia tentu hidup kekal. Maha Suci Tuhan Pengatur segala sesuatu. Maha Tinggi Dia.

"Ketahuilah bahawa watak-watak (unsur-unsur) yang melahirkan operasi (kimiawi) merupakan suatu kualiti yang mendorong ke depan pada mulanya, dan merupakan suatu proses emanasi yang perlu berakhir. Ketika mereka sampai pada akhirnya, mereka tak dapat berubah kembali ke keadaan yang mengatur titik mula komposisi mereka, sebagaimana dikatakan tadi tentang manusia. Watak-watak substansi telah terpisah, tetapi kini mereka melekat satu sama lain dan telah

menjadi satu hal, yang sama dengan jiwa dalam hal kekuatan dan aktivitinya dan sama dengan tubuh dalam hal memiliki komposisi dan getaran. Ia adalah unsur lemah yang menguat selama ia berkuasa atas dekomposis dan komposisi, dan kesempurnaan segala sesuatu. Dalam pengertian inilah saya pergunakan kata-kata 'kuat' dan 'lemah'. Perubahan dan ketiadaan pada komposisi yang pertama hanya terjadi sebagai akibat dari kekacauan di antara unsur-unsur komponen. Ia tidak terjadi pada komposisi yang kedua, kerana ada keserasian di antara unsur-unsur komponen.

"Beberapa ahli falsafah kimia dari awal berkata: 'Dekomposisi' dan pembahagian bererti kehidupan dan kebakaan, dalam hal operasi kimiawi, sedangkan komposisi bererti 'kematian dan kefanaan'. Pernyataan ini mempunyai yang padat. Falsafah itu memaksudkan 'kehidupan dan kebakaan' dengan transformasinya dari tiada ke ada. Selama ia tetap pada komposisinya yang pertama, pastilah ia fana. Tetapi saat komposisi kedua terjadi, kefanaan telah tiada. Kini, komposisi kedua hanya terjadi setelah dekomposisi dan pembahagian. Maka dekomposisi dan pembahagian adalah khas dalam operasi (kimiawi) ini. Apabila ia diaplikasikan pada tubuh yang melarut (substansi), ia menyebar di dalamnya, kerana ia tak berbentuk, kerana ia telah mengambil di dalam tubuh tempat jiwa yang tak terbentuk. Hal ini kerana ia tidak mempunyai berat (di dalam substansi). Anda akan melihatnya, apabila Allah – Maha Tinggi – Menghendaki.

"Anda harus tahu bahawa pencampuran sesuatu yang lembut dengan yang lembut lainnya lebih mudah daripada pencampuran sesuatu yang keras dengan yang keras lainnya. Saya maksudkan di sini kesamaan bentuk di antara roh-roh di satu segi dan tubuh-tubuh (substansi-substansi) di segi lain, kerana ia adalah bentuk dari hal-hal yang menyebabkan kesatuannya. Saya sebutkan ini bagi anda, agar anda tahu bahawa operasi (kimiawi) lebih serasi dan lebih mudah apabila dilakukan dengan unsur-unsur spiritual yang lembut daripada dilakukan dengan (substansi-substansi) jasmaniah yang keras.

"Dibayangkan di dalam akal bahawa batu-batu lebih kuat dalam melawan api daripada roh-roh. Demikian pula, emas, besi, tembaga tampak lebih kuat menahan api daripada sulfur, merkuri, dan roh-roh yang lain. Kerananya, saya katakan: Substansi adalah roh-roh pada mulanya. Ketika panas dari proses alami (*kiyan*) mempengaruhinya, berubah menjadi substansi-substansi yang lebih lengket dan keras. Api

tidak dapat memakannya kerana ia sangat keras dan lengket. Apabila api begitu kuatnya mengenainya, ia menjadi roh-roh seperti awal penciptaannya. Apabila api itu mengena roh-roh yang lembut, roh-roh itu lenyap dan tak dapat mengekal. Maka, anda harus tahu bahawa apa yang menjadikan substansi-substansi berada dalam keadaannya, dan apa yang menjadikan roh-roh berada dalam keadaannya. Itulah pengetahuan yang penting anda ketahui.

"Saya katakan: Roh-roh lenyap dan terbakar, kerana kenyalaannya dan kelembutannya. Ia menyala kerana kelembapannya. Ketika api merasakan kelembapan, ia melengketkan dirinya padanya, kerana kelembapan bersifat udara dan kerananya sama dengan api. Api tidak berhenti memakannya, sampai kelembapan itu habis. Hal serupa terjadi pada substansi-substansi, ketika, setelah merasakan dekatnya api, ia lenyap, kerana kurang lengket dan kurang kerasnya. Tetapi substansi-substansi itu tidak menyala kerana terdiri dari tanah dan air yang memberikan serangan pada api. Maka komponen-komponen air yang lembut menyatu dengan komponen-komponennya yang keras melalui proses pemasakan yang lama yang lembut dan mencampurkan segala sesuatu. Itu kerana setiap benda yang lenyap melalui api akan melenyap kerana komponen-komponennya yang keras melalui proses pemasakan yang lama yang lembut dan mencampurkan segala sesuatu. Itu kerana setiap benda yang lenyap melalui api akan melenyap kerana komponen-komponennya yang lembut berpisah (kerana pengaruh api) dari komponen-komponennya yang keras, dan bahagian-bahagiannya masuk satu sama lain tanpa pembubaran dan penyesuaian. Maka kombinasi dan interpenetrasi yang dihasilkan hanyalah kerana kesatuan dan bukannya kerana pencampuran yang nyata. Dengan demikian unsur-unsur yang lembut dan keras mudah terpisah di bawah pengaruh api seperti air dan minyak, atau hal-hal lain yang serupa. Saya sebutkan ini supaya anda dapat belajar darinya fakta-fakta tentang komposisi dan oposisi dalam hal unsur-unsur. Apabila anda mempunyai pengetahuan yang cukup mengenai hal ini, anda akan mengetahui (unsur-unsur) sebanyak yang boleh anda ketahui.

"Kemudian anda harus mengetahui bahawa campuran-campuran, yang adalah unsur-unsur kimia, sesuai satu sama lain. Mereka berasal dari satu substansi. Satu tatanan dan satu perlakuan telah menyatukan mereka. Tak ada yang aneh masuk ke dalam sebahagiannya, atau keseluruhannya. Sebagaimana dikatakan oleh ahli falsafah.

"Apabila kau punya pengetahuan mendalam tentang pengaturan dan pengarangan unsur-unsur, dan tak ada yang aneh masuk ke dalamnya. Anda akan mengetahui dengan mendalam apa yang ingin anda ketahui dengan baik dan pasti, kerana unsur (kimiawi) adalah satu unsur dan tak merisikan sesuatu yang aneh di dalamnya. Orang yang memasukannya sesuatu yang aneh ke dalamnya, memalsukannya dan melakukan suatu kesalahan."

"Ketahuilah bahawa suatu substansi yang asalnya sama tepatnya melarut kerana unsur (kimiawi) ini, sehingga ia menyamainya dalam kehalusan dan kelembutannya, unsur (kimiawi) menyebar di dalamnya dan mengikutinya ke mana pun ia pergi. Selama substansi-substansi keras dan kering, ia tak dapat menyebar atau memadu, dan hanya melarut dengan bantuan roh-roh.

"Anda – semoga Allah menunjuki anda – hendaknya memahami penjelasan ini. Anda – semoga Allah menunjukki anda – hendaknya mengetahui bahawa perpecahan pada substansi binatang adalah kebenaran, yang tidak lenyap atau mengurang. Inilah yang mengubah unsur-unsur, memegangnya, dan menampakkan untuknya warna-warna dan debungaan yang ajaib. Tidak setiap substansi melarut dengan cara begini, yang merupakan cara untuk perpecahan yang sempurna, kerana itu bertentangan dengan kehidupan. Ia melarut hanya selama (proses pepecahan) sesuai dengannya dan menahannya dari kebakaran oleh api. Sehingga ia tidak keras dan unsur-unsur berubah ke tingkat kelembutan dan kekerasan yang mungkin baginya. Ketika substansi telah mencapai batas perpecahan dan kelembutannya, maka ia pun mencapai suatu kekuatan yang memegang, membenamkan, dan menyerap. Suatu kerja (kimiawi), tes pembenaran yang tidak nampak pertama kali, adalah tidak baik.

"Ketahuilah bahawa watak yang dingin mengeringkan benda-benda dan mengikat kelembapannya. Sedangkan panas menyebabkan kelembapan benda-benda nampak dan mengikat kekeringannya. Saya telah memisahkan sendiri-sendiri panas dan dingin kerana kedua-duanya pasif. Pasiviti (kedua hal yang bertentangan) satu sama lain menciptakan dan melahirkan substansi-substansi. Namun, panas tidak lebih aktif daripada dingin, kerana dingin tidak dapat memindahkan dan menggerakkan benda-benda, sedangkan panas adalah sebab daripada gerakan. Ketika panas yang menyebabkan penciptaan (*kawan*) melemah, ia tidak pernah mencapai

sesuatu. Demikian pula, apabila panas yang mengenai sesuatu sangat kuat, dan tidak ada dingin, panas itu membakar dan menghancurkan benda itu. Berdasarkan alasan inilah, jumlah dingin tertentu diperlukan di dalam kerja (kimiawi) sehingga kekuatan kebalikan-kebalikannya dapat diukur dan boleh ada penjagaan terhadap panas api.

"Para falsafah tidak lebih berhati-hati kepada sesuatu apa pun daripada kepada api yang membakar. Mereka menyuruh para ahli kimia agar menyuci unsur-unsur dan nafas-nafas, melenyapkan kotoran dan kelembapannya, dan membuat tindakan-tindakannya yang berbahaya dan ketidakbersihan dari api. Itulah dasar yang benar dari ajaran dan pengaturannya. Kerja (kimiawi) memulai dengan api dan berakhir dengan api. Dengan demikian, para falsafah berkata: "Hati-hatilah terhadap api yang membakar'. Apa yang mereka maksudkan ialah bahawa seseorang hendaknya menjauhi perbuatan-perbuatan berbahaya kerana api. Kalau tidak, dua bentuk perbuatan berbahaya akan sama-sama terjadi atas substansi dan mempercepat kehancurannya. Demikian pula, sesuatu boleh melenyapkan dan hancur melalui dirinya sendiri, kerana unsur-unsurnya bertentangan satu sama lain, dan padanya terjadi tidakserasian. Maka ia berada di tengah-tengah di antara dua hal[130] dan tak ada yang menguatkan dan menyokongnya, tetapi (perbuatan-perbuatan) berbahaya menguasai dan menghancurkannya.

"Ketahuilah, kaum bijak pernah menyebutkan bahawa roh-roh berulang-ulang kembali ke tubuh-tubuh (atau substansi-substansi). Sehingga, roh-roh lebih serasi dengan tubuh-tubuh dan lebih kuat untuk membunuh api, kerana roh-roh itu berhubungan dengan api di saat kesatuan – yang saya maksud adalah api unsuri. Ia hendaknya anda ketahui.

"Kini kami akan berbicara tentang batu yang memungkinkan kerja (kimiawi), sebagaimana disebutkan para falsafah. Mereka mengemukakan pelbagai pendapat tentangnya. Sebahagian di antaranya menyatakan bahawa batu itu boleh didapati pada binatang-binatang; sebahagian lagi menyatakan, berada di dalam tumbuh-tumbuhan; sebahagian lainnya menunjuk pada mineral-mineral; sedangkan menurut yang lainnya lagi, ada pada segala sesuatu. Kami tidak akan menguji pelbagai dakwaan ini dan terjun ke dalam suatu

---

130 Yakni, kecenderungan sendiri ke arah kerosakan dan perbuatan destruktif daripada api.

perdebatan dengan para-para pengambil kesimpulan itu kerana akan menimbulkan diskusi berpanjangan. Saya telah menyebutkan bahawa kerja (kimiawi) dapat secara potensial dibentuk dengan sesuatu, kerana unsur-unsur terdapat di dalam setiap sesuatu.

"Kami ingin mengetahui daripada apa terjadinya kerja (kimiawi), baik potensial mahupun aktual. Dengan demikian, kami kembali kepada pernyataan al-Harrani bahawa pencelupan terdiri daripada dua bentuk. Yang pertama dapat mempergunakan substansi seperti *saffron* (kunyit), yang dipergunakan untuk mencelup pakaian putih. Kunyit menjadi berubah padanya, menghilang dan membusuk. Pencelupan yang kedua ialah transformasi substansi suatu benda ke dalam substansi atau warna pada lain. Maka pohon-pohonan, misalnya, mengubah tanah ke dalam dirinya sendiri, sehingga tanah berubah menjadi buah-buahan, dan buah-buahan menjadi binatang. Ini hanya terjadi dengan bantuan roh yang hidup dan watak yang aktif (*kiyan*), yang melahirkan substansi-substansi dan mengubah esensi-esensi.

'Apabila keadaannya demikian, saya katakan bahawa kerja (kimiawi) harusnya ada pada binatang atau pada tumbuh-tumbuhan. Buktinya, baik bintang mahupun tumbuh-tumbuhan memerlukan makanan sesuai kudrat dan watak masing-masing supaya tegak dan sempurna.

"Tumbuh-tumbuhan tidak mempunyai kelembutan dan kekuatan yang sama seperti yang dimiliki binatang. Dengan demikian kaum bijak jarang berpaling kepadanya. Binatang adalah tingkat terakhir daripada tiga mutasi. Mineral berubah menjadi tumbuh-tumbuhan, dan tumbuh-tumbuhan berubah menjadi binatang, tetapi binatang tidak dapat berubah menjadi sesuatu pun yang lebih lembut darinya. Tetapi, binatang dapat kembali menjadi keras sekali. Kemudian, hanya binatang yang merupakan sesuatu yang kepadanya roh yang hidup berhubungan. Dan roh adalah sesuatu yang paling lembut di dunia. Ia mencapai binatang dengan sendirinya hanya kerana ia sama dengan binatang. Adapun roh pada tumbuh-tumbuhan adalah mudah, keras dan lembut. Di samping itu, ia tenggelam dan tersembunyi di dalam tumbuh-tumbuhan, kerana kerasnya sendiri dan kerasnya substansi tumbuh-tumbuhan. Ia tidak mampu bergerak kerana kekerasannya dan kekerasan rohnya. Dan roh yang bergerak jauh lebih lembut daripada roh yang tersembunyi. Itu kerana roh yang bergerak menerima makanan, berpindah-

pindah dan bernafas. Sedangkan roh yang tersembunyi hanya menerima makanan. Dibandingkan dengan roh hidup, roh yang tersembunyi mengambil tempat yang lebih baik daripada dibandingkan dengan antara bumi dan air. Demikian pula tumbuh-tumbuhan dibandingkan dengan binatang. Dengan demikian, kerja (kimiawi) pada binatang lebih tinggi, dan lebih mudah. Orang berakal yang mengetahui hal ini harus mencuba metodenya yang mudah. Dia tidak harus melakukan yang dikhuatirkannya sukar.

"Ketahuilah, para bijak membahagi makhluk hidup ke dalam 'ibu-ibu' – unsur-unsur – dan 'pemuda-pemuda' – anak-anak. Hal itu telah dikenal dan mudah dimengerti. Lalu kami bijak membahagikan unsur-unsur dan anak-anak ke dalam yang hidup dan yang mati. Mereka mengandaikan bahawa sesuatu yang bergerak adalah aktif dan hidup, dan bahawa sesuatu yang diam adalah pasif dan mati. Mereka ciptakan pembahagian ini untuk semua hal, untuk substansi-substansi yang cair dan ubat-ubatan dari mineral. Sesuatu yang cair di dalam api, dan terbang, dan menyala, mereka sebut 'hidup'. Sesuatu yang bertentangan dengan sifat-sifat itu, mereka sebut 'mati'. Binatang-binatang dan tumbuh-tumbuhan yang dapat dihuraikan ke dalam empat unsur, mereka sebut hidup. Dan yang tidak, mereka sebut mati.

"Kemudian mereka mencari semua kelompok yang hidup. Di antara hal-hal yang dapat dihurai ke dalam empat komponen yang nampak oleh mata, tidak mereka temukan sesuatu pun yang sesuai untuk kimia. Hal yang sesuai hanya mereka dapatkan pada 'batu' yang ada pada binatang. Mereka mempelajari genusnya. Dan mereka pun mengetahuinya. Mereka mengambilnya, dan mengaturnya. Hasilnya, daripada mereka peroleh kualiti-kualiti yang dikehendaki.

"Kualiti-kualiti serupa dapat diperoleh pada mineral-mineral dan tumbuh-tumbuhan, setelah berbagai-bagai ubat-ubatan (mineral dan tumbuh-tumbuhan) dikumpulkan dan dicampur, dan lalu dipisahkan kembali. Ada tumbuh-tumbuhan, seperti *garamrumput*, yang dapat dihurai ke dalam sebahagian daripada keempat unsur mineral-mineral mengandung substansi-substansi, roh-roh, nafas-nafas yang ketika dicampur dan diatur, melahirkan sesuatu yang dapat berpengaruh. Kami telah mencubanya semua.

"Binatang lebih tinggi. Pengaturannya lebih mudah. Maka seseorang hendaknya mengetahui batu apa yang ada pada binatang, dan bagaimana bisa mendapatkannya.

"Telah kami jelaskan bahawa binatang adalah yang paling tinggi di antara anak-anak. Demikian pula, yang terdiri dari binatang lebih lembut daripada tumbuh-tumbuhan, sebagaimana tumbuh-tumbuhan lebih lembut daripada tanah, kerana tumbuh-tumbuhan dibuat dari esensi yang murni dan substansinya yang lembut. Dengan demikian, tumbuh-tumbuhan harus lembut dan halus. Batu hayawani posisinya sama di antara makhluk binatang sebagaimana tumbuh-tumbuhan di tanah. Pokoknya ini harus dimengerti. Ia hampir tidak tersembunyi dari setiap orang kecuali bagi orang yang sangat tolol dan tak berakal.

"Maka, saya telah memberitahu anda kecairan (*mahiyah*) dan genus (*jins*) batu. Kini saya akan menerangkan kepada anda pelbagai macam pengaturan (*tadbir*). Maka kami akan memberikan anda bahagian daripada maklumat yang lengkap, sebagaimana kami mengambilnya untuk kami sendiri, apabila Allah – puji bagi-Nya – menghendaki.

"Dengan berkat Allah, inilah *tadbir* itu: Ambillah batu mulia. Simpan ia di dalam *kukumbit* dan *elembik*. Pisahkan keempat unsurnya, iaitu air, udara, tanah dan api. Keempatnyalah substansi, roh, jiwa dan celupan. Ketika anda telah memisahkan air daripada tanah, dan udara dari api, simpanlah masing-masingnya pada tempatnya. Ambillah hampas – endapan – pada dasar terbawah tempat itu. Cucilah ia dengan api yang panas, sehingga api memindahkan kehitamannya, dan kekerasannya, dan kekeringannya pun lenyap. Putihkan ia dengna hati-hati dan wapkan sisa-sisa kelembapan yang tersembunyi di dalamnya. Dengan begitu ia akan menjadi air putih, yang tidak ada kegelapannya, kekotoran atau kekacauannya. Kemudian, kembalilah ke unsur-unsur utama yang tersaring darinya. Bersihkan ia, dari kehitaman dan kekacauannya. Cucilah ia berulang-ulang dan haluskan, sampai lembut, halus dan murni. Kalau anda telah melakukannya, Allah akan menjayakan segala usaha anda.

"Lalu, mulailah dengan komposisi yang merupakan pusat kegiatan. Sebagai begitu: Komposisi terjadi hanya melalui pengahwinan dan pembusukan. Pengahwinan (*tazwij*) ialah pencampuran antara yang lembut dan keras. Pembusukan (*ta'fin*) adalah pencaharan dan pembubukan sehingga satu sama lain bercampur dan menjadi satu, tanpa beza dan tiada yang kurang, seperti terjadi pada air. Dalam keadaan ini, komponen-komponen yang keras menguat untuk memegang yang lembut; roh menguat untuk menentang api dan dapat

bertahan terhadapnya, dan jiwa telah menguat untuk menyelamkan dirinya dan masuk ke dalam substansi-substansi.

"Keadaan ini hanya terjadi setelah terjadinya komposisi. Ketika substansi yang larut berpadu dengan roh ia bercampur dengannya pada setiap bahagiannya dan bahagian-bahagian itu saling merasuk, kerana satu dan lainnya sama. Maka campuran yang dihasilkan menjadi satu hal. Kenyataan bahawa roh bercampur dengan tubuh mengharuskan roh dipengaruhi oleh kebaikan, kerosakan, kebakaran dan keterusmenerusan (persistensi), seperti tubuh. Demikian pula, ketika jiwa bercampur dengan substansi dan roh dan merasuknya melalui pelayanan-pelayanan *tadbir* (kimiawi), semua bahagian jiwa bercampur dengan semua bahagian kedua hal yang lain, iaitu, roh dan substansi. Maka, jiwa dan roh serta substansi menjadi satu hal yang tidak mengandung perbezaan, dan berada pada posisi bahagian universal yang unsur-unsurnya utuh dan yang bahagian-bahagiannya satu sama lain serasi.

"Ketika bahan campuran ini bertemu dengan substansi yang cair, dan api secara konstan mengena padanya, dan kelembapan yang ada padanya terbawa ke permukaan, ia melarut pada substansi yang cair itu. Kelembapan menunjukkan kesibukan dan keterpautan api dengan sendirinya. Tetapi ketika api ingin memautkan dirinya sendiri kepadanya, campuran airnya mencegahnya dari bersatu dengan jiwa, kerana api tidak menyatu dengan minyak, sampai ia murni. Demikian pula, air menunjukkan keengganan pada api. Maka, ketika api secara konstan mengena padanya, substansi kering yang bercampur dengan air menjaganya di tengah, dan mencegahnya dari menguap. Dan air adalah sebab bagi kebakaan minyak. Dan minyak adalah sebab bagi persistensi celupan. Dan celupan adalah sebab bagi munculnya warna, dan indikasi keminyakan pada benda-benda gelap yang tak bercahaya dan tak berkehidupan. Inilah substansi yang benar. Dan demikianlah kerja kimiawi. "Telur[131] yang anda tanyakan yang disebut oleh para bijak dengan 'telur'. Inilah yang terfikir di benak ketika mereka berbicara tentang 'telur', dan bukan telur ayam. Hendaknya diketahui bahawa para bijak tidak memberinya nama 'telur' dengan sia-sia. Mereka menyebutnya 'telur', kerana ia dapat diperbandingkan dengan telur (ayam).

---

131 Mengenai "telur" para ahli kimia, semula memaksudkannya sebagai campuran tembaga, timah, besi dan tin, tetapi juga disebut "batu" kimiawi.

Saya bertanya kepada Maslamah tentang hal itu pada suatu hari ketika saya sendirian bersamanya. Saya berkata kepadanya:

"Tuan bijak, katakan kepadaku, mengapa para bijak menyebut binatang campuran dengan 'telur'? Apakah kerana ada sesuatu pada bahagiannya, atau kerana suatu makna tertentu yang mendorong mereka melakukannya?"

Dia menjawab, "Sungguh, terkandung makna yang dalam padanya."

"Saya katakan, "Tuan bijak, manfaat apa yang mereka lihat dan indikasi sehubungan dengan kimia yang mereka dapatkan dengan membandingkannya dengan telur dan menyebutnya telur?"

Ia menjawab, "Kerana telur sama dengan dan berhubungan dengan bahan campuran. Fikirkanlah tentang hal itu, maknanya akan nampak padamu."

Saya tinggal bersamanya, sambil memikirkannya, tetapi tak saya temukan ertinya. Ketika dia melihat saya berusaha berfikir dalam-dalam dan jiwa merasuk ke dalamnya, dia menarik lengan saya, dan menggerakkan saya perlahan dan lalu berkata, "Abu Bakr, itu kerana adanya hubungan antara keduanya yang bertalian dengan kuantiti warna-warna di saat pencampuran dan komposisi unsur-unsur". Ketika dia menyatakannya, kegelapan yang menyelimuti fikiran saya lenyap. Cahaya hati menerangi saya, dan akal saya dapat memahami dengan kuatnya. Saya pun pulang ke rumah sambil bersyukur kepada Allah. Saya bangun sebuah bentuk geometri untuk mengilustrasikannya, yang ternyata membenarkan apa yang dikatakan Maslamah. Saya menuliskannya untuk anda di dalam buku (surat) ini.

"Misalnya: ketika bahan campuran (*al-murakkab*) lengkap dan sempurna, unsur udara di dalamnya, nisbahnya pada unsur udara yang ada di dalam telur, sama dengan nisbah unsur api yang ada dalam bahan campuran pada unsur api yang ada dalam telur. Demikian pula halnya kedua unsur yang lain, tanah dan air. Kini, saya katakan: setiap dua hal yang saling sebanding menurut cara ini adalah serupa satu sama lainnya. Misalnya, andaikanlah bahawa permukaan telur adalah *HWZH*.[132] Bila kita menginginkannya, ambil

132 Di dalam surat kita, EGFH. Permukaan "telur" EGFH dikatakan sama dengan permukaan "batu" AJBD (pada surat kita, ACBD), dan dengan demikian "batu" disebut "telur".

unsur terkecil dari bahan campuran, iaitu unsur kekeringan, dan tambahkan kepadanya jumlah yang sama dari unsur kelembapan. Kita urus (*tadbir*) keduanya, sampai unsur kekeringan menyerap unsur kelembapan dan menguasai kekuatannya. Diskusi ini mengandung suatu tanda rahsia tertentu yang, bagaimanapun, takkan disembunyikan pada anda. Maka kita tambahkan pada keduanya sejumlah roh yang sama, iaitu air. Maka kesemuanya meliputi enam bahagian yang sama. Lalu kita urus semuanya dan tambahkan kepadanya jumlah yang sama dari unsur udara, iaitu jiwa. Dan itu terdiri dari tiga bahagian. Maka seluruhnya terdiri dari sembilan bahagian yang sama kekuatannya dengan kekeringan. Di bawah setiap dua sisi bahan campuran yang wataknya (unsur) meliputi permukaan bahan campuran kita letakkan dua unsur. Awal kedua sisi yang meliputi permukaan bahan campuran itu diandaikan dua sisi dari unsur-unsur air dan udara. Dan keduanya adalah dua sisi AJD. Permukaan itu adalah ABJD. Secara sama, kedua sisi yang meliputi permukaan 'telur' yang merupakan air dan udara adalah dua sisi dari (permukaan) HZWH. Kini, dapat saya katakan: permukaan ABJD adalah sama dengan permukaan HZWH (...) unsur udara yang sebut 'jiwa'.[133] Demikian pula halnya (sisi) BJ dari permukaan bahan campuran. Para bijak tidak pernah menyebut sesuatu dengan nama apa pun, kecuali kalau yang pertama dapat dibandingkan dengan yang lain.

"Kata-kata yang anda minta penjelasannya dari saya ialah 'tanah suci'[134] – ini bererti kombinasi unsur-unsur yang tertinggi dan terendah 'tembaga', iaitu substansi kehitaman dari yang telah dipindahkan dan yang telah dipotong-potong sampai menjadi sebuah atom, dan diwarnai merah dengan *kopperas*, hingga ia menjadi tembaga. *'Maghnisinya*[135] adalah batu (milik para ahli kimia) tempat roh-roh dibekukan dan dikeluarkan oleh watak tertinggi di mana roh-roh terpenjara, untuk memerangi api dan menjaga roh-roh itu dari api. *'Furfurah'* (merah lembayung) adalah merah tua yang dibuat oleh alam (*kiyan*).'Batu hitam' adalah batu yang mempunyai tiga kekuatan dari individualiti-individualiti yang berbeza-

---

133 Atau "nafas?"

134 "Tanah suci" di sini dipergunakan untuk istilah khusus dalam kimia, terutama sebagai nama bagi merkuri.

135 "Magnesia", istilah para ahli kimia untuk semacam campuran yang sukar dibatasi.

beza, namun satu sama lainnya sama dalam bentuk dan genusnya. Satu di antaranya adalah spiritual, menyala, dan jernih. Inilah kekuatan yang aktif. Yang kedua adalah fizik. Ia bergerak dan mempunyai persepsi inderawi. Namun, ia lebih keras daripada kekuatan yang pertama. Pusatnya berada di bawah pusat kekuatan yang pertama. Kekuatan yang ketiga adalah kekuatan yang bersifat bumi. Ia zat padat dan zat yang menciutkan. Ia berbalik ke arah pusat bumi kerana gravitinya. Ia adalah kekuatan yang memegang kekuatan-kekuatan spiritual dan fizik bersama-sama, dan menguasainya.

"Kata-kata yang masih tertinggal adalah inovasi-inovasi yang dibuat untuk mengelabui orang-orang bodoh. Orang yang mengetahui premis-premis (dasar) dapat lepas dari segalanya.

"Inilah semua yang anda tanyakan kepada saya. Saya telah menerangkannya kepada anda di dalam surat ini. Kami harap, dengan pertolongan Allah, anda mencapai kehendak anda.

"Wassalam."

Di sini berakhirlah pembicaraan Ibn Bisyrun, seorang murid Maslamah al-Majrithi yang berwibawa, tokoh terkemuka ilmu-ilmu kimia, huruf sihir, dan sihir di Andalusia, pada abad ke-3 (ke-9 Masihi) dan sesudahnya.

Dan anda saksikan bagaimana semua ungkapan yang dipergunakan oleh para ahli kimia mengarah kepada tanda-tanda rahsia dan teka-teki, yang hampir tidak jelas dan tak dimengerti. Ini bukti bahawa kimia bukan keahlian alami.]

Kebenaran dalam hubungannya dengan kimia, yang dipercayai dan yang disokong oleh fakta yang nyata, ialah bahawa kimia adalah salah satu cara di mana jiwa spiritual melakukan pengaruhnya aktif di alam benda. Ia mungkin termasuk di antara *karamah,* perlakuan jiwa Ilahi yang baik sekiranya jiwa itu baik. Atau, ia termasuk sihir kalau jiwanya buruk dan jahat. Adalah suatu yang jelas bahawa (kimia boleh berlaku) sebagai suatu *karamah* ilahi. Ia boleh jadi sihir, jadi tukang sihir, sebagaimana telah ditetapkan pada tempatnya, boleh mengubah identiti materi melalui kekuatan sihirnya.[136]

Ada yang mengira bahawa seorang tukang sihir harus mempergunakan substansi untuk aktivitis sihirnya. Maka, bina

---

136 Lihat fasal 29, di Bab ini, "Ilmu sihir dan Talismanik".

tang-binatang tertentu dapat diciptakan dari substansi tanah, rambut, dan tumbuh-tumbuhan, atau secara umum, dari substansi lain dari yang mereka miliki. Cara ini misalnya, dilakukan oleh tukang-tukang sihir Firaun dengan memakai tali dan tongkatnya. Juga dilaporkan, tentang tukang-tukang sihir Negro dan India serta para tukang sihir-sihir Turki, yang menyihir udara untuk mendatangkan hujan dan semacamnya.

Oleh sebab, kimia itu untuk membuat emas dengan substansi yang lain daripada substansi emas, ini pun satu bentuk sihir. Orang-orang bijaksana yang membicarakan masalah ini, seperti Jabir, Maslamah, dan para pendahulunya yang bukan Muslim, mengikuti cara ini. Dengan demikian, mereka menggunakan pelbagai ungakapan yang berbelit-belit. Mereka ingin mempertahankan kegiatan kimia daripada penolakan syariat terhadap pelbagai sihir. Ia bukanlah disebabkan mereka keberatan menyampaikannya kepada pihak lain, sebagaimana dianggap oleh orang-orang yang tidak menyiasatnya secara mendalam.

[*Untuk membandingkan fakta-fakta buku kimia Maslamah *Rutbat al-Hakim*, dan bukunya tentang sihir dan talismanik, *Ghayat al-Hakim*. Dia ingin menunjukkan bahawa bidang permasalahan *Ghayah* sangat luas, sedangkan pokok persoalan *Rutbah* terbatas. Ini kerana "tujuan *final*" *Ghayah* lebih tinggi (tingkatannya dalam penyelidikan) daripada *Rutbah* "tingkat". Permasalahan *Rutbah*. Terpisah dari masalah *Ghayah*. Diskusi (*Maslamah*) mengenai kedua disiplin ilmu ini menjelaskan apa yang telah kami katakan.

Kelak kami akan menerangkan tentang asumsi orang bahawa perolehan kimia merupakan hasil dari keahlian alami sebagai suatu yang keliru.

Allah maha tahu, maha sempurna pengetahuan-Nya]

32 Sangkalan terhadap falsafah. Kecemaran terhadap para pelajar yang mempelajari falsafah

Fasal ini dan dua sokongan yang berikutnya adalah penting. Ilmu-ilmu mengenai falsafah astrologi, dan kimia berlaku dalam peradaban. Ianya berkembang pesat di kota-kota. Ancaman terhadap agama adalah nyata. Dengan demikian adalah wajar kita

memperjelaskan mengenai ilmu-ilmu dan mendedahkan sikap sebenar yang menyentuhnya.

Terdapat golongan makhluk berakal daripada rumpun manusia yang berpendapat bahawa esensi dan keadaan-keadaan tentang keseluruhan eksistensi, bahagiannya yang sama-sama dapat dirasa oleh indera dan yang selanjutnya daripada persepsi sensual termasuk juga alasan-alasan dan sebab-sebabnya dapat esensi dan keadaan yang ditanggapi oleh spekulasi mental dan pemikiran intelektual. Orang-orang yang berpendapat bahawa akidah-akidah keimanan dapat dimantapkan melalui spekulasi intelektual dan tidak melalui pernyataan tradisi (hadis), sebab *aqaid* itu adalah termasuk di antara persepsi intelektual, *aql.* Mereka disebut ahli falsafah (*falasifah,* jamak *faylasur* yang berasal daripada bahasa Yunani dan bererti 'pencinta kebenaran'.

Mereka membuat penyelidikan mengenai masalah persepsi. Dengan semangat yang tinggi, mereka berusaha untuk mencari apakah tujuannya. Mereka menetapkan suatu norma yang memungkinkan akal mampu antara yang benar dan yang salah, yang mereka sebut 'logika'. Inti daripadanya ialah bahawa spekulasi mental (akal) memungkinkan suatu perbezaan antara yang benar dengan yang salah, menumpukan idea-idea yang dikutip daripada *existentia individual.* Daripada *existentia individual* ini seseorang pertamanya mengutip gambar-gambar yang sesuai terhadap kesemua (manifestasi-manifestasi *existentia*) yang perseorangan sepertimana sebuah mohor yang sesuai untuk semua ukiran yang diperbuat daripada tanah atau lilin. Kutipan yang dapat diambil daripada *sensibilia* disebut *intelligibilia* atau (*ma'qulat awail*). Idea-idea sejagat ini boleh digabungkan dengan idea-idea yang lain daripadanya, ia dibezakan dalam fikiran. Lalu, idea-idea lain, yakni yang telah digabungkan dan memiliki idea-idea yang sama dengan 'Primary *intelligibilia,* dikutip daripadanya. Kemudian, sekiranya masih ada idea-idea lain lagi yang digabungkan dengannya, kutipan atau abstraction kedua dan ketiga dilakukan sehingga proses kutipan itu sampai pada idea-idea universal yang sesuai dengan semua idea dan individu (manifestasi *existentia*). Tidak ada abstraksi lainnya yang boleh dibuat. Ia adalah genera yang paling tinggi. Semua idea abstrak yang tidak diperoleh dari *sensibilia* berguna sekiranya digabungkan sesama yang lainnya, untuk memperoleh ilmu-ilmu pengetahuan. Ia disebut *intelligibilia* sekunder.

Melalui kemampuannya untuk berfikir, manusia mempelajari *intelligibilia* abstrak dan melaluinya memperhatikan yang ada (*wujud*) sebagaimana adanya. Untuk keperluan ini, fikiran harus menggabungkan sebahagian daripada *intelligibilia* abstrak dengan sebahagian yang lain atau memisahkan sebahagian dengan yang lain dengan bantuan pembicaraan rasional yang tidak berdolak-dalik. Ini dapat memberi (fikiran) sebutan yang tepat dan persepsi yang selesa mengenai kewujudan, sekiranya (proses) itu berlaku menurut norma-norma yang diterima, sebagaimana dinyatakan terdahulu.

Gabungan *intelligibilia* abstrak dan keputusan yang menyangkutnya itu disebut apersepsi. Pada akhirnya, ahli-ahli falsafah mendahulukan apersepsi daripada persepsi, tetapi pada mula dan selama proses pengajaran mereka mengutamakan persepsi daripada apersepsi. Sebabnya mereka berpendapat bahawa persepsi adalah matlamat puncak pencarian demi memahami dan bahawa apersepsi hanyalah suatu cara untuk melakukan pencarian itu. Dalam buku-buku sarjana-sarjana logik, seseorang akan mendapatkan suatu kenyataan yang menunjukkan persepsi didahulukan dan bahawa apersepsi adalah tergantung kepadanya. Kenyataan ini harus dimengertikan dalam erti mencari kesedaran dan bukan dalam erti memperoleh pengetahuan yang sempurna. Inilah pendapat Aristotles, seorang tokoh terkemuka di kalangan mereka.

Kemudian ahli-ahli falsafah berpendapat bahawa kebahagiaan adalah terletak pada kesampaian persepsi tentang segala sesuatu yang wujud, (*maujudat*) baik yang *sensibilia* mahupun yang berada pada selanjutnya persepsi sensual dengan bantuan pemikiran dan pembicaraan rasional.[137] Hasil daripada seluruh persepsi mereka tentang *wujudan* dan hasil di mana persepsi itu akan sampai yakni kesimpulan-kesimpulan terinci daripada keputusan-keputusan spekulatif mereka, adalah sebagaimana berikutnya. Pertama, mereka membuat kesimpulan daripada penelitian dan persepsi sensual bahawa terdapatnya substansi yang rendah. Kemudian, persepsi mereka meningkat sedikit. Dengan adanya gerakan dan persepsi sensual pada jenis haiwan membuatkan mereka menyedari wujudnya jiwa. Kemudian, kekuatan-kekuatan jiwa akan membuat

---

137 Inilah kebahagiaan intelektual atau keutamaan intelektual, yang oleh Plato dan Aristotles dinyatakan sebagai tujuan – tertinggi dalam hidup manusia. Ahli-ahli falsafah Islam banyak mengikuti pendapat ini.

mereka menyedari posisi akal yang dominan. Di sini, persepsi mereka berhenti. Mereka membuat kesimpulan-kesimpulan mengenai benda langit yang tinggi dengan cara yang sama seperti mereka menarik kesimpulan-kesimpulan sehubungan dengan esensi manusia. Mereka pun menyatakan bahawa tidak boleh tidak alam falak mesti mempunyai suatu jiwa dan akal, sebagaimana yang dipunyai oleh manusia. Lalu, mereka mengakhiri itu pada puncak angka-angka kesatuan-kesatuan, iaitu sepuluh – sembilan esensi-esensinya adalah jumlah-jumlah yang terputus, dan satu adalah pertama tersendiri, yang kesepuluh.[138]

Mereka mengandaikan bahawa kebahagiaan meliputi di dalam persepsi terhadap *wujud* dengan bantuan kesimpulan-kesimpulan berikut sekiranya pada waktu yang sama, persepsi tersebut itu digabungkan dengan pembaikan jiwa dan penerimaan jiwa akan watak-watak yang mulia. Meskipun syariat agama tidak pernah diturunkan (untuk membantu manusia dalam membezakan antara yang mulia dan yang hina), apa yang mungkin dilakukan oleh manusia kerana dia berupaya membezakan antara yang hina dan yang mulia tindak-tanduknya melalui (kemampuan akalnya) untuk berfikir, kecenderungannya yang semula jadi terhadap tindakan-tindakan yang terpuji, kecenderungan semula jadinya untuk tidak melakukan sesuatu yang buruk. Mereka mengandaikan apabila jiwa telah menjadi mulia, dia akan memperoleh kegembiraan dan kesenangan, dan ketidaktahuan akan kualiti-kualiti moral bererti seksaan batin. Ini menurut pandangan mereka, erti pahala dan seksa di akhirat. Mereka melanjutkan pendapat itu dan melalui kata-kata yang digunakan dan memperlihatkan kebodohan mereka sejauh mana perincian-perincian itu dititikberatkan.

Tokoh yang memainkan peranannya mengenai doktrin ini, orang yang mengemukakan permasalahan-permasalahan yang ada hubungan dengan mereka, menulis buku-buku tentang itu sebagai suatu ilmu yang sistematis serta yang telah mencatatkan hujahan-hujahan menyokong mereka sebagaimana telah kita ketahui, adalah Aristotles dari Mekedonia di Negeri Rom. Dia murid Plato dan guru Iskandar yang Agung. Dia digelar 'Guru yang

138 Demikian terjemahan daripada teks Arab yang terdapat dalam semua naskhah yang ada. Dan Dr. Wafi, seorang pengamat Ibn Khaldun menyatakan kalimat ini tidak jelas maksudnya.

Pertama', tanpa syarat-syarat selanjutnya. Maksudnya 'guru logika' sebab sebelum Aristotles logika masih belum diperbaiki. Dialah orang pertama yang menyusun secara sistematis norma-norma logik dan menguruskan masalah-masalahnya dan memberikan pemecahannya yang baik dan luas. Tentu dia akan pada hakikatnya, telah melakukan dengan baik sekali terhadap norma logik apabila itu hanya akan membebaskannya daripada tanggungjawab kecenderungan-kecenderungan falsafah yang metafizika, *ilihiyyat*.

Selanjutnya, dalam Islam, terdapat juga orang-orang yang menerima doktrin itu dan mengikuti pendapat Aristotles dalam hubungan dengan mereka secara hampir kecuali beberapa hal saja. Ini berlangsung sebagai berikut. Khalifah-khalifah Bani Abbas telah menerjemahkan karya-karya para ahli falsafah kuno dari bahasa Yunani (Greek) ke dalam bahasa Arab. Beberapa orang Islam mentelaahnya secara kritis. Sarjana-sarjana yang telah disesatkan oleh Allah s.w.t. telah menyerap doktrin-doktrin itu dan mempertahankannya di dalam perdebatan-perdebatan. Mereka cuma berbeza pendapat dalam beberapa hal yang terperinci. Di antara mereka yang paling terkenal adalah Abu Nashr al-Farabi (ahli falsafah Islam) pada abad ke-4 (ke-10) pada masa pemerintahan Saif ad-Daulah, dan Abu Ali Ibn Sina (Avicenna) pada abad ke-5 (ke-11) pada masa pemerintahan Nazamur Mulk dari Bani Buwaihi di Ishfahan dan lain-lainnya.

Suatu yang harus diketahui bahawa pendapat yang dikemukakan oleh ahli-ahli falsafah adalah salah dalam semua aspeknya. Mereka merujuk semua *existentia* (*maujudat*) kepada akal yang pertama dan berasa puas dengan (teori akal yang pertama) dalam perjalanan menuju Yang Wajib (Allah). Ini bererti mereka telah menolak semua tingkat penciptaan Tuhan yang berada lebih jauh lagi daripada (akal yang pertama). Wujud, bagaimanapun, dalam begitu luas untuk diterangkan melalui suatu pandangan yang begitu sempit.

"Dan Dia menciptakan apa-apa yang tidak engkau ketahui."

Ahli-ahli falsafah yang membatasi diri pada penegasan akal dan mengabaikan sesuatu yang berada pada selanjutnya adalah dalam satu seginya dapat dibandingkan dengan ahli-ahli fizik yang membatas diri dalam menegaskan tubuh dan menolak untuk mengakui adanya jiwa dan akal dalam kepercayaan bahawa tidak

ada apa-apa selanjutnya di dalam tubuh dalam hikmah Allah berhubung dengan dunia *wujud.*

Adapun argumen-argumen yang dikemukakan ahli falsafah untuk dakwaan-dakwaan mereka mengenai *existentia* (*maujudat*), dan yang mereka ajukan kepada ujian tentang norma-norma logik adalah tidak cukup untuk tujuan itu.

Hujahan-hujahan mengenai *existentia* jasmaniah adalah meliputi apa yang mereka sebut sebagai ilmu fizik. Kekurangan itu terletak pada fakta bahawa kesesuaian antara hasil-hasil pemikiran sebagaimana mereka andaikan adalah dihasilkan oleh norma-norma rasional dan pemikiran dan dunia luar, adalah tidak berdolak-dalik. Kesemua keputusan-keputusan fikiran adalah bersifat umum, sedangkan *existentia* dunia luar yang mana adalah individual dalam substansi-substansinya. Mungkin ada sesuatu hal pada substansi-substansinya yang menghalangi persesuaian antara keputusan-keputusan universal daripada fikiran dan substansi-substansi individual dari dunia luar. Dalam apa kadarnya, sungguhpun walau apa pun (kesesuaian) adalah dibuktikan oleh persepsi sensual memiliki buktinya pada fakta yang terlihatkan. Ia tidak mempunyai bukti-buktinya dalam hujahan-hujahan logikal. Di mana, kemudiannya adalah watak yang tidak berdolak-dalik yang dapat dicari hujahan-hujahannya.

Fikiran juga selalunya diterapkan kepada *intelligibilia* utama yang sesuai dengan (existentia) individual, dengan bantuan gambar-gambar imaginasi, tetapi tidak kepada *intelligibilia sekundar*, yang merupakan penyarian pada tingkatan kedua. Dalam hal ini, keputusan menjadi tidak berdolak-dalik, yang dapat dibandingkan keputusan mengenai *sensibilia*, sebab *intelligibilia* utama begitu cenderung untuk sesuai dengan dunia luar, kerana ia sesuai secara sempurna (menurut definisi pada manifestasi individual daripada *existentia*). Dengan demikian dalam hal ini, seseorang itu menyetujui dakwaan-dakwaan (ahli-ahli falsafah) mengenai hal itu. Namun, kita harus mengekang diri daripada mempelajari perkara-perkara itu, sebab pengekangan diri adalah termasuk (sebahagian kewajipan) seseorang Islam untuk tidak melakukan segala apa yang tidak ada kena mengena dengannya[139] masalah-masalah fizik adalah tidaklah penting kepada kita dalam

139 Menunjuk pada atsar yang masyhur: "Termasuk kebaikan Islam seseorang adalah (sikap) meninggalkan apa-apa yang tidak berguna".

hal-ehwal agama kita atau penghidupan kita. Dengan demikian kita harus tidak mengambil perhatian terhadapnya.

Penghujahan-penghujahan mengenai *existentia melampaui persepsi spritualia* – adalah meliputi apa yang disebut oleh ahli falsafah sebagai 'ilmu ilahi' atau ilmu metafizik. Esensi (*spiritualianya*) adalah sama sekali tidak diketahui. Seseorang tidak berupaya mendapatkannya tidak juga membuktikannya melalui hujahan-hujahan logis, sebab abstraksi atau penyarian *intelligibila* daripada *existentia* individu dari dunia luar hanya mungkin mengenai sesuatu perkara yang dapat kita tanggapi melalui indera dari mana unsur-unsur universalnya dapat dicapai. Kita tidak dapat menanggapi esensi-esensi spiritual dan selanjutnya menyarikan *quidities*nya daripadanya, sebab indera meliputi batas antara kita dengannya. Kita memiliki dengan demikian tidak hujahan-hujahan daripadanya, dan kita tidak menemukan cara apa pun untuk menegaskan eksistensinya. Apa yang kedapatan pada kita (dalam hubungan ini). Keadaan-keadaan di mana persepsi jiwa manusia berlaku dan khususnya di dalam bayangan-bayangan mimpi yang ada di dalam pengalaman intuitif bagi setiap orang. Tetapi selanjutnya, apa yang terlindung realiti dan sifat-sifat (*spritualia*) merupakan soal yang terlindung dan tidak ada jalan untuk mempelajarinya. Ahli-ahli falsafah yang berkeupayaan telah menyatakan demikian. Mereka telah menyatakan pendapat bahawa apa yang *immaterial* tidak mungkin dapat dibuktikan melalui hujahan-hujahan logis, sebab ia merupakan suatu keadaan hujahan-hujahan logis yang premisnya mestilah bersifat esensial. Plato, tokoh falsafah terkemuka telah menyatakan bahawa tidak adanya kepastian yang dapat diperoleh berkenaan Tuhan. Dan seseorang itu boleh menyatakan tentang Tuhan hanya melalui apa yang sesuai dan padan – iaitu dugaan, (*dzann*). Sekiranya, setelah segala penat lelah dan kesukaran kita hanya mendapatkan dugaan semata, maka dugaan yang telah kita tempuhi pada permulaannya adalah memadai bagi kita. Apa gunanya, selanjutnya ilmu-ilmu ini dan usaha terhadapnya yang ada? Apa yang kita mahu dengan pasti mengenai *existentia* yang berada di luar jangkauan persepsi sensual, sedangkan, dalam falsafah mereka, dugaan-dugaan itu adalah had pencapaian pemikiran manusia yang dapat dicapai oleh manusia.

Ahli-ahli falsafah menyatakan bahawa kebahagiaan itu meliputi usaha menganggapi eksistensi (*maujudat*) sebagaimana

adanya, dengan cara hujahan-hujahan logis. Ini adalah pernyataan yang curang dan harus ditolak. Persoalannya adalah sebagai berikut. Manusia itu terdiri daripada dua bahagian. Satu daripadanya jasmani adalah yang satu lagi ialah rohaniah, dan bercampur dengan yang terdahulu. Setiap satu daripada bahagian ini memiliki persepsinya sendiri-sendiri walaupun bahagian yang menganggap adalah satu dalam kedua-dua hal, yakni satu bahagian spritual. Pada sesuatu masa, dia menganggapi persepsi-persepsi spiritual. Pada masa yang lainnya, dia menanggapi persepsi-persepsi jasmani sungguhpun begitu dia menanggapi persepsi spiritual melalui esensinya sendiri tanpa mempergunakan perantara sementara ia menanggapi persepsi-persepsi jasmaniah melalui perantaraan alat tubuh, seperti otak dan pancaindera.

Sekarang, sesiapa yang ada tanggapan akan merasa sangat gembira apabila dia membuat tanggapan-tanggapan sebagai contohnya seseorang anak yang memiliki pertama kalinya persepsi jasmaniah seperti kebanyakan persepsi jasmaniah yang melalui perantara akan berasa amat gembira melihat cahaya yang dilihatnya dan suara yang didengarinya. Maka, tidaklah dapat diragukan lagi bahawa jika itu akan mendapati kegembiraan amat sangat dan keseronokan yang ditimbulkan daripada persepsi yang langsung daripada esensinya yang langsung sendiri. Apabila jiwa seseorang menjadi sedar tentang persepsi datang daripada esensinya tanpa apa-apa perantara dia menikmati kegembiraan dan keseronokan. Tanggapan sedemikian tidaklah diperoleh melalui suatu spekulasi (pemikiran) dan ilmu pengetahuan. Ia hanya dapat diperolehi dengan menghilangkan tirai persepsi sensual dan dengan melupakan sama sekali persepsi-persepsi jasmaniah. Ahli-ahli tasawuf lebih menitikberatkan untuk mendapatkan kegembiraan yang amat sangat melalui mendapatkan jiwa itu mencapai tanggapan jenis itu. Mereka berusaha untuk mematikan seluruh kekuatan jasmaniah dan persepsi melalui latihan rohaniah *riyadhah*; dan masalah melalui kemampuan berfikir melalui akal melalui cara ini. Jiwa itu dapat mencapai persepsi yang datang kepadanya daripada esensinya sendiri; apabila seluruh gangguan-gangguan dan rintangan-rintangan yang disebabkan oleh tubuh dapat dihilangkan. Maka ahli-ahli sufi akan mengalami kebahagiaan dan kegembiraan yang sukar hendak digambarkan. Inilah sebagaimana yang difahami oleh para falsafah, adalah andaian yang benar, dan harus dipatuhi; padahal

ia tidak mengambil kira idea yang mereka ada di dalam fikiran.

Kenyataan mereka bahawa hujahan-hujahan logis dan dalil-dalil yang dihasilkan oleh persepsi ini dan kegembiraan yang diperolehi adalah jelasnya palsu sebagaimana yang dapat dilihat. Hujahan-hujahan logis dan bukti-bukti dalam kategori persepsi jasmaniah, sebab ianya dihasilkan oleh kekuatan akal yakni daya khayal, pemikiran, dan ingatan. Yang pertama kita titikberatkan dalam usaha mendapatkan persepsi jenis ini adalah dengan mematikan semua kekuatan otak, sebab ia menolak terhadap persepsi itu dan berusaha menyangkakannya. Seseorang akan mendapati ahli-ahli falsafah dengan tekun mentelaah *Kitab asy-Syifa', al-Isyarat, an-Najah* (karya-karya Ibn Sina) dan ringkasan-ringkasan Ibn Rusyd terhadap 'Teks' (*Organon*) dan karya-karya lainnya oleh Aristotles. Mereka sibuk membolak-balikkan halamannya. Mereka tetap dengan hujahan-hujahan yang mereka ada dan berusaha mencari bahagian kebahagiaan itu (yang dipercayai terkandung di dalamnya) mereka tidak menyedari bahawa dengan cara ini mereka hanya menambahkan rintangan-rintangan dalam usaha mencapai kebahagiaan.

Mereka meletakkan diri pada dasar yang dibuat oleh Aristotles, al-Farabi, dan Ibn Sina yang menyatakan bahawa siapa memperoleh persepsi akal aktif dan telah bersatu dengan hidupnya di dunia ini telah memperolehi bahagian kebahagiaan mereka. Bagi mereka, akal aktif bererti yang pertama (yang tertinggi) dari tingkatan *spiritualita* dari mana (tabir) persepsi sensual dapat disingkapkan. Mereka mengandaikan bersatunya akal aktif untuk menjadi persepsi ilmiah. Seseorang telah dapat melihat bahawa ianya adalah silap. Apabila Aristotles dan pengikut-pengikutnya berbicara mengenai kesatuan dan persepsi dalam hal ini, mereka bermaksud persepsi jiwa yang datang kepadanya dari esensinya sendiri dan tanpa adanya perantara, tetapi kesemuanya diperoleh dengan tersingkapnya tabir persepsi sensual.

Tambahannya, (ahli-ahli falsafah) menerangkan tentang kegembiraan yang berasal dalam persepsi jenis ini adalah serupa dengan kegembiraan yang telah dijanjikan di dunia yang akan datang juga, adalah silap. Apa yang telah ditetapkan oleh ahli-ahli falsafah, apa yang jelas kepada kita bahawa melampaui persepsi sensual terdapatnya hal lain yang ditanggapi oleh jiwa tanpa perantara. Ini menimbulkan kegembiraan yang besar kepada jiwa,

tetapi, kami tidak terfikir ini menjadikan suatu kepastian bahawa ia adalah serupa dengan kebahagiaan di dunia lainnya (ukhrawi), meskipun ia harus suatu kegembiraan yang meliputi kebahagiaan-kebahagiaan itu.

Keterangan mereka bahawa kebahagiaan ini terdiri daripada pemahaman *existentia* sebagaimana adanya, adalah salah. Ia telah didasarkan oleh andaian yang silap sebab, seperti telah diterangkan sebelum ini dalam hubungannya dengan prinsip *tauhid*, bahawa sesiapa yang ada tanggapan meliputi (seluruhnya) kewujudan dalam persepsinya. Kita telah menerangkan bahawa (andaian) itu adalah silap dan bahawa kewujudan adalah terlalu luas untuk diliputi seluruhnya sama ada secara spiritual atau jasmaniah.

Seluruh perkiraan mengenai doktrin (falsafah) yang telah kami paparkan di sini ialah bahawa bahagian spritual manusia apabila terpisah daripada kekuatan-kekautan jasmaniah mempunyai suatu persepsi essensial yang termasuk ke dalam persepsi khusus, iaitu, *existentia* (maujudat) yang meliputi pengetahuan kita. Ia tidak memiliki persepsi umum daripada kesemua *existentia*, sebab ia tidak meliputi di dalam keseluruhannya. Ia menikmati persepsi jenis itu, persis sepertimana seorang kanak-kanak yang berasakan gembira dengan persepsi-persepsi sensualnya ketika ia mula membesar. Maka, tidak seorang harus mengingatkan kita bahawa ada kemungkinan untuk menganggapi kesemua *existentia* atau untuk mendapatkan kebahagiaan yang telah dijanjikan Muhammad kepada kita, sekiranya kita tidak berusaha untuk mendapatkannya.

> "Jauh, jauh sekali dari kebenaran apa yang dijanjikan kepada kamu itu."

Selanjutnya para falsafah menyatakan bahawa manusia, dengan sendirinya berupaya memperhalus dan memperbaiki jiwanya dengan menyerap nilai-nilai sifat yang terpuji dan menghindari perkara-perkara yang tercela. Hal ini ada hubungannya dengan andaian bahawa kegembiraan besar yang dimiliki jiwa melalui persepsi yang datang dari esensinya sendiri adalah serupa dengan kebahagiaan yang 'dijanjikan'. Perbuatan tercela telah memberikan kebiasaan-kebiasaan jasmaniah dan perwarnaan akibatnya. Maka, ia merintanginya dalam realisasi persepsinya.

Nah, kami telah menerangkan bahawa kebahagiaan dan

kesengsaraan adalah terdapat jauh di hadapan persepsi-persepsi jasmaniah dan spiritual. Pembaikan jiwa yang telah diketahui oleh ahli-ahli falsafah telah diketahui berguna hanya pada kegembiraan yang timbul, yang berasal dari persepsi spritual yang berlaku sesuai dengan norma-norma rasional dan mapan. Namun kebahagiaan jauh di hadapan (keseronokan) yang telah Muhammad janjikan sekiranya kita bertindak melakukan dan bertingkah laku sebagaimana yang telah diperintahkan kepada kita, adalah sesuatu yang tidak mampu diliputi oleh persepsi-persepsi sesiapa pun.

Tokoh falsafah yang disegani Abu Ali Ibn Sina telah menyedari hal ini. Dia telah menyatakan dirinya sendiri dalam pengertian berikut di dalam *Kitab al-Mabda' wal-l-Ma'ad:*

> "Kebangkitan (Ma'ad) spiritual dan ehwalnya merupakan sesuatu yang dapat kita ketahui melalui hujahan-hujahan rasional dan pemikiran, sebab ia berlangsung dalam keselamatan semula jadi alami dan cara yang seragam. Maka, kita boleh menggunakan hujahan-hujahan logis untuknya. Tetapi kebangkitan (Ma'ad) jasmaniah dan ehwalnya tidak dapat ditanggapi dengan hujahan-hujahan logis, kerana ia tidak berlangsung dalam cara yang seragam. Ia telah diterangkan kepada kita oleh syariat agama yang dibawa oleh Muhammad yang benar. Dengan demikian undang-undang syariat harus dianggap dan ditanyai sehubungan dengan hal-ehwal tersebut."

Maka, ilmu logik ini, sebagaimana dapat kita lihat, tidaklah memadai untuk tujuan-tujuan yang telah dihajati oleh ahli-ahli falsafah. Lebih-lebih lagi, logik mengandung hal-hal yang bertentangan dengan syariat serta pengertiannya yang jelas. Sejauh yang kita ketahui, ilmu ini memiliki hanya satu kelebihan, yakni mempertajam akal di dalam cara memberikan bukti-bukti dan hujahan-hujahan dengan tertib agar tercapai kebiasaan berhujah dengan cemerlang dan betul. Sebabnya ialah proses teratur dan padu serta metode yang tepat mengenai pemikiran sebagaimana yang ahli-ahli falsafah telah nyatakan kesemuanya di dalam ilmu logik. Mereka menggunakan agak nyata di dalam ilmu fizik dan matematik, dan juga dalam ilmu yang datang sesudahnya (metafizika). Oleh sebab hujahan-hujahan logis sering digunakan di dalam ilmu-ilmu tersebut dalam cara ianya harus dilakukan para pelajarnya berupaya menguasai kebiasaan yang tepat dan berhujah

dengan betul serta membuat kesimpulan. Meskipun ilmu-ilmu itu adalah tidak memadai untuk mendapatkan hasrat para falsafah, ia mencakupi norma yang paling berkesan daripada spekulasi falsafah yang kita maklumi.

Segala apa adalah buah logik. Ia juga mengupayakan kebiasaan terhadap doktrin-doktrin dan pendapat-pendapat para cendekiawan. Seseorang itu dapat mengetahui bahaya yang boleh dilakukan. Dengan demikian, seseorang yang mempelajari logik haruslah dapat menyedari adanya 'telunjuk lurus, kelingking berkait' sedapat mungkinnya. Sesiapa juga yang mempelajarinya harus melakukannya setelah dia benar-benar memahami undang-undang syariat (*syari'yyat*) dan telah mengkaji tafsir al-Quran dan fikah. Orang yang tidak memiliki ilmu-ilmu agama yang mantap jangan sekali-kali menerjuni dirinya ke dalamnya. Tanpa pengetahuan itu, dia tidak mungkin selamat daripada kemungkinan-kemungkinannya yang buruk.

> Allah pemberi taufik bagi yang baik, yang benar, dan Dialah yang memberi petunjuk kepadanya.
>
> "Tidaklah kami mendapatkan petunjuk seandainya Allah tidak memberi kita petunjuk".[140]

33 Penyangkalan terhadap astrologi. Kelemahan pada pencapaiannya. Kemudaratan yang ada pada matlamatnya

Para ahli nujum beranggapan bahawa astrologi, dengan pengetahuan yang diberikannya tentang kekuatan-kekuatan astral, baik sendiri-sendiri ataupun dalam gabungannya, serta pengetahuan tentang pengaruh-pengaruh astral terhadap elemen-elemen ciptaan, memungkinkan mereka untuk mengetahui hal-hal yang akan berlaku di dunia elemen-elemen sebelum ia diciptakan. Kedudukan-kedudukan falak (lingkaran edar) dan bintang-bintang dengan demikian (diambil untuk memberi petanda) akan terjadinya setiap macam peristiwa di masa akan datang, universal dan individual.

Ahli-ahli nujum, pada zaman dahulu adalah berpendapat bahawa pengetahuan tentang kekuatan-kekuatan astral dan pengaruhnya diperolehi melalui pengalaman. Ia adalah sesuatu walaupun seluruh nyawa manusia itu disatukan tidak akan mampu

---

140 Al-Quran surah al-A'raf ayat 43.

untuk memperolehnya; sebab pengalaman adalah diperolehi melalui pengulangan-pengulangan dalam jumlah yang banyak supaya diperoleh pengetahuan empiris atau dugaan yang mungkin. Revolusi-revolusi astral ada yang berlangsung begitu lama sekali. Pengulangannya memerlukan waktu yang amat panjang. Meskipun seluruh usia manusia dikumpulan ia tetap terlalu pendek untuk memerhatikannya.

Sebahagian ahli nujum yang singkat akal fikiran telah mengemukakan pandangannya bahawa pengetahuan tentang kekuatan-kekuatan astral dan pengaruhnya adalah diperolehi melalui wahyu. Ini adalah pendapat yang keliru. Mereka sendiri telah membekali kami dengan hujah-hujah yang cukup untuk mengangkatnya. Bukti yang paling jelas ialah, sebagaimana seseorang itu maklumi, daripada seluruhnya, para nabi adalah tidak betah dengan keahlian-keahlian itu. Mereka tidak bersedia untuk memberikan maklumat tentang hal yang ghaib kecuali ianya datang kepada mereka dari Allah. Jadi, mengapa mereka mengakui menghasilkan maklumat supernatural melalui suatu keahlian (seperti astrologi) dan menjadikannya hukum bagi pengikut-pengikutnya untuk juga diamalkan?

Ptolemaeus dan pengikut-pengikutnya adalah sependapat bahawa bintang-bintang berupaya memberi petanda peristiwa mendatang sebagai akibat semula jadi dari suatu watak yang terciptakan di dalam makhluk-makhluk elemental yang ada katanya:

> "Aktiviti matahari dan bulan dan pengaruhnya terhadap benda-benda elemental (*unshuriyyat*) adalah sangat jelas bahawa tiada siapa pun dapat menyangkalnya. Sebagai contoh, matahari mempengaruhi perubahan-perubahan dan watak-watak sesuatu musim, masak buah-buahan, dan biji-bijian dan sebagainya. Bulan mempengaruhi kelembapan, air, dan proses pembusukan pada substansi-substansi dan timun-timun, dan seterusnya."

Ptolemeaus selanjutnya menyatakan:

> "Mengenai bintang-bintang yang datang sesudah matahari dan bulan, kita ada dua pendekatan. Pertama – di mana, meskipun tidak memuaskan – adalah untuk mengikut tradisi oleh para tokoh astrologi yang berkuasa. Yang lainnya, adalah bersandar pada agakan dan pengetahuan empirikal

yang diperolehi melalui perbandingan setiap bintang terhadap matahari, di mana sifat semula jadinya dan pengaruhnya diketahui oleh kita amat jelas sekali. Lalu kita mengambil perhatian apakah sesuatu bintang menambahkan kekuatannya dan watak matahari ketika bersama dengannya. Sekiranya ini keadaannya, kita mengetahui bahawa alam semula jadi bintang tersebut adalah sesuai dengan matahari. Sebaliknya, jika bintang itu menghadapi kekurangan kekuatannya dan watak matahari, kita maklumi bahawa alam semula jadinya adalah bertentangan dengan alam matahari. Kemudian apabila kita telah mengetahui kekuatan-kekuatan individual bintang-bintang, kita juga dapat mengetahuinya di dalam kombinasi. Hal itu terjadi ketika mereka memandang setiap yang lain dengan pertiga (*trine*), perempat (*quartile*), atau aspek-aspek lainnya. Pengetahuan di sini diperoleh dari alam-alam semula jadi tanda-tanda zodiak, yang berupaya diketahui melalui perbandingan dengan matahari.

"Maka kita berupaya untuk mengetahui semua kekuatan astral. Mereka berpengaruh pada udara. Ini adalah jelas. Watak yang diakibatkan oleh udara menghubungkan dirinya dengan makhluk-makhluk ciptaan yang berada di bawah udara dan membentuk sperma-sperma dan benih-benih. Maka, watak ini menjadi dasar bagi tubuh yang diciptakan dari sperma atau benih, jiwa yang menghubungkan dengan tubuh itu, mengalir dengan sendirinya ke dalam tubuh itu, dan memperoleh kesempurnaannya daripada tubuh itu, dan semua keadaan-keadaan yang bergantung kepada jiwa dan tubuh. Kualiti sperma dan benih adalah kualiti-kualiti segala sesuatu yang diciptakan dan dihasilkan dari sperma dan benih."

Ptolemaeus selanjutnya mengatakan:

"Namun, astrologi tetap bersifat dugaan dan tidak pasti pada suatu seginya. Ia juga tidak merupakan apa-apa daripada apa yang ilahi tetapkan yakni qadarnya. Ia hanyalah satu daripada sebab-sebab semula jadi yang biasa bagi benda-benda yang wujud, padahal ketetapan ilahi adalah mendahului setiap sesuatu."

Inilah kesimpulan daripada perbincangan Ptolemaeus dan para pengikutnya. Ia tercatat di dalam *quadripartitum* dan karya-karyanya yang lain.

Ia menjadikan kelemahan daripada pencapaian-pencapaian

astrologi itu lebih jelas. Pengetahuan tentang dugaan tentang makhluk ciptaan hanya dapat diperoleh daripada pengetahuan tentang seluruh sebab-musababnya, agen, penerima, bentuk dan matlamat. Sebagaimana menurut ahli nujum, kuasa astral adalah semata-mata agen. Bahagian elemental berfungsi sebagai penerima. Tambahan pula, kekuatan-kekuatan astral bukanlan pengantar tunggal. Terdapat kekuatan-kekuatan lain yang bertindak bersamanya dengan (kekuatan astral) terhadap elemen terdapat di dalam bahagian material (yang dilibatkan) seperti kekuatan generatif pada diri si ayah dan rumpun (*species*) yang ada di dalam sperma kekuatan-kekuatan kualiti khusus yang membezakan pada setiap ragam menurut *species*, dan sebagainya. Apabila kekuatan-kekuatan astral sampai pada kesempurnaannya dan telah diketahui mereka masih merupakan salah satu di antara sebab-sebab yang terarah ke dalam penciptaan sesuatu yang akhirnya tercipta.

Selanjutnya, sebagai tambahan terhadap pengetahuan tentang kekuatan-kekuatan astral dan pengaruh-pengaruhnya suatu usaha agakan dan tekaan diperlukan. Hanya dengan itu (tukang nujum) mampu membuat tekaan akan terjadinya sesuatu hal. Kini, dugaan dan tekaan adalah kekuatan-kekuatan yang terdapat di dalam fikiran para pelajarnya. Ia bukanlah sebab-sebab atau alasan-alasan tentang sesuatu yang tercipta. Tanpa dugaan, dan tekaan, astrologi akan melangkah daripada dugaan kepada keragu-raguan.

Demikianlah keadaannya meskipun pengetahuan tentang kekuatan-kekuatan astral itu tepat dan tanpa cacat-celanya. Sekarang, ianya sukar. Keupayaan untuk menghitung peredaran bintang-bintang diperlukan untuk mengetahui kedudukan-kedudukannya. Tambahan pula, ialah tidak dibuktikan kekuatan bahawa setiap bintang-bintang memiliki kuasanya yang tersendiri. Metode yang digunakan oleh Ptolemaeus untuk menetapkan kekuatan-kekuatan kelima-lima planet, iaitu, perbandingan dengan matahari, adalah suatu yang lemah, sebab kekuatan matahari itu adalah lebih berkuasa di atas semua kekuatan astral yang lain, dan menguasai mereka. Maka, sedikit sekali orang menyedari akan pertambahan atau pengurangan pada (kekuatan matahari) ketika berangkaian dengan bintang tertentu. Sebagaimana dikatakan oleh Ptolemaeus. Semuanya ini akan menyatakan pertentangan andaian-andaian yang mungkin untuk meramalkan hal-hal yang akan terjadi di dunia elemen dengan bantuan astrologi.

Tambahan pula, adalah salah untuk mengandaikan bahawa bintang-bintang itu memberikan pengaruhnya terhadap dunia yang ada di bawahnya. Sebagaimana telah dijelaskan di dalam soal *tauhid* dengan pelbagai hujahan, dan juga sebagaimana anda ketahui, bahawa tidak ada pengantar apa pun kecuali Allah. Dalam hubungan ini, para ahli ilmu akal menggunakan hujahan yang terbukti dengan sendirinya tentang bagaimana sebab-sebab adalah berhubung dengan hal-hal yang disebabkan oleh sesuatu yang tidak ditetahui dan kecurigaan dikaitkan dengan kesimpulan-kesimpulan akal mengenai apa yang kelihatan pada permukaannya (oleh apa yang pasti) dipengaruhi. Mungkin hubungannya dengan sebab-sebab dengan hal-hal yang disebabkan adalah disebabkan oleh sesuatu yang lain daripada bentuk pengaruh yang biasa. Kekuasaan ilahi (*quadrah ilahiyyah*) (akan kelihatan) mengikat kedua-duanya, seperti halnya dengan semua makhluk ciptaan, baik yang bermartabat mahupun yang tidak khususnya apabila syariat menetapkan bahawa semua kejadian kepada kekuasaan Allah dan menyangkal apa pun dengan yang lainnya.

Kenabian juga menolak pentingnya dan pengaruh bintang-bintang. Sebagai contoh sabda Nabi Muhammad s.a.w.:[141]

> "Tidaklah terjadi gerhana matahari atau bulan sebagai menandakan hidup atau matinya seseorang."

Juga sabdanya.[142]

> "Di antara hamba-Ku ada yang menjadi beriman pada-Ku dan ada yang kafir pada-Ku. Adapun hamba-Ku yang menyatakan:
> 'Hujan turun pada kami atas kurnia dan rahmat Allah', maka dialah yang beriman kepada-Ku dan tidak percaya pada bintang-bintang. Adapun hamba-Ku yang menyatakan: 'Hujan turun pada kami kerana *nau*[143] begini, maka dialah hamba yang kafir pada-Ku dan percaya kepada bintang-bintang." (Hadis Shahih).

---

141 Ketika gerhana matahari terjadi pada hari keputeraan Rasulullah s.a.w. bernama Ibrahim. Orang-orang mengira bahawa putera rasul itu penyebab gerhana (Dr. Wafi).

142 Hadis Qudsi diriwayatkan oleh Rasulullah daripada Allah, tapi bukan dari al-Quran (Dr. Wafi).

143 Kata Arab *nau* bererti jatuhnya suatu bintang di Barat bersama fajar di Timur. Terjadi pada saat setiap tiga belas hari. Orang-orang Arab menghubungkan hujan dengan peristiwa tersebut.

Maka, ketidakbenarannya astrologi yang ditinjau daripada titik pandangan syariat serta kelemahan pencapaiannya dilihat daripada segi pemikiran yang rasional adalah jelas sebagai tambahan, astrologi itu memudaratkan peradaban umat manusia. ia juga mencemarkan akidah oang-orang biasa apabila pembicaraan astrologi benar di dalam keadaan yang sukar diterangkan dan yang tak dapat dan tidak dapat diteliti kebenarannya. Orang-orang yang jahil mudah tertipu olehnya dan dianggap bahawa semua pembicaraan astrologi lainnya pastilah benar; padahal tidaklah demikian adanya. Maka mereka terdorong untuk menyatakan segala sesuatu kepada makhluk selain Sang Penciptanya.

Selanjutnya, astrologi sering melahirkan harapan bahawa tanda-tanda krisis akan kelihatan di dalam suatu negara. Ini menggalakkan musuh dan seteru negara itu melakukan serangan dan memberontak terhadapnya setelah menyaksikan banyak hal-hal seperti itu. Ia, dengan demikian, penting bahawa astrologi haruslah ditegah di dalam masyarakat yang berperadaban, mengingatkan bahaya yang boleh dilakukan terhadap agama dan negara. Dalam hal ini tidak perlu ditawar-tawar lagi kerana alasan eksistensinya yang dianggap alami bagi umat manusia menurut tuntutan persepsi mereka dan ilmu-ilmu pengetahuan. Baik dan buruk adalah dua alam yang terdapat di dunia dan tidak mungkin untuk melenyapkannya. Adalah menjadi tugas kita untuk berusaha mendapatkan kebaikan dengan bantuan hal-hal yang menyebabkannya dan untuk menghindari sebab-sebab kejahatan dan bahaya. Yakni apa yang disedari oleh orang lain rasuah dan kerosakan ilmu ini berupaya melakukan.

Keadaan ini hendaklah menjadikan seseorang menyedari bahawa meskipun astrologi itu mengandung kebenaran, tidak seorang Islam pun harus berusaha memperoleh ilmu dan kebiasaannya sesiapa yang mempelajarinya dengan beranggapan bahawa dia betah dengannya adalah jelas masih jahil dengan keadaan yang sebenar-benarnya. Sesiapa yang berminat mempelajarinya – mereka hanya segelintir sahaja telah membaca buku-buku dan makalah-makalah tentang astrologi di pojok-pojok rumah. Mereka terpaksa menyembunyikan dirinya daripada orang ramai dan daripada pandangan khalayak umum. Dan selanjutnya, astrologi sebenarnya merupakan ilmu yang cukup rumit dengan pelbagai cabang dan bahagian-bahagiannya yang sukar untuk dimengertikan. Bagaimana mungkin seseorang di dalam keadaan itu boleh mendapatkan

kemahiran tentangnya. Ilmu fikah adalah berguna baik dalam hal-hal keagamaan dan masalah-masalah dunia; sumbernya mudah didapati dari al-Quran dan Sunnah, dan ianya telah dipelajari dan diajar oleh ramai orang Islam. Sudah banyak dilakukan kajian dan seminar-seminar tentang fikah. Begitu banyak kuliah-kuliah dan seminar-seminar tentangnya. Begitu banyak pengajaran mengenainya dan begitu juga syarahan-syarahan. Dan hanya segelintir insan di dalam setiap masa dan generasi yang mampu menguasainya. Bagaimana mungkin, seseorang dapat mempelajari suatu perkara (seperti astrologi) yang dibuang oleh syariat agama, dilarang sebagai sesuatu yang ditegah dan (haram), dilindung daripada pengetahuan umum, sumbernya sukar ditembusi dan setelah dipelajari dan mendapatkan prinsip-prinsip dasar serta perinciannya, memerlukan sejumlah besar sokongan yang bersifat dugaan dan perkiraan oleh para pelajarnya. Bagaimana mungkin seseorang itu akan dapat menjadi mahir dalam ilmu tersebut mengambilkira segala kesukaran-kesukaran itu? Siapa yang mendakwa dirinya sebagai ahli nujum/peramal sejak mula dia akan mendapatkan penolakan dan tidak akan menemui seorang pun yang terbukti mempelajarinya kerana keasingan disiplin ilmu astrologi, dan di kalangan orang-orang Islam sedikit sekali penyebarannya. Apabila semuanya ini masuk ke dalam pemikiran, maka *kebenaran* pendapat kami tentang astrologi akan menjadi jelas.

> Allah lebih mengetahui apa yang ghaib. "Maka dia tidak memperlihatkan kepada seorang pun tentang ghaib itu".[144]

[Ketika orang-orang Arab berhasil mengalahkan pasukan Sultan Abu al-Hasan dan mengepung mereka di al-Qairawan, dan saling serang antara kedua pasukan itu memuncak (dibicarakan) oleh para Wali dan musuh.

Mengenai hal itu, Abu al-Qasih al-Ruhi, seorang penyair dari Tunis berkata:

> Astaghfirullah,
> taubat kupanjatkan setiap saat
> hidup dan segala kebahagiaan telah lenyap
> aku di Tunisia, menghabisi subuh dan senja
> subuh dan senja milik Allah

---

144 Al-Quran surah 72 (al-Jinn), potongan dari ayat 26).

getir, lapar dan mati
menjadi sumber wabah, fitnah dan sengketa
manusia bergelimang kabut syak dan perang
yang tak pernah menguntungkan
Seorang sahabat pujaan melihat Ali terkapar binasa
Dan seorang lagi berkata:
- Aku datang pada kalian dengan angin pagi bahagia

Allah menghendaki menepati kehendak
kedua hamba itu di sini

O Tuhan yang mengawasi bintang-gemintang yang mengitari
langit tak punya kuasa
Kalianlah yang menjerat kami
kerana kalian kalian mengira berbuat penuh hari ini
Khamis demi khamis berlalu
hingga datang Sabtu, Rabu, tengah bulan,
keduapuluh dan ketigapuluhnya, mati merenggut
Kami tak pernah melihat kecuali kata dusta
apakah itu suatu nista atau kebodohan?
Kepada Allah kami bersandar
kami tahu, ketentuan-Nya tak tertolak
aku rela Allah Tuhanku
Aku rela Allah Tuhanku
Bagi kalian cukup bulan dan mentari
planet-planet yang bertebaran adalah hamba-hamba
atau para budak, disirnakan bukan menyirnakan
tak kuasa berbuat apa pada manusia
Telah banyak akal sesat tentang planet dan kebinasaan
kerana berfikiran dulu
Akal menetapkan suatu pengaruh pada wujud,
timbul pada air dan udara
tak merasakan manis kala pahit
mereka dicekoki tanah dan air.
Allah Tuhanku
Tak tahu aku apa *jawhar fardh*, apa ruang kosong,
juga *hayula* yang didengungkan
mengapa aku telanjang tanpa bentuk, wujud dan ketiadaan,
tanpa kekekalan dan kebinasaan.
Aku hanya tahu kerja dari jual dan beli
Mazhab dan agamaku tak lain yang jadi wali manusia
kerana tiada perbezaan dan dasar
tiada pertikaian dan keraguan
apa yang dibawa Islam dan yang aku ikuti
Hai benarlah, telah terjadi suatu panutan

mereka ikut yang mereka ketahui dari (leluhur)
dan itu bukan kebinasaan
Hai Asy'ari masa
aku telah di Asy'arikan musim kemarau dan hujan
aku hanya diganjar jahat kerana jahat
baik kerana baik pula
Bila patuh, aku tak derhaka, dan aku pun berpengharapan
Aku berada di bawah hukum Pencipta
yang dipatuhi Arsy dan kebun
Kalian tidak menang perang
hanya ditentukan Hukum dan Ketetapan
Kalau Asy'ari diajak bicara tentang pengikutnya
tentu dia akan berkata,
– Beri tahu mereka,
aku bersih dari yang mereka perkatakan.]

34 Penyangkalan terhadap keberkesanan kimia. Kemustahilan kewujudannya. Mudarat yang timbul sebagai akibat mengamalkannya

Ramai orang yang tidak berupaya mencari nafkah hidup dan didorong oleh sifat tamak telah mengamalkan *alchemy*. Mereka berpendapat bahawa itu merupakan cara yang paling wajar untuk membuat suatu penghidupan dan pengamalnya menjadi lebih mudah dan lebih senang daripada orang lain untuk mendapatkan kekayaan. Namun sebenarnya untuk mendapatkan itu semua mereka harus berlelah (dengan berusaha) dalam bentuk kesukaran yang amat sangat, penderitaan dan dalam bentuk penyiksaan oleh pihak berkuasa serta kehilangan kekayaan untuk membiayainya.

Mereka bependapat bahawa (melalui amalan kimia) mereka telah menguasai suatu pekerjaan yang sebaik-baiknya[145] mereka telah terdorong untuk mengamalkan kimia semata-mata oleh pendapat bahawa beberapa benda-benda tambang dapat diubah dan ditransformasikan secara artifisialnya kepada benda-benda lainnya, sebab bahan umumnya dengan semua benda tambang itu.

---

145 Nukilan daripada firman Allah: Katakanlah: 'Apakah akan Kami beritahukan kepadamu tentang orang-orang yang paling merugi perbuatannya? Iaitu orang-orang yang telah sia-sia perbuatannya dalam kehidupan dunia ini, sedangkan mereka menyangka bahawa mereka berbuat yang sebaik-baiknya. (al-Quran surah 18/al-Kahfi, ayat-ayat 103–4).

Maka, mereka pun cuba memperlakukan perak dan mengubahnya menjadi emas; tembaga dan timah (cuba diubah menjadi perak). Mereka mengira ianya mungkin di alam semula jadi untuk melakukannya ...

[*Ada berbagai-bagai prosedur yang diikuti para ahli kimia. Ini tergantung pada perbezaan pendapat mengenai karakter dan bentuk kerja (kimiawi), mengenai substansi yang dibuat untuk kerja kimiawi, dan yang mereka sebut "Batu Mulia." Itu dapat berupa kotoran-kotoran, atau darah, atau rambut, atau telur, atau apa pun juga.

Setelah substansi dispesifikasikan, ia diurus oleh para ahli kimia sebagai berikut. Substansi itu dihancurlumatkan dengan palu di atas batu yang keras dan diam. Selama pemipisan, substansi disirami dengan air, setelah ditambahi ubat-ubatan yang sesuai dengan tujuan yang dicapai, dan yang dapat mengakibatkan perubahan terhadap mineral yang diminta. Setelah disirami, substansi itu dikeringkan dengan matahari atau dimasak dengan api, atau disublim, atau dipempet, supaya air atau debunya keluar. Bila proses dan perlakuan ini telah lengkap seperti dikehendaki para ahli kimia dan sesuai dengan tuntutan prinsip dasar ilmu kimia, hasilnya berupa substansi tanah atau cairan yang disebut '*elixir*'. Para ahli kimia memperkirakan, apabila '*elixir*' ditambahkan kepada perak yang telah dipanaskan dengan api, perak akan berubah menjadi emas. Bila ditambahkan kepada tembaga yang telah dipanaskan dengan api, tembaga dapat berubah menjadi perak, seperti hasil yang diingini para ahli kimia melalui suatu operasi (kimiawi).

Sebahagian ahli kimia yang berkaitan mengira bahawa '*elixir*' suatu substansi yang terdiri dari empat unsur. Pemprosesan dan perlakuan (kimiawi) khusus memberikan kepada substansi suatu sifat khusus dan kekuatan-kekuatan alami tertentu. Kekuatan-kekuatan itu mengasimilasi dengan sendirinya dengan saat ia berhubungan, dan mengubahnya ke dalam bentuk dan sifatnya sendiri. Kekuatan-kekuatan tersebut memindahkan kualiti-kualiti dan kekuatan-kekuatannya sendiri kepadanya. Boleh diibaratkan seperti ragi pada roti yang mengasimilasikan adunan kepada esensinya sendiri, dan menghasilkan suatu kegemburan di dalamnya, sehingga roti itu mudah dicerna dan cepat berubah menjadi sari makanan. Demikian pula '*elixir*' emas dan perak mengasimilasi

mineral-mineral, dan mengubahnya ke dalam bentuk emas dan perak.

Secara umum, inilah kesimpulan teori para ahli kimia tersebut.

Kami saksikan para ahli kimia terus-menerus melakukan eksperimen melalui proses (kimiawi) dan berharap memperoleh rezeki dan penghidupan dari kegiatannya. Mereka saling menukilkan hukum-hukum dan prinsip-prinsip dasar kimiawi dari buku-buku para ahli kimia terdahulu. Mereka saling memindahtangankan buku-buku tersebut dan mendiskusikan erti dan makna berbagai ungkapan teka-teki dan rahsia yang terkandung di dalamnya. Kerana sebahagian besar ungkapan itu bagaikan serangkaian permainan tebakan-tebakan. Misalnya buku-buku *Tujuh puluh Risalah* karya Jabir bin Hayyan, *Rutbat al-Hakim* dari Maslamah al-Majriti, karya-karya ath-Thughrai, serta qasidah-qasidah menakjubkan karya Mughayribi dan lain sebagainya. Namun, kemudian, para ahli kimia tidak lagi beranjak jauh.

Suatu hari saya mendiskusikan hal itu dengan guru kami, seorang ulama Andalusia terkemuka, Abu al-Barakat al-Ballafiqi. Saya meminta perhatiannya kepada sebuah karya tertentu tentang kimia. Dia membolak-baliknya lama, lalu mengembalikannya kepada saya, dan berkata:

> "Saya bertaruh pengarang buku ini pulang ke rumah dengan perasaan tertekan."]

Beberapa ahli kimia membatasi dirinya untuk melakukan pemalsuan belaka. Ia mungkin jenis yang jelas, seperti menutup perak dengan emas, atau tembaga dengan perak, atau mencampurkan (keduanya) dengan ratio satu berbanding dua, atau satu berbanding tiga. Atau, ada yang jenis pemalsuan tertutup seperti memperlakukan suatu bahan mineral supaya memperlihatkan ianya mirip. Tembaga sebagai contohnya, disepuh dan dilembutkan dengan pejalwap merkuri. Maka, ianya akan berubah menjadi bahan mineral yang tampak seperti perak di mata orang kecuali tentunya bagi penguji kadar logam yang mahir.

Para pemalsu seperti itu menggunakan hasil usahanya untuk mencetak wang dengan cetakan rasmi, yang mereka edarkan di kalangan masyarakat. Dengan demikian, menipu orang ramai dengan sebebasnya tanpa mendapat hukuman yang setimpal.

Perlakuan mereka adalah paling hina dan kegiatan yang paling kejam. Pemalsu itu dengan liciknya telah mencuri hak milik orang lain, kerana mereka memberikan tembaga untuk perak dan perak untuk emas, sehingga merugikan banyak orang. Mereka adalah pencuri-pencuri bahkan lebih jahat daripada seorang pencuri ...

[*Kebanyakan orang semacam itu yang ditemui di Maghrib adalah para "pelajar" Barbar yang memilih tempat tinggalnya di tempat-tempat jauh dan di rumah orang-orang yang terkebelakang. Mengunjungi rumah-rumah Badwi, mereka meyakinkan orang-orang kaya Badwi tentang kemahirannya membuat emas dan perak. Orang-orang ini memang sangat menyenangi emas dan perak, dan sudi membayar untuk mendapatkannya. Inilah yang memungkinkan para pelajar Barbar itu hidup, walaupun mereka harus melakukan kegiatannya dengan penuh rasa takut dan penuh kewaspadaan. Seringkalinya mereka ternyata tidak mampu membuat emas dan perak lalu memperoleh malu. Inilah yang mendorong mereka kemudian diam-diam pindah ke tempat lain, dan memulai lagi urusniaga yang sama sejak dari awal. Mereka merayu orang-orang kaya agar membeli apa yang ditawarkan.

Cara seperti ini tetap digunakan untuk membiayai penghidupan mereka.

Orang-orang semacam itu tidak boleh diajak berunding, kerana mereka telah mencapai batas kebebalan dan kejahatan, serta memilih hidup dari pencurian. Satu-satunya cara menghabisinya ialah dengan pengetatan pengawasan pihak penguasa, memburu dan menangkapnya di mana pun mereka berada, dan memberlakukan hukum potong tangan terhadap mereka. Ini hukuman setimpal untuk tindakan perosakan mata wang, yang merugikan orang banyak. Pengedaran mata wang adalah tulang punggung kemakmuran bagi setiap orang. Raja harus bertanggungjawab di dalam menjaga ketertiban, mengawasinya dan bertindak keras atas perosaknya.]

Namun, adalah mungkin untuk kita dapat berbicara tentang para ahli kimia yang tidak menyukai kelakuan menipu semacam itu, sebaliknya menghindarinya dan mengelakkan dirinya daripada melakukan pencemaran mata wang orang-orang Islam. Mereka hanya berusaha mengubah perak menjadi emas, atau batu hitam dan tembaga dan timah menjadi perak, dengan bantuan proses kimiawi tertentu dan 'elixir' yang dihasilkan darinya. Kita dapat memperbincangkannya dan menyelidiki pencapaian-pencapaian

yang telah mereka hasilkan. Bahkan, kita memang belum mengetahui ada seorang pun di dunia ini yang telah berhasil mencapai tujuan (bidang kimia) atau mendapat hasil yang diharapkan daripadanya. Para ahli kimia menghabiskan usianya demi usaha pengembangan kimia, menggunakan palu dan penggiling, menyublim dan melakukan pengerasan dengan kapur, dan menghadapi pelbagai risiko pengumpuan ubat-ubatan. Merekalah yang menyampaikan kisah tentang para ahli kimia lain yang berhasil mencapai kejayaan. Mereka berminat dengan cerita-cerita seperti itu dan mendiskusikannya, dan menaruh kepercayaan penuh terhadapnya. Mereka bahkan bagaikan tergila-gila, dan menggemari anekdot-anekdotnya. Ketika ditanyakan apakah cerita itu telah dibuktikan oleh kenyataan, mereka tidak dapat menjawab. Mereka berkata:

> "Kami cuma mendengarnya, belum melihatnya."

Inilah yang terjadi dengan para ahli kimia di setiap masa dan pada setiap generasi ...

[*Ketahuilah, amalan keahlian seperti ini terbilang kuno di dunia. Para ahli, yang kuno dan moden, telah sering mendiskusikannya. Kami akan melaporkan berbagai-bagai pendapat mereka se-hubungan dengan hal itu dan lalu mengemukakan menurut keadaan yang sebenar.

Kami katakan: Para falsafah telah mendiskusikan kimia berdasarkan keadaan tujuh mineral (logam) yang dapat ditempa: emas, perak, batu hitam, timah, tembaga, besi dan *kharishin*. Persoalannya ialah apakah ketujuh logam itu berbeza-beza diferensianya,[146] masing-masing spesis tegak sendirinya ataukah logam-logam itu berbeza-beza menurut ciri-ciri khususnya, dan ataukah merupakan satu atau spesis yang lain.

Abu Nashr al-Farabi, dan para falsafah Andalusia yang mengikuti jejaknya, berpendapat bahawa semua logam itu adalah spesis yang serupa dan sama, dan diferensianya disebabkan oleh nilai-nilai seperti kelembapan dan kekeringan, kelembutan dan

---

146 *Fashl δia φopa*, adalah suatu istilah dalam logik Aristotlean. Ia lain dari genus (jins). Ia berfungsi membezakan antara satu spesis (naw) dari yang lain. Binatang adalah genus. Binatang berbicara adalah diferensia yang membezakan antara manusia dan spesis-spesis binatang yang lain. Dalam diskusi berikutnya sering disebut dengan "struktur".

kekerasan, dan warna-warna, seperti kuning, putih dan hitam. Logam-logam itu adalah bentuk-bentuk yang berbeza dari spesis yang satu.

Sebaliknya, Ibn Sina dan para falsafah Timur yang menjadi pengikutnya berpendapat bahawa logam-logam itu berbeza-beza pada diferensianya dan merupakan spesis-spesis yang berbeza-beza darinya. Masing-masingnya ada pada kebenarannya sendiri, dan mempunyai diferensinya sendiri dan genusnya sendiri, seperti semua spesis yang lain.

Sejalan dengan pendapatnya bahawa semua logam adalah satu spesis, Abu Nashr al-Farabi berpendapat bahawa dimungkinkan bagi satu logam untuk diubah menjadi yang lain. Ini kerana dimungkinkannya dilakukan pengubahan tidak sengaja dan mengaturnya secara tiruan. Dari sudut pandangan ini, dia menganggap ilmu kimia mungkin dan mudah.

Sebaliknya, Ibn Sina, sejalan dengan pendapatnya bahawa semua logam termasuk pada spesis yang berbeza, menyatakan bahawa eksistensi kimia harus ditolak, dan mustahil. Andaiannya didasarkan pada fakta bahawa diferensia-diferensia tidak dapat diciptakan dengan cara-cara tiruan. Diferensia-diferensia diciptakan oleh Pencipta dan Penentu segala sesuatu, Allah azza wa jalla. Sifat nyatanya tak dapat dikatakan dan tidak dapat diketahui (*tashawwur*). Lalu, bagaimana seseorang berusaha untuk mengubahnya melalui cara-cara tiruan?

Ath-Thughrai, salah seorang ahli kimia terkenal, menyalahkan pernyataan Ibn Sina. Dia menolak bahawa perlakuan (*tadbir*) kimiawi dan pemprosesan kimiawi tidak bererti suatu penciptaan baru atas suatu diferensia khusus, tetapi hanya menciptakan keadaan bagi suatu substansi untuk menerima suatu diferensia tertentu. Setelah substansi yang tersedia terkeadaankan, ia mendapatkan diferensia baru daripada Pencipta dan Pengada. Ini dapat dibandingkan dengan cahaya yang melimpah atas tubuh-tubuh sebagai hasil daripada pemolesan dan pelicinan. Kami tidak mengerti (*tashawwur*) atau mengetahui bagaimana ini terjadi.

Ath-Thughra-i melanjutkan:

> "Ternyata, kita mengetahui penciptaan spontan dari beberapa bintang, meskipun kita tidak mengetahui diferensia-diferensia khususnya. Misalnya, kalajengking tercipta dari tanah dan

jerami.[147] Ular tercipta dari rambut. Para sarjana pertanian menyebutkan bahawa tawon, ketika belum lagi ada, tercipta (sekali lagi) dari anak-anak sapi. Dan bahawa alang-alang keluar dari tanduk-tanduk binatang yang berkuku dan berubah menjadi gula, saat tanduk-tanduk itu dilumuri madu ketika tanah siap ditanami. Lalu, mengapa mustahil bagi kita melakukan pemerhatian serupa dalam hal logam? Semuanya itu terjadi melalui cara-cara tiruan yang dilakukan pada suatu substansi. Perlakuan kimiawi dan pemerosesan keadaan substansi dilakukan untuk menerima diferensia saja."

Ath-Thughrai melanjutkan pula:

"Kita pun melakukan hal serupa dengan emas dan perak. Kita ambil materi tertentu yang mempunyai kesiapan dasar untuk menerima *bentuk* emas dan perak. Kita perlakukan ia sampai ia siap sepenuhnya menerima *diferensia khusus* dari emas dan perak."

Inilah intisari pembicaraan ath-Thughrai. Dia benar dalam penolakannya terhadap Ibn Sina.

Namun, kami punya pandangan tersendiri di dalam menolak pendapat para ahli kimia. Ia menunjukkan bahawa eksistensi kimia adalah mustahil, dan bahawa andaian-andaian dari semua yang mempertahan-kimia, tidak hanya ath-Thughrai atau Ibn Sina, salah. Argumen kami adalah:

Proses (kimiawi) mengikut cara ini: Para ahli kimia mengambil suatu substansi yang mempunyai kesiapan dasar. Mereka menggunakannya sebagai dasar. Di dalam memperlakukan dan memprosesnya, mereka meniru cara proses alam pada substansi mineral sehingga dapat mengubahnya menjadi emas atau perak. Mereka berusaha keras menambah kekuatan-kekuatan aktif dan pasif dalam prosesnya, sehingga proses itu selesai dalam waktu yang lebih cepat daripada yang biasanya diperlukan. Telah dijelaskan pada tempatnya tersendiri bahawa tambahan pada kekuatan pelaku memendekkan waktu yang diperlukan untuk aktivitinya. Kini jelaslah bahawa penciptaan emas pada logam baru

147 Demikian asumsi para sarjana terdahulu. Padahal biologi telah membuktikan bahawa binatang-binatang kecil itu tercipta dari telur-telur yang diletakkan induknya di tempat-tempat tertentu. Telur-telur itu memang terlalu kecil untuk dilihat dengan mata biasa, kecuali melalui mikroskop.

selesai setelah 1.080 tahun, yang merupakan masa revolusi besar dari matahari. Apalagi kekuatan-kekuatan dan kualiti-kualiti yang dibuat di dalam proses itu sangat besar tambahannya, waktu yang diperlukan untuk penciptaan emas akan lebih pendek daripada (1.080 tahun), sebagaimana kami sebutkan.

Atau, melalui pemerosesan, para ahli kimia memilih memberi substansi (dasar) suatu bentuk komposisi untuk membuatnya seperti ragi, dan lalu memungkinkan untuk membuat perubahan yang dikehendaki pada bahan yang diproses. itulah "*elixir*", yang disebut di atas.

Kini ketahuilah bahawa setiap sesuatu elemental yang tercipta harus meliputi suatu kombinasi daripada empat elemen dengan proporsi yang berbeza-beza. Apabila keempat-empatnya sama proporsinya, takkan terjadi percampuran. Dengan demikian, harus ada sebahagian yang lebih daripada semua yang lain. Demikian pula, tiap sesuatu yang tercipta melalui percampuran harus meliputi suatu panas alami yang bersifat aktif di dalam menciptakan dan menyediakan bentuknya. Kemudian, tiap sesuatu yang tercipta dalam waktu harus melewati pelbagai tingkatan secara berurutan selama masa penciptaannya, hingga ia mencapai puncaknya. Misalnya, manusia melewati pelbagai tingkatan secara berurutan selama masa penciptaannya, hingga dia mencapai puncaknya. Misalnya, manusia melewati tingkatan-tingkatan yang berurutan dari air mani, darah gumpal, dan seketul daging, lalu pembentukan, lalu janin, bayi lahir, lalu menyusui, lalu, hingga akhirnya.[148] Proporsi bahagian-bahagian itu berbeza-beza kuantiti dan kualitinya pada setiap tingkatan. Kalau itu tidak terjadi, tingkatan yang pertama akan sama dengan tingkatan yang terakhir. Panas alami, juga, berbeza pada setiap tingkatannya.

Seseorang kini dapat menyatakan, melalui berapa tingkatan dan keadaan emas harus telah selesai sejak masa 1.080 tahun. Para ahli kimia perlu mengikuti perbuatan alam pada logam dan menirunya pada perlakuan dan pemprosesan kimiawinya, sampai selesai. Di antara syarat setiap keahlian, selamanya, pelakunya harus mengetahui (*tashawwur*) tujuan-tujuan yang hendak dicapai melalui bantuan keahlian itu. Perkataan kaum bijak dalam hal ini berlaku, iaitu:

148 Al-Quran, surah al-Mukminum, ayat 13–14.

"Permulaan pekerjaan adalah akhir pemikiran, dan akhir pemikiran adalah permulaan pekerjaan."

Lalu, ahli kimia harus mengetahui keadaan-keadaan emas pada pelbagai tingkatan perkembangannya, pelbagai proporsi unsur-unsur komponennya yang termasuk pada tingkatan-tingkatannya yang berbeza-beza, diferensia-diferensia yang dihasilkan pada panas alami, berapa lama waktu yang diperlukan pada setiap tingkatan, dan berapa banyak pertambahan kekuatan yang diperlukan untuk menggantikan dan mewakili pertumbuhan alami. Semua ini pada akhirnya memungkinkannya untuk meniru perbuatan alam pada logam, atau untuk menyiapkan bagi suatu substansi suatu bentuk komposisi, yang seperti bentuk ragi bagi roti, dan aktif pada substansi khusus sesuai dengan kekuatan-kekuatan dan kuantititasnya. Semua ini hanya diketahui dengan pengetahuan Tuhan yang paling komprehensif. Pengetahuan manusia tidak mampu mencapainya.]

Mereka yang mendakwa dapat membuat emas dengan bantuan kimia adalah bagaikan orang yang secara palsunya dapat menciptakan manusia daripada air mani. Apabila kita berikan kepada seseorang suatu pengetahuan yang komprehensif mengenai bahagian-bahagian manusia – proporsi-proporsinya, tingkatan-tingkatan (perkembangannya), cara dia diciptakan di dalam rahim, sekiranya dia dapat mengetahui semuanya ini secara terperinci supaya tidak ada yang dapat lolos daripada pengetahuannya, kami boleh memberikan kepadanya kemampuan untuk menciptakan manusia. Tetapi di mana manusia dapat mengetahuinya? ...

[*Marilah kami kemukakan penghujahan itu di sini, dengan ringkas sahaja supaya mudah dimengerti. Kami katakan: Cara pokok yang dilakukan dalam bidang kimia dan segala yang didakwa oleh para ahli kimia sebagai perlakuan kimiawi, ialah bahawa kimia mengikuti dan meniru alam mineral melalui perbuatan artifisial. Sehingga substansi mineral tertentu dapat tercipta, atau hingga suatu substansi tercipta dengan kekuatan-kekuatan, kapasiti untuk berbuat, dan suatu bentuk komposisi yang terbikin dari substansi yang diberi secara alam, hingga mengubah dan memindahkannya ke dalam bentuknya sendiri. Perbuatan teknik harus didahului dengan persepsi-persepsi yang detail dari pelbagai tingkatan tabiat mineral yang hendak diikuti dan ditiru, atau yang padanya seseorang menginginkan supaya kekuatan

menjadi aktif. Tingkatan-tingkatan itu tidak terbatas jumlahnya. Pengetahuan manusia tidak mampu menguasai jumlahnya yang sedikit apa pun. Ini dapat dibandingkan dengan orang yang ingin menciptakan manusia, atau binatang, atau tumbuh-tumbuhan.

Inilah intisari daripada penghujahan kami, dan merupakan hujahan yang paling kukuh yang saya ketahui. Hujahan ini membuktikan kemustahilan kimia, tetapi tidak dari sudut pandang diferensia-diferensia logam, seperti tersebut di atas, dan tidak pula dari sudut pandang alam (tabiat). Hujahan ini membuktikannya dari sudùt pandang kemustahilan dari adanya pengetahuan yang sempurna, dan ketidakmampuan manusia memiliki pengetahuan yang kompreḥensif. Apa yang disebutkan Ibn Sina lepas dari ini.]

Ada suatu aspek lain pada kimia untuk membuktikan kemustahilannya. Ini menyangkut hasil dari kimia. Ianya adalah sebagaimana berikut. Ia adalah kebijaksanaan Allah yang menjadikan emas dan perak sesuatu yang jarang adanya seharusnya sebagai piawaian nilai yang mana keuntungan dan pengumpulan modal manusia adalah diukur. Sekiranya ia dimungkinkan untuk mendapatkan emas dan perak secara artifisial, kebijaksanaan Allah s.w.t. dalam hal ini pastilah mengecewakan. Emas dan perak akan ada dalam kuantiti yang banyak sehingga ia berguna untuk mendapatkannya.

Ada lagi aspek lainnya mengenai bidang kimia yang membuktikan kemustahilannya. Alam semula jadi (tabiat) selalunya mengambil jalan paling singkat dalam berbuat apa yang dilakukan. Ia tidak mengambil jalan yang paling jauh dan paling rumit. Sekiranya, sebagaimana yang diandaikan para ahli kimia, metode artifisial itu benar, ringkas dan mengambil masa yang lebih pendek daripada apa yang alam lakukan terhadap logamnya, tentulah alam takkan meninggalkannya pada metode yang dipilihnya untuk pembuatan dan penciptaan emas dan perak ...

[*Ath-Thughrai benar dalam memperbandingkan proses kimiawi dengan contoh-contoh individual yang nampak dalam alam, seperti penciptaan secara spontan kalajengking, tawon, dan ular. Kerana hal-hal itu, seperti dikatakannya, terlihat lihat oleh mata, dan kerananya terbukti adanya. Tetapi tak seorang pun penduduk dunia yang dikhabarkan telah menyaksikan kebenaran kimia dan metodenya. Orang-orang yang mengamalkan kimia selalu terjerumus ke dalam kegelapan. Mereka tak menemukan sesuatu pun kecuali cerita-cerita bohong. Kalau seseorang dari

penduduk dunia terbukti benar memiliki kemampuan bidang kimia, tentu anak-anaknya, muridnya, atau sahabatnya akan memeliharanya. Ia akan dipindahkan di antara para teman. Kebenarannya pasti telah dijamin oleh aplikasinya yang berjaya di kemudian hari. Pengetahuan tentangnya akan tersebar luar. Diri kita dan yang lain tentu turut mempelajarinya.

Para ahli kimia juga menyatakan bahawa '*elixir*' sama dengan ragi, dan bahawa ia terkomposisi untuk mengubah dan memindahkan tiap sesuatu dengannya berhubungan dengan esensinya sendiri. Namun, perlu diketahui bahawa ragilah yang mengubah adunan dan menyiapkannya agar boleh dicerna. Ini adalah proses perosakan, dan perosakan material adalah proses paling mudah dilakukan dan (pengaruh-pengaruh) elementalnya pun paling mudah. Namun tujuan dari '*elixir*' ialah untuk mengubah satu logam kepada logam yang lebih mulia dan lebih tinggi. Ini sesuatu yang kreatif dan konstruktif. Kreasi (penciptaan) lebih sulit daripada merosak. Maka, '*elixir*' tidak dapat dibandingkan dengan ragi.

Yang benar dari masalah ini ialah bahawa kalau betul kimia ada, sebagaimana diakui para falsafah yang membicarakan tentang kimia, seperti Jabir bin Hayyan, Maslamah bin Ahmad al-Majrithi, dan yang lainnya, ia takkan termasuk kategori keahlian alami, dan tak terjadi melalui proses teknik. Diskusi tentang kimia oleh para ahli kimia tidak seperti diskusi tentang fizik oleh ahli-ahli fizik. Diskusi kimia tak berbeza dari diskusi tentang pelbagai persoalan sihir dan hal-hal aneh lainnya, atau soal-soal luar biasa yang dilakukan al-Hallaj dan yang lainnya. Maslamah menyebutkannya di dalam *Kitab al-Ghayah*. Diskusinya tentang kimia di dalam *Kitab Rutbat al-hakim* menunjukkan arah serupa. Diskusi Jabir di dalam kitabnya juga sama bentuknya. Kecenderungan diskusi tentang kimia ini telah diketahui. Kami takkan mengulasnya di sini.

Secara umum, kimia seperti yang mereka fahami, dilakukan menurut pola penciptaan universal yang berada di luar lingkup keefektifan keahlian. Kayu-kayuan dan binatang tak dapat dikembangkan dari materi-materi itu dalam hari dan bulan. Demikian pula emas tidak dapat dikembangkan dari materinya pada hari atau bulan. Cara lumrah pengembangannya hanya dapat diubah dengan bantuan sesuatu di balik dunia alam (tabiat) dan aktiviti keahlian. Maka orang-orang yang mencuba mengamalkan kimia sebagai suatu keahlian, hanya akan mensia-siakan wang dan jerih

payah. Dengan demikian, perlakuan kimiawi (*tadbir*) disebut suatu "perlakuan yang steril". Perolehannya, kalau itu benar, terjadi sebagai hasil kekuatan di balik kekuatan alam dan keahlian. Ini bagaikan berjalan di atas air, terbang di udara, melewati substansi-substansi yang keras, dan hal-hal serupa dari kekeramatan para wali yang di luar kebiasaan. Misalnya seperti penciptaan burung dan semacamnya dengan mukjizat-mukjizat para nabi. Allah s.w.t. berfirman:

> "Dan ketika diciptakan dari tanah semacam susuk seekor burung dengan izin-Ku, kemudian kuhembuskan nyawa ke dalamnya, maka jadilah ia seekor burung dengan izin-Ku."[149]

Cara keramat suatu tabiat kimiawi boleh terlaksana tergantung pada keadaan orang yang memperoleh anugerah kekeramatan itu. Kekeramatan itu dapat diberikan kepada orang salih yang lalu memberikannya kepada orang lain. Kekeramatan yang dipinjamkan kepada orang lain, (kendati mereka pun, meskipun jarang terjadi, dapat pula membuatnya). Atau, kekeramatan itu dapat dianugerahkan kepada orang salih yang tidak dapat memindahkannya kepada orang lain. Dengan hal ini, kekeramatan tidak dibuat oleh orang lain. Inilah penciptaaan kekeramatan kimiawi berbentuk sihir.

Maka jelaslah bahawa mukjizat-mukjizat kimiawi merupakan hasil dari pengaruh-pengaruh fizik atau keluarbiasaan-keluarbiasaan, baik berupa mukjizat atau *karamah* atau sihir. Dengan demikian, pembicaraan kaum bijak tentang kimia adalah ungkapan teka-teki yang erti sebenarnya hanya diketahui oleh orang yang telah mengarungi gelombang ilmu sihir dan mentelaah perilaku jiwa di dalam tabiat. Soal-soal keluarbiasaan tidak terbatas, dan tak seorang pun dapat mengetahui semuanya.

> Namun Allah meliputi apa yang mereka kerjakan.]

Penyebab utama yang biasa dari keinginan mengamalkan kimia adalah, sebagaimana telah kami kemukakan, ketidakmampuan seseorang mencari bekal, penghidupan dengan cara semula jadi serta keinginan mendapatkan nafkah hidup dengan satu cara yang – tidak seperti pertanian, perdagangan, dan kerajinan tangan

---

149 Al-Quran, adz-Dzariat, 51:58.

– adalah tidak semula jadi. Orang yang tidak berkeupayaan akan mendapati amat sulit untuk mencari penghidupan menurut cara-cara yang dibolehkan. Dia berhasrat cepat kaya dalam waktu yang singkat melalui pengerjaan yang tidak semula jadi, seperti kimia dan sebagainya. Kimia banyak diusahakan oleh orang-orang miskin kebanyakannya oleh orang-orang miskin yang berbudaya.

Status ekonomi memang menentukan bagi seseorang untuk mengakui atau tidak mengakui kimia, yang juga berlaku bagi para falsafah yang mendiskusikan kemungkinan atau kemustahilan kimia. Ibn Sina, yang menyatakan bahawa kimia adalah mustahil, misalnya adalah seorang wazir besar dan sangat kaya. Sedangkan al-Farabi, yang menghalalkan kimia, termasuk orang miskin yang tidak segera boleh meraih kejayaan untuk menghidupi diri. Ini merupakan tuduhan yang jelas terhadap sikap seseorang yang suka mencuba mengamalkan kimia.

> Allah "pemberi rezeki. Dia kuat dan kukuh". Tiada Tuhan selain Dia.

35 Tujuan-tujuan yang harus difikirkan sewaktu karang-mengarang dan yang itu sahaja yang boleh dianggap sah

Suatu yang harus diketahui ialah gedung ilmu yang ada pada seseorang manusia adalah jiwa manusia itu sendiri. Di dalamnya Allah s.w.t. telah menanamkan persepsi yang membolehkan dirinya berfikir dan dengan demikian memperolehi pengetahuan ilmiah. Proses ini dimulai dengan tanggapan (*tashawwur*) terhadap realiti-realiti dan kemudiannya dilanjutkan dengan penegasan atau penyangkalan sifat-sifat semula jadinya yang perlu mengenai realiti secara langsung ataupun melalui suatu perantara.

Kemampuan manusia untuk berfikir dengan demikian akan akhirnya melahirkan permasalah situasi yang mana dia berusaha menyelesaikannya secara pasti atau secara negatif. Apabila suatu gambaran ilmiah telah dimantapkan di dalam fikiran melalui usaha-usaha ini ia harus menurut keperluannya dikomunikasikan kepada orang lain sama ada melalui pengarahan atau perbincangan demi mengasah fikiran dengan mencuba menunjukkan keabsahannya.

Perhubungan jenis ini berlaku melalui ungkapan lisan iaitu ucapan yang disatukan oleh perkataan-perkaaan yang ditukarkan,

diciptakan oleh Allah s.w.t. di dalam (tubuh manusia), iaitu lidah (*tongue*) sebagai gabungan bunyi-bunyi iaitu berbagai-bagai kualiti bunyi sebagainya dipecahkan oleh anak lidah dan lidah – rupanya pemikiran manusia dapat disalurkan melalui pembicaraan. Ini adalah tingkatan pertama dalam komunikasi pemikiran. Disebabkan ianya penting dan bahagian yang paling mulia, ia meliputi ilmu pengetahuan. Namun ia mencakup setiap pernyataan atau ungkapan hati (perintah) secara umum yang masuk ke dalam fikiran.

Setelah tingkatan pertama komunikasi ini, ada tingkatan yang kedua. Ia adalah komunikasi pemikiran seseorang kepada orang lain yang tidak dapat dilihat, atau secara badaniahnya berada jauh daripadanya atau kepada seseorang yang hidup sesudahnya dan orang yang belum pernah ditemui, semasa hidupnya. Ia adalah komunikasi secara bertulis. Tulisan adalah gambar-gambar yang dibuat oleh tangan, yang mana susunan dan bentuknya menurut amalan biasa menandakan huruf-huruf tersendiri: (bunyi-bunyi) dan perkataan-perkataan untuk disebutkan. Maka, mereka pun menghubungkan fikiran melalui medium pembicaraan. Tulisan dengan demikian, merupakan tingkatan kedua dan merupakan salah satu di antara dua bahagiannya. ia memberikan maklumat tentang bahagian pemikiran termulia ilmu-ilmu, *ulum* dan pengetahuan-pengetahuan, *ma'arif.*

Para sarjana mengambil berat untuk mengabadikan pelbagai hasil pemikiran ilmiah mereka ke dalam buku-buku yang ditulis, supaya orang-orang yang tidak hadir dan hidup pada masa-masa kemudiannya dapat mengambil manfaat daripadanya. Orang-orang yang melakukan hal itu adalah para pengarang. Di segala tempat di dunia, karya-karya tulisan adalah banyak jumlahnya. Ianya diwariskan di kalangan semua ras dan dalam semua peringkat umur. Karya-karya itu adalah berbeza-beza akibat perbezaan syariat dan *millah-millah*, serta maklumat yang tersedia tentang pelbagai bangsa dan negara. Adapun ilmu-ilmu falsafah tidak menampakkan perbezaannya. Ia menunjukkan keseragaman sebagaimana dituntut oleh sifat dasar pemikiran, yang menitikberatkan persepsi mengenai kewujudan (*mawjudat*) sebagaimana adanya sama ada yang bersifat jasmaniah rohaniah, kelangitan, kebahanan, penyarian, mahupun kebendaan. Ilmu-ilmu ini memang tidak menunjukkan apa-apa perbezaan. Perbezaan hanya terjadi di dalam ilmu-ilmu syariat kerana adanya perbezaan di

antara pelbagai agama, dan di dalam ilmu-ilmu kesejarahan kerana perbezaan-perbezaan karakter dalam luar daripada maklumat sejarah.

Tulisan menjadi berbeza-beza oleh sebab manusia telah menggunakannya untuk pelbagai bentuk rupa. Perbezaan ini disebut 'pena', *qalam*, dan tulisan. Di antaranya tulisan bahawa Himyar, yang disebut *musnad*. Ia adalah tulisan Himyar dan orang-orang purba Yaman. Tulisan itu berbeza daripada tulisan orang Arab Mudhar terkemudiannya sama seperti bahasa yang ditulis dalam tulisan Himyar adalah berbeza daripada bahasa orang Arab Mudhar, meskipun kesemuanya adalah sama-sama orang Arab. Keahlian *malakah* orang Arab Mudhar berbahasa dan berekspresi berbeza dengan keahlian orang Arab Himyar. Masing-masing memiliki norma-norma mereka yang umum, yang dikembangkan secara induktif dari cara-cara berekspresi dengan bahasa, dan tiap kaedahnya adalah dengan kaedah golongan yang lainnya. Orang yang tidak memiliki keahlian berekspresi seringkali berpendapat salah tentang hal ini.

Tulisan lainnya adalah tulisan Syria (Suryani). Ia adalah tulisan orang-orang Nabatea dan Kaldean. Orang-orang yang jahir acapkali berpendapat bahawa disebabkan ini mereka adalah bangsa yang paling berkuasa (di masa lampau) dan tulisan Syria adalah sangat lama, ia adalah tulisan yang semula jadi, sedangkan pelbagai tulisan lainnya adalah konvensional. Ini adalah suatu pendapat yang tidak berasas dan liar. Tidak ada tindakan yang diakibatkan daripada pilihan adalah sesuatu yang semula jadi. Fakta memang menunjukkan bahawa tulisan Syria adalah sangat tua dan digunakan dalam waktu yang sangat lama, hingga ianya menjadi suatu tabii yang telah berakar-umbi. Dan kenyataan itu menurut pemerhati dikira sebagai hal yang semula jadi. Begitulah orang ramai tentang bahasa Arab. Mereka berpendapat orang yang bebal mempunyai pemikiran itu, meluahkan apa yang hendak dikatakan dalam bahasa Arab yang baku dan berbicara secara semula jadinya. Ini adalah suatu pendapat yang ternyata tidak berasas.

Tulisan lain adalah tulisan Ibrani (Hebrew). Ia merupakan tulisan turunan Eber (Abir), putera Shamih[150] yang merupakan orang Israil, dan lain-lainnya.

---

150 Dalam terjemahan Inggeris oleh F. Rosenthal disebut: *Shelah*.

Tulisan lainnya tulisan Latin, tulisan orang Byzantin Latin. Mereka mempunyai bahasanya sendiri.

Setiap bangsa mempunyai bentuk tulisannya yang tersendiri, yang merupakan sifat-sifatnya yang tertentu kepadanya khususnya. Hal ini berlaku sebagai contoh, orang Turki, orang Ranka, orang India, dan lain-lainnya. Tetapi hanya tiga tulisan yang amat menarik perhatian. Pertama, bahasa Syria (Suryani) kerana antiknya, sebagaimana telah kami nyatakan. Lalu bahasa Arab dan bahasa Ibrani, kerana al-Quran dan Taurat masing-masing diwahyukan dalam tulisan dan bahasa Arab dan Ibrani. Keduanya merupakan bahasa penjelas bagi pembaca al-Quran dan Taurat. Maka, perhatian pun ditujukan pertama-tama kepada susunannya, dan lalu dinyatakan kaedah-kaedah pelepasan ekspresi bahasa menurut susunannya supaya syariat-syariat yang dibebankan itu dapat difahami.

Kemudian, ketiganya bahasa Latin, bahasa orang-orang Romawi. Ketika mereka memeluk agama Nasrani yang seluruhnya didasarkan kepada Taurat, mereka menterjemahkan Taurat dan buku-buku para Nabi Bani Israil ke dalam bahasanya, agar dapat menarik pengetahuan hukum daripadanya dengan cara paling mudah. Lantas, minat mereka terhadap bahasa dan tulisan sendiri menjadi lebih ampuh daripada bahasa-bahasa lainnya.

Tulisan-tulisan bahasa lainnya menjadi tidak penting. Setiap umat mempergunakan bentuk tulisan mereka sendiri.

Sekarang, mengenai tujuan-tujuan yang harus difikirkan selalu dalam karang-mengarang *ta'lif* yang harus ditunjang, dibatasi oleh tujuh hal.

(1) Penciptaan sesuatu ilmu dengan perkaranya, pembahagiannya kepada bab-bab dan fasal-fasal, dan pembicaraan tentang pelbagai permasalahannya. Atau, penciptaan pelbagai permasalahan dan tajuk penyelidikan yang dihadapkan kepada seseorang sarjana yang cekap dan yang ingin disampaikannya kepada orang lain, supaya ianya dapat diketahui umum dan bermanfaat. Ini dengan itu, diabadikan dalam suatu naskhah tulisan, agar generasi berikutnya dapat memanfaatkannya. Inilah yang terjadi sebagai contohnya, dengan *ushul fiqih*. As-Syafii merupakan orang yang pertama mendiskusikan dan secara ringkas menyatakan dalil-dalil syariah yang didasarkan pada perkataan-perkataan hadis-hadis. Kemudian, Hanafiyah pula muncul dan menciptakan (mengistimbatkan) pelbagai masalah *qiyas* dan mengemukakannya secara

panjang lebar. Bahan itu telah digunakan oleh generasi-generasi sesudah mereka hinggalah kepada sekarang.

(2) Seseorang sarjana boleh mendapati diskusi dan sejumlah karya para sarjana terdahulu begitu sukar untuk dimengertikan. Allah s.w.t. akan membuka pemahaman tentang semua hal kepada mereka. Maka dia pun akan berkeinginan untuk menyampaikan pengetahuan yang diperolehnya kepada orang lain yang mungkin mendapati suatu kesukaran memahami masalah yang sama, supaya mereka yang layak akan mendapat manfaat daripada pengetahuan itu. Ini ialah pendekatan yang bersifat pentafsiran terhadap buku-buku ilmiah mutakhir dan tradisional, *ma'qul* dan *manqul*. Ia adalah bab yang mulia.

(3) Beberapa sarjana yang datang kemudiannya mungkin menemukan suatu kesilapan atau kesalahan dalam pembahasan oleh para sarjana terdahulu yang dikenang jasa dan berwibawa sebagai tuk guru. Dia mungkin mempunyai cukup bukti untuk itu yang tidak mungkin boleh diragukan. Dia juga mungkin berhasrat untuk menyampaikan menemukannya kepada orang-orang sesudahnya, kerana adalah tidak mungkin lagi untuk mengelak kesalahan yang sudah tertera (dalam karya berkenaan) mengambil kira pengedar yang luas dalam segi tempat dan waktu kemasyhuran sang pengarang dan kepercayaan yang telah orang berikan dalam pembelajarannya. Dengan demikian, dia mengabadikan penemuan kesalahan itu di dalam bentuk tulisan mereka agar para pelajar di masa-masa kemudiannya dapat mempelajari penjelasannya itu.

(4) Sesuatu disiplin ilmu tertentu itu boleh jadi tidak lengkap, beberapa permasalahan atau perincian menandakan adanya pembahagian perkara daripada disiplin yang memerlukan tindakan. (Para sarjana) yang telah menyedari hakikat tersebut berkeinginan melengkapinya dengan berbagai-bagai masalah yang dianggap kurang demi menyempurnakan disiplin ilmu itu dengan cara mengambil berat terhadap persoalan-persolaannya dan perincian-perinciannya dan tidak membiarkan adanya sebarang aspek kelemahan.

(5) Permasalah suatu ilmu tertentu boleh jadi dititikberatkan secara susunan yang tidak tepat ke dalam bab-babnya dan tanpa keteraturan. Sarjana yang menyedari keadaan ini akan menyusun dan memperbaiki masalah-masalahnya dan meletakkan setiap masalah pada babnya yang wujud. Sebagaimana terjadi di dalam *al-Mudawwanah* riwayat Suhnun dari ibn al-Qasim, dan di dalam

al-Uthbiyyah riwayat al-Utbiy dari para sahabat Malik. Masalah yang sebenarnya termasuk dalam bab-bab fikah banyak yang diletakkan bukan pada babnya. *Al-Mudawwanah* telah disusun kembali dengan baik oleh ibn Abi Yazid, sedangkan *al-Utbiyyah* tetap pada keadaannya yang tidak tersusun baik. Kita lalu memang menemukan pada setiap babnya masalah-masalah yang bukan termasuk bab itu. Orang pun lebih mencari dan memerlukan *al-Mudawwanah* hasil usaha ibn Abi Yazid, yang sesudahnya dilanjutkan oleh al-Burada'i.

(6) Permasalahan-permasalah sesuatu ilmu boleh jadi wujud secara bertaburan di antara bab-bab yang sewajarnya disiplin ilmu yang lainnya. Sebahagian sarjana yang terkemuka dengan itu menyedari pokok persoalan disiplin ilmu tersebut (sebagai suatu pokok persoalan mengenai perkaranya) dan sebagai suatu keperluan mengutip permasalahan-permasalahannya. Dia akan melaksanakan dan suatu disiplin ilmu (yang baru) akan tampil. Dia akan meletakkannya di antara ilmu-ilmu yang mana manusia melalui kemampuan untuk berfikirnya (akan mengusahakannya). Hal itu telah terjadi pada *ilmu al-bayan*[151] (critism) Abdul Qahir al-Jurjani[152] dan Abu Yusuf as-Sakhaki[153] berhasil menemukan masalah-masalahnya yang bertaburan di dalam buku-buku *nahwu*. Dari buku-buku itu al-Jahidz kemudian menghimpunkan banyak persoalan ke dalam *Kitab al-Bayan wat-Tabyin*, sehingga orang menyedari pokok persoalan ilmunya dan keterpisahannya daripada seluruh ilmu yang lain. Kemudian sejumlah buku terkenal tentang persoalan itu ditulis orang, dan menjadi prinsip-prinsip dasar bagi disiplin ilmu *al-bayan*. Para sarjana yang muncul kemudian mempelajarinya, dan lalu mengajarkannya kepada setiap pelajar yang datang menuntut ilmu pada kesempatan berikutnya.

(7) Sesuatu yang ada di dalam karya-karya para sarjana mungkin jadi terlalu panjang dan bertele-tele. Seseorang itu akan berusaha mengarangkan suatu ringkasan dan pilihannya yang tepat, menyisihkan semua pengulangan. Namun, seseorang itu harus berhati-hati agar tidak melenyapkan hal-hal yang esensial,

---

151 Dimaksud dengan ilmu *al-bayan* adalah ilmu-ilmu *balaghah* yang kini terbahagi kepada tiga: *al-bayan*, *al-ma'ani*, dan *al-badi'* Dahulu perkataan 'al-bayan' dinyatakan mencakup ketiga-tiga pembahasan ini secara seluruhnya.

152 Di dalam bukunya '*Dalail ul-I'jas*' dan '*Asrar al-Balaghah*'.

153 Di dalam bahagian dari bukunya 'al-Miftah'.

supaya maksud pengarang asalnya tidak menjadi hilang.

Inilah maksud dan tujuan yang harus dipertahankan dan diperhatikan dalam karang-mengarang. Lain-lainnya adalah tidak penting, suatu kesalahan (atau penyimpangan) daripada jalan bahawa para sarjana yang berilmu dan berakal fikiran harus diikuti. Sebagai contoh, seseorang boleh mencuba mengaitkan karya pengarang yang terdahulu sebagai dirinya sendiri dengan bantuan sesuatu muslihat tertentu seperti dengan mengubah kata-kata dan susunan kandungannya. Atau, seseorang mungkin membuang hal-hal yang esensial kepada disiplin khusus, atau bahan-bahan yang tidak mustahak, atau menggantikan pernyataan yang benar dengan yang salah, ataupun memasukkan sejumlah bahan yang tidak berguna. Semua tindakan ini menunjukkan kebodohan dan ketidaksenonohan.

Aristotles, apabila menyebutnya satu demi satu tujuan-tujuannya yang harus diperhatikan oleh seseorang pengarang dan telah sampai kepada yang akhirnya, dengan demikian berkata:

> "Kesemua yang selain daripada itu sama ada berlebih-lebihan atau kerakusan".

Apa yang dimaksudkan oleh beliau ialah kebodohan dan biadab.

> Kami berlindung kepada Allah daripada pekerjaan yang tidak wajar dilakukan oleh orang yang berakal. Dan Allah memberi petunjuk kepada yang lebih lurus.

36 Terdapat banyaknya karya-karya ilmiah itu menjadi penghambat untuk memperolehi kesarjanaan

Suatu yang harus diketahui ialah bahawa di antara perkara-perkara yang membahayakan usaha manusia untuk mendapatkan *ilm*, ilmu pengetahuan dan pencapaian kesarjanaan yang menyeluruh adalah banyaknya jumlah karya yang ditulis, apa yang bertimbun ialah kepelbagaian dan peristilahan teknikal yang diperlukan untuk tujuan-tujuan pengajaran serta pelbagai metode yang digunakan di dalam pengajarannya. Para pelajar itu dituntut untuk memiliki kesiapan pengetahuan kesemuanya itu. Hanya demikian mereka dapat dianggap sebagai seorang sarjana yang ulung.

Maka, para pelajar itu harus betah dengan segala pekerjaannya atau seluruhnya dan meneliti pelbagai macam kaedah yang

digunakan di dalamnya. Seluruh usia hidupnya tidak akan cukup untuk mengetahui semuanya kesusasteraan yang terdapat di dalam sesuatu disiplin ilmu, meskipun dia mengabdikan diri padanya. Maka, dia harus oleh keperluannya gagal dalam mendapatkan kesarjanaan ...

[*Contoh untuk itu adalah seperti fikah di dalam mazhab Maliki, dengan kitab *al-Mudawwanah* sebagai contohnya. Di samping itu, juga buku-buku lain yang mengacu padanya, yang berupa komentar-komentar *fiqhiyyah*, seperti kitab karya ibn Yunus, al-Lakhmi, ibn Basyir, serta berbagai catatan, pendahuluan, keterangan, dan perolehan atas buku *al-Uthbiyyah*. Juga, buku karya ibn al-Hajib, dan buku-buku lain yang ditulis dengan mengacu padanya.

Mereka harus dapat membezakan antara metode *qairawaniyah* dan *qurthubiyyah, baghdadiyyah, mishriyyah,*[154] serta pelbagai kaedah para sarjana yang datang kemudiannya. Seseorang pelajar itu dituntut semua, sehingga dia layak menyandang predikat mufti.

Kesemua variasi itu adalah satu dan perkara yang sama. Para pelajar adalah dituntut memiliki suatu pengetahuan yang sedia tentang kesemuanya itu dan berupaya membezakan apa yang terdapat di antaranya.

Sekiranya para guru dan murid-muridnya harus membatasi diri mereka pada masalah persekolahan *mashabiyah* sahaja, (tugas itu) akan menjadi lebih mudah, pengajaran kesarjanaan akan menjadi lebih senang dan mudah diterima. Namun, ini adalah lebih senang dan mudah diterima. Namun, ini adalah suatu gejala buruk yang tidak dapat diubati sebab ia telah benar-benar sebati melalui pembiasaan. Dalam satu cara, ia pun menjadi sesuatu yang semula jadi yang tidak dapat dialihkan atau diubah ...

[*Contoh lain yang dapat diberikan daripada cara mempelajari tatabahasa Arab, adalah bahawa para pelajarnya dianjurkan membaca karangan-karangan Sibawayh dan tafsir-tafsir yang ditulis mengenai kitab-kitab itu. Di samping itu, mereka harus mengetahui bermacam-macam sistem mazhab Basrah, Kufah, Baghdad, dan kemudiannya Andalusia, serta pelbagai kaedah yang dipakai para sarjana lama dan baru, seperti ibn al-Hajib dan

---

154 Masing-masing dinisbahkan kepada kaedah pengajaran ta'lim di al-Qairawan, Cordova, Baghdad, dan Mesir. Masing-masing tempat memiliki kaedah pengajaran ilmu-ilmu agama, *ta'lim* tersendiri.

ibn Malik, dan semua karya mengenai hal itu. Bagaimanapun seorang pelajar memang harus merasa dituntut mempelajari sesuatu bidang permasalahan dan siap menghabiskan umurnya untuk bidang itu saja.

Tidak ada seorang pun yang bercita-cita mencapai puncak pengetahuan seperti itu. Kalaupun ada sedikit atau jarang. Misalnya, berita yang sampai kepada kita di Maghribi tentang karya seorang ahli bahasa Arab dari Mesir, yang dikenal dengan nama ibn Hisyam. Daripada huraiannya di dalam buku itu, terkesan bahawa dia memang sangat menguasai disiplin ilmu bahasa Arab. Boleh dibilang tak ada seorang pun yang mampu menguasai seperti dia, selain Sibawayh dan ibn Jani, dan orang-orang yang seangkatan dengan mereka berdua. Hisyam dapat dipersamakan darjatnya dengan mereka, kerana keahliannya yang besar dan penguasaannya akan prinsip-prinsip dasar dan cabang-cabang terperinci disiplin ilmu bahasa itu. Peranannnya di dalamnya cukup mengagumkan. Ini menunjukkan bahawa yang patut memperoleh keutamaan bukan hanya para sarjana masa lampau. Apa lagi, seperti telah kami kemukakannya, mengingat banyaknya gangguan kerana beragamnya mazhab-mazhab, kaedah-kaedah, dan karya-karya ilmiah. Namun keutamaan paling utama datang daripada Allah yang memberikannya kepada siapa saja yang dikehendaki-Nya. Dan ini merupakan salah satu di antara sejumlah keganjilan dunia. Sebab kalau tidak, yang diperoleh hanyalah seorang pelajar, yang meskipun menghabiskan seluruh umurnya untuk mempelajarinya, tetapi tidak mampu menguasai ilmu bahasa Arab. Padahal bahasa adalah salah satu alat komunikasi. Bila hal itu saja tidak mampu ia kuasainya, bagaimana pula dia dapat mencapai tujuan?

> "Akan tetapi Allah memberi petunjuk kepada siapa yang dikehendaki-Nya."[155]

37 Terdapatnya banyak buku-buku ringkasan tentang perkara-perkara keilmuan adalah merugikan ke arah proses pengajarannya

Ramai para sarjana semasa telah beralih kepada menumpukan persembahan ringkas tentang metode dan kandungan ilmu

155 Al-Quran surah 218 (al-Qashah), bahagian dari ayat 56.

pengetahuan itu. Mereka ingin mengetahui pelbagai metode dan kandungannya dan mereka menyembahkannya secara sitematis di dalma bentuk program-program yang ringkas untuk setiap ilmu. Buku-buku mudah dibawa dan ringkas ini menyatakan seluruh pokok permasalahannya sesuatu disiplin ilmu dan bukti-bukti untuknya dalam perkataan yang sangat ringkas tetapi mengandung banyak pengertiannya. Prosedur ini adalah amat merugikan, terhadap gaya bahasanya yang baik, *balaghah*, dan menjadikannya sukar untuk difahami.

Seringkalinya, para sarjana mendekati buku induk daripada pelbagai disiplin ilmu yang sangat panjang, bermaksud untuk menafsirkan dan menerangkannya. Mereka juga meringkasnya, untuk mempermudah para pelajar menghafaznya. Tindakan ini, antaranya, dilakukan oleh Ibn al-Hajib terhadap fikah dan *ushul fiqih*, dan Ibn Malik terhadap bahasa Arab, dan al-Khonji terhadap *mantiq*. Ternyata ianya memberikan suatu yang merosakkan terhadap proses pengajaran dan merugikan dalam usaha untuk mencapai kesarjanaannya ilmu pengetahuan. Sebab ianya mengelirukan para pelajar itu dengan cara menghadapkan bahagian-bahagian yang paling lanjut sesuatu disiplin itu kepada mereka. Pada hal mereka belum siap untuk menerimanya. Inilah suatu kekeliruan sistem pengajaran, *ta'lim* yang berat.

Ianya juga melibatkan banyak daya usaha yang harus dilakukan oleh para pelajar. Mereka haruslah mempelajari perkataan-perkataan yang diringkaskan yang mana ianya sukar untuk difahami sebab ianya padat dengan pelbagai pemikiran dan berusaha mencari daripadanya apakah masalahnya yang sebenar-benarnya. Dengan itu, teks buku-buku ringkasan seperti itu didapati amat sukar dan rumit. Untuk memahaminya banyak waktu digunakan.

Meskipun begitu, setelah bersusah payah sifat-sifat kesarjanaan yang dimungkinkan dicapai daripada buku-buku yang ringkas, walaupun ianya pada yang terbaiknya dan ditiadakan apa-apa kelemahannya adalah masih rendah mutunya akibat terlalu banyak dan usaha-usaha yang membebankan. Sebab cara yang kemudian ini akan mengandung banyak pengulangan dan bertele-tele, tetapi kedua-duanya berguna untuk mendapatkan kebiasaan yang sempurna. Apabila terdapat sedikit pengulangan, apa yang akan terhasil ialah kebiasaan yang kurang sempurna. Hal ini terjadi terhadap kerja-kerja meringkaskan.

Usaha meringkaskan itu adalah bermaksud menyenangkan

para pelajar menghafaz pengetahuan (mata pelajaran kesarjanaan) tetapi kesannya ialah ia amat membebankan mereka sebabnya ialah mereka terhalang untuk mendapatkan keahlian yang berguna dan kebiasaan-kebiasaan yang mantap.

Dan barang siapa mendapat petunjuk Allah s.w.t., maka tidak seorang pun yang dapat menyesatkannya, dan siapa yang disesatkan Allah maka tidak seorang pun yang memberi petunjuk baginya.[156]

Dan Allah, Maha Suci dan Maha Tinggi, Lebih Mengetahui.

38 Sikap yang wajar dalam pengajaran, *ta'lim* ilmu-ilmu pengetahuan dan ke arah metode mengajarkannya

Suatu yang harus diketahui ialah bahawa pengajaran ilmu pengetahuan kepada pelajar hanya akan dirasakan berkesan apabila dilakukan secara beransur-ansur, sedikit demi sedikit. Pada mulanya, guru tersebut akan memaparkan kepada para pelajarnya masalah-masalah utama yang terdapat dalam setiap bab cabang ilmu tertentu. Dia akan membiasakan mereka dengan cara mengulasnya secara ringkas. Sewaktu melaksanakannya, dia akan memerhatikan kemampuan akal dan kesiapan pelajar untuk memahami bahan yang akan diberikan kepadanya sehinggalah apa yang menjadi akhiran disiplin itu dicapai. Dengan cara ini, para pelajar akan mendapatkan kebiasaan berilmu yang dipelajarinya. Sungguhpun begitu, kebiasaan itu hanyalah lebih kurang sahaja dan masih lemah. Apa yang terdaya dia lakukan ialah untuk membolehkan para pelajar memahami disiplin dan mengetahui masalah-masalahnya.

Guru itu, kemudiannya akan membantu murid-muridnya mengulangkaji disiplin itu untuk kali keduanya. Dia akan mengajarnya pada tahap lebih tinggi. Kali ini guru itu tidak lagi memberikan penerangan secara sepintas lalu sahaja. Tetapi penuh dengan ulasan yang menyeluruh dan penjelasannya. Dia menyebutkan pandangan semasa yang bertentangan dan bentuk-

156 Dipetik daripada firman Allah s.w.t: "Dan siapa yang disesatkan Allah, maka tidak seorang pun dapat memberi petunjuk baginya; dan barang siapa yang diberi petunjuk oleh Allah, maka tidak seorang pun dapat menyesatkannya". (Al-Quran, surah 39 atau az-Zumar, ayat 36–37).

bentuknya pada sepanjang waktu hinggalah ke akhir disiplin yang diperbincangkan itu.

Maka, sikap kecendekiawan para pelajar itu dapat dipertingkatkan. Dan guru terus memandu para pelajarnya, kali ini suatu perbincangan yang lebih berasas. Dia tidak membiarkan apa yang dianggap merumitkan, kabur atau terlindung, tidak dijelaskan. Semuanya harus diterangkan secara terbuka kepada si murid. Sebagai akibatnya, apabila dia selesai membicarakan disiplin itu, para pelajarnya telah mencapai tahap keahlian yang boleh dibanggakan.

Ia adalah kaedah pengajaran yang sebaik-baiknya. Sebagaimana seseorang dapat menyaksikan, ia menghendaki tiga kali pengulangan. Beberapa pelajar dapat meloloskan dirinya setakat ala kadarnya, bergantung kepada keterampilan dan kecerdasan si pelajar itu.

Kita telah menyaksikan begitu ramai guru pada masa kita sekarang ini yang masih jahil tentangnya keberkesanan kaedah pengajaran. Para guru memulakan pengajaran dengan memberikan para pelajar itu masalah-masalah ilmu yang tidak jelas. Mereka menuntut seseorang itu memerah otak untuk menyelesaikannya. Mereka beranggapan bahawa cara sedemikian adalah amat berpengalaman dan merupakan suatu latihan yang tepat dan mereka menjadikan tanggungjawab si murid untuk memahami serta mengetahui perkara-perkara itu. Pada hakikatnya, mereka telah mengelirukan para pelajar itu dengan mendedahkan bahagian-bahagian pelajaran yang paling lanjut pada permulaan (pembelajaran mereka) sebelum mereka bersedia memahaminya. Ini dapat membingungkan mereka. Sebab kesiapan dan kesanggupan memahami suatu ilmu itu hanya dapat dikembangkan sedikit demi sedikit. Pada permulaannya para pelajar biasanya belum sepenuhnya berupaya memahami apa-apa tetapi hanya beberapa (sudut-sudut pandangan) sahaja. Pemahamannya hanyalah secara lebih kurang dan umum, (yang boleh dicapai hanya) dengan gambaran-gambaran (*muthul*) yang didapati daripada persepsi sensual. Kesanggupannya itu selanjutnya, terus tumbuh secara perlahan-lahan dan sedikit demi sedikit apabila dia mengalami masalah terhadap ilmu yang dipelajari dan diulang-ulangi kepadanya dan daripada pemahamannya hingga seluruhnya, pengetahuan yang tinggi. Maka, kesediaan sikap menerimanya dan akhirnya pencapaian itu akan terlihat pada diri si pelajar

hinggalah dia dapat memahami pengetahuan daripada permasalahan ilmu yang dipelajarinya. Tetapi sekiranya seseorang pelajar itu didedahkan kepada keputusan akhirnya, pada peringkat awalnya, di kala mereka belum dapat memahaminya dan mengerti apa-apa dan adalah terlalu jauh daripada bersedia memahaminya, maka fikirannya akan menjadi tumpul untuk memahaminya. Dia beranggapan bahawa menjadi seorang cerdik pandai itu amat sukar dan tidak suka mendekatkan dirinya kepada usaha itu. Dia akan tetap mengelak dan menjauhkan diri daripadanya. Ini adalah disebabkan oleh cara mengajar yang tidak betul.

Seseorang guru itu tidak harus menuntut lebih daripada pelajarnya daripada apa yang difahaminya daripada buku yang dipelajarinya, sesuai dengan tahap umurnya dan kesediaannya menguasai pengajaran, sama ada dia sedang memulai pelajarannya atau di akhir pembelajarannya. Guru tadi juga tidak harus menimbulkan masalah-masalah selain daripada yang ditemui di dalam buku tersebut, hinggalah murid itu memahami seluruh ilmu dari awal hingga akhirnya, lebih memahami maksudnya, dan telah mendapatkan kebiasaan daripadanya, yang dapat diterapkannya kepada cabang ilmu pengetahuan lainnya. Apabila seseorang pelajar itu telah mengembangkan keinginannya untuk belajar sesuatu disiplin ilmu dia akan meningkatkan keinginan yang lebih tinggi lagi. Dia juga telah berminat untuk menimba lebih banyak ilmu pengetahuan dan berusaha mendapatkan ilmu yang lebih tinggi lagi. Maka, akhirnya dia berhasil mendapatkan seluruh keilmuan itu. Tetapi sekiranya seseorang itu mengelirukan pelajarnya, dia tidak akan dapat memahaminya. Otaknya akan menjadi tumpul dan bebal. Dia tidak sanggup bekerja dan berputus asa. Akhirnya akan menyisihkan ilmu yang sedang dipelajari itu.

Adalah harus dipentingkan juga (oleh si guru), agar tidak menggunakan masa terlalu lama mengajar satu ilmu atau masalah istirahat di antara sesi dan waktu rehat yang terlalu lama. Ini akan menyebabkan si pelajar mengalami sifat pelupa dan memutuskan pertalian di antara masalah lainnya, ilmu yang sedang dipelajari. Gangguan-gangguan seperti itu akan mempersukarkan lagi perolehan keahlian sesuatu ilmu. Sebab, apabila seluruh isi permasalahan, sejak permulaan sampai akhir, tercerap dalam fikiran dan tercamkan, maka pelbagai keahlian akan lebih mudah dicapai dan lebih mantap, kerana diperoleh melalui pengulangan-pengulangan tindakan dan kaji lanjutan. Dengan demikian, apabila

tindakan tersebut dilupakan maka keahlian yang dihasilkan juga akan dilupakan, dan:

> "Allah mengajarkan kepadamu apa yang dahulunya tidak kamu ketahui".

Suatu cara yang baik dan metode yang harus dilaksanakan dalam pengajaran, *ta'lim*, adalah meniadakan cara yang membingungkan si murid, misalnya dengan tidak mengajarkan dua cabang ilmu pengetahuan secara sekaligus. Sebab dengan cara itu dia akan mendapat amat sukar sekali menguasai salah satu daripada kedua-dua disiplin ilmu tersebut, kerana perhatiannya akan terbahagi dan terganggu oleh satu dari yang lainnya. Sekiranya fikirannya bebas untuk mempelajari sesuatu yang diminatinya, ia dapat membatasi diri sepenuhnya padanya, dan cara sedemikian adalah lebih sesuai untuk menyerap ilmu yang diinginkan.

Engkau, aduhai para pelajar harus menyedari bahawa kehadiran saya di sini adalah untuk memberi beberapa petunjuk yang berguna dalam pembelajaranmu. Sekiranya kamu menerimanya dan mengikutinya dengan sungguh-sungguh, kamu akan mendapatkan suatu keuntungan yang besar dan harta yang tidak ternilai. Sebagai pendahuluan yang akan membantumu memahaminya, saya dapat katakan kepadamu perkara-perkara berikut:

Kemampuan manusia untuk berfikir adalah anugerah khusus yang semula jadi ciptaan Allah s.w.t. sama seperti Dia menciptakan semua makhluk-Nya. Ia merupakan perlakuan dan gerak di dalam jiwa manusia dengan mempergunakan suatu kekuatan pada rongga tengah bahagian otaknya. Pada masanya, (berfikir) bererti permulaan tindakan manusia yang teratur dan tertib. Pada waktu yang lainnya, ia adalah awal mula pengetahuan tentang sesuatu yang tidak kedapatan sebelumnya. Kemampuan untuk berfikir adalah diarahkan kepada beberapa objektif yang mana kedua-duanya telah dilihatnya dan (kini) mahu menegaskan atau menyangkalnya. Dalam waktu yang lebih cepat daripada kerdipan mata, dia telah mengenal garis penengah yang mempersatukan kedua hujung tersebut, sekiranya sasaran itu adalah seragam. Atau, ia akan terus mencapai garis penengah yang lainnya, sekiranya sasarannya adalah berjenis-jenis. Ia pun lalu menemukan sasarannya. Ia adalah melalui cara ini bahawa kemampuannya untuk berfikir, yang membezakan manusia daripada semua jenis haiwan.

Sekiranya, keahlian logik (pengetahuan tentang cara) di mana

ketrampilan alam berfikir dan mengagak-agak mengambil tempohnya. Logik menyatakannya supaya pelaksanaan yang benar dapat dibezakan daripada yang salah. Untuk menjadi benar, walaupun, ia adalah di dalam esensi kemampuan untuk berfikir. Namun, dalam hal-hal yang jarang-jarang terjadi, ia dipengaruhi oleh kesalahan. Hal ini timbul dari penglihatan atau pemikiran terhadap dua hujung itu tadi dalam bentuk menyimpang daripada yang sebenarnya, sebagai akibat adanya kekacauan pada tatanan dan tertib cadangan-cadangan dari mana kesimpulan itu dicapai. Logiklah yang membantu menyisihkan perangkap-perangkap kesalahan-kesalahan itu. Maka, ia adalah prosedur teknikal yang sejajar dengan sifat keupayaan pemikiran semula jadi manusia dan sesuai dengan cara ianya berfungsi. Oleh sebab ianya adalah prosedur teknikal, ianya pada umumnya boleh diketepikan. Dengan demikian, seseorang akan mendapati bahawa ramai pemikir-pemikir besar dunia telah mendapat pencapaian kecendekiawan tanpa menggunakan keahlian dalam bidang logik, khususnya apabila maksudnya ada suci dan menyerahkan diri kepada belas kasihan Allah s.w.t., yang daripadanya diberikan sebesar-besar bantuan. Mereka melanjutkan dengan kemampuan untuk berfikir secara semula jadinya dengan sebaik-baiknya, dan ini sebagaimana yang diciptakan oleh Allah s.w.t., mengizinkan dengan cara semula jadinya mencari apa yang ada di antaranya dan pengetahuan tentang objektif mereka.

Di samping prosedur teknikal barang bikinan tadi, yang dipanggil logik (proses) pengkajian melibatkan suatu (disiplin) pengenalan lainnya yakni pengetahuan tentang perkataan-perkataan dan cara bagaimana kata-kata itu menyatakan idea-idea yang terdapat di dalam fikiran dengan mendapatkannya daripada bentuk-bentuk (tulisan-tulisan) yang diucapkan, dalam halnya dengan penulisan dan daripada apa yang diucapkan oleh lidah – pembicaraan – menyatakan dalam hubungannya dengan ucapan-ucapan yang diungkapkan. Kamu, wahai pelajar, harus melalui semua tabir penghalang itu, supaya sampai pada keadaan (di mana kamu) berfikir tentang apa saja yang menjadi sasaranmu.

Pertama-tama, ada cara di mana penulisan menyatakan kata-kata yang diucapkan. Ini adalah bahagian yang paling mudah. Lalu, ada caranya di mana kata-kata yang diucapkan menyatakan idea-idea yang dicari oleh seseorang. Tambahannya, ada pula peraturan-peraturan untuk mengatur idea-idea dalam suatu

susunan yang sewajarnya. Sebagaimana dikenali dalam keahlian logik, demi membuat penolakan kemudian, terdapat idea-idea di dalam fikiran yang abstrak – alat yang dipergunakan oleh seseorang untuk memburu objektif (keinginan) dengan menggunakan kemampuan berfikir secara semula jadi seseorang dan meleburkan diri seseorang kepada belas kasihan dan kemurahan hati Allah s.w.t.

Tidak semua orang berupaya melolosi tahap-tahap ini dengan cepat, atau dengan mudah menembusi tirai-tirai yang menutupi pengetahuannya. Seringkalinya pertikaian akan menyebabkan akal itu berhenti di muka tirai perkataan-perkataan. Perbalahan-perbalahan yang amat mengusik diri dan keraguan-keraguan menyebabkannya jatuh ke perangkap penghujahan, supaya akal itu terhalang daripada mendapatkan apa yang menjadi objektifnya. Jarang-jarang dan seringnya hanya segelintir sahaja yang beroleh petunjuk Allah s.w.t. berjaya dalam menyelamatkan diri daripada rintangan seperti itu.

Sekiranya kamu menghadapi kesukaran dan terhalang dalam memahaminya (permasalahan-permasalahan itu) oleh perasaan curiga atau perasaan atau waswas yang amat mengganggu di dalam fikiranmu, buanglah ia jauh-jauh. Nyahkanlah tirai-tirai perkataan-perkataan dan hambatan-hambatan kecurigaan itu. Tinggalkanlah kesemua prosedur teknikal dan berlindunglah di dalam kemampuan fikir semula jadimu itu yang telah dianugerahi kepadamu oleh alam semula jadi. Biarkan sahaja agakanmu itu menjelajah mencari sasarannya, dan biarkanlah fikiranmu menenggelami dirinya, sesuai dengan apa yang kau inginkan daripadanya. (Berpijaklah kamu di alam nyata ini, di mana pemikir-pemikir agung sebelummu berpijak. Serahkanlah dirimu kepada pertolongan Allah s.w.t., yang dengan belas kasihannyalah Dia memberikan pertolongan kepada kamu dan mengajar mereka apa yang mereka tidak tahu. Sekiranya kamu laksanakannya, cahaya Allah akan menyinari dan menunjukkan kepadamu objektifmu itu. Inspirasi akan menyatakan kepada pertengahannya bahawa Allah menetapkan suatu keperluan semula jadi untuk berfikir pada saat itu, kembalilah (kepada pertengahan) dan gunakanlah norma-norma teknikal (tentang logik)! Berikutnya, hiasilah ia dengan pakaian perkataan-perkataan dan bawakanlah ia ke hadapan dunia pengucapan dengan ucapan yang tepat dan dibicarakan secara bijaksana sekali.

Perbalahan percakapan dan perasaan kurang pasti mengenai pembahagian di antara yang benar dan bukti logik yang silap adalah kesemuanya teknikal dan hal-hal yang konvensional. Pelbagai aspek adalah serupa atau sama sahaja. Disebabkan sifatnya yang konvensional dan teknikal sekiranya kamu berhenti (kamu tidak akan berupaya) untuk membezakan apa yang benar di dalamnya, sebab kebenaran itu dapat dibezakan hanya sekiranya ia layak di alam semula jadinya. Kesemua perasaan curiga dan ketidakpastian akan kekal. Tirai-tirainya akan menutup objektif yang dicari dan menghalang para pemikirnya daripada mendapatkannya. Hal ini terjadi dengan pemikir-pemikir mutakhir, khususnya mereka yang dahulunya bertutur dalam bahasa selain daripada bahasa Arab, yang merupakan kecacatan mental atau mereka yang mencintai logik dan bersikap tidak memihak padanya. Mereka berasa yakin bahawa logik adalah merupakan cara yang semula jadi untuk menanggapi sesuatu kebenaran. Mereka menjadi keliru apabila kekeliruan dan waswas timbul akibat bukti, dan mereka sama sekali tidak dapat membebaskan diri daripada rintangan-rintangan yang semacam itu.

Sebagai suatu fakta, cara semula jadi untuk menentukan persepsi kebenaran adalah, sepertimana telah kami kemukakan, kemampuan semula jadi manusia untuk berfikir, apabila ianya bebas daripada semua khayalan, dan apabila si pemikir mengabdikan dirinya kepada belas kasihan Allah s.w.t. Adapun logik itu hanya sekadar menyatakan suatu proses berfikir, dan kebanyakannya adalah sejajar dengannya. Ambillah ia sebagai pertimbangan, dan mohonlah belas kasihan Allah s.w.t. bila sahaja kamu mendapatkan kesukaran untuk memahami permasalahan-permasalahan itu. Kemudian, cahaya Allah s.w.t. akan menyinarimu dan memberikan kamu inspirasi yang sebenarnya. Dan memberi petunjuk ke arah rahmat-Nya.

"Dan tidak ada ilmu kecuali dari sisi Allah".[157]

39 Kajian tentang ilmu tambahan tidak harus mengambil waktu yang terlalu lama dan permasalahan-permasalahannya tidak perlu dibincangkan secara terperinci

Ilmu pengetahuan yang dimaklumi secara kebiasaannya di

157 Al-Qur'an surah 67 (Tabarak) ayat 26.

kalangan masyarakat adalah terdiri daripada dua jenis. Ia adalah ilmu pengetahuan yang dipelajari secara *per se* kerana faedah yang sebenarnya daripada ilmu itu sendiri, seperti ilmu-ilmu agama, syariat (tafsir, hadis, fikah, dan ilmu kalam), dan ilmu-ilmu alam (*thabi'yyat*) dan falsafah yang ada hubungannya dengan ketuhanan atau metafizika (*ilahiyyat*). Sebagai tambahannya, terdapat ilmu-ilmu yang menjadi alat dan tambahan untuk mempelajari ilmu-ilmu yang disebutkan. Di antara yang termasuk ke dalam itu tersebut ialah ilmu bahasa Arab, ilmu hitung, dan ilmu-ilmu lain yang ternyata membantu dalam mempelajari agama, serta ilmu logik yang merupakan tambahan untuk mempelajari falsafah dan selalunya logik spekulatif dan ilmu-ilmu mengenai prinsip-prinsip fikah yang diajarkan sesuai dengan kaedah sarjana mutakhir.

Dalam hal ilmu yang dipelajari kerana faedah *per se* itu, ia tidak mendatangkan apa-apa mudarat untuk membicarakannya secara panjang lebar, untuk menyentuh permasalahan-permasalahannya secara terperinci, dan menyatakan pandangan-pandangan yang berhubungan dengan bukti dan pandangan-pandangan yang pelbagai (yang ada mengenainya). Ini memberikan para pelajarnya suatu sikap yang teguh dan menerangkan pemikiran-pemikiran yang terkandung di dalamnya yang seseorang itu berminat untuk mengetahuinya.

Tetapi ilmu-ilmu yang merupakan tambahan kepada berbagai-bagai ilmu yang lainnya, seperti ilmu bahasa Arab, logik, dan sebagainya, seharusnya dipelajari hanya selaku tambahan dalam mempelajari ilmu pengetahuan yang selain daripada itu. Pembahasan tentangnya tidak harus dipanjangkan dan permasalahan-permasalahan tentangnya tidak harus secara mendalam, sebab ia akan mendorong para pelajar menyimpang dari tujuannya sendiri. Sebab, tujuannya yang sebenar ialah sebagai bantuan, bukan untuk maksudnya yang lain. Apabila ilmu tambahan itu tidak lagi berperanan untuk menjadi sebagai ilmu tambahan kepada ilmu yang lainnya ia tidak lagi dapat memenuhi hasratnya dan penglibatan dengannya hanya menjadi suatu kegiatan masa lapang sahaja.

Tambahan pula, ia adalah amat sukar untuk mendapatkan kebiasaan tentangnya, sebab ia adalah mata pelajaran yang besar dan terdapat banyak keteperinciannya. Kesulitannya sering menjadi hambatan untuk mendapatkan ilmu-ilmu itu secara *per se*, sebab ia memerlukan waktu yang lama untuk mendapatkannya.

Sungguhpun begitu ia sangat mustahak dan umur manusia tidaklah panjang, dan ianya adalah singkat untuk mendapatkan ilmu segala-galanya seperti jenis ini. Maka, penglibatan dengan ilmu-ilmu tambahan itu hanya membuang masa daripada usia seseorang, penglibatan dengan sesuatu yang tiada ada gunanya.

Usaha ini telah dilakukan oleh para sarjana mutakhir dalam mempelajari ilmu tatabahasa Arab, logik, dan juga *ushul-fiqih.* Mereka telah melanjutkan perbicaraan mengenai disiplin dengan menyampaikan lebih banyak bahan dan dengan menambahnya melalui pemikiran deduktif. Mereka telah memperbanyakkan bilangan keteperinciannya dan permasalahannya, menjadikannya tidak lagi sebagai ilmu tambahan tetapi disiplin ilmu yang di-mahukan secara *per se.* Sebagai akibatnya, (ilmu-ilmu tambahan) seringkalinya menyentuh pandangan-pandangan dan permas-alahan-permasalahan yang mana ianya tidak diperlukan dalam disiplin-disiplin yang diperlukan secara *per se* dan hanya merupakan *raison de'etre* mengenai ilmu-ilmu tambahan. Maka, ianya menjadi seperti kegiatan masa lapang dan memudaratkan para pelajarnya, kerana ilmu yang diperlukan untuk tujuan *per se* adalah lebih utama untuk mereka daripada ilmu-ilmu tambahan dan alat. Sekiranya mereka menghabiskan banyak waktu untuk mengetahui ilmu tambahan, bilakah mereka mendapatkan ilmu yang semata-mata kerana tujuannya? Dengan demikian, para guru ilmu tambahan hendaknya tidak terlalu mendalami ilmu-ilmu itu, dan menambahkan bilangan permasalahan-permasalahannya. Mereka harus menasihatkan para pelajarnya mengenai tujuannya dan menghentikan mereka pada takat itu. Mereka yang berkeingin-an untuk mendalaminya lebih mendalam dan menganggap dirinya berupaya melakukannya, dan berkeupayaan melakukannya, boleh memilih jalan tersebut untuk dirinya sendiri.

Setiap orang akan berjaya pada hal yang telah Dia ciptakan.

40 Pengajaran anak-anak dan berlainan kaedah yang digunakan di kota-kota Islam

Mengajar anak-anak mendalami al-Quran merupakan suatu simbol dan pekerti Islam. Orang-orang Islam telah dan mengamalkan ajarannya di semua kota-kota, kerana ia memperkukuhkan hati dengan kepercayaan terhadap Islam yang tidak berbelah bahagi

dan memperteguh keimanannya, yang diperoleh daripada al-Quran dan beberapa hadis. Al-Quran telah menjadi dasar pengajaran *ta'lim*, dan tapak bagi semua kebiasaan-kebiasaan yang diperolehi kemudiannya. Sebab bagi hal-hal ini ialah apa yang diajarkan kepada seseorang anak itu adalah lebih mengesani dirinya dalam (daripada apa pun juga), ia menjadi asas bagi semua pengetahuan yang diperoleh setelah itu. Pengaruh daripada kesan pertama yang diterima oleh hati merupakan tapak bagi semua tradisi ilmiah. Watak yang ada pada tapak akan menentukan keadaan bangunan-bangunan itu. Metode-kaedah di dalam mengajarkan *ta'lim* di dalam al-Quran kepada anak-anak adalah berbeza-beza sesuai dengan perbezaan pendapat mengenai pelbagai kebiasaan yang diakibatkan oleh pengajaran *ta'lim* itu tadi.

Cara orang-orang Maghribi ialah membatasi pendidikan dengan cara pengajaran al-Quran kepada anak-anak dan untuk berlatih, semasa menerima latihan mengenai ortografi al-Quran dan permasalahan-permasalahannya serta perbezaan di kalangan para ahli al-Quran mengenai pembacaannya. Mereka tidak mencampuradukkan pelajaran al-Quran dengan pelajaran-pelajaran lainnya di dalam kelas-kelas *ta'lim*nya seperti mengajarkan pelajaran hadis, fikah, syair atau filologi bahasa Arab, hinggalah murid itu menjadi benar-benar ahli al-Quran, atau gagal sebelum menjadi ahlinya. Dalam hal yang terakhir, ia bermakna, sebagaimana harusnya, dia tidak belajar apa-apa pun.

Ini adalah kaedah masyarakat kota di Maghribi dan guru-guru tempatan al-Quran di desa-desa orang-orang Barbar yang menteladani cara orang-orang kota di dalam mendidik anak-anaknya hinggalah mencapai usia dewasa. Cara ini juga diterapkan terhadap orang-orang tua yang baru mempelajari al-Quran setelah berusia lanjut. Akhirnya orang-orang Maghribi mengetahui ortografi al-Quran, dan dapat menghafaznya lebih baik daripada orang-orang Islam lainnya.

Kaedah orang-orang Andalusia pula ialah pengajaran *ta'lim* al-Quran melalui tulisan dan pembacaannya. Inilah yang dititikberatkan di dalam pengajaran anak-anak. Sungguhpun begitu, oleh sebab al-Quran merupakan asas dan tapak bagi kesemuanya itu serta semua ilmu pengetahuan, mereka menjadikannya sebagai dasar pengajaran, tetapi tidak membatasi pengajaran anak-anaknya sepenuh-penuhnya pada al-Quran sahaja. Mereka juga memasukkan mata pelajaran lainnya khususnya syair dan karang-

mengarang dan memberikan para pelajar itu pengetahuan yang baik dalam bahasa Arab dan mengajar mereka cara menulisnya dengan baik. Mereka tidak mendesak pengajaran al-Quran lebih daripada subjek-subjek lainnya. Malah, mereka menitikberatkan pengajaran tulisan *khath* daripada yang lainnya sehinggalah anak-anak itu mencapai usia kedewasaannya. Dengan demikian seseorang anak itu pun memiliki suatu pengalaman dan pengetahuan tentang bahasa Arab dan syair. Dia dapat menguasai tulisan *khath*, dan juga menguasai kesarjanaan ilmu pada umumnya. Sekiranya pengajaran kesarjanaan masih berlangsung di Andalusia dan dia tidak, sebabnya ialah tradisi iu tidak lagi wujud di sana. Maka (anak-anak penduduk Andalusia pada hari ini) tidak lagi memperolehi pengetahuan lanjut selain daripada pengajaran yang asas sahaja. Ia hanya memadai kepada mereka yang telah diberi petunjuk oleh Allah s.w.t. Ia dapat menyediakan mereka untuk mempelajarinya lebih lanjut, sekiranya guru yang diperlukan untuk mengajarnya dapat dicari.

Adapun orang Ifriqiyah, pula akan menggabungkan pengajaran al-Quran terhadap anak-anak, dengan pelajaran hadis. Mereka juga mengajarkan norma-norma saintifik yang asas dan masalah ilmiah tertentu. Sungguhpun begitu, mereka menitikberatkan pembelajaran al-Quran dan dapat menghafaznya dengan baik dan membacanya lebih daripada yang lainnya. Sedangkan perhatian mereka pada *khath* dikemudiankan. Pada umumnya, kaedah pengajaran al-Quran mereka adalah lebih hampir kepada kaedah orang Andalusia daripada kaedah orang-orang Maghribi atau Timur. Sebabnya ialah tradisi pendidikan orang Ifriqiyah adalah berasal daripada syekh-syekh Andalusia yang telah menyeberang ke sana ketika orang Nasrani menaklukkan Andalusia, dan mendapatkan keramah-tamahan di Tunisia. Sejak daripada waktu itu, mereka menjadi guru kepada anak-anak orang di Tunisia.

Orang-orang di Timur, sejauh yang kita maklumi, begitu juga memiliki sejenis kurikulum campuran. Tidak pula saya ketahui apa yang mereka titiberatkan. Apa yang kami ketahui bahawa mereka lebih mengambil berat pengajaran al-Quran dan pengerjaan-pengerjaannya serta norma-norma asas kesarjanaan agama, bermula ketika anak-anak itu telah menginjak dewasa. Mereka tidak mencampurbaurkan pengajaran al-Quran dengan pengajaran *khath*. Dikatakan, mereka memiliki aturan pengajaran *khath* yang

khas, dan ada guru-guru khusus untuk itu, sepertimana juga keahlian-keahlian di bidang lainnya yang dipelajari secara terpisah dan tidak termasuk ke dalam kurikulum sekolah untuk anak-anak. Daripada batu tulis yang dibawa oleh anak-anak itu dapatlah diketahui bahawa cara tulisan mereka adalah kurang memuaskan. Mereka ingin mempelajari *khath* secara lebih baik boleh mempelajarinya lebih lanjut daripada para ahli kaligrafi yang profesional, sesuai dengan minat dan hasrat mereka terhadapnya.

Hakikat-hakikat yang menunjukkan bahawa orang Ifriqiyah dan Maghribi yang membatasi diri dalam mempelajari al-Quran membuat mereka sama sekali tidak mempelajari keahlian dalam berbahasa sebabnya sebagaimana lumrahnya tiada kebiasaan keilmiahan dapat diwujudkan daripada pembelajaran al-Quran, sebab tiada seorang pun akan mampu menghasil apa-apa sepertinya maka manusia itu tidak berupaya menggunakan atau meniru gayanya dan mereka juga tidak dapat membentuk apa-apa tabiat dalam apa-apa pun. Akibatnya, seseorang yang mengetahui al-Quran belum tentu dapat memperoleh keahlian dalam bertutur bahasa Arab. Adalah yang tidak dapat dielakkannya mengungkap berbahasa yang kaku dan tidak fasih dalam berbicara. Keadaannya ini tidaklah jelas di kalangan orang Ifriqiyah sepertimana di kalangan orang-orang Maghribi, sebab, sebagaimana telah kami kemukakan, orang-orang Ifriqiyah mencantumkan pengajaran al-Quran dengan pengajaran istilah norma-norma genetik maka mereka pun dapat mengamalkannya dan mempunyai contoh untuk melakukan peniruan. Sungguhpun begitu, kebiasaan mereka dalam hal ini belum menghasilkan suatu penguasaan bahasa yang bagus, *balaghah*. Sebab pengetahuan mereka kebanyakannya adalah meliputi terminologi ilmiah yang belum memadai untuk menjadikannya gaya yang baik.

Mengenai orang-orang Andalusia, pelbagaian kurikulum dan banyaknya pengajaran dalam syair, karang-mengarang, dan filologi bahasa Arab sejak dari awal-awal dan seterusnya, membuatkan mereka mempunyai kebiasaan menguasai bahasa Arab. Mereka pula kurang arif dalam cabang ilmu pengetahuan yang lainnya, mereka kurang arif dalam pengkajian al-Quran dan hadis yang merupakan asas dan tapak ilmu-ilmu agama. Maka mereka adalah orang yang ahli dalam tulisan dan merupakan pelajaran sastera yang sama ada tinggi mutunya atau rendah mutunya, bergantung pada pendidikan sekundar yang mereka terima setelah

menamatkan pendidikan di masa anak-anak.

Di dalam *Rihlah*-nya, Hakim Qadli Abu Bakar bin al-Arabi membuat suatu pernyataan yang menakjubkan tentang pengajaran, *ta'lim*, yang mengekalkan apa yang paling baik daripada yang lama dan mencadangkan segi-segi barunya yang baik. Dia meletakkan pengajaran bahasa Arab dan syair mendahului semua ilmu yang lainnya sebagaimana kaedah yang diamalkan oleh orang Andalusia. Sebagaimana yang beliau katakan:

> "Syair adalah arkip *diwan* orang-orang Arab. Syair dan filologi bahasa Arab hendaklah diajarkan lebih dahulu mengingatkan adanya percemaran dalam bahasa Arab. Dari sini para pelajar hendaklah melanjutkannya pula mempelajari ilmu hitung dan mempelajarinya secara sungguh-sungguh hinggalah mereka memahami hukum-hukum dasarnya. Selanjutnya, dia harus melanjutkan dengan mempelajari al-Quran, sebab dengan persiapannya (yang dahulu) itu, akan memudahkannya."
>
> Ibn al-Arabi melanjutkan: "Alangkah tidak bijaksananya penduduk negeri ini yang menyuruh anak-anak mempelajari al-Quran pada masa mereka dini. Mereka membaca apa yang tidak dimengertinya, dan berusaha keras untuk sesuatu yang tidak ada gunanya sebagaimana hal lainnya."
>
> Lalu dia menyimpulkan: "Pelajarnya hendaklah mempelajarinya secara berturut-turut apa yang menjadi prinsip-prinsip Islam, prinsip-perinsip *ushul fiqih perdebatan jidal*, disusuli pula oleh hadis dan ilmu-ilmu lain yang bersangkutpaut dengannya."

Beliau juga menegah pengajaran dua disiplin ilmu secara sekaligus dalam satu waktu, kecuali terhadap murid yang memiliki kecerdasan otak dan mempunyai semangat yang waja.

Itulah nasihat Qadli Abu Bakar-rahimullah. Tentunya ia merupakan suatu kaedah yang baik. Sungguhpun begitu, kebiasaan yang telah diterima tidak berpihak kepadanya dan adat kebiasaan memiliki kekuatan yang lebih besar daripada keadaan-keadaan lainnya. Kebiasaan yang diterima adalah diutamakan dalam pengajaran al-Quran. Sebabnya ada keinginan untuk mendapatkan restu dan pahala daripada Allah s.w.t. (di dunia lain) dan adanya kebimbangan akan hal-hal yang akan menimpa anak-anak mereka di dalam zaman ketololan mereka dan akan membahayakan serta

menghalang mereka daripada mempelajarinya ilmu pengetahuan secara seutuhnya. Mereka akan kerugian dalam mendapatkan kesempatan mempelajari al-Quran. Selagi mereka berada di dalam rumah, selagi itulah mereka boleh berubah-ubah dalam menerima sesuatu apabila mereka telah menjadi dewasa dan melepaskan diri daripada kekangan kuasa cabàran dunia remaja seringkali mencampakkan mereka ke lembah perbuatan yang keruh kekeliruan. Dengan demikian, selagi si anak masih berada di rumah dan di bawah kendali yang berkuasa, hendaklah diambil kesempatan untuk mengajarkan al-Quran supaya mereka tidak jahil mengenainya. Bila ada keyakinan seorang anak akan terus belajar dan menerima pengajaran *ta'lim* (setelah dia menjadi dewasa kaedah yang disebutkan oleh qadli tersebut akan menjadi lebih baik daripada yang diamalkan oleh penduduk Maghribi Barat atau Timur.

> Akan tetapi Allah menghakimi apa sahaja yang dikehendaki-Nya, tidak ada seorang pun yang dapat mempengaruhi hukum-Nya, Maha Suci Dia.

41 Kekerasan terhadap pelajar akan merosakkan mereka

Ia adalah sebagaimana berikutnya. Hukuman yang keras di dalam pengajaran, *ta'lim*, adalah berbahaya pada si murid, khususnya bagi anak-anak yang masih kecil. Sebabnya ialah ia termasuk sebagai tindakan yang dapat menyebabkan timbulnya kebiasaan yang buruk. Para pelajar, hamba-sahaya atau pelayan yang dibesarkan dalam suasana ketidakadilan dan kekerasan telah dapat menerimanya. Ia membuatkan mereka berasa tertekan dan menyebabkan mereka kehilangan tenaga. Kekerasan itu menjadikan mereka malas dan mendorong mereka berbohong serta kelicikan. Yakni, tindak-tanduk mereka adalah berbeza dengan apa yang difikirkan, sebabnya ialah mereka berasa takut di dera sekiranya mereka mengatakan sesuatu yang benar. Maka, dengan cara itu mereka diajari supaya menjadi seorang penipu dan berhelah. Kecenderungan-kecenderungan ini kemudian menjadi kebiasaan dan peribadinya. Mereka telah kehilangan nilai yang seharusnya ada dalam hubungan sosial dan organisasi politik dan menjadikan seseorang itu bersikap sebagai seorang insan, seperti keinginan untuk mempertahankan diri dan melindungi rumah tangga dan orang-orang yang semacam itu akan terlalu bergantung

pada orang lain sebagai tempat berlindung malah, jiwanya, menjadi lemah untuk memupuk sifat-sifat mulia dan sikap-sikap yang baik. Mereka berasa dirinya kecil, dan tidak mencapai potensi manusia yang sesungguhnya akibatnya, mereka itu menjadi "golongan yang paling rendah di kalangan yang rendah".

Inilah apa yang terjadi kepada hampir setiap bangsa yang pernah mengalami kezaliman yang memahami daripadanya erti ketidakadilan. Pengaruh buruk seperti ini dapat diperhatikan (dengan melihat) pada diri orang-orang yang tidak dapat menguruskan dirinya sendiri dan tidak berkuasa untuk menjamin keselamatan dirinya sendiri. Seseorang telah dapat menyaksikan apa yang terjadi terhadap bangsa Yahudi dan peribadi yang buruk yang mereka miliki, hinggakan di setiap daerah dan masa sebagai memiliki nilai *khurj*, yang mana menurut suatu istilah teknikal yang dimaklumi ramai bermakna "ketidakjujuran dan penuh tipu muslihat". Sebabnya adalah apa yang telah kami nyatakan.

Maka, seseorang guru-guru itu, hendaknya tidak memerlakukan muridnya dengan kasar atau dengan paksaan. Demikian pula hendaknya sikap seorang ayah terhadap anak-anaknya sewaktu mendidik mereka. Dalam buku yang ditulis oleh Muhammad bin Abi Sayd, berkenaan undang-undang yang menyangkut hubungan guru-guru dan murid, dia menyatakan:

> "Sekiranya seseorang anak itu terpaksa dipukul, pengajarannya hendaklah tidak memukul mereka itu lebih daripada tiga kali."
>
> Umar pula menyatakan:
>
> "Barang siapa yang tidak terdidik (terasuh) oleh undang-undang syariat, tidakkan terdidik oleh Allah."

Beliau meluahkan hasrat untuk mengekalkan jiwa daripada kerendahan diri akibat hukuman disiplin dan dengan pengetahuan bahawa jumlah (hukuman disiplin) yang telah ditetapkan oleh undang-undang syariat adalah cukup untuk membuatkan seseorang di bawah bidang kuasanya, sebab syariat lebih mengetahui apa yang baik untuknya.

Salah satu daripada kaedah pendidikan yang terbaik telah dicadangkan oleh ar-Rasyid kepada Khalaf bin Ahmar, guru kepada puteranya Muhammad al-Amin. Khalaf b. Ahmar berkata:

Amirul Mukminin telah menyuruhkan supaya datang dan mengajar anaknya al-Amin, dan katanya kepadaku:

(1) "Oh Ahmar, Pemerintah yang dipercayai telah dipertanggungjawabkan anaknya kepadamu, usia jiwanya dan yang terhasil daripada jiwanya. Berkeraslah dengannya dan pastikan dia mematuhimu. Ajarilah padanya apa yang telah diajarkan oleh pemerintah yang dipercayai telah berikan padamu.

(2) Ajarilah dia bagaimana membaca al-Quran. Didikan dia dalam sejarah. Biarkan dia meriwayatkan syair-syair dan ajari dia sunnah-sunnah Nabi. Berilah dia wawasan bagaimana berbicara dan bagaimana memulai suatu pembicaraan sebaik-baiknya dan wajar. Larang dia daripada tertawa, kecuali pada waktunya yang sesuai. Biasakan dia menghormati saudara-maranya yang datang menemuinya dan ajar dia menghargai para pemuka tentera yang datang ke majlisnya. Jangan biarkan waktu berlalu begitu sahaja di mana kamu tidak menggunakannya untuk mengajarnya sesuatu yang berguna. Tetapi lakukan semuanya itu dengan tidak membuatnya berasa jengkel, cara yang dapat mematikan fikirannya. Jangan pula terlalu berlemah-lembut padanya atau dia berasa seronok dengan kehidupan yang santai. Seboleh mungkin, perbaiki dia dengan kasih-sayang dan lemah-lembut. Jika dia tidak berasa senang dengan cara itu, kamu harus menggunakan kekerasan dan kekasaran."

42 Pendidikan seseorang sarjana itu akan menjadi lebih sempurna dengan cara merantau mencari ilmu dan menemui para guru yang disegani pada waktu itu

Sebabnya ialah seseorang manusia menimba pengetahuan dan budi-pekertinya serta pemikiran dan nilai-nilai baik sama ada melalui pengkajian, pengajaran dan syarahan atau dengan menirunya daripada seorang guru dan hubungan peribadi dengannya. Apa yang berbeza di sini ialah bahawa kebiasaan yang diperoleh melalui hubungan peribadi dengan seseorang guru biasanya akan menjadi lebih kukuh dan lebih berakar umbi. Maka, semakin ramai bilangan guru yang berpengaruh, semakin mendalamlah tertanamnya keahliannya yang seseorang didapati.

Lebih-lebih lagi, bila mengingatkan istilah-istilah teknikal yang digunakan dalam pengajaran seringkalinya membingungkan si murid. Ramai pelajar sering menjangkakan ianya sebagai sebahagian daripada ilmu pengetahuan itu sendiri. Satu-satunya

jalan untuk menghilangkan kebingungan seperti ini ialah para pelajar berkenaan haruslah mewujudkan hubungan langsung dengan guru-gurunya, sebab berlainan guru menggunakan istilah yang berlainan. Maka, bertemu dan berbincang dengan guru-guru yang berpengaruh seperti itu akan membolehkan para pelajar membezakan perbezaan sesuatu istilah dengan yang lainnya. Para pelajar berkenaan akan dapat mengenal ilmu itu sendiri daripada apa yang berada di belakang istilah-istilah yang digunakan. Dia akan menyedari bahawa ianya adalah cara-cara dan kaedah untuk menyampaikan ilmu. Selanjutnya, kekuatan yang diperoleh itu akan memperkukuh dan memantapkan lagi keahliannya. Dia akan memperbaiki ilmu yang telah ada padanya dan berupaya membezakannya daripada pengetahuan lainnya. Sebagai tambahannya, kebiasaannya itu akan diperkukuhkan melalui hubungan peribadi yang secara intensifnya dengan terjalin para guru, apabila ianya beragam dan pelbagai jenis ilmu. Merekalah orang-orang yang telah diberikan kemudahan oleh Allah s.w.t. berupa petunjuk yang sebenar-benarnya. Maka, berkelana mencari ilmu merupakan suatu keharusan memperoleh pengetahuan yang bermanfaat dan ke arah kesempurnaan berilmu melalui bersua muka dengan para guru yang terkemuka dan mewujudkan hubungan peribadi dengan orang-orang yang berpengetahuan.

> "Dan Allah menunjuki orang yang dikehendaki-Nya kepada jalan yang lurus."

43 Para sarjana adalah kurang di kalangan ramai, merupakan seorang yang arif dengan cara-cara politik

Sarjana bagi hal-hal ini adalah kerana mereka lebih biasa dalam membuat spekulasi akal dan dalam membuat pencarian kajian tentang idea-idea yang diambil daripada *sensibilia* dan yang dicernakan dalam otak sebagai permasalahan yang universal. Semua ini adalah supaya usaha mencapai aspek universal dapat digunakan kepada sesuatu, secara umumnya tetapi tidak kepada hal yang tertentu, orang perseorangan, kaum bangsa, atau suatu kumpulan manusia. Para sarjana, selanjutnya akan mengusahakan idea-idea universal itu sesuai di dalam fikiran-fikiran kepada hakikat-hakikat yang ada di dunia luar. Mereka juga akan membandingkan perkara-perkara dengan sesuatu yang sama dan

semacam dengan mereka dengan bantuan pemikiran analogi, sebagaimana dilakukan dalam fikah, sesuatu yang mereka amat maklum. Semua kesimpulan-kesimpulan mereka dan pandangan kekal menjadi sesuatu di fikiran. Mereka akan menyetujui hakikat-hakikat di dunia luar hanya setelah dilakukan penyelidikan dan spekulasi telah sampai pada penghujungnya atau mereka tidak akan sesuai dengannya. Sebagai contoh, hukum-hukum syariat merupakan kes-kes yang khusus yang diperolehi daripada teks-teks yang diketahui daripada al-Quran dan sunnah. Dalam kes ini, seseorang itu menjangka fakta-fakta yang ada di luarnya agar sesuai dengan norma-norma *syar'iyyah* itu, sebagai sebaliknya dengan ilmu-ilmu pengetahuan di mana keabsahannya adalah tergantung kepada kesahihannya terhadap pandangan-pandangan sebagaimana pandangan seseorang menyangkakan ianya sesuai dengan fakta-fakta dunia luar. Maka dalam kesemua kegiatan intelektual, mereka sudah terbiasa mendasarkan pendapatnya kepada hal-hal di fikiran dan pertimbangan. Mereka tidak mengenal pendekatan-pendekatan yang lainnya.

Ahli-ahli politik, sebaliknya harus memberikan sebahagian besar perhatiannya kepada apa yang berlangsung di dunia luar, dan kepada keadaan-keadaan yang ada hubungan dengannya dan bergantung terhadap (politik). Fakta-fakta itu dan keadaan-keadaannya adalah terlindung. Ia juga mengandung sebahagian (elemen) yang menjadikannya mustahil untuk merujukkannya dengan semata yang sama dan seakan-akan atau bercanggah dengan (pemikiran) universal yang mana seseorang itu gemar supaya ianya menyetujuinya. Sebenarnya, tidak ada gejala sosial yang harus dianalogikan kepada gejala-gejala yang lain, sebab kalau ada persamaan dalam segi-segi tertentu, mungkin akan ada perbezaan dalam segi-segi lainnya.

Para sarjana telah biasa dengan penyamarataan dan kesimpulan-kesimpulan secara analoginya apabila mereka memerhatikan soal-soal politik, mereka lebih cenderung kepada apa yang mereka fikirkan dan cara-cara mereka membuat deduksi. Hinggakan dengan demikiannya mereka sering membuat kesalahan atau mereka tidak dapat dipercayai (tidak melakukan kesalahan). Kecerdikan dan (segmen) kesedaran masyarakat yang bertamadun adalah jatuh kepada kategori yang sama sebagaimana para sarjana. Pemikiran mereka yang menusuk itu akan mendorong kepada pengerjaan mencari dalam hal pemikiran, andaian dan perban-

dingan, sebagaimana halnya dengan para juri. Maka mereka juga melakukan kesalahan-kesalahan.

[*Demikian pula halnya dengan orang memiliki intelegensi tinggi, yang kerana merasa cepat memahami sesuatu, cenderung bersikap bagai para ahli ilmu pengetahuan dalam usaha mereka menemukan konsep dan mempergunakan analogi. Tetapi bagi orang yang ala kadarnya saja, yang tidak boleh bisa berspekulasi, menghakimi setiap permasalahan berdasarkan manfaatnya. Mereka juga menghakimi setiap golongan atau sesuatu permasalahan sesuai dengan kudrat dan sifatnya, sambil menjauhi analogi dan penyamarataan generalisasi. Mereka jarang menjauhi aspek lahiriah yang dapat diraba oleh pancaindera, seperti perenang yang memeluk pantai selagi laut berombak keras.

Sebagaimana disajakkan oleh seorang penyair:

> *Jangan terlalu jauh ke tengah kalau berenang. Kerana keselamatan ada di pantai.*]

Orang-orang itu, dengan demikian, boleh dipercayai apabila dia membayangkan kegiatan-kegiatan politiknya. Dia mempunyai pandangan yang sihat dalam berhubung dengan anak buahnya. Maka dia dapat membuat suatu punca hidup yang baik dan tidak mengalami kecelakaan atau padah di dalam proses itu sebab dia mempunyai pandangan yang baik.

> "Dan di atas setiap orang berilmu adalah Tuhan yang Maha Mengetahui."

Keadaan ini akan membuatkan seorang itu menyedari bahawa logik tidak dapat dipercayai untuk menghindarkan seseorang daripada belenggu kekeliruan, sebab ianya adalah terlalu absrak dan terpisah daripada *sensibilia.* Logik mengambil kira *intelligibilia* yang sekunder. Adalah munasabah bahawa perkara-perkara materi mengandung sesuatu yang terdapat di dalamnya tidak mengakui kesimpulan-kesimpulan logik dan menyanggahnya, ketika seseorang memerhatikan untuk keyakinan yang tidak berdolak-dalik (antaranya dan fakta-fakta yang nampak di dunia luar). Ia ada berbeza dengan spekulasi tentang *intelligibilia* utama, yang kurang abstraksinya. Ia merupakan bahan-bahan yang bersifat khayali dan gambaran-gambaran *sensibilia.* Ia mengekalkan beeberapa rencana-rencana tentang *sensibilia* dan

mengizinkan penjelasan tentang kesesuaian sesuatu *sensibilia* kepada *intelligibilia* utama.

Allah Maha Suci dan Maha Tinggi, dan dari-Nya diperolehi taufik.

44 Kebanyakan sarjana-sarjana Islam yang terkemuka adalah bukan Arab

Adalah suatu yang amat menghairankan bahawa, dengan beberapa pengecualiannya, sebilangan besar sarjana-sarjana Islam, baik yang membidangi ilmu syariat mahupun ilmu-ilmu kesarjanaan adalah terdiri daripada orang-orang bukan Arab atau *ajam*. Sekiranya mereka itu berketurunan Arab, mereka tidak bertutur dalam bahasa bukan Arab dan pembesarannya serta belajar daripada guru-guru yang bukan Arab. Begitulah keadaannya meskipun pada hakikatnya Islam adalah agama diturunkan di Tanah Arab dan orang Arab merupakan bangsa pendirinya.

Alasan untuk keadaan ini ialah pada permulaannya Islam memang tidak mempunyai apa-apa ilmu pengetahuan ataupun kemahiran sebab keadaan-keadaannya yang serba mudah dan kebadwian. Undang-undang syariat, yakni yang berupa perintah-perintah dan larangan-larangan Allah s.w.t. merupakan sesuatu yang tersimpan di dada mereka yang melaksanakan hukum. Mereka cukup mengetahui sumber-sumbernya, iaitu al-Quran dan sunnah, daripada maklumat yang mereka terima secara langsungnya dan pada Nabi Muhammad s.a.w. sendiri, dan para sahabat baginda. Penduduk pada waktu itu adalah orang-orang Arab. Mereka tidak mengenal hal-hal yang berkenaan dengan pengajaran, *ta'lim,* termasuk penulisan buku dan karya secara sistematiknya. Tak ada dorongan atau keperluan itu.

Demikianlah keadaan pada masa para sahabat dan para *tabiin* atau di kalangan generasi yang kedua. Orang-orang yang terlibat dalam mengetahui dan berperanan dalam mengalihkan syariat digelar 'pembaca-pembaca al-Quran', *qurra*, orang-orang yang berupaya membaca al-Quran dan tidak buta huruf. Buta huruf, *ummiyyah*, pada waktu itu merupakan sifat umum yang terdapat di kalangan para sahabat, kerana mereka adalah orang Arab Badwi. Sebutan *qurra* di buat para ahli al-Quran pada masa itu, menunjukkan pada pengertian ini. Para pembaca pertama al-

Quran dan sunnah, yang menerima bacaan langsung daripada Rasulullah, tidak mengenal hukum-hukum syarak kecuali dari al-Quran dan hadis. Sumber-sumbernya sendiri umumnya merupakan tafsir dan keterangan atas al-Quran. Nabi Muhammad s.a.w. telah bersabda:

> "Telah aku tinggalkan pada kalian dua hal, sehingga kalian tidak akan pernah sesat selama berpegang padanya, Kitabullah al-Quran dan sunnahku."

Pada masa pemerintahan daulah ar-Rasyid, tradisi (lisan) telah jauh beranjak daripada titik awalnya. Terasalah perlunya menulis ulasan atas tafsir al-Quran dan hadis, sebelum ianya hilang. Menjadi penting pulalah mengetahui *sanad-sanad* mata rantai para pengalih bacaan dan mempelajari dengan kritis *ta'dil* para penukil, untuk membezakan mana yang betul dan mana pula yang palsu. Di samping itu, banyak sekali hukum dan peristiwa aktual yang ditarik keluar dari al-Quran dan sunnah. Dalam pada itu, bahasa Arab telah tercemar, sehingga terasa penting menyusun kaedah-kaedah tatabahasa Arab.

Semua ilmu *syariyyah* lalu menjadi bidang keahlian sehubungan dengan lahirnya berbagai-bagai penyimpulan dan dilakukannya sejumlah pengeluaran di bidang hukum dan peraturan, serta dilakukannya perbandingan dan pemikiran analogi, *qiyas*. Selain itu, ilmu tambahan menjadi keperluan, seperti pengetahuan tentang kaedah bahasa Arab, kaedah penyimpulan, *istimbath*, di samping pemikiran analogi, *qiyas* tersebut serta pembelaan terhadap akidah-akidah keimanan secara penghujahan, kerana telah banyak munculnya bidaah dan *ilhad*. Maka semua bidang ilmu tersebut kemudian menjadi bidang keahlian yang memerlukan pengajaran, *ta'lim*, untuk memperolehinya. Dapat dikatakan, bidang ini termasuk kategori keahlian.

Telah diterangkan sebelumnya, keahlian merupakan pembawaan khusus masyarakat penetap, sedangkan bangsa Arab paling tidak akrab dengan kerjaya pertukangan. Dengan demikian, sewaktu ilmu pengetahuan tersebut berkembang dalam masyarakat yang menetap, bangsa Arab mengabaikannya. Hendaknya diketahui, kelompok yang hidup menetap pada waktu itu hanya terdiri dari orang-orang bukan Arab (*ajam*). Atau yang termasuk dalam kelompok mereka, seperti *mawla-mawla* dan orang-orang yang

hidup menetap kerana mengikuti kelompok bukan Arab yang berbudaya menetap, kerana kerjaya tukang dan lainnya. Budaya hidup menetap telah berurat berakar sejak kekaisaran bangsa Persia.

Kembali kepada persoalan bahasa, peletak *nahwu* (tatabahasa Arab) adalah *Sibawayh*, kemudian al-Farisi dan az-Zajjaj. Mereka non-Arab keturunan Persia. Kelompok ini dibesarkan di tengah pergaulan berbahasa Arab dan memperoleh pengetahuan tentangnya melalui didikan dan hubungan dengan orang-orang Arab. Dengan cara ini mereka menemukan kaedah-kaedah kebahasaan (*nahwu*, tatabahasa) dan menyusunnya menjadi suatu disiplin ilmu untuk dipergunakan oleh generasi sesudahnya.

Sebahagian besar ahli yang mempelajari hadis nabi juga terdiri dari orang-orang Persia, atau yang telah menjadi orang Persia melalui asuhan dan pendidikan bahasa, khususnya di Iraq dan sekitarnya.[158] Telah kita ketahui pula, para sarjana *ushul-fiqih* juga terdiri daripada orang bukan Arab, seperti juga di bidang ilmu kalam, dan ahli tafsir al-Quran. Jadi, hanyalah orang-orang bukan Arab keturunan Persia saja yang mempelajari dan menulis secara sistematik bidang-bidang keilmuan tersebut, sehingga terbukti kebenaran sabda Nabi Muhammad s.a.w.:

> "Andaikata ilmu pengetahuan tergantung di hujung langit paling tinggi, orang Persia pasti akan memperolehnya juga."

Sedangkan kelompok orang Arab yang berkesempatan menjalinkan hubungan dengan budaya hidup menetap dan mengubah sikap hidup Badwinya itu diarahkan oleh pemimpin mereka daripada daulah Abbasiyah untuk menjauhi ilmu pengetahuan. Para pengendali kebijaksanaan daulah tersebut menganggap profesion sarjana sebagai sesuatu yang rendah, kerana ilmu dinilai termasuk bidang pertukangan. Para pemimpin politik memang sentiasa memandang rendah kepada kerja pertukangan dan semua profesion yang ada hubungan dengannya. Mereka lalu menyerahkan profesion tersebut kepada kelompok bukan Arab dan setengah Arab. Mereka inilah yang mengembangkannya kerana menganggapnya sebagai bidang profesi yang hina. Namun akibatnya, ketika

158 Teks ini terdapat di dalam edisi Inggeris terjemahan F. Rosenthal dan edisi pilihan Charles Issawi MA, *An Arab Philosophy of History.*

orang Arab kehilangan kekuasaannya, dan lalu diambil alih orang bukan Arab, ilmu *syariyyah* tidak mendapat tempat di kalangan kelompok penguasa, kerana kelompok terakhir ini tidak memiliki tradisi ilmu pengetahuan. Profesion sarjana dianggap hina dan dijauhkan, kerana lingkungan penguasa melihat para sarjana enggan mengadakan hubungan dengan mereka. Para sarjana dinilai cuma menyibukkan diri dengan hal-hal yang tidak ada manfaatnya bagi penguasa, terutama dalam persoalan pemerintahan dan politik. Inilah sebabnya mengapa semua sarjana ilmu *syariyyah*, atau sebahagian besar daripadanya, terdiri dari orang-orang bukan Arab.

Ilmu-ilmu intelektual, *ulum aqliyyah*, juga tidak berkembang dalam Islam. Para ahli ilmu pengetahuan tersebut terkucil dalam kelasnya tersendiri. Dalam disiplin ilmu ini pun orang Arab tidak menunjukkan perhatian, dan kekosongan di bidang tersebut diisi orang-orang bukan Arab.

Situasi ini berlangsung terus di kota-kota selama Iraq, Khurasan, dan Transoxania tetap memelihara budaya hidup menetapnya. Tetapi setelah kota-kota itu hancur, budaya menetap, yang merupakan rahsia Allah, ikut pula hancur dan sirna. Bersama itu, ilmu pengetahuan lenyap secara utuh dari kehidupan orang Persia, tertelan oleh kebadwiahan. Ilmu hanya tersisa di kota-kota bersama budaya hidup menetap yang mapan. Pada hari ini, tidak ada sebuah kota pun yang lebih berbudaya daripada Mesir, yang menjadi Pusat Dunia, Istana Islam, dan Mata Air pelbagai ilmu pengetahuan dan industri. Kami mendapat maklumat tentang hal tersebut dari pembicaraan sebahagian ulama mereka dalam karya-karyanya yang telah sampai ke tangan kami. Di antara para sarjana tersebut adalah Saudud-Din at-Tiftazani. Orang bukan Arab selain dia, sesudah Imam Ibn al-Khathib dan Nashiruddin at-Thusi, tidak ditemui pernah membicarakan tentang puncak pencapaian mereka yang terakhir. Fikirkan dan ambillah pelajaran dari padanya, pasti anda akan menemukan keajaiban kreativiti.

Allah menciptakan apa yang dikehendaki-Nya. Tidak ada Tuhan selain Dia, tidak ada syarikat bagi-Nya. Bagi-Nya kekuasaan dan bagi-Nya pujian. Dia berkuasa atas segala sesuatu. Cukuplah Allah bagi kita, pemberi nikmat. Dan puji bagi Allah.

45 Seseorang yang bahasa ibundanya bukan bahasa Arab akan mendapati amat sukar untuk memperoleh ilmu pengetahuan, dibandingkan dengan penutur asli bahasa Arab daripada sejak awal

Hal ini dijelaskan oleh fakta melalui penyelidikan-penyelidikan ilmiah berkenaan gagasan fikiran dan imajinasi. Ini berlaku terhadap ilmu-ilmu *syariyyah* di mana penyelidikannya kebanyakan berkenaan dengan pengertian kta-kata yang bahan-bahan berupa hukum-hukum yang diperoleh daripada al-Quran dan sunnah. Hal yang sama juga berlaku terhadap sains.

Ungkapan linguistik hanya merupakan interpretasi terhadap idea-idea yang adanya di dalam fikiran. Seseorang menyampaikannya kepada orang lain melalui diskusi, pengajaran *ta'lim*, dan penyelidikan ilmiah yang tetap. Kata-kata dan ungkapan-ungkapan merupakan media dan tabir-tabir antara idea-idea dan menjadi penghubung antara idea-idea, dan memberinya kesan yang terakhirnya. Orang yang mempelajari idea-idea harus menggalinya daripada kata-kata yang mengungkapkannya. Untuk ini seseorang memerlukan pengetahuan linguistik dan keahlian berbahasa. Kalau tidak, sukar baginya memperoleh idea-idea dan melepaskan diri dari kesukaran-kesukaran lazim yang berkaitan dengan penyelidikan. Apabila seseorang terbiasa memberi minat penuh terhadap semantik, idea-idea yang benar muncul dengan sendirinya dan alami, misalnya ketika dia mendengar kata-kata atau kalimat yang diucapkan. Tabir antara idea-idea dan pengertian pun sama sekali lenyap atau menjadi tipis dan tugas yang tertinggi hanyalah berupa penyelidikan permasalahan-permasalahan yang berkaitan dengan idea-idea.

Semuanya ini diterapkan pada pengajaran, *ta'lim*, dalam hubungan peribadi dalam bentuk lisan. Tetapi apabila pelajar terpaksa mengandalkan pengkajiannya pada buku-buku dan bahan-bahan tertulis lainnya, dan harus memahami permasalahan ilmu daripada huruf-huruf bertulis di dalam buku-buku, dia dihadapkan pada tabir yang lainnya, (yakni, tirai) yang memisahkan tulisan tangan, dan huruf-huruf dalam kitab daripada ungkapan-ungkapan yang terdapat dalam khayalan. Huruf-huruf yang tertulis memiliki caranya yang tersendiri untuk menyatakan kata-kata yang diucapkan. Selagi cara itu tidak diketahui adalah tidak mungkin untuk mengetahui apa yang dinyatakan. Sekiranya

ianya diketahui secara tidak sempurna, pengertian yang dinyatakan melalui huruf-huruf juga diketahui secara yang tidak sempurna. Maka, pelajar itu dihadapkan dengan suatu tabir lain yang berdiri di antaranya dan objektif untuk memperoleh kebiasaan ilmu, suatu yang lebih sukar diatasi daripada tabir yang pertama tadi. Nah sekiranya kebiasaannya sejauh dalam erti kata memahami perkataan-perkataan dan tulisan, dimantapkan dan tulisan, dimantapkan secara sungguh-sungguh, tabir-tabir penyekat antara dia dan idea-idea akan tersingkap. Dia hanya perlu mengasyikkan dirinya dengan pemahaman pada persoalan-persoalan yang terdapat di dalam idea-idea. Hubung kait yang sama antara idea-idea dengan perkataan-perkataan dengan tulisan yang wujud dalam setiap bahasa. Kemampuan para pelajar mempelajarinya semasih mereka kecil, akan lebih dapat dimantapkan (daripada orang-orang lainnya).

Tambahan pula melalui perjalanan waktu kerajaan Islam yang tersebar luas dan mencukupi banyak bangsa. Ilmu-ilmu bangsa silam itu dilenyapkan melalui datangnya Islam dan kitab sucinya. Buta huruf, *umiyyah*, memang masih menguasai umat Islam waktu itu. Islam lalu memperoleh kedaulatan dan kekuasaan. Bangsa-bangsa lain memberikan kaum Muslimin dengan kebudayaan dan peradaban tinggal menetap dengan kebaikan-kebaikannya. Ilmu *syariyyah*, yang bersifat tradisional, kini lebih ditingkatkan oleh kaum Muslimin menjadi suatu keahlian. Pelbagai ketrampilan ilmiah pun berkembang di kalangan mereka. Sejumlah karya tulis, termasuk berbentuk buku dikarang secara sistematik. Kaum Muslimin kini berkeinginan mempelajari pelbagai ilmu pengetahuan daripada bangsa asing. Malahan mereka menjadikannya milik mereka sendiri melalui penterjemahan. Mereka menyerap dan mencernakannya ke dalam cetakan pandangannya mereka sendiri. Mereka mengalihbahasakan ilmu-ilmu asing ke dalam bahasanya sendiri kemudian mengungguli perolehan orang-orang bukan Arab. Manuskrip-manuskrip bahasa bukan Arab dilupakan. Semua cabang ilmu ini menjadi suatu keberadaan di dalam bahasa Arab. Karya-karya yang ditulis secara sistematik pun lahir dalam tulisan dan bahasa Arab. Maka, para pelajar bidang ilmu itu memerlukan suatu pengetahuan tentang tulisan dan erti perkataan-perkataan Arab. Mereka boleh mengetepikan sejumlah bahasa yang lain, kerana ia telah dapat

dilenyapkan dan tidak lagi menarik minat apa pun di dalam usaha untuk mengetahuinya.

Telah disebutkan sebelum ini bahawa bahasa adalah suatu kemahiran mempergunakan lidah.[159] Sedangkan *khath* adalah suatu keahlian mempergunakan tangan.[160] Bila seseorang sebelumnya sudah lebih dulu ahli berbicara dengan suatu bahasa lain, dia akan menghadapi kelemahan dalam penguasaan bahasa Arab yang dipelajarinya kemudian. Sebabnya, seperti telah dikemukakan, keahlian awal seseorang telah lebih dahulu mencapai suatu titik tertentu. Misalnya, bila seseorang secara khusus ahli dalam suatu pertukangan, jarang sekali dia menjadi mahir di dalam jenis pertukangan yang lain.[161] Ini jelas, ada suatu yang apabila seseorang itu mempunyai kelemahan untuk menguasai bahasa Arabnya, secara lisan dan tulisan amat sukar baginya untuk menyerap idea-idea yang terkandung dalamnya. Hanya sekiranya penguasaan berbahasa dalam bahasa bukan Arab belum lagi mantap dalam diri seseorang apabila dia melakukan peralihan daripada bahasanya ke bahasa Arab, sebagaimana sekumpulan anak-anak orang bukan Arab yang hidup di kalangan orang-orang Arab sebelum bahasa bukan Arabnya dapat diperkukuhkan hanya dengan cara demikian sahaja seakan-akan bahasa Arab itu merupakan bahasa awal mereka. Dan kemampuan mereka diperolehi daripada perkataan-perkataan Arab adalah tidak menampakkan kekurangannya. Hal yang sama terjadi apabila seseorang itu mempelajari tulisan bukan arab sebelum tulisan bahasa Arabnya.

Inilah sebabnya mengapa kita menemukan banyak sarjana bukan Arab yang dalam penelitian dan kelas-kelas pendidikan menghindar meniru komentar daripada buku-buku tetapi membacanya dengan suara yang lantang. Dengan cara begini, mereka tidak diganggu dengan hebat oleh tirai (antara perkataan dan idea-idea) supaya mereka dapat menangkap idea-idea tersebut secara lebih mudah. Apabila seseorang itu telah memiliki kebiasaan sempurna baik dalam pengertian pernyataan *verbal* mahupun

---

159 Belum dibicarakan di hadapan, tapi akan dibicarakan pada fasal 47, dua fasal setelah ini. Mungkin fasal ini ada di hadapan mendahului fasal yang sedang kita bicarakan. Ibn Khaldun mengubah letaknya tanpa mengubah katakatanya. (Dr. Wafi).

160 Lihat fasal 30 Bab Kelima.

161 Lihat fasal 23 Bab Kelima.

pernyataan tulisan dia tentunya tidak akan membacanya dengan suara yang lantang. Baginya, ia seakan-akan seperti telah tertanam suatu sikap semula jadi untuk memperolehi pengertian tentang perkataan daripada tulisan dan tentang idea-idea daripada perkataan itu. Tabir antara dia dan idea itu telah dapat diangkat.

Kajian yang intensif dan amalan yang tetap dalam berbahasa dan menulis akan berupaya mendorong seseorang kepada suatu kebiasaan yang ibarat, alah bisa tegal biasa. Sepertimana yang terjadi pada diri kebanyakan sarjana-sarjana bukan Arab. Namun, apa yang berlaku itu adalah tidak selalunya. Apabila seseorang memperbandingkan seseorang itu dengan seorang sarjana Arab yang setara pencapaiannya ternyata yang terdahulu itu adalah lebih cekap dan kebiasaannya adalah lebih kuat. Sarjana bukan Arab itu mendapat sedikit kesulitan kerana bahasa bukan Arab yang lebih dahulu dikuasainya pastinya menjadikan dirinya berada dalam keadaan yang rendah.

Hal ini tidaklah bertentangan dengan fakta yang disebutkan sebelum ini bahawa kebanyakan sarjana adalah terdiri daripada kalangan bukan Arab. Dalam hubungan ini, 'bukan Arab' bererti bukan Arab melalui keturunan. Orang-orang bukan Arab tersebut memiliki budaya menetap yang sangat panjang. Menjadi bukan Arab daripada segi bahasa adalah sesuatu yang benar-benar berbeza, dan inilah yang dimaksudkan di sini.

Ia juga tidaklah bercanggah dengan fakta bahawa para ilmuwan Yunani sesungguhnya sarjana yang telah mencapai kejayaan yang sangat bererti sekali. Mereka mempelajari ilmu itu melalui bahasa dan tulisan ibundanya sebagaimana yang lazim digunakan di kalangan mereka. Orang bukan Arab yang mempelajarinya untuk menjadi seorang sarjana mempelajarinya dalam bahasa yang bukan bahasa ibundanya dan daripada tulisan yang selain daripada dikuasainya secara sungguh-sungguh. Ini, kemudiannya, menjadi suatu rintangannya. Hal ini dapat dikaitkan secara umumnya dengan semua jenis penutur bahasa bukan Arab, seperti bangsa Persia, Turki, Barbar, Franka, dan semua bangsa yang bahasanya bukanlah bahasa Arab.

> "Sesungguhnya daripadanya benar-benar terdapat tanda-tanda kekuasaan Kami bagi orang-orang yang memperhatikan tanda-tanda."[162]

162 Al-Quran, surah 15 (Al-Hijr) ayat 75.

46 Ilmu-ilmu yang ada sangkut-paut dengannya bahasa Arab

Tiang-tiang bagi bahasa Arab ada empat: leksikografi, *nahwu* (tatabahasa), *bayan* (gaya bahasa), dan adab (kesusasteraan). Pengetahuan tentang semua itu penting bagi para sarjana ilmu agama, sebab sumber hukum-hukum *syariyyah* adalah al-Quran dan sunnah, yang memakai bahasa Arab. Penukil-penukilnya, para sahabat dan *tabiin*, adalah orang-orang Arab. Kesukaran-kesukaran diterangkan dalam bahasa Arab yang mereka kuasai. Maka, orang yang ingin menjadi sarjana ilmu agama harus mengetahui segala ilmu yang ada kaitannya dengan bahasa Arab.

Setiap ilmu-ilmu ini ada berbeza-beza tekanannya (daripada segi kepentingannya) sesuai der.gan perbezaan tingkatan manfaatnya yang dipunyainya untuk menyampaikan hasrat erti pengucapannya. Yang terdahulu dan yang paling utama adalah *nahwu.* Sebabnya ialah ilmu tatabahasa iu memberikan indikasi yang jelas mengenai prinsip-prinsip asas yang digunakan untuk menyatakan pelbagai pengertian yang dimaksudkan. Dengan demikian, seseorang itu dapat membezakan di antara subjek dan objek, serta antara subjek suatu kalimat nominal dan predikatnya. Tanpa memahami *nahwu,* seseorang pasti tidak tahu maksud asal kalimat.

Leksikografi seharusnya diutamakan, dan data-datanya bukanlah konstan (dan terhad) pada pengertian-pengertiannya yang konvensional, tidak berupaya mengubah, sebagai sebaliknya terhadap akhir (nahu) yang menyatakan ketergantungan (orang atau benda) yang bergantung, dan orang atau benda di mana sesuatu itu bergantung. Kesemuannya itu berubah sepenuhnya dan tidak meninggalkan apa-apa kesan. Maka, *nahwu* itu adalah lebih penting daripada leksikografi, *ilmu-lughah,* kerana ketidaktahuan kepada *nahwu* akan merosakkan pemahaman satu sama lainnya. tidak demikian halnya dengan leksikografi.

Allah Maha Suci, Maha Tinggi, Maha Mengetahui, dan dari-Nya diperoleh taufik.

Ilmu mengenai nahu

Suatu yang harus diketahui ialah bahawa bahasa sebagaimana istilahnya, seringkali digunakan adalah ekspresi seorang penutur untuk menyatakan sesuatu yang dimaksudkan. Pernyataan ini adalah perlakuan lidah yang berasal dalam hasrat untuk menya-

lurkan maksud tentang percakapan. Dengan demikian, (bahasa) haruslah suatu kebiasaan kebiasaan yang telah- dimantapkan di dalam diri yang menghasilkannya yakni, lidah.

Pada setiap bangsa, pembentukan bahasanya adalah terjadi sesuai dengan terminologinya sendiri. Ketrampilan berbahasa yang diperolehi oleh orang Arab dengan cara seperti itu merupakan keahliannya yang terunggul. Ia adalah sesuatu yang paling jelas untuk mengungkapkan sesuatu yang dimaksudkan, sebab banyak idea-idea dinyatakan di dalamnya oleh sesuatu yang dinyatakan sekian daripada kata-kata. Ia adalah sebagai contohnya, *harakat* adalah untuk membezakan subjek *fail* daripada objek *maful* dan *majrur*, iaitu *mudhaf* generatif dan terdapat huruf-huruf yang berperanan memindahkan tugas kata-kerja yakni, gerakan-gerakan – kepada esensi-esensi tanpa memerlukan kata-kata yang lainnya. Bentuk-bentuk seperti ini hanya terdapat pada bahasa Arab dan tidak pada bahasa lainnya. Semua bahasa lainnya memerlukan kata-kata khusus untuk menunjukkan sesuatu idea atau keadaan tertentu. Dengan demikian, kita dapati orang-orang bukan Arab memerlukan percakapan bahasa yang lebih panjang daripada yang dikatakan harus dalam bahasa Arab.

Sabda Nabi Muhammad s.a.w.:

> "Aku telah diberi kata-kata yang padat dan pembicaraan yang sedemikian rupa ringkasnya."[163]

Maka huruf-huruf, *harakat*, dan susunan atau struktur bahasa Arab mengandung ungkapan yang menunjukkan pengertian yang padat, tanpa beban teknikal yang terlalu berat. Ini tidak lain suatu keahlian yang berasal kelincahan mempergunakan lidah; yang dipelajari dan diturunkan dari generasi ke generasi.

Setelah datangnya Islam, orang Arab meninggalkan Hijaz untuk merebut kekuasaan daripada tangan berbagai-bagai bangsa dan negara asing. Dalam kesempatan ini, mereka mengadakan hubungan dengan orang-orang bukan Arab. Akibatnya, ketrampilan berbahasanya berubah oleh pengaruh kekeliruan penggunaan

163 Dr. Wafi berpendapat, hadis tersebut tidak tepat dijadikan dalil atas pendapat Ibn Khaldun mengenai bahasa Arab. Sebab, hadis itu bersifat khusus dan terbatas untuk pembicaraan Rasulullah, yang mendapat kemampuan berbicara dengan gaya bahasa yang menyentuh, mampu berbicara kalimat-kalimat dan mengungkapkan pelbagai idea dengan yang pendek.

tatabahasa Arab yang dipakai orang-orang bukan Arab. Maka kemurnian bahasa Arab mulai menyerap bentuk-bentuk percakapan yang secara struktur dan gramatik. Kecenderungan yang berbeza, menjadi suatu kelaziman ini, akhirnya merosak keahlian berbahasa.

Para ahli mulai khuatir kalau-kalau kemurnian bahasa Arab menjadi tercemar sama sekali, dan prosesnya yang berlangsung terus menerus dan dalam waktu lama, sehingga mengakibatkan al-Quran dan hadis tidak lagi difahami. Dengan itu, mereka menyimpulkan kaedah-kaedah keahlian berbahasa Arab dari cara mereka berbicara. Kaedah-kaedah ini berlaku umum, universal, dengan prinsip-prinsip dasar. Mereka menguji tiap bahagian percakapan dengannya dan menggabungkan bahagian-bahagian yang sama dengan yang sama ...

Misalnya ditetapkan dalam kaedah bahawa subjek di *harakat rafa*, objek di *harakat nashb*, dan predikat di *harakat rafe*. Mereka kemudian melihat perbezaan *dilalah* yang terjadi kerana perbezaan *harakat* dalam kalimat-kalimat ini. Untuk itu mereka membuat suatu istilah yang disebut *i'rab*, dan menamakan keadaan yang menjurus terjadinya perubahan itu dengan *amil.* Semuanya menjadi kumpulan istilah khusus di kalangan mereka, yang dikumpulkan dalam sebuah buku, dan menjadikannya sebagai pegangan khusus. Pedoman itu mereka namakan *ilmu nahwu.* Orang yang pertama menuliskannya adalah Abu al-Aswad ad-Duali, berasal daripada Bani Kinanah. Dikatakannya hal itu ia lakukan berdasarkan isyarat Ali – ridlaLah atasnya. Begitu Ali melihat perubahan ketrampilan berbahasa di kalangan bangsa Arab, dia menyuruh Abul Aswad menghafaznya. Abul Aswad lebih tertarik memelihara bahasa Arab dengan kaedah-kaedah yang singkat dan induktif.

Para sarjana setelah Abu al-Aswad kemudiannya meneruskan usaha menghasilkan buku-buku ilmu nahu. Di antara orang-orang yang mendahului ialah al-Khalid bin Ahmad al-Farahidi dan Sibawayh. Pada masa pemerintahan ar-Rasyid, atau di masa orang sangat memerlukan ilmu nahu mengikuti lenyapnya ketrampilan berbahasa Arab dari orang-orang Arab. Dia menyusunnya dengan sistematik, yang dibahagi dalam bab-bab. Dari dia, Sibawayh mewarisi ilmu nahu, yang kemudian dia lengkapi secara terperinci. Dia perbanyak dalil-dalil berebut contoh-contoh. Kitab susunannya menjadi terkenal, yang menjadi pegangan bagi setiap buku nahsu yang ditulis orang sesudah itu. Berikutnya, Abu Ali al-Farisi

dan Abu al-Qasim az-Zajjaj menulis buku-buku ringkasan dari beberapa karya para pengulas, dengan mengikuti sistem dan kaedah yang dipergunakan sang imam.

Kemudian, pembicaraan tentangnya menjadi panjang. Perbezaan pendapat pun terjadi di antara para ahli, di Kufah dan Basrah, dua kota masa lampau orang-orang Arab. Pelbagai dalil dan penghujahan muncul di antara mereka. Metode pengajaran, *ta'lim*, yang dipakai adalah berbeza-beza. Timbul pula perbezaan pendapat mengenai *i'rab*, banyak ayat al-Quran, sesuai perbezaan pendapat mereka tentang kaedah-kaedah. Ini berlangsung lama di kalangan para pelajar. Para ahli mutakhir muncul, membawa kaedahnya masing-masing dalam membuat ringkasan. Mereka meringkas berbagai keterangan yang panjang lebar menurut penguasaan mereka atas semua yang telah dinukilkan. Ini dilakukan, antara lain, oleh Ibn Malik di dalam *Kitabat-Tashil.* Atau dengan cara, sesuai keterbatasan buku-buku pelajaran dasar bagi para pelajar, sebagaimana yang dilakukan az-Zamakhsyari dalam al-*Mufashshal*, dan oleh Ibn al-Hajib di dalam *Muqaddimah*, Pendahuluan, atas buku di atas. Ada pula antara para sarjana yang menulis dalam bentuk *nadzoman*, seperti dilakukan Ibn Malik dalam dua *urjuwzah*, yang besar dan yang kecil,[164] dan oleh Ibn Mu'thi di dalam *al-Urjuwzah al-Alfiyah*. Ringkasnya, karya tentang disiplin ilmu ini begitu banyaknya untuk dihitung atau dikuasai. Metode atau kaedah pengajaran ilmu nahu juga berbeza-beza. Metode pengajaran yang digunakan para sarjana di masa lampau berbeza dengan cara yang dipakai sarjana-sarjana kemudian. Metode para sarjana Kufah, Bashrah, Baghdad, dan Andalusia, juga berbeza-beza.

Ilmu nahu telah sampai pada suatu peringkat yang membolehkan ianya lengkap bersamaan dengan kemunduran yang menimpa ilmu dan keahlian lainnya sebagaimana telah kami nyatakan dan merupakan akibat berlakunya suatu kemunduran peradaban ....

Pada masa-masa ini, sebuah *diwan*[165] yang dinisbahkan

---

164 Yakni bukunya yang berjudul *Mughnil-Labib'an Kutubil A'arib*. Ibn Hisyam telah menyebut-nyebut dan menukilkan sebahagian masalah yang dibicarakan di dalam buku ini, dalam hubungan dengan analisa-analisa *fiqhul-Lughah*.

165 Yakni bukunya yang berjudul *Mughnil-Labib 'an Kutubil A'arib*. Ibn Hisyam telah menyebut-nyebut dan menukilkan sebahagian masalah yang dibicarakan di dalam buku ini, dan hubungan dengan analisa-analisa *fiqhul-Lughah*.

kepada Jamaluddin bin Hisyam – salah seorang ulama Mesir – telah sampai kepada kami dari Mesir. Di dalam buku itu dia menulis dengan sempurna, menyeluruh, dan terinci, hukum-hukum *i'rab*. Dia berbicara tentang huruf-huruf, padanan-padanan kata, dan kalimat-kalimat. Bahagian-bahagian yang banyak diulang-ulang pada bab-bab bukunya, banyak yang dia lepas. Buku itu diberinya nama "*al-Mughni tentang Irab*". Dia menunjukkan titik-titik Irab al-Quran seluruhnya, serta menyesuaikan dengan bab-bab, fasal-fasal, dan kaedah-kaedah yang membentuk semuanya itu. Daripadanya kita dapat menguasai ilmu secara menyeluruh, yang menunjukkan tingginya kadar kemampuannya dalam bidang ini dan melimpahnya materi yang dikuasainya. Tampaknya dia mengikuti kaedah yang dipakai para sarjana Moushil, dengan mengikuti langkah Ibn Jani dan meniru istilah pengajaran atau *ta'lim*nya. Dari sini dia memunculkan sesuatu yang menakjubkan, yang menunjukkan kekuatan keahlian dan telaahnya.

> Dan Allah "menambahkan pada ciptaan-Nya apa-apa yang dikehendaki-Nya."[166]

Ilmu mengenai leksikografi

Ilmu ini menitikberatkan kepada menerangkan (konvension) tentang erti (tentang perkataan-perkataan) bahasa itu. Ia adalah sebagaimana berikutnya. Keahlian berbahasa Arab secara *harakat*, yang dinamakan oleh para ahli nahu dengan *Irab*, telah tercemar. Kaedah-kaedah untuk menjaga *harakat*, akhir-akhir huruf hidup, telah berkembang. Namun, proses pencemaran terus berlangsung kerana tetap terjadinya hubungan erat kaum Muslimin dengan orang-orang bukan Arab. Kerosakan bahkan menjalar kepada erti konvensyional dari kata-kata. Banyak kata-kata bahasa Arab, misalnya dipergunakan bukan dalam pengertiannya yang tepat. Hal ini merupakan akibat dari kegemaran tidak mematuhi kaedah-kaedah bahasa baku yang digunakan orang-orang bukan Arab yang berbicara dengan istilah-istilah bahasa Arab yang kelaziman bahasa Arab yang benar. Itulah sebabnya, ada keperluan yang mendesak memelihara pengertian konvensyional dari kata-kata dengan berpedoman pada tulisan dan karya yang sistematik. Ada

166 Al-Quran surah 35 Fathir, ayat pertama.

kekuatiran kebakuan pengertian itu akan lenyap dan akan menimbulkan ketidakmampuan memahami al-Quran dan hadis. Banyak ahli-ahli bahasa terkemuka kerananya terdorong mengembang tugas itu dan pelestarian bahasa Arab yang baku dengan merakam karya-karya yang sistematik.

Yang unggul dalam pekerjaan ini adalah al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi, lewat karya leksikografinya *Kitabal-Ayn*. Di dalamnya, dia berbicara tentang semua gabungan huruf eja, iaitu kata-kata dua, tiga, empat, dan lima konsonan. Kata-kata lima konsonan merupakan gabungan huruf paling panjang dalam bahasa Arab.

Dia meringkasnya dengan aspek-aspek angka yang singkat. Dengan itu seluruh kata dua konsonan keluar dari semua angka-angka secara berturut-turut dari satu hingga 27, dan itu tanpa akhir huruf-huruf eja dengan satu huruf, kerana huruf yang satu itu diambil dari huruf-huruf eja lainnya bersama masing-masing huruf dari yang 27 tadi. Dengan demikian, huruf-huruf eja berjumlah 27, yang menjadi sebuah kalimat dua konsonan. Demikian pula, huruf yang kedua ditarik bersama huruf yang 26, kemudian yang ketiga dan yang keempat. Lalu yang ke-2 diambil bersama yang ke-28, yang dengannya menjadi satu. Selanjutnya, kesemuanya menjadi angka-angka yang berturut, dari satu hingga 27. Angka-angka dikumpulkan, dengan cara kerja para sarjana aritmetik (yakni, angka yang pertama dijumlahkan dengan angka yang terakhir. Hasilnya lalu dikalikan separuh jumlah). Kemudian, angka-angka itu dilipatgandakan demi tatakata-kata dua konsonan, kerana perletakan huruf pada bahagian pertama dan pada bahagian akhir dianggap berlaku di dalam gabungan huruf (susunan kalimat), sehingga yang timbul adalah sebuah kalimat dari kata-kata dua konsonan.

Adapun kata-kata tiga konsonan timbul dari pelipatan angka-angka kata-kata dua konsonan dengan jumlah satu hingga 26 (secara berurutan angkanya), kerana setiap kata dua konsonan, bila ditambah satu huruf, menjadi kata tiga konsonan. Kata dua konsonan menjadi setingkat huruf yang satu bersama masing-masing huruf sisanya, sesudah kata dua konsonan, yang jumlahnya 26 huruf. Secara berturutan huruf-huruf itu dijumlahkan, dan jumlah kata-kata dua konsonan itu dikalikan, kemudian anda dilipatgandakan hasilnya ke dalam enam jumlah tata-tata kalimat dua konsonan. Maka, jumlah susunan kalimatnya timbul dari huruf-huruf eja. Demikian pula halnya kata-kata empat konsonan

dan lima konsonan. Dengan cara itulah komposisi terbentuk. Bab-babnya tersusun berdasar huruf-huruf eja, dengan susunan yang sudah dikenal. Berdasarkan itu pula penyusunan daftar kata yang berproses keluar (*makhrij*) dilakukan dimulai huruf-huruf yang keluar dari kerongkongan, lalu sesudahnya, huruf-huruf yang keluar dari langit-langit mulut, berikutnya dari gigi, dari bibir, dan terakhir huruf-huruf *illat*, yakni huruf-huruf sengau. Huruf-huruf yang keluar dari kerongkongan, disebut pertama, huruf *ayn*, kerana huruf itu keluar dari puncak kerongkongan paling dalam. Dengan demikian, buku karya al-Khalil bin Ahmad tadi disebut *Kitab al-ayn*. Para sarjana sebelumnya memang sering memberi nama bukunya dengan cara demikian, yakni dengan kalimat-kalimat atau kata-kata yang terbentuk paling pertama.

Lalu, al-Khalil bin Ahmad menerangkan kata-kata yang sering kali tidak dipakai dalam kalimat, daripada yang dipakai. Dan kata-kata yang tidak terpakai ini, di dalam kata-kata empat konsonan dan lima konsonan, lebih banyak jumlahnya daripada yang terpakai. Orang Arab jarang menggunakannya, kerana berat mengeluarkan kata-katanya. Yang juga tidak sering terpakai, selanjutnya, adalah kata-kata dua konsonan, kerana sedikit orang mentransmisikannya. Yang paling sering dipakai adalah kata-kata tiga konsonan, kerana orang terbiasa mempergunakannya. Semua itu dijelaskan oleh al-Khalil di dalam *Kitab al-ayn*, dan menyatakannya secara luas, indah dan jelas.]

Dia tidak, walaupun demikian, menyusun bab-bab buku itu sesuai dengan susunan. Kebiasaan abjad-abjad aksaranya ....

Kemudian muncul Abu Bakar al-Zubaidi, guru Hisyam al-Muayyad di Andalusia pada abad ke-4 (ke-10). Dia meringkas *Kitab al-ayn*, tetapi memperhatikan keutuhannya. Semua kata yang tak terpakai, dibuangnya, diganti kata-kata yang terpakai. Dan itu ditulisnya dengan ringkas, tetapi baik, supaya mudah dihafaz.

Di antara sarjana Timur, al-Jauhari telah menyusun Kitab *Ash-Shihah*, yang mana yang pertama sekali mematuhi susunan abjad yang biasa .... Beliau memulai bukunya dengan huruf *hamzah*. Lalu, penterjemahan atas huruf-huruf yang terdapat dalam sebuah kalimat dimulainya dari huruf yang terakhir, kerana, seringkali orang kesulitan memahami kalimat pada bahagiannya yang terakhir. Itu dijadikannya sebuah bab tersendiri. Kemudian, beliau beralih pada huruf-huruf pada awal kalimat menurut tertib huruf-huruf ejaan, dan menterjemahkannya atau

menerangkannya di dalam fasal-fasal, hingga akhir. Bahasa yang dipergunakannya ringkas, seperti bahasa yang dipakai al-Khalil.

Lalu, sarjana-sarjana Andalusia lainnya, menulis pula tentang ilmu bahasa itu. Ibn Sidah, penduduk Daniaha, daripada daulah Ali bin Mujahid, menulis *Kitab al-Muhkam* dengan pemaparan seluas buku *al-Ayn*, dan mengikuti sistematiknya. Namun, dalam buku ini, Ibn Sidah lebih luas membicarakan bentukan-bentukan kalimat (*isytiqaqat*). Dan perubahannya (*tashrif*), sehingga bukunya tampil paling baik. Buku ini diringkas oleh Muhammad bin Abu al-Husain, sahabat al-Mustanshir, seorang raja daulat Hafshiyah, di Tunis. Sistematiknya diubahnya, mencontohi *Kitab al-Shihah*: menjelaskan bahagian-bahagian terakhir kalimat dan, atas dasar itu, disusun terjemahannya. Kedua-duanya menyamai Rahim dan Sulaila Ubwah. Dan Karra, seorang ahli bahasa, mempunyai karya *Kitab al-Munjid*; Ibn Duraid mempunyai karya *Kitab al-Jumhurah*; dan Ibn al-Anbari mempunyai karya *Kitab al-Zahir*.

Inilah dasar-dasar kitab tentang bahasa, yang kami ketahui. Ada lagi buku-buku ringkasan lainnya, yang khusus membicarakan bahagian dan persoalan bahasa tertentu, dan secara luas menjelaskan sebahagian bab atau keseluruhannya. Namun limitasinya tidak begitu jelas, sedangkan had kitab-kitab tersebut di atas jelas, dari segi komposisinya, sebagaimana anda saksikan.

Di antara buku-buku bahasa lainnya yang pernah ditulis adalah kitab karya az-Zamakhsyari, tentang *majaz* kiasan yang diberinya nama *Asas al-Balaghah*. Di dalamnya, beliau menerangkan kata-kata yang dianggap mengandungi erti kiasan oleh orang-orang Arab, dan ungkapan-ungkapan yang keluar dari pengertiannya yang asli. Buku ini sangat besar manfaatnya.

Ketika orang-orang Arab mengemukakan pengertian sesuatu barang dengan istilah umum, maka untuk hal-hal tertentu yang khas belum dipergunakan istilah-istilah lain yang khas untuknya, yang menurut kita berbeza antara kedudukan dan penggunaan, dan memerlukan pengertian yang dalam mengenai bahasa, dan tinggi manfaat keilmuannya. Misalnya, kata 'putih' mula-mula dipergunakan secara umum untuk segala sesuatu yang berwarna putih. Kemudian dilakukan pengkhususan bahasa kata 'putih': *asyhab* untuk bahagian putih pada kuda, *azhar* untuk bahagian putih pada manusia, *amlah* untuk bahagian putih pada kambing. Penggunaan kata 'putih' ini kemudian menjadi sesuatu yang

menyimpang dan keluar dari bahasa Arab umumnya permasalahan bahasa ini lalu dibukukan oleh ats-Tsal'labiy dalam sebuah buku tersendiri yang dinamainya *Fiqh al-Lughah*. Dialah sarjana yang menegaskan bahawa seorang ahli bahasa hendaknya mengetahui penggunaan bahasa menyimpang yang dipakai orang Arab. Yang paling memerlukan pengetahuan bahasa ini adalah sasterawan, baik sasterawan puisi mahupun sasterawan prosanya, agar dapat menghindari berbagai kesalahan di dalam objek-objek linguistik, baik perkataan atau komposisinya. Merekalah yang paling sering menyimpang dalam berbahasa, dan penyimpangannya paling berat.

Sebahagian sarjana seniman telah mengarang sejumlah buku tentang kata-kata kompositif dan berupaya menghuraikannya, meskipun tidak sampai pada hasil huraian yang mendalam. Namun demikian, pembahasannya sudah cukup luas. Adapun buku-buku ringkasan yang ada kini, khususnya mengenai ilmu bahasa yang banyak dibicarakan – buku-buku yang sering dipergunakan kerana mempermudah pelajar dalam menghadapinya – sudah banyak diterbitkan. Misalnya, kitab-kitab *al-Alfadz* karya Ibn as-Sakit, dan *al-Fashih* karya Tsalab, dan lain-lainnya. Sebahagiannya tidak lebih luas penuturannya daripada yang lain, dikeranakan perbezaan pandangan para penulisnya tentang mana bahagian yang penting dihafal oleh seorang pelajar.

Allah Pencipta Maha Tahu. Tiada Tuhan selain Dia.

Ketahuilah, kata-kata tekstual (*naql*) yang disahkan oleh bahasa tidak lain adalah *naql* (nukilan) daripada orang-orang Arab, dan bahawa mereka mempergunakan kata-kata tertentu untuk pengertian-pengertian tertentu. Janganlah anda katakan, mereka menyusun kata-kata itu kerana menemui kesulitan dan tidak berhasil menemukan (kata-kata yang tersedia) dan kata-kata yang tak dikenal oleh seorang pun di antara mereka. Lagi pula, bahasa tidak dapat disahkan dengan mengkiaskan sesuatu yang ia tak popular pemakaiannya atas sesuatu yang dikenal penggunaannya, kerana mengandung kesamaan yang nampak dalam pengungkapan yang pertama, seperti kias-kias *fiqhiyah*. *Khamr*, misalnya, disahkan untuk anggur, dan penggunaannya sebagai air anggur, kerana andaian akibat memabukkan yang terkandung pada keduanya. Kerana, dalam persoalan kias, kesaksian andaian

haruslah bersumber daripada *Syara'* yang menunjukkan kebenaran kias, secara mendasar. Di dalam bahasa, kita tidak menemui masalah kias seperti terdapat di dalam fikah, kecuali yang berdasarkan pemikiran logik. Dan ini *muhkam*. Jumhur ulama berpendapat demikian, meskipun Qadli Suraij dan lainnya cenderung menggunakan kias dalam persoalan bahasa. Namun, pendapat yang menegasinya lebih kuat dan tegas. Di dalam *term-term verbal*, sekali-kali jangan anda bayangkan adanya afirmasi bahasa, kerana istilah (*hadd*) mengacu kepada pengertian-pengertian kata dengan menerangkan bahawa pengertian kata abstrak adalah pengertian kata yang jelas popular. Bahasa adalah afirmasi, bahawa kata begini bererti begini. Bezanya jelas.

Ilmu Bayan

Ilmu *Bayan*, di dalam Islam, terbilang baru adanya. Ia muncul setelah *Ilm al-Arabiyyah* dan *Lughah*. Ilmu ini termasuk di antara ilmu-ilmu bahasa kerana hubungannya dengan kata-kata dan pengertian-pengertian. Yang disampaikan pembicara agar bermanfaat bagi pendengar ada dua hal: Berupa persepsi tentang kata-kata individual yang berhubungan dan dihubungi, dan satu sama lain saling berhubungan. Kata-kata yang bersifat demikian adalah kata-kata individual berupa sejumlah kata nama, kata kerja, dan huruf-huruf. Ia berupa pembezaan kata-kata yang berhubungan dari kata yang dihubungkan kepadanya dan kata-kata waktu, dan ini terjadi dengan mengubah bentukan-bentukan kalimat melalui perubahan *harakat,* iaitu *i'rab*, dan susunan-susunan kalimat. Semuanya ini tercakup dalam Ilmu Nahu.

Di antara berbagai-bagai hal yang tersebut tadi, masih tertinggal sejumlah peristiwa yang diperlukan untuk menunjukkan keadaan kedua pembicara atau kedua subjek, dan apa yang dituntut oleh keadaan kata kerja. Ia memerlukan indikasi untuk menyempurnakan manfaat percakapan. Bila informasi telah diterima oleh pendengar, tujuan manfaat percakapan telah dicapai. Namun, bila pembicaraannya tidak meliputi sesuatu pun dari yang tersebut di atas, maka itu bererti tidak termasuk jenis percakapan orang Arab. Kerana percakapan orang Arab tersusun setelah *i'rab* dan kejelasan (*ibanah*)nya sempurna. Perhatikan susunan perkataan mereka, "Zain telah datang kepadaku (*Zaid ja-ani*)", berbeza dari kata-kata, "Telah datang kepada Zaid (*Ja-ani*

Zaid)". Ini dilihat dari fakta bahawa kata yang didahulukan dari kedua kata yang membentuk kalimat itu, tentang pentingnya dalam fikiran pembicara. Orang yang berkata, "Telah datang Zaid kepadaku", perhatiannya lebih tertuju kepada kedatangan daripada orang yang datang.

Demikianlah pengungkapan bahagian-bahagian kalimat yang disesuaikan dengan posisinya, berupa kata sambung, atau abstrak, atau kata yang dikenal (*ma'rifah*). Demikian pula halnya tentang penekanan hubungan kalimat, seperti perkataan, "*Zaid qa-im*" (Zaid berdiri), "*Inna Zaidan qa-im*" (Sungguh! Zaid berdiri) dan "*Inna Zaidan la qa-im*" (Sungguh! Zaid sungguh berdiri). Perhatikan semua perkataan itu berbeza-beza, dan masing-masing punya pengertiannya sendiri, meskipun dari segi cara *i'rab* sama. Kata yang pertama, yang tidak mengandung kata tekan (*ta'qid*), diungkapkan bagi seseorang yang sama sekali kosong informasi tentang Zaid. Sedangkan ungkapan yang kedua, yang mengandung kata-tekan (*Inna*), dikemukakan bagi lawan bicara yang meragukan informasi tentang Zaid. Dalam kalimat yang ketiga, dikemukakan bagi lawan bicara yang meragukan informasi tentang Zaid. Dan kalimat yang ketiga, dikemukakan bagi lawan bicara yang menolak informasi tentang Zaid. Jadi, masing-masing ungkapan tersebut berbeza-beza.

Begitu pula bila anda katakan, "Datang kepadaku laki-laki itu" (*Ja-ani ar-Rajulu*). Lalu, dengan ungkapan yang sama anda katakan, "Datang kepadaku seorang laki-laki" (*Ja-ani rajulun*), bila dengan ungkapan *nakirah* ini anda maksudkan membesarkannya, dan bahawa laki-laki itu tiada bandingannya. Lalu, kalimat yang berhubungan (*isnadiyyah*) itu menjadi kalimat predikat (*khabariyah*), iaitu kalimat yang mempunyai aspek luar yang sesuai dengannya. Jumlah *isnadiyah* itu juga menjadi kalimat komposisif (*insyaiyyah*), yakni kalimat yang tidak mempunyai aspek luar, seperti kata perintah (*thalab*) dan semacamnya. Kemudian, kata penghubung (*'athf*) antara dua kalimat sering dianggap perlu ditiadakan, apabila kalimat yang kedua mempunyai padanannya dalam *Irab*, sehingga dengan itu kalimat yang kedua berkedudukan sebagai pengikut individual (*tabi' mufrad*) berupa *naat, tawkid,* dan *badal* tanpa *athf*. Seringkali pula, kata penghubung (*athf*) itu disebut bila kalimat yang kedua tidak mempunyai padanannya dalam *i'rab*, kemudian padanan pengganti tersebut menuntut huraian komprehensif (*ithnab*) serta huraian ringkas

(*ijaz*), dan pembicaraan pun diungkapkan berdasarkan kedua bentuk huraian itu.

Lalu, seringkali sebuah kalimat diungkapkan untuk suatu pengertian dengan tidak menyebutkan kata langsung, tetapi akibatnya, bila bentuknya tunggal, seperti ungkapan yang anda pakai, "Zaid adalah harimau" (*Zaidun asadun*). Yang anda maksudkan bukanlah harimau yang sebenarnya, yang dikatakan untuk Zaid, tetapi keberaniannya yang menyamai harimau, dan anda menghubungkannya kepada Zaid. Bentuk ungkapan ini disebut *isti'arah*. Dan seringkali sebuah kalimat diungkapkan dengan kata-kata jamak yang menunjuk pada akibatnya. Misalnya, anda katakan, "Zaid banyak debu dapurnya" (*Zaidun katsir ar-ramad*). Ertinya, anda hendak mengungkapkan bahawa Zaid seorang dermawan dan banyak tamunya – sebuah akibat dari orang banyak memasak, kerana dikunjungi banyak tamu, kerana Zaid sendiri bersifat dermawan.

Semua ini merupakan pengertian tambahan pada pengertian kata-kata, yang tunggal dan yang jamak. Semua ini tidak lain adalah sikap-sikap dan keadaan-keadaan bagi peristiwa-peristiwa yang, untuk memberi pengertian padanya, dibentuk oleh keadaan-keadaan dan sikap-sikap pada setiap kata sesuai dengan tuntutan posisinya. Demikianlah, ilmu yang disebut *al-bayan* ini mencakup pembahasan tentang pelbagai pengertian yang terdapat pada sikap-sikap ini. Pembahasannya ada tiga bahagian: Pertama, pembahasan mengenai sikap-sikap dan keadaan-keadaan yang kesemua tuntutan keadaannya sesuai dengan kata yang. dipergunakan. Pembahasan jenis ini disebut *Ilm al-Balaghah*. Kedua, pembahasan tentang akibat *verbal* dan akibatnya, yakni *istiarah* dan *kinayah* seperti yang telah kami sebutkan. Pembahasan jenis ini disebut *Ilm al-bayan*. Lalu pembahasan yang ketiga, sebagai kelanjutan pembahasan kedua, memperhatikan masalah-masalah yang berhubung dengan estetika kata dalam bentuk pembuangan kata, atau gubahan saja, atau pemilihan kata berpadan bagi kata lainnya, atau gubahan bentukan kata, atau penyembunyian makna kata dengan menggantinya dengan kata lain yang lebih dalaman kerana keduanya mengandung makna serupa, dan lain sebagainya. Para ahli bahasa menamakan pembahasan jenis ini *'Ilm al-badi'*.

Namun, secara keseluruhan, ketiga bentuk pembahasan tadi disebut oleh para sarjana moden sebagai *al-bayan* – nama bagi

pembahasan kedua. Para sarjana terdahulu merupakan orang-orang pertama yang telah membincangkannya.

Lalu, kemunculan pelbagai persoalan ilmu ini timbul satu persatu, yang ditulis oleh Ja'far bin Yahya, al-Jahidz, Quddamah, dan lain-lainnya, dalam bentuk pengajaran lisan yang tak memadai. Permasalahan ilmu seperti ini untuk sementara terus berkembang menyempurna sedikit demi sedikit, hingga Mahdl as-Sakkaki mengaduknya, menata permasalahannya, dan menyusunnya ke dalam bab-bab yang sistematik, sebagaimana telah kami sebutkan sebelum ini. Dia menulis buku tentang *nahwu, tashrif,* dan *bayan*, yang diberikan nama Kitab *al-Miftah.* Ilmu bayan ini menjadi bahagian dari pembahasannya. Dari kitab ini, para sarjana sezaman belajar. Darinya pula mereka membuat ringkasan menjadi buku-buku induk yang pada masa kini dipelajari umum. Misalnya, yang dilakukan as-Sakkaki di dalam kitabnya *at-Tibyan*, Ibn Malik di dalam Kitab *al-Mishbah*, Jalaluddin al-Qazwayni dalam *Kitab al-Idlah* dan *at-Talkhish* yang lebih kecil bentuknya daripada *al-Idlah*, dan yang pada masa kini mendapat perhatian lebih besar dari penduduk Masyriq, dibandingkan dengan buku-buku lainnya, dalam mengulas dan mengajarkannya. Pokoknya, orang Timur (Masyriq) lebih mendalami ilmu ini daripada orang Barat (Maghribi). Sebabnya – tapi Allah lebih mengetahui–kerana orang Timur mendalami ilmu-ilmu bahasa secara sempurna.

Di dalam peradaban (*Umran*), keahlian-keahlian yang sempurna selalu dapat. Dan Timur lebih beradab daripada Maghribi, sebagaimana telah kami sebutkan. Atau, katakan, sebabnya kerana perhatian yang besar dari orang bukan Arab terhadap masalah bahasa. Dan kebanyakan mereka terdiri dari penduduk Timur (Masyriq). Di antara karyanya, misalnya, *Tafsir* karya az-Zamakhsyari, yang sempurna berdasarkan ilmu bahasa ini, dan dia sumber awalnya. Yang menjadi pengkhususan bagi penduduk Maghribi, di antara berbagai-bagai ilmu bahasa, adalah *'Ilm al-Badi'* khususnya, dan menjadikannya sebagai bahagian daripada ilmu-ilmu sastera puisi. Mereka memberi nama tertentu untuk bahagian-bahagiannya, dan menyusunnya di dalam bab-bab secara sistematik. Mereka mendakwanya sebagai bahagian daripada bahasa Arab. Yang mendorongnya adalah kesukaan mereka untuk memperindah kata-kata, dan *ilm al-badi* sendiri mudah dipelajari. Sedangkan ilmu-ilmu *balaghah* dan bayan sulit diperoleh, kerana teori-teorinya mendalam dan pengertian-pengertian-

nya sangat rumit, sehingga orang Maghribi tidak suka mempelajarinya. Di antara para sarjana Ifriqiyah (Afrika) yang mengarang tentang *Ilm al-Badi* adalah Ibn Rasyiq. Kitabnya *al-Umdah* sangat terkenal. Sarjana-sarjana Ifriqiyah dan Andalusia banyak mengikuti kaedahnya.

Ketahuilah bahawa manfaat ilmu ini terletak di dalam upaya memahami kemukjizatan (*i'jaz*) al-Quran; kerana *i'jaz*nya terdapat pada kesesuaian makna indikatif dengan semua tuntutan keadaan, dari ungkapan ataupun pemahamannya. Dan itu adalah tingkat bahasa tertinggi, disamping kesempurnaan khusus pada kata-katanya, berupa kejernihannya, keindahan ungkapan, dan komposisinya. Inilah *i'jaz* dengan segala pemahaman terbatas di dalam menguasainya. Sebahagian dari *i'jaz*nya hanyalah diketahui oleh orang yang mempunyai suatu cita rasa bahasa Arab, dengan menggauli bahasa Arab dan menguasainya. *I'jaz* al-Quran dimengerti sesuai dengan cita rasa bahasa (*dzauq*) itu. Dengan itu, persepsi-persepsi orang Arab yang mendengarnya dari penyampai al-Quran menduduki kedudukan tertinggi dalam hal ini, kerana mereka adalah ahli-ahli bahasa terkemuka, dan *dzauq* mereka tersedia begitu utuh dan tulen.

Yang paling memerlukan ilmu ini adalah para penafsir al-Quran. Tafsir-tafsir yang dilakukan para ulama terdahulu (*mutaqaddimun*) melalaikannya, hingga tampil orang yang dekat kepada Allah, az-Zamakhsyari, penulis buku *Tafsir al-Kasysyaf*. Dia selidik ayat-ayat al-Quran dengan menggunakan teori-teori ilmu tadi, pada sebahagian yang nampak merupakan *i'jaz*nya. Dengan upayanya yang mulia ini, karya *Tafsir al-Kayysyaf* tampil unik dan semua tafsir lainnya. Sayang, beliau mendukung akidah-akidah kaum bidaah ketika menukilnya dari al-Quran dengan segi-segi *balaghah*. Sebagai akibatnya, beliau disisih oleh banyak sarjana *ahlus sunnah*, meskipun dia sangat menguasai balaghah. Orang yang menguasai akidah sunnah secara mendalam ini sebenarnya mampu menolaknya dengan bahasa serupa. Beliau mengetahuinya itu suatu bidaah sehingga dapat menyangkalnya, sehingga orang yang meyakininya tidak jauh tersesat. Maka sepantasnya beliau mengkaji Kitab ini untuk memperoleh segi-segi *i'jaz* al-Quran, sekaligus terhindar dari bidaah dan nafsu jahat.

Allah menunjukki orang yang menghendaki, ke jalan yang benar.

Ilmu kesusasteraan

Ilmu ini tidak menyangkut apa yang menjadi secara kebetulannya yang mana ia akan diteliti dan seterusnya diterima atau disangkal. Para ahli bahasa berpendapat matlamatnya adalah serupa dengan hasilnya, yakni: keupayaan mengungkapkan seni puisi dan prosa sesuai dengan kaedah-kaedah dan cara orang-orang Arab. Dengan demikian, para ahli ilmu bahasa itu mengumpulkan pembicaraan orang Arab yang dipercayai dapat membantu dalam mendapatkan sikap kebahasaan sebenarnya. Dokumen-dokumen itu berupa syair yang indah-indah, kata-kata bersajak yang sedap didengar dan beberapa persoalan tentang perkamusan dan nahu daripadanya para pelajar telah, sebagaimana harusnya, telah dapat membiasakan dirinya dengan penuturan berbahasa dalam bahasa Arab. Ahli-ahli bahasa yang mahu mendefinisikan disiplin ini menyatakan "sastera ialah pengetahuan yang tinggi tentang sajak dan tentang pelbagai ilmu. Apa yang mereka maksudkan ialah berpengetahuan tentang bahasa dan syariah, tetapi hanya kandungan al-Quran dan hadis. Tidak ada ilmu lainnya yang ada kaitannya dengan bertutur Arab, dapat diperlukan sebab sebagaimana para sarjana mutakhir yang telah melibatkan dirinya dengan keahlian tentang tokoh retorik telah menggunakan kiasan dengan cara (merujuk kepada) istilah-istilah saintifik di dalam karya-karya puisi dan prosa langsung mereka. Dengan demikian, sasterawan berasa perlu untuk mengetahui istilah-istilah ilmu, demi untuk dapat memahami kiasan-kiasan seperti itu.

[*Di dalam kelas-kelas pengajaran agama (*ta'lim*), kita sering mendengar ucapan guru-guru kita bahawa dasar-dasar dan prinsip-prinsip ilmu ini adalah empat buku. Yakni: *Adab al-Kitab* karya Ibn Qutaibah; Kitab *al-Kamil* karya al-Mubarrad; Kitab *al-Bayan wa t-Tabyin* karya al-Jahids; dan *Kitab an-Nawadir* karya Abu Ali al-Qali al-Baghdadi. Selain keempat buku tersebut, adalah *derivat* dan cabangnya. Kitab-kitab karya para sarjana moden mengenai ilmu ini cukup banyak].

Pada permulaan (Islam) lagu (*ghina*) merupakan sebahagian daripada disiplin ini. Dendangan lagu adalah bergantung pada syair, sebabnya ialah bermula dengan syair kepada muzik. Para setiausaha dan orang-orang yang terkemuka di dalam Daulat Abbasiyah telah melibatkan diri dan menguasai lagu (*ghina*) sebab ia diperlukan untuk membiasakan diri dengan kaedah-kaedah dan

disiplin-disiplin Arab. Penglibatan dalam bidang ini tidak mengurangkan martabat atau dan *muruah* (keberanian) seseorang itu. Orang yang menjadi teladan dan diikuti oleh yang lain-lainnya ialah orang-orang Islam Hijaz di Makkah dan beberapa tempat lagi. Qadli Abu al-Faraj al-Ishfahani pernah menulis buku tentang lagu-lagu, yakni *al-Aghani.* Di dalamnya beliau membicarakan tentang sejarah seluruhnya, syair catatan nasab, catatan peperangan dan pemerintahan dinasti-dinasti Arab. Buku ini didasarkan pada 100 buah lagu yang dipilihkan oleh para penyanyi untuk ar-Rasyid. Kisah-kisah beliau itu adalah lengkap dan dapat difahami, satu-satunya. Malah, ia menjadi suatu arkib orang-orang Arab. Ia adalah suatu kumpulan (*disjesta membra* membawa segala-gala kenangan yang indah tentang: syair, sejarah, lagu, dan seluruh kenderaan mereka. Pada pengetahuan kami, tidak ada sebuah buku yang sebanding dengannya. Itulah puncak karya seorang sasterawan yang mahu dicapai dan di mana dia harus berhenti bagaikan dia tidak boleh melampauinya lagi.

Marilah kita berbalik semula kepada membuktikan ulasan-ulasan tentang ilmu-ilmu bahasa dalam istilah-istilahnya yang umum.

Dan Allah penunjuk bagi kebenaran.

47 **Bahasa adalah suatu kebiasaan teknikal sahaja**

Setiap bahasa adalah kebiasaan-kebiasaan yang hampir serupa dengan kemahiran-kemahiran. Ia adalah kefasihan menggunakan lidah dan memenuhi matlamat untuk menyatakan idea-idea. Berhasil atau gagalnya kesempurnaannya adalah tergantung kepada lengkap atau tidaknya kebiasaan itu. Kali ini tidak merujuk kepada setiap perkataan, tetapi kesatuan perkataan itu. Seseorang penutur yang telah memperolehi kesempurnaan tabii berbahasa dan dengan itu berupaya untuk menyambung perkataan-perkataan yang terpisah demi menyatakan suatu pemikiran yang hendak disampaikan dan dia berupaya memerhatikan bentuk komposisi yang membuatkan penuturannya menepati dengan keperluan-keperluan keadaan, dan juga telah dapat sebagaimana mungkinnya untuk menyalurkan kepada si pendengar apa yang hendak disampaikan. Ini yang dimaksudkan dengan *balaghah* atau kefasihan.

Kebiasaan itu hanya boleh diperoleh dengan perulangan

perbuatan. Perbuatan hanya dilakukan sekali sahaja dengan adanya pengulangan-pengulangan ia menjadi lebih berkesan, yang menjadi ciri yang tidak dimantapkan. Dengan pengulangan-pengulangan ia menjadi suatu kebiasaan, yakni, sesuatu yang mantap dan menjadi ciri-ciri yang mapan.

Maka seseorang yang berbahasa Arab yang mendengarkan ucapan, susunan dan gaya bahasa yang sezaman dengannya, persis seperti seorang anak mendengarkan bermacam-macam perkataan dan mencuba memahami ertinya, diikuti kemudian dengan mendengarkan dan memahami susunan yang bermacam-macam. Tiap kali peristiwa mendengarkan itu akan memperbaharui ingatan hingga akhirnya orang bersangkutan memperoleh suatu keahlian. Dengan jalan ini, pelbagai bahasa dan pecahan bahasa atau dialek diwariskan dari satu keturunan kepada keturunan berikutnya, dan dipelajari oleh orang asing dan anak-anak.

Inilah erti ungkapan Arab popular yang menyatakan bahawa bahasa adalah pembawaan tabii sesuatu bangsa. Dengan ini dimaksudkan, bahawa bangsa Arab memperoleh bahasa melalui ketrampilan; mereka ajarkan kepada orang lain tetapi tidak mereka pelajari daripada siapa pun.

Kebiasaan berbahasa orang-orang Arab asli suku Mudhar menjadi tercemar apabila mereka berhubungan dengan orang-orang bukan Arab. Ini terjadi mulanya sewaktu generasi muda dibesarkan dalam pergaulan akrab dengan bangsa asing, yang daripadanya mereka mendengar dan mengambil alih gaya bahasa lain. Dalam pada itu, mereka juga mendengarkan gaya pengucapan Arab sendiri. Ini membuat mereka bingung, lalu mengambil sedikit dari sini dan sedikit dari sana. Demikianlah mereka mengembangkan suatu keahlian baru dalam berbicara, yang ternyata lebih rendah daripada keahlian yang dimiliki nenek-moyangnya. Inilah yang diertikan dengan pencemaran dalam bahasa Arab.

Itulah sebabnya pula mengapa dialek Quraisy merupakan dialek Arab yang paling murni dan paling klasik, kerana jauhnya keberadaan suku Quraisy dari negeri-negeri asing, seperti juga para tetangga dekat mereka, seperti Tsaqif, Hudzail, Khuzaah, Bani Kinanah, Ghathafan, Bani Asad, dan Bani Tamim. Tetapi suku-suku yang hidup di pinggir-pinggir Arabia, seperti Rabiah, Lakhm, Judzam, Ghassan, Iyad, Qadlaah, dan Yaman, dan suku-suku yang tak dapat tidak harus berhubungan dengan orang-orang Persia, Byzantium Rom, dan Ethopia, semuanya tidak mempunyai bahasa

murni, kerana bercampur-baurnya nereka dengan bangsa-bangsa bukan Arab. Dan inilah sebabnya para ahli bahasa mempergunakan dekat atau jauhnya sesuatu suku dari Quraisy sebagai ukuran untuk menetapkan apakah suku itu dapat digunakan sebagai ukuran kemurnian atau tidak.

Dan Allah – Maha Suci dan Maha Tinggi Dia – lebih mengetahui, dan dari-Nya diperoleh taufik).

[*48 Loghat orang-orang Arab pada masa ini berdiri sendiri, dan berbeza dari loghat suku Mudhar dan Himyar

Hal ini kerana kita menemukan loghat seperti yang diandaikan di dalam penjelasan mengenai maksud bahasa dan pemenuhan makna indikatif terhadap aturan bahasa suku Mudhar, dan itu tidak ada yang lenyap kecuali harakat kepada penentuan kata subjek (*fa'il*) dari objek (*maf'ul*). Mereka pun berpegangan erat pada loghatnya, meskipun tetap melakukan pelbagai perubahan. Iaitu, misalnya mengedepankan yang akhir dan mengakhirkan yang akhir, dan menambahkan hubungan-hubungan kata (*qarrain*) yang menunjuk kepada pelbagai kekhususan maksud kata. Hanya saja, di dalam bahasa suku Mudhar, *bayan* dan *balaghah* lebih banyak dan lebih terkenal. Kerana di dalam bahasa tersebut kata-kata dengan segala esensinya mengindikasikan makna-makna dengan segala esensinya, dan apa yang dituntut keadaan tetap ada, dan disebut keadaan sederhana yang memerlukan sesuatu yang menunjuk kepadanya. Setiap makna harus dikeadaankan oleh pelbagai keadaan yang menjadi ciri khasnya. Keadaan-keadaan itu harus diungkapkan di dalam menyampaikan maklumat yang dimaksud, kerana keadaan-keadaan tersebut merupakan sifat-sifat dari pengertian kata. Pada semua loghat, keadaan-keadaan (*ahwal*) itu kebanyakan menunjuk kepadanya dengan lafaz-lafaz yang sengaja disusun untuk memberikan ciri khas.

Adapun di dalam bahasa Arab, makna indikatifnya didapat pada keadaan-keadaan dan kualiti-kualiti dari komposisi-komposisi kata-kata dan susunannya, berupa pengubahan kata pertama ke kata terakhir dan sebaliknya. Atau, penghapusan suatu huruf (*hadzf*) atau *harakat i'rab*, dan seringkali ditemui pada huruf-huruf yang tak terpisah. Dengan itu, di dalam bahasa Arab, tingkatan pembicaraannya berbeza-beza sesuai dengan perbezaan makna

indikatif (*dilalah*) yang menunjukkan kepada kualiti tersebut, seperti telah diterangkan. Dengan demikian pembicaraan dalam bahasa Arab adalah ringkas dan lebih sedikit penggunaan kata dan ungkapannya dibandingkan semua bahasa lainnya. Inilah erti daripada sabda Nabi Muhammad s.a.w.

> "Aku diberi semua perbendaharaan bahasa dan bagiku pembicaraan diringkaskan sedemikian rupa."

Bandingkan hal tersebut dengan keterangan Isa bin Umar. Sebahagian ahli nahu berkata kepadanya:

> "Sungguh aku mendapatkan pengulangan di dalam bahasa Arab, misalnya perkataan orang Arab: 'Zaid berdiri (*Zaiddun qa-imun*)', dan 'Sungguh Zaid berdiri (*Inna Zaidan qa-imun*)', dan 'Sungguh, Zaid sungguh berdiri (*Inna Zaidan la qa-imun*)', padahal pengertiannya sama."

Lalu, dikatakan kepadanya bahawa pengertian kata-kata tersebut sebenarnya berbeza-beza. Kalimat pertama dikemukakan bagi kawan bicara yang tidak mengetahui keadaan-bangun Si Zaid. Kalimat kedua, untuk yang telah mengetahuinya, tapi masih meragukannya. Sedang kalimat ketiga untuk mereka yang mengetahui tetapi menolak mempercayainya. Jadi, makna indikatifnya berbeza-beza menurut perbezaan keadaan saat bicara.

Hingga sekarang, *balaghah* dan *bayan* masih tetap merupakan kebiasaan dan amalan orang Arab. Dalam hal ini, janganlah anda hirau pendapat kacau sejumlah ahli nahu yang menguasai ilmu *i'rab* tetapi persepsinya banyak menyimpang. Mereka berdalih pada masa ini *balaghah* tetap lenyap, dan bahawa bahasa Arab telah tercemar, dengan melihat kekacauan *i'rab* pada bahagian-bahagian akhir pembicaraan, yang kaedah-kaedahnya mereka pelajari. Pendapat itu timbul dari tabiat mereka yang buruk, dan yang lahir kerana sempitnya persepsi ilmiahnya.

Sampai kini, kita masih menemukan banyak kata Arab tetap pada objek-objeknya yang pertama. Ungkapan maksud pembicaraan orang Arab masih beragam sesuai dengan beragamnya kejelasan pengungkapan. Bentuk dan komposisi bahasa berupa puisi dan prosa tetap mereka gunakan dalam pidato-pidato. Dalam pelbagai pertemuan dan perkumpulan, boleh dikenal khatib yang mahir, penyair yang memukau, melalui susunan kata mereka

ungkapkan. Cita rasa bahasa yang dalam dan watak yang jernih, membuktikannya.

Dalam bahasa tulis tiada yang lenyap kecuali *harakat i'rab* pada bahagian akhir pembicaraan saja, yang di dalam bahasa Mudhar *i'rab* kebetulan merupakan suatu keharusan, sebagai kaedah khusus dan cirinya yang popular. Dan *i'rab* hanyalah sebahagian saja dari sekian banyak aturan bahasa.

Perhatian terhadap loghat Mudhar barulah berkembang setelah loghat ini mulai tercemar, kerana bercampur-baurnya orang Arab dengan orang-orang asing setelah penaklukan kerajaan-kerajaan Iraq, Syam (Syria), Mesir, dan Maghribi (Afrika Utara). Kebiasaan yang umum digunakan pada waktu tersebut segera mengubah loghat itu sehingga berganti rupa menjadi bahasa lain. Kerana al-Quran diturunkan dalam loghat Mudhar dan hadis-hadis Nabi juga diajarkan dalam loghat yang sama, timbul kekhuatiran bahawa dengan dilupakannya loghat ini, jalan masuk kepada kedua tiang agama itu akan terhalang, dan kedua-duanya segera tidak dapat lagi difahami dan lalu terlupakan orang sama sekali.

Kerana itulah, menjadi suatu keharusan menuliskan hukum-hukum loghat, menetapkan ukuran-ukuran yang dipakai, dan mencari kaedah-kaedahnya. Satu macam disiplin ilmu baru kini muncul, yang diberi nama Ilmu Nahu, dengan pelbagai bab dan fasalnya, dasar-dasar dan masalah-masalahnya. Ilmu ini kemudian menjadi seni yang dipelihara dan ilmu yang dicatat, dan suatu tangga untuk sampai kepada Kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya.

Barangkali, kalau kita meneliti bahasa Arab masa kini, dan ditarik kesimpulan hukum-hukumnya, kita barangkali akan menemukan *harakat i'rabiyah* pada makna indikatifnya dengan hal-hal lain yang didapat di dalamnya. Sehingga, hal itu menjadi kaedah-kaedah khusus baginya, dan mungkin akan merupakan hal yang baru yang berbeza daripada sistem pertama loghat Mudhar. Bahasa dan ilmunya tidaklah cuma-cuma.

Antara bahasa Mudhar dan bahasa Himyar nampak persamaan. Pada suku Mudhar, banyak objek bahasa Himyar dan *tashrif* kalimatnya berubah. Itu boleh diketahui melalui nukilan-nukilan yang ada pada kita. Ini berbeza dengan pendapat orang yang mengatakan merupakan adalah satu loghat. Bentukan loghat Himyar tersusun berdasar kias-kias loghat Mudhar dan kaedah-kaedahnya. Misalnya, sebahagian orang berpendapat bahawa kata

al-qayl dalam bahasa Himyar berasal dari kata *al-qawl.* Dan banyak contoh serupa lainnya. Pendapat ini salah. Loghat Himyar adalah loghat lain yang berbeza dari loghat Mudhar pada kebanyakan keadaan, *tashrif* dan *harakat i'rabnya*, sebagaimana dapat dibandingkan antara loghat orang Arab dan loghat suku Mudhar pada masa kita ini. Hanya saja, perhatian terhadap bahasa Mudhar demi kepentingan syariat, seperti telah kami kemukakan, mengantar kepada penyimpulan dan deduksi. Dan kita, pada masa ini, tidak mempunyai alasan yang dapat merangsang serta mengajak kita kepada tindakan semacam itu.

Pada bahasa generasi orang Arab kini, yang tinggal di daerah-daerah jauh, telah mengalami suatu perubahan. Misalnya, dalam cara mengejanya menurut *makhraj* yang ditulis para sarjana dalam kitab-kitab bahasa Arab, iaitu bahawa *qaf* dikeluarkan dari hujung akhir lidah melewati langit-langit atasnya. Demikian pula huruf *kaf*, tidak mereka eja dengan cara demikian – meskipun pengejaan yang sebenarnya terletak lebih rendah dari posisi *qaf* dan langit-langit atas sedikit ke depan – tetapi dengan *makhraj* pada pertengahan antara *kaf* dan *qaf.* Dan ini terdapat pada generasi Arab secara umum, di Barat atau Timur. Sehingga, hal itu menjadi ciri khas mereka di antara berbagai-bagai bangsa yang tiada persamaannya. Sehingga seseorang yang ingin berbahasa Arab, harus menyatu dengan generasi itu, dan masuk ke dalamnya, dia harus belajar cara pengejaan demikian. Menurut mereka, yang membezakan orang Arab asli dengan pendatang berbahasa Arab, dan orang kota, terletak pada pengejaan huruf *qaf.* Dengan ciri khas ini, nampak bahawa loghat tersebut adalah loghat Mudhar tersendiri.

Dari generasi ini masih ada, dari golongan yang utama dan terkemuka, di Timur dan Barat, berasal daripada putera Mansur bin Ikrimah bin Khashfah bin Qais bin Ayalan dari Salim bin Mansur, dari bani 'Amir bin Sha'sha'ah bin Mu'awiyah bin Bakr bin Hawazin bin Mansur. Saat kini, mereka adalah puak yang paling banyak dan merupakan penduduk teramai di al-Ma'mur. Merekalah keturunan Mudhar. Semua generasi mereka ikut mengeja *qaf* dengan cara itu. Loghat tersebut tidaklah diciptakan oleh generasi ini, tetapi mereka terima dari para pendahulunya secara berturutan. Dari sini nampak bahawa loghat itu adalah loghat suku Mudhar awal, dan barangkali loghat Nabi Muhammad s.a.w. Para *fuqaha* dari kalangan *ahl l-bayt* berpendapat demikian,

dan mendakwa bahawa orang yang membaca *Umm al-Kitab* (al-Fatihah), "*Ihdina ash-Shirat al-mustaqim*" tidak dengan mengeja *qaf* seperti yang ada pada generasi ini, maka bahasanya sudah menyimpang dan kerananya, solatnya tidak sah. Saya sendiri tidak tahu dari mana pendapat demikian berasal. Para penduduk kota tidak menciptanya. Mereka hanya saling menukilnya daripada orang-orang terdahulu, yang kebanyakan terdiri dari orang Mudhar, ketika mereka singgah di kota-kota sewaktu melakukan penaklukan. Generasi itu sendiri juga tidak menciptanya, hanya saja, dibanding penduduk kota, mereka lebih jauh bergaul dengan para pendatang asing. Loghat ini mengacu kepada loghat para pendahulu mereka. Inilah ejaan yang disepakati semua anggota generasi suku Mudhar, di Timur dan Barat, dan inilah loghat yang menjadi ciri pembeza yang khas antara seorang Arab dan peranakan kota. Hendaklah anda fahami hal ini.

Allah penunjuk penjelas.

49 Loghat penduduk kota adalah loghat tegak tersendiri yang berbeza daripada loghat suku Mudhar

Ketahuilah bahawa percakapan yang dikenal di antara orang kota bukanlah loghat Mudhar kuno, dan bukan pula loghat anggota generasi Mudhar kini. Ia adalah loghat tersendiri yang jauh berbeza daripada loghat Mudhar dan loghat generasi Arab yang ada pada masa ini. Perbezaannya dengan loghat Mudhar lebih jauh lagi. Bahawa loghat itu adalah loghat tersendiri, sudah jelas, terbukti dari perubahan yang dianggap oleh ilmu nahu sebagai kata menyimpang. Di samping itu, loghat tersebut berbeza-beza menurut perbezaan istilah yang dipergunakan orang kota. Loghat penduduk Masyriq agak jelas bezanya dari loghat penduduk Maghribi. Demikian pula perbezaan loghat penduduk Andalusia dengan loghat penduduk Masyriq dan Maghribi. Mereka masing-masing mempergunakan loghatnya sendiri di dalam menyampaikan maksud dan menjelaskan kehendaknya. Inilah erti bahasa dan loghat. Tiadanya *i'rab* tidaklah menjadi masalah bagi mereka, sebagaimana telah kami katakan mengenai loghat orang Arab pada masa ini.

Perbezaan sesuatu bahasa dari bahasa induk pada loghat generasi Arab ini timbul kerana pergaulan dan bahasa asing.

Bahasa orang yang banyak bergaul dengan orang asing jauh menyimpang dari bahasa aslinya, sejauh pergaulannya, kerana, seperti telah kami katakan, keahlian diperoleh melalui pengajaran. Dalam hal loghat, ini adalah keahlian campuran antara keahlian berbahasa pertama yang ada pada orang Arab dan keahlian berbahasa kedua yang ada pada orang asing. Seberapa jauh bahasa asing didengar dan dipelajarinya, sejauh itu pula seseorang beranjak dari kehaliannya yang terdahulu.

Perhatikanlah hal itu pada kota-kota Ifriqiyah, Maghribi. Andalusia dan Masyriq. Di Ifriqiyah dan Maghribi, misalnya, orang Arab berbaur dengan orang Barbar bukan Arab yang jumlahnya yang begitu banyak, sehingga mereka hadir pada setiap kota dan generasi. Bahasa asing menyisihkan bahasa Arab yang mereka kuasai sebelumnya, sampai menjadi suatu bahasa lain campuran. Bahasa asing menyisihkannya oleh sebab yang telah kami sebutkan sebelum ini. Dari bahasa yang asli, bahasa campuran begitu jauh menyimpang. Demikian pula di Masyriq, orang Arab menguasai bangsa-bangsa Persia dan Turki, dan berbaur dengan mereka. Bahasa mereka dipergunakan di antara para pembajak tanah, para petani, dan kaum *sabi* yang mereka jadikan sebagai inang penyusu. Bahasa mereka menjadi tercemar kerana rosaknya keahlian berbahasa asli mereka, sehingga kemudian berubah menjadi bahasa lain. Begitu pula halnya penduduk Andalusia yang bergaul dan berbaur dengan bangsa asing Galaleka dan Franka. Semua penduduk kota dari berbagai-bagai daerah ini lalu memiliki bahasa khusus yang berbeza dari bahasa Mudhar. Satu sama lain demikian berbezanya, seakan-akan ia suatu bahasa lain, kerana bahasa baru tersebut sudah menjadi keahlian yang kukuh dimiliki para anggota generasinya.

Allah pencipta apa yang dikehendaki, dan memberi kadar.

50 Pengajaran bahasa Arab Mudhar

Ketahuilah, keahlian berbahasa Arab Mudhar pada masa kini telah punah dan tercemar. Bahasa generasi masa kini merupakan perubahan dari bahasa Mudhar, yang dengannya al-Quran dulu diturunkan. Bahasa kita sekarang adalah bahasa lain yang lahir dari percampuran bahasa Arab dengan bukan Arab, sebagaimana telah disebutkan sebelum ini. Hanya saja, kerana bahasa adalah

suatu disiplin ilmu – seperti telah diterangkan – maka selalu ada kemungkinan mempelajarinya, seperti semua disiplin ilmu lainnya.

Cara pengajaran *ta'lim* yang baik untuk mempelajarinya dapat dimulai dengan menghafazkan ucapan purba bangsa Arab, yang berasal daripada al-Quran dan hadis, ucapan orang salaf, dan pidatonya orang-orang pandai Arab serta sajak-sajak dan syair-syairnya. Hingga, setelah hafaz banyak puisi dan prosa, mereka menjadi seperti orang-orang yang lahir dan besar di antara bangsa Arab dan belajar cara menyatakan pendapat. Setelah itu, mereka harus mencuba melahirkan fikirannya sesuai dengan bentuk dan susunan kalimat Arab yang baku. Menghafalkan dan melahirkan pendapat dengan cara demikian dan dengan sering digunakannya dan diulang-ulang, memberikan kepada mereka suatu keahlian yang akan terus berkembang.

Dalam pada itu, mereka memerlukan pengenalan watak dan pemahaman secara baik atas pelbagai kecenderungan orang Arab dan sistematik mereka di dalam penyusunan kalimat yang baik dan benar. Rasa *dzauq*-lah yang membuktikannya. Ini timbul daripada keahlian, watak dan cara berfikir yang sihat yang akan kami terangkan lebih jauh. Dari penghafazan dan pengulangan pemakaiannya, kadar keindahan akan muncul daripadanya, baik dalam bentuk pusi mahupun prosa. Yang memperoleh keahlian seperti ini seseorang akan memperoleh loghat Mudhar. Mereka berpandangan kritis dan tajam terhadap loghat dan *balaghah*nya. Demikianlah seharusnya cara mempelajarinya.

Dan Allah memberi petunjuk orang yang dikehendaki-Nya,
dengan kurnia dan keutamaan.

51 Keahlian berbahasa ini tidak idektik dengan ketrampilan bahasa Arab dan yang terakhir ini tidak diperlukan di dalam pengajaran, *ta'lim*

Sebabnya kerana tatabahasa Arab adalah pengetahuan tentang kaedah-kaedahnya, khususnya ukuran-ukuran yang dipakai. Kerana itu ilmu bahasa Arab adalah "bagaimananya" itu sendiri. Ia bukan keahlian itu sendiri sama halnya dengan orang yang mengerti salah satu teori, yang mengetahui hanya ilmunya, dan tidak mengetahui amalannya. Misalnya, orang yang banyak mengetahui pekerjaan menjahit, tetapi tidak mengenal sama sekali

praktik menjahitnya sendiri, sehingga dia akan menggambarkan pekerjaan menjahit sebagai berikut:

> "Menjahit ialah memasukkan hujung benang ke dalam lubang jarum, kemudian diikuti dengan menyisipkan jarum ke dalam dua tepi kain yang disatukan, dan mengeluarkannya dari tepi yang lain, kemudian mengembalikannya lagi ke tempat semula. Jarum dikeluarkan dengan jarak antara dua lubang yang pertama, kemudian dilanjutkan demikian seterusnya sampai pekerjaan yang lain selesai. Lalu bentuk sulaman diberikan, berupa timbul, bahagian terbuka".

Tetapi bila orang semacam itu diminta melakukan pekerjaan menjahit yang sebenarnya, ia sama sekali tidak akan dapat melakukannya. Demikian pula halnya orang yang mengaku tahu tentang pertukangan kayu, kalau ditanya tentang selok-belok pembuatannya dia akan menjawab:

> "Letakkan gergaji pada batang kayu, pegang hujungnya dan yang lainnya di hadapanmu. Pegang hujungnya yang lain dan tarik bergantian dari satu hujung ke hujung yang lain. Sisi-sisi gergaji bergigi tajam akan memotong apa yag dilaluinya pulang-balik hingga selesai."

Dia tahu tentang seluk-beluk cara memotong kayu dengan gergaji, tetapi kalau disuruh mengerjakannya, dia tidak akan dapat melakukannya.

Demikian pula halnya hubungan hukum-hukum tatabahasa dalam *i'rab* dengan keahlian secara esensinya. Sebab pengetahuan tentang kaedah-kaedah *i'rab* adalah pengetahuan mengenai cara dan bukan pekerjaan itu sendiri. Kerana itu, sering kita temui ahli nahu, dan yang mahir berbahasa Arab serta menguasai kaedah-kaedahnya, tetapi bila diminta menulis sepatah dua kata untuk saudara, kekasihnya, atau menulis surah pengaduan, dan surat protes, acap membikin kesalahan dan tidak sanggup mendapatkan kata-kata yang tepat untuk melahirkan susunan kalimat yang kena.

Sebaliknya, banyak yang mahir mengubah puisi dan prosa Arab, tetapi tidak dapat membezakan antara subjek dan predikat, antara bentuk nominatif dan aktif, yang mencerminkan tidak dikuasainya sama sekali pengetahuan tentang hukum tatabahasa bahasa Arab. Dari sini dapat disimpulkan bahawa ketrampilan

menulis tidak sekaligus bererti ahli di dalam bidang tatabahasa Arab, dan bahawa kemampuan menulis tidak memerlukan penguasaan ketatabahasaan.

Memang kita dapatkan juga ahli tatabahasa yang juga mahir menulis, tetapi ini jarang dan suatu kebetulan saja, dan khususnya terdapat di antara mereka yang mempelajari kitab-kitab Sibawayh. Soalnya, kitab Sibawayh tidak hanya membahas peraturan-peraturan tentang *i'rab*, tetapi juga memuat contoh-contoh peribahasa Arab, syair-syair, dan ungkapan-ungkapan. Dengan demikian, buku tersebut membantu sekali dalam memperoleh keahlian menulis, sehingga orang yang mempelajarinya mendapatkan pengertian yang cukup tentang cara pemakaian bahasa Arab, yang mengendap di bawah sedar – yang keluar dengan sendirinya bila diperlukan – dan yang memberi mereka keahlian dan ketangkasan berbicara yang memadai.

Tetapi banyak pula orang, yang mempelajari buku-buku Sibawayh yang tidak begitu memperhatikan contoh-contoh yang diberikan. Sehingga mereka memang memperoleh keahlian dibidang tatabahasa, tetapi tidak trampil dalam berbahasa. Adapun para pelajar yang memakai buku-buku tatabahasa semata-mata tanpa disertai contoh-contoh berupa prosa dan puisi – jarang sekali menyedari pentingnya keahlian itu. Sungguhpun demikian mereka mengira telah menguasai seni tulis menulis, padahal nyatanya mereka masih jauh dari ketrampilan tersebut.

Para ahli dan guru tatabahasa Arab di Andalusia lebih mungkin mengembangkan keahlian bidang daripada golongan lainnya. Itu disebabkan kerana dalam tatabahasa yang menjadi bidang kajian itu mereka dilengkapi contoh-contoh puisi dan prosa Arab termasuk peribahasanya. Dan juga mereka di kelas-kelas ber*tafaqquh* dalam susunan bahasanya, sehingga banyak kemampuan berbahasa yang diserap murid pemula.

Tetapi para ahli tatabahasa dari Maghribi dan Ifriqiyah, serta lainnya, mempelajari bahasa Arab dengan cara pendekatan yang sama terhadap berbagai-bagai cabang ilmu lain. Mereka tidak dengan sungguh-sungguh berusaha mengusai *tafaqquh* di dalam penyusunan kalimat bahasa Arab, kecuali mencuba melakukan penghuraian kata-kata dari segi rasio (akal) dan bukan dari sudut isi dan susunan bahasanya sendiri. Demikianlah pengetahuan tatabahasa Arab hampir menjadi bahagian daripada kaedah logik atau dialektik. Sehingga hubungannya dengan *idiom* dan ucapan-

ucapan yang hidup, menjadi hilang, kerana tidak adanya contoh-contoh yang diambil daripada pengucapan-pengucapan yang sebenarnya, serta tidak adanya amalan. Padahal amalan adalah satu-satunya cara paling membantu untuk mendapatkan keahlian bidang bahasa. Hukum tatabahasa hanyalah alat belajar, tetapi para ahli tatabahasa membelokkan penggunaannya, dan mengubahnya menjadi ilmu murni.

Anda dapat melihat dari penjelasan dalam bahagian ini, bahasa keahlian dalam bahasa Arab hanya dapat diperoleh melalui penghafazan ucapan-ucapan orang Arab. Dengan demikian, para pelajar mendapatkan gambaran yang jelas bagaimana menyusun kalimat bahasa Arab secara baik dan benar. Ibarat menenun pelajar bagai menenun di atas alat tenun yang sama. Mereka menjadi seperti orang yang dibesarkan di tengah-tengah bangsa Arab purba, bicara dengan mereka dengan bahasa mereka sendiri, sehingga menjadi ahli dalam melahirkan fikirannya dalam bahasa Arab.

Allah penentu segala persoalan. Allah lebih mengetahui yang ghaib.

52 Tafsiran dan pengertian yang sebenarnya tentang 'rasa', *dzauq*, menurut isitilah teknikal para pengkritik sastera, *bayan*. Suatu penjelasan mengapa orang bukan Arab yang berbahasa Arab sebagaimana lazimnya tidak memilikkinya?

Perkataan 'rasa', *dzauq*, adalah digunakan di kalangan orang yang mengambil berat terhadap pelbagai abang ilmu kritikan sastera, *bayan*. Ia bermakna kefasihan lidah telah memiliki kepetahan *balaghah*. *Balaghah* adalah penyelarasan pembicaraan kepada apa yang mahu dimaksud, dalam setiap aspeknya. Ia diperoleh melalui gabungan perkataan. Pembicaraan yang fasih berbahasa Arab memilih bentuk pernyataan yang berupaya menghasilkan penyelarasan menurut kaedah dan cara percakapan orang-orang Arab. Dalam hubungan ini, dia ternyata tidak menyimpang daripada kefasihan, *balaghah* berbahasa Arab.

Kebiasaan yang telah mantap dan telah bersebati pada tempatnya kelihatan seolah-olah pembawaan dan naluri. Dengan demikian, ramai orang tidak biasa dengan pentingnya kebiasaan itu, beranggapan bahawa penggunaan akhiran huruf vokal dan

susunan bahasa, kalimat bahasa Arab di dalam bahasa mereka adalah suatu hal yang semula jadinya. Mereka mendakwa adalah tidak benar. Pembicaraan yang betul adalah suatu kebiasaan yang telah diwarisi dan mapan dalam penyusunan kalimat, hinggakan seakan-akannya ia sudah menjadi suatu hal yang semula jadinya atau pembawaan.

Sungguhpun begitu, sebagaimana telah dijelaskan terdahulu, kebiasaan ini melalui latihan yang terus-menerus dalam bertutur dan daripada pendengaran yang berulang-ulang kalinya dan daripada pemahaman nilai-nilai khusus mengenai gabungan perkataan-perkataannya. Ia diperolehi melalui pengetahuan mengenai peraturan-peraturan ilmu yang berlegar dalam kritikan sastera. Peraturan-peraturan itu memberikan penguasaan tentang hukum-hukum tatabahasa sebagaimana dirumuskan para ahli tatabahasa Arab. Ia tidak memberikan seseorang itu kebiasaan sebenar pada tempat-tempatnya. Sekiranya hal itu dapat dimantapkan (dapatlah kita katakan) kefasihan lidah seorang pembicara yang fasih itu akan dibimbing oleh seorang yang betah ke arah pelbagai aspek merangkaikan kalimat dan mendapatkan susunan yang betul sejajar dengan susunan dan gabungan kalimat yang biasa digunakan oleh para penulis prosa dan puisi Arab. Sekiranya orang yang telah mempunyai kebiasaan (linguistik Arab) mencuba untuk menyimpang daripada kebiasaan itu dan gabungan perkataan yang khusus kepada cara bertutur Arab, dia tidak berupaya melakukannya. Lidahnya yang telah terbentuk itu tidak akan menurut pada penyimpangan-penyimpangan sebab ia tidak lazim dan juga kerana penguasaannya yang mendalam dengan sendirinya mendesaknya supaya menggunakan susunan kalimat yang betul. ...

Di samping itu, bila dia menjumpai tulisan yang tidak sesuai dengan kaedah prosa Arab yang baik, dia akan menjauhi dan tidak menyenanginya serta menganggap tulisan-tulisan itu tidak tergolong dalam bahasa Arab yang dikuasainya. Mungkin juga dia tidak dapat memberikan alasan bagi ketidaksenangannya, hal yang dengan mudah dapat diperoleh para ahli tatabahasa dan kritikan sastera. Soalnya, para ahli tatabahasa dan kritikan sastera mempergunakan kaedah-kaedah yang mereka dapatkan daripada hasil kajian tentang bentuk dan susunan kalimat. Sedang kelompok terdahulu dituntun oleh perasaan yang timbul daripada amalan berbahasa Arab sudah lama membuatnya menyerupai orang Arab, iaitu

orang-orang Arab dari zaman pra-Islam atau abad-abad Islam permulaan.

Misalnya, jika seorang anak kecil dibiarkan tumbuh dan terdidik di lingkungannya sendiri, anak itu tentunya akan belajar bahasa lingkungannya itu dan sehingga *i'rab* dan *balaghah*nya akan mendarah mendaging, dan dia benar-benar menguasainya. Penguasaan itu dicapai bukan dengan sesuatu ilmu yang teoretikal, tetapi kerana kefasihan lidah dan kemahiran bicaranya. Kemahiran seperti itu, diperoleh pula oleh kelompok yang datang kemudian, dengan memelihara dan menghafaz langgam pembicaraan, syair-syair, dan pidato-pidato mereka, serta terus-menerus mengamalkan, sampai akhirnya memperoleh keahlian yang sama. Akhirnya mereka seakan-akan dibesarkan dan dididik dengan cara yang serupa.

Kebiasaan ini, sekiranya telah kukuh dan mapan secara kiasannya disebut 'rasa', *dzauq*, suatu isitilah teknikal daripada sastera, *bayan*. 'Rasa', adalah daya yang ditimbulkan oleh makanan. Tapi, oleh sebab kebiasaan berbahasa adalah terletak di lidah, yang merupakan tempat berlakunya percakapan, di samping menjadi tempat merasakan makanan, maka istilah 'rasa' secara kiasannya digunakan untuk itu. Selanjutnya, 'rasa' adalah sesuatu yang intuitif yang diperhatikan oleh lidah, sama seperti makanan yang secara sensualnya dirasai olehnya. Dengan demikian, ia disebut sebagai 'rasa'.

Sekiranya hal ini sudah dijelas, ia akan membuat seseorang menyedari mengapa orang-orang bukan Arab – seperti bangsa Persia, Byzantium, Turki di Timur dan Barbar di Barat yang mana adalah orang asing terhadap bahasa Arab terpaksa menyerap dan berbicara dalam bahasa itu kerana hubungan langsungnya dengan orang-orang Arab – tidak memiliki rasa tersebut. Bangsa bukan Arab itu memiliki kebiasaan yang sebagaimana telah kami nyatakan. Sebelumnya mereka telah menguasai kebiasaan berbahasa – bahasa ibundanya – dan pada sebahagian usia mereka telah berlalu sebelum berkesempatan menuturkan bahasa Arab. Kini, apa yang dapat mereka lakukan ialah terlibat terus dengan perkataan-perkataan itu dan gabungan kata-kata dalam percakapan seharian dengan penduduk kota-kota Islam dan yang mana mereka lakukan kerana terpaksa.

Kebiasaan berbahasa Arab kuno ini telah lenyap daripada penduduk kota-kota Islam dan mereka terlalu asing padanya.

Mereka telah memiliki ketrampilan berbahasa yang lainnya, yang mana ianya bukan bahasa Arab yang dimahukan. Orang yang tahu mengenai hukum tatabahasa Arab hanya mendapatkannya dalam buku-buku dan sama sekali tidak memiliki kebiasaan-kebiasaannya. Mereka hanya menguasai hukum-hukumnya sahaja. Padahal ketrampilan berbahasa hanya dapat diperoleh melalui amalan yang tetap, menjadi biasa dengan pembicaraan bahasa Arab, serta berulang-ulang mempergunakan dan mendengarkannya ....

[*Telah dijelaskan bahawa Sibawayh, al-Farisi, az-Zamakhsyari, dan para ahli bahasa terkemuka lainnya adalah orang-orang bukan Arab yang telah mencapai keahlian bahasa Arab. Tentang hal itu, ketahuilah bahawa mereka adalah bukan Arab daripada segi keturunannya sahaja, namun yang memberikan pendidikan kepada mereka adalah orang-orang Arab yang ahli. Mempelajarinya daripada orang-orang Arab sendiri membuat mereka menguasai bahasa Arab tanpa batas. Seakan-akan mereka menguasainya sejak awal pertumbuhan, seperti orang Arab asli yang tumbuh di dalam lingkungannya, sehingga mereka mengetahui hakikat bahasa Arab dan menjadi ahlinya. Meskipun bukan Arab dalam keturunan, mereka bukanlah bukan Arab dalam bahasa dan pembicaraan. Sebab, mereka telah mengenal Islam sejak mula kehadirannya, ketika Arab bahasa masih dalam pertumbuhannya, dan jejak-jejak kekayaan bahasa belum lagi lenyap. Mereka bukan pula orang kota. Kemudian, mereka tekun berlatih dan mempelajari bahasa Arab, hingga menguasainya benar-benar.

Hari pertama seorang bukan Arab bergaul dengan ahli bahasa Arab di kota-kota, dia menemukan bahawa keahlian berbahasa Arab memiliki jejak-jejak penjang. Dia saksikan keahlian orang Arab yang khas, yang lain dari bahasanya sendiri. Dapat diandaikan, kita saksikan orang bukan Arab mulai berlatih berbicara bahasa Arab, mempelajari dan menghafaz syair-syair, namun tetap kecil kemungkinannya dia menjadi ahli bahasa Arab. Sebabnya, seperti telah dikemukakan di hadapan, bila pencapaian suatu keahlian telah didahului keahlian walaupun dia berada di tempat pertumbuhannya, keahlian itu didapat dalam keadaan tidak sempurna. Andaian yang lain, kalau seorang bukan Arab kerana keturunan juga secara bahasa berbaur sama sekali di dalam bahasa bukan Arab, dan mempelajari kaedah-kaedah kritik sastera ini berandaian bahawa orang bukan Arab dapat memperoleh 'rasa' itu. Andaian yang keliru. Kerana dia hanya akan mencapai

keahlian tersebut bila itu diperoleh dalam kaedah-kaedah kritik sastera, dan bukan dari keahlian bersifat menyatakan sama sekali.

> "Dan Allah memberi petunjuk jalan yang lurus siapa yang dikehendaki-Nya".[167]

53 Masyarakat bandar adalah pada umumnya lemah dalam memperoleh kepetahan berbahasa yang diakibatkan oleh pendidikan. Semakin terpisahnya masyarakat bandar daripada bahasa Arab, semakin sukar pula untuk memperolehnya

Sebabnya ialah kerana pelajar yang berkenaan telah terlebih dahulu memperoleh kebiasaan yang tidak selari dengan ketrampilan berbahasa Arab. Sebabnya ialah dia telah dibesarkan dan berbicara menggunakan bahasa yang sudah maju, yang mana dia dipengaruhi oleh pertuturan bahasa bukan Arab pada suatu tingkatnya bahawa akhirnya keaslian bahasa Arab itu telah digantikan dengan bahasa lainnya. Kebiasaan bahasa itu merupakan bahasa penduduk penetap semasa.

Dengan demikian, didapati guru-gurunya berusaha terlebih dahulu mengajarkan bahasa Arab. Para ahli nahu beranggapan bahawa ianya sebaik-baiknya dilakukan melalui pelajaran nahu. Tapi ini dilakukan melalui mengajarnya kebiasaan berbahasa secara hubungan langsung dengan bahasa dan pembicaraan-pembicaraan Arab. Adalah benar bahawa nahu itu lebih dekat (daripada yang lainnya) dalam mengadakan hubungan dengan benda-benda itu. Semakin kukuhnya penuturan kebiasaan bukan Arab di kalangan penduduk bandar adalah dan semakin tersisih ia daripada bahasa asli Arab, maka semakin kurang penuturnya dapat mempelajari bahasa Arab tulen dan mendapatkan kebiasaan-kebiasaan daripadanya ...

[*Di antara bahasa-bahasa loghat orang kota, ada yang mendarah-daging kenon-Arabannya, dan yang paling jauh dari bahasa Arab Mudhar kuno. Orang yang berbahasa demikian tidak akan mampu mempelajari bahasa Arab mudhar serta memperoleh kebiasaan, kerana kemungkinan adanya keterasingan pada waktu itu. Bandingkan hal ini dengan orang-orang kota. Orang-orang Ifriqiyah dan Maghribi sangat bersebatinya bahasa bukan Arab-

---

167 Al-Quran surah 24 an-Nur ayat 24.

nya, dan sangat jauh dari bahasa Arab murni. Dengan demikian, mereka memiliki keterbatasan yang sempurna dalam memperoleh keahlian bahasa itu melalui pengajaran, *ta'lim*. Ibn ar-Rafiq menukilkan bahawa sebahagian penulis al-Qairawan bersurat kepada sahabatnya:

> "Saudara, barang siapa tidak merasa kehilangan engkau, dia telah kehilangan dia. Abu Sa'id memberitahu aku bahawa engkau mengakui engkau dan mereka telah kami datangi. Hari ini kami ada gangguan, sehingga kami tak siap keluar. Adapun orang-orang rumah bagaikan anjing mengenal tulisan. Mereka bohong. Ini salah. Ini bukan huruf. Demikian surat saya kepadamu. Saya rindu padamu. Insya-Allah."[168]

Demikian keahlian mereka berbahasa Arab Mudhar, seperti contoh yang telah kami kemukakan. Demikian pula bangsa bukan Arab. Dan semua itu ada pada tangan daulat Dailam dan Saljuq. Mereka bercampur-baur dengan orang kota dan kaum penetap, hingga jarak mereka semakin jauh dari bahasa Arab dan keahliannya, sehingga banyak di antara pelajarnya tidak sempat meraih keahlian. Berdasar hal tersebut, dalam khazanah bahasa mereka pada saat ini hanya terdiri dari dua cabang sastera, puisi dan prosa, meskipun mereka telah berusaha berbuat lebih banyak.

> Allah menciptakan apa-apa yang dikehendaki dan dipilih-Nya. Allah Maha Suci dan Maha Tinggi, Dia lebih Mengetahui. Dengan-Nya diperoleh taufik. Tidak ada Tuhan selain Allah.

54 Pembahagian pembicaraan kepada puisi dan prosa

Bahasa Arab dan percakapan bahasa Arab adalah terbahagi kepada dua cabang. Satu di antaranya syair *nadzoman*. Ia adalah pembicaraan mengenai matra dan ritma, yang bermakna bahawa setiap barisnya berakhir pada satu huruf yang tertentu, yang disebut 'ritma', sajak. Cabang yang lainnya adalah prosa iaitu, pembicaraan yang tanpa matra.

Setiap cabang mencakup pelbagai macam sub-cabang dan

---

168 Teks surah ini sulit dimengerti kerana menyimpang dari tatabahasa Arab yang sebenarnya. Terjemahan ini harfiah sekali.

cara-cara pengucapan. Puisi mencakup sajak-sajak pujian, *madah*, sajak kepahlawanan, dan elegi. Adapun prosa boleh berupa prosa bersajak. Prosa bersajak berakhiran putus, *cola ending*, pada ritma yang seluruhnya, atau kalimat-kalimat *nadzoman* secara sepasang-sepasang. Inilah yang disebut 'prosa bersajak'. Prosa boleh jadi berupa 'prosa langsung', *mursal*. Dalam prosa *mursal*, pembicaraan berlangsung terus dan tidak terbahagi kepada bahagian-bahagian yang terputus tapi terus lurus tanpa bahagian-bahagiannya baik berupa sajak atau apa pun juga. Prosa dipergunakan dalam khutbah-khutbah, doa, dan dalam pembicaraan-pembicaraan yang dimaksudkan untuk membesarkan hati atau menakut-nakuti masa.[169]

Al-Quran adalah berbentuk prosa. Namun, ia tidak termasuk ke dalam kedua kategori tersebut, dan tidak disebut prosa *mursal* atau prosa *musajja*, bersajak. Ia terbahagi dalam ayat-ayat, bahagian yang berakhir pada pemotongan-pemotongan *maqathi* di mana rasa, *dzauq*, yang mengharuskan seseorang menghentikan pembacaan di situ. Kemudian, pembicaraan 'diulangi' dan diteruskan pada ayat berikutnya. Pembacaan itu diulang tanpa keharusan huruf-huruf ritma dapat membuat jenis pembicaraan menjadi suatu prosa bersajak.

Inilah makna firman Allah s.w.t.:

> "Allah telah menurunkan kumpulan perkataan yang paling baik, iaitu al-Quran, yang sama mutu ayat-ayatnya dan lagi berulang-ulang, membuat gementar orang-orang yang takut kepada Tuhannya."[170]

Dan inilah firman-Nya yang lain:

> "Kami telah memisah-misah ayat-ayat."[171]

[*Akhirnya ayat al-Quran disebut 'pemisah', *fawashil*, sebab ayat-ayat itu bukan sajak, dan tidak ada keharusan pengaturan ritma sebagaimana yang berlaku pada sajak. Ayat-ayat itu bukan pula ritma, *qafiyah*. Nama 'yang diulang-ulang', *al-matsani*,

---

169 Ini juga salah satu tujuan yang dikehendaki Aristotles dengan retoriknya.

170 Al-Quran surah 39 az-Zumar ayat 23.

171 Al-Quran surah 6 al-An'am ayat 126.

diberikan kepada seluruh ayat-ayat al-Quran secara umum, dengan alasan yang telah kami sebutkan tadi. Dan nama itu diirikan oleh 'ummul Quran', al-Fatihah, kerana surah itu amat sering diulang-ulang, seperti Fatihah disebut *'as-Sab'ul-Matsani'*, tujuh ayat yang diulang-ulang. Bandingkan hal ini dengan pendapat para *mufassir* dengan hujahan mereka dalam menamakan ayat-ayat al-Quran dengan *al-matsani.* Pasti terbukti bagi anda kebenaran penghujahan pendapat kami tadi].

Setiap cabang-cabang puisi memiliki kaedahnya yang tersendiri, yang dianggap suatu khusus untuk para ahli yang terlibat di dalam cabangnya, serta tidak berlaku dan tidak digunakan bagi cabang lainnya. Misalnya *nasib* yang khusus untuk syair, pujian serta doa yang khusus untuk khutbah, doa yang khusus untuk percakapan, dan lain sebagainya.

Para pengarang mutakhir telah mempergunakan bentuk-bentuk puisi dalam penulisan prosa dan pengukur-pengukur matranya, *mawazin.* Dalam tulisan itu mereka menggunakan banyak sekali prosa bersajak dan ritma-ritma yang menjadi keharusan, serta mendahulukan *nasib.* Jika seseorang menelitinya seseorang akan mendapat kesan bahawa prosa jenis tersebut benar-benar merupakan bentuk puisi *syair.* Prosa jenis ini hanya berbeza dengan puisi pada tiadanya matra. Pada masa-masa terbaharu, para setiausaha tetap mempergunakan cara ini di dalam surat-menyurat rasmi pemerintah. Mereka membatasi semua penulisan prosa pada gaya ini, yang mana memang mereka senangi. Mereka mencampur semua cara di dalamnya. Mereka menghindari prosa langsung *mursal,* khususnya orang-orang Timur. Di tangan setiausaha-setiausaha yang dungu, surat-menyurat pemerintahan sekarang ini ditandatangani dengan cara yang telah disinggung tadi. Ditinjau daripada gaya bahasa yang baik, cara itu tidak benar, sebab dalam gaya yang baik seorang berusaha menemukan kesesuaian di antara apa yang dikatakan dan tuntutan-tuntutan suatu keadaan di mana pembicara dan orang yang diajak bicara menemukan diri. Maka, seharusnya surat-menyurat pemerintahan dibebaskan dari gaya prosa ini. Kaedah puisi itu menerima kebijaksanaan, campuran antara jenaka dengan yang serius, deskripsi yang panjang, penggunaan pepatah-petitih secara bebas, dan banyak terdapat pernyataan perumpamaan dan gambaran-gambaran kiasan (meskipun) di mana satu pun tidak diperlukan dalam percakapan yang biasa. Ketetapan penggunaan ritma yang

konstan adalah suatu kebijaksanaan dan hiasan. Semua ini adalah tidak sesuai dengan martabat kedaulatan dan kekuasaan pemerintahan, dan dengan tugas membesarkan hati dan menakut-nakuti rakyat atas nama seorang raja. Di dalam surat-menyurat pemerintahan, yang dianggap terpuji, adalah menggunakan prosa *mursal* – pembicaraan yang terus terang dengan hanya menggunakan prosa secara kadang-kadang digunakan pada sajak prosa secara tidak dipaksakan – serta bentuk-bentuk pembicaraan yang sangat sesuai dengan tuntutan situasi tertentunya. Kedudukan dan situasi setiap pembicara adalah berbeza-beza. Pada setiap tempat berbicara, kita memiliki cara tersendiri, misalnya menggunakan deskripsi yang panjang atau pendek, memotong perkataan di sana dan di sini, atau memakai kalimat yang bernada menegaskan, menjelaskan, atau berupa isyarat, sindiran dan kiasan.

Adapun surat-menyurat pemerintahan yang dibuat dengan cara sepertimana telah disebutkan di atas, dengan kaedah yang hanya sesuai untuk syair puisi, wajar dicela. Satu-satunya yang dilakukan oleh orang semasa adalah kerana kebiasaan pembicaraan bukan Arab begitu menguasai lidah mereka. Dan sebagai akibatnya, mereka tidak berupaya memberikan pembicaraan menurut kesesuaiannya dengan tuntutan suatu keadaan yang ada. Maka, mereka tidak berupaya untuk menggunakan pembicaraan secara terus-terang, *mursal*. Ia adalah pekerjaan yang sukar dan menghendaki usaha yang lama demi mencapai kefasihan berbicara. Mereka sangat suka menggunakan gaya prosa bersajak tersebut, yang dengan cara itu mereka berusaha menutupi ketidakmampuannya untuk berbicara sesuai dengan jalan fikiran dan tuntutan keadaan yang khusus. Mereka mencari helah menutupi kelemahan-kelemahan mereka dengan cara menghiasai pembicaraan dengan prosa bersajak dan ungkapan retorik. Mereka melalaikan semuanya yang lain.

Para setiausaha hari ini dan penyair yang menetap di Timur telah menggunakan kaedah ini dan mengaplikasikannya dengan cara yang berlebih-lebihan di dalam segala bentuk pembicaraan. Bahkan mereka melampauinya hingga menambahkan akhiran-akhiran vokal dan infleksi-infleksi perkataan-perkataan untuk memperoleh akhiran ini ... [*apabila mereka dihadapkan kepada penentuan jenis dan kesesuaian yang kedua-duanya tidak dapat dipertemukan dengannya. Mereka juga mengada-adakan bentuk penentuan jenis, dan mengemukakan *i'rab* serta merosak susunan

kalimat dengan harapan secara kebetulan menemukan penentuan jenis itu. Maka, fikirkanlah hal ini berdasarkan keterangan yang telah kami kemukakan kepada anda, sehingga anda mendapatkan kebenaran seperti yang telah kami sebutkan.

Allah pemberi taufik bagi kebenaran, dengan kurnia dan karamah-Nya. Dan Allah yang Maha Tinggi lebih mengetahui.

55 Keupayaan untuk menulis puisi dan prosa yang baik adalah suatu yang jarang sekali ditemui secara sekaligus oleh satu orang

Sebab bagi keadaan ini ialah bahawa seperti telah kami terangkan, adalah suatu kebiasaan yang mana terdapat pada lidah. Sekiranya kebiasaan lainnya telah terlebih dahulu menguasai tempatnya, maka kebiasaan yang selanjutnya tidak mempunyai ruang yang cukup untuk berkembang sebab penerimaan dan pertumbuhan kebiasaan adalah lebih mudah dan lebih senang untuk tabiat (*nature*) yang berada pada fitrah asalnya. Sekiranya kebiasaan lainnya ia akan menyangkal kebiasaan yang baru dalam pengertian ia akan menerima kebiasaan yang baru. Kebiasaan yang pertama menghalanginya untuk dengan cepat menerima. Maka, akan tumbuhlah ketidaksesuaiannya. Adalah suatu yang tidak mungkin untuk kebiasaan yang baru berkembang dengan sempurna. Ia adalah pada umumnya, terjadi pada semua kebiasaan teknikal. Hal yang sama terjadi pada bahasa. Bahasa adalah kebiasaan yang ada kaitannya dengan lidah dan sama kedudukannya dengan kemahiran-kemahiran. Ia dapat diperhatikan bagaimana orang-orang yang kecekapannya telah didahului oleh kebiasaan berbicara bukan Arab yang akan selalu kurang sempurna pengetahuan bahasa Arabnya. Orang-orang yang terlebih dahulu menguasai kebiasaan adalah jarang-jarang sekali menguasai atau fasih seluruhnya. [*Misalnya orang yang telah terlebih dahulu berbahasa Persia tidak akan menguasai bahasa Arab. Dan kalau pun dia mempelajarinya, dia masih juga akan tidak memperoleh kesempurnaan. Demikian pula seorang Barbar, Rom, dan Franka, jarang ada di antara mereka yang benar-benar mantap keahlian berbahasa Arabnya. Hal itu kerana ada keahlian bahasa lain yang telah mendahului menguasai lidah mereka. Sehingga, bila seorang pelajar

daripada kalangan yang mempergunakan satu-satu bahasa tersebut mencarinya di kalangan yang berbahasa Arab, maka pengetahuan yang diperolehnya sama sekali tidak sempurna, kecuali dari segi bahasa. Sebelum ini telah dikemukakan, bahasa dan loghat tidak berbeza dengan ilmu eksakta. Dan telah dikemukakan pula bahawa kedua bidang keilmuan itu tidak mungkin terjejal pada diri seseorang, dan bahawa seseorang yang telah memiliki suatu keahlian dengan sempurna sebelumnya, jarang dia menguasai bidang keahlian lain dengan sempurna sebelumnya, jarang dia menguasai bidang lain dengan kadar kesempurnaan yang sama.

> "Dan Allah menciptakan kalian dan segala apa yang telah kamu ketahui".

56 **Kemahiran menulis syair dan cara mempelajarinya**

Ini adalah salah satu di antara disiplin ilmu yang ada hubungannya dengan pertuturan bahasa Arab. Orang Arab menyebutnya 'syiir'. Syair adalah terdapat dalam semua bahasa. Namun, di sini, kami hanya akan berbicara tentang syair Arab. Adalah mungkin bahawa penutur dalam bahasa lainnya akan menemukan benda-benda yang mereka ingin ungkapkan melalui pertuturan. Namun, setiap bahasa memiliki hukum-hukumnya yang tersendiri: berhubung dengan kefasihan, *balaghah*nya.

Syair dalam bahasa Arab adalah suatu yang indah menurut caranya ampuh. Syair adalah terbahagi kepada bahagian *cola* yang memiliki matra yang sama dan setiap bahagiannya dipersatukan oleh huruf-huruf akhir *colon.* Setiap bahagian *cola* itu mereka sebut 'bait'. Huruf akhir, di mana semua bait syair berakhir dengan bunyi yang bersamaan, disebut 'huruf bersajak'. Dan keseluruhan penceritan daripada bait pertama hingga bait terakhir dinamakan sebuah "sajak", *qasidah* atau *kalimah.* Setiap bait, iaitu gabungan perkataan-perkataan dengan sendirinya merupakan suatu unit yang mengandung pengertian. Dalam satu cara ia merupakan suatu ungkapan perasaan atau pernyataan yang terpisah daripada yang sebelumnya dan yang sesudahnya. Dengan sendirinya ia tetap sempurna sama ada sebagai suatu madah atau pernyataan erotik, atau sebuah alegi. Adalah menjadi hasrat penyair untuk memberikan erti yang bebas pada setiap baitnya. Lalu, pada bait selanjutnya, dia memulai sesuatu yang baru, dengan cara yang

sama, dengan bahan yang lainnya. Dia mengubah-ubah daripada satu gaya kepada gaya puisi lamanya, dan daripada satu tajuk kepada tajuk lainnya. Dengan mempersiapkan judul yang pertama dan idea-idea yang terdapat di dalamnya dengan satu cara bahawa ia menjadi berhubungan dengan judul yang berikutnya. Pertentangan yang keras adalah dihindarkan daripada puisi itu. Penyair selanjutnya mengubah daripada suatu pernyataan erotik kepada bermadah. Daripada suatu pernyataan padang pasir dan kesan runtuhan kawasan penempatan, dia berpindah kepada menyatakan tentang unta-unta dalam kafilah, atau kuda-kuda, atau kehadiran orang-orang yang disayangi di alam mimpinya. Daripada suatu pernyataan tentang orang yang hendak dipuji, sang penyair beralih kepada gambaran tentang rakyatnya dan pasukan tentera. Daripada suatu penyataan tentang kedudukacitaan dan belasungkawa di dalam elegi, dia beralih kepada puji-pujian pada sang almarhum, dan seterusnya. Perhatian adalah diberikan kepada pengekalan matra yang sama pada keseluruhan puisi demi menghindari kecenderungan semula jadi seseorang untuk peralih dari satu matra ke matra yang lain, yang seakan-akan dengannya oleh sebab matra-matra itu adalah mirip antara satu dengan yang lainnya, ramai orang tidak menyedari perlunya mengekalkan matra yang sama.

Matra-matra ini adalah dikuasai oleh keadaan-keadaan yang sama dan hukum tertentu. Ia adalah tertakluk kepada ilmu persajakan *ilmu-arudl.* Menurut wataknya, tidak setiap matra sesuai untuk dipergunakan oleh orang Arab dalam disiplin ilmu ini. Tetapi, di sini terdapat matra-matra khusus yang oleh para ahli puisi diberi nama 'bahr-bahr'. Mereka membatasi jumlahnya pada 15, yang menunjukkan bahawa di dalam puisi syair mereka tidak menemukan penggunaan matra-matra alami lainnya orang-orang Arab.

Orang-orang Arab menganggap syair sebagai suatu bentuk pembicaraan ayng dipandang mulia. Dengan demikian mereka menjadikannya sebagai perbendaharaan, *diwan* ilmu dan sejarah mereka, bukti di mana mereka anggap benar atau salah dan prinsip-prinsip dasar rujukan bagi sebahagian besar ilmu dan kebijaksanaan mereka. Ketabahan berpuisi telah benar-benar mapan di kalangan mereka, sepertimana semua kemahiran yang lainnya. Dan kemahiran bahawa Arab hanya dapat diperoleh melalui kecekapan teknikal dan amalan yang tetap dalam berbicara

bahasa Arab. Akhirnya, beberapa tanda kepetahan berpuisi itu dapat dikuasai.

Di antara bentuk-bentuk pembicaraan bersyair itu merupakan suatu kecekapan yang amat sukar dipelajari oleh orang-orang moden, sekiranya mereka mahu melakukannya sebagai suatu teknik pengkajian. Setiap baitnya merupakan kenyataan yang bebas daripada segi pengertian yang sesuai terkandung di dalamnya. Ia memerlukan kepetahan si penyair agar penyair mampu menuangkan pembicaraan puisinya ke dalam bentukan-bentukan yang sesuai dengan tema syair Arab. Penyair harus melahirkan suatu bait yang berdiri sendiri. Seperti menyempurnakannya sesuai dengan apa yang ingin diungkapkan. Selanjutnya dia berusaha menciptakan suatu keharmonian di antara bait-baitnya, menurut perbezaan tajuk-tajuk tiap baik di dalam suatu *qasidah.*

Syair adalah suatu kecenderungan yang amat sulit dan luar biasa dalam subjek bahannya. Dengan demikian, dalam proses penciptaannya menuntut semacam ujian yang ketat terhadap bakat semula jadi seseorang sekiranya dia ingin memiliki suatu pengetahuan yang baik tentang kaedah penciptaan puisi. Keinginan untuk memeras pembicaraan ke dalam bentukan-bentukan puisi akan menajamkan fikiran. Memiliki kemampuan berbahasa Arab pada umumnya adalah tidak memadai. Secara khusus, suatu kehalusan adalah dituntut, dan ketrampilan tertentu di dalam memerhatikan kaedah-kaedah puisi yang digunakan oleh orang-orang Arab.

Eloklah kalau disebutkan di sini tentang 'kaedah', *uslub,* sebagaimana digunakan oleh para penyair dan apa yang mereka maksudkan dengannya.

Suatu yang harus diketahuilah bahawa mereka menggunakannya untuk menyatakan kesamarannya di mana perkataan-perkataan adalah disusun atau diadunkan yang mana ke dalamnya ia disusun. Ia tidak digunakan untuk menyatakan apa yang dasar di mana maksud suatu pernyataan dinyatakan. Ia merupakan tugas akhiran vowel *i'rab.* Ia juga tidak digunakan untuk menyatakan pernyataan gagasan yang sempurna yang ditimbulkan daripada gabungan kata-kata. Itu adalah tugas *balaghah* dan gaya *bayan.* Ia juga tidak digunakan untuk menunjukkan matra, *wazn,* sebagaimana dipakai orang Arab dalam hubungan dengan syair, yang menjadi tugas, *arudl,* ilmu persajakan. Ketiga ilmu ini, iaitu ilmu

balaghah ilmu bayan, dan *ilmu-arudl*, adalah berada di luar bidang tugas persajakan.

Kaedah puitis itu tidak lain digunakan untuk menunjukkan suatu bentuk permikiran penyusunan kata-kata yang matrikal yang disusun secara *nadloman*, dan sifatnya adalah universal. Bentuk ini diabstraksikan oleh fikiran menjadi susunan kata-kata individual yang menonjol dan mendapat tempat dalam imajinasi yang dapat dibandingkan seperti suatu cetakan atau kehebatan pada fikiran. Susunan kata-kata yang dianggap benar oleh orang Arab bila memiliki *i'rab* dan gaya bahasa, *bayan*, yang bagus. Rangkaian kata pilihan itu dimasukkan oleh fikiran ke dalam bentuk yang disebutkan sama seperti yang dilakukan pembina bangunan dengan cetakan atau tukang tenun dengan alat tenunannya. Akhirnya, cetakan itu menjadi cukup untuk menerima susunan kata-kata yang dengan sepenuhnya hendak mengungkapkan semua yang ingin dinyatakan oleh seseorang. Ia mengambil yang wajar dalam ertikata sesuai dengan kebinasaan bahasa Arab.

Setiap puitisasi memiliki kaedah-kaedahnya tersendiri, dan di dalamnya terdapat cara-cara yang saling berbeza-beza...[172]

Susunan kata-kata di dalam puisi, *syair*, boleh berupa kalimat atau bukan-kalimat. Dapat pula berupa perintah, *insya-iyyah*, atau pernyataan-pernyataan, *khabariyyah*, kalimah nominal atau verbal, yang diberi atau tidak diberi keterangan tambahan, terpisah atau berhubungan, sebagaimana lazimnya pada pembicaraan berbahasa Arab, yang letak setiap kata sehubungan dengan yang lainnya. Ini akan mengajar seseorang tentang bentuk universal *syiir* Arab yang dapat dipelajari melalui amalan yang tetap. Bentukan universal ini adalah suatu abstraksi, yang tersimpan di dalam fikiran, yang diambil dari susunan kata-kata khusus, yang bersesuaian secara keseluruhan. Seorang pengarang atau penyair itu tidak ubah seperti seorang pembina bangunan atau tukang tenun dengan perkakas tenunnya. Tukang bangunan yang membuang cetakannya, atau tukang tenun yang membuang alat tenunnya, tidak akan meraih kejayaan.

Suatu yang tidak harus dikatakan ialah bahawa dengan pengetahuan tentang hukum *balaghah* sahaja sudah memadai. Kami katakan: Ianya cuma peraturan ilmuah asas yang merupakan hasil pemikiran analogi, dan yang menunjuk pada cara pemikiran

---

172 Beberapa contoh syair, yang kami lepas dari edisi ini.

analogi, *qiyas*, bahawa susunan kata-kata dapat dibuat dalam bentukan-bentukan yang khas. Di sini kita memiliki pemikiran analogi ilmiah yang benar dan sudah difahami, seperti *qiyas* yang melahirkan hukum-hukum dalam *i'rab*. Tetapi kaedah-kaedah puitis yang ingin kita nyatakan di sini sama sekali bukan termasuk *qiyas*. Ia adalah suatu bentuk yang tertanam dalam jiwa. Hal itu timbul dari kesinambungan susunan kata-kata dalam *syiir* Arab ketika lidah mempergunakannya. Akhirnya, bentuk (susunan kata-kata itu) menjadi benar-benar mapan. Ia mengajar sang penyair penggunaan susunan kata-kata yang sama. Ia mengajarnya juga supaya meniru setiap susunan kata-kata yang hendak dituangkan ke dalam *syiir*nya.

Hukum ilmiah mengenai *i'rab* atau akhiran kata-kata atau tatabahasa dan gaya *bayan*, sama sekali tidak mengajarkan *syiir*. Tidak setiap yang benar menurut pemikiran analogi, *qiyas*, seperti mana dipakai dalam pembicaraan berbahasa Arab dan peraturan-peraturan tatabahasa ilmiah, digunakan oleh penyair. Mereka menggunakan beberapa cara (ekspresi) yang sudah dikenal dan dipelajari oleh para ahli yang arif tentang puitis dan bentuk-bentuk puisi yang langsung termasuk dalam hukum analogi itu. Apabila seseorang belajar *syiir* Arab melalui cara ini dan melalui kaedah cetakan seperti yang ditamsilkan tadi, itu bererti mempelajari susunan kata-kata yang lazim dipergunakan, bukan susunan kata-kata yang sesuai dengan pemikiran analogi, *qiyas*.

Dengan demikian, kami telah mengatakan bahawa bentuk-bentukan kata yang tersimpan di dalam fikiran adalah hasil yang lahir daripada pengetahuan memadai tentang *syiir* dan pembicaraan berbahasa Arab. Bentukan-bentukan tersebut tidak hanya terdapat pada *syiir*, tetapi juga pada prosa. Orang Arab menggunakan pembicaraan mereka ke dalam *syiir* dan prosa, dan menerapkan gaya kedua bentuk sastera itu ke dalam pembicaraan tadi. Di dalam *Syiir*, ada *cola* matris, potongan bermatra *qath'um mauzun*, ada ritma-ritma *fiyah muqayyadah* yang sesuai, dan ternyata pula setiap *cola* mengandung suatu pernyataan sendiri. Di dalam prosa, sebagaimana harusnya, orang Arab memperhatikan simetri dan paralelisme antara bahagian *cola*. Kadang-kadang, mereka menggunakan prosa bersajak, dan ada kalanya prosa langsung, *mursal*. Bentukan-bentukan untuk setiap macam (ekspresi) ini dikenal dalam bahasa Arab.

Seseorang pengarang mengenai pengucapan membina ucap-

annya di dalam bentukan-bentukan sebagaimana dimaklumi orang-orang Arab. Hanya diketahui oleh mereka yang arif tentang pembicaraan dalam bahasa Arab. Dengan demikian, dalam fikirannya terbentuk suatu bentuk universal, yang berasal dari bentukan-bentukan individual yang khusus. Mereka menggunakan bentuk universal itu sebagai model di dalam menyusun penuturan atau pembicaraan, sama seperti pembina bangunan menggunakan bentuk atau cetakan sebagai model, dan mirip tukang tenun menggunakan alat tenunnya. Dengan demikian itu, disiplin komposisi pembicaraan adalah berbeza daripada pengkajian ahli tatabahasa, ahli gaya bahasa dan pengkritik sastera, serta ahli ilmu persajakan. Adalah benar bahawa pemerhatian terhadap peraturan-peraturan mengenai ilmu-ilmu itu memang harus dipatuhi dan tidak dapat dipisahkan daripada seseorang penyair.

Apabila kesemua nilai-nilai ini secara keseluruhannya dapat diterapkan pada suatu pembicaraan, ia dapat dibezakan melalui suatu wawasan yang bijaksana di dalam bentukan-bentukan yang disebut 'kaedah', *uslub*. Dan hanya pengetahuan yang matang tentang *syiir* dan prosa Arab yang boleh memberikan wawasan itu.

Sekarang tentang erti 'kaedah' itu sudah jelas, dan marilah kita definisikan atau nyatakan tentang *syiir* yang akan melahirkannya ertinya yang sesungguhnya. Ini adalah suatu tugas yang sukar, sebab sejauh pengetahuan kami, belum ada suatu definisi pernah dibuat oleh seseorang sarjana terdahulu. Definisi para ahli *ilmu arudl* tentang persajakan, yang menyatakan bahawa *syiir* adalah pembicaraan bermatra yang bersajak, bukanlah definisi atau deskripsi dari jenis *syiir* hanya dari aspek. Persesuaian bait-bait sajak, dalam hubungannya dengan suku kata yang ada dan tidak ada huruf saksinya juga mengambil kira kesamaan bahagian akhirnya daripada ikatan awal bait sesuatu sajak kepada yang terakhir pada ikatan yang kedua. Ini adalah matra sahaja dan tidak ada kena mengenanya dengan perkataan-perkataan dan ertinya. Kita harus mempunyai suatu definisi yang dapat memberikan erti sebenar *syiir* pada pengertian kata yang sebenar-benarnya.

Kami katakan: *Syiir* adalah pembicaraan yang fasih, *baligh*, yang didasarkan kepada kiasan dan deskripsi-deskripsi; yang terbahagi kepada *cola-cola*, bahagian-bahagian, yang sesuai dengan matra, *wazn*, dan ritma, serta setiap bahagiannya *colon* adalah bebas di dalam tujuan dan maksudnya daripada apa yang datang sebelum dan sesudahnya; dan menggunakan kaedah-kaedah

yang secara khusus dipakai orang Arab.

Ungkapan 'pembicaraan yang fasih' di dalam definisi kami lebih menunjukkan pada tempat daripada jenis. Ungkapan 'didasarkan kepada kiasan dan pernyataan, membezakan *syiir* dengan pembicaraan yang fasih yang tidak ada itu (dan yang harus dibezakan) sebab ia kebanyakannya bukanlah sajak. Ungkapan 'terbahagi kepada *cola-cola,* bahagian-bahagian yang menyetujui dalam matra dan huruf ritmanya yang membezakan *syiir* daripada segala macam karya prosa, dan tak seorang pun menyebutkan *syiir.* Ungkapan 'setiap bahagian itu bebas di dalam tujuan dan maksudnya dibandingkan yang datang sebelum dan sesudahnya' menerangkan erti yang sebenarnya mengenai *syiir,* sebab bait-bait *syiir* hanya dapat terbangun dengan cara demikian, hal ini tidak membezakan *syiir* daripada hal-hal yang lainnya. Ungkapan 'mengunakan kaedah-kaedah yang ... khusus ... untuk itu' membezakan *syiir* dari pembicaraan yang tidak menggunakan kaedah *syiir* yang sudah dikenal. Tanpanya, tidak akan ada *syiir,* tapi kalaupun ada hanyalah pembicaraan yang puitis, sebab *syiir,* yang sesungguhnya memiliki kaedah-kaedah khusus yang tidak dimiliki oleh prosa. Demikian pula, prosa memiliki kaedah-kaedah yang tidak berlaku untuk syair. Pembicaraan bersajak yang tidak menggunakan kaedah-kaedah itu bukanlah *syiir.* Dan dengan pernyataan ini banyak ditemukan guru-guru terkemuka kita dalam bidang ilmu kesusasteraan, berpendapat bahawa *nadloman-nadloman* karya al-Mutanabbi dan al-Ma'ri sama sekali bukan *syiir,* kerana keduanya tidka memakai kaedah tersebut.

Ungkapan dalam definisi kami menggunakan 'kaedah-kaedah orang Arab ....' membezakan *syiir* orang Arab dan *syiir* bangsa bukan Arab. Ini tertuju bagi yang menyatakan bahawa *syiir* wujud baik di kalangan orang Arab mahupun kalangan lainnya. Sebaliknya, orang yang berpendapat bahawa *syiir* hanya terdapat di kalangan orang-orang Arab tidak lagi memerlukan ungkapan itu. Mereka malah menyatakan; 'mempergunakan kaedah-kaedah yang khusus untuk itu' menghilangkan perkataan, 'orang-orang Arab'.

Setelah menyelesaikan perbincangan tentang hakikat sebenar sifat-sifat *syiir,* maka marilah kita kembali kepada pembicaraan tentang bagaimana *syiir* maka marilah kita kembali kepada pembicaraan tentang bagaimana *syiir* diciptakan. Kita katakan:

Penciptaan *syiir* dan peraturan-peraturan yang bersangkut-

paut dengan keahlian bersajak adalah keahlian yang patuh kepada beberapa keadaan. Syarat yang awal adalah memiliki pengetahuan yang sempurna tentang jenis-jenisnya iaitu jenis-jenis *syiir*. Orang Arab yang akhirnya akan dapat menimbulkan suatu kebinasaan di dalam jiwa, yang daripadanya sama seperti dengan alat tenun si pengait itu akan dapat merangkai. Bahan untuk dihafaz haruslah dipilih daripada yang benar-benar tulen dan yang paling murni, dari puisi yang pelbagai. Bahannya akan kurang mencukupi bila dipilihkan daripada karya kalangan penyair Muslim terkemuka, seperti Ibn Abi Rabi'ah, Kutzayyir, Dzir-Rummah, Jarir, Abu Nuwwas, Hubaib, al-Buhturi, ar-Radliy, dan Abu Firas. *Syiir* pilihan lebih memadai adalah *syiir Kitab al-Aghani,* sebab buku ini mencakup keseluruhan *syiir* hanya para penyair Islam dan *syiir* pilihan karya orang Arab zaman jahiliah.

Syiir para penyair yang tidak memiliki pengetahuan yang mantap tentang bahan puisi lama adalah rendah mutunya dan buruk. Kecemerlangan dan daya pukau *syiir* karya dicerna dengan bantuan pengetahuan dan hafaz banyak bahan *syiir* kuno. Mereka yang hanya menguasai sedikit atau tidak mengetahuinya sama sekali, tidak akan dapat menciptakan *syiir* yang bagus. Mereka hanya menghasilkan *nadloman-nadloman* yang rendah mutunya. Dan adalah lebih baik mereka menjauhkan diri daripada penciptaan *syiir*.

Setelah penyair tadi menguasai bahan *syiir* dengan menghafaznya dan telah mengasah bakatnya supaya dapat menciptakan karya-karya besar, seperti ditontoni daripada pendahulunya, dia pun memulai membuat *nadloman-nadloman*nya untuk dirinya sendiri. Melalui latihan yang lebih banyak dan lebih banyak lagi, kebiasaan membuat *nadloman* akan benar-benar mapan dan sebati pada dirinya.

Seringkali dikatakan bahawa salah satu syarat yang diperlukan dalam penciptaan *syiir* adalah merupakan bahan yang sudah dikuasai, lebih-lebih yang sudah menjadi penghafaznya, agar bentuk-bentuk hurufiah luaran daripada penghafaz itu terhapuskan, kerana ia kena mengganggu pengembangan keahliannya sendiri. Setelah jiwa itu dapat dibentuk olehnya, dan bahan hafaz telah dilupakan, kaedah *syiir* akan terukirkan pada jiwa, seakan-akan alat tenun yang di atasnya kata-kata terangkai dengan sendirinya.

Tambahannya kepada (syarat-syarat yang telah disebutkan)

ada lagi syarat yang lainnya. Si penyair haruslah berkeadaan tenang dan penuh ghairah kerja. Ini akan membuatkannya dapat mengutip dan lebih berbakat supaya dia dapat menenun apa yang ada di fikirannya. Suatu yang telah dikatakan:

> "Waktu yang paling baik untuk mencipta adalah pada awal hari sahaja bangun dari tidur ketika perut kosong dan fikiran bersemangat, dan ketika udaranya masih segar."

Seringkalinya pula dikatakan:

> "Di antara pelbagai rangsangan penciptaan *syiir* adalah perasaan cinta dan dalam keadaan *mabuk*."

Ini disebutkan oleh Ibn Rasyid di dalam *Kitab al-Umdah*, sebuah kitab yang khusus membicarakan kemahiran mencipta *syiir*. Sebelumnya belum pernah ada seorang pun yang setaraf denganya yang menulis tentang itu, bahkah sesudah. Dikatakan pula:

> "Sekiranya si penyair mendapati amat sukar untuk mencipta *syiir*, setelah berusaha keras hendaklah dia meninggalkannya untuk kesempatan yang lain. Hendaknya dia tidak memaksakan dirinya untuk melakukan itu."

Si Penyair haruslah mengekalkan bait-bait *syiir*nya, di fikiran, apabila ritma yang pertama sudah terbentuk dan di rangkai. Hendaklah dia mengingatkannya dan membina pengucapan dari awal hinggalah akhir. Sebab sekiranya dia mengabaikannya untuk mengembangkan baik *syiir*nya di fikiran apabila dia membuat bait, maka akan sukar baginya menempatkan ritma pada tempatnya, kerana ritma itu seringkali goyah sehingga kendali atasnya mudah lepas. Apabila suatu bait cukup baik tapi tidak tepat dalam konteksnya, hendaknya disisihkan untuk tempat yang lebih wajar. Setiap bait adalah untuk yang bebas, dan hendaknya dilakukan dengan menempatkan bait menurut konteks di dalam *syiir* itu secara keseluruhan. Dengan demikian, si penyair bebas melakukan apa yang dikehendakinya.

Setelah sebuah syair selesai dicipta, sang penyair perlu mengulanginya secara berhati-hati dan penuh sikap kritis. Dia tidak harus berasa ragu-ragu untuk membuangnya sekiranya ciptaannya itu tidak memuaskan. Setiap orang itu berasa gembira menatap

karyanya sendiri, sebab ianya adalah hasil daripada cetusan fikirannya dan penciptaan daripada bakatnya.

Penyair hendaklah dapat menggunakan gabungan kata-kata yang paling baik dan bahasa yang bebas daripada *poetic license* kerana penggunaannya adalah suatu kelemahan dalam pandangan kebiasaan berbahasa. Dia harus mengelaknya, sebab ia boleh menghalang kefasihannya berbahasa. Para ahli bahasa terkemuka melarang para penyair muda daripada menggunakannya untuk maksud itu, sebab dengan mengelak diri daripadanya mereka akan memperoleh suatu kebiasaan berbahasa yang wajar di teladani. Penyair harus juga berusaha keras seboleh yang mungkin, daripada susunan kata-kata yang bergabung. Dia sepatutnya berusaha menggunakan pengertian dapat dimengertikan, lebih cepat daripada perkataan-perkataan yang bersifat individual. Demikian pula halnya dengan idea-idea yang dijejalkan di dalam satu bait, sehingga sukar difahami. Yang dipilih ialah bait yang kandungan perkataan ada sesuai dengan idea-idea atau lebih banyak daripada idea-ideanya. Sekiranya ia mengandungi terlalu banyak idea, baitnya akan menjadi terlalu sesak. Fikiran akan meneliti idea-idea itu dan menjadi terlalu kacau. Akibatnya, *dzauq* atau daya rasa sastera si pendengar akan terhalang daripada memahami sepenuh-penuhnya, sebagaimana harusnya pada *balaghah*, bait syair itu. Sebuah syair menjadi mudah difahami hanya apabila idea-ideanya lebih cepat ditangkap oleh fikiran daripada kata-katanya. Oleh sebab itu, guru-guru kita – semoga rahmah Allah dilimpahkan kepada mereka – mencela syair karya Abu Ishaq ibn Khafajah, penyair Andalusia Timur, kerana banyaknya dan bersesak-sesaknya idea-idea yang dikandung dalam satu baitnya. Mereka juga mengkritik syair-syair karya al-Mutanabbi dan al-Ma'ri, kerana tidak dirangkai berdasarkan kaedah-kaedah penulisan syair bahasa Arab, sebagaimana telah disebutkan di muka. Syair mereka memuat penuturan *nadloman* yang lepas dari tingkatan syair; dan yang menghakiminya adalah *dzauq*.

Penyair hendaklah juga menjauhkan dari daripada perkataan-perkataan yang bertele-tele dan penuh kepalsuan. Dia juga seyogianya juga harus menghindarkan pemakaian perkataan-perkataan lucah, dan yang telah basi melalui penggunaannya. Penggunaan kata-kata semacam itu akan menghalang kefasihannya *balaghah*. Dia juga hendaknya menjauhkan diri dari idea-idea yang sudah basi oleh sebab telah diketahui umumnya. Penggunaannya

juga, menghalang kefasihan pembicaraan. Ia telah menjadi basi dan hampir seluruhnya kurang bererti. Sebagai contoh, ungkapan-ungkapan seperti 'Api itu panas' dan 'Syurga itu di atas kita'. Sekiranya syair itu menjadi kurang bererti, sedekat itu pula ia menjadi tidak petah, sebab kurang bererti adalah berada pada dua sisi yang saling bertentangan. Berdasarkan sebab itulah, syair tentang persoalan ketuhanan dan kenabian adalah tidak, sebagaimana harusnya tidak begitu baik. Hanya penyair yang paling baik sahaja yang berupaya menciptakan syair yang terbaik tentangnya dan itu pun hanya sedikit jumlahnya sahaja dan dengan kepayahan, kerana idea-idea yang dibicarakan oleh syair semacam itu sudah secara umum diketahui oleh orang ramai, dan dengan demikian sudah menjadi suatu yang sudah basi ....

Bila dengan semua penjelasan ini penyair masih sukar menciptakan syairnya, yang dapat dianjurkan adalah berlatihlah terus dan biasakanlah menciptakan syair dengan terus-menerus.

Pokoknya, keahlian ini dan kajiannya telah dijelaskan secara komprehensif di dalam *Kitab al-Umdah* karya Ibn Rasyiq. Kami telah menyebutkannya seboleh mungkin. Siapa saja ingin lebih luas mempelajarinya, dipersilakan membaca kitab tersebut. Di dalamnya bisa diperoleh banyak tentang keahlian ini. Demikian kilasan yang saya anggap cukup ini.

Dan Allah Maha Penolong.[173]

57 Syair dan prosa berperanan melalui perkataan-perkataan dan bukan dengan idea-idea

Syair dan prosa adalah berteraskan kekuatan kata-kata, dan bukannya pada idea-idea. Idea adalah sekunder kepada kata-kata. Kata-kata itu adalah bahan asasnya.

Seseorang seniman yang berusaha mendapatkan ketrampilan mencipta syair dan prosa haruslah menggunakan kata-kata. Dia dapat menghafaz perkataan-perkataan yang sesuai daripada pembicaraan Arab, supaya dia dapat menggunakannya secara

---

173 Setelah ini, Ibn Khaldun menukilkan syair panjang karya seorang penyair masa Bani Buwaih, bernama 'Ali bin 'Abdillah bin Washif. Syair itu membicarakan soal-soal yang berhubungan dengan cara-cara menggubah syair. Dalam edisi ini, syair itu kami gugurkan.

kerap dan menerapkannya pada lidahnya. Akhirnya, kebiasaan berbahasa Arab klasik itu menjadi benar-benar mapan pada dirinya. Sebagaimana telah kami nyatakan terdahulu, hal ini adalah sebagaimana berikut. Bahasa adalah suatu kebiasaan yang ada hubungan dengan pembicaraan. Seseorang itu berusaha mendapatkannya melalui amalan lisan secara berulang-ulang melalui lidah, hinggalah dia dapat menguasainya sebagaimana halnya dengan kebiasaan-kebiasaan lainnya.

Kini, lidah dan pembicaraan hanya mengenai perkataan-perkataan. Idea-idea pula hanya terdapat di dalam keupayaan untuk menganggapnya menurut fikirannya apabila idea fikiran menghendakinya dan mahukan. Tidak ada teknik diperlukan untuk mengarangnya. Tetapi komposisi pembicaraan untuk maksud meluahkan idea-idea memerlukan suatu teknik. Pembicaraan itu dibentuk menjadi suatu bentukan untuk idea-idea. Bejana-bejana di mana ia digunakan untuk mengambil air dari laut boleh dibuat daripada emas, perak, kulit kerang yang besar, kaca atau tanah liat. Tetapi airnya tetap satu dan sama sahaja. Kualiti bejana-bejana yang diisi itu dibuat dan bukan pula menurut perbezaan air yang ada di dalamnya. Demikian pula halnya, kualiti bahasa dan *balaghah* menurut cara penggunaannya, adalah berbeza-beza sesuai dengan perbezaan tingkah komposisi pembicaraan, bergantung kepada cara di mana pengungkapannya sesuai dengan keadaan yang ingin diungkapkan. Tetapi ideanya adalah satu sama lain.

Seseorang yang tidak betah menyusun komposisi pembicaraan dan tidak menguasai kaedah-kaedahnya, sebagaimana dituntut oleh keahlian bahasa Arab, dan yang tidak berhasil mengungkapkan apa yang ingin dia ungkapkan, adalah bagaikan seorang yang tepok yang berusaha untuk berdiri tapi tidak berupaya, sebab dia kekurangan kekuatan untuk melakukannya.

> Dan Allah mengajarkan kalian apa-apa yang tidak pernah kalian ketahui.

58 Kebiasaan berbahasa adalah diperoleh dengan banyak menghafaz. Kualiti yang baik daripada kebiasaan berbahasa adalah hasil dari kualiti yang baik daripada bahan yang dihafazkan

Kami telah menyebutkan sebelum ini bahawa mereka yang ingin mempelajari bahasa Arab haruslah menghafaz atau menguasai

banyak bahan. Kualiti kebiasaan yang dihasilkan itu adalah tergantung kepada kualiti, jenis, dan jumlah bahan yang dihafaz. Maka siapa yang bahan hafazannya adalah syair Hubaib, atau al-'Attabi[174] atau Ibn al-Mu'tazz, atau Ibn Hani', atau as-Syarif ar-Ridla, atau menghafaz risalah-risalah Ibn al-Muqaffa', atau Sahal bin Harun, atau Ibn al-Zayyat, atau al-Badi', atau ash-Shabi', maka keahliannya akan lebih baik dan berada pada kedudukan dan tingkatan *balaghah* yang lebih tinggi daripada orang yang menghafaz syair Ibn Sahal, salah seorang penyair dari kalangan mutaakhkhirin, atau Ibn an-Nabih, atau prosa al-Bisani atau al-Imad al-Isfahani, sebab tingkatan mereka lebih rendah daripada para pendahulu mereka. Hal ini nampak begitu jelas bagi kaum terpelajar yang kritis yang memiliki *dzauq*, 'rasa' sastera.

Kualiti pemakaian bahasa seseorang dari generasi sesudahnya adalah tergantung kepada kualiti bahan yang dipelajari atau yang dihafaz. Dengan meningkatkan bahan sastera yang dihafaz atau kuasai, keahlian yang diperoleh akan lebih meningkat, dan kekuatan suatu keahlian tumbuh dengan pemupukan. Hal ini terjadi sebagai berikut. Jiwa adalah satu kesatuan yang menunggal dengan manusia sesuai wataknya yang alami. Tapi ia berbeza-beza pada setiap manusia, tergantung pada besar kecilnya intensiti hubungannya dengan persepsi-persepsi. Perbezaan jiwa ini adalah akibat dari perbezaan persepsi, kebiasaan, dan warna-warna yang mengkeadaankannya dari luar. Keadaan ini menyebabkan eksitensinya berlangsung dan mengubahkan bentuknya, daripada kemungkinan kepada yang sebenarnya.

Kebiasaan yang diperolehi oleh jiwa hanyalah didapat secara perlahan-lahan, sebagaimana telah kita sebutkan. Kebiasaan syair timbul dengan menghafaz prosa bersajak dan surat-menyurat prosa. Kebiasaan ilmiah muncul setelah ada hubungan dengan pelbagai cabang ilmu pengetahuan dan dengan bermacam persepsi, penyelidikan dan pemikiran. Kebiasaan ahli hukum *fiqhiyyah*, lahir dengan mengadakan hubungan dengan ilmu hukum, *fiqih*, dan melalui memperbandingkan masalah-masalah dan memisahkannya kepada cabang-cabangnya, serta dengan melepaskan perkara-

---

174 Hubaib adalah Abu Tammam 788–845, penyair pada daulah Bani Abbas. Al-Attabi, penyair yang muncul di zaman Bani Abbas, setingkat dengan Abu Nuwwas, Abu al-Atahiyyah, dan Muslim, atau para penyair Bani Abbas angkatan kedua.

perkara khusus dari prinsip-prinsip umum. Keahlian mistik, *tasawuf* muncul melalui serangkaian ibadah, zikir, dan dengan cara membekukan perasaan luar dengan cara berkhalwat, dan seboleh mungkin mengasingkan diri daripada orang banyak, sehingga yang melakukannya mengembangkan kebiasaan kepada batin dan rohnya, dan dia pun menjadi seorang *rabbani*, mistik. Hal sama juga terjadi pada semua bidang keahlian yang lain. Setiap keahlian memberikan kepada jiwa suatu warna khusus yang mengkeadaankannya.

Baik dan buruknya kualiti suatu kebiasaan tertentu adalah tergantung kepada keadaan tempat kebiasaan itu muncul. Kebiasaan *balaghah* tingkat tinggi diperoleh hanya dengan menghafaz bahan bahasa tingkat tinggi. Inilah sebabnya mengapa semua ahli fikah dan sarjana tidak sempurna di dalam *balaghah*. Itu kerana ciri-ciri asli daripada bahan yang mereka pelajari dan hafaz yang disarati hukum-hukum ilmiah serta ungkapan-ungkapan hukum yang keluar daripada kaedah *balaghah* dan yang rendah tingkatannya. Ungkapan-ungkapan yang dikenakan pada hukum dan sebagai ilmu itu sama sekali tidak diambil bahagian di dalam *balaghah*. Apabila bahan penghafaz pada kesempatan pertama menguasai fikiran dan mewarnai jiwa sekadarnya saja, keahlian yang diperoleh pun sangat terbatas dan ungkapan-ungkapan yang berhubung dengannya menyimpang dari kaedah pembicaraan bahasa Arab. Demikianlah kita mendapatkan syair dari para ahli fikah, ahli nahu, ulama-ulama kalam, para falsafah dan orang lain yang tidak menguasai bahan pengfahaz mengenai pembicaraan bahasa Arab yang murni.

Sahabat kita yang mulia Abu al-Qasim bin Ridlwan, Setiausaha daulat Bani Marin, bercerita kepada saya. Katanya:

> "Suatu hari saya berbincang dengan sahabat kita Abu al-Abbas bin Syu'air, Setiausaha, Sultan Abu al-Hasan dan orang yang paling kritis terhadap bahasa pada zamannya. Saya dendangkan kepadanya permulaan qasidah Ibn an-Nahwi tanpa menyebutkan nama (Ibn an-Nahwi, pengarangnya). Qasidah itu berbunyi demikian:
> Aku tak tahu, sewaktu berdiri di tanah tinggi
> apa beza antara yang baru dan yang usang.

Langsung ketika itu pula (Abu al-Abbas) menebak:

"Ini syair seorang ahli fikah
Dari mana anda tahu itu?
Saya bertanya kepadanya. Dan inilah jawabnya:
"Dari kata *apa beza (ma-l-farq)*itu. Sebab kata tersebut merupakan salah satu ungkapan yang digunakan para ahli fikah, dan bukan berasal dari kaedah pembicaraan bahasa Arab."
Lalu saya katakan padanya:
'Demi Tuhan! Tepat sekali, penyairnya adalah Ibn Nahwi.'

Adapun para setiausaha dan penyair tidaklah demikian. Sebab dengan hati-hati mereka memilih bahan hafazannya dan mereka banyak melakukan pembicaraan bahasa Arab. Mereka juga menguasai kaedah-kaedah penciptaan prosa, dan mereka mampu menyerap pembicaraan yang baik.

Pada suatu hari saya melakukan perbincangan dengan Abu Abdillah bin al-Khathib, wazir daripada raja-raja Bani Ahmar di Andalusia. Beliau juga tokoh terkemuka di dalam syair dan kesetiausahaan. Saya katakan padanya:

'Saya menemukan kesukaran untuk mengarang syair. Pada hal saya memahami syari dan mengetahui bahan bahasa yang baik di dalam al-Quran dan hadis, serta berbagai-bagai macam cabang pembicaraan bahasa Arab lainnya, walau yang saya hafaz tidaklah terlalu banyak. Wallahu a'lam, itu boleh jadi kerana saya dipengaruhi oleh pengetahuan saya tentang syair-syair ilmiah dan kaedah-kaedah mengarang karya sastera. Saya telah menghafaz qasidah karya asy-Syathibi, baik yang besar mahupun yang kecil di dalam (ilmu) *qiraat*. Saya sering mempelajari dua buku Ibn al-Hajib tentang fikah. dan *ushul*, buku al-Konji tentang logik, sebahagian isi buku at-Tashil, dan banyak mempelajari kaedah-kaedah pengajaran di majlis-majlis pertemuan. Itulah semua yang menguasai penghafazan saya dan merosak kebiasaan yang saya peroleh dengan menekuni bahan-bahan yang baik dari al-Quran, hadis, dan dokumen pembicaraan bahasa Arab. Hal itu menghalangi pengembangan bakat saya.'

Beberapa lamanya Ibn al-Khathib memandang saya dengan kehairanan. Seraya berkata penuh kagum:

'Anda! Demi Tuhan. Adakah orang lain yang menyatakan hal seperti ini selain kamu?

Dari fasal ini dan daripada keterangan-keterangan yang terkandung dalamnya tampak pada kita suatu rahsia yang lain, yang menerangkan mengapa syair dan prosa orang Arab Muslim berada pada tingkatan *balaghah* dan rasa sastera yang lebih tinggi daripada milik orang Arab *jahiliah*. Dapat disimpulkan bahawa syair karya Hasan bin Tasbit, Umar bin Abi Rabi'ah, al-Hathiah, Jarir, al-Farazdaq, Nushaib, Ghayalan Dzir-Rumah, al-Ahwash dan Bisyar, serta pembicaraan orang-orang Arab terdahulu pada masa daulat Bani Umaiyah dan permulaan daulat Abbasiyah, baik dalam pidato, karya prosa mereka, serta percakapan mereka dengan raja-raja, berada pada tingkatan *balaghah* yang lebih tinggi. Ini bila dibandingkan dengan syair karya an-Nabighah, Antarah, Ibn Kultsum, Zuhair, Alaqamah bin 'Abadah, dan Tharafah bin al-'Abd, dan daripada prosa serta percakapan orang Arab jahiliah. Fikiran yang sihat dan cita rasa yang benar akan menegaskan kebenaran observasi ini kepada kritik yang mahir dalam *balaghah*.

Sebabnya adalah kerana para pengarang yang hidup dalam zaman Islam ini mempelajari bentuk-bentuk pembicaraan dalam al-Quran dan hadis yang paling tinggi yang tidak mampu ditandingi siapa pun. Semua itu masuk ke dalam hati mereka. Jiwa mereka terdidik dengan cara-cara ini, Akibatnya, watak mereka terbentuk dan berkembang, dan kebiasaan mereka dalam hal *balaghah* meningkat lebih tinggi daripada keahlian-keahlian yang diperoleh para pendahulu mereka dari kalangan jahiliah. Pendahulunya itu tidak pernah mempelajari bentuk pembicaraan yang tinggi, dan tidak pernah dibesarkan di dalamnya. Kerananya, tenunan prosa dan syair mereka lebih baik dan kecemerlangannya lebih murni daripada para pendahulu mereka. Karya mereka lebih kukuh binaannya dan lebih mantap penciptaannya, kerana para pengarangnya telah mempelajari bahasa tingkat tinggi dari al-Quran dan hadis.

Suatu hari saya bertanya kepada syekh Syarif Abu al-Qasim ketua hakim Granada, tentang mengapa orang-orang Arab Islam berada pada tingkatan *balaghah* yang lebih tinggi daripada orang-orang Arab jahiliah. Abu al-Qasim adalah orang terkemuka dalam syair, dan dia mempelajarinya di Ceuta pada syekh-syekh tertentu dari kalangan murid asy-Syalubin. Dia juga melakukan kajian mendalam tentang filologi dan memperoleh pengetahuan yang lebih sempurna tentang itu. Maka dia dengan *dzauq*nya dapat

dipastikan akan dapat menjawab pernyataan tersebut. Dia bungkam beberapa lama, lantas mengatakan padaku:

> 'Demi Allah saya tidak tahu'.

Lantas saya katakan padanya:

> 'Saya akan mengemukakan kepada kamu pendapat yang berhubungan dengan masalah ini, yang muncul dalam benak saya, yang mungkin boleh menjelaskannya.'

Dan saya pun mengemukakan apa yang telah saya tulis di sini kepadanya. Dia diam kehairanan, lalu kemudiannya berkata:

> 'Ya *fakih*, doktor, ini adalah suatu perkataan yang patut ditulis dengan huruf-huruf emas.'

Sesudah itu, dia selalu memperlakukan saya dengan rasa hormat. Dia dengar apa-apa yang saya terangkan di dalam kelas dan menyatakan unggulnya mutu kesarjanaan saya.

> Allah menciptakan manusia dan mengajarkan keterangan, *bayan*.

59 Suatu penjelasan tentang makna secara semula jadi dan ucapan yang dirancangkan, bagaimana ucapan dirancang itu sama ada bagus atau kurang bertenaga

Suatu yang harus diketahui bahawa rahsia dan semangat pengucapan – iaitu pernyataan dan pidato – adalah terletak pada penyampaian pemikiran-pemikiran. Sekiranya tidak ada usaha dibuat untuk menyampaikan idea-idea ucapan itu bagaikan 'tanah yang gersang' yang tidak mendatang apa-apa manfaat.

Cara yang paling sempurna untuk menyampaikan idea-idea adalah melalui *balaghah* atau kepetahan. Hal ini ditunjukkan oleh pengkritik sastera sebagai *ahl l-bayan* atau kepetahan mereka menyatakan bahawa *balaghah* atau kefasihan itu adalah kesesuaian pembicaraan terhadap keperluan-keperluan tuntutan keadaan. Pengetahuan tentang syarat-syarat dan hukum yang menuntut kesesuaian kata-kata yang digabungkan dengan keperluan-keperluan keadaan adalah disiplin *ilmu balaghah* (retorika). Keadaan-

keadaan dan hukum-hukumnya itu disimpulkan daripada bahasa Arab dan menjadi seakan-akan suatu peraturan. Cara yang digunakan untuk menggabungkan susunan kata-kata menandai wujudnya hubungan di antara dua bahagian yang saling bergantung (*musnad*) bahagian suatu upacan. Itu terjadi dengan dukungan keadaan-keadaan dan hukum-hukum yang menjadi bahagian utama peraturan-peraturan bahasa Arab ...

[*Hal-hal yang berhubungan dengan susunan kata-kata ini, seperti mendahulukan suatu kata yang mengenyampingkan kata yang lain, membuat sebuah kata benda yang dikenal *arafah*, dan yang tidak dikenal, *nakirah*. Atau, membuat suatu kata benda menjadi kata-ganti nama, *dhamir*, dan menjadikannya kata benda yang langsung, *idlhar*, atau membuatnya terikat atau tidak terikat (pada kata yang lain). Semua ini menunjuk pada soal dan idea-idea yang meliputi hubungan kata, *isnad*, dari luar letak kalimat, serta meliput kedua pembicara dengan syarat-syarat dan hukum-hukum – iaitu kaedah-kaedah suatu disiplin ilmu yang disebut ilmu *ma'ani*, yang salah satu di antaranya disiplin ilmu *balaghah*. Dengan demikian, kaedah-kaedah bahasa Arab termasuk pada kaedah ilmu *ma'ani*, sebab indikasinya terhadap *isnad* merupakan bahagian daripada indikasinya pada hal-hal yang meliputi *isnad*. Yang membatasi susunan kata-kata ini dalam mengindikasikan tuntutan situasi adalah rosaknya kaedah-kaedah *i'rab* atau kaedah-kaedah (ilmu) *ma'ani*, sehingga keterbatasan itu merupakan suatu ketidaksempurnaan kesesuaian kerana tuntutan-tuntutan keadaan. Dengan demikian, itu termasuk tidak terdapat usaha yang sempurna dalam menyampaikan idea-idea, yang menjadi kategori apa yang disebut 'tanah yang gersang'.]

Setelah tuntutan suatu keadaan situasi telah dinyatakan, muncul pula pelbagai-bagai cara di mana fikiran digerakkan di antara idea-idea dengan bantuan pelbagai makna perkataan. Menurut pengertian yang lazim suatu susunan perkataan menyatakan suatu idea yang khusus, tetapi kemudian fikiran bergerak kepada apa yang menjadi akibat atau sebagai akibatnya, idea itu kepada sesuatu yang seakan-akan dengannya, dan dengan demikian, menyatakan secara tidak langsungnya sebagai kiasan atau metonomi, *majaz* atau *kinayah*. Pergerakan berkeliling ini menyebabkan keselesaan yang diakibatkan daripada pernyataan suatu tuntutan (keadaan). Semuanya bermakna pencapaian suatu kesimpulan daripada penghujahan untuk membuktikannya dan

mencapainya, sebagaimana seseorang mengetahuinya merupakan salah satu daripada perkara-perkara yang menimbulkan keselesaan.

Pelbagai cara gerak (fikiran) dalam cara ini juga memiliki syarat-syarat dan hukum-hukumnya seperti juga peraturan-peraturan. Ia dijadikan suatu keahlian (khusus), dan disebut ilmu gaya bahasa, *bayan*. Ilmu ini adalah saudara kepada ilmu *ma'ani* ilmu yang mengungkapkan idea-idea yang menunjukkan keperluan-keperluan daripada suatu keadaan tertentu. Ilmu gaya bahasa mempunyai rujukan pada idea dan makna suatu gabungan kata-kata. Peraturan-peraturan tentang ilmu yang mengungkapkan idea mempunyai rujukan keadaan sebenar pada yang berlaku yang digunakan pada gabungan kata-kata selagi ia mempengaruhi pada pengertian. Kata dan idea saling bergantung antara satu dengan yang lain dan berdiri siri bersisi, sebagaimana seseorang mengetahuinya. Maka, ilmu yang mengungkapkan idea, *ilm l-ma'ani*, dan ilmu gaya bahasa, *ilm l-bayan*, merupakan bahagian daripada *balaghah* atau retorika kedua-duanya menghasilkan suatu peringatan yang sesuai dan selari terhadap keperluan-keperluan keadaan. Akibatnya, gabungan kata-kata yang tidak mencukupi pernyataan terhadap kesesuaian dan keselarasan adalah rendah dalam *balaghah*. Gabungan kata-kata tersebut adalah dihubungkait dengan bunyi yang dibuat oleh binatang yang bisu. Andaian yang dipilih ialah ianya bukan berbahasa Arab, sebab bahasa Arab itu merupakan suatu bentuk pembicaraan di mana pernyataannya adalah bersesuaian dengan keperluan-keperluan keadaan. Maka *balaghah* kefasihan adalah dasar asas, kecerdikan, semangat dan semula jadi pembicaraan Arab.

Suatu yang selanjutnya harus diketahui ialah apabila para filologi membicarakan yang semula jadi, ini bermakna pembicaraan yang menyalurkan pengertian yang dimaksudkan dan dengan itu adalah sempurna di dalam semula jadinya dan cerdik sekadar bercakap bukanlah apa yang dimaksudkan dengan pembicaraan semula jadi sebagai suatu macam meluahkan dan ucapan *khithab*. Pembicara yang menggunakan pembicaraan yang semula jadi ingin menyampaikan apa yang tersimpan di dalam benaknya kepada pendengarnya dalam cara yang sempurna dan dengan cara yang amat pasti.

Maka, setelah pernyataan yang sempurna daripada tuntutan-tuntutan keadaan telah diperolehi gabungan kata-kata, sekiranya

diungkapkan menurut kecerdikan itu yang merupakan asas pembicaraan bahasa Arab memiliki pelbagai jenis hiasan artistik. Dalam satu cara, mereka memberinya suatu pembicaraan yang betul. Hiasan artistik jenis ini termasuk penggunaan solekan prosa bersajak, penggunaan ungkapan-ungkapan dari struktur yang serupa pada akhir bahagian yang berturut-turut, kiasan terhadap idea yang tidak jelas dengan suatu yang sebunyi, dan berlawanan supaya di sana terdapat perhubungan yang rapat antara perkataan-perkataan dan idea-idea yang digunakan. Hal ini menimbulkan keindahan pada pembicaraan dan keindahan pada telinga, dan kemanisan dan kecantikan, kesemuanya sebagai tambahan untuk menyatakan pengertiannya ...

Keahlian ini terdapat dalam pembicaraan yang berkias di pelbagai tempat, seperti misalnya:

> "Demi malam bila menutupi cahaya. Demi siang bila muncul penuh kemenangan",[175] Dan seperti:
> Maka siapa yang suka memberi dan bertakwa kepada Tuhan, serta membenarkan adanya pahala yang terbaik ..."
> Dan seterusnya hingga akhir paragraf pada ayat tersebut.[176]
> Dan juga:
> "Maka barang siapa congkak dan melampaui batas, dan mengutamakan hidup di dunia ..."
> Dan seterusnya hingga akhir ayat,[177] dan seperti juga:
> "Dan mereka mengira bahawa mereka berbuat yang baik"[178]

Dan banyak lagi contoh-contoh lain semacamnya. Hal itu tercipta setelah sempurnanya penyataan pada dasar susunan kata-kata ini, sebelum terjadinya bentuk-bentuk retorik di dalamnya.

Demikianlah hal tersebut terjadi pada pembicaraan orang Arab jahiliah, namun terjadi mendadak tanpa maksud dan tidak disengaja. Dikatakan bahawa itu terdapat pada syair Zuhair. Adapun pada orang Arab Muslim, hal itu terjadi dengan men-

---

175 Al-Quran surah 92 (Al-Lail) ayat 1–2.

176 Al-Quran surah 92 (Al-Lail) ayat 5–10: " ... Kami sungguh memudahkan baginya jalan menuju bahagia. Tapi siapa yang bakhil, dan puas dengan dirinya sendiri, serta mendustakan adanya pahala yang terbaik, Kami akan mudahkan baginya jalan kepada kelangan".

177 Al-Quran surah 79 (an-Nazi'at) ayat 37–41.

178 Al-Quran surah ....

dadak dan dengan maksud, dan mereka telah mendatangkan ketakjuban-ketakjuban. Orang pertama yang kukuh pada jalannya adalah Hubaib bin Aus, al-Buhturi, dan Musli bin al-Walid. Mereka amat gemar pada retorik yang kurang jelas dan daripadanya mereka melahirkan karya yang menakjubkan. Dikatakan bahawa orang pertama yang memberikan perhatian kepadanya adalah Basysyar bin Burad dan Ibn Haramah. Keduanya adalah orang terakhir yang dengan syairnya *menjadi saksi* kehebatan bahasa Arab. Selanjutnya, setelah mereka adalah Kultsum bin Amru, al-Attabi, Mansur an-Namiri, Muslim bin al-Walid, dan Abu Nuwwas. Muncul mengikuti langkah-langkah mereka, Hubaib dan al-Buhturi. Kemudian muncul ibn al-Mu'tazz, dan dia pun mengakhiri disiplin ilmu retorik gambaran-gambaran yang kurang jelas dan *balaghah* secara keseluruhan.

Marilah kita sebutkan suatu contoh pembicaraan ciptaan yang lepas daripada *balaghah*. Misalnya syair Qays bin Dzuraih:

Aku keluar di antara rumah-rumah
barangkali aku dapatkan jiwamu bebas rahsia

Dan syair Kutstsir:

Aku. Kegilaanku pada kemuliaan,
Setelah lepas dari ikatan antara kita
bagai pengharap
setiap turun dari awan bagi pemberi harap
awan meredup.

Perhatikan pembicaraan ciptaan yang lepas daripada *balaghah*, kerana *kekukuhan* komposisinya dan keindahan susunannya. Jiwa *balaghah* dimunculkan ke dalam susunan yang masih murni, pasti akan bertambah indah.

Adapun pembicaraan ciptaan, banyak terdapat pada karya Basysyar, lalu Hubaib dan seangkatan mereka, kemudian Ibn al-Mu'tazz penutup *balaghah*. Setelah mereka, para penyair belakangan mengikuti jejak mereka.]

Orang-orang yang mengembangkan gambaran-gambaran yang kurang jelas membezakan banyak subahagian dan menggunakan pelbagai peristilahan, untuk gambaran-gambaran retorik. Ramai di antara mereka yang menganggapnya sebagai bahagian *balaghah, retorik*, meskipun bentuk-bentuk itu adalah tidak ada

hubungannya dengan pernyataan erti pembicaraan, tetapi memberi hiasan dan kecemerlangan. Para ahli disiplin ilmu retorik awal menganggapnya bukan bahagian daripada *balaghah*. Dengan demikian, mereka menyebutnya sebagai sebahagian disiplin ilmu kesusasteraan yang tidak memiliki pokok persoalan (khusus yang ditakrifkan) dan itu pendapat Ibn Rasyid di dalam kitabnya *al-Umdah*, dan juga pendapat para sasterawan Andalusia. Di dalam penggunaan figur-figur retorik, mereka menyebutkan beberapa syarat. Di antaranya, hendaknya figur-figur retorik mengungkapkan erti yang dimaksud dengan cara yang tidak dibuat-buat dan tanpa dipelajari.

Perlakuan secara spontan dari figur-figur retotrik tidak lagi perlu diulasi, sebab dalam keadaan semacam itu figur-figur retorik kepada dari paksaan, dan pembicaraan yang terjadi dengan serta-merta tidak dapat dikritik sebagai cacat secara linguistik. Penggunaan yang dipaksakan dan dipelajari pada figur-figur retorik menyebabkan pengabaian terhadap susunan kata dasar, sehingga merosak seluruh dasar untuk pernyataan erti pembicaraan. Di samping itu, sekaligus ia melenyapkan *balaghah* dan hanya meninggalkan faktor-faktor keindahan saja pada pembicaraan. Situasi ini begitu menguasai orang-orang sekarang. Akan tetapi orang-orang yang memiliki cita rasa *balaghah* menganggap tercela kegila-gilaan mereka terhadap pelbagai figur retorik, dan beranggapan pula bahawa kecenderungan itu sebagai ketidakmampuan melakukan yang lebih baik. Saya mendengar syekh kita ustaz Abu al-Barkat al-Ballafiqi – kritikus bahasa dan yang cita rasanya penuh bakat – menyatakan:

> "Yang paling menyenangkan jiwaku, ketika pada suatu hari aku menyaksikan orang yang berdisiplin figur retorik dalam *nadzoman-nadzoman* dan prosa-prosanya diseksa dan disingkirkan."

Dia selalu mengingatkan hal ini kepada murid-muridnya supaya mereka mendalami keahlian figur-figur retorik dan melupakan *balaghah*.

Syarat lain yang mempengaruhi penggunaan figur-figur retorik adalah bahawa ianya harus digunakan secara hemat dan tidak lebih dari dua atau tiga bait dalam suatu syair. Ini sudah cukup memperindah dan membuatnya cemerlang; mempergunakan

banyak figur retorik akan menimbulkan aib. Pendapat ini dikemukakan oleh Ibn Rasyiq dan penyair yang lain.

Syekh kita Abu al-Qasim asy-Syarif as-Sabti, orang terkemuka dalam pengembangan bahasa Arab pada zamannya, menyatakan:

> "Memakai pelbagai figur retorik boleh terjadi pada seorang penyair atau setiausaha, tetapi buruk bila dia menggunakannya dalam jumlah banyak. Ia bagaikan tahi lalat di wajah. Satu atau dua membuat wajah cantik, tapi membuatnya buruk bila terlalu banyak."

Prosa Pra-Islam, *jahiliah*, dan pada permulaan Islam mengikuti garis-garis yang sama seperti syair. Pada mulanya ia berkembang secara prosa *mursal* menitikberatkan hanya ciptaan dengan perimbangan di antara bahagian-bahagian yang paling besar yakni pembicaraan dan gabungan perkataan-perkataannya, untuk menyatakan bahawa hal itu diseimbangkan dengan cara *cola* lalu dibahagi-bahagikan tanpa terikat kepada ritma atau berkenaan dengan teknik mengikhtiarkan. Sehingga Ibrahim bin Hilal as-Shabi, setiausaha Bani Buwaihi yang cerdik, mendalami keahlian figur-figur retorik, dan daripadanya muncul karya-karya yang menakjubkan. Sejumlah orang menghinanya, kerana dia memakainya dalam pidato-pidato kenegaraan. Dia tertarik melakukan itu kerana raja-raja pada masa itu adalah terdiri daripada orang-orang bukan Arab dan jauh dari pusat pemerintahan khalifah. Setelah itu prosa para penulis belakangan menjadi lebih tersusun lagi. Orang sudah lupa masa ketika prosa *mursal* dibuat. Surat-menyurat pemerintahan menjadi seakan-akan surah-menyurat peribadinya, dan bahasa Arab muncul seakan-akan bahasa yang umum. Baik dan buruk menjadi bercampur-baur satu sama lainnya.

Kesemua pernyataan ini menunjukkan bahawa pembicaraan yang diikhtiarkan dipelajari atau dipaksakan adalah bermutu rendah daripada pembicaraan secara semula jadi, sebab ia tidak menitikberatkan kepada apa yang menjadi dasar *balaghah*. Hakimnya di dalam masalah-masalah ini ialah 'rasa' *dzauq*.

> Allah menciptakan kalian, dan mengajarkan kalian apa-apa yang tidak kalian ketahui.

60 Orang-orang yang bermartabat adalah lebih daripada mengembangkan persyairan

Syair adalah arkib, *diwan* orang-orang Arab, yang berisi ilmu, sejarah, dan kebijaksanaan mereka. Para pemuka Arab sering bersaing dalam usaha ini. Mereka berhenti di pasar Ukadz untuk membacakan syair. Masing-masing akan memperdengarkan karyanya berisi kritikan terhadap orang-orang yang terkenal dan pandai. Akhirnya, syair-syair Arab bersaing untuk digantungkan pada pojok-pojok al-Bait al-Haram, tempat mereka melakukan ibadah haji dan Kaabah, sebagaimana dilakukan oleh Amru al-Qays bin Hujr dan an-Nabighah adz-Dzibyani, Zuhair bin Abi Sulma, Antarah bin Syaddad, Tharafah bin al-Abd, Alaqamah bin Abadah, al-A'sya, dan lain-lain daripada kelompok *mu'allaqat* yang tujuh. Hanya orang yang berpengaruh di kalangan rakyat, dan yang berkedudukan yang baik, yang berupaya menggantungkan syairnya di pojok-pojok Kaabah. Salah satu alasan disebutnya dengan *mu'allaqat*.

Kemudian, pada permulaan Islam, orang-orang Arab berhenti melakukan kebiasaan itu. Mereka sibuk persoalan-persoalan Islam, dengan kenabian, dan wahyu. Mereka terpesona oleh kaedah dan bentuk al-Quran. Untuk beberapa waktu mereka tidak membicarakan soal syair dan prosa. Lalu, peristiwa-peristiwa besar terus berlangsung, dan petunjuk muncul sebagai sesuatu hal yang akrab bagi umat Islam. Tidak ada wahyu yang menyatakan bahawa syair diharamkan atau dilarang. Nabi Muhammad s.a.w. mendengar syair dan menghargai penyairnya. Dalam keadaan demikian, orang-orang Arab kembali kepada kebiasaan dalam kegiatan syair bersyair. Umar bin Abi Rabi'ah, pembesar Quraisy pada masa itu, yang berkedudukan yang tinggi, juga memiliki tingkatan yang tinggi di dalam bidang syair. Banyak syairnya yang dibacakan pada Ibn Abbas, yang mendengarkannya dengan penuh takjub.

Lalu di sana muncul kedaulatan yang kian besar dan dinasti yang makin hebat. Orang-orang Arab mendekati para khalifah dengan syair-syair pujian mereka, dan para khalifah mengupah mereka sesuai dengan kualiti syair dan kedudukan mereka di tengah rakyat. Para penyair begitu berkeinginan mempersembahkan syair-syair mereka. Dari mereka para khalifah mempelajari cerita-cerita yang menakjubkan, sejarah, leksikografi, dan pembi-

caran yang mulia. Orang-orang Arab menyuruh anak-anak mereka menghafazkan syair-syair. Situasi ini terus berlangsung selama masa Bani Umaiyah dan pada permulaan masa daulah Bani Abbas. Perhatikanlah apa yang dinukilkan oleh pengarang *al-Iqd* tentang kajian ar-Rasyid tentang al-Ashmu'i dalam hal syair dan para penyair, dan anda akan menyimpulkan bahawa ar-Rasyid memiliki pengetahuan yang baik tentang masalah itu. Dia memberikan perhatian kepada pertubuhan syair. Dan dia mampu membezakan pembicaraan yang baik dengan pembicaraan yang buruk, di samping terkenal kemampuannya menghafaz syair.

Setelah mereka, muncul orang-orang yang bahasanya bukan bahasa Arab, kerana mereka memiliki latar belakang bukan Arab dan pengetahuan yang tidak sempurna mengenai bahasa Arab, yang mereka cuba mempelajarinya sebagai suatu keahlian. Para penyair tidak lagi menulis syair-syair pujian untuk amir-amir bukan Arab, dan bila mereka melakukan itu hanyalah untuk mendapatkan kebaikan hati mereka, tanpa alasan lain lagi. Sebagaimana dilakukan oleh Hubaib, al-Buhturi, al-Mutanabbi, Ibn Hani, dan seterusnya para penyair sesudah mereka. Maka tujuan yang dominan daripada mencipta syair seringkali hanyalah kebohongan, sebab manfaat khusus yang dihasilkan orang-orang Arab terdahulu, sebagaimana telah kami sebutkan, telah lenyap. Inilah sebabnya mengapa orang-orang yang penuh cita-cita dan berpangkat di kalangan kaum Muslimin kemudian menghina syair. Dan situasi pun berubah. Memberikan perhatian terhadap syair dianggap suatu cacat dan hina bagi para pemuka dan berkedudukan tinggi.

Allah pengubah malam dan siang.

61 Syair orang Arab semasa, Badwi dan Bandar

Ketahuilah bahawa syair itu tidak terbatas secara eksklusif dalam bahasa Arab. Ia terdapat dalam setiap bahasa, baik Arab mahupun bukan Arab. Penyair-penyair terdapat di kalangan bangsa Persia dan orang Yunani. Penyair Yunani, Homer, disebut dan dipuji oleh Aristotles di dalam *Logic*. Suku Himyar juga memiliki penyair-penyairnya pada masa-masa yang lampau.

Selanjutnya bahasa lisan Mudhar dan bahasa tulisan telah merosakkan bahasa Arab. Ukuran-ukuran dan peraturan-peratur-

an ditulis orang melalui buku. Pelbagai dialek-dialek kemudiannya telah berbeza menurut besar atau kecilnya hubungan dengan orang-orang bukan Arab dan besar atau kecilnya percampurannya dengan elemen-elemen bukan Arab. Sebagai akibatnya, orang-orang Arab Badwi sendiri berbicara dengan suatu bahasa yang sama sekali berbeza dengan bahasa nenek-moyang mereka dilihat hubungan dengan *i'rab*, dan berbeza dalam banyak halnya dalam hubungan dengan pengertian konvensyional dan bentuk kata. Di kalangan penduduk kota, lahir puak bahasa lain, yang berbeza dengan bahasa Arab klasik dalam hal *i'rab*nya, dan dengan sebahagian besar erti dan infleksi-infleksi kemahuannya. Ia berbeza juga daripada bahasa orang Badwi hari ini. Sekali lagi, ia berbeza dalam istilah-istilah di antara penduduk-penduduk di berbagai daerah. Maka, penduduk kota Timur pun berbicara dengan suatu dialek yang berbeza dalam dialek orang-orang Maghribi. Dan bahasa orang-orang kota di Andalusia berlainan dengan dialek Timur mahupun dialek Maghribi.

Kemudian, secara semula jadinya syair kedapatan di kalangan para pembicara dari setiap bahasa, kerana matra-matra suatu susunan yang harmonis berselang-seli dengan konsonan yang tetap, tanpa dan huruf saksi, merupakan terdapat dalam semula jadinya di seluruh umat manusia. Dengan demikian syair tidak akan pernah lenyap sebagai akibat lenyapnya sesuatu bahasa – dalam hal ini, bahasa orang-orang Arab Mudhar yang masih asli, yang sebagaimana diketahui, merupakan ahli-ahli syair yang terkemuka. Malah, setiap generasi dan kumpulan dialek Arab Badwi yang mendapat pengaruh bukan Arab, atau dialek penduduk kota, berusaha untuk menumbuhkan syair dan menata strukturnya dengan meniru pembicaraan mereka.

Orang-orang Badwi semasa yang membiarkan bahasa nenek-moyang mereka dipengaruhi oleh bahasa bukan Arab, mencipta syair berdasarkan matra-matra yang diciptakan oleh orang-orang Arab terdahulu. Mereka membuat syair-syair panjang berdasar matra-matra itu. Syair-syair mereka menampilkan semua cara dan tujuan syair, yang erotis, yang bersifat pujian, yang alegi, dan yang penuh sindiran. Mereka membiarkan diri keluar daripada satu disiplin ke disiplin syair yang lain. Mungkin, pada awal pembicaraan mereka menyerang makna yang dimaksud. Kebanyakan, pada awal qasidah-qasidah, mereka memulainya dengan nama sang penyair, lalu meneruskan menisbahkan pembuatan syair. Orang-

orang Arab yang tinggal di kota-kota Maghribi menyebut qasidah seperti ini dengan *ashmu'iyyat*, dinisbahkan kepada al-Ashmu'i, perawi syair-syair Arab. Sedangkan orang-orang Arab di Timur menyebut qasidah semacam itu dengan *Badwi*. Mungkin mereka membuat beberapa kesalahan bahasa di dalamnya, secara sederhana, menyimpang dari kaedah penggubahan muzikal, lalu mereka mendendangkannya. Mendendangkan syair itu mereka sebut *hurani*, dinisbahkan kepada Huran, satu daerah di pinggiran Iraq dan Syiria, kampung halaman orang-orang Arab badwiah hingga saat ini.

Mereka memiliki bentuk syair yang lain yang secara luas dipergunakan di kalangan mereka. Mereka mempergunakan empat baris, yang baris yang keempat memiliki suatu ritma yang berbeza dari ketiga baris yang pertama. Lalu, ritma yang keempat diteruskan pada setiap stanza melalui keseluruhan syair, sama dengan kuatrain-kuatrain dan stanza-stanza dari lima baris yang diciptakan para penyair kemudian yang berasal-usul campuran Arab dan bukan Arab. Orang-orang Arab ini menampilkan *balaghah* menakjubkan dalam hal menggunakan jenis syair ini. Di kalangan mereka terdapat penyair terkemuka dan yang kurang terkemuka.

Banyak sarjana, khususnya para filologis, yang tidak menyetujui jenis syair ini, dan mereka menolak menyebutnya syair. Mereka percaya bahawa 'rasa sasteranya' *dzauq*nya hilang, kerana secara linguistik syair-syair mereka tidak benar dan *i'rab* lenyap daripadanya. Namun demikian, itu hanya akibat daripada tiadanya keahlian mempergunakan *i'rab* di dalam dialek orang Arab. Apabila para filologis ini memiliki keahlian bahasa yang sama *dzauq*, dan rasa alami akan membuktikan kepada mereka bahawa syair-syair itu fasih, *baligh*, membuktikan bahawa watak-watak alami mereka sendiri dan titik pandangan mereka tidaklah berubah. *I'rab* tidak berlaku apa-apa dengan *balaghah*. *Balaghah* adalah kesesuaian pembicaraan dengan apa ingin disampaikan seorang dan dengan tuntutan dari suatu situasi tertentu, tanpa memperhatikan apakah *rafa'* akhiran *-u* menunjukkan subjek, ataukah *nashb* akhiran *-a* menunjukkan objek, atau sebaliknya. Hal-hal ini ditunjukkan oleh susunan sintaksis sebagaimana yang digunakan di dalam dialek tertentu oleh orang-orang Arab. Pengertian yang didasarkan kepada kebiasaan-kebiasaan teknikal dari orang-orang yang memiliki suatu keahlian bahasa khusus.

Ketika istilah tehnikal sebagaimana dipergunakan pada suatu keahlian bahasa tertentu secara umum telah dikenal, erti *dalalah* dapat dimengertikan benar. Dan apabila erti yang dimaksud sesuai dengan apa-apa ingin seseorang sampaikan dan dengan tuntutan-tuntutan keadaan, kita telah memiliki *balaghah* yang benar. Peraturan-peraturan yang dibuat oleh para ahli tatabahasa tidak ada kena mengena dengannya.

Syair-syair orang Arab menampakkan seluruh kaedah dan bentuk syair yang benar. Apa yang kurang sempurna ialah *i'rab*nya di akhir pembicaraan mereka. Kebanyakan susunan kalimat yang mereka buat lemah pada bahagian akhirnya. Bagi mereka, antara subjek dan objek, subjek dan predikat, diperbezakan oleh susunan sintaksis dan bukan oleh *harakat i'rab.*[179]

ULASAN PENUTUP

KAMI telah jauh menyimpang daripada maksudnya. Adalah hasrat kami untuk berhenti setakat Buku yang Pertama, yakni menitikberatkan sifat semula jadi peradaban dan peristiwa-peristiwa yang terjadi bersama-samanya. Kami telah memaparkan sebagaimana yang kami fikirkan, cukup dengan masalah-permasalah yang berhubungan dengannya. Mungkin sarjana lain yang datang kemudian, yang dibantu oleh anugerah Allah s.w.t. berupa fikiran yang bernas dan kesarjanaan yang tulen akan dapat menembusi persoalan-persoalan ini secara jauh lebih mendalam daripada apa yang telah kami dapat lakukan di sini. Seseorang yang mencipta suatu disiplin ilmu yang baru tidak mempunyai tugas untuk memperkatakan segala persoalan yang berhubungan dengannya secara panjang lebarnya. Tugasnya adalah melakukan spesifikasi perkara daripada disiplin ilmu itu dan pelbagai cabangnya dan diskusi-diskusi yang ada hubungan dengannya. Lalu, para pelanjutnya dapat secara bertahap-tahap akan menambahkan permasalah-permasalahan itu, sehingga disiplin ilmu tersebut dapat disuguhkan dengan sempurna.

Pengarang buku ini semoga Allah mengampuninya – menyatakan: Saya menyelesaikan komposisi dan draf dari fasal

179 Fasal ini dilanjutkan ibn Khaldun dengan mengemukakan syair-syair Maghribi. Melihat bahasanya yang rumit dan tak mudah untuk dinikmati sengaja penterjemah melepasnya daripada edisi ini.]

yang pertamanya, sebelum mengulangkaji dan membetulkannya, dalam waktu lima bulan berakhir pada pertengahan tahun 779 (November 1377) selanjutnya, saya mengulangkaji dan membetul kan buku ini, dan saya tambahkan kepadanya sejarah pelbagai bangsa, sebagaimana telah saya sebutkan dan saya niatkan untuk melakukannya pada permulaan karya itu.

> Ilmu pengetahuan hanya datang daripada Allah s.w.t. yang Berkuasa, yang Maha Bijaksana.

* Terjemahan berpandukan teks edisi bahasa Inggeris. Suntingan didasarkan pada teks edisi bahasa Indonesia iaitu terjemahan daripada edisi Arab/Inggeris.
[*] Teks 'gugur' edisi bahasa Indonesia/Inggeris dikekalkan – Editor.

INDEKS

Barat, 266, 302, 419, 568, 571, 811, 817, 824